JUZU' KE-17

SURAH AL-HAJ

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَٰنِ الرَّحِيمِ

SAMBUNGAN SURAH AL-HAJ

(Kumpulan ayat-ayat 42 - 57)

وَإِن يُكَذِّبُوكَ فَقَدْ كَذَّبَتْ قَبْلَهُمْ قَوْمُ نُوحٍ
وَعَادٌ وَثَمُودُ ﴿٤٢﴾
وَقَوْمُ إِبْرَاهِيمَ وَقَوْمُ لُوطٍ ﴿٤٣﴾
وَأَصْحَابُ مَدْيَنَ ۖ وَكُذِّبَ مُوسَىٰ ۖ فَأَمْلَيْتُ لِلْكَافِرِينَ
ثُمَّ أَخَذْتُهُمْ ۖ فَكَيْفَ كَانَ نَكِيرِ ﴿٤٤﴾
فَكَأَيِّن مِّن قَرْيَةٍ أَهْلَكْنَاهَا وَهِيَ ظَالِمَةٌ فَهِيَ
خَاوِيَةٌ عَلَىٰ عُرُوشِهَا وَبِئْرٍ مُّعَطَّلَةٍ وَقَصْرٍ مَّشِيدٍ ﴿٤٥﴾
أَفَلَمْ يَسِيرُوا فِي الْأَرْضِ فَتَكُونَ لَهُمْ قُلُوبٌ يَعْقِلُونَ
بِهَا أَوْ آذَانٌ يَسْمَعُونَ بِهَا ۖ فَإِنَّهَا لَا تَعْمَى
الْأَبْصَارُ وَلَٰكِن تَعْمَى الْقُلُوبُ الَّتِي فِي الصُّدُورِ ﴿٤٦﴾
وَيَسْتَعْجِلُونَكَ بِالْعَذَابِ وَلَن يُخْلِفَ اللَّهُ وَعْدَهُ ۚ وَإِنَّ
يَوْمًا عِندَ رَبِّكَ كَأَلْفِ سَنَةٍ مِّمَّا تَعُدُّونَ ﴿٤٧﴾
وَكَأَيِّن مِّن قَرْيَةٍ أَمْلَيْتُ لَهَا وَهِيَ ظَالِمَةٌ ثُمَّ
أَخَذْتُهَا وَإِلَيَّ الْمَصِيرُ ﴿٤٨﴾
قُلْ يَا أَيُّهَا النَّاسُ إِنَّمَا أَنَا لَكُمْ نَذِيرٌ مُّبِينٌ ﴿٤٩﴾
فَالَّذِينَ آمَنُوا وَعَمِلُوا الصَّالِحَاتِ لَهُم مَّغْفِرَةٌ
وَرِزْقٌ كَرِيمٌ ﴿٥٠﴾
وَالَّذِينَ سَعَوْا فِي آيَاتِنَا مُعَاجِزِينَ أُولَٰئِكَ
أَصْحَابُ الْجَحِيمِ ﴿٥١﴾
وَمَا أَرْسَلْنَا مِن قَبْلِكَ مِن رَّسُولٍ وَلَا نَبِيٍّ إِلَّا إِذَا
تَمَنَّىٰ أَلْقَى الشَّيْطَانُ فِي أُمْنِيَّتِهِ فَيَنسَخُ اللَّهُ مَا
يُلْقِي الشَّيْطَانُ ثُمَّ يُحْكِمُ اللَّهُ آيَاتِهِ ۗ وَاللَّهُ عَلِيمٌ
حَكِيمٌ ﴿٥٢﴾
لِّيَجْعَلَ مَا يُلْقِي الشَّيْطَانُ فِتْنَةً لِّلَّذِينَ فِي قُلُوبِهِم
مَّرَضٌ وَالْقَاسِيَةِ قُلُوبُهُمْ ۗ وَإِنَّ الظَّالِمِينَ لَفِي
شِقَاقٍ بَعِيدٍ ﴿٥٣﴾
وَلِيَعْلَمَ الَّذِينَ أُوتُوا الْعِلْمَ أَنَّهُ الْحَقُّ مِن
رَّبِّكَ فَيُؤْمِنُوا بِهِ فَتُخْبِتَ لَهُ قُلُوبُهُمْ ۗ وَإِنَّ
اللَّهَ لَهَادِ الَّذِينَ آمَنُوا إِلَىٰ صِرَاطٍ مُّسْتَقِيمٍ ﴿٥٤﴾
وَلَا يَزَالُ الَّذِينَ كَفَرُوا فِي مِرْيَةٍ مِّنْهُ حَتَّىٰ تَأْتِيَهُمُ
السَّاعَةُ بَغْتَةً أَوْ يَأْتِيَهُمْ عَذَابُ يَوْمٍ عَقِيمٍ ﴿٥٥﴾
الْمُلْكُ يَوْمَئِذٍ لِّلَّهِ يَحْكُمُ بَيْنَهُمْ ۚ فَالَّذِينَ
آمَنُوا وَعَمِلُوا الصَّالِحَاتِ فِي جَنَّاتِ النَّعِيمِ ﴿٥٦﴾
وَالَّذِينَ كَفَرُوا وَكَذَّبُوا بِآيَاتِنَا فَأُولَٰئِكَ
لَهُمْ عَذَابٌ مُّهِينٌ ﴿٥٧﴾

"Dan jika mereka (kaum Musyrikin) mendustakanmu, maka sesungguhnya sebelum mereka kaum Nuh, 'Ad dan Thamud telah mendustakan rasul-rasul mereka (42). Juga kaum Ibrahim dan kaum Lut (43). Dan penduduk Madyan dan Musa juga telah didustakan, lalu Aku tangguhkan 'azab-Ku terhadap orang-orang kafir, kemudian Aku 'azabkan mereka, maka (lihatlah) bagaimana besarnya bantahan-Ku? (44) Berapa banyak negeri-negeri yang telah Kami binasakannya kerana kezalimannya, lalu (rumah-rumah) negeri-negeri ini ranap runtuh di atas bumbungnya, di samping perigi-perigi yang terbiar dan istana-istana yang tersergam tinggi (tinggal kosong) (45). Apakah tidak mereka menjelajah di bumi supaya mereka mempunyai hati yang dapat berfikir atau mempunyai telinga yang dapat mendengar? Kerana sesungguhnya mata itu tidak buta, tetapi yang buta ialah hati yang ada di dalam dada (46). Dan mereka (kaum Musyrikin) menggesa Engkau menimpakan 'azab (ke atas mereka) sedangkan Allah tidak akan memungkiri janji-Nya, dan sesungguhnya sehari di sisi Tuhanmu sama dengan seribu tahun dari tahun-tahun yang dihitungkan kamu (47). Dan berapa banyak negeri yang Aku tangguhkan ('azab) terhadapnya kerana kezalimannya kemudian Aku 'azabkannya dan kepada-Ku tempat kembali (48). Katakanlah (wahai Muhammad): Wahai sekalian manusia! Sesungguhnya aku hanya seorang rasul yang menyampaikan amaran-amaran yang terang kepada kamu (49). Iaitu orang-orang yang beriman dan mengerjakan

amalan yang soleh akan memperolehi keampunan dan rezeki yang mulia (50). Dan orang-orang yang berusaha menentang dan menghalangkan ayat-ayat Kami (Al-Qur'an), mereka adalah penghuni Neraka Jahim (51). Dan Kami tidak utuskan sebelummu seorang rasul dan tidak pula seorang nabi melainkan apabila dia bercita-cita (mendapat kejayaan yang cepat),maka syaitan akan mencampakkan (bisikan-bisikannya yang menyeleweng) di dalam cita-citanya itu lalu Allah hapuskan bisikan yang dicampakkan syaitan itu kemudian Allah mengukuhkan ayat-ayat-Nya, dan Allah Maha Mengetahui dan Maha Bijaksana (52). (Allah berbuat demikian) kerana Dia mahu menjadikan bisikan yang dicampakkan syaitan itu sebagai satu fitnah untuk menguji orang-orang yang mempunyai penyakit di dalam hati mereka dan orang-orang yang berhati keras. Dan sesungguhnya orang-orang yang zalim itu berada dalam perseteruan yang amat jauh (53). Juga supaya orang-orang yang telah dikurniakan ilmu itu mengetahui bahawa Al-Qur'an itu adalah benar dari Tuhanmu lalu mereka beriman kepada-Nya dan hati mereka tunduk kepada-Nya. Dan sesungguhnya Allah itulah yang memberi hidayat kepada orang-orang yang beriman ke jalan yang lurus (54). Orang-orang yang kafir itu terus berada di dalam keraguan terhadap Al-Qur'an sehingga mereka dilanda Qiamat secara mendadak atau dilanda 'azab hari yang mandul (55). Kuasa pemerintahan pada hari itu hanya dipegang oleh Allah sahaja. Dialah yang akan menghukumkan di antara mereka. Oleh itu orang-orang yang beriman dan mengerjakan amalan yang soleh akan ditempatkan di dalam Syurga yang penuh ni'mat (56). Dan orang-orang yang kafir dan mendustakan ayat-ayat Kami akan memperolehi 'azab seksa yang amat hina".(57)

Pelajaran yang telah lalu berakhir dengan pengumuman memberi kebenaran berperang untuk mempertahankan 'aqidah-'aqidah dan syi'ar-syi'ar Allah, dan di samping itu Allah telah menjanji akan memberi kemenangan kepada mereka yang menyempurnakan tugas-tugas 'aqidah dan melaksanakan sistem Ilahi di dalam kehidupan masyarakat.

Setelah selesai menjelaskan tugas-tugas umat yang beriman, Allah meyakinkan Rasulullah s.a.w. terhadap kepastian campurtangan qudrat Ilahiyah untuk menolong dan memberi kemenangan kepada beliau dan menumpaskan musuh-musuhnya sebagaimana campurtangan yang telah ditunjukkan untuk menolong dan memberi kemenangan kepada saudara-saudara beliau para Anbiya' yang silam dan menimpakan 'azab seksa terhadap para pendusta Rasul di sepanjang zaman. Al-Qur'an menarik perhatian kaum Musyrikin supaya memikirkan contoh teladan dari kebinasaan umat-umat yang terdahulu jika benar mereka mempunyai hati yang dapat berfikir dan mengambil pengajaran, kerana mata tidak buta, tetapi yang buta ialah hati yang ada di dalam dada.

Kemudian Allah meyakinkan Rasulullah s.a.w. bahawa Allah sentiasa melindungi para rasul-Nya dari tipu daya syaitan sebagaimana Allah melindungi mereka dari tipu daya para pendusta dan menggagalkan segala usaha syaitan di samping mengukuhkan ayat-ayatnya dan menjelaskannya kepada hati manusia yang sihat. Adapun hati manusia yang sakit, maka ia akan terus dilamunkan keraguan-keraguan sehingga ia menerima seburuk-buruk akibat.

Semua pelajaran ini bertujuan menjelaskan tentang kesan-kesan qudrat Ilahi yang bertindak campurtangan, di dalam perjalanan da'wah setelah pejuang-pejuangnya menunaikan kewajipan mereka dan melaksanakan tugas-tugas mereka yang telah diterangkan di dalam pelajaran yang telah lalu.

******

(Pentafsiran ayat-ayat 42 - 48)

وَإِن يُكَذِّبُوكَ فَقَدْ كَذَّبَتْ قَبْلَهُمْ قَوْمُ نُوحٍ وَعَادٌ وَثَمُودُ ﴿٤٢﴾
وَقَوْمُ إِبْرَٰهِيمَ وَقَوْمُ لُوطٍ ﴿٤٣﴾
وَأَصْحَٰبُ مَدْيَنَ وَكُذِّبَ مُوسَىٰ فَأَمْلَيْتُ لِلْكَٰفِرِينَ ثُمَّ أَخَذْتُهُمْ فَكَيْفَ كَانَ نَكِيرِ ﴿٤٤﴾

"Dan jika mereka (kaum Musyrikin) mendustakanmu, maka sesungguhnya sebelum mereka kaum Nuh, 'Ad dan Thamud telah mendustakan rasul-rasul mereka (42). Juga kaum Ibrahim dan kaum Lut (43). Dan penduduk Madyan dan Musa juga telah didustakan, lalu Aku tangguhkan 'azab-Ku terhadap orang-orang kafir, kemudian Aku 'azabkan mereka, maka (lihatlah) bagaimana besarnya bantahan-Ku?"(44)

Setiap Rasul Menghadapi Pendustaan Dari Kaumnya

Itulah undang-undang kebiasaan yang berlaku dalam semua risalah yang lepas, iaitu sebelum (risalah Muhammad) yang akhir ini. Sekalian rasul-rasul membawa ayat-ayat Allah lalu didustakan oleh kaum mereka masing-masing. Oleh itu Rasulullah s.a.w. bukanlah orang yang pertama di antara para rasul apabila beliau didustakan kaum Musyrikin. Akibatnya telah diketahui umum dan undang-undang kebiasaan itu berlaku terus menerus.

فَقَدْ كَذَّبَتْ قَبْلَهُمْ قَوْمُ نُوحٍ وَعَادٌ وَثَمُودُ ﴿٤٢﴾ وَقَوْمُ إِبْرَٰهِيمَ وَقَوْمُ لُوطٍ ﴿٤٣﴾

"...Sesungguhnya sebelum mereka kaum Nuh, 'Ad dan Thamud telah mendustakan rasul-rasul mereka. (42) juga kaum Ibrahim dan kaum Lut."(43)

Al-Qur'an menyebut Musa seorang sahaja dalam satu ayat yang khusus:

وَكُذِّبَ مُوسَىٰ

"....Dan Musa juga telah didustakan..."(44)

Ini disebabkan pertama: Kerana Musa tidak didustakan oleh kaumnya sebagaimana rasul-rasul yang lain telah didustakan oleh kaum mereka masing-masing, malah Musa a.s. hanya didustakan oleh

Fir'aun dan kaumnya. Kedua: Kerana ayat-ayat atau mu'jizat-mu'jizat yang dibawa Musa a.s. itu sangat jelas dan banyak, juga kerana peristiwa-peristiwa yang menemani mu'jizat-mu'jizat itu amat besar. Dalam seluruh keadaan itu Allah memberi tangguhan seketika kepada orang-orang kafir sebagaimana Allah memberi tangguhan kepada orang-orang Quraysy, kemudian barulah Allah menimpakan mereka dengan 'azab seksa yang dahsyat. Di sini Al-Qur'an mengemukakan sebuah pertanyaan yang bertujuan menyatakan kehebatan dan keta'juban:

فَكَيْفَ كَانَ نَكِيرِ ﴿٤٤﴾

"...Maka (lihatlah) bagaimana besarnya bantahan-Ku"(44)

kata-kata "نكير" bererti bantahan yang keras yang disertai dengan tindakan yang membawa perubahan, jawapan bagi pertanyaan ini diketahui umum, iaitu bantahan yang amat mengerikan dalam bentuk bencana-bencana banjir besar, ditelan bumi, kehancuran, kebinasaan, gempa-gempa bumi, ribut badai dan ketakutan-ketakutan.

Setelah menayangkan secara sepintas lalu akibat-akibat kebinasaan yang telah menimpa kaum-kaum para rasul itu, Al-Qur'an secara umum pula membentangkan akibat-akibat kebinasaan yang telah menimpa umat-umat yang telah lalu:

فَكَأَيِّن مِّن قَرْيَةٍ أَهْلَكْنَاهَا وَهِيَ ظَالِمَةٌ فَهِيَ
خَاوِيَةٌ عَلَىٰ عُرُوشِهَا وَبِئْرٍ مُّعَطَّلَةٍ وَقَصْرٍ مَّشِيدٍ ﴿٤٥﴾

"Berapa banyak negeri-negeri yang telah Kami binasakannya kerana kezalimannya, lalu (rumah-rumah) negeri-negeri ini ranap runtuh di atas bumbungnya, di samping perigi-perigi yang terbiar dan istana-istana yang tersergam tinggi (tinggal kosong)."(45)

Tindakan Sunnatullah Terhadap Umat-umat Yang Mendustakan Rasul

Negeri-negeri yang telah dibinasakan dengan sebab kezaliman-kezaliman penduduknya memang banyak. Ayat ini menayangkan kebinasaan mereka dengan satu pemandangan yang amat jelas dan berkesan:

فَهِيَ خَاوِيَةٌ عَلَىٰ عُرُوشِهَا

"...(Rumah-rumah) negeri-negeri itu ranap runtuh di atas bumbungnya..."(45)

Kata-kata "عروش" bererti (bumbung) dan bumbung-bumbung itu biasanya ditegakkan di atas dinding-dinding ketika bangunan-bangunan itu dibina dan apabila bangunan-bangunan itu runtuh, maka bumbung-bumbung pun runtuh ranap dan ditindih oleh runtuhan-runtuhan bangunan itu. Pemandangan ini sungguh menyepi, sayu dan mencubit hati. Ia membawa seseorang merenungi gambaran-gambaran di zaman silam dan gambaran-gambaran yang tersergam sekarang. Kawasan-kawasan kediaman yang runtuh ranap itu merupakan kawasan-kawasan yang amat sepi dan sayu kepada hati manusia. Pemandangan itu begitu hebat merangsangkan kenangan, membangkitkan pengajaran dan rasa khusyu'.

Di samping negeri-negeri yang runtuh ranap di atas bumbung-bumbungnya itu terdapat pula perigi-perigi yang terbiar yang membawa kenangan-kenangan kepada air dan orang-orang yang datang mengambil air. Berbagai-bagai khayalan berbisik-bisik di sekitar perigi-perigi yang terbiar dan sunyi sepi itu.

Di sampingnya pula terdapat istana-istana yang tinggi yang sunyi dari penghuni-penghuni dan sepi dari makhluk-makhluk hidup, ia dikelilingi oleh berbagai-bagai gambaran, bayangan dan kenangan-kenangan.

Al-Qur'an menayangkan pemandangan ini kemudian membuat pertanyaan yang mengandungi kecaman tentang kesan-kesan pemandangan-pemandangan itu pada hati kaum Musyrikin yang kafir:

أَفَلَمْ يَسِيرُوا فِي الْأَرْضِ فَتَكُونَ لَهُمْ قُلُوبٌ يَعْقِلُونَ
بِهَا أَوْ آذَانٌ يَسْمَعُونَ بِهَا ۖ فَإِنَّهَا لَا تَعْمَى
الْأَبْصَارُ وَلَٰكِن تَعْمَى الْقُلُوبُ الَّتِي فِي الصُّدُورِ ﴿٤٦﴾

"Apakah tidak mereka menjelajah di bumi supaya mereka mempunyai hati yang dapat berfikir atau mempunyai telinga yang dapat mendengar. Kerana sesungguhnya mata itu tidak buta, tetapi yang buta ialah hati yang ada di dalam dada."(46)

Kesan-kesan kebinasaan umat-umat yang silam terbentang di hadapan mereka. Ia memberi saranan-saranan kepada mereka, mengemukakan contoh teladan dan menerangkan pengajaran-pengajaran:

أَفَلَمْ يَسِيرُوا فِي الْأَرْضِ

"Apakah tidak mereka menjelajah di bumi..."(46)

dan melihat kesan-kesan kebinasaan umat-umat yang dapat memberi pengajaran kepada mereka dengan lidahnya yang amat fasih:

فَتَكُونَ لَهُمْ قُلُوبٌ يَعْقِلُونَ بِهَا

"...Supaya mereka mempunyai hati yang dapat berfikir..."(46)

dan memahami undang-undang Allah yang tidak pernah berubah di sebalik kesan-kesan runtuhan (negeri-negeri yang binasa itu):

أَوْ آذَانٌ يَسْمَعُونَ بِهَا ۖ

"...Atau mempunyai telinga yang dapat mendengar..."(46)

cerita dari orang-orang yang masih hidup tentang kisah-kisah rumah-rumah yang runtuh, perigi-perigi yang terbiar dan istana yang sunyi sepi.

Apakah mereka sebenarnya mempunyai hati? Kerana mereka memang melihat tetapi mereka tidak insaf, mereka mendengar tetapi tidak mengambil pengajaran:

فَإِنَّهَا لَا تَعْمَى ٱلْأَبْصَٰرُ وَلَٰكِن تَعْمَى ٱلْقُلُوبُ ٱلَّتِي فِي ٱلصُّدُورِ ﴿٤٦﴾

"...Sesungguhnya mata itu tidak buta, tetapi yang buta ialah hati yang ada di dalam dada."(46)

Al-Qur'an menekankan tempat terletaknya hati itu dengan kata-kata, *"hati yang ada di dalam dada"* untuk menguatkan, pernyataan tentang kebutaan hati itu secara pasti.

Sekiranya hati mereka dapat melihat tentulah mereka akan terharu mengenangkan kepada peristiwa-peristiwa itu dan tentulah mereka akan mengambil pengajaran dan cenderung kepada keimanan kerana takut ditimpa akibat yang sama yang telah menimpa umat-umat yang silam, yang terdapat begitu banyak di sekeliling mereka.

Tetapi sebagai ganti dari merenungi akibat-akibat kebinasaan umat-umat itu dan dari cenderung kepada keimanan dan dari berusaha memelihara diri dari 'azab Allah, mereka menggesa supaya disegerakan 'azab yang telah ditangguhkan Allah terhadap mereka ke satu tempoh yang tertentu itu:

وَيَسْتَعْجِلُونَكَ بِٱلْعَذَابِ وَلَن يُخْلِفَ ٱللَّهُ وَعْدَهُۥ وَإِنَّ يَوْمًا عِندَ رَبِّكَ كَأَلْفِ سَنَةٍ مِّمَّا تَعُدُّونَ ﴿٤٧﴾

"Dan mereka (kaum Musyrikin) menggesa Engkau menimpakan 'azab (ke atas mereka) sedangkan Allah tidak akan memungkiri janji-Nya, dan sesungguhnya sehari di sisi Tuhanmu sama dengan seribu tahun dari tahun-tahun yang dihitungkan kamu."(47)

Itulah perangai orang-orang yang zalim di setiap zaman. Mereka melihat akibat-akibat kebinasaan yang telah menimpa umat-umat yang zalim, mereka membaca berita-berita mereka dan mereka tahu nasib kesudahan yang diterima mereka, tetapi mereka terus berjalan juga mengikuti jalan yang salah itu tanpa mempedulikan akibatnya. Apabila mereka terkenang kepada akibat-akibat buruk yang telah menimpa orang-orang yang terdahulu dari mereka, mereka beranggapan bahawa akibat itu tidak mungkin menimpa mereka, kemudian mereka dikongkong perasaan angkuh dan sikap sewenang-wenang apabila Allah menangguhkan 'azab terhadap mereka untuk menguji mereka, kerana itu mereka mengejek orang-orang yang mengancam mereka dengan akibat yang buruk itu dan menggesa agar kesudahan yang buruk yang diancamkan kepada mereka itu disegerakan ke atas mereka, tetapi:

وَلَن يُخْلِفَ ٱللَّهُ وَعْدَهُۥ

"...Allah tidak akan memungkiri janji-Nya"(47)

janji itu tetap akan dikotakan tepat pada waktunya yang telah dikehendaki dan ditetapkan Allah mengikut pertimbangan hikmat kebijaksanaan-Nya. Gesaan manusia agar 'azab itu disegerakan tidak akan dapat menyegerakannya supaya hikmat tangguhannya itu tidak terbatal. Di samping itu perhitungan masa dalam kiraan Allah berlainan dari kiraan manusia:

وَإِنَّ يَوْمًا عِندَ رَبِّكَ كَأَلْفِ سَنَةٍ مِّمَّا تَعُدُّونَ ﴿٤٧﴾

"...Sesungguhnya sehari di sisi Tuhanmu sama dengan seribu tahun dari tahun-tahun yang dihitungkan kamu."(47)

Allah telah menangguhkan 'azab-Nya terhadap penduduk-penduduk berbagai-bagai negeri yang telah binasa itu, tetapi tangguhan itu tidak dapat menyelamatkan mereka dari akibat yang telah ditetapkan ke atas mereka dan dari undang-undang Allah yang tetap membinasakan orang-orang yang zalim:

وَكَأَيِّن مِّن قَرْيَةٍ أَمْلَيْتُ لَهَا وَهِيَ ظَالِمَةٌ ثُمَّ أَخَذْتُهَا وَإِلَيَّ ٱلْمَصِيرُ ﴿٤٨﴾

"Dan berapa banyak negeri yang Aku tangguhkan ('azab) terhadapnya kerana kezalimannya kemudian Aku 'azabkannya dan kepada-Ku tempat kembali."(48)

Oleh itu mengapakah kaum Musyrikin (Makkah) itu menggesakan supaya disegerakan 'azab ke atas mereka dan mengapakah mereka mempersenda-sendakan ancaman 'azab itu dengan sebab ia ditangguhkan Allah ke suatu masa yang tertentu.

******

(Pentafsiran ayat-ayat 49 - 50)

Setelah selesai setakat ini menayangkan kisah kebinasaan umat-umat yang silam dan menerangkan undang-undang Allah terhadap para pendusta, Al-Qur'an berpaling pula menyampaikan perintahnya kepada Rasulullah s.a.w. supaya beliau mengingat dan menerangkan kepada manusia terhadap akibat buruk yang menunggu mereka:

قُلْ يَٰٓأَيُّهَا ٱلنَّاسُ إِنَّمَآ أَنَا۠ لَكُمْ نَذِيرٌ مُّبِينٌ ﴿٤٩﴾ فَٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ وَعَمِلُوا۟ ٱلصَّٰلِحَٰتِ لَهُم مَّغْفِرَةٌ وَرِزْقٌ كَرِيمٌ ﴿٥٠﴾ وَٱلَّذِينَ سَعَوْا۟ فِىٓ ءَايَٰتِنَا مُعَٰجِزِينَ أُو۟لَٰٓئِكَ أَصْحَٰبُ ٱلْجَحِيمِ ﴿٥١﴾

"Katakanlah (wahai Muhammad): Wahai sekalian manusia! Sesungguhnya aku hanya seorang rasul yang menyampaikan amaran-amaran yang terang kepada kamu (49). Iaitu orang-orang yang beriman dan mengerjakan amalan yang soleh akan memperolehi keampunan dan rezeki yang mulia (50).

Dan orang-orang yang berusaha menentang dan menghalangkan ayat-ayat Kami (Al-Qur'an), mereka adalah penghuni Neraka Jahim."(51)

Ayat ini hanya menentukan tugas Rasulullah s.a.w. di tempat ini setakat memberi amaran dan peringatan sahaja:

إِنَّمَآ أَنَا۠ لَكُمْ نَذِيرٌ مُّبِينٌ ﴿٤٩﴾

"...Sesungguhnya aku hanya seorang rasul yang menyampaikan amaran-amaran yang terang kepada kamu."(49)

Ini disebabkan kerana pendustaan, ejekan dan gesaan mereka agar disegerakan 'azab itu memerlukan kepada penonjolan amaran itu. Kemudian Al-Qur'an mulai menghuraikan butir-butir nasib kesudahan itu, iaitu orang-orang yang beriman dan membuktikan keimanan mereka dengan amalan-amalan:

وَعَمِلُوا۟ ٱلصَّٰلِحَٰتِ

"...Dan mereka mengerjakan amalan yang soleh..."(50)

maka balasan untuk mereka ialah:

Amaran Yang Tegas Kepada Seluruh Manusia

لَهُم مَّغْفِرَةٌ

"...Mereka akan memperolehi keampunan..."(50)

dari Tuhan mereka terhadap dosa-dosa dan kecuaian-kecuaian mereka yang silam.

وَرِزْقٌ كَرِيمٌ ﴿٥٠﴾

"...Dan rezeki yang mulia"(50)

yakni mereka tidak dituduh dan dihina.

Tetapi orang-orang yang berhempas pulas berusaha untuk menggagalkan ayat-ayat Allah dari sampai ke dalam hati manusia dan dari terlaksana di dalam kehidupan mereka, maka Allah jadikan mereka penghuni yang memiliki Neraka Jahim. Alangkah buruknya hak milik yang dikurniakan kepada mereka dibandingkan dengan rezeki yang mulia itu. Ayat-ayat Allah yang dimaksudkan di sini ialah dalil-dalil-Nya yang membuktikan kebenaran juga undang-undang syari'at-Nya yang dikurniakan kepada manusia.

******

(Pentafsiran ayat-ayat 52 - 54)

Cita-cita Setiap Rasul

Allah yang memelihara da'wah-Nya dari pendustaan para pendusta dan dari tindak tanduk mereka yang mahu menggagal dan menghalangkan perkembangan itu, maka Allah jugalah yang memelihara da'wah-Nya dari tipu daya syaitan dan dari percubaannya hendak menembusi ke dalam da'wah itu melalui cita-cita dan angan-angan para rasul yang terbit dari tabi'at basyariyah mereka. Mereka tetap terpelihara dari tipu daya syaitan, namun demikian mereka adalah manusia yang mempunyai angan-angan dan cita-cita agar da'wah mereka tersebar dengan cepat dan mendapat kemenangan yang segera dan agar segala halangan dan rintangan terhapus dari jalannya. Oleh sebab itulah syaitan cuba berusaha untuk menembusi da'wah itu melalui angan-angan dan cita-cita yang seperti itu dengan tujuan untuk memesongkan da'wah itu dari dasar-dasar dan pertimbangan-pertimbangannya yang sebenar, tetapi Allah telah membatalkan tipu daya syaitan itu dan memelihara da'wah-Nya serta menjelaskan kepada para rasul dasar-dasar da'wah dan pertimbangan-pertimbangannya yang sebenar di samping mengukuhkan ayat-ayatnya dan menghapuskan segala kekeliruan di dalam nilai-nilai da'wah dan saranan-saranannya:

وَمَآ أَرْسَلْنَا مِن قَبْلِكَ مِن رَّسُولٍ وَلَا نَبِىٍّ إِلَّآ إِذَا
تَمَنَّىٰٓ أَلْقَى ٱلشَّيْطَٰنُ فِىٓ أُمْنِيَّتِهِۦ فَيَنسَخُ ٱللَّهُ مَا
يُلْقِى ٱلشَّيْطَٰنُ ثُمَّ يُحْكِمُ ٱللَّهُ ءَايَٰتِهِۦ ۗ وَٱللَّهُ عَلِيمٌ
حَكِيمٌ ﴿٥٢﴾

لِّيَجْعَلَ مَا يُلْقِى ٱلشَّيْطَٰنُ فِتْنَةً لِّلَّذِينَ فِى قُلُوبِهِم
مَّرَضٌ وَٱلْقَاسِيَةِ قُلُوبُهُمْ ۗ وَإِنَّ ٱلظَّٰلِمِينَ لَفِى
شِقَاقٍۭ بَعِيدٍ ﴿٥٣﴾

وَلِيَعْلَمَ ٱلَّذِينَ أُوتُوا۟ ٱلْعِلْمَ أَنَّهُ ٱلْحَقُّ مِن
رَّبِّكَ فَيُؤْمِنُوا۟ بِهِۦ فَتُخْبِتَ لَهُۥ قُلُوبُهُمْ ۗ وَإِنَّ
ٱللَّهَ لَهَادِ ٱلَّذِينَ ءَامَنُوٓا۟ إِلَىٰ صِرَٰطٍ مُّسْتَقِيمٍ ﴿٥٤﴾

"Dan Kami tidak utuskan sebelummu seorang rasul dan tidak pula seorang nabi melainkan apabila dia bercita-cita (mendapat kejayaan yang cepat), maka syaitan akan mencampakkan (bisikan-bisikannya yang menyeleweng) di dalam cita-citanya itu lalu Allah hapuskan bisikan yang dicampakkan syaitan itu kemudian Allah mengukuhkan ayat-ayat-Nya, dan Allah Maha Mengetahui dan Maha Bijaksana (52). (Allah berbuat demikian) kerana Dia mahu menjadikan bisikan yang dicampakkan syaitan itu sebagai satu fitnah untuk menguji orang-orang yang mempunyai penyakit di dalam hati mereka dan orang-orang yang berhati keras. Dan sesungguhnya orang-orang yang zalim itu berada dalam perseteruan yang amat jauh (53). Juga supaya orang-orang yang telah dikurniakan ilmu itu mengetahui bahawa Al-Qur'an itu adalah benar dari Tuhanmu lalu mereka beriman kepada-Nya dan hati mereka tunduk kepada-Nya. Dan sesungguhnya Allah itulah yang memberi hidayat kepada orang-orang yang beriman ke jalan yang lurus."(54)

Kedudukan Sebenar Hadith Al-Gharaniq

Berbagai-bagai riwayat telah diriwayatkan mengenai sebab nuzulnya ayat-ayat ini yang disebut oleh para Mufassirin yang ramai. Ujar Ibn Kathir di dalam tafsirnya: Tetapi semua riwayat itu datang dari saluran-saluran yang mursal belaka dan saya tidak mendapatinya disanadkan dengan cara yang betul. Wallahu a'lam.

Riwayat yang paling terperinci ialah riwayat Ibn Abi Hatim katanya: Kami telah diceritakan oleh Musa ibn Abu Musa al-Kufi, kami telah diceritakan oleh Muhammad ibn Ishaq asy-Syaybi, kami telah diceritakan oleh Muhammad ibn Fulayh, daripada Musa ibn 'Aqabah daripada Ibn Syihab katanya: Setelah diturunkan Surah an-Najm, kaum Musyrikin bersungut: "Jika orang ini (Muhammad) menyebut tuhan-tuhan kita dengan baik tentulah kita boleh dilakukannya, serta para sahabatnya, tetapi dia tidak menyebut tentang kaum Yahudi dan Kristian yang menganut agama yang berlainan dengannya seperti maki hamun yang disebutkannya terhadap tuhan-tuhan kita". Rasulullah s.a.w. serta para sahabatnya di waktu itu telah menerima penindasan dan pendustaan yang amat berat dari kaum Musyrikin. Beliau merasa sedih di atas kesesatan dan penyelewengan mereka. Beliau bercita-cita agar mereka mendapat hidayat. Apabila Allah menurunkan Surah an-Najm:

أَفَرَءَيۡتُمُ ٱللَّٰتَ وَٱلۡعُزَّىٰ ١٩ وَمَنَوٰةَ ٱلثَّالِثَةَ ٱلۡأُخۡرَىٰٓ ٢٠ أَلَكُمُ ٱلذَّكَرُ وَلَهُ ٱلۡأُنثَىٰ ٢١

"Adakah kamu lihat kekuasaan (berhala-berhala) al-Lata dan al-'Uzza dan satu lagi yang ketiga? Adakah wajar untuk kamu anak lelaki dan untuk Allah anak perempuan?"

(Surah an-Najm: 19-21)

maka syaitan campakkan beberapa kalimat ketika Allah menyebut tuhan-tuhan yang disembahkan mereka (yakni sebagai sambungan ayat 19 -20 tadi) iaitu:

وإنهن لهن الغرانيق العلى ، وإن شفاعتهن التي ترتجي

"Sesungguhnya sembahan-sembahan itu mempunyai berhala-berhala yang maha tinggi dan syafa'at merekalah yang diharap-harapkan."

Rangkaian kalimat-kalimat ini adalah dari sajak syaitan dan godaannya. Kesan dari kedua-dua rangkaian tambahan syaitan ini amat menarik hati setiap orang Musyrik di Makkah dan mereka mengalu-alukannya dengan gembira dan sukacita dan mereka berkata: "Muhammad telah balik kepada agamanya yang awal dan kepada agama kaumnya...." Dan apabila bacaan Rasulullah s.a.w. sampai kepada ayat akhir Surah an-Najm, beliau pun sujud diikuti oleh sidang hadirin yang terdiri dari kaum Muslimin dan kaum Musyrikin. Tetapi oleh sebab al-Walid ibn al-Mughirah seorang tua dia hanya mengambil segenggam tanah dan sujud di atasnya. Lalu kedua-dua golongan itu masing-masing merasa hairan kerana ikut sujud bersama-sama Rasulullah s.a.w. Bagi orang-orang Islam mereka merasa hairan kerana orang-orang Musyrikin turut sujud bersama mereka, sedangkan mereka tidak beriman dan percaya. Orang-orang Islam sendiri tidak mendengar rangkaian kata-kata yang dicampakkan syaitan ke dalam pendengaran kaum Musyrikin itu. Oleh itu kaum Musyrikin merasa yakin - apabila syaitan mencampakkan ke dalam hati Rasululah s.a.w. dan memberitahukannya kepada mereka - bahawa Rasulullah s.a.w. telah membaca rangkaian kata-kata (tambahan syaitan itu) di dalam surah ini, lalu mereka pun sujud untuk menghormati tuhan-tuhan mereka. Kemudian cerita ini tersebar di kalangan orang ramai dan syaitan telah menzahirkan cerita ini sehingga sampai ke negeri Habsyah dan kepada orang Islam yang tinggal di sana, iaitu 'Usman bin Maz'uun dan rakan-rakannya dan mereka pun bercakap-cakap bahawa seluruh penduduk Makkah kini telah memeluk Islam dan mereka bersembahyang bersama Rasulullah s.a.w. Begitu juga cerita al-Walid ibn al-Mughirah yang sujud di atas segenggam tanah di atas tapak tangannya telah sampai kepada mereka. Mereka juga menceritakan bahawa sekarang orang-orang Islam di Makkah dapat hidup dalam keamanan, lalu mereka pun pulang ke Makkah dengan segera. Allah telah menghapuskan rangkaian kata-kata tambahan yang dicampakkan syaitan itu dan mengukuhkan ayat-ayat-Nya dan memeliharanya dari segala dusta dan berfirman:

وَمَآ أَرۡسَلۡنَا مِن قَبۡلِكَ مِن رَّسُولٖ وَلَا نَبِيٍّ إِلَّآ إِذَا تَمَنَّىٰٓ أَلۡقَى ٱلشَّيۡطَٰنُ فِيٓ أُمۡنِيَّتِهِۦ فَيَنسَخُ ٱللَّهُ مَا يُلۡقِي ٱلشَّيۡطَٰنُ ثُمَّ يُحۡكِمُ ٱللَّهُ ءَايَٰتِهِۦۗ وَٱللَّهُ عَلِيمٌ حَكِيمٞ ٥٢

لِّيَجۡعَلَ مَا يُلۡقِي ٱلشَّيۡطَٰنُ فِتۡنَةٗ لِّلَّذِينَ فِي قُلُوبِهِم مَّرَضٞ وَٱلۡقَاسِيَةِ قُلُوبُهُمۡۗ وَإِنَّ ٱلظَّٰلِمِينَ لَفِي شِقَاقِۭ بَعِيدٖ ٥٣

"Dan Kami tidak utuskan sebelummu seorang rasul dan tidak pula seorang nabi melainkan apabila dia bercita-cita (mendapat kejayaan yang cepat), maka syaitan akan mencampakkan (bisikan-bisikannya yang menyeleweng) di dalam cita-citanya itu lalu Allah hapuskan bisikan yang dicampakkan syaitan itu kemudian Allah mengukuhkan ayat-ayat-Nya, dan Allah Maha Mengetahui dan Maha Bijaksana (52). (Allah berbuat demikian) kerana Dia mahu menjadikan bisikan yang dicampakkan syaitan itu sebagai satu fitnah untuk menguji orang-orang yang mempunyai penyakit di dalam hati mereka dan orang-orang yang berhati keras. Dan sesungguhnya orang-orang yang zalim itu berada dalam perseteruan yang amat jauh."(53)

Dan apabila Allah menerangkan keputusan-Nya dan membersihkan ayat-ayat-Nya dari sajak-sajak syaitan itu, maka orang-orang Musyrikin pun berbalik semula kepada kesesatan dan kepada permusuhan yang lebih ketat terhadap orang-orang Islam.

Ujar Ibn Kathir: Al-Baghawi telah menyebut dalam tafsirnya "Inilah riwayat-riwayat yang dikumpul dari percakapan ibn Abbas, Muhammad ibn Ka'b al-Qurazi dan yang lain dari keduanya yang hampir-hampir sama dengannya", kemudian di sini dia bertanya: "Bagaimana perkara yang seperti ini boleh berlaku sedangkan Rasulullah s.a.w. telah dijamin ma'sum oleh Allah Ta'ala?" Kemudian dia menyebut jawapan-jawapan dari orang-orang lain, dan di antaranya yang paling baik ialah jawapan yang mengatakan bahawa syaitan telah mencampakkan (rangkaian kata-kata tambahan itu) di dalam pendengaran orang-orang Musyrikin lalu mereka menyangka bahawa rangkaian kata-kata itu terbit dari Rasulullah s.a.w., sedangkan hakikatnya tidak begitu, malah rangkaian kata-kata itu adalah dari campakan syaitan bukannya terbit dari Rasul ar-Rahman s.a.w. Wallahu a'lam.

Ujar al-Bukhari: Kata Ibn 'Abbas ketika mentafsirkan "في أمنيته" : Apabila beliau bercakap, maka syaitan mencampakkan perkataan-perkataannya di dalam percakapan beliau, lalu Allah menghapuskan perkataan-perkataan yang dicampakkan syaitan itu "*kemudian Dia mengukuhkan ayat-ayat-Nya*" (ثم يحكم الله آياته) .

Ujar Mujahid: Erti "إذا تمنى" ialah apabila beliau berkata. Dan erti "أمنيته" ialah bacaannya.

Ujar al-Baghawi: Kebanyakan Mufassirin berpendapat bahawa erti "تمنى" ialah membaca kitab Allah dan erti "ألقى الشيطن في أمنيته" ialah "*syaitan mencampakkan (perkataan-perkataannya) di dalam bacaannya.*"

Dan Ibn Jarir mentafsirkan kata "تمنى " dengan erti membaca. Pendapat ini lebih serupa dengan ta'wilan terhadap Kalamullah!

Inilah intisari riwayat-riwayat mengenai hadith ini yang terkenal dengan Hadith gharaniq. Ḥadith ini dari segi riwayat adalah lemah sumbernya. Ujar ulama'-ulama' hadith: Ia tidak dikeluarkan oleh seseorang pun dari ahli-ahli hadith yang sahih dan tidak diriwayatkan dengan sanad yang baik, muttasil dan boleh dipercayai. Ujar Abu Bakr al-Bazzar: Kami tidak mengetahui hadith ini diriwayatkan dari Rasulullah s.a.w. dengan sanad yang muttasil yang boleh disebut. Dan dari segi maudhu'nya ia bercanggah dengan salah satu prinsip 'aqidah, iaitu Rasulullah s.a.w. adalah ma'sum dari segala pemalsuan syaitan ketika menyampaikan tugas kerasulannya.

Golongan orientalis dan para penghina Islam sangat suka mempermain-mainkan hadith ini. Mereka menyebarkannya dengan luas dan membuat ulasan-ulasan yang bukan-bukan, sedangkan yang sebenarnya perkara ini tidak layak dan wajar dijadikan maudhu' perbahasan.

Di dalam ayat itu sendiri terdapat keterangan yang menolak cerita itu sebagai sebab nuzulnya dan menolak peristiwa itu sebagai satu peristiwa yang telah berlaku kepada Rasulullah s.a.w., kerana tujuan ayat itu ialah untuk menjelaskan bahawa perkara cita-cita itu merupakan satu dasar umum yang berlaku pada seluruh risalah dan seluruh rasul:

وَمَآ أَرۡسَلۡنَا مِن قَبۡلِكَ مِن رَّسُولٖ وَلَا نَبِيٍّ إِلَّآ إِذَا تَمَنَّىٰٓ أَلۡقَى ٱلشَّيۡطَٰنُ فِيٓ أُمۡنِيَّتِهِۦ فَيَنسَخُ ٱللَّهُ مَا يُلۡقِي ٱلشَّيۡطَٰنُ ثُمَّ يُحۡكِمُ ٱللَّهُ ءَايَٰتِهِۦۗ وَٱللَّهُ عَلِيمٌ حَكِيمٞ ﴿٥٢﴾

"Dan Kami tidak utuskan sebelummu seorang rasul dan tidak pula seorang nabi melainkan apabila dia bercita-cita (mendapat kejayaan yang cepat), maka syaitan akan mencampakkan (bisikan-bisikannya yang menyeleweng) di dalam cita-citanya itu lalu Allah hapuskan bisikan yang dicampakkan syaitan itu kemudian Allah mengukuhkan ayat-ayat-Nya dan Allah Maha Mengetahui dan Maha Bijaksana."(52)

Sudah tentu bahawa apa yang dimaksudkan ayat ini ialah suatu perkara umum yang berlandaskan kepada satu sifat yang wujud dalam fitrah yang disyarikati oleh semua rasul selaku makhluk manusia yang tidak bercanggah dengan dasar 'ismah (العصمة) yang ditetapkan kepada para rasul.

Dengan pertolongan Allah, inilah percubaan kami untuk menjelaskan perkara ini. Hanya Allah sahaja yang lebih mengetahui tujuannya yang sebenar. Kami hanya cuba mentafsirkan kalam-Nya sekadar yang terupaya oleh daya kefahaman kami sebagai manusia.

Apabila para rasul itu ditugas membawa risalah Allah kepada manusia, maka perkara yang amat disukai hati mereka ialah agar da'wah yang disampaikan mereka mendapat sambutan dari orang ramai dan kebaikan yang dibawa mereka dari Allah itu dapat difahami orang ramai dan membuat mereka mengikut da'wah itu. Tetapi halangan dan rintangan di tengah jalan da'wah itu amat banyak, sedangkan para rasul adalah manusia-manusia yang mempunyai masa yang terbatas sahaja. Hal ini memang dirasa dan diketahui mereka. Oleh sebab itulah mereka bercita-cita agar dapat menarik orang ramai kepada da'wah mereka dengan cara yang paling cepat. Misalnya mereka suka jika mereka dapat bertolak ansur dengan orang ramai dengan membiarkan mereka mengamalkan setengah-setengah adat resam yang dipusakai turun temurun untuk sementara waktu dengan harapan supaya mereka lambat laun akan kembali kepada hidayat dan apabila mereka menerima hidayat dapatlah dijauhkan mereka dari

mengikuti adat resam turun temurun yang menjadi kebanggaan mereka itu. Mereka juga suka andainya mereka dapat melayani sedikit-sedikit kegemaran-kegemaran orang ramai dengan harapan untuk menarik mereka kepada agama Allah, juga dengan harapan agar kegemaran mereka itu dapat dihapuskan setelah mereka mendapat didikan agama yang betul kelak.

Demikianlah para rasul itu berangan-angan dan bercita-cita, iaitu angan-angan dan cita-cita selaku manusia dalam usaha mereka menyebarkan da'wah dan meninggikannya, sedangkan Allah mahukan da'wah itu dikembangkan mengikut dasar-dasarnya yang sempurna dan pertimbangan-pertimbangan yang halus. Oleh itu siapa suka dia boleh beriman dan siapa tidak suka dia boleh menolak. Kemenangan haqiqi bagi da'wah mengikut penilaian Ilahi yang sempurna yang tidak bercampuraduk dengan kelemahan dan penilaian manusia ialah meneruskan da'wah itu mengikut dasar-dasar da'wah yang sempurna dan sesuai dengan pertimbangan-pertimbangannya yang halus walaupun gagal mendapat penganut-penganut di permulaan jalan. Sikap lurus yang halus dan tegas mematuhi dasar-dasar da'wah dan pertimbangan-pertimbangannya sudah cukup untuk menarik penganut-penganut itu atau orang-orang yang lebih baik dari mereka kepada menerima da'wah pada akhir perjuangan kelak, sedangkan keunggulan da'wah kekal selamat tidak terjejas dan kekal lurus tidak membengkok dan membelok ke mana-mana.

Dalam angan-angan dan cita-cita manusia seperti itu, juga dalam setengah-setengah tindak-tanduk atau perkataan-perkataan yang membayangkan cita-cita dan angan-angan itu syaitan mendapat peluang untuk menggugatkan da'wah dan memesongkannya dari dasar-dasarnya serta menaburkan kekeliruan-kekeliruan di sekitar da'wah yang meragukan orang ramai, tetapi mujurlah Allah menghalangi tindak tanduk syaitan yang menggugatkan itu dan menjelaskan hukum yang muktamad terhadap tindak-tanduk dan perkataan-perkataan yang terlanjur itu, serta memerintah para rasul supaya menerangkan hukum yang muktamad itu kepada orang ramai di samping mendedahkan kepada mereka mana-mana kesalahan yang berlaku di dalam tindak tanduk ijtihad mereka semasa menjalankan da'wah sebagaimana yang telah berlaku di dalam setengah-setengah tindak tanduk dan kecenderungan-kecenderungan Rasulullah s.a.w. yang telah mendapat teguran di dalam Al-Qur'an.

Demikianlah Allah menghapuskan tipu daya syaitan dan mengukuhkan ayat-ayat-Nya. Oleh itu di sana tidak ada apa-apa kekeliruan lagi dalam mencari jalan yang benar.

وَٱللَّهُ عَلِيمٌ حَكِيمٌ ٥٢

"Dan Allah Maha Mengetahui dan Maha Bijaksana."(52)

Tetapi bagi orang-orang yang mengidap penyakit nifaq dan sesat di dalam hati atau orang-orang yang mempunyai hati yang keras, iaitu orang-orang kafir yang degil, maka dalam suasana-suasana yang seperti ini mereka mendapat bahan-bahan untuk menimbulkan perdebatan, pertengkaran dan perbalahan:

وَإِنَّ ٱلظَّٰلِمِينَ لَفِي شِقَاقٍۭ بَعِيدٍ ٥٣

"Dan sesungguhnya orang-orang yang zalim itu berada dalam perseteruan yang amat jauh."(53)

Sedangkan bagi orang-orang yang dikurniakan ilmu pengetahuan hati mereka tetap tenang dan yakin menerima penjelasan dan hukum yang muktamad dari Allah:

وَإِنَّ ٱللَّهَ لَهَادِ ٱلَّذِينَ ءَامَنُوٓاْ إِلَىٰ صِرَٰطٍ مُّسْتَقِيمٍ ٥٤

"Dan sesungguhnya Allah itulah yang memberi hidayat kepada orang-orang yang beriman ke jalan yang lurus."(54)

Di dalam perilaku hidup Rasulullah s.a.w. dan di dalam sejarah da'wah Islam kita dapat menemui contoh-contoh seperti ini, hingga tidak memerlukan kita membuat ta'wilan-ta'wilan terhadap Kalamullah seperti yang telah dibayangkan oleh al-Imam ibn Jarir Rahimahullah.

Cita-cita Rasulullah Yang Ditegur Allah

Di antaranya ialah contoh yang kita dapati di dalam kisah Ibn Ummi Maktum r.a., iaitu seorang sahabat yang buta dan miskin. Dia datang menemui Rasulullah s.a.w. dan berkata: "Wahai Rasulullah! Bacalah dan ajarlah kepadaku sebahagian dari apa yang telah diajarkan Allah kepada anda!" Dia mengulang-ngulangkan perkataan ini, sedangkan Rasulullah s.a.w. sedang sibuk melayani al-Walid ibn al-Mughirah. Beliau bercita-cita agar dapat memujuk al-Walid dan pembesar-pembesar Quraysy yang ada bersamanya kepada agama Islam. Ibn Ummi Maktum tidak tahu bahawa Rasulullah s.a.w. sedang sibuk dengan perkara ini sehingga beliau merasa bosan dengan gesaan-gesaan Ibn Ummi Maktum lalu memasamkan mukanya dan tidak menghiraukannya. Mengenai peristiwa ini Allah telah menurunkan ayat-ayat Al-Qur'an dan menegur beliau dengan teguran yang keras:

عَبَسَ وَتَوَلَّىٰٓ ١ أَن جَآءَهُ ٱلْأَعْمَىٰ ٢ وَمَا يُدْرِيكَ لَعَلَّهُۥ
يَزَّكَّىٰٓ ٣ أَوْ يَذَّكَّرُ فَتَنفَعَهُ ٱلذِّكْرَىٰٓ ٤ أَمَّا مَنِ ٱسْتَغْنَىٰ ٥
فَأَنتَ لَهُۥ تَصَدَّىٰ ٦ وَمَا عَلَيْكَ أَلَّا يَزَّكَّىٰ ٧ وَأَمَّا مَن
جَآءَكَ يَسْعَىٰ ٨ وَهُوَ يَخْشَىٰ ٩ فَأَنتَ عَنْهُ تَلَهَّىٰ ١٠
كَلَّآ إِنَّهَا تَذْكِرَةٌ ١١ فَمَن شَآءَ ذَكَرَهُۥ ١٢

"Dia (Muhammad) telah memasamkan mukanya dan berpaling ke lain, kerana seorang yang buta datang menemuinya. (Wahai Muhammad) tahukah engkau

barangkali dia datang dengan tujuan untuk membersihkan dirinya, atau untuk mencari pengajaran dan pengajaran itu berguna kepadanya. Tetapi orang yang merasa dirinya cukup, maka engkau telah memberi layanan yang baik kepadanya, sedangkan tiada menjadi apa-apa kesalahan kepadamu jika ia enggan membersihkan dirinya (beriman), tetapi orang yang datang (tergesa-gesa) menemuimu, dan dia takut kepada Allah, maka engkau telah abaikannya. Tidak sekali-kali begitu. Sesungguhnya ayat Al-Qur'an itu suatu peringatan. Oleh itu siapa yang mahu ia boleh mengambil pengajaran darinya."

(Surah 'Abasa: 1-12)

Demikianlah Allah mengembalikan kepada da'wah pertimbangan-pertimbangannya yang halus dan nilai-nilainya yang betul, dan membetulkan tindak-tanduk Rasulullah s.a.w. yang terlanjur kerana didorong oleh keinginan dan cita-cita beliau untuk menghidayatkan pembesar-pembesar Quraysy dengan harapan orang ramai Quraysy di belakang mereka akan turut menganut Islam. Allah telah menjelaskan kepada beliau bahawa berda'wah dengan lurus dan tetap teguh di atas dasar-dasarnya yang halus adalah lebih penting dari keislaman para pembesar Quraysy itu, dan Allah telah menggagalkan tipu daya syaitan yang mahu menembusi 'aqidah Islam dengan perantaraan lubang ini dan mengukuhkan ayat-ayat-Nya. Pernyataan ini telah membuat hati kaum Mu'minin menjadi tenang.

Selepas teguran ini Rasulullah s.a.w. sentiasa memuliakan Ibn Ummi Maktum dan berkata apabila beliau melihatnya: "Selamat datang orang yang kerananya aku ditegur Tuhanku" sambil bertanya: "Ada apa-apa hajat?" Beliau pernah melantik Ibn Ummi Maktum sebanyak dua kali sebagai pemangku pemerintah Madinah.

Satu peristiwa yang seperti itu juga telah berlaku sebagaimana telah diriwayatkan oleh Muslim di dalam Sahihnya, katanya: Kami telah diceritakan oleh Abu Bakr ibn Abu Syaybah, kami telah diceritakan oleh Muhammad ibn Abdullah al-Asadi daripada Israel daripada al-Miqdam ibn Syurayh daripada bapanya, daripada Sa'd iaitu Ibn Abu Waqqas katanya: "Kami enam orang bersama-sama Rasulullah s.a.w.". Lalu orang-orang Musyrikin berkata kepada Nabi s.a.w.: "Usirkan sahaja mereka itu supaya mereka tidak mengganggu kami". Kata Sa'd: "(Ketika itu) aku bersama Ibn Mas'ud dan seorang lelaki dari suku Huzayl, Bilal dan dua orang lelaki lagi yang telah aku lupai nama mereka". Perkataan orang-orang Musyrikin itu sedikit sebanyak telah menarik hati Rasululullah s.a.w. menyebabkan beliau terlintas di dalam hatinya untuk bertindak begitu, lalu Allah Azzawajalla menurunkan ayat:

وَلَا تَطْرُدِ ٱلَّذِينَ يَدْعُونَ رَبَّهُم بِٱلْغَدَوٰةِ وَٱلْعَشِيِّ يُرِيدُونَ وَجْهَهُۥ

"Dan janganlah engkau usir orang-orang yang beribadat kepada Tuhan mereka pagi dan petang, sedangkan mereka semata-mata mahukan keredhaan-Nya."

(Surah al-An'am: 52)

Demikianlah Allah mengembalikan kepada da'wah nilai-nilainya yang lurus dan pertimbangan-pertimbangan yang halus dan menolak tipu daya syaitan yang mahu menembusi da'wah melalui lubang itu, iaitu lubang angan-angan dan cita-cita manusia yang mahu menarik pembesar-pembesar Quraysy dengan memperkenankan permintaan mereka supaya para sahabat yang miskin itu tidak dibenarkan turut menghadiri majlis pertemuan mereka dengan Rasulullah s.a.w., kerana nilai-nilai da'wah itu lebih penting lagi dari pembesar-pembesar itu, juga lebih penting dari keislaman mereka yang mungkin akan diikuti oleh ribuan orang-orang Quraysy. Ia lebih penting dari menguatkan da'wah dengan keislaman mereka di peringkat awal pertumbuhan da'wah sebagaimana yang diangan-angankan Rasulullah s.a.w., sedangkan Allah lebih mengetahui sumber kekuatan yang sebenar, iaitu bersikap tetap teguh dan lurus tanpa memelihara keinginan peribadi dan kehendak adat resam yang wujud.

Satu lagi peristiwa yang mungkin dapat dihubungkan dengan dua contoh peristiwa yang telah lepas itu, iaitu peristiwa yang berlaku kepada Zainab binti Jahsy sepupu Rasulullah s.a.w. Beliau telah mengahwinkannya dengan Zayd bin Harithah anak angkatnya. Sebelum beliau menjadi nabi, ia dipanggil Zayd ibn Muhammad. Kemudian Allah S.W.T. mahu memutuskan hubungan anak dan keturunan ini lalu Allah menurunkan ayat:

ٱدْعُوهُمْ لِءَابَآئِهِمْ هُوَ أَقْسَطُ عِندَ ٱللَّهِ

"Panggillah anak-anak angkat itu dengan bin bapa mereka yang sebenar. Itulah yang lebih adil di sisi Allah."

(Surah al-Ahzab: 5)

Dan firman-Nya lagi:

وَمَا جَعَلَ أَدْعِيَآءَكُمْ أَبْنَآءَكُمْ

"Dan Dia (Allah) tidak menjadikan anak-anak angkat kamu itu sebagai anak-anak kamu sendiri."

(Surah al-Ahzab: 4)

Zayd r.a. itu merupakan seorang yang amat disayangi Rasulullah s.a.w., lalu beliau mengahwinkannya dengan sepupu beliau sendiri Zainab binti Jahsy r.a., tetapi kehidupan rumahtangga mereka tidak mendapat kerukunan dan kedamaian. Orang-orang Arab di zaman jahiliyah tidak suka berkahwin dengan janda yang dicerai oleh anak angkat mereka dan Allah S.W.T. mahu menghapuskan adat ini sebagaimana Allah telah menghapuskan adat memanggil anak angkat dengan bin yang lain dari bin bapanya yang sebenar, lalu Allah memberitahu kepada Rasulullah s.a.w. bahawa

dia mahu mengahwinkannya dengan Zainab setelah diceraikan Zayd kelak supaya peraturan ini dapat menghapuskan peraturan lama itu, tetapi Nabi s.a.w. menyembunyikan di dalam hatinya segala apa yang telah diberitahu oleh Allah kepadanya. Biasanya pada setiap kali Zayd datang mengadu kepada beliau bahawa dia tidak sanggup lagi hidup bersama Zainab beliau berkata kepadanya, *"Peganglah isterimu itu"* kerana menjaga perasaan kaumnya yang tentu tidak suka apabila beliau berkahwin dengan Zainab selepas ia diceraikan Zayd. Beliau terus menyembunyikan apa yang telah ditetapkan Allah supaya dizahirkannya kepada umum sehingga Zayd menceraikan isterinya Zainab. Mengenai perkara ini Allah telah menurunkan ayat-ayat yang mendedahkan perasaan-perasaan yang berkecamuk di dalam hati Rasulullah s.a.w. dan menjelaskan peraturan-peraturan yang dikehendaki Allah supaya menjadi undang-undang syari'at-Nya dalam persoalan ini:

وَإِذْ تَقُولُ لِلَّذِىٓ أَنْعَمَ ٱللَّهُ عَلَيْهِ وَأَنْعَمْتَ عَلَيْهِ
أَمْسِكْ عَلَيْكَ زَوْجَكَ وَٱتَّقِ ٱللَّهَ وَتُخْفِى فِى نَفْسِكَ
مَا ٱللَّهُ مُبْدِيهِ وَتَخْشَى ٱلنَّاسَ وَٱللَّهُ أَحَقُّ أَن تَخْشَىٰهُ ۖ
فَلَمَّا قَضَىٰ زَيْدٌ مِّنْهَا وَطَرًا زَوَّجْنَٰكَهَا لِكَىْ لَا يَكُونَ
عَلَى ٱلْمُؤْمِنِينَ حَرَجٌ فِىٓ أَزْوَٰجِ أَدْعِيَآئِهِمْ إِذَا قَضَوْا۟
مِنْهُنَّ وَطَرًا ۚ وَكَانَ أَمْرُ ٱللَّهِ مَفْعُولًا ﴿٣٧﴾

"Dan (kenangilah) ketika engkau berkata kepada orang yang telah dikurniakan Allah (ni'mat Islam) kepadanya dan yang engkau juga telah memberi ni'mat (kemerdekaan) kepadanya: Peganglah (jangan cerai) isterimu itu dan bertaqwalah kepada Allah, sedangkan engkau menyembunyikan di dalam hatimu rahsia yang telah dinyatakan Allah (kepadamu) dan engkau takut kepada manusia, sedangkan Allah itulah yang lebih berhak ditakutimu. Dan apabila Zayd telah mengakhiri kehendaknya terhadap isterinya (menceraikannya), Kami kahwinkan engkau dengannya supaya tidak ada keberatan bagi orang-orang Mu'min untuk mengahwinkan isteri anak-anak angkat mereka apabila mereka telah mengakhiri kehendak mereka terhadap isteri-isteri mereka dan keputusan Allah itu adalah keputusan yang tetap dikuatkuasakan."

(Surah al-Ahzab: 37)

Amatlah benar dan tepat kata-kata 'Aisyah r.a. apabila dia berkata: Jika Muhammad s.a.w. telah menyembunyikan sesuatu dari ayat-ayat Kitabullah Ta'ala yang diwahyukan kepadanya tentulah beliau menyembunyikan ayat ini:

وَتُخْفِى فِى نَفْسِكَ مَا ٱللَّهُ مُبْدِيهِ وَتَخْشَى ٱلنَّاسَ وَٱللَّهُ
أَحَقُّ أَن تَخْشَىٰهُ ۖ

"....Sedangkan engkau menyembunyikan di dalam hatimu rahsia yang telah dinyatakan Allah (kepadamu) dan engkau takut kepada manusia, sedangkan Allah itulah yang lebih berhak ditakutimu...."

(Surah al-Ahzab: 37)

Demikianlah Allah menjalan dan mengukuhkan syari'at-Nya dan mendedahkan perasaan hati Rasulullah s.a.w. terhadap kebencian kaumnya apabila beliau mengahwini janda anak angkatnya. Allah tidak memberi peluang kepada syaitan memasuki lubang ini. Allah telah membiarkan orang-orang yang mempunyai hati yang berpenyakit dan degil itu menggunakan peristiwa ini sebagai bahan pertengkaran dan perdebatan yang terus menerus!!.

******

Inilah pentafsiran yang kami senangi dan yakini dalam mentafsirkan ayat-ayat tadi dan Allahlah jua yang memberi hidayat kepada pentafsiran yang betul.

Keghairahan Para Penda'wah Untuk Mencapai Kejayaan Segera Boleh Memesongkan Matlamat Da'wah

Keghairahan dan kehangatan semangat para penda'wah - selepas para rasul - dan keinginan mereka yang berkobar-kobar untuk melihat persebaran da'wah dan kemenangannya, kadang-kadang mendorong mereka bertindak menarik setengah-setengah tokoh atau setengah-setengah anasir tertentu dengan cara mengabaikan pada peringkat awal sesuatu dari kehendak-kehendak da'wah yang difikirkan mereka sebagai kehendak da'wah yang tidak asasi dan dengan cara mengikut angin tokoh-tokoh itu dalam setengah-setengah urusan mereka dengan tujuan supaya mereka tidak liar terhadap da'wah dan tidak bangkit menentangnya.

Keghairahan itu juga kadang-kadang mendorong mereka menggunakan sarana-sarana dan cara-cara yang tidak sesuai dengan pertimbangan-pertimbangan da'wah yang halus dan tidak pula sesuai dengan jalan da'wah yang lurus. Mereka berbuat begitu dengan cita-cita dan harapan agar da'wah itu tersebar dan berjaya dengan cepat atau sebagai satu langkah ikhtiar untuk melaksanakan "kepentingan da'wah" (مصلحة الدعوة), sedangkan kepentingan da'wah yang sebenar adalah terletak pada kejujuran da'wah mengikut jalannya yang lurus tanpa menyeleweng sedikit pun. Sebenarnya hasil-hasil perjuangan da'wah itu merupakan perkara ghaib yang hanya diketahui Allah sahaja. Oleh sebab itu para pejuang da'wah tidak seharusnya membuat kira-kira hasil perjuangan ini, malah kewajipan mereka ialah meneruskan perjuangan mereka mengikut jalan da'wah yang terang dan menyerahkan hasil perjuangan yang jujur ini kepada Allah dan sudah tentu hasil yang baik akan tercapai pada akhir perjuangan itu.

Lihatlah Al-Qur'anul-Karim sendiri mengingatkan mereka bahawa syaitan sentiasa memerhati angan-angan dan cita-cita mereka untuk mengambil peluang menembusi jantung da'wah menerusi lubang angan-angan itu. Dan andainya Allah S.W.T. telah

memelihara dan melindungi para anbiya' dan para rasul-Nya (dari tipu daya syaitan) dan menghalangkan syaitan dari menembusi da'wah mereka melalui lubang keinginan-keinginan mereka yang semulajadi, maka para penda'wah yang tidak ma'sum lebih perlu lagi berhati-hati dan berwaspada dalam aspek ini agar mereka tidak diserang syaitan melalui lubang angan-angan dan cita-cita mereka untuk mencapai kemenangan da'wah dan menjaga "kepentingan da'wah". Kata-kata "kepentingan da'wah" pastilah dihapuskan dari kamus pejuang da'wah, kerana kata-kata itu boleh menggelincirkan mereka dan menjadi pintu untuk syaitan masuk menyerang mereka apabila ia merasa sukar menyerang mereka dari pintu kepentingan peribadi. Kadang-kadang "kepentingan da'wah" bertukar menjadi seolah-olah berhala yang disembah para pejuang da'wah sehingga mereka lupakan jalan da'wah yang semulajadi, sedangkan kewajipan para penda'wah ialah berjuang dengan lurus dan jujur mengikut jalan da'wah yang sebenar, dan mereka harus mematuhi jalan ini tanpa menghiraukan apa sahaja hasil dan akibat dari kepatuhan itu yang mungkin dipandang mereka sebagai sesuatu yang membahayakan da'wah dan para pejuangnya, kerana satu-satunya bahaya yang harus dijaga mereka ialah bahaya penyelewengan dari jalan da'wah kerana sesuatu sebab yang tertentu, sama ada penyelewengan itu banyak atau sedikit. Allah lebih mengetahui daripada mereka tentang kepentingan da'wah-Nya dan mereka sememangnya tidak ditugas untuk memikirkan soal kepentingan da'wah, malah satu-satunya tugas yang diperintahkan kepada mereka ialah mereka jangan menyeleweng dari jalan da'wah yang sebenar.

******

(Pentafsiran ayat-ayat 55 -57)

Kemudian Al-Qur'an iringi ayat-ayat yang menyuruh memelihara da'wah dari tipu daya syaitan itu dengan ayat-ayat yang menyatakan bahawa orang-orang yang menolak da'wah itu adalah orang-orang yang terusir dari rahmat Allah dan mereka sedang ditunggu 'azab Akhirat yang amat hina.

وَلَا يَزَالُ ٱلَّذِينَ كَفَرُوا۟ فِى مِرْيَةٍ مِّنْهُ حَتَّىٰ تَأْتِيَهُمُ
ٱلسَّاعَةُ بَغْتَةً أَوْ يَأْتِيَهُمْ عَذَابُ يَوْمٍ عَقِيمٍ ﴿٥٥﴾
ٱلْمُلْكُ يَوْمَئِذٍ لِّلَّهِ يَحْكُمُ بَيْنَهُمْ فَٱلَّذِينَ
ءَامَنُوا۟ وَعَمِلُوا۟ ٱلصَّٰلِحَٰتِ فِى جَنَّٰتِ ٱلنَّعِيمِ ﴿٥٦﴾
وَٱلَّذِينَ كَفَرُوا۟ وَكَذَّبُوا۟ بِـَٔايَٰتِنَا فَأُو۟لَٰٓئِكَ
لَهُمْ عَذَابٌ مُّهِينٌ ﴿٥٧﴾

"Orang-orang yang kafir itu terus berada di dalam keraguan terhadap Al-Qur'an sehingga mereka dilanda Qiamat secara mendadak atau dilanda 'azab hari yang mandul (55). Kuasa pemerintahan pada hari itu hanya dipegang oleh Allah sahaja. Dialah yang akan menghukumkan di antara mereka. Oleh itu orang-orang yang beriman dan mengerjakan amalan yang soleh akan ditempatkan di dalam Syurga yang penuh ni'mat (56). Dan orang-orang yang kafir dan mendustakan ayat-ayat Kami akan memperolehi 'azab seksa yang amat hina."(57)

Itulah sikap orang-orang kafir seluruhnya terhadap Al-Qur'an. Hakikat ini disebut di sini setelah Al-Qur'an menerangkan pendirian mereka terhadap fitnah yang dicampakkan syaitan di dalam angan-angan dan cita-cita para Anbiya' dan Rasul. Kedua-dua keadaan ini mempunyai titik-titik keserupaan dan pertalian. Orang-orang kafir masih terus sangsi dan ragu-ragu terhadap Al-Qur'an. Punca keraguan ini ialah kerana hati mereka belum lagi mengecapi kemanisan Al-Qur'an dan memahami hakikat dan kebenaran yang terkandung di dalamnya. Mereka akan terus berada di dalam keadaan ini.

حَتَّىٰ تَأْتِيَهُمُ ٱلسَّاعَةُ بَغْتَةً أَوْ يَأْتِيَهُمْ عَذَابُ يَوْمٍ
عَقِيمٍ ﴿٥٥﴾

"Sehingga mereka dilanda Qiamat secara mendadak atau dilanda 'azab hari yang mandul"(55)

setelah berlakunya Qiamat. Al-Qur'an sifatkan hari ini dengan sifat "عقيم" (mandul) untuk membayangkan satu suasana khusus kerana hari ini tidak akan diiringi lagi dengan hari-hari yang lain. Ia adalah hari yang terakhir.

Kuasa pemerintahan pada hari ini berada di tangan qudrat Allah Yang Maha Esa sahaja. Tiada siapa pun yang berkuasa walaupun kuasa zahir yang dianggap kuasa oleh manusia di bumi. Kuasa menghukum pada hari ini hanya dimiliki Allah sahaja. Dialah sahaja yang menentukan balasan yang telah ditetapkan kepada setiap golongan:

فَٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ وَعَمِلُوا۟ ٱلصَّٰلِحَٰتِ فِى جَنَّٰتِ
ٱلنَّعِيمِ ﴿٥٦﴾
وَٱلَّذِينَ كَفَرُوا۟ وَكَذَّبُوا۟ بِـَٔايَٰتِنَا فَأُو۟لَٰٓئِكَ
لَهُمْ عَذَابٌ مُّهِينٌ ﴿٥٧﴾

"Oleh itu orang-orang yang beriman dan mengerjakan amalan yang soleh akan ditempatkan di dalam Syurga yang penuh ni'mat (56). Dan orang-orang yang kafir dan mendustakan ayat-ayat Kami akan memperolehi 'azab seksa yang amat hina."(57)

Sebagai balasan tipu daya jahat mereka terhadap agama Allah, juga sebagai balasan pendustaan mereka terhadap ayat-ayatnya yang jelas dan balasan

terhadap keangkuhan mereka dari menta'ati dan menyerah diri kepada Allah.

(Kumpulan ayat-ayat 58 -78)

وَالَّذِينَ هَاجَرُوا فِي سَبِيلِ اللَّهِ ثُمَّ قُتِلُوا أَوْ مَاتُوا
لَيَرْزُقَنَّهُمُ اللَّهُ رِزْقًا حَسَنًا ۚ وَإِنَّ اللَّهَ لَهُوَ
خَيْرُ الرَّازِقِينَ ﴿٥٨﴾
لَيُدْخِلَنَّهُم مُّدْخَلًا يَرْضَوْنَهُ ۗ وَإِنَّ اللَّهَ
لَعَلِيمٌ حَلِيمٌ ﴿٥٩﴾
ذَٰلِكَ ۖ وَمَنْ عَاقَبَ بِمِثْلِ مَا عُوقِبَ بِهِ ثُمَّ
بُغِيَ عَلَيْهِ لَيَنصُرَنَّهُ اللَّهُ ۗ إِنَّ اللَّهَ لَعَفُوٌّ
غَفُورٌ ﴿٦٠﴾
ذَٰلِكَ بِأَنَّ اللَّهَ يُولِجُ اللَّيْلَ فِي النَّهَارِ وَيُولِجُ
النَّهَارَ فِي اللَّيْلِ وَأَنَّ اللَّهَ سَمِيعٌ بَصِيرٌ ﴿٦١﴾
ذَٰلِكَ بِأَنَّ اللَّهَ هُوَ الْحَقُّ وَأَنَّ مَا يَدْعُونَ مِن
دُونِهِ هُوَ الْبَاطِلُ وَأَنَّ اللَّهَ هُوَ الْعَلِيُّ الْكَبِيرُ ﴿٦٢﴾
أَلَمْ تَرَ أَنَّ اللَّهَ أَنزَلَ مِنَ السَّمَاءِ مَاءً فَتُصْبِحُ
الْأَرْضُ مُخْضَرَّةً ۗ إِنَّ اللَّهَ لَطِيفٌ خَبِيرٌ ﴿٦٣﴾
لَّهُ مَا فِي السَّمَاوَاتِ وَمَا فِي الْأَرْضِ ۗ وَإِنَّ اللَّهَ
لَهُوَ الْغَنِيُّ الْحَمِيدُ ﴿٦٤﴾
أَلَمْ تَرَ أَنَّ اللَّهَ سَخَّرَ لَكُم مَّا فِي الْأَرْضِ وَالْفُلْكَ
تَجْرِي فِي الْبَحْرِ بِأَمْرِهِ وَيُمْسِكُ السَّمَاءَ أَن تَقَعَ
عَلَى الْأَرْضِ إِلَّا بِإِذْنِهِ ۗ إِنَّ اللَّهَ بِالنَّاسِ لَرَءُوفٌ
رَّحِيمٌ ﴿٦٥﴾
وَهُوَ الَّذِي أَحْيَاكُمْ ثُمَّ يُمِيتُكُمْ ثُمَّ يُحْيِيكُمْ ۗ
إِنَّ الْإِنسَانَ لَكَفُورٌ ﴿٦٦﴾

لِّكُلِّ أُمَّةٍ جَعَلْنَا مَنسَكًا هُمْ نَاسِكُوهُ ۖ فَلَا
يُنَازِعُنَّكَ فِي الْأَمْرِ ۚ وَادْعُ إِلَىٰ رَبِّكَ ۖ إِنَّكَ لَعَلَىٰ
هُدًى مُّسْتَقِيمٍ ﴿٦٧﴾
وَإِن جَادَلُوكَ فَقُلِ اللَّهُ أَعْلَمُ بِمَا تَعْمَلُونَ ﴿٦٨﴾
اللَّهُ يَحْكُمُ بَيْنَكُمْ يَوْمَ الْقِيَامَةِ فِيمَا كُنتُمْ
فِيهِ تَخْتَلِفُونَ ﴿٦٩﴾
أَلَمْ تَعْلَمْ أَنَّ اللَّهَ يَعْلَمُ مَا فِي السَّمَاءِ وَالْأَرْضِ ۗ
إِنَّ ذَٰلِكَ فِي كِتَابٍ ۚ إِنَّ ذَٰلِكَ عَلَى اللَّهِ يَسِيرٌ ﴿٧٠﴾
وَيَعْبُدُونَ مِن دُونِ اللَّهِ مَا لَمْ يُنَزِّلْ بِهِ سُلْطَانًا
وَمَا لَيْسَ لَهُم بِهِ عِلْمٌ ۗ وَمَا لِلظَّالِمِينَ مِن نَّصِيرٍ ﴿٧١﴾
وَإِذَا تُتْلَىٰ عَلَيْهِمْ آيَاتُنَا بَيِّنَاتٍ تَعْرِفُ فِي وُجُوهِ
الَّذِينَ كَفَرُوا الْمُنكَرَ ۖ يَكَادُونَ يَسْطُونَ بِالَّذِينَ
يَتْلُونَ عَلَيْهِمْ آيَاتِنَا ۗ قُلْ أَفَأُنَبِّئُكُم بِشَرٍّ مِّن ذَٰلِكُمُ ۗ
النَّارُ وَعَدَهَا اللَّهُ الَّذِينَ كَفَرُوا ۖ وَبِئْسَ الْمَصِيرُ ﴿٧٢﴾
يَا أَيُّهَا النَّاسُ ضُرِبَ مَثَلٌ فَاسْتَمِعُوا لَهُ ۚ إِنَّ
الَّذِينَ تَدْعُونَ مِن دُونِ اللَّهِ لَن يَخْلُقُوا ذُبَابًا
وَلَوِ اجْتَمَعُوا لَهُ ۖ وَإِن يَسْلُبْهُمُ الذُّبَابُ شَيْئًا لَّا
يَسْتَنقِذُوهُ مِنْهُ ۚ ضَعُفَ الطَّالِبُ وَالْمَطْلُوبُ ﴿٧٣﴾
مَا قَدَرُوا اللَّهَ حَقَّ قَدْرِهِ ۗ إِنَّ اللَّهَ لَقَوِيٌّ عَزِيزٌ ﴿٧٤﴾
اللَّهُ يَصْطَفِي مِنَ الْمَلَائِكَةِ رُسُلًا وَمِنَ
النَّاسِ ۚ إِنَّ اللَّهَ سَمِيعٌ بَصِيرٌ ﴿٧٥﴾
يَعْلَمُ مَا بَيْنَ أَيْدِيهِمْ وَمَا خَلْفَهُمْ ۗ وَإِلَى اللَّهِ
تُرْجَعُ الْأُمُورُ ﴿٧٦﴾
يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا ارْكَعُوا وَاسْجُدُوا

وَٱعۡبُدُواْ رَبَّكُمۡ وَٱفۡعَلُواْ ٱلۡخَيۡرَ لَعَلَّكُمۡ
تُفۡلِحُونَ ۩ ٧٧
وَجَٰهِدُواْ فِي ٱللَّهِ حَقَّ جِهَادِهِۦۚ هُوَ ٱجۡتَبَىٰكُمۡ
وَمَا جَعَلَ عَلَيۡكُمۡ فِي ٱلدِّينِ مِنۡ حَرَجٖۚ مِّلَّةَ أَبِيكُمۡ
إِبۡرَٰهِيمَۚ هُوَ سَمَّىٰكُمُ ٱلۡمُسۡلِمِينَ مِن قَبۡلُ
وَفِي هَٰذَا لِيَكُونَ ٱلرَّسُولُ شَهِيدًا عَلَيۡكُمۡ وَتَكُونُواْ
شُهَدَآءَ عَلَى ٱلنَّاسِۚ فَأَقِيمُواْ ٱلصَّلَوٰةَ وَءَاتُواْ ٱلزَّكَوٰةَ
وَٱعۡتَصِمُواْ بِٱللَّهِ هُوَ مَوۡلَىٰكُمۡۖ فَنِعۡمَ ٱلۡمَوۡلَىٰ وَنِعۡمَ
ٱلنَّصِيرُ ٧٨

"Dan orang-orang yang berhijrah fi Sabilillah kemudian dibunuh atau mati, mereka tetap akan dikurniakan Allah rezeki yang amat baik dan sesungguhnya Allah itu sebaik-baik Pemberi rezeki (58). Dan mereka tetap akan dimasukkan ke tempat yang disukai mereka dan sesungguhnya Allah Maha Mengetahui dan Maha Penyabar (59). Demikianlah (balasan Allah) dan barang siapa yang membalas dengan balasan yang seimbang dengan penganiayaan yang dilakukan kepadanya kemudian dia dicerobohi lagi, maka Allah tetap akan menolongnya. Sesungguhnya Allah Maha Pemaaf dan Maha Pengampun (60). Pertolongan sedemikian (tetap akan diberi) kerana Allah (berkuasa) memasukkan malam ke dalam siang dan memasukkan siang ke dalam malam dan sesungguhnya Allah Maha Mendengar dan Maha Melihat (61). Pertolongan sedemikian (tetap akan diberi) kerana Allah itulah Tuhan yang sebenar dan segala apa yang disembahkan mereka selain daripada-Nya adalah tuhan yang palsu dan sesungguhnya Allah itulah Tuhan yang Maha Tinggi dan Maha Besar (62). Tidakkah engkau melihat bahawa Allah menurunkan hujan dari langit lalu jadilah bumi itu subur menghijau. Sesungguhnya Allah Maha Halus dan Maha Mendalam Ilmu-Nya (63). Dia memiliki segala isi langit dan segala isi bumi, dan sesungguhnya Allah Maha Kaya dan Maha Terpuji (64). Tidakkah engkau melihat bahawa Allah telah menundukkan kepada kamu segala apa yang ada di bumi dan kapal-kapal yang belayar di dalam lautan dengan perintah-Nya, dan Dialah yang menahan langit dari jatuh ke atas bumi melainkan dengan izin-Nya. Sesungguhnya Allah Maha Penyayang dan Maha Pengasih terhadap manusia (65). Dan Dialah yang menghidupkan kamu kemudian mematikan kamu, kemudian menghidupkan kamu kembali. Sesungguhnya manusia itu amat kufur (66). Kami telah jadikan bagi setiap umat itu syari'at yang tertentu yang diamalkan mereka masing-masing. Oleh itu janganlah mereka menentang engkau di dalam urusan syari'at ini. Dan serulah (wahai Muhammad) kepada Tuhanmu. Sesungguhnya engkau adalah berada di jalan hidayah yang lurus (67). Dan jika mereka membantah engkau, maka katakanlah: Allah lebih mengetahui segala apa yang dilakukan kamu (68). Allah akan menghukumkan di antara kamu pada hari Qiamat mengenai perkara-perkara yang telah dipertikaikan kamu (69). Tidakkah engkau mengetahui bahawa Allah mengetahui segala apa yang ada di langit dan di bumi. Sesungguhnya segala-galanya itu tertulis di dalam kitab al-Lauhul-Mahfuz. Sesungguhnya segala-galanya itu amat mudah kepada Allah (70). Dan mereka menyembah yang lain dari Allah yang tidak pernah diturunkan Allah sesuatu keterangan (yang membenarkan mereka berbuat demikian) dan mereka sendiri tidak mengetahui suatu apa mengenainya, dan orang-orang yang zalim itu tidak akan mendapat seorang penolong pun (71). Dan apabila dibacakan kepada mereka ayat-ayat Kami yang jelas, engkau dapat mengenal pada muka orang-orang yang kafir itu tanda-tanda keingkaran. Mereka hampir-hampir bertindak menyerang orang-orang yang membaca ayat-ayat Kami kepada mereka. Katakanlah (wahai Muhammad): Mahukah aku khabarkan kepada kamu sesuatu yang lebih buruk daripada itu lagi? Balasan api Neraka itulah yang dijanjikan Allah kepada orang-orang yang kafir dan itulah seburuk-buruk tempat kembali (72). Wahai manusia! Satu perbandingan telah dibuat, maka dengarlah perbandingan itu. Sesungguhnya sembahan-sembahan yang kamu sembah selain Allah itu tidak akan berkuasa menciptakan seekor lalat walaupun mereka berkumpul dan bekerjasama untuk menciptakannya, dan jika lalat itu merampas sesuatu dari mereka, nescaya mereka tidak berdaya mengambilnya kembali darinya. Yang menyembah pun begitu lemah dan yang disembah juga begitu lemah (73). Mereka tidak menghormati Allah dengan penghormatan yang wajar dengannya. Sesungguhnya Allah Maha Gagah dan Maha Perkasa (74). Allah memilih para utusan-Nya dari malaikat dan manusia. Sesungguhnya Allah Maha Mendengar dan Maha Melihat (75). Allah mengetahui segala apa yang berada di hadapan mereka dan segala apa yang berada di belakang mereka dan hanya kepada Allah dikembalikan segala urusan (76). Wahai orang-orang yang beriman! Ruku'lah kamu, sujudlah kamu dan beribadatlah kepada Tuhan kamu dan kerjakanlah amalan-amalan yang baik supaya kamu mendapat keberuntungan (77). Dan berjihadlah kamu pada jalan Allah dengan jihad yang sebenar-benarnya. Dialah yang telah memilih kamu dan Dia sekali-kali tidak menjadi sesuatu yang menyulitkan kamu di dalam agama ini, iaitu agama moyang kamu Nabi Ibrahim, dan Dialah yang menamakan kamu kaum Muslimin di zaman dahulu, juga di dalam Al-Qur'an ini supaya Rasulullah (Muhammad) menjadi saksi di atas kamu dan supaya kamu pula menjadi saksi di atas seluruh manusia yang lain. Oleh itu dirikanlah solat dan keluarkanlah zakat dan berpeganglah kepada Allah. Dialah Pelindung kamu, dan Dialah sebaik-baik Pelindung dan sebaik-baik Pemberi pertolongan."(78)

(Latar belakang dan pokok pembicaraan)

Pelajaran yang telah lalu berakhir dengan ayat-ayat yang menerangkan akibat-akibat yang akan diterima para Mu'min dan para pendusta pada hari Qiamat, di mana teraju pemerintahannya dikendalikan oleh Allah Yang Esa sahaja. Semuanya diterangkan ketika menjelaskan bahawa Allah tetap menolong para rasul-Nya, memelihara da'wah-Nya dan tetap memberikan ganjaran kepada orang yang beriman kepada da'wah itu, dan mengenakan hukuman yang berat kepada orang yang mendustakannya.

Kini pelajaran ini dimulakan dengan pembicaraan mengenai kaum Muhajirin setelah mereka diberi kebenaran berperang kerana mempertahankan 'aqidah dan ibadat mereka, juga kerana membela

keselamatan diri mereka dari tindakan-tindakan yang zalim. Mereka telah diusirkan dari kampung halaman mereka tanpa sesuatu kesalahan yang wajar, malah satu-satunya kesalahan mereka ialah kerana mereka berkata: *"Tuhan kami ialah Allah"* (ربنا الله). Di sini Al-Qur'an menceritakan ganti rugi yang telah disediakan Allah untuk mereka sebagai menggantikan kampung halaman dan harta benda yang ditinggalkan mereka.

Kemudian Al-Qur'an secara umum memperkatakan satu peraturan umum mengenai orang-orang yang dicerobohi kemudian mereka membalas dengan tindakan yang sama. Kemudian mereka dicerobohi pula sekali lagi, maka Al-Qur'an dengan tegas menjanjikan mereka dengan pertolongan Allah.

Kemudian janji yang teguh ini diiringi pula dengan pernyataan-pernyataan yang menayangkan bukti-bukti qudrat Ilahi yang menjamin bahawa janji yang teguh itu tetap akan dikotakan Allah. Itulah bukti-bukti kebuanaan yang dapat dilihat pada lembaran-lembaran alam buana dan undang-undang alam al-wujud. Bukti-bukti itu menyarankan bahawa pertolongan Allah kepada orang-orang yang teraniaya yang mempertahankan keselamatan diri dan melakukan tindakan yang setimpal terhadap orang yang melakukan penganiayaan itu, kemudian mereka diceroboh pula sekali lagi merupakan satu undang-undang yang berhubung rapat dengan undang-undang alam buana yang besar ini.

Setelah itu Al-Qur'an menujukan pembicaraannya kepada Rasulullah s.a.w. dengan menyatakan bahawa setiap umat itu mempunyai peraturan hidup masing-masing dan mereka diperintah dan disediakan supaya mematuhinya. Setiap umat itu sibuk dengan kaum Musyrikin. Oleh sebab itu beliau tidak seharusnya sibuk berdebat dengan kaum Musyrikin yang menentangnya dan memberi peluang kepada mereka membantah dan menyangkal syari'at yang dibawa beliau dan andainya mereka membantah dan mendebati beliau, maka hendaklah beliau menyerahkan perkara mereka kepada Allah, yang akan mengadili di antara mereka pada hari Qiamat kelak dalam persoalan-persoalan yang dipertikaikan mereka, kerana Allah lebih mengetahui hakikat 'aqidah yang dipegang mereka kerana Dia mengetahui segala isi langit dan bumi.

Kemudian Al-Qur'an menyindir tentang ibadat mereka yang menyembah tuhan-tuhan palsu yang tidak pernah dibenarkan Allah dan tidak diketahui mereka sedikit pun, juga menyindir kekerasan dan keliaran hati mereka dari mendengar kalimat yang benar sehingga mereka hampir-hampir menyerang orang-orang yang membaca Kalamullah kepada mereka. Al-Qur'an mengancam maksud mereka yang mahu menceroboh ke atas penda'wah agama yang benar itu dengan api Neraka, iaitu api Neraka yang telah dijadikan Allah sebagai tempat kembali mereka dan dijanjikan-Nya bahawa janji itu pasti akan menemui mereka.

Kemudian Al-Qur'an mengumumkan satu perisytiharan terbuka kepada seluruh umat manusia tentang kelemahan tuhan-tuhan palsu yang disembah mereka selain dari Allah. Ia menggambarkan kelemahan mereka dengan satu gambaran yang hina, yang bersih dari sebarang keterlaluan, tetapi cara penayangannya benar-benar dapat menonjolkan ciri kelemahan yang hina itu. Ia menggambarkan tuhan-tuhan itu dengan gambaran orang-orang yang tidak berupaya melawan lalat dan tidak berdaya merampas kembali apa yang telah dirampaskan oleh lalat dari mereka, sedangkan mereka dianggap tuhan-tuhan seperti yang didakwakan oleh kaum Musyrikin.

Pelajaran dan surah ini diakhiri dengan satu perintah yang ditujukan kepada umat Mu'min supaya mereka bangkit melaksanakan kewajipan-kewajipan mereka, iaitu kewajipan menyampaikan amanat Allah kepada umat manusia dan untuk maksud ini mereka harus bersedia dengan ruku', sujud, ibadat dan amalan-amalan yang baik dan mencari pertolongan kekuatan dengan mendirikan solat, men-geluarkan zakat dan berpegang kepada Allah.

******

(Pentafsiran ayat-ayat 58 -62)

وَالَّذِينَ هَاجَرُوا فِي سَبِيلِ اللَّهِ ثُمَّ قُتِلُوا أَوْ مَاتُوا
لَيَرْزُقَنَّهُمُ اللَّهُ رِزْقًا حَسَنًا ۚ وَإِنَّ اللَّهَ لَهُوَ
خَيْرُ الرَّازِقِينَ ﴿٥٨﴾
لَيُدْخِلَنَّهُمْ مُدْخَلًا يَرْضَوْنَهُ ۗ وَإِنَّ اللَّهَ
لَعَلِيمٌ حَلِيمٌ ﴿٥٩﴾

"Dan orang-orang yang berhijrah fi Sabilillah kemudian dibunuh atau mati, mereka tetap akan dikurniakan Allah rezeki yang amat baik dan sesungguhnya Allah itu sebaik-baik Pemberi rezeki (58). Dan mereka tetap akan dimasukkan ke tempat yang disukai mereka dan sesungguhnya Allah Maha Mengetahui dan Maha Penyabar."(59)

Kelebihan Hijrah

Hijrah fi Sabilillah bererti keikhlasan meninggalkan segala apa yang disukai, dibangga dan disayangi oleh seseorang iaitu kesanggupan meninggalkan keluarganya, kampung halaman, tanahair, kenangan-kenangan zaman silam, harta benda, segala kesenangan hidup yang lain dan kesanggupan mengutamakan agama di atas segala-galanya demi mencari keredhaan Allah dan mengharapkan balasan dari sisi-Nya yang lebih baik dari segala apa yang ada di bumi ini.

Masa hijrah itu ialah, sebelum berlakunya penaklukan Makkah dan penubuhan negara Islam. Adapun hijrah selepas penaklukan negeri Makkah, maka ia tidak dianggap mendapat pahala hijrah, akan

tetapi jihad dan amalan yang soleh boleh mendapatkan pahala hijrah sebagaimana yang telah diterangkan oleh Rasulullah s.a.w. Oleh itu sesiapa yang berjihad fi Sabilillah dan mengerjakan amalan-amalan yang baik, maka dia akan mendapat hukum dan pahala hijrah.

وَٱلَّذِينَ هَاجَرُوا۟ فِى سَبِيلِ ٱللَّهِ ثُمَّ قُتِلُوٓا۟ أَوْ مَاتُوا۟
لَيَرْزُقَنَّهُمُ ٱللَّهُ رِزْقًا حَسَنًا ۚ

"Dan orang-orang yang berhijrah fi Sabilillah kemudian dibunuh atau mati, mereka tetap akan dikurniakan Allah rezeki yang amat baik."(58)

Sama ada mereka menemui Allah sebagai para syuhada' yang gugur di medan peperangan atau menemui Allah mati di tempat tidur mereka. Ini ialah kerana mereka telah keluar meninggalkan kampung halaman dan harta benda mereka demi Sabilullah dengan kesanggupan menerima apa sahaja akibatnya. Mereka mencari bau mati syahid di dalam hijrah mereka di mana-mana jalan sahaja. Mereka telah mengorbankan segala kesenangan, kemewahan dan mereka berbuat demikian semata-mata ikhlas kerana Allah. Oleh sebab itulah Allah jaminkan mereka dengan pampasan yang melimpah-ruah terhadap segala sesuatu yang telah hilang dari mereka:

لَيَرْزُقَنَّهُمُ ٱللَّهُ رِزْقًا حَسَنًا ۚ وَإِنَّ ٱللَّهَ لَهُوَ
خَيْرُ ٱلرَّٰزِقِينَ ﴿٥٨﴾

"Mereka tetap akan dikurniakan Allah rezeki yang amat baik dan sesungguhnya Allah itu sebaik-baik Pemberi rezeki"(58)

iaitu rezeki yang lebih baik dan lebih banyak dari segala-apa yang telah ditinggalkan mereka.

لَيُدْخِلَنَّهُم مُّدْخَلًا يَرْضَوْنَهُۥ ۗ

"Dan mereka tetap akan dimasukkan ke tempat yang disukai mereka."(59)

Oleh kerana mereka telah keluar dari tempat yang diredhai Allah, maka Allah berjanji untuk memasukkan mereka ke tempat yang disukai mereka. Itulah satu tanda penghormatan Allah terhadap mereka, iaitu Allah mempastikan segala apa yang disukai mereka dan mewujudkannya untuk mereka, sedangkan mereka hanya hamba-hamba-Nya dan Dia pencipta mereka.

وَإِنَّ ٱللَّهَ لَعَلِيمٌ حَلِيمٌ ﴿٥٩﴾

"Dan sesungguhnya Allah itu Maha Mengetahui dan Maha Penyabar."(59)

Hak Bertindak Balas Terhadap Kezaliman

Iaitu Allah mengetahui segala penganiayaan dan penindasan yang telah menimpa mereka dan mengetahui segala apa yang disukai mereka dan kerana itu Dia memberi ganti rugi kepada mereka. Allah itu Maha Penyabar, Dia menangguhkan pembalasan dan ganjaran, kemudian setiap yang zalim dan setiap yang dizalimi akan diberi balasan yang sempurna.

Orang-orang yang ditimpa kezaliman dan pencerobohan dari manusia kadang-kadang tidak tahan sabar lalu mereka bertindak melakukan pembalasan yang setimpal terhadap penindasan yang telah dilakukan ke atas mereka. Andainya penceroboh-penceroboh itu tidak juga memberhentikan pencerobohan mereka dan terus mengulangi tindakan-tindakan yang zalim terhadap pihak yang dizalimi mereka, maka di waktu ini Allah berjanji akan menolong pihak yang dizalimi itu menewaskan pihak penceroboh:

ذَٰلِكَ ۖ وَمَنْ عَاقَبَ بِمِثْلِ مَا عُوقِبَ بِهِۦ ثُمَّ
بُغِىَ عَلَيْهِ لَيَنصُرَنَّهُ ٱللَّهُ ۗ إِنَّ ٱللَّهَ لَعَفُوٌّ
غَفُورٌ ﴿٦٠﴾

"Demikianlah (balasan Allah) dan barang siapa yang membalas dengan balasan yang seimbang dengan penganiayaan yang dilakukan kepadanya kemudian dia dicerobohi lagi, maka Allah tetap akan menolongnya. Sesungguhnya Allah Maha Pemaaf dan Maha Pengampun."(60)

Syarat pertolongan ini ialah apabila tindakan itu dilakukan sebagai tindakan balas terhadap perbuatan mereka bukannya tindakan yang zalim dan angkuh dan bukannya tindakan yang melebihi tindakan zalim yang dilakukan ke atas mereka.

Setelah menerangkan dasar pembalasan terhadap pencerobohan dengan tindakan yang setimpal, Al-Qur'an iringi dengan pernyataan bahawa Allah Maha Pemaaf dan Maha Pengampun. Dialah yang berkuasa memberi kemaafan dan keampunan, sedangkan manusia kadang-kadang tidak sanggup memaaf dan mengampun. Kadang-kadang mereka memilih tindakan balas dan mereka memang dibenarkan berbuat demikian berdasarkan tabi'at mereka selaku manusia dan mereka akan dikurniakan pertolongan dari Allah.

Selepas itu Al-Qur'an hubungkan di antara janji Allah yang akan mengurniakan pertolongan kepada orang yang melakukan tindakan balas yang setimpal kemudian dicerobohi sekali lagi... ia hubungkan di antara janji ini dengan undang-undang alam buana Ilahi yang agung, iaitu undang-undang yang menyaksikan keupayaan qudrat Allah untuk melaksanakan janji-Nya di samping menyaksikan kehalusan perjalanan undang-undang alam itu, yang menyarankan bahawa pertolongan itu juga merupakan salah satu dari undang-undang alam yang tidak pernah mungkir.

ذَٰلِكَ بِأَنَّ ٱللَّهَ يُولِجُ ٱلَّيۡلَ فِي ٱلنَّهَارِ وَيُولِجُ
ٱلنَّهَارَ فِي ٱلَّيۡلِ وَأَنَّ ٱللَّهَ سَمِيعُۢ بَصِيرٞ ٦١

"Pertolongan sedemikian (tetap akan diberi) kerana Allah (berkuasa) memasukkan malam ke dalam siang dan memasukkan siang ke dalam malam dan sesungguhnya Allah Maha Mendengar dan Maha Melihat."(61)

Itulah satu gejala tabi'i yang melalui manusia pagi dan petang, musim panas dan musim dingin. Malam masuk ke dalam siang ketika matahari terbenam dan siang masuk ke dalam malam ketika matahari terbit. Malam juga masuk ke dalam siang ketika ia memanjang di musim sejuk dan siang masuk ke dalam malam ketika ia memanjang di musim panas. Manusia memang melihat kedua-dua gejala ini, iaitu gejala malam masuk ke dalam siang dan gejala siang masuk ke dalam malam, tetapi oleh sebab terlalu lama dan biasa mereka melihat gejala ini, mereka terlupa kepada kehalusan-kehalusan undang-undang alam yang wujud di sebaliknya. Undang-undang ini tidak pernah mungkir dan tidak pernah berhenti walau sekalipun ia menyaksikan betapa besarnya qudrat Allah Yang Maha Bijaksana mengendalikan perjalanan alam buana mengikut undang-undang ini.

Ayat ini menarik perhatian manusia kepada gejala alam yang berulang-ulang yang dilalui manusia dengan hati yang lalai itu dengan tujuan untuk membuka matahati dan perasaan mereka supaya menginsafi qudrat Allah yang berkuasa menggulung hari siang di satu pihak dan, melabuhkan hari malam di satu pihak yang lain, juga menggulung hari malam di satu pihak dan mengembangkan hari siang di satu pihak yang lain. Ia berlaku begitu halus dan mengkagumkan, tidak pernah mungkir dan terlewat. Demikian juga pertolongan Allah kepada orang-orang yang ditimpa pencerobohan dan mempertahankan diri mereka dari pencerobohan itu. Itulah undang-undang yang sentiasa berjalan sama seperti undang-undang masuknya malam ke dalam siang dan masuknya siang ke dalam malam. Begitulah juga kedatangan malam seakan-akan menghapuskan kuasa orang-orang yang zalim dan kedatangan siang seakan-akan mengembangkan kuasa orang-orang yang adil. Ia juga merupakan satu undang-undang yang sama dengan undang-undang alam yang lain yang dilihat manusia dengan hati yang lalai sebagaimana mereka melihat bukti-bukti qudrat Allah yang lain di lembaran alam buana tanpa hati yang insaf.

Hal yang demikian juga mempunyai hubungan yang rapat dengan hakikat bahawa Allah itu Tuhan yang sebenar yang menguasai peraturan alam buana ini, dan segala yang lain dari Allah adalah batil belaka, mungkir, meleset, tidak tetap atau tidak berterusan.

ذَٰلِكَ بِأَنَّ ٱللَّهَ هُوَ ٱلۡحَقُّ وَأَنَّ مَا يَدۡعُونَ مِن
دُونِهِۦ هُوَ ٱلۡبَٰطِلُ وَأَنَّ ٱللَّهَ هُوَ ٱلۡعَلِيُّ ٱلۡكَبِيرُ ٦٢

"Pertolongan sedemikian (tetap akan diberi) kerana Allah itulah Tuhan yang sebenar dan segala apa yang disembahkan mereka selain daripada-Nya adalah tuhan yang palsu dan sesungguhnya Allah itulah Tuhan Yang Maha Tinggi dan Maha Besar."(62)

Itulah alasan dan jaminan yang cukup kuat terhadap kemenangan kebenaran dan keadilan dan terhadap kekalahan kebatilan dan kezaliman. Ia juga merupakan jaminan terhadap kerapian dan kemantangan perjalanan undang-undang alam buana, yang tidak pernah mungkir dan meleset dan di antara undang-undang ini ialah kemenangan kebenaran dan kekalahan kezaliman.

Allah lebih tinggi dan mengatasi seluruh orang yang zalim dan bermaharajalela:

وَأَنَّ ٱللَّهَ هُوَ ٱلۡعَلِيُّ ٱلۡكَبِيرُ ٦٢

"Dan sesungguhnya Allah itulah Yang Maha Tinggi dan Maha Besar."(62)

Justeru itu Allah tidak akan membiarkan kezaliman itu berleluasa dan bermaharajalela.

******

(Pentafsiran ayat-ayat 63 -64)

Kemudian Al-Qur'an terus menayangkan pula bukti-bukti qudrat Allah di dalam pemandangan-pemandangan alam buana yang terpampang di hadapan penglihatan manusia pada setiap waktu:

أَلَمۡ تَرَ أَنَّ ٱللَّهَ أَنزَلَ مِنَ ٱلسَّمَآءِ مَآءٗ فَتُصۡبِحُ
ٱلۡأَرۡضُ مُخۡضَرَّةًۚ إِنَّ ٱللَّهَ لَطِيفٌ خَبِيرٞ ٦٣

"Tidakkah engkau melihat bahawa Allah menurunkan hujan dari langit lalu jadilah bumi itu subur menghijau. Sesungguhnya Allah Maha Halus dan Maha Mendalam Ilmu-Nya."(63)

Qudrat Ilahi Yang Menakjubkan Di Sebalik Titisan Air Hujan Di Bumi

Kejadian turunnya air hujan dari langit dan bumi kelihatan subur menghijau selepasnya dalam masa yang pendek sahaja merupakan satu gejala yang berlaku berulang-ulang kali, namun demikian kebaharuan dan kesegaran gejala ini kadang-kadang hilang (tidak dirasai) oleh hati manusia kerana terlalu kerap dan lumrah. Tetapi ketika hati yang peka terbuka, maka pemandangan di bumi itu akan merangsangkan berbagai-bagai perasaan di dalam hati itu. Kadang-kadang hati merasa bahawa tunas-tunas tumbuh-tumbuhan yang kecil yang muncul dari tanah yang hitam dengan warnanya yang menghijau dan segar itu seakan-akan bayi-bayi yang kecil yang senyum berseri-seri memandang alam yang indah ini. Mereka seolah-olah hendak terbang kerana terlalu gembira melihat cahaya.

Orang yang merasakan perasaan yang seperti inilah dapat memahami maksud ulasan Allah yang berbunyi:

إِنَّ ٱللَّهَ لَطِيفٌ خَبِيرٌ ٦٣

"Sesungguhnya Allah Maha Halus dan Maha Mendalam ilmu-Nya."(63)

Iaitu dapat memahami kehalusan, kedalaman dan keserasiannya dengan bentuk perasaan ini dan dengan hakikat dan sifat pemandangan itu. Di antara kehalusan dan kesenian ciptaan Ilahi ialah perkembangan tunas-tunas tumbuhan-tumbuhan yang kecil dari dalam perut tanah. Tunas-tunas itu mula-mulanya kelihatan begitu kurus dan kecil, kemudian tangan qudrat Ilahi menariknya keluar ke udara dan membekalkannya dengan keinginan untuk meninggi dan membebaskan dirinya dari tarikan bumi dan timbusan tanah yang berat... Kemudian dengan penentuan ilmu Ilahi Yang Maha Mendalam berlakulah pentadbiran menurunkan air hujan sekadarnya pada masa yang sesuai dan dengan kadar yang dikehendaki, dan ketika itu berlakulah percantuman air dengan tanah dan percantumannya dengan sel-sel tumbuh-tumbuhan yang hidup, yang berhasrat mencari kebebasan dan pancaran cahaya itu.

Air itu diturunkan dari langit Allah ke atas bumi-Nya dan di sanalah ia melahirkan hayat, menambahkan makanan dan kekayaan. Dan Allah jua yang memiliki segala isi langit dan bumi dan Dia bersifat terkaya dari segala isi langit dan bumi dan Dialah yang memberi rezeki kepada segala makhluk yang hidup dengan air dan tumbuh-tumbuhan dan Dia terkaya dari mereka dan dari rezeki yang dikurniakan kepada mereka:

وَإِنَّ ٱللَّهَ لَهُوَ ٱلْغَنِيُّ ٱلْحَمِيدُ ٦٤

"Dan sesungguhnya Allah Maha Kaya dan Maha Terpuji."(64)

Allah S.W.T. tidak memerlukan sesuatu apa pun dari penghuni langit dan bumi atau dari isi langit dan bumi kerana Dia Maha Terkaya dalam segala-galanya. Dialah Tuhan yang disanjung tinggi di atas segala ni'mat pengurniaan-Nya. Dialah Tuhan yang disyukuri di atas segala limpah kurnia-Nya dan Dialah yang berhak menerima kepujian dan sanjungan dari seluruh makhluk-Nya.

******

(Pentafsiran ayat 65)

Kemudian Al-Qur'an sekali lagi menayangkan bukti-bukti qudrat Ilahi yang terdedah kepada manusia pada setiap ketika:

أَلَمْ تَرَ أَنَّ ٱللَّهَ سَخَّرَ لَكُم مَّا فِى ٱلْأَرْضِ وَٱلْفُلْكَ
تَجْرِى فِى ٱلْبَحْرِ بِأَمْرِهِۦ وَيُمْسِكُ ٱلسَّمَآءَ أَن تَقَعَ
عَلَى ٱلْأَرْضِ إِلَّا بِإِذْنِهِۦٓ ۗ إِنَّ ٱللَّهَ بِٱلنَّاسِ لَرَءُوفٌ
رَّحِيمٌ ٦٥

"Tidakkah engkau melihat bahawa Allah telah menundukkan kepada kamu segala apa yang ada di bumi dan kapal-kapal yang belayar di dalam lautan dengan perintah-Nya, dan Dialah yang menahan langit dari jatuh ke atas bumi melainkan dengan izin-Nya. Sesungguhnya Allah Maha Penyayang dan Maha Pengasih terhadap manusia."(65)

Persesuaian-persesuaian Yang Diwujudkan Allah Di Antara Undang-undang Bumi Dengan Struktur Jasmani Manusia

Allah telah menundukkan segala isi bumi untuk faedah dan kegunaan manusia. Allah jadikan segala undang-undang dan peraturan bumi ini sesuai dengan fitrah dan daya tenaganya. Andainya fitrah dan susunan kejadian manusia bertentangan dengan undang-undang dan peraturan bumi sudah tentu mereka tidak dapat hidup di bumi apatah lagi untuk mengambil manfa'at darinya dan dari segala isinya. Andainya struktur jasmani mereka berlainan dari darjat suhu yang membolehkan mereka menanggung udara bumi, memakan makanannya dan meminum airnya sudah tentu mereka tidak dapat hidup di bumi walau sesa'at pun. Andainya tebal badannya atau tebal bumi berlainan dari tebalnya yang wujud sekarang ini sudah tentu tapak kaki mereka tidak dapat berdiri dengan mantap di atas bumi ini, sudah tentu mereka akan terpelanting ke udara atau terselam di dalam bumi. Andainya permukakan bumi ini tidak mempunyai udara atau udaranya lebih tebal atau lebih tipis dari keadaannya yang wujud sekarang ini sudah tentu manusia akan lemas tercekik atau sudah tentu mereka tidak dapat menyedut udara yang menjadi bahan hayat itu. Pendeknya persesuaian yang wujud di antara undang-undang bumi dengan fitrah manusia itulah yang membolehkan bumi ini ditundukkan untuk faedah dan kegunaan mereka. Itulah urusan pentadbiran Allah.

Penemuan Tenaga-tenaga Alam

Allah telah menundukkan kepada manusia segala isi bumi dengan mengurniakan daya tenaga dan kefahaman-kefahaman yang baik untuk membolehkan mereka mempergunakan kekayaan-kekayaan bumi ini. Allah telah menyimpan di dalam bumi ini berbagai-bagai kekayaan dan tenaga alam yang lahir dan yang batin yang dapat ditemui mereka satu demi satu. Apabila mereka memerlukan kekayaan yang baru, Allah bukakan kepada mereka berbagai-bagai perbendaharaan kekayaan yang baru. Apabila mereka bimbang kehabisan stok simpanan dari perbendaharaan-perbendaharaan kekayaan yang ada mereka dapat pula menemui stok-stok simpanan yang baru. Lihat hari ini walaupun kekayaan minyak petrol dan segala logam-logam belum lagi kehabisan namun perbendaharaan tenaga atom dan hidrogen telah pun dibuka kepada mereka walaupun manusia

kini masih lagi seperti kanak-kanak yang bermain api membakar diri sendiri dan membakar orang lain kecuali mereka mengikut sistem hidup yang diatur oleh Allah untuk kehidupan mereka, ketika itu dapatlah mereka menggunakan segala tenaga-tenaga dan kekayaan-kekayaan bumi ini untuk kemajuan dan pembangunan dan dapatlah mereka melaksanakan tugas khalifah di bumi ini mengikut sebagaimana yang dikehendaki Allah!

وَٱلْفُلْكَ تَجْرِى فِى ٱلْبَحْرِ بِأَمْرِهِۦ

"Dan kapal-kapal yang belayar di dalam lautan dengan perintah-Nya"(65)

Allahlah yang telah menciptakan undang-undang yang membolehkan kapal-kapal itu belayar di dalam lautan dan Dia telah mengajar manusia bagaimana hendak menemui undang-undang ini supaya mereka dapat menggunakannya untuk kepentingan mereka dan supaya mereka dapat mengambil manfa'atnya. Andainya tabi'at lautan atau tabi'at kapal itu bercanggah atau kefahaman-kefahaman manusia bercanggah, maka tiada pelayaran kapal akan berlaku.

وَيُمْسِكُ ٱلسَّمَآءَ أَن تَقَعَ عَلَى ٱلْأَرْضِ إِلَّا بِإِذْنِهِۦٓ

"Dan Dialah yang menahan langit dari jatuh ke atas bumi melainkan dengan keizinan-Nya."(65)

Qudrat Ilahi Di Sebalik Sistem Alam Buana

Allahlah yang telah menciptakan alam buana menurut susuncara yang diatur oleh-Nya dan menguatkuasakan undang-undang-Nya yang membolehkan bintang-bintang dan planet-planet berada di tempat yang tinggi dan berjauh-jauhan, satu sama lain, tidak jatuh dan tidak berlanggar satu sama lain.

Segala pentafsiran astronomi (ilmu bintang) mengenai sistem alam buana ini tidak lebih dari satu percubaan untuk mentafsirkan undang-undang yang mengaturkan keadaan yang wujud sekarang ini yang diciptakan oleh Allah, walaupun setengah-setengah ahli astronomi itu lupakan hakikat yang amat jelas ini hingga mereka terfikir ketika mentafsirkan sistem alam buana ini bahawa mereka menolak wujudnya tangan qudrat Ilahi yang mengendalikan alam buana ini serta menafikan kesan-kesannya. Ini adalah satu waham yang aneh dan satu penyelewengan pemikiran yang ganjil, kerana kebolehan mentafsirkan sesuatu undang-undang - walaupun dianggap betul apatah lagi teori-teori astronomi sekarang ini tidak lebih dari andaian-andaian untuk mentafsirkan gejala-gejala alam yang mungkin betul atau tidak betul - tidak dapat menafikan wujudnya Pencipta undang-undang itu sendiri dan tidak dapat menolak kuatkuasanya dalam mengendalikan undang-undang ini.

Allah S.W.T. "*menahan langit dari jatuh ke atas bumi*" melalui kuatkuasa undang-undang yang dicipta dan dikendalikan-Nya. "*Melainkan dengan keizinan-Nya*" iaitu pada hari Allah mahu membatalkan undang-undang alam ini, iaitu undang-undang yang dikuatkuasakannya kerana sesuatu hikmat kemudian membatalkannya kerana sesuatu hikmat yang lain pula.

******

(Pentafsiran ayat 66)

Ayat-ayat ini menayangkan bukti-bukti qudrat Ilahi dan kehalusan undang-undang alam itu berakhir dengan pemindahan pembicaraan dari persoalan alam buana kepada persoalan diri manusia dan pembentangan undang-undang hidup dan mati pada alam manusia:

Undang-undang Hidup Dan Mati

وَهُوَ ٱلَّذِىٓ أَحْيَاكُمْ ثُمَّ يُمِيتُكُمْ ثُمَّ يُحْيِيكُمْ ۗ إِنَّ ٱلْإِنسَـٰنَ لَكَفُورٌ ﴿٦٦﴾

"Dan Dialah Yang menghidupkan kamu kemudian mematikan kamu, kemudian menghidupkan kamu kembali. Sesungguhnya manusia itu amat kufur."(66)

Hayat pertama merupakan satu mu'jizat. Ia berulang-ulang dalam setiap makhluk yang hidup yang terjadi setiap waktu malam dan siang. Rahsia hayat yang amat halus dan seni itu masih tergolong di dalam alam ghaib, di mana akal manusia masih bingung untuk memahami hakikatnya. Persoalan hayat tetap merupakan satu bidang yang amat luas untuk difikir dan dimenungi.

Maut juga merupakan satu lagi rahsia yang melemahkan akal manusia untuk memahami hakikatnya. Ia hanya berlaku dalam sekelip mata yang menyambar sahaja jarak yang memisahkan di antara tabi'at maut dan tabi'at hayat adalah satu jarak yang amat lebar dan besar. Persoalan maut tetap merupakan satu bidang yang amat luas untuk difikir dan dimenungi.

Hidup selepas mati walaupun masih tergolong di dalam alam ghaib, tetapi buktinya tetap hadir dan wujud sejak tercetusnya kejadian hayat yang pertama lagi, persoalan hidup selepas mati juga tetap merupakan satu bidang yang amat luas untuk difikir dan dimenungi.

Tetapi sayang manusia tidak mahu berfikir dan merenungi bukti-bukti dan rahsia-rahsia ini:

إِنَّ ٱلْإِنسَـٰنَ لَكَفُورٌ ﴿٦٦﴾

"Sesungguhnya manusia itu amat kufur."(66)

Ayat-ayat tadi membentangkan segala bukti ini dan menarik hati manusia supaya memikirkannya ketika menjelaskan penegasan Allah bahawa Dia tetap membantu orang-orang yang teraniaya apabila mereka membela diri mereka dari pencerobohan. Ini ialah mengikut cara Al-Qur'an yang menggunakan pemandangan-pemandangan alam buana untuk

menyedarkan hati manusia dan menghubungkan undang-undang kebenaran dan keadilan di kalangan manusia dengan undang-undang alam buana atau alam al-wujud.

******

(Pentafsiran ayat-ayat 67 -70)

Perjuangan Da'wah Mesti Diteruskan Walaupun Ditentang Kaum Musyrikin

Setelah penerangan ayat-ayat tadi sampai ke bahagian penamat ini, iaitu bahagian yang membentangkan bukti-bukti qudrat Ilahi di dalam pemandangan-pemandangan alam buana yang agung, maka Al-Qur'an menujukan pembicaraannya kepada Rasulullah s.a.w. supaya beliau meneruskan perjuangannya tanpa menghiraukan kaum Musyrikin dan bantahan-bantahan mereka, kerana mereka tidak boleh mempertikaikan agama yang telah dipilih Allah untuk diperjuang, disampai dan diamalkan beliau.

لِّكُلِّ أُمَّةٍ جَعَلْنَا مَنسَكًا هُمْ نَاسِكُوهُ ۖ فَلَا يُنَازِعُنَّكَ فِي الْأَمْرِ ۚ وَادْعُ إِلَىٰ رَبِّكَ ۖ إِنَّكَ لَعَلَىٰ هُدًى مُّسْتَقِيمٍ ﴿٦٧﴾

وَإِن جَادَلُوكَ فَقُلِ اللَّهُ أَعْلَمُ بِمَا تَعْمَلُونَ ﴿٦٨﴾

اللَّهُ يَحْكُمُ بَيْنَكُمْ يَوْمَ الْقِيَامَةِ فِيمَا كُنتُمْ فِيهِ تَخْتَلِفُونَ ﴿٦٩﴾

أَلَمْ تَعْلَمْ أَنَّ اللَّهَ يَعْلَمُ مَا فِي السَّمَاءِ وَالْأَرْضِ ۗ إِنَّ ذَٰلِكَ فِي كِتَابٍ ۚ إِنَّ ذَٰلِكَ عَلَى اللَّهِ يَسِيرٌ ﴿٧٠﴾

"Kami telah jadikan bagi setiap umat itu syari'at yang tertentu yang diamalkan mereka masing-masing. Oleh itu janganlah mereka menentang engkau di dalam urusan syari'at ini. Dan serulah (wahai Muhammad) kepada Tuhanmu. Sesungguhnya engkau adalah berada di jalan hidayah yang lurus (67). Dan jika mereka membantah engkau, maka katakanlah: Allah lebih mengetahui segala apa yang dilakukan kamu (68). Allah akan menghukumkan di antara kamu pada hari Qiamat mengenai perkara-perkara yang telah dipertikaikan kamu (69). Tidakkah engkau mengetahui bahawa Allah mengetahui segala apa yang ada di langit dan di bumi. Sesungguhnya segala-galanya tertulis di dalam kitab al-Lauhul-Mahfuz. Sesungguhnya segala-galanya itu amat mudah kepada Allah."(70)

Setiap umat mempunyai syari'at, cara hidup dan berfikir, cara bertindak dan beri'tiqad masing-masing. Syari'at ini adalah tunduk kepada peraturan-peraturan Allah yang mengendalikan tabi'at dan hati manusia mengikut hukum tindakan dan sambutan, iaitu hukum-hukum yang menjadi peraturan-peraturan alam yang tetap, teratur dan halus.

Oleh itu umat yang membuka pintu hati mereka kepada bimbingan-bimbingan hidayah dan bukti-buktinya yang terbentang di alam buana dan di dalam diri mereka, maka itulah umat yang mendapat hidayah Allah kerana mereka telah menemui undang-undang Allah yang membawa mereka kepada mengenali-Nya dan menta'ati-Nya. Sebaliknya umat yang menutup pintu hati mereka kepada bimbingan-bimbingan dan bukti-bukti hidayah, maka itulah umat yang sesat yang akan terus bertambah sesat semakin mereka bertambah jauh berpaling dari hidayah dan bimbingan-bimbingannya.

Demikianlah Allah menjadikan bagi setiap umat itu satu syari'at dan sistem hidup yang dijunjung dan diikuti mereka. Oleh itu tidak ada sebab bagi Rasulullah s.a.w. menyibukkan dirinya berbantah dan berdebat dengan kaum Musyrikin, sedangkan mereka menghalangkan diri mereka dari mengikuti jalan hidayah dan terus memasukkan diri mereka semakin jauh di jalan kesesatan. (Di dalam ayat tadi) Allah telah memerintah beliau supaya jangan membuka peluang kepada kaum Musyrikin mempertikaikan urusan beliau dan agamanya, di samping memerintah beliau supaya meneruskan perjuangannya tanpa mempedulikan bantahan dan canggahan mereka, kerana agama yang diikuti beliau adalah satu agama yang betul dan lurus:

وَادْعُ إِلَىٰ رَبِّكَ ۖ إِنَّكَ لَعَلَىٰ هُدًى مُّسْتَقِيمٍ ﴿٦٧﴾

"Sesungguhnya engkau berada di jalan hidayah yang lurus."(67)

Oleh itu hendaklah beliau yakin terhadap kelurusan agamanya dan terhadap kelurusan beliau mengikuti jalan hidayah. Andainya kaum Musyrikin ingin berdebat dengan beliau, maka jawablah dengan ringkas, kerana tidak perlu bagi beliau membuang waktu dan tenaga dengan sia-sia:

وَإِن جَادَلُوكَ فَقُلِ اللَّهُ أَعْلَمُ بِمَا تَعْمَلُونَ ﴿٦٨﴾

"Dan jika mereka membantah engkau, maka katakanlah: Allah lebih mengetahui segala apa yang dilakukan kamu."(68)

Perdebatan itu hanya berguna dengan orang-orang yang mempunyai hati yang bersedia untuk menerima hidayah sahaja, iaitu hati-hati yang ingin mencari ma'rifat dan hakikat melalui dalil-dalil, tetapi ia tidak berguna dengan hati-hati degil yang mempertahankan kesesatan dan dengan hati-hati sombong yang tidak menghiraukan bimbingan-bimbingan dan dalil-dalil yang sebegitu banyak terpampang di dalam kejadian diri mereka dan tersergam di merata pelosok alam. Dalil-dalil itu amat banyak. Ia terdedah kepada semua mata dan hati, oleh itu hendaklah beliau serahkan sahaja urusan mereka kepada Allah, kerana Dialah jua yang dapat

menentukan hukuman yang muktamad di antara berbagai-bagai agama dan para pengikutnya.

اللَّهُ يَحْكُمُ بَيْنَكُمْ يَوْمَ الْقِيَامَةِ فِيمَا كُنتُمْ فِيهِ تَخْتَلِفُونَ ﴿٦٩﴾

"Allah akan menghukumkan di antara kamu pada hari Qiamat mengenai perkara-perkara yang telah dipertikaikan kamu."(69)

Itulah hukuman dan keputusan yang tidak dapat dibantahkan sesiapa pun, kerana perdebatan tidak wujud lagi pada hari itu dan kerana bantahan tidak wujud lagi apabila adanya keputusan yang akhir.

Allah memutus dan menghukum mengikut ilmu-Nya yang sempurna, tiada satu sebab dan dalil yang luput dari ilmu-Nya dan tiada suatu amalan dan perasaan manusia yang tersembunyi kepada-Nya. Dia mengetahui segala isi langit dan bumi seluruhnya. Dan di antaranya termasuk amalan-amalan dan niat-niat manusia. Semuanya diliputi ilmu Allah:

أَلَمْ تَعْلَمْ أَنَّ اللَّهَ يَعْلَمُ مَا فِي السَّمَاءِ وَالْأَرْضِ ۗ إِنَّ ذَٰلِكَ فِي كِتَابٍ ۚ إِنَّ ذَٰلِكَ عَلَى اللَّهِ يَسِيرٌ ﴿٧٠﴾

"Tidakkah engkau mengetahui bahawa Allah mengetahui segala apa yang ada di langit dan di bumi. Sesungguhnya segala-galanya itu tertulis di dalam kitab al-Lauhul-Mahfuz. Sesungguhnya segala-galanya itu amat mudah kepada Allah."(70)

Kesyumulan Ilmu Allah

Ilmu Allah amat sempurna dan halus. Tiada suatu pun sama ada di langit atau di bumi yang terlindung darinya. Begitu juga ilmu Allah tidak terjejas dengan faktor-faktor yang melupa dan menghapus. Ilmu Allah merupakan sebuah kitab yang mengandungi dan meliputi segala sesuatu.

Akal manusia sudah tentu merasa lemah ketika memerhati -yakni semata-mata memerhati sebahagian dari kejadian yang ada di langit dan di bumi dan cuba memahami liputan ilmu Allah terhadap sekian banyak kejadian-kejadian yang terdiri dari benda-benda, tubuh-tubuh dan orang-orang, amalan-amalan, niat-niat, fikiran-fikiran dan harakat-harakat yang terdapat di alam kenyataan dan di alam hati nurani itu. Tetapi semuanya ini dibandingkan dengan qudrat Allah dan ilmu-Nya adalah amat mudah:

إِنَّ ذَٰلِكَ عَلَى اللَّهِ يَسِيرٌ ﴿٧٠﴾

"Sesungguhnya segala-galanya itu amat mudah kepada Allah."(70)

Setelah Allah memerintah Rasulullah s.a.w. supaya jangan memberi peluang kepada kaum Musyrikin mempertikaikan agamanya yang benar, maka Allah mendedahkan pula agama kaum Musyrikin yang mengandungi jalan-jalan yang bengkok, kelemahan-kelemahan, kejahilan dan sikap yang zalim terhadap kebenaran serta menjelaskan bahawa mereka adalah golongan manusia yang diharamkan dari mendapat bantuan dan pertolongan dari Allah, dan kerana itu mereka diharamkan dari mendapat penolong:

وَيَعْبُدُونَ مِن دُونِ اللَّهِ مَا لَمْ يُنَزِّلْ بِهِ سُلْطَانًا وَمَا لَيْسَ لَهُم بِهِ عِلْمٌ ۗ وَمَا لِلظَّالِمِينَ مِن نَّصِيرٍ ﴿٧١﴾

"Dan mereka menyembah yang lain dari Allah yang tidak pernah diturunkan Allah sesuatu keterangan (yang membenarkan mereka berbuat demikian) dan mereka sendiri tidak mengetahui suatu apa mengenainya, dan orang-orang yang zalim itu tidak akan mendapat seorang penolong pun."(71)

Kedudukan Agama Yang Tidak Direstukan Allah

Mana-mana undang-undang dan syari'at tidak mempunyai sebarang kekuatan kecuali ia mendapat kekuatannya dari Allah. Mana-mana agama yang tidak diturunkan kekuatan dan sokongan dari Allah adalah agama yang lemah dan kerdil dan tidak mempunyai sebarang kekuatan yang semulajadi.

Mereka menyembah tuhan-tuhan dari berhala-berhala dan patung-patung, atau tuhan-tuhan dari manusia atau syaitan dan semuanya tidak mempunyai sebarang kekuatan yang diturunkan dari Allah. Semuanya tidak mempunyai apa-apa kekuatan. Mereka menyembah tuhan-tuhan itu bukan hasil dari ilmu pengetahuan dan dalil-dalil yang dipercayai mereka, malah dari hasil anggapan yang salah dan kepercayaan-kepercayaan khurafat. Mereka tidak mempunyai sebarang penolong yang dapat melindungi mereka kerana mereka telah diharamkan dari mendapat pertolongan daripada Allah Yang Maha Perkasa dan Maha Berkuasa.

Perkara yang paling aneh ialah bahawa mereka yang menyembah tuhan-tuhan palsu selain dari Allah yang tidak dibenarkan Allah dan tidak diketahui mereka, tidak mahu mendengar da'wah agama yang benar dan menerimanya dengan baik, malah mereka dilambung perasaan takbur dan berbangga dengan dosa mereka dan kerana itu mereka hampir-hampir bertindak menyerang orang-orang yang membaca Kalamullah kepada mereka:

وَإِذَا تُتْلَىٰ عَلَيْهِمْ آيَاتُنَا بَيِّنَاتٍ تَعْرِفُ فِي وُجُوهِ الَّذِينَ كَفَرُوا الْمُنكَرَ ۖ يَكَادُونَ يَسْطُونَ بِالَّذِينَ يَتْلُونَ عَلَيْهِمْ آيَاتِنَا ۗ

"Dan apabila dibacakan kepada mereka ayat-ayat Kami yang jelas, engkau dapat mengenal pada muka orang-orang yang kafir itu tanda-tanda keingkaran. Mereka hampir-hampir bertindak menyerang orang-orang yang membaca ayat-ayat Kami kepada mereka......"(72)

Mereka tidak menentang hujjah dengan hujjah dan menyanggah dalil dengan dalil, malah mereka menggunakan kekerasan dan serangan apabila

mereka dikecewakan hujjah dan dalil. Itulah sikap orang-orang yang zalim. Jiwa mereka sentiasa berkecamuk dengan perasaan sombong dan takbur dan berkobar-kobar dengan semangat mahu menyerang dan menggunakan kekerasan. Mereka tidak mahu mendengar kalimat-kalimat yang benar kerana mereka sedar bahawa mereka tidak berupaya menolak kalimat-kalimat yang benar melainkan dengan menggunakan kekerasan yang kasar.

Justeru inilah Al-Qur'anul-Karim menghadapkan kepada mereka ancaman dan janji seksa:

قُلْ أَفَأُنَبِّئُكُم بِشَرٍّ مِّن ذَٰلِكُمُ

"...Katakanlah (wahai Muhammad): Mahukah aku khabarkan kepada kamu sesuatu yang lebih buruk daripada itu lagi?..."(72)

Yakni lebih buruk dari perasaan yang dipendamkan kamu itu dan di antaranya ialah keinginan kamu hendak melakukan tindakan menyerang iaitu:

ٱلنَّارُ وَعَدَهَا ٱللَّهُ ٱلَّذِينَ كَفَرُوا۟

"...Balasan api Neraka itulah yang dijanjikan Allah kepada orang-orang yang kafir..."(72)

itulah balasan yang sesuai dengan tindakan kekerasan dan keingkaran mereka.

وَبِئْسَ ٱلْمَصِيرُ ﴿٧٢﴾

"...Dan itulah seburuk-buruk tempat kembali."(72)

******

(Pentafsiran ayat-ayat 73 -76)

Tuhan-tuhan Yang Tidak Berupaya Melawan Lalat

Kemudian Al-Qur'an mengisytiharkan kepada manusia di seluruh pelosok alam satu pengumuman yang kuat dan lantang yang mengisytiharkan kelemahan seluruh tuhan-tuhan palsu yang disembah manusia selain dari Allah dan di antaranya ialah tuhan-tuhan yang dipohon pertolongan dan perlindungan oleh kaum Musyrikin yang zalim. Ia mengumumkan kelemahan tuhan-tuhan palsu ini dalam satu bentuk perbandingan yang dapat didengar dan dilihat oleh semua telinga dan mata. Perbandingan itu digambarkan dalam satu pemandangan yang jelas dan hidup yang dapat dini'mati dengan sepenuh mata dan hati, iaitu satu pemandangan yang benar-benar melukiskan ciri kelemahan yang hina dan menggambarkannya dengan satu perbandingan yang paling indah:

يَٰٓأَيُّهَا ٱلنَّاسُ ضُرِبَ مَثَلٌ فَٱسْتَمِعُوا۟ لَهُۥٓ ۚ إِنَّ
ٱلَّذِينَ تَدْعُونَ مِن دُونِ ٱللَّهِ لَن يَخْلُقُوا۟ ذُبَابًا
وَلَوِ ٱجْتَمَعُوا۟ لَهُۥ ۖ وَإِن يَسْلُبْهُمُ ٱلذُّبَابُ شَيْـًٔا لَّا
يَسْتَنقِذُوهُ مِنْهُ ۚ ضَعُفَ ٱلطَّالِبُ وَٱلْمَطْلُوبُ ﴿٧٣﴾

"Wahai manusia! Satu perbandingan telah dibuat, maka dengarlah perbandingan itu. Sesungguhnya tuhan-tuhan yang kamu sembah selain Allah itu tidak akan berkuasa menciptakan seekor lalat walaupun mereka berkumpul dan bekerjasama untuk menciptakannya, dan jika lalat itu merampas sesuatu dari mereka, nescaya mereka tidak berdaya mengambilnya kembali darinya. Yang menyembah pun begitu lemah dan yang disembah juga begitu lemah."(73)

Itulah satu perisytiharan umum yang menjana gema yang amat jauh:

يَٰٓأَيُّهَا ٱلنَّاسُ

"Wahai manusia!..."(73)

Dan apabila manusia telah berkumpul setelah mendengar seruan itu, tiba-tiba mereka diberitahu bahawa mereka sedang berada di hadapan satu perbandingan bukannya di hadapan satu situasi atau satu peristiwa yang sedang berlaku:

ضُرِبَ مَثَلٌ فَٱسْتَمِعُوا۟ لَهُۥٓ ۚ

"...Satu perbandingan telah dibuat, maka dengarlah perbandingan itu..."(73)

Dan perbandingan ini telah meletakkan satu prinsip dan menjelaskan satu hakikat iaitu:

إِنَّ ٱلَّذِينَ تَدْعُونَ مِن دُونِ ٱللَّهِ لَن يَخْلُقُوا۟
ذُبَابًا وَلَوِ ٱجْتَمَعُوا۟ لَهُۥ ۖ

"...Sesungguhnya tuhan-tuhan yang kamu sembah selain Allah itu tidak akan berkuasa mencipta seekor lalat walaupun mereka berkumpul dan bekerjasama untuk menciptakannya..."(73)

Seluruh tuhan-tuhan dan sembahan-sembahan yang kamu sembah selain Allah seperti berhala-berhala, patung-patung, tokoh-tokoh, nilai-nilai dan undang-undang yang kamu pohon pertolongan dari mereka selain Allah, di samping meminta bantuan dari kekuatan mereka, memohon kemenangan dan darjat kebesaran dari mereka, adalah seluruhnya:

لَن يَخْلُقُوا۟ ذُبَابًا وَلَوِ ٱجْتَمَعُوا۟ لَهُۥ ۖ

"...Tidak akan berkuasa menciptakan seekor lalat walaupun mereka berkumpul dan bekerjasama untuk menciptakannya...."(73)

Lalat adalah serangga yang amat kecil dan hina, namun demikian tuhan-tuhan palsu yang disembah manusia itu tidak sekali-kali berkuasa menciptakan lalat yang kecil dan hina ini walaupun mereka berkumpul dan bekerjasama untuk menciptakannya.

Kerja untuk menciptakan lalat itu adalah suatu kerja mustahil sama seperti mustahilnya kerja untuk menciptakan unta dan gajah, kerana lalat

mengandungi satu rahsia mu'jizat, iaitu rahsia hayat. Justeru itu sama sahaja kemustahilan menciptakannya dengan kemustahilan menciptakan unta dan gajah, tetapi uslub Al-Qur'an yang bermu'jizat itu memilih lalat yang kecil, kerana kelemahan menciptakan lalat menyarankan di dalam hati bayangan kelemahan yang berganda-ganda dari bayangan yang dapat disarankan oleh kelemahan menciptakan unta dan gajah, sedangkan uslub ini pula tidak merosakkan hakikat ini di dalam pengungkapan itu. Inilah salah satu dari keindahan-keindahan uslub Al-Qur'an yang penuh mu'jizat itu.

Kemudian Al-Qur'an melangkah setapak yang lebih luas lagi untuk menonjolkan kelemahan tuhan-tuhan palsu yang hina itu:

وَإِن يَسْلُبْهُمُ ٱلذُّبَابُ شَيْـًٔا لَّا يَسْتَنقِذُوهُ مِنْهُ

"...Dan jika lalat itu merampaskan sesuatu dari mereka, nescaya mereka tidak berdaya mengambil balik darinya..."(73)

Tuhan-tuhan dan sembahan-sembahan palsu itu tidak berupaya untuk mengambil balik sesuatu yang telah diragut lalat itu, sama ada tuhan-tuhan itu berupa berhala-berhala atau patung-patung atau tokoh-tokoh. Berapa ramai manusia yang gagah perkasa yang diragut lalat sedangkan mereka tidak berdaya menolaknya. Lalat telah dipilih dalam perbandingan ini, sedangkan ia amat lemah dan hina, dan dalam waktu yang sama lalat juga membawa penyakit-penyakit yang amat merbahaya yang meragut sesuatu yang amat mahal di sisi manusia iaitu ia meragut mata dan anggota manusia dan terkadang-kadang ia meragut hayat dan nyawa mereka. Ia membawa kuman-kuman batuk kering, demam thypoid, ceret beret dan sakit mata. Ia dapat meragut sesuatu yang tidak dapat diambil kembali, sedangkan ia hanya satu makhluk yang amat lemah, hina dan kecil.

Ini juga merupakan satu lagi hakikat yang lain yang digunakan oleh uslub Al-Qur'an yang penuh mu'jizat itu. Andainya Al-Qur'an berkata "dan andainya singa itu merampaskan sesuatu dari mereka, nescaya mereka tidak berdaya mengambil balik darinya" tentulah ungkapan ini menyarankan kekuatan bukannya kelemahan, sedangkan singa tidak dapat meragut sesuatu yang lebih besar dari apa yang dapat diragutkan oleh lalat. Itulah uslub Al-Qur'an yang amat mengkagumkan.

Kemudian perbandingan yang hidup dan menarik ini diiringi dengan suatu ulasan:

ضَعُفَ ٱلطَّالِبُ وَٱلْمَطْلُوبُ ﴿٧٣﴾

"...Yang menyembah pun begitu lemah dan yang disembah juga begitu lemah."(73)

Ulasan ini bertujuan untuk menjelaskan bayangan-bayangan pengertian yang disarankan oleh perbandingan ini kepada perasaan dan hati seseorang.

Tepat dengan masa, di mana hati kita sedang penuh tepu dengan perasaan memandang hina kepada kelemahan tuhan-tuhan palsu itu, Al-Qur'an mengecam perbuatan mereka yang tidak memberi penghormatan yang sewajarnya kepada Allah di samping menyatakan kekuatan Allah yang sebenar selaku tuhan:

مَا قَدَرُوا۟ ٱللَّهَ حَقَّ قَدْرِهِۦٓ ۗ إِنَّ ٱللَّهَ لَقَوِىٌّ عَزِيزٌ ﴿٧٤﴾

"Mereka tidak menghormati Allah dengan penghormatan yang wajar dengan-Nya. Sesungguhnya Allah Maha Gagah dan Maha Perkasa."(74)

Mereka tidak memberi penghormatan yang sewajarnya kepada Allah apabila mereka mempersekutukan Allah dengan tuhan-tuhan palsu yang lemah dan tidak berupaya untuk menciptakan seekor lalat walaupun mereka berkumpul dan bekerjasama untuk menciptakannya, malah tuhan-tuhan itu juga tidak berupaya untuk mengambil balik sesuatu yang telah dirampaskan lalat itu.

Mereka tidak memberi penghormatan yang sewajarnya kepada Allah apabila mereka melihat kesan-kesan qudrat-Nya dan memandang keindahan-keindahan makhluk-Nya kemudian mereka mempersekutui Allah dengan tuhan-tuhan palsu yang tidak berkuasa menciptakan seekor lalat yang kecil dan hina.

Mereka tidak memberi penghormatan yang sewajarnya kepada Allah apabila mereka memohon pertolongan dari tuhan-tuhan palsu yang tidak berdaya mengambil balik sesuatu yang telah dirampas seekor lalat dan meninggalkan Allah Yang Maha Gagah dan Maha Perkasa.

Itulah penjelasan dan bidasan yang paling sesuai untuk menimbulkan perasaan khusyu' dan khudhu' terhadap Allah.

Di sini Al-Qur'an menyebut pula bahawa Allah Yang Maha Gagah dan Maha Perkasa itu telah memilih para utusan-Nya dari malaikat-malaikat yang diutuskan kepada para anbiya' dan memilih para rasul-Nya dari jenis manusia yang diutuskan kepada umat manusia berdasarkan ilmu dan qudrat-Nya:

ٱللَّهُ يَصْطَفِى مِنَ ٱلْمَلَـٰٓئِكَةِ رُسُلًا وَمِنَ
ٱلنَّاسِ ۚ إِنَّ ٱللَّهَ سَمِيعٌۢ بَصِيرٌ ﴿٧٥﴾
يَعْلَمُ مَا بَيْنَ أَيْدِيهِمْ وَمَا خَلْفَهُمْ ۗ وَإِلَى ٱللَّهِ
تُرْجَعُ ٱلْأُمُورُ ﴿٧٦﴾

"Allah memilih para utusan-Nya dari malaikat dan manusia. Sesungguhnya Allah Maha Mendengar dan Maha Melihat (75). Allah mengetahui segala apa yang berada di hadapan mereka dan segala apa yang berada di belakang mereka dan hanya kepada Allah dikembalikan segala urusan."(76)

Yakni dari Allah yang memiliki kekuatan dan keperkasaan itulah lahirnya pemilihan para malaikat dan para rasul, dan dari Allah Yang Maha Gagah dan Maha Perkasa itulah datangnya Muhammad s.a.w. Beliau membawa hujjah dan kuasa dari Allah Yang Maha Gagah dan Maha Perkasa yang telah memilih dan melantik beliau menjadi Rasul. Masakan orang-orang yang berlindung pada tuhan-tuhan palsu yang lemah dan hina itu dapat menghalangkan beliau?

إِنَّ ٱللَّهَ سَمِيعٌۢ بَصِيرٌ ٧٥

"...Sesungguhnya Allah Maha Mendengar dan Maha Melihat."(75)

Allah amat mendengar dan melihat dan kerana itu dia amat mengetahui:

يَعْلَمُ مَا بَيْنَ أَيْدِيهِمْ وَمَا خَلْفَهُمْ ۗ

"Allah mengetahui segala apa yang berada di hadapan mereka dan segala apa yang berada di belakang mereka...."(76)

Allah mengetahui dengan ilmu-Nya yang sempurna, tiada suatu yang ada dan tiada suatu yang ghaib, tiada suatu yang dekat dan tiada suatu, yang jauh terluput dari ilmu-Nya.

وَإِلَى ٱللَّهِ تُرْجَعُ ٱلْأُمُورُ ٧٦

"...Dan hanya kepada Allah dikembalikan segala urusan."(76)

Oleh kerana itu Dialah yang memegang keputusan terakhir dan Dialah yang memegang teraju kekuasaan dan pentadbiran.

******

(Pentafsiran ayat-ayat 77 -78)

Kini sesudah didedahkan kekarutan dan kelemahan agama kaum Musyrikin, juga kelemahan dan kejahilan yang terkandung di dalam ibadat mereka, maka Al-Qur'an menghadapkan pula pembicaraannya kepada umat Muslimin supaya mereka bangkit melaksanakan tugas-tugas da'wah mereka dan supaya mereka berdiri teguh dan jujur mengikut agama mereka yang lurus dan amat tua itu:

Intisari Agama Yang Dibawa Rasulullah

يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ ٱرْكَعُوا۟ وَٱسْجُدُوا۟
وَٱعْبُدُوا۟ رَبَّكُمْ وَٱفْعَلُوا۟ ٱلْخَيْرَ لَعَلَّكُمْ
تُفْلِحُونَ ۩ ٧٧
وَجَٰهِدُوا۟ فِى ٱللَّهِ حَقَّ جِهَادِهِۦ ۚ هُوَ ٱجْتَبَىٰكُمْ
وَمَا جَعَلَ عَلَيْكُمْ فِى ٱلدِّينِ مِنْ حَرَجٍ ۚ مِّلَّةَ أَبِيكُمْ
إِبْرَٰهِيمَ ۚ هُوَ سَمَّىٰكُمُ ٱلْمُسْلِمِينَ مِن قَبْلُ
وَفِى هَٰذَا لِيَكُونَ ٱلرَّسُولُ شَهِيدًا عَلَيْكُمْ وَتَكُونُوا۟
شُهَدَآءَ عَلَى ٱلنَّاسِ ۚ فَأَقِيمُوا۟ ٱلصَّلَوٰةَ وَءَاتُوا۟ ٱلزَّكَوٰةَ
وَٱعْتَصِمُوا۟ بِٱللَّهِ هُوَ مَوْلَىٰكُمْ ۖ فَنِعْمَ ٱلْمَوْلَىٰ وَنِعْمَ
ٱلنَّصِيرُ ٧٨

"Wahai orang-orang yang beriman! Ruku'lah kamu, sujudlah kamu dan beribadatlah kepada Tuhan kamu dan kerjakanlah amalan-amalan yang baik supaya kamu mendapat keberuntungan (77). Dan berjihadlah kamu pada jalan Allah dengan jihad yang sebenar-benarnya. Dialah yang telah memilih kamu dan Dia sekali-kali tidak menjadi sesuatu yang menyulitkan kamu di dalam agama ini, iaitu agama moyang kamu Nabi Ibrahim, dan Dialah yang menamakan kamu kaum Muslimin di zaman dahulu, juga di dalam Al-Qur'an ini supaya Rasulullah (Muhammad) menjadi saksi di atas kamu dan supaya kamu pula menjadi saksi di atas seluruh manusia yang lain. Oleh itu dirikanlah solat dan keluarkanlah zakat dan berpeganglah kepada Allah. Dialah Pelindung kamu, dan Dialah sebaik-baik Pelindung dan sebaik-baik Pemberi pertolongan."(78)

Di dalam dua ayat ini Al-Qur'an mengintisarikan agama yang diatur oleh Allah untuk umat Muslimin, menyaringkan tugas-tugas dan kewajipan yang diletakkan ke atas mereka, menjelaskan kedudukan yang telah ditentukan untuk mereka dan mengukuhkan akar umbinya yang bertunjang di zaman silam, zaman kini dan zaman mendatang, apabila mereka berdiri teguh dan lurus mengikuti agama yang dikehendaki Allah untuk mereka.

Al-Qur'an memulakan dengan memerintah orang-orang yang beriman supaya ruku' dan sujud yang menjadi rukun solat yang amat penting. Al-Qur'an menggelarkan solat dengan ruku' dan sujud untuk memberi gambaran yang amat jelas kepada solat dan harakat yang terang di dalam pengungkapan. Ia melukiskan solat dengan pemandangan ruku' dan sujud yang jelas dan dapat dilihat dengan mata, kerana pengungkapan seperti ini lebih kuat kesannya dan lebih membangkitkan perasaan manusia.[1]

Perintah yang kedua menyuruh mereka beribadat kepada Allah. Ibadat lebih umum dari solat. Ibadat kepada Allah meliputi seluruh amalan yang difardhukan ke atas manusia dan ditokok pula segala amalan, segala harakat dan segala fikiran seseorang yang bertawajjuh kepada Allah. Oleh itu segala kegiatan manusia dalam hidup ini dapat bertukar menjadi ibadat apabila hati manusia bertawajjuh dengannya kepada Allah, hinggakan kelazatan-kelazatan yang dikecapi seseorang dari keni'matan-keni'matan hidup ini hanya dengan satu niat yang kecil sahaja dapat bertukar menjadi ibadat yang

---

[1] *Lihat bab "طريقة القرآن" di dalam kitab "التصوير الفني في القرآن".*

dituliskan pahala-pahala kebajikan untuknya. Apa yang harus dilakukannya hanyalah mengingati Allah yang telah mengurniakan kepadanya ni'mat kelazatan itu serta berniat untuk menguatkan ketaqwaan dan keta'atannya, dengan ingatan dan niat ini ia bertukar menjadi ibadat-ibadat dan amalan-amalan yang baik sedangkan tiada suatu pun yang berubah pada tabi'at keni'matan-keni'matan itu, cuma yang berubah ialah niat dan arah tujuan sahaja.

Akhirnya ditamatkan dengan perintah supaya mereka melakukan amalan kebajikan umumnya dalam hubung gaul mereka dengan manusia setelah membuat hubungan dengan Allah melalui solat dan ibadat.

Ia menyuruh umat Muslimin melakukan amalan-amalan itu dengan harapan semoga mereka mendapat keberuntungan dan kejayaan, kerana amalan-amalan itu merupakan faktor-faktor yang membawa kepada keberuntungan dan kejayaan. Ibadat dapat menghubungkan umat Muslimin dengan Allah dan perhubungan ini akan menegakkan kehidupan mereka di atas landasan yang kukuh dan di atas jalan yang menyampaikan mereka kepada Allah. Amalan-amalan kebajikan pula dapat menegakkan kehidupan bermasyarakat di atas landasan keimanan dan arah tujuan semulajadi.

Apabila umat Muslimin telah melengkapkan diri mereka dengan hubungan yang rapat dengan Allah dan menegakkan kehidupan yang jujur dan lurus, lalu hati dan kehidupan mereka tegak di atas jalan yang lurus nescaya dapatlah mereka melaksanakan tanggungjawab mereka yang berat.

وَجَٰهِدُواْ فِي ٱللَّهِ حَقَّ جِهَادِهِۦ

"...Berjihadlah kamu pada jalan Allah dengan jihad yang sebenar-benarnya..."(78)

Berjihad pada jalan Allah merangkumi jihad melawan musuh, jihad melawan nafsu dan jihad melawan kejahatan dan kerosakan. Semuanya sama.

"Berjihadlah kamu pada jalan Allah dengan jihad yang sebenar-benarnya" kerana Allah telah melantik kamu untuk memikul amanah yang besar ini. Dia telah memilih kamu untuk tugas ini di antara para hamba-Nya yang lain:

هُوَ ٱجۡتَبَىٰكُمۡ

"...Dialah yang telah memilih kamu..."(78)

Pemilihan ini telah menjadikan tanggungjawab umat Muslimin itu begitu besar hingga tidak ada lagi ruang untuk mereka mengelakkan diri dari tanggungjawab ini. Itulah satu penghormatan yang tinggi dari Allah yang seharusnya dibalas dengan kesyukuran dan perlaksanaan tugas dengan baik.

Ia merupakan satu taklif yang dinaungi dengan rahmat Allah:

وَمَا جَعَلَ عَلَيۡكُمۡ فِي ٱلدِّينِ مِنۡ حَرَجٖۚ

"...Dan Dia sekali-kali tidak menjadikan sesuatu yang menyulitkan kamu di dalam agama ini...."(78)

Seluruh taklif-taklif ibadat dan undang-undang agama Islam adalah disesuai dan dipadankan dengan fitrah dan tenaga kemampuan manusia. Ia disesuaikan supaya dapat memenuhi kehendak-kehendak fitrah dan tenaga kemampuan mereka dan supaya ia dapat menggunakan tenaga kemampuan mereka ke arah pembangunan dan keunggulan agar tenaga mereka tidak terpendam dan terkurung seperti tenaga wap yang tertutup, dan agar tenaga itu tidak terlepas bebas seperti terlepasnya binatang liar yang ganas.

Agama Allah merupakan satu sistem hidup yang amat tua yang bertunjang di zaman silam manusia. Ia mempunyai zaman silam yang bersambung dengan zaman sekarang:

مِّلَّةَ أَبِيكُمۡ إِبۡرَٰهِيمَۚ

"...Iaitu agama moyang kamu Nabi Ibrahim..."(78)

Yakni ia adalah sumber tauhid yang mempunyai rangkaian mata rantai yang bersambung-sambung sejak zaman Nabi Ibrahim a.s. yang tidak pernah terputus di bumi ini. Ia tidak lagi dipisahkan oleh ruang-ruang zaman yang menghilangkan ciri-ciri utama 'aqidah seperti ruang-ruang zaman yang memisahkan di antara kerasulan-kerasulan di zaman-zaman sebelum Ibrahim a.s.

Allah S.W.T. telah menamakan umat yang padu ini dengan nama umat Muslimin. Dia menamakan mereka begitu di zaman lampau dan begitu juga Dia menamakan mereka di dalam Al-Qur'an:

هُوَ سَمَّىٰكُمُ ٱلۡمُسۡلِمِينَ مِن قَبۡلُ وَفِي هَٰذَا

"...Dan Dialah yang menamakan kamu kaum Muslimin di zaman dahulu, juga di dalam Al-Qur'an ini..."(78)

Islam bererti penyerahan diri dan hati kepada Allah Yang Maha Esa tanpa sebarang sekutu. Umat Muslimin mempunyai satu sistem hidup yang sama di sepanjang generasi manusia, di sepanjang zaman para rasul dan di sepanjang zaman risalah-risalah Allah sehingga berakhir kepada umat Nabi Muhammad s.a.w. iaitu sehingga amanah dan tugas memimpin umat manusia ini diserahkan kepada mereka. Dengan demikian zaman silam agama Islam telah bersambung dengan zaman kini dan seterusnya bersambung dengan zaman mendatang seperti yang dikehendaki Allah:

لِيَكُونَ ٱلرَّسُولُ شَهِيدًا عَلَيۡكُمۡ وَتَكُونُواْ شُهَدَآءَ عَلَى ٱلنَّاسِۚ

"...Supaya Rasulullah (Muhammad) menjadi saksi di atas kamu dan supaya kamu pula menjadi saksi di atas seluruh manusia yang lain...."(78)

Umat Muslimin Menjadi Pewaris Dan Pengawal Agama Allah

Maksudnya, Rasulullah s.a.w. menjadi saksi di atas umat Muslimin ini, kerana beliaulah yang menentukan garis-garis peraturan hidup mereka dan hala tujuannya, menjelaskan mana yang salah dan mana yang benar, kemudian mereka pula menjadi saksi di atas umat manusia yang lain dengan memimpin mereka ke arah ini. Merekalah pemimpin dan pengawal umat manusia selepas nabi mereka Muhammad s.a.w. Mereka memegang amanat memimpin manusia dengan neraca syari'at, tarbiyah dan pemikiran Islamiyah terhadap alam buana dan kehidupan. Dan mereka tidak akan dapat melakukan tugas ini melainkan apabila mereka bersikap jujur memelihara agama mereka yang amat tua, yang diwarisi turun temurun dan dipilih Allah itu.

Umat Muslimin telah memegang amanat kepimpinan manusia selama mereka berpegang kukuh dengan agama Allah dan melaksanakannya di dalam kehidupan seharian mereka, tetapi apabila mereka telah menyeleweng dari agama Allah dan meninggalkan tugas-tugas mereka, maka Allah telah menurunkan mereka kembali dari puncak kepimpinan ke maqam pak turut di belakang kafilah umat-umat yang lain, dan mereka masih dan akan terus berada dalam keadaan itu sehingga mereka kembali berpegang kukuh dengan agama yang telah dipilih Allah itu.

Untuk melaksanakan tugas ini ia memerlukan kepada pengemblengan tenaga dan persediaan yang cukup. Oleh itu Al-Qur'an menyuruh mereka mendirikan solat, mengeluarkan zakat dan berpegang kepada Allah:

فَأَقِيمُوا۟ ٱلصَّلَوٰةَ وَءَاتُوا۟ ٱلزَّكَوٰةَ وَٱعْتَصِمُوا۟ بِٱللَّهِ
هُوَ مَوْلَىٰكُمْ ۖ فَنِعْمَ ٱلْمَوْلَىٰ وَنِعْمَ ٱلنَّصِيرُ ﴿٧٨﴾

"...Oleh itu dirikanlah solat dan keluarkan zakat dan berpeganglah kepada Allah. Dialah Pelindung kamu dan Dialah sebaik-baik Pelindung dan sebaik-baik Pemberi pertolongan."(78)

Solat merupakan tali hubungan seorang hamba yang dha'if dan fana dengan Allah yang menjadi sumber kekuatan dan bekalan. Zakat merupakan tali hubungan anggota-anggota masyarakat terhadap satu sama lain dan merupakan jaminan sosial untuk memenuhi keperluan hidup mereka dan melindungi mereka dari kerosakan dan kesusahan. Berpegang kepada Allah merupakan tali hubungan yang paling kukuh di antara ma'bud (Allah) dengan 'abid (manusia).

Dengan kelengkapan dan persediaan ini dapatlah umat Muslimin melaksanakan tugas kepimpinan umat manusia yang telah dipilih Allah untuk mereka, dan dapatlah mereka mengambil manfa'at dari sumber-sumber alam dan tenaga-tenaga kebendaan yang dikenali mereka sebagai sumber-sumber kekuatan di bumi. Al-Qur'an tidak mengabaikan tenaga-tenaga kebendaan ini, malah Al-Qur'an menyeru dan menggalakkan umat Muslimin menyediakannya tetapi dengan syarat mereka mengemblengkan kekuatan, tenaga dan bekalan keimanan yang tak kunjung habis itu, iaitu kekuatan, tenaga dan bekalan keimanan yang hanya dimiliki oleh orang-orang yang beriman kepada Allah sahaja, dan dengan kekuatan ini mereka dapat membawa kehidupan mereka kepada kebaikan dan ketinggian.

Nilai sistem hidup Ilahi kepada manusia ialah ia membawa mereka maju ke depan menuju kesempurnaan yang telah ditetapkan Allah kepada mereka di muka bumi ini. la tidak mahu mereka diheret oleh kelazatan-kelazatan dan keni'matan-keni'matan hidup sahaja sebagaimana yang berlaku kepada binatang-binatang ternakan.

Memang benar bahawa nilai-nilai insaniyah yang luhur itu bergantung kepada bekalan hidup kebendaan yang cukup, tetapi ia tidak berhenti ditangga-tangga pertama ini sahaja. Demikianlah Islam mahu mereka berada di bawah naungan kepimpinan yang betul, tegak dan lurus di atas agama Allah di bawah perlindungan Allah.

(Tamat Juzu' Yang Ketujuh Belas)

JUZU' KE-18

SURAH AL-MU'MINUN

SURAH KE

23

سُورَةُ الْمُؤْمِنُونَ

SURAH AL-MU'MINUN

Surah Para Mu'minin

(Makkiyah)

JUMLAH AYAT

118

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَٰنِ الرَّحِيمِ

Dengan nama Allah
Yang Maha Penyayang dan Maha Pengasih

(Kumpulan ayat-ayat 1 - 22)

قَدْ أَفْلَحَ الْمُؤْمِنُونَ ١

الَّذِينَ هُمْ فِي صَلَاتِهِمْ خَاشِعُونَ ٢

وَالَّذِينَ هُمْ عَنِ اللَّغْوِ مُعْرِضُونَ ٣

وَالَّذِينَ هُمْ لِلزَّكَاةِ فَاعِلُونَ ٤

وَالَّذِينَ هُمْ لِفُرُوجِهِمْ حَافِظُونَ ٥

إِلَّا عَلَىٰ أَزْوَاجِهِمْ أَوْ مَا مَلَكَتْ أَيْمَانُهُمْ فَإِنَّهُمْ غَيْرُ
مَلُومِينَ ٦

فَمَنِ ابْتَغَىٰ وَرَاءَ ذَٰلِكَ فَأُولَٰئِكَ هُمُ الْعَادُونَ ٧

وَالَّذِينَ هُمْ لِأَمَانَاتِهِمْ وَعَهْدِهِمْ رَاعُونَ ٨

وَالَّذِينَ هُمْ عَلَىٰ صَلَوَاتِهِمْ يُحَافِظُونَ ٩

أُولَٰئِكَ هُمُ الْوَارِثُونَ ١٠

الَّذِينَ يَرِثُونَ الْفِرْدَوْسَ هُمْ فِيهَا خَالِدُونَ ١١

وَلَقَدْ خَلَقْنَا الْإِنسَانَ مِن سُلَالَةٍ مِّن طِينٍ ١٢

ثُمَّ جَعَلْنَاهُ نُطْفَةً فِي قَرَارٍ مَّكِينٍ ١٣

ثُمَّ خَلَقْنَا النُّطْفَةَ عَلَقَةً فَخَلَقْنَا الْعَلَقَةَ مُضْغَةً
فَخَلَقْنَا الْمُضْغَةَ عِظَامًا فَكَسَوْنَا الْعِظَامَ لَحْمًا
ثُمَّ أَنشَأْنَاهُ خَلْقًا آخَرَ فَتَبَارَكَ اللَّهُ أَحْسَنُ
الْخَالِقِينَ ١٤

ثُمَّ إِنَّكُم بَعْدَ ذَٰلِكَ لَمَيِّتُونَ ١٥

ثُمَّ إِنَّكُمْ يَوْمَ الْقِيَامَةِ تُبْعَثُونَ ١٦

وَلَقَدْ خَلَقْنَا فَوْقَكُمْ سَبْعَ طَرَائِقَ وَمَا كُنَّا عَنِ
الْخَلْقِ غَافِلِينَ ١٧

وَأَنزَلْنَا مِنَ السَّمَاءِ مَاءً بِقَدَرٍ فَأَسْكَنَّاهُ فِي الْأَرْضِ
وَإِنَّا عَلَىٰ ذَهَابٍ بِهِ لَقَادِرُونَ ١٨

فَأَنشَأْنَا لَكُم بِهِ جَنَّاتٍ مِّن نَّخِيلٍ وَأَعْنَابٍ لَّكُمْ فِيهَا
فَوَاكِهُ كَثِيرَةٌ وَمِنْهَا تَأْكُلُونَ ١٩

وَشَجَرَةً تَخْرُجُ مِن طُورِ سَيْنَاءَ تَنبُتُ بِالدُّهْنِ
وَصِبْغٍ لِّلْآكِلِينَ ٢٠

وَإِنَّ لَكُمْ فِي الْأَنْعَامِ لَعِبْرَةً نُّسْقِيكُم مِّمَّا فِي بُطُونِهَا
وَلَكُمْ فِيهَا مَنَافِعُ كَثِيرَةٌ وَمِنْهَا تَأْكُلُونَ ٢١

وَعَلَيْهَا وَعَلَى الْفُلْكِ تُحْمَلُونَ ٢٢

"Sesungguhnya telah beruntunglah orang-orang yang beriman (1). Iaitu orang-orang yang khusyu' di dalam solat mereka (2). Dan orang-orang yang menjauhkan diri dari segala yang sia-sia (3). Dan orang-orang yang menunaikan zakat (4). Dan orang-orang yang menjaga, anggota kelamin mereka (5). Kecuali dengan isteri-isteri mereka dan hamba-hamba Yang dimiliki mereka, maka sesungguhnya mereka tidak dicela (meni'mati hubungan kelamin dengan mereka) (6). Oleh itu barang siapa yang mencari (keni'matan seks) di luar dari itu, maka merekalah orang-orang yang pelampau (7). Dan orang-orang yang memelihara amanat-amanat dan janji-janji mereka (8). Dan orang-orang yang memelihara sembahyang-sembahyang mereka (9). Merekalah para

pewaris (10). Yang akan mewarisi Syurga Firdaus, di mana mereka hidup kekal abadi (11). Dan sesungguhnya Kami telah ciptakan manusia dari suatu siri saripati dari tanah (12). Kemudian Kami jadikannya dari nutfah (yang disimpan) di suatu tempat yang kukuh (rahim) (13). Kemudian Kami jadikan nutfah itu setompok sel, kemudian Kami jadikan setompok sel itu segumpal darah dan Kami jadikan segumpal darah itu tulang-temalang kemudian Kami balutkan tulang-temalang itu dengan daging dan kemudian Kami ciptakannya satu makhluk yang lain. Maha Sucilah Allah seelok-elok Pencipta (14). Kemudian selepas itu kamu akan mati (15). Kemudian pada hari Qiamat kelak kamu akan dibangkitkan kembali (16). Dan sesungguhnya Kami telah ciptakan di atas kamu tujuh petala langit dan Kami tidak pernah lalai dari makhluk-makhluk ciptaan Kami (17). Dan Kami turunkan air hujan dari langit mengikut kadarnya (yang wajar) lalu Kami simpannya di dalam bumi, dan sesungguhnya Kami berkuasa pula menghapuskan air itu (18). Lalu Kami adakan untuk kamu dengan siramannya kebun-kebun kurma dan anggur, di mana kamu memperolehi buah-buahan yang banyak dan darinya kamu mendapat makanan (19). Dan sejenis pokok yang keluar dari Tursina yang mengeluarkan minyak dan lauk kepada para pemakan (20). Dan sesungguhnya pada haiwan ternakan itu terdapat pengajaran kepada kamu. Kami memberikan kepada kamu minuman dari air susu yang ada di dalam perutnya. Dan pada binatang-binatang itu juga terdapat manfa'at-manfa'at yang amat banyak untuk kamu dan darinya juga kamu mendapat makanan (21). Dan di atas binatang-binatang itu, juga di atas kapal-kapal kamu sekalian diangkutkan."(22)

(Latar belakang dan pokok pembicaraan)

Nama "Surah al-Mu'minun" itu sendiri menunjukkan isi pembicaraannya. Surah ini dimulakan dengan menjelaskan sifat-sifat para Mu'minin kemudian terus menghuraikan dalil-dalil iman yang terdapat pada kejadian diri manusia dan kejadian-kejadian di merata pelosok alam. Kemudian ia menerangkan hakikat iman sebagaimana yang dibentangkan oleh para rasul Salawatullahi 'alaihim dari sejak Nabi Nuh a.s. hingga kepada Nabi Muhammad s.a.w. selaku penamat para rasul dan anbia', juga menerangkan kekeliruan para pendusta di sekitar hakikat itu dan bangkangan-bangkangan serta tentangan-tentangan mereka terhadapnya sehingga para rasul memohon pertolongan dari Allah, lalu Allah membinasakan para pendusta dan menyelamatkan para Mu'minin. Setelah itu ia menjelaskan pula bagaimana selepas kebangkitan para rasul itu umat manusia telah berselisih faham tentang hakikat yang tunggal itu. Di sini ia memperkatakan tentang sikap kaum Musyrikin terhadap Rasulullah s.a.w. dan mengecam sikap mereka yang tidak berasas itu. Kemudian surah ini berakhir dengan sebuah pemandangan hari Qiamat, di mana mereka menerima akibat pendustaan mereka dan di mana mereka dikecam kerana sikap mereka yang ragu-ragu itu dan pada akhirnya surah ini ditamatkan dengan sebuah ulasan yang menjelaskan pegangan tauhid yang mutlaq dan bertawajjuh kepada Allah untuk memohon rahmat dan keampunan.

Itulah surah "Para Mu'minin" atau surah iman dengan segala persoalan, dalil-dalil dan sifat-sifatnya, dan inilah yang menjadi maudhu' dan paksi pembicaraan surah ini.

* * * * * *

Huraian surah ini berlangsung dalam empat pusingan:

Pusingan yang pertama menerangkan keberuntungan para Mu'minin:

قَدۡ أَفۡلَحَ ٱلۡمُؤۡمِنُونَ ١

"Sesungguhnya telah beruntunglah orang-orang yang beriman."(1)

Kemudian ia menerangkan sifat-sifat para Mu'minin yang telah ditulis sebagai golongan manusia yang beruntung, kemudian menerangkan dalil-dalil iman yang terdapat pada kejadian diri manusia dan kejadian-kejadian alam yang lain. Di sini ia menayangkan tahap-tahap perkembangan hidup manusia (di dalam rahim) dari awal jadinya sehingga lahir ke alam dunia. Ia meluaskan huraiannya mengenai tahap-tahap perkembangan janin dan meringkaskan huraiannya mengenai tahap-tahap perkembangan yang lain. Kemudian ia terus mengikuti garis perjalanan hidup manusia sehingga mereka dibangkitkan pada hari Qiamat. Selepas itu ia berpindah pula dari pembicaraan mengenai hidup manusia kepada pembicaraan dalil-dalil alam buana seperti penciptaan langit, penurunan air hujan, penumbuhan tanaman-tanaman dan pokok buah-buahan hingga sampai kepada pembicaraan binatang-binatang ternakan untuk faedah manusia dan kapal-kapal serta binatang-binatang yang menjadi alat-alat kenderaan mereka.

Dalam pusingan yang kedua ia berpindah dari pembicaraan mengenai dalil-dalil iman yang terdapat pada kejadian diri manusia dan kejadian makhluk-makhluk yang lain kepada pembicaraan mengenai hakikat iman, iaitu satu hakikat yang diberi kata sepakat oleh para rasul tanpa sebarang kecuali:

يَٰقَوۡمِ ٱعۡبُدُواْ ٱللَّهَ مَا لَكُم مِّنۡ إِلَٰهٍ غَيۡرُهُۥٓۚ

"Wahai kaumku! Sembahkanlah Allah, tiada Tuhan bagi kamu selain Dia."(23)

Itulah hakikat yang diumumkan Nabi Nuh a.s. dan oleh para rasul yang datang selepasnya sehingga berakhir kepada Nabi Muhammad s.a.w. Bangkangan-bangkangan yang sentiasa dikemukakan oleh para pendusta ialah:

مَا هَٰذَآ إِلَّا بَشَرٞ مِّثۡلُكُمۡ

"Orang ini tidak lain melainkan hanya manusia seperti kamu sahaja."(24)

وَلَوْ شَاءَ اللَّهُ لَأَنزَلَ مَلَائِكَةً

"Dan andainya Allah kehendaki tentulah Dia menurunkan malaikat-malaikat."(24)

أَيَعِدُكُمْ أَنَّكُمْ إِذَا مِتُّمْ وَكُنتُمْ تُرَابًا وَعِظَامًا أَنَّكُم

مُّخْرَجُونَ ﴿٣٥﴾

"Apakah dia menjanjikan kamu jika kamu telah mati dan menjadi tanah dan tulang-temalang bahawa kamu akan dikeluarkan kembali (dari kubur kamu)."(35)

Akibat yang selalu dihadapi para rasul ialah mereka mencari perlindungan pada Allah dan memohon pertolongan-Nya kemudian Allah memperkenankan permohonan mereka lalu membinasakan para pendusta itu. Pusingan ini berakhir dengan satu seruan yang ditujukan kepada sekalian rasul:

يَا أَيُّهَا الرُّسُلُ كُلُوا مِنَ الطَّيِّبَاتِ وَاعْمَلُوا صَالِحًا ۖ إِنِّي

بِمَا تَعْمَلُونَ عَلِيمٌ ﴿٥١﴾

وَإِنَّ هَٰذِهِ أُمَّتُكُمْ أُمَّةً وَاحِدَةً وَأَنَا رَبُّكُمْ فَاتَّقُونِ ﴿٥٢﴾

"Wahai para rasul! Makanlah dari makanan-makanan yang baik dan kerjakanlah amalan yang soleh, sesungguhnya Aku Maha Mengetahui segala apa yang dilakukan kamu (51). Sesungguhnya umat kamu adalah satu umat yang sama dan Akulah Tuhan kamu. Oleh itu bertaqwalah kepada-Ku."(52)

Pusingan yang ketiga memperkatakan tentang perpecahan dan perbalahan umat manusia selepas kedatangan para rasul mengenai hakikat iman yang tunggal yang dibawa mereka:

فَتَقَطَّعُوا أَمْرَهُم بَيْنَهُمْ زُبُرًا ۖ كُلُّ حِزْبٍ بِمَا لَدَيْهِمْ

فَرِحُونَ ﴿٥٣﴾

"Kemudian mereka (pengikut-pengikut Rasul) mencaing-caingkan agama mereka di antara mereka hingga berpecah kepada beberapa puak. Setiap puak berbangga dengan pegangan yang ada pada mereka masing-masing."(53)

Juga memperkatakan tentang kelalaian mereka terhadap ujian Allah yang menguji mereka dengan ni'mat kesenangan dan keangkuhan mereka dengan ni'mat kemewahan hidup itu, sedangkan orang-orang yang beriman sentiasa menaruh perasaan takut kepada Allah dan beribadat kepada-Nya tanpa mempersekutukan-Nya. Mereka sentiasa bimbang dan berwaspada:

وَالَّذِينَ يُؤْتُونَ مَا آتَوا وَّقُلُوبُهُمْ وَجِلَةٌ أَنَّهُمْ إِلَىٰ رَبِّهِمْ

رَاجِعُونَ ﴿٦٠﴾

"Dan orang-orang yang mengerjakan apa yang telah dikerjakan mereka sedangkan hati mereka merasa takut kerana (mengenangkan) mereka kelak akan kembali kepada Tuhan mereka."(60)

Kemudian Al-Qur'an melukiskan satu pemandangan yang menggambarkan orang-orang yang lalai dan angkuh itu pada hari mereka ditimpakan 'azab, di mana mereka meraung-raung dan dikecam dengan hebatnya:

قَدْ كَانَتْ آيَاتِي تُتْلَىٰ عَلَيْكُمْ فَكُنتُمْ عَلَىٰ أَعْقَابِكُمْ

تَنكِصُونَ ﴿٦٦﴾

مُسْتَكْبِرِينَ بِهِ سَامِرًا تَهْجُرُونَ ﴿٦٧﴾

"Sesungguhnya ayat-ayat Kami selalu dibacakan kepada kamu, tetapi kamu berpaling ke belakang (66). Menunjukkan sikap yang angkuh terhadap Al-Qur'an dan mengeluarkan kata-kata yang keji (memburuk-burukkannya) ketika berbual-bual di waktu malam."(67)

Kemudian penerangan ayat selanjutnya mengecam sikap mereka yang aneh terhadap Rasul mereka yang jujur, sedangkan mereka betul-betul mengenali sifat-sifat beliau. Beliau telah membawa agama yang benar kepada mereka tanpa meminta sebarang upah, tetapi mengapa mereka menolak beliau dan menolak agama yang benar yang dibawa olehnya? Mereka menerima konsep bahawa Allah itu memiliki segala makhluk di langit dan di bumi, tetapi selepas menerima konsep ini mereka ingkarkan kebangkitan selepas mati dan mendakwa bahawa Allah mempunyai anak. Maha Suci Allah! Dan mereka mempersekutukan Allah dengan tuhan-tuhan yang lain.

فَتَعَالَىٰ عَمَّا يُشْرِكُونَ ﴿٩٢﴾

"Maha Sucilah Allah dari segala apa yang dipersekutukan mereka."(92)

Dalam pusingan yang akhir, Al-Qur'an meninggalkan kaum Musyrikin bersama kepercayaan mereka yang syirik dan dakwaan mereka yang karut dan menujukan perintahnya kepada Rasulullah s.a.w. supaya menolak kejahatan kaum Musyrikin itu dengan cara-cara yang lebih baik[1] dan supaya memohon perlindungan kepada Allah dari kejahatan para syaitan. Oleh itu hendaklah beliau jangan marah dan merasa bosan terhadap kata-kata mereka. Di samping itu ditayangkan sebuah pemandangan Qiamat yang menggambarkan 'azab keseksaan, penghinaan dan kecaman yang akan menimpa mereka. Kemudian surah ini diakhiri dengan mentanzihkan Allah S.W.T.:

فَتَعَالَى اللَّهُ الْمَلِكُ الْحَقُّ ۖ لَا إِلَٰهَ إِلَّا هُوَ رَبُّ الْعَرْشِ

الْكَرِيمِ ﴿١١٦﴾

"Maha Sucilah Allah Pemerintah yang sebenar. Tiada Tuhan melainkan Dia, yang memiliki 'arasy yang amat mulia"(116)

---

[1] *Surah ini diturunkan di Makkah dan pada masa itu orang-orang Islam belum lagi diperintah supaya menolakkan pencerobohan dengan pencerobohan.*

dan dengan menafikan pencapaian keberuntungan dari orang-orang kafir sebagai imbangan kepada keterangan yang menthabitkan pencapaian keberuntungan kepada orang-orang yang beriman pada awal surah:

وَمَن يَدْعُ مَعَ ٱللَّهِ إِلَٰهًا ءَاخَرَ لَا بُرْهَٰنَ لَهُۥ بِهِۦ
فَإِنَّمَا حِسَابُهُۥ عِندَ رَبِّهِۦٓ ۚ إِنَّهُۥ لَا يُفْلِحُ ٱلْكَٰفِرُونَ ﴿١١٧﴾

"Dan barang siapa menyembah di samping Allah tuhan yang lain, tanpa sebarang bukti baginya, maka hisabnya dicatat di sisi Tuhannya iaitu sesungguhnya orang-orang yang kafir itu tidak akan mendapat keuntungan."(117)

Dan seterusnya dengan do'a kepada Allah memohon rahmat dan keampunan:

وَقُل رَّبِّ ٱغْفِرْ وَٱرْحَمْ وَأَنتَ خَيْرُ ٱلرَّٰحِمِينَ ﴿١١٨﴾

"Dan berdo'alah: Wahai Tuhanku! Kurniakanlah keampunan dan rahmat dan Engkaulah sebaik Pengurnia rahmat."(118)

******

Seluruh suasana surah ini ialah suasana penerangan dan penjelasan, suasana perdebatan yang tenang, logik hati yang sedar dan sentuhan-sentuhan yang membangkitkan fikiran dan hati nurani. Dan bayangan yang menyelubungi surah ini ialah bayangan yang disorotkan oleh maudhu' pembicaraannya iaitu bayangan keimanan. Pada permulaan surah ditayangkan pemandangan khusyu' di dalam sembahyang:

ٱلَّذِينَ هُمْ فِى صَلَاتِهِمْ خَٰشِعُونَ ﴿٢﴾

"Iaitu orang-orang yang khusyu' di dalam solat mereka."(2)

Dan di tengah-tengahnya diterangkan sifat-sifat para Mu'min:

وَٱلَّذِينَ يُؤْتُونَ مَآ ءَاتَوا۟ وَّقُلُوبُهُمْ وَجِلَةٌ أَنَّهُمْ إِلَىٰ رَبِّهِمْ
رَٰجِعُونَ ﴿٦٠﴾

"Dan orang-orang yang mengerjakan apa yang telah dikerjakan mereka sedangkan hati mereka merasa takut kerana (mengenangkan) mereka kelak akan kembali kepada Tuhan mereka."(60)

Juga mengemukakan sentuhan-sentuhan yang mencubit hati yang sedar:

وَهُوَ ٱلَّذِىٓ أَنشَأَ لَكُمُ ٱلسَّمْعَ وَٱلْأَبْصَٰرَ وَٱلْأَفْـِٔدَةَ ۚ قَلِيلًا
مَّا تَشْكُرُونَ ﴿٧٨﴾

"Dan Dialah yang telah menciptakan untuk kamu pendengaran, penglihatan dan hati nurani, tetapi sedikit sekali kamu bersyukur."(78)

Semuanya dinaungi dengan bayangan iman yang amat halus.

******

(Pentafsiran ayat-ayat 1 - 11)

قَدْ أَفْلَحَ ٱلْمُؤْمِنُونَ ﴿١﴾
ٱلَّذِينَ هُمْ فِى صَلَاتِهِمْ خَٰشِعُونَ ﴿٢﴾
وَٱلَّذِينَ هُمْ عَنِ ٱللَّغْوِ مُعْرِضُونَ ﴿٣﴾
وَٱلَّذِينَ هُمْ لِلزَّكَوٰةِ فَٰعِلُونَ ﴿٤﴾
وَٱلَّذِينَ هُمْ لِفُرُوجِهِمْ حَٰفِظُونَ ﴿٥﴾
إِلَّا عَلَىٰٓ أَزْوَٰجِهِمْ أَوْ مَا مَلَكَتْ أَيْمَٰنُهُمْ فَإِنَّهُمْ غَيْرُ
مَلُومِينَ ﴿٦﴾
فَمَنِ ٱبْتَغَىٰ وَرَآءَ ذَٰلِكَ فَأُو۟لَٰٓئِكَ هُمُ ٱلْعَادُونَ ﴿٧﴾
وَٱلَّذِينَ هُمْ لِأَمَٰنَٰتِهِمْ وَعَهْدِهِمْ رَٰعُونَ ﴿٨﴾
وَٱلَّذِينَ هُمْ عَلَىٰ صَلَوَٰتِهِمْ يُحَافِظُونَ ﴿٩﴾
أُو۟لَٰٓئِكَ هُمُ ٱلْوَٰرِثُونَ ﴿١٠﴾
ٱلَّذِينَ يَرِثُونَ ٱلْفِرْدَوْسَ هُمْ فِيهَا خَٰلِدُونَ ﴿١١﴾

"Sesungguhnya telah beruntunglah orang-orang yang beriman (1). Iaitu orang-orang yang khusyu' di dalam solat mereka (2). Dan orang-orang yang menjauhkan diri dari segala yang sia-sia (3). Dan orang-orang yang menunaikan zakat (4). Dan orang-orang yang menjaga anggota kelamin mereka (5). Kecuali dengan isteri-isteri mereka dan hamba-hamba yang dimiliki mereka, maka sesungguhnya mereka tidak dicela (meni'mati hubungan kelamin dengan mereka) (6). Oleh itu barang siapa yang mencari (keni'matan seks) di luar dari itu, maka merekalah orang-orang yang pelampau (7). Dan orang-orang yang memelihara amanah-amanah dan janji-janji mereka (8). Dan orang-orang yang memelihara sembahyang-sembahyang mereka (9). Merekalah Para pewaris (10). Yang akan mewarisi Syurga Firdaus, dimana mereka hidup kekal abadi."(11)

Perjanjian Allah Dengan Para Mu'minin

Itulah janji yang benar dan pengakuan yang tegas terhadap keberuntungan yang akan dicapai oleh para Mu'minin. Itulah janji Allah dan Allah tidak pernah menyalahi janji-Nya. Itulah pengakuan Allah dan tiada siapa yang dapat menolak pengakuan-Nya. Itulah keberuntungan di dunia dan keberuntungan di Akhirat. Itulah keberuntungan individu Muslim dan keberuntungan kelompok Muslimin. Itulah keberuntungan yang dirasai orang yang beriman di

dalam hatinya dan mendapat bukti kebenarannya dalam kenyataan hidupnya, iaitu keberuntungan yang merangkumi segala pengertian keberuntungan yang diketahui manusia dan pengertian-pengertian keberuntungan yang tidak diketahui mereka, yang disimpankan Allah untuk para hamba-Nya yang Mu'min.

Siapakah para Mu'minin yang dituliskan Allah perjanjian ini untuk mereka, dan dimeteraikan janji ini dengan mereka dan diumumkan keberuntungan mereka dengan pengumuman ini?

Siapakah para Mu'minin yang dituliskan untuk mereka segala kebajikan, kebahagiaan, taufik dan keni'matan hidup yang baik di muka bumi ini?

Siapakah para Mu'minin yang dituliskan untuk mereka segala kemenangan, keselamatan, pahala dan keredhaan Allah di Akhirat? Dan lain-lain balasan yang baik di dunia dan Akhirat yang tidak diketahui sesiapa kecuali Allah?

Siapakah para Mu'min yang menjadi para pewaris yang akan mewarisi Syurga di mana mereka hidup kekal abadi?

Merekalah orang-orang yang dijelaskan sifat-sifat mereka selepas ayat pembukaan surah ini:

ٱلَّذِينَ هُمْ فِي صَلَاتِهِمْ خَٰشِعُونَ ﴿٢﴾

وَٱلَّذِينَ هُمْ عَنِ ٱللَّغْوِ مُعْرِضُونَ ﴿٣﴾

وَٱلَّذِينَ هُمْ لِلزَّكَوٰةِ فَٰعِلُونَ ﴿٤﴾

وَٱلَّذِينَ هُمْ لِفُرُوجِهِمْ حَٰفِظُونَ ﴿٥﴾

إِلَّا عَلَىٰٓ أَزْوَٰجِهِمْ أَوْ مَا مَلَكَتْ أَيْمَٰنُهُمْ فَإِنَّهُمْ غَيْرُ مَلُومِينَ ﴿٦﴾

فَمَنِ ٱبْتَغَىٰ وَرَآءَ ذَٰلِكَ فَأُو۟لَٰٓئِكَ هُمُ ٱلْعَادُونَ ﴿٧﴾

وَٱلَّذِينَ هُمْ لِأَمَٰنَٰتِهِمْ وَعَهْدِهِمْ رَٰعُونَ ﴿٨﴾

وَٱلَّذِينَ هُمْ عَلَىٰ صَلَوَٰتِهِمْ يُحَافِظُونَ ﴿٩﴾

"Iaitu orang-orang yang khusyu' di dalam solat mereka (2). Dan orang-orang yang menjauhkan diri dari segala yang sia-sia (3). Dan orang-orang yang menunaikan zakat (4). Dan orang-orang yang menjaga anggota kelamin mereka (5). Kecuali dengan isteri-isteri mereka dan hamba-hamba yang dimiliki mereka, maka sesungguhnya mereka tidak dicela (meni'mati hubungan kelamin dengan mereka) (6). Oleh itu barang siapa yang mencari (keni'matan seks) di luar dari itu, maka merekalah orang-orang yang pelampau (7). Dan orang-orang yang memelihara amanah-amanah dan janji-janji mereka (8). Dan orang-orang yang memelihara sembahyang-sembahyang mereka."(9)

Apakah nilai-nilai sifat-sifat ini?

Ciri-ciri Keperibadian Orang-orang Yang Beriman Dan Nilai-nilainya Yang Tinggi

Nilai sifat-sifat ini menggambarkan syakhsiyah seseorang Muslim pada parasnya yang paling tinggi, iaitu paras Nabi Muhammad s.a.w. selaku Rasulullah dan sebaik-baik makhluk Allah yang telah diasuh Allah dengan sebaik-baik asuhan dan disaksikan keagungan akhlaknya oleh kitab Allah sendiri:

وَإِنَّكَ لَعَلَىٰ خُلُقٍ عَظِيمٍ ﴿٤﴾

"Sesungguhnya engkau mempunyai akhlak yang agung."

(Surah al-Qalam: 4)

Siti Aisyah r.a. pernah ditanya tentang akhlak Rasulullah s.a.w. Jawab beliau: "Akhlaknya ialah Al-Qur'an" ((كان خلقه القرآن)), kemudian beliau membaca "قد أفلح المؤمنون" sehingga "والذين هم على صلوتهم يحافظون" kemudian berkata: Demikianlah akhlak Rasulullah s.a.w.[2]

Sekali lagi apakah nilai sifat-sifat itu sendiri? Apakah nilai-nilainya dalam kehidupan individu Muslim, dalam kehidupan kelompok Muslimin dan kehidupan umat manusia?

ٱلَّذِينَ هُمْ فِي صَلَاتِهِمْ خَٰشِعُونَ ﴿٢﴾

"Iaitu orang-orang yang khusyu' di dalam solat mereka."(2)

Hati mereka gementar ketika berdiri mengadap Allah di dalam solat. Hati mereka tenang dan khusyu' hingga menjalar ke seluruh tubuh badan, rupa dan gerak-geri. Jiwa mereka diselubungi kebesaran Allah yang dihadapi mereka, di mana segala ingatan yang lain hilang dari fikiran mereka. Mereka tidak teringat kepada yang lain dari Allah dan seluruh perasaan mereka tertumpu kepada-Nya dan berbicara dengan-Nya. Di hadapan hadrat Ilahi yang suci itu lenyaplah segala yang ada di sekeliling mereka dan segala sesuatu yang lain yang ada di dalam hati mereka. Mereka tidak melihat melainkan Allah dan tidak merasa melainkan Allah. Mereka tidak mengecapi melainkan makna Uluhiyah. Hati mereka bersih dari segala kekotoran dan menolak segala kekeliruan. Mereka tidak menyimpan dalam hati mereka sedikit pun dari kekotoran ini bersama kebesaran Allah. Pada ketika itulah debu yang sesat (manusia) itu bersambung dengan sumber Penciptanya (Allah) dan roh yang sesat menemui jalannya dan hati yang sepi menemui tempatnya, dan pada ketika itu juga kecillah segala nilai-nilai, segala benda dan sekalian tokoh kecuali sesuatu yang mempunyai hubungan dengan Allah.

وَٱلَّذِينَ هُمْ عَنِ ٱللَّغْوِ مُعْرِضُونَ ﴿٣﴾

"Dan orang-orang yang menjauhkan diri dari segala yang sia-sia."(3)

---

[2] *Hadith ini dikeluarkan oleh al-Nasa'i.*

Iaitu segala perkataan yang sia-sia, segala perbuatan yang sia-sia dan segala perhatian dan perasaan yang sia-sia. Hati yang Mu'min itu sentiasa dipenuhi kegiatan-kegiatannya. Ia tidak mempunyai ruang untuk perkara-perkara yang sia-sia, main-main dan cuma-cuma. Ia dipenuhi kegiatan Zikrullah, memikir kebesaran-Nya dan merenungi tanda-tanda kekuasaan dan kebijaksanaan-Nya pada kejadian diri manusia dan makhluk-makhluk yang lain. Setiap pemandangan alam buana memenuhi kegiatan hati dan fikirannya di samping menggerakkan perasaannya. Hati yang Mu'min itu sentiasa dipenuhi tugas-tugas 'aqidah yang membersihkan hati, mencuci jiwa dan dhamir, juga tugas-tugas yang mengawal tingkahlaku dan menegakkan pendirian pada tahap yang tinggi yang dituntut oleh iman, juga tugas-tugas yang menyuruh melakukan ma'ruf dan melarang melakukan munkar dan memelihara kehidupan masyarakat Islam dari kerosakan dan penyelewengan, juga tugas-tugas jihad untuk melindungi, menolong dan memperkukuhkan 'aqidah, mengawal dan menjaganya dari tipu daya musuh. Semuanya itu merupakan tugas-tugas yang tidak berakhir, yang tidak boleh diabaikan oleh orang yang beriman dan tidak boleh dihindarkan diri darinya. Seluruh tugas-tugas ini merupakan tugas-tugas yang difardhukan Allah sebagai fardhu 'ain atau fardhu kifayah di samping merupakan tugas-tugas yang cukup untuk menghabiskan tenaga dan umur seseorang manusia. Daya tenaga manusia itu adalah terbatas sama ada daya tenaga itu dihabiskan dalam tugas-tugas untuk mengislah, membangun dan memajukan kehidupan atau dihabiskan dalam kegiatan-kegiatan yang sia-sia, cuma-cuma dan main-main, tetapi bagi orang yang beriman dia tetap didorong oleh 'aqidahnya supaya menghabiskan daya tenaganya dalam kegiatan-kegiatan yang membangun, meng'imarah dan mengislah.

Tetapi ini tidaklah pula menafikan bahawa seseorang yang beriman itu boleh menghiburkan hatinya dari satu masa ke satu masa, kerana-hiburan-hiburan yang seperti ini merupakan suatu perkara yang berlainan dari kegiatan main-main, sia-sia dan kosong itu.

وَٱلَّذِينَ هُمْ لِلزَّكَوٰةِ فَٰعِلُونَ ﴿٤﴾

"Dan orang-orang yang menunaikan zakat."(4)

Iaitu setelah mereka mengadap Allah dengan khusyu' dan menghindarkan diri dari segala perkara yang sia-sia dalam kehidupan. Zakat merupakan pembersihan hati dan harta. Ia membersihkan hati dari sifat bakhil, mengatasi cinta terhadap diri sendiri dan menolak bisikan syaitan yang menakut-nakutkan seseorang menjadi miskin (kerana mendermakan harta), menanam kepercayaan kepada balasan dan ganjaran di sisi Allah. Kebersihan harta (yang dibayar zakat itu) menjadi bakinya sebagai harta yang baik dan halal, tidak lagi tergantung dengan mana-mana hak yang lain kecuali dalam keadaan-keadaan darurat. Ia tidak lagi menjadi harta Syubhat. Zakat mempunyai matlamat untuk memelihara masyarakat Islam dari kerosakan-kerosakan akibat kemiskinan di satu segi, dan akibat kemewahan dari satu segi yang lain. Ia merupakan jaminan sosial untuk seluruh individu-individu di samping merupakan jaminan sosial untuk golongan yang lemah dan perlindungan kepada masyarakat Islam umumnya dari perpecahan dan kehancuran.

وَٱلَّذِينَ هُمْ لِفُرُوجِهِمْ حَٰفِظُونَ ﴿٥﴾

"Dan orang-orang yang menjaga anggota kelamin mereka."(5)

Inilah langkah-langkah untuk melahirkan kebersihan jiwa, rumahtangga dan kelompok Muslimin. Inilah langkah melindungkan kesejahteraan diri, keluarga dan masyarakat melalui usaha memelihara anggota-anggota kelamin dari persetubuhan yang tidak halal, menjaga hati dari menaruh keinginan kepada pasangan yang tidak halal dan mengawal anggota-anggota masyarakat dari menurut nafsu keinginan tanpa perhitungan dan dari kerosakan rumahtangga dan keturunan.

Masyarakat yang melepaskan nafsu keinginan tanpa perhitungan adalah masyarakat yang terdedah kepada kekacauan dan kerosakan, di mana tidak ada keamanan rumahtangga dan tidak ada kehormatan keluarga, sedangkan rumahtangga merupakan unit pertama dalam pembinaan sebuah masyarakat, kerana ia berfungsi sebagai tapak semaian, di mana kanak-kanak subur dan membesar. Ia memerlukan keamanan, kemantapan dan kesucian supaya benar-benar layak menjadi tapak semaian dan anak-anak tangga perkembangan dan latihan, juga supaya kedua-dua ibu bapa hidup aman tenteram terhadap satu sama lain semasa menjaga tapak semaian dan tunas-tunasnya yang baru itu.

Masyarakat yang melepaskan hawa nafsu tanpa perhitungan adalah satu masyarakat yang kotor dan rendah martabat kemanusiaannya. Kayu ukur kemajuan manusia yang tepat ialah kebolehan mereka mengawal kehendak dan kemahuannya dan kebolehan mereka mengatur dorongan-dorongan dan keinginan-keinginan semulajadi dalam bentuk yang produktif dan bersih, di mana anak-anak tidak merasa malu terhadap cara kedatangan atau kelahiran mereka ke alam ini, kerana cara-cara kelahiran mereka adalah bersih, di mana setiap anak mengetahui siapa bapanya, bukannya seperti haiwan yang rendah, di mana si betina bertemu dengan si jantan untuk mengawan semata-mata didorong oleh keinginan hubungan kelamin, kemudian anak-anaknya tidak tahu bagaimana ia lahir dan dari mana ia datang!

Al-Qur'an menentukan di sini bekas-bekas yang bersih, yang dihalalkan kepada seorang lelaki untuk menaruhkan benih-benih hidup:

إِلَّا عَلَىٰٓ أَزۡوَٰجِهِمۡ أَوۡ مَا مَلَكَتۡ أَيۡمَٰنُهُمۡ فَإِنَّهُمۡ غَيۡرُ مَلُومِينَ ۝٦

"Kecuali dengan isteri-isteri mereka dan hamba-hamba yang dimiliki mereka, maka sesungguhnya mereka tidak dicela (meni'mati hubungan kelamin dengan mereka)."(6)

Masalah pasangan-pasangan suami isteri tidak lagi menimbulkan kekeliruan atau pertikaian kerana ia merupakan satu peraturan halal yang terkenal, tetapi masalah hamba sahaya mungkin memerlukan penjelasan yang terang.

Saya telah menghuraikan persoalan ini dengan panjang lebar ketika memperkatakan masalah perhambaan di dalam Juzu' yang kedua tafsir Fi Zilal. Di sana saya jelaskan bahawa Islam muncul ketika perhambaan menjadi peraturan antarabangsa, di mana peraturan memperhambakan orang-orang tawanan perang menjadi peraturan yang dii'tirafkan oleh semua kerajaan. Oleh sebab itulah tidak mungkin bagi Islam, yang sedang terlibat di dalam berbagai-bagai peperangan dengan musuh-musuhnya yang kuat, bertindak memansuhkan peraturan itu dari sebelah pihaknya sahaja yang mengakibatkan tawanan-tawanan Muslimin dijadikan hamba sahaya oleh musuh-musuhnya, sedangkan Islam membebaskan tawanan-tawanan musuhnya. Sebenarnya Islam telah pun mengeringkan segala sumber perhambaan kecuali tawanan-tawanan perang sahaja yang dibiarkan sehingga umat manusia bersedia meletakkan satu peraturan antarabangsa untuk mewujudkan layanan yang sama kepada para tawanan.

Dari sinilah datangnya tawanan-tawanan perang wanita ke dalam khemah Islam dan mengikut undang-undang layanan yang sama, mereka telah dijadikan hamba-hamba wanita. Antara akibat-akibat perhambaan ini mereka tidak dapat meningkat ke taraf para isteri dengan perkahwinan. Pada masa itu Islam menghalalkan mencari keni'matan dengan mereka sebagai gundik-gundik yang khusus untuk lelaki yang memiliki mereka kecuali mereka menjadi merdeka dengan salah satu dari berbagai-bagai sebab yang banyak yang telah dijadikan oleh Islam sebagai sarana untuk membebaskan hamba abdi.

Barangkali kebenaran mencari keni'matan itu juga bertujuan untuk memenuhi keinginan semulajadi wanita-wanita tawanan itu sendiri supaya keinginan itu tidak dipenuhi mereka dengan cara yang tidak berperaturan dan kotor, iaitu dengan hubungan kelamin yang bercampur aduk sebagaimana yang berlaku kepada wanita-wanita tawanan perang di zaman kita setelah dimeteraikan perjaniian-perjanjian mengharamkan perhambaan. Cara yang tidak berperaturan inilah yang tidak disukai Islam! Demikianlah kedudukan wanita-wanita hamba itu hingga dengan izin Allah mereka meningkat ke martabat merdeka. Seorang wanita hamba boleh mencapai martabat wanita merdeka dengan berbagai-bagai cara seperti dia melahirkan anak tuanmasnya kemudian tuanmasnya mati atau dia dimerdekakan oleh tuanmasnya dengan sukarela atau kerana membayar kifarat atau dia menuntut mukatabah dengan tuanmasnya iaitu dengan membayar sejumlah wang untuk memerdekakan dirinya atau dia dipukul tuanmas di bahagian mukanya, maka denda kifarat perbuatan ini ialah memerdekakannya dan lain-lain.[3] Walau bagaimanapun peraturan perhambaan dalam peperangan itu hanya merupakan satu keperluan untuk sementara sahaja, iaitu keperluan memberi layanan yang sama dalam dunia yang semuanya mengamalkan peraturan memperhambakan tawanan-tawanan perang. Ia bukannya merupakan sebahagian dari sistem kemasyarakatan di dalam Islam.

فَمَنِ ٱبۡتَغَىٰ وَرَآءَ ذَٰلِكَ فَأُوْلَٰٓئِكَ هُمُ ٱلۡعَادُونَ ۝٧

"Oleh itu barang siapa yang mencari (keni'matan seks) di luar dari itu, maka merekalah orang-orang yang pelampau."(7)

(Yakni mereka hanya dihalalkan mencari keni'matan seks dengan para isteri dan hamba yang dimiliki mereka) dan tidak boleh mencari keni'matan seks dengan wanita-wanita yang lain dari mereka dengan apa cara sekalipun. Oleh sebab barang siapa yang mencari keni'matan di luar dari itu bererti dia telah melampaui daerah yang halal dan menceroboh ke alam daerah yang haram. Ini bermakna dia telah mencabul kehormatan wanita yang tidak dihalalkan kepadanya dengan perkahwinan atau dengan peperangan. Perbuatan ini merosakkan jiwa seseorang kerana ia sedar bahawa ia telah meragut rumput di padang larangan. Rumahtangga juga turut rosak kerana tidak mendapat jaminan dan ketenteraman, dan seterusnya masyarakat juga dilanda kerosakan akibat serigala-serigalanya dibiarkan bermaharajalela menangkap mangsa-mangsanya di sana sini. Inilah kerosakan-kerosakan yang mahu dihindari Islam.

وَٱلَّذِينَ هُمۡ لِأَمَٰنَٰتِهِمۡ وَعَهۡدِهِمۡ رَٰعُونَ ۝٨

"Dan orang-orang yang memelihara amanat-amanat dan janji-janji mereka."(8)

Iaitu mereka menunaikan amanat-amanat dan janji-janji mereka selaku individu dan selaku kelompok.

Amanat-amanat yang terbeban di atas bahu individu dan kelompok itu memang banyak dan amanat yang ulung ialah amanat fitrah. Allah telah menjadikan fitrah manusia itu lurus dan selaras dengan undang-undang alam al-wujud. Ia mengakui kewujudan Allah Tuhan Pencipta dan mengakui Wahdaniyah-Nya melalui perasaan dalamannya yang merasakan adanya persamaan undang-undang yang mengendalikannya dan undang-undang yang mengendalikan alam al-wujud dan merasakan adanya

---

[3] *Lihat bab "perhambaan" dalam buku "Salah Faham Terhadap Islam"(شبهات حول الإسلام) oleh Muhammad Qutb.*

persamaan iradat yang bebas bagi undang-undang yang mentadbirkan alam al-wujud ini. Para Mu'minin sentiasa berusaha menjaga amanat yang agung ini. Mereka tidak membiarkan fitrah mereka menyeleweng dari jalannya yang lurus supaya fitrahnya tetap kekal menunaikan amanatnya mengakui kewujudan Allah dan Wahdaniyah-Nya. Kemudian barulah datang amanat-amanat yang lain mengekori amanat yang agung itu.

Janji yang ulung juga ialah janji fitrah iaitu janji yang telah dimeteraikan Allah dengan fitrah manusia supaya beriman kepada kewujudan-Nya dan kepada Wahdaniyah-Nya dan di atas janji yang ulung inilah tegaknya segala janji-janji yang lain. Setiap janji yang disanggupi orang yang beriman bererti dia telah menjadikan Allah sebagai saksinya dan akan menunaikannya dengan semangat taqwa dan takut kepada Allah.

Kelompok Muslimin adalah bertanggungjawab terhadap seluruh amanatnya dan bertanggungjawab terhadap segala perjanjiannya dengan Allah Ta'ala dan terhadap tanggungjawab-tanggungjawab yang terbit dari perjanjian itu.

Ayat ini menggunakan ungkapan yang umum yang merangkumi segala bentuk amanat dan segala bentuk perjanjian dan menyifatkan para Mu'min sebagai orang-orang patuh memelihara amanat-amanat dan janji-janji mereka. Itulah sifat mereka yang tetap di setiap masa. Kehidupan sebuah masyarakat tidak akan betul melainkan segala amanat yang ada padanya ditunaikan dengan sempurna dan segala perjanjiannya dipelihara dan dikotakan. Masyarakat tidak akan betul melainkan apabila setiap anggotanya yakin dan percaya kepada dasar asasi kehidupan bermasyarakat, iaitu dasar amanat yang perlu untuk melahirkan kepercayaan, keamanan dan ketenteraman.

وَٱلَّذِينَ هُمۡ عَلَىٰ صَلَوَٰتِهِمۡ يُحَافِظُونَ ﴿٩﴾

"Dan orang-orang yang memelihara sembahyang-sembahyang mereka."(9)

Iaitu mereka tidak meluputkannya kerana malas dan tidak pula meninggalkannya. Mereka mendirikan solat mengikut peraturan yang semestinya tanpa menguranginya. Mereka menunaikannya tepat dalam waktu-waktunya dengan sempurna sama ada sembahyang-sembahyang fardhu atau sunat. Mereka menyempurnakan segala rukun-rukun dan peradaban-peradabannya. Mereka sembahyang dengan sembahyang yang hidup, di mana mereka menumpukan seluruh hati dan perasaannya. Solat merupakan perhubungan di antara hati manusia dengan Allah. Orang yang tidak memelihara perhubungan ini tidak dapat diharap akan memelihara perhubungan di antaranya dengan manusia dengan pemeliharaan yang sempurna yang terbit dari hati nurani yang ikhlas. Tadi sifat-sifat para Mu'minin itu dimulakan dengan solat kemudian ditamatkan pula dengan solat untuk menunjukkan betapa tinggi kedudukan solat dalam pembinaan iman, kerana solat merupakan satu bentuk ibadat dan tawajjuh kepada Allah yang paling sempurna.

Itulah sifat-sifat yang menentukan syakhsiyah para Mu'minin yang ditetapkan keberuntungan untuk mereka. Dan itulah sifat-sifat yang mempunyai kesan yang pemutus dalam menentukan ciri-ciri masyarakat Mu'minin dan bentuk hidup yang dini'matinya, iaitu bentuk hidup yang layak dengan makhluk insan yang telah dimuliai Allah dan dikehendaki Allah supaya meningkatkan diri mereka ke tahap kesempurnaan. Allah tidak menghendaki mereka menghayati kehidupan haiwan yang hanya hidup mencari keni'matan dan makan seperti binatang ternakan.

Oleh sebab hidup di muka bumi ini tidak dapat mewujudkan hidup yang sempurna yang ditetapkan Allah kepada umat manusia, maka Allah menghendaki supaya para Mu'minin yang menjalani jalan hidayat itu sampai kepada matlamat yang telah ditentukan Allah untuk mereka, iaitu sampai ke Syurga Firdaus, negeri kekal abadi yang tidak dilanda fana, negeri aman damai tanpa dilanda ketakutan dan negeri tetap mantap tanpa dilanda kebinasaan:

أُوْلَٰٓئِكَ هُمُ ٱلۡوَٰرِثُونَ ﴿١٠﴾

ٱلَّذِينَ يَرِثُونَ ٱلۡفِرۡدَوۡسَ هُمۡ فِيهَا خَٰلِدُونَ ﴿١١﴾

"Merekalah para pewaris (10). Yang akan mewarisi Syurga Firdaus, di mana mereka hidup kekal abadi."(11)

Itulah kemuncak keberuntungan yang telah ditetapkan Allah kepada para Mu'minin, dan selepas kemuncak ini tiada lagi matlamat yang lain yang dipandang mata atau diangan-angankan khayal manusia.

******

(Pentafsiran ayat-ayat 12 - 16)

Dari pembicaraan sifat-sifat para Mu'minin, Al-Qur'an berpindah pula kepada pembicaraan mengenai dalil-dalil iman dalam hidup manusia itu sendiri dan di dalam peringkat-peringkat perkembangan kewujudan dan kesuburannya, bermula dengan asal kejadian manusia dan berakhir dengan kebangkitan di Akhirat, serta menghubungkan kedua-dua kehidupan dunia dan Akhirat dalam penerangan itu:

وَلَقَدۡ خَلَقۡنَا ٱلۡإِنسَٰنَ مِن سُلَٰلَةٖ مِّن طِينٖ ﴿١٢﴾

ثُمَّ جَعَلۡنَٰهُ نُطۡفَةٗ فِي قَرَارٖ مَّكِينٖ ﴿١٣﴾

ثُمَّ خَلَقۡنَا ٱلنُّطۡفَةَ عَلَقَةٗ فَخَلَقۡنَا ٱلۡعَلَقَةَ مُضۡغَةٗ

فَخَلَقۡنَا ٱلۡمُضۡغَةَ عِظَٰمٗا فَكَسَوۡنَا ٱلۡعِظَٰمَ لَحۡمٗا

ثُمَّ أَنشَأْنَٰهُ خَلْقًا ءَاخَرَ ۚ فَتَبَارَكَ ٱللَّهُ أَحْسَنُ ٱلْخَٰلِقِينَ ﴿١٤﴾

ثُمَّ إِنَّكُم بَعْدَ ذَٰلِكَ لَمَيِّتُونَ ﴿١٥﴾

ثُمَّ إِنَّكُمْ يَوْمَ ٱلْقِيَٰمَةِ تُبْعَثُونَ ﴿١٦﴾

"Dan sesungguhnya Kami telah ciptakan manusia dari suatu siri saripati dari tanah (12). Kemudian Kami jadikannya dari nutfah (yang disimpan) di suatu tempat yang kukuh (rahim) (13). Kemudian Kami jadikan nutfah itu setompok set, kemudian, Kami jadikan setompok sel itu segumpal darah dan Kami jadikan segumpal darah itu tulang-temalang kemudian Kami balutkan tulang-temalang itu dengan daging dan kemudian Kami ciptakannya satu makhluk yang lain. Maha Sucilah Allah seelok-elok Pencipta (14). Kemudian selepas itu kamu akan mati (15). Kemudian pada hari Qiamat kelak kamu akan dibangkitkan kembali."(16)

Qudrat Dan Iradat Allah Di Sebalik Perkembangan Kejadian Manusia Di Dalam Rahim

Peringkat-peringkat perkembangan kejadian manusia yang berlangsung dengan peraturan yang rapi ini pertama-tama membuktikan adanya pencipta dan kedua membuktikan adanya peraturan dan pentadbiran yang mengendalikan kejadian manusia itu dan arah tujuannya. Kejadian manusia tidak mungkin berkembang secara kebetulan atau serampangan sahaja tanpa peraturan dan pentadbiran kemudian ia dapat berkembang melalui jalan perkembangan yang teratur ini tanpa menyimpang, tersalah dan mungkir dan tanpa melalui jalan perkembangan yang lain di antara berbagai-bagai jalan, yang mengikut pertimbangan akal boleh dilalui olehnya. Sebenarnya kejadian manusia itu berkembang melalui jalan perkembangan ini dan tidak melalui mana-mana jalan yang lain yang boleh dilaluinya adalah disebabkan wujudnya peraturan dan pentadbiran dari iradat Allah yang mencipta dan mentadbir alam al-wujud ini.

Begitu juga peringkat-peringkat perkembangan kejadian manusia yang dibentangkan dengan cara yang teratur rapi itu menunjukkan bahawa keimanan kepada Allah Pencipta dan Pentadbir dan mengikut sistem hidup yang dihayati oleh para Mu'minin yang diterangkan di dalam bahagian ayat-ayat yang silam merupakan satu-satunya jalan untuk mencapai kesempurnaan hidup yang ditetapkan Allah untuk makhluk manusia di dalam dua kehidupan dunia dan Akhirat. Inilah paksi yang mengumpulkan di antara dua bahagian ayat-ayat ini.

وَلَقَدْ خَلَقْنَا ٱلْإِنسَٰنَ مِن سُلَٰلَةٍ مِّن طِينٍ ﴿١٢﴾

"Dan sesungguhnya Kami telah ciptakan manusia dari suatu siri saripati dari tanah."(12)

Siri Perkembangan Dari Tanah Kepada Manusia

Ayat ini menunjukkan peringkat-peringkat perkembangan kejadian manusia tanpa menentukannya. Ia memberi faham bahawa makhluk manusia itu telah melalui peringkat-peringkat perkembangan yang bersambung-sambung dari tanah kepada manusia. Tanah merupakan sumber pertama atau peringkat perkembangan pertama dan manusia merupakan peringkat perkembangan yang akhir. Itulah hakikat yang kita ketahui dari Al-Qur'an dan kita tidak perlu mencari bukti-bukti kebenarannya dari teori-teori ilmiyah yang mengkaji tentang asal-usul kejadian manusia atau kejadian makhluk-makhluk hidup.

Al-Qur'an menjelaskan hakikat ini supaya digunakannya sebagai bidang untuk meneliti ciptaan Allah dan untuk memikirkan betapa jauhnya perpindahan di antara tanah dan manusia yang berasal usul dari tanah itu, tetapi Al-Qur'an tidak menghuraikan siri perkembangan itu kerana ini tidak perlu kepada Al-Qur'an dalam membentangkan matlamat-matlamatnya yang besar. Adapun teori-teori ilmiyah, maka ia telah mencuba menentukan tangga-tangga kewujudan dan perkembangan evolusi kejadian manusia itu untuk menyambungkan salasilah perkembangan kejadian manusia di antara tanah dan manusia. Dalam percubaan ini ia mungkin salah dan betul ketika memperkatakan siri perkembangan yang difaham dan tidak dihuraikan oleh Al-Qur'an itu. Dan kita tidak seharusnya mencampuraduk hakikat perkembangan yang diyakini yang dijelaskan Al-Qur'an dengan percubaan-percubaan ilmiyah yang mengkaji salasilah perkembangan kejadian manusia ini, kerana percubaan-percubaan itu mungkin salah dan betul, mungkin hari ini diterima, tetapi besok ditolak apabila alat-alat dan cara kajian itu bertambah maju di tangan manusia.

Al-Qur'an kadang-kadang mengungkapkan hakikat ini dengan ringkas sahaja:

وَبَدَأَ خَلْقَ ٱلْإِنسَٰنِ مِن طِينٍ ﴿٧﴾

"Dan Dia mulakan penciptaan manusia dari tanah"

(Surah as-Sajdah: 7)

Jurang Perbezaan Di Antara Nas-nas Al-Qur'an Dan Teori-teori Ilmiyah Mengenai Asal-usul Kejadian Manusia

tanpa menyebut peringkat-peringkat perkembangan yang dilaluinya. Punca rujukan yang dapat dirujukkan dalam perkara ini ialah nas yang lebih terperinci, iaitu nas ini yang menyebut bahawa manusia itu diciptakan *"dari suatu siri saripati dari tanah"*(من سلالة من طين). Jadi nas yang akhir ini menyebut peringkat-peringkat perkembangan itu dengan ringkas kerana adanya hubungan yang tertentu dalam penerangan yang dibuat di sana.

Tetapi soal bagaimana manusia itu berasal-usul dari tanah adalah didiamkan oleh Al-Qur'an, kerana penerangan itu tidak termasuk di dalam matlamat-

matlamat Al-Qur'an. Mungkin rangkaian perkembangannya berlaku seperti yang diandaikan oleh teori-teori ilmiyah dan mungkin pula tidak begitu, malah perkembangan-perkembangan itu telah berlangsung dengan satu cara yang lain yang belum lagi diketahui atau dengan faktor-faktor dan sebab-sebab yang lain yang belum lagi ditemui manusia. Tetapi yang menjadi titik perpisahan di antara pandangan Al-Qur'an terhadap manusia dengan pandangan teori-teori ilmiyah terhadapnya ialah Al-Qur'an memuliakan manusia. Al-Qur'an menjelaskan bahawa pada manusia itu ada tiupan Rohullah dan tiupan inilah yang membuat makhluk yang berasal-usul dari tanah itu menjadi makhluk insan. Tiupan inilah yang mengurniakan kepada manusia ciri-ciri istimewa yang menjadikannya makhluk insan yang berbeza dari haiwan. Di sinilah letaknya titik perbezaan yang pokok di antara pandangan Islam dengan penerangan ahli-ahli sains materialis. Dan Allah itu adalah sebenar-benar yang berkata.[4]

Itulah punca kejadian bangsa manusia yang diciptakan dari suatu siri saripati dari tanah. Adapun kejadian individu manusia selepas itu, maka ia berlangsung mengikut satu cara yang lain pula, yang dikenali umum:

ثُمَّ جَعَلۡنَٰهُ نُطۡفَةٗ فِي قَرَارٖ مَّكِينٖ ١٣

"Kemudian Kami jadikannya dari nutfah (yang disimpan) di suatu tempat yang kukuh (rahim)."(13)

Peranan Nutfah Dan Rahim

Bangsa manusia pada mulanya telah diciptakan Allah dari suatu siri saripati dari tanah, tetapi penciptaan dan pembiakan individu-individunya selepas itu - mengikut undang-undang Allah - adalah berlangsung dengan perantaraan setitis nutfah yang keluar dari sulbi lelaki dan dimantapkan di dalam rahim perempuan. Ia hanya setitis air mani, malah hanya satu sel dari puluhan ribu sel-sel spermatozoon yang terkandung di dalam setitis air mani itu. Ia dimantapkan *"di satu tempat yang kukuh"* (في قرار مكين), yakni di dalam rahim yang terletak di antara tulang-tulang pinggul yang dapat melindunginya dari kesan-kesan goncangan-goncangan tubuh ibunya dan dari tumbukan-tumbukan, hantukan-hantukan dan gegaran-gegaran yang mengenai belakang dan perut ibunya.

Ayat ini menjadikan setitis nutfah itu sebagai satu peringkat dari peringkat-peringkat perkembangan kejadian makhluk manusia, iaitu satu peringkat, di mana kewujudannya terus diiringi dengan kewujudan manusia. Ini memangnya suatu hakikat dan hakikat ini adalah suatu hakikat yang amat mengkagumkan yang mengajak manusia kepada menungan yang mendalam, iaitu makhluk manusia yang agung itu telah disaripatikan dengan segala anasirnya dan segala sifat dan cirinya di dalam setitis nutfah itu supaya ia dapat diulangi semula ciptaannya pada janin dan supaya kewujudannya berulang-ulang dengan perantaraan saripati yang mengkagumkan itu.

ثُمَّ خَلَقۡنَا ٱلنُّطۡفَةَ عَلَقَةٗ فَخَلَقۡنَا ٱلۡعَلَقَةَ مُضۡغَةٗ فَخَلَقۡنَا ٱلۡمُضۡغَةَ عِظَٰمٗا فَكَسَوۡنَا ٱلۡعِظَٰمَ لَحۡمٗا ثُمَّ أَنشَأۡنَٰهُ خَلۡقًا ءَاخَرَۚ فَتَبَارَكَ ٱللَّهُ أَحۡسَنُ ٱلۡخَٰلِقِينَ ١٤

"Kemudian Kami jadikan nutfah itu setompok sel, kemudian Kami jadikan setompok sel itu segumpal darah dan Kami jadikan segumpal darah itu tulang-temalang kemudian Kami balutkan tulang-temalang itu dengan daging dan kemudian Kami ciptakannya satu makhluk yang lain. Maha Sucilah Allah seelok-elok Pencipta."(14)

Yakni dari setitis nutfah, ia berkembang kepada setompok sel apabila sel lelaki itu bercantum dengan telur perempuan (ovum). Ia melekatkan dirinya pada dinding rahim selaku satu noktah yang kecil pada mulanya kemudian subur dengan memakan darah ibunya.

Dan dari setompok sel, ia berkembang kepada segumpal darah apabila noktah yang kecil yang melekat pada dinding rahim itu membesar dan berubah menjadi seketul darah dari darah yang kental dan bercampur.

Kemudian makhluk ini terus berkembang subur mengikut suatu garis yang tetap yang tidak menyimpang dan tidak berubah, dan tidak pula berlengah-lengah melaksanakan harakatnya yang diatur rapi itu. Ia terus membesar dengan kekuatan yang tersembunyi di dalam sel itu, iaitu kekuatan yang diambil dari undang-undang Ilahi dan ia meneruskan perkembangan dan perjalanannya di bawah tadbir dan taqdir Ilahi sehingga sampai kepada peringkat pertumbuhan *"tulang-temalang"*.

فَخَلَقۡنَا ٱلۡمُضۡغَةَ عِظَٰمٗا

"Dan Kami jadikan segumpal darah itu tulang-temalang"(14)

kemudian tiba pula peringkat perkembangan membalut tulang-temalang:

فَكَسَوۡنَا ٱلۡعِظَٰمَ لَحۡمٗا

"Kemudian Kami balutkan tulang itu dengan daging"(14)

di sini manusia berdiri kaget di hadapan hakikat yang didedahkan oleh Al-Qur'an mengenai pertumbuhan dan pembentukan janin di dalam rahim itu, iaitu suatu hakikat yang belum lagi diketahui dengan halus melainkan di masa kebelakangan ini sahaja setelah majunya ilmu anatomi janin. Ini ialah kerana sel-sel tulang itu lain dari sel-sel daging dan

---

[4] *Lihat buku* "الإنسان بين المادية والإسلام" *oleh Ustaz Muhammad Qutb.*

kini telah ternyata bahawa sel-sel tulang itulah yang mula-mula membentuk pada janin dan tiada satu sel pun dari sel-sel daging yang dilihat melainkan sesudah lahirnya sel-sel tulang dan sempurnanya pembentukan kerangka tulang umum janin itu. Inilah hakikat yang dirakamkan Al-Qur'an:

فَخَلَقْنَا ٱلْمُضْغَةَ عِظَٰمًا فَكَسَوْنَا ٱلْعِظَٰمَ لَحْمًا

"Dan Kami jadikannya segumpal darah itu tulang-temalang, kemudian Kami balutkan tulang itu dengan daging."(14)

Maha Sucilah Allah Yang Maha Mengetahui dan Maha Mendalam ilmu-Nya!

ثُمَّ أَنشَأْنَٰهُ خَلْقًا ءَاخَرَ

"Kemudian Kami ciptakannya satu makhluk yang lain"(14)

iaitu makhluk manusia yang mempunyai ciri-ciri yang tersendiri. Walaupun janin manusia menyerupai janin haiwan dalam peringkat-peringkat perkembangan jasmaniyah, tetapi janin manusia berkembang menjadi satu makhluk yang berlainan dari haiwan, iaitu ia berubah menjadi makhluk insan yang mempunyai sifat-sifat yang tersendiri dan mempunyai kesediaan untuk meningkat tinggi, sedangkan janin haiwan tetap tinggal pada martabat haiwan sahaja tanpa mempunyai sifat-sifat yang membolehkannya untuk meningkat tinggi dan menuju kepada kesempurnaan seperti yang dipunyai janin manusia.

Jurang Perbezaan Di Antara Perkembangan Janin Manusia Dan Janin Haiwan

Janin manusia dilengkapkan dengan ciri-ciri yang tertentu dan ciri-ciri inilah yang membawanya menuju ke jalan makhluk manusia selepas itu, di mana ia akan menjadi *"satu makhluk yang lain"* iaitu di peringkat akhir perkembangan-perkembangan kejaninannya, sementara janin haiwan terhenti di takuk perkembangan haiwan kerana ia tidak dilengkapkan dengan ciri-ciri tersebut. Justeru itulah janin haiwan tidak boleh melangkahi martabat haiwaniyahnya, ia tidak boleh berubah secara evolusi yang automatik kepada martabat manusia seperti yang dikatakan oleh teori-teori kebendaan (teori evolusi Darwin) kerana kedua-duanya merupakan dua jenis makhluk yang berlainan. Kedua-duanya berbeza dengan wujudnya tiupan roh Ilahiyah yang membuat makhluk yang berasal-usul dari tanah itu menjadi makhluk insan. Kedua-duanya berbeza selepas itu dengan wujudnya ciri-ciri tertentu yang terbit dari kesan tiupan roh Ilahiyah itu, iaitu ciri-ciri yang membuat janin manusia itu berkembang menjadi *"satu makhluk yang lain"*. Manusia dan haiwan itu hanya serupa dari segi struktur haiwaniyah sahaja kemudian haiwan tetap berada di tempat haiwan tanpa melampauinya, sedangkan manusia berubah menjadi satu makhluk yang lain, yang dapat menerima proses kesempurnaan yang disediakan Allah untuknya dengan perantaraan ciri-ciri istimewa yang dikurniakan Allah kepadanya mengikut satu tadbir yang memang dirancang dan diatur bukannya dengan perantaraan perubahan evolusi secara automatik yang berubah dari jenis haiwan kepada jenis manusia.[5]

فَتَبَارَكَ ٱللَّهُ أَحْسَنُ ٱلْخَٰلِقِينَ ١٤

"Maha sucilah Allah seelok-elok Pencipta."(14)

Sebenarnya di sana tiada Tuhan yang lain yang mencipta selain dari Allah. Oleh itu kata-kata "seelok-elok" dalam ayat ini bukan bertujuan melebihkan satu penciptaan dari penciptaan yang lain malah untuk mengungkapkan sifat keelokan yang mutlaq dalam penciptaan Allah.

"Maha Sucilah Allah seelok-elok Pencipta" yang telah mengisi dalam fitrah manusia daya qudrat yang membolehkannya menempuh peringkat-peringkat perkembangan ini mengikut Sunnatullah yang tidak pernah berubah, menyimpang dan mungkir, sehingga sampai kepada martabat yang sempurna yang ditentukan untuk manusia mengikut peraturan Ilahi yang amat rapi.

Orang ramai selalunya berdiri kagum di hadapan apa yang dinamakan mereka sebagai "mu'jizat-mu'jizat sains" apabila ada orang yang berjaya merekakan sebuah alat yang boleh berjalan dan bergerak sendiri tanpa campurtangan secara langsung dari manusia, tetapi masakan alat ini boleh dibandingkan dengan perjalanan janin yang dapat melalui berbagai-bagai peringkat perkembangan dan perubahan, sedangkan perbezaan di antara satu peringkat dengan satu peringkat itu amatlah besar, malah perbezaan itu pada hakikatnya merupakan peringkat-peringkat perubahan yang sempurna, tetapi sayang manusia melintasi mu'jizat-mu'jizat janin ini dengan mata yang terpejam dan dengan hati yang tertutup, kerana terlalu lama dan kerap melihat kejadian janin-janin itu telah menyebabkan mereka lupa kepada sudut-sudut mu'jizatnya yang mengkagumkan itu. Sebenarnya dengan hanya berfikir kepada hakikat bahawa makhluk manusia yang canggih ini adalah disaripati dan disimpankan dengan segala ciri-ciri, segala sifat dan segala bentuk rupa seluruhnya di dalam setitis nutfah yang tidak dapat dilihat dengan mata kasar, dan bahawa segala

---

[5] Teori evolusi telah ditegakkan di atas satu asas yang bertentangan. Teori ini mengandaikan bahawa manusia ini tidak lain melainkan hanya merupakan satu peringkat dari peringkat-peringkat perkembangan evolusi haiwan. Ia mengandaikan bahawa haiwan mempunyai ciri-ciri evolusi yang dapat menuju kepada martabat manusia, tetapi andaian yang mahu mentafsirkan hubungan di antara haiwan dan manusia ini telah dibohongi oleh bukti kenyataan, yang menjelaskan bahawa haiwan tidak mempunyai ciri-ciri evolusi tersebut. Haiwan tetap di takuk jenis haiwannya dan tidak dapat melangkahinya. Mungkin perkembangan evolusi haiwan itu berlangsung mengikut sebagaimana teori yang dikatakan oleh Darwin, dan mungkin pula berlangsung dengan cara yang lain, tetapi jenis manusia tetap berbeza dari haiwan, kerana ia mempunyai sifat-sifat yang tertentu, yang menjadikannya makhluk manusia. Ia bukannya menjadi manusia sebagai natijah dari perkembangan evolusi yang automatik, malah sebagai natijah pemberian istimewa yang dirancang dari kekuatan luaran (Qudrat Ilahi).

ciri, segala sifat dan segala bentuk rupa yang disaripatikan itu kemudiannya akan subur, berkembang dan bergerak melalui berbagai-bagai peringkat perkembangan kejaninan hingga semuanya muncul dengan jelas apabila ia berkembang menjadi makhluk manusia. Kemudian ciri-ciri, sifat-sifat dan bentuk rupa itu muncul dengan jelas sekali lagi pada bayi yang lahir itu, dan setiap bayi itu pula membawa sifat-sifat keturunan yang tersendiri di samping membawa sifat-sifat manusia yang umum. Dan semua sifat keturunan dan sifat manusia itu adalah tersimpan di dalam setitis nutfah yang kecil itu belaka... dengan hanya berfikir kepada hakikat ini sahaja yang berulang-ulang pada setiap sa'at itu adalah sudah cukup untuk membuka mata hati kita yang tertutup dari memandang tadbir Ilahi yang aneh itu.

Kemudian Al-Qur'an meneruskan langkah-langkah penerangannya untuk menjelaskan dengan sempurna segala peringkat-peringkat perjalanan manusia dan perkembangan-perkembangan kejadiannya. Kehidupan makhluk manusia yang diciptakan dari tanah itu tidaklah berakhir di bumi ini sahaja. Kerana di sana ada satu unsur yang bukan dari tanah yang telah bersebati dengan manusia dan turut campur tangan menentukan perjalanan hidupnya, dan kerana tiupan roh Ilahiyah yang tinggi yang ada pada manusia itulah yang telah menetapkan satu matlamat akhir yang bukan matlamat akhir jasad hayawaniyah dan satu penghabisan hidup yang bukan penghabisan hidup daging dan darah yang dekat. Tiupan roh Ilahiyah itulah yang telah menjadikan kesempurnaan hidup manusia itu tidak terlaksana di bumi ini dan dalam kehidupan dunia ini, malah ia akan terlaksana di Akhirat dalam suatu peringkat hidup yang baru:

ثُمَّ إِنَّكُم بَعْدَ ذَٰلِكَ لَمَيِّتُونَ ﴿١٥﴾
ثُمَّ إِنَّكُمْ يَوْمَ الْقِيَامَةِ تُبْعَثُونَ ﴿١٦﴾

"Kemudian selepas itu kamu akan mati (15). Kemudian pada hari Qiamat kelak kamu akan dibangkitkan kembali."(16)

Maut Bukannya Titik Penghabisan Hayat Manusia, Malah Peringkat Perkembangan Yang Teragung

Jadi maut itu hanya penghabisan hidup dunia sahaja. Ia merupakan alam perantaraan di antara dunia dan Akhirat. Ia hanya merupakan satu peringkat dari peringkat-peringkat perkembangan manusia sahaja bukannya penghabisan perkembangan hidup mereka.

Kebangkitan semula selepas mati itulah yang merupakan peringkat terakhir dari peringkat-peringkat perkembangan hidup makhluk manusia. Selepas kebangkitan itulah bermulanya hidup manusia yang sempurna dan bersih dari segala titik kekurangan dan kecelakaan hidup di dunia, bersih dari desakan-desakan keperluan daging dan darah, bersih dari tekanan ketakutan dan kegelisahan dan bersih dari perubahan dan pertukaran kerana hidup Akhirat merupakan kemuncak kesempurnaan hidup yang telab ditetapkan Allah untuk manusia, iaitu untuk orang-orang yang menjalani jalan kesempurnaan, sebuah jalan yang telah diterangkan Allah pada bahagian pertama surah ini, iaitu jalan para Mu'minin, tetapi orang-orang yang mengikut jalan songsang di peringkat hidup dunia hingga jatuh ke taraf haiwan, maka mereka akan menerima nasib kesudahan hidup songsang dalam kehidupan Akhirat, di mana kemanusiaan mereka akan dipersia-siakan dan diubah menjadi batu-batu bara dari batu-batu bara dan bahan-bahan bakar Neraka Jahannam, di mana manusia menjadi bahan-bahan bakarnya bersama batu-batu bakar yang lain. Manusia dari golongan ini sama sahaja nilainya dengan batu-batu itu.

******

(Pentafsiran ayat-ayat 17 - 22)

Dari bukti-bukti iman yang terdapat pada kejadian diri manusia Al-Qur'an berpindah pula kepada bukti-bukti iman yang terdapat di merata pelosok alam, yang dapat disaksi dan diketahui manusia, tetapi bukti-bukti itu telah dilalui mereka dengan hati yang lalai:

وَلَقَدْ خَلَقْنَا فَوْقَكُمْ سَبْعَ طَرَائِقَ وَمَا كُنَّا عَنِ الْخَلْقِ غَافِلِينَ ﴿١٧﴾
وَأَنزَلْنَا مِنَ السَّمَاءِ مَاءً بِقَدَرٍ فَأَسْكَنَّاهُ فِي الْأَرْضِ وَإِنَّا عَلَىٰ ذَهَابٍ بِهِ لَقَادِرُونَ ﴿١٨﴾
فَأَنشَأْنَا لَكُم بِهِ جَنَّاتٍ مِّن نَّخِيلٍ وَأَعْنَابٍ لَّكُمْ فِيهَا فَوَاكِهُ كَثِيرَةٌ وَمِنْهَا تَأْكُلُونَ ﴿١٩﴾
وَشَجَرَةً تَخْرُجُ مِن طُورِ سَيْنَاءَ تَنبُتُ بِالدُّهْنِ وَصِبْغٍ لِّلْآكِلِينَ ﴿٢٠﴾
وَإِنَّ لَكُمْ فِي الْأَنْعَامِ لَعِبْرَةً نُّسْقِيكُم مِّمَّا فِي بُطُونِهَا وَلَكُمْ فِيهَا مَنَافِعُ كَثِيرَةٌ وَمِنْهَا تَأْكُلُونَ ﴿٢١﴾
وَعَلَيْهَا وَعَلَى الْفُلْكِ تُحْمَلُونَ ﴿٢٢﴾

"Dan sesungguhnya Kami telah ciptakan di atas kamu tujuh petala langit dan Kami tidak pernah lalai dari makhluk-makhluk ciptaan Kami (17). Dan Kami turunkan air hujan dari langit mengikut kadarnya (yang wajar) lalu Kami simpankannya di dalam bumi, dan sesungguhnya Kami berkuasa pula menghapuskan air itu (18). Lalu Kami adakan

untuk kamu dengan siramannya kebun-kebun kurma dan anggur, di mana kamu memperolehi buah-buahan yang banyak dan darinya kamu mendapat makanan (19). Dan sejenis pokok yang keluar dari Tursina yang mengeluarkan minyak dan lauk kepada para pemakan (20). Dan sesungguhnya pada haiwan ternakan itu terdapat pengajaran kepada kamu. Kami memberikan kepada kamu minuman dari air susu yang ada di dalam perutnya. Dan pada binatang-binatang itu juga terdapat manfa'at-manfa'at yang amat banyak untuk kamu dan darinya juga kamu mendapat makanan (21). Dan di atas binatang-binatang itu, juga di atas kapal-kapal kamu sekalian diangkutkan."(22)

Ayat-ayat ini terus menayangkan bukti-bukti ini dengan mengaitkan satu sama lain dengan sifatnya selaku bukti-bukti qudrat Ilahi dan dengan sifat-Nya selaku bukti-bukti tadbir Ilahi. Semua bukti-bukti itu selaras dari segi bentuknya, juga selaras dari segi tugas-tugas dan tujuan-tujuannya, iaitu semuanya dikendalikan dengan satu undang-undang, semuanya bekerjasama dalam melaksanakan tugas-tugasnya dan semuanya diperhitungkan untuk kepentingan manusia yang telah dimuliai Allah.

Justeru itu Al-Qur'an mengaitkan pemandangan-pemandangan alam buana ini dengan peringkat-peringkat kejadian manusia dalam penerangan surah ini.

******

Makna Tujuh Petala Langit

وَلَقَدْ خَلَقْنَا فَوْقَكُمْ سَبْعَ طَرَآئِقَ وَمَا كُنَّا عَنِ ٱلْخَلْقِ غَٰفِلِينَ ﴿١٧﴾

"Dan sesungguhnya Kami telah ciptakan di atas kamu tujuh petala langit dan Kami tidak pernah lalai dari makhluk-makhluk ciptaan Kami."(17)

Kata-kata "طرآئق" bererti petala-petala atau lapisan yang bertingkat-tingkat satu di atas yang lain atau di belakang yang lain. Mungkin yang dimaksudkan dengan tujuh petala di sini ialah tujuh orbit atau jalan peredaran atau tujuh kelompok bintang-bintang seperti kelompok matahari (sistem solar) atau tujuh gabungan sadim[6] (kabus bintang-bintang atau nebula). Mengikut ahli ilmu astronomi gabungan sadim itu ialah kelompok-kelompok bintang. Walau bagaimanapun yang dimaksudkan dengan tujuh petala langit itu ialah tujuh makhluk angkasa yang wujud di atas manusia. Kedudukan makhluk-makhluk ini di angkasa raya adalah lebih tinggi dari kedudukan bumi. Ia diciptakan Allah dengan tadbir yang rapi dan dengan kebijaksanaan yang amat tinggi dan dijaga dan dikawal dengan undang-undang yang rapi:

وَمَا كُنَّا عَنِ ٱلْخَلْقِ غَٰفِلِينَ ﴿١٧﴾

وَأَنزَلْنَا مِنَ ٱلسَّمَآءِ مَآءًۢ بِقَدَرٍ فَأَسْكَنَّٰهُ فِى ٱلْأَرْضِ ۖ وَإِنَّا عَلَىٰ ذَهَابٍۭ بِهِۦ لَقَٰدِرُونَ ﴿١٨﴾

"Dan Kami tidak pernah lalai dari makhluk-makhluk ciptaan Kami (17). Dan Kami turunkan air hujan dari langit mengikut kadarnya (yang wajar) lalu Kami simpankannya di dalam bumi dan sesungguhnya Kami berkuasa pula menghapuskan air itu."(18)

Di sini tujuh petala langit itu mempunyai hubungan yang rapat dengan bumi, kerana air hujan itu turun dari langit dan mempunyai hubungan dengan jirim-jirim langit itu. Penciptaan alam buana dengan peraturan yang wujud sekarang inilah yang membolehkan turunnya air hujan dari langit, juga membolehkan air itu disimpan di dalam bumi.

Teori yang mengatakan bahawa air dalam bumi itu terjadi dari air permukaan bumi yang berasal dari air hujan yang kemudian melesap ke dalam bumi, di mana ia disimpankan adalah satu teori yang baru, tetapi ayat Al-Qur'an ini telah pun menjelaskan hakikat itu kira-kira seribu tiga ratus tahun sebelum ini:

وَأَنزَلْنَا مِنَ ٱلسَّمَآءِ مَآءًۢ بِقَدَرٍ

"Dan Kami turunkan air hujan dari langit mengikut kadarnya (yang wajar)"(18)

yakni mengikut pertimbangan yang bijaksana dan tadbir yang rapi agar ia tidak terlalu banyak hingga menjadi banjir yang menenggelam dan merosakkan dan tidak pula terlalu sedikit hingga menjadi kemarau dan tandus, dan tidak pula di luar waktu-waktunya yang wajar hingga menjadi sia-sia tanpa faedah:

فَأَسْكَنَّٰهُ فِى ٱلْأَرْضِ ۖ

"Lalu Kami simpankannya di dalam bumi"(18)

alangkah serupanya air yang tersimpan di dalam bumi itu dengan air nutfah yang tersimpan di dalam rahim ibu (yang disebut dalam ayat berikut:)

فِى قَرَارٍ مَّكِينٍ ﴿١٣﴾

"(Yang disimpan) di suatu tempat yang kukuh (rahim)."(13)

Kedua-dua jenis air itu disimpan di tempat-tempat itu dengan tadbir Ilahi untuk melahirkan makhluk yang hidup. Inilah salah satu penyelarasan pemandangan-pemandangan mengikut cara Al-Qur'an dalam menggambarkan pemandangan-pemandangan.

وَإِنَّا عَلَىٰ ذَهَابٍۭ بِهِۦ لَقَٰدِرُونَ ﴿١٨﴾

"Dan sesungguhnya Kami berkuasa pula menghapuskan air itu"(18)

dengan menjadikan air itu meresap ke dalam lapisan-lapisan bumi yang dalam dengan sebab-sebab pecah atau terbelahnya lapisan-lapisan batu yang menakungkan air itu atau dengan sebab-sebab yang lain dari ini, kerana Allah yang berkuasa menyimpankan air itu dengan qudrat-Nya adalah

---

[6] *Asal perkataan* "سديما"

berkuasa pula menghapus dan menghilangkannya. Sesungguhnya air itu hanya merupakan limpah kurnia dan ni'mat Allah kepada manusia.

Dari air terjadinya makhluk-makhluk yang hidup:

فَأَنشَأْنَا لَكُم بِهِۦ جَنَّٰتٍ مِّن نَّخِيلٍ وَأَعْنَٰبٍ لَّكُمْ فِيهَا
فَوَٰكِهُ كَثِيرَةٌ وَمِنْهَا تَأْكُلُونَ ﴿١٩﴾

"Lalu Kami adakan untuk kamu dengan siramannya kebun-kebun kurma dan anggur, di mana kamu memperolehi buah-buahan yang banyak dan darinya kamu mendapat makanan."(19)

Di Antara Air Nutfah Dan Air Hujan

Pokok-pokok kurma dan anggur merupakan dua contoh makhluk-makhluk yang hidup yang terjadi dari air di dalam alam tumbuh-tumbuhan sebagaimana terjadinya makhluk manusia dari air nutfah di dalam alam insan. Kedua-duanya merupakan dua contoh yang dekat untuk difahami orang-orang yang dihadapkan Al-Qur'an kepada mereka pada masa itu kerana kedua-dua contoh itu dapat menunjukkan kepada berbagai-bagai contoh makhluk yang serupa yang hidup dengan air.

Di antara pokok-pokok yang lain, Al-Qur'an menyebut pokok zaitun secara khusus:

وَشَجَرَةً تَخْرُجُ مِن طُورِ سَيْنَآءَ تَنۢبُتُ بِٱلدُّهْنِ
وَصِبْغٍ لِّلْءَاكِلِينَ ﴿٢٠﴾

"Dan sejenis pokok yang keluar dari Tursina yang mengeluarkan minyak dan lauk kepada para pemakan."(20)

Pokok zaitun merupakan pokok yang paling banyak gunanya iaitu ia berguna dengan minyaknya, berguna dengan nilai makanannya dan berguna dengan kayu-kayannya. Oleh sebab inilah Al-Qur'an menyebut tempat tumbuh pokok ini secara khusus. Ia tumbuh (dan hidup subur) di sana dengan air yang tersimpan di dalam bumi.

Dari alam tumbuh-tumbuhan Al-Qur'an meningkat pula ke alam haiwan:

Haiwan Ternakan Merupakan Sumbangan Rezeki Manusia

وَإِنَّ لَكُمْ فِى ٱلْأَنْعَٰمِ لَعِبْرَةً ۖ نُّسْقِيكُم مِّمَّا فِى بُطُونِهَا
وَلَكُمْ فِيهَا مَنَٰفِعُ كَثِيرَةٌ وَمِنْهَا تَأْكُلُونَ ﴿٢١﴾

"Dan sesungguhnya pada haiwan ternakan itu terdapat pengajaran kepada kamu. Kami memberikan kepada kamu minuman dari air susu yang ada di dalam perutnya. Dan pada binatang-binatang itu juga terdapat manfa'at-manfa'at yang amat banyak untuk kamu dan darinya juga kamu mendapat makanan."(21)

Kejadian makhluk-makhluk ini yang dijadikan untuk faedah manusia dengan qudrat dan tadbir Allah yang rapi, yang mengagihkan fungsi-fungsi dan ciri-ciri di dalam alam yang besar ini adalah menjadi contoh-contoh pengajaran kepada orang-orang yang melihatnya dengan hati yang terbuka dan memikirkan hikmat dan tadbir Ilahi di sebalik kejadian makhluk-makhluk itu. Di sana mereka dapat melihat bahawa susu yang sedap dan citarasa yang diminum manusia itu adalah terbit dari dalam perut binatang-binatang itu. Ia dikeluarkan dari makanan-makanan yang dihadam dan dicernakannya kemudian kelenjar-kelenjar susu binatang itu akan mengubahkannya menjadi air susu yang lazat dan citarasa.

وَلَكُمْ فِيهَا مَنَٰفِعُ كَثِيرَةٌ

"Dan pada binatang-binatang itu juga terdapat manfa'at-manfa'at yang amat banyak untuk kamu"(21)

di sini Al-Qur'an menyebut manfa'at-manfa'atnya secara umum kemudian ia menyebut dua manfa'atnya yang lain secara khusus:

وَمِنْهَا تَأْكُلُونَ ﴿٢١﴾

"Dan darinya kamu mendapat makanan (21)."

وَعَلَيْهَا وَعَلَى ٱلْفُلْكِ تُحْمَلُونَ ﴿٢٢﴾

"Dan di atas binatang-binatang itu, juga di atas kapal-kapal kamu sekalian diangkutkan."(22)

Alat-alat Pengangkutan Darat Dan Laut

Allah telah menghalalkan kepada manusia makan haiwan ternakan iaitu unta, lembu, biri-biri dan kambing, tetapi Allah tidak menghalalkan kepada mereka mengazab dan menyeksakan haiwan itu, kerana perbuatan makan mendatangkan faedah yang perlu di dalam peraturan hidup, sedangkan perbuatan mengazab dan menyeksa itu adalah terbit dari hati yang kejam dan fitrah yang rosak dan ia tidak memberi apa-apa faedah kepada yang hidup.

Di dalam ayat ini Al-Qur'an mengaitkan di antara pengangkutan manusia di atas belakang-belakang haiwan ternakan dengan pengangkutan mereka di atas kapal-kapal, kerana kedua-duanya telah diciptakan Allah untuk kemudahan manusia belaka dengan peraturannya yang meliputi alam buana, iaitu peraturannya yang mengatur fungsi-fungsi seluruh makhluk di samping menyelaraskan di antara kewujudan semua makhluk itu. Oleh itu penciptaan air dengan strukturnya yang khusus, penciptaan kapal-kapal dengan strukturnya yang khusus dan struktur khusus tabi'at angin yang berhembus di atas air dan kapal-kapal dengan struktur yang khusus itulah yang membolehkan kapal-kapal itu melampung di atas permukaan air. Andainya salah satu dari tiga struktur itu kacau atau bercanggah walaupun sedikit

sudah tentu tidak mungkin berlangsungnya pelayaran yang telah dikenali manusia dari zaman dahulu itu dan sehingga sekarang kegiatan pelayaran masih menjadi alat pergantungan manusia yang amat besar.

Semuanya ini merupakan dalil-dalil alam yang dapat menegakkan keimanan kepada orang-orang yang memikirkannya dengan kefahaman dan pengertian yang mendalam. Semuanya mempunyai hubungan yang selaras dan serasi dengan bahagian yang pertama dan bahagian yang kedua surah ini.

(Kumpulan ayat-ayat 23 - 52)

وَلَقَدْ أَرْسَلْنَا نُوحًا إِلَىٰ قَوْمِهِۦ فَقَالَ يَٰقَوْمِ ٱعْبُدُوا۟
ٱللَّهَ مَا لَكُم مِّنْ إِلَٰهٍ غَيْرُهُۥٓ ۚ أَفَلَا تَتَّقُونَ ﴿٢٣﴾
فَقَالَ ٱلْمَلَؤُا۟ ٱلَّذِينَ كَفَرُوا۟ مِن قَوْمِهِۦ مَا هَٰذَآ إِلَّا بَشَرٌ
مِّثْلُكُمْ يُرِيدُ أَن يَتَفَضَّلَ عَلَيْكُمْ وَلَوْ شَآءَ ٱللَّهُ لَأَنزَلَ
مَلَٰٓئِكَةً مَّا سَمِعْنَا بِهَٰذَا فِىٓ ءَابَآئِنَا ٱلْأَوَّلِينَ ﴿٢٤﴾
إِنْ هُوَ إِلَّا رَجُلٌۢ بِهِۦ جِنَّةٌ فَتَرَبَّصُوا۟ بِهِۦ حَتَّىٰ حِينٍ ﴿٢٥﴾
قَالَ رَبِّ ٱنصُرْنِى بِمَا كَذَّبُونِ ﴿٢٦﴾
فَأَوْحَيْنَآ إِلَيْهِ أَنِ ٱصْنَعِ ٱلْفُلْكَ بِأَعْيُنِنَا وَوَحْيِنَا
فَإِذَا جَآءَ أَمْرُنَا وَفَارَ ٱلتَّنُّورُ ۙ فَٱسْلُكْ فِيهَا مِن كُلٍّ
زَوْجَيْنِ ٱثْنَيْنِ وَأَهْلَكَ إِلَّا مَن سَبَقَ عَلَيْهِ ٱلْقَوْلُ
مِنْهُمْ ۖ وَلَا تُخَٰطِبْنِى فِى ٱلَّذِينَ ظَلَمُوٓا۟ ۖ إِنَّهُم مُّغْرَقُونَ ﴿٢٧﴾
فَإِذَا ٱسْتَوَيْتَ أَنتَ وَمَن مَّعَكَ عَلَى ٱلْفُلْكِ فَقُلِ ٱلْحَمْدُ
لِلَّهِ ٱلَّذِى نَجَّىٰنَا مِنَ ٱلْقَوْمِ ٱلظَّٰلِمِينَ ﴿٢٨﴾
وَقُل رَّبِّ أَنزِلْنِى مُنزَلًا مُّبَارَكًا وَأَنتَ خَيْرُ ٱلْمُنزِلِينَ ﴿٢٩﴾
إِنَّ فِى ذَٰلِكَ لَءَايَٰتٍ وَإِن كُنَّا لَمُبْتَلِينَ ﴿٣٠﴾
ثُمَّ أَنشَأْنَا مِنۢ بَعْدِهِمْ قَرْنًا ءَاخَرِينَ ﴿٣١﴾
فَأَرْسَلْنَا فِيهِمْ رَسُولًا مِّنْهُمْ أَنِ ٱعْبُدُوا۟ ٱللَّهَ مَا لَكُم مِّنْ إِلَٰهٍ
غَيْرُهُۥٓ ۚ أَفَلَا تَتَّقُونَ ﴿٣٢﴾
وَقَالَ ٱلْمَلَأُ مِن قَوْمِهِ ٱلَّذِينَ كَفَرُوا۟ وَكَذَّبُوا۟ بِلِقَآءِ
ٱلْءَاخِرَةِ وَأَتْرَفْنَٰهُمْ فِى ٱلْحَيَوٰةِ ٱلدُّنْيَا مَا هَٰذَآ إِلَّا بَشَرٌ
مِّثْلُكُمْ يَأْكُلُ مِمَّا تَأْكُلُونَ مِنْهُ وَيَشْرَبُ مِمَّا
تَشْرَبُونَ ﴿٣٣﴾
وَلَئِنْ أَطَعْتُم بَشَرًا مِّثْلَكُمْ إِنَّكُمْ إِذًا لَّخَٰسِرُونَ ﴿٣٤﴾
أَيَعِدُكُمْ أَنَّكُمْ إِذَا مِتُّمْ وَكُنتُمْ تُرَابًا وَعِظَٰمًا أَنَّكُم
مُّخْرَجُونَ ﴿٣٥﴾
هَيْهَاتَ هَيْهَاتَ لِمَا تُوعَدُونَ ﴿٣٦﴾
إِنْ هِىَ إِلَّا حَيَاتُنَا ٱلدُّنْيَا نَمُوتُ وَنَحْيَا وَمَا نَحْنُ
بِمَبْعُوثِينَ ﴿٣٧﴾
إِنْ هُوَ إِلَّا رَجُلٌ ٱفْتَرَىٰ عَلَى ٱللَّهِ كَذِبًا وَمَا نَحْنُ لَهُۥ
بِمُؤْمِنِينَ ﴿٣٨﴾
قَالَ رَبِّ ٱنصُرْنِى بِمَا كَذَّبُونِ ﴿٣٩﴾
قَالَ عَمَّا قَلِيلٍ لَّيُصْبِحُنَّ نَٰدِمِينَ ﴿٤٠﴾
فَأَخَذَتْهُمُ ٱلصَّيْحَةُ بِٱلْحَقِّ فَجَعَلْنَٰهُمْ غُثَآءً ۚ فَبُعْدًا
لِّلْقَوْمِ ٱلظَّٰلِمِينَ ﴿٤١﴾
ثُمَّ أَنشَأْنَا مِنۢ بَعْدِهِمْ قُرُونًا ءَاخَرِينَ ﴿٤٢﴾
مَا تَسْبِقُ مِنْ أُمَّةٍ أَجَلَهَا وَمَا يَسْتَـْٔخِرُونَ ﴿٤٣﴾
ثُمَّ أَرْسَلْنَا رُسُلَنَا تَتْرَا ۖ كُلَّ مَا جَآءَ أُمَّةً رَّسُولُهَا كَذَّبُوهُ ۚ
فَأَتْبَعْنَا بَعْضَهُم بَعْضًا وَجَعَلْنَٰهُمْ أَحَادِيثَ ۚ فَبُعْدًا
لِّقَوْمٍ لَّا يُؤْمِنُونَ ﴿٤٤﴾
ثُمَّ أَرْسَلْنَا مُوسَىٰ وَأَخَاهُ هَٰرُونَ بِـَٔايَٰتِنَا وَسُلْطَٰنٍ
مُّبِينٍ ﴿٤٥﴾
إِلَىٰ فِرْعَوْنَ وَمَلَإِي۟هِۦ فَٱسْتَكْبَرُوا۟ وَكَانُوا۟ قَوْمًا عَالِينَ ﴿٤٦﴾
فَقَالُوٓا۟ أَنُؤْمِنُ لِبَشَرَيْنِ مِثْلِنَا وَقَوْمُهُمَا لَنَا عَٰبِدُونَ ﴿٤٧﴾

فَكَذَّبُوهُمَا فَكَانُوا۟ مِنَ ٱلْمُهْلَكِينَ ﴿٤٨﴾

وَلَقَدْ ءَاتَيْنَا مُوسَى ٱلْكِتَٰبَ لَعَلَّهُمْ يَهْتَدُونَ ﴿٤٩﴾

وَجَعَلْنَا ٱبْنَ مَرْيَمَ وَأُمَّهُۥٓ ءَايَةً وَءَاوَيْنَٰهُمَآ إِلَىٰ رَبْوَةٍ
ذَاتِ قَرَارٍ وَمَعِينٍ ﴿٥٠﴾

يَٰٓأَيُّهَا ٱلرُّسُلُ كُلُوا۟ مِنَ ٱلطَّيِّبَٰتِ وَٱعْمَلُوا۟ صَٰلِحًا ۖ إِنِّى
بِمَا تَعْمَلُونَ عَلِيمٌ ﴿٥١﴾

وَإِنَّ هَٰذِهِۦٓ أُمَّتُكُمْ أُمَّةً وَٰحِدَةً وَأَنَا۠ رَبُّكُمْ فَٱتَّقُونِ ﴿٥٢﴾

"Dan sesungguhnya Kami telah mengutuskan Nuh kepada kaumnya lalu dia berkata: Wahai kaumku! Sembahlah Allah kerana tiada Tuhan bagi kamu selain Dia. Mengapa kamu tidak bertaqwa kepada-Nya?(23). Maka berkatalah pembesar-pembesar yang kafir dari kaumnya: Orang ini (Nuh) tiada lain melainkan hanya seorang manusia seperti kamu sahaja yang bertujuan hendak mendapat kedudukan yang lebih tinggi dari kamu. Dan andainya Allah itu benar-benar hendak (mengutuskan Rasul-Nya) tentulah Dia menurunkan malaikat-malaikat. Kita belum pernah mendengar seruan yang seperti ini pada masa nenek moyang kita yang dahulu kala (24). Dia (Nuh) tiada lain melainkan hanya seorang lelaki yang mengidap penyakit gila. Oleh itu tunggulah sehingga ke satu masa yang tertentu (25). Nuh berdo'a: Wahai Tuhanku! Kurniakanlah pertolongan kepadaku kerana mereka telah mendustakanku (26). Lalu Kami wahyukan kepadanya: Buatlah sebuah bahtera di bawah pandangan Kami dan (arahan) wahyu Kami sehingga apabila datang perintah Kami dan dapur telah memancutkan air, maka masukkanlah ke dalam bahtera itu sepasang dari setiap jenis, juga masukkan keluargamu kecuali mereka yang telah ditetapkan (Allah) akan binasa dari golongan mereka. Dan janganlah engkau berbicara dengan-Ku mengenai orang-orang yang zalim itu, sesungguhnya mereka akan ditenggelamkan semuanya (27). Dan apabila engkau dan orang-orang yang bersama engkau telah siap menaiki bahtera itu, maka ucapkanlah (kesyukuran): Segala kepujian itu terpulang kepada Allah yang telah menyelamatkan kami dari kaum yang zalim (28). Dan berdo'alah: Wahai Tuhanku! Turunkanlah aku di tempat yang penuh keberkatan dan Engkaulah sebaik-baik penurun yang memberi tempat kediaman (29). Sesungguhnya dalam peristiwa itu terdapat bukti-bukti kekuasaan Allah dan sesungguhnya Kami menguji (manusia) (30). Kemudian Kami ciptakan selepas mereka satu kaum yang lain (31). Lalu Kami utuskan kepada mereka seorang rasul dari kalangan mereka sendiri (yang menyeru): Sembahlah Allah kerana tiada Tuhan bagi kamu selain Dia. Mengapakah kamu tidak bertaqwa kepada-Nya?(32) Dan berkatalah para pembesar dari kaumnya yang kafir dan mendustakan pertemuan dengan hari Akhirat dan Kami telah mengurniakan kemewahan kepada mereka di dalam kehidupan dunia: Orang ini tidak lain melainkan hanya seorang manusia seperti kamu sahaja. Dia makan apa yang kamu makan dan minum apa yang kamu minum (33). Dan andainya kamu ta'atkan seorang manusia seperti kamu sudah tentu kamu sekalian akan rugi (34). Adakah dia menjanjikan kamu jika kamu telah mati dan menjadi tanah dan tulang-temalang bahawa kamu akan dikeluarkan kembali (dari kubur kamu) (35). Jauh sekali, jauh sekali (dari kebenaran) apa yang dijanjikan kepada kamu itu (36). Kehidupan itu hanyalah kehidupan kita di dunia ini sahaja, kita hidup dan mati dan kita tidak lagi akan dibangkitkan kembali (37). Dia itu tidak lain melainkan seorang lelaki yang mengada-adakan pembohongan terhadap Allah dan kami sekali-kali tidak akan percaya kepadanya (38). Rasul itu berdo'a: Wahai Tuhanku! Kurniakanlah pertolongan kepadaku kerana mereka telah mendustakanku (39). Allah berfirman: Dalam sedikit waktu lagi mereka sekalian akan menjadi orang-orang yang amat menyesal (40). Kemudian mereka telah dibinasakan bahana 'azab dengan lunas kebenaran, lalu Kami jadikan mereka (selaku) sampah-sampah banjir, maka amatlah jauh rahmat Allah bagi orang-orang yang zalim (41). Kemudian Kami ciptakan selepas mereka umat-umat yang lain (42). Tiada satu umat pun yang mendahului ajalnya dan tiada pula yang terlewat darinya (43). Kemudian Kami utuskan rasul-rasul Kami berturut-turut. Setiap Rasul yang datang kepada umat-umatnya, maka mereka mendustakannya. Oleh sebab itu Kami ikuti membinasakan mereka satu demi satu dan Kami jadikan mereka cerita-cerita (perbualan manusia), amatlah jauh rahmat Allah bagi kaum yang tidak beriman (44). Kemudian Kami utuskan Musa dan saudaranya Harun membawa ayat-ayat Kami dan hujjah yang amat nyata (45). Kepada Fir'aun dan para pembesarnya lalu mereka menunjukkan sikap yang angkuh dan mereka sememangnya satu kaum yang amat sombong (46). Lalu mereka berkata: Adakah wajar kita percaya kepada dua orang manusia yang sama seperti kita, sedangkan kaum mereka sendiri menyembah kita?(47) Lalu mereka mendustakan kedua-duanya dan jadilah mereka dari golongan manusia yang dibinasakan (48). Dan sesungguhnya Kami kurniakan Musa kitab Taurat supaya mereka mendapat hidayat (49). Dan Kami telah jadikan anak Maryam dan ibunya sebagai satu bukti (kekuasaan Kami) dan Kami berikan tempat perlindungan kepada keduanya di sebuah dataran tinggi yang mempunyai tanah-tanah yang terhampar dan matair yang mengalir (50). Wahai para rasul! Makanlah dari makanan-makanan yang baik dan kerjakanlah amalan yang soleh. Sesungguhnya Aku Maha Mengetahui segala apa yang dilakukan kamu (51). Sesungguhnya umat kamu adalah satu umat yang sama dan Akulah Tuhan kamu. Oleh itu bertaqwalah kepada-Ku."(52)

Di dalam pelajaran ini Al-Qur'an berpindah dari pembicaraan tentang dalil-dalil iman yang terdapat pada kejadian-kejadian diri manusia dan makhluk-makhluk di alam buana kepada pembicaraan mengenai hakikat iman yang dibawa para rasul seluruhnya, serta menerangkan bagaimana sambutan manusia terhadap hakikat yang tunggal itu, iaitu hakikat yang tidak berubah di sepanjang zaman dan tidak berubah dengan kedatangan risalah-risalah dan kebangkitan para rasul yang berturut-turut sejak Nabi Nuh a.s. Di sana kita melihat angkatan para rasul atau umat-umat para rasul. Mereka menyampaikan kepada manusia kalimat da'wah yang sama, yang mempunyai pengertian dan tujuan yang sama. Walaupun kalimat ini disampaikan dengan berbagai-bagai bahasa para rasul yang diutuskan kepada kaum mereka masing-masing, namun terjemahannya satu sahaja di dalam bahasa Arab. Kalimat da'wah yang disampaikan Nabi Nuh a.s. itulah juga kalimat da'wah yang sama yang

dihambur oleh setiap rasul yang datang selepas beliau, dan kalimat da'wah itu dijawab oleh manusia dengan satu jawapan sahaja. Dan kata-kata jawapan itu pula hampir-hampir sama di sepanjang abad.

******

(Pentafsiran ayat-ayat 23 - 30)

وَلَقَدْ أَرْسَلْنَا نُوحًا إِلَىٰ قَوْمِهِۦ فَقَالَ يَٰقَوْمِ ٱعْبُدُوا۟
ٱللَّهَ مَا لَكُم مِّنْ إِلَٰهٍ غَيْرُهُۥٓ ۚ أَفَلَا تَتَّقُونَ ﴿٢٣﴾
فَقَالَ ٱلْمَلَؤُا۟ ٱلَّذِينَ كَفَرُوا۟ مِن قَوْمِهِۦ مَا هَٰذَآ إِلَّا بَشَرٌ
مِّثْلُكُمْ يُرِيدُ أَن يَتَفَضَّلَ عَلَيْكُمْ وَلَوْ شَآءَ ٱللَّهُ لَأَنزَلَ
مَلَٰٓئِكَةً مَّا سَمِعْنَا بِهَٰذَا فِىٓ ءَابَآئِنَا ٱلْأَوَّلِينَ ﴿٢٤﴾
إِنْ هُوَ إِلَّا رَجُلٌۢ بِهِۦ جِنَّةٌ فَتَرَبَّصُوا۟ بِهِۦ حَتَّىٰ حِينٍ ﴿٢٥﴾

"Dan sesungguhnya Kami telah mengutuskan Nuh kepada kaumnya lalu dia berkata: Wahai kaumku! Sembahlah Allah kerana tiada Tuhan bagi kamu selain Dia. Mengapa kamu tidak bertaqwa kepada-Nya?(23) Maka berkatalah pembesar-pembesar yang kafir dari kaumnya: Orang ini (Nuh) tiada lain melainkan hanya seorang manusia seperti kamu sahaja yang bertujuan hendak mendapat kedudukan yang lebih tinggi dari kamu. Dan andainya Allah itu benar-benar hendak (mengutuskan Rasul-Nya) tentulah Dia menurunkan malaikat-malaikat. Kita belum pernah mendengar seruan yang seperti ini pada masa nenek moyang kita yang dahulu kala (24). Dia (Nuh) tiada lain melainkan hanya seorang lelaki yang mengidap penyakit gila. Oleh itu tunggulah sehingga ke satu masa yang tertentu (25).

يَٰقَوْمِ ٱعْبُدُوا۟ ٱللَّهَ مَا لَكُم مِّنْ إِلَٰهٍ غَيْرُهُۥٓ ۚ

"Wahai kaumku! Sembahlah Allah kerana tiada Tuhan bagi kamu selain Dia"(23)

itulah kalimatul-haq yang tidak pernah berubah. Itulah kalimatul-haq yang menjadi tapak tegaknya alam al-wujud, dan itulah kalimatul-haq yang disaksikan seluruh makhluk di alam al-wujud.

أَفَلَا تَتَّقُونَ ﴿٢٣﴾

"Mengapakah kamu tidak bertaqwa kepada-Nya?"(23)

Nuh Mengadap Kaumnya Yang Berfikiran Sempit Dan Jumud

dan tidak takut kepada akibat keingkaran kamu terhadap hakikat utama ini, yang menjadi tapak asas segala hakikat yang lain? Mengapakah kamu tidak merasa bersalah terhadap kebenaran yang amat jelas itu apabila kamu mengingkarkannya? Dan mengapa kamu tidak merasa bahawa kesalahan itu wajar dibalas dengan 'azab yang amat pedih?

Tetapi para pembesar kaum Nuh yang kafir itu tidak pernah membincangkan kalimatul-haq itu dan tidak memikirkan bukti-buktinya. Mereka tidak dapat menghindarkan diri mereka dari pandangan sempit yang terikat dengan diri mereka dan diri Nuh yang menyeru mereka. Mereka tidak mengangkatkan diri mereka ke ufuk yang bebas, di mana mereka dapat melihat hakikat kalimat da'wah yang agung itu terlepas dari pandangan-pandangan mengenai peribadi-peribadi dan batang tubuh-batang tubuh. Kerana itu mereka meninggalkan hakikat kalimah da'wah yang agung yang menjadi tapak tegaknya alam al-wujud yang disaksikan Oleh segala kejadian alam itu untuk memperkatakan tentang peribadi Nuh:

فَقَالَ ٱلْمَلَؤُا۟ ٱلَّذِينَ كَفَرُوا۟ مِن قَوْمِهِۦ مَا هَٰذَآ إِلَّا بَشَرٌ
مِّثْلُكُمْ يُرِيدُ أَن يَتَفَضَّلَ عَلَيْكُمْ

"Maka berkatalah pembesar-pembesar yang kafir dari kaumnya: Orang ini (Nuh) tiada lain melainkan hanya seorang manusia seperti kamu sahaja yang bertujuan hendak mendapat kedudukan yang lebih tinggi dari kamu."(24)

Dari sudut yang sempit dan kecil inilah kaum Nuh melihat da'wah yang agung itu. Mereka tidak memahami tabi'at da'wah yang agung itu dan tidak nampak hakikatnya. Tubuh-tubuh mereka yang kecil dan kerdil itu telah melindungkan mereka dari hakikat itu. Dan membuat mata mereka buta dari melihat unsur hakikat itu. Peribadi-peribadi mereka yang kecil dan kerdil itu telah menjadi batu penghalang yang melindungkan hati mereka dari hakikat itu. Kerana itu seluruh persoalan ini pada pandangan mereka ialah persoalan batang tubuh atau peribadi seorang lelaki (Nuh) dari kalangan mereka, yang tidak berbeza suatu apa dari mereka, lelaki yang mahu mengangkatkan dirinya lebih tinggi dari mereka dan mahu meletakkan martabat dirinya mengatasi martabat mereka!

Mereka bangkit dengan semangat kerdil yang terburu-buru itu untuk menolak Nuh dari martabat yang disangkakan mereka sedang diperjuangkan oleh beliau untuk mendapatkannya melalui dakwaan menjadi Rasul, tetapi kebangkitan mereka dengan semangat kerdil yang terburu-buru itu bukan sahaja menolak kelebihan Nuh, malah menolak kelebihan umat manusia, sedangkan mereka sebahagian darinya. Mereka menolak penghormatan Allah terhadap umat manusia dan menganggap sebagai terlalu banyak bagi Allah untuk mengirimkan seorang rasul dari bangsa manusia, dan jika Allah benar-benar perlu hendak mengirimkan Rasul tentulah:

وَلَوْ شَآءَ ٱللَّهُ لَأَنزَلَ مَلَٰٓئِكَةً

"Dan andainya Allah itu benar-benar hendak (mengutuskan Rasul-Nya) tentulah Dia menurunkan malaikat-malaikat."(24)

Mereka berkata begitu kerana mereka tidak menemui di dalam jiwa mereka tiupan Ilahi yang luhur, yang menghubungkan manusia dengan al-Mala'ul-'Ala dan membolehkan manusia-manusia pilihan (para rasul) menerima nur limpahan Ilahi untuk

disampaikan kepada saudara-saudara mereka kaum manusia agar mereka dapat menunjukkan kepada manusia sumber nur hidayat yang gemilang.

Mereka hanya merujukkan perkara ini kepada adat-adat kebiasaan sahaja dan bukannya merujukkan kepada akal yang sanggup berfikir dengan teliti.

مَّا سَمِعۡنَا بِهَٰذَا فِيٓ ءَابَآئِنَا ٱلۡأَوَّلِينَ ﴿٢٤﴾

"Kita belum pernah mendengar seruan yang seperti ini pada masa nenek moyang kita yang dahulu kala."(24)

Perkara yang seperti ini sentiasa berlaku apabila sikap bertaqlid buta itu telah memadamkan harakat berfikir dan menghapuskan kebebasan hati nurani. Ketika itu manusia tidak lagi memikirkan persoalan-persoalan yang wujud di hadapan mereka dengan teliti agar dengan panduan cahaya realiti mereka dapat mengetahui keputusan mengenainya secara langsung, malah mereka mencari satu "contoh yang terdahulu" di dalam timbunan sejarah zaman lampau untuk dijadikannya pegangan mereka. Dan apabila contoh yang terdahulu ini tidak ditemui, maka mereka akan terus menolak persoalan itu.

Menurut hemat kumpulan-kumpulan manusia yang kafir dan mati akal, sesuatu yang telah berlaku sekali mungkin pula berlaku kali yang kedua, dan sesuatu yang tidak pernah berlaku tidak mungkin akan berlaku. Beginilah caranya harakat hidup mereka menjadi beku, tidak bergerak dan terpaku langkah-langkahnya pada generasi yang tertentu dari angkatan "nenek moyang kita yang terdahulu."

Alangkah baiknya jika mereka sedar bahawa mereka adalah golongan manusia yang jumud dan berfikiran yang membatu, tetapi sebaliknya mereka menuduh penda'wah-penda'wah yang menyeru mereka supaya berfikir dengan bebas itu sebagai orang-orang gila. Para penda'wah itu mengajak mereka berfikir dengan teliti dan menghapuskan segala halangan yang wujud di antara hati nurani mereka dengan dalil-dalil iman yang jelas terbentang di alam al-wujud, tetapi mereka menyambut ajakan itu dengan sombong dan melemparkan tuduhan:

إِنۡ هُوَ إِلَّا رَجُلُۢ بِهِۦ جِنَّةٞ فَتَرَبَّصُواْ بِهِۦ حَتَّىٰ حِينٖ ﴿٢٥﴾

"Dia (Nuh) tiada lain melainkan hanya seorang lelaki yang mengidap penyakit gila. Oleh itu tunggulah sehingga ke satu masa yang tertentu."(25)

Yakni tunggulah sehingga dia (Nuh) disambar maut yang akan merehatkan kamu darinya dan dari da'wahnya dan dari pendapat-pendapatnya yang baru, yang mahu dipaksakannya ke atas kamu.

Sampai di sini Nabi Nuh a.s. tidak dapat lagi menemui satu pintu pun untuk menembusi ke dalam hati kaumnya yang beku dan membatu itu, beliau tidak lagi dapat menemui satu tempat selamat yang melindungkan beliau dari ejekan dan gangguan-gangguan mereka yang jahat melainkan hanya bertawajjuh kepada Allah sahaja, di mana beliau merayu kepada-Nya terhadap pendustaan yang diterima beliau dari mereka dan memohon pertolongan-Nya terhadap pendustaan ini:

قَالَ رَبِّ ٱنصُرۡنِي بِمَا كَذَّبُونِ ﴿٢٦﴾

"Nuh berdo'a: Wahai Tuhanku! Kurniakanlah pertolongan kepadaku kerana mereka telah mendustakanku."(26)

Apabila manusia yang hidup membeku sedemikian rupa, sedangkan hidup mahu bergerak ke depan menuju jalan kesempurnaan yang ditetapkan Allah, tiba-tiba ia dapati mereka menjadi batu penghalang, maka pilihannya ialah sama ada manusia-manusia yang membatu itu dihancurleburkan atau hidup berjalan terus meninggalkan mereka di tempat itu. Pilihan yang pertama itulah yang telah berlaku kepada kaum Nuh. Ini disebabkan kerana mereka merupakan angkatan pertama umat manusia yang berada di permulaan jalan. Oleh itu iradat Allah menghendaki supaya mereka dihapuskan dari jalan itu:

فَأَوۡحَيۡنَآ إِلَيۡهِ أَنِ ٱصۡنَعِ ٱلۡفُلۡكَ بِأَعۡيُنِنَا وَوَحۡيِنَا
فَإِذَا جَآءَ أَمۡرُنَا وَفَارَ ٱلتَّنُّورُ فَٱسۡلُكۡ فِيهَا مِن كُلّٖ
زَوۡجَيۡنِ ٱثۡنَيۡنِ وَأَهۡلَكَ إِلَّا مَن سَبَقَ عَلَيۡهِ ٱلۡقَوۡلُ
مِنۡهُمۡۖ وَلَا تُخَٰطِبۡنِي فِي ٱلَّذِينَ ظَلَمُوٓاْ إِنَّهُم مُّغۡرَقُونَ ﴿٢٧﴾

"Lalu Kami wahyukan kepadanya: Buatlah sebuah bahtera di bawah pandangan Kami dan (arahan) wahyu Kami sehingga apabila datang perintah Kami dan dapur telah memancutkan air, maka masukkanlah ke dalam bahtera itu sepasang dari setiap jenis, juga masukkan keluargamu kecuali mereka yang telah ditetapkan (Allah) akan binasa dari golongan mereka. Dan janganlah engkau berbicara dengan-Ku mengenai orang-orang yang zalim itu, sesungguhnya mereka akan ditenggelamkan semuanya."(27)

Demikianlah Sunnatullah bertindak membersihkan jalan dari manusia yang berjiwa batu yang menjadi penghalang-penghalang agar hidup dapat meneruskan perjalanannya mengikut jalan yang telah ditentukan Allah. Apabila umat manusia telah menjadi begitu rosak di zaman Nuh dan membeku seperti pokok muda yang terbantut kesuburannya kerana dihinggapi penyakit. Lalu ia menjadi kering dan lemah, sedangkan batangnya masih kecil, maka ubatnya ialah banjir besar yang mencabut dan menghanyutkan segala-galanya dan membersih bumi untuk ditanam semula dengan benih manusia yang baik supaya ia tumbuh dan subur dengan bersih hingga ke suatu masa yang tertentu:

فَأَوۡحَيۡنَآ إِلَيۡهِ أَنِ ٱصۡنَعِ ٱلۡفُلۡكَ بِأَعۡيُنِنَا وَوَحۡيِنَا

"Lalu Kami wahyukan kepadanya: Buatlah sebuah bahtera di bawah pandangan Kami dan (arahan) wahyu Kami."(27)

Banjir Nuh Merupakan Proses Pembersihan Bumi Dari Manusia Sampah

Bahtera itu merupakan alat untuk menyelamatkan diri dari malapetaka banjir dan untuk memelihara benih-benih manusia yang baik supaya dapat ditanam semula. Allah telah menghendaki supaya Nuh membuat sebuah bahtera dengan tangannya sendiri, kerana manusia pasti menggunakan sebab-sebab dan alat-alat serta mengorbankan segala usaha dan daya upayanya agar ia benar-benar wajar mendapat pertolongan Allah. Pertolongan itu tidak datang kepada orang-orang yang hanya duduk beristirehat dan menunggu tanpa membuat sesuatu yang lebih dari menunggu! Nabi Nuh a.s. telah ditaqdirkan Allah menjadi bapa manusia yang kedua. Beliau telah diperintah supaya menggunakan sebab-sebab dan alat-alat di samping dilindungi dengan ri'ayah-Nya. Beliau diajar Allah pertukangan membuat bahtera supaya perintah dan kehendak Allah terlaksana dengan cara ini.

Allah telah menetapkan kepadanya satu alamat yang menandakan bermulanya proses pembersihan yang meliputi seluruh permukaan bumi yang berpenyakit itu:

فَإِذَا جَآءَ أَمْرُنَا وَفَارَ ٱلتَّنُّورُ

"Sehingga apabila datang perintah Kami dan dapur telah memancutkan air..."(27)

yakni apabila air keluar dari dapur itu, maka itulah alamat supaya Nuh bertindak segera mengisikan bahtera itu dengan benih-benih hayat:

فَٱسْلُكْ فِيهَا مِن كُلٍّ زَوْجَيْنِ ٱثْنَيْنِ

"Maka masukkanlah ke dalam bahtera itu sepasang dari setiap jenis"(27)

haiwan, burung-burung dan tumbuh-tumbuhan yang terkenal kepada Nuh di zaman itu dan juga memberi kemudahan kepada manusia:

وَأَهْلَكَ إِلَّا مَن سَبَقَ عَلَيْهِ ٱلْقَوْلُ مِنْهُمْ

"Juga (masukkan) keluargamu kecuali mereka yang telah ditetapkan (Allah) akan binasa dari golongan mereka"(27)

iaitu anggota-anggota keluarganya yang kafir dan mendustakan Nuh. Merekalah orang-orang yang wajar menerima keputusan Allah yang telah ditetapkan ke atas mereka dan menerima tindakan Sunnatullah yang telah diluluskan, iaitu menerima hukuman kebinasaan ke atas orang-orang yang mendustakan ayat-ayat Allah.

Satu perintah yang akhir telah dikeluarkan kepada Nabi Nuh a.s. supaya beliau jangan merundingkan urusan mana-mana orang dari mereka dan jangan cuba menyelamatkan sesiapa sahaja dari mereka walaupun dia dari anggota keluarga yang paling dekat dari orang-orang yang telah ditetapkan keputusan binasa ke atas mereka.

وَلَا تُخَٰطِبْنِى فِى ٱلَّذِينَ ظَلَمُوٓا۟ ۖ إِنَّهُم مُّغْرَقُونَ ﴿٢٧﴾

"Dan janganlah engkau berbicara dengan-Ku mengenai orang-orang yang zalim itu. Sesungguhnya mereka akan ditenggelamkan semuanya."(27)

Sunnatullah tidak memilih kasih dan memilih bulu. Ia tidak pernah menyeleweng dari relnya yang tunggal dan lurus kerana mengambil hati orang-orang kesayangan atau orang dekat!

Di sini Al-Qur'an tidak menjelaskan apakah yang telah berlaku kepada kaum Nuh selepas menerima perintah itu. Apa yang dijelaskan ialah perintah Allah itu telah terlaksana dan "sesungguhnya mereka akan ditenggelamkan semuanya", tetapi Nuh a.s. terus diajar bagaimana cara bersyukur dan memuji Allah atas ni'mat dan limpah kurnia-Nya dan bagaimana cara memohon hidayat menuju ke jalan-Nya:

فَإِذَا ٱسْتَوَيْتَ أَنتَ وَمَن مَّعَكَ عَلَى ٱلْفُلْكِ فَقُلِ ٱلْحَمْدُ لِلَّهِ ٱلَّذِى نَجَّىٰنَا مِنَ ٱلْقَوْمِ ٱلظَّٰلِمِينَ ﴿٢٨﴾

وَقُل رَّبِّ أَنزِلْنِى مُنزَلًا مُّبَارَكًا وَأَنتَ خَيْرُ ٱلْمُنزِلِينَ ﴿٢٩﴾

"Dan apabila engkau dan orang-orang yang bersama engkau telah siap menaiki bahtera itu, maka ucapkanlah (kesyukuran): Segala kepujian itu terpulang kepada Allah yang telah menyelamatkan kami dari kaum yang zalim (28). Dan berdo'alah: Wahai Tuhanku! Turunkanlah aku di tempat yang penuh keberkatan dan Engkaulah sebaik-baik penurun yang memberi tempat kediaman."(29)

Demikianlah beliau memuji Allah dan bertawajjuh kepada-Nya dan demikianlah beliau menyifatkan Allah dengan sifat-sifat-Nya yang wajar dan mengakui segala limpah kurnia-Nya. Demikianlah beliau menunjukkan adab sopan kepada Allah sebagai kewajipan para hamba terutama para Anbia' supaya mereka menjadi contoh ikutan kepada orang-orang yang lain.

Kemudian Al-Qur'an mengulaskan seluruh kisah itu, di mana setiap babaknya mengandungi bukti-bukti qudrat dan hikmat Allah:

إِنَّ فِى ذَٰلِكَ لَءَايَٰتٍ وَإِن كُنَّا لَمُبْتَلِينَ ﴿٣٠﴾

"Sesungguhnya dalam peristiwa itu terdapat bukti-bukti kekuasaan Allah dan sesungguhnya Kami menguji (manusia)."(30)

Jenis-jenis Ujian Allah

Ujian Allah itu beraneka rupa. Ada ujian untuk menduga kesabaran. Ada ujian untuk menduga kesyukuran. Ada ujian untuk dikurniakan pahala. Ada ujian untuk memberi panduan dan bimbingan. Ada ujian untuk mengajar disiplin. Ada ujian untuk menduga dan menilai mutu. Dan di dalam kisah Nuh terdapat berbagai ujian Allah terhadap beliau, terhadap kaumnya dan terhadap anak cucu cicitnya yang akan datang.

******

(Pentafsiran ayat-ayat 31 - 41)

Al-Qur'an terus menayangkan sebuah pemandangan yang lain pula dari pemandangan-pemandangan kebangkitan rasul-rasul yang sama dan pendustaan yang berulang-ulang (yang dihadapi mereka):

ثُمَّ أَنشَأْنَا مِنۢ بَعْدِهِمْ قَرْنًا ءَاخَرِينَ ﴿٣١﴾

فَأَرْسَلْنَا فِيهِمْ رَسُولًا مِّنْهُمْ أَنِ ٱعْبُدُوا۟ ٱللَّهَ مَا لَكُم مِّنْ إِلَٰهٍ
غَيْرُهُۥٓ ۖ أَفَلَا تَتَّقُونَ ﴿٣٢﴾

وَقَالَ ٱلْمَلَأُ مِن قَوْمِهِ ٱلَّذِينَ كَفَرُوا۟ وَكَذَّبُوا۟ بِلِقَآءِ
ٱلْءَاخِرَةِ وَأَتْرَفْنَٰهُمْ فِى ٱلْحَيَوٰةِ ٱلدُّنْيَا مَا هَٰذَآ إِلَّا بَشَرٌ
مِّثْلُكُمْ يَأْكُلُ مِمَّا تَأْكُلُونَ مِنْهُ وَيَشْرَبُ مِمَّا
تَشْرَبُونَ ﴿٣٣﴾

وَلَئِنْ أَطَعْتُم بَشَرًا مِّثْلَكُمْ إِنَّكُمْ إِذًا لَّخَٰسِرُونَ ﴿٣٤﴾

أَيَعِدُكُمْ أَنَّكُمْ إِذَا مِتُّمْ وَكُنتُمْ تُرَابًا وَعِظَٰمًا أَنَّكُم
مُّخْرَجُونَ ﴿٣٥﴾

هَيْهَاتَ هَيْهَاتَ لِمَا تُوعَدُونَ ﴿٣٦﴾

إِنْ هِىَ إِلَّا حَيَاتُنَا ٱلدُّنْيَا نَمُوتُ وَنَحْيَا وَمَا نَحْنُ
بِمَبْعُوثِينَ ﴿٣٧﴾

إِنْ هُوَ إِلَّا رَجُلٌ ٱفْتَرَىٰ عَلَى ٱللَّهِ كَذِبًا وَمَا نَحْنُ لَهُۥ
بِمُؤْمِنِينَ ﴿٣٨﴾

قَالَ رَبِّ ٱنصُرْنِى بِمَا كَذَّبُونِ ﴿٣٩﴾

قَالَ عَمَّا قَلِيلٍ لَّيُصْبِحُنَّ نَٰدِمِينَ ﴿٤٠﴾

فَأَخَذَتْهُمُ ٱلصَّيْحَةُ بِٱلْحَقِّ فَجَعَلْنَٰهُمْ غُثَآءً ۚ فَبُعْدًا
لِّلْقَوْمِ ٱلظَّٰلِمِينَ ﴿٤١﴾

"Kemudian Kami ciptakan selepas mereka satu kaum yang lain (31). Lalu Kami utuskan kepada mereka seorang rasul dari kalangan mereka sendiri (yang menyeru): Sembahlah Allah kerana tiada Tuhan bagi kamu selain Dia. Mengapakah kamu tidak bertaqwa kepada-Nya?(32) Dan berkatalah para pembesar dari kaumnya yang kafir dan mendustakan pertemuan dengan hari Akhirat dan Kami telah mengurniakan kemewahan kepada mereka di dalam kehidupan dunia: Orang ini tidak lain melainkan hanya seorang manusia seperti kamu sahaja. Dia makan apa yang kamu makan dan minum apa yang kamu minum (33). Dan andainya kamu ta'atkan seorang manusia seperti kamu sudah tentu kamu sekalian akan rugi (34). Adakah dia menjanjikan kamu jika kamu telah mati dan menjadi tanah dan tulang-temalang bahawa kamu akan dikeluarkan kembali (dari kubur kamu) (35). Jauh sekali, jauh sekali (dari kebenaran) apa yang dijanjikan kepada kamu itu (36). Kehidupan itu hanyalah kehidupan kita di dunia ini sahaja, kita hidup dan mati dan kita tidak lagi akan dibangkitkan kembali (37). Dia itu tidak lain melainkan seorang lelaki yang mengada-adakan pembohongan terhadap Allah dan kami sekali-kali tidak akan percaya kepadanya (38). Rasul itu berdo'a: Wahai Tuhanku! Kurniakanlah pertolongan kepadaku kerana mereka telah mendustakanku (39). Allah berfirman: Dalam sedikit waktu lagi mereka sekalian akan menjadi orang-orang yang amat menyesal (40). Kemudian mereka telah dibinasakan bahana 'azab dengan lunas kebenaran, lalu Kami jadikan mereka (selaku) sampah-sampah banjir, maka amatlah jauh rahmat Allah bagi orang-orang yang zalim."(41)

Pembentangan kisah-kisah para rasul di dalam surah ini bukan bertujuan untuk menceritakannya dengan panjang lebar, malah untuk menjelaskan da'wah yang sama yang di bawa oleh para rasul itu dan sambutan yang sama yang diterima mereka dari kaum mereka masing-masing. Oleh sebab itulah Al-Qur'an memulakan dengan kisah Nabi Nuh a.s. untuk menentukan titik permulaan dan mengakhiri dengan kisah Musa dan Isa untuk menentukan titik penghabisan sebelum kedatangan Rasul yang akhir. Ia tidak menyebut nama-nama para anbia' yang lain di tengah-tengah rangkaian kisah-kisah yang panjang itu untuk menunjukkan babak-babak kisah yang bersamaan dari mula sehingga akhir, malah ia hanya menyebut tentang da'wah yang sama dan sambutan yang sama dalam setiap babak kisah itu, kerana inilah yang menjadi tujuan (dari penceritaan kisah-kisah itu).

ثُمَّ أَنشَأْنَا مِنۢ بَعْدِهِمْ قَرْنًا ءَاخَرِينَ ﴿٣١﴾

"Kemudian Kami ciptakan selepas mereka satu kaum yang lain."(31)

Al-Qur'an tidak menentukan siapakah mereka, tetapi menurut pendapat yang lebih rajih mereka ialah 'Ad kaum Nabi Hud a.s.

فَأَرْسَلْنَا فِيهِمْ رَسُولًا مِّنْهُمْ أَنِ ٱعْبُدُوا۟ ٱللَّهَ مَا لَكُم مِّنْ إِلَٰهٍ
غَيْرُهُۥٓ ۖ أَفَلَا تَتَّقُونَ ﴿٣٢﴾

"Lalu Kami utuskan kepada mereka seorang rasul dari kalangan mereka sendiri (yang menyeru): Sembahlah Allah kerana tiada Tuhan bagi kamu selain Dia. Mengapakah kamu tidak bertaqwa kepada-Nya?"(32)

Itulah kalimat da'wah yang sama yang dihamburkan oleh Nuh sebelum Hud. Al-Qur'an menceritakannya dengan lafaz-lafaz yang sama walaupun berlain-lainan bahasa yang dituturkan umat-umat itu.

Apakah jawapan kaumnya?

Jawapannya juga hampir sama:

وَقَالَ ٱلۡمَلَأُ مِن قَوۡمِهِ ٱلَّذِينَ كَفَرُواْ وَكَذَّبُواْ بِلِقَآءِ
ٱلۡأٓخِرَةِ وَأَتۡرَفۡنَٰهُمۡ فِي ٱلۡحَيَوٰةِ ٱلدُّنۡيَا مَا هَٰذَآ إِلَّا بَشَرٞ
مِّثۡلُكُمۡ يَأۡكُلُ مِمَّا تَأۡكُلُونَ مِنۡهُ وَيَشۡرَبُ مِمَّا
تَشۡرَبُونَ ٣٣

وَلَئِنۡ أَطَعۡتُم بَشَرٗا مِّثۡلَكُمۡ إِنَّكُمۡ إِذٗا لَّخَٰسِرُونَ ٣٤

"Dan berkatalah para pembesar dari kaumnya yang kafir dan mendustakan pertemuan dengan hari Akhirat dan Kami telah mengurniakan kemewahan kepada mereka di dalam kehidupan dunia: Orang ini tidak lain melainkan hanya seorang manusia seperti kamu sahaja. Dia makan apa yang kamu makan dan minum apa yang kamu minum (33). Dan andainya kamu ta'atkan seorang manusia seperti kamu sudah tentu kamu sekalian akan rugi."(34)

Kemewahan Merosakkan Jiwa Manusia

Bantahan yang berulang-ulang ialah bantahan tentang Rasul itu dipilih dari bangsa manusia, iaitu bantahan yang terbit akibat putusnya hubungan di antara hati para pembesar yang mewah itu dengan tiupan roh Ilahiyah yang luhur yang menghubungkan manusia dengan Penciptanya Yang Maha Mulia.

Kemewahan merosakkan fitrah manusia dan menjadikan perasaan-perasaannya kasar. Ia menutupkan pintu-pintu hati manusia dan menyebabkan hati mereka hilang daya kepekaannya yang dapat menerima, merasa dan menyambut. Dari sinilah Islam memerangi kemewahan dan membangunkan sistem kemasyarakatannya di atas lunas-lunas yang tidak membolehkan wujudnya golongan mewah di dalam masyarakat Islam, kerana mereka merupakan bahan-bahan busuk yang merosakkan suasana sekelilingnya dan mengeluarkan ulat-ulat (yang merbahaya).

Kemudian golongan mewah itu menambahkan di sini keingkaran mereka terhadap kebangkitan semula selepas mati dan hancur lebur (ditelan bumi). Mereka melahirkan kehairanan mereka terhadap Rasul yang telah memberitahu kepada mereka tentang perkara yang aneh ini:

أَيَعِدُكُمۡ أَنَّكُمۡ إِذَا مِتُّمۡ وَكُنتُمۡ تُرَابٗا وَعِظَٰمًا أَنَّكُم
مُّخۡرَجُونَ ٣٥

هَيۡهَاتَ هَيۡهَاتَ لِمَا تُوعَدُونَ ٣٦

إِنۡ هِيَ إِلَّا حَيَاتُنَا ٱلدُّنۡيَا نَمُوتُ وَنَحۡيَا وَمَا نَحۡنُ
بِمَبۡعُوثِينَ ٣٧

"Adakah dia menjanjikan kamu jika kamu telah mati dan menjadi tanah dan tulang-temalang bahawa kamu akan dikeluarkan kembali (dari kubur kamu) (35). Jauh sekali, jauh sekali (dari kebenaran), apa yang dijanjikan kepada kamu itu (36). Kehidupan itu hanyalah kehidupan kita di dunia ini sahaja, kita hidup dan mati dan kita tidak lagi akan dibangkitkan kembali."(37)

Kebangkitan Selepas Mati Merupakan Kemuncak Perkembangan Hidup Manusia Yang Abadi

Orang-orang yang seperti mereka tidak dapat memahami hikmat hidup yang agung itu dan kehalusan tadbir Ilahi dalam semua peringkat perkembangannya untuk menyampaikannya kepada matlamatnya yang jauh, iaitu matlamat yang tidak terlaksana dengan sempurna di bumi ini, kerana kebaikan tidak dapat menerima balasannya yang sempurna dalam kehidupan dunia ini, begitu juga kejahatan, malah kedua-duanya hanya dapat menerima balasan yang sempurna di sana (di negeri Akhirat), di mana para Mu'minin yang soleh sampai ke kemuncak ni'mat hidup yang paling sempurna. Di sana mereka tidak akan digugatkan oleh sebarang ketakutan dan kepenatan, tidak akan dilanda perubahan dan kemusnahan kecuali dikehendaki Allah. Dan di sana juga orang-orang yang sesat dan mengikut jalan yang songsang akan sampai ke dasar hidup yang paling rendah, di mana kemanusiaan mereka disia-siakan dan di mana mereka akan berubah menjadi batu-batu atau seperti batu-batu!

Orang-orang yang seperti mereka tidak dapat memahami konsep-konsep itu. Mereka tidak menjadikan peringkat-peringkat perkembangan hidup yang pertama itu sebagai bukti yang dapat menunjukkan kepada peringkat-peringkat perkembangannya yang akhir. Mereka tidak sedar bahawa kekuatan Ilahi yang mentadbirkan peringkat-peringkat perkembangan itu tidak merentikan perjalanan hidup di peringkat mati dan hancur lebur (dimakan tanah) seperti yang difikirkan oleh mereka. Oleh sebab itulah mereka memperlihatkan kehairanan dan menganggap aneh apabila seseorang (Rasul) menjanjikan mereka bahawa mereka akan dikeluarkan semula (dari kubur-kubur mereka). Mengikut tanggapan mereka yang jahil perkara itu tidak mungkin berlaku, malah mereka menegaskan dengan penuh angkuh bahawa di sana hanya sekali hidup sahaja dan sekali mati sahaja, satu generasi mati, satu generasi yang lain pula hidup selepas mereka dan adapun orang-orang yang telah mati dan menjadi tanah dan tulang-tulang kerangka itu, maka jauh sekali! Jauh sekali mereka akan hidup kembali seperti yang dikatakan oleh orang yang ganjil (Rasul) itu. Amat jauh sekali! Amat jauh sekali! Kemungkinan berlakunya kebangkitan semula seperti yang dikatakan oleh orang itu kerana mereka sekalian telah pun menjadi tulang-tulang yang hancur lebur.

Mereka tidak hanya sekadar berhenti di takuk kejahilan dan kelalaian dari memikirkan hikmat hidup yang didedahkan oleh peringkat-peringkat perkembangan yang pertama... Mereka tidak hanya berhenti di takuk kejahilan ini sahaja, malah mereka menuduh Rasul mereka melakukan pembohongan terhadap Allah, sedangkan mereka tidak mengenal Allah melainkan pada sa'at yang seperti ini sahaja untuk tujuan menuduh Rasul:

إِنْ هُوَ إِلَّا رَجُلٌ ٱفْتَرَىٰ عَلَى ٱللَّهِ كَذِبًا وَمَا نَحْنُ لَهُۥ بِمُؤْمِنِينَ ﴿٣٨﴾

"Dia itu tidak lain melainkan seorang lelaki yang mengada-adakan pembohongan terhadap Allah dan kami sekali-kali tidak akan percaya kepadanya."(38)

Sampai di sini Rasul itu tidak mempunyai pilihan yang lain melainkan berdo'a memohon pertolongan dari Allah seperti pertolongan yang dipohon oleh Nabi Nuh a.s. sebelumnya. Beliau berdo'a dengan kata-kata yang sama yang diucapkan oleh Nuh kepada Allah:

قَالَ رَبِّ ٱنصُرْنِى بِمَا كَذَّبُونِ ﴿٣٩﴾

"Rasul itu berdo'a: Wahai Tuhanku! Kurniakanlah pertolongan kepadaku kerana mereka telah mendustakanku."(39)

Ketika inilah do'a ini terus diperkenankan Allah setelah kaum itu menyempurnakan ajal mereka dan tidak ada lagi sebarang kebajikan yang dapat diharapkan dari mereka selepas kedegilan, kelalaian dan pendustaan yang ditunjukkan mereka:

قَالَ عَمَّا قَلِيلٍ لَّيُصْبِحُنَّ نَٰدِمِينَ ﴿٤٠﴾

"Allah berfirman: Dalam sedikit waktu lagi mereka sekalian akan menjadi orang-orang yang amat menyesal."(40)

Tetapi penyesalan itu tidak berguna lagi dan taubat juga tidak berfaedah lagi:

فَأَخَذَتْهُمُ ٱلصَّيْحَةُ بِٱلْحَقِّ فَجَعَلْنَٰهُمْ غُثَآءً

"Kemudian mereka telah dibinasakan bahana 'azab dengan lunas kebenaran, lalu Kami jadikan mereka (selaku) sampah-sampah banjir."(41)

Yang dimaksudkan dengan "sampah-sampah banjir" ialah sampah sarap dari rumput-rampai dan berbagai-bagai benda yang berselerakan, yang tidak berguna dan berharga. Dan tidak mempunyai apa-apa kaitan di antaranya. Oleh sebab mereka telah meninggalkan ciri-ciri istimewa manusia yang dikurniakan Allah sebagai penghormatan kepada mereka dan oleh sebab mereka mengabaikan hikmat kewujudan mereka dalam kehidupan dunia ini dan memutuskan hubungan mereka dengan al-Mala'ul-'Ala, maka tidak ada lagi pada mereka sesuatu yang wajar mendapat penghormatan dari Allah. Oleh sebab itulah mereka menjadi sampah sarap seperti sampah-sampah banjir yang terbuang tanpa layanan dan perhatian. Itulah di antara mutiara-mutiara ungkapan Al-Qur'an yang amat seni.

Mereka bertambah hina lagi apabila mereka diusir dari rahmat Allah dan dijauhkan dari perhatian manusia:

فَبُعْدًا لِّلْقَوْمِ ٱلظَّٰلِمِينَ ﴿٤١﴾

"Maka amatlah jauh rahmat Allah bagi orang-orang yang zalim."(41)

Iaitu jauh di dalam hidup, jauh dalam kenangan, jauh di alam kenyataan dan di alam hati.

******

(Pentafsiran ayat-ayat 42 - 44)

Setelah itu Al-Qur'an menayangkan cerita umat-umat yang lain:

ثُمَّ أَنشَأْنَا مِنۢ بَعْدِهِمْ قُرُونًا ءَاخَرِينَ ﴿٤٢﴾

مَا تَسْبِقُ مِنْ أُمَّةٍ أَجَلَهَا وَمَا يَسْتَـْٔخِرُونَ ﴿٤٣﴾

ثُمَّ أَرْسَلْنَا رُسُلَنَا تَتْرَا ۖ كُلَّ مَا جَآءَ أُمَّةً رَّسُولُهَا كَذَّبُوهُ ۚ فَأَتْبَعْنَا بَعْضَهُم بَعْضًا وَجَعَلْنَٰهُمْ أَحَادِيثَ ۚ فَبُعْدًا لِّقَوْمٍ لَّا يُؤْمِنُونَ ﴿٤٤﴾

"Kemudian Kami ciptakan selepas mereka umat-umat yang lain (42). Tiada satu umat pun yang mendahului ajalnya dan tiada pula yang terlewat darinya (43). Kemudian Kami utuskan rasul-rasul Kami berturut-turut. Setiap Rasul yang datang kepada umat-umatnya, maka mereka mendustakannya. Oleh sebab itu Kami ikuti membinasakan mereka satu demi satu dan Kami jadikan mereka cerita-cerita (perbualan manusia), amatlah jauh rahmat Allah bagi kaum yang tidak beriman."(44)

Demikianlah dengan ringkas Al-Qur'an menerangkan sejarah da'wah dan menjelaskan tindakan Sunnatullah yang berlaku di sepanjang zaman di antara masa Nabi Nuh a.s. dan Nabi Hud a.s. dalam siri pertama dan di antara Nabi Musa a.s. dengan Nabi Isa a.s. di dalam siri akhirnya. Setiap umat menyempurnakan ajal masing-masing dan berlalu:

مَا تَسْبِقُ مِنْ أُمَّةٍ أَجَلَهَا وَمَا يَسْتَـْٔخِرُونَ ﴿٤٣﴾

"Tiada satu umat pun yang mendahului ajalnya dan tiada pula yang terlewat darinya."(43)

Seluruh mereka mendustakan Rasul:

كُلَّ مَا جَآءَ أُمَّةً رَّسُولُهَا كَذَّبُوهُ ۚ

"Setiap Rasul yang datang kepada umat-umatnya, maka mereka mendustakannya."(44)

Dan setiap kali mereka mendustakan Rasul mereka dihukum oleh Sunnatullah:

فَأَتْبَعْنَا بَعْضَهُم بَعْضًا

"Oleh sebab itu Kami ikuti membinasakan mereka satu demi satu."(44)

Kisah-kisah kebinasaan mereka tinggal menjadi contoh teladan kepada orang-orang yang mahu mengambil pengajaran:

وَجَعَلْنَٰهُمْ أَحَادِيثَ

"Dan Kami jadikan mereka cerita-cerita (perbualan manusia)"(44)

yang dipindahkan dari satu generasi ke satu generasi.

Kemudian tayangan sepintas lalu ini diakhiri dengan kutukan pengusiran dan penghalauan dari mata dan hati:

فَبُعْدًا لِّقَوْمٍ لَّا يُؤْمِنُونَ ﴿٤٤﴾

"Amatlah jauh rahmat Allah bagi kaum yang tidak beriman!"(44)

******

(Pentafsiran ayat-ayat 45 - 48)

Keangkuhan Fir'aun

Kemudian Al-Qur'an secara ringkas menceritakan kisah kerasulan Nabi Musa a.s. dan pendustaan yang diterima olehnya agar sesuai dengan susunan pembentangan kisah-kisah dan matlamat yang dikehendaki darinya:

ثُمَّ أَرْسَلْنَا مُوسَىٰ وَأَخَاهُ هَٰرُونَ بِـَٔايَٰتِنَا وَسُلْطَٰنٍ مُّبِينٍ ﴿٤٥﴾

إِلَىٰ فِرْعَوْنَ وَمَلَإِيْهِۦ فَٱسْتَكْبَرُوا۟ وَكَانُوا۟ قَوْمًا عَالِينَ ﴿٤٦﴾

فَقَالُوٓا۟ أَنُؤْمِنُ لِبَشَرَيْنِ مِثْلِنَا وَقَوْمُهُمَا لَنَا عَٰبِدُونَ ﴿٤٧﴾

فَكَذَّبُوهُمَا فَكَانُوا۟ مِنَ ٱلْمُهْلَكِينَ ﴿٤٨﴾

"Kemudian Kami utuskan Musa dan saudaranya Harun membawa ayat-ayat Kami dan hujjah yang amat nyata (45). Kepada Fir'aun dan para pembesarnya lalu mereka menunjukkan sikap yang angkuh dan mereka sememangnya satu kaum yang amat sombong (46). Lalu mereka berkata: Adakah wajar kita percaya kepada dua orang manusia yang sama seperti kita, sedangkan kaum mereka sendiri menyembah kita? (47) Lalu mereka mendustakan kedua-duanya dan jadilah mereka dari golongan manusia yang dibinasakan."(48)

Dalam penceritaan kisah ini ditonjolkan bantahan yang sama (dari Fir'aun dan kaumnya) terhadap konsep bangsa manusia menjadi Rasul:

فَقَالُوٓا۟ أَنُؤْمِنُ لِبَشَرَيْنِ مِثْلِنَا

"Adakah wajar kita percaya kepada dua orang manusia yang sama seperti kita?"(47)

Kemudian ditambah pula dengan suasana kedudukan Bani Israel yang rendah itu sendiri di negeri Mesir:

وَقَوْمُهُمَا لَنَا عَٰبِدُونَ ﴿٤٧﴾

"Sedangkan kaum mereka sendiri menyembah kita."(47)

Yakni mereka hidup diperkuda dan tunduk patuh (kepada kita). Kedudukan ini pada mata Fir'aun dan kaumnya merupakan alasan yang lebih wajar untuk memandang hina kepada Musa dan Harun. Adapun ayat-ayat dan mu'jizat-mu'jizat Allah yang ada pada Musa dan Harun itu, maka semuanya tidak memberi apa-apa kesan kepada hati mereka yang buta dan mereka terpengaruh sepenuhnya kepada suasana-suasana hidup dunia dan kedudukan-kedudukannya yang palsu dan nilai-nilainya yang murah.

******

(Pentafsiran ayat-ayat 49 - 50)

Isa Dan Bondanya Mariam Diberikan Perlindungan Di Sebuah Dataran Tinggi Yang Selesa

Kemudian Al-Qur'an menyebut secara ringkas cerita Isa ibn Maryam dan ibunya, juga mu'jizat penciptaannya yang jelas, iaitu mu'jizat yang sama dengan mu'jizat-mu'jizat Musa yang didustakan Fir'aun dan kaumnya:

وَلَقَدْ ءَاتَيْنَا مُوسَى ٱلْكِتَٰبَ لَعَلَّهُمْ يَهْتَدُونَ ﴿٤٩﴾

وَجَعَلْنَا ٱبْنَ مَرْيَمَ وَأُمَّهُۥٓ ءَايَةً وَءَاوَيْنَٰهُمَآ إِلَىٰ رَبْوَةٍ ذَاتِ قَرَارٍ وَمَعِينٍ ﴿٥٠﴾

"Dan sesungguhnya Kami kurniakan Musa kitab Taurat supaya mereka mendapat hidayat (49). Dan Kami telah jadikan anak Maryam dan ibunya sebagai satu bukti (kekuasaan Kami) dan Kami berikan tempat perlindung-an kepada keduanya di sebuah dataran tinggi yang mempunyai tanah-tanah yang terhampar dan matair yang mengalir."(50)

Riwayat-riwayat telah berselisih dalam menentukan dataran tinggi yang disebut di dalam ayat ini. Di manakah dataran tinggi itu? Adakah ia terletak di negeri Mesir atau Damsyik atau di Baitul-Maqdis, iaitu tempat-tempat yang pernah dituju oleh Maryam membawa anaknya Isa a.s. semasa dalam usia bayi dan kanak-kanak sebagaimana diceritakan di dalam buku-buku mereka. Tujuan yang penting dari ayat ini bukanlah untuk menentukan tempat yang dituju oleh Maryam dan anaknya, malah tujuannya ialah untuk menceritakan bagaimana Allah melindungkan kedua-

duanya di suatu tempat yang baik, subur dengan tumbuh-tumbuhan dan mewah dengan matair yang mengalir, dan di sanalah mereka berdua mendapat sepenuh ri'ayah dan perlindungan dari Allah.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 51 - 52)

Apabila salsilah kisah-kisah para rasul itu sampai kepada babak ini, Allah tujukan perintah-Nya kepada para rasul itu seolah-olah seluruh mereka sedang berhimpun di sebuah tanah lapang di dalam satu waktu, di mana perbezaan-perbezaan zaman dan tempat itu tidak diperhitungkan di hadapan hakikat kerasulan yang sama yang mengikatkan mereka:

يَٰٓأَيُّهَا ٱلرُّسُلُ كُلُوا۟ مِنَ ٱلطَّيِّبَٰتِ وَٱعْمَلُوا۟ صَٰلِحًا ۖ إِنِّى
بِمَا تَعْمَلُونَ عَلِيمٌ ﴿٥١﴾

وَإِنَّ هَٰذِهِۦٓ أُمَّتُكُمْ أُمَّةً وَٰحِدَةً وَأَنَا۠ رَبُّكُمْ فَٱتَّقُونِ ﴿٥٢﴾

"Wahai Para Rasul! Makanlah dari makanan-makanan yang baik dan kerjakanlah amalan yang soleh. Sesungguhnya Aku Maha Mengetahui segala perbuatan yang dilakukan kamu (51). Sesungguhnya umat kamu adalah satu umat yang sama dan Akulah Tuhan kamu. Oleh itu bertaqwalah kepada-Ku."(52)

Seruan Umum Kepada Para Rasul

Itulah seruan kepada para rasul supaya mereka melayani kehendak tabi'at kemanusiaan mereka yang diingkar dan dibantahkan oleh kaum mereka yang lalai:

كُلُوا۟ مِنَ ٱلطَّيِّبَٰتِ

"Makanlah dari makanan-makanan yang baik"(51)

kerana makan itu adalah dari keperluan-keperluan hidup seluruh manusia. Makan dengan memilih makanan-makanan yang baik itulah yang dapat mengangkatkan darjat manusia, membersihkan dirinya dan menyambungkannya dengan alam al-Mala'ul-'Ala.

Mereka juga diseru supaya menjalankan kegiatan yang baik di bumi ini:

وَٱعْمَلُوا۟ صَٰلِحًا

"Dan kerjakanlah amalan yang soleh"(51)

kerana kerja juga merupakan salah satu dari keperluan-keperluan hidup manusia, tetapi hanya kerja yang baik atau amalan yang soleh sahaja yang membezakan manusia-manusia yang baik dan terpilih. Oleh itu kerja yang baik itulah yang menjadi pengawal segala kegiatan kerja mereka, juga menjadi matlamat hidup mereka yang menghubungkan mereka dengan alam al-Mala'ul-'Ala.

Yang dituntut dari Rasul itu bukannya supaya ia membuang segala sifat-sifat kemanusiaannya, malah yang dituntut darinya ialah supaya ia membawa umat manusia ke mercunya yang mulia dan gemilang seperti yang dikehendaki Allah. Allah telah melantikkan para Anbia' selaku printis-printis yang mendaki mercu itu dan selaku contoh teladan kepada manusia. Allah akan menilaikan segala amalan mereka selepas itu dengan neraca pertimbangannya yang amat halus:

إِنِّى بِمَا تَعْمَلُونَ عَلِيمٌ ﴿٥١﴾

"Sesungguhnya Aku Maha Mengetahui segala perbuatan yang dilakukan kamu."(51)

Garis-garis zaman dan tempat itu hilang lenyap di hadapan persamaan hakikat da'wah yang dibawa para rasul, persamaan sifat yang membezakan mereka, persamaan Khaliq yang mengutuskan mereka dan persamaan tujuan yang dituju seluruh mereka:

وَإِنَّ هَٰذِهِۦٓ أُمَّتُكُمْ أُمَّةً وَٰحِدَةً وَأَنَا۠ رَبُّكُمْ فَٱتَّقُونِ ﴿٥٢﴾

"Sesungguhnya umat kamu adalah satu umat yang sama dan Akulah Tuhan kamu. Oleh itu bertaqwalah kepada-Ku."(52)

(Kumpulan ayat-ayat 53 - 98)

فَتَقَطَّعُوٓا۟ أَمْرَهُم بَيْنَهُمْ زُبُرًا ۖ كُلُّ حِزْبٍۭ بِمَا لَدَيْهِمْ
فَرِحُونَ ﴿٥٣﴾

فَذَرْهُمْ فِى غَمْرَتِهِمْ حَتَّىٰ حِينٍ ﴿٥٤﴾

أَيَحْسَبُونَ أَنَّمَا نُمِدُّهُم بِهِۦ مِن مَّالٍ وَبَنِينَ ﴿٥٥﴾

نُسَارِعُ لَهُمْ فِى ٱلْخَيْرَٰتِ ۚ بَل لَّا يَشْعُرُونَ ﴿٥٦﴾

إِنَّ ٱلَّذِينَ هُم مِّنْ خَشْيَةِ رَبِّهِم مُّشْفِقُونَ ﴿٥٧﴾

وَٱلَّذِينَ هُم بِـَٔايَٰتِ رَبِّهِمْ يُؤْمِنُونَ ﴿٥٨﴾

وَٱلَّذِينَ هُم بِرَبِّهِمْ لَا يُشْرِكُونَ ﴿٥٩﴾

وَٱلَّذِينَ يُؤْتُونَ مَآ ءَاتَوا۟ وَّقُلُوبُهُمْ وَجِلَةٌ أَنَّهُمْ إِلَىٰ رَبِّهِمْ
رَٰجِعُونَ ﴿٦٠﴾

أُو۟لَٰٓئِكَ يُسَٰرِعُونَ فِى ٱلْخَيْرَٰتِ وَهُمْ لَهَا سَٰبِقُونَ ﴿٦١﴾

وَلَا نُكَلِّفُ نَفْسًا إِلَّا وُسْعَهَا ۚ وَلَدَيْنَا كِتَٰبٌ يَنطِقُ

بِٱلۡحَقِّۚ وَهُمۡ لَا يُظۡلَمُونَ ﴿٦٢﴾
بَلۡ قُلُوبُهُمۡ فِي غَمۡرَةٖ مِّنۡ هَٰذَا وَلَهُمۡ أَعۡمَٰلٞ مِّن دُونِ
ذَٰلِكَ هُمۡ لَهَا عَٰمِلُونَ ﴿٦٣﴾
حَتَّىٰٓ إِذَآ أَخَذۡنَا مُتۡرَفِيهِم بِٱلۡعَذَابِ إِذَا هُمۡ يَجۡـَٔرُونَ ﴿٦٤﴾
لَا تَجۡـَٔرُواْ ٱلۡيَوۡمَۖ إِنَّكُم مِّنَّا لَا تُنصَرُونَ ﴿٦٥﴾
قَدۡ كَانَتۡ ءَايَٰتِي تُتۡلَىٰ عَلَيۡكُمۡ فَكُنتُمۡ عَلَىٰٓ أَعۡقَٰبِكُمۡ
تَنكِصُونَ ﴿٦٦﴾
مُسۡتَكۡبِرِينَ بِهِۦ سَٰمِرٗا تَهۡجُرُونَ ﴿٦٧﴾
أَمۡ لَمۡ يَعۡرِفُواْ رَسُولَهُمۡ فَهُمۡ لَهُۥ مُنكِرُونَ ﴿٦٩﴾
أَمۡ يَقُولُونَ بِهِۦ جِنَّةُۢۚ بَلۡ جَآءَهُم بِٱلۡحَقِّ وَأَكۡثَرُهُمۡ
لِلۡحَقِّ كَٰرِهُونَ ﴿٧٠﴾
وَلَوِ ٱتَّبَعَ ٱلۡحَقُّ أَهۡوَآءَهُمۡ لَفَسَدَتِ ٱلسَّمَٰوَٰتُ وَٱلۡأَرۡضُ
وَمَن فِيهِنَّۚ بَلۡ أَتَيۡنَٰهُم بِذِكۡرِهِمۡ فَهُمۡ عَن ذِكۡرِهِم
مُّعۡرِضُونَ ﴿٧١﴾
أَمۡ تَسۡـَٔلُهُمۡ خَرۡجٗا فَخَرَاجُ رَبِّكَ خَيۡرٞۖ وَهُوَ خَيۡرُ ٱلرَّٰزِقِينَ ﴿٧٢﴾
وَإِنَّكَ لَتَدۡعُوهُمۡ إِلَىٰ صِرَٰطٖ مُّسۡتَقِيمٖ ﴿٧٣﴾
وَإِنَّ ٱلَّذِينَ لَا يُؤۡمِنُونَ بِٱلۡأٓخِرَةِ عَنِ ٱلصِّرَٰطِ
لَنَٰكِبُونَ ﴿٧٤﴾
وَلَوۡ رَحِمۡنَٰهُمۡ وَكَشَفۡنَا مَا بِهِم مِّن ضُرّٖ لَّلَجُّواْ فِي
طُغۡيَٰنِهِمۡ يَعۡمَهُونَ ﴿٧٥﴾
وَلَقَدۡ أَخَذۡنَٰهُم بِٱلۡعَذَابِ فَمَا ٱسۡتَكَانُواْ لِرَبِّهِمۡ وَمَا
يَتَضَرَّعُونَ ﴿٧٦﴾
حَتَّىٰٓ إِذَا فَتَحۡنَا عَلَيۡهِم بَابٗا ذَا عَذَابٖ شَدِيدٍ إِذَا هُمۡ
فِيهِ مُبۡلِسُونَ ﴿٧٧﴾

وَهُوَ ٱلَّذِيٓ أَنشَأَ لَكُمُ ٱلسَّمۡعَ وَٱلۡأَبۡصَٰرَ وَٱلۡأَفۡـِٔدَةَۚ قَلِيلٗا
مَّا تَشۡكُرُونَ ﴿٧٨﴾
وَهُوَ ٱلَّذِي ذَرَأَكُمۡ فِي ٱلۡأَرۡضِ وَإِلَيۡهِ تُحۡشَرُونَ ﴿٧٩﴾
وَهُوَ ٱلَّذِي يُحۡيِۦ وَيُمِيتُ وَلَهُ ٱخۡتِلَٰفُ ٱلَّيۡلِ وَٱلنَّهَارِۚ
أَفَلَا تَعۡقِلُونَ ﴿٨٠﴾
بَلۡ قَالُواْ مِثۡلَ مَا قَالَ ٱلۡأَوَّلُونَ ﴿٨١﴾
قَالُوٓاْ أَءِذَا مِتۡنَا وَكُنَّا تُرَابٗا وَعِظَٰمًا أَءِنَّا
لَمَبۡعُوثُونَ ﴿٨٢﴾
لَقَدۡ وُعِدۡنَا نَحۡنُ وَءَابَآؤُنَا هَٰذَا مِن قَبۡلُ إِنۡ هَٰذَآ
إِلَّآ أَسَٰطِيرُ ٱلۡأَوَّلِينَ ﴿٨٣﴾
قُل لِّمَنِ ٱلۡأَرۡضُ وَمَن فِيهَآ إِن كُنتُمۡ تَعۡلَمُونَ ﴿٨٤﴾
سَيَقُولُونَ لِلَّهِۚ قُلۡ أَفَلَا تَذَكَّرُونَ ﴿٨٥﴾
قُلۡ مَن رَّبُّ ٱلسَّمَٰوَٰتِ ٱلسَّبۡعِ وَرَبُّ ٱلۡعَرۡشِ ٱلۡعَظِيمِ ﴿٨٦﴾
سَيَقُولُونَ لِلَّهِۚ قُلۡ أَفَلَا تَتَّقُونَ ﴿٨٧﴾
قُلۡ مَنۢ بِيَدِهِۦ مَلَكُوتُ كُلِّ شَيۡءٖ وَهُوَ يُجِيرُ وَلَا
يُجَارُ عَلَيۡهِ إِن كُنتُمۡ تَعۡلَمُونَ ﴿٨٨﴾
سَيَقُولُونَ لِلَّهِۚ قُلۡ فَأَنَّىٰ تُسۡحَرُونَ ﴿٨٩﴾
بَلۡ أَتَيۡنَٰهُم بِٱلۡحَقِّ وَإِنَّهُمۡ لَكَٰذِبُونَ ﴿٩٠﴾
مَا ٱتَّخَذَ ٱللَّهُ مِن وَلَدٖ وَمَا كَانَ مَعَهُۥ مِنۡ إِلَٰهٍۚ إِذٗا
لَّذَهَبَ كُلُّ إِلَٰهِۭ بِمَا خَلَقَ وَلَعَلَا بَعۡضُهُمۡ عَلَىٰ بَعۡضٖۚ
سُبۡحَٰنَ ٱللَّهِ عَمَّا يَصِفُونَ ﴿٩١﴾
عَٰلِمِ ٱلۡغَيۡبِ وَٱلشَّهَٰدَةِ فَتَعَٰلَىٰ عَمَّا يُشۡرِكُونَ ﴿٩٢﴾
قُل رَّبِّ إِمَّا تُرِيَنِّي مَا يُوعَدُونَ ﴿٩٣﴾
رَبِّ فَلَا تَجۡعَلۡنِي فِي ٱلۡقَوۡمِ ٱلظَّٰلِمِينَ ﴿٩٤﴾

وَإِنَّا عَلَىٰٓ أَن نُّرِيَكَ مَا نَعِدُهُمْ لَقَٰدِرُونَ ﴿٩٥﴾
ٱدْفَعْ بِٱلَّتِى هِىَ أَحْسَنُ ٱلسَّيِّئَةَ ۚ نَحْنُ أَعْلَمُ بِمَا
يَصِفُونَ ﴿٩٦﴾
وَقُل رَّبِّ أَعُوذُ بِكَ مِنْ هَمَزَٰتِ ٱلشَّيَٰطِينِ ﴿٩٧﴾
وَأَعُوذُ بِكَ رَبِّ أَن يَحْضُرُونِ ﴿٩٨﴾

"Kemudian mereka (pengikut-pengikut Rasul) mencaing-caingkan agama mereka di antara mereka hingga berpecah kepada berbagai-bagai puak. Setiap puak berbangga dengan pegangan yang ada pada mereka masing-masing (53). Tinggalkanlah mereka di dalam kesesatan mereka sehingga sampai ke suatu waktu (54). Apakah mereka fikir bahawa ni'mat harta dan anak-anak yang Kami hulurkan kepada mereka bererti bahawa....? (55) Kami memberi ni'mat-ni'mat kebaikan dengan segera kepada mereka? (Tidak begitu), tetapi mereka tidak sedar (56). Sesungguhnya orang-orang yang sentiasa berwaspada kerana takut kepada Tuhan mereka (57). Dan orang-orang yang beriman kepada ayat-ayat Tuhan mereka ·(58). Dan orang-orang yang tidak mempersekutukan Tuhan mereka (59). Dan mereka yang melakukan amalan-amalan yang telah dilakukan mereka sedangkan hati mereka merasa takut kerana (mengenangkan) mereka kelak akan kembali kepada Tuhan mereka (60). Merekalah orang-orang yang pantas melakukan kebaikan-kebaikan dan selain itu merekalah orang-orang yang mendahuluinya (61). Dan Kami tidak mentaklifkan seseorang itu melainkan sekadar kemampuannya, dan pada Kami terdapat sebuah buku rekod amalan yang menjelaskan segala-galanya dengan benar, dan selain itu mereka tidak akan dianiayai (62). Tetapi hati mereka berada di dalam kesesatan terhadap (kebenaran Al-Qur'an) ini dan selain itu mereka mempunyai amalan-amalan (yang buruk) yang sentiasa dilakukan mereka (63). Sehingga apabila Kami timpakan 'azab ke atas golongan yang hidup mewah tiba-tiba mereka berpekik-pekik meminta pertolongan (64). Janganlah kamu berpekik-pekik meminta pertolongan pada hari ini, kerana sesungguhnya kamu tidak akan ditolong dari (menerima 'azab) dari Kami (65). Sesungguhnya ayat-ayat Kami selalu dibacakan kepada kamu, tetapi kamu berpaling ke belakang (66). Kamu menunjukkan sikap yang angkuh terhadap Al-Qur'an dan mengeluarkan kata-kata yang memburuk-burukkannya ketika berbual-bual di waktu malam (67). Mengapakah mereka tidak pernah memikirkan isi kata-kata Al-Qur'an itu dengan teliti atau apakah yang telah datang kepada mereka merupakan sesuatu yang tidak pernah datang kepada nenek moyang mereka yang dahulu? (68) Atau apakah mereka tidak pernah mengenali Rasul mereka, maka kerana itu mereka mengingkarkannya? (69) Atau apakah mereka mengatakan dia berpenyakit gila? (Sebenarnya tidak begitu), malah dia telah membawa ajaran yang benar kepada mereka tetapi kebanyakan mereka bencikan ajaran yang benar (70). Seandainya kebenaran itu mengikut hawa nafsu mereka nescaya musnahlah langit dan bumi serta penghuni-penghuninya, bahkan Kami telah membawa Al-Qur'an yang mengangkatkan nama mereka, tetapi mereka berpaling dari Al-Qur'an yang mengangkatkan nama mereka (71). Atau apakah engkau meminta upah dari mereka? Sedangkan upah Tuhanmu itu lebih baik-lagi, dan Dia adalah sebaik-baik Pemberi rezeki (72). Dan sesungguhnya engkau menyeru mereka kepada jalan yang lurus (73). Dan sesungguhnya orang-orang yang tidak beriman kepada hari Akhirat itu adalah orang-orang yang menyimpang dari jalan yang lurus (74). Dan jika Kami memberi rahmat kepada mereka dan menghapuskan bala bencana yang dideritai mereka nescaya mereka akan terus juga terumbang-ambing di dalam kesesatan mereka (75). Dan sesungguhnya Kami pernah menimpakan 'azab ke atas mereka, tetapi mereka tidak juga tunduk kepada Tuhan mereka dan tidak pula berdo'a (kepada-Nya) dengan merendahkan diri (76). Sehingga apabila Kami bukakan ke atas mereka sebuah pintu 'azab yang amat dahsyat, tiba-tiba mereka terus menjadi bingung dan putus asa (77). Dan Dialah yang telah menciptakan untuk kamu pendengaran, penglihatan dan hati nurani, tetapi sedikit sekali kamu bersyukur (78). Dan Dialah yang telah mencipta dan mengembang-biakkan kamu di bumi dan kepada-Nya kelak kamu sekalian akan dikumpulkan (79). Dan Dialah yang menghidup dan yang mematikan dan Dialah yang mengaturkan pertukaran malam dan siang, mengapakah mereka tidak berfikir? (80) Malah mereka berkata sama seperti apa yang telah dikatakan oleh orang-orang yang dahulu (81). Mereka berkata: Jika kita telah mati dan menjadi tanah dan tulang-tulang yang reput, apakah kita akan dibangkitkan kembali? (82) Sesungguhnya kita dan datuk nenek kita dahulu telah pernah diancam dengan (kebangkitan semula) ini. Sebenarnya ini tidak lain melainkan hanya dongeng-dongeng orang-orang dahulukala sahaja (83). Katakanlah: Siapakah yang memiliki bumi dan sekalian penghuninya jika kamu mengetahui? (84) Mereka akan menjawab: Ia dimiliki Allah. Katakanlah: Mengapakah kamu tidak mengambil peringatan? (85) Katakanlah: Siapakah yang mempunyai langit yang tujuh dan mempunyai 'arasy yang agung? (86) Mereka akan menjawab: Ia dimiliki Allah. Mengapakah kamu tidak bertaqwa (kepada-Nya)? (87) Katakanlah: Siapakah yang memegang teraju kekuasaan di atas segala sesuatu, sedangkan Dialah sahaja yang memberi perlindungan dan tiada sesiapa pun yang dapat memberi perlindungan dari 'azab-Nya jika kamu mengetahui (88). Mereka akan menjawab: Ia dimiliki Allah. Katakanlah: Bagaimanakah kamu disihirkan (sedemikian rupa)? (89) Bahkah Kami telah membawa ajaran yang benar kepada mereka dan sesungguhnya mereka sentiasa berdusta (90). Allah sekali-kali tidak mempunyai sebarang anak dan tiada sekali-kali sebarang tuhan yang lain di samping-Nya (dan jika ada), tentulah tiap-tiap tuhan itu masing-masing membawa makhluk yang telah diciptakannya dan tentulah tuhan-tuhan itu akan (bergaduh) menewaskan satu sama lain. Maha Sucilah Allah dari segala pembohongan yang disifatkan mereka (91). Tuhan yang mengetahui segala yang ghaib dan segala yang nyata, maka Maha Sucilah Allah dari segala pembohongan yang dipersekutukan mereka (92). Katakanlah: Wahai Tuhanku! Jika Engkau hendak memperlihatkan kepadaku 'azab yang diancamkan kepada mereka... (93) Maka wahai Tuhanku! Janganlah engkau jadikanku termasuk dalam golongan kaum yang zalim itu (94). Dan sesungguhnya Kami amat berkuasa untuk memperlihatkan kepadamu 'azab yang Kami ancamkan kepada mereka (95). Tolakkanlah perbuatan yang buruk dengan perbuatan yang terbaik. Kami lebih mengetahui segala kata-kata yang mereka sifatkan (terhadapmu) (96). Dan katakanlah: Wahai Tuhanku! Aku pohon perlindungan pada-Mu dari bisikan-bisikan para syaitan (97). Dan aku berlindung pada-Mu wahai Tuhanku, dari mereka datang menggodaku."(98)

Pelajaran yang ketiga surah ini dimulakan dengan menggambarkan keadaan manusia selepas umat para

rasul, iaitu keadaan manusia ketika Rasul yang akhir datang kepada mereka, di mana beliau dapati mereka berpecah belah dan bertelingkah di sekitar hakikat agama yang sama yang dibawa oleh seluruh Rasul sebelum ini.

Pelajaran ini menggambarkan kelalaian mereka dari ajaran yang benar, yang dibawa oleh Muhammad Khatamul-Mursalin s.a.w., juga menggambarkan kesesatan yang menyebabkan mereka tidak menghiraukan akibat buruk dari keadaan mereka yang sesat itu. Sementara orang-orang yang beriman pula tetap beribadat kepada Allah dan mengerjakan amalan-amalan yang soleh, namun demikian mereka masih merasa takut kepada akibat yang buruk dan hati mereka sentiasa merasa cemas apabila mengenangkan bahawa mereka kelak akan pulang kepada Allah. Di sana gambaran sikap berwaspada dan berhati-hati bertemu di dalam jiwa orang yang beriman dan gambaran sikap yang sesat dan lalai bertemu di dalam jiwa orang yang kafir.

Kemudian pelajaran ini membawa kaum Musyrikin ke dalam berbagai-bagai pengembaraan, sekali ia mengancam sikap mereka, sekali ia menayangkan kekeliruan-kekeliruan mereka, sekali pula ia mencubit hati mereka dengan bukti-bukti iman yang terdapat pada kejadian diri mereka dan kejadian-kejadian di alam buana dan sekali pula ia menghadapi mereka dengan hakikat-hakikat yang diterima mereka dan menggunakannya sebagai hujjah untuk mengalahkan mereka.

Kemudian pengembaraan-pengembaraan ini berakhir dengan meninggalkan mereka kepada nasib kesudahan mereka yang telah ditetap Allah dan memerintah Rasulullah s.a.w. supaya meneruskan perjuangannya dan supaya jangan menyimpan perasaan marah terhadap sikap mereka yang degil, supaya beliau menolak perbuatan mereka yang jahat dengan perbuatan yang lebih baik dan supaya beliau berlindung pada Allah dari para syaitan yang memimpin mereka ke arah kesesatan yang amat nyata.

(Pentafsiran ayat-ayat 53 - 56)

فَتَقَطَّعُوٓا۟ أَمْرَهُم بَيْنَهُمْ زُبُرًا ۖ كُلُّ حِزْبٍۭ بِمَا لَدَيْهِمْ
فَرِحُونَ ﴿٥٣﴾

فَذَرْهُمْ فِى غَمْرَتِهِمْ حَتَّىٰ حِينٍ ﴿٥٤﴾

أَيَحْسَبُونَ أَنَّمَا نُمِدُّهُم بِهِۦ مِن مَّالٍ وَبَنِينَ ﴿٥٥﴾

نُسَارِعُ لَهُمْ فِى ٱلْخَيْرَٰتِ ۚ بَل لَّا يَشْعُرُونَ ﴿٥٦﴾

"Kemudian mereka (pengikut-pengikut Rasul) mencaing-caingkan agama mereka di antara mereka hingga berpecah kepada berbagai-bagai puak. Setiap puak berbangga dengan pegangan yang ada pada mereka masing-masing (53). Tinggalkanlah mereka di dalam kesesatan mereka sehingga sampai ke suatu waktu (54). Apakah mereka fikir bahawa ni'mat harta dan anak-anak yang Kami hulurkan kepada mereka bererti bahawa....? (55) Kami memberi ni'mat-ni'mat kebaikan dengan segera kepada mereka? (Tidak begitu), tetapi mereka tidak sedar."(56)

Para Rasul Salawatullahi 'alaihim telah berlalu sebagai satu umat yang membawa da'wah yang sama, ibadat yang sama dan haluan yang sama, tetapi manusia selepas mereka telah berpecah belah kepada berbagai-bagai puak yang bertentangan satu sama lain. Mereka tidak bertemu pada satu sistem hidup dan pada satu jalan.

Pengungkapan Al-Qur'an yang indah telah menggambarkan pertentangan dan perbalahan mereka dengan suatu gambaran yang jelas dan dahsyat, iaitu mereka berbalah dalam agama mereka sehingga mereka mencaing-caingkannya menjadi hancur berkecai dengan tangan mereka sendiri, kemudian setiap puak membawa haluan masing-masing dengan caing-caingan agama yang ada pada tangan mereka. Mereka membawa haluan masing-masing dengan perasaan penuh bangga tanpa memikir dan menghiraukan sesuatu apa. Mereka berlalu menuju haluan masing-masing dengan menutup segala pintu yang boleh memasukkan udara yang bebas dan cahaya yang terang. Dan semua puak terus hidup di dalam kesesatan dan dalam keadaan yang lalai dan terkongkong kepada kesesatan itu. Mereka hidup tersorok tidak ditembusi udara yang menyegar dan cahaya yang cerah.

Ketika Al-Qur'an melukiskan gambaran ini, ia memerintah Rasulullah s.a.w.:

فَذَرْهُمْ فِى غَمْرَتِهِمْ حَتَّىٰ حِينٍ ﴿٥٤﴾

"Tinggalkanlah mereka di dalam kesesatan mereka sehingga sampai ke suatu waktu."(54)

Yakni biarkanlah mereka hidup dalam kesesatan ini dengan keadaan yang lalai dan terkongkong sehingga mereka dikejutkan oleh kesudahan hidup mereka yang malang apabila tiba waktunya yang telah ditetapkan Allah:

Al-Qur'an mengecam dan mengejek sikap mereka yang lalai, kerana mereka menyangka bahawa tempoh hidup sebentar yang diberikan kepada mereka dan pengurniaan ni'mat harta benda dan anak pinak yang dianugerahkan kepada mereka adalah bertujuan untuk memberi kebajikan-kebajikan yang segera kepada mereka dan memberi keutamaan kepada mereka dalam pengagihan ni'mat dan limpah kurnia Allah.

أَيَحْسَبُونَ أَنَّمَا نُمِدُّهُم بِهِۦ مِن مَّالٍ وَبَنِينَ ﴿٥٥﴾

نُسَارِعُ لَهُمْ فِى ٱلْخَيْرَٰتِ ۚ بَل لَّا يَشْعُرُونَ ﴿٥٦﴾

"Apakah mereka fikir bahawa ni'mat harta dan anak-anak yang Kami hulurkan kepada mereka bererti bahawa......? (55) Kami memberi ni'mat-ni'mat kebaikan dengan segera kepada mereka?"(56)

Yang sebenarnya tidak begitu, malah itulah ujian dan dugaan Allah:

بَل لَّا يَشْعُرُونَ ٥٦

"Tetapi mereka tidak sedar."(56)

Mereka tidak sedar bahawa di sebalik pengurniaan ni'mat-ni'mat harta benda dan anak pinak terdapat kesudahan hidup yang hitam pekat dan malapetaka yang meliputi.

******

(Pentafsiran ayat-ayat 57 - 61)

Di samping gambaran kelalaian dan kesesatan pada hati orang-orang yang sesat itu, Al-Qur'an menunjukkan pula gambaran kesedaran dan sikap yang berwaspada pada hati orang-orang yang beriman:

إِنَّ الَّذِينَ هُم مِّنْ خَشْيَةِ رَبِّهِم مُّشْفِقُونَ ٥٧

وَالَّذِينَ هُم بِآيَاتِ رَبِّهِمْ يُؤْمِنُونَ ٥٨

وَالَّذِينَ هُم بِرَبِّهِمْ لَا يُشْرِكُونَ ٥٩

وَالَّذِينَ يُؤْتُونَ مَا آتَوا وَّقُلُوبُهُمْ وَجِلَةٌ أَنَّهُمْ إِلَىٰ رَبِّهِمْ رَاجِعُونَ ٦٠

أُولَٰئِكَ يُسَارِعُونَ فِي الْخَيْرَاتِ وَهُمْ لَهَا سَابِقُونَ ٦١

"Sesungguhnya orang-orang yang sentiasa berwaspada kerana takut kepada Tuhan mereka (57). Dan orang-orang yang beriman kepada ayat-ayat Tuhan mereka (58). Dan orang-orang yang tidak mempersekutukan Tuhan mereka (59). Dan mereka yang melakukan amalan-amalan yang telah dilakukan mereka sedangkan hati mereka merasa takut kerana (mengenangkan) mereka kelak akan kembali kepada Tuhan mereka (60). Merekalah orang-orang yang pantas melakukan kebaikan-kebaikan dan selain itu merekalah orang-orang yang mendahuluinya."(61)

Kesedaran, Kepekaan Dan Kewaspadaan Orang-orang Yang Beriman

Dari sinilah timbulnya kesan keimanan di dalam hati iaitu timbulnya perasaan yang peka, perasaan yang selalu bimbang dan cemas, perasaan yang selalu malu dan segan, perasaan berharap dan bercita-cita mendapat kesempurnaan dan perasaan yang sentiasa memperhitungkan akibat-akibat biarpun bagaimana mereka bersungguh-sungguh menunaikan kewajipan-kewajipan dan tugas-tugas mereka.

Orang-orang yang beriman itu sentiasa menaruh kebimbangan, ketakutan dan ketaqwaan kepada Allah. Mereka beriman kepada ayat-ayat-Nya dan tidak mempersekutukan-Nya. Mereka menyempurnakan tugas-tugas dan kewajipan-kewajipan mereka. Mereka mengerjakan keta'atan-keta'atan sedaya upaya mereka dan selepas itu mereka:

يُؤْتُونَ مَا آتَوا وَّقُلُوبُهُمْ وَجِلَةٌ أَنَّهُمْ إِلَىٰ رَبِّهِمْ رَاجِعُونَ ٦٠

"Mereka melakukan amalan-amalan yang telah dilakukan mereka sedangkan hati mereka merasa takut kerana (mengenangkan) mereka kelak akan kembali kepada Tuhan mereka"(60)

kerana mereka masih merasa taksir terhadap Allah setelah mereka mengorbankan segala usaha dan daya upaya mereka, namun pada pandangan mereka usaha-usaha itu masih sangat sedikit.

Daripada Aisyah r.a., dia bertanya: "Wahai Rasulullah, adakah (maksud ayat-ayat) 'Orang-orang yang melakukan amalan-amalan yang telah dilakukan mereka sedangkan hati merasa takut (kepada-Nya) itu' ialah orang yang mencuri, berzina dan minum arak dan kerana itu ia merasa takut kepada Allah 'Azzawajalla? Jawab beliau: "Tidak begitu! Wahai puteri Abu Bakr as-Siddiq! Tetapi itulah orang yang sembahyang, berpuasa dan bersedekah tetapi ia masih merasa takut kepada Allah 'Azzawajalla" (Hadith ini dikeluarkan oleh at-Tarmizi).

Hati seorang yang beriman itu sentiasa merasa terhutang-budi kepada Allah, kerana ia dapat merasakan ni'mat-ni'mat-Nya pada setiap sedutan nafas dan pada setiap denyutan nadi. Justeru itu ia merasa segala amal ibadatnya sangat kecil dan segala keta'atannya sangat sedikit dibandingkan dengan ni'mat-ni'mat dan limpah kurnia Allah kepadanya. Begitu juga dia merasa dengan setiap zarah dalam jasadnya kebesaran dan keagungan Allah, dan dia melihat dengan segala perasaannya kewujudan tangan qudrat Ilahi pada segala sesuatu yang ada di sekelilingnya. Oleh kerana itu dia merasa gentar dan takut menemui Allah, mengenangkan dia masih taksir terhadap hak-hak Allah yang wajib di atasnya, dia merasa belum lagi menunaikan amal ibadat dan keta'atannya kepada Allah dengan sempurna dan belum lagi membalas ni'mat-ni'mat-Nya dengan mengenal Allah dan bersyukur kepada-Nya.

Merekalah orang-orang yang bergerak pantas mengerjakan amalan-amalan kebajikan, dan selain itu merekalah golongan perintis yang mengerjakan amalan-amalan kebajikan dan mencapai pahalanya dengan kesedaran, harapan, amalan dan keta'atan itu, bukannya seperti orang-orang yang hidup lalai dalam kesesatan sedangkan mereka menyangka bahawa merekalah golongan orang-orang yang dikehendaki Allah untuk dikurniakan ni'mat dan kebajikan. Mereka tak ubah seperti binatang buruan yang ditarik perlahan-lahan kepada perangkap kebinasaannya dengan umpan-umpan yang menggiurkan. Burung-burung buruan seperti ini amat banyak terdapat dalam kalangan manusia; mereka hidup dalam kemewahan, mereka leka di dalam keni'matan dan kesenangan, mereka ditenggelamkan harta kekayaan dan dilalaikan perasaan takbur dan

sombong sehingga mereka menemui kesudahan hidup yang malang.

******

(Pentafsiran ayat-ayat 62 - 67)

Kesedaran yang seperti itu, yang diterapkan Islam di dalam hati seseorang Muslim dan yang dirangsangkan keimanan sebaik sahaja ia terpacak di dalam hatinya itu bukanlah suatu perkara yang di luar kemampuan manusia atau suatu taklif yang di luar daya kuasa mereka, malah kesedaran itu merupakan suatu kepekaan yang terbit dari keinsafan mengakui kewujudan Allah dan berhubung rapat dengan-Nya serta bermuraqabah dengan-Nya dalam keadaan sulit atau nyata. Kesedaran ini berada di dalam batas-batas daya kuasa manusia apabila cahaya iman yang gemilang itu memancar di dalam hati mereka:

وَلَا نُكَلِّفُ نَفْسًا إِلَّا وُسْعَهَا ۖ وَلَدَيْنَا كِتَٰبٌ يَنطِقُ
بِٱلْحَقِّ ۚ وَهُمْ لَا يُظْلَمُونَ ﴿٦٢﴾

"Dan Kami tidak mentaklifkan seseorang itu melainkan sekadar kemampuannya dan pada Kami terdapat sebuah buku rekod amalan yang menjelaskan segala-galanya dengan benar dan selain itu mereka tidak akan dianiayai."(62)

Segala Kewajipan Ditetapan Allah Mengikut Batas Keupayaan Manusia

Allah telah menetapkan taklif-taklif itu sesuai dengan apa yang diketahui-Nya tentang diri manusia dan dia juga menentapkan balasan-balasan mengikut amalan-amalan yang dikerjakan mereka dalam lingkungan daya kuasa mereka. Allah tidak menzalimi mereka dengan mengenakan taklif-taklif yang tidak kuasa dikerjakan mereka dan dia juga tidak mengurangkan sedikit pun ganjaran terhadap amalan-amalan yang dilakukan mereka. Dan segala amalan mereka adalah dicatatkan di dalam sebuah buku rekod amalan:

يَنطِقُ بِٱلْحَقِّ ۚ

"Yang menjelaskan segala-galanya dengan benar"(62)

dan menyatakannya dengan jelas tanpa kurang sedikit pun. Dan Allah itulah sebaik-baik jurukira.

Punca manusia menjadi lalai ialah kerana hati mereka sesat dari ajaran yang benar. Hati mereka tidak pernah disentuh nur kebenaran yang menyegarkan kerana mereka tidak menghiraukannya dan kerana mereka menempuh jalan yang sesat dengan terburu-buru sehingga mereka sedar setelah berlakunya malapetaka 'azab, di mana mereka menerima keseksaan yang amat pedih di samping celaan dan penghinaan:

بَلْ قُلُوبُهُمْ فِى غَمْرَةٍ مِّنْ هَٰذَا وَلَهُمْ أَعْمَٰلٌ مِّن دُونِ
ذَٰلِكَ هُمْ لَهَا عَٰمِلُونَ ﴿٦٣﴾

حَتَّىٰٓ إِذَآ أَخَذْنَا مُتْرَفِيهِم بِٱلْعَذَابِ إِذَا هُمْ يَجْـَٔرُونَ ﴿٦٤﴾
لَا تَجْـَٔرُوا۟ ٱلْيَوْمَ ۖ إِنَّكُم مِّنَّا لَا تُنصَرُونَ ﴿٦٥﴾
قَدْ كَانَتْ ءَايَٰتِى تُتْلَىٰ عَلَيْكُمْ فَكُنتُمْ عَلَىٰٓ أَعْقَٰبِكُمْ
تَنكِصُونَ ﴿٦٦﴾
مُسْتَكْبِرِينَ بِهِۦ سَٰمِرًا تَهْجُرُونَ ﴿٦٧﴾

"Tetapi hati mereka berada di dalam kesesatan terhadap (kebenaran Al-Qur'an) ini dan selain itu mereka mempunyai amalan-amalan (yang buruk), yang sentiasa dilakukan mereka (63). Sehingga apabila Kami timpakan 'azab ke atas golongan yang hidup mewah tiba-tiba mereka berpekik-pekik meminta pertolongan (64). Janganlah kamu berpekik-pekik meminta pertolongan pada hari ini kerana sesungguhnya kamu tidak akan ditolong dari (menerima 'azab) dari Kami (65). Sesungguhnya ayat-ayat Kami selalu dibacakan kepada kamu, tetapi kamu berpaling ke belakang (66). Kamu menunjukkan sikap yang Angkuh terhadap Al-Qur'an dan mengeluarkan kata-kata yang memburuk-burukkannya ketika berbual-bual di waktu malam."(67)

Sebab mereka terburu-buru mengikut jalan yang sesat bukanlah kerana mereka telah dibebankan dengan taklif-taklif yang di luar keupayaan mereka, malah kerana hati mereka berada di dalam kesesatan yang tidak membolehkan mereka melihat kebenaran yang dibawa oleh Al-Qur'an, dan selain itu mereka terburu-buru mengikut sistem hidup yang lain dari sistem hidup yang dibawa oleh Al-Qur'an:

وَلَهُمْ أَعْمَٰلٌ مِّن دُونِ ذَٰلِكَ هُمْ لَهَا عَٰمِلُونَ ﴿٦٣﴾

"Dan selain itu mereka mempunyai amalan-amalan (yang buruk) yang sentiasa dilakukan mereka."(63)

Kemudian Al-Qur'an melukiskan gambaran kesedaran mereka apabila ditimpa malapetaka 'azab yang berlaku secara mendadak:

حَتَّىٰٓ إِذَآ أَخَذْنَا مُتْرَفِيهِم بِٱلْعَذَابِ إِذَا هُمْ يَجْـَٔرُونَ ﴿٦٤﴾

"Sehingga apabila Kami timpakan 'azab ke atas golongan yang hidup mewah tiba-tiba mereka berpekik-pekik meminta pertolongan."(64)

Golongan orang-orang yang hidup mewah itu merupakan golongan manusia yang paling asyik di dalam kesenangan dan keni'matan hidup, leka di dalam kesesatan dan penyelewengan dan lalai dari memikirkan kesudahan hidup mereka. Kini mereka sedang ditimpa malapetaka 'azab yang dahsyat, yang tiba-tiba menyeksa mereka dengan begitu teruk hingga menyebabkan mereka melolong-lolong dan menjerit-jerit meminta pertolongan dan kasihan belas. Itulah balasan kemewahan, kelalaian, kesombongan dan keangkuhan. Kemudian kini mereka menerima tempelakan dan kecaman:

لَا تَجْـَٔرُوا۟ ٱلْيَوْمَ ۖ إِنَّكُم مِّنَّا لَا تُنصَرُونَ ﴿٦٥﴾

"Janganlah kamu berpekik-pekik meminta pertolongan pada hari ini, kerana sesungguhnya kamu tidak akan ditolong dari (menerima 'azab) dari Kami."(65)

Kini satu pemandangan ditayangkan, di mana mereka menerima tempelakan, kecaman dan pernyataan yang menghancurkan segala harapan untuk mendapat pertolongan, juga menerima peringatan yang mengingatkan keadaan mereka sewaktu mereka leka di dalam kesesatan dan kelalaian:

قَدْ كَانَتْ ءَايَٰتِى تُتْلَىٰ عَلَيْكُمْ فَكُنتُمْ عَلَىٰٓ أَعْقَٰبِكُمْ
تَنكِصُونَ ﴿٦٦﴾

"Sesungguhnya ayat-ayat Kami selalu dibacakan kepada kamu, tetapi kamu berpaling ke belakang."(66)

Iaitu kamu berpaling mengundurkan diri seolah-olah ayat-ayat Al-Qur'an yang dibacakan kepada kamu itu merupakan suatu bahaya yang sama dengan bahaya yang ditakuti kamu atau merupakan sesuatu yang tidak digemari dan mahu dijauhi kamu dan kamu menunjukkan sikap yang angkuh dan enggan mengakui kebenaran Al-Qur'an, kemudian kamu tambahkan lagi dengan mengeluarkan kata-kata yang keji dan hina di dalam perbualan-perbualan kamu di waktu malam, di mana kamu mengeji Rasulullah s.a.w. dan Al-Qur'an yang dibawa olehnya dengan kata-kata yang buruk.

Sudah menjadi kebiasaan mereka melepaskan lidah mereka yang lancang melemparkan kata-kata yang keji di dalam majlis-majlis perhimpunan mereka ketika duduk di sekeliling berhala-berhala di Ka'bah kerana berbual-bual di waktu malam. Di sini Al-Qur'an menggambarkan pemandangan mereka sedang ditimpa 'azab pada hari Qiamat kerana kesesatan mereka dan mereka berpekik-pekik meminta pertolongan. Ia menyebut kata-kata mereka yang keji yang dihamburkan mereka di dalam perbualan-perbualan mereka di waktu malam seolah-olah peristiwa itu sedang berlaku di sa'at ini yang dapat disaksi dan dihayati mereka. Itulah cara gaya Al-Qur'an dalam melukiskan pemandangan-pemandangan Qiamat seolah benar-benar berlaku di hadapan mereka.[7]

Kaum Musyrikin yang menyerang Rasulullah s.a.w. dan Al-Qur'an di tempat-tempat perhimpunan mereka dan di dalam perbualan-perbualan mereka di waktu malam telah memperlihatkan sifat keangkuhan yang jahil, yang tidak memahami nilai kebenaran kerana mata hati mereka buta dan padam cahayanya. Oleh kerana itulah mereka jadikan kebenaran itu sebagai bahan sindiran, ejekan dan tuduhan mereka. Orang-orang yang seperti mereka memang wujud di setiap zaman, kerana jahiliyah Arab itu tidak lain melainkan hanya suatu contoh sahaja dari berbagai-bagai bentuk jahiliyah yang telah berlalu di dalam zaman yang silam dan masih wujud di zaman sekarang dan akan terus wujud di masa-masa mendatang.

******

(Pentafsiran ayat-ayat 68 - 74)

Kemudian Al-Qur'an memindahkan mereka dari pemandangan di Akhirat - di mana mereka dikecam dan dicela - pulang semula ke alam dunia untuk disoal dan dinyatakan kepada mereka betapa pelik dan anehnya sikap yang telah diambil mereka... Apakah sebab yang menghalangkan mereka dari beriman kepada Al-Qur'an yang dibawa oleh Rasul mereka yang jujur itu? Apakah kekeliruan-kekeliruan yang masih berkecamuk di dalam dada mereka sehingga menghalang mereka dari menerima hidayat? Apakah alasan mereka menolak Al-Qur'an dan melemparkan kata-kata yang keji terhadapnya di dalam perbualan-perbualan mereka di waktu malam, sedangkan Al-Qur'an merupakan kebenaran yang tulen dan jalan yang lurus?

أَفَلَمْ يَدَّبَّرُوا۟ ٱلْقَوْلَ أَمْ جَآءَهُم مَّا لَمْ يَأْتِ ءَابَآءَهُمُ
ٱلْأَوَّلِينَ ﴿٦٨﴾
أَمْ لَمْ يَعْرِفُوا۟ رَسُولَهُمْ فَهُمْ لَهُۥ مُنكِرُونَ ﴿٦٩﴾
أَمْ يَقُولُونَ بِهِۦ جِنَّةٌۢ ۚ بَلْ جَآءَهُم بِٱلْحَقِّ وَأَكْثَرُهُمْ
لِلْحَقِّ كَٰرِهُونَ ﴿٧٠﴾
وَلَوِ ٱتَّبَعَ ٱلْحَقُّ أَهْوَآءَهُمْ لَفَسَدَتِ ٱلسَّمَٰوَٰتُ وَٱلْأَرْضُ
وَمَن فِيهِنَّ ۚ بَلْ أَتَيْنَٰهُم بِذِكْرِهِمْ فَهُمْ عَن ذِكْرِهِم
مُّعْرِضُونَ ﴿٧١﴾
أَمْ تَسْـَٔلُهُمْ خَرْجًا فَخَرَاجُ رَبِّكَ خَيْرٌ ۖ وَهُوَ خَيْرُ ٱلرَّٰزِقِينَ ﴿٧٢﴾
وَإِنَّكَ لَتَدْعُوهُمْ إِلَىٰ صِرَٰطٍ مُّسْتَقِيمٍ ﴿٧٣﴾
وَإِنَّ ٱلَّذِينَ لَا يُؤْمِنُونَ بِٱلْءَاخِرَةِ عَنِ ٱلصِّرَٰطِ
لَنَٰكِبُونَ ﴿٧٤﴾

"Mengapakah mereka tidak pernah memikirkan isi kata-kata Al-Qur'an itu dengan teliti atau apakah yang telah datang kepada mereka merupakan sesuatu yang tidak pernah datang kepada nenek moyang mereka yang dahulu? (68) Atau apakah mereka tidak pernah mengenali Rasul mereka,

---

[7] *Lihat bab* "التصوير الفني" *di dalam* "التصوير الفني في القرآن"

maka kerana itu mereka mengingkarkannya? (69) Atau apakah mereka mengatakan dia berpenyakit gila? (Sebenarnya tidak begitu), malah dia telah membawa ajaran yang benar kepada mereka tetapi kebanyakan mereka bencikan ajaran yang benar (70). Seandainya kebenaran itu mengikut hawa nafsu mereka nescaya musnahlah langit dan bumi serta penghuni-penghuninya, bahkan Kami telah membawa Al-Qur'an yang mengangkatkan nama mereka, tetapi mereka berpaling dari Al-Qur'an yang mengangkatkan nama mereka (71). Atau apakah engkau meminta upah dari mereka? Sedangkan upah Tuhanmu itu lebih baik lagi dan Dia adalah sebaik-baik Pemberi rezeki (72). Dan sesungguhnya engkau menyeru mereka kepada jalan yang lurus (73). Dan sesungguhnya orang-orang yang tidak beriman kepada hari Akhirat itu adalah orang-orang yang menyimpang dari jalan yang lurus."(74)

Penentang-penentang Islam Diseru Mengkaji Isi Kandungan Al-Qur'an

Sesiapa sahaja yang memikirkan isi kandungan Al-Qur'an yang dibawa oleh Nabi Muhammad s.a.w. itu dengan teliti tidak mungkin berpaling darinya, kerana susunan dan gubahannya begitu indah, begitu sempurna dan lengkap, begitu serasi dan menarik dan begitu sesuai dengan fitrah manusia. Ia mengandungi saranan-saranan yang merangsangkan kesedaran manusia dan mengandungi makanan-makanan kepada hati, bekalan-bekalan untuk fikiran, arah-arah tujuan yang agung, peraturan-peraturan yang lurus dan perundangan-perundangan yang kukuh. Ia mengandungi segala sesuatu yang dapat menggerakkan unsur-unsur fitrah serta memberi makanan dan memenuhi kehendak-kehendaknya. Mengapakah mereka tidak memikirkan isi kandungan Al-Qur'an dengan teliti? Inikah rahsianya mengapa mereka menolak Al-Qur'an? Iaitu mereka menolak Al-Qur'an kerana mereka tidak pernah memikirkan isi kandungannya dengan teliti.

أَفَلَمْ يَدَّبَّرُوا۟ ٱلْقَوْلَ أَمْ جَآءَهُم مَّا لَمْ يَأْتِ ءَابَآءَهُمُ ٱلْأَوَّلِينَ ﴿٦٨﴾

"Mengapakah mereka tidak pernah memikirkan isi kata-kata Al-Qur'an itu dengan teliti atau apakah yang telah datang kepada mereka merupakan sesuatu yang tidak pernah datang kepada nenek moyang mereka yang dahulu?"(68)

Kebangkitan Rasul Bukan Perkara Baru Dalam Sejarah

sehingga kedatangan Rasul dan kalimat tauhid menjadi perkara baru yang belum pernah diketahui mereka dan datuk nenek mereka, sedangkan seluruh sejarah kerasulan menjelaskan bahawa para rasul itu dibangkitkan berturut-turut kepada kaum mereka dan seluruh mereka membawa da'wah yang sama seperti yang dibawa Rasul mereka (Muhammad s.a.w.) ini:

أَمْ لَمْ يَعْرِفُوا۟ رَسُولَهُمْ فَهُمْ لَهُۥ مُنكِرُونَ ﴿٦٩﴾

"Atau apakah mereka tidak pernah mengenali Rasul mereka, maka kerana itu mereka mengingkarkannya?"(68)

Dan inilah rahsia mereka menolak dan mendustakan Rasul itu, tetapi mereka sebenarnya telah mengenali Rasul mereka dengan sepenuh pengenalan. Mereka tahu peribadinya dan tahu salsilah keturunannya. Mereka tahu sifat-sifatnya lebih banyak dari mana-mana sifat seorang yang lain. Mereka tahu beliau bercakap benar dan selain itu mereka tahu sifatnya yang jujur dan amanah sehingga mereka pernah menggelarkannya dengan gelaran "al-Amin" sebelum beliau dibangkit menjadi Rasul.

أَمْ يَقُولُونَ بِهِۦ جِنَّةٌ

"Atau apakah mereka mengatakan dia berpenyakit gila?"(70)

sebagaimana dikatakan oleh setengah-setengah orang dari samseng-samseng mereka yang bodoh, sedangkan pada hakikatnya mereka yakin bahawa beliau adalah seorang yang mempunyai akal yang amat sempurna, yang tidak pernah diketahui melakukan sesuatu penyelewengan di sepanjang sejarah hidupnya.

Sebab Sebenar Mereka Bencikan Islam

Tiada satu pun dari keraguan-keraguan itu mempunyai asasnya, malah sebab yang sebenar ialah kebanyakan mereka bencikan ajaran Islam yang benar kerana ajarannya menghapuskan nilai-nilai yang karut yang menjadi asas kehidupan mereka dan menentang kehendak-kehendak hawa nafsu mereka yang bertunjang dalam jiwa mereka dan menjadi kebanggaan hidup mereka:

بَلْ جَآءَهُم بِٱلْحَقِّ وَأَكْثَرُهُمْ لِلْحَقِّ كَٰرِهُونَ ﴿٧٠﴾

"(Sebenarnya tidak begitu), malah dia telah membawa ajaran yang benar kepada mereka tetapi kebanyakan mereka bencikan ajaran yang benar."(70)

Kebenaran itu tidak mungkin berjalan seiringan dengan hawa nafsu manusia. Kebenaran itulah yang menjadi tapak asas ditegakkan langit dan bumi dan dengan kebenaran juga tegaknya undang-undang alam buana dan berjalannya seluruh peraturan di alam ini termasuk peraturan segala isi alam dan penghuninya:

وَلَوِ ٱتَّبَعَ ٱلْحَقُّ أَهْوَآءَهُمْ لَفَسَدَتِ ٱلسَّمَٰوَٰتُ وَٱلْأَرْضُ وَمَن فِيهِنَّ

"Seandainya kebenaran itu mengikut hawa nafsu mereka nescaya musnahlah langit dan bumi serta penghuni-penghuninya."(71)

Alam Buana Dicipta Dan Ditadbirkan Dengan Lunas Kebenaran

Kebenaran itu hanya satu dan tetap teguh, sedangkan hawa nafsu itu banyak ragamnya dan berubah-ubah. Dengan lunas kebenaran yang satu inilah Allah mentadbirkan seluruh alam buana, di mana undang-undang alam tidak pernah menyeleweng kerana menurut suatu keinginan nafsu

yang mendadak dan tidak pernah mungkir kerana menurut suatu kegemaran yang tiba-tiba. Andainya alam buana tunduk kepada keinginan-keinginan hawa nafsu dan kegemaran-kegemaran yang mendadak nescaya seluruh alam buana ini musnah, seluruh manusia juga musnah, seluruh nilai-nilai dan peraturan-peraturan menjadi rosak dan seluruh neraca dan piawaian menjadi kacau-bilau. Seluruhnya akan terumbang-ambing di antara perasaan-perasaan marah dan suka, kasih dan benci, gemar dan takut, cergas dan malas dan sebagainya dari berbagai-bagai keinginan hawa nafsu, perasaan-perasaan, dan emosi-emosi yang berubah-ubah, sedangkan pembangunan alam fizikal dan matlamat tujuannya adalah memerlukan kepada kemantapan, keteguhan, kestabilan dan berjalan terus di atas satu tapak asas yang kukuh dan satu peraturan tetap yang tidak mungkir, tidak terumbang-ambing dan tidak menyeleweng.

Tuhan Yang Mengatur Undang-undang Kehidupan Manusia Ialah Tuhan Yang Mengatur Undang-undang Alam

Berdasarkan tapak asas yang agung dalam pembinaan dan pentadbiran alam buana inilah Islam menjadikan undang-undang hidup manusia sebagai sebahagian dari undang-undang alam buana yang dikendalikan Allah yang mentadbir dan menyelaraskan segala bahagiannya, di mana makhluk manusia merupakan sebahagian dari alam buana dan tunduk kepada undang-undangnya yang am. Oleh sebab itu amatlah wajar undang-undang hidup manusia ini diaturkan Allah yang mengaturkan undang-undang alam buana ini dan mentadbirkannya dengan keselarasan yang mengkagumkan. Dengan cara ini peraturan hidup manusia tidak tunduk kepada kehendak-kehendak keinginan nafsu mereka yang akan menimbulkan kerosakan dan kekacauan:

وَلَوِ ٱتَّبَعَ ٱلْحَقُّ أَهْوَآءَهُمْ لَفَسَدَتِ ٱلسَّمَٰوَٰتُ وَٱلْأَرْضُ وَمَن فِيهِنَّ

"Seandainya kebenaran itu mengikut hawa nafsu mereka nescaya musnahlah langit dan bumi serta penghuni-penghuninya."(71)

Malah kebenaran itu hanya mengikut kebenaran yang kulli dan mengikut tadbir Allah Yang Maha Pentadbir.

Umat yang menerima agama Islam inilah merupakan umat yang paling wajar mengikut kebenaran yang diperjuangkan Islam. Di samping agama Islam merupakan agama yang benar, ia juga merupakan kemuliaan dan nama baik mereka, kerana tanpa agama Islam mereka tidak akan mempunyai nama yang harum di seluruh alam:

Al-Qur'an Telah Mengangkat Nama Umat Arab

بَلْ أَتَيْنَٰهُم بِذِكْرِهِمْ فَهُمْ عَن ذِكْرِهِم مُّعْرِضُونَ ﴿٧١﴾

"Bahkan Kami telah membawa Al-Qur'an yang mengangkatkan nama mereka, tetapi mereka berpaling dari Al-Qur'an yang mengangkatkan nama mereka."(71)

Umat Arab tidak pernah menempa nama yang harum di dalam sejarah dunia sehingga mereka menerima agama Islam, kemudian nama mereka bergema, di telinga generasi-generasi umat manusia selama mereka berpegang kukuh dengan agama itu, kemudian gema nama mereka semakin merendah apabila mereka mula membelakangkan Islam. Kini mereka tidak lagi dikira dalam barisan negara-negara yang disegani di dunia dan selain itu mereka tidak akan mempunyai nama yang harum lagi melainkan pada hari mereka pulang kembali kepada namanya yang agung (Islam).

Selepas selingan ini, yang dikemukakan untuk menentang dakwaan mereka yang bukan-bukan terhadap kebenaran yang datang kepada mereka dan untuk menentang tindakan mereka yang menolak dan menuduh kebenaran itu, maka Al-Qur'an kembali mengecam sikap mereka dan memperdebatkan kekeliruan-kekeliruan yang mungkin menghalangkan mereka dari menerima ajaran yang benar yang dibawa oleh rasul mereka yang jujur dan amanah itu:

أَمْ تَسْـَٔلُهُمْ خَرْجًا

"Atau apakah engkau meminta upah dari mereka?"(72)

Rasul Tidak Mengharapkan Upah Dari Manusia

Yakni apakah mereka lari dari tuntutan engkau yang meminta upah kerana mengajar dan memberi hidayat kepada mereka? Sedangkan engkau tidak pernah meminta sebarang bayaran dari mereka, kerana ganjaran yang tersimpan di sisi Allah itu lebih baik dari ganjaran-ganjaran yang ada pada mereka:

فَخَرَاجُ رَبِّكَ خَيْرٌ ۖ وَهُوَ خَيْرُ ٱلرَّٰزِقِينَ ﴿٧٢﴾

"Sedangkan upah Tuhanmu itu lebih baik lagi dan Dia adalah sebaik-baik Pemberi rezeki."(72)

Apakah yang diharap-harapkan seorang nabi dari manusia yang lemah, miskin dan sentiasa tidak berkecukupan itu, sedangkan dia sendiri berhubung secara langsung dengan sumber limpah kurnia Ilahi yang tidak pernah kurang dan kering, malah apakah yang diangan-angankan para pengikut nabi untuk mendapat harta kekayaan dunia ini, sedangkan mereka meletakkan seluruh mata dan hati mereka pada ganjaran-ganjaran yang tersimpan di sisi Allah yang mengurniakan segala rezeki sama ada banyak atau sedikit? Sebenarnya pada hari hati seorang itu dapat berhubung dengan Allah, maka seluruh alam buana dengan segala isi dan penghuninya akan kelihatan begitu kecil pada pandangannya.

Sebenarnya apa yang dicarikan engkau ialah usaha untuk menunjuk mereka ke jalan yang lurus:

وَإِنَّكَ لَتَدْعُوهُمْ إِلَىٰ صِرَٰطٍ مُّسْتَقِيمٍ ﴿٧٣﴾

"Dan sesungguhnya engkau menyeru mereka kepada jalan yang lurus."(73)

Iaitu jalan lurus yang dapat menghubungkan mereka dengan undang-undang alam yang memerintah fitrah mereka dan menghubungkan mereka dengan seluruh alam al-wujud dan memimpin mereka ke dalam angkatan kafilah alam al-wujud menuju kepada Allah dengan jujur dan tanpa menyeleweng.

Sebenarnya mereka - sama dengan orang-orang yang tidak percaya kepada hari Akhirat - adalah manusia-manusia yang menyimpang dan sesat dari jalan yang betul:

وَإِنَّ ٱلَّذِينَ لَا يُؤْمِنُونَ بِٱلْءَاخِرَةِ عَنِ ٱلصِّرَٰطِ
لَنَٰكِبُونَ ﴿٧٤﴾

"Dan sesungguhnya orang-orang yang tidak beriman kepada hari Akhirat itu adalah orang-orang yang menyimpang dari jalan yang lurus."(74)

Andainya mereka mendapat hidayat tentulah mereka dapat memikirkan dengan hati dan akal mereka peringkat-peringkat perkembangan kejadian manusia yang akan membawa mereka kepada keimanan kepada hari Akhirat, iaitu sebuah alam yang membolehkan manusia mencapai darjat kesempurnaan dan sebuah alam yang dapat mewujudkan keadilan yang ditetapkan Allah, kerana alam Akhirat itu merupakan satu babak dari babak-babak undang-undang yang sempurna yang dikehendaki Allah dalam mentadbirkan alam al-wujud ini.

******

(Pentafsiran ayat-ayat 75 - 77)

Kedegilan Orang Yang Tidak Beriman Pada Hari Qiamat

Orang-orang yang tidak beriman kepada hari Akhirat dan menyeleweng dari jalan yang betul itu tidak lagi berguna diuji dengan ni'mat atau diuji dengan malapetaka, kerana andainya mereka dikurniakan ni'mat nescaya mereka akan berfikir:

أَنَّمَا نُمِدُّهُم بِهِۦ مِن مَّالٍ وَبَنِينَ ﴿٥٥﴾
نُسَارِعُ لَهُمْ فِى ٱلْخَيْرَٰتِ ۚ بَل لَّا يَشْعُرُونَ ﴿٥٦﴾

"Dan ni'mat harta dan anak-anak yang Kami hulurkan kepada mereka bererti bahawa Kami memberi ni'mat-ni'mat kebaikan dengan segera kepada mereka?"(55-56)

Dan andainya mereka ditimpa malapetaka, maka hati mereka tidak juga lembut dan dhamir mereka tidak juga insaf dan sedar, dan seterusnya mereka tidak akan kembali kepada Allah untuk memohon agar diangkatkan malapetaka itu dari mereka. Mereka akan tetap dalam keadaan itu sehingga mereka dilanda 'azab yang amat dahsyat pada hari Qiamat, di mana mereka menjadi bingung dan putus asa.

وَلَوْ رَحِمْنَٰهُمْ وَكَشَفْنَا مَا بِهِم مِّن ضُرٍّ لَّلَجُّوا۟ فِى
طُغْيَٰنِهِمْ يَعْمَهُونَ ﴿٧٥﴾
وَلَقَدْ أَخَذْنَٰهُم بِٱلْعَذَابِ فَمَا ٱسْتَكَانُوا۟ لِرَبِّهِمْ وَمَا
يَتَضَرَّعُونَ ﴿٧٦﴾
حَتَّىٰٓ إِذَا فَتَحْنَا عَلَيْهِم بَابًا ذَا عَذَابٍ شَدِيدٍ إِذَا هُمْ
فِيهِ مُبْلِسُونَ ﴿٧٧﴾

"Dan jika Kami memberi rahmat kepada mereka dan menghapuskan bala bencana yang dideritai mereka nescaya mereka akan terus juga terumbang-ambing di dalam kesesatan mereka (75). Dan sesungguhnya Kami pernah menimpakah 'azab ke atas mereka, tetapi mereka tidak juga tunduk kepada Tuhan mereka dan tidak pula berdo'a (kepada-Nya) dengan merendahkan diri (76). Sehingga apabila Kami bukakan ke atas mereka sebuah pintu 'azab yang amat dahsyat, tiba-tiba mereka terus menjadi bingung dan putus asa."(77)

Inilah sifat umum golongan manusia yang berhati keras, lalai dari Allah dan mendustakan hari Akhirat. Dan di antara mereka ialah kaum Musyrikin yang menentangkan Rasulullah s.a.w.

Perasaan rendah diri dan hati ketika digugatkan malapetaka kesusahan merupakan bukti keinginan untuk kembali kepada Allah dan menyedari bahawa hanya Allah sahaja satu-satunya tempat perlindungan mereka. Apabila hati berhubung dengan Allah sedemikian rupa ia akan menjadi lembut, sedar dan insaf. Perasaan yang hassas (الحساسية) inilah yang dapat menjadi pengawal yang menjaga seorang dari kelalaian dan dari terjerumus ke dalam dosa-dosa, ia dapat mengambil manfa'at dari peristiwa-peristiwa malapetaka dan bala. Tetapi apabila hati itu tenggelam dalam kelalaian dan meraba-raba dalam kesesatan, maka ia tidak dapat diharapkan menjadi baik. Ia wajar ditinggalkan begitu sehingga ia tiba-tiba dilanda 'azab Qiamat, dan ketika itulah ia akan menyesal, hilang harapan, terpinga-pinga, bingung dan putus asa untuk menyelamatkan dirinya.

******

(Pentafsiran ayat-ayat 78 - 80)

Kemudian Al-Qur'an membawa mereka ke dalam satu pengembaraan yang lain yang merangsangkan kesedaran mereka terhadap bukti-bukti iman yang terdapat pada kejadian diri mereka dan pada makhluk-makhluk yang ada di sekeliling mereka:

وَهُوَ ٱلَّذِيٓ أَنشَأَ لَكُمُ ٱلسَّمۡعَ وَٱلۡأَبۡصَٰرَ وَٱلۡأَفۡـِٔدَةَۚ قَلِيلٗا
مَّا تَشۡكُرُونَ ﴿٧٨﴾
وَهُوَ ٱلَّذِي ذَرَأَكُمۡ فِي ٱلۡأَرۡضِ وَإِلَيۡهِ تُحۡشَرُونَ ﴿٧٩﴾
وَهُوَ ٱلَّذِي يُحۡيِۦ وَيُمِيتُ وَلَهُ ٱخۡتِلَٰفُ ٱلَّيۡلِ وَٱلنَّهَارِۚ
أَفَلَا تَعۡقِلُونَ ﴿٨٠﴾

"Dan Dialah yang telah menciptakan untuk kamu pendengaran, penglihatan dan hati nurani, tetapi sedikit sekali kamu bersyukur (78). Dan Dialah Yang telah mencipta dan mengembang-biakkan kamu di bumi dan kepada-Nya kelak kamu sekalian akan dikumpulkan (79). Dan Dialah yang menghidup dan yang mematikan dan Dialah yang mengaturkan pertukaran malam dan siang, mengapakah mereka tidak berfikir?"(80)

Manusia Diseru Memikirkan Kejadian Diri Sendiri

Seandainya manusia memikir kejadian dan rupa parasnya dengan teliti, juga memikirkan anggota-anggota pancaindera dan anggota-anggota yang lain yang dilengkapkan kepadanya, serta memikirkan tenaga-tenaga dan daya-daya pemikiran yang dikurniakan kepadanya nescaya dia akan menemui dan mengenal Allah dengan perantaraan penciptaan-penciptaan mu'jizat-mu'jizat itu yang membuktikan bahawa Allah adalah Pencipta yang tunggal, tiada siapa pun selain dari Allah yang berkuasa menciptakan kejadian-kejadian yang penuh mu'jizat ini sama ada kecil atau besar.

Lihatlah indera pendengaran dan bagaimana ia bekerja? Bagaimana ia memungut bunyi-bunyi dan menyelaraskannya? Dan lihat pula indera penglihatan dan bagaimana ia bekerja? Bagaimana ia memungut cahaya-cahaya dan rupa bentuk? Dan fikirkan pula tentang hati nurani, apakah hakikatnya? Bagaimana ia menanggap dan memahami? Bagaimana ia menilai segala sesuatu, segala bentuk rupa, segala konsep, segala nilai-nilai, segala perasaan dan persepsi-persepsi?

Semata-mata mengetahui tabi'at pancaindera dan daya tenaga-tenaga serta cara ia bekerja sahaja dapat dianggapkan sebagai satu penemuan mu'jizat di alam manusia, apatah lagi jika seorang itu mengetahui rahsia penciptaan dan strukturnya yang diatur sebegitu rupa yang selaras dengan tabi'at alam buana yang menjadi tempat hidupnya manusia, dan keselarasan itu dapat diperhatikan dengan begitu ketara, di mana jika salah satu dari nisbah-nisbahnya sama ada pada tabi'at alam buana atau pada tabi'at manusia itu kacau atau mungkir nescaya hilanglah perhubungan yang mengakibatkan telinga tidak dapat lagi memungut bunyi dan mata tidak dapat memungut cahaya. Qudrat Ilahi yang mengaturkan alam ini telah menyelaraskan di antara tabi'at manusia dengan tabi'at alam buana yang menjadi tempat hidup manusia agar perhubungan itu dapat dilaksanakan, tetapi malangnya manusia tidak bersyukur:

قَلِيلٗا مَّا تَشۡكُرُونَ ﴿٧٨﴾

"Tetapi sedikit sekali kamu bersyukur."(78)

Di Manakah Bermulanya Kesedaran Bersyukur?

Kesyukuran itu bermula dengan Ma'rifatullah yang mengurniakan ni'mat itu dan diiringi dengan pengucapan memuji-Nya dengan sifat-sifat-Nya yang agung kemudian beribadat kepada-Nya sahaja kerana Dialah Tuhan Yang Maha Esa yang dibuktikan oleh kesan-kesan di dalam segala penciptaan-Nya. Kemudian diikuti pula dengan menggunakan pancaindera-pancaindera dan tenaga-tenaga itu untuk meni'mati hidup dengan perasaan seorang 'abid yang menyembah Allah dalam segala kegiatan dan keni'matan.

وَهُوَ ٱلَّذِي ذَرَأَكُمۡ فِي ٱلۡأَرۡضِ

"Dan Dialah yang telah mencipta dan mengembang-biakkan kamu di bumi"(79)

dan melantikkan kamu menjadi khalifah di bumi setelah melengkapkan kamu dengan anggota-anggota pendengaran, penglihatan dan hati nurani, di samping bakat-bakat kebolehan dan tenaga-tenaga yang perlu untuk menjalankan urusan khalifah.

وَإِلَيۡهِ تُحۡشَرُونَ ﴿٧٩﴾

"Dan kepada-Nya kelak kamu sekalian akan dikumpulkan"(79)

dan di sana kamu akan dihisabkan Allah terhadap segala kebajikan, kejahatan, kebaikan, kerosakan, hidayat dan kesesatan yang diadakan kamu di dalam urusan pentadbiran khilafah itu, kerana kamu bukanlah diciptakan sia-sia dan tidak pula dibiarkan hidup cuma-cuma sahaja, malah kamu diwujudkan Allah dengan hikmat, tadbir dan taqdir-Nya yang rapi.

Tiada Makhluk Yang Menguasai Hidup Dan Mati

وَهُوَ ٱلَّذِي يُحۡيِۦ وَيُمِيتُ

"Dan Dialah yang menghidup dan mematikan."(80)

Hidup dan mati merupakan dua peristiwa yang berlaku pada setiap sa'at dan tiada siapa pun yang menguasai hidup dan mati itu melainkan Allah. Manusia selaku makhluk tertinggi tidak berkuasa mencetuskan hayat walaupun di dalam satu sel dan tidak berkuasa mencabut hayat dengan cabutan yang haqiqi dari mana-mana makhluk yang hidup, kerana hanya yang berkuasa mengurniakan hayat sahaja yang mengetahui rahsianya. Dialah yang berkuasa memberi hayat dan mencabutnya kembali. Manusia kadang-kadang menjadi sebab dan alat untuk

mencabut hayat, tetapi pada hakikatnya mereka bukanlah pencabut hayat yang sebenar, malah hanya Allah yang menghidup dan mematikan dan tiada sesiapa pun selain Dia.

وَلَهُ ٱخۡتِلَٰفُ ٱلَّيۡلِ وَٱلنَّهَارِۚ

"Dan Dialah yang mengaturkan pertukaran malam dan siang."(80)

Undang-undang Pertukaran Siang Dan Malam

Dialah yang menguasai pertukaran itu dan mengendalikannya sebagaimana Dia menguasai dan mengendalikan pertukaran mati dan hidup. Pertukaran malam dan siang merupakan satu undang-undang alam sama seperti undang-undang mati dan hidup yang berlaku pada jiwa dan tubuh, sedangkan pertukaran malam dan siang berlaku pada alam dan bintang-bintang. Andainya hayat dicabut dari yang hidup, maka perjalanan jasadnya akan terhenti dan mati, begitu juga andainya cahaya siang dicabut dari bumi, maka bumi akan menjadi gelap dan tenang, kemudian hidup dan terang kembali bersilih ganti, tidak pernah berlengah-lengah dan putus kecuali dikehendaki Allah:

أَفَلَا تَعۡقِلُونَ ٨٠

"Mengapakah mereka tidak berfikir?"(80)

dan memahami kejadian-kejadian itu sebagai bukti-bukti yang menunjukkan bahawa Allahlah sahaja yang mencipta, mentadbir dan menguasai perjalanan alam buana dan urusan hayat?

******

(Pentafsiran ayat-ayat 81 - 83)

Di sini Al-Qur'an beralih pula dari berbicara dan berdebat dengan mereka kepada menceritakan pendapat-pendapat mereka mengenai kebangkitan selepas mati dan hisab setelah selesai menerangkan segala bukti dan dalil tersebut:

بَلۡ قَالُواْ مِثۡلَ مَا قَالَ ٱلۡأَوَّلُونَ ٨١
قَالُوٓاْ أَءِذَا مِتۡنَا وَكُنَّا تُرَابٗا وَعِظَٰمًا أَءِنَّا
لَمَبۡعُوثُونَ ٨٢
لَقَدۡ وُعِدۡنَا نَحۡنُ وَءَابَآؤُنَا هَٰذَا مِن قَبۡلُ إِنۡ هَٰذَآ
إِلَّآ أَسَٰطِيرُ ٱلۡأَوَّلِينَ ٨٣

"Malah mereka berkata sama seperti apa yang telah dikatakan oleh orang-orang yang dahulu (81). Mereka berkata: Jika kita telah mati dan menjadi tanah dan tulang-tulang yang reput apakah kita akan dibangkitkan kembali? (82) Sesungguhnya kita dan datuk nenek kita dahulu telah pernah diancam dengan (kebangkitan semula) ini. Sebenarnya ini tidak lain melainkan hanya dongeng-dongeng orang-orang dahulu kala sahaja."(83)

Hikmat Hisab Dan Balasan Di Akhirat

Kata-kata dan pendapat yang seperti ini kelihatan begitu pelik dan ganjil setelah dikemukakan bukti-bukti dan dalil-dalil yang menunjukkan kehalusan tadbir Allah dan hikmat kebijaksanaan-Nya yang amat tinggi dalam segala penciptaan-Nya. Allah 'Azzawajjala telah mengurniakan anggota pendengaran dan penglihatan kepada manusia supaya dia bertanggungjawab terhadap segala kegiatan dan amalannya dan supaya dia menerima balasan terhadap segala kebaikan dan kerosakan yang telah dilakukannya, tetapi hisab dan balasan yang sebenar adalah terlaksana di Akhirat. Apa yang dilihat di dunia ini ialah balasan itu kadang-kadang tidak berlaku kerana ia ditangguhkan kepada masanya yang telah ditetapkan Allah pada hari Akhirat kelak.

Oleh sebab Allah yang menghidup dan mematikan, maka urusan kebangkitan selepas mati itu tidak sedikit pun menjadi perkara yang sukar kepada Allah. Hayat berdenyut pada setiap sa'at dan muncul dari alam yang tidak diketahui siapa pun melainkan hanya Allah.

Mereka tidak cukup dengan mengabaikan daya pemikiran mereka dari memahami hikmat kebijaksanaan Allah dan memikirkan kekuasaan-Nya untuk mengadakan kebangkitan semula selepas mati itu, malah mereka mengejek dan mempersenda-sendakan janji-janji kebangkitan semula dan balasan itu dengan alasan bahawa janji-janji itu pernah dijanjikan kepada mereka dan kepada datuk nenek mereka sebelum ini, tetapi sehingga kini janji-janji itu belum lagi berlaku:

لَقَدۡ وُعِدۡنَا نَحۡنُ وَءَابَآؤُنَا هَٰذَا مِن قَبۡلُ إِنۡ هَٰذَآ
إِلَّآ أَسَٰطِيرُ ٱلۡأَوَّلِينَ ٨٣

"Sesungguhnya kita dan datuk nenek kita dahulu telah pernah diancam dengan (kebangkitan semula) ini. Sebenarnya ini tidak lain melainkan hanya dongeng-dongeng orang-orang dahulukala sahaja."(83)

Kebangkitan semula selepas mati itu adalah ditangguhkan kepada masanya yang telah ditentukan Allah mengikut tadbir dan kehendak hikmat kebijaksanaan-Nya. Dan masa itu tidak akan dipercepat dan tidak akan diperlambatkan dengan tujuan untuk memenuhi permintaan mana-mana generasi manusia atau untuk menjawab cabaran sendaan dan ejekan sekumpulan manusia yang lalai dan terhijab hati nurani mereka.

******

(Pentafsiran ayat-ayat 84 - 89)

Kegoyahan Kepercayaan Kaum Musyrikin

Kaum Musyrikin Arab mempunyai pegangan 'aqidah yang goyah dan karut. Mereka tidak mengingkari Allah dan tidak pula menafikan bahawa Allah itulah yang memiliki, mentadbir dan menguasai langit dan bumi, namun demikian mereka

mempersekutukan Allah dengan tuhan-tuhan yang lain yang disembahkan mereka. Mereka mendakwa bahawa tujuan mereka menyembah tuhan-tuhan itu ialah supaya tuhan-tuhan itu dapat mendekatkan mereka kepada Allah dan selain itu mereka mengatakan bahawa Allah mempunyai anak-anak perempuan. Maha Sucilah Allah dari segala pembohongan yang dikatakan mereka.

Di sinilah Allah menundukkan mereka dengan menggunakan kepercayaan-kepercayaan yang telah diakui mereka untuk membetulkan 'aqidah mereka yang goyah dan karut itu dan untuk mengembalikan mereka kepada 'aqidah tauhid yang tulen, yang dibuktikan oleh kepercayaan-kepercayaan yang telah diakui mereka andainya mereka mengikut fitrah mereka dengan jujur dan tidak menyeleweng:

قُل لِّمَنِ ٱلْأَرْضُ وَمَن فِيهَآ إِن كُنتُمْ تَعْلَمُونَ ﴿٨٤﴾
سَيَقُولُونَ لِلَّهِ ۚ قُلْ أَفَلَا تَذَكَّرُونَ ﴿٨٥﴾
قُلْ مَن رَّبُّ ٱلسَّمَٰوَٰتِ ٱلسَّبْعِ وَرَبُّ ٱلْعَرْشِ ٱلْعَظِيمِ ﴿٨٦﴾
سَيَقُولُونَ لِلَّهِ ۚ قُلْ أَفَلَا تَتَّقُونَ ﴿٨٧﴾
قُلْ مَنۢ بِيَدِهِۦ مَلَكُوتُ كُلِّ شَىْءٍ وَهُوَ يُجِيرُ وَلَا
يُجَارُ عَلَيْهِ إِن كُنتُمْ تَعْلَمُونَ ﴿٨٨﴾
سَيَقُولُونَ لِلَّهِ ۚ قُلْ فَأَنَّىٰ تُسْحَرُونَ ﴿٨٩﴾

"Katakanlah: Siapakah yang memiliki bumi dan sekalian penghuninya jika kamu mengetahui? (84) Mereka akan menjawab: Ia dimiliki Allah. Katakanlah: Mengapakah kamu tidak mengambil peringatan? (85) Katakanlah: Siapakah yang mempunyai langit yang tujuh dan mempunyai 'Arasy yang agung? (86) Mereka akan menjawab: Ia dimiliki oleh Allah. Mengapakah kamu tidak bertaqwa (kepada-Nya)? (87) Katakanlah: Siapakah yang memegang teraju kekuasaan di atas segala sesuatu, sedangkan Dialah sahaja yang memberi perlindungan dan tiada sesiapa pun yang dapat memberi perlindungan dari 'azab-Nya jika kamu mengetahui (88). Mereka akan menjawab: Ia dimiliki oleh Allah. Katakanlah: Bagaimanakah kamu disihirkan (sedemikian rupa)?"(89)

Perdebatan ini mendedahkan sejauh mana kegoyahan dan kekarutan kepercayaan mereka yang tidak bersandarkan logik dan berlandaskan akal, juga mendedahkan sejauh mana kerosakan yang sampai kepada 'aqidah kaum Musyrikin di Semenanjung Tanah Arab semasa kelahiran Islam.

قُل لِّمَنِ ٱلْأَرْضُ وَمَن فِيهَآ إِن كُنتُمْ تَعْلَمُونَ ﴿٨٤﴾

"Katakanlah: Siapakah yang memiliki bumi dan sekalian penghuninya jika kamu mengetahui?"(84)

Itulah pertanyaan mengenai hak milik alam buana dan sekalian penghuninya:

سَيَقُولُونَ لِلَّهِ ۚ

"Mereka akan menjawab: Ia dimiliki Allah"(85)

namun demikian mereka tidak ingatkan hakikat ini ketika mereka beribadat kepada yang lain dari Allah:

قُلْ أَفَلَا تَذَكَّرُونَ ﴿٨٥﴾
قُلْ مَن رَّبُّ ٱلسَّمَٰوَٰتِ ٱلسَّبْعِ وَرَبُّ ٱلْعَرْشِ ٱلْعَظِيمِ ﴿٨٦﴾

"Mengapakah kamu tidak mengambil peringatan? (85) Katakanlah: Siapakah yang mempunyai langit yang tujuh dan mempunyai 'Arasy yang agung?"(86)

Itulah pernyataan tentang Rububiyah yang mentadbir dan mengendalikan tujuh petala langit dan 'Arasy yang agung. Yang dimaksudkan dengan tujuh petala langit itu mungkin tujuh orbit atau tujuh kumpulan bintang-bintang atau tujuh sadim (nebula) atau tujuh alam atau tujuh makhluk angkasa raya yang lain. 'Arasy yang agung merupakan lambang dari penguasaan terhadap alam al-wujud. Siapakah Tuhan tujuh petala langit dan 'Arasy yang agung itu?

سَيَقُولُونَ لِلَّهِ ۚ

"Mereka akan menjawab: Ia dimiliki Allah"(87)

namun demikian mereka tidak takut kepada Allah yang memiliki 'Arasy, mereka tidak bertaqwa kepada Allah Tuhan tujuh petala langit. Mereka mempersekutukan-Nya dengan berhala-berhala yang hina yang dicampakkan ke bumi tanpa bergerak-gerak:

قُلْ أَفَلَا تَتَّقُونَ ﴿٨٧﴾
قُلْ مَنۢ بِيَدِهِۦ مَلَكُوتُ كُلِّ شَىْءٍ وَهُوَ يُجِيرُ وَلَا
يُجَارُ عَلَيْهِ إِن كُنتُمْ تَعْلَمُونَ ﴿٨٨﴾

"Mengapakah kamu tidak bertaqwa (kepada-Nya)? (87) Katakanlah: Siapakah yang memegang teraju kekuasaan di atas segala sesuatu, sedangkan Dialah sahaja yang memberi perlindungan dan tiada sesiapa pun yang dapat memberi perlindungan dari 'azab-Nya jika kamu mengetahui."(88)

Itulah pertanyaan tentang kuasa dan penguasaan, pertanyaan tentang siapakah yang memegang teraju pemilikan yang berkuasa penuh. Siapakah yang berkuasa memberi perlindungan kepada sesiapa yang dikehendaki-Nya dengan kekuatan-Nya sehingga tiada siapa yang boleh memudharatkan-Nya dan tiada siapa yang berkuasa memberi perlindungan kepadanya dari 'azab Allah, dan tiada siapa yang berkuasa menyelamatkan mana-mana orang yang hendak dibinasakan Allah.... Siapakah yang memiliki kuasa itu?

سَيَقُولُونَ لِلَّهِ ۚ

"Mereka akan menjawab, ia dimiliki Allah."(89)

Tetapi mengapakah mereka tidak menyembah Allah? Mengapa akal fikiran mereka menyeleweng dan sipang-siur seperti orang yang terkena sihir?

قُلْ فَأَنَّىٰ تُسْحَرُونَ ﴿٨٩﴾

"Katakanlah: Bagaimanakah kamu disihirkan (sedemikian rupa)?"(89)

Itulah kegoyahan dan simpang-siur akal fikiran yang dialami orang-orang yang terkena sihir.

******

(Pentafsiran ayat-ayat 90 - 92)

Tepat dengan sa'at yang sesuai ini untuk menjelaskan hakikat tauhid yang dibawa oleh Rasulullah s.a.w. dan untuk membatalkan dakwaan mereka yang mengatakan Allah mempunyai anak dan sekutu selepas dikemukakan perdebatan tadi, maka Al-Qur'an mengumumkan penjelasan berikut:

بَلْ أَتَيْنَاهُم بِالْحَقِّ وَإِنَّهُمْ لَكَاذِبُونَ ﴿٩٠﴾
مَا اتَّخَذَ اللَّهُ مِن وَلَدٍ وَمَا كَانَ مَعَهُ مِنْ إِلَٰهٍ ۚ إِذًا
لَّذَهَبَ كُلُّ إِلَٰهٍ بِمَا خَلَقَ وَلَعَلَا بَعْضُهُمْ عَلَىٰ بَعْضٍ ۚ
سُبْحَانَ اللَّهِ عَمَّا يَصِفُونَ ﴿٩١﴾
عَالِمِ الْغَيْبِ وَالشَّهَادَةِ فَتَعَالَىٰ عَمَّا يُشْرِكُونَ ﴿٩٢﴾

"Bahkan Kami telah membawa ajaran yang benar kepada mereka dan sesungguhnya mereka sentiasa berdusta (90). Allah sekali-kali tidak mempunyai sebarang anak dan tiada sekali-kali sebarang tuhan yang lain di samping-Nya (dan jika ada) tentulah tiap-tiap tuhan itu masing-masing membawa makhluk yang telah diciptakannya dan tentulah tuhan-tuhan itu akan (bergaduh) menewaskan satu sama lain. Maha Sucilah Allah dari segala pembohongan yang disifatkan mereka (91). Tuhan yang mengetahui segala yang ghaib dan segala yang nyata, maka Maha Sucilah Allah dari segala pembohongan yang dipersekutukan mereka."(92)

Penjelasan ini dikemukakan dengan berbagai-bagai cara iaitu dengan memulaukan perdebatan dengan mereka dan menegaskan kebohongan mereka:

بَلْ أَتَيْنَاهُم بِالْحَقِّ وَإِنَّهُمْ لَكَاذِبُونَ ﴿٩٠﴾

"Bahkan Kami telah membawa ajaran yang benar kepada mereka dan sesungguhnya mereka sentiasa berdusta."(90)

Kemudian Al-Qur'an menghuraikan pembohongan-pembohongan yang didakwakan mereka:

مَا اتَّخَذَ اللَّهُ مِن وَلَدٍ وَمَا كَانَ مَعَهُ مِنْ إِلَٰهٍ ۚ

"Allah sekali-kali tidak mempunyai sebarang anak dan tiada sekali-kali sebarang tuhan yang lain di samping-Nya"(91)

kemudian Al-Qur'an mengemukakan dalil yang membatalkan dakwaan mereka serta menggambarkan kekarutan dan kemustahilan 'aqidah syirik itu:

إِذًا لَّذَهَبَ كُلُّ إِلَٰهٍ بِمَا خَلَقَ

"(Jika ada) tentulah tiap-tiap tuhan itu masing-masing membawa makhluk yang telah diciptakannya"(91)

yakni masing-masing mahu bebas memerintah makhluk yang telah dijadikannya mengikut masing-masing peraturan yang tersendiri dan akibatnya setiap bahagian alam buana atau setiap kumpulan makhluk itu mempunyai peraturan yang tersendiri, yang tidak mempunyai titik pertemuan dengan undang-undang am yang mengendalikan seluruh alam buana ini.

وَلَعَلَا بَعْضُهُمْ عَلَىٰ بَعْضٍ ۚ

"Dan tentulah tuhan-tuhan itu akan (bergaduh) menewaskan satu sama lain"(91)

dengan kuatkuasa mereka untuk mengendalikan alam buana ini, sedangkan alam buana tidak mungkin kekal dan tidak mungkin berjalan dengan teratur melainkan dengan satu undang-undang dan satu pengendalian dan pentadbiran.

Semua gambaran ini tidak wujud di alam buana, kerana kesatuan dan persamaan susunan kejadian alam buana ini membuktikan keesaan Tuhan Penciptanya, begitu juga kesatuan dan persamaan undang-undang alam buana ini membuktikan keesaan Tuhan Pentadbirnya. Setiap bahagian dan segala sesuatu di alam ini kelihatan begitu selaras dengan bahagian-bahagian yang lain; di sana tidak terdapat sebarang percanggahan, perebutan dan kekacauan:

سُبْحَانَ اللَّهِ عَمَّا يَصِفُونَ ﴿٩١﴾

"Maha Sucilah Allah dari segala pembohongan yang disifatkan mereka."(91)

عَالِمِ الْغَيْبِ وَالشَّهَادَةِ

"Tuhan yang mengetahui segala yang ghaib dan segala yang nyata"(92)

Tiada siapa yang lain dari Allah yang mengendali dan mengetahui urusan alam ghaib dan alam syahadat itu.

فَتَعَالَىٰ عَمَّا يُشْرِكُونَ ﴿٩٢﴾

"Maka Maha Sucilah Allah dari segala pembohongan yang dipersekutukan mereka"(92)

******

(Pentafsiran ayat-ayat 93 - 98)

Sampai di sini Al-Qur'an beralih pula dari berbicara, berdebat dan mengisahkan keadaan mereka kepada berbicara dengan Rasulullah s.a.w. iaitu memerintah beliau supaya bertawajjuh kepada Allah memohon

perlindungan-Nya dari menjadikan beliau termasuk di dalam golongan kaum Musyrikin yang di'azabkan itu andainya beliau telah ditaqdirkan Allah sempat melihat pelaksanaan 'azab yang dijanjikan Allah kepada mereka dan supaya beliau memohon perlindungan dari para syaitan agar hatinya tidak meradang dan marah terhadap perkataan-perkataan mereka yang keji itu:

قُل رَّبِّ إِمَّا تُرِيَنِّي مَا يُوعَدُونَ ﴿٩٣﴾
رَبِّ فَلَا تَجْعَلْنِي فِي ٱلْقَوْمِ ٱلظَّٰلِمِينَ ﴿٩٤﴾
وَإِنَّا عَلَىٰٓ أَن نُّرِيَكَ مَا نَعِدُهُمْ لَقَٰدِرُونَ ﴿٩٥﴾
ٱدْفَعْ بِٱلَّتِي هِيَ أَحْسَنُ ٱلسَّيِّئَةَ ۚ نَحْنُ أَعْلَمُ بِمَا يَصِفُونَ ﴿٩٦﴾
وَقُل رَّبِّ أَعُوذُ بِكَ مِنْ هَمَزَٰتِ ٱلشَّيَٰطِينِ ﴿٩٧﴾
وَأَعُوذُ بِكَ رَبِّ أَن يَحْضُرُونِ ﴿٩٨﴾

"Katakanlah: Wahai Tuhanku! Jika Engkau hendak memperlihatkan kepadaku 'azab yang diancamkan kepada mereka.......(93). Maka wahai Tuhanku! Janganlah engkau jadikanku termasuk dalam golongan kaum yang zalim itu (94). Dan sesungguhnya Kami amat berkuasa untuk memperlihatkan kepadamu 'azab yang Kami ancamkan kepada mereka.......(95). Tolakkanlah perbuatan yang buruk dengan perbuatan yang terbaik. Kami lebih mengetahui segala kata-kata yang mereka sifatkan (terhadapmu) (96). Dan katakanlah: Wahai Tuhanku! Aku pohon perlindungan pada-Mu dari bisikan-bisikan para syaitan (97). Dan aku berlindung pada-Mu, wahai Tuhanku, dari mereka datang menggodaku."(98)

Memohon Perlindungan Dari Golongan Syaitan

Kedudukan Rasulullah s.a.w. tentulah terselamat dari termasuk di dalam golongan kaum Musyrikin yang zalim apabila mereka ditimpakan 'azab yang amat pedih tepat seperti yang dijanjikan kepada mereka itu, tetapi tujuan do'a ini ialah untuk menambahkan lagi permohonan keselamatan itu dan untuk mengajarkan orang-orang yang kemudian bahawa mereka tidak akan merasa aman dari balasan Allah supaya mereka sentiasa berwaspada dan selama-lamanya berlindung di bawah payung perlindungan Allah.

Allah berkuasa melaksanakan apa yang telah dijanjikan-Nya kepada kaum Musyrikin yang zalim itu semasa hidup Rasulullah s.a.w.

وَإِنَّا عَلَىٰٓ أَن نُّرِيَكَ مَا نَعِدُهُمْ لَقَٰدِرُونَ ﴿٩٥﴾

"Dan sesungguhnya Kami amat berkuasa untuk memperlihatkan kepadamu 'azab yang Kami ancamkan kepada mereka."(95)

Malah Allah telah pun memperlihatkan sebahagian 'azab yang telah dijanjikan-Nya kepada mereka di dalam Peperangan Badar kemudian pada masa "penaklukan Makkah" yang besar.

Ketika Surah Makkiyah ini diturunkan, maka cara berda'wah pada masa itu ialah menolak perbuatan (orang kafir) yang buruk dengan perbuatan yang terbaik dan bersabar sehingga datang perintah Allah serta menyerahkan urusan itu kepada Allah.

ٱدْفَعْ بِٱلَّتِي هِيَ أَحْسَنُ ٱلسَّيِّئَةَ ۚ نَحْنُ أَعْلَمُ بِمَا يَصِفُونَ ﴿٩٦﴾

"Tolakkanlah perbuatan yang buruk dengan perbuatan yang terbaik. Kami lebih mengetahui segala kata-kata yang mereka sifatkan (terhadapmu)."(96)

Permohonan perlindungan Rasulullah s.a.w. dari bisikan-bisikan dan godaan-godaan syaitan itu - sedangkan beliau ma'sum darinya - adalah bertujuan untuk menambahkan lagi permohonan keselamatan dan perlindungan pada Allah, juga bertujuan mengajar umatnya dengan sifat beliau sebagai sumber ikutan dan contoh teladan kepada mereka supaya mereka sentiasa mencari perlindungan pada Allah dari bisikan-bisikan dan hasutan-hasutan syaitan di setiap masa, bahkan Rasulullah s.a.w. bukan sahaja memohon perlindungan kepada Allah dari bisikan dan godaan syaitan, malah dari semata-mata didekati syaitan:

وَأَعُوذُ بِكَ رَبِّ أَن يَحْضُرُونِ ﴿٩٨﴾

"Dan aku berlindung pada-Mu, wahai Tuhanku, dari mereka datang menggodaku."(98)

Mungkin juga yang dimaksudkan dengan permohonan perlindungan dari kehadiran para syaitan itu ialah kehadiran mereka di sa'at-sa'at seorang itu sedang dalam nazak maut. Pengertian ini dibayangkan oleh ayat seturutnya iaitu:

حَتَّىٰٓ إِذَا جَآءَ أَحَدَهُمُ ٱلْمَوْتُ قَالَ رَبِّ ٱرْجِعُونِ ﴿٩٩﴾

"(Demikianlah keadaan orang-orang yang kafir itu) sehingga apabila maut mendatangi seseorang dari mereka dia pun berkata:Wahai Tuhanku! Kembalikanlah aku (ke alam dunia)"(99)

mengikut cara penerangan Al-Qur'an yang memelihara keselarasan dan pertalian makna-makna dan tujuan-tujuan pada ayat-ayat-Nya.

(Kumpulan ayat-ayat 99 - 118)

حَتَّىٰٓ إِذَا جَآءَ أَحَدَهُمُ ٱلْمَوْتُ قَالَ رَبِّ ٱرْجِعُونِ ﴿٩٩﴾

لَعَلِّىٓ أَعْمَلُ صَٰلِحًا فِيمَا تَرَكْتُۚ كَلَّآۚ إِنَّهَا
كَلِمَةٌ هُوَ قَآئِلُهَاۖ وَمِن وَرَآئِهِم بَرْزَخٌ إِلَىٰ يَوْمِ
يُبْعَثُونَ ١٠٠
فَإِذَا نُفِخَ فِى ٱلصُّورِ فَلَآ أَنسَابَ بَيْنَهُمْ يَوْمَئِذٍ وَلَا
يَتَسَآءَلُونَ ١٠١
فَمَن ثَقُلَتْ مَوَٰزِينُهُۥ فَأُو۟لَٰٓئِكَ هُمُ ٱلْمُفْلِحُونَ ١٠٢
وَمَنْ خَفَّتْ مَوَٰزِينُهُۥ فَأُو۟لَٰٓئِكَ ٱلَّذِينَ خَسِرُوٓا۟
أَنفُسَهُمْ فِى جَهَنَّمَ خَٰلِدُونَ ١٠٣
تَلْفَحُ وُجُوهَهُمُ ٱلنَّارُ وَهُمْ فِيهَا كَٰلِحُونَ ١٠٤
أَلَمْ تَكُنْ ءَايَٰتِى تُتْلَىٰ عَلَيْكُمْ فَكُنتُم بِهَا تُكَذِّبُونَ ١٠٥
قَالُوا۟ رَبَّنَا غَلَبَتْ عَلَيْنَا شِقْوَتُنَا وَكُنَّا قَوْمًا
ضَآلِّينَ ١٠٦
رَبَّنَآ أَخْرِجْنَا مِنْهَا فَإِنْ عُدْنَا فَإِنَّا ظَٰلِمُونَ ١٠٧
قَالَ ٱخْسَـُٔوا۟ فِيهَا وَلَا تُكَلِّمُونِ ١٠٨
إِنَّهُۥ كَانَ فَرِيقٌ مِّنْ عِبَادِى يَقُولُونَ رَبَّنَآ ءَامَنَّا فَٱغْفِرْ لَنَا
وَٱرْحَمْنَا وَأَنتَ خَيْرُ ٱلرَّٰحِمِينَ ١٠٩
فَٱتَّخَذْتُمُوهُمْ سِخْرِيًّا حَتَّىٰٓ أَنسَوْكُمْ ذِكْرِى وَكُنتُم
مِّنْهُمْ تَضْحَكُونَ ١١٠
إِنِّى جَزَيْتُهُمُ ٱلْيَوْمَ بِمَا صَبَرُوٓا۟ أَنَّهُمْ هُمُ ٱلْفَآئِزُونَ ١١١
قَٰلَ كَمْ لَبِثْتُمْ فِى ٱلْأَرْضِ عَدَدَ سِنِينَ ١١٢
قَالُوا۟ لَبِثْنَا يَوْمًا أَوْ بَعْضَ يَوْمٍ فَسْـَٔلِ ٱلْعَآدِّينَ ١١٣
قَٰلَ إِن لَّبِثْتُمْ إِلَّا قَلِيلًاۖ لَّوْ أَنَّكُمْ كُنتُمْ
تَعْلَمُونَ ١١٤

أَفَحَسِبْتُمْ أَنَّمَا خَلَقْنَٰكُمْ عَبَثًا وَأَنَّكُمْ إِلَيْنَا لَا
تُرْجَعُونَ ١١٥
فَتَعَٰلَى ٱللَّهُ ٱلْمَلِكُ ٱلْحَقُّۖ لَآ إِلَٰهَ إِلَّا هُوَ رَبُّ ٱلْعَرْشِ
ٱلْكَرِيمِ ١١٦
وَمَن يَدْعُ مَعَ ٱللَّهِ إِلَٰهًا ءَاخَرَ لَا بُرْهَٰنَ لَهُۥ بِهِۦ
فَإِنَّمَا حِسَابُهُۥ عِندَ رَبِّهِۦٓۚ إِنَّهُۥ لَا يُفْلِحُ ٱلْكَٰفِرُونَ ١١٧
وَقُل رَّبِّ ٱغْفِرْ وَٱرْحَمْ وَأَنتَ خَيْرُ ٱلرَّٰحِمِينَ ١١٨

"(Demikianlah keadaan orang-orang yang kafir itu) sehingga apabila maut mendatangi seseorang dari mereka dia pun berkata: Wahai Tuhanku! Kembalikanlah aku (ke alam dunia) (99). Supaya aku dapat melakukan sesuatu yang baik terhadap apa yang telah ku tinggalkan dahulu. Tidak sekali begitu! Itu hanya satu perkataan yang diucapkannya sahaja, sedangkan di belakang mereka alam barzakh (yang menahan mereka) sehingga kepada hari mereka dibangkitkan kembali (100). Kemudian apabila sangkakala (yang kedua) ditiupkan, maka tidak ada lagi (hubungan) keturunan-keturunan di antara mereka dan selain itu mereka tidak lagi saling bertanya (satu sama lain) (101). Oleh itu barang siapa yang berat timbangan amalan kebaikannya, maka merekalah orang-orang yang beruntung (102). Dan barang siapa yang ringan timbangan kebaikannya, maka merekalah orang-orang yang kehilangan diri sendiri dan kekal abadi di dalam Neraka Jahannam(103). Muka-muka mereka dibakar api Neraka dan selain itu mereka berada di dalam Neraka dengan rupa paras yang buruk dan cacat (104). Bukankah ayat-ayat-Ku telah pun dibacakan kepada kamu, tetapi kamu telah mendustakannya? (105) Jawab mereka: Wahai Tuhan kami! Kami telah dikuasai kejahatan kami dan kami telah menjadi satu kaum yang sesat (106). Wahai Tuhan kami! Keluarkanlah kami darinya (Neraka dan kembalikan kami ke dunia) kemudian jika kami kembali lagi (kepada kekafiran), maka sesungguhnya kami adalah orang-orang yang benar-benar zalim (107). Allah berfirman: Diamlah kamu dengan hina dina di dalam Neraka dan janganlah kamu bercakap dengan-Ku (108). Kerana sungguhnya dahulu ada segolongan hamba-hamba-Ku yang berkata: Wahai Tuhan kami! Kami telah beriman, maka ampunilah kami dan kurniakanlah rahmat kepada kami dan Engkaulah sebaik-baik Pengurnia rahmat (109). Lalu kamu jadikan mereka bahan sendaan sehingga kamu lupa mengingatiKu dan kamu sentiasa mentertawakan mereka (110). Sesungguhnya pada hari ini Aku memberi balasan kepada mereka kerana kesabaran mereka. Sesungguhnya mereka adalah orang-orang yang berjaya (111). Allah bertanya: Berapa tahunkah kamu tinggal di bumi? (112) Jawab mereka: Kami hanya tinggal sehari atau setengah hari sahaja, tanyalah juru-juru kira (113). Allah berfirman: Kamu tidak tinggal di bumi melainkan hanya sebentar sahaja jika kamu benar-benar mengetahui (114). Apakah kamu fikir bahawa Kami telah menciptakan kamu dengan tujuan bermain-main sahaja dan bahawa kamu tidak akan dipulangkan kepada Kami (115). Maha Sucilah Allah Pemerintah yang sebenar. Tiada tuhan melainkan Dia yang memiliki 'Arasy yang amat mulia (116). Dan barang siapa

menyembah di samping Allah tuhan yang lain, yang tidak ada sebarang bukti baginya, maka perhitungannya adalah di sisi Tuhannya, iaitu sesungguhnya orang-orang yang kafir itu tidak akan mendapat keberuntungan (117). Dan berdo'alah: Wahai Tuhanku! Kurniakanlah keampunan dan rahmat dan Engkau adalah sebaik-baik Pengurnia rahmat."(118)

Di dalam pelajaran akhir surah ini Al-Qur'an memperkatakan tentang kesudahan hidup kaum Musyrikin yang ditonjolkan dalam salah satu pemandangan hari Qiamat. Ia mulakan dengan menayangkan pemandangan ketika hampir mati di dunia, kemudian berakhir dengan pemandangan tiupan sangkakala. Kemudian surah ini diakhiri dengan satu pengumuman yang menjelaskan 'aqidah ketuhanan Yang Maha Esa dan memberi amaran kepada mereka yang menyembah tuhan yang lain di samping Allah serta menakutkan mereka dari kesudahan hidup yang seperti itu, kemudian ditamatkan dengan satu arahan supaya Rasulullah s.a.w. bertawajjuh kepada Allah memohon keampunan dan rahmat-Nya kerana Allah adalah sebaik-baik Pengurnia rahmat.

******

(Pentafsiran ayat-ayat 99 - 115)

حَتَّىٰٓ إِذَا جَآءَ أَحَدَهُمُ ٱلْمَوْتُ قَالَ رَبِّ
ٱرْجِعُونِ ﴿٩٩﴾ لَعَلِّىٓ أَعْمَلُ صَٰلِحًا فِيمَا تَرَكْتُ ۚ

"(Demikianlah keadaan orang-orang yang kafir itu) sehingga apabila maut mendatangi seseorang dari mereka dia pun berkata: Wahai Tuhanku! Kembalikanlah aku (ke alam dunia) (99). Supaya aku dapat melakukan sesuatu yang baik terhadap apa yang telah ku tinggalkan dahulu."(100)

Angan-angan Yang Terluput Waktunya

Itulah pemandangan detik-detik kehadiran maut dan sa'at-sa'at menyatakan taubat ketika menghadapi maut serta memohon pulang kembali ke dunia untuk mengusahakan amalan-amalan yang ketinggalan dan mengislahkan keluarga dan harta kekayaan yang telah ditinggalkannya. Pemandangan itu seolah-olah ditayangkan di hadapan mata kita di sa'at ini. Tetapi jawapan terhadap permohonan dan harapan yang terlewat itu tidak dihadapkan kepada pemohonnya, malah diumumkan kepada orang ramai:

كَلَّآ ۚ إِنَّهَا كَلِمَةٌ هُوَ قَآئِلُهَا ۖ

"Tidak sekali begitu! Itu hanya satu perkataan yang diucapkannya sahaja."(100)

Yakni perkataan itu adalah satu perkataan yang kosong tidak bererti, satu perkataan yang tidak membawa apa-apa makna di sebaliknya, satu perkataan yang tidak wajar diberikan perhatian kepadanya dan kepada orang yang mengucapkannya. Itulah perkataan yang diucap dalam masa dilanda ketakutan bukannya perkataan yang ikhlas untuk kembali kepada Allah. Itulah perkataan yang dihamburkan di sa'at kesusahan dan kesempitan sahaja dan tidak pernah tersimpan di dalam lipatan hati.

Dengan ini,berakhirlah pemandangan detik-detik kehadiran maut, dan tiba-tiba di sana terdapat pagar-pagar sekatan yang terbentang di antara pengucap perkataan ini dengan seluruh dunia. Segala-galanya telah selesai. Segala perhubungan telah terputus, segala pintu telah ditutup dan segala tirai telah dilabuhkan:

Sekalian Yang Mati Ditahan Di Alam Barzakh

وَمِن وَرَآئِهِم بَرْزَخٌ إِلَىٰ يَوْمِ يُبْعَثُونَ ﴿١٠٠﴾

"Sedangkan di belakang mereka alam barzakh (yang menahan mereka) sehingga kepada hari mereka dibangkitkan kembali."(100)

Yakni mereka bukan lagi dari penduduk dunia dan bukan pula dari penduduk Akhirat, malah mereka sedang berada di alam barzakh, iaitu sebuah alam di antara alam dunia dan alam Akhirat sehingga mereka dibangkitkan kembali.

Kemudian Al-Qur'an terus memperkatakan tentang hari kebangkitan itu dengan menggambar dan menayangkan kepada mata umum:

Tiada Hubungan Keturunan Dan Persahabatan Pada Hari Kebangkitan

فَإِذَا نُفِخَ فِى ٱلصُّورِ فَلَآ أَنسَابَ بَيْنَهُمْ يَوْمَئِذٍ وَلَا
يَتَسَآءَلُونَ ﴿١٠١﴾

"Kemudian apabila sangkakala (yang kedua) ditiupkan, maka tidak ada lagi (hubungan) keturunan-keturunan di antara mereka dan selain itu mereka tidak lagi saling bertanya (satu sama lain)."(101)

Kemudian ia membentangkan timbangan hisab dan proses timbangan itu secara sepintas lalu dan ringkas:

فَمَن ثَقُلَتْ مَوَٰزِينُهُۥ فَأُو۟لَٰٓئِكَ هُمُ ٱلْمُفْلِحُونَ ﴿١٠٢﴾
وَمَنْ خَفَّتْ مَوَٰزِينُهُۥ فَأُو۟لَٰٓئِكَ ٱلَّذِينَ خَسِرُوٓا۟
أَنفُسَهُمْ فِى جَهَنَّمَ خَٰلِدُونَ ﴿١٠٣﴾
تَلْفَحُ وُجُوهَهُمُ ٱلنَّارُ وَهُمْ فِيهَا كَٰلِحُونَ ﴿١٠٤﴾

"Oleh itu barang siapa yang berat timbangan amalan kebaikannya, maka merekalah orang-orang yang beruntung (102). Dan barang siapa yang ringan timbangan kebaikannya, maka merekalah orang-orang yang kehilangan diri sendiri dan kekal abadi di dalam Neraka Jahannam (103). Muka-muka mereka dibakar api Neraka dan selain itu mereka berada di dalam Neraka dengan rupa paras yang buruk dan cacat."(104)

Proses timbangan dengan neraca itu berlangsung mengikut cara gaya Al-Qur'an yang mengungkapkannya dengan ilustrasi, dimana konsep-konsep abstrak digambarkan dalam bentuk fizikal dan pemandangan-pemandangan yang bergerak.[8]

Pemandangan muka-muka yang dibakar api sehingga memburukkan rupa parasnya dan menghodohkan warna kulitnya adalah satu pemandangan yang amat perit dan pedih.

Orang-orang yang ringan timbangan amalan kebaikannya bererti mereka telah kehilangan segala sesuatu. Mereka telah kehilangan diri sendiri dan apabila seseorang itu telah kehilangan diri sendiri, maka apakah lagi dimilikinya? Apakah lagi yang tinggal kepadanya sedangkan dia telah kehilangan diri yang tersimpan di antara dua lambungnya, dia telah kehilangan diri sendiri yang membezakannya dari orang lain seolah-olah kini dia tidak lagi wujud di alam ini.

Di sini Al-Qur'an beralih dari uslub penceritaan kepada uslub berbicara dan bersemuka, di sini keseksaan jasmaniyah yang begitu dahsyat ini dirasakan lebih ringan dari keseksaan batin dan 'azab kekecewaan yang menemaninya, seolah-olah kita sedang menyaksi pemandangan itu berlaku di hadapan mata kita dalam bentuk soal jawab yang pedih dan panjang:

أَلَمْ تَكُنْ آيَاتِي تُتْلَىٰ عَلَيْكُمْ فَكُنتُم بِهَا تُكَذِّبُونَ ﴿١٠٥﴾

"Bukankah ayat-ayat-Ku telah pun dibacakan kepada kamu, tetapi kamu telah mendustakannya."(105)

Penyesalan Yang Ketinggalan Waktu

Ketika mendengar pertanyaan ini mereka merasa seolah-olah mereka telah diberi kebenaran untuk bercakap dan merasa bahawa pengakuan bersalah dari mereka itu kadang-kadang berguna untuk diperkenankan harapan mereka:

قَالُوا رَبَّنَا غَلَبَتْ عَلَيْنَا شِقْوَتُنَا وَكُنَّا قَوْمًا
ضَالِّينَ ﴿١٠٦﴾
رَبَّنَا أَخْرِجْنَا مِنْهَا فَإِنْ عُدْنَا فَإِنَّا ظَالِمُونَ ﴿١٠٧﴾

"Jawab mereka: Wahai Tuhan kami! Kami telah dikuasai kejahatan kami dan kami telah menjadi satu kaum yang sesat (106). Wahai Tuhan kami! Keluarkanlah kami darinya (Neraka dan kembalikan kami ke dunia) kemudian jika kami kembali lagi (kepada kekafiran), maka sesungguhnya kami adalah orang-orang yang benar-benar zalim."(107)

Pengakuan ini membayangkan betapa pahit dan malangnya keadaan mereka, tetapi di sini nampaknya mereka telah melampaui batas kebenaran dan bertindak biadab, sedangkan mereka hanya dibenarkan bercakap sekadar menjawab pertanyaan sahaja, dan mungkin pertanyaan yang dihadapkan kepada mereka tadi merupakan satu pertanyaan yang bertujuan mengecam dan mencela mereka bukannya untuk dijawab oleh mereka. Oleh sebab itu (apabila mereka cuba menjawab pertanyaan itu) mereka telah diherdik dan dibantahkan dengan keras:

قَالَ اخْسَئُوا فِيهَا وَلَا تُكَلِّمُونِ ﴿١٠٨﴾

"Allah berfirman: Diamlah kamu dengan hina dina di dalam Neraka dan janganlah kamu bercakap dengan-Ku."(108)

Diam! Jangan bercakap. Diamlah kamu! Seperti diamnya orang-orang yang hina-dina kerana kamu memang wajar menerima keseksaan yang amat pedih dan kesengsaraan yang hina-dina yang sedang dialami kamu sekarang ini:

إِنَّهُ كَانَ فَرِيقٌ مِّنْ عِبَادِي يَقُولُونَ رَبَّنَا آمَنَّا فَاغْفِرْ لَنَا
وَارْحَمْنَا وَأَنتَ خَيْرُ الرَّاحِمِينَ ﴿١٠٩﴾
فَاتَّخَذْتُمُوهُمْ سِخْرِيًّا حَتَّىٰ أَنسَوْكُمْ ذِكْرِي وَكُنتُم
مِّنْهُمْ تَضْحَكُونَ ﴿١١٠﴾

"Kerana sesungguhnya dahulu ada segolongan hamba-hamba-Ku yang berkata: Wahai Tuhan kami! Kami telah beriman, maka ampunilah kami dan kurniakanlah rahmat kepada kami dan Engkaulah sebaik-baik Pengurnia rahmat (109). Lalu kamu jadikan mereka bahan sendaan sehingga kamu lupa mengingatiKu dan kamu sentiasa mentertawakan mereka."(110)

Kesalahan kamu bukan hanya sekadar menjadi kafir dan membataskan diri kamu setakat kekufuran itu sahaja yang merupakan satu dosa yang amat besar, tetapi kebebalan dan kebiadaban kamu telah sampai ke tahap, di mana kamu sanggup mengejek dan mempermainkan orang-orang yang beriman, yang mengharap-harapkan keampunan dan rahmat dari Tuhan mereka. Kamu mentertawakan mereka sehingga perbuatan kamu yang sesia itu menyebabkan kamu lupa mengingati Allah dan menjauhkan kamu dari berfikir dengan teliti terhadap bukti-bukti dan dalil-dalil iman yang bertaburan di lembaran-lembaran alam al-wujud. Lihatlah diri kamu pada hari ini, di manakah duduknya tempat kamu dan tempat orang-orang para Mu'minin yang kamu ejek dan tertawakan mereka (di dunia dahulu)?

إِنِّي جَزَيْتُهُمُ الْيَوْمَ بِمَا صَبَرُوا أَنَّهُمْ هُمُ الْفَائِزُونَ ﴿١١١﴾

"Sesungguhnya pada hari ini Aku memberi balasan kepada mereka kerana kesabaran mereka. Sesungguhnya mereka adalah orang-orang yang berjaya."(111)

Selepas jawapan yang keras dan menghinakan ini dan selepas menerangkan sebab-sebabnya yang mengandungi penghinaan dan kecaman itu, Al-Qur'an mula mengemukakan pertanyaan yang baru:

[8] *Lihat bab "التصوير الفني" di dalam "التصوير الفني في القرآن"*

قَٰلَ كَمۡ لَبِثۡتُمۡ فِي ٱلۡأَرۡضِ عَدَدَ سِنِينَ ١١٢

"Allah bertanya: Berapa tahunkah kamu tinggal di bumi?"(112)

Allah S.W.T. memang mengetahui selama mana masa itu, tetapi pertanyaan itu dikemukakan dengan tujuan memperkecil-kecilkan kehidupan di bumi dan memperlihatkan betapa pendeknya masa hidup mereka di dunia, sedangkan mereka telah menukarkan hidup Akhirat dengan hidup dunia. Tetapi pada hari Qiamat ini mereka benar-benar merasa betapa pendek dan kecilnya hidup dunia ini dan benar-benar merasa putus harapan dan sempit fikiran hingga tidak berminat untuk mengira dan menghitungkan selama mana mereka tinggal di dunia:

قَالُواْ لَبِثۡنَا يَوۡمًا أَوۡ بَعۡضَ يَوۡمٖ فَسۡـَٔلِ ٱلۡعَآدِّينَ ١١٣

"Jawab mereka: Kami hanya tinggal sehari atau setengah hari sahaja, tanyalah juru-juru kira."(113)

Itulah jawapan orang yang sedang dalam kesempitan fikiran, putus asa, dukacita dan tiada harapan. Allah menjawab: Kamu hanya tinggal di dunia sebentar sahaja dibandingkan dengan masa 'azab di Akhirat yang sedang dihadapi kamu sekarang jika kamu pandai membuat perhitungan dan penilaian:

قَٰلَ إِن لَّبِثۡتُمۡ إِلَّا قَلِيلٗاۖ لَّوۡ أَنَّكُمۡ كُنتُمۡ تَعۡلَمُونَ ١١٤

"Allah berfirman: Kamu tidak tinggal di bumi melainkan hanya sebentar sahaja jika kamu benar-benar mengetahui."(114)

Kemudian Al-Qur'an kembali mencela dan mengancam perbuatan mereka mendustakan hari Akhirat serta membuka mata mereka supaya memikirkan hikmat kebangkitan selepas mati yang telah disembunyikan sejak permulaan ciptaan alam buana ini lagi:

أَفَحَسِبۡتُمۡ أَنَّمَا خَلَقۡنَٰكُمۡ عَبَثٗا وَأَنَّكُمۡ إِلَيۡنَا لَا تُرۡجَعُونَ ١١٥

"Apakah kamu fikir bahawa Kami telah menciptakan kamu dengan tujuan bermain-main sahaja dan bahawa kamu tidak akan dipulangkan kepada Kami?"(115)

Hikmat kebangkitan adalah dari hikmat penciptaan Allah. Segala perhitungan mengenainya telah dikira dengan halus, masa berlakunya dan tujuannya telah ditentu dan ditadbirkan dengan rapi. Kebangkitan itu tidak lain melainkan hanya satu babak dalam salsilah penciptaan manusia dan dengan babak inilah penciptaan manusia mencapai kesempurnaannya. Orang-orang yang tidak menyedari hakikat ini ialah orang-orang yang terhijab dan padam cahaya hati nuraninya, iaitu orang-orang yang tidak meneliti hikmat kebijaksanaan Allah yang agung, sedangkan hikmat kebijaksanaan itu terjelma di dalam lembaran-lembaran alam al-wujud dan bertaburan di dalam segala lipatan dan liku-liku alam buana.

******

(Pentafsiran ayat-ayat 116 - 117)

Tauhid Merupakan Prinsip Utama Keimanan

Surah iman ini diakhiri dengan menjelaskan 'aqidah tauhid, yang menjadi prinsip keimanan yang ulung dan mengumumkan kerugian yang paling besar bagi mereka yang mempersekutukan Allah, iaitu berlawanan dengan keuntungan besar yang dicapaikan oleh orang-orang yang beriman, yang diterangkan di permulaan surah ini. Begitu juga surah ini diakhiri dengan perintah bertawajjuh kepada Allah untuk memohon rahmat dan keampunan-Nya kerana Dialah sebaik-baik Pengurnia rahmat:

فَتَعَٰلَى ٱللَّهُ ٱلۡمَلِكُ ٱلۡحَقُّۖ لَآ إِلَٰهَ إِلَّا هُوَ رَبُّ ٱلۡعَرۡشِ ٱلۡكَرِيمِ ١١٦

وَمَن يَدۡعُ مَعَ ٱللَّهِ إِلَٰهًا ءَاخَرَ لَا بُرۡهَٰنَ لَهُۥ بِهِۦ فَإِنَّمَا حِسَابُهُۥ عِندَ رَبِّهِۦٓۚ إِنَّهُۥ لَا يُفۡلِحُ ٱلۡكَٰفِرُونَ ١١٧

وَقُل رَّبِّ ٱغۡفِرۡ وَٱرۡحَمۡ وَأَنتَ خَيۡرُ ٱلرَّٰحِمِينَ ١١٨

"Maha Sucilah Allah Pemerintah yang sebenar. Tiada tuhan melainkan Dia yang memiliki 'Arasy yang amat mulia (116). Dan barang siapa menyembah di samping Allah tuhan yang lain, yang tidak ada sebarang bukti baginya, maka perhitungannya adalah di sisi Tuhannya, iaitu sesungguhnya orang-orang yang kafir itu tidak akan mendapat keberuntungan (117). Dan berdo'alah: Wahai Tuhanku! Kurniakanlah keampunan dan rahmat dan Engkau adalah sebaik-baik Pengurnia rahmat."(118)

Kesimpulan ini dibawa selepas ditayangkan pemandangan Qiamat yang telah lalu dan selepas menerangkan perdebatan, hujjah-hujjah, dalil-dalil dan bukti-bukti yang dibicarakan oleh surah ini sebelum pemandangan Qiamat itu. Kesimpulan ini dikemukakan sebagai hasil yang tabi'i dan logikal bagi segala isi kandungan surah ini. Kesimpulan ini menyaksikan kesucian Allah S.W.T. dari segala dakwaan palsu yang dikatakan kaum Musyrikin, juga menyaksikan bahawa Allah itulah pemerintah dan penguasa agung yang sebenar, yang tiada tuhan yang lain, yang layak disembah melainkan hanya Dia yang memilik segala kekuasaan dan keunggulan, juga memiliki 'Arasy yang amat mulia:

رَبُّ ٱلۡعَرۡشِ ٱلۡكَرِيمِ ١١٦

"Yang memilik 'Arasy yang amat mulia."(116)

Membuat dakwaan Uluhiyah kepada seorang yang lain di samping Allah itu adalah satu dakwaan yang tidak mempunyai sebarang dalil sama ada dari dalil-dalil alam buana atau dalil-dalil dari logik fitrah dan hujjah-hujjah aqliyah. Hisab terhadap pembuat dakwaan itu telah disediakan di sisi Allah dan akibatnya memang telah diketahui umum iaitu:

إِنَّهُۥ لَا يُفْلِحُ ٱلْكَٰفِرُونَ ﴿١١٧﴾

"Sesungguhnya orang-orang yang kafir itu tidak akan mendapat keberuntungan."(117)

Itulah undang-undang Allah yang tidak pernah mungkir, dan keberuntungan orang-orang yang beriman itu juga merupakan sebahagian dari undang-undang Allah yang besar itu.

Segala ni'mat kesenangan hidup, kekuatan dan kuasa yang dilihat manusia pada orang-orang kafir dalam setengah-setengah masa bukanlah suatu keberuntungan mengikut pertimbangan neraca nilai-nilai yang haqiqi, malah sebenarnya ia adalah suatu ujian dan pengumpanan yang akhirnya membawa kepada kecelakaan di dunia, dan andainya setengah dari mereka terselamat dari 'azab dunia, maka hisab mereka akan disempurnakan di Akhirat pula. Alam Akhirat merupakan pusingan terakhir dari peringkat-peringkat perjalanan kejadian manusia. Ia bukannya merupakan suatu yang terpisah dan terasing dari taqdir dan tadbir Allah. Oleh sebab itulah alam Akhirat merupakan suatu keperluan yang pasti mengikut logik pandangan yang jauh.

******

(Pentafsiran ayat 118)

Ayat terakhir Surah al-Mu'minun ialah perintah bertawajjuh kepada Allah untuk memohon rahmat dan keampunan:

وَقُل رَّبِّ ٱغْفِرْ وَٱرْحَمْ وَأَنتَ خَيْرُ ٱلرَّٰحِمِينَ ﴿١١٨﴾

"Dan berdo'alah: Wahai Tuhanku! Kurniakanlah keampunan dan rahmat dan Engkau adalah sebaik-baik Pengurnia rahmat."(18)

Di sinilah bertautnya titik pertemuan di antara awal surah dengan akhirnya dalam menerangkan keuntungan kepada orang-orang yang beriman dan kerugian kepada orang-orang yang kafir, juga dalam menerangkan sifat khusyu' di dalam solat di awal surah dan menerangkan amalan tawajjuh dengan khusyu' kepada Allah pada akhir surah. Dengan demikian tercapailah keselarasan dan keserasian awal surah dengan akhirnya di bawah bayangan iman.

******

JUZU' KE-18

SURAH AN-NUR

SURAH KE

24

سُورَةُ ٱلنُّورِ

SURAH AN-NUR

Surah Cahaya

(Madaniyah)

JUMLAH AYAT

64

بِسۡمِ ٱللَّهِ ٱلرَّحۡمَٰنِ ٱلرَّحِيمِ

Dengan nama Allah
Yang Maha Penyayang dan Maha Pengasih

(Kumpulan ayat-ayat 1 - 26)

سُورَةٌ أَنزَلۡنَٰهَا وَفَرَضۡنَٰهَا وَأَنزَلۡنَا فِيهَآ ءَايَٰتِۭ بَيِّنَٰتٖ لَّعَلَّكُمۡ
تَذَكَّرُونَ ١
ٱلزَّانِيَةُ وَٱلزَّانِي فَٱجۡلِدُواْ كُلَّ وَٰحِدٖ مِّنۡهُمَا مِاْئَةَ جَلۡدَةٖۖ وَلَا
تَأۡخُذۡكُم بِهِمَا رَأۡفَةٞ فِي دِينِ ٱللَّهِ إِن كُنتُمۡ تُؤۡمِنُونَ بِٱللَّهِ وَٱلۡيَوۡمِ
ٱلۡأٓخِرِۖ وَلۡيَشۡهَدۡ عَذَابَهُمَا طَآئِفَةٞ مِّنَ ٱلۡمُؤۡمِنِينَ ٢
ٱلزَّانِي لَا يَنكِحُ إِلَّا زَانِيَةً أَوۡ مُشۡرِكَةٗ وَٱلزَّانِيَةُ لَا يَنكِحُهَآ
إِلَّا زَانٍ أَوۡ مُشۡرِكٞۚ وَحُرِّمَ ذَٰلِكَ عَلَى ٱلۡمُؤۡمِنِينَ ٣
وَٱلَّذِينَ يَرۡمُونَ ٱلۡمُحۡصَنَٰتِ ثُمَّ لَمۡ يَأۡتُواْ بِأَرۡبَعَةِ
شُهَدَآءَ فَٱجۡلِدُوهُمۡ ثَمَٰنِينَ جَلۡدَةٗ وَلَا تَقۡبَلُواْ لَهُمۡ
شَهَٰدَةً أَبَدٗاۚ وَأُوْلَٰٓئِكَ هُمُ ٱلۡفَٰسِقُونَ ٤
إِلَّا ٱلَّذِينَ تَابُواْ مِنۢ بَعۡدِ ذَٰلِكَ وَأَصۡلَحُواْ فَإِنَّ ٱللَّهَ غَفُورٞ
رَّحِيمٞ ٥
وَٱلَّذِينَ يَرۡمُونَ أَزۡوَٰجَهُمۡ وَلَمۡ يَكُن لَّهُمۡ شُهَدَآءُ إِلَّآ
أَنفُسُهُمۡ فَشَهَٰدَةُ أَحَدِهِمۡ أَرۡبَعُ شَهَٰدَٰتِۭ بِٱللَّهِ إِنَّهُۥ لَمِنَ
ٱلصَّٰدِقِينَ ٦
وَٱلۡخَٰمِسَةُ أَنَّ لَعۡنَتَ ٱللَّهِ عَلَيۡهِ إِن كَانَ مِنَ ٱلۡكَٰذِبِينَ ٧
وَيَدۡرَؤُاْ عَنۡهَا ٱلۡعَذَابَ أَن تَشۡهَدَ أَرۡبَعَ شَهَٰدَٰتِۭ بِٱللَّهِ إِنَّهُۥ
لَمِنَ ٱلۡكَٰذِبِينَ ٨
وَٱلۡخَٰمِسَةَ أَنَّ غَضَبَ ٱللَّهِ عَلَيۡهَآ إِن كَانَ مِنَ ٱلصَّٰدِقِينَ ٩
وَلَوۡلَا فَضۡلُ ٱللَّهِ عَلَيۡكُمۡ وَرَحۡمَتُهُۥ وَأَنَّ ٱللَّهَ تَوَّابٌ
حَكِيمٌ ١٠
إِنَّ ٱلَّذِينَ جَآءُو بِٱلۡإِفۡكِ عُصۡبَةٞ مِّنكُمۡۚ لَا تَحۡسَبُوهُ شَرّٗا
لَّكُمۖ بَلۡ هُوَ خَيۡرٞ لَّكُمۡۚ لِكُلِّ ٱمۡرِيٕٖ مِّنۡهُم مَّا ٱكۡتَسَبَ
مِنَ ٱلۡإِثۡمِۚ وَٱلَّذِي تَوَلَّىٰ كِبۡرَهُۥ مِنۡهُمۡ لَهُۥ عَذَابٌ عَظِيمٞ ١١
لَّوۡلَآ إِذۡ سَمِعۡتُمُوهُ ظَنَّ ٱلۡمُؤۡمِنُونَ وَٱلۡمُؤۡمِنَٰتُ بِأَنفُسِهِمۡ
خَيۡرٗا وَقَالُواْ هَٰذَآ إِفۡكٞ مُّبِينٞ ١٢
لَّوۡلَا جَآءُو عَلَيۡهِ بِأَرۡبَعَةِ شُهَدَآءَۚ فَإِذۡ لَمۡ يَأۡتُواْ بِٱلشُّهَدَآءِ
فَأُوْلَٰٓئِكَ عِندَ ٱللَّهِ هُمُ ٱلۡكَٰذِبُونَ ١٣
وَلَوۡلَا فَضۡلُ ٱللَّهِ عَلَيۡكُمۡ وَرَحۡمَتُهُۥ فِي ٱلدُّنۡيَا وَٱلۡأٓخِرَةِ
لَمَسَّكُمۡ فِي مَآ أَفَضۡتُمۡ فِيهِ عَذَابٌ عَظِيمٌ ١٤
إِذۡ تَلَقَّوۡنَهُۥ بِأَلۡسِنَتِكُمۡ وَتَقُولُونَ بِأَفۡوَاهِكُم مَّا لَيۡسَ لَكُم
بِهِۦ عِلۡمٞ وَتَحۡسَبُونَهُۥ هَيِّنٗا وَهُوَ عِندَ ٱللَّهِ عَظِيمٞ ١٥
وَلَوۡلَآ إِذۡ سَمِعۡتُمُوهُ قُلۡتُم مَّا يَكُونُ لَنَآ أَن نَّتَكَلَّمَ بِهَٰذَا
سُبۡحَٰنَكَ هَٰذَا بُهۡتَٰنٌ عَظِيمٞ ١٦
يَعِظُكُمُ ٱللَّهُ أَن تَعُودُواْ لِمِثۡلِهِۦٓ أَبَدًا إِن كُنتُم
مُّؤۡمِنِينَ ١٧
وَيُبَيِّنُ ٱللَّهُ لَكُمُ ٱلۡأٓيَٰتِۚ وَٱللَّهُ عَلِيمٌ حَكِيمٌ ١٨

إِنَّ ٱلَّذِينَ يُحِبُّونَ أَن تَشِيعَ ٱلۡفَٰحِشَةُ فِي ٱلَّذِينَ ءَامَنُواْ
لَهُمۡ عَذَابٌ أَلِيمٞ فِي ٱلدُّنۡيَا وَٱلۡأٓخِرَةِۚ وَٱللَّهُ يَعۡلَمُ وَأَنتُمۡ
لَا تَعۡلَمُونَ ١٩
وَلَوۡلَا فَضۡلُ ٱللَّهِ عَلَيۡكُمۡ وَرَحۡمَتُهُۥ وَأَنَّ ٱللَّهَ
رَءُوفٞ رَّحِيمٞ ٢٠
يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُواْ لَا تَتَّبِعُواْ خُطُوَٰتِ ٱلشَّيۡطَٰنِۚ وَمَن
يَتَّبِعۡ خُطُوَٰتِ ٱلشَّيۡطَٰنِ فَإِنَّهُۥ يَأۡمُرُ بِٱلۡفَحۡشَآءِ
وَٱلۡمُنكَرِۚ وَلَوۡلَا فَضۡلُ ٱللَّهِ عَلَيۡكُمۡ وَرَحۡمَتُهُۥ مَا زَكَىٰ
مِنكُم مِّنۡ أَحَدٍ أَبَدٗا وَلَٰكِنَّ ٱللَّهَ يُزَكِّي مَن يَشَآءُۗ وَٱللَّهُ
سَمِيعٌ عَلِيمٞ ٢١
وَلَا يَأۡتَلِ أُوْلُواْ ٱلۡفَضۡلِ مِنكُمۡ وَٱلسَّعَةِ أَن يُؤۡتُوٓاْ أُوْلِي
ٱلۡقُرۡبَىٰ وَٱلۡمَسَٰكِينَ وَٱلۡمُهَٰجِرِينَ فِي سَبِيلِ ٱللَّهِۖ وَلۡيَعۡفُواْ
وَلۡيَصۡفَحُوٓاْۗ أَلَا تُحِبُّونَ أَن يَغۡفِرَ ٱللَّهُ لَكُمۡۚ وَٱللَّهُ
غَفُورٞ رَّحِيمٌ ٢٢
إِنَّ ٱلَّذِينَ يَرۡمُونَ ٱلۡمُحۡصَنَٰتِ ٱلۡغَٰفِلَٰتِ ٱلۡمُؤۡمِنَٰتِ
لُعِنُواْ فِي ٱلدُّنۡيَا وَٱلۡأٓخِرَةِ وَلَهُمۡ عَذَابٌ عَظِيمٞ ٢٣
يَوۡمَ تَشۡهَدُ عَلَيۡهِمۡ أَلۡسِنَتُهُمۡ وَأَيۡدِيهِمۡ وَأَرۡجُلُهُم بِمَا
كَانُواْ يَعۡمَلُونَ ٢٤
يَوۡمَئِذٖ يُوَفِّيهِمُ ٱللَّهُ دِينَهُمُ ٱلۡحَقَّ وَيَعۡلَمُونَ أَنَّ ٱللَّهَ هُوَ
ٱلۡحَقُّ ٱلۡمُبِينُ ٢٥
ٱلۡخَبِيثَٰتُ لِلۡخَبِيثِينَ وَٱلۡخَبِيثُونَ لِلۡخَبِيثَٰتِۖ
وَٱلطَّيِّبَٰتُ لِلطَّيِّبِينَ وَٱلطَّيِّبُونَ لِلطَّيِّبَٰتِۚ
أُوْلَٰٓئِكَ مُبَرَّءُونَ مِمَّا يَقُولُونَۖ لَهُم مَّغۡفِرَةٞ وَرِزۡقٞ كَرِيمٞ ٢٦

"(Ini) adalah satu surah yang Kami turunkannya dan memfardhukan hukum-hukum yang terkandung di dalamnya, juga Kami turunkan padanya ayat-ayat yang jelas supaya kamu mengingatinya (1). Perempuan yang berzina dan lelaki yang berzina, maka sebatkanlah setiap orang dari keduanya seratus kali sebat, dan janganlah kamu dipengaruhi perasaan kasihan belas terhadap keduanya dalam menjalankan hukum agama Allah jika kamu benar beriman kepada Allah dan kepada hari Akhirat, dan hendaklah penderaan ke atas keduanya disaksikan oleh sekumpulan orang-orang yang beriman (2). Lelaki yang berzina tidak layak bernikah melainkan dengan perempuan yang berzina atau dengan perempuan yang Musyrik, dan perempuan yang berzina juga tidak layak dinikahi melainkan oleh lelaki yang berzina atau oleh lelaki yang Musyrik. Perkahwinan sedemikian diharamkan kepada orang-orang yang beriman (3). Dan orang-orang yang menuduh perempuan-perempuan muhsan (dengan tuduhan berzina) kemudian mereka tidak dapat membawa empat orang saksi, maka sebatkanlah mereka lapan puluh kali sebat dan janganlah kamu menerima kesaksian mereka untuk selama-lamanya, dan merekalah orang-orang yang fasiq (4). Kecuali mereka yang bertaubat selepas itu dan memperbaiki dirinya, maka sesungguhnya Allah Maha Pengampun dan Maha Pengasih (5). Dan orang-orang yang menuduh isteri-isteri mereka (dengan tuduhan berzina), sedangkan mereka tidak mempunyai saksi-saksi selain diri mereka, maka kesaksian seseorang dari mereka ialah bersumpah empat kali dengan nama Allah bahawa dia adalah dari golongan yang benar (6). Dan sumpah kali yang kelima ialah: Bahawa sesungguhnya laknat Allah (akan ditimpakan ke atasnya) jika dia dari golongan yang berdusta (7). Dan si isteri dapat menghindarkan keseksaan itu darinya dengan bersumpah sebanyak empat kali dengan nama Allah bahawa suaminya itu dari golongan yang berdusta (8). Dan sumpah kali yang kelima ialah bahawa sesungguhnya kemurkaan Allah (akan ditimpakan ke atasnya) jika suaminya dari golongan yang benar (9). Dan jika tidak kerana limpah kurnia Allah dan rahmat-Nya ke atas kamu dan tidak kerana Allah Maha Penerima Taubat dan Maha Bijaksana (tentulah kamu mendapat malu dan seksa) (10). Sesungguhnya orang-orang yang membawa fitnah yang bohong itu adalah sekumpulan dari golongan kamu sendiri. Janganlah kamu mengirakan fitnah yang bohong itu sebagai satu keburukan kepada kamu, malah ia adalah suatu kebaikan kepada kamu. Setiap orang dari mereka akan mendapat balasan dari dosa yang telah dilakukannya. Dan orang yang mengendalikan peranannya yang terbesar dari mereka akan mendapat balasan 'azab yang amat besar (11). Mengapakah tidak - ketika kamu mendengar fitnah yang bohong itu orang-orang yang beriman lelaki dan perempuan menaruh sangkaan yang baik terhadap golongan mereka sendiri dan berkata: Ini adalah fitnah bohong yang amat nyata? (12) Mengapakah mereka (yang menuduh itu) tidak membawa empat orang saksi mengesahkan berita itu? Oleh kerana mereka tidak menghadirkan saksi-saksi itu, maka di sisi Allah mereka adalah pendusta-pendusta belaka (13). Dan jika tidak kerana limpah kurnia Allah dan rahmat-Nya ke atas kamu di dunia dan Akhirat tentulah perbuatan kamu mengheboh-hebohkan fitnah bohong itu akan menyebabkan kamu ditimpa 'azab yang amat besar (14). Ketika kamu menerima berita bohong itu dari lidah ke lidah dan kamu katakan dengan mulut kamu perkara yang kamu tidak mengetahuinya sedikit pun dan kamu mengirakannya sebagai suatu perkara yang kecil sahaja, sedangkan perkara itu amat besar di sisi Allah (15). Dan mengapakah kamu tidak terus berkata ketika kamu mendengar berita bohong itu: Tidak seharusnya kepada kita membicarakan perkara ini, Maha Sucilah Engkau (wahai Tuhan kami) ini adalah satu pembohongan yang amat besar (16). Allah menasihati kamu supaya jangan mengulangi perbuatan seperti itu buat

selama-lamanya, jika kamu benar orang-orang yang beriman (17). Dan Allah menerangkan pengajaran-pengajaran kepada kamu dan Allah adalah Maha Mengetahui dan Maha Bijaksana(18). Sesungguhnya orang-orang yang ingin supaya tersebarnya kejahatan seks yang keji itu di kalangan orang-orang yang beriman, mereka akan memperolehi 'azab yang amat pedih di dunia dan Akhirat. Dan Allah Maha Mengetahui sedangkan kamu tidak mengetahui (19). Dan jika tidak kerana limpah kurnia Allah dan rahmat-Nya ke atas kamu (tentulah kamu akan ditimpa malapetaka). Dan sesungguhnya Allah Maha Penyantun Dan Maha Pengasih (20). Wahai orang-orang yang beriman! Janganlah kamu mengikut langkah-langkah syaitan, dan barang siapa yang mengikut langkah-langkah syaitan, maka sesungguhnya syaitan itu sentiasa menyuruh mereka mengerjakan perbuatan yang keji dan mungkar. Dan jika tidak kerana limpah kurnia Allah dan rahmat-Nya ke atas kamu nescaya tiada seorang pun dari kamu yang bersih dari (kekotoran dosa) buat selama-lamanya, tetapi Allah membersihkan siapa yang dikehendaki-Nya dan Allah Maha Mendengar dan Maha Mengetahui (21). Dan janganlah orang-orang yang mempunyai kelebihan dan kelapangan (kewangan) itu bersumpah bahawa mereka tidak akan memberi (bantuan) kepada kaum kerabat, orang-orang miskin dan orang-orang yang berhijrah kerana agama Allah, dan hendaklah mereka (bersikap) mengampun dan memaaf. Apakah kamu tidak ingin Allah memberi keampunan kepada kamu, sedangkan Allah Maha Pengampun dan Maha Penyayang? (22) Sesungguhnya orang-orang yang membuat tuduhan zina terhadap wanita-wanita muhsan yang terlalai dan beriman itu akan dilaknatkan di dunia dan Akhirat dan mereka akan mendapat 'azab yang amat besar (23). Pada hari mereka disaksikan oleh lidah, tangan dan kaki mereka sendiri terhadap perbuatan-perbuatan yang telah dilakukan mereka (24). Pada hari itu Allah akan menyempurnakan balasan mereka yang sebenar dan mereka akan mengetahui bahawa Allah itulah yang benar dan jelas kebenaran-Nya (25). Wanita-wanita yang jahat adalah untuk lelaki-lelaki yang jahat dan lelaki-lelaki yang jahat adalah untuk wanita-wanita yang jahat, dan wanita-wanita yang baik adalah untuk lelaki-lelaki yang baik dan lelaki-lelaki yang baik adalah untuk wanita-wanita yang baik. Mereka adalah bersih dari tuduhan-tuduhan yang dikatakan mereka (para penuduh), dan mereka memperolehi keampunan dan rezeki yang amat murah."(26)

(Latar belakang dan pokok pembicaraan)

Inilah Surah an-Nur, di mana kata-kata "an-Nur" di sebut bersambung dengan zat Allah pada ayat:

ٱللَّهُ نُورُ ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَٱلْأَرْضِ

"Allah itu Nur langit dan bumi."(35)

Dalam ayat ini di sebut nur dengan kesan-kesan dan gejala-gejalanya di dalam hati dan jiwa, iaitu kesan-kesan yang tergambar dalam peradaban-peradaban dan akhlak-akhlak yang menjadi asas penerangan surah ini, iaitu peradaban-peradaban dan akhlak-akhlak keindividuan, kekeluargaan dan kemasyarakatan yang menerangi hati dan kehidupan. Semua peradaban dan akhlak itu dihubungkan dengan nur kauni (universal) yang syumul itu, yang menjadi nur yang menerangi roh dan hati manusia:

سُورَةٌ أَنزَلْنَٰهَا وَفَرَضْنَٰهَا وَأَنزَلْنَا فِيهَآ ءَايَٰتٍۭ بَيِّنَٰتٍ لَّعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ١

"(Ini) adalah satu surah yang Kami turunkannya dan memfardhukan hukum-hukum yang terkandung di dalamnya, juga Kami turunkan padanya ayat-ayat yang jelas supaya kamu mengingatinya."(1)

Ayat permulaan yang unik ini membuktikan betapa besarnya perhatian Al-Qur'an terhadap unsur akhlak dalam hidup manusia dan betapa mendalamnya dan betapa teguhnya unsur ini di dalam 'aqidah Islamiyah dan di dalam konsep Islam mengenai kehidupan insaniyah.

Yang menjadi paksi pembicaraan keseluruhan surah ini ialah pendidikan, iaitu pendidikan yang menggunakan sarana-sarananya yang keras hingga kepada mengenakan hukum-hukum hudud dan menggunakan sarana-sarana yang halus yang meningkat ke darjat sentuhan-sentuhan perasaan yang lemah lembut, yang menghubungkan hati dengan nur Allah dan dengan bukti-bukti kekuasaan Allah yang bertaburan di merata pelosok alam buana dan di dalam liku-liku hayat. Matlamat dari sarana-sarana yang keras dan yang lembut itu adalah satu sahaja iaitu untuk mengasuh dan mendidik hati manusia, menggerakkan perasaan-perasaan mereka dan mempertinggikan ukuran-ukuran akhlak untuk kehidupan mereka supaya ia halus, berseri dan dapat berhubung dengan nur hidayat Allah. Peradaban-peradaban diri sendiri atau peradaban-peradaban individu bertaut-menaut dan rangkum-merangkumi dengan peradaban-peradaban rumahtangga dan keluarga dan peradaban-peradaban kemasyarakatan dan kepimpinan kerana semua peradaban-peradaban ini adalah terbit dari satu sumber sahaja iaitu dari 'aqidah terhadap Allah dan semuanya berhubung dengan satu nur sahaja, iaitu nur hidayat Allah. Teras peradaban-peradaban itu ialah nur, sinar, cahaya, kesucian dan kebersihan. Ia merupakan suatu tarbiyah yang seluruh unsurnya adalah terbit dari sumber nur yang pertama di langit dan di bumi, iaitu nur Allah yang menerangi segala kegelapan di langit dan di bumi dan menerangi kegelitaan hati nurani, jiwa dan roh.

* * * * * *

Pembicaraan surah ini berlegar di sekitar paksinya yang teguh di dalam lima pusingan:

Pusingan pertama mengandungi satu pengumuman yang tegas yang dijadikan permulaan ayat, kemudian diiringi dengan penerangan mengenai hukuman had zina di samping mencelakan perbuatan itu dan memutuskan hubungan di antara orang-orang yang berzina dengan kelompok orang-orang yang beriman, iaitu mereka bukan dari golongan kelompok Mu'minin dan kelompok Mu'minin bukan dari golongan mereka. Kemudian dijelaskan hukum hudud kerana membuat tuduhan zina dan mengapa jenayah itu dikenakan hukuman yang keras di samping

mengecualikan suami-suami tertentu dari hukuman itu serta memisahkan di antara suami isteri yang bermulaa'anah itu, kemudian dibentangkan cerita fitnah yang dusta (terhadap Siti 'Aisyah r.a.) Pusingan ini diakhiri dengan satu penjelasan yang menyesuaikan lelaki-lelaki yang jahat dengan perempuan-perempuan yang jahat dan lelaki-lelaki yang baik dengan perempuan-perempuan yang baik dan menerangkan asas hubungan di antara dua golongan itu.

Pusingan yang kedua membicarakan sarana-sarana mencegah jenayah zina dan menjauhkan diri dari sebab-sebab yang menimbulkan godaan-godaan keberahian nafsu. Mula-mula diterangkan peradaban-peradaban rumahtangga dan peradaban meminta keizinan penghuninya (sebelum memasuki sesebuah rumah) serta menyuruh supaya menahankan diri (dari memandang pandangan yang diharamkan) dan melarang kaum perempuan dari menonjol-nonjolkan perhiasan melainkan kepada mahram, juga menggalakkan supaya mengahwinkan orang-orang yang masih bujang dan memberi amaran supaya jangan menolak gadis-gadis ke dalam lembah pelacuran. Semuanya ini merupakan sarana-sarana pencegahan dan pemeliharaan untuk menjaminkan kebersihan dan kesucian diri di alam hati nurani dan perasaan, juga untuk menolakkan pengaruh-pengaruh yang merangsangkan keinginan-keinginan haiwaniyah yang menekankan saraf orang-orang yang baik dan suci hati ketika mereka menentang pengaruh-pengaruh yang menggoda dan menimbulkan keberahian nafsu.

Pusingan yang ketiga merupakan satu pembicaraan yang disebut di tengah kumpulan peradaban-peradaban yang terkandung di dalam surah ini, di mana ia menghubungkan semua peradaban itu dengan nur Allah dan memperkatakan tentang rumah-rumah yang paling suci yang dimasuki nur Allah, iaitu nur yang sentiasa memasuki rumah-rumah Allah. (Pusingan ini juga) memperkatakan tentang golongan orang-orang kafir, yang mana amalan-amalan mereka sama dengan cahaya dan kelip-kelip fatamurgana yang dusta atau sama seperti kegelapan yang berlapis-lapisan. Kemudian ia mendedahkan berbagai-bagai limpah kurnia dari nur Allah yang terdapat di dalam berbagai-bagai kejadian alam buana, iaitu pada seluruh makhluk yang bertasbih kepada Allah, pada kepulan-kepulan awan, pada pertukaran malam dan siang, pada penciptaan setiap makhluk yang terjadi dari air, yang berbagai-bagai rupa bentuk dan fungsi-fungsinya, berbagai jenis dan bangsanya yang tersergam di muka alam yang dapat dilihat mata hati dan mata kasar.

Pusingan yang keempat memperkatakan tentang golongan Munafiqin yang tidak menunjukkan peradaban yang wajib terhadap Rasulullah s.a.w. iaitu peradaban menyatakan keta'atan dan menerima penghakiman atau pengadilan beliau, di samping menggambarkan peradaban golongan orang-orang Mu'min yang sopan santun dan ta'at patuh, dan kerana itu Allah menjanjikan mereka untuk menerajui khilafah di bumi, mengukuhkan kedudukan mereka di dalam agama dan menolong mereka mengatasi orang-orang kafir.

Kemudian pusingan yang kelima (membawa kita) kembali semula kepada peradaban minta izin dan peradaban tetamu di dalam lingkungan rumahtangga di antara kaum kerabat dan sahabat handai, juga kepada peradaban masyarakat Muslimin selaku satu keluarga terhadap pemimpin dan pendidik mereka Rasulullah s.a.w.

Surah ini ditamatkan dengan sebuah pengumuman yang menerangkan hak pemilikan Allah yang merangkumi seluruh isi langit dan bumi, dan ilmu-Nya yang mengetahui segala perbuatan manusia dan segala rahsia yang tersimpan di dalam hati mereka, juga menerangkan hakikat bahawa seluruh mereka akan pulang kepada Allah dan bahawa hisab mereka akan didasarkan di atas ilmu Allah yang mengetahui seluruh keadaan mereka. Dan sesungguhnya Dia Maha Mengetahui segala sesuatu.

Sekarang marilah kita huraikan secara terperinci:

* * * * * *

(Pentafsiran ayat 1)

Kefardhuan Peraturan Akhlak Sama Dengan Kefardhuan Hukum Hudud

سُورَةٌ أَنزَلْنَٰهَا وَفَرَضْنَٰهَا وَأَنزَلْنَا فِيهَآ ءَايَٰتٍۭ بَيِّنَٰتٍ لَّعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ﴿١﴾

"(Ini) adalah satu surah yang Kami turunkannya dan memfardhukan hukum-hukum yang terkandung di dalamnya, juga Kami turunkan padanya ayat-ayat yang jelas supaya kamu mengingatinya."(1)

Ayat ini merupakan satu permulaan surah yang tunggal di dalam seluruh (kami memfardhukannya) surah-surah Al-Qur'an. Pengungkapan yang baru di dalam permulaan ini ialah kata-kata "فرضناها" dan yang dimaksudkan dengan kata-kata ini - mengikut pengetahuan kami - ialah memberi penegasan yang kuat supaya segala kefardhuan yang disebut di dalam surah ini dipegang sama kuat belaka, kerana kefardhuan peradaban-peradaban dan akhlak di dalam surah ini sama dengan kefardhuan hudud dan hukuman-hukuman keseksaan. Itulah peradaban-peradaban dan akhlak-akhlak yang ditanam di dalam fitrah manusia dan dilupai mereka kerana dipengaruhi godaan-godaan nafsu dan penyelewengan-penyelewengan, dan justeru itu ia diperingatkan kembali oleh ayat-ayat yang jelas ini supaya disedari mereka dan supaya mereka kembali semula kepada logik fitrah yang amat jelas itu.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 2 - 3)
Hukum Hudud Jenayah Zina

Permulaan yang kuat, terus terang dan tegas ini diiringi dengan penerangan yang menjelaskan hukum hudud zina dan mencelakan perbuatan yang keji itu sebagai satu jenayah yang memutuskan hubungan-hubungan dan pertalian-pertalian di antara penjenayah-penjenayah zina dengan umat Muslimin:

ٱلزَّانِيَةُ وَٱلزَّانِي فَٱجْلِدُوا۟ كُلَّ وَٰحِدٍ مِّنْهُمَا مِا۟ئَةَ جَلْدَةٍ وَلَا تَأْخُذْكُم بِهِمَا رَأْفَةٌ فِى دِينِ ٱللَّهِ إِن كُنتُمْ تُؤْمِنُونَ بِٱللَّهِ وَٱلْيَوْمِ ٱلْـَٔاخِرِ وَلْيَشْهَدْ عَذَابَهُمَا طَآئِفَةٌ مِّنَ ٱلْمُؤْمِنِينَ ﴿٢﴾ ٱلزَّانِى لَا يَنكِحُ إِلَّا زَانِيَةً أَوْ مُشْرِكَةً وَٱلزَّانِيَةُ لَا يَنكِحُهَآ إِلَّا زَانٍ أَوْ مُشْرِكٌ وَحُرِّمَ ذَٰلِكَ عَلَى ٱلْمُؤْمِنِينَ ﴿٣﴾

"Perempuan yang berzina dan lelaki yang berzina, maka sebatkanlah setiap orang dari keduanya seratus kali sebat, dan janganlah kamu dipengaruhi perasaan kasihan belas terhadap keduanya dalam menjalankan hukum agama Allah jika kamu benar beriman kepada Allah dan kepada hari Akhirat, dan hendaklah penderaan ke atas keduanya disaksikan oleh sekumpulan orang-orang yang beriman (2). Lelaki yang berzina tidak layak bernikah melainkan dengan perempuan yang berzina atau dengan perempuan yang Musyrik, dan perempuan yang berzina juga tidak layak dinikahi melainkan oleh lelaki yang berzina atau oleh lelaki yang Musyrik. Perkahwinan sedemikian diharamkan kepada orang-orang yang beriman."(3)

Hukum hudud jenayah zina di permulaan Islam telah diterangkan di dalam Surah an-Nisa':

وَٱلَّٰتِى يَأْتِينَ ٱلْفَٰحِشَةَ مِن نِّسَآئِكُمْ فَٱسْتَشْهِدُوا۟ عَلَيْهِنَّ أَرْبَعَةً مِّنكُمْ فَإِن شَهِدُوا۟ فَأَمْسِكُوهُنَّ فِى ٱلْبُيُوتِ حَتَّىٰ يَتَوَفَّىٰهُنَّ ٱلْمَوْتُ أَوْ يَجْعَلَ ٱللَّهُ لَهُنَّ سَبِيلًا ﴿١٥﴾

"Dan perempuan-perempuan yang melakukan perbuatan yang keji dari perempuan-perempuan kamu, maka hendaklah kamu bawakan empat orang di antara kamu sebagai saksi-saksi di atas perbuatan mereka, kemudian apabila mereka (saksi-saksi) memberi kesaksian, maka kurungkan perempuan-perempuan itu di dalam rumah sehingga maut menamatkan ajal mereka atau sehingga Allah mengadakan untuk mereka satu jalan (hukuman) yang lain."(15)

Pada masa itu hukuman keseksaan terhadap perempuan yang bersalah ialah dikenakan kurungan di rumah dan deraan dengan memalukan mereka, dan hukuman keseksaan terhadap lelaki yang bersalah ialah deraan dengan memalukan mereka.

Kemudian Allah menurunkan hukum hudud jenayah zina di dalam Surah an-Nur dan hukuman inilah yang diisyaratkan sebelum ini dalam Surah an-Nisa' dengan kata-kata:

أَوْ يَجْعَلَ ٱللَّهُ لَهُنَّ سَبِيلًا ﴿١٥﴾

"Atau sehingga Allah mengadakan untuk mereka satu jalan (hukuman) yang lain."(15)

Hukuman sebat ialah hukum hudud bagi penjenayah-penjenayah lelaki dan perempuan yang masih dara dan tidak muhsan (yang belum berkahwin). Hukuman ini dikenakan ke atas mereka jika mereka beragama Islam, akil baligh dan merdeka. Tetapi mana-mana orang yang muhsan (yang telah berkahwin) iaitu orang yang telah mengalami hubungan kelamin di dalam perkahwinan yang sah serta beragama Islam, merdeka dan akil baligh, maka hukum hudud baginya ialah rejam.

Hukuman rejam dithabitkan dengan as-Sunnah, dan hukuman sebat dithabitkan dengan Al-Qur'an. Oleh sebab keterangan nas Al-Qur'an mengenai hukuman ini merupakan nas mujmal dan umum, sedangkan Rasulullah s.a.w. telah menjatuhkan hukuman rejam ke atas penzina-penzina yang muhsan (yang telah berkahwin), maka di sini nyatalah bahawa hukuman sebat itu adalah hukuman yang khusus bagi penzina yang tidak muhsan (yang belum berkahwin).

Di sana terdapat perselisihan fiqhi mengenai mengumpulkan hukuman sebat dan rejam ke atas penzina yang muhsan. Jumhur ulama' berpendapat bahawa hukuman sebat dan rejam tidak dikumpulkan ke atasnya, begitu juga di sana terdapat perselisihan fiqhi tentang mengenakan hukuman buang daerah dan hukuman sebat ke atas penzina lelaki yang tidak muhsan, juga tentang hukuman had ke atas penzina yang tidak merdeka. Perselisihan pendapat itu amat panjang dan kerana itu kami tidak dapat menghuraikannya dengan terperinci di sini dan bolehlah disemak pada tempatnya di dalam kitab-kitab fekah. Kami hanya ingin meneruskan huraian kami mengenai hikmat dari perundangan ini sahaja. Menurut pandangan kami sebab dikenakan hukuman sebat ke atas penzina yang dara (tidak muhsan) dan hukuman rejam ke atas penzina yang muhsan ialah kerana seorang Muslim yang merdeka, akil baligh dan pernah mengalami hubungan kelamin dalam satu pernikahan yang sah telah pun mengetahui jalan (memenuhi keinginan nafsu) yang betul dan bersih, oleh itu apabila dia meninggalkan jalan yang bersih dan memilih jalan zina, maka perbuatan ini menunjukkan bahawa fitrahnya telah rosak dan menyeleweng. Oleh sebab itu, dia wajar menerima hukuman yang keras, berlainan halnya dengan anak dara yang lalai dan tidak berpengalaman, yang bertindak terburu-buru di bawa tekanan pengaruh keinginan nafsu tanpa pengalaman. Di sana ada lagi satu perbezaan lain dalam tabi'at perlakuan zina itu, iaitu penzina yang muhsan telah mempunyai

pengalaman yang menjadikannya meni'mati dan melakukan perbuatan itu dengan selera dan keinginan yang lebih mendalam dari selera dan keinginan yang dini'mati oleh penzina yang dara, oleh sebab itu dia lebih wajar menerima hukuman yang lebih keras.

Di sini Al-Qur'an hanya menyebut hukum hudud zina bagi penzina yang dara sahaja sebagaimana telah diterangkan sebelum ini. Ia menyarankan supaya anak dara yang berzina itu dihukum dengan keras tanpa maaf dan kasihan belas:

ٱلزَّانِيَةُ وَٱلزَّانِى فَٱجْلِدُوا۟ كُلَّ وَٰحِدٍ مِّنْهُمَا مِا۟ئَةَ جَلْدَةٍ ۖ وَلَا
تَأْخُذْكُم بِهِمَا رَأْفَةٌ فِى دِينِ ٱللَّهِ إِن كُنتُمْ تُؤْمِنُونَ بِٱللَّهِ وَٱلْيَوْمِ
ٱلْـَٔاخِرِ ۖ وَلْيَشْهَدْ عَذَابَهُمَا طَآئِفَةٌ مِّنَ ٱلْمُؤْمِنِينَ ﴿٢﴾

"Perempuan yang berzina dan lelaki yang berzina, maka sebatkanlah setiap orang dari keduanya seratus kali sebat, dan janganlah kamu dipengaruhi perasaan kasihan belas terhadap keduanya dalam menjalankan hukum agama Allah jika kamu benar beriman kepada Allah dan kepada hari Akhirat, dan hendaklah penderaan ke atas keduanya disaksikan oleh sekumpulan orang-orang yang beriman."(2)

Itulah ketegasan dalam menjalankan hukum hudud iaitu tidak ada kasihan belas dalam menghukumkan pasangan yang bersalah itu dan hukuman itu tidak boleh dihalang atau digantung atau dijalankan dengan berlemah lembut kerana meringan-ringankan hukum agama Allah dan hak-Nya. Hukuman itu hendaklah dilakukan di tempat umum yang dihadiri oleh sekumpulan orang-orang yang beriman supaya kesan hukuman itu lebih pedih dan perit pada hati orang-orang yang melakukan kesalahan itu dan pada hati orang-orang yang menyaksikan hukuman itu.

Kemudian Al-Qur'an menambahkan lagi dengan satu kenyataan yang mencela dan memburukkan perbuatan zina itu serta memutuskan hubungan di antara orang-orang yang melakukan perbuatan itu dengan masyarakat Muslimin:

ٱلزَّانِى لَا يَنكِحُ إِلَّا زَانِيَةً أَوْ مُشْرِكَةً وَٱلزَّانِيَةُ لَا يَنكِحُهَآ
إِلَّا زَانٍ أَوْ مُشْرِكٌ ۚ وَحُرِّمَ ذَٰلِكَ عَلَى ٱلْمُؤْمِنِينَ ﴿٣﴾

"Lelaki yang berzina tidak layak bernikah melainkan dengan perempuan yang berzina atau dengan perempuan yang Musyrik, dan perempuan yang berzina juga tidak layak dinikahi melainkan oleh lelaki yang berzina atau oleh lelaki yang Musyrik. Perkahwinan sedemikian diharamkan kepada orang-orang yang beriman."(3)

Jadi, orang-orang yang melakukan perbuatan zina tidak melakukannya dengan jiwa mereka sebagai orang-orang yang beriman, malah mereka melakukannya dalam suasana kejiwaan yang jauh dari iman dan kesedaran iman, dan selepas dia melakukan perbuatan itu tidak ada seorang yang beriman yang sudi bernikah dengan seorang yang telah keluar dari keimanan dengan sebab perbuatan yang keji itu, kerana ia merasa jijik dan bencikan hubungan pernikahan itu, sehingga Imam Ahmad mengambil keputusan mengharamkan hubungan perkahwinan di antara lelaki yang berzina dengan perempuan yang bersih dan di antara lelaki yang bersih dengan perempuan yang berzina kecuali berlakunya taubat yang membersihkan mereka dari kekotoran itu. Walau bagaimanapun, ayat ini menerangkan kejijikan perasaan lelaki yang beriman dari berkahwin dengan perempuan yang berzina dan kejijikan perempuan yang berzina dari berkahwin dengan lelaki yang berzina. Al-Qur'an menyatakan tentang jauhnya kemungkinan perkahwinan itu dengan kata-kata pengharaman yang menunjukkan betapa jauhnya kemungkinan itu:

وَحُرِّمَ ذَٰلِكَ عَلَى ٱلْمُؤْمِنِينَ ﴿٣﴾

"Perkahwinan sedemikian diharamkan kepada orang-orang yang beriman."(3)

Penjelasan ini memutuskan hubungan di antara orang-orang yang berzina yang kotor dengan kelompok Muslimin yang suci dan bersih.

Orang Yang Berzina Diputuskan Hubungan Dengan Masyarakat Islam

Menurut riwayat, sebab turunnya ayat ini ialah ada seorang lelaki yang bernama Marthad ibn Abu Marthad. Dia bertugas membawa para tawanan[1] dari Makkah ke Madinah, di waktu itu ada seorang perempuan pelacur di Makkah bernama Anaq. Perempuan ini pernah menjadi teman wanita Marthad. Dia telah berjanji dengan seorang lelaki dari para tawanan itu untuk dibawanya ke Madinah. Kata Marthad: Aku pun datang ke Makkah di waktu malam hingga sampai di bawah bayang salah satu tembok-tembok Makkah. Malam itu terang disinari bulan. Kata Marthad: Tiba-tiba Anaq datang dan dia nampak bayang hitam di bawah tembok itu. Apabila dia sampai ke tempatku dia pun mengenaliku lalu dia berkata: Awak Marthad? Jawabku: Ya, aku Marthad. Dia pun berkata: Selamat datang dan selamat bertemu! Silalah tidur di rumah kami malam ini. Lalu aku pun menjawab: "'Wahai Anaq! Allah telah mengharamkan perbuatan zina". Dia pun terus berseru: "Wahai penghuni-penghuni dalam khemah! Orang ini mahu membawa (melarikan) para tawanan kamu." Kata Marthad: Aku pun terus diikuti oleh lapan orang. Aku menyusup masuk ke dalam sebuah kebun dan sampai ke sebuah lubang atau gua lalu aku pun masuk bersembunyi di dalamnya. Kemudian mereka datang hingga betul-betul mereka berdiri di atas kepalaku kemudian mereka kencing dan air kencing mereka jatuh di atas kepalaku, tetapi Allah telah membutakan Mata mereka dari melihatku. Kata Marthad: Kemudian mereka pulang dan aku pun kembali mendapatkan sahabatku dan aku terus

---

[1] Mungkin yang dimaksudkan dengan para tawanan di sini ialah kumpulan orang-orang Mu'min yang dhaif yang tidak dapat berhijrah kerana ditawan oleh kaum Musyrikin Makkah.

membawanya. Dia seorang yang berat sehingga apabila aku sampai di kawasan rumput aku berhenti membuka tali-tali ikatannya, kemudian aku membawanya semula dan dia menolong aku sehingga sampai ke Madinah. Kemudian aku datang menemui Rasulullah s.a.w. lalu aku bertanya beliau: "Wahai Rasulullah bolehkah saya berkahwin dengan Anaq?" Aku bertanya dua kali, tetapi Rasulullah s.a.w. diam tidak menjawab sesuatu apa pun sehingga turun ayat:

ٱلزَّانِى لَا يَنكِحُ إِلَّا زَانِيَةً أَوْ مُشْرِكَةً وَٱلزَّانِيَةُ لَا يَنكِحُهَآ إِلَّا زَانٍ أَوْ مُشْرِكٌ ۚ وَحُرِّمَ ذَٰلِكَ عَلَى ٱلْمُؤْمِنِينَ ﴿٣﴾

"Lelaki yang berzina tidak layak bernikah melainkan dengan perempuan yang berzina atau dengan perempuan yang Musyrik, dan perempuan yang berzina juga tidak layak dinikahi melainkan oleh lelaki yang berzina atau oleh lelaki yang Musyrik. Perkahwinan sedemikian diharamkan kepada orang-orang yang beriman."(3)

Lalu Rasulullah s.a.w. pun bersabda: "Wahai Marthad! Lelaki yang berzina tidak layak bernikah melainkan dengan perempuan yang berzina atau dengan perempuan yang Musyrik. Oleh sebab itu janganlah engkau berkahwin dengannya."[2]

Riwayat ini menyarankan haram bagi lelaki yang beriman bernikah dengan perempuan yang berzina selama ia tidak bertaubat. Demikianlah juga perkahwinan perempuan yang beriman dengan lelaki yang berzina. Inilah dalil yang dipegang oleh Imam Ahmad, sedangkan ulama'-ulama' yang lain mempunyai pendapat yang berlainan darinya. Pendeknya masalah ini adalah masalah khilafiyah yang boleh disemak di dalam kitab-kitab fekah. Walau bagaimanapun, perbuatan zina merupakan satu perbuatan yang mengasingkan seseorang yang melakukannya dengan masyarakat Muslimin dan memutuskan hubungan-hubungan di antara keduanya. Ini sahaja merupakan satu hukuman keseksaan kemasyarakatan yang amat pedih, iaitu sama pedihnya dengan hukuman sebat atau lebih lagi.

Ketika Islam meletakkan hukuman yang keras dan tegas terhadap perbuatan zina yang keji itu, ia sama sekali tidak mengabaikan dorongan-dorongan keinginan semulajadi manusia atau memeranginya. Islam memang membuat perhitungan bahawa manusia tidak berupaya menolak dorongan keinginan semulajadi itu, malah tiada apa-apa kebaikan kepada mereka menindas atau membunuh keinginan semulajadi. Islam tidak cuba menghentikan fungsi-fungsi tabi'i keinginan semulajadi yang telah dipasangkan Allah di dalam diri manusia dan menjadikannya sebahagian dari undang-undang hidup yang teragung, yang bertujuan melanjutkan hayat umat manusia dan membangunkan alam bumi, di mana umat manusia telah dilantikkan Allah sebagai khalifah-Nya.

Malah apa yang menjadi tujuan Islam hanyalah memerangi nafsu haiwaniyah manusia yang tidak membezakan di antara badan (yang halal) dengan badan (yang haram) dan tidak bertujuan membangunkan rumahtangga dan keluarga atau membangun sebuah kehidupan bersama, yang tidak berakhir dengan detik-detik keputusan nafsu jasad yang kasar sahaja. Islam bertujuan membangunkan hubungan cinta di atas landasan perasaan-perasaan insaniyah yang tinggi, yang membuat pertemuan dua badan itu sebagai pertemuan dua jiwa, dua hati dan dua roh, atau dengan ungkapan yang lebih sempurna Islam mahu menjadikan pertemuan dua badan itu sebagai pertemuan dua insan yang terikat dengan kehidupan bersama, cita-cita bersama, susah derita bersama dan masa depan bersama, yang bertemu dengan zuriat keturunan yang ditunggu-tunggu kedatangannya atau bertemu dengan generasi baru yang ditetas di dalam sarang bersama itu, di mana kedua-duanya menjadi ibu bapa yang tidak pernah bercerai mengawasi dan menjaga mereka.

Di sinilah Islam mengenakan hukuman berat ke atas perbuatan zina kerana perbuatan itu disifatkan sebagai suatu kejatuhan haiwaniyah yang menghancur dan meruntuhkan konsep-konsep dan matlamat-matlamat yang luhur itu, dan menjatuhkan insan ke tahap haiwan yang tidak membezakan di antara satu betina dengan satu betina yang lain dan tidak membezakan di antara satu jantan dengan satu jantan yang lain, malah seluruh cita-citanya hanya memuaskan nafsu daging dan darah dalam detik-detik waktu yang sebentar. Dalam perbuatan zina tidak ada di sebalik kelazatan seksual yang dini'mati itu tujuan untuk membina sesuatu di dalam kehidupan atau tujuan untuk meng'imarahkan alam bumi. Tidak ada di sebalik zina itu sebarang tujuan atau kemahuan untuk menghasilkan zuriat keturunan, malah tidak ada di sebaliknya satu sentimen kasih haqiqi yang luhur, kerana sentimen kasih yang haqiqi mempunyai sifat yang berterusan. Inilah titik yang membezakan di antara sentimen dengan emosi yang terpencil dan terpisah, yang dianggap oleh sebilangan ramai sebagai suatu sentimen kasih yang dibangga-banggakan mereka, malah itulah emosi haiwaniyah yang memakai baju sentimen kasih insaniyah pada setengah-setengah ketika.

Islam tidak memerangi dorongan keinginan semulajadi dan tidak pula menganggapkannya sebagai satu keinginan yang kotor, malah Islam bertujuan untuk mengatur, membersih dan mengangkatkan keinginan semulajadi itu dari taraf kebinatangan kepada taraf yang tinggi hingga menjadi paksi, di mana berlegarnya sebahagian besar dari peradaban-peradaban jiwa dan sosial. Adapun perbuatan zina terutamanya pelacuran, maka ia

---

[2] *Hadith ini diriwayatkan oleh Abu Daud, an-Nasa'i dan at-Tarmizi.*

menghapuskan dari keinginan semulajadi ini segala cita-cita perasaan kasih dan kerinduan rohaniyah yang luhur dan segala peradaban seksual yang terkumpul di sepanjang sejarah manusia. Ia memperlihatkan keinginan semulajadi itu dalam bentuknya yang bogel, kasar dan kotor sama seperti yang ada pada haiwan, malah lebih kasar lagi dari haiwan-haiwan kerana banyak pasangan-pasangan haiwan seperti burung hidup kekal dalam kehidupan suami isteri yang teratur dan jauh dari kekacauan hubungan seks yang berlaku dalam perzinaan terutama pelacuran dalam setengah-setengah masyarakat manusia.

Untuk menghindarkan kejatuhan haiwaniyah dari manusia itulah yang mendorong Islam mengenakan hukuman yang berat dan keras terhadap perbuatan zina di samping menghindarkan keburukan-keburukan sosial yang lain yang biasa ditonjolkan ketika memperkatakan tentang jenayah zina, seperti bercampuraduk keturunan, tercetusnya dendam kesumat dan perseteruan dan terancamnya rumahtangga yang aman tenteram. Semua sebab-sebab ini adalah cukup untuk dijadikan alasan mengenakan hukuman yang berat di atas kesalahan zina. Tetapi yang menjadi sebab utama hukuman berat itu ialah menghindarkan kejatuhan haiwaniyah dari keinginan semulajadi manusia dan memelihara peradaban-peradaban insaniyah yang wujud di sekitar hubungan jantina, juga memelihara matlamat-matlamat hidup yang luhur dari kehidupan bersama suami isteri yang dilandaskan di atas asas yang berpanjangan dan berlanjutan. Inilah sebab yang paling penting - pada hemat saya - yang merangkumi seluruh sebab-sebab kecil yang lain.

Tetapi Islam tidak mengenakan hukuman yang sekeras ini melainkan setelah wujudnya jaminan-jaminan pencegahan yang dapat menghalangkan berlakunya perbuatan zina itu dan menghalangkan pelaksanaan hukuman itu melainkan di dalam kes-kes yang benar-benar thabit, yang tidak terdapat sebarang keraguan, kerana Islam adalah satu sistem hidup yang sepadu, yang tidak hanya ditegakkan di atas hukuman-hukuman keseksaan semata-mata, malah ditegakkan di atas langkah-langkah mengadakan cara-cara hidup yang bersih, kemudian barulah dikenakan hukuman keseksaan terhadap mereka yang tidak mahu menggunakan cara-cara hidup yang selesa ini dan memilih dengan sukarela tanpa sebarang paksa untuk hidup bergelumang di dalam lumpur.

Di dalam surah ini terdapat contoh-contoh dari berbagai-bagai jaminan pencegahan yang akan dibicarakan pada tempatnya.

Apabila jenayah zina berlaku sesudah wujudnya jaminan-jaminan pencegahan itu, maka Islam akan menolak hukuman hudud itu dengan apa sahaja jalan keluar yang terdapat di sana kerana sabda Rasulullah s.a.w.:

إدرأوا الحدود عن المسلمين ما استطعتم فإن كان له مخرج فخلّوا سبيله فإن الإمام أن يخطىء في العفو خير من أن يخطىء في العقوبة

"Tolakkan hukuman hudud dari orang-orang Islam sedaya upaya kamu, jika dia mempunyai jalan keluar, maka bebaskannya, kerana bagi pemerintah lebih baik dia tersalah memberi keampunan dari tersalah menjatuhkan hukuman."[3]

Oleh sebab itulah Islam menuntut diadakan empat orang saksi yang adil yang mengaku melihat perbuatan zina itu atau menuntut pengakuan yang benar yang tidak ada sebarang keraguan.

Mungkin ada orang berfikir bahawa hukuman yang sedemikian adalah suatu hukuman khayal sahaja yang tidak dapat menahan seseorang (dari jenayah zina), kerana hukuman itu tidak dapat dilaksanakan, tetapi Islam - sebagaimana telah kami katakan sebelum ini - tidak menegakkan binaannya di atas hukuman keseksaan semata-mata, malah ia ditegakkan di atas langkah-langkah pencegahan sebab-sebab yang mendorong ke arah jenayah zina dan di atas pendidikan jiwa, pembersihan hati dan perasaan taqwa yang peka yang dirangsangkan di dalam hati manusia, iaitu perasaan yang membuat seseorang merasa segan dan silu malu untuk melakukan jenayah zina yang memutuskan hubungan di antara penzina dengan masyarakat Muslimin. Islam tidak menjatuhkan hukuman rejam melainkan ke atas orang-orang yang angkuh dan berbangga-bangga melakukan kesalahan itu, iaitu orang-orang yang melakukan jenayah zina secara terbuka dan sewenang-wenang tanpa mempedulikan sesiapa hingga perzinaannya dapat dilihat dan disaksi dengan jelas oleh orang-orang yang menyaksi, atau ke atas orang yang ingin membersihkan dirinya dari dosa jenayah zina dengan meminta supaya dilaksanakan hukuman rejam ke atas diri mereka sebagaimana yang telah berlaku kepada Ma'ez dan teman wanitanya al-Ghamidiah. Kedua-dua orang ini datang meminta Rasulullah s.a.w. supaya beliau membersihkan dosa keduanya dengan hukuman rejam. Mereka mendesak beliau menjalankan hukuman itu walaupun beliau berkali-kali menolak permintaan itu sehingga mereka membuat pengakuan sebanyak empat kali dan dengan pengakuan ini hukuman rejam terpaksa dilakukan ke atas mereka kerana pengakuan itu telah dibuat kepada Rasulullah dengan cara yang cukup memberi keyakinan tanpa sebarang keraguan. Sabda Rasulullah s.a.w.:

تعافوا الحدود فيما بلغني من حدّ فقد وجب

"Bermaaf-maaflah kamu terhadap kesalahan-kesalahan hudud yang berlaku di antara kamu kerana sebarang

---

[3] *Hadith ini dikeluarkan oleh at-Tarmizi dari hadith 'Aisyah r.a.*

kesalahan hudud yang sampai kepada aku, maka wajiblah dilaksanakan hukuman itu."[4]

Apabila keyakinan telah wujud dan kesalahan itu telah sampai kepada pemerintah, maka wajiblah dijalankan hukuman hudud. Tiada lagi sebarang timbang rasa dan kasihan belas dalam menegakkan hukum agama Allah, kerana kasihan belas terhadap orang-orang yang melakukan kesalahan zina merupakan suatu perbuatan yang kejam terhadap masyarakat dan terhadap, peradaban-peradaban insaniyah dan seterusnya terhadap hati nurani manusia. Kasihan belas itu hanya merupakan suatu kasihan belas yang pura-pura sahaja. Allah lebih bertimbang rasa dan kasihan belas kepada para hamba-Nya dan Allah telah memilih hukuman hudud itu untuk mereka dan kerana itu tidak wajar kepada seseorang Mu'min lelaki dan perempuan membuat pilihan yang lain apabila Allah telah menetapkan hukuman-Nya kerana Allah amat mengetahui segala kepentingan para hamba-Nya dan amat mengenal tabi'at-tabi'at mereka. Tiadalah wajar kepada sesiapa untuk mengkritik dengan sombong terhadap kekerasan hukuman rejam itu, kerana hukuman itu merupakan hukuman yang paling bertimbang rasa terhadap masyarakat, di mana merebaknya jenayah zina dan di mana fitrah manusia rosak dan terhumban ke dalam lumpur dan jatuh ke dasar haiwaniyah yang rendah.

Mengenakan hukuman keseksaan yang keras terhadap jenayah zina itu sahaja tidak cukup untuk memelihara kehidupan masyarakat Muslimin dan untuk membersihkan suasana hidup mereka. Justeru itu Islam tidak hanya bergantung kepada hukuman keseksaan semata-mata untuk mewujudkan kehidupan masyarakat yang bersih - sebagaimana kami telah tegaskan tadi - malah ia bergantung kepada langkah-langkah pencegahan yang menjaminkannya dan langkah-langkah membersihkan seluruh suasana hidup dari bau-bau jenayah itu.

Oleh sebab itu selepas menyebut hukuman zina Al-Qur'an iringi dengan satu kenyataan yang mengasingkan para penzina dari badan umat Muslimin, kemudian ia maju setapak lagi dalam usaha menjauhkan bayang-bayang jenayah zina itu dari suasana masyarakat Muslimin dengan mengenakan hukuman keseksaan terhadap sesiapa yang menuduh wanita-wanita muhsan tanpa bukti-bukti yang kuat:

وَٱلَّذِينَ يَرۡمُونَ ٱلۡمُحۡصَنَٰتِ ثُمَّ لَمۡ يَأۡتُواْ بِأَرۡبَعَةِ
شُهَدَآءَ فَٱجۡلِدُوهُمۡ ثَمَٰنِينَ جَلۡدَةٗ وَلَا تَقۡبَلُواْ لَهُمۡ
شَهَٰدَةً أَبَدٗاۚ وَأُوْلَٰٓئِكَ هُمُ ٱلۡفَٰسِقُونَ ٤

"Dan orang-orang yang menuduh perempuan-perempuan muhsan (dengan tuduhan berzina) kemudian mereka tidak dapat membawa empat orang saksi, maka sebatkanlah mereka lapan puluh kali sebat dan janganlah kamu menerima kesaksian mereka untuk selama-lamanya, dan merekalah orang-orang yang fasiq."(4)

Jenayah Melempar Tuduhan Zina

Membiarkan lidah orang ramai bebas melemparkan tuduhan zina terhadap wanita-wanita muhsan, iaitu wanita-wanita yang baik dan merdeka sama ada janda atau dara tanpa bukti yang jelas bererti membuka peluang yang luas kepada sesiapa sahaja, yang mahu menuduh mana-mana wanita atau mana-mana lelaki yang tidak berdosa dengan tuduhan zina yang keji itu, kemudian dia berlalu begitu sahaja dengan aman, ini akan menyebabkan maruah dan nama baik masyarakat Islam pagi dan petang akan terluka dan tercemar, di mana setiap orang dalam masyarakat itu boleh dituduh atau terdedah kepada tuduhan dan setiap suami boleh mengesyaki isteri dan setiap isteri boleh mengesyaki suaminya dan setiap orang boleh mengesyaki asal-usul keturunannya dan setiap rumahtangga terancam kepada keruntuhan. Pendeknya ia membuat masyarakat itu berada dalam keadaan syak wasangka, kegelisahan dan keraguan.

Ini disebabkan kerana apabila tuduhan-tuduhan itu selalu sahaja didengar, maka ia akan menyarankan ke dalam hati orang-orang yang segan melakukan perbuatan zina bahawa suasana masyarakat semuanya telah tercemar dan perbuatan zina telah menjadi satu perbuatan yang lumrah di dalam masyarakat dan orang-orang yang selama ini segan melakukannya akan menjadi berani melakukannya. Keburukan dan kekejian maksiat zina akan dipandang ringan olehnya kerana terlalu kerap dilakukannya dan kerana ia sedar bahawa ramai orang yang lain juga turut melakukannya.

Oleh sebab itu hukuman zina tidak dapat menahan berlakunya perbuatan zina apabila masyarakat pagi dan petang bernafas dalam suasana kotor yang menggalakkan orang melakukan perbuatan itu.

Kerana itu dan kerana tujuan memelihara maruah dari dicabul dan memelihara ampunya-ampunya maruah itu dari kesengsaraan dan penderitaan batin yang dicurahkan ke atas mereka, Al-Qur'anul-Karim mengenakan hukuman yang berat terhadap perbuatan menuduh orang lain dengan zina, dan menjadikannya hampir-hampir sama dengan hukuman zina, iaitu lapan puluh kali sebat serta digugurkan kesaksiannya (tidak dipakai kesaksiannya) dan ia dicapkan sebagai seorang yang fasiq. Hukuman pertama merupakan hukuman jasmaniyah dan hukuman yang kedua merupakan hukuman moral, di kalangan masyarakat Muslimin. Hukuman itu sudah cukup berat apabila perkataan-perkataan si penuduh itu disia-siakan sahaja dan kesaksiannya tidak dipakai dan diterima, dan kehormatannya digugurkan di mata orang ramai, di mana ia berjalan selaku seorang

---

[4] Hadith ini dikeluarkan oleh Abu Daud dibawa kitab al-Hudud (dalam bab memberi kemaafan kepada kesalahan hudud selama mana ianya belum sampai kepada pemerintah).

pesalah yang tidak boleh dipercayai percakapannya. Hukuman yang ketiga merupakan hukuman keagamaan, iaitu dia seorang yang menyeleweng dari keimanan dan terkeluar dari jalannya yang betul. Itulah hukuman-hukuman yang akan diterima oleh si penuduh itu kecuali dia dapat mengadakan empat orang saksi yang benar-benar melihat perlakuan zina itu atau mengadakan tiga orang saksi bersama dengan dirinya sendiri jika dia melihat perlakuan itu, maka barulah perkataannya benar dan barulah hukuman rejam itu dijalankan ke atas orang yang melakukannya.

Masyarakat Islam tidak akan mengalami apa-apa kerugian kerana mengambil sikap diam dari membuat tuduhan yang tidak dapat dipastikan kebenarannya sebagaimana ia akan mengalami kerugian apabila tuduhan-tuduhan boleh dilempar begitu lumrah dan mudah, dan apabila tuduhan-tuduhan itu boleh diheboh-hebohkan tanpa silu malu hingga menimbulkan suasana yang menggalakkan orang-orang yang selama ini segan melakukan perbuatan yang dianggap kotor, terlarang dan jarang berlaku itu kepada berani melakukannya. Selain dari itu perbuatan menuduh itu akan menimbulkan penderitaan-penderitaan jiwa yang teruk yang dialami oleh perempuan-perempuan dan lelaki yang baik dan merdeka, juga menimbulkan kesan-kesan buruk dalam kehidupan orang ramai dan menggugatkan ketenteraman rumahtangga mereka.

Hukuman-hukuman yang lain yang dijatuhkan ke atas si penuduh selepas dijalankan hukuman sebat ke atasnya akan terus terhunus di atas kepalanya kecuali dia bertaubat:

إِلَّا الَّذِينَ تَابُوا مِن بَعْدِ ذَٰلِكَ وَأَصْلَحُوا فَإِنَّ اللَّهَ غَفُورٌ
رَّحِيمٌ ﴿٥﴾

"Kecuali mereka yang bertaubat selepas itu dan memperbaiki dirinya, maka sesungguhnya Allah Maha Pengampun dan Maha Pengasih."(5)

Para Fuqaha telah berselisih tentang pengecualian ini. Apakah pengecualian ini hanya melibatkan hukuman yang akhir sahaja (yang disebut dalam ayat 4) iaitu dihapuskan sifat fasiq darinya sahaja, sedangkan kesaksiannya terus kekal tidak diterima? Atau kesaksiannya juga boleh diterima apabila dia bertaubat? Menurut para imam iaitu Malik, Ahmad dan asy-Syafii apabila dia bertaubat, maka kesaksiannya boleh diterima dan terhapuslah darinya hukuman fasiq, tetapi ujar imam Abu Hanifah: Pengecualian itu hanya melibatkan ungkapan yang akhir (أولئك هم الفاسقون) sahaja iaitu dihapuskan sifat fasiq sahaja dengan taubat itu, tetapi kesaksiannya terus ditolak. Ujar asy-Sya'bi dan adh-Dhahak: Kesaksiannya tidak diterima walaupun dia bertaubat kecuali dia membuat pengakuan terhadap dirinya bahawa dia telah membuat pembohongan dalam tuduhannya itu, ketika itu bolehlah diterima kesaksiannya.

Saya memilih pendapat yang akhir ini kerana ia menambahkan taubat dengan membuat pengumuman bahawa yang tertuduh itu bersih dari tuduhan itu, iaitu dengan pengakuan secara langsung dari si penuduh itu, dan dengan pengumuman itu terhapuslah kesan terakhir dari kesalahan membuat tuduhan itu dan tidaklah boleh dikatakan lagi bahawa si penuduh telah dikenakan hukuman hudud kerana dia tidak dapat menunjukkan bukti-bukti yang cukup, dan supaya tiada siapa lagi yang mendengar tuduhan itu terlintas di dalam hatinya bahawa tuduhan itu mungkin benar, tetapi cumanya si penuduh sahaja yang tidak dapat mengadakan saksi-saksi yang cukup. Dengan pengumuman pengakuan itu maruah yang terdedah itu akan kembali bersih dengan sempurna dan kehormatannya dari segi perasaan orang ramai dapat diperlihatkan kembali setelah dipulihkan kehormatannya dari segi undang-undang syara'. Oleh sebab itu tidak ada lagi suatu sebab yang wajar untuk terus menolak atau mensia-sia kehormatan si penuduh yang telah menerima hukuman hudud dan bertaubat serta mengakui pembohongannya itu.

Itulah hukum qazaf yang umum (القذف العام), tetapi yang dikecualikan dari hukum itu ialah tuduhan yang dibuat oleh suami terhadap isterinya, kerana menuntut si suami mengadakan empat orang saksi itu merupakan satu tuntutan yang amat memberatkannya, sebab yang diandaikan di sini ialah si suami tidak menuduh isterinya melainkan tuduhan itu adalah benar sebab tuduhan itu boleh menjatuhkan kehormatan dirinya sendiri dan merosakkan nama baiknya dan kehormatan anak-anaknya. Oleh sebab itulah satu hukum yang khusus telah diadakan untuk tuduhan seperti ini:

وَالَّذِينَ يَرْمُونَ أَزْوَاجَهُمْ وَلَمْ يَكُن لَّهُمْ شُهَدَاءُ إِلَّا
أَنفُسُهُمْ فَشَهَادَةُ أَحَدِهِمْ أَرْبَعُ شَهَادَاتٍ بِاللَّهِ إِنَّهُ لَمِنَ
الصَّادِقِينَ ﴿٦﴾
وَالْخَامِسَةُ أَنَّ لَعْنَتَ اللَّهِ عَلَيْهِ إِن كَانَ مِنَ الْكَاذِبِينَ ﴿٧﴾
وَيَدْرَأُ عَنْهَا الْعَذَابَ أَن تَشْهَدَ أَرْبَعَ شَهَادَاتٍ بِاللَّهِ إِنَّهُ
لَمِنَ الْكَاذِبِينَ ﴿٨﴾
وَالْخَامِسَةَ أَنَّ غَضَبَ اللَّهِ عَلَيْهَا إِن كَانَ مِنَ الصَّادِقِينَ ﴿٩﴾
وَلَوْلَا فَضْلُ اللَّهِ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَتُهُ وَأَنَّ اللَّهَ تَوَّابٌ
حَكِيمٌ ﴿١٠﴾

"Dan orang-orang yang menuduh isteri-isteri mereka (dengan tuduhan berzina), sedangkan mereka tidak mempunyai saksi-saksi selain diri mereka, maka kesaksian seseorang dari mereka ialah bersumpah empat kali dengan nama Allah bahawa dia adalah dari golongan yang benar (6).

Dan sumpah kali yang kelima ialah: Bahawa sesungguhnya laknat Allah (akan ditimpakan ke atasnya) jika dia dari golongan yang berdusta (7). Dan si isteri dapat menghindarkan keseksaan itu darinya dengan bersumpah sebanyak empat kali dengan nama Allah bahawa suaminya itu dari golongan yang berdusta (8). Dan sumpah kali yang kelima ialah bahawa sesungguhnya kemurkaan Allah (akan ditimpakan ke atasnya) jika suaminya dari golongan yang benar (9). Dan jika tidak kerana limpah kurnia Allah dan rahmat-Nya ke atas kamu dan tidak kerana Allah Maha Penerima Taubat dan Maha Bijaksana (tentulah kamu mendapat malu dan seksa)."(10)

Hukum Qazaf Yang Dibuat Suami Terhadap Isterinya

Ayat-ayat ini memberi kemudahan kepada para suami, sesuai dengan suasana yang rumit dan sukar, iaitu ketika suami melihat isterinya berzina, sedangkan dia tidak mempunyai seorang saksi pun selain dari dirinya sendiri, maka ketika itu hendaklah dia bersumpah empat kali dengan nama Allah bahawa dia bercakap benar menuduh isterinya berzina dan kemudian hendaklah dia bersumpah pada kali yang kelima agar laknat Allah ditimpakan ke atas dirinya jika dia dari golongan orang yang berdusta. Sumpah-sumpah ini dinamakan kesaksian-kesaksian kerana dia sahaja seorang saksi yang tunggal apabila dia berbuat begitu, maka hendaklah dia memberi kepada isterinya kadar maskahwinnya[5] dan terceraílah isteri itu darinya dengan talaq ba'in dan terhaklah di atas isterinya hukuman hudud zina iaitu hukuman rejam kecuali dia mahu menolakkan hukuman hudud itu, maka di waktu itu hendaklah dia bersumpah empat kali bahawa suaminya berdusta membuat tuduhan zina itu ke atas dirinya kemudian hendaklah dia bersumpah pada kali yang kelima agar kemurkaan Allah ditimpakan ke atas dirinya jika dia bohong. Dengan berbuat demikian tertolaklah hukuman hudud darinya dan terceraílah dia dengan mula'anah dari suaminya dengan talaq ba'in, dan anaknya - jika dia mengandung - tidak boleh dihubungkan (dibinkan) kepada bekas suaminya, bahkah hendaklah dihubungkan kepada dirinya, dan anaknya itu tidak boleh dituduh (sebagai anak zina) dan barang siapa yang membuat tuduhan terhadapnya akan dikenakan hukum hudud.

Kemudian Allah iringkan kenyataan yang memberi keringanan dan kemudahan menghadapi suasana yang rumit dan sukar itu dengan ulasannya:

وَلَوۡلَا فَضۡلُ ٱللَّهِ عَلَيۡكُمۡ وَرَحۡمَتُهُۥ وَأَنَّ ٱللَّهَ تَوَّابٌ حَكِيمٌ ١٠

"Dan jika tidak kerana limpah kurnia Allah dan rahmat-Nya ke atas kamu dan tidak kerana Allah Maha Penerima Taubat dan Maha Bijaksana (tentulah kamu mendapat malu dan seksa)."(10)

Allah tidak menjelaskan apakah akibat yang akan berlaku andainya limpah kurnia Allah dan rahmat-Nya tidak memberi kemudahan-kemudahan yang seperti ini dan andainya. Dia tidak memberi kemudahan bertaubat selepas melakukan dosa-dosa itu. Allah tidak menjelaskan akibat ini supaya ia tinggal menjadi suatu kenyataan yang umum, yang tidak terperinci yang ditakuti oleh orang-orang yang bertaqwa. Tetapi ungkapan ayat ini membayangkan bahawa akibat yang mungkin berlaku ialah satu bala kesusahan yang amat besar.

Di sana terdapat riwayat-riwayat dari hadith-hadith yang sahih mengenai sebab turunnya hukum ini:

Imam Ahmad telah meriwayatkan dengan sanadnya daripada Ibnu 'Abbas katanya: Apabila turun ayat:

وَٱلَّذِينَ يَرۡمُونَ ٱلۡمُحۡصَنَٰتِ ثُمَّ لَمۡ يَأۡتُواْ بِأَرۡبَعَةِ شُهَدَآءَ فَٱجۡلِدُوهُمۡ ثَمَٰنِينَ جَلۡدَةٗ وَلَا تَقۡبَلُواْ لَهُمۡ شَهَٰدَةً أَبَدٗاۚ وَأُوْلَٰٓئِكَ هُمُ ٱلۡفَٰسِقُونَ ٤

Maka Sa'd ibn 'Ubadah ketua kaum Ansar r.a. pun berkata: Beginikah ayat-ayat ini diturunkan, wahai Rasulullah? Lalu Rasulullah s.a.w. bersabda: "Wahai kaum Ansar! Tidakkah kamu dengar apa kata ketua kamu itu?" Jawab mereka: "Wahai Rasulullah! Janganlah anda menyalahkannya kerana dia seorang lelaki yang sangat cemburu. Demi Allah, dia tidak pernah berkahwin melainkan dengan anak dara dan apabila dia menceraikan mana-mana isterinya, tiada siapa pun dari kami yang berani berkahwin dengannya kerana dia terlalu cemburu". Lalu, Sa'd pun berkata: "Demi Allah, wahai Rasulullah! Saya memang tahu bahawa ayat-ayat itu memang benar dan ia diturunkan dari Allah, tetapi saya merasa kepelikan andainya saya dapati seorang perempuan (isteri) yang jahat sedang berzina dengan seorang lelaki, maka apakah saya tidak dapat mengusik dan mengganggunya hingga saya membawa empat orang saksi? Demi Allah saya tidak sempat membawa saksi-saksi itu sehingga lelaki itu selesai memuaskan nafsunya". Kata Ibnu 'Abbas: Tidak lama kemudian datanglah Hilal ibn Umayah[6] (hendak mengadu kepada Rasulullah s.a.w.) iaitu dia balik dari kebunnya di waktu Isyak, tiba-tiba dia dapati ada seorang lelaki[7] bersama isterinya. Dia melihat dengan dua matanya dan mendengar dengan dua telinganya, tetapi dia tidak mengusik lelaki itu sehingga pada pagi keesokannya dia pun datang menemui Rasulullah s.a.w. lalu dia berkata: "Wahai Rasulullah! Semalam saya balik mendapatkan isteri saya pada waktu Isya', tiba-tiba saya dapati dia bersama seorang lelaki, saya

---

[5] Yakni tidak mengambil balik maskahwin yang telah diberikan kepadanya (penterjemah).

[6] Dia adalah salah seorang dari tiga orang sahabat yang ponteng yang tidak ikut serta dalam Peperangan Tabuk (dan telah diterima taubat dari mereka).

[7] Iaitu Syarik ibn Shuhamai. (penterjemah).

tengok dengan mata saya dan saya dengar dengan telinga saya. Aduannya ini menyebabkan Rasulullah s.a.w. merasa meluat dan mengalami keadaan yang amat sukar, lalu orang-orang Ansar pun mengerumuni Hilal dan berkata: "Kita telah diuji dengan apa yang telah dikatakan Sa'd ibn 'Ubadah. Rasulullah s.a.w. tentu (sekarang) akan memukul Hilal (mengenakan hukuman sebat) dan membatalkan kesaksiannya di hadapan khalayak yang ramai". Lalu Hilal berkata: "Demi Allah, aku mengharapkan Allah mengurniakan jalan keluar kepadaku". Kemudian Hilal berkata kepada Rasulullah s.a.w.: "Wahai Rasulullah, saya nampak anda sedang mengalami perasaan yang amat berat kerana aduan yang telah saya bawa kepada anda, hanya Allah sahaja yang mengetahui bahawa saya bercakap benar..." Demi Allah, Rasulullah s.a.w. sedang bertindak mahu memerintah orang supaya dijalankan hukuman sebat ke atasnya ketika diturunkan wahyu itu kepada beliau. Biasanya apabila wahyu sedang diturunkan kepada beliau, mereka dapat mengecam dari perubahan wajah beliau (lalu mereka pun diam tidak bercakap sehingga beliau selesai menerima wahyu) kemudian turunlah ayat:

وَٱلَّذِينَ يَرۡمُونَ أَزۡوَٰجَهُمۡ وَلَمۡ يَكُن لَّهُمۡ شُهَدَآءُ إِلَّآ
أَنفُسُهُمۡ فَشَهَٰدَةُ أَحَدِهِمۡ أَرۡبَعُ شَهَٰدَٰتِۭ بِٱللَّهِ إِنَّهُۥ لَمِنَ
ٱلصَّٰدِقِينَ ٦

Tiba-tiba hilanglah tanda-tanda perasaan marah dari wajah beliau dan beliau pun terus bersabda: "Terimalah berita baik, wahai Hilal. Allah telah mengurniakan jalan kelepasan dan jalan keluar kepada engkau". Jawab Hilal: "Sesungguhnya saya memang benar-benar mengharapkan pengurniaan itu dari Tuhanku Allah 'Azzawajalla. Kemudian Rasulullah s.a.w. bersabda: "Utuskan orang kepada isteri Hilal itu supaya datang ke mari". Lalu mereka pun mengirim orang menjemput isteri Hilal dan dia pun datang. Kemudian Rasulullah s.a.w. pun membaca ayat-ayat tersebut kepada Hilal dan isterinya serta mengingatkan dan memberitahu kepada keduanya bahawa 'azab Akhirat adalah lebih dahsyat dari 'azab dunia. Lalu Hilal berkata: "Demi Allah, wahai Rasulullah! Saya telah membuat tuduhan yang benar ke atasnya". Isterinya terus menjawab: "Dia bohong". Rasulullah s.a.w. pun bersabda: "Jalankan mula'anah di antara keduanya". Lalu dikatakan kepada Hilal: "Bersumpahlah engkau!", maka Hilal pun bersumpah empat kali sumpah dengan nama Allah bahawa dia dari golongan orang yang bercakap benar. Dan pada sumpah kali yang kelima dikatakan kepada Hilal: "Wahai Hilal, bertaqwalah kepada Allah, kerana sesungguhnya 'azab dunia ini lebih ringan dari 'azab Akhirat dan sumpah inilah yang akan menentukan engkau ditimpakan 'azab itu". Lalu dijawab oleh Hilal: "Demi Allah, Allah tidak akan mengazabkan aku kerana tuduhanku ke atasnya (isterinya) sebagaimana Allah tidak akan mengenakan hukuman sebat ke atasku kerana tuduhanku ke atasnya". Lalu dia pun bersumpah bagi kali yang kelima agar laknat Allah ditimpakan ke atasnya jika dia dari golongan orang yang berdusta. Kemudian dikatakan pula kepada isteri Hilal: "Bersumpahlah engkau empat kali sumpah bahawa dia (suaminya) adalah dari golongan orang yang berdusta". Dan pada sumpah kali yang kelima dikatakan pula kepadanya: "Bertaqwalah kepada Allah, kerana 'azab dunia lebih ringan dari 'azab Akhirat dan sumpah inilah yang akan menentukan engkau ditimpakan 'azab itu". Lalu dia menjadi teragak-agak seketika dan hampir-hampir hendak mengaku, kemudian dia berkata: "Demi Allah, saya tidak akan memalukan kaum keluargaku". Lalu dia pun bersumpah bagi kali yang kelima agar dia ditimpakan kemurkaan Allah jika dia (suaminya) dari golongan orang yang benar. Kemudian Rasulullah s.a.w, pun terus menceraikan di antara keduanya dan menetapkan keputusan bahawa anaknya yang dikandung itu tidak boleh dibinkan kepada bapa dan tidak boleh dituduh (sebagai anak zina) dan barang siapa yang membuat tuduhan ke atasnya akan dikenakan hukuman hudud. Seterusnya beliau menetapkan keputusan bahawa tanggungan mengadakan tempat kediaman dan perbelanjaan, makan minum kepada bekas isterinya tidak lagi diwajibkan ke atasnya (yakni dalam masa iddah) kerana kedua-duanya bercerai tanpa talaq dan bukan pula bercerai kerana kematian. Kemudian beliau bersabda: "Jika dia melahirkan anak yang dikandungkannya itu berambut perang, berpunggung kecil, berbetis kecil, maka anak itu adalah anak Hilal, sebaliknya jika dia melahirkan anak yang dikandungnya itu berkulit sawo matang, berambut kerinting, berbadan kasar dan tegak, berbetis kasar dan berpunggung gempal berisi, maka anak itu adalah anak si lelaki yang dituduh berzina dengannya". Kemudian perempuan itu melahirkan anak yang berkulit sawo matang, berambut kerinting, berbadan kasar dan tegak, berbetis kasar dan berpunggung gempal berisi. Lalu Rasulullah s.a.w. pun bersabda: "Jika tidak kerana sumpah-sumpah itu sudah tentu ada suatu tindakan yang lain bagiku dan bagi perempuan itu".

Demikianlah datangnya penetapan undang-undang tuduhan untuk menghadapi satu peristiwa yang telah berlaku dan untuk mengatasi satu keadaan yang rumit dan sukar kepada orang yang mengalaminya dan kepada orang-orang Islam umumnya. Rasulullah s.a.w. sendiri telah mengalami satu keadaan yang amat yang sukar dan tidak menemui jalan keluar sehingga beliau mula berkata kepada Hilal ibn Umayah sebagaimana diceritakan di dalam riwayat al-Bukhari: "Adakan saksi atau terima hukuman sebat di atas belakangmu", sedangkan Hilal pun berkata: "Wahai Rasulullah, apabila seorang dari kami melihat ada lelaki di atas isterinya, adakah dia pasti pergi mencari saksi?"

Mungkin ada orang berkata: Adakah Allah S.W.T. tidak mengetahui kemungkinan kes yang seperti ini dihadapi oleh undang-undang qazaf yang umum itu,

mengapakah Allah tidak menurunkan keterangan pengecualian itu melainkan setelah berlakunya kes yang menyulitkan itu?

Jawabnya: Memanglah Allah S.W.T. mengetahui kemungkinan itu, tetapi hikmat kebijaksanaan-Nya menghendaki agar undang-undang itu diturun semasa ia dirasa bahawa keadaan memerlukannya supaya manusia menyambutkannya dengan penuh minat dan supaya mereka dapat memahami hikmat dan rahmat yang wujud di sebaliknya. Oleh sebab itulah Allah iringi undang-undang itu dengan ulasannya:

وَلَوْلَا فَضْلُ ٱللَّهِ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَتُهُۥ وَأَنَّ ٱللَّهَ تَوَّابٌ حَكِيمٌ ﴿١٠﴾

"Dan jika tidak kerana limpah kurnia Allah dan rahmat-Nya ke atas kamu dan tidak kerana Allah Maha Penerima Taubat dan Maha Bijaksana (tentulah kamu mendapat malu dan seksa)."(10)

Marilah kita berdiri sebentar di hadapan peristiwa ini untuk melihat bagaimana Islam dan bagaimana didikan Rasulullah s.a.w. melayani manusia dengan Al-Qur'an ini dan bagaimana Al-Qur'an melayani jiwa orang-orang Arab yang sangat cemburu, mudah tersinggung dan amat ghairah itu. Mereka tidak berfikir panjang sebelum mereka bertindak dengan terburu-buru itu. Lihatlah apabila hukuman keseksaan qazaf (membuat tuduhan berzina) itu turun, ia telah diterima oleh mereka dengan perasaan yang berat dan sulit sehingga Sa'd ibn 'Ubadah tergamak bertanya Rasulullah s.a.w.: "Beginikah ayat-ayat ini (ayat-ayat hukum qazaf diturunkan, wahai Rasulullah?" Dia mengemukakan pertanyaan itu, sedangkan dia yakin bahawa ayat-ayat itu memang diturunkan begitu, tetapi dia mahu membayangkan perasaannya yang berat dan sulit untuk tunduk kepada hukum ini dalam kes yang tertentu apabila isteri ditiduri orang. Dia telah menyatakan kepahitan tanggapannya itu dengan katanya: "Demi Allah, wahai Rasulullah! Saya memang tahu bahawa ayat-ayat itu memang benar dan ia diturunkan dari Allah, tetapi saya merasa kepelikan andainya saya dapati perempuan (isteri) yang jahat sedang berzina dengan seorang lelaki, maka apakah saya tidak dapat mengusik dan mengganggunya hingga saya membawa empat orang saksi? Demi Allah saya tidak sempat membawa saksi-saksi itu sehingga lelaki itu selesai memuaskan nafsunya."

Tidak lama kemudian tanggapan yang pahit yang tidak dapat ditanggung oleh Sa'd ibn 'Ubadah di dalam khayalannya itu telah menjadi kenyataan. Seorang lelaki (Hilal) telah melihat (isterinya ditiduri orang) dengan dua matanya dan mendengar dengan telinganya, tetapi dia dapati dirinya (tidak dapat berbuat apa-apa kerana) dihalangi oleh hukum Al-Qur'an. Dia terpaksa menahan perasaannya, menahan adat turun temurunnya, menahan logik masyarakat Arab yang keras dan kuat, menahan darahnya yang mendidih, perasaannya yang memberontak dan saraf-sarafnya yang melonjak-lonjak. Dia menahan semuanya ini kerana menunggu hukum Allah dan hukum Rasulullah s.a.w. Ini adalah satu beban yang amat sulit dan amat memenatkan, tetapi didikan Islam telah berjaya menyiapkan jiwa mereka untuk memikul beban itu supaya tidak ada hukum yang lain melainkan hanya hukum Allah sahaja yang berdaulat dalam urusan-urusan, yang bersangkutan dengan diri mereka dan kehidupan mereka.

Bagaimana hal ini boleh berlaku? Hal ini boleh berlaku kerana mereka merasa bahawa Allah bersama mereka dan bahawa mereka sentiasa berada di dalam perlindungan Allah dan bahawa Allah sentiasa menjaga kepentingan mereka. Allah tidak mentaklifkan perkara yang menyusah dan menyulitkan mereka, Allah tidak membiarkan mereka apabila sesuatu perkara itu telah melampaui batas keupayaan mereka dan Allah selama-lamanya tidak menzalimi mereka. Mereka sentiasa hidup di bawah naungan Allah dan bernafas dengan bayu Allah yang nyaman. Mereka sentiasa mengharapkan kepada Allah sebagaimana kanak-kanak mengharapkan kepada pembela dan penjaganya yang baik hati. Lihatlah Hilal ibn Umayah. Dia melihat (isterinya ditiduri orang) dengan dua matanya dan mendengar dengan dua teliganya, sedangkan dia seorang sahaja yang melihat peristiwa itu, lalu dia mengadu kepada Rasulullah s.a.w., tetapi Rasulullah s.a.w. tidak mendapat jalan keluar yang lain selain dari menjalankan hukuman hudud ke atasnya apabila beliau berkata kepadanya: "Adakan saksi atau terima hukuman sebat di atas belakangmu", tetapi Hilal tidak fikir bahawa Allah akan membiarkannya menerima hukuman sebat kerana dakwaannya adalah benar, tiba-tiba Allah menurunkan hukum pengecualian dalam kes, tuduhan suami terhadap isteri. Lalu Rasulullah s.a.w. menyampaikan berita baik itu kepada Hilal dan dia terus mengeluarkan kata-kata orang yang yakin kepada kebenarannya: "Sesungguhnya saya memang benar-benar mengharapkan pengurniaan itu dari Tuhanku Allah 'Azzawajalla" itulah keyakinan kepada rahmat Allah dan kepada pemeliharaan dan keadilan-Nya, lebih-lebih lagi keyakinan bahawa Allah sentiasa bersama mereka dan bahawa mereka tidak akan dibiarkan kepada diri mereka. Mereka yakin mereka berada di hadapan Allah dan di bawah jagaan-Nya. Inilah keimanan yang membuat mereka rela ta'at dan patuh kepada hukum Allah.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 11 - 26)

Setelah selesai menerangkan hukum qazaf, Al-Qur'an membawa satu contoh perbuatan qazaf untuk mendedahkan betapa keji dan buruknya jenayah itu. Ia melibatkan rumahtangga Nabi sendiri yang bersih dan mulia, ia menyentuh kehormatan Rasulullah

s.a.w. semulia-mulia insan di sisi Allah dan kehormatan sahabatnya Abu Bakr as-Siddiq r.a. semulia-mulia insan di sisi Rasulullah s,a.w., juga menanggung kehormatan seorang sahabat iaitu Safwan ibn al-Mu'attal r.a. yang disaksi oleh Rasulullah s.a.w. sebagai seorang yang sangat baik. Peristiwa fitnah ini telah menjadi buah mulut kaum Muslimin di Madinah selama sebulan.

Itulah peristiwa fitnah yang cuba menyentuh dan mencabul kehormatan tokoh-tokoh yang berada di maqam yang tinggi dan luhur:

Fitnah Terhadap Siti 'Aisyah r.a.

إِنَّ ٱلَّذِينَ جَآءُو بِٱلْإِفْكِ عُصْبَةٌ مِّنكُمْ لَا تَحْسَبُوهُ شَرًّا
لَّكُم بَلْ هُوَ خَيْرٌ لَّكُمْ لِكُلِّ ٱمْرِئٍ مِّنْهُم مَّا ٱكْتَسَبَ
مِنَ ٱلْإِثْمِ وَٱلَّذِى تَوَلَّىٰ كِبْرَهُۥ مِنْهُمْ لَهُۥ عَذَابٌ عَظِيمٌ ﴿١١﴾
لَّوْلَآ إِذْ سَمِعْتُمُوهُ ظَنَّ ٱلْمُؤْمِنُونَ وَٱلْمُؤْمِنَٰتُ بِأَنفُسِهِمْ
خَيْرًا وَقَالُوا۟ هَٰذَآ إِفْكٌ مُّبِينٌ ﴿١٢﴾
لَّوْلَا جَآءُو عَلَيْهِ بِأَرْبَعَةِ شُهَدَآءَ فَإِذْ لَمْ يَأْتُوا۟ بِٱلشُّهَدَآءِ
فَأُو۟لَٰٓئِكَ عِندَ ٱللَّهِ هُمُ ٱلْكَٰذِبُونَ ﴿١٣﴾
وَلَوْلَا فَضْلُ ٱللَّهِ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَتُهُۥ فِى ٱلدُّنْيَا وَٱلْءَاخِرَةِ
لَمَسَّكُمْ فِى مَآ أَفَضْتُمْ فِيهِ عَذَابٌ عَظِيمٌ ﴿١٤﴾
إِذْ تَلَقَّوْنَهُۥ بِأَلْسِنَتِكُمْ وَتَقُولُونَ بِأَفْوَاهِكُم مَّا لَيْسَ لَكُم
بِهِۦ عِلْمٌ وَتَحْسَبُونَهُۥ هَيِّنًا وَهُوَ عِندَ ٱللَّهِ عَظِيمٌ ﴿١٥﴾
وَلَوْلَآ إِذْ سَمِعْتُمُوهُ قُلْتُم مَّا يَكُونُ لَنَآ أَن نَّتَكَلَّمَ بِهَٰذَا
سُبْحَٰنَكَ هَٰذَا بُهْتَٰنٌ عَظِيمٌ ﴿١٦﴾
يَعِظُكُمُ ٱللَّهُ أَن تَعُودُوا۟ لِمِثْلِهِۦٓ أَبَدًا إِن كُنتُم
مُّؤْمِنِينَ ﴿١٧﴾
وَيُبَيِّنُ ٱللَّهُ لَكُمُ ٱلْءَايَٰتِ وَٱللَّهُ عَلِيمٌ حَكِيمٌ ﴿١٨﴾
إِنَّ ٱلَّذِينَ يُحِبُّونَ أَن تَشِيعَ ٱلْفَٰحِشَةُ فِى ٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟
لَهُمْ عَذَابٌ أَلِيمٌ فِى ٱلدُّنْيَا وَٱلْءَاخِرَةِ وَٱللَّهُ يَعْلَمُ وَأَنتُمْ
لَا تَعْلَمُونَ ﴿١٩﴾

وَلَوْلَا فَضْلُ ٱللَّهِ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَتُهُۥ وَأَنَّ ٱللَّهَ
رَءُوفٌ رَّحِيمٌ ﴿٢٠﴾
يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ لَا تَتَّبِعُوا۟ خُطُوَٰتِ ٱلشَّيْطَٰنِ وَمَن
يَتَّبِعْ خُطُوَٰتِ ٱلشَّيْطَٰنِ فَإِنَّهُۥ يَأْمُرُ بِٱلْفَحْشَآءِ
وَٱلْمُنكَرِ وَلَوْلَا فَضْلُ ٱللَّهِ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَتُهُۥ مَا زَكَىٰ
مِنكُم مِّنْ أَحَدٍ أَبَدًا وَلَٰكِنَّ ٱللَّهَ يُزَكِّى مَن يَشَآءُ وَٱللَّهُ
سَمِيعٌ عَلِيمٌ ﴿٢١﴾
وَلَا يَأْتَلِ أُو۟لُوا۟ ٱلْفَضْلِ مِنكُمْ وَٱلسَّعَةِ أَن يُؤْتُوٓا۟ أُو۟لِى
ٱلْقُرْبَىٰ وَٱلْمَسَٰكِينَ وَٱلْمُهَٰجِرِينَ فِى سَبِيلِ ٱللَّهِ وَلْيَعْفُوا۟
وَلْيَصْفَحُوٓا۟ أَلَا تُحِبُّونَ أَن يَغْفِرَ ٱللَّهُ لَكُمْ وَٱللَّهُ
غَفُورٌ رَّحِيمٌ ﴿٢٢﴾
إِنَّ ٱلَّذِينَ يَرْمُونَ ٱلْمُحْصَنَٰتِ ٱلْغَٰفِلَٰتِ ٱلْمُؤْمِنَٰتِ
لُعِنُوا۟ فِى ٱلدُّنْيَا وَٱلْءَاخِرَةِ وَلَهُمْ عَذَابٌ عَظِيمٌ ﴿٢٣﴾
يَوْمَ تَشْهَدُ عَلَيْهِمْ أَلْسِنَتُهُمْ وَأَيْدِيهِمْ وَأَرْجُلُهُم بِمَا
كَانُوا۟ يَعْمَلُونَ ﴿٢٤﴾
يَوْمَئِذٍ يُوَفِّيهِمُ ٱللَّهُ دِينَهُمُ ٱلْحَقَّ وَيَعْلَمُونَ أَنَّ ٱللَّهَ هُوَ
ٱلْحَقُّ ٱلْمُبِينُ ﴿٢٥﴾
ٱلْخَبِيثَٰتُ لِلْخَبِيثِينَ وَٱلْخَبِيثُونَ لِلْخَبِيثَٰتِ
وَٱلطَّيِّبَٰتُ لِلطَّيِّبِينَ وَٱلطَّيِّبُونَ لِلطَّيِّبَٰتِ
أُو۟لَٰٓئِكَ مُبَرَّءُونَ مِمَّا يَقُولُونَ لَهُم مَّغْفِرَةٌ وَرِزْقٌ كَرِيمٌ ﴿٢٦﴾

"Sesungguhnya orang-orang yang membawa fitnah yang bohong itu adalah sekumpulan dari golongan kamu sendiri. Janganlah kamu mengirakan fitnah yang bohong itu sebagai satu keburukan kepada kamu, malah ia adalah suatu kebaikan kepada kamu. Setiap orang dari mereka akan mendapat balasan dari dosa yang telah dilakukannya. Dan orang yang mengendalikan peranannya yang terbesar dari mereka akan mendapat balasan 'azab yang amat besar (11). Mengapakah tidak - ketika kamu mendengar fitnah yang bohong itu orang-orang yang beriman lelaki dan perempuan menaruh sangkaan yang baik terhadap golongan mereka

sendiri dan berkata: Ini adalah fitnah bohong yang amat nyata (12). Mengapakah mereka (yang menuduh itu) tidak membawa empat orang saksi mengesahkan berita itu? Oleh kerana mereka tidak menghadirkan saksi-saksi itu, maka di sisi Allah mereka adalah pendusta-pendusta belaka (13). Dan jika tidak kerana limpah kurnia Allah dan rahmat-Nya ke atas kamu di dunia dan Akhirat tentulah perbuatan kamu mengheboh-hebohkan fitnah bohong itu akan menyebabkan kamu ditimpa 'azab yang amat besar (14). Ketika kamu menerima berita bohong itu dari lidah ke lidah dan kamu katakan dengan mulut kamu perkara yang kamu tidak mengetahuinya sedikit pun dan kamu mengirakannya sebagai suatu perkara yang kecil sahaja, sedangkan perkara itu amat besar di sisi Allah (15). Dan mengapakah kamu tidak terus berkata ketika kamu mendengar berita bohong itu: Tidak seharusnya kepada kita membicarakan perkara ini, Maha Sucilah Engkau (wahai Tuhan kami) ini adalah satu pembohongan yang amat besar (16). Allah menasihati kamu supaya jangan mengulangi perbuatan seperti itu buat selama-lamanya, jika kamu benar orang-orang yang beriman (17). Dan Allah menerangkan pengajaran-pengajaran kepada kamu dan Allah adalah Maha Mengetahui dan Maha Bijaksana (18). Sesungguhnya orang-orang yang ingin supaya tersebarnya kejahatan seks yang keji itu di kalangan orang-orang yang beriman, mereka akan memperolehi 'azab yang amat pedih di dunia dan Akhirat. Dan Allah Maha Mengetahui sedangkan kamu tidak mengetahui (19). Dan jika tidak kerana limpah kurnia Allah dan rahmat-Nya ke atas kamu (tentulah kamu akan ditimpa malapetaka). Dan sesungguhnya Allah Maha Penyantun Dan Maha Pengasih (20). Wahai orang-orang yang beriman! Janganlah kamu mengikut langkah-langkah syaitan, dan barang siapa yang mengikut langkah-langkah syaitan, maka sesungguhnya syaitan itu sentiasa menyuruh mereka mengerjakan perbuatan yang keji dan mungkar. Dan jika tidak kerana limpah kurnia Allah dan rahmat-Nya ke atas kamu nescaya tiada seorang pun dari kamu yang bersih dari (kekotoran dosa) buat selama-lamanya, tetapi Allah membersihkan siapa yang dikehendaki-Nya dan Allah Maha Mendengar dan Maha Mengetahui (21). Dan janganlah orang-orang yang mempunyai kelebihan dan kelapangan (kewangan) itu bersumpah bahawa mereka tidak akan memberi (bantuan) kepada kaum kerabat, orang-orang miskin dan orang-orang yang berhijrah kerana agama Allah, dan hendaklah mereka (bersikap) mengampun dan memaaf. Apakah kamu tidak ingin Allah memberi keampunan kepada kamu, sedangkan Allah Maha Pengampun dan Maha Penyayang? (22) Sesungguhnya orang-orang yang membuat tuduhan zina terhadap wanita-wanita muhsan, yang terlalai dan beriman itu akan dilaknatkan di dunia dan Akhirat dan mereka akan mendapat 'azab yang amat besar (23). Pada hari mereka disaksikan oleh lidah, tangan dan kaki mereka sendiri terhadap perbuatan-perbuatan yang telah dilakukan mereka (24). Pada hari itu Allah akan menyempurnakan balasan mereka yang sebenar dan mereka akan mengetahui bahawa Allah itulah yang benar dan jelas kebenaran-Nya (25). Wanita-wanita yang jahat adalah untuk lelaki-lelaki yang jahat dan lelaki-lelaki yang jahat adalah untuk wanita-wanita yang jahat, dan wanita-wanita yang baik adalah untuk lelaki-lelaki yang baik dan lelaki-lelaki yang baik adalah untuk wanita-wanita yang baik. Mereka adalah bersih dari tuduhan-tuduhan yang dikatakan mereka (para penuduh) dan mereka memperolehi keampunan dan rezeki yang amat murah."(26)

Cerita Fitnah Dari Lidah Siti 'Aisyah Sendiri

Peristiwa fitnah ini telah membebankan penderitaan dan kesedihan yang tidak tertanggung ke atas seorang insan yang paling suci di dalam seluruh sejarah manusia, dan membebankan seluruh umat Muslimin dengan satu ujian yang paling sulit di sepanjang sejarah mereka yang panjang. Ia telah mengikat hati Rasulullah s.a.w. dan hati 'Aisyah isterinya yang dikasihi, juga hati Abu Bakr as-Siddiq dan isterinya dan hati Safwan ibn al-Mu'attal selama sebulan dengan tali-tali keraguan, kegelisahan dan kesedihan yang tidak tertanggung.

Marilah kita tinggalkan kepada Siti 'Aisyah r.a. menceritakan sendiri kisah yang amat menyedihkan itu dan mendedahkan rahsia ayat-ayat ini semua.

Daripada az-Zuhri dari Urwah dan lainnya daripada 'Aisyah r.a. katanya:

"Biasanya apabila Rasulullah s.a.w. mahu bermusafir beliau membuang undi di antara para isterinya, mana-mana isteri yang mendapat undinya dia berhak keluar bermusafir bersama beliau. Beliau telah membuang undi di antara kami dalam satu peperangan,[8] tiba-tiba aku mendapat undi lalu aku pun keluar bersama beliau, iaitu selepas diturunkan ayat hijab. Aku telah diangkat di atas unta di dalam segeduk (tempat duduk yang tertutup yang dipasang di atas unta) dan di dalam segeduk itu juga aku diturunkan. Kami meneruskan perjalanan kami. Apabila Rasulullah s.a.w. selesai dengan peperangan itu dan bertolak balik dan sudah hampir dengan Madinah beliau memerintah supaya berangkat balik pada malam itu juga, aku telah bangkit dan keluar sebentar kerana beberapa urusanku sehingga melampaui tempat perhimpunan tentera ketika mereka diperintah berangkat balik. Setelah aku menyelesaikan urusanku itu aku menuju ke tempat kenderaan lalu aku meraba dadaku tiba-tiba aku dapati kalung mutiara zifar yang aku pakai itu telah putus (dan jatuh) lalu aku kembali semula mencarinya dan aku tertahan di situ (agak lama) kerana mencarinya. Lalu kumpulan tentera yang bertugas membawa segedukku itu datang dan terus mengangkat segedukku ke atas untaku kemudian berangkat pergi, sedangkan mereka menyangka bahawa aku berada di dalam segedukku itu kerana perempuan-perempuan di masa itu ringan-ringan belaka tidak diberatkan oleh daging-daging mereka, sebab kebiasaan kami hanya makan sedikit sahaja. Mereka tidak terasa ringan segeduk itu apabila mereka mengangkatkan ke atas belakang unta, (tambahan pula) aku di waktu itu dalam usia yang sangat muda. Mereka pun bertolak berjalan membawa unta itu. Kemudian aku menemui kalungku itu setelah tentera-tentera itu berlepas

---

[8] *Peperangan Bani al-Mustaliq yang berlaku pada tahun yang kelima hijrah mengikut qaul yang lebih rajih.*

pulang. Aku balik semula ke tempat perhimpunan mereka dan aku dapati tiada seorang pun di sana. Lalu aku pun menuju ke tempat perhentian ku kerana aku fikir mereka akan mencariku dan aku balik ke situ. Ketika aku duduk di situ mataku dilanda mengantuk dan terus tertidur. (Kebetulan) Safwan ibn al-Ma'ttal as-Sulami kemudian az-Zakwani telah tercicir di belakang angkatan tentera itu lalu dia meneruskan perjalanannya di waktu malam dan sampai ke tempatku lalu dia nampak ada orang tidur lalu dia pun datang mendapatkanku dan dia terus mengenali aku. Sebaik sahaja dia melihatku kerana dia pernah melihatku sebelum turunnya ayat hijab, lalu aku pun terjaga dari tidurku apabila aku mendengar dia mengucap (إنالله وإنا إليه راجعون)[9] ketika dia mengenal diriku. Aku terus menutup mukaku dengan baju labuhku. Demi Allah, dia tidak menegurku sepatah pun dan aku tidak mendengar sepatah kata yang lain dari ucapan (إنالله وإنا إليه راجعون). Lalu dia pun turun dan menerongkan untanya dan memijak di atas dua kakinya[10] aku pun menunggang unta itu dan dia terus berjalan membawa unta itu sehingga kami sampai ke tempat perhentian tentera yang telah berhenti di situ di akhir malam. Kata 'Aisyah (setelah berita ini menjadi fitnah), maka binasalah orang-orang yang binasa kerana memfitnahku dan orang yang mengambil peranan utama dalam dosa membuat fitnah ini ialah Abdullah ibn Ubay ibn Salul. Kemudian kami kembali ke Madinah dan di sana aku mengidap sakit selsema sebulan. Orang ramai sibuk membicarakan cerita pembuat-pembuat fitnah yang dusta terhadapku itu tanpa disedari olehku, tetapi yang menimbulkan keraguan padaku semasa sakit itu ialah aku tidak melihat sikap lemah lembut dan mesra yang biasa aku lihat dari Nabi s.a.w. semasa aku sakit. Beliau hanya masuk sambil memberi salam dan bertanya "Apa khabar?" Kemudian beliau terus pergi dari situ. Itulah sahaja yang menimbulkan keraguan padaku dan aku tidak sedar terhadap fitnah yang jahat itu melainkan sesudahku betah. Ketika itu aku keluar bersama Ummu Mistah menuju ke arah al-Manasi' iaitu tempat kami membuang air besar. Biasanya kami tidak keluar ke sana melainkan di waktu malam sahaja. Ini ialah sebelum kami mengadakan jamban-jamban di rumah. Sebelum itu adat kami ialah seperti adat orang-orang Arab zaman dahulu iaitu keluar ke tempat membuang air besar. Lalu aku dan Ummu Mistah menuju ke sana. Ummu Mistah ialah anak perempuan Abu Ruhmi ibn Abdul Muttalib ibn Abdu Manaf dan ibunya ialah anak perempuan Sakhr ibn Amir ibu saudara Abu Bakr as-Siddiq r.a. dan anaknya ialah Mistah ibn Uthathah ibn Ibad ibn Abdul Muttalib. Setelah selesai urusan kami, maka kami pun berjalan (pulang), tiba-tiba Ummu Mistah tergelincir dengan sebab kainnya lalu dia melatah: "Celakalah Mistah!" Aku pun terus berkata kepadanya: "Tidak baik kata begitu. Adakah Mak cik tergamak, memaki seorang yang telah berjuang di dalam Peperangan Badar?" Lalu dia berkata: "Wahai puan! Tidakkah anda dengar apa yang dia kata (terhadap anda)?" Aku pun bertanya: "Dia kata apa?" Lalu dia menceritakan kepada aku perkataan mereka yang membuat fitnah terhadapku hingga menyebabkan sakitku semakin bertambah. Apabila aku pulang ke rumahku, Rasulullah s.a.w. masuk menemuiku sambil bertanya: "Apa khabar?" Lalu aku pun berkata kepada beliau: "Izinkan hamba menemui kedua orang tua hamba". Tujuanku ketika itu ialah untuk mendapat kepastian dari mereka berdua. Lalu beliau memberi keizinannya kepada aku. Kemudian aku menemui dua orang tuaku. Aku bertanya ibuku: "Wahai ibu! Apakah orang ramai bercakap-cakap mengenai saya?" Ibuku membalas: "Tenangkan dirimu menghadapi perkara itu. Demi Allah, jarang sekali seorang perempuan yang cantik yang berada di sisi seorang suami yang menyayanginya dan ada pula madu-madunya melainkan sudah tentu mereka banyak membuat kata-kata yang tidak baik terhadapnya". Lalu aku pun berkata: "Subhanallah! Apakah orang ramai tergamak memperkatakan perkara ini?" Malam itu aku terus menangis. Air mataku mengalir tidak putus-putus dan aku tidak dapat melelapkan mataku sedikit pun. Keesokan pagi aku terus menangis lagi. Kemudian Rasulullah s.a.w. memanggil Ali ibn Abu Talib dan Usamah ibn Zayd r.a. ketika wahyu terputus untuk bermesyuarat dengan mereka berdua mengenai persoalan perceraian dengan ahlinya, kata 'Aisyah: Adapun Usamah dia telah memberi pendapatnya kepada beliau kerana dia benar-benar mengetahui bahawa isteri beliau bersih dari tuduhan itu dan mengetahui beliau sangat kasih kepada isterinya itu. Kata Usamah: "Dia itu ahli anda, wahai Rasulullah! Dan kami tidak mengetahuinya melainkan hanya baik belaka". Ada pun Ali ibn Abu Talib pula dia berkata: "Wahai Rasulullah! Allah tidak menyempitkan perkara ini kepada anda. Perempuan yang lain darinya memang ramai. Tanyalah kepada Jariyah (yakni seorang hamba perempuan yang menjadi pelayan 'Aisyah) nescaya dia dapat menceritakan kepada anda apa yang sebenar". Lalu Rasulullah s.a.w. pun memanggil Barirah[11] dan bertanya kepadanya: "Wahai Barirah! Adakah engkau melihat sesuatu yang meragukan engkau pada 'Aisyah?" Jawab Barirah: "Tidak! Demi Allah yang telah membangkitkan anda sebagai Nabi dengan sebenarnya hamba tidak melihat sesuatu cacat cela yang dapat hamba cacatkannya ('Aisyah) kecuali dia

---

[9] *Dalam riwayat yang lain ia menambah: "Oh!, rupanya isteri Rasulullah s.a.w."*

[10] *Untuk memudahkan Siti 'Aisyah r.a. menunggangnya tanpa memerlukan pertolongannya.*

[11] *Imam Syamsuddin Abu Abdullah ibn Qaiyimil-Juziyah telah mentahqiqkan bahawa Jariyah yang ditanya itu bukannya Barirah kerana Barirah telah membayar kemerdekaan dirinya dan sudah lama menjadi merdeka. Apabila Imam Ali Karramallahu wajhahu berkata: "Tanyalah Jariyah nescaya dia dapat menceritakan kepada anda apa yang sebenar", maka setengah-setengah rawi menyangka bahawa yang dimaksudkan dengan Jariyah itu ialah Barirah lalu mereka menyebut namanya (sedangkan yang sebenarnya tidak begitu).*

ini seorang yang sangat muda usianya dan pernah leka menjaga adunan gandum (yang diserah kepada jagaannya) dan tertidur lalu datang kambing memakan adunan itu". Kata Barirah: Lalu Rasulullah s.a.w. terus bangkit (dan menaiki mimbar) pada hari itu, Beliau meminta pertolongan (sahabat-sahabatnya) dari kejahatan Abdullah ibn Ubay ibn Salul. Sabda beliau semasa berdiri di atas mimbar: "Siapakah yang sanggup menolongku dari kejahatan seorang lelaki yang telah menyakitiku pada isteriku? Demi Allah aku tidak mengetahui isteriku melainkan dia adalah seorang yang baik. Mereka telah menyebut seorang lelaki (Safwan ibn Mu'attal) yang aku tidak mengetahuinya melainkan dia adalah seorang yang baik. Dia tidak pernah masuk ke rumah isteriku melainkan bersama denganku". Kata 'Aisyah: Lalu Sa'd ibn Mu'az r.a.[12] pun berdiri dan berkata: "Wahai Rasulullah! Demi Allah, hambalah yang sanggup menolong anda. Andainya orang itu dari suku Aus kami akan panggal lehernya, dan andainya orang itu dari saudara-saudara kami suku Khazraj, maka perintahlah apa sahaja kepada kami nescaya kami laksanakan perintah itu". Tiba-tiba Sa'd ibn 'Ubadah r.a. berdiri. Dia adalah ketua suku Khazraj dan dia seorang yang soleh tetapi ketika itu dia telah diharui oleh semangat kesukuan. Dia terus berkata kepada Sa'd ibn Mu'az: "Demi Allah, awak bohong! Awak tidak dapat membunuhnya dan awak tidak berupaya bertindak begitu". Kemudian bangun pula Usaid ibn Hudhair r.a., iaitu sepupu Sa'd ibn Mu'az lalu berkata kepada Sa'd ibn 'Ubadah: "Demi Allah, awaklah yang bohong, kami akan membunuhnya. Awak Munafiq kerana awak mempertahankan orang-orang Munafiq". Lalu kedua-dua suku Aus dan Khazraj itu naik darah hingga mereka hampir-hampir mahu bergaduh sedangkan Rasulullah s.a.w. masih berdiri di atas mimbar. Beliau terus menenangkan mereka, lalu mereka pun diam dan beliau pun turun dari atas mimbar. Pada hari itu aku terus menangis tidak putus air mata dan tidak lelap hendak tidur, dan pada malam hari itu juga aku menangis tidak putus air mata dan tidak lelap hendak tidur. Dua orang tuaku terus berada di sisiku. Aku telah menangis selama dua malam satu hari hingga aku fikir tangisan itu telah memecah jantung hatiku. Ketika dua orang tuaku duduk di sisiku dan aku sedang menangis, tiba-tiba datang seorang perempuan Ansar meminta izin lalu diizinkan masuk dan dia pun duduk menangis bersamaku. Ketika kami berada dalam keadaan ini tiba-tiba Rasulullah s.a.w. masuk kemudian duduk. Beliau tidak pernah duduk di sisiku sejak dari hari mereka membicarakan hal diriku. Selama sebulan beliau tinggal tanpa menerima sebarang wahyu mengenai diriku. Beliau mengucapkan kata-kata syahadat ketika beliau duduk kemudian beliau bersabda: "Amma ba'du! Telah sampai kepadaku cerita mengenai dirimu begini begini. Jika engkau tidak bersalah, maka Allah akan membersihkan dirimu dan jika engkau telah melakukan sesuatu kesalahan, maka pohonlah keampunan kepada Allah Ta'ala dan bertaubatlah kepada-Nya, kerana apabila seorang hamba itu telah mengakui kesalahannya dan bertaubat, maka Allah Ta'ala menerima taubatnya". Sebaik sahaja Rasulullah s.a.w. mengakhiri percakapannya, air mataku pun terus berhenti dan aku merasa tiada setitis pun lagi yang keluar. Lalu aku berkata kepada ayahku: "Tolonglah ayah jawab perkataan Rasulullah s.a.w. itu bagi pihak diriku". Jawab ayahku: "Demi Allah! Aku tidak tahu apa yang harus aku katakan kepada Rasulullah s.a.w." Lalu aku berkata kepada ibuku pula: "Tolonglah ibu jawab perkataan Rasulullah bagi pihak diriku". Jawab ibuku: "Aku juga tidak tahu apa yang harus aku katakan kepada Rasulullah s.a.w.". Kata 'Aisyah: Aku seorang perempuan yang masih berusia sangat muda dan aku belum banyak mengingati Al-Qur'an. Lalu aku pun berkata: "Demi Allah! Hamba tahu bahawa anda sekalian telah mendengar cerita yang telah diheboh-hebohkan oleh orang ramai dan cerita itu telah termasuk di dalam hati anda sekalian dan mempercayainya. Oleh itu jika hamba katakan kepada anda sekalian bahawa hamba tidak bersalah tentulah anda sekalian tidak percaya, tetapi sebaliknya jika hamba mengaku melakukan sesuatu kesalahan yang Allah tahu bahawa hamba tidak melakukannya tentulah anda sekalian percaya. Demi Allah, hamba tidak mendapat satu contoh yang lain untuk dipegang oleh hamba dan untuk anda sekalian melainkan contoh ayahanda Nabi Yusuf (Nabi Ya'kub a.s.). Beliau berkata:

فَصَبْرٌ جَمِيلٌ ۖ وَٱللَّهُ ٱلْمُسْتَعَانُ عَلَىٰ مَا تَصِفُونَ ﴿١٨﴾

"(Sikapku) ialah bersabar dengan sebaik-baiknya dan Allah jua yang dipohonkan pertolongan terhadap apa yang diceritakan oleh kamu."

(Surah Yusuf: 18)

Kemudian aku pun berpaling dan terus baring di tempat tidurku. Demi Allah, di waktu itu aku tetap yakin bahawa aku tidak bersalah dan Allah akan membersihkan diriku dari fitnah itu, tetapi demi Allah aku tidak sangka bahawa Allah S.W.T. akan menurunkan wahyu yang dibaca (oleh manusia) mengenai diriku, kerana aku sedar bahawa diriku terlalu kecil dan hina untuk diperkatakan oleh Allah dalam wahyu-Nya yang dibaca (oleh manusia). Apa yang ku harap ialah semoga Rasulullah s.a.w. mendapat mimpi dari Allah yang membersihkan diriku dari tuduhan itu. Demi Allah! Belum pun sempat

[12] *Dalam riwayat Ibn Ishaq, yang menceritakan perkataan-perkataan ini ialah Usaid ibn Hudhair. Menurut tahqiq al-Imam ibn Qayimil-Juziyah dalam kitab Zad al-Ma'ad bahawa Sa'd ibn Mu'az telah wafat selepas Peperangan Bani Qurayzah sebelum berlaku fitnah ini dan apa yang dikatakan itu ialah dari perkataan Usaid ibn Hudhair. Demikianlah juga pendapat al-Imam ibn Hazm berlandaskan riwayat dari 'Ubaydullah ibn Abdullah ibn 'Utbah dari 'Aisyah tanpa menyebut S'ad ibn Mu'az.*

beliau bergerak dari tempat duduknya dan belum pun sempat sesiapa dari ahli rumah itu keluar, tiba-tiba Allah Ta'ala menurunkan wahyu-Nya kepada Rasulullah s.a.w., lalu beliau berada dalam keadaan semacam tidak sedarkan diri seketika, kemudian apabila beliau pulih kembali, beliau tersenyum. Perkataan pertama yang keluar dari mulut beliau ialah sabdanya: "Wahai 'Aisyah! Bersyukurlah kepada Allah Ta'ala yang telah membersihkan engkau". Lalu ibuku pun berkata kepada aku: "Bangunlah mendapatkan Rasulullah s.a.w." Aku terus menjawab: "Demi Allah, hamba tidak mahu bangun mendapatkan beliau dan hamba tidak mahu memuji sesiapa melainkan hanya Allah Ta'ala yang telah menurunkan wahyu yang membersihkan diri hamba". Wahyu yang telah diturunkan Allah Ta'ala ialah:

إِنَّ ٱلَّذِينَ جَآءُو بِٱلۡإِفۡكِ عُصۡبَةٞ مِّنكُمۡۚ لَا تَحۡسَبُوهُ شَرّٗا
لَّكُمۖ بَلۡ هُوَ خَيۡرٞ لَّكُمۡۚ لِكُلِّ ٱمۡرِيٕٖ مِّنۡهُم مَّا ٱكۡتَسَبَ
مِنَ ٱلۡإِثۡمِۚ وَٱلَّذِي تَوَلَّىٰ كِبۡرَهُۥ مِنۡهُمۡ لَهُۥ عَذَابٌ عَظِيمٞ ﴿١١﴾
لَّوۡلَآ إِذۡ سَمِعۡتُمُوهُ ظَنَّ ٱلۡمُؤۡمِنُونَ وَٱلۡمُؤۡمِنَٰتُ بِأَنفُسِهِمۡ
خَيۡرٗا وَقَالُواْ هَٰذَآ إِفۡكٞ مُّبِينٞ ﴿١٢﴾
لَّوۡلَا جَآءُو عَلَيۡهِ بِأَرۡبَعَةِ شُهَدَآءَۚ فَإِذۡ لَمۡ يَأۡتُواْ بِٱلشُّهَدَآءِ
فَأُوْلَٰٓئِكَ عِندَ ٱللَّهِ هُمُ ٱلۡكَٰذِبُونَ ﴿١٣﴾
وَلَوۡلَا فَضۡلُ ٱللَّهِ عَلَيۡكُمۡ وَرَحۡمَتُهُۥ فِي ٱلدُّنۡيَا وَٱلۡأٓخِرَةِ
لَمَسَّكُمۡ فِي مَآ أَفَضۡتُمۡ فِيهِ عَذَابٌ عَظِيمٌ ﴿١٤﴾
إِذۡ تَلَقَّوۡنَهُۥ بِأَلۡسِنَتِكُمۡ وَتَقُولُونَ بِأَفۡوَاهِكُم مَّا لَيۡسَ لَكُم
بِهِۦ عِلۡمٞ وَتَحۡسَبُونَهُۥ هَيِّنٗا وَهُوَ عِندَ ٱللَّهِ عَظِيمٞ ﴿١٥﴾
وَلَوۡلَآ إِذۡ سَمِعۡتُمُوهُ قُلۡتُم مَّا يَكُونُ لَنَآ أَن نَّتَكَلَّمَ بِهَٰذَا
سُبۡحَٰنَكَ هَٰذَا بُهۡتَٰنٌ عَظِيمٞ ﴿١٦﴾
يَعِظُكُمُ ٱللَّهُ أَن تَعُودُواْ لِمِثۡلِهِۦٓ أَبَدًا إِن كُنتُم
مُّؤۡمِنِينَ ﴿١٧﴾
وَيُبَيِّنُ ٱللَّهُ لَكُمُ ٱلۡأٓيَٰتِۚ وَٱللَّهُ عَلِيمٌ حَكِيمٌ ﴿١٨﴾
إِنَّ ٱلَّذِينَ يُحِبُّونَ أَن تَشِيعَ ٱلۡفَٰحِشَةُ فِي ٱلَّذِينَ ءَامَنُواْ
لَهُمۡ عَذَابٌ أَلِيمٞ فِي ٱلدُّنۡيَا وَٱلۡأٓخِرَةِۚ وَٱللَّهُ يَعۡلَمُ وَأَنتُمۡ
لَا تَعۡلَمُونَ ﴿١٩﴾
وَلَوۡلَا فَضۡلُ ٱللَّهِ عَلَيۡكُمۡ وَرَحۡمَتُهُۥ وَأَنَّ ٱللَّهَ
رَءُوفٞ رَّحِيمٞ ﴿٢٠﴾
يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُواْ لَا تَتَّبِعُواْ خُطُوَٰتِ ٱلشَّيۡطَٰنِۚ وَمَن
يَتَّبِعۡ خُطُوَٰتِ ٱلشَّيۡطَٰنِ فَإِنَّهُۥ يَأۡمُرُ بِٱلۡفَحۡشَآءِ
وَٱلۡمُنكَرِۚ وَلَوۡلَا فَضۡلُ ٱللَّهِ عَلَيۡكُمۡ وَرَحۡمَتُهُۥ مَا زَكَىٰ
مِنكُم مِّنۡ أَحَدٍ أَبَدٗا وَلَٰكِنَّ ٱللَّهَ يُزَكِّي مَن يَشَآءُۗ وَٱللَّهُ
سَمِيعٌ عَلِيمٞ ﴿٢١﴾

"Sesungguhnya orang-orang yang membawa fitnah yang bohong itu adalah sekumpulan dari golongan kamu sendiri. Janganlah kamu mengirakan fitnah yang bohong itu sebagai satu keburukan kepada kamu, malah ia adalah suatu kebaikan kepada kamu. Setiap orang dari mereka akan mendapat balasan dari dosa yang telah dilakukannya. Dan orang yang mengendalikan peranannya yang terbesar dari mereka akan mendapat balasan 'azab yang amat besar (11). Mengapakah tidak - ketika kamu mendengar fitnah yang bohong itu orang-orang yang beriman lelaki dan perempuan menaruh sangkaan yang baik terhadap golongan mereka sendiri dan berkata: Ini adalah fitnah bohong yang amat nyata (12). Mengapakah mereka (yang menuduh itu) tidak membawa empat orang saksi mengesahkan berita itu? Oleh kerana mereka tidak menghadirkan saksi-saksi itu, maka di sisi Allah mereka adalah pendusta-pendusta belaka (13). Dan jika tidak kerana limpah kurnia Allah dan rahmat-Nya ke atas kamu di dunia dan Akhirat tentulah perbuatan kamu mengheboh-hebohkan fitnah bohong itu akan menyebabkan kamu ditimpa 'azab yang amat besar (14). Ketika kamu menerima berita bohong itu dari lidah ke lidah dan kamu katakan dengan mulut kamu perkara yang kamu tidak mengetahuinya sedikit pun dan kamu mengirakannya sebagai suatu perkara yang kecil sahaja, sedangkan perkara itu amat besar di sisi Allah (15). Dan mengapakah kamu tidak terus berkata ketika kamu mendengar berita bohong itu: Tidak seharusnya kepada kita membicarakan perkara ini, Maha Sucilah Engkau (wahai Tuhan kami) ini adalah satu pembohongan yang amat besar (16). Allah menasihati kamu supaya jangan mengulangi perbuatan seperti itu buat selama-lamanya, jika kamu benar orang-orang yang beriman (17). Dan Allah menerangkan pengajaran-pengajaran kepada kamu dan Allah adalah Maha Mengetahui dan Maha Bijaksana (18). Sesungguhnya orang-orang yang ingin supaya tersebarnya kejahatan seks yang keji itu di kalangan orang-orang yang beriman, mereka akan memperolehi 'azab yang amat pedih di dunia dan Akhirat. Dan Allah Maha Mengetahui sedangkan kamu tidak mengetahui (19). Dan jika tidak kerana limpah kurnia Allah dan rahmat-Nya ke atas kamu (tentulah kamu akan ditimpa malapetaka). Dan sesungguhnya Allah Maha Penyantun Dan Maha Pengasih (20). Wahai orang-orang yang beriman! Janganlah kamu mengikut langkah-langkah syaitan, dan barang siapa yang

mengikut langkah-langkah syaitan, maka sesungguhnya syaitan itu sentiasa menyuruh mereka mengerjakan perbuatan yang keji dan mungkar. Dan jika tidak kerana limpah kurnia Allah dan rahmat-Nya ke atas kamu nescaya tiada seorang pun dari kamu yang bersih dari (kekotoran dosa) buat selama-lamanya, tetapi Allah membersihkan siapa yang dikehendaki-Nya dan Allah Maha Mendengar dan Maha Mengetahui."(21)

Apabila Allah Ta'ala menurunkan ayat ini membersihkanku, maka berkatalah Abu Bakr as-Siddiq r.a. yang selama ini memberi bantuan kepada Mistah ibn Uthathah kerana hubungan kerabat dengannya dan kerana kemiskinannya: "Demi Allah, aku tidak mahu memberi apa-apa bantuan lagi buat selama-lamanya kepada Mistah setelah dia mengata-ngatakan terhadap 'Aisyah r.a. Lalu Allah menurunkan ayat:

وَلَا يَأْتَلِ أُولُوا۟ ٱلْفَضْلِ مِنكُمْ وَٱلسَّعَةِ أَن يُؤْتُوٓا۟ أُو۟لِى
ٱلْقُرْبَىٰ وَٱلْمَسَٰكِينَ وَٱلْمُهَٰجِرِينَ فِى سَبِيلِ ٱللَّهِ ۖ وَلْيَعْفُوا۟
وَلْيَصْفَحُوٓا۟ ۗ أَلَا تُحِبُّونَ أَن يَغْفِرَ ٱللَّهُ لَكُمْ ۗ وَٱللَّهُ
غَفُورٌ رَّحِيمٌ ﴿٢٢﴾

"Dan janganlah orang-orang yang mempunyai kelebihan dan kelapangan (kewangan) itu bersumpah bahawa mereka tidak akan memberi (bantuan) kepada kaum kerabat, orang-orang miskin dan orang-orang yang berhijrah kerana agama Allah, dan hendaklah mereka (bersikap) mengampun dan memaaf. Apakah kamu tidak ingin Allah memberi keampunan kepada kamu, sedangkan Allah Maha Pengampun dan Maha Penyayang."(22)

Maka berkatalah Abu Bakr r.a.: "Sebenarnya demi Allah, aku amat suka Allah mengurniakan keampunan kepadaku". Lalu diapun memberi semula bantuan yang diberikan selama ini kepada Mistah sambil berkata: "Demi Allah, aku tidak akan mencabutkan bantuan itu darinya buat selama-lamanya". Kata 'Aisyah r.a.: Rasulullah s.a.w. pernah bertanya Zainab binti Jahsy mengenai diriku, tanya beliau: "Wahai Zainab! Apakah yang engkau tahu dan lihat (tentang 'Aisyah?)". Jawab Zainab: "Hamba amat menjaga telinga hamba dan mata hamba, demi Allah hamba tidak mengetahui tentang 'Aisyah melainkan semuanya baik". Zainab inilah satu-satunya isteri dari para isteri Rasulullah yang menandingi aku, tetapi dia telah dipeliharai Allah kerana sifatnya yang warak. Kata 'Aisyah: "Saudara perempuan Zainab iaitu Hamnah telah memusuhiku kerana itu Hamnah telah binasa (telah dikenakan hukum hudud) bersama-sama orang-orang yang terlibat membuat fitnah yang dusta terhadapku".[13]

Demikianlah Rasulullah s.a.w. dan ahli rumahnya, juga Abu Bakr r.a. dan ahli rumahnya, juga Safwan ibn al-Mu'attal dan seluruh kaum Muslimin hidup selama sebulan dalam suasana yang lemas dan di bawah tekanan sedih dan derita seperti ini dengan sebab cerita fitnah, yang kerananya diturunkan ayat-ayat tersebut.

Tentulah seseorang (akan dapati dirinya) berdiri terumbang-ambing di hadapan gambaran cerita fitnah yang dahsyat yang berlaku dalam masa hidup Rasulullah s.a.w. yang amat menyedihkan, juga berdiri terumbang-ambing di hadapan kesedihan dan kedukacitaan yang amat mendalam yang dialami oleh isterinya yang dikasihi 'Aisyah r.a., seorang isteri yang terlalu muda usianya, iaitu dalam lingkungan enam belas tahun, satu usia yang penuh dengan perasaan-perasaan yang amat peka, tajam dan halus.

Kini 'Aisyah r.a. yang begitu jujur dan suci hati dan fikiran itu telah dituduh dan diragui tentang sesuatu yang paling dibanggakan olehnya, iaitu kehormatan dirinya, sedangkan dia puteri Abu Bakr as-Siddiq yang dibesarkan di dalam rumah-tangga yang suci dan luhur. Dia dituduh tentang kejujurannya, sedangkan dia isteri Muhammad bin Abdullah dari keluarga Bani Hasyim yang tinggi. Dia dituduh tentang kesetiaannya, sedangkan dia isteri yang paling dikasihi dan dimanjakan oleh Rasulullah yang besar itu. Dia dituduh tentang keimanannya, sedangkan dia puteri Islam yang terdidik di pangkuan Islam sejak hari pertama kedua matanya melihat hidup dunia ini dan di samping itu dia adalah isteri Rasulullah s.a.w. pula.

Kini dia dituduh, sedangkan dia seorang yang amat bersih, yang terlalai menjaga diri, tidak berhati-hati dan tidak menduga sesuatu yang mungkin berlaku. Oleh sebab itu dia tidak dapat membuktikan kebersihannya selain dari meletakkan harapannya pada Allah S.W.T. dan selain dari menunggu-nunggu semoga Rasulullah s.a.w. mendapat mimpi dari Allah yang membersihkan dirinya dari tuduhan itu, tetapi malangnya wahyu terputus selama sebulan kerana sesuatu hikmat yang dikehendaki Allah dan selama itulah dia hidup dalam keseksaan jiwa yang amat teruk.

Alangkah terperanjatnya apabila dia mengetahui cerita fitnah itu dari Ummu Mistah, sedangkan di waktu itu dia masih sakit. Akibat berita itu dia terus kembali demam dan berkata kepada ibunya dengan penuh sedih: "Subhanallah! Apakah orang ramai tergamak memperkatakan perkara ini?" Dan dalam satu riwayat yang lain dia bertanya: "Apakah ayah juga telah mengetahui perkara ini?" Jawab ibunya: "Ya". Kemudian dia bertanya lagi: "Apakah

[13] Kata Ibn Syibab: Inilah penghabisan cerita yang sampai kepada kami tentang kumpulan yang mengheboh-hebohkan fitnah itu. Hadith ini dikeluarkan oleh al-Bukhari dan Muslim dalam sahih keduanya dari hadith az-Zuhri dan demikian juga hadith ini diriwayatkan oleh Ibn Ishaq dari az-Zuhri dengan sedikit perbezaan.

Rasulullah s.a.w. juga telah mengetahuinya?" Jawab ibunya: "Ya".

Alangkah terperanjatnya 'Aisyah apabila Rasulullah s.a.w. nabinya yang diimaninya dan suaminya yang amat disayanginya itu bersabda kepadanya: "Amma ba'du! Telah sampai kepadaku cerita mengenai dirimu begini, begini. Jika engkau tidak bersalah, maka Allah akan membersihkan dirimu dan jika engkau telah melakukan sesuatu kesalahan, maka pohonlah keampunan kepada Allah Ta'ala dan bertaubatlah kepada-Nya, kerana apabila seseorang hamba itu telah mengakui kesalahannya dan bertaubat, maka Allah Ta'ala menerima taubatnya", kerana dia sedar bahawa kata-kata itu menunjukkan bahawa beliau juga masih meraguinya, masih belum yakin terhadap kesuciannya, masih belum memutuskan tentang tuduhan orang terhadap dirinya, juga menunjukkan bahawa Allah belum lagi memaklumkan apa yang sebenar kepada beliau dan belum lagi mendedahkan

kepada beliau tentang kesucian dirinya, sedangkan dia sendiri tidak berupaya untuk membuktikannya. Kini dia masih menjadi seorang yang tertuduh di dalam hati Rasul yang besar itu, yang amat mengasihi dan menyintainya.

Kini Abu Bakr as-Siddiq seorang tokoh terhormat, peka dan jujur sedang digigit kesedihan kerana kehormatannya iaitu puterinya telah dituduh orang, sedangkan puterinya ialah isteri Muhammad sahabatnya yang amat disayangi dan nabinya yang diimani dengan sepenuh hatinya, yang sentiasa berhubung dengan Allah dan tidak pernah menuntut apa-apa bukti dari luar hatinya. Kesedihan itu melimpah kepada lidahnya, sedangkan dia selama ini seorang yang sabar, yang sentiasa mengharapkan pahala dari Allah dan tabah menghadapi penderitaan hingga terkeluar kata-kata: "Demi Allah! Kami tidak pernah dituduh begini di zaman jahiliyah, oleh itu apakah kami redha menerima tuduhan ini di zaman Islam?" Inilah perkataan yang mengandungi perasaan beliau yang begitu pahit sehingga apabila puterinya yang sedang sakit dan menderita itu berkata kepadanya: "Tolonglah ayah jawab perkataan Rasulullah s.a.w. itu bagi pihak diriku", beliau menjawab dengan berat; Demi Allah, aku tidak tahu apa yang harus aku katakan kepada Rasulullah s.a.w."

Ini pula Ummu Ruman isteri Abu Bakr as-Siddiq r.a. menahan sabar di hadapan puterinya yang sedang bersedih dan sedang sakit dan sentiasa menangis hingga terasa olehnya bahawa tangisan itu sedang memecahkan jantung hatinya. Dia berkata kepada anaknya: "Tenangkan dirimu menghadapi perkara ini. Jarang sekali seorang perempuan yang cantik yang berada di sisi seorang suami yang menyayanginya dan ada pula madu-madunya melainkan sudah tentu mereka banyak membuat kata-kata yang tidak baik terhadapnya. Tetapi kesabaran Ummu Ruman ini menjadi goyah apabila 'Aisyah berkata kepadanya: "Tolonglah ibu jawab perkataan Rasulullah s.a.w. itu bagi pihak diriku". Lalu dia menjawab sama dengan jawapan yang diucapkan oleh suaminya sebelum ini. "Demi Allah! Aku tidak tahu apa yang harus aku katakan kepada Rasulullah s.a.w.".

Ini pula Safwan ibn al-Mu'attal seorang Muslim yang jujur, bersih dan pejuang fi Sabilillah telah dituduh mengkhianati isteri Nabinya. Tuduhan itu bererti menuduh keislamannya, kejujurannya, kehormatannya dan maruah kaumnya, malah menuduh segala sifat yang baik yang dibanggakan oleh setiap sahabat Rasulullah s.a.w., sedangkan dia bersih dari tuduhan itu. Dia telah dikejutkan dengan suatu tuduhan yang zalim, sedangkan hatinya bersih dan tidak pernah terlintas memikirkannya hingga dia berkata: "Subhanallah! Demi Allah aku tidak pernah membuka bahu seorang perempuan pun". Dia tahu bahawa Hassan ibn Thabitlah yang menghebohkan fitnah ini, oleh itu dia tidak dapat menahan dirinya dari menetak kepala Hassan dengan satu tetakan yang hampir-hampir membunuhnya. Sebab yang mendorong dia mengangkat pedang ke atas seorang Muslim, sedangkan perbuatan itu memang dilarang Islam, ialah penderitaan batinnya yang telah melebihi batas yang dapat ditanggung oleh tenaga kesabarannya hingga menyebabkan dia tidak lagi dapat mengawal tali kekang hatinya yang luka itu.

Ini pula Rasulullah s.a.w, seorang Rasul dari keturunan yang tinggi Bani Hasyim telah dituduh tentang kehormatan rumahtangganya. Siapakah yang dituduh itu? Itulah 'Aisyah yang terletak di dalam hati beliau selaku anak, selaku isteri dan selaku kekasih. Kini kebersihan dan kejujuran isterinya telah dituduh orang, sedangkan beliau seorang Rasul yang bersih dan kebersihan itu melimpah-limpah dari dirinya. Kini kemampuan beliau menjaga kehormatan rumahtangganya telah dituduh, sedangkan beliau mampu menjaga segala kehormatan rumahtangga yang lain di kalangan umatnya. Kini pemeliharaan Allah terhadap dirinya juga telah dituduh, sedangkan beliau sentiasa dipelihara Allah dari segala kejahatan.

Inilah Rasulullah s.a.w. Beliau dituduh pada 'Aisyah r.a. dan tuduhan itu bererti menuduh beliau pada segala apa yang ada padanya, iaitu menuduh isterinya, menuduh kehormatan dan maruahnya, menuduh hati dan kerasulannya, malah bererti menuduh segala sesuatu yang dibangga dan dipandang tinggi oleh setiap orang Arab dan segala sesuatu yang dibangga dan dipandang tinggi oleh seorang Nabi. Demikianlah beliau dituduh pada segala-galanya dan tuduhan itu diperbualkan orang ramai selama sebulan di kota Madinah. Beliau tidak mampu menahan fitnah itu. Kerana sesuatu hikmat yang dikehendaki Allah, maka fitnah itu telah dibiarkannya selama sebulan cukup tanpa diturunkan sebarang wahyu (yang dapat menjelaskan keadaan yang sebenar), dan sebagai seorang manusia, beliau juga mengalami penderitaan-penderitaan yang dialami manusia biasa yang menghadapi suasana yang seperti itu, iaitu beliau mengalami malu, mengalami kesedihan hati dan lebih-lebih lagi

mengalami kesepian yang tidak melelapkan matanya iaitu kesepian dari nur wahyu Allah yang biasanya menunjukkan jalan keluar kepadanya. Keraguan berdenyut juga di dalam hatinya walaupun terdapat banyak bukti yang menunjukkan kebersihan dan kejujuran isterinya, namun beliau tidak dapat berpegang dengan bukti-bukti itu secara pasti dan muktamad, sedangkan fitnah yang didusta itu sedang merebak di kota Madinah. Hati insan beliau yang sangat menyayangi isterinya yang masih terlalu muda itu kini telah diseksakan oleh keraguan, sedangkan beliau tidak mampu menolak keraguan itu kerana beliau juga adalah seorang manusia (yang sama dengan manusia yang lain) yang terkocak perasaan dan emosinya dalam suasana yang seperti ini, kerana beliau juga seorang suami yang tidak sanggup disentuh kehormatan isterinya dan seorang lelaki yang apabila benih keraguan itu jatuh ke dalam hatinya ia akan mengembang besar dan sukar dicabut tanpa suatu bukti yang muktamad.

Kini bebanan perasaan yang berat itu sedang menyeksakan Rasulullah s.a.w. lalu beliau pun memanggil Usamah ibn Zayd seorang yang sangat hampir kepada hati beliau, juga memanggil Ali ibn Abu Talib sepupunya dan pembantunya untuk bermesyuarat dengan mereka mengenai perkara isterinya 'Aisyah (yang tertuduh itu). Sayiduna Ali ialah keluarga yang hampir dengan beliau dari sebelah bapa. Dia adalah seorang yang amat terasa dengan peristiwa fitnah itu kerana hubungan kekeluargaan ini. Begitu juga beliau amat terasa dengan kesedihan dan kerungsingan yang sedang meramas hati Muhammad sepupunya dan pemeliharanya itu. Dia menyarankan kepada beliau bahawa Allah tidak meletakkan beliau dalam keadaan yang sempit (dalam persoalan perkahwinan dan perceraian), dan di samping itu dia menyarankan pula supaya beliau meminta keterangan yang benar dari Jariyah yang menjaga 'Aisyah itu sendiri supaya hati Rasulullah s.a.w. yakin dan dapat membuat keputusan yang tetap. Usamah pula cukup faham betapa kasihnya hati Rasulullah s.a.w. terhadap isterinya 'Aisyah dan betapa sulitnya kepada beliau untuk memikirkan soal perceraian dengan isterinya, oleh itu dia menerangkan kepada Rasulullah s.a.w. apa yang diketahuinya tentang kebersihan dan kejujuran 'Aisyah Ummul-Mu'minin dan kedustaan orang-orang yang menyebarkan fitnah yang jahat itu.

Rasulullah s.a.w. yang terharu dan gelisah sama seperti manusia yang lain itu telah mengambil saranan Usamah dan kesaksian perempuan pelayan 'Aisyah itu sebagai bekalan kekuatan untuk menghadapi orang ramai yang sedang berhimpun di dalam Masjid itu. Di sana beliau meminta pertolongan mereka untuk menghadapi orang-orang yang telah mencabul maruahnya dan menuduh isterinya dan menuduh seorang lelaki Islam yang terhormat (Safwan) yang tiada seorang pun selama ini mengetahui bahawa dia pernah membuat perkara yang tidak baik. Satu pertikaman kata-kata telah berlaku di antara orang-orang Aus dengan orang-orang Khazraj, sedangkan mereka berada di Masjid Rasulullah s.a.w. dan berada di hadapan Rasulullah s.a.w. Semuanya ini menunjukkan betapa tegangnya suasana yang menaungi masyarakat Islam di masa yang aneh ini, di mana kesucian dan kehormatan kepimpinan telah dicemar dan digoreskan. Peristiwa ini amat merungsingkan hati Rasulullah s.a.w., sedangkan nur wahyu yang biasa menolongnya belum lagi menunjukkan jalan keluar kepadanya. Lalu beliau pun pergi menemui 'Aisyah sendiri menerangkan secara terbuka segala kata-kata orang terhadap dirinya dan meminta dia memberi jawapan yang jelas yang menyembuhkan hati yang luka dan menenangkan jiwa yang gelisah.

Apabila kesedihan dan duka nestapa itu sampai ke puncak ini, Allah melimpahkan kasihan belasnya kepada hamba kesayangannya dengan menurunkan ayat-ayat Al-Qur'an yang membersihkan 'Aisyah yang benar dan suci itu serta membersihkan rumahtangga Nabi yang jujur dan luhur di samping mendedahkan tembelang kaum Munafiq yang telah merekakan fitnah yang dusta itu serta menunjukkan jalan yang betul kepada masyarakat Islam dalam menghadapi peristiwa fitnah yang besar ini.

'Aisyah telah mengulas ayat-ayat Al-Qur'an yang turun itu dengan katanya: "Demi Allah, di waktu itu aku tetap yakin bahawa aku tidak bersalah dan Allah akan membersihkan diriku dari fitnah itu, tetapi demi Allah, aku tidak sangka bahawa Allah S.W.T. akan menurunkan wahyu yang dibaca manusia mengenai diriku, kerana aku sedar bahawa diriku terlalu kecil dan hina untuk diperkatakan Allah dalam wahyunya yang dibaca manusia. Apa yang ku harap ialah semoga Rasulullah s.a.w. mendapat mimpi dari Allah yang membersihkan diriku dari tuduhan itu."

Fitnah Itu Bertujuan Mencemarkan Islam

Tetapi sebenarnya perkara ini - sebagaimana dapat dilihat dengan jelas dari cara pembentangan Al-Qur'an - bukanlah sahaja perkara yang bersangkutan dengan peribadi 'Aisyah, malah ia juga melibatkan peribadi Rasulullah s.a.w. dan tugas kepimpinannya dalam masyarakat Muslimin di masa itu, malah ia juga membabitkan hubungan beliau dengan Allah dan dengan agama yang dibawa olehnya. Tegasnya cerita fitnah bohong itu bukanlah, suatu tuduhan yang dilemparkan kepada 'Aisyah seorang sahaja, malah ia sebenarnya dilemparkan kepada agama Islam itu sendiri dengan melemparkan pada tubuh Nabi s.a.w. yang membawa dan membangunkan agama itu. Oleh sebab itulah Allah menurunkan ayat-ayat Al-Qur'an untuk menghuraikan persoalan fitnah dusta yang sengaja diada-adakan itu dengan terperinci dan untuk menolak tipu muslihat yang memang dirancangkan itu. Allah sendiri mengendalikan perjuangan untuk menghadapi serangan yang dituju kepada Islam dan kepada Rasul Islam itu di samping mendedahkan

hikmat yang tinggi di sebalik peristiwa fitnah itu, iaitu hikmat yang tiada siapa mengetahuinya melainkan hanya Allah sahaja:

إِنَّ ٱلَّذِينَ جَآءُو بِٱلۡإِفۡكِ عُصۡبَةٞ مِّنكُمۡۚ لَا تَحۡسَبُوهُ شَرّٗا
لَّكُمۖ بَلۡ هُوَ خَيۡرٞ لَّكُمۡۚ لِكُلِّ ٱمۡرِيٕٖ مِّنۡهُم مَّا ٱكۡتَسَبَ
مِنَ ٱلۡإِثۡمِۚ وَٱلَّذِي تَوَلَّىٰ كِبۡرَهُۥ مِنۡهُمۡ لَهُۥ عَذَابٌ عَظِيمٞ ﴿١١﴾

"Sesungguhnya orang-orang yang membawa fitnah yang bohong itu adalah sekumpulan dari golongan kamu sendiri. Janganlah kamu mengirakan fitnah yang bohong itu sebagai satu keburukan kepada kamu, malah ia adalah suatu kebaikan kepada kamu. Setiap orang dari mereka akan mendapat balasan dari dosa yang telah dilakukannya. Dan orang yang mengendalikan peranannya yang terbesar dari mereka akan mendapat balasan 'azab yang amat besar."(11)

Maksudnya, membuat fitnah itu bukannya hanya seorang sahaja dan bukan pula beberapa orang, malah mereka terdiri dari satu kumpulan yang bersatu padu dan mempunyai matlamat yang sama. Orang yang menyebarkan fitnah yang didusta itu bukannya Abdullah ibn Ubay ibn Salul seorang sahaja, tetapi dialah yang mengambil peranan yang terbesar, yang mewakili kaum Yahudi dan kaum Munafiqin yang tidak berupaya memerangi Islam secara terbuka. Mereka telah berselindung di sebalik tabir Islam untuk memusnahkan Islam secara diam-diam. Dan cerita fitnah yang didusta itu merupakan salah satu dari rancangan-rancangan jahat mereka yang berbisa, tetapi orang-orang Islam telah tertipu dengan di'ayah mereka lalu turut memperkatakan cerita fitnah itu seperti Hamnah binti Jahsy, Hassan ibn Thabit dan Mistah ibn Uthathah, sedangkan punca yang merancangkan fitnah itu berada di tangan kumpulan itu yang dipimpin oleh Abdullah ibn Ubay ibn Salul, seorang dalang yang sangat berhati-hati dan pintar. Dia tidak pernah menampakkan dirinya dalam perjuangan itu. Dia tidak menuduh secara terus terang hingga dapat ditangkap dan dikenakan hukuman hudud. Dia hanya menyebarkan fitnah itu secara berbisik-bisik di kalangan orang-orangnya yang dipercayai tidak akan menjadi saksi terhadapnya. Perancangan fitnah itu begitu licin dan jahat sehingga ia dapat menggegarkan kota Madinah selama sebulan cukup, di mana orang ramai mengeluarkan kata-kata yang tidak baik terhadap rumahtangga yang paling bersih dan bertaqwa di kota Madinah.

Ayat tadi mula-mula menerangkan hakikat fitnah itu untuk menunjukkan betapa besarnya peristiwa itu dan betapa dalamnya akar umbinya dan bagaimana ia didalangi di sebaliknya oleh satu kumpulan yang bertujuan memusnahkan Islam dan kaum Muslimin dengan rancangan tipu daya yang halus, mendalam dan hina itu.

Kemudian Al-Qur'an dengan segera menenangkan kaum Muslimin dari akibat rancangan yang jahat itu:

لَا تَحۡسَبُوهُ شَرّٗا لَّكُمۖ بَلۡ هُوَ خَيۡرٞ لَّكُمۡۚ

"Janganlah kamu mengirakan fitnah yang bohong itu sebagai satu keburukan kepada kamu, malah ia adalah suatu kebaikan kepada kamu."(11)

Kebaikan Di Sebalik Peristiwa Fitnah Yang Menggegarkan Masyarakat

Yakni peristiwa fitnah itu sebenarnya merupakan suatu kebaikan kerana ia dapat mendedahkan satu kumpulan yang berkomplot merancangkan tipu muslihat yang jahat terhadap Islam dengan mencemarkan peribadi Rasulullah s.a.w. dan ahli rumahnya. Ia mendedahkan kepada masyarakat Muslimin betapa perlunya undang-undang mengharamkan jenayah qazaf dan menghukumkan orang-orang yang melakukan perbuatan itu dengan hukuman hudud yang diwajibkan Allah. Ia juga menjelaskan betapa besarnya bahaya yang akan mengancam masyarakat Muslimin jika orang-orang yang berada di dalam masyarakat itu dibebaskan membuat tuduhan-tuduhan yang melulu terhadap wanita-wanita Muslimin yang muhsan, yang tidak hati-hati menjaga dirinya. Ketika itu mereka akan membuat tuduhan-tuduhan tanpa mengenal batas, malah mereka akan tergamak menuduh tokoh-tokoh yang terhormat dan paling tinggi dalam masyarakat hingga menyebabkan masyarakat Muslimin hilang segala perlindungan dan hilang segala perasaan segan dan malu.

Peristiwa itu telah membawa kebaikan kerana Allah dapat menunjukkan kepada masyarakat Muslimin dengan peristiwa itu satu peraturan yang betul untuk menghadapi jenayah yang besar itu.

Kepedihan penderitaan dan kesusahan yang dialami oleh Rasulullah s.a.w., ahli rumahnya dan seluruh masyarakat Muslimin itu merupakan harga dari ujian Ilahi yang pasti dibayar.

Adapun orang-orang yang terlibat menghebohkan fitnah yang dusta itu, maka setiap orang dari mereka masing-masing menanggung habuan dosanya:

لِكُلِّ ٱمۡرِيٕٖ مِّنۡهُم مَّا ٱكۡتَسَبَ مِنَ ٱلۡإِثۡمِۚ

"Setiap orang dari mereka akan mendapat balas dari dosa yang telah dilakukannya."(11)

Setiap orang dari mereka masing-masing mendapat balasan yang buruk di sisi Allah, kerana jenayah yang dilakukan mereka merupakan jenayah yang paling keji, yang mana mereka dihukum di dunia dan di Akhirat.

وَٱلَّذِي تَوَلَّىٰ كِبۡرَهُۥ مِنۡهُمۡ لَهُۥ عَذَابٌ عَظِيمٞ ﴿١١﴾

"Dan orang yang mengendalikan peranannya yang terbesar dari mereka akan mendapat balasan 'azab yang amat besar"(11)

yang sesuai dengan kesalahan dan jenayah mereka yang besar.

Abdullah Ibn Ubay Selaku Dalang Fitnah

Orang yang memegang peranan utama dalam menyebarkan fitnah dan memegang teraju perancangannya dan mengambil bahagian yang terpenting di dalamnya ialah Abdullah ibn Ubay ibn Salul kepala kaum Munafiqin dan pembawa panji-panji tipu muslihat yang keji. Dia telah mengetahui bagaimana hendak memilih dan mengenakan pukulan yang membawa maut andainya dia tidak dikawal oleh Allah dan andainya Allah tidak memelihara agama dan Rasul-Nya serta masyarakat Muslimin seluruhnya. Menurut riwayat apabila Safwan ibn al-Mu'attal lalu dengan unta yang membawa segeduk 'Aisyah Ummul-Mu'minin dan kebetulan Abdullah ibn Ubay ibn Salul pada masa itu berada bersama-sama kaumnya, dia pun terus bertanya: "Siapakah perempuan ini? "Jawab mereka: ... 'Aisyah r.a.". Lalu dia pun berkata: "Demi Allah, dia ('Aisyah) tidak akan selamat dari (Muhammad) dan Muhammad tidak akan selamat dari dia ('Aisyah)", dan berkata lagi: "Isteri Nabi kamu bermalam dengan seorang lelaki hingga ke pagi kemudian dia datang mengheret unta yang membawanya"

Itulah kata-kata fitnah yang bisa yang terus disebarkannya melalui kumpulan Munafiqin dengan cara memutar belit. Fitnah itu begitu berbisa hingga kota Madinah menjadi heboh dengan cerita bohong yang sama sekali tidak benar itu dan cerita fitnah yang didustakan oleh segala dalil dan bukti, dan sehingga orang-orang Islam sendiri turut memperkatakannya tanpa segan-segan dan malu. Dan akhirnya fitnah itu menjadi cerita perbualan mereka selama sebulan genap, sedangkan fitnah itu sewajarnya ditolak dan dicanggah dari awal-awal lagi.

Seorang itu tentulah merasa hairan - hingga hari ini - bagaimana fitnah yang serendah ini boleh merebak di dalam masyarakat Muslimin di waktu itu hingga melahirkan kesan-kesan yang amat besar dalam masyarakat itu dan menimbulkan penderitaan dan kerungsingan yang amat berat kepada (Rasulullah) manusia yang berjiwa paling suci dan besar.

Sebenarnya perjuangan yang diharungi Rasulullah s.a.w. dan ditempuh kumpulan Muslimin di masa itu adalah satu perjuangan yang amat besar, barang kali itulah sebesar-besar perjuangan yang pernah dihadapi Rasulullah s.a.w., tetapi pada akhirnya beliau keluar dari perjuangan itu dengan mendapat kemenangan dan beliau telah berjaya membendungkan perasaan-perasaan sedih beliau yang amat besar itu dan mengawal ketenangan jiwanya, menjaga kebesaran hati dan kesabarannya yang tinggi. Tidak ada sepatah perkataan pun yang dinukilkan dari beliau, yang menunjukkan bahawa beliau hilang sabar dan tidak mampu menanggung peristiwa itu. Kepedihan penderitaan dan kerunsingan yang dialami beliau dalam peristiwa itu merupakan satu kepedihan penderitaan yang paling besar yang pernah berlaku di dalam hidupnya, dan bahaya yang mengancam Islam dari fitnah yang dusta itu merupakan bahaya yang paling besar yang pernah ditempuh sejarah Islam.

Dalam Menghadapi Fitnah Setiap Muslim Disarankan Supaya Bertanya Hati Kecil Sendiri

Jika setiap Muslim pada hari itu meminta panduan dari hati kecilnya sendiri atau merujukkan kepada logik fitrahnya sendiri sudah tentu mereka akan mendapat panduan dan petunjuk yang betul. Al-Qur'anul-Karim mengajak kaum Muslimin menggunakan cara yang baik ini dalam menghadapi persoalan-persoalan yang besar, kerana cara bertanya kepada hati kecil sendiri atau merujuk kepada logik fitrah sendiri merupakan langkah utama sebelum menghukumkan peristiwa-peristiwa itu:

لَّوْلَآ إِذْ سَمِعْتُمُوهُ ظَنَّ ٱلْمُؤْمِنُونَ وَٱلْمُؤْمِنَٰتُ بِأَنفُسِهِمْ
خَيْرًا وَقَالُوا۟ هَٰذَآ إِفْكٌ مُّبِينٌ ﴿١٢﴾

"Mengapa tidak - ketika kamu mendengar fitnah yang bohong itu orang-orang yang beriman lelaki dan perempuan menaruh sangkaan yang baik terhadap golongan mereka sendiri dan berkata: Ini adalah fitnah bohong yang amat nyata."(12)

Inilah cara yang lebih baik, iaitu orang-orang Mu'min lelaki dan perempuan hendaklah menaruh sangkaan yang baik terhadap golongan sesama sendiri dan memustahilkan kemungkinan berlakunya perbuatan yang menjatuhkan mereka ke dalam lumpur seperti ini, kerana 'Aisyah isteri. Nabi mereka yang bersih dan saudara mereka Safwan seorang sahabat yang mujahid ini adalah dari golongan mereka sendiri. Menaruh sangkaan yang baik terhadap kedua mereka adalah lebih baik, kerana sesuatu perbuatan yang tidak wajar dilakukan mereka tentulah tidak wajar juga dilakukan isteri Rasulullah s.a.w. dan tidak wajar juga dilakukan oleh Safwan sahabat Rasulullah yang selama ini diketahui berkelakuan begitu baik. Cara inilah yang dilakukan oleh Abu Ayub Khalid ibn Zayd al-Ansari dan isterinya r.a. sebagaimana telah diriwayatkan oleh imam Muhammad ibn Ishaq, iaitu Abu Ayub telah ditanya isterinya Ummu Ayub: -"Wahai Abu Ayub! Tidakkah abang dengar apa kata orang kepada 'Aisyah r.a.?" Jawab Abu Ayub: "Ya, aku dengar, semuanya dusta belaka... Adakah engkau sanggup melakukan perbuatan itu, wahai Ummu Ayub?" Jawab Ummu Ayub: "Demi Allah aku tidak akan tergamak melakukan perbuatan itu". Abu Ayub pun terus berkata: "Jika demikian, demi Allah, 'Aisyah itu lebih baik dari engkau lagi". Sementara Imam Mahmud ibn Umar az -Zamakhsyari pula menakalkan dalam tafsirnya "al-Kasysyaf" bahawa Abu Ayub al-Ansari telah bertanya kepada Ummu Ayub: "Apa pendapat engkau tentang kata-kata orang terhadap 'Aisyah itu?" Jawab Ummu Ayub: "Jika abang di tempat Safwan adakah abang menaruh fikiran yang buruk terhadap isteri Rasulullah s.a.w.?" Jawab Abu Ayub: "Tentu tidak!" Ujar Ummu Ayub: "Jika saya di tempat

'Aisyah r.a. tentulah saya tidak akan menganiayai Rasulullah s.a.w., (yang jelas sekarang) ialah 'Aisyah itu lebih baik dari saya dan Safwan itu lebih baik dari abang (jadi sudah tentu mereka tidak akan tergamak melakukan perbuatan itu)".

Kedua-dua riwayat itu menunjukkan bahawa setengah-setengah kaum Muslimin merujukkan kepada diri sendiri dan bertanya kepada hati kecil mereka sendiri. Oleh sebab itu mereka menolak tuduhan kotor yang dilemparkan kepada 'Aisyah dan kepada Safwan seorang tokoh kaum Muslimin itu, iaitu tuduhan menderhakai Allah, mengkhianati Rasul-Nya dan terjerumus ke dalam lumpur perbuatan yang keji kerana semata-mata kekeliruan yang tidak mampu menghadapi perdebatan.

Inilah langkah pertama di dalam peraturan yang diwajibkan Al-Qur'an untuk menghadapi peristiwa-peristiwa seperti ini, iaitu langkah mencari dalil dari hati nurani sendiri, kemudian barulah disusuli dengan langkah yang kedua iaitu mencari dalil dari luar atau mencari bukti dari alam kenyataan:

لَّوْلَا جَآءُو عَلَيْهِ بِأَرْبَعَةِ شُهَدَآءَ ۚ فَإِذْ لَمْ يَأْتُوا۟ بِٱلشُّهَدَآءِ
فَأُو۟لَٰٓئِكَ عِندَ ٱللَّهِ هُمُ ٱلْكَٰذِبُونَ ﴿١٣﴾

"Mengapakah mereka (yang menuduh itu) tidak membawa empat orang saksi mengesahkan berita itu? Oleh kerana mereka tidak menghadirkan saksi-saksi itu, maka di sisi Allah mereka adalah pendusta-pendusta belaka."(13)

Fitnah dusta yang besar yang melibatkan peribadi yang paling tinggi dan maruah yang paling suci itu tidak seharusnya berlaku dengan begitu mudah, tidak seharusnya merebak sedemikian rupa tanpa usul periksa dan tanpa bukti dan tidak seharusnya dijadikan bahan lontaran lidah dan bahan mamahan mulut tanpa saksi dan bukti:

لَّوْلَا جَآءُو عَلَيْهِ بِأَرْبَعَةِ شُهَدَآءَ ۚ

"Mengapakah mereka (yang menuduh itu) tidak membawa empat orang saksi mengesahkan berita itu?"(13)

Tetapi mereka tidak berbuat apa-apa, jadi mereka tetaplah merupakan manusia-manusia pendusta di sisi Allah yang tidak pernah bertukar dan berubah keputusan-Nya. Itulah palitan gelaran yang tepat dan kekal kepada mereka yang tidak dapat dibersihkan lagi darinya dan tidak dapat dihindari dari akibatnya yang buruk.

Kedua-dua langkah ini, iaitu langkah membentangkan fitnah itu kepada hati sendiri dan meminta fatwa dari dhamir sendiri dan langkah mencari kepastian dengan saksi dan dalil telah diabaikan oleh orang-orang Mu'min dalam menghadapi peristiwa fitnah yang dusta itu. Mereka membiarkan penyebar-penyebar fitnah itu mencemarkan maruah Rasulullah s.a.w., sedangkan fitnah itu suatu dosa yang amat besar, dan andainya tidak kerana kasihan belas Allah tentulah seluruh kaum Muslimin ditimpa bala bencana yang besar. Oleh sebab itu Allah memberi amaran kepada mereka supaya jangan, sekali-kali mengulangi perbuatan itu buat selama-lamanya setelah menerima pelajaran yang amat pedih ini:

وَلَوْلَا فَضْلُ ٱللَّهِ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَتُهُۥ فِى ٱلدُّنْيَا وَٱلْءَاخِرَةِ
لَمَسَّكُمْ فِى مَآ أَفَضْتُمْ فِيهِ عَذَابٌ عَظِيمٌ ﴿١٤﴾

"Dan jika tidak kerana limpah kurnia Allah dan rahmat-Nya ke atas kamu di dunia dan Akhirat tentulah perbuatan kamu mengheboh-hebohkan fitnah bohong itu akan menyebabkan kamu ditimpa 'azab yang amat besar."(14)

Fitnah Merupakan Pelajaran Yang Amat Pahit Kepada Masyarakat Islam

Allah telah menjadikan peristiwa fitnah itu satu pelajaran yang pahit kepada masyarakat Muslimin dan dia telah menolong mereka dengan limpah kurnia dan rahmat-Nya dan tidak menimpakan ke atas mereka balasan dan 'azabnya, sedangkan perbuatan yang keji itu wajar menerima 'azab yang besar, iaitu 'azab yang sesuai dengan 'azab penderitaan yang mereka timbulkan kepada Rasulullah s.a.w., kepada isterinya ('Aisyah) dan kepada sahabatnya (Safwan) yang selama ini terkenal baik dan jujur, 'azab yang sesuai dengan kejahatan fitnah yang dihebohkan dalam masyarakat Muslimin dan menyentuh segala prinsip yang suci yang menjadi tapak tegak kehidupan mereka, 'azab yang sesuai dengan tipu muslihat yang jahat yang dirancangkan oleh kumpulan Munafiqin terhadap agama Islam untuk mencabutkannya dari akar umbinya apabila mereka berjaya menggoncangkan kepercayaan orang-orang yang beriman terhadap Tuhan mereka, terhadap Nabi mereka dan terhadap diri mereka sendirian selama sebulan genap, iaitu sebulan yang penuh dengan kegelisahan, kekeliruan dan kebingungan tanpa sesuatu keyakinan, tetapi limpah kurnia Allah telah menyelamatkan masyarakat Islam yang masih muda itu dan akhirnya rahmat-Nya telah merangkuli orang-orang Islam yang bersalah setelah menerima satu pelajaran yang amat pedih.

Al-Qur'an melukiskan gambaran zaman kehilangan teraju, kemungkiran pertimbangan, kekacauan nilai dan kehilangan prinsip-prinsip itu (seperti berikut):

إِذْ تَلَقَّوْنَهُۥ بِأَلْسِنَتِكُمْ وَتَقُولُونَ بِأَفْوَاهِكُم مَّا لَيْسَ لَكُم
بِهِۦ عِلْمٌ وَتَحْسَبُونَهُۥ هَيِّنًا وَهُوَ عِندَ ٱللَّهِ عَظِيمٌ ﴿١٥﴾

"Ketika kamu menerima berita bohong itu dari lidah ke lidah dan kamu katakan dengan mulut kamu perkara yang kamu tidak mengetahuinya sedikit pun dan kamu mengirakannya sebagai suatu perkara yang kecil sahaja, sedangkan perkara itu amat besar di sisi Allah."(15)

Itulah gambaran sikap memandang kecil, sewenang-wenang dan kurang rasa segan dan silu malu, dan sikap menghadapi persoalan yang amat

besar dan bahaya itu dengan sambil lewa tanpa memberi perhatian yang berat:

إِذۡ تَلَقَّوۡنَهُۥ بِأَلۡسِنَتِكُمۡ

"Ketika kamu menerima berita bohong itu dari lidah ke lidah"(15)

berita fitnah itu dipindah dari satu lidah ke satu lidah tanpa difikirkan dengan teliti dan tanpa diusul periksa dan tanpa tilik pandang yang mendalam seolah-olah berita fitnah itu tidak melalui telinga, tidak difikirkan minda dan tidak diteliti hati.

وَتَقُولُونَ بِأَفۡوَاهِكُم مَّا لَيۡسَ لَكُم بِهِۦ عِلۡمٞ

"Dan kamu katakan dengan mulut kamu perkara yang kamu tidak mengetahuinya sedikit pun"(15)

kamu memperkatakan berita fitnah itu dengan mulut kamu bukannya dengan menggunakan fikiran, akal dan hati nurani kamu. Berita fitnah itu hanya merupakan kata-kata yang diluahkan mulut sebelum diterima akal fikiran.

وَتَحۡسَبُونَهُۥ هَيِّنٗا

"Dan kamu mengirakannya sebagai suatu perkara yang kecil sahaja"(15)

kamu tergamak menuduh kehormatan Rasulullah dan membiarkan hati beliau dan hati isterinya serta keluarganya diperah penderitaan dan kesengsaraan. Kamu tergamak menodai kesucian rumahtangga Abu Bakr as-Siddiq yang tak pernah dituduh di zaman jahiliyah, kamu tergamak menuduh Safwan seorang sahabat yang mujahid fi Sabilillah dan kamu tergamak menyentuh 'ismah Rasulullah s.a.w. dan hubungannya yang erat dengan Allah, juga menyentuh ri'ayah Allah yang sentiasa memeliharanya kemudian kamu mengirakannya sebagai suatu perkara kecil.

وَهُوَ عِندَ ٱللَّهِ عَظِيمٞ ١٥

"Sedangkan perkara itu amat besar di sisi Allah"(15)

dan tiada suatu yang menjadi besar di sisi Allah melainkan sesuatu yang amat besar dan mulia yang menggoncangkan gunung-ganang dan menggegarkan bumi dan langit.

Sepatutnya hati kaum muslimin semuanya menggigil sebaik sahaja mendengar berita fitnah itu, dan sepatutnya merasa segan dan malu hendak menyebutnya. Mereka sepatutnya menolak berita fitnah itu untuk dijadikan maudhu' percakapan mereka. Mereka sepatutnya bertawajjuh kepada Allah dan mentanzihkan-Nya dari membiarkan nabi-Nya menjadi mangsa berita fitnah dan dari dituduh dengan tuduhan dusta yang amat jauh dari suasana beliau yang suci dan mulia itu:

وَلَوۡلَآ إِذۡ سَمِعۡتُمُوهُ قُلۡتُم مَّا يَكُونُ لَنَآ أَن نَّتَكَلَّمَ بِهَٰذَا

سُبۡحَٰنَكَ هَٰذَا بُهۡتَٰنٌ عَظِيمٞ ١٦

"Dan mengapakah kamu tidak terus berkata ketika kamu mendengar berita bohong itu: Tidak seharusnya kepada kita membicarakan perkara ini, Maha Sucilah Engkau (wahai Tuhan kami) ini adalah satu pembohongan yang amat besar."(16)

Apabila teguran ini sampai ke dasar hati nurani dan menggoncangkannya dengan kuat ketika ia memperlihatkan betapa besar dan kejinya perbuatan yang dilakukan mereka, maka ketika itulah Allah memberi amaran supaya mereka jangan lagi mengulangi kesalahan yang amat besar itu:

يَعِظُكُمُ ٱللَّهُ أَن تَعُودُواْ لِمِثۡلِهِۦٓ أَبَدًا إِن كُنتُم مُّؤۡمِنِينَ ١٧

"Allah menasihati kamu supaya jangan mengulangi perbuatan seperti itu buat selama-lamanya, jika kamu benar orang-orang yang beriman."(17)

يَعِظُكُمُ

"Allah menasihati kamu"(17)

kata-kata ini merupakan satu uslub pendidikan yang berkesan yang digunakan pada masa yang paling tepat untuk menarik keta'atan dan kepatuhan mereka, juga untuk mendorong mereka mengambil pengajaran, di samping itu kata-kata ini juga mengandungi amaran supaya mereka jangan mengulangi perbuatan itu "Allah menasihati kamu supaya kamu jangan mengulangi perbuatan seperti itu buat selama-lamanya", kemudian Al-Qur'an menggantungkan keimanan mereka pada kesediaan mereka mengambil pengajaran dari peristiwa itu (dengan kata-kata):

إِن كُنتُم مُّؤۡمِنِينَ ١٧

"Jika kamu benar orang-orang yang beriman"(17)

kerana orang-orang yang beriman tidak mungkin mengulangi perbuatan itu setelah didedahkan keburukannya dan diberi amaran sedemikian rupa.

وَيُبَيِّنُ ٱللَّهُ لَكُمُ ٱلۡأٓيَٰتِۚ

"Dan Allah menerangkan pengajaran-pengajaran kepada kamu"(18)

iaitu dari contoh peristiwa fitnah itu dan tipu muslihat yang dirancang di sebaliknya, juga dari kesalahan-kesalahan dan kesilapan-kesilapan yang berlaku dalam peristiwa itu.

وَٱللَّهُ عَلِيمٌ حَكِيمٌ ١٨

"Dan Allah adalah Maha Mengetahui dan Maha Bijaksana"(18)

Allah mengetahui segala motif dan niat, segala tujuan dan matlamat. Dia mengetahui segala pintu

hati dan segala liku-liku jiwa dan Dia Maha Bijaksana mengubati dan mengendalikan urusan-urusan jiwa dan mengaturkan peraturan-peraturan dan batas-batas yang boleh memberi kebaikan kepadanya.

* * * * * *

Kemudian Al-Qur'an terus mengulas peristiwa fitnah yang didusta itu dan kesan-kesan yang ditinggalkannya di samping mengulangi amaran agar perbuatan itu tidak diulangkan lagi dan memberi peringatan agar mereka mengenangkan limpah kurnia dan rahmat Allah kepada mereka serta mengeluarkan ancaman kepada mereka yang menuduh perempuan-perempuan Mu'minin yang muhsan, yang terlalai bahawa mereka akan di'azabkan dengan 'azab Allah pada hari Akhirat. Selain dari itu ulasan itu juga bertujuan membersihkan jiwa (orang-orang yang teraniaya dalam tuduhan itu) dari kesan-kesan perjuangan (yang pahit) dan membebaskannya dari hubungan-hubungan dan perhitungan-perhitungan dunia serta mengembalikan semula cahayanya yang gemilang seperti yang dapat dilihat dalam sikap yang diambil oleh Abu Bakr r.a. terhadap Mistah ibn Uthathah dari anggota keluarganya yang dekat, yang terlibat dalam memperkatakan berita fitnah yang bohong itu bersama-sama kumpulan penyebarnya:

إِنَّ ٱلَّذِينَ يُحِبُّونَ أَن تَشِيعَ ٱلْفَٰحِشَةُ فِى ٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ لَهُمْ عَذَابٌ أَلِيمٌ فِى ٱلدُّنْيَا وَٱلْءَاخِرَةِ ۚ وَٱللَّهُ يَعْلَمُ وَأَنتُمْ لَا تَعْلَمُونَ ﴿١٩﴾

"Sesungguhnya orang-orang yang ingin supaya tersebarnya kejahatan seks yang keji itu di kalangan orang-orang yang beriman, mereka akan memperolehi 'azab yang amat pedih di dunia dan Akhirat. Dan Allah Maha Mengetahui sedangkan kamu tidak mengetahui."(19)

Orang-orang yang menuduh wanita-wanita muhsan terutama mereka yang tergamak menuduh rumahtangga nabi yang mulia adalah bertujuan untuk menggugatkan kepercayaan masyarakat Muslimin yang beriman kepada kebaikan, kesucian dan kebersihan diri, juga bertujuan menghapuskan perasaan malu dan segan mereka dari melakukan perbuatan yang sumbang itu melalui saranan bahawa perbuatan itu kini telah menjadi satu perbuatan yang lumrah di dalam masyarakat. Dengan saranan itu keinginan kepada perbuatan yang sumbang itu akan berkembang dalam jiwa orang ramai dan selepas itu ia akan berkembang pula di dalam alam kenyataan.

Oleh sebab itulah Al-Qur'an menyifatkan orang-orang yang menuduh wanita-wanita yang muhsan itu sebagai orang-orang yang ingin menyebarkan perbuatan sumbang yang keji di dalam kalangan orang-orang yang beriman dan mengancam mereka dengan balasan 'azab yang amat pedih di dunia dan di Akhirat.

Itulah sebahagian dari cara pendidikan dan itulah satu peraturan dari peraturan-peraturan mencegah kejahatan seks yang diatur berdasarkan pengalaman dengan selok-belok jiwa manusia dan berdasarkan pengetahuan mengenai cara perkembangan perasaan-perasaan manusia dan arah-arah tujuannya. Oleh sebab itulah ia iringi dengan kenyataan:

وَٱللَّهُ يَعْلَمُ وَأَنتُمْ لَا تَعْلَمُونَ ﴿١٩﴾

"Dan Allah Maha Mengetahui, sedangkan kamu tidak mengetahui."(19)

Tiada siapa yang mengetahui rahsia jiwa manusia melainkan hanya Allah yang telah menciptakan-Nya. Dan tiada siapa yang dapat mengendalikan manusia ini melainkan hanya Allah yang telah menjadikan-Nya. Dan tiada sesiapa yang mengetahui segala yang zahir dan segala yang batin dan tiada sesuatu pun yang tersembunyi dari ilmu Allah Yang Maha Mengetahui dan Maha Mendalam ilmu pengetahuan-Nya.

Sekali lagi Al-Qur'an mengingatkan orang-orang Mu'min terhadap limpah kurnia Allah dan rahmat-Nya kepada mereka:

وَلَوْلَا فَضْلُ ٱللَّهِ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَتُهُۥ وَأَنَّ ٱللَّهَ رَءُوفٌ رَّحِيمٌ ﴿٢٠﴾

"Dan jika tidak kerana limpah kurnia Allah dan rahmat-Nya ke atas kamu (tentulah kamu akan ditimpa malapetaka). Dan sesungguhnya Allah Maha Penyantun Dan Maha Pengasih."(20)

Sesungguhnya peristiwa fitnah itu amat besar dan dosa perbuatan fitnah itu juga amat berat. Bala bencana yang tersembunyi di dalam peristiwa itu mematutkan seluruh masyarakat Muslimin ditimpakan malapetaka belakai tetapi mereka terselamat dari malapetaka itu kerana dilindungi limpah kurnia Allah dan rahmat-Nya, kasihan belas Ilahi dan ri'ayah-Nya. Oleh sebab itu Al-Qur'an mengingatkan ni'mat ini berkali-kali ketika ia mendidik mereka dengan ujian fitnah yang amat besar itu, yang telah melibatkan seluruh kehidupan kaum Muslimin.

Apabila mereka terkenang kepada malapetaka yang hampir-hampir menimpa seluruh mereka itu andainya tidak diselamatkan limpah kurnia Allah dan rahmat-Nya, akan tergambarlah kepada mereka bahawa perbuatan yang telah dilakukan mereka adalah semata-mata kerana menurut jejak langkah syaitan, sedangkan mereka tidak seharusnya menurut jejak langkah musuh mereka dan musuh moyang mereka (Adam) itu dari zaman antah berantah lagi. Oleh itu Al-Qur'an mengingatkan mereka terhadap kejahatan fitnah yang seperti ini yang dipimpin oleh syaitan:

يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ لَا تَتَّبِعُوا۟ خُطُوَٰتِ ٱلشَّيْطَٰنِ ۚ وَمَن يَتَّبِعْ خُطُوَٰتِ ٱلشَّيْطَٰنِ فَإِنَّهُۥ يَأْمُرُ بِٱلْفَحْشَآءِ

وَٱلْمُنكَرِ ۚ وَلَوْلَا فَضْلُ ٱللَّهِ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَتُهُۥ مَا زَكَىٰ مِنكُم مِّنْ أَحَدٍ أَبَدًا وَلَٰكِنَّ ٱللَّهَ يُزَكِّى مَن يَشَآءُ ۗ وَٱللَّهُ سَمِيعٌ عَلِيمٌ ﴿٢١﴾

"Wahai orang-orang yang beriman! Janganlah kamu mengikut langkah-langkah syaitan, dan barang siapa yang mengikut langkah-langkah syaitan, maka sesungguhnya syaitan itu sentiasa menyuruh mereka mengerjakan perbuatan yang keji dan mungkar. Dan jika tidak kerana limpah kurnia Allah dan rahmat-Nya ke atas kamu nescaya tiada seorang pun dari kamu yang bersih dari (kekotoran dosa) buat selama-lamanya, tetapi Allah membersihkan siapa yang dikehendaki-Nya dan Allah Maha Mendengar dan Maha Mengetahui."(21)

Memanglah satu gambaran yang amat buruk apabila syaitan mengorak langkah, maka orang-orang Mu'min pun turut mengikut jejak langkahnya, sedangkan mereka merupakan golongan manusia yang paling wajar menjauhkan diri dari jalan syaitan dan memilih satu jalan yang lain dari jalan syaitan yang terkutuk itu. Gambaran menjadi pak turut syaitan itu merupakan satu gambaran yang amat keji yang dijijik oleh tabi'at orang yang beriman dan ditakuti oleh perasaan dan khayalnya. Lukisan gambaran ini yang kemudian dibentangkan kepada orang-orang yang beriman itu dapat melahirkan di dalam hati mereka rasa waspada, hati-hati dan peka (terhadap tipu daya syaitan):

وَمَن يَتَّبِعْ خُطُوَٰتِ ٱلشَّيْطَٰنِ فَإِنَّهُۥ يَأْمُرُ بِٱلْفَحْشَآءِ وَٱلْمُنكَرِ ۚ

"Barang siapa yang mengikuti langkah-langkah syaitan, maka sesungguhnya syaitan itu sentiasa menyuruh mengerjakan perbuatan yang keji dan mungkar"(21)

dan cerita fitnah dusta itu merupakan salah satu contoh dari perbuatan mungkar yang telah menjerumuskan orang-orang yang beriman yang turut memperkatakannya. Itulah satu contoh yang amat keji dan buruk.

Manusia itu amat lemah. Mereka sentiasa terdedah kepada berbagai-bagai kecenderungan dan keinginan dan kepada kecemaran-kecemaran akhlak kecuali mereka diselamatkan oleh limpah kurnia Allah dan rahmat-Nya apabila mereka bertawajjuh kepada Allah dan berjalan mengikut peraturan-Nya.

وَلَوْلَا فَضْلُ ٱللَّهِ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَتُهُۥ مَا زَكَىٰ مِنكُم مِّنْ أَحَدٍ أَبَدًا وَلَٰكِنَّ ٱللَّهَ يُزَكِّى مَن يَشَآءُ ۗ

"Dan jika tidak kerana limpah kurnia Allah dan rahmat-Nya ke atas kamu nescaya tiada seorang pun dari kamu yang bersih dari (kekotoran dosa) buat selama-lamanya, tetapi Allah membersihkan sesiapa yang dikehendaki-Nya."(21)

Nur hidayat Allahlah yang memancar di dalam hati lalu membersihkannya, dan andainya tidak kerana limpah kurnia Allah dan rahmat-Nya tentulah tiada seorang pun yang bersih. Allah Maha Mendengar dan Maha Mengetahui. Oleh itu dia membersihkan siapa yang layak dibersih dan siapa yang diketahui-Nya baik dan mempunyai kesediaan menerima kebaikan:

وَٱللَّهُ سَمِيعٌ عَلِيمٌ ﴿٢١﴾

"Dan Allah Maha Mendengar dan Maha Mengetahui."(21)

Sesuai dengan penerangan yang menjelaskan persoalan pembersihan diri, Al-Qur'an menyeru kaum Muslimin supaya bersikap memberi ampun dan maaf terhadap satu sama lain di dalam kalangan orang-orang yang beriman sebagaimana mereka mengharapkan keampunan dan kema'afan dari Al-lah apabila mereka melakukan kesalahan-kesalahan dan dosa-dosa.:

وَلَا يَأْتَلِ أُو۟لُوا۟ ٱلْفَضْلِ مِنكُمْ وَٱلسَّعَةِ أَن يُؤْتُوٓا۟ أُو۟لِى ٱلْقُرْبَىٰ وَٱلْمَسَٰكِينَ وَٱلْمُهَٰجِرِينَ فِى سَبِيلِ ٱللَّهِ ۖ وَلْيَعْفُوا۟ وَلْيَصْفَحُوٓا۟ ۗ أَلَا تُحِبُّونَ أَن يَغْفِرَ ٱللَّهُ لَكُمْ ۗ وَٱللَّهُ غَفُورٌ رَّحِيمٌ ﴿٢٢﴾

"Dan janganlah orang-orang yang mempunyai kelebihan dan kelapangan (kewangan) itu bersumpah bahawa mereka tidak akan memberi (bantuan) kepada kaum kerabat, orang-orang miskin dan orang-orang yang berhijrah kerana agama Allah, dan hendaklah mereka (bersikap) mengampun dan mema'af. Apakah kamu tidak ingin Allah memberi keampunan kepada kamu, sedangkan Allah Maha Pengampun dan Maha Penyayang?(22)

Ayat ini turun mengenai Abu Bakr r.a. setelah turunnya ayat-ayat yang membersihkan 'Aisyah as-Siddiqah r.a. dari fitnah itu. Abu Bakr telah mendapat tahu bahawa Mistah ibn Uthathah adalah di antara orang-orang yang terlibat memperkatakan cerita fitnah itu, sedangkan Mistah dari kaum kerabatnya sendiri. Dia seorang miskin dari golongan Muhajirin dan selama ini Abu Bakrlah yang memberi bantuan tetap kepadanya. Oleh sebab perbuatannya itu Abu Bakr telah bersumpah tidak akan memberi apa-apa bantuan lagi kepadanya buat selama-lamanya.

Ayat ini diturun untuk mengingatkan Abu Bakr r.a. dan sekalian kaum Muslimin bahawa mereka pernah melakukan kesalahan-kesalahan kemudian mereka berharap kepada Allah supaya mengampunkan kesalahan mereka. Oleh sebab itu mereka juga harus bersikap maaf-mema'af terhadap satu sama lain sebagaimana mereka mengharapkan kema'afan dari Allah, dan janganlah mereka bersumpah untuk menahan bantuan kepada mereka yang memerlukannya apabila mereka melakukan kesalahan dan kesilapan.

Di sini kita dapat melihat satu taraf jiwa yang tinggi dari jiwa-jiwa manusia yang bersih dan suci dengan nur hidayat Allah, iaitu taraf tinggi jiwa Abu Bakr r.a. yang telah merasa tersinggung dengan peristiwa fitnah hingga ke dasar hatinya dan telah menanggung penderitaan yang pahit kerana menerima tuduhan jahat terhadap rumahtangga dan maruahnya, tetapi sebaik sahaja dia mendengar seruan Allah supaya mengambil sikap memberi kema'afan dan sebaik sahaja hatinya disentuh pertanyaan Allah yang bertanya:

أَلَا تُحِبُّونَ أَن يَغْفِرَ ٱللَّهُ لَكُمْ

"Apakah kamu tidak ingin Allah memberi keampunan kepada kamu?"(22)

maka dia terus menepikan segala penderitaan jiwanya yang pedih itu, menepikan segala perasaan kecil hatinya sebagai manusia dan logik masyarakatnya. Jiwanya menjadi halus dan bercahaya dengan nur hidayat Allah. Dia terus menyahuti seruan Allah itu dengan tenang dan jujur seraya berkata: "Ia, demi Allah, aku amat ingin Allah mengurniakan keampunan kepada aku", lalu diapun menyambung semula bantuan sara hidup yang tetap kepada Mistah yang selama ini diberikan kepadanya. Dan dia bersumpah: "Demi Allah aku tidak akan menarik balik bantuan ini darinya buat selama-lamanya" sebagai ganti sumpahnya yang telah silam: "Demi Allah, aku tidak akan memberi apa-apa bantuan lagi kepadanya buat selama-lamanya".

Demikian cara Allah menyapu penderitaan yang pedih dari hati Abu Bakr yang besar itu dan membersihkannya dari kekotoran peperangan (yang dilancarkan oleh kaum Munafiqin) supaya hati itu selama-lamanya tinggal bersih, suci dan berseri dengan nur hidayat Allah.

* * * * * *

Keampunan yang disebut Allah kepada kaum Mu'min itu hanya untuk mereka yang bertaubat dari dosa menuduh wanita-wanita yang muhsan dan dosa menyebarkan perbuatan yang sumbang itu di kalangan orang-orang yang beriman. Ada pun orang-orang yang menuduh wanita-wanita yang muhsan dengan niat yang jahat dan merancangkannya dengan degil seperti Abdullah ibn Ubay, maka tiada sebarang keampunan dan kema'afan untuk mereka. Walaupun mereka terlepas dari hukuman hudud di dunia, kerana tidak ada saksi-saksi yang sanggup tampil menjadi saksi, tetapi 'azab Allah tetap menunggu mereka di Akhirat dan pada hari itu para saksi tidak akan diperlukan lagi:

إِنَّ ٱلَّذِينَ يَرْمُونَ ٱلْمُحْصَنَٰتِ ٱلْغَٰفِلَٰتِ ٱلْمُؤْمِنَٰتِ
لُعِنُوا۟ فِى ٱلدُّنْيَا وَٱلْءَاخِرَةِ وَلَهُمْ عَذَابٌ عَظِيمٌ ﴿٢٣﴾
يَوْمَ تَشْهَدُ عَلَيْهِمْ أَلْسِنَتُهُمْ وَأَيْدِيهِمْ وَأَرْجُلُهُم بِمَا
كَانُوا۟ يَعْمَلُونَ ﴿٢٤﴾
يَوْمَئِذٍ يُوَفِّيهِمُ ٱللَّهُ دِينَهُمُ ٱلْحَقَّ وَيَعْلَمُونَ أَنَّ ٱللَّهَ هُوَ
ٱلْحَقُّ ٱلْمُبِينُ ﴿٢٥﴾

"Sesungguhnya orang-orang yang membuat tuduhan zina terhadap wanita-wanita muhsan, yang terlalai dan beriman itu akan dilaknatkan di dunia dan Akhirat dan mereka akan mendapat 'azab yang amat besar (23). Pada hari mereka disaksikan oleh lidah, tangan dan kaki mereka sendiri terhadap perbuatan-perbuatan yang telah dilakukan mereka (24). Pada hari itu Allah akan menyempurnakan balasan mereka yang sebenar dan mereka akan mengetahui bahawa Allah itulah yang benar dan jelas kebenaran-Nya."(25)

Ayat ini menggambarkan betapa besar dan kejinya jenayah yang dilakukan oleh mereka iaitu menuduh wanita-wanita muhsan ketika wanita-wanita itu berada dalam keadaan tidak berwaspada dan hati-hati dari kemungkinan dituduh orang, sedangkan mereka mempunyai hati yang baik dan bersih, tenang dan yakin, tidak takut kepada sesiapa kerana mereka tidak pernah melakukan sesuatu kesalahan yang ditakuti mereka. Jenayah menuduh wanita-wanita Mu'min yang muhsan itu adalah satu jenayah yang nampak jelas keburukan dan kekejiannya, oleh sebab itulah orang-orang yang melakukan jenayah ini mendapat hukuman laknat yang segera. Mereka dilaknatkan Allah dan diusir dari rahmat-Nya di dunia dan di Akhirat. Kemudian Al-Qur'an menggambarkan pemandangan bagaimana mereka dihukum pada hari Qiamat:

يَوْمَ تَشْهَدُ عَلَيْهِمْ أَلْسِنَتُهُمْ وَأَيْدِيهِمْ وَأَرْجُلُهُم بِمَا
كَانُوا۟ يَعْمَلُونَ ﴿٢٤﴾

"Pada hari mereka disaksikan oleh lidah, tangan dan kaki mereka sendiri terhadap perbuatan-perbuatan yang telah dilakukan mereka."(24)

Di sana mereka menuduh satu sama lain dengan tuduhan yang benar kerana merekalah orang-orang yang sebenar menuduh wanita-wanita yang muhsan yang berada dalam keadaan yang tidak berwaspada dengan fitnah yang dusta, sedangkan mereka adalah wanita-wanita yang beriman. Ia merupakan satu pemandangan balasan yang setimpal yang amat berkesan mengikut cara keseimbangan seni dalam penggambaran Al-Qur'an.

يَوْمَئِذٍ يُوَفِّيهِمُ ٱللَّهُ دِينَهُمُ ٱلْحَقَّ

"Pada hari itu Allah akan menyempurnakan balasan mereka yang sebenar"(25)

Allah akan membalaskan mereka dengan balasan yang adil dan menyelesaikan hisab mereka dengan rapi. Pada hari itu barulah mereka mendapat keyakinan terhadap apa yang diragui mereka:

وَيَعْلَمُونَ أَنَّ ٱللَّهَ هُوَ ٱلْحَقُّ ٱلْمُبِينُ ﴿٢٥﴾

"Dan mereka akan mengetahui bahawa Allah itulah yang benar dan jelas kebenarannya."(25)

Penjelasan mengenai peristiwa fitnah yang dusta itu diakhiri dengan satu kenyataan yang menerangkan keadilan Allah dalam pemilihan kongsi hidup yang ditanam dalam fitrah manusia dan merealisasikannya dalam realiti hidup mereka, di mana wanita yang jahat sesuai dengan lelaki yang jahat dan lelaki yang jahat sesuai dengan wanita yang jahat, wanita yang baik sesuai dengan lelaki yang baik dan lelaki yang baik sesuai dengan perempuan yang baik. Inilah asas hubungan di antara suami dan isteri. Oleh itu (berdasarkan hakikat ini) 'Aisyah mustahil melakukan perbuatan yang keji seperti yang dituduh oleh mereka, kerana dia telah dijodohkan Allah dengan sebaik-baik suami di muka bumi ini:

ٱلْخَبِيثَٰتُ لِلْخَبِيثِينَ وَٱلْخَبِيثُونَ لِلْخَبِيثَٰتِ
وَٱلطَّيِّبَٰتُ لِلطَّيِّبِينَ وَٱلطَّيِّبُونَ لِلطَّيِّبَٰتِ
أُو۟لَٰٓئِكَ مُبَرَّءُونَ مِمَّا يَقُولُونَ لَهُم مَّغْفِرَةٌ وَرِزْقٌ كَرِيمٌ ﴿٢٦﴾

"Wanita-wanita yang jahat adalah untuk lelaki-lelaki yang jahat dan lelaki-lelaki yang jahat adalah untuk wanita-wanita yang jahat, dan wanita-wanita yang baik adalah untuk lelaki-lelaki yang baik dan lelaki-lelaki yang baik adalah untuk wanita-wanita yang baik. Mereka adalah bersih dari tuduhan-tuduhan yang dikatakan mereka (para penuduh) dan mereka memperolehi keampunan dan rezeki yang amat murah."(26)

Rasulullah s.a.w. menaruh perasaan kasih yang amat besar terhadap 'Aisyah dan tentulah mustahil bagi Allah menjadikan 'Aisyah itu dikasihi oleh Nabi-Nya yang ma'sum, jika dia bukannya seorang wanita yang suci, yang wajar menerima kasih yang besar itu.

Mereka adalah lelaki-lelaki yang baik dan perempuan-perempuan yang baik belaka:

أُو۟لَٰٓئِكَ مُبَرَّءُونَ مِمَّا يَقُولُونَ

"Mereka adalah bersih dari tuduhan-tuduhan yang dikatakan mereka (para penuduh)"(26)

yakni bersih dengan fitrah dan sifat semulajadi mereka. Tiada sesuatu pun yang dapat diragui dari segala tuduhan yang dilemparkan terhadap mereka.

لَهُم مَّغْفِرَةٌ وَرِزْقٌ كَرِيمٌ ﴿٢٦﴾

"Dan mereka memperolehi keampunan dan rezeki yang amat murah."(26)

Dengan ini berakhirlah cerita fitnah yang dusta, yang telah mendedahkan masyarakat Muslimin kepada satu ujian yang amat besar, iaitu ujian kepercayaan terhadap kesucian rumahtangga Rasulullah dan terhadap jaminan pemeliharaan Allah yang sentiasa melindungi Nabi-Nya, iaitu Allah tidak akan meletakkan di dalam rumahtangga beliau melainkan hanya unsur yang suci dan mulia sahaja. Allah telah menjadikan ujian ini sebagai satu pertunjukkan untuk mendidik masyarakat Muslimin supaya jiwa mereka menjadi halus dan meningkat ke alam nur di dalam Surah an-Nur.

(Kumpulan ayat-ayat 27 - 34)

يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ لَا تَدْخُلُوا۟ بُيُوتًا غَيْرَ بُيُوتِكُمْ
حَتَّىٰ تَسْتَأْنِسُوا۟ وَتُسَلِّمُوا۟ عَلَىٰٓ أَهْلِهَا ذَٰلِكُمْ خَيْرٌ لَّكُمْ
لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ﴿٢٧﴾
فَإِن لَّمْ تَجِدُوا۟ فِيهَآ أَحَدًا فَلَا تَدْخُلُوهَا حَتَّىٰ يُؤْذَنَ
لَكُمْ وَإِن قِيلَ لَكُمُ ٱرْجِعُوا۟ فَٱرْجِعُوا۟ هُوَ أَزْكَىٰ
لَكُمْ وَٱللَّهُ بِمَا تَعْمَلُونَ عَلِيمٌ ﴿٢٨﴾
لَّيْسَ عَلَيْكُمْ جُنَاحٌ أَن تَدْخُلُوا۟ بُيُوتًا غَيْرَ مَسْكُونَةٍ
فِيهَا مَتَٰعٌ لَّكُمْ وَٱللَّهُ يَعْلَمُ مَا تُبْدُونَ وَمَا
تَكْتُمُونَ ﴿٢٩﴾
قُل لِّلْمُؤْمِنِينَ يَغُضُّوا۟ مِنْ أَبْصَٰرِهِمْ وَيَحْفَظُوا۟
فُرُوجَهُمْ ذَٰلِكَ أَزْكَىٰ لَهُمْ إِنَّ ٱللَّهَ خَبِيرٌۢ بِمَا
يَصْنَعُونَ ﴿٣٠﴾
وَقُل لِّلْمُؤْمِنَٰتِ يَغْضُضْنَ مِنْ أَبْصَٰرِهِنَّ
وَيَحْفَظْنَ فُرُوجَهُنَّ وَلَا يُبْدِينَ زِينَتَهُنَّ إِلَّا
مَا ظَهَرَ مِنْهَا وَلْيَضْرِبْنَ بِخُمُرِهِنَّ عَلَىٰ جُيُوبِهِنَّ وَلَا
يُبْدِينَ زِينَتَهُنَّ إِلَّا لِبُعُولَتِهِنَّ أَوْ ءَابَآئِهِنَّ
أَوْ ءَابَآءِ بُعُولَتِهِنَّ أَوْ أَبْنَآئِهِنَّ أَوْ أَبْنَآءِ بُعُولَتِهِنَّ
أَوْ إِخْوَٰنِهِنَّ أَوْ بَنِىٓ إِخْوَٰنِهِنَّ أَوْ بَنِىٓ أَخَوَٰتِهِنَّ
أَوْ نِسَآئِهِنَّ أَوْ مَا مَلَكَتْ أَيْمَٰنُهُنَّ أَوِ ٱلتَّٰبِعِينَ
غَيْرِ أُو۟لِى ٱلْإِرْبَةِ مِنَ ٱلرِّجَالِ أَوِ ٱلطِّفْلِ ٱلَّذِينَ

لَمْ يَظْهَرُوا۟ عَلَىٰ عَوْرَٰتِ ٱلنِّسَآءِ ۖ وَلَا يَضْرِبْنَ
بِأَرْجُلِهِنَّ لِيُعْلَمَ مَا يُخْفِينَ مِن زِينَتِهِنَّ ۚ وَتُوبُوٓا۟ إِلَى
ٱللَّهِ جَمِيعًا أَيُّهَ ٱلْمُؤْمِنُونَ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ ﴿٣١﴾
وَأَنكِحُوا۟ ٱلْأَيَٰمَىٰ مِنكُمْ وَٱلصَّٰلِحِينَ مِنْ عِبَادِكُمْ
وَإِمَآئِكُمْ ۚ إِن يَكُونُوا۟ فُقَرَآءَ يُغْنِهِمُ ٱللَّهُ مِن فَضْلِهِۦ ۗ
وَٱللَّهُ وَٰسِعٌ عَلِيمٌ ﴿٣٢﴾
وَلْيَسْتَعْفِفِ ٱلَّذِينَ لَا يَجِدُونَ نِكَاحًا حَتَّىٰ يُغْنِيَهُمُ ٱللَّهُ مِن
فَضْلِهِۦ ۗ وَٱلَّذِينَ يَبْتَغُونَ ٱلْكِتَٰبَ مِمَّا مَلَكَتْ أَيْمَٰنُكُمْ
فَكَاتِبُوهُمْ إِنْ عَلِمْتُمْ فِيهِمْ خَيْرًا ۖ وَءَاتُوهُم مِّن مَّالِ ٱللَّهِ
ٱلَّذِىٓ ءَاتَىٰكُمْ ۚ وَلَا تُكْرِهُوا۟ فَتَيَٰتِكُمْ عَلَى ٱلْبِغَآءِ إِنْ أَرَدْنَ
تَحَصُّنًا لِّتَبْتَغُوا۟ عَرَضَ ٱلْحَيَوٰةِ ٱلدُّنْيَا ۚ وَمَن يُكْرِههُّنَّ
فَإِنَّ ٱللَّهَ مِنۢ بَعْدِ إِكْرَٰهِهِنَّ غَفُورٌ رَّحِيمٌ ﴿٣٣﴾
وَلَقَدْ أَنزَلْنَآ إِلَيْكُمْ ءَايَٰتٍ مُّبَيِّنَٰتٍ وَمَثَلًا مِّنَ ٱلَّذِينَ
خَلَوْا۟ مِن قَبْلِكُمْ وَمَوْعِظَةً لِّلْمُتَّقِينَ ﴿٣٤﴾

"Wahai orang-orang yang beriman! Janganlah kamu memasuki rumah-rumah yang bukan rumah kamu sehingga kamu lebih dahulu meminta izin dan memberi salam kepada penghuni-penghuninya. Itulah yang lebih baik bagi kamu supaya kamu mengambil peringatan (27). Dan sekiranya kamu tidak mendapati sesiapa pun dalam rumah itu, maka janganlah kamu memasukinya sehingga kamu diberi izin dan jika dikatakan kepada kamu: Baliklah! Maka hendaklah kamu balik. Itulah cara yang lebih bersih bagi kamu, dan Allah Maha Mengetahui segala apa yang dilakukan kamu (28). Tidak menjadi apa-apa kesalahan kepada kamu memasuki rumah-rumah yang tidak didiami, di mana terdapat barang-barang kepunyaan kamu, dan Allah mengetahui segala apa yang dizahir dan segala apa yang disembunyikan kamu (29). (Wahai Muhammad) katakanlah kepada lelaki-lelaki yang beriman supaya mereka menahan mata mereka (dari memandang yang haram) dan memelihara anggota-anggota kelamin mereka. Itulah cara yang lebih bersih kepada kamu. Sesungguhnya Allah amat mengetahui segala apa yang dilakukan kamu (30). Dan katakanlah kepada wanita-wanita yang beriman supaya menahan mata mereka (dari memandang yang haram) dan memelihara anggota-anggota kelamin mereka, dan janganlah mereka memperlihatkan perhiasan (tubuh) mereka melainkan mana-mana bahagian yang ternampak darinya sahaja, dan hendaklah mereka menutup belahan leher baju mereka dengan kain kelubung mereka, dan janganlah mereka memperlihatkan perhiasan (tubuh) mereka melainkan kepada suami mereka atau bapa mereka atau bapa mertua mereka atau anak-anak mereka atau anak-anak tiri mereka atau saudara-saudara mereka atau anak-anak kepada saudara-saudara lelaki mereka atau anak-anak kepada saudara-saudara perempuan mereka atau perempuan-perempuan Islam sesama mereka atau hamba-hamba yang dimiliki mereka atau pembantu-pembantu rumah dari lelaki-lelaki yang tidak mempunyai keinginan atau kanak-kanak yang belum mengerti tentang 'aurat-'aurat perempuan, dan janganlah mereka menghentakkan kaki mereka (dengan tujuan) supaya diketahui orang perhiasan yang disembunyikan mereka, dan hendaklah kamu sekalian bertaubat kepada Allah, wahai orang-orang yang beriman, supaya kamu mendapat keberuntungan (31). Dan kahwinkanlah orang-orang yang bujang dari kamu dan orang-orang yang layak berkahwin dari hamba-hamba kamu lelaki dan perempuan. Sekiranya mereka miskin, Allah akan memberi kekayaan kepada mereka dari limpah kurnia-Nya. Dan Allah Maha Luas (limpah kurnia-Nya) dan Maha Mengetahui (32). Dan hendaklah orang-orang yang tidak mempunyai kemampuan berkahwin menjaga kesucian diri mereka sehingga Allah memberi kekayaan kepada mereka dari limpah kurnia-Nya, dan orang-orang yang ingin mengadakan perjanjian mukatabah (untuk memerdeka diri mereka), maka hendaklah kamu laksanakan perjanjian mukatabah itu dengan mereka jika kamu mengetahui ada kebaikan pada mereka, dan berikanlah kepada mereka (zakat) harta yang telah dikurniakan Allah kepada kamu, dan janganlah kamu memaksa hamba-hamba perempuan kamu melacurkan dirinya, sedangkan mereka sendiri inginkan kesucian diri, kerana kamu inginkan kesenangan hidup dunia. Dan barang siapa yang memaksa mereka, maka sesungguhnya Allah - sesudah paksaan yang dilakukan ke atas mereka - Maha Pengampun dan Maha Pengasih (33). Dan sesungguhnya Kami telah menurunkan kepada kamu ayat-ayat yang memberi penerangan yang jelas dan contoh teladan dari umat-umat yang telah berlalu sebelum kamu serta nasihat pengajaran kepada para Muttaqin".(34)

Cara Islam Membina Masyarakat Yang Bersih

Islam - sebagaimana telah kami tegaskan sebelum ini - tidak hanya bergantung kepada hukuman-hukuman keseksaan dalam usaha mewujudkan masyarakat yang bersih, malah sebelum segala sesuatu yang lain ia bergantung kepada usaha-usaha pencegahan. Islam tidak memerangi keinginan-keinginan semulajadi, tetapi ia mengatur keinginan-keinginan itu dan mengadakan untuknya suasana-suasana yang bersih dari unsur-unsur penggoda nafsu dari bikinan manusia yang merangsangkan keinginan itu.

Tujuan utama sistem pendidikan Islam dalam bidang ini ialah menyempitkan peluang-peluang yang menggoda nafsu manusia dan menjauhkan faktor-faktor yang membangkitkan keberahian seks dan menutup segala jalan yang membawa kepada sebab-sebab yang menggalak dan merangsangkan nafsu mereka, di samping menghapuskan segala halangan yang menyekat manusia dari kemudahan memuaskan nafsu keinginan mereka menerusi jalan-jalan yang bersih dan halal.

Dari sinilah Islam menjadikan rumah-rumah kediaman itu mempunyai kehormatan yang tidak boleh disentuh, di mana orang-orang asing tidak boleh memasuki rumah itu secara mendadak

melainkan setelah diminta kebenaran dan diizinkan masuk kerana dibimbangi kemungkinan mata mereka melihat rahsia-rahsia rumahtangga orang dan ternampak 'aurat-'aurat penghuninya tanpa disedari mereka. Di samping itu Islam melarangkan lelaki dan perempuan memandang sesuatu yang haram, juga melarang kaum perempuan dari menunjuk-nunjukkan perhiasan badan mereka untuk membangkitkan nafsu keberahian lelaki.

Dari sinilah juga Islam memudahkan perkahwinan kepada orang-orang yang miskin lelaki dan perempuan kerana perkahwinan itulah jaminan yang haqiqi bagi kepuasan nafsu keinginan. Islam melarang mendedahkan hamba-hamba wanita kepada pelacuran supaya perbuatan zina tidak menjadi begitu mudah dilakukan manusia, kerana kemudahan itu menggalakkan mereka ke arah perzinaan yang keji.

Sekarang marilah kita meneliti secara terperinci jaminan-jaminan yang boleh mencegah perbuatan zina yang dipraktiskan Islam.

يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ لَا تَدْخُلُوا۟ بُيُوتًا غَيْرَ بُيُوتِكُمْ
حَتَّىٰ تَسْتَأْنِسُوا۟ وَتُسَلِّمُوا۟ عَلَىٰٓ أَهْلِهَا ۚ ذَٰلِكُمْ خَيْرٌ لَّكُمْ
لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ﴿٢٧﴾

فَإِن لَّمْ تَجِدُوا۟ فِيهَآ أَحَدًا فَلَا تَدْخُلُوهَا حَتَّىٰ يُؤْذَنَ
لَكُمْ ۖ وَإِن قِيلَ لَكُمُ ٱرْجِعُوا۟ فَٱرْجِعُوا۟ ۖ هُوَ أَزْكَىٰ
لَكُمْ ۚ وَٱللَّهُ بِمَا تَعْمَلُونَ عَلِيمٌ ﴿٢٨﴾

لَّيْسَ عَلَيْكُمْ جُنَاحٌ أَن تَدْخُلُوا۟ بُيُوتًا غَيْرَ مَسْكُونَةٍ
فِيهَا مَتَٰعٌ لَّكُمْ ۚ وَٱللَّهُ يَعْلَمُ مَا تُبْدُونَ وَمَا
تَكْتُمُونَ ﴿٢٩﴾

"Wahai orang-orang yang beriman! Janganlah kamu memasuki rumah-rumah yang bukan rumah kamu sehingga kamu lebih dahulu meminta izin dan memberi salam kepada penghuni-penghuninya. Itulah yang lebih baik bagi kamu supaya kamu mengambil peringatan (27). Dan sekiranya kamu tidak mendapati sesiapa pun dalam rumah itu, maka janganlah kamu memasukinya sehingga kamu diberi izin dan jika dikatakan kepada kamu: Baliklah! Maka hendaklah kamu balik. Itulah cara yang lebih bersih bagi kamu dan Allah Maha Mengetahui segala apa yang dilakukan kamu (28). Tidak menjadi apa-apa kesalahan kepada kamu memasuki rumah-rumah yang tidak didiami, di mana terdapat barang-barang kepunyaan kamu dan Allah mengetahui segala apa yang dizahir dan segala apa yang disembunyikan kamu."(29)

Adab Berkunjung Ke Rumah Orang

Allah telah menjadikan rumah-rumah itu sebagai tempat-tempat kediaman, di mana manusia pulang berlindung mencari ketenangan jiwa dan ketenteraman hati, di mana mereka merasa aman terhadap 'aurat-'aurat dan kehormatan mereka dan di mana mereka dapat membuang beban-beban kewajipan berwaspada dan berhati-hati yang memenatkan saraf mereka.

Rumah-rumah kediaman itu tidak akan berfungsi sedemikian melainkan apabila ia menjadi kawasan suci yang aman, yang tidak boleh dimasuki oleh sesiapa pun melainkan dengan pengetahuan dan keizinan penghuni-penghuninya dan melainkan pada masa-masa yang disukai mereka dan melainkan dengan keadaan dan suasana, di mana mereka suka menemui para pengunjungnya.

Perbuatan (orang-orang luar) memasuki rumah-rumah kediaman tanpa meminta keizinan boleh membuat mereka terpandang 'aurat-'aurat penghuninya dan ternampak pemandangan-pemandangan yang boleh merangsangkan nafsu keberahian mereka. Perbuatan itu membuka peluang untuk melepaskan nafsu keberahian yang timbul akibat dari pertemuan-pertemuan seimbas lalu dan pandangan-pandangan selayang pandang, yang berulang-ulang kali dan kemudian berubah kepada pemandangan yang sengaja yang dirangsangkan oleh pertemuan-pertemuan pertama yang tidak sengaja, dan dalam beberapa langkah kemudian ia berubah kepada hubungan-hubungan yang berdosa atau kepada nafsu-nafsu keberahian yang tersekat, yang akan menimbulkan berbagai-bagai kompleks jiwa dan bermacam-macam penyelewengan.

Di zaman jahiliyah mereka memasuki rumah-rumah kediaman orang lain dengan bebas. Seorang pengunjung terus sahaja masuk ke rumah orang dan berkata: "Aku sudah masuk! "Kadang-kadang berlaku tuan rumah sedang berdua-duaan dengan isterinya dalam keadaan yang tidak seharusnya dilihat oleh sesiapa pun. Kadang-kadang berlaku si isteri sedang berbogel atau terdedah 'auratnya. Perbuatan itu boleh menyakiti dan melukakan hati dari menjadikan rumah kediaman itu hilang keamanan dan ketenteramannya di samping mendedah manusia di sana sini kepada nafsu keberahian yang liar apabila mata mereka terpandang pandangan-pandangan yang merangsangkan nafsu mereka.

Memandangkan kepada sebab-sebab inilah Allah mengajar peradaban-peradaban yang tinggi ini kepada orang-orang Islam, iaitu peradaban meminta izin memasuki rumah-rumah kediaman orang dan memberi salam kepada penghuninya untuk menenangkan mereka dan menghapuskan perasaan bimbang dari hati mereka sebelum memasuki rumah mereka:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا لَا تَدْخُلُوا بُيُوتًا غَيْرَ بُيُوتِكُمْ
حَتَّىٰ تَسْتَأْنِسُوا وَتُسَلِّمُوا عَلَىٰ أَهْلِهَا

"Wahai orang-orang yang beriman! Janganlah kamu memasuki rumah-rumah yang bukan rumah kamu sehingga kamu lebih dahulu meminta izin dan memberi salam kepada penghuni-penghuninya."(27)

Di sini permintaan izin diungkapkan dengan kata-kata "isti'nas" (الإستئناس yang bererti meminta kemesraan), iaitu satu pengungkapan yang membayangkan kehalusan cara meminta izin dan kehalusan cara memasuki rumah orang, iaitu cara yang boleh menimbulkan perasaan mesra di hati penghuni rumah itu dan kesudian mereka untuk menyambut kedatangannya. Pengungkapan ini merupakan satu cara penarikan perhatian yang halus dan lemah lembut untuk menjaga hati penghuni-penghuni rumah dan menjaga keadaan-keadaan diri mereka di rumah mereka serta lain-lain keperluan yang tidak seharusnya menyebabkan kesulitan kepada mereka atau meletakkan mereka dalam keadaan serba salah di hadapan para pengunjung sama ada di waktu malam atau siang.

Selepas meminta izin di sana akan timbul sama ada rumah itu ada penghuninya atau tidak ada. Dan andainya ada penghuninya, maka dia tidak harus terus menyerbu masuk selepas meminta keizinan itu, kerana dia belum lagi boleh masuk tanpa diberi keizinan:

فَإِن لَّمْ تَجِدُوا فِيهَا أَحَدًا فَلَا تَدْخُلُوهَا حَتَّىٰ يُؤْذَنَ
لَكُمْ

"Dan sekiranya kamu tidak mendapati sesiapa pun dalam rumah itu, maka janganlah kamu memasukinya sehingga kamu diberi izin"(28)

dan andainya di sana ada penghuninya, maka meminta izin sahaja adalah tidak cukup untuk mengharuskannya masuk, kerana permintaan itu hanya suatu permintaan sahaja. Jika tuan rumah tidak memberi keizinan, maka dia tidak boleh masuk dan dia pasti berundur dari situ tanpa teragak-agak dan menunggu apa-apa lagi:

وَإِن قِيلَ لَكُمُ ارْجِعُوا فَارْجِعُوا هُوَ أَزْكَىٰ لَكُمْ

"Dan jika dikatakan kepada kamu: Baliklah! Maka hendaklah kamu balik. Itulah cara yang lebih bersih bagi kamu"(28)

baliklah tanpa merasa apa-apa perasaan tersinggung atau merasa bahawa tuan rumah itu telah melakukan sesuatu yang menyakitkan hati kamu atau merasa bahawa mereka menaruh perasaan benci terhadap kamu, kerana orang ramai itu mempunyai bermacam-macam rahsia dan alasan-alasan keuzuran. Oleh itu kepada mereka sahaja seharusnya ditinggalkan persoalan menentu dan menilaikan keadaan dan suasana yang melingkungi mereka pada setiap waktu.

وَاللَّهُ بِمَا تَعْمَلُونَ عَلِيمٌ ﴿٢٨﴾

"Dan Allah Maha Mengetahui segala apa yang dilakukan kamu."(28)

Dialah sahaja yang mengetahui rahsia-rahsia di dalam hati manusia dan mengetahui segala motif dan pendorongnya.

Adapun rumah-rumah tumpangan awam seperti hotel-hotel, tempat-tempat kediaman umum dan rumah-rumah yang disediakan untuk para tetamu yang terpisah dari rumah kediaman, maka tidak ada apa-apa kesalahan memasukinya tanpa meminta keizinan kerana mengelakkan dari kesulitan selama sebab yang wajar untuk meminta izin itu tidak wujud:

لَّيْسَ عَلَيْكُمْ جُنَاحٌ أَن تَدْخُلُوا بُيُوتًا غَيْرَ مَسْكُونَةٍ
فِيهَا مَتَاعٌ لَّكُمْ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تُبْدُونَ وَمَا
تَكْتُمُونَ ﴿٢٩﴾

"Tidak menjadi apa-apa kesalahan kepada kamu memasuki rumah-rumah yang tidak didiami, di mana terdapat barang-barang kepunyaan kamu dan Allah mengetahui segala apa yang dizahir dan segala apa yang disembunyikan kamu."(29)

Perintah ini adalah diletakkan di bawah penglihatan Allah yang melihat dan mengawasi segala apa yang zahir dan segala apa yang tersembunyi dari urusan kamu. Pengawasan ini menjamin keta'atan hati dan kesanggupannya untuk mematuhi peradaban yang tinggi yang telah ditetapkan Allah di dalam kitab suci-Nya yang menggariskan peraturan yang lengkap dan sempurna untuk manusia di dalam segenap bidang hidup mereka.

Pengertian 'Aurat Yang Luas

Al-Qur'an merupakan satu peraturan hidup. Oleh sebab itulah ia memberi perhatiannya yang wajar kepada perkara-perkara yang kecil-kecil seperti ini yang ada hubungan dengan kehidupan kemasyarakatan, kerana Al-Qur'an mengatur seluruh peraturan hidup sama ada yang besar atau yang kecil dengan tujuan untuk menyelaraskan di antara semua bahagiannya dengan gagasan umumnya yang tertinggi. Peradaban meminta keizinan untuk memasuki rumah-rumah kediaman itu mewujudkan kehormatan bagi rumah kediaman agar ia menjadi sebuah tempat kediaman yang benar-benar aman, di mana penghuninya terselamat dari keadaan segan dan serba salah akibat gangguan dimasuk orang luar secara mendadak, juga terselamat dari perasaan tersinggung kerana terbuka berbagai-bagai 'aurat, kerana 'aurat itu memang banyak, bukannya hanya satu 'aurat biasa sahaja yang difaham oleh seseorang apabila mendengar kata-kata 'aurat itu. 'Aurat itu bukannya 'aurat tubuh badan sahaja, malah di sana ada 'aurat-'aurat makanan, 'aurat-'aurat pakaian dan 'aurat-'aurat perabot yang para penghuninya tidak suka dilihat orang-orang secara mendadak tanpa

diatur, dikemas dan disediakan lebih dahulu, juga 'aurat-'aurat perasaan-perasaan dan keadaan-keadaan jiwa, kerana siapakah di antara kita yang suka dilihat orang ketika berada dalam keadaan yang lemah seperti dalam keadaan menangis kerana diharui oleh sesuatu perkara atau dalam keadaan marah kerana sesuatu kejadian yang mendidihkan perasaannya atau dalam keadaan merintih sakit yang mahu disembunyikannya kepada orang-orang asing?

Semua persoalan-persoalan yang halus ini dikawal oleh peraturan Al-Qur'an dengan satu peradaban yang tinggi, iaitu peradaban meminta izin sebelum memasuki rumah kediaman orang dengan tujuan mengurangkan peluang-peluang terpandang atau terlihat atau terserempak dengan (anak-anak gadis atau isteri orang) yang seringkali membangkitkan hawa nafsu dan seringkali mewujudkan perhubungan-perhubungan dan pertemuan-pertemuan yang haram yang dirancangkan oleh syaitan di luar kesedaran dan pengawasan mata para penjaga dan penasihat di sana sini.

Peradaban ini telah dipatuhi oleh orang-orang yang beriman sejak mula diperintahkan Allah dengan menurunkan ayat-ayat ini, dan Rasulullah s.a.w. sendiri telah memulakan peradaban itu.

Abu Daud dan an-Nasa'i telah mengeluarkan sebuah hadith dari Abu Umar al-Auza'i dengan sanadnya daripada Qais ibn Sa'd iaitu anak 'Ubadah katanya: Rasulullah s.a.w. telah berkunjung ke rumah kami lalu beliau memberi salam: "Assalamualaikum warahmatullah". Lalu dijawab oleh Sa'd dengan jawapan yang perlahan. Kata Qais: Aku berkata: "Mengapakah engkau tidak izinkan Rasulullah s.a.w. masuk?" Jawab Sa'd: "Biarkan beliau banyak memberi salam kepada kita". Rasulullah s.a.w. berkata lagi: "Assalamualaikum warahmatullah". Lalu dijawab oleh Sa'd dengan jawapan yang perlahan. Kemudian Rasulullah s.a.w. berkata pula: "Assalamualaikum Warahmatullah". Kemudian Rasulullah s.a.w. terus berpatah balik lalu diikuti oleh Sa'd dengan katanya: "Wahai Rasulullah, hamba memang dengar ucapan salam anda, tetapi hamba jawab dengan jawapan yang perlahan supaya anda banyak mengucap salam kepada kami". Kata Qais: Rasulullah s.a.w. pun beredar masuk bersama Sa'd. Kemudian Sa'd menyuruh orang menyediakan air mandi untuk beliau. Lalu beliau pun mandi. Kemudian Sa'd menghulurkan kepada beliau sehelai kain yang bercelup za'faran atau wars (sejenis tumbuhan yang mengeluarkan warna), lalu beliau berselimut dengannya. Kemudian Rasulullah s.a.w. mengangkat dua belah tangannya sambil berdo'a: "Ya Allah, cucurkanlah limpah rahmat-Mu ke atas keluarga Sa'd ibn 'Ubadah"...... al-hadith sehingga akhir.

Abu Daud juga telah mengeluarkan sebuah, hadith dengan sanadnya daripada Abdullah ibn Bisyr katanya: Biasanya Rasulullah s.a.w. apabila beliau datang ke pintu rumah seseorang, beliau tidak menghadapi pintu itu secara berdepan tetapi beliau menghadapinya dari sudutnya yang kanan atau yang kiri sambil berkata: "Assalamualaikum. Assalamualaikum" kerana pintu-pintu rumah pada masa itu tidak ditabiri.

Abu Daud juga telah meriwayatkan sebuah hadith dengan sanadnya daripada Huzayl katanya: Ada seorang lelaki datang (ke rumah Rasulullah), kata 'Uthman: "Iaitu Sa'd", lalu dia berdiri di atas pintu rumah Nabi s.a.w. meminta izin masuk. Dia terus berdiri di atas pintu. Kata 'Uthman: "Yakni menghadapi pintu", lalu Rasulullah s.a.w. bersabda kepadanya, "Begini minta izin darimu, sebenarnya minta izin itu ialah untuk melihat (ke dalam rumah)".

Tersebut di dalam hadith al-Bukhari dan Muslim daripada Rasulullah s.a.w. sabdanya:

لو أنّ امرأ اطّلع عليك بغير إذن ، فحذفته بحصاة
ففقأت عينه ما كان عليك من جناح

"Jika ada orang mengintai engkau tanpa izin kemudian engkau campakkan sebiji batu ke arahnya lalu membutakan matanya, maka tidak ada apa kesalahan di atas engkau."

Abu Daud telah meriwayatkan sebuah hadith dengan sanadnya dari Rab'i katanya: Ada seorang lelaki datang meminta izin untuk menemui Rasulullah s.a.w. di rumah beliau lalu dia berkata: "Bolehkah hamba masuk?" Nabi s.a.w. pun bersabda kepada khadamnya: "Keluarlah berjumpa orang ini dan ajarkannya bagaimana cara meminta izin. Katakan kepadanya: Katalah: "Assalamualaikum, bolehkah saya masuk?" Lalu didengar oleh lelaki itu, maka dia pun terus berkata: "Assalamualaikum bolehkah hamba masuk?" Lalu Nabi s.a.w. pun memberi izin dia masuk dan dia pun masuk.

Kata Husyaim: Kata Mughirah: Kata Mujahid: Ibn Umar datang dari tempat dia menunaikan hajatnya. Kedua kakinya kesakitan kerana diselar pasir yang panas lalu dia pun datang ke rumah seorang perempuan Quraysy dan berkata: "Assalamualaikum, bolehkah saya masuk?" Jawab perempuan itu: "Masuklah dengan aman sentosa". Tetapi dia ulangi meminta izin dan perempuan itu pun memberi jawapan yang sama. Lalu dia pun berkata sedangkan dua kakinya terloncat-loncat kerana kepanasan: Katakanlah: Masuklah! Perempuan itu pun berkata: Masuklah! Maka barulah dia masuk.

'Ata' ibn Rabah telah meriwayatkan dari Ibnu 'Abbas r.a. katanya: "Adakah hamba kena meminta izin untuk masuk menemui saudara-saudara perempuan hamba yang yatim yang berada di bawah jagaan hamba dalam satu rumah yang sama?" Jawab Rasulullah s.a.w.: "Ya". Lalu dia ulangi lagi pertanyaannya dengan tujuan supaya beliau memberi kebenaran kepadanya (masuk tanpa meminta izin), lalu beliau enggan memberi kebenaran dan bertanya: "Adakah engkau suka melihat saudara perempuan engkau dalam keadaan yang bogel?" Jawabku:

"Tidak suka". Lalu beliau pun bersabda: "Kerana itulah engkau kena meminta izin". Katanya pula: Aku ulangi permintaanku sekali lagi. Lalu beliau bertanya: "Adakah engkau suka ta'atkan perintah Allah?" Jawabku: "Ya". Beliau pun bersabda: "Jika begitu! Hendaklah engkau minta izin".

Tersebut di dalam as-Sahih daripada Rasulullah s.a.w. bahawa beliau melarang seseorang mendatangi ahli rumahnya di waktu malam. Dan di dalam satu riwayat yang lain: Mendatangi ahli rumahnya di waktu malam dengan tujuan mencari kesalahan-kesalahan mereka.

Dalam sebuah hadith yang lain Rasulullah s.a.w. sampai di Madinah pada waktu siang hari lalu beliau menurunkan untanya (berhenti) di luar kota Madinah dan bersabda: (Kepada sahabat-sahabat yang ada bersama beliau) "Tunggulah di sini sehingga kita masuk (ke Madinah) di waktu senja nanti supaya si isteri yang ditinggalkan itu dapat menyikat rambutnya yang bergerunsing dan dapat menaruhkan bau-bauan".

Demikianlah halusnya perasaan Rasulullah s.a.w. dan para sahabatnya hingga sampai ke batas ini setelah menerima peradaban yang tinggi dan cemerlang yang diajar Allah kepada mereka.

Kita pada hari ini adalah orang-orang Islam belaka, tetapi kepekaan kita terhadap perkara-perkara yang halus seperti ini telah menjadi kasar. Seorang dari kita memasuki rumah saudaranya secara mendadak sahaja pada bila-bila waktu sama ada malam atau siang dan terus mengetuk pintunya dan tidak berundur dari situ sehingga penghuni rumah itu terkejut dan membuka pintu untuknya. Kadang-kadang rumahnya ada telefon yang dapat dia hubungi saudaranya untuk meminta izin sebelum dia datang ke sana supaya ia mendapat keizinan atau mengetahui sama ada masa itu tidak sesuai untuk kunjungannya, tetapi dia tidak menggunakan cara hubungan telefon kerana lebih suka datang terus secara mendadak tanpa penentuan masa lebih dahulu, di samping itu kebetulan adat pula tidak menerima bahawa kedatangannya boleh ditolak dari rumah itu walaupun penghuni rumah itu tidak sukakan kedatangannya yang mendadak itu tanpa sebarang pemberian tahu atau tanpa ditunggu itu.

Kita pada hari ini adalah orang-orang Islam belaka, tetapi kita tidak segan datang ke rumah saudara-saudara kita pada bila-bila waktu sahaja di masa makan. Jika mereka tidak menjemput kita makan bersama dengan mereka, kita merasa tersinggung. Kita juga bebas mengetuk pintu rumah mereka di waktu lewat malam, dan andainya mereka tidak mengajak kita bermalam di rumah mereka, kita merasa terkilan di dalam hati kita tanpa kita menimbangkan keuzuran-keuzuran mereka.

Ini disebabkan kerana kita tidak mengikut peradaban Islam dan kita tidak memaksa nafsu kesukaan kita mengikut ajaran yang dibawa oleh Rasulullah s.a.w. Kita telah menjadi hamba kepada satu adat yang salah, yang tidak disokong oleh ajaran yang diturunkan dari Allah.

Sementara itu kita melihat orang-orang lain yang bukan penganut Islam menjaga adat tingkahlaku mereka yang sama dengan peradaban yang diajar oleh agama kita supaya menjadi peradaban diri kita dan menjadi salah satu adat resam tingkahlaku kita. Kita kadang-kadang kagum melihat peradaban mereka dan kadang-kadang kita menyebut-nyebutnya sebagai satu peradaban yang amat menarik, sedangkan kita tidak cuba melihat peradaban-peradaban agama kita yang sebenar supaya kita dapat mengamalkannya dengan penuh keyakinan.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 30 - 31)

Setelah selesai menerangkan peradaban meminta izin untuk memasuki rumah-rumah kediaman orang lain iaitu satu peraturan pencegahan untuk membersihkan perasaan manusia dan menghindarkannya dari sebab-sebab sepintas lalu yang boleh menggoda nafsu mereka, maka Al-Qur'an terus menutup jalan godaan nafsu berahi manusia supaya ia tidak terlepas bebas dari tali tambatannya, iaitu godaan nafsu berahi yang dirangsangkan oleh mata yang melihat bahagian tubuh badan yang memberahikan atau dirangsangkan oleh gerakgeri-gerakgeri wanita yang menimbulkan nafsu keinginan:

قُل لِّلْمُؤْمِنِينَ يَغُضُّوا۟ مِنْ أَبْصَٰرِهِمْ وَيَحْفَظُوا۟ فُرُوجَهُمْ ۚ ذَٰلِكَ أَزْكَىٰ لَهُمْ ۗ إِنَّ ٱللَّهَ خَبِيرٌۢ بِمَا يَصْنَعُونَ ﴿٣٠﴾

وَقُل لِّلْمُؤْمِنَٰتِ يَغْضُضْنَ مِنْ أَبْصَٰرِهِنَّ وَيَحْفَظْنَ فُرُوجَهُنَّ وَلَا يُبْدِينَ زِينَتَهُنَّ إِلَّا مَا ظَهَرَ مِنْهَا ۖ وَلْيَضْرِبْنَ بِخُمُرِهِنَّ عَلَىٰ جُيُوبِهِنَّ ۖ وَلَا يُبْدِينَ زِينَتَهُنَّ إِلَّا لِبُعُولَتِهِنَّ أَوْ ءَابَآئِهِنَّ أَوْ ءَابَآءِ بُعُولَتِهِنَّ أَوْ أَبْنَآئِهِنَّ أَوْ أَبْنَآءِ بُعُولَتِهِنَّ أَوْ إِخْوَٰنِهِنَّ أَوْ بَنِىٓ إِخْوَٰنِهِنَّ أَوْ بَنِىٓ أَخَوَٰتِهِنَّ أَوْ نِسَآئِهِنَّ أَوْ مَا مَلَكَتْ أَيْمَٰنُهُنَّ أَوِ ٱلتَّٰبِعِينَ غَيْرِ أُو۟لِى ٱلْإِرْبَةِ مِنَ ٱلرِّجَالِ أَوِ ٱلطِّفْلِ ٱلَّذِينَ لَمْ يَظْهَرُوا۟ عَلَىٰ عَوْرَٰتِ ٱلنِّسَآءِ ۖ وَلَا يَضْرِبْنَ

بِأَرْجُلِهِنَّ لِيُعْلَمَ مَا يُخْفِينَ مِن زِينَتِهِنَّ ۚ وَتُوبُوٓا۟ إِلَى
ٱللَّهِ جَمِيعًا أَيُّهَ ٱلْمُؤْمِنُونَ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ ﴿٣١﴾

"(Wahai Muhammad) katakanlah kepada lelaki-lelaki yang beriman supaya mereka menahan mata mereka (dari memandang yang haram) dan memelihara anggota-anggota kelamin mereka. Itulah cara yang lebih bersih kepada kamu. Sesungguhnya Allah amat mengetahui segala apa yang dilakukan kamu (30). Dan katakanlah kepada wanita-wanita yang beriman supaya menahan mata mereka (dari memandang yang haram) dan memelihara anggota-anggota kelamin mereka, dan janganlah mereka memperlihatkan perhiasan (tubuh) mereka melainkan mana-mana bahagian yang ternampak darinya sahaja, dan hendaklah mereka menutup belahan leher baju mereka dengan kain kelubung mereka, dan janganlah mereka memperlihatkan perhiasan (tubuh) mereka melainkan kepada suami mereka atau bapa mereka atau bapa mertua mereka atau anak-anak mereka atau anak-anak tiri mereka atau saudara-saudara mereka atau anak-anak kepada saudara-saudara lelaki mereka atau anak-anak kepada saudara-saudara perempuan mereka atau perempuan-perempuan Islam sesama mereka atau hamba-hamba yang dimiliki mereka atau pembantu-pembantu rumah dari lelaki-lelaki yang tidak mempunyai keinginan atau kanak-kanak yang belum mengerti tentang 'aurat-'aurat perempuan, dan janganlah mereka menghentakkan kaki mereka (dengan tujuan) supaya diketahui orang perhiasan yang disembunyikan mereka, dan hendaklah kamu sekalian bertaubat kepada Allah, wahai orang-orang yang beriman, supaya kamu mendapat keberuntungan."(31)

Disiplin Menahan Mata Dari Memandang Sesuatu Yang Haram

Islam bertujuan membangun sebuah masyarakat yang bersih, di mana nafsu syahwat dan keinginan daging dan darah tidak dirangsangkan pada setiap masa dan ketika, kerana proses perangsangan nafsu yang berterusan itu akan membawa manusia kepada kegilaan seks yang tidak kunjung padam dan puas. Pemandangan mata yang mengandungi hasrat yang khianat, lenggang-lenggok tubuh yang menimbulkan keberahian, perhiasan dan solekan yang terdedah dan tubuh badan yang bogel semuanya tidak melakukan sesuatu selain dari membangkit dan merangsangkan kegilaan nafsu seks kebinatangan dan selain dari melepaskan tali kekang saraf dan kemahuan liar manusia. (Akibatnya hanya dua) iaitu pemuasan nafsu secara liar tanpa terikat kepada sesuatu peraturan atau pengidapan penyakit-penyakit saraf dan kompleks-kompleks jiwa yang terjadi akibat menahan nafsu selepas ia dirangsangkan. Proses ini merupakan satu proses yang hampir sama dengan penyeksaan jiwa.

Salah satu cara dan usaha Islam ke arah membangunkan masyarakat yang bersih itu ialah menghalangkan faktor-faktor yang merangsang dan membangkitkan nafsu keinginan manusia dan mengekalkan keinginan seks semulajadi yang mendalam di antara lelaki dan perempuan itu berada dalam paras yang selamat, sentosa dan kekal dengan paras kekuatannya yang biasa tanpa dirangsangkan secara bikinan-bikinan serta menyalurkannya kepada tempat pemuasan yang selamat dan bersih.

Pada suatu masa dahulu telah tersebar satu pendapat yang mengatakan bahawa pandangan, percakapan dan percampuran yang bebas di antara lelaki dan perempuan, gurau senda yang meriah di antara muda dan mudi, melihat bahagian-bahagian badan yang sulit dan memberahikan itu boleh merehatkan jiwa manusia dan boleh melepaskan keinginan-keinginan mereka yang terpenjara dan seterusnya dapat memelihara mereka dari akibat penekanan dan pemendaman terhadap nafsu berahi, juga dapat menyelamatkan mereka dari kompleks-kompleks jiwa dan dapat meringankan mereka dari desakan keinginan seks dan tindakan liar yang tidak selamat untuk memuaskan hawa nafsu di sebaliknya.

Teori Freud Yang Merbahaya

Pendapat ini telah tersebar berikutan dengan tersebarnya beberapa teori kebendaan yang diasaskan di atas lunas menghapuskan sifat-sifat yang membezakan di antara manusia dengan binatang dan membawa manusia kembali ke taraf binatang yang bergelimang di dalam lumpur terutama sekali teori Freud.[14] Tetapi pendapat ini hanya merupakan andaian-andaian teori sahaja. Saya telah melihat dengan mata kepala saya sendiri di negeri yang paling bebas yang terlepas dari segala ikatan sosial, akhlak, agama dan kemanusiaan, dan di sana saya mendapat bukti-bukti yang membohong dan meruntuhkan teori ini dari asasnya lagi.

Ya, saya telah menyaksi sendiri di negeri yang tidak mempunyai sebarang pantang larang mendedahkan tubuh badan dan membenarkan percampuran lelaki perempuan yang bebas dalam berbagai-bagai bentuk dan rupa, tetapi semua kebebasan ini tidak membawa kepada menghaluskan keinginan seks dan menjinakkannya, malah ia membawa kepada kegilaan nafsu seks yang tak kunjung puas dan tenang, malah ia terus dahaga dan terburu-buru. Saya telah melihat mereka mengidap berbagai-bagai penyakit dan kompleks jiwa yang selama ini difaham tidak akan berlaku melainkan apabila wujudnya penafian atau pengharaman, dan apabila wujudnya keinginan yang kuat untuk melihat perempuan atau jenis lawan yang terlindung. Saya melihat gejala ini begitu banyak dan melihat bagaimana ia melahirkan berbagai-bagai jenis kelakukan seks yang ganjil. Itulah hasil secara langsung dari percampuran yang bebas lepas yang tidak terikat dengan sebarang ikatan dan tidak mempunyai had berhenti. Itulah hasil secara langsung dari persahabatan-persahabatan muda mudi yang menghalalkan segala-galanya. Itulah hasil secara langsung dari pendedahan tubuh badan wanita di

---

[14] *Sila semak bab "المشكلة الجنسية" dalam buku "الإنسان بين المادية والإسلام" karangan Muhammad Qutb.*

tengah-tengah jalan, dari lenggang-lenggok yang memberahikan, dari pandangan mata yang terus terang dan dari tolehan-tolehan yang menimbulkan nafsu. Di sini bukannya ruang untuk menghuraikan peristiwa-peristiwa dan pemandangan-pemandangan itu secara terperinci.[15] Semua akibat itu menunjukkan dengan jelas betapa perlunya diadakan semakan kembali terhadap teori-teori yang telah didustakan oleh bukti-bukti yang dapat dilihat di alam kenyataan.

Keinginan seks semulajadi di antara lelaki dan perempuan adalah sesuatu keinginan yang amat mendalam dalam pembentukan hidup manusia, kerana Allah telah meletakkan kelanjutan hidup manusia di muka bumi ini di atas keinginan itu untuk membolehkan mereka menjadi khalifah Allah di bumi ini. Keinginan seks itu adalah suatu keinginan yang berterusan yang hanya tenang sebentar kemudian kembali galak. Oleh sebab itu perbuatan merangsangkan keinginan itu pada setiap waktu akan menambahkan lagi kegalakannya dan akan mendorongkannya ke arah tindakan memuaskan nafsu itu untuk mendapat kerehatan. Dan andainya pemuasan nafsu itu tidak dapat dilaksanakan, maka saraf-saraf manusia yang dirangsangkan itu akan menderita kepenatan dan kelesuan. Ini samalah dengan perbuatan mengazab dan menyeksa yang berterusan, di mana segala-galanya membangkitkan nafsu, iaitu pandangan mata, gerak-geri, lenggang-lenggok, ketawa hilai, senda gurau, dan suara-suara manja yang membayangkan hasrat nafsu. Oleh itu jalan yang selamat dan aman ialah mengurangkan faktor-faktor yang menimbulkan nafsu berahi itu dan mengekalkan keinginan itu berada dalam lingkungan batasnya yang tabi'i. Kemudian keinginan itu disambut dan dipuas dengan cara yang tabi'i pula. Inilah cara yang dipilih oleh Islam di samping mengasuh tabi'at manusia dan mengisikan tenaga mereka dengan kesibukan tugas-tugas hidup yang lain dari semata-mata sibuk memuaskan hawa nafsu daging dan darah sahaja supaya pemuasan nafsu itu tidaklah menjadi satu-satunya jalan keluar.

Di dalam dua ayat yang berikut terdapat contoh-contoh usaha untuk mengurangkan peluang-peluang yang boleh merangsangkan nafsu berahi dari kedua-dua belah pihak lelaki dan perempuan:

قُل لِّلْمُؤْمِنِينَ يَغُضُّوا مِنْ أَبْصَارِهِمْ وَيَحْفَظُوا فُرُوجَهُمْ ذَٰلِكَ أَزْكَىٰ لَهُمْ إِنَّ اللَّهَ خَبِيرٌ بِمَا يَصْنَعُونَ ﴿٣٠﴾

"(Wahai Muhammad) katakanlah kepada lelaki-lelaki yang beriman supaya mereka menahan mata mereka (dari memandang yang haram) dan memelihara anggota-anggota kelamin mereka. Itulah cara yang lebih bersih kepada kamu. Sesungguhnya Allah amat mengetahui segala apa yang dilakukan kamu."(30)

Menahan mata dari memandang wanita dari pihak lelaki merupakan satu peradaban diri dan satu usaha untuk mengatasi keinginan melihat bahagian-bahagian yang jelita dari wajah dan tubuh badan wanita. Ia juga merupakan satu usaha menutup jendela pertama dari jendela-jendela nafsu berahi dan satu tindakan mencegah sampainya tikaman anak panah nafsu yang beracun.

Pemeliharaan anggota kelamin (dari zina) itulah hasil yang tabi'i dari amalan menahan mata dari memandang (yang haram) atau ia merupakan satu langkah selanjut bagi mengukuhkan kawalan kemahuan dan mengetatkan kewaspadaan untuk mengatasi keinginan nafsu pada peringkat-peringkatnya yang awal. Oleh sebab itulah Allah mengumpulkan perintah menahan mata dari memandang yang haram dan perintah memelihara anggota kelamin dalam satu ayat sahaja dengan sifat keduanya sebagai sebab dan natijah atau dengan menganggapkan keduanya sebagai dua langkah yang beriringan di alam hati nurani dan di alam kenyataan kerana kedua-duanya mempunyai hubungan yang amat dekat.

ذَٰلِكَ أَزْكَىٰ لَهُمْ

"Itulah cara yang lebih bersih kepada kamu"(30)

ia lebih bersih kepada perasaan-perasaan kamu dan lebih selamat kerana ia tidak tercemar dengan nafsu berahi pada bukan tempatnya yang halal dan bersih, dan kerana ia tidak terjerumus jatuh ke taraf haiwan yang rendah, malah ia lebih mendatangkan kebersihan kepada masyarakat Muslimin dan lebih memelihara kehormatan dan maruahnya, juga memelihara kebersihan suasana hidup, di mana mereka hidup dan bernafas.

Allah menyuruh mereka melaksanakan langkah pencegahan ini kerana Dia Maha Mengetahui struktur jiwa manusia dan kejadian semulajadinya dan Maha Mengerti dengan gerak-geri hati dan harakat tubuh badan mereka:

إِنَّ اللَّهَ خَبِيرٌ بِمَا يَصْنَعُونَ ﴿٣٠﴾

"Sesungguhnya Allah amat mengetahui segala apa yang dilakukan kamu."(30)

وَقُل لِّلْمُؤْمِنَاتِ يَغْضُضْنَ مِنْ أَبْصَارِهِنَّ وَيَحْفَظْنَ فُرُوجَهُنَّ

"Dan katakanlah kepada wanita-wanita yang beriman supaya menahan mata mereka (dari memandang yang haram) dan memelihara anggota kelamin mereka"(31)

janganlah mereka melepaskan pandangan mereka yang lapar dan mencuri atau jelingan mata yang membisik dan membangkitkan nafsu berahi yang terpendam di dalam dada lelaki. Dan janganlah mereka menyerahkan anggota kelamin mereka melainkan dalam pernikahan yang halal, yang menyahut panggilan keinginan seks semulajadi dalam

[15] *Dalam buku (Amerika Yang Saya Lihat) sedang dicetak.*

suasana yang bersih, di mana kanak-kanak yang lahir dari hubungan ini tidak merasa malu untuk menghadapi masyarakat dan kehidupan.

وَلَا يُبْدِينَ زِينَتَهُنَّ إِلَّا مَا ظَهَرَ مِنْهَا

"Dan janganlah mereka memperlihatkan perhiasan (tubuh) mereka melainkan mana-mana bahagian yang ternampak darinya sahaja."(31)

Hukum Memperlihatkan Perhiasan-perhiasan Tubuh Wanita

Perhiasan itu halal bagi perempuan untuk memenuhi keinginan semulajadinya. Setiap perempuan ingin menjadi cantik dan dipandang cantik. Walaupun perhiasan itu berbeza-beza dari satu zaman ke satu zaman, namun asas perhiasan itu adalah sama sahaja dalam fitrah perempuan, iaitu ingin mendapat dan menyempurnakan sifat-sifat kejelitaan dan menunjukkannya kepada kaum lelaki.

Islam tidak menentang keinginan semulajadi ini, tetapi Islam mahu mengatur dan mengawalnya. Islam mahu menjadikan keinginan semulajadi itu menuju ke arah yang terang, iaitu ke arah suaminya yang tunggal selaku kongsi hidupnya, yang dapat memandang bahagian-bahagian badannya, yang tidak boleh dipandang oleh orang-orang yang lain darinya. Dan turut sama boleh memandang beberapa bahagian badannya ialah mahram-mahramnya yang disebut di dalam ayat selepas ini, yang terdiri dari orang-orang yang tidak timbul nafsu berahi mereka dengan pandangan itu.

Adapun perhiasan yang ternampak pada tangan dan muka, maka ia harus didedahkannya kerana mendedahkan muka dan dua tangan diharuskan. Ini berdasarkan sabda Rasulullah s.a.w. kepada Asma' binti Abu Bakr: [16]

يا أسماء إن المرأة إذا بلغت المحيض ، لم يصلح أن يرى منها إلا هذا — وأشار إلى وجهه وكفيه

"Wahai Asma'! Sesungguhnya seseorang perempuan itu apabila dia sampai usia datang haid tidak boleh dilihat bahagian badannya melainkan hanya bahagian ini sahaja." - Lalu beliau memberi isyarat kepada muka dan dua tapak tangannya.

وَلْيَضْرِبْنَ بِخُمُرِهِنَّ عَلَىٰ جُيُوبِهِنَّ

"Dan hendaklah mereka menutup belahan leher baju mereka dengan kain kelubung mereka."(31)

Belahan leher baju ialah bahagian dada yang terbuka pada baju. Kain kelubung ialah kain penutup kepala, leher dan dada untuk melindungkan bahagian-bahagian badan mereka yang menimbulkan nafsu berahi agar tidak terdedah kepada pandangan-pandangan mata yang lapar atau kepada pandangan mendadak atau terserempak, iaitu pandangan yang dijaga oleh orang-orang yang bertaqwa supaya tidak dipanjang atau diulangkan pandangan itu. Perempuan kadang-kadang boleh meninggalkan perasaan berahi yang terpendam di dalam hati lelaki apabila mereka terpandang kepada bahagian-bahagian badannya yang menggiurkan sekiranya bahagian-bahagian itu didedahkan olehnya.

Allah tidak mahu mendedahkan hati lelaki kepada ujian dan godaan dalam bala yang seperti ini.

Cara Wanita-wanita Islam Menyambut Perintah Berkelubung

Wanita-wanita Islam yang menerima larangan-larangan ini dengan hati yang diterangi hidayat Allah akan mematuhinya tanpa teragak-agak lagi walaupun mereka ditekan oleh keinginan semulajadi mereka yang mahu menunjukkan perhiasan dan kecantikan mereka. Wanita-wanita di zaman jahiliyah sama dengan wanita-wanita sekarang di zaman jahiliyah moden. Mereka lalu di tengah-tengah kaum lelaki dengan dada yang terdedah tanpa dilindungi seurat benang pun. Kadang-kadang mereka menampakkan leher, rambut dan subang-subang telinga mereka, tetapi apabila Allah memerintah kaum wanita supaya menutup belahan leher baju mereka dengan kain kelubung dan melarang supaya jangan memperlihatkan perhiasan tubuh mereka melainkan bahagian yang ternampak sahaja, mereka terus mematuhinya sebagaimana telah diceritakan oleh 'Aisyah r.a. katanya: "Allah cucurkan rahmat ke atas anggota perempuan-perempuan Muhajirin yang pertama, kerana sebaik sahaja turun ayat:

وَلْيَضْرِبْنَ بِخُمُرِهِنَّ عَلَىٰ جُيُوبِهِنَّ

"Dan hendaklah mereka menutup belahan leher baju mereka dengan kain kelubung mereka"(31)

mereka terus membelah kain lepas mereka untuk dijadikan kain kelubung lalu mereka berkelubung dengannya".[17] Di riwayatkan dari Safiyah binti Syaibah katanya: "Ketika kami berada bersama 'Aisyah katanya: Mereka telah menyebut tentang perempuan Quraysy dan kelebihan mereka lalu 'Aisyah r.a. berkata: Memang benar perempuan-perempuan Quraysy itu mempunyai kelebihan-kelebihan, tetapi demi Allah, aku tidak pernah lihat perempuan yang lebih besar kelebihannya dari perempuan-perempuan Ansar, mereka amat kuat kepercayaan dan keimanan mereka kepada kitab Allah dan kepada ayat-ayat yang diturunkan Allah. Sebaik sahaja turun di dalam Surah an-Nur:

وَلْيَضْرِبْنَ بِخُمُرِهِنَّ عَلَىٰ جُيُوبِهِنَّ

---

[16] *Diriwayatkan oleh Abu Daud dalam sunannya dan katanya: Hadith ini mursal.*

[17] *Dikeluarkan oleh al-Bukhari.*

"Dan hendaklah mereka menutup belahan leher baju mereka dengan kain kelubung mereka"(31)

maka suami-suami mereka pun pulang kepada mereka membaca ayat-ayat yang telah diturunkan itu kepada mereka. Setiap orang membaca ayat itu kepada isterinya, kepada anak perempuannya dan kepada saudara perempuannya, juga kepada kaum kerabatnya, maka setiap perempuan dari mereka terus bangkit mendapatkan kain lepasnya lalu berkelubung dengannya kerana percaya dan beriman kepada ayat-ayat yang diturunkan Allah di dalam kitabnya. Selepas itu mereka kelihatan berada di belakang Rasul dengan berkelubung seolah-olah ada burung-burung gagak di atas kepala mereka".[18]

Islam telah mempertingkatkan adirasa masyarakat Islàm dan membersihkan perasaan dan tanggapan mereka terhadap kejelitaan. Oleh itu kejelitaan terdedah yang bersifat haiwaniyah tidak lagi disukai mereka, malah kejelitaan yang diminati mereka ialah kejelitaan yang bersifat insaniyah yang bersih. Kejelitaan mendedah tubuh badan adalah kejelitaan haiwaniyah yang diminati seseorang dengan perasaan haiwan, biar bagaimana pun rapi dan sempurnanya kejelitaan itu, tetapi kejelitaan dalam bentuk yang sopan santun itulah kejelitaan yang bersih yang mengangkatkan adirasa kejelitaan dan menjadikannya sesuai dengan manusia. Itulah kejelitaan yang dilingkungi kebersihan dan kesucian di dalam tanggapan dan khayalan.

Beginilah juga Islam bertindak pada hari ini dalam barisan wanita-wanita yang beriman walaupun adirasa orang ramai terhadap kejelitaan itu telah menurun jatuh dan walaupun konsep kejelitaan itu telah dikongkongi oleh sifat kebinatangan, di mana mereka cenderung kepada mendedah dan membogelkan tubuh badan dan memuaskan nafsu seperti haiwan. Namun demikian wanita-wanita yang beriman tetap menutup bahagian-bahagian tubuh badan mereka yang menimbulkan nafsu lelaki dengan penuh kepatuhan dalam masyarakat yang mendedah dan menonjolkan hiasan badan yang menggiur, di mana wanita-wanita mengajak dan membisik kepada lelaki sebagaimana yang dilakukan oleh haiwan betina terhadap haiwan jantan.

Mereka Yang Dikecualikan Dari Hukum Haram

Berpakaian yang sopan santun itu merupakan salah satu sarana pencegahan untuk melindungi individu dan masyarakat (dari godaan nafsu), oleh sebab itulah Al-Qur'an mengharuskan wanita meninggalkan pakaian itu ketika aman dari fitnah nafsu, iaitu dengan mengecualikan mahram-mahram yang pada adatnya tidak menaruh nafsu keinginan terhadap mereka. Para mahram itu ialah bapa-bapa, anak-anak, bapa-bapa suami dan anak-anak lelaki mereka, saudara-saudara lelaki dan anak-anak lelaki mereka, juga anak-anak lelaki saudara-saudara perempuan. Begitu juga Al-Qur'an mengecualikan perempuan-perempuan yang beriman.

أَوْ نِسَآئِهِنَّ

"Atau perempuan-perempuan Islam sesama mereka"(31)

tetapi perempuan-perempuan yang bukan Islam tidak dikecualikan kerana mereka mungkin menceritakan kepada suami-suami mereka, saudara-saudara lelaki mereka dan lelaki-lelaki yang seagama dengan mereka kecantikan dan 'aurat-'aurat tubuh badan wanita-wanita Islam jika dilihat mereka. Tersebut di dalam hadith al-Bukhari dari Muslim:

لا تباشر المرأة المرأة تنعتها لزوجها كأنه يراها

"Janganlah perempuan menggauli perempuan yang lain kemudian. menceritakan sifat-sifat perempuan itu kepada suaminya seolah-olah ia melihatnya."

Adapun wanita-wanita Islam mereka dianggap amanah kerana kesedaran keagamaan yang ada pada mereka akan menghalangkan mereka dari menceritakan kepada suami-suami mereka sifat-sifat tubuh badan seseorang wanita Islam yang lain dan perhiasan-perhiasannya. Al-Qur'an juga mengecualikan hamba-hamba.

أَوْ مَا مَلَكَتْ أَيْمَٰنُهُنَّ

"Atau hamba-hamba yang dimiliki mereka"(31)

menurut satu pendapat ialah hamba-hamba perempuan sahaja, dan menurut satu pendapat yang lain pula termasuk hamba-hamba lelaki, kerana hamba lelaki tidak menaruh nafsu berahi terhadap tuanmasnya yang perempuan. Pendapat yang pertama lebih aula, kerana hamba lelaki juga manusia yang mempunyai nafsu berahi manusia walaupun ia mempunyai kedudukan khas dalam sesuatu masa yang tertentu. Al-Qur'an mengecualikan lagi:

أَوِ ٱلتَّٰبِعِينَ غَيْرِ أُوْلِي ٱلْإِرْبَةِ مِنَ ٱلرِّجَالِ

"Atau pembantu-pembantu rumah dari lelaki-lelaki yang tidak mempunyai keinginan."(31)

mereka ialah lelaki-lelaki yang tidak menaruh keinginan terhadap perempuan kerana salah satu sebab dari sebab-sebab seperti mati pucuk, bodoh dan gila dan lain-lain sebab yang menahan lelaki dari mengingini perempuan, kerana fitnah nafsu keinginan tidak wujud di sini. Seterusnya Al-Qur'an mengecualikan:

أَوِ ٱلطِّفْلِ ٱلَّذِينَ لَمْ يَظْهَرُواْ عَلَىٰ عَوْرَٰتِ ٱلنِّسَآءِ

"Atau kanak-kanak yang belum mengerti tentang 'aurat-'aurat perempuan"(31)

iaitu kanak-kanak yang tidak menaruh nafsu berahi apabila melihat tubuh badan perempuan, tetapi apabila mereka meningkat kepada usia mumayyiz dan mempunyai nafsu berahi walaupun mereka belum

[18] *Dikeluarkan oleh Abu Daud.*

baligh, maka kanak-kanak kumpulan ini tidak termasuk di bawah pengecualian.

Seluruh mereka - selain para suami - tidak ada apa-apa kesalahan kepada mereka dan kepada perempuan memandang tubuh badan perempuan kecuali bahagian-bahagian anggota di bawah pusat hingga ke bawah lutut kerana tidak wujud fitnah nafsu yang kerananyalah anggota-anggota itu wajib ditutupkan, tetapi bagi para suami ia boleh melihat seluruh badan isterinya tanpa kecuali.

Oleh kerana tujuan mengadakan peraturan ini ialah pencegahan dan kawalan, maka Al-Qur'an melarang perempuan-perempuan yang beriman dari memperlihatkan gerak-geri dan lenggang-lenggok yang menunjukkan adanya perhiasan-perhiasan yang tersembunyi, yang boleh membangkitkan keberahian yang terpendam dan nafsu yang tidur walaupun mereka tidak mendedahkan perhiasan itu:

وَلَا يَضْرِبْنَ بِأَرْجُلِهِنَّ لِيُعْلَمَ مَا يُخْفِينَ مِن
زِينَتِهِنَّ ۚ

"Dan janganlah mereka menghentakkan kaki mereka (dengan tujuan) supaya diketahui orang perhiasan yang disembunyikan mereka."(31)

Perintah ini membuktikan satu pengertian yang amat mendalam terhadap tabi'at jiwa manusia, emosi-emosinya, sambutan-sambutan atau reaksi-reaksinya, kerana daya khayalan manusia kadang-kadang lebih kuat merangsangkan nafsu berahi dari pandangan mata kasar. Ramai lelaki yang tergerak nafsu berahi mereka dengan hanya melihat kasut perempuan atau bajunya atau perhiasannya dan nafsu berahi mereka lebih kuat terangsang dengan melihat benda-benda itu dari melihat tubuh perempuan itu sendiri. Begitu juga ramai lelaki yang tergerak hawa nafsu mereka dengan hanya mengenangkan rupa perempuan itu di dalam khayalan mereka dan hawa nafsu mereka lebih kuat terangsang dengan kenangan itu dari melihat tubuh perempuan itu sendiri di hadapan mereka. Kes-kes yang seperti ini memang terkenal di sisi pakar-pakar penyakit jiwa pada hari ini. Mendengar bunyi gemercang barang-barang perhiasan perempuan atau menghidu bau minyak wangi yang dipakai olehnya dari jauh kadang-kadang dapat menimbulkan nafsu berahi ramai lelaki. Ia mengacau saraf-saraf perasaan mereka dan menggoda mereka dengan keinginan seks yang kuat, yang tidak dapat ditolak mereka. Oleh itu Al-Qur'an menutup segala jalan nafsu ini, kerana yang menurunkan Al-Qur'an ini ialah Allah yang mencipta dan mengetahui jiwa makhluk yang diciptakan-Nya dan Dia Maha Halus dan Maha Mendalam ilmu pengetahuan-Nya.

Pada akhirnya Al-Qur'an memulangkan seluruh hati manusia kepada Allah dan membuka pintu taubat untuk mereka dari kesalahan-kesalahan yang dilakukan mereka sebelum turunnya ayat-ayat Al-Qur'an ini:

وَتُوبُوٓا۟ إِلَى ٱللَّهِ جَمِيعًا أَيُّهَ ٱلْمُؤْمِنُونَ لَعَلَّكُمْ
تُفْلِحُونَ ﴿٣١﴾

"Dan hendaklah kamu sekalian bertaubat kepada Allah, wahai orang-orang yang beriman, supaya kamu mendapat keberuntungan."(31)

Dengan seruan ini Al-Qur'an menggerakkan kesedaran mereka terhadap pengawasan Allah, kasihan belas dan ri'ayah-Nya serta pertolongan-Nya terhadap kelemahan mereka dalam menghadapi nafsu keinginan semulajadi yang amat mendalam, yang tidak dapat dikawal mereka melainkan dengan perasaan kesedaran dan taqwa terhadap Allah.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 32 - 33)

Setakat ini persoalan seks hanya diatasi dengan langkah-langkah mengubati jiwa dan langkah-langkah pencegahan sahaja, tetapi keinginan seks itu merupakan satu hakikat alam kenyataan yang pasti dihadapi dengan jalan-jalan penyelesaian yang positif, yang berpijak di alam kenyataan. Jalan-jalan penyelesaian yang realistik itu ialah memudahkan perkahwinan, iaitu mengadakan langkah-langkah tolong-menolong untuk memudahkan perkahwinan itu serta menyulitkan segala jalan-jalan yang lain atau menutup semuanya bagi menghalangi mereka memuaskan hawa nafsu (dengan jalan-jalan yang haram itu):

وَأَنكِحُوا۟ ٱلْأَيَٰمَىٰ مِنكُمْ وَٱلصَّٰلِحِينَ مِنْ عِبَادِكُمْ
وَإِمَآئِكُمْ ۚ إِن يَكُونُوا۟ فُقَرَآءَ يُغْنِهِمُ ٱللَّهُ مِن فَضْلِهِۦ ۗ
وَٱللَّهُ وَٰسِعٌ عَلِيمٌ ﴿٣٢﴾
وَلْيَسْتَعْفِفِ ٱلَّذِينَ لَا يَجِدُونَ نِكَاحًا حَتَّىٰ يُغْنِيَهُمُ ٱللَّهُ مِن
فَضْلِهِۦ ۗ وَٱلَّذِينَ يَبْتَغُونَ ٱلْكِتَٰبَ مِمَّا مَلَكَتْ أَيْمَٰنُكُمْ
فَكَاتِبُوهُمْ إِنْ عَلِمْتُمْ فِيهِمْ خَيْرًا ۖ وَءَاتُوهُم مِّن مَّالِ ٱللَّهِ
ٱلَّذِىٓ ءَاتَىٰكُمْ ۚ وَلَا تُكْرِهُوا۟ فَتَيَٰتِكُمْ عَلَى ٱلْبِغَآءِ إِنْ أَرَدْنَ
تَحَصُّنًا لِّتَبْتَغُوا۟ عَرَضَ ٱلْحَيَوٰةِ ٱلدُّنْيَا ۚ وَمَن يُكْرِههُّنَّ
فَإِنَّ ٱللَّهَ مِنۢ بَعْدِ إِكْرَٰهِهِنَّ غَفُورٌ رَّحِيمٌ ﴿٣٣﴾

"Dan kahwinkanlah orang-orang yang bujang dari kamu dan orang-orang yang layak berkahwin dari hamba-hamba kamu lelaki dan perempuan. Sekiranya mereka miskin, Allah akan

memberi kekayaan kepada mereka dari limpah kurnia-Nya. Dan Allah Maha Luas (limpah kurnia-Nya) dan Maha Mengetahui (32). Dan hendaklah orang-orang yang tidak mempunyai kemampuan berkahwin menjaga kesucian diri mereka sehingga Allah memberi kekayaan kepada mereka dari limpah kurnia-Nya, dan orang-orang yang ingin mengadakan perjanjian mukatabah (untuk memerdeka diri mereka), maka hendaklah kamu laksanakan perjanjian mukatabah itu dengan mereka jika kamu mengetahui ada kebaikan pada mereka, dan berikanlah kepada mereka (zakat) harta yang telah dikurniakan Allah kepada kamu, dan janganlah kamu memaksa hamba-hamba perempuan kamu melacurkan dirinya, sedangkan mereka sendiri inginkan kesucian diri, kerana kamu inginkan kesenangan hidup dunia. Dan barang siapa yang memaksa mereka, maka sesungguhnya Allah - sesudah paksaan yang dilakukan ke atas mereka - Maha Pengampun dan Maha Pengasih."(33)

Kewajipan Masyarakat Mengadakan Kemudahan Perkahwinan

Perkahwinan itulah satu-satunya jalan yang tabi'i untuk menghadapi keinginan seks yang semulajadi. Itulah satu-satunya matlamat yang bersih bagi keinginan-keinginan yang amat mendalam ini. Oleh sebab itu segala halangan di tengah jalan perkahwinan itu pastilah dihapuskan supaya kehidupan dapat berlangsung secara tabi'i dan mudah. Halangan kewangan merupakan halangan utama di tengah jalan untuk mendirikan rumahtangga dan memperkukuhkan pertahanan diri (dari digoda nafsu). Sebagai satu sistem hidup yang lengkap dan sepadu, Islam tidak mewajibkan manusia menjaga kesucian diri melainkan setelah ia menyediakan segala jalan keluar ke arah itu dan menjadikannya mudah digunakan oleh semua individu yang normal. Ketika itu tiada lagi individu yang ingin menggunakan jalan yang sumbang (untuk memuaskan nafsu mereka) melainkan individu-individu yang menyeleweng dari jalan yang bersih dan mudah dengan sengaja tanpa terpaksa.

Oleh sebab itu Allah memerintah masyarakat Muslimin supaya menolong orang-orang yang dihalangi kesulitan kewangan untuk membolehkannya melangsungkan pernikahan yang halal:

وَأَنكِحُوا۟ ٱلْأَيَٰمَىٰ مِنكُمْ وَٱلصَّٰلِحِينَ مِنْ عِبَادِكُمْ وَإِمَآئِكُمْ ۚ إِن يَكُونُوا۟ فُقَرَآءَ يُغْنِهِمُ ٱللَّهُ مِن فَضْلِهِۦ ۗ

"Dan kahwinkanlah orang-orang yang bujang dari kamu dan orang-orang yang layak berkahwin dari hamba-hamba kamu lelaki dan perempuan. Sekiranya mereka miskin, Allah akan memberi kekayaan kepada mereka dari limpah kurnia-Nya."(32)

Maksudnya, "*orang-orang yang bujang*" itu ialah orang-orang yang belum bersuami atau beristeri dari lelaki dan perempuan yang merdeka. Dan selepas itu Al-Qur'an menyebut hamba secara khusus dengan firman-Nya:

وَٱلصَّٰلِحِينَ مِنْ عِبَادِكُمْ وَإِمَآئِكُمْ ۚ

"Dan orang-orang yang layak berkahwin dari hamba-hamba kamu lelaki dan perempuan."(32)

Semua orang-orang ini tidak mempunyai kewangan untuk berkahwin sebagaimana dapat difahamkan dari firman-Nya selepas ayat itu:

إِن يَكُونُوا۟ فُقَرَآءَ يُغْنِهِمُ ٱللَّهُ مِن فَضْلِهِۦ ۗ

"Sekiranya mereka miskin, Allah akan memberi kekayaan kepada mereka dari limpah kurnia-Nya."(32)

Itulah perintah kepada masyarakat Muslimin supaya mengahwinkan orang-orang yang bujang itu. Menurut jumhur ulama' perintah itu adalah perintah sunnah (bukannya wajib) alasan mereka ialah di zaman Rasulullah s.a.w. sendiri terdapat orang-orang bujang yang tidak dikahwinkan dan andainya perintah ini suatu perintah yang wajib tentulah beliau mengahwinkan mereka.

Tetapi kami berpendapat perintah itu adalah suatu perintah yang wajib, tetapi bukan dengan erti perintah wajib memaksa orang-orang yang bujang itu supaya berkahwin, malah dengan erti perintah wajib memberi pertolongan kepada orang-orang yang ingin berkahwin dan mahu mengukuhkan pertahanan diri mereka (dari godaan nafsu), kerana perkahwinan itu merupakan salah satu sarana pencegahan (maksiat zina) yang amali dan dapat membersihkan masyarakat Islam dari kejahatan seks. Dan ini adalah satu perkara yang wajib dan (menurut kaedah) sesuatu sarana bagi perkara yang wajib itu adalah hukumnya wajib.

Di samping itu kita harus meletakkan dalam perhitungan kita bahawa Islam - selaku satu sistem hidup yang sepadu - mengubati masalah-masalah ekonomi dengan pengubatan yang asasi. Ia menganggapkan semua individu yang normal itu sebagai orang-orang yang mampu berusaha dan bekerja untuk mendapatkan sara hidup tanpa memerlukan kepada bantuan Baitulmal, tetapi dalam keadaan-keadaan yang luar biasa Islam mewajibkan Baitulmal mengeluarkan bantuan-bantuan yang tertentu. Oleh itu yang menjadi pokok di dalam sistem ekonomi Islam ialah setiap individu harus berdikari dengan pendapatannya. Dan Islam menjadikan urusan mengadakan kemudahan bekerja dan upah yang cukup sebagai kewajipan kerajaan terhadap rakyat. Adapun pemberian bantuan dari kumpulan wang Baitulmal, maka ia merupakan satu langkah pengecualian yang bukan menjadi asas sistem ekonomi di dalam Islam.

Dan andainya selepas itu masih terdapat orang-orang bujang yang miskin lelaki dan perempuan, yang mempunyai pendapatan peribadi yang tidak membolehkan mereka untuk berkahwin, maka wajiblah di atas masyarakat Muslimin mengahwinkan mereka. Begitu juga masalah para hamba lelaki dan perempuan, tetapi mereka adalah menjadi tanggungjawab tuanmas-tuanmas mereka selama mereka mempunyai kemampuan.

Kemiskinan tidak seharusnya menjadi halangan perkahwinan selama mereka layak dan ingin berkahwin sama ada lelaki atau perempuan, kerana rezeki di tangan Allah dan Allah telah memberi jaminan untuk memberi kekayaan kepada mereka jika mereka telah memilih jalan pembersihan diri yang suci:

إِن يَكُونُواْ فُقَرَآءَ يُغْنِهِمُ ٱللَّهُ مِن فَضْلِهِۦ

"Sekiranya mereka miskin, Allah akan memberi kekayaan kepada mereka dari limpah kurnia-Nya"(32)

dan sabda Rasulullah s.a.w.:

ثلاثة حق على الله عونهم : المجاهد في سبيل الله ، والمكاتب الذي يريد الأداء ، والناكح الذي يريد العفاف

"Ada tiga golongan yang terhak di atas Allah menolong mereka iaitu: Pejuang fi Sabilillah, mukatib yang mahu membayar untuk menebuskan kemerdekaan dirinya dan orang yang mahu berkahwin kerana ingin menjaga kesucian dirinya."[19]

Sementara menunggu usaha masyarakat Muslimin mengahwinkan orang-orang yang bujang itu, maka Al-Qur'an menyuruh mereka memelihara kesucian diri mereka sehingga Allah memberi kemudahan perkahwinan kepada mereka:

وَلْيَسْتَعْفِفِ ٱلَّذِينَ لَا يَجِدُونَ نِكَاحًا حَتَّىٰ يُغْنِيَهُمُ ٱللَّهُ مِن فَضْلِهِۦ

"Dan hendaklah orang-orang yang tidak mempunyai kemampuan berkahwin menjaga kesucian diri mereka sehingga Allah memberi kekayaan kepada mereka dari limpah kurnia-Nya."(33)

وَٱللَّهُ وَٰسِعٌ عَلِيمٌ ﴿٣٢﴾

"Dan Allah Maha Luas (limpah kurnia-Nya) dan Maha Mengetahui."(32)

Dia tidak menyempitkan limpah kurnia-Nya terhadap orang yang ingin mencari kebersihan dirinya dan dia mengetahui niat hatinya yang bersih dan kelayakannya untuk berkahwin.

Demikianlah Islam menghadapi persoalan ini dengan satu langkah yang am, iaitu menyediakan kemudahan bagi setiap orang yang layak berkahwin supaya dapat berkahwin walaupun dia tidak berkemampuan dari segi kewangan, kerana kewanganlah biasanya yang menjadi batu penghalang yang sukar di tengah jalan orang yang ingin mengawalkan kebersihan diri dengan perkahwinan.

[19] *Dikeluarkan oleh at-Tirmizi dan an-Nasa'i.*

Perjanjian Mukatabah Untuk Membebaskan Diri Dari Perhambaan

Oleh kerana wujudnya golongan hamba di dalam masyarakat Islam itu membantu meruntuhkan taraf akhlak dan menolong ke arah kebebasan seks, kerana mereka mempunyai kesedaran yang lemah terhadap kehormatan insaniyah, sedangkan kewujudan golongan ini merupakan satu keperluan untuk bertindak balas terhadap musuh-musuh Islam yang memperhambakan tawanan-tawanan Muslimin.... oleh kerana inilah Islam berusaha untuk menghapuskan perhambaan itu pada bila-bila waktu sahaja yang terluang sehingga suasana antarabangsa benar-benar bersedia untuk menghapuskan seluruh sistem perhambaan, lalu ia mewajibkan ke atas tuanmas supaya memperkenankan permintaan hambanya yang ingin bermukatabah untuk menebuskan kemerdekaan dirinya iaitu dengan membayar sejumlah wang kepada tuanmasnya dan dengan pembayaran itu dia memperolehi kemerdekaannya:

وَٱلَّذِينَ يَبْتَغُونَ ٱلْكِتَٰبَ مِمَّا مَلَكَتْ أَيْمَٰنُكُمْ فَكَاتِبُوهُمْ إِنْ عَلِمْتُمْ فِيهِمْ خَيْرًا

"Dan orang-orang yang ingin mengadakan perjanjian mukatabah (untuk memerdekakan diri mereka), maka hendaklah kamu laksanakan perjanjian mukatabah itu dengan mereka jika kamu mengetahui ada kebaikan pada mereka."(33)

Pendapat para Fuqaha' berselisih tentang hukum wajib (bagi tuanmas memperkenankan permintaan hambanya yang mahu bermukatabah) ini, tetapi kami memilih pendapat yang pertama (pendapat wajib) kerana ia sesuai dengan strategi pokok Islam terhadap kebebasan dan kehormatan insaniyah. Apabila mukatabah itu telah dipersetujui, maka semua wang pendapatan dan upahan kerja yang diperolehi oleh hamba itu menjadi miliknya supaya dengan kumpulan wang pendapatan ini dia dapat membayar kepada tuanmasnya (untuk menebuskan kemerdekaannya) mengikut jumlah yang dipersetujui, dan wajiblah tuanmas memberi kepadanya bahagian di dalam harta zakat (yang diwajibkan ke atasnya):

وَءَاتُوهُم مِّن مَّالِ ٱللَّهِ ٱلَّذِىٓ ءَاتَىٰكُمْ

"Dan berikanlah kepada mereka (zakat) harta yang telah dikurniakan Allah kepada kamu."(33)

Semuanya ini dengan syarat tuanmas itu mengetahui ada kebaikan pada hamba itu, dan yang dimaksudkan dengan kebaikan itu ialah dia memeluk agama Islam dan mempunyai kemampuan untuk berusaha mencari rezeki. Tuanmas tidak boleh membiarkan bekas hambanya itu hidup menjadi beban kepada orang lain selepas dia bebas dari perhambaan kerana dia mungkin menggunakan saluran pencarian makan yang paling rendah untuk

menyarakan hidupnya dan memenuhi keperluannya. Islam adalah satu sistem hidup bantu membantu di antara satu sama lain. Yang penting bukannya supaya dikatakan hamba itu telah merdeka kerana Islam tidak mementingkan nama dan gelaran, malah Islam mementingkan hakikat kemerdekaan yang sebenar di dalam alam kenyataan hidup kerana seorang hamba tidak akan mencapai kemerdekaannya yang sebenar kecuali dia mampu berusaha mencari makan selepas dia bebas dari perhambaan dan tidak menjadi beban kepada orang lain, serta tidak mencari makan dari saluran yang kotor dengan menjual maruah yang lebih mahal dari kemerdekaan kulit luar itu. Islam memerdekakan hamba itu dengan tujuan untuk membersihkan masyarakat bukan untuk mengotorkan hamba itu semula dengan pekerjaan yang lebih keji dan buruk.[20]

Yang paling bahaya dari kewujudan para hamba di dalam masyarakat ialah adanya setengah-setengah hamba yang mencari makan dengan melacurkan diri mereka. Orang-orang yang memilik hamba perempuan di zaman jahiliyah menyuruh hamba itu melacurkan dirinya dengan mengenakan hasil yang tertentu yang diambil dari pendapatannya. Inilah bentuk pelacuran yang masih terkenal sehingga pada masa sekarang. Apabila Islam mahu membersihkan masyarakat Islam ia mengharamkan perzinaan secara umum dan menyebut pelacuran dengan nas khusus yang berikut:

وَلَا تُكْرِهُوا۟ فَتَيَٰتِكُمْ عَلَى ٱلْبِغَآءِ إِنْ أَرَدْنَ تَحَصُّنًا لِّتَبْتَغُوا۟
عَرَضَ ٱلْحَيَوٰةِ ٱلدُّنْيَا ۚ وَمَن يُكْرِههُّنَّ فَإِنَّ ٱللَّهَ مِنۢ بَعْدِ
إِكْرَٰهِهِنَّ غَفُورٌ رَّحِيمٌ ﴿٣٣﴾

"Dan janganlah kamu memaksa hamba-hamba perempuan kamu melacurkan dirinya, sedangkan mereka sendiri inginkan kesucian diri, kerana kamu inginkan kesenangan hidup dunia. Dan barangsiapa yang memaksa mereka, maka sesungguhnya Allah - sesudah paksaan yang dilakukan ke atas mereka - Maha Pengampun dan Maha Pengasih."(33)

Allah melarang orang-orang yang memaksa hamba-hamba perempuan melakukan pelacuran yang amat keji itu dan mencela mereka kerana bertujuan mencari kesenangan hidup dunia melalui saluran pencarian yang jahat. Dan pada akhirnya Allah berjanji memberi keampunan dan rahmat kepada hamba-hamba perempuan yang dipaksa melacurkan dirinya, iaitu satu paksaan yang tidak dapat dihindari mereka.

Ujar as-Suddi: "Ayat yang mulia ini diturunkan mengenai Abdullah ibn Ubay ibn Salul kepala Munafiq. Dia mempunyai seorang hamba perempuan yang bernama Mu'azah. Biasanya apabila ada tetamu berkunjung ke rumahnya dia menghantar hamba itu kepadanya untuk ditidurinya kerana ingin mendapat ganjaran dari tetamu ini dan memberi penghormatan kepadanya. Hamba ini telah datang mengadu kepada Abu Bakr r.a. dan Abu Bakr terus membawa perkara ini kepada Nabi s.a.w., lalu beliau pun memerintah Abu Bakr supaya menahankan hamba itu. Ini menyebabkan Abdullah ibn Ubay itu berpekik-pekik: 'Siapakah yang sanggup menolong kami untuk menentang Muhammad? Dia telah menahan hamba perempuan milik kami'. Lalu Allah menurunkan ayat untuk menerangkan hal mereka dalam perkara ini."

Kewajipan Masyarakat Menghapuskan Kegiatan Pelacuran

Larangan memaksa hamba-hamba wanita melacurkan diri - sedangkan mereka ingin menjaga kesucian diri - dengan maksud mencari harta kekayaan yang murah itu merupakan sebahagian dari perancangan Al-Qur'an untuk membersihkan masyarakat Islam dan untuk menutup jalan-jalan yang kotor bagi memuaskan nafsu seks. Kewujudan pelacuran itu akan menggalakkan ramai lelaki kerana mereka dapat memuaskan nafsu mereka dengan mudah. Andainya mereka tidak boleh mendapat perempuan-perempuan pelacur tentulah mereka akan berusaha mencari keni'matan seks pada tempatnya yang mulia dan bersih.

Kita tidak dapat menerima alasan yang mengatakan bahawa pelacuran itu merupakan saluran melepaskan nafsu tanpa mengganggu orang lain dan ia dapat memelihara keselamatan rumahtangga orang-orang yang baik, kerana tidak ada jalan yang lain untuk menghadapi keinginan nafsu semulajadi ini melainkan dengan cara yang kotor ini sahaja ketika mereka tidak mampu berkahwin atau ketika lelaki-lelaki serigala yang gila nafsu itu mengganas untuk mencabul kehormatan wanita-wanita yang baik kerana tidak mendapat padang ragut yang halal.

Fikiran yang seperti ini menterbalik - songsangkan sebab dan akibat, kerana keinginan seks pastilah kekal bersih dan suci dengan matlamatnya untuk membekalkan kehidupan manusia dengan generasi-generasi yang baru. Setiap masyarakat berkewajipan membetulkan sistem-sistem ekonominya supaya setiap individu dalam masyarakat berada dalam kedudukan yang membolehkan mereka hidup dan berkahwin. Dan andainya selepas itu terdapat kes-kes yang luar biasa, maka bolehlah kes-kes ini diubati dengan cara khusus yang tersendiri agar dengan ini ia tidak memerlukan kepada pelacuran dan mengadakan tempat-tempat manusia yang kotor untuk dijadikan tempat persinggahan bagi sesiapa sahaja yang mahu meringankan desakan nafsu seksnya yang berat dan membuang kotoran-kotoran nafsunya dengan bebas di bawah pendengaran dan penglihatan masyarakat.

---

[20] *Seluruh sistem perhambaan telah berakhir sebaik sahaja wujudnya perjanjian-perjanjian antarabangsa yang mengharamkan perhambaan tawanan-tawanan perang. Sistem perhambaan hanya merupakan satu sistem sementara sahaja di dalam Islam, iaitu satu sistem yang terikat dengan dasar "layanan yang sama" (terhadap musuh-musuh yang kafir).*

Sistem-sistem ekonomi itulah yang pasti diubati dan dibaiki supaya tidak menghasilkan akibat-akibat yang kotor dan busuk itu. Kepincangan sistem ekonomi tidak boleh dijadikan hujjah untuk mengadakan tempat-tempat sampah umum dalam bentuk manusia-manusia pelacuran yang hina.

Inilah yang diusahakan Islam dengan sistem hidupnya yang sepadu, bersih dan suci yang menghubungkan manusia dengan Allah dan mengangkatkan mereka ke ufuk yang gemilang yang diambil dari nur hidayat Allah.

******

(Pentafsiran ayat 34)

Peranan Al-Qur'an Memberi Penerangan Yang Jelas Dan Contoh Teladan Dari umat-umat Yang Silam

Kemudian pusingan ini diiringi dengan satu ulasan yang menjelaskan sifat Al-Qur'an yang sesuai dengan maudhu' pembicaraannya dan suasananya:

وَلَقَدْ أَنزَلْنَآ إِلَيْكُمْ ءَايَٰتٍ مُّبَيِّنَٰتٍ وَمَثَلًا مِّنَ ٱلَّذِينَ
خَلَوْا۟ مِن قَبْلِكُمْ وَمَوْعِظَةً لِّلْمُتَّقِينَ ﴿٣٤﴾

"Dan sesungguhnya Kami telah menurunkan kepada kamu ayat-ayat yang memberikan penerangan yang jelas dan contoh teladan dari umat-umat yang telah berlalu sebelum kamu serta nasihat pengajaran kepada para Muttaqin."(34)

Maksudnya, Al-Qur'an itu adalah kumpulan ayat-ayat yang memberi penerangan yang amat jelas, yang tidak meninggal sebarang ruang kekeliruan, ta'wilan dan penyelewengan dari jalan yang lurus. Ia membentangkan nasib kesudahan. yang telah menimpa umat-umat yang silam, yang telah menyeleweng dari jalan Allah. Nasib kesudahan mereka ialah 'azab keseksaan. Ia juga merupakan pengajaran kepada para Muttaqin, yang hati mereka sentiasa merasa diawasi Allah dan kerana itulah mereka menaruh perasaan takut kepada Allah dan berjalan mengikut jalan yang lurus.

Hukum-hukum yang terkandung di dalam pusingan ini adalah selaras dengan ulasan ini yang menghubungkan hati manusia dengan Allah yang telah menurunkan Al-Qur'an ini.

(Kumpulan ayat-ayat 35 - 45)

ٱللَّهُ نُورُ ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَٱلْأَرْضِ ۚ مَثَلُ نُورِهِۦ كَمِشْكَوٰةٍ
فِيهَا مِصْبَاحٌ ۖ ٱلْمِصْبَاحُ فِى زُجَاجَةٍ ۖ ٱلزُّجَاجَةُ كَأَنَّهَا
كَوْكَبٌ دُرِّىٌّ يُوقَدُ مِن شَجَرَةٍ مُّبَٰرَكَةٍ زَيْتُونَةٍ لَّا
شَرْقِيَّةٍ وَلَا غَرْبِيَّةٍ يَكَادُ زَيْتُهَا يُضِىٓءُ وَلَوْ لَمْ تَمْسَسْهُ
نَارٌ ۚ نُّورٌ عَلَىٰ نُورٍ ۗ يَهْدِى ٱللَّهُ لِنُورِهِۦ مَن يَشَآءُ ۚ وَيَضْرِبُ
ٱللَّهُ ٱلْأَمْثَٰلَ لِلنَّاسِ ۗ وَٱللَّهُ بِكُلِّ شَىْءٍ عَلِيمٌ ﴿٣٥﴾
فِى بُيُوتٍ أَذِنَ ٱللَّهُ أَن تُرْفَعَ وَيُذْكَرَ فِيهَا ٱسْمُهُۥ
يُسَبِّحُ لَهُۥ فِيهَا بِٱلْغُدُوِّ وَٱلْءَاصَالِ ﴿٣٦﴾
رِجَالٌ لَّا تُلْهِيهِمْ تِجَٰرَةٌ وَلَا بَيْعٌ عَن ذِكْرِ ٱللَّهِ وَإِقَامِ
ٱلصَّلَوٰةِ وَإِيتَآءِ ٱلزَّكَوٰةِ ۙ يَخَافُونَ يَوْمًا تَتَقَلَّبُ فِيهِ
ٱلْقُلُوبُ وَٱلْأَبْصَٰرُ ﴿٣٧﴾
لِيَجْزِيَهُمُ ٱللَّهُ أَحْسَنَ مَا عَمِلُوا۟ وَيَزِيدَهُم مِّن
فَضْلِهِۦ ۗ وَٱللَّهُ يَرْزُقُ مَن يَشَآءُ بِغَيْرِ حِسَابٍ ﴿٣٨﴾
وَٱلَّذِينَ كَفَرُوٓا۟ أَعْمَٰلُهُمْ كَسَرَابٍۭ بِقِيعَةٍ يَحْسَبُهُ
ٱلظَّمْـَٔانُ مَآءً حَتَّىٰٓ إِذَا جَآءَهُۥ لَمْ يَجِدْهُ شَيْـًٔا وَوَجَدَ
ٱللَّهَ عِندَهُۥ فَوَفَّىٰهُ حِسَابَهُۥ ۗ وَٱللَّهُ سَرِيعُ ٱلْحِسَابِ ﴿٣٩﴾
أَوْ كَظُلُمَٰتٍ فِى بَحْرٍ لُّجِّىٍّ يَغْشَىٰهُ مَوْجٌ مِّن فَوْقِهِۦ مَوْجٌ
مِّن فَوْقِهِۦ سَحَابٌ ۚ ظُلُمَٰتٌۢ بَعْضُهَا فَوْقَ بَعْضٍ إِذَآ
أَخْرَجَ يَدَهُۥ لَمْ يَكَدْ يَرَىٰهَا ۗ وَمَن لَّمْ يَجْعَلِ ٱللَّهُ لَهُۥ
نُورًا فَمَا لَهُۥ مِن نُّورٍ ﴿٤٠﴾
أَلَمْ تَرَ أَنَّ ٱللَّهَ يُسَبِّحُ لَهُۥ مَن فِى ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَٱلْأَرْضِ
وَٱلطَّيْرُ صَٰٓفَّٰتٍ ۖ كُلٌّ قَدْ عَلِمَ صَلَاتَهُۥ وَتَسْبِيحَهُۥ ۗ وَٱللَّهُ
عَلِيمٌۢ بِمَا يَفْعَلُونَ ﴿٤١﴾
وَلِلَّهِ مُلْكُ ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَٱلْأَرْضِ ۖ وَإِلَى ٱللَّهِ ٱلْمَصِيرُ ﴿٤٢﴾
أَلَمْ تَرَ أَنَّ ٱللَّهَ يُزْجِى سَحَابًا ثُمَّ يُؤَلِّفُ بَيْنَهُۥ ثُمَّ يَجْعَلُهُۥ
رُكَامًا فَتَرَى ٱلْوَدْقَ يَخْرُجُ مِنْ خِلَٰلِهِۦ وَيُنَزِّلُ مِنَ ٱلسَّمَآءِ
مِن جِبَالٍ فِيهَا مِنۢ بَرَدٍ فَيُصِيبُ بِهِۦ مَن يَشَآءُ وَيَصْرِفُهُۥ عَن
مَّن يَشَآءُ ۖ يَكَادُ سَنَا بَرْقِهِۦ يَذْهَبُ بِٱلْأَبْصَٰرِ ﴿٤٣﴾

يُقَلِّبُ ٱللَّهُ ٱلَّيۡلَ وَٱلنَّهَارَۚ إِنَّ فِي ذَٰلِكَ لَعِبۡرَةٗ لِّأُوْلِي
ٱلۡأَبۡصَٰرِ ٤٤
وَٱللَّهُ خَلَقَ كُلَّ دَآبَّةٖ مِّن مَّآءٖۖ فَمِنۡهُم مَّن يَمۡشِي عَلَىٰ بَطۡنِهِۦ
وَمِنۡهُم مَّن يَمۡشِي عَلَىٰ رِجۡلَيۡنِ وَمِنۡهُم مَّن يَمۡشِي عَلَىٰٓ أَرۡبَعٖۚ
يَخۡلُقُ ٱللَّهُ مَا يَشَآءُۚ إِنَّ ٱللَّهَ عَلَىٰ كُلِّ شَيۡءٖ قَدِيرٞ ٤٥

"Allah adalah cahaya langit dan bumi. Perbandingan cahaya-Nya laksana misykat (sebuah lubang dinding yang tumpat), yang berisi sebuah lampu yang amat terang di dalam sebuah kaca dan kaca itu bersinar laksana bintang mutiara, ia dinyalakan dengan minyak dari satu pokok yang amat berkat, iaitu pokok zaitun yang tumbuh tidak di sebelah Timur dan tidak pula di sebelah Barat. Minyaknya sahaja hampir-hampir memancarkan cahaya yang terang walaupun belum disentuh api. Iaitu cahaya yang berlapis cahaya. Allah menunjukkan kepada cahaya-Nya siapa sahaja yang dikehendaki-Nya. Dan Allah membuat perbandingan-perbandingan kepada manusia dan Allah Maha Mengetahui segala sesuatu (35). (Nur itu terang benderang) di rumah-rumah ibadat yang telah diizinkan Allah supaya ditinggikan kedudukannya dan disebutkan nama Allah juga bertasbih kepada-Nya di waktu pagi dan petang....(36) Oleh orang-orang yang hati mereka tidak dapat dilalaikan urusan perniagaan dan jualbeli dari menyebut nama Allah, mendirikan solat dan mengeluarkan zakat. Mereka takut kepada hari (Qiamat), di mana seluruh hati dan penglihatan berbalik-balik (37). Supaya Allah memberi balasan kepada mereka dengan balasan yang sebaik-baiknya terhadap amalan-amalan yang telah dilakukan mereka serta menambahkan limpah kurnia-Nya kepada mereka, dan Allah memberi rezeki tanpa hisab kepada siapa sahaja yang dikehendaki-Nya (38). Adapun orang-orang yang kafir, maka amalan-amalan mereka laksana bayangan air di padang yang luas. Ia disangkakan air oleh orang yang dahaga, tetapi apabila dia datang mendapatkannya, dia tidak mendapati suatu apa pun, malah dia dapati Allah berada di sisinya, lalu Allah menyelesaikan hisab-Nya dan Allah amat pantas hisab-Nya (39). Atau (amalan mereka) laksana gelap-gelita di lautan yang dalam yang diselubungi gelombang demi gelombang dan di atasnya (dilingkupi) awan, gelap-gelita yang menyelubungi satu sama lain, apabila dia mengeluarkan tangannya, hampir-hampir dia tidak dapat melihatnya, dan barangsiapa yang tidak diberikan Allah nur-Nya, maka tiada lagi sebarang nur yang boleh didapatinya (40). Tidakkah engkau melihat bahawa penghuni langit dan bumi bertasbih kepada-Nya, juga burung-burung yang mengembangkan sayapnya. (Semuanya) masing-masing mengetahui cara solatnya dan tasbihnya dan Allah Maha Mengetahui segala apa yang dilakukan mereka (41). Allah memiliki kerajaan langit dan bumi dan kepada Allah kembalinya (seluruh makhluk) (42). Tidakkah engkau melihat bahawa Allah menggerakkan awan kemudian dia mengumpulkan di antara (tompokan-tompokannya) kemudian dia jadikannya berlapis-lapisan dan (di sana) engkau melihat hujan keluar dari celah-celahnya, dan dia menurunkan hujan beku dari langit iaitu dari gunung-gunung (awan) yang ada padanya lalu Dia menimpakannya ke atas sesiapa sahaja yang dikehendaki-Nya dan menghindarkannya dari siapa sahaja yang dikehendaki-Nya. Pancaran kilat-Nya hampir-hampir menghilangkan penglihatan (43). Allah menukarkan malam dan siang sesungguhnya pertukaran itu memberi pengajaran kepada orang yang mempunyai mata hati yang melihat (44). Dan Allah telah menciptakan segala binatang itu dari air. Di antaranya ada yang berjalan di atas perutnya. Di antaranya pula ada yang berjalan di atas dua kaki dan di antaranya lagi ada yang berjalan di atas empat kaki. Allah mencipta apa sahaja yang dikehendaki-Nya. Sesungguhnya Allah Maha Berkuasa di atas segala sesuatu."(45)

Di dalam dua pelajaran yang lepas dari surah ini Al-Qur'an memperkatakan tentang perkara yang paling berat dan kasar di dalam diri manusia untuk menghalus, membersih dan mengangkatkannya ke ufuk-ufuk cahaya, iaitu ia memperkatakan tentang nafsu daging dan darah, keinginan berahi mata dan anggota kelamin, keinginan jahat untuk mencacat dan menjatuhkan nama baik orang lain pada pandangan umum, juga tentang tekanan perasaan marah dan dendam. Ia memperkatakan tentang kejahatan seks yang merebak dalam jiwa, merebak dalam masyarakat dan merebak di dalam percakapan. Al-Qur'an mengubati perkara ini dengan mengenakan hukum hudud yang berat terhadap jenayah zina dan qazaf. Ia menjelaskannya dengan mengemukakan satu contoh yang buruk dan keji dari satu peristiwa yang melemparkan tuduhan zina terhadap wanita-wanita Islam yang muhsan, yang terlalai dari berwaspada dan menjaga diri dan mengubatinya dengan langkah-langkah pencegahan iaitu mengadakan peraturan meminta izin sebelum memasuki rumah-rumah kediaman orang lain, peraturan menahan mata (dari memandang yang haram), peraturan menyembunyikan perhiasan badan wanita dan mengenakan larangan terhadap segala pendedahan badan yang boleh membangkitkan nafsu berahi manusia. Kemudian Al-Qur'an menyeru supaya mengukuhkan pertahanan diri dengan perkahwinan, mengharamkan pelacuran dan menggalakkan pembebasan hamba abdi. Semua langkah ini adalah dituju untuk menutup jalan yang membangkitkan nafsu berahi dan menyediakan jalan-jalan yang baik bagi manusia untuk menjaga kesucian, keluhuran, kehalusan dan kecemerlangan diri mereka.

Selepas peristiwa fitnah yang dusta itu, Al-Qur'an mengubati kesan-kesan buruk yang telah ditinggalkannya, iaitu kesan-kesan perasaan marah dan dendam, kesan menggunakan neraca pertimbangan yang tidak betul dan kesan kegelisahan yang berkecamuk di dalam hati. (Dan di sana kita melihat) hati Nabi Muhammad s.a.w. menjadi tenang tenteram, hati Aisyah r.a. juga turut menjadi tenang tenteram, hati Abu Bakr r.a. kembali menjadi pema'af dan jernih hening dan seterusnya hati Safwan ibn al-Mu'attal juga turut berpuas hati dengan penyaksian dan pembersihan dari Allah, dan seluruh hati kaum Muslimin kembali bertaubat kepada Allah setelah mereka menyedari bahawa mereka telah meraba-raba di dalam kesesatan. Mereka akhirnya kembali kepada Allah dengan bersyukur terhadap limpah kurnia-Nya, rahmat-Nya dan hidayat-Nya.

Dengan pengajaran, asuhan dan panduan ini Al-Qur'an mengubati jiwa manusia supaya jernih dan bersinar dengan cahaya dan supaya menyintai ufuk nur yang gemilang, supaya mereka mengangkatkan mata mereka melihat nur yang agung yang memancar di merata pelosok langit dan bumi dan bersiap sedia untuk menerima pancaran cahaya yang menyelubungi alam yang seluruhnya bermandi dalam sinaran nur.

ٱللَّهُ نُورُ ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَٱلۡأَرۡضِۚ

"Allah adalah cahaya langit dan bumi."(35)

Nurullah Yang Membawa Cahaya Agung Yang Syumul

Sebaik sahaja munculnya ayat yang mengkagumkan ini, maka terpancarlah nur yang tenang dan terang benderang menyelubungi seluruh alam buana, menyoroti perasaan dan tubuh badan manusia dan mencurah ke dalam hati dan rongga dada mereka sehingga seluruh alam buana bermandi dalam pancaran nur yang gemilang. Seluruh mata kasar dan mata hati manusia berpeluk dengan nur. Ia menjadikan seluruh hijab terhapus, seluruh hati diterangi cahaya, seluruh jiwa mengembangkan kepaknya, segala sesuatu merenangi banjir nur, segala sesuatu bersih hening di dalam lautan cahaya, segala sesuatu dapat membebaskan dirinya dari tebal dan beratnya. Semuanya membayangkan kebebasan, pertemuan, perkenalan, percantuman, kemesraan, kemeriahan dan kegembiraan. Seluruh alam buana dengan segala isi dan penghuninya bertukar menjadi nur yang bebas dari segala ikatan dan batas, di mana langit dapat bertemu dengan bumi, makhluk hidupan dapat bertemu dengan makhluk bekuan, yang jauh dapat bertemu dengan yang dekat, segala lorong dapat bertemu dengan jalan besar, yang batin dapat bertemu dengan yang zahir dan pancaindera dapat bertemu dengan hati.

ٱللَّهُ نُورُ ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَٱلۡأَرۡضِۚ

"Allah adalah cahaya langit dan bumi."(35)

Itulah nur yang menjadi asas kejadian langit bumi dan peraturannya. Itulah nur yang memberi hakikat kewujudan langit dan bumi. Itulah nur yang memberikan undang-undang kepada langit dan bumi. Pada masa kebelakangan ini, manusia melalui ilmu pengetahuan sains mereka telah dapat mengetahui sebahagian dari hakikat yang agung ini apabila sesuatu yang bernama "benda" itu telah berubah - setelah dileburkan atomnya - kepada sinar-sinar radiasi yang bebas, yang asasnya tiada lain melainkan cahaya dan bahannya juga tiada lain melainkan cahaya. Atom benda itu adalah terdiri dari proton-proton dan elektron-elektron yang terpancar - ketika dileburkan benda - dalam bentuk sinar radiasi yang berasaskan cahaya. Hati nurani manusia telah memahami hakikat yang agung ini berkurun-kurun lamanya sebelum diketahui oleh ilmu pengetahuan sains. Hati nurani memahami hakikat nur ini setiap kali ia menjadi halus dan terbang melayang-layang menuju kepada ufuk-ufuk cahaya. Hakikat nur ini telah difahami dengan sempurnanya oleh hati nurani Nabi Muhammad Rasulullah s.a.w. dan ia memenuhi hatinya ketika beliau pulang dari Ta'if dan membersihkan tangannya dari (mengharapkan pertolongan) manusia dan memohon perlindungan dengan nur wajah Allah dalam do'anya:

أعوذ بنور وجهك الذى أشرقت به الظلمات ، وصلح عليه أمر الدنيا والأخرة

"Aku pohon perlindungan dengan nur wajah-Mu yang menerangi segala gelap-gelita dan menjadi asas kebaikan segala urusan dunia dan Akhirat."

Nur inilah juga yang memenuhi hati nurani beliau dalam perjalanan Isra' dan Mi'raj apabila Siti Aisyah bertanya beliau: Adakah anda melihat Allah Tuhan anda? Jawab beliau: "نور أني أراه" (Dia itu nur bagaimana aku dapat melihat-Nya).

Tetapi manusia tidak tahan lama menerima pancaran nur yang melimpah dan berterusan itu. Ia tidak tahan lama mengangkat matanya melihat ufuk nur yang jauh itu. Oleh kerana itu setelah Al-Qur'an memperlihatkan ufuk nur yang jauh saujana itu, ia kembali mendekatkan jaraknya yang menghampirkannya kepada pemahaman akal manusia yang terbatas dengan mengemukakan satu perbandingan yang dekat yang dapat dirasakan:

مَثَلُ نُورِهِۦ كَمِشۡكَوٰةٖ فِيهَا مِصۡبَاحٌۖ ٱلۡمِصۡبَاحُ فِي زُجَاجَةٍۖ ٱلزُّجَاجَةُ كَأَنَّهَا كَوۡكَبٞ دُرِّيّٞ يُوقَدُ مِن شَجَرَةٖ مُّبَٰرَكَةٖ زَيۡتُونَةٖ لَّا شَرۡقِيَّةٖ وَلَا غَرۡبِيَّةٖ يَكَادُ زَيۡتُهَا يُضِيٓءُ وَلَوۡ لَمۡ تَمۡسَسۡهُ نَارٞۚ نُّورٌ عَلَىٰ نُورٖۚ يَهۡدِي ٱللَّهُ لِنُورِهِۦ مَن يَشَآءُۚ وَيَضۡرِبُ ٱللَّهُ ٱلۡأَمۡثَٰلَ لِلنَّاسِۗ وَٱللَّهُ بِكُلِّ شَيۡءٍ عَلِيمٞ ٣٥

"Perbandingan cahaya-Nya laksana misykat (sebuah lubang dinding yang tumpat), yang berisi sebuah lampu yang amat terang di dalam sebuah kaca dan kaca itu bersinar laksana bintang mutiara, ia dinyalakan dengan minyak dari satu pokok yang amat berkat, iaitu pokok zaitun yang tumbuh tidak di sebelah Timur dan tidak pula di sebelah Barat. Minyaknya sahaja hampir-hampir memancarkan cahaya yang terang walaupun belum disentuh api. Iaitu cahaya yang berlapis cahaya."(35)

Itulah satu perbandingan yang mendekatkan kepada pemahaman manusia yang terbatas gambaran nur yang tidak terbatas. Ia melukiskan satu contoh kecil yang dapat diteliti oleh hati manusia yang tidak dapat memahami hakikat nur yang asli. Ia merupakan satu perbandingan yang mendekatkan untuk memahami sifat nur itu apabila pemahaman manusia

tidak berupaya untuk menyusur jarak dan ufuk-ufuknya yang jauh saujana dan di luar jangkauan pemahaman mereka yang lemah.

Dari langit dan bumi yang amat lebar itu dibandingkan kepada misykat iaitu sebuah lubang kecil yang tumpat di dinding. Ia diisikan dengan sebuah lampu, di mana seluruh cahayanya dapat dikumpul dan dipusatkan dalam lubang itu sehingga cahaya itu kelihatan begitu kuat dan terang benderang:

كَمِشْكَوٰةٍ فِيهَا مِصْبَاحٌ ۖ ٱلْمِصْبَاحُ فِى زُجَاجَةٍ ۖ

"Laksana misykat (sebuah lubang dinding yang tumpat) yang berisi sebuah lampu yang amat terang di dalam sebuah kaca"(35)

misykat itu memelihara lampu itu dari diganggu angin dan menjernihkan pancaran cahayanya dan menjadikannya bertambah cemerlang dan terang:

ٱلزُّجَاجَةُ كَأَنَّهَا كَوْكَبٌ دُرِّىٌّ

"Dan kaca itu bersinar laksana bintang mutiara"(35)

yakni kaca itu sendiri amat jernih, berkilat dan terang benderang. Di sini Al-Qur'an menghubungkan di antara contoh dengan hakikat atau di antara contoh dengan asal apabila ia meningkat dari kaca yang kecil kepada bintang yang besar supaya pemerhatian mereka tidak hanya tertumpu pada contoh yang kecil itu, yang hanya dibawa untuk mendekatkan pemahaman terhadap hakikat asal yang amat besar itu. Selepas memberi gambaran yang menarik ini Al-Qur'an kembali semula kepada contoh iaitu lampu:

يُوقَدُ مِن شَجَرَةٍ مُّبَٰرَكَةٍ زَيْتُونَةٍ

"Ia dinyalakan dengan minyak dari satu pokok yang amat berkat, iaitu pokok zaitun"(35)

cahaya minyak zaitun memanglah suatu cahaya yang paling jernih yang umum diketahui oleh orang-orang yang ditujukan ayat ini kepada mereka, tetapi ia dijadikan contoh bukanlah kerana kejernihan ini sahaja, malah kerana bayangan suci yang diterapkan oleh pokok yang amat berkat itu, iaitu bayangan perlembahan suci atau al-Wadil-Muqaddas di Bukit Tursina, iaitu tempat tumbuh pokok zaitun yang paling dekat dengan Semenanjung Tanah Arab. Di dalam Al-Qur'an terdapat isyarat dan bayangan mengenai pokok ini:

وَشَجَرَةً تَخْرُجُ مِن طُورِ سَيْنَآءَ تَنۢبُتُ بِٱلدُّهْنِ
وَصِبْغٍ لِّلْءَاكِلِينَ ﴿٢٠﴾

"(Dan kami jadikan) sejenis pokok yang keluar dari Tursina yang mengeluarkan minyak dan lauk kepada para pemakan."

(Surah al-Mu'minun: 20)

Pokok zaitun adalah sejenis pokok yang hidup lama. Segala apa yang ada padanya adalah berguna belaka kepada manusia, iaitu minyaknya, kayunya, daunnya dan buahnya. Kemudian sekali lagi Al-Qur'an berpaling dari contoh yang kecil itu untuk menyebut asal yang amat besar, iaitu pokok ini bukannya satu pokok yang tertentu itu sendiri, bukannya satu pokok yang terletak pada satu tempat dan arah yang tertentu, malah ia hanya merupakan satu perbandingan untuk mendekatkan kefahaman:

لَّا شَرْقِيَّةٍ وَلَا غَرْبِيَّةٍ

"Yang tumbuh tidak di sebelah Timur dan tidak pula di sebelah Barat"(35)

dan minyaknya pula bukanlah minyak dari jenis minyak yang tertentu yang pernah dilihat manusia, malah ianya suatu minyak lain yang amat menakjubkan:

يَكَادُ زَيْتُهَا يُضِىٓءُ وَلَوْ لَمْ تَمْسَسْهُ نَارٌ

"Minyaknya sahaja hampir-hampir memancarkan cahaya yang terang walaupun belum disentuh api"(35)

yakni ia begitu jernih dan berkilat sehingga hampir-hampir memancarkan cahaya yang terang tanpa dinyalakan atau "*walaupun belum disentuh api*":

نُّورٌ عَلَىٰ نُورٍ

"Iaitu cahaya yang berlapis cahaya"(35)

dan dengan penerangan sedemikian marilah kita kembali kepada nur yang amat mendalam yang memancar bebas di akhir penjelajahan kita.

Itulah cahaya Allah yang menerangi segala gelap-gelita di langit dan di bumi, iaitu cahaya yang kita tidak mengetahui hakikatnya dan ruang lingkupnya. Ini hanya suatu percubaan untuk menghubungkan hati dengannya dan untuk menyatakan harapan dapat melihatnya:

يَهْدِى ٱللَّهُ لِنُورِهِۦ مَن يَشَآءُ

"Allah menunjukkan kepada cahaya-Nya siapa sahaja yang dikehendaki-Nya"(35)

iaitu dari orang-orang yang membuka pintu hati mereka kepada cahaya itu dan merekalah yang dapat melihatnya. Cahaya itu memancar di merata pelosok langit dan bumi, ia membanjiri dan menerangi selama-lamanya di langit dan bumi. Ia tidak pernah terputus, tidak pernah tersekat dan tidak pernah malap dan padam. Di mana sahaja hati manusia menghadapinya dia akan melihatnya dan di mana sahaja hati yang sesat mengharapkannya, maka Allah akan menunjukkannya dan di mana sahaja hati manusia berhubung dengannya dia akan menemui Allah.

Itulah perbandingan yang dibuat oleh Allah terhadap nur-Nya sebagai satu cara untuk mendekatkan kepada pemahaman manusia, kerana

Allah amat mengetahui sejauh mana daya tenaga manusia:

وَيَضْرِبُ ٱللَّهُ ٱلْأَمْثَٰلَ لِلنَّاسِ ۗ وَٱللَّهُ بِكُلِّ شَىْءٍ عَلِيمٌ ﴿٣٥﴾

"Dan Allah membuat perbandingan-perbandingan kepada manusia dan Allah Maha Mengetahui segala sesuatu."(35)

Nurullah Yang Menerangi Rumah-rumah Ibadat

Nur yang memancar bebas menerangi dan membanjiri seluruh pelosok langit dan bumi itu menjelma dan menerangi pula di rumah-rumah ibadat, di mana hati manusia berhubung mesra dengan Allah, merindui, mengingati, menaruh perasaan takut dan membulatkan keikhlasan kepada Allah serta mengutamakan-Nya dari segala keni'matan hidup yang lain yang mempesonakan manusia:

فِى بُيُوتٍ أَذِنَ ٱللَّهُ أَن تُرْفَعَ وَيُذْكَرَ فِيهَا ٱسْمُهُۥ
يُسَبِّحُ لَهُۥ فِيهَا بِٱلْغُدُوِّ وَٱلْءَاصَالِ ﴿٣٦﴾

رِجَالٌ لَّا تُلْهِيهِمْ تِجَٰرَةٌ وَلَا بَيْعٌ عَن ذِكْرِ ٱللَّهِ وَإِقَامِ
ٱلصَّلَوٰةِ وَإِيتَآءِ ٱلزَّكَوٰةِ ۙ يَخَافُونَ يَوْمًا تَتَقَلَّبُ فِيهِ
ٱلْقُلُوبُ وَٱلْأَبْصَٰرُ ﴿٣٧﴾

لِيَجْزِيَهُمُ ٱللَّهُ أَحْسَنَ مَا عَمِلُوا۟ وَيَزِيدَهُم مِّن
فَضْلِهِۦ ۗ وَٱللَّهُ يَرْزُقُ مَن يَشَآءُ بِغَيْرِ حِسَابٍ ﴿٣٨﴾

"(Nur itu terang benderang) di rumah-rumah ibadat yang telah diizinkan Allah supaya ditinggikan kedudukannya dan disebutkan nama Allah juga bertasbih kepada-Nya di waktu pagi dan petang (36). Oleh orang-orang yang hati mereka tidak dapat dilalaikan urusan perniagaan dan jual beli dari menyebut nama Allah, mendirikan solat dan mengeluarkan zakat. Mereka takut kepada hari (Qiamat), di mana seluruh hati dan penglihatan berbalik-balik (37). Supaya Allah memberi balasan kepada mereka dengan balasan yang sebaik-baiknya terhadap amalan-amalan yang telah dilakukan mereka serta menambahkan limpah kurnia-Nya kepada mereka, dan Allah memberi rezeki tanpa hisab kepada siapa sahaja yang dikehendaki-Nya."(38)

Di sana terdapat hubungan ilustrasi di antara pemandangan misykat dengan pemandangan rumah-rumah ibadat mengikut cara penyelarasan Al-Qur'an dalam membentangkan pemandangan-pemandangan yang mempunyai rupa bentuk yang sama atau hampir sama. Di sana juga terdapat hubungan yang seperti ini di antara lampu yang terang benderang di dalam misykat dengan hati yang terang benderang di dalam rumah-rumah ibadat Allah.

Rumah-rumah ibadat itu:

أَذِنَ ٱللَّهُ أَن تُرْفَعَ

"Telah diizinkan Allah supaya ditinggikan kedudukannya"(36)

keizinan Allah merupakan suatu perintah supaya dilaksanakannya. Rumah-rumah ibadat itu tinggi tersergam sebagai rumah-rumah suci yang mulia. Pemandangannya yang tinggi itu selaras dengan cahaya yang bersinar cemerlang di langit dan di bumi dan sifatnya yang tinggi itu selaras dengan sifat cahaya yang terang dan cemerlang. Dengan kedudukannya yang mulia dan tinggi, maka rumah-rumah itu mempunyai persediaan untuk disebutkan nama Allah:

وَيُذْكَرَ فِيهَا ٱسْمُهُۥ

"Dan disebutkan nama Allah"(36)

dan rumah-rumah itu juga secocok dengan hati yang terang dan suci, hati yang sentiasa bertasbih dan takut kepada Allah, hati yang bersembahyang dan memberi zakat itulah hati:

رِجَالٌ لَّا تُلْهِيهِمْ تِجَٰرَةٌ وَلَا بَيْعٌ عَن ذِكْرِ ٱللَّهِ وَإِقَامِ
ٱلصَّلَوٰةِ وَإِيتَآءِ ٱلزَّكَوٰةِ

"... orang-orang yang hati mereka tidak dapat dilalaikan urusan perniagaan dan jual beli dari menyebut nama Allah, mendirikan solat dan mengeluarkan zakat"(37)

Kegiatan perniagaan dan jualbeli ialah untuk menghasilkan pendapatan dan kekayaan. Walaupun mereka sibuk dengan kegiatan itu, namun mereka tidak lalai dari menunaikan hak Allah dalam ibadat solat dan hak manusia di dalam ibadat zakat:

يَخَافُونَ يَوْمًا تَتَقَلَّبُ فِيهِ ٱلْقُلُوبُ وَٱلْأَبْصَٰرُ ﴿٣٧﴾

"Mereka takut kepada hari (Qiamat), dimana seluruh hati dan penglihatan berbalik-balik."(37)

Hati-hati itu terus bergoyang dan berbalik-balik tidak pernah tetap dan tenang kerana malapetaka hari itu terlalu hebat, terlalu sengsara dan huru-hara. Oleh kerana mereka amat takut kepada hari Qiamat, maka hati mereka tidak pernah dilalaikan oleh kesibukan perniagaan dan jualbeli dari menyebut Allah.

لِيَجْزِيَهُمُ ٱللَّهُ أَحْسَنَ مَا عَمِلُوا۟ وَيَزِيدَهُم مِّن
فَضْلِهِۦ ۗ

"Supaya Allah memberi balasan kepada mereka dengan balasan yang sebaik-baiknya terhadap amalan-amalan yang telah dilakukan mereka serta menambahkan limpah kurnia-Nya kepada mereka."(38)

Harapan mereka untuk mendapat limpah kurnia Allah tidak akan kecewa:

وَٱللَّهُ يَرۡزُقُ مَن يَشَآءُ بِغَيۡرِ حِسَابٖ ٣٨

"Dan Allah memberi rezeki tanpa hisab kepada siapa sahaja yang dikehendaki-Nya"(38)

dari limpah kurnia-Nya yang tidak mempunyai sebarang batasan dan sekatan.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 39 - 40)
Amalan-amalan Orang Kafir Laksana Fatamorgana

Sebagai tandingan dari pemandangan nur yang menerangi langit dan bumi, menerangi rumah-rumah ibadat dan menerangi hati ahlul-iman, Al-Qur'an membentangkan satu pemandangan yang lain pula, iaitu pemandangan gelap-gelita, di mana tiada sebarang cahaya dan tiada sebarang keamanan dan pemandangan kerugian yang sia-sia, di mana tiada sebarang kebaikan yang dapat diperolehi. Itulah pemandangan kekafiran yang dihayati oleh orang-orang kafir:

وَٱلَّذِينَ كَفَرُوٓاْ أَعۡمَٰلُهُمۡ كَسَرَابِۭ بِقِيعَةٖ يَحۡسَبُهُ
ٱلظَّمۡـَٔانُ مَآءً حَتَّىٰٓ إِذَا جَآءَهُۥ لَمۡ يَجِدۡهُ شَيۡـٔٗا وَوَجَدَ
ٱللَّهَ عِندَهُۥ فَوَفَّىٰهُ حِسَابَهُۥۗ وَٱللَّهُ سَرِيعُ ٱلۡحِسَابِ ٣٩
أَوۡ كَظُلُمَٰتٖ فِي بَحۡرٖ لُّجِّيّٖ يَغۡشَىٰهُ مَوۡجٞ مِّن فَوۡقِهِۦ مَوۡجٞ
مِّن فَوۡقِهِۦ سَحَابٞۚ ظُلُمَٰتُۢ بَعۡضُهَا فَوۡقَ بَعۡضٍ إِذَآ
أَخۡرَجَ يَدَهُۥ لَمۡ يَكَدۡ يَرَىٰهَاۗ وَمَن لَّمۡ يَجۡعَلِ ٱللَّهُ لَهُۥ
نُورٗا فَمَا لَهُۥ مِن نُّورٍ ٤٠

"Adapun orang-orang yang kafir, maka amalan-amalan mereka laksana bayangan air di padang yang luas. Ia disangkakan air oleh orang yang dahaga, tetapi apabila dia datang mendapatkannya, dia tidak mendapati suatu apa pun, malah dia dapati Allah berada di sisinya, lalu Allah menyelesaikan hisab-Nya dan Allah amat pantas hisab-Nya (39). Atau (amalan mereka) laksana gelap-gelita di lautan yang dalam yang diselubungi gelombang demi gelombang dan di atasnya (dilingkupi) awan, gelap-gelita yang menyelubungi satu sama lain, apabila dia mengeluarkan tangannya, hampir-hampir dia tidak dapat melihatnya, dan barangsiapa yang tidak diberikan Allah nur-Nya, maka tiada lagi sebarang nur yang boleh didapatinya."(40)

Ayat-ayat ini menggambarkan dua pemandangan keadaan dan nasib kesudahan orang-orang kafir yang menarik dan penuh harakat dan hayat.

Dalam pemandangan yang pertama ia menggambarkan amalan-amalan mereka laksana Fatamorgana atau bayangan air di padang yang luas. Ia memancarkan kilatan-kilatan air yang palsu lalu dituju oleh orang yang sedang dahaga dengan harapan mendapat meminum air yang menghilangkan hausnya tanpa mengetahui keadaan yang sebenar yang menunggunya di sana. Kemudian secara mendadak pemandangan itu bergerak dengan pantas, di mana orang yang dahaga dan sedang berjalan menuju ke tempat bayangan air dengan harapan mendapatkan air telah sampai di sana, tetapi malangnya ia tidak mendapat setitis air pun yang boleh menghilangkan hausnya. Ia tiba-tiba dikejutkan oleh satu pemandangan yang membingungkannya, yang tidak terlintas di dalam hatinya, satu pemandangan yang benar-benar mencemas dan melumpuhkan segala anggota dan sendi tulangnya, satu pemandangan yang menyebabkan akalnya terpinga-pinga bebal iaitu:

وَوَجَدَ ٱللَّهَ عِندَهُۥ

"Dia dapati Allah berada di sisinya"(39)

iaitu Allah yang dikufuri dan diingkarinya selama ini, Allah yang ditentang dan dimusuhinya selama ini. Dia dapati Allah sedang menunggunya di sana. Andainya dalam keadaan yang mendadak seperti ini dia bertemu dengan musuhnya dari bangsa manusia sekalipun tentulah pertemuan itu akan mencemas dan menakutkannya kerana dia sama sekali tidak menduga dan bersedia, inikan pula bertemu dengan Allah Yang Maha Gagah dan Perkasa dan Maha Keras Balasan-Nya.

فَوَفَّىٰهُ حِسَابَهُۥۗ

"Lalu Allah menyelesaikan hisab-Nya"(39)

demikianlah hisab itu dilakukan dengan pantas selaras dengan suasana yang mengejut dan mendadak.

وَٱللَّهُ سَرِيعُ ٱلۡحِسَابِ ٣٩

"Dan Allah amat pantas hisab-Nya."(39)

Ini merupakan satu kesimpulan yang selaras dengan pemandangan sepintas lalu yang menakutkan.

Di dalam pemandangan yang kedua dikemukakan gambaran gelap-gelita setelah dikemukakan gambaran kilatan sinar bayangan air yang dusta. Di sini tergambar satu pemandangan yang dahsyat yang menunjukkan kegelapan-kegelapan lautan yang amat dalam, yang diliputi gelombang yang berlapis gelombang dan di atasnya diselubungi awan yang gelap. Gelap-gelita berlapis-lapis hingga apabila seseorang mengeluarkan tangannya di hadapan matanya, ia tidak nampak apa-apa kerana terlalu cemas dan gelap.

Itulah gelap-gelita kekafiran, iaitu gelap kerana terputus dari nur hidayat Allah yang melimpah di alam buana. Itulah gelap-gelita kesesatan, di mana hati tidak dapat melihat alamat-alamat hidayat yang paling dekat. Itulah gelap-gelita ketakutan yang tidak terdapat sebarang keamanan dan kemantapan:

وَمَن لَّمۡ يَجۡعَلِ ٱللَّهُ لَهُۥ نُورٗا فَمَا لَهُۥ مِن نُّورٍ ٤٠

"Dan barangsiapa yang tidak diberikan Allah nur-Nya, maka tiada lagi sebarang nur yang boleh didapatinya."(40)

Nur Allah itu menjadi hidayat di dalam hati manusia. Ia membuka mata hati nurani mereka. Ia menghubungkan fitrah manusia dengan undang-undang Allah di langit dan di bumi, ia mempertemukan fitrah manusia dengan Allah selaku nur langit dan bumi. Oleh sebab itu barangsiapa yang tidak mempunyai hubungan dengan nur hidayat Allah, maka selama-lamanya dia akan berada di dalam kegelapan yang tidak akan terang, akan berada dalam kecemasan dan ketakutan yang tidak akan aman dan akan berada dalam kesesatan yang tidak akan dapat pulang ke pangkal jalan, sedangkan kesudahan amalannya hanya li'la atau Fatamorgana yang kosong, yang membawa kepada kebinasaan dan 'azab keseksaan, kerana tiada amalan yang sebenar tanpa agama dan tiada kebaikan yang sebenar tanpa iman. Sesungguhnya hidayat Allah itulah hidayat yang sebenar dan nur Allah itulah nur yang sebenar.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 41 - 42)
Seluruh Makhluk Bertasbih Kepada Allah

Itulah pemandangan kekafiran, kesesatan dan kegelapan di alam manusia, kemudian diikuti pula dengan pemandangan iman, hidayat dan nur yang menerangi alam buana yang amat luas, pemandangan yang memperlihatkan seluruh alam al-wujud dengan isi dan penghuninya sedang bertasbih kepada Allah, iaitu makhluk manusia dan jin, makhluk malaikat dan bintang-bintang, makhluk yang bernyawa dan yang beku. Seluruh alam al-wujud bersahut-sahutan mengucap tasbih di merata pelosoknya dalam satu pemandangan yang membuat hati nurani yang menghayatinya menggigil dan gementar:

أَلَمۡ تَرَ أَنَّ ٱللَّهَ يُسَبِّحُ لَهُۥ مَن فِي ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَٱلۡأَرۡضِ وَٱلطَّيۡرُ صَٰٓفَّٰتٖۖ كُلّٞ قَدۡ عَلِمَ صَلَاتَهُۥ وَتَسۡبِيحَهُۥۗ وَٱللَّهُ عَلِيمُۢ بِمَا يَفۡعَلُونَ ﴿٤١﴾

"Tidakkah engkau melihat bahawa penghuni langit dan bumi bertasbih kepada-Nya, juga burung-burung yang mengembangkan sayapnya. (Semuanya) masing-masing mengetahui cara solatnya dan tasbihnya dan Allah Maha Mengetahui segala apa yang dilakukan mereka."(41)

Manusia tidak keseorangan di alam buana yang amat luas ini, kerana di sekelilingnya, di kanan kirinya, di atas dan di bawahnya dan di mana sahaja matanya memandang dan khayalnya mengembara di sana terdapat saudara-saudaranya dari makhluk-makhluk Allah yang lain, dan walaupun makhluk-makhluk ini mempunyai berbagai-bagai tabi'at, berbagai-bagai rupa dan bentuk namun seluruh makhluk itu mempunyai titik pertemuan pada Allah. Mereka turut bertawajjuh dan bertasbih memuji Allah:

وَٱللَّهُ عَلِيمُۢ بِمَا يَفۡعَلُونَ ﴿٤١﴾

"Dan Allah Maha Mengetahui segala apa yang dilakukan mereka."(41)

Al-Qur'an menyuruh manusia supaya memandang makhluk-makhluk yang diciptakan Allah di sekelilingnya di langit dan di bumi, iaitu makhluk-makhluk yang sentiasa bertasbih memuji Allah dan bertaqwa kepada-Nya. Al-Qur'an mengarah penglihatan manusia dan hatinya secara khusus supaya memperhatikan pemandangan yang dapat dilihatnya setiap hari, iaitu pemandangan yang selama ini tidak menarik perhatiannya dan menggerakkan hatinya kerana terlalu lumrah melihatnya. Itulah pemandangan burung-burung yang menyusun kakinya ketika terbang di udara bertasbih memuji Allah:

كُلّٞ قَدۡ عَلِمَ صَلَاتَهُۥ وَتَسۡبِيحَهُۥۗ

"(Semuanya) masing-masing mengetahui cara solatnya dan tasbihnya"(41)

hanya manusia sahaja yang lalai dari bertasbih kepada Tuhannya, sedangkan dialah makhluk Allah yang paling layak dengan kegiatan iman, tasbih dan solat.

Seluruh alam buana di dalam pemandangan yang khusyu' ini kelihatan bertawajjuh kepada Allah Penciptanya, sambil bertasbih memuji-Nya dan mendirikan solat-Nya. Dan memang begitulah sifat alam buana pada fitrah semulajadinya dan pada kepatuhannya menjunjung kehendak-kehendak Allah yang dijelmakan di dalam undang-undangnya (alam buana).

Apabila hati manusia telah menjadi halus dan hening, ia dapat menanggap pemandangan ini tersergam di dalam perasaannya seolah-olah ia dapat melihatnya dan dapat mendengar suara alam buana sedang bertasbih kepada Allah, ia dapat merasa bahawa ia sedang ikut serta bersama setiap makhluk di alam buana ini dalam solat dan munajatnya kepada Allah. Demikianlah halnya dengan Nabi Muhammad bin Abdullah s.a.w. apabila beliau berjalan, beliau mendengar suara tasbih anak-anak batu di bawah tapak kakinya. Begitu juga bacaan Nabi Daud a.s. diikuti oleh gunung-ganang dan burung apabila beliau membaca kitab Zaburnya.

وَلِلَّهِ مُلۡكُ ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَٱلۡأَرۡضِۖ وَإِلَى ٱللَّهِ ٱلۡمَصِيرُ ﴿٤٢﴾

"Allah memiliki kerajaan langit dan bumi dan kepada Allah kembalinya (seluruh makhluk)."(42)

Oleh itu tiada hala lain yang dituju melainkan kepada Allah, dan tiada tempat perlindungan yang lain melainkan hanya pada Allah, tiada jalan lari dari bertemu dengan Allah, tiada suatu yang dapat

melindungkan seseorang dari balasan Allah dan hanya kepada Allah kembalinya seluruh makhluk.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat 43)

Ada satu lagi pemandangan dari pemandangan-pemandangan alam buana yang dilalui manusia dengan hati yang lalai, sedangkan pemandangan itu memberi keni'matan kepada mata dan memberi pengajaran kepada hati. Pemandangan itu juga merupakan satu bidang untuk meneliti ciptaan dan tanda-tanda kekuasaan Allah, juga untuk mendapatkan dalil-dalil nur, hidayat dan iman:

أَلَمْ تَرَ أَنَّ ٱللَّهَ يُزْجِى سَحَابًا ثُمَّ يُؤَلِّفُ بَيْنَهُۥ ثُمَّ يَجْعَلُهُۥ
رُكَامًا فَتَرَى ٱلْوَدْقَ يَخْرُجُ مِنْ خِلَٰلِهِۦ وَيُنَزِّلُ مِنَ ٱلسَّمَآءِ
مِن جِبَالٍ فِيهَا مِنۢ بَرَدٍ فَيُصِيبُ بِهِۦ مَن يَشَآءُ وَيَصْرِفُهُۥ عَن
مَّن يَشَآءُ ۖ يَكَادُ سَنَا بَرْقِهِۦ يَذْهَبُ بِٱلْأَبْصَٰرِ ﴿٤٣﴾

"Tidakkah engkau melihat bahawa Allah menggerakkan awan kemudian dia mengumpulkan di antara (tompokan-tompokannya) kemudian dia jadikannya berlapis-lapisan dan (di sana) engkau melihat hujan keluar dari celah-celahnya, dan dia menurunkan hujan beku dari langit iaitu dari gunung-gunung (awan) yang ada padanya lalu Dia menimpakannya ke atas sesiapa sahaja yang dikehendaki-Nya dan menghindarkannya dari siapa sahaja yang dikehendaki-Nya. Pancaran kilat-Nya hampir-hampir menghilangkan penglihatan."(43)

Pergerakan Awan Yang Membawa Hujan

Pemandangan ini ditayangkan dengan perlahan dan panjang, di mana bahagian-bahagiannya ditinggalkan untuk perhatian manusia sebelum bahagian-bahagian itu bertemu dan berkumpul supaya semuanya dapat memenuhi tujuan dari penayangannya, iaitu untuk menyentuh dan menggerakkan hati supaya memberi perhatian dan mengambil pengajaran dan seterusnya supaya memikirkan hikmat ciptaan Allah di sebaliknya.

Qudrat Allah menggerakkan awan dan menolaknya dari satu tempat ke satu tempat yang lain, kemudian ia mencantum dan mengumpulkan tompokan-tompokan awan itu untuk menjadikannya berlonggok-longgok dan berlapis-lapisan dan apabila awan itu tebal dan memberat, maka keluarlah air darinya dan turunlah hujan yang lebat. Tompokan awan itu kelihatan seperti gunung-gunung yang besar dan tebal dan di dalamnya terdapat kepingan-kepingan air beku yang kecil. Pemandangan awan yang seperti gunung-ganang itu tidak benar-benar kelihatan melainkan kepada penumpang-penumpang kapalterbang yang terbang di atas awan atau di celah-celahnya. Di sanalah pemandangan itu benar-benar seperti pemandangan gunung-ganang dan bukit-bukau dari segi besar kecilnya dan tinggi rendahnya. Itulah satu pengungkapan yang menggambarkan hakikat yang sebenar yang tidak dapat dilihat manusia melainkan sesudah mereka dapat naik ke angkasa dengan kapalterbang.

Gunung-ganang awan ini sentiasa tunduk kepada perintah Allah mengikut undang-undang-Nya yang mengendalikan alam buana ini. Mengikut peraturan undang-undang inilah Allah mencurahkan air hujan kepada siapa sahaja yang dikehendaki-Nya dan menghindarkannya dari sesiapa sahaja yang dikehendaki-Nya. Kemudian pemandangan yang amat hebat ini disempurnakan pula dengan sebuah kenyataan:

يَكَادُ سَنَا بَرْقِهِۦ يَذْهَبُ بِٱلْأَبْصَٰرِ ﴿٤٣﴾

"Pancaran kilat-Nya hampir-hampir menghilangkan penglihatan"(43)

supaya selaras dengan suasana nur yang agung yang menerangi alam buana yang lebar mengikut cara pengimbangan dalam penggambaran Al-Qur'an.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat 44)

Kemudian ditayangkan pula satu pemandangan alam buana yang ketiga iaitu pemandangan malam dan siang:

يُقَلِّبُ ٱللَّهُ ٱلَّيْلَ وَٱلنَّهَارَ ۚ إِنَّ فِى ذَٰلِكَ لَعِبْرَةً لِّأُو۟لِى
ٱلْأَبْصَٰرِ ﴿٤٤﴾

"Allah menukarkan malam dan siang sesungguhnya pertukaran itu memberi pengajaran kepada orang yang mempunyai mata hati yang melihat."(44)

Mengapa Pemandangan Pertukaran Malam Dan Siang Menjadi Hambar

Memikirkan hikmat pertukaran malam dan siang yang berlangsung mengikut satu peraturan yang tidak pernah mungkir itu menimbulkan dalam hati perasaan peka dan keinginan untuk memikirkan undang-undang Allah yang mengendalikan alam buana ini di samping memikirkan ciptaan Allah. Al-Qur'an menarik hati manusia kepada pemandangan ini, iaitu pemandangan yang telah hilang pengaruh keberkesanannya kerana terlalu lumrah dilihat dengan tujuan supaya hati mereka menghadapi alam buana ini selama-lamanya dengan perasaan dan emosi yang baru. Kejadian malam dan siang yang mengkagumkan itu amatlah mengasyikkan hati manusia ketika dia mengamatinya pada kali yang pertama dan ke'ajaiban malam dan siang tetap seperti itu juga tidak pernah berubah, hanya hati manusia sahaja yang berkarat dan hambar hingga tidak lagi berdebar melihatnya. Berapa banyak kita kehilangan hidup kita dan berapa banyak kita kerugian keindahan alam buana ini apabila kita melihat gejala pertukaran malam dan siang ini dengan hati yang lalai, sedangkan gejala-gejala telah mengasyikkan

perasaan kita sewaktu kita baru melihatnya atau sewaktu perasaan kita sentiasa segar dan baru.

Al-Qur'an membarui perasaan kita yang mati, menggerakkan pancaindera kita yang jemu dan bosan dan merangsangkan hati kita yang tumpul supaya kita sentiasa menjelajahi alam buana ini sebagaimana kita telah menjelajahinya pada kali yang pertama. Di sana kita berhenti di hadapan setiap gejala alam dan memperhatikannya dengan penuh minat dan menanyakan rahsia dan tarikan yang tersembunyi di sebaliknya. Di sana kita memperhatikan bagaimana Qudrat Allah memperlihatkan tindakan-Nya pada setiap kejadian yang terdapat di sekeliling kita. Di sana kita memikirkan hikmat ciptaan-Nya dan mengambil pengajaran dari bukti-bukti kekuasaan-Nya yang bertaburan di merata pelosok alam.

Allah S.W.T. mahu melimpahkan kurnia-Nya kepada kita dengan memberikan alam buana ini sekali lagi kepada kita apabila kita melihat salah satu dari gejala-gejalanya dan dengan itu kita dapat meni'matinya kembali seolah-olah kita melihatnya bagi kali yang pertama. Ini bererti kita dapat meni'mati keindahan alam buana berkali-kali tanpa terkira dan pada setiap kali kita melihatnya seolah-olah kita dikurniakan semula alam buana ini dan kita dapat meni'mati semula keindahannya.

Alam buana ini amat indah, gemilang dan permai. Fitrah semulajadi kita secocok dengan fitrah semulajadinya, iaitu ia diambil dari sumber yang sama yang diambil oleh fitrah kita. Ia ditegakkan di atas undang-undang yang sama yang menjadi tapak tegaknya fitrah kita. Oleh sebab itulah perhubungan hati kita dengan hati alam buana memberikan kemesraan dan ketenteraman kepada kita. Ia memberikan ikatan yang rapat, perkenalan yang mesra dan rasa gembira yang sama dengan perasaan gembira yang dirasai oleh orang yang bertemu dengan kerabat yang selama ini menghilangkan diri atau tidak ternampak.

Di sanalah kita menemui nur Allah, kerana Allah adalah nur langit dan bumi, kita dapat menemui nur Allah di merata pelosok alam dan di dalam diri kita tepat pada sa'at kita sedang melihat alam buana dengan perasaan yang sedar, dengan hati yang terbuka dan dengan pemerhatian yang menyampaikan kita kepada hakikat tadbir Ilahi.

Oleh sebab itulah Al-Qur'an menggerakkan kita sekali demi sekali dan menarik hati dan jiwa kita menonton berbagai-bagai pemandangan alam buana yang indah dan permai supaya kita tidak melaluinya dengan hati yang lalai dan mata yang tertutup hingga menyebabkan kita kelak keluar dari penjelajahan hidup di muka bumi ini tanpa suatu hasil atau keluar dengan hasil yang amat sedikit dan kecil.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat 45)

Al-Qur'an terus menayangkan pemandangan-pemandangan alam buana dan menggerakkan kita supaya memperhati dan menelitinya. (Dalam ayat berikut) ia menayangkan kisah kelahiran makhluk yang hidup yang diciptakan Allah dari asal yang sama dan tabi'at yang sama kemudian berpecah kepada berbagai-bagai jenis di samping mempunyai persamaan asal kelahiran dan tabi'at itu:

وَٱللَّهُ خَلَقَ كُلَّ دَآبَّةٍ مِّن مَّآءٍ ۖ فَمِنْهُم مَّن يَمْشِى عَلَىٰ بَطْنِهِۦ
وَمِنْهُم مَّن يَمْشِى عَلَىٰ رِجْلَيْنِ وَمِنْهُم مَّن يَمْشِى عَلَىٰٓ أَرْبَعٍ ۚ
يَخْلُقُ ٱللَّهُ مَا يَشَآءُ ۚ إِنَّ ٱللَّهَ عَلَىٰ كُلِّ شَىْءٍ قَدِيرٌ ﴿٤٥﴾

"Dan Allah telah menciptakan segala binatang itu dari air. Di antaranya ada yang berjalan di atas perutnya. Di antaranya pula ada yang berjalan di atas dua kaki dan di antaranya lagi ada yang berjalan di atas empat kaki. Allah mencipta apa sahaja yang dikehendaki-Nya. Sesungguhnya Allah Maha Berkuasa di atas segala sesuatu."(45)

Seluruh Makhluk Yang Hidup Di Bumi Lahir Dari Air

Inilah satu hakikat agung yang diterangkan oleh Al-Qur'an dengan cara yang begini mudah, iaitu hakikat bahawa setiap makhluk yang bernyawa itu adalah diciptakan dari air. Ayat ini mungkin bermaksud menjelaskan tentang persamaan unsur asasi dalam struktur kejadian seluruh makhluk yang bernyawa, iaitu semuanya bermula dari unsur air dan mungkin pula ayat ini bermaksud menerangkan seperti yang mahu ditegakkan oleh pendapat dari hasil kajian sains moden bahawa makhluk yang bernyawa itu adalah keluar dari laut atau pada mulanya terjadi di dalam air kemudian barulah berpecah kepada berbagai-bagai jenis.

Tetapi kita tetap berpegang dengan cara kita, iaitu kita tidak mahu menggantungkan hakikat-hakikat yang thabit yang diterangkan Al-Qur'an itu di atas pendapat teori-teori 'ilmiyah yang masih boleh menerima pindaan dan perubahan. Kita tidak mahu menambah apa-apa terhadap hakikat yang dibayangkan Al-Qur'an itu. Kita hanya berpada dengan menegakkan hakikat yang diterangkan Al-Qur'an itu iaitu Allah telah menciptakan seluruh makhluk yang hidup itu dari air. Semuanya dari asal-usul yang sama kemudian berpecah kepada berbagai-bagai jenis dan rupa bentuk seperti yang disaksikan oleh mata kita. Di antaranya ialah jenis-jenis haiwan yang merangkak di atas perutnya, di antaranya ialah jenis-jenis haiwan yang berjalan di atas dua kaki seperti manusia dan burung dan di antaranya ialah jenis-jenis haiwan yang berjalan di atas empat kaki. Semua makhluk ini adalah diciptakan mengikut undang-undang dan kehendak Allah belaka, bukannya terjadi secara mendadak atau secara kebetulan:

يَخۡلُقُ ٱللَّهُ مَا يَشَآءُۚ

"Allah mencipta apa sahaja yang dikehendakinya"(45)

tanpa terikat dengan sesuatu rupa bentuk. Seluruh undang-undang dan peraturan yang berkuatkuasa di alam buana ini adalah dikehendaki dan diluluskan oleh masyi'ah Allah yang bebas:

إِنَّ ٱللَّهَ عَلَىٰ كُلِّ شَيۡءٖ قَدِيرٞ ٤٥

"Sesungguhnya Allah Maha Berkuasa di atas segala sesuatu."(45)

Tiada Makhluk Yang Terjadi Secara Mendadak Atau Secara Kebetulan

Wujudnya makhluk-makhluk hidup yang berbagai-bagai bentuk rupa, berbagai-bagai jenis dan bangsa dan berbagai paras dan warna kulit, dan semuanya dari asal-usul yang sama menyarankan adanya tadbir dan kehendak Ilahi yang mengaturkannya dengan sengaja dan menafikan konsep bahawa makhluk-makhluk itu adalah terjadi secara mendadak dan secara kebetulan. Apakah ertinya makhluk itu terjadi secara mendadak, sedangkan kejadiannya membuktikan adanya perancangan dan pentadbiran yang rapi? Apakah ertinya makhluk itu terjadi secara kebetulan, sedangkan kejadiannya membuktikan adanya penyusunan dan penentuan yang halus? Malah semuanya adalah dari ciptaan Allah Yang Maha Perkasa dan Maha Bijaksana yang telah memberi kepada setiap makhluk itu sifat-sifat yang sesuai dengannya kemudian Dia memberi hidayat (yang dapat memandu kehidupan masing-masing).

(Kumpulan ayat-ayat 46 - 57)

لَّقَدۡ أَنزَلۡنَآ ءَايَٰتٖ مُّبَيِّنَٰتٖۚ وَٱللَّهُ يَهۡدِي مَن يَشَآءُ
إِلَىٰ صِرَٰطٖ مُّسۡتَقِيمٖ ٤٦
وَيَقُولُونَ ءَامَنَّا بِٱللَّهِ وَبِٱلرَّسُولِ وَأَطَعۡنَا ثُمَّ يَتَوَلَّىٰ
فَرِيقٞ مِّنۡهُم مِّنۢ بَعۡدِ ذَٰلِكَۚ وَمَآ أُوْلَٰٓئِكَ بِٱلۡمُؤۡمِنِينَ ٤٧
وَإِذَا دُعُوٓاْ إِلَى ٱللَّهِ وَرَسُولِهِۦ لِيَحۡكُمَ بَيۡنَهُمۡ إِذَا فَرِيقٞ
مِّنۡهُم مُّعۡرِضُونَ ٤٨
وَإِن يَكُن لَّهُمُ ٱلۡحَقُّ يَأۡتُوٓاْ إِلَيۡهِ مُذۡعِنِينَ ٤٩
أَفِي قُلُوبِهِم مَّرَضٌ أَمِ ٱرۡتَابُوٓاْ أَمۡ يَخَافُونَ أَن يَحِيفَ ٱللَّهُ
عَلَيۡهِمۡ وَرَسُولُهُۥۚ بَلۡ أُوْلَٰٓئِكَ هُمُ ٱلظَّٰلِمُونَ ٥٠
إِنَّمَا كَانَ قَوۡلَ ٱلۡمُؤۡمِنِينَ إِذَا دُعُوٓاْ إِلَى ٱللَّهِ وَرَسُولِهِۦ
لِيَحۡكُمَ بَيۡنَهُمۡ أَن يَقُولُواْ سَمِعۡنَا وَأَطَعۡنَاۚ وَأُوْلَٰٓئِكَ
هُمُ ٱلۡمُفۡلِحُونَ ٥١
وَمَن يُطِعِ ٱللَّهَ وَرَسُولَهُۥ وَيَخۡشَ ٱللَّهَ وَيَتَّقۡهِ فَأُوْلَٰٓئِكَ
هُمُ ٱلۡفَآئِزُونَ ٥٢
وَأَقۡسَمُواْ بِٱللَّهِ جَهۡدَ أَيۡمَٰنِهِمۡ لَئِنۡ أَمَرۡتَهُمۡ لَيَخۡرُجُنَّۖ
قُل لَّا تُقۡسِمُواْۖ طَاعَةٞ مَّعۡرُوفَةٌۚ إِنَّ ٱللَّهَ خَبِيرُۢ بِمَا
تَعۡمَلُونَ ٥٣
قُلۡ أَطِيعُواْ ٱللَّهَ وَأَطِيعُواْ ٱلرَّسُولَۖ فَإِن تَوَلَّوۡاْ فَإِنَّمَا عَلَيۡهِ
مَا حُمِّلَ وَعَلَيۡكُم مَّا حُمِّلۡتُمۡۖ وَإِن تُطِيعُوهُ تَهۡتَدُواْۚ
وَمَا عَلَى ٱلرَّسُولِ إِلَّا ٱلۡبَلَٰغُ ٱلۡمُبِينُ ٥٤
وَعَدَ ٱللَّهُ ٱلَّذِينَ ءَامَنُواْ مِنكُمۡ وَعَمِلُواْ ٱلصَّٰلِحَٰتِ
لَيَسۡتَخۡلِفَنَّهُمۡ فِي ٱلۡأَرۡضِ كَمَا ٱسۡتَخۡلَفَ
ٱلَّذِينَ مِن قَبۡلِهِمۡ وَلَيُمَكِّنَنَّ لَهُمۡ دِينَهُمُ ٱلَّذِي
ٱرۡتَضَىٰ لَهُمۡ وَلَيُبَدِّلَنَّهُم مِّنۢ بَعۡدِ خَوۡفِهِمۡ أَمۡنٗاۚ
يَعۡبُدُونَنِي لَا يُشۡرِكُونَ بِي شَيۡـٔٗاۚ وَمَن كَفَرَ بَعۡدَ ذَٰلِكَ
فَأُوْلَٰٓئِكَ هُمُ ٱلۡفَٰسِقُونَ ٥٥
وَأَقِيمُواْ ٱلصَّلَوٰةَ وَءَاتُواْ ٱلزَّكَوٰةَ وَأَطِيعُواْ ٱلرَّسُولَ
لَعَلَّكُمۡ تُرۡحَمُونَ ٥٦
لَا تَحۡسَبَنَّ ٱلَّذِينَ كَفَرُواْ مُعۡجِزِينَ فِي ٱلۡأَرۡضِۚ
وَمَأۡوَىٰهُمُ ٱلنَّارُۖ وَلَبِئۡسَ ٱلۡمَصِيرُ ٥٧

"Sesungguhnya Kami telah menurunkan ayat-ayat yang memberi penerangan-penerangan yang jelas dan Allah memberi hidayat ke jalan yang lurus kepada siapa sahaja yang dikehendaki-Nya (46). Dan mereka (kaum Munafiqin) berkata: Kami beriman kepada Allah dan Rasul dan kami menta'ati (keduanya), kemudian segolongan dari mereka berpaling sesudah (pengakuan) itu dan sebenarnya mereka bukanlah orang-orang yang beriman (47). Dan apabila mereka diseru kepada Allah dan Rasul-Nya supaya menjadi hakim mengadili di antara mereka, tiba-tiba segolongan dari mereka enggan (datang kepadanya) (48). Dan jika mereka

memperolehi hak (dalam pengadilan itu) mereka akan datang kepadanya dengan patuh (49). Apakah dalam hati mereka ada penyakit atau apakah mereka ragu-ragu atau takut Allah dan Rasul-Nya berlaku zalim terhadap mereka, malah sebenarnya merekalah orang-orang yang zalim? (50) Sebenarnya jawapan orang-orang yang beriman apabila mereka diseru kepada Allah dan Rasul-Nya supaya menjadi hakim mengadili di antara mereka ialah mereka menjawab: Kami mendengar dan kami patuh, merekalah orang-orang yang mendapat keberuntungan (51). Dan barangsiapa yang menta'ati Allah dan Rasul-Nya, serta takut dan bertaqwa kepada Allah, maka merekalah orang-orang yang mendapat kejayaan (52). Dan mereka telah bersumpah dengan nama Allah sekuat-kuat sumpah jika engkau menyuruh mereka (keluar berperang) nescaya mereka pasti keluar. Katakanlah: Tak usahlah kamu bersumpah (kerana keta'atan kamu adalah) suatu keta'atan yang terkenal. Sesungguhnya Allah Maha Mendalam ilmu-Nya terhadap apa sahaja yang dilakukan kamu (53). Katakanlah: Ta'atilah Allah dan ta'atilah Rasul, dan andainya mereka berpaling, maka tanggungjawab Rasul ialah kewajipan yang ditugaskan kepadanya dan tanggungjawab kamu ialah kewajipan yang ditugaskan kepada kamu. Dan jika kamu menta'atinya, nescaya kamu akan mendapat hidayat dan tiada tanggungjawab Rasul melainkan hanya menyampaikan perintah dengan penerangan yang jelas (54). Allah telah menjanjikan orang-orang yang beriman dari kamu dan mengerjakan amalan yang soleh bahawa Dia akan melantikkan mereka menjadi khalifah di bumi ini sebagaimana Dia telah melantikkan orang-orang sebelum mereka menjadi khalifah dan Dia akan memberi kedudukan yang teguh kepada agama mereka yang diredhai-Nya dan akan menggantikan keamanan kepada mereka setelah mereka berada di dalam ketakutan. Mereka beribadat kepada-Ku tanpa mempersekutukan-Ku dengan sesuatu yang lain. Dan barangsiapa yang kafir selepas (penganugerahan ni'mat-ni'mat) itu, maka merekalah orang-orang yang fasiq (55). Dan dirikanlah solat dan keluarkanlah zakat dan ta'atilah Rasul supaya kamu dilimpahkan rahmat (Allah) (56). Janganlah engkau mengira orang-orang yang kafir itu dapat melemahkan kekuasaan Allah di bumi ini. Tempat kediaman mereka ialah Neraka dan itulah seburuk-buruk tempat kediaman."(57)

Setelah selesai melakukan penjelajahan yang besar di alam nur dan di dalam pemandangan-pemandangan alam buana yang amat luas, ayat-ayat surah ini kembali semula kepada maudhu' pokoknya, iaitu maudhu' peradaban yang menjadi asas pendidikan Al-Qur'an untuk mendidik masyarakat Islam supaya hati mereka bersih dan bercahaya dan dapat berhubung dengan nur Allah yang menerangi langit dan bumi itu.

Di dalam pelajaran yang telah lalu ayat-ayat surah ini telah memperkatakan tentang golongan orang-orang yang tidak dapat dilalaikan hati mereka oleh kegiatan perniagaan dan jualbeli dari mengingati Allah, mendirikan solat dan menunaikan zakat, juga memperkatakan tentang orang-orang kafir, amalan-amalan dan nasib kesudahan mereka serta kegelapan kekufuran mereka yang menyelubungi mereka berlapis-lapisan.

Sekarang di dalam pelajaran ini ia memperkatakan tentang orang-orang Munafiqin yang tidak mengambil manfa'at dan panduan dari ayat-ayat Al-Qur'an yang memberi penerangan yang amat jelas itu. Mereka berpura-pura Islam pada zahirnya, tetapi mereka tidak mengikut peradaban orang-orang Mu'minin yang menta'ati Rasulullah s.a.w. dan rela menjunjung hukuman dan keputusan beliau serta yakin kepadanya sambil membandingkan di antara mereka dengan orang-orang yang beriman dengan sebenar. Merekalah orang-orang yang dijanjikan Allah untuk melantikkan mereka menjadi khalifah di bumi ini, mengukuhkan kedudukan agama mereka dan mengurniakan keamanan hidup kepada mereka sebagai balasan terhadap adab sopan mereka kepada Allah dan Rasul-Nya walaupun mereka ditentang oleh orang-orang kafir. Sesungguhnya orang-orang kafir itu tidak dapat melemahkan Allah di bumi ini dan tempat kediaman mereka kelak ialah Neraka seburuk-buruk tempat kembali.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 46 - 54)

لَّقَدْ أَنزَلْنَآ ءَايَٰتٍ مُّبَيِّنَٰتٍ ۚ وَٱللَّهُ يَهْدِى مَن يَشَآءُ إِلَىٰ صِرَٰطٍ مُّسْتَقِيمٍ ﴿٤٦﴾

"Sesungguhnya Kami telah menurunkan ayat-ayat yang memberi penerangan-penerangan yang jelas dan Allah memberi hidayat ke jalan yang lurus kepada siapa sahaja yang dikehendaki-Nya."(46)

Memanglah ayat-ayat Al-Qur'an itu merupakan ayat-ayat yang amat jelas penerangannya. Ia memperlihatkan nur Allah, mendedahkan sumber-sumber hidayat-Nya, menentukan kebaikan dan kejahatan sama ada yang elok atau yang buruk dan menerangkan sistem hidup Islam dengan sempurna dan halus tanpa apa-apa kekeliruan dan kesamaran lagi. Seterusnya ia menggariskan hukum-hukum Allah di dunia ini dengan jelas tanpa sebarang kekeliruan dan kekaburan. Apabila manusia berhakimkan hukum-hukum Allah, maka bererti mereka berhakimkan kepada satu syari'at yang amat jelas dan betul, di mana ampunya hak tidak merasa bimbang terhadap haknya, dan di mana yang benar tidak akan dikeliru dengan yang batil dan yang halal tidak akan dikeliru dengan yang haram.

وَٱللَّهُ يَهْدِى مَن يَشَآءُ إِلَىٰ صِرَٰطٍ مُّسْتَقِيمٍ ﴿٤٦﴾

"Dan Allah memberi hidayat ke jalan yang lurus kepada sesiapa sahaja yang dikehendaki-Nya."(46)

Kehendak masyi'ah Allah adalah bebas tidak terikat dengan sesuatu ikatan, tetapi Allah S.W.T. telah menjadikan hidayat itu mempunyai jalannya yang tersendiri. Sesiapa yang membawa dirinya ke jalan itu, di sana dia akan menemui hidayat dan nur Allah dan di sanalah dia dapat berhubung dengan Allah dan dapat berjalan di atas jalan yang betul sehingga sampai ke matlamatnya dengan kehendak masyi'ah

Allah, dan sesiapa yang menyeleweng dan berpaling dari jalan itu bererti dia akan kehilangan nur yang terang dan memasuki jalan yang sesat mengikut undang-undang Allah yang berkaitan dengan hidayat dan kesatuan.

Walaupun ayat-ayat Al-Qur'an itu begitu jelas dan terang, namun terdapat juga segolongan manusia Munafiq yang berpura-pura menganut Islam tetapi tidak mengikut peradaban-peradaban Islam:

وَيَقُولُونَ ءَامَنَّا بِٱللَّهِ وَبِٱلرَّسُولِ وَأَطَعْنَا ثُمَّ يَتَوَلَّىٰ
فَرِيقٌ مِّنْهُم مِّنۢ بَعْدِ ذَٰلِكَ ۚ وَمَآ أُو۟لَٰٓئِكَ بِٱلْمُؤْمِنِينَ ﴿٤٧﴾
وَإِذَا دُعُوٓا۟ إِلَى ٱللَّهِ وَرَسُولِهِۦ لِيَحْكُمَ بَيْنَهُمْ إِذَا فَرِيقٌ
مِّنْهُم مُّعْرِضُونَ ﴿٤٨﴾
وَإِن يَكُن لَّهُمُ ٱلْحَقُّ يَأْتُوٓا۟ إِلَيْهِ مُذْعِنِينَ ﴿٤٩﴾
أَفِى قُلُوبِهِم مَّرَضٌ أَمِ ٱرْتَابُوٓا۟ أَمْ يَخَافُونَ أَن يَحِيفَ ٱللَّهُ
عَلَيْهِمْ وَرَسُولُهُۥ ۚ بَلْ أُو۟لَٰٓئِكَ هُمُ ٱلظَّٰلِمُونَ ﴿٥٠﴾

"Dan mereka (kaum Munafiqin) berkata: Kami beriman kepada Allah dan Rasul dan kami menta'ati (keduanya), kemudian segolongan dari mereka berpaling sesudah (pengakuan) itu dan sebenarnya mereka bukanlah orang-orang yang beriman (47). Dan apabila mereka diseru kepada Allah dan Rasul-Nya supaya menjadi hakim mengadili di antara mereka, tiba-tiba segolongan dari mereka enggan (datang kepadanya) (48). Dan jika mereka memperolehi hak (dalam pengadilan itu) mereka akan datang kepadanya dengan patuh (49). Apakah dalam hati mereka ada penyakit atau apakah mereka ragu-ragu atau takut Allah dan Rasul-Nya berlaku zalim terhadap mereka, malah sebenarnya merekalah orang-orang yang zalim? "(50)

Apabila iman yang sebenar itu terpacak di dalam hati seseorang, maka kesan-kesannya akan dapat dilihat pada tingkahlakunya, kerana Islam itu suatu 'aqidah yang bergerak cergas dan dinamis bukannya kaku beku dan negatif. Sebaik sahaja ia bertapak kukuh di alam perasaan ia terus bergerak menunjukkan buktinya di alam luar, ia terus menterjemahkan dirinya kepada gerakan dan tindakan di alam kenyataan.

Sikap Kaum Munafiqin Di Setiap Zaman

Sistem pendidikan Islam yang jelas adalah ditegakkan di atas asas menyalurkan kesedaran batin yang menjunjung 'aqidah dan peradaban-peradabannya itu kepada harakat tingkahlaku di alam kenyataan dan mengubahkan harakat ini menjadi adat kebiasaan yang tetap atau menjadi undang-undang, di samping menghidupkan dorongan perasaan kesedaran yang pertama itu pada setiap harakat supaya harakat itu hidup dan bersambung dengan sumbernya yang asal.

Orang-orang Munafiqin itu berkata:

ءَامَنَّا بِٱللَّهِ وَبِٱلرَّسُولِ وَأَطَعْنَا

"Kami beriman kepada Allah dan Rasul dan kami men-ta'ati kedua-duanya"(47)

mereka ucapkan kata-kata ini dengan mulut mereka, tetapi bukti pengakuan ini tidak ternyata di dalam tingkahlaku mereka. Sikap mereka menolak dan berpaling tadah. Perbuatan mereka membohongi perkataan yang dihamburkan lidah mereka:

وَمَآ أُو۟لَٰٓئِكَ بِٱلْمُؤْمِنِينَ ﴿٤٧﴾

"Sebenarnya mereka bukanlah orang-orang yang beriman."(47)

Kerana orang-orang yang beriman perbuatan mereka sama dengan perkataan mereka. Iman itu bukanlah barang mainan yang dapat dipermain-mainkan oleh seseorang kemudian melemparkannya dan terus berlalu begitu sahaja, malah iman itu ialah suatu penentuan sikap di dalam jiwa, suatu pendapan kesan di dalam hati dan suatu tindakan di alam kenyataan. Kemudian dia itu tidak akan berpatah balik dari iman itu setelah hakikatnya tertanam kukuh di dalam hatinya.

Orang-orang Munafiqin yang mendakwa beriman itu tidak dapat menunjukkan buktinya apabila mereka diajak supaya mereka berhakimkan Rasulullah s.a.w. mengikut syari'at Allah yang dibawa oleh-Nya:

وَإِذَا دُعُوٓا۟ إِلَى ٱللَّهِ وَرَسُولِهِۦ لِيَحْكُمَ بَيْنَهُمْ إِذَا فَرِيقٌ
مِّنْهُم مُّعْرِضُونَ ﴿٤٨﴾
وَإِن يَكُن لَّهُمُ ٱلْحَقُّ يَأْتُوٓا۟ إِلَيْهِ مُذْعِنِينَ ﴿٤٩﴾

"Dan apabila mereka diseru kepada Allah dan Rasul-Nya supaya menjadi hakim mengadili di antara mereka, tiba-tiba segolongan dari mereka enggan (datang kepadanya) (48). Dan jika mereka memperolehi hak (dalam pengadilan itu) mereka akan datang kepadanya dengan patuh."(49)

Mereka memang tahu bahawa hukum Allah dan Rasul-Nya tidak pernah menyeleweng dari kebenaran, tidak pernah melencong dibawa hawa nafsu dan tidak pernah terpengaruh kepada perasaan pilih kasih dan menolak musuh, tetapi golongan Munafiqin sebenarnya tidak inginkan kebenaran dan keadilan. Oleh sebab itulah mereka menolak dari berhakimkan Rasulullah s.a.w. Mereka enggan datang berhakimkannya. Tetapi andainya mereka merupakan pihak yang berhak di dalam mana-mana kes, mereka akan datang dengan segera berhakimkan Rasulullah s.a.w., mereka akan menerima keputusan beliau dengan penuh rela dan patuh, kerana mereka yakin bahawa beliau akan membuat keputusan menyerahkan hak mereka kepada mereka mengikut

peraturan syari'at Allah yang tidak pernah menzalimi dan mengurangkan apa sahaja hak.

Golongan yang mendakwa beriman kemudian bertindak dengan kelakuan yang menyeleweng itu merupakan contoh golongan Munafiqin yang wujud di setiap zaman dan tempat. Golongan Munafiqin memang tidak berani menyatakan kekafiran mereka dengan kata-kata yang terus terang. Oleh sebab itulah mereka berpura-pura menganut agama Islam, tetapi mereka tidak rela diadili dan dihukumkan dengan syari'at atau undang-undang Islam. Kerana itu apabila mereka diseru supaya berhakimkan kepada hukum Allah dan Rasul-Nya, mereka enggan dan menolak dengan mengemukakan berbagai-bagai alasan dan dalihan:

وَمَآ أُوْلَٰٓئِكَ بِٱلْمُؤْمِنِينَ ﴿٤٧﴾

"Sebenarnya mereka bukanlah orang-orang yang beriman."(47)

Kerana keimanan mereka tidak betul apabila mereka enggan menerima hukum Allah dan Rasul-Nya. Kecuali mereka mempunyai sesuatu kepentingan barulah mereka rela berhakimkan kepada syari'at atau undang-undang Islam.

Kerelaan menerima hukum Allah dan Rasul-Nya itu menjadi bukti keimanan yang sebenar. Itulah tanda yang membayangkan bahawa hakikat keimanan itu telah tertanam di dalam hati seseorang. Kepatuhan menjunjung hukum Allah dan Rasul-Nya itu merupakan satu peradaban yang wajib (dari setiap Mu'min) terhadap Allah dan Rasulullah. Tiada yang menolak hukum Allah dan Rasul-Nya melainkan mereka yang biadab, yang tidak menjunjung adab sopan Islam dan mempunyai hati yang gelap, yang tidak bersuluhkan nur iman. Oleh sebab itulah Al-Qur'an mengulas perbuatan mereka dengan mengemukakan pertanyaan-pertanyaan yang membuktikan adanya penyakit di dalam hati mereka dan memperlihatkan kehairanan terhadap keraguan mereka serta mencela tindak-tanduk mereka yang aneh:

أَفِي قُلُوبِهِم مَّرَضٌ أَمِ ٱرْتَابُوٓا۟ أَمْ يَخَافُونَ أَن يَحِيفَ ٱللَّهُ
عَلَيْهِمْ وَرَسُولُهُۥ ۚ بَلْ أُو۟لَٰٓئِكَ هُمُ ٱلظَّٰلِمُونَ ﴿٥٠﴾

"Apakah dalam hati mereka ada penyakit atau apakah mereka ragu-ragu atau takut Allah dan Rasul-Nya berlaku zalim terhadap mereka?"(50)

Pertanyaan yang pertama untuk membuktikan adanya penyakit di dalam hati mereka, kerana penyakit dalam hati inilah yang wajar melahirkan kesan tindak-tanduk yang seperti itu. Manusia yang mempunyai fitrah yang sihat tidak akan menyeleweng seperti ini, malah adanya penyakit hati inilah yang membuat fitrahnya menyeleweng dari jalan yang lurus dan tidak dapat mencapai hakikat keimanan dan tidak dapat berjalan di atas jalannya yang lurus.

Pertanyaan yang kedua untuk menyatakan kehairanan iaitu apakah mereka meragui hukum Allah, sedangkan mereka mengaku beriman? Apakah mereka meragui hukum itu datang dari Allah? Atau apakah mereka meragui kelayakan dan kebolehan hukum Allah itu dalam menegakkan keadilan? Kedua-dua sikap ini bukanlah jalan yang diikuti para Mu'minin.

Pertanyaan yang ketiga untuk mencela dan menyatakan kehairanan terhadap tindak tanduk mereka yang ganjil ini, iaitu apakah mereka takut Allah dan Rasul-Nya tidak berlaku adil terhadap mereka? Amatlah hairan andainya ada kebimbangan yang seperti ini pada hati seseorang, kerana Allah itu adalah Pencipta dan Tuhan seluruh makhluk. Bagaimana mungkin Allah mengenakan hukuman yang tidak adil ke atas salah seorang dari makhluk-Nya kerana menimbangkan kepentingan salah seorang makhluk-Nya yang lain?

Hukum Allah itu adalah satu-satunya hukum yang bersih dari segala kemungkinan tidak adil kerana Allah bersifat Maha Adil dan tidak pernah menzalim seseorang pun dan seluruh makhluk adalah sama sahaja di hadapan-Nya. Allah tidak pernah menzalimi seseorang kerana kepentingan seseorang yang lain. Tetapi seluruh hukum-hukum yang lain dari hukum Allah adalah mempunyai kemungkinan-kemungkinan zalim dan tidak adil, kerana manusia yang membuat dan menghukum dengan undang-undang sendiri itu tidak berupaya menahan diri mereka dari kecenderungan kepada kepentingan-kepentingan mereka sendiri sama ada mereka itu individu-individu atau golongan atau kerajaan.

Apabila seseorang itu membuat undang-undang sendiri dan menghukum dengan undang-undang itu, maka sudah tentu (dalam rangka penyusunan dan pelaksanaan undang-undang itu) dia memberi perhatiannya ke arah melindungi dirinya sendiri dan kepentingan-kepentingannya. Hal yang sama seperti ini juga akan berlaku apabila satu golongan membuat undang-undang untuk satu golongan yang lain atau apabila sebuah kerajaan membuat undang-undang untuk sebuah kerajaan yang lain atau apabila satu kumpulan negara-negara membuat undang-undang untuk satu kumpulan negara-negara yang lain, tetapi apabila undang-undang itu dibuat oleh Allah, maka di sana tidak ada lagi sebarang maksud untuk melindungi sesuatu kepentingan diri, malah undang-undang itu merupakan suatu keadilan yang mutlaq, yang tidak sanggup dipikul dan dilaksanakan oleh undang-undang dan hukum-hukum yang lain dari syari'at dan hukum Allah.

Justeru itulah orang-orang yang tidak rela menerima hukum Allah dan Rasul-Nya dianggapkan sebagai orang-orang yang zalim kerana mereka tidak mahu keadilan itu terpacak teguh dan mantap, dan tidak ingin kebenaran itu berdiri tegak. Mereka takut

hukum Allah bertindak zalim dan mereka meragui keadilan-Nya.

بَلْ أُولَٰئِكَ هُمُ الظَّالِمُونَ ﴿٥٠﴾

"Malah sebenarnya merekalah orang-orang yang zalim."(50)

Adapun orang-orang Mu'minin yang sebenar mereka menunjukkan peradaban yang berlainan dari peradaban (kaum Munafiqin) ini. Mereka mempunyai jawapan yang berlainan apabila mereka diseru berhakimkan kepada Allah dan Rasul-Nya mengadili di antara mereka, iaitu satu jawapan yang sesuai dengan sifat orang-orang Mu'minin dan membayangkan bahawa hati mereka telah diterangi nur hidayat Allah:

إِنَّمَا كَانَ قَوْلَ الْمُؤْمِنِينَ إِذَا دُعُوا إِلَى اللَّهِ وَرَسُولِهِ لِيَحْكُمَ بَيْنَهُمْ أَن يَقُولُوا سَمِعْنَا وَأَطَعْنَا وَأُولَٰئِكَ هُمُ الْمُفْلِحُونَ ﴿٥١﴾

"Sebenarnya jawapan orang-orang yang beriman apabila mereka diseru kepada Allah dan Rasul-Nya supaya menjadi hakim mengadili di antara mereka ialah mereka menjawab: Kami mendengar dan Kami patuh, merekalah orang-orang yang mendapat keberuntungan."(51)

Yakni mereka menyatakan kepatuhan dan keta'atan tanpa teragak-agak, tanpa berdolak-dalik dan tanpa menyeleweng, iaitu kepatuhan dan keta'atan yang diambil dari kepercayaan yang mutlaq bahawa hukum Allah dan Rasul-Nya itu adalah hukum yang sebenar dan hukum-hukum yang lain darinya adalah hukum-hukum dari pemikiran hawa nafsu belaka. Ia merupakan kepatuhan dan keta'atan yang terbit dari penyerahan yang mutlaq kepada Allah, Tuhan yang mengurniakan hayat dan mengendalikannya mengikut apa sahaja yang dikehendaki-Nya. Ia merupakan kepatuhan dan keta'atan yang tercetus dari kepercayaan bahawa apa sahaja kebaikan yang dikehendaki Allah terhadap manusia adalah lebih baik dari kebaikan yang dikehendaki mereka terhadap diri mereka sendiri, kerana Allah yang mencipta itu lebih mengetahui kepentingan-kepentingan makhluk yang diciptakan-Nya.

وَأُولَٰئِكَ هُمُ الْمُفْلِحُونَ ﴿٥١﴾

"Merekalah orang-orang yang yang mendapat keberuntungan."(51)

Mereka beruntung kerana Allah sendiri mentadbirkan urusan mereka, mengaturkan hubungan-hubungan mereka dan mengadili di antara mereka dengan ilmu dan keadilan-Nya. Sudah tentu mereka lebih baik dari orang-orang yang ditadbir, diatur dan diadili oleh manusia seperti mereka yang tidak sempurna dan mempunyai sekelumit ilmu pengetahuan sahaja. Mereka beruntung kerana mereka berjalan di atas satu sistem hidup yang lurus, yang tiada bengkang-bengkok dan simpang-siur. Mereka percaya kepada sistem hidup ini dan terus maju di atasnya tanpa teragak-agak. Justeru itulah daya tenaga mereka tidak berbelah bahagi, keutuhan diri mereka tidak dikotak-katikkan hawa nafsu. Mereka tidak hanyut dipimpin nafsu-nafsu keinginan kerana jalan Ilahi yang terang dan lurus telah terbentang di hadapan mereka:

وَمَن يُطِعِ اللَّهَ وَرَسُولَهُ وَيَخْشَ اللَّهَ وَيَتَّقْهِ فَأُولَٰئِكَ هُمُ الْفَائِزُونَ ﴿٥٢﴾

"Dan barangsiapa yang menta'ati Allah dan Rasul-Nya, serta takut dan bertaqwa kepada Allah, maka merekalah orang-orang yang mendapat kejayaan."(52)

Perbezaan Di Antara Pengertian Takut Dan Taqwa

Ayat-ayat yang silam membicarakan tentang keta'atan dan kepatuhan kepada hukum-hukum Allah, sekarang ayat-ayat ini memperkatakan tentang keta'atan secara keseluruhan yang merangkul segala perintah dan larangan Allah yang disertai dengan takut dan taqwa kepada-Nya. Pengertian taqwa lebih umum dari pengertian takut, kerana pengertian taqwa ialah bermuraqabah dengan Allah dan menyedari kewujudan-Nya pada segala tindakan-Nya sama ada kecil atau besar serta merasa segan melakukan sesuatu yang dibencikan Allah kerana menghormati zat-Nya Yang Maha Suci dan kerana silu-malu kepada-Nya di samping merasa takut kepada-Nya.

Barangsiapa yang menta'ati Allah dan Rasul-Nya serta takut dan bertaqwa kepada Allah, merekalah orang-orang yang mendapat kejayaan dan keselamatan dunia dan Akhirat. Janji Allah tetap dikota dan Dia tidak akan menyalahi janji-Nya. Merekalah orang-orang yang wajar mendapat kejayaan kerana mereka memiliki sarana-sarana-Nya yang terdapat di alam realiti hidup mereka sendiri. Keta'atan kepada Allah dan Rasul-Nya memerlukan kepada kesanggupan berjalan di atas jalan agamanya yang lurus yang digaris oleh Allah untuk umat manusia dengan ilmu dan hikmat kebijaksanaan-Nya. Tabi'at agama Allah itu sendiri membawa manusia ke arah mencapai kejayaan dunia dan Akhirat. Takut dan bertaqwa kepada Allah merupakan pengawal yang menjaminkan kejujuran mereka mengikuti jalan agama Allah dan menolak panggilan pesona-pesona yang menyeru mereka di tepi-tepi jalan itu. Justeru itu mereka berjalan terus tanpa menyeleweng dan menoleh ke sana sini.

Peradaban ta'at kepada Allah dan Rasul-Nya di samping takut dan bertaqwa kepada-Nya adalah satu peradaban yang amat tinggi, yang membayangkan sejauh mana hati seseorang itu telah diterangi nur hidayat Allah dan sejauh mana ia telah berhubung dengan Allah dan merasa kehebatan-Nya. Justeru itu setiap keta'atan yang tidak ditegakkan di atas keta'atan kepada Allah dan Rasul-Nya dan tidak diambil darinya adalah satu perbuatan menghinakan diri yang ditolak oleh orang yang berjiwa mulia dan dijijikkan oleh orang yang beriman. Hati nuraninya tidak dapat menerima keta'atan yang seperti itu,

kerana orang Mu'min yang sebenar tidak akan menundukkan kepalanya melainkan hanya kepada Allah Yang Maha Esa dan Maha Gagah Perkasa.

Selepas membandingkan di antara kebaikan peradaban orang-orang yang beriman dengan keburukan peradaban orang-orang yang Munafiq, di mana mereka diseru supaya beriman tetapi mereka tidak juga beriman, maka Al-Qur'an kembali semula menyempurnakan pembicaraannya tentang kaum Munafiqin itu:

وَأَقْسَمُوا۟ بِٱللَّهِ جَهْدَ أَيْمَٰنِهِمْ لَئِنْ أَمَرْتَهُمْ لَيَخْرُجُنَّ ۖ
قُل لَّا تُقْسِمُوا۟ ۖ طَاعَةٌ مَّعْرُوفَةٌ ۚ إِنَّ ٱللَّهَ خَبِيرٌۢ بِمَا
تَعْمَلُونَ ﴿٥٣﴾

قُلْ أَطِيعُوا۟ ٱللَّهَ وَأَطِيعُوا۟ ٱلرَّسُولَ ۖ فَإِن تَوَلَّوْا۟ فَإِنَّمَا عَلَيْهِ
مَا حُمِّلَ وَعَلَيْكُم مَّا حُمِّلْتُمْ ۖ وَإِن تُطِيعُوهُ تَهْتَدُوا۟ ۚ
وَمَا عَلَى ٱلرَّسُولِ إِلَّا ٱلْبَلَٰغُ ٱلْمُبِينُ ﴿٥٤﴾

"Dan mereka telah bersumpah dengan nama Allah sekuat-kuat sumpah jika engkau menyuruh mereka (keluar berperang) nescaya mereka pasti keluar. Katakanlah: Tak usahlah kamu bersumpah (kerana keta'atan kamu adalah) suatu keta'atan yang terkenal. Sesungguhnya Allah Maha Mendalam ilmu-Nya terhadap apa sahaja yang dilakukan kamu (53). Katakanlah: Ta'atilah Allah dan ta'atilah Rasul, dan andainya mereka berpaling, maka tanggungjawab Rasul ialah kewajipan yang ditugaskan kepadanya dan tanggungjawab kamu ialah kewajipan yang ditugaskan kepada kamu. Dan jika kamu menta'atinya, nescaya kamu akan mendapat hidayat dan tiada tanggungjawab Rasul melainkan hanya menyampaikan perintah dengan penerangan yang jelas."(54)

Orang-orang Munafiqin telah bersumpah kepada Rasulullah s.a.w. iaitu jika beliau menyuruh mereka keluar berjihad, maka mereka tentu akan keluar, sedangkan Allah tahu bahawa mereka berdusta. Allah menjawab sumpah mereka dengan satu jawapan yang mengejek cara keimanan mereka itu.

قُل لَّا تُقْسِمُوا۟ ۖ طَاعَةٌ مَّعْرُوفَةٌ ۚ

"Katakanlah:Tak usahlah kamu bersumpah (kerana keta'atan kamu adalah) suatu keta'atan yang terkenal"(53)

tidak payahlah kamu bersumpah kerana keta'atan kamu memang dikenali semua orang. Ia tidak lagi memerlukan kepada sumpah atau kata-kata yang tegas. Ungkapan ini samalah dengan jawapan anda kepada orang yang anda kenal sebagai pembohong yang diketahui umum "tidak payahlah awak bersumpah untuk membuktikan awak bercakap benar, kerana ia sangat jelas dan tidak memerlukan kepada sebarang bukti lagi."

Kemudian ejekan itu diiringi dengan sebuah kenyataan:

إِنَّ ٱللَّهَ خَبِيرٌۢ بِمَا تَعْمَلُونَ ﴿٥٣﴾

"Sesungguhnya Allah Maha Mendalam Ilmu-Nya terhadap apa sahaja yang dilakukan mereka."(53)

Oleh sebab itulah Allah tidak memerlukan sumpah dan kata-kata yang tegas. Allah telah pun mengetahui bahawa kamu tidak akan ta'at dan tidak akan keluar berjihad.

Kerana inilah Allah kembali menyuruh mereka supaya ta'at dengan keta'atan yang sebenar bukan dengan keta'atan cara mereka yang dikenali umum itu:

قُلْ أَطِيعُوا۟ ٱللَّهَ وَأَطِيعُوا۟ ٱلرَّسُولَ ۖ

"Katakanlah: Ta'atilah Allah dan ta'atilah Rasul"(54)

فَإِن تَوَلَّوْا۟

"Dan andainya mereka berpaling"(54)

dan menolak atau menunjuk sikap talam dua muka atau tidak melaksanakan (janji mereka):

فَإِنَّمَا عَلَيْهِ مَا حُمِّلَ

"Maka tanggungjawab Rasul ialah kewajipan yang ditugaskan kepadanya"(54)

iaitu menyampaikan perutusan Allah dan beliau telah pun menunaikan tugas ini dengan sempurnanya.

وَعَلَيْكُم مَّا حُمِّلْتُمْ ۖ

"Dan tanggungjawab kamu ialah kewajipan yang ditugaskan kepada kamu"(54)

iaitu menunjukkan keta'atan dan keikhlasan, tetapi kamu tidak pernah menunjukkan keta'atan dan keikhlasan itu:

وَإِن تُطِيعُوهُ تَهْتَدُوا۟ ۚ

"Dan jika kamu menta'atinya nescaya kamu akan mendapat hidayat"(54)

Menuju jalan yang lurus yang membawa kepada kejayaan dan keberuntungan.

وَمَا عَلَى ٱلرَّسُولِ إِلَّا ٱلْبَلَٰغُ ٱلْمُبِينُ ﴿٥٤﴾

"Dan tiada tanggungjawab Rasul melainkan hanya menyampaikan perintah dengan penerangan yang jelas"(54)

Justeru itu beliau tidak bertanggungjawab terhadap keimanan kamu dan beliau tidak dianggap sebagai tidak menunaikan tugasnya, jika kamu enggan mematuhinya, malah kamulah sendiri yang bertanggungjawab dan yang akan menerima balasan terhadap kesalahan menderhaka perintah Allah dan Rasul-Nya.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat 55)

Setelah menayangkan keadaan Munafiqin yang berakhir dengan kesudahan yang baru diceritakan tadi, Al-Qur'an meninggalkan mereka dan berpaling dari mereka untuk memperkatakan tentang orang-orang Mu'min yang patuh dan ta'at. Ia menerangkan balasan keta'atan yang ikhlas, dan keimanan yang disertakan amalan yang akan diterima mereka di dunia ini lagi sebelum tibanya hari hisab terakhir:

وَعَدَ ٱللَّهُ ٱلَّذِينَ ءَامَنُواْ مِنكُمْ وَعَمِلُواْ ٱلصَّٰلِحَٰتِ لَيَسْتَخْلِفَنَّهُمْ فِى ٱلْأَرْضِ كَمَا ٱسْتَخْلَفَ ٱلَّذِينَ مِن قَبْلِهِمْ وَلَيُمَكِّنَنَّ لَهُمْ دِينَهُمُ ٱلَّذِى ٱرْتَضَىٰ لَهُمْ وَلَيُبَدِّلَنَّهُم مِّنۢ بَعْدِ خَوْفِهِمْ أَمْنًا يَعْبُدُونَنِى لَا يُشْرِكُونَ بِى شَيْـًٔا وَمَن كَفَرَ بَعْدَ ذَٰلِكَ فَأُوْلَٰٓئِكَ هُمُ ٱلْفَٰسِقُونَ ﴿٥٥﴾

"Allah telah menjanjikan orang-orang yang beriman dari kamu dan mengerjakan amalan yang soleh bahawa Dia akan melantikkan mereka menjadi khalifah di bumi ini sebagaimana Dia telah melantikkan orang-orang sebelum mereka menjadi khalifah dan Dia akan memberi kedudukan yang teguh kepada agama mereka yang diredhai-Nya dan akan menggantikan keamanan kepada mereka setelah mereka berada di dalam ketakutan. Mereka beribadat kepada-Ku tanpa mempersekutukan-Ku dengan sesuatu yang lain. Dan barangsiapa yang kafir selepas (penganugerahan ni'mat-ni'mat) itu, maka merekalah orang-orang yang fasiq."(55)

Janji Allah Yang Besar Kepada Umat Muslimin

Itulah janji Allah kepada orang-orang yang beriman dan mengerjakan amalan-amalan yang soleh dari umat Muhammad s.a.w. Allah berjanji untuk mengangkatkan mereka sebagai khalifah Allah di bumi ini dan untuk mengukuhkan kedudukan agama Islam yang telah diperkenankan-Nya untuk mereka dan seterusnya untuk menukarkan keadaan mereka yang hidup di dalam ketakutan dan kebimbangan kepada keadaan yang aman. Itulah janji Allah dan janji-Nya tetap benar, kerana Allah tidak akan menyalahi janji-Nya. Apakah hakikat keimanan itu? Dan apakah hakikat perlantikan khalifah itu?

Hakikat keimanan yang dapat mencapai janji Allah itu adalah suatu hakikat yang amat besar yang merangkul dan mempengaruhi seluruh kegiatan manusia. Sebaik sahaja hakikat keimanan itu bertunjang di dalam hati ia terus menunjukkan dirinya dalam bentuk amalan, kegiatan dan pembangunan yang ditujukan kepada Allah dan dibuat kerana Allah. Hakikat keimanan ialah keta'atan kepada Allah dan menyerah patuh kepada perintah Allah sama ada dalam perkara kecil atau besar, iaitu keta'atan yang tidak meninggal ruang kepada keinginan hawa nafsu di dalam jiwa, di dalam hati dan di dalam fitrah, malah ia hanya menta'ati ajaran-ajaran yang dibawa Rasulullah s.a.w. dari Allah S.W.T.

Itulah keimanan yang merangkul keseluruhan diri manusia, iaitu merangkul segala fikiran di dalam mindanya, segala perasaan di dalam hatinya, segala kerinduan di dalam jiwanya, segala keinginan di dalam fitrahnya, segala harakat jasmaninya, segala gerak-geri anggotanya dan segala tindak-tanduknya terhadap Allah dan terhadap manusia seluruhnya. Seluruhnya bertawajjuh kepada Allah yang digambarkan di dalam firman Allah S.W.T. di dalam ayat ini sendiri ketika memberi alasan mengenai perlantikan khalifah, pengukuhan kedudukan agama dan pemberian keamanan:

يَعْبُدُونَنِى لَا يُشْرِكُونَ بِى شَيْـًٔا

"Mereka beribadat kepada-Ku tanpa mempersekutukan-Ku dengan sesuatu yang lain."(55)

Syirik mempunyai berbagai-bagai pintu masuk dan berbagai-bagai bentuk dan warna. Bertawajjuh kepada yang lain dari Allah dengan sesuatu amalan atau perasaan merupakan salah satu bentuk syirik yang berbagai-bagai jenis.

Itulah keimanan yang menjadi satu sistem hidup yang lengkap, yang merangkumi segala apa yang diperintahkan Allah termasuk kela-kerja menyediakan sebab-sebab, kerja-kerja mengadakan alat-alat kelengkapan, kerja-kerja mengadakan sarana-sarana dan persediaan-persediaan untuk memikul tugas amanah agung di muka bumi ini, iaitu amanah menjadi khalifah.

Apakah hakikat perlantikan khalifah di bumi?

Konsep Perlantikan Manusia Sebagai Khalifah Di Bumi

Ia bukannya semata-mata berkuasa, menakluk dan memerintah, malah ia merangkumi semuanya ini dengan syarat ianya digunakan untuk islah, pembangunan dan pembinaan, dan seterusnya untuk menegakkan sistem hidup yang telah digariskan Allah untuk umat manusia supaya mereka mengikutinya dan supaya mereka sampai dengan perantaraan sistem ini ke tingkat kesempurnaan yang telah ditetapkan Allah kepada mereka di muka bumi ini, iaitu tingkat kesempurnaan yang sesuai dengan makhluk manusia yang telah dimuliakan Allah.

Menjadi khalifah di bumi ini ialah menunjukkan kemampuan dan kebolehan membangun dan mengislahkan bumi bukannya meruntuh dan merosak, menunjukkan kemampuan dan kebolehan menegakkan keadilan dan ketenteraman bukannya menegakkan kezaliman dan kekerasan, juga menunjukkan kemampuan dan kebolehan meningkatkan jiwa manusia an sistem hidup manusia bukannya menurunkan individu dan masyarakat manusia ke taraf haiwan.

Perlantikan menjadi khalifah di bumi inilah yang dijanjikan Allah kepada orang-orang yang beriman dan mengelakan amalan-amalan yang soleh. Allah telah berjanji untuk melantikkan mereka menjadi khalifah di bumi ini sebagaimana Allah telah melantikkan orang-orang yang beriman dan mengerjakan amalan-amalan yang soleh sebelum mereka supaya mereka menegakkan cara hidup yang dikehendaki Allah, menegakkan keadilan yang dikehendaki-Nya dan supaya mereka membawa umat manusia maju ke depan menuju ke jalan kesempurnaan yang telah ditetapkan untuk mereka pada hari mereka dijadikan Allah. Adapun orang-orang yang berkuasa dan memerintah dengan melakukan kerosakan di bumi, menyebarkan kezaliman dan pencerobohan dan membawa manusia ke taraf haiwan, maka mereka bukanlah khalifah-khalifah yang dilantikkan di bumi ini, malah mereka adalah kumpulan manusia yang sedang diuji Allah dengan kekuasaan yang ada pada mereka atau kumpulan manusia yang menjadi batu ujian untuk menguji orang-orang yang lain dari mereka, iaitu rakyat jelata yang diperintah oleh mereka kerana sesuatu hikmat yang ditetapkan Allah.

Alasan kefahaman ini terhadap hakikat perlantikan khalifah itu adalah diambil dari firman Allah selepas menyatakan janji perlantikan khalifah itu iaitu:

وَلَيُمَكِّنَنَّ لَهُمْ دِينَهُمُ ٱلَّذِى ٱرْتَضَىٰ لَهُمْ

"Dan Dia akan memberi kedudukan yang teguh kepada agama mereka yang diredhai-Nya"(55)

pengukuhan kedudukan agama itu adalah terlaksana dengan mengukuhkan kedudukannya di dalam hati dan mengukuhkan kedudukannya dalam urusan mengendali dan mentadbirkan kehidupan manusia. Jadi, Allah telah berjanji akan melantikkan mereka menjadi khalifah di bumi dan menjadi agama yang diredhai-Nya,itu menguasai (perjalanan hidup) di bumi ini. Agama mereka menyuruh melaksanakan islah, menegakkan keadilan, mengawal dan mengatasi nafsu-nafsu keinginan dunia. Ia menyuruh membangun dan memakmurkan bumi dan mengambil manfa'at dari segala kekayaan, khazanah simpanan dan tenaga-tenaga yang diisikan Allah di bumi ini serta bertawajjuh kepada Allah dengan segala kegiatan yang dilakukan mereka di muka bumi ini.

وَلَيُبَدِّلَنَّهُم مِّنۢ بَعْدِ خَوْفِهِمْ أَمْنًا

"Dan akan menggantikan keamanan kepada mereka setelah mereka berada dalam ketakutan"(55)

mereka sebelum ini berada dalam ketakutan. Mereka tidak merasa aman dan tidak pernah meletakkan senjata mereka walaupun selepas Rasulullah s.a.w. berhijrah ke Madinah selaku pengkalan pertama Islam.

Ujar ar-Rabi' ibn Anas dari Abul-'Aliyah mengenai ayat ini: Nabi s.a.w. dan para sahabatnya berada di Makkah kira-kira sepuluh tahun berda'wah kepada-Nya sahaja tanpa sebarang sekutu. Mereka berda'wah secara sembunyi-sembunyi kerana takut dan kerana mereka tidak diperintah berperang sehingga mereka disuruh berpindah ke Madinah, dan di sanalah baru mereka diperintahkan Allah supaya berperang. Mereka berada di Madinah dalam keadaan ketakutan dan kebimbangan, mereka bersenjata pagi dan petang. Mereka sabar hidup dalam keadaan seperti itu sehingga ada seorang sahabat bertanya Rasulullah s.a.w.: 'Wahai Rasulullah! Adakah selama-lamanya kita berada dalam ketakutan begini? Apakah ada satu hari nanti, di mana kita semua merasa aman dan dapat meletakkan senjata?" Jawab Rasulullah s.a.w.: "Kamu tidak akan dikehendaki bersabar melainkan hanya sebentar sahaja lagi sehingga (tiba satu masa) di mana seorang dari kamu dapat duduk di tengah khalayak ramai tanpa membawa satu besi pun (senjata)." Lalu Allah menurunkan ayat ini dan tidak lama kemudian Allah menjadikan Nabi-Nya berjaya menguasai seluruh Semenanjung Tanah Arab. Ketika itu barulah mereka dapat hidup aman dan dapat meletakkan senjata. Kemudian setelah Nabi Muhammad s.a.w. diwafatkan Allah dan umat Muslimin terus hidup di dalam pemerintahan Abu Bakr, 'Umar dan 'Uthman sehingga mereka terseret ke dalam pertelingkahan lalu Allah menjadikan mereka kembali berada di dalam ketakutan dan menyebabkan mereka terpaksa menggunakan pengawal-pengawal dan mata-mata. Mereka telah mengubahkan sikap mereka lalu Allah mengubahkan keadaan mereka.

وَمَن كَفَرَ بَعْدَ ذَٰلِكَ فَأُو۟لَـٰٓئِكَ هُمُ ٱلْفَـٰسِقُونَ ﴿٥٥﴾

"Dan barangsiapa yang kafir selepas (penganugerahan ni'mat-ni'mat) itu, maka merekalah orang-orang yang fasiq"(55)

yang melanggar syarat-syarat Allah dan janji-Nya.

Janji Allah ditepati sekali dan akan terus ditepati dan akan terus menjadi kenyataan selama orang-orang Islam menyempurnakan syarat Allah iaitu:

يَعْبُدُونَنِى لَا يُشْرِكُونَ بِى شَيْـًٔا

"Mereka beribadat kepada-Ku tanpa mempersekutukan-Ku dengan sesuatu yang lain"(55)

samaada berupa tuhan-tuhan sembahan atau hawa nafsu. Mereka beriman dengan keimanan yang sebenar dan mengerjakan amalan yang soleh. Janji Allah itu tetap disimpan untuk mereka yang memenuhi syarat Allah dari kalangan umat Muslimin sehingga hari Qiamat. Kelewatan mendapat kemenangan, mendapat kuasa khalifah, mendapat kedudukan yang teguh dan mendapat keamanan adalah disebabkan kerana kekurangan syarat Allah dari mana-mana aspeknya yang amat luas itu atau kerana tidak sempurnanya penunaian salah satu taklif

dari taklif-taklif-Nya yang besar itu. Sehingga apabila umat Muslimin mengambil pengajaran dari ujian-ujian Allah dan berjaya mengatasinya, di mana mereka berada di dalam ketakutan lalu berjuang mencari keamanan atau berada di dalam keadaan yang hina lalu berjuang mencari kedudukan yang mulia atau berada dalam keadaan kemunduran lalu berjuang untuk memegang teraju kekuasaan khalifah. Apabila semua perjuangan ini dilakukan dengan sarana-sarana yang dikehendaki Allah dan dengan syarat-syarat yang telah ditetapkannya nescaya terkotalah janji Allah yang tidak pernah mungkir, dan janji itu tidak mungkin lagi dihalang mana-mana kekuatan dari seluruh kekuatan yang ada di muka bumi ini.

(Pentafsiran ayat-ayat 56 - 57)

Justeru itulah Al-Qur'an iringi janji ini dengan perintah supaya mendirikan solat, menunaikan zakat dan menunjukkan keta'atan dan kepatuhan, juga supaya Rasulullah s.a.w. dan umatnya jangan membuat perhitungan yang besar kepada kekuatan orang-orang kafir yang memerangi mereka dan menentang agama mereka yang telah diredhai-Nya:

وَأَقِيمُوا۟ ٱلصَّلَوٰةَ وَءَاتُوا۟ ٱلزَّكَوٰةَ وَأَطِيعُوا۟ ٱلرَّسُولَ
لَعَلَّكُمْ تُرْحَمُونَ ﴿٥٦﴾

لَا تَحْسَبَنَّ ٱلَّذِينَ كَفَرُوا۟ مُعْجِزِينَ فِى ٱلْأَرْضِ ۚ
وَمَأْوَىٰهُمُ ٱلنَّارُ ۖ وَلَبِئْسَ ٱلْمَصِيرُ ﴿٥٧﴾

"Dan dirikanlah solat dan keluarkanlah zakat dan ta'atilah Rasul supaya kamu dilimpahkan rahmat (Allah) (56). Janganlah engkau mengira orang-orang yang kafir itu dapat melemahkan kekuasaan Allah di bumi ini. Tempat kediaman mereka ialah Neraka dan itulah seburuk-buruk tempat kediaman."(57)

Inilah persediaan-persediaan (ke arah penepatan janji Allah) iaitu membuat perhubungan yang rapat dengan Allah, membetulkan hati dengan mendirikan solat, menguasai sifat bakhil, membersihkan diri dan masyarakat dengan menunaikan zakat, menunjukkan keta'atan kepada Rasul dan redha dengan hukuman yang diputuskan beliau, menjalankan syari'at Allah dalam segala urusan kecil dan besar dan menegakkan sistem hidup yang dikehendaki Allah:

لَعَلَّكُمْ تُرْحَمُونَ ﴿٥٦﴾

"Supaya kamu dilimpahkan rahmat (Allah)"(56)

di dunia ini dengan menyelamatkan kamu dari kerosakan, kejatuhan, ketakutan, kecemasan dan kesesatan, dan menyelamatkan kamu di Akhirat dari kemurkaan, ke'azaban dan kesengsaraan.

Apabila kamu telah berjalan lurus mengikut agama Allah, maka janganlah kamu menaruh apa-apa kebimbangan terhadap kekuatan orang-orang kafir kerana mereka tidak akan dapat melemahkan kekuasaan Allah di muka bumi ini. Kekuatan mereka yang lahir tidak akan dapat menghalangi jalan kamu, malah kamu (adalah satu umat) yang kuat dan gagah dengan keimanan kamu, gagah dan kuat dengan sistem hidup kamu, gagah dan kuat dengan persediaan dan kelengkapan yang telah disediakan sedaya upaya kamu. Mungkin juga kamu dari segi kelengkapan kebendaan tidak sekuat dan segagah mereka, tetapi hati Mu'min yang berjuang dapat melahirkan kekuatan-kekuatan yang luar biasa dan mengkagumkan.

Islam adalah satu hakikat yang amat besar, yang pasti dipenuhi oleh sesiapa yang ingin mencapai hakikat janji Allah yang disebut di dalam ayat-ayat tadi. Dia harus mencari buktinya di dalam sejarah umat manusia dengan memahami syarat-syaratnya yang sebenar sebelum dia meragui hakikat janji itu atau merasa lambat terlaksananya janji itu dalam mana-mana keadaan.

Setiap kali umat Muslimin berjalan lurus di atas agama Allah dan menjadikannya sebagai sistem hidup mereka dan merelakannya menjadi peraturan di dalam segala urusan mereka, maka akan terlaksanalah janji Allah yang mahu melantikkan mereka menjadi khalifah di bumi ini, mengukuhkan kedudukan agama mereka dan menegakkan keamanan (dalam masyarakat mereka) dan setiap kali umat Muslimin melanggar ajaran agama Allah, mereka akan tertinggal di belakang angkatan umat-umat yang lain dan akan hidup dalam keadaan yang hina, di mana agama mereka akan diusir dari menguasai manusia dan hidup mereka dikongkong ketakutan dan kedudukan mereka menjadi sasaran serangan musuh-musuh.

Sesungguhnya tawaran janji Allah tetap wujud dan syarat-syarat-Nya memang diketahui umum. Oleh sebab itu sesiapa yang ingin mencapai janji Allah, maka hendaklah mereka penuhi syarat-syarat-Nya dan siapakah yang lebih sempurna melaksanakan janji-Nya selain dari Allah?

(Kumpulan ayat-ayat 58 - 64)

يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ لِيَسْتَـْٔذِنكُمُ ٱلَّذِينَ مَلَكَتْ
أَيْمَٰنُكُمْ وَٱلَّذِينَ لَمْ يَبْلُغُوا۟ ٱلْحُلُمَ مِنكُمْ ثَلَٰثَ مَرَّٰتٍ ۚ مِّن قَبْلِ
صَلَوٰةِ ٱلْفَجْرِ وَحِينَ تَضَعُونَ ثِيَابَكُم مِّنَ ٱلظَّهِيرَةِ
وَمِنۢ بَعْدِ صَلَوٰةِ ٱلْعِشَآءِ ۚ ثَلَٰثُ عَوْرَٰتٍ لَّكُمْ ۚ لَيْسَ عَلَيْكُمْ
وَلَا عَلَيْهِمْ جُنَاحٌۢ بَعْدَهُنَّ ۚ طَوَّٰفُونَ عَلَيْكُم بَعْضُكُمْ
عَلَىٰ بَعْضٍ ۚ كَذَٰلِكَ يُبَيِّنُ ٱللَّهُ لَكُمُ ٱلْءَايَٰتِ ۗ وَٱللَّهُ
عَلِيمٌ حَكِيمٌ ﴿٥٨﴾

وَإِذَا بَلَغَ ٱلْأَطْفَٰلُ مِنكُمُ ٱلْحُلُمَ فَلْيَسْتَـْٔذِنُوا۟
كَمَا ٱسْتَـْٔذَنَ ٱلَّذِينَ مِن قَبْلِهِمْ ۚ كَذَٰلِكَ يُبَيِّنُ
ٱللَّهُ لَكُمْ ءَايَٰتِهِۦ ۗ وَٱللَّهُ عَلِيمٌ حَكِيمٌ ﴿٥٩﴾
وَٱلْقَوَٰعِدُ مِنَ ٱلنِّسَآءِ ٱلَّٰتِى لَا يَرْجُونَ نِكَاحًا
فَلَيْسَ عَلَيْهِنَّ جُنَاحٌ أَن يَضَعْنَ ثِيَابَهُنَّ غَيْرَ
مُتَبَرِّجَٰتٍۭ بِزِينَةٍ ۖ وَأَن يَسْتَعْفِفْنَ خَيْرٌ لَّهُنَّ ۗ
وَٱللَّهُ سَمِيعٌ عَلِيمٌ ﴿٦٠﴾
لَّيْسَ عَلَى ٱلْأَعْمَىٰ حَرَجٌ وَلَا عَلَى ٱلْأَعْرَجِ حَرَجٌ وَلَا
عَلَى ٱلْمَرِيضِ حَرَجٌ وَلَا عَلَىٰٓ أَنفُسِكُمْ أَن تَأْكُلُوا۟
مِنۢ بُيُوتِكُمْ أَوْ بُيُوتِ ءَابَآئِكُمْ أَوْ بُيُوتِ
أُمَّهَٰتِكُمْ أَوْ بُيُوتِ إِخْوَٰنِكُمْ أَوْ بُيُوتِ
أَخَوَٰتِكُمْ أَوْ بُيُوتِ أَعْمَٰمِكُمْ أَوْ بُيُوتِ
عَمَّٰتِكُمْ أَوْ بُيُوتِ أَخْوَٰلِكُمْ أَوْ بُيُوتِ
خَٰلَٰتِكُمْ أَوْ مَا مَلَكْتُم مَّفَاتِحَهُۥٓ
أَوْ صَدِيقِكُمْ ۚ لَيْسَ عَلَيْكُمْ جُنَاحٌ أَن
تَأْكُلُوا۟ جَمِيعًا أَوْ أَشْتَاتًا ۚ فَإِذَا دَخَلْتُم بُيُوتًا
فَسَلِّمُوا۟ عَلَىٰٓ أَنفُسِكُمْ تَحِيَّةً مِّنْ عِندِ ٱللَّهِ مُبَٰرَكَةً
طَيِّبَةً ۚ كَذَٰلِكَ يُبَيِّنُ ٱللَّهُ لَكُمُ ٱلْءَايَٰتِ
لَعَلَّكُمْ تَعْقِلُونَ ﴿٦١﴾
إِنَّمَا ٱلْمُؤْمِنُونَ ٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ بِٱللَّهِ وَرَسُولِهِۦ وَإِذَا
كَانُوا۟ مَعَهُۥ عَلَىٰٓ أَمْرٍ جَامِعٍ لَّمْ يَذْهَبُوا۟ حَتَّىٰ يَسْتَـْٔذِنُوهُ ۚ
إِنَّ ٱلَّذِينَ يَسْتَـْٔذِنُونَكَ أُو۟لَٰٓئِكَ ٱلَّذِينَ يُؤْمِنُونَ
بِٱللَّهِ وَرَسُولِهِۦ ۚ فَإِذَا ٱسْتَـْٔذَنُوكَ لِبَعْضِ شَأْنِهِمْ

فَأْذَن لِّمَن شِئْتَ مِنْهُمْ وَٱسْتَغْفِرْ لَهُمُ ٱللَّهَ ۚ إِنَّ
ٱللَّهَ غَفُورٌ رَّحِيمٌ ﴿٦٢﴾
لَّا تَجْعَلُوا۟ دُعَآءَ ٱلرَّسُولِ بَيْنَكُمْ كَدُعَآءِ
بَعْضِكُم بَعْضًا ۚ قَدْ يَعْلَمُ ٱللَّهُ ٱلَّذِينَ يَتَسَلَّلُونَ
مِنكُمْ لِوَاذًا ۚ فَلْيَحْذَرِ ٱلَّذِينَ يُخَالِفُونَ عَنْ
أَمْرِهِۦٓ أَن تُصِيبَهُمْ فِتْنَةٌ أَوْ يُصِيبَهُمْ عَذَابٌ أَلِيمٌ ﴿٦٣﴾
أَلَآ إِنَّ لِلَّهِ مَا فِى ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَٱلْأَرْضِ ۖ قَدْ يَعْلَمُ مَآ
أَنتُمْ عَلَيْهِ وَيَوْمَ يُرْجَعُونَ إِلَيْهِ فَيُنَبِّئُهُم بِمَا عَمِلُوا۟ ۗ
وَٱللَّهُ بِكُلِّ شَىْءٍ عَلِيمٌۢ ﴿٦٤﴾

"Wahai orang-orang yang beriman! Hendaklah hamba-hamba kamu dan orang-orang yang belum baligh dari kalangan kamu meminta izin kepada kamu (sebelum masuk ke kamar kamu) pada tiga waktu, iaitu sebelum sembahyang Subuh, dan sewaktu kamu membuka pakaian kamu kerana kepanasan tengahari dan sesudah sembahyang Isyak. Itulah tiga waktu (berlakunya) pendedahan 'aurat bagi kamu. Tiada apa-apa kesalahan bagi kamu dan bagi mereka selepas tiga waktu itu, (kerana mereka) adalah orang-orang yang selalu keluar masuk ke atas kamu kerana melayani satu sama lain. Demikianlah Allah menjelaskan ayat-ayat-Nya kepada kamu dan Allah Maha Mengetahui dan Maha Bijaksana (58). Dan apabila kanak-kanak dari kalangan kamu telah baligh, maka hendaklah mereka meminta izin sebagaimana (orang-orang yang telah cukup umur yang disebut) sebelum mereka. Demikianlah Allah menjelaskan ayat-ayat-Nya kepada kamu dan Allah adalah Maha Mengetahui dan Maha Bijaksana (59). Dan perempuan-perempuan tua yang telah putus haid, yang tidak ingin lagi berkahwin, maka tiadalah apa-apa kesalahan bagi mereka menanggalkan setengah-setengah pakaian mereka tanpa bertujuan mendedahkan perhiasan mereka, tetapi memelihara kesucian diri (tanpa menanggalkan pakaian-pakaian itu) adalah lebih baik bagi mereka, dan Allah Maha Mendengar dan Maha Mengetahui (60). Tiada apa-apa kesalahan bagi orang yang buta, dan tiada apa-apa kesalahan bagi orang yang tempang, dan tiada apa-apa kesalahan bagi orang yang sakit, dan tiada apa-apa kesalahan bagi kamu (dan bagi mereka) turut makan di rumah-rumah kamu atau di rumah bapa-bapa kamu, atau di rumah ibu-ibu kamu atau di rumah saudara-saudara kamu yang lelaki atau di rumah saudara kamu yang perempuan atau di rumah bapa-bapa saudara kamu yang lelaki (sebelah bapa) atau di rumah-rumah ibu-ibu saudara kamu yang perempuan (sebelah bapa) atau di rumah bapa-bapa saudara kamu yang lelaki (sebelah ibu) atau di rumah ibu-ibu saudara kamu yang perempuan (sebelah ibu) atau di rumah yang kamu memegang anak kuncinya atau di rumah sahabat kamu. Tiada apa kesalahan bagi kamu makan bersama-sama atau berasing-asing. Dan apabila kamu masuk mana-mana rumah kediaman, maka hendaklah kamu ucapkan salam kepada diri kamu, iaitu ucapan salam dari

Allah, yang penuh keberkatan dan kebaikan. Demikianlah Allah menjelaskan ayat-ayat-Nya kepada kamu supaya kamu berfikir (61). Sesungguhnya orang-orang yang beriman itu ialah orang-orang yang beriman kepada Allah dan Rasul-Nya dan apabila mereka berada bersama-sama Rasulullah di dalam sesuatu urusan yang memerlukan perhimpunan ramai, mereka tidak pergi (dari perhimpunan itu) sehingga mereka meminta keizinan dari engkau. Merekalah orang-orang yang sebenar beriman kepada Allah dan Rasul-Nya. Dan apabila mereka meminta keizinan dari engkau kerana menunaikan beberapa urusan mereka, maka berikanlah keizinan kepada sesiapa yang engkau kehendaki di antara mereka dan pohonkanlah keampunan dari Allah untuk mereka. Sesungguhnya Allah Maha Pengampun dan Maha Pengasih (62). Janganlah kamu jadikan panggilan terhadap Rasul di antara kamu sama seperti panggilan terhadap sesama kamu. Sesungguhnya Allah mengetahui orang-orang yang menyusup keluar (dari perhimpunan) secara senyap-senyap dengan melindungkan diri di antara kamu. Oleh itu hendaklah orang-orang yang melanggar perintah-Nya itu merasa takut bahawa mereka akan ditimpa bala bencana atau ditimpakan 'azab yang amat pedih (63). Ketahuilah! Sesungguhnya Allah itu memiliki segala isi langit dan bumi. Sesungguhnya Dia mengetahui keadaan kamu sekarang ini dan keadaan pada hari (seluruh manusia) dikembalikan kepada-Nya, dan (di sana) Dia akan memberitahu kepada mereka segala amalan yang telah dilakukan mereka dan Allah Maha Mengetahui segala sesuatu."(64)

Islam adalah suatu sistem hidup yang lengkap. Ia mengatur kehidupan manusia dalam segala peringkat perkembangan dan tahapnya, ia menyusun segala perhubungan dan pertaliannya dan segala gerak dan diamnya. Oleh sebab itulah Islam mengambil berat menerangkan peradaban-peradaban harian yang kecil, sebagaimana ia menerangkan tugas-tugas besar yang lain dan menyelaraskan semuanya, dan pada akhirnya ia membawa mereka dengan peradaban-peradaban ini bertawajjuh kepada Allah.

Surah ini merupakan satu contoh dari penyelarasan itu. Ia mengandungi hukum-hukum hudud di samping hukum meminta keizinan untuk memasuki rumah-rumah kediaman, juga di samping penjelajahan yang jauh di merata pelosok alam al-wujud. Kemudian ayat-ayat surah ini kembali semula memperkatakan tentang kebaikan adab sopan orang-orang Islam yang patuh berhakimkan Allah dan Rasul-Nya dan kebiadaban orang-orang Munafiqin, di samping menerangkan janji Allah yang benar kepada orang-orang yang beriman untuk melantikkan mereka menjadi khalifah di bumi, mengurniakan keamanan kepada mereka dan mengukuhkan kedudukan agama mereka. Kini dalam pelajaran ini, Al-Qur'an kembali semula menjelaskan peradaban minta izin di dalam rumah, di samping minta izin kerana hendak keluar dari majlis Rasulullah s.a.w. serta mengaturkan peraturan berziarah dan makan minum di antara kaum kerabat dan sahabat handal, di samping menerangkan peradaban yang wajib ketika hendak bercakap atau memanggil Rasulullah s.a.w. Semuanya merupakan peradaban-peradaban yang harus dipatuhi oleh masyarakat Islam dan merupakan peraturan-peraturan untuk mengaturkan perhubungan-perhubungan mereka. Al-Qur'an mengasuh dan mendidik masyarakat Islam dalam segala bidang hidup mereka sama ada besar atau kecil.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 58 - 59)

يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُواْ لِيَسۡتَـٔۡذِنكُمُ ٱلَّذِينَ مَلَكَتۡ
أَيۡمَٰنُكُمۡ وَٱلَّذِينَ لَمۡ يَبۡلُغُواْ ٱلۡحُلُمَ مِنكُمۡ ثَلَٰثَ مَرَّٰتٖۚ مِّن قَبۡلِ
صَلَوٰةِ ٱلۡفَجۡرِ وَحِينَ تَضَعُونَ ثِيَابَكُم مِّنَ ٱلظَّهِيرَةِ
وَمِنۢ بَعۡدِ صَلَوٰةِ ٱلۡعِشَآءِۚ ثَلَٰثُ عَوۡرَٰتٖ لَّكُمۡۚ لَيۡسَ عَلَيۡكُمۡ
وَلَا عَلَيۡهِمۡ جُنَاحُۢ بَعۡدَهُنَّۚ طَوَّٰفُونَ عَلَيۡكُم بَعۡضُكُمۡ
عَلَىٰ بَعۡضٖۚ كَذَٰلِكَ يُبَيِّنُ ٱللَّهُ لَكُمُ ٱلۡأٓيَٰتِۗ وَٱللَّهُ
عَلِيمٌ حَكِيمٞ ٥٨
وَإِذَا بَلَغَ ٱلۡأَطۡفَٰلُ مِنكُمُ ٱلۡحُلُمَ فَلۡيَسۡتَـٔۡذِنُواْ
كَمَا ٱسۡتَـٔۡذَنَ ٱلَّذِينَ مِن قَبۡلِهِمۡۚ كَذَٰلِكَ يُبَيِّنُ
ٱللَّهُ لَكُمۡ ءَايَٰتِهِۦۗ وَٱللَّهُ عَلِيمٌ حَكِيمٞ ٥٩

"Wahai orang-orang yang beriman! Hendaklah hamba-hamba kamu dan orang-orang yang belum baligh dari kalangan kamu meminta izin kepada kamu (sebelum masuk ke kamar kamu) pada tiga waktu, iaitu sebelum sembahyang Subuh, dan sewaktu kamu membuka pakaian kamu kerana kepanasan tengahari dan sesudah sembahyang Isyak. Itulah tiga waktu (berlakunya) pendedahan 'aurat bagi kamu. Tiada apa-apa kesalahan bagi kamu dan bagi mereka selepas tiga waktu itu, (kerana mereka) adalah orang-orang yang selalu keluar masuk ke atas kamu kerana melayani satu sama lain. Demikianlah Allah menjelaskan ayat-ayat-Nya kepada kamu dan Allah Maha Mengetahui dan Maha Bijaksana."(58)

Di dalam surah ini telah pun diterangkan tentang hukum-hukum meminta izin untuk memasuki rumah-rumah kediaman. Di sini pula diterangkan hukum-hukum meminta izin di dalam rumah.

Tiga Waktu Larangan Masuk Kamar Tanpa Minta Izin

Pelayan-pelayan rumah seperti hamba, kanak-kanak mumayyiz yang belum baligh adalah dibenarkan masuk tanpa meminta izin melainkan pada tiga waktu, di mana 'aurat-'aurat biasanya terdedah. Oleh itu dalam waktu-waktu itu mereka pastilah meminta izin sebelum masuk. Waktu-waktu itu ialah pertama waktu sebelum sembahyang Subuh, di mana orang-orang biasanya masih dalam pakaian tidur atau sedang menukar pakaian untuk mengenakan pakai keluar. Kedua waktu tidur tengahari, di mana mereka biasanya menanggalkan pakaian dan memakai pakaian tidur untuk berehat. Ketiga waktu selepas

Isyak, di mana mereka menanggalkan pakaian dan memakai baju tidur. Al-Qur'an menamakan waktu-waktu itu sebagai waktu-waktu 'aurat kerana terdedahnya 'aurat di waktu-waktu itu. Dalam tiga-tiga waktu ini pelayan-pelayan rumah dan kanak-kanak mumayyiz yang belum baligh pastilah meminta izin supaya mereka tidak terpandang 'aurat-'aurat keluarga mereka. Ini adalah satu peradaban yang telah diabaikan oleh sebilangan ramai dalam kehidupan di rumahtangga mereka. Mereka memandang kecil kepada kesan-kesannya yang buruk yang mengganggu ketenteraman jiwa dan saraf dan merosakkan akhlak pelayan-pelayan rumah dan kanak-kanak mumayyiz itu. Mereka menyangka pelayan-pelayan rumah itu tidak akan tergamak melihat 'aurat-'aurat tuanmas-tuanmas, dan kanak-kanak mumayyiz yang belum baligh itu tidak akan berminat dengan pemandangan-pemandangan 'aurat itu, sedangkan pakar-pakar jiwa pada hari ini - setelah ilmu jiwa semakin bertambah maju - telah pun menegaskan bahawa setengah-setengah pemandangan yang dilihat oleh kanak-kanak semasa kecil itu boleh mempengaruhi seluruh hidup mereka dan kadang-kadang menyebabkan mereka mengidap penyakit-penyakit jiwa dan saraf yang sukar disembuh.

Allah Yang Maha Mengetahui dan Maha Mendalam Ilmu Pengetahuan-Nya mengajar peradaban ini kepada orang-orang Mu'minin kerana Allah mahu membina satu umat yang sihat jiwa dan sarafnya, bersih hati dan perasaannya, suci sanubari dan fikirannya.

Allah menentukan tiga waktu larangan ini sahaja, kerana waktu-waktu ini mempunyai banyak kemungkinan berlakunya keterdedahan 'aurat. Allah tidak mewajibkan pelayan-pelayan rumah dan kanak-kanak mumayyiz meminta izin setiap masa untuk mengelakkan mereka dari kesukaran dan kesulitan, kerana mereka banyak keluar masuk menemui keluarga mereka disebabkan usia mereka yang masih mentah atau disebabkan mereka hendak memberi perkhidmatan-perkhidmatan:

طَوَّٰفُونَ عَلَيۡكُم بَعۡضُكُمۡ عَلَىٰ بَعۡضٍۚ

"(Kerana mereka) adalah orang-orang yang selalu keluar masuk ke atas kamu kerana melayani satu sama lain."(58)

Dengan peraturan itu dapat mencapai dua matlamat iaitu menjaga supaya 'aurat-'aurat tidak terdedah dan menghapuskan kesukaran dan kesulitan andainya mereka di wajibkan meminta izin seperti orang-orang dewasa.

Tetapi apabila kanak-kanak telah meningkat usia baligh, maka mereka termasuk dalam hukum orang-orang asing yang wajib meminta izin pada setiap waktu mengikut nas umum yang telah disebut dalam ayat meminta izin.

Kemudian ayat ini diiringi dengan ulasan:

وَٱللَّهُ عَلِيمٌ حَكِيمٞ ﴿٥٩﴾

"Dan Allah adalah Maha Mengetahui dan Maha Bijaksana."(59)

Kerana bidang penentuan hukum-hukum ini mempunyai hubungan dengan ilmu Allah yang amat mendalam tentang hakikat jiwa manusia dan peradaban-peradaban yang boleh membawa kebaikan kepadanya, juga mempunyai hubungan dengan hikmat kebijaksanaan Allah dalam mengubati jiwa dan hati manusia.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat 60)

Di dalam surah ini juga telah diterangkan tentang hukum (yang mewajibkan wanita) menyembunyikan perhiasan badan mereka untuk mencegah kesan-kesan yang boleh menimbulkan godaan nafsu berahi (pada kaum lelaki), di sini pula diterangkan pengecualian terhadap perempuan-perempuan tua yang tidak lagi mempunyai keinginan untuk mengauli lelaki dan tubuh mereka juga tidak lagi mempunyai daya-daya penarik yang membangkitkan nafsu keinginan lelaki:

Kelonggaran Kepada Perempuan-perempuan Tua

وَٱلۡقَوَٰعِدُ مِنَ ٱلنِّسَآءِ ٱلَّٰتِي لَا يَرۡجُونَ نِكَاحٗا فَلَيۡسَ عَلَيۡهِنَّ جُنَاحٌ أَن يَضَعۡنَ ثِيَابَهُنَّ غَيۡرَ مُتَبَرِّجَٰتِۭ بِزِينَةٖۖ وَأَن يَسۡتَعۡفِفۡنَ خَيۡرٞ لَّهُنَّۗ وَٱللَّهُ سَمِيعٌ عَلِيمٞ ﴿٦٠﴾

"Dan perempuan-perempuan tua yang telah putus haid, yang tidak ingin lagi berkahwin, maka tiadalah apa-apa kesalahan bagi mereka menanggalkan setengah-setengah pakaian mereka tanpa bertujuan mendedahkan perhiasan mereka, tetapi memelihara kesucian diri (tanpa menanggalkan pakaian-pakaian itu) adalah lebih baik bagi mereka, dan Allah Maha Mendengar dan Maha Mengetahui."(60)

Perempuan-perempuan tua seperti ini tidak salah bagi mereka menanggalkan pakaian-pakaian luar mereka dengan syarat tidak mendedahkan 'aurat-'aurat dan perhiasan badan mereka. Tetapi lebih baik bagi mereka terus kekal berpakaian luar yang lega. Al-Qur'an menamakan perbuatan mengenakan badan dengan pakaian-pakaian luar yang lega itu sebagai perbuatan memelihara kesucian diri (isti'faf) dan mengutamakannya, kerana pendedahan diri mempunyai hubungan dengan rangsangan nafsu berahi dan penutupan tubuh badan mempunyai hubungan dengan kesucian diri. Ini berdasarkan teori Islam bahawa sebaik-baik jalan untuk mencapai kesucian diri itu ialah mengurangkan peluang-peluang

yang membangkitkan nafsu berahi dan menahankan hati manusia dari digoda oleh pesona-pesona seks.

وَٱللَّهُ سَمِيعٌ عَلِيمٌ ﴿٦٠﴾

"Dan Allah Maha Mendengar dan Maha Mengetahui"(60)

Allah mendengar dan mengetahui segala-galanya. Dia mengetahui segala apa yang diucapkan oleh lidah dan segala apa yang terlintas di dalam hati, kerana yang menjadi perkara pokok di sini ialah niat dan perasaan yang peka di dalam hati manusia.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat 61)

Kemudian Al-Qur'an terus menjelaskan peraturan-peraturan hubungan dan pertalian di antara kaum kerabat dan sahabat handai:

لَّيْسَ عَلَى ٱلْأَعْمَىٰ حَرَجٌ وَلَا عَلَى ٱلْأَعْرَجِ حَرَجٌ وَلَا
عَلَى ٱلْمَرِيضِ حَرَجٌ وَلَا عَلَىٰٓ أَنفُسِكُمْ أَن تَأْكُلُوا۟
مِنۢ بُيُوتِكُمْ أَوْ بُيُوتِ ءَابَآئِكُمْ أَوْ بُيُوتِ
أُمَّهَٰتِكُمْ أَوْ بُيُوتِ إِخْوَٰنِكُمْ أَوْ بُيُوتِ
أَخَوَٰتِكُمْ أَوْ بُيُوتِ أَعْمَٰمِكُمْ أَوْ بُيُوتِ
عَمَّٰتِكُمْ أَوْ بُيُوتِ أَخْوَٰلِكُمْ أَوْ بُيُوتِ
خَٰلَٰتِكُمْ أَوْ مَا مَلَكْتُم مَّفَاتِحَهُۥٓ
أَوْ صَدِيقِكُمْ ۚ لَيْسَ عَلَيْكُمْ جُنَاحٌ أَن
تَأْكُلُوا۟ جَمِيعًا أَوْ أَشْتَاتًا ۚ فَإِذَا دَخَلْتُم بُيُوتًا
فَسَلِّمُوا۟ عَلَىٰٓ أَنفُسِكُمْ تَحِيَّةً مِّنْ عِندِ ٱللَّهِ مُبَٰرَكَةً
طَيِّبَةً ۚ كَذَٰلِكَ يُبَيِّنُ ٱللَّهُ لَكُمُ ٱلْءَايَٰتِ
لَعَلَّكُمْ تَعْقِلُونَ ﴿٦١﴾

"Tiada apa-apa kesalahan bagi orang yang buta, dan tiada apa-apa kesalahan bagi orang yang tempang, dan tiada apa-apa kesalahan bagi orang yang sakit, dan tiada apa-apa kesalahan bagi kamu (dan bagi mereka) turut makan di rumah-rumah kamu atau di rumah bapa-bapa kamu atau di rumah ibu-ibu kamu atau di rumah saudara-saudara kamu yang lelaki atau di rumah saudara kamu yang perempuan atau di rumah bapa-bapa saudara kamu yang lelaki (sebelah bapa) atau di rumah-rumah ibu-ibu saudara kamu yang perempuan (sebelah bapa) atau di rumah bapa-bapa saudara kamu yang lelaki (sebelah ibu) atau di rumah ibu-ibu saudara kamu yang perempuan (sebelah ibu) atau di rumah yang kamu memegang anak kuncinya atau di rumah sahabat kamu. Tiada apa kesalahan bagi kamu makan bersama-sama atau berasing-asing. Dan apabila kamu masuk mana-mana rumah kediaman, maka hendaklah kamu ucapkan salam kepada diri kamu, iaitu ucapan salam dari Allah, yang penuh keberkatan dan kebaikan. Demikianlah Allah menjelaskan ayat-ayat-Nya kepada kamu supaya kamu berfikir."(61)

Rumah-rumah Yang Diizin Makan Dengan Bebas

Menurut riwayat, mereka (para sahabat) bermakan minum dengan bebas di rumah-rumah mereka yang tersebut di dalam ayat ini tanpa meminta izin tuan-tuan rumah itu lebih dahulu. Mereka membawa bersama mereka orang-orang buta, tempang, sakit yang miskin di kalangan mereka untuk dijamu makan di rumah-rumah itu. Ini menyebabkan orang-orang buta, tempang dan sakit itu merasa segan hendak makan, dan mereka juga merasa keberatan membawa orang-orang ini tanpa diundang atau tanpa diizin oleh tuan-tuan rumah itu. Hal ini berlaku setelah turunnya ayat:

وَلَا تَأْكُلُوٓا۟ أَمْوَٰلَكُم بَيْنَكُم بِٱلْبَٰطِلِ

"Dan janganlah kamu makan harta orang lain di antara kamu dengan jalan yang tidak sebenar"

(Surah al-Baqarah: 188)

Mereka mempunyai perasaan yang sangat peka. Mereka takut terjerumus di dalam perbuatan-perbuatan yang dilarangkan Allah. Mereka segan terlibat di dalam perkara-perkara yang ditegah walaupun dari jauh. Oleh sebab itulah Allah menurunkan ayat ini untuk mengangkatkan keseganan dari orang-orang yang buta, orang-orang yang sakit dan orang-orang yang tempang, juga dari anak beranak yang dekat dari bermakan minum di rumah kerabat-kerabat mereka yang dekat dan dari membawa bersama mereka orang-orang yang miskin itu ke rumah-rumah itu. Ini dengan syarat tuan-tuan rumah itu rela dan bersetuju serta tidak mendapat kesusahan kerananya berdasarkan kepada peraturan umum:

لاضرر ولا ضرار

"Tidak dibenarkan melakukan mudharat kepada orang lain dan tidak dibenarkan membalas dengan mudharat"

juga berdasarkan kepada hadith:

لايحل مال امرىء مسلم إلا بطيب نفس

"Tidak halal harta seorang Muslim melainkan dengan kerelaan hatinya." [21]

Oleh kerana ayat ini merupakan ayat perundangan atau tasyrik, maka kita dapati cara pengungkapannya amat halus dari segi pemilihan kata-kata, tertib susunan maudhu' dan penerangan yang jelas, yang tidak meninggalkan ruang bagi sebarang keraguan

---

[21] *Diriwayatkan oleh Imam as-Syafi'i. Hadith ini menjadi sandaran beliau dalam salah satu dalam dua pendapatnya mengenai hukum mukatabah hamba.*

dan kesamaran, juga dari segi tertib susunan kaum kerabat, iaitu pertama-tama dimulakan dengan rumah anak-anak dan suami-suami tanpa menyebut mereka, malah dengan hanya menyebut:

أَن تَأْكُلُوا۟ مِنۢ بُيُوتِكُمْ

"Makan di rumah-rumah kamu"(61)

iaitu termasuk "dalam kata-kata rumah-rumah kamu itu" ialah rumah anak dan rumah suami, kerana rumah anak ialah rumah bapanya dan rumah suami ialah rumah isterinya. Kemudian disebutnya rumah bapa, rumah ibu-ibu, rumah saudara-saudara lelaki, rumah saudara-saudara perempuan, rumah bapa-bapa saudara (sebelah bapa), rumah ibu-ibu saudara (sebelah bapa), rumah bapa-bapa saudara (sebelah ibu) dan rumah ibu-ibu saudara (sebelah ibu), kemudian dimasukkan kedalam golongan kaum kerabat ini ialah penjaga harta seseorang, kerana ia juga berhak memakan harta benda di bawah jagaannya sekadar yang wajar iaitu tidak melebihi keperluan makan minumnya sahaja, kemudian ditambahkan pula dengan rumah-rumah sahabat handai untuk menjalinkan mereka dengan hubungan keluarga dengan syarat tidak mendatangkan kesusahan kepada mereka atau menyakiti mereka, kerana sahabat handai itu kadang-kadang berbesar hati apabila sahabat-sahabat mereka datang makan makanan di rumah mereka tanpa meminta izin.

Setelah selesai menerangkan rumah-rumah yang boleh dimakan dengan bebas, Al-Qur'an menerangkan pula cara makan yang harus:

لَّيْسَ عَلَيْكُمْ جُنَاحٌ أَن تَأْكُلُوا۟ جَمِيعًا
أَوْ أَشْتَاتًا

"Tiada apa-apa kesalahan bagi kamu makan bersama-sama atau berasing-asing"(61)

Kelonggaran Makan Bersendirian Dan Makan Bersama

mengikut adat setengah mereka di zaman jahiliyah, mereka enggan makan bersendirian dan jika mereka tidak mendapati ada orang lain yang dapat makan bersama-sama dengan mereka, maka mereka akan putus selera untuk memakan makanan itu. Oleh sebab itulah Allah angkatkan perasaan segan yang dipaksa-paksakan ini dan mengembalikannya kepada keadaannya yang mudah dan tidak menyusahkan, iaitu Allah memberi kebebasan kepada mereka sama ada mereka hendak makan secara bersendirian atau berkelompok.

Setelah selesai menerangkan cara makan yang diharuskan, maka Al-Qur'an menyebut pula peradaban memasuki rumah-rumah kediaman yang menjadi tempat makan itu:

فَإِذَا دَخَلْتُم بُيُوتًا فَسَلِّمُوا۟ عَلَىٰٓ أَنفُسِكُمْ تَحِيَّةً

مِّنْ عِندِ ٱللَّهِ مُبَٰرَكَةً طَيِّبَةً

"Dan apabila kamu masuk mana-mana rumah kediaman, maka hendaklah kamu ucapkan salam kepada diri kamu, iaitu ucapan salam dari Allah yang penuh keberkatan dan kebaikan."(61)

Ini adalah suatu ungkapan yang amat halus, yang menggambarkan hubungan yang kuat di antara orang-orang yang tersebut di dalam ayat ini. Oleh sebab itulah orang yang memberi salam kepada kerabatnya atau sahabatnya bererti ia memberi salam kepada dirinya sendiri. Dan ucapan salam yang diucapkannya itu adalah ucapan salam dari Allah yang membawa roh keberkatan dan melepaskan kebaikan yang semerbak harum serta menjalinkan hubungan mesra di antara mereka dengan tali yang kukuh yang tidak akan putus.

Demikianlah hati orang-orang yang beriman tertambat dengan Allah dalam segala urusan mereka kecil atau besar:

كَذَٰلِكَ يُبَيِّنُ ٱللَّهُ لَكُمُ ٱلْءَايَٰتِ لَعَلَّكُمْ
تَعْقِلُونَ ﴿٦١﴾

"Demikianlah Allah menjelaskan ayat-ayat-Nya kepada kamu supaya kamu berfikir"(61)

dan memahami hikmat dan penyusunan Allah yang rapi di sebalik sistem hidup yang diatur oleh-Nya.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 62 - 64)

Peradaban-peradaban Ketika Berkumpul Bersama Rasulullah Dalam Urusan Umum

Kemudian Al-Qur'an beralih dari penyusunan hubungan-hubungan di antara kaum kerabat dan sahabat handai kepada penyusunan hubungan di antara keluarga besar iaitu keluarga kaum Muslimin dengan ketua dan pemimpin mereka Nabi Muhammad s.a.w., juga kepada peradaban-peradaban orang-orang Islam ketika berada di majlis Rasulullah s.a.w.:

إِنَّمَا ٱلْمُؤْمِنُونَ ٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ بِٱللَّهِ وَرَسُولِهِۦ وَإِذَا
كَانُوا۟ مَعَهُۥ عَلَىٰٓ أَمْرٍ جَامِعٍ لَّمْ يَذْهَبُوا۟ حَتَّىٰ يَسْتَـْٔذِنُوهُ
إِنَّ ٱلَّذِينَ يَسْتَـْٔذِنُونَكَ أُو۟لَٰٓئِكَ ٱلَّذِينَ يُؤْمِنُونَ
بِٱللَّهِ وَرَسُولِهِۦ فَإِذَا ٱسْتَـْٔذَنُوكَ لِبَعْضِ شَأْنِهِمْ
فَأْذَن لِّمَن شِئْتَ مِنْهُمْ وَٱسْتَغْفِرْ لَهُمُ ٱللَّهَ إِنَّ
ٱللَّهَ غَفُورٌ رَّحِيمٌ ﴿٦٢﴾

لَّا تَجۡعَلُواْ دُعَآءَ ٱلرَّسُولِ بَيۡنَكُمۡ كَدُعَآءِ
بَعۡضِكُم بَعۡضٗاۚ قَدۡ يَعۡلَمُ ٱللَّهُ ٱلَّذِينَ يَتَسَلَّلُونَ
مِنكُمۡ لِوَاذٗاۚ فَلۡيَحۡذَرِ ٱلَّذِينَ يُخَالِفُونَ عَنۡ
أَمۡرِهِۦٓ أَن تُصِيبَهُمۡ فِتۡنَةٌ أَوۡ يُصِيبَهُمۡ عَذَابٌ أَلِيمٌ ٦٣
أَلَآ إِنَّ لِلَّهِ مَا فِي ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَٱلۡأَرۡضِۖ قَدۡ يَعۡلَمُ مَآ
أَنتُمۡ عَلَيۡهِ وَيَوۡمَ يُرۡجَعُونَ إِلَيۡهِ فَيُنَبِّئُهُم بِمَا عَمِلُواْۗ
وَٱللَّهُ بِكُلِّ شَيۡءٍ عَلِيمُۢ ٦٤

"Sesungguhnya orang-orang yang beriman itu ialah orang-orang yang beriman kepada Allah dan Rasul-Nya dan apabila mereka berada bersama-sama Rasulullah di dalam sesuatu urusan yang memerlukan perhimpunan ramai, mereka tidak pergi (dari perhimpunan itu) sehingga mereka meminta keizinan dari engkau. Merekalah orang-orang yang sebenar beriman kepada Allah dan Rasul-Nya. Dan apabila mereka meminta keizinan dari engkau kerana menunaikan beberapa urusan mereka, maka berikanlah keizinan kepada sesiapa yang engkau kehendaki di antara mereka dan pohonkanlah keampunan dari Allah untuk mereka. Sesungguhnya Allah Maha Pengampun dan Maha Pengasih (62). Janganlah kamu jadikan panggilan terhadap Rasul di antara kamu sama seperti panggilan terhadap sesama kamu. Sesungguhnya Allah mengetahui orang-orang yang menyusup keluar (dari perhimpunan) secara senyap-senyap dengan melindungkan diri di antara kamu. Oleh itu hendaklah orang-orang yang melanggar perintah-Nya itu merasa takut bahawa mereka akan ditimpa bala bencana atau ditimpakan 'azab yang amat pedih (63). Ketahuilah! Sesungguhnya Allah itu memiliki segala isi langit dan bumi. Sesungguhnya Dia mengetahui keadaan kamu sekarang ini dan keadaan pada hari (seluruh manusia) dikembalikan kepada-Nya, dan (di sana) Dia akan memberitahu kepada mereka segala amalan yang telah dilakukan mereka dan Allah Maha Mengetahui segala sesuatu."(64)

Sebab turunnya ayat ini mengikut riwayat Ibn Ishaq ialah peristiwa perpaduan orang-orang Quraysy dengan puak-puak (dari qabilah-qabilah Arab dan Yahudi) di dalam Peperangan Khandaq. Apabila Rasulullah s.a.w. mendengar berita mereka dan tujuan perpaduan mereka (hendak menyerang Rasulullah di Madinah), maka beliau pun memerintah supaya digali parit perkubuan. Rasulullah s.a.w. sendiri turut bekerja menggali parit itu untuk menggalakkan orang-orang Islam mendapatkan pahala yang besar. Mereka bekerja keras dan tekun bersama beliau. Hanya orang-orang Munafiqin sahaja yang melambat-lambatkan kerja penggalian itu dari Rasulullah s.a.w. dan orang-orang Islam yang lain. Mereka ponteng dari kerja dengan berselindung di sebalik orang yang lemah, mereka keluar dengan senyap-senyap balik kepada keluarga mereka tanpa diketahui dan diizin oleh Rasulullah s.a.w., sedangkan mana-mana orang Islam yang lain apabila mempunyai sesuatu urusan yang perlu, dia bentangkan perkara itu kepada Rasulullah s.a.w. dan memohon kebenaran beliau untuk pulang sebentar menguruskan keperluan-keperluannya, lalu dibenarkan oleh beliau. Dan apabila selesai menguruskan keperluannya dia kembali semula menyambung kerjanya kerana cintakan amalan kebajikan dan mencari ganjaran di sisi Allah. Lalu Allah turunkan ayat:

إِنَّمَا ٱلۡمُؤۡمِنُونَ ٱلَّذِينَ ءَامَنُواْ بِٱللَّهِ وَرَسُولِهِۦ وَإِذَا
كَانُواْ مَعَهُۥ عَلَىٰٓ أَمۡرٖ جَامِعٖ لَّمۡ يَذۡهَبُواْ حَتَّىٰ يَسۡتَـٔۡذِنُوهُۚ
إِنَّ ٱلَّذِينَ يَسۡتَـٔۡذِنُونَكَ أُوْلَٰٓئِكَ ٱلَّذِينَ يُؤۡمِنُونَ
بِٱللَّهِ وَرَسُولِهِۦۚ فَإِذَا ٱسۡتَـٔۡذَنُوكَ لِبَعۡضِ شَأۡنِهِمۡ
فَأۡذَن لِّمَن شِئۡتَ مِنۡهُمۡ وَٱسۡتَغۡفِرۡ لَهُمُ ٱللَّهَۚ إِنَّ
ٱللَّهَ غَفُورٞ رَّحِيمٞ ٦٢

"Sesungguhnya orang-orang yang beriman itu ialah orang-orang yang beriman kepada Allah dan Rasul-Nya dan apabila mereka berada bersama-sama Rasulullah di dalam sesuatu urusan yang memerlukan perhimpunan ramai, mereka tidak pergi (dari perhimpunan itu) sehingga mereka meminta keizinan dari engkau. Merekalah orang-orang yang sebenar beriman kepada Allah dan Rasul-Nya. Dan apabila mereka meminta keizinan dari engkau kerana menunaikan beberapa urusan mereka, maka berikanlah keizinan kepada sesiapa yang engkau kehendaki di antara mereka dan pohonkanlah keampunan dari Allah untuk mereka. Sesungguhnya Allah Maha Pengampun dan Maha Pengasih."(62)

Kemudian firman Allah Ta'ala mengenai orang-orang Munafiqin yang menghilangkan diri secara senyap-senyap kerana lari dari kerja menggali parit dan balik tanpa kebenaran dari Nabi s.a.w.:

لَّا تَجۡعَلُواْ دُعَآءَ ٱلرَّسُولِ بَيۡنَكُمۡ كَدُعَآءِ
بَعۡضِكُم بَعۡضٗاۚ قَدۡ يَعۡلَمُ ٱللَّهُ ٱلَّذِينَ يَتَسَلَّلُونَ
مِنكُمۡ لِوَاذٗاۚ فَلۡيَحۡذَرِ ٱلَّذِينَ يُخَالِفُونَ عَنۡ
أَمۡرِهِۦٓ أَن تُصِيبَهُمۡ فِتۡنَةٌ أَوۡ يُصِيبَهُمۡ عَذَابٌ أَلِيمٌ ٦٣

"Janganlah kamu jadikan panggilan terhadap Rasul di antara kamu sama seperti panggilan terhadap sesama kamu. Sesungguhnya Allah mengetahui orang-orang yang menyusup keluar (dari perhimpunan) secara senyap-senyap dengan melindungkan diri di antara kamu. Oleh itu hendaklah orang-orang yang melanggar perintah-Nya itu merasa takut bahawa mereka akan ditimpa bala bencana atau ditimpakan 'azab yang amat pedih."(63)

Biar apa pun sebab turunnya ayat-ayat ini, namun ia tetap mengandungi peradaban-peradaban dan tatatertib diri di antara kelompok dengan pimpinan. Urusan masyarakat akan pincang melainkan apabila

peradaban-peradaban dan tatatertib diri itu terbit dari seluruh perasaan, sentimen dan hati nurani anggota-anggota masyarakat kemudian bertunjang kukuh di dalam kehidupan mereka sebagai satu adat yang dipatuhi dan undang-undang yang berkuatkuasa. Jika tidak ada peradaban-peradaban dan tatatertib ini, maka masyarakat akan menjadi kacau-bilau tanpa batas:

إِنَّمَا ٱلْمُؤْمِنُونَ ٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ بِٱللَّهِ وَرَسُولِهِۦ

"Sesungguhnya orang-orang yang beriman itu ialah orang-orang yang beriman kepada Allah dan Rasul-Nya"(62)

yakni bukannya orang-orang yang mengaku beriman dengan lidah mereka tetapi tidak membuktikan pengakuan itu dengan amalan dan tidak menta'ati Allah dan Rasul-Nya.

وَإِذَا كَانُوا۟ مَعَهُۥ عَلَىٰٓ أَمْرٍ جَامِعٍ لَّمْ يَذْهَبُوا۟ حَتَّىٰ يَسْتَـْٔذِنُوهُ

"Dan apabila mereka berada bersama-sama Rasulullah s.a.w. di dalam sesuatu urusan yang memerlukan perhimpunan ramai, mereka tidak pergi (dari perhimpunan itu) sehingga mereka meminta keizinan dari engkau"(62)

maksud dari urusan yang memerlukan perhimpunan ramai itu ialah urusan-urusan penting yang memerlukan penyertaan orang ramai Islam seperti bermesyuarat atau berperang atau mana-mana kegiatan yang bersangkutan dengan kepentingan umum. Orang-orang yang beriman tidak boleh meninggalkan perhimpunan ini melainkan setelah mendapat kebenaran dari pemimpin atau pemerintah mereka supaya urusan itu tidak menjadi kacau-bilau, tanpa kehormatan dan peraturan.

Orang-orang yang beriman seperti ini dan mematuhi peradaban ini tidak akan meminta izin mengundurkan diri melainkan kerana terpaksa, kerana keimanan dan adab sopan mereka yang tinggi itulah yang menghalangi mereka dari mengundurkan diri dari urusan umum yang sedang sibuk difikirkan orang ramai Islam dan memerlukan kepada perhimpunan itu. Walaupun demikian, namun Al-Qur'an menyerahkan persoalan memberi keizinan atau tidak itu kepada pertimbangan Rasulullah selaku ketua masyarakat Islam setelah diserahkan kebebasan itu kepada beliau:

فَإِذَا ٱسْتَـْٔذَنُوكَ لِبَعْضِ شَأْنِهِمْ فَأْذَن لِّمَن شِئْتَ مِنْهُمْ

"Dan apabila mereka meminta keizinan dari engkau, kerana menunaikan beberapa urusan mereka, maka berikanlah keizinan kepada siapa yang engkau kehendaki di antara mereka."(62)

Sebelum ini Al-Qur'an telah menegur beliau kerana beliau telah memberi keizinan kepada orang-orang Munafiqin:

عَفَا ٱللَّهُ عَنكَ لِمَ أَذِنتَ لَهُمْ حَتَّىٰ يَتَبَيَّنَ لَكَ ٱلَّذِينَ صَدَقُوا۟ وَتَعْلَمَ ٱلْكَٰذِبِينَ ﴿٤٣﴾

"Allah telah memaafkan engkau (wahai Muhammad) mengapa engkau izinkan mereka (tidak ikut berperang) sebelum jelas kepadamu orang-orang yang benar dan sebelum engkau mengetahui orang-orang yang berdusta."

(Surah at-Taubah: 43)

Kini Al-Qur'an memberi kebebasan penuh kepada beliau, jika beliau suka, beliau boleh memberi kebenaran dan jika beliau tidak suka, beliau boleh menahankan kebenaran itu. Al-Qur'an mengangkatkan halangan dari tidak memberi kebenaran, kerana di sana mungkin ada orang yang mempunyai keperluan yang amat mendesak. Al-Qur'an menyerahkan pertimbangan ini kepada pemimpin orang ramai Islam untuk mempertimbangkan di antara kebaikan mengekalkan mereka berada dalam perhimpunan itu atau membenarkan mereka keluar dari perhimpunan itu. Dialah sahaja yang diserahkan kata pemutus dalam urusan organisasi masyarakat. Dia boleh mengatur dan mentadbirkannya mengikut apa sahaja yang dipandang baik olehnya.

Walaupun begitu, namun Al-Qur'an membayangkan bahawa kesanggupan menepikan keperluan peribadi yang mendesak dan tidak meninggalkan perhimpunan itu adalah lebih baik, dan bahawa meminta kebenaran untuk mengundurkan diri dari perhimpunan itu merupakan suatu kecuaian atau suatu sikap tidak acuh yang memerlukan Nabi s.a.w. memohon keampunan dari Allah kepada mereka yang memohon mengundurkan diri itu:

وَٱسْتَغْفِرْ لَهُمُ ٱللَّهَ ۚ إِنَّ ٱللَّهَ غَفُورٌ رَّحِيمٌ ﴿٦٢﴾

"Dan pohonkanlah keampunan dari Allah untuk mereka. Sesungguhnya Allah Maha Pengampun dan Maha Pengasih."(62)

Dengan keterangan ini Al-Qur'an mengikatkan hati kecil orang yang beriman supaya jangan meminta kebenaran mengundurkan diri selagi ia mempunyai jalan yang lain untuk mengatasi keuzuran yang mendesakkannya supaya meminta kebenaran itu.

Kemudian Al-Qur'an menarik perhatian kepada betapa perlunya menghormati Rasulullah s.a.w. ketika mereka meminta kebenaran keluar juga pada setiap masa yang lain. Justeru itu tidaklah wajar beliau dipanggilkan dengan namanya sahaja: "Wahai Muhammad!" Atau dengan gelarannya " Wahai Abu Qasim!" Sebagaimana kebiasaan orang-orang Islam memanggil satu sama lain, malah hendaklah beliau dipanggil dengan gelaran penghormatan dari Allah

لَّا تَجْعَلُوا۟ دُعَآءَ ٱلرَّسُولِ بَيْنَكُمْ كَدُعَآءِ

بَعۡضِكُم بَعۡضٗاۚ

"Janganlah kamu jadikan panggilan terhadap Rasul di antara kamu sama seperti panggilan terhadap sesama kamu."(63)

Peradaban Memanggil Rasulullah

Penghormatan terhadap Rasulullah s.a.w. pastilah dirasakan sepenuhnya oleh semua hati (orang-orang yang beriman) supaya segala perkataan dan arahan beliau diterima mereka dengan penuh perasaan hormat. Ini adalah suatu peringatan yang amat perlu diperhatikan, kerana seorang pendidik dan pemimpin itu pastilah mempunyai kehormatan dan kehebatan diri. Memang di sana ada perbezaan yang jelas di antara perlunya seorang pendidik dan pemimpin bersikap rendah diri, senang didekati dan lemah-lembut dengan sikap orang ramai yang melupakannya sebagai pendidik mereka hingga mereka tergamak memanggilnya begitu sahaja sama seperti mereka memanggil satu sama lain. Seorang pendidik pastilah mempunyai darjat kehormatan di dalam hati orang-orang yang dididik olehnya. Dia pastilah dipandang tinggi dalam perasaan mereka hingga mereka merasa segan dan malu hendak melangkau batas penghormatan itu.

Kemudian Al-Qur'an memberi amaran kepada orang-orang Munafiqin yang menyusup keluar secara diam-diam tanpa izin Rasulullah s.a.w. dengan berselindung di belakang satu sama lain kerana Allah sentiasa melihat mereka walaupun mata Rasulullah tidak melihat mereka:

قَدۡ يَعۡلَمُ ٱللَّهُ ٱلَّذِينَ يَتَسَلَّلُونَ مِنكُمۡ لِوَاذٗاۚ

"Sesungguhnya Allah mengetahui orang-orang yang menyusup keluar (dari perhimpunan) secara senyap-senyap dengan melindungkan diri di antara kamu"(63)

ini adalah suatu ungkapan yang menggambarkan gerak-geri penyusupan keluar atau mengundurkan diri dari tempat perhimpunan yang dilakukan secara senyap-senyap dan berselindung. Ia menggambarkan sikap pengecut menghadapi kenyataan dan betapa rendahnya gerakan penyusupan keluar itu dan betapa rendahnya perasaan di dalam jiwa mereka yang melakukan penyusupan keluar itu.

فَلۡيَحۡذَرِ ٱلَّذِينَ يُخَالِفُونَ عَنۡ أَمۡرِهِۦٓ أَن تُصِيبَهُمۡ فِتۡنَةٌ أَوۡ يُصِيبَهُمۡ عَذَابٌ أَلِيمٌ ﴿٦٣﴾

"Dan hendaklah orang-orang yang melanggar perintah-Nya itu merasa takut bahawa mereka akan ditimpa bala bencana atau ditimpakan 'azab yang amat pedih."(63)

Itulah satu amaran dan ancaman yang amat menakut dan mengerikan. Mereka yang melanggarkan perintah Allah dan mengikuti agama yang lain dari agama-Nya serta menyusup keluar dari barisan Muslimin secara diam-diam dengan tujuan mencari sesuatu manfa'at atau menghindari sesuatu mudharat itu hendaklah merasa takut akan ditimpakan bala bencana yang merosakkan segala ukuran, segala neraca pertimbangan dan segala peraturan hingga menyebabkan yang hak bercampuraduk dengan yang batil, yang baik dengan yang jahat, dan seterusnya merosakkan urusan dan kehidupan masyarakat Islam, di mana tiada seorang pun merasa dirinya selamat dan tiada seorang pun yang berhenti di batasnya, dan di mana kebaikan dan kejahatan tidak dapat dibezakan. Itulah masa kecelakaan dan penderitaan kepada semua orang:

أَوۡ يُصِيبَهُمۡ عَذَابٌ أَلِيمٌ ﴿٦٣﴾

"Atau ditimpakan 'azab yang amat pedih"(63)

di dunia dan Akhirat sebagai balasan terhadap perbuatan mereka melanggar perintah Allah dan menentang agama-Nya yang dipilih untuk mengaturkan kehidupan mereka.

Amaran ini dan juga keseluruhan surah ini ditamatkan dengan satu kenyataan yang menginsafkan hati orang-orang yang beriman dan orang-orang yang sesat bahawa Allah sentiasa melihat dan mengawasi mereka dan amalan mereka serta mengetahui segala rahsia yang disembunyikan di dalam hati mereka.

أَلَآ إِنَّ لِلَّهِ مَا فِي ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَٱلۡأَرۡضِۖ قَدۡ يَعۡلَمُ مَآ أَنتُمۡ عَلَيۡهِ وَيَوۡمَ يُرۡجَعُونَ إِلَيۡهِ فَيُنَبِّئُهُم بِمَا عَمِلُواْۗ وَٱللَّهُ بِكُلِّ شَيۡءٍ عَلِيمُۢ ﴿٦٤﴾

"Ketahuilah! Sesungguhnya Allah itu memiliki segala isi langit dan bumi. Sesungguhnya Dia mengetahui keadaan kamu sekarang ini dan keadaan pada hari (seluruh manusia) dikembalikan kepada-Nya, dan (di sana) Dia akan memberitahu kepada mereka segala amalan yang telah dilakukan mereka dan Allah Maha Mengetahui segala sesuatu."(64)

* * * * * *

Demikianlah surah ini ditamatkan dengan menghubungkan hati dan mata manusia kepada Allah dan mengingatkan mereka supaya takut dan bertaqwa kepada Allah, kerana taqwa itulah jaminan yang terakhir. Ia merupakan pengawal segala suruhan dan larangan dan pengawas akhlak dan peradaban yang diwajibkan Allah di dalam surah ini, dan di sinilah Allah mencantumkan seluruh peradaban itu menjadi satu.

(Tamat Juzu' Yang Kelapan Belas)

Peringatan: Sebenarnya juzu' ini berakhir dengan rubu' pertama Surah al-Furqan, tetapi oleh sebab Surah al-Furqan merupakan satu unit yang mempunyai satu maudhu' sahaja, maka saya pilih menghentikan juzu' Yang Kelapan Belas di sini agar seluruh Surah al-Furqan dibicarakan dalam Juzu' Yang Kesembilan Belas dengan izin Allah.

JUZU' KE-18 & 19

SURAH AL-FURQAN

SURAH KE

25

سُورَةُ الفُرْقَان

SURAH AL-FURQAN

Surah Pembeza

(Makkiyah)

JUMLAH AYAT

77

بِسْمِ ٱللَّهِ ٱلرَّحْمَٰنِ ٱلرَّحِيمِ

**Dengan nama Allah
Yang Maha Penyayang dan Maha Pengasih**

(Kumpulan ayat-ayat 1 - 20)

تَبَارَكَ ٱلَّذِى نَزَّلَ ٱلْفُرْقَانَ عَلَىٰ عَبْدِهِۦ لِيَكُونَ لِلْعَٰلَمِينَ
نَذِيرًا ﴿١﴾
ٱلَّذِى لَهُۥ مُلْكُ ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَٱلْأَرْضِ وَلَمْ يَتَّخِذْ وَلَدًا وَلَمْ
يَكُن لَّهُۥ شَرِيكٌ فِى ٱلْمُلْكِ وَخَلَقَ كُلَّ شَىْءٍ فَقَدَّرَهُۥ
تَقْدِيرًا ﴿٢﴾
وَٱتَّخَذُوا۟ مِن دُونِهِۦٓ ءَالِهَةً لَّا يَخْلُقُونَ شَيْـًٔا وَهُمْ
يُخْلَقُونَ وَلَا يَمْلِكُونَ لِأَنفُسِهِمْ ضَرًّا وَلَا نَفْعًا
وَلَا يَمْلِكُونَ مَوْتًا وَلَا حَيَوٰةً وَلَا نُشُورًا ﴿٣﴾
وَقَالَ ٱلَّذِينَ كَفَرُوٓا۟ إِنْ هَٰذَآ إِلَّآ إِفْكٌ ٱفْتَرَىٰهُ
وَأَعَانَهُۥ عَلَيْهِ قَوْمٌ ءَاخَرُونَ ۖ فَقَدْ جَآءُو ظُلْمًا
وَزُورًا ﴿٤﴾
وَقَالُوٓا۟ أَسَٰطِيرُ ٱلْأَوَّلِينَ ٱكْتَتَبَهَا فَهِىَ تُمْلَىٰ
عَلَيْهِ بُكْرَةً وَأَصِيلًا ﴿٥﴾
قُلْ أَنزَلَهُ ٱلَّذِى يَعْلَمُ ٱلسِّرَّ فِى ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَٱلْأَرْضِ
إِنَّهُۥ كَانَ غَفُورًا رَّحِيمًا ﴿٦﴾
وَقَالُوا۟ مَالِ هَٰذَا ٱلرَّسُولِ يَأْكُلُ ٱلطَّعَامَ
وَيَمْشِى فِى ٱلْأَسْوَاقِ لَوْلَآ أُنزِلَ إِلَيْهِ مَلَكٌ
فَيَكُونَ مَعَهُۥ نَذِيرًا ﴿٧﴾
أَوْ يُلْقَىٰٓ إِلَيْهِ كَنزٌ أَوْ تَكُونُ لَهُۥ جَنَّةٌ يَأْكُلُ
مِنْهَا ٱلظَّٰلِمُونَ إِن تَتَّبِعُونَ إِلَّا رَجُلًا
مَّسْحُورًا ﴿٨﴾
ٱنظُرْ كَيْفَ ضَرَبُوا۟ لَكَ ٱلْأَمْثَٰلَ فَضَلُّوا۟
فَلَا يَسْتَطِيعُونَ سَبِيلًا ﴿٩﴾
تَبَارَكَ ٱلَّذِىٓ إِن شَآءَ جَعَلَ لَكَ خَيْرًا مِّن ذَٰلِكَ
جَنَّٰتٍ تَجْرِى مِن تَحْتِهَا ٱلْأَنْهَٰرُ وَيَجْعَل لَّكَ قُصُورًا ﴿١٠﴾

"Maha Sucilah Allah yang telah menurunkan al-Furqan (Al-Qur'an) kepada hamba-Nya supaya menjadi pemberi amaran kepada semesta alam(1). Yang memiliki kerajaan langit dan bumi, dan Dia tidak mempunyai anak dan tidak mempunyai sebarang sekutu di dalam kerajaan-Nya, dan Dialah yang telah menciptakan segala sesuatu dan menetapkan perencanaannya masing-masing dengan rapi(2). Dan mereka (orang-orang kafir) mengambil yang lain dari Allah sebagai tuhan-tuhan, yang tidak berkuasa menciptakan sesuatu apa pun, malah mereka sendiri diciptakan Allah dan mereka tidak berkuasa menolak sesuatu kemudharatan dan tidak pula berkuasa mengambil sesuatu kemanfa'atan untuk diri mereka, dan mereka tidak memiliki kuasa mematі dan kuasa menghidup dan tidak pula kuasa membangkitkan yang mati(3). Dan berkatalah orang-orang kafir: Al-Qur'an ini tidak lain melainkan hanya suatu pembohongan yang diada-adakan olehnya (Muhammad) sahaja dan dibantu oleh satu kaum yang lain. Sesungguhnya mereka telah melakukan satu perbuatan yang zalim dan dusta(4). Dan mereka berkata lagi: (Al-Qur'an itu) ialah cerita-cerita dongeng orang-orang di zaman dahulu, lalu dia meminta orang lain menulisnya, maka cerita-cerita itu dibacakan kepadanya pagi dan petang(5). Katakanlah: Al-Qur'an itu diturunkan Allah yang mengetahui segala rahsia di langit dan di bumi. Sesungguhnya Dia Maha Pengampun dan Maha Pengasih (6). Dan mereka berkata pula: Mengapakah Rasul itu memakan makanan dan berjalan di pasar-pasar? Mengapakah tidak diturunkan kepadanya seorang malaikat supaya dia dapat memberi peringatan bersama-sama dengannya?(7). Atau (mengapakah) tidak dicampakkan kepadanya perbendaharaan (dari langit) atau (mengapakah) dia tidak mempunyai kebun yang dapat dia makan darinya.

Dan berkatalah orang-orang yang zalim ini: Kamu tidak mengikut melainkan seorang lelaki yang kena sihir(8). Perhatikanlah bagaimana mereka tergamak membuat perbandingan-perbandingan terhadapmu. Mereka telah sesat dan kerana itu mereka tidak mampu menemui jalan (hidayat)(9). Maha Sucilah Allah. Andainya Dia kehendaki tentulah Dia ciptakan untukmu lebih baik dari itu lagi, iaitu kebun-kebun yang mengalir di bawahnya sungai-sungai dan tentulah Dia ciptakan istana-istana untukmu"(10).

بَلْ كَذَّبُوا۟ بِٱلسَّاعَةِ ۖ وَأَعْتَدْنَا لِمَن كَذَّبَ بِٱلسَّاعَةِ
سَعِيرًا ﴿١١﴾

إِذَا رَأَتْهُم مِّن مَّكَانٍۭ بَعِيدٍ سَمِعُوا۟ لَهَا تَغَيُّظًا
وَزَفِيرًا ﴿١٢﴾

وَإِذَآ أُلْقُوا۟ مِنْهَا مَكَانًا ضَيِّقًا مُّقَرَّنِينَ دَعَوْا۟ هُنَالِكَ
ثُبُورًا ﴿١٣﴾

لَّا تَدْعُوا۟ ٱلْيَوْمَ ثُبُورًا وَٰحِدًا وَٱدْعُوا۟ ثُبُورًا كَثِيرًا ﴿١٤﴾

قُلْ أَذَٰلِكَ خَيْرٌ أَمْ جَنَّةُ ٱلْخُلْدِ ٱلَّتِى وُعِدَ ٱلْمُتَّقُونَ ۚ
كَانَتْ لَهُمْ جَزَآءً وَمَصِيرًا ﴿١٥﴾

لَّهُمْ فِيهَا مَا يَشَآءُونَ خَٰلِدِينَ ۚ كَانَ عَلَىٰ
رَبِّكَ وَعْدًا مَّسْـُٔولًا ﴿١٦﴾

وَيَوْمَ يَحْشُرُهُمْ وَمَا يَعْبُدُونَ مِن دُونِ ٱللَّهِ فَيَقُولُ
ءَأَنتُمْ أَضْلَلْتُمْ عِبَادِى هَٰٓؤُلَآءِ أَمْ هُمْ ضَلُّوا۟
ٱلسَّبِيلَ ﴿١٧﴾

قَالُوا۟ سُبْحَٰنَكَ مَا كَانَ يَنۢبَغِى لَنَآ أَن نَّتَّخِذَ مِن
دُونِكَ مِنْ أَوْلِيَآءَ وَلَٰكِن مَّتَّعْتَهُمْ وَءَابَآءَهُمْ حَتَّىٰ
نَسُوا۟ ٱلذِّكْرَ وَكَانُوا۟ قَوْمًۢا بُورًا ﴿١٨﴾

فَقَدْ كَذَّبُوكُم بِمَا تَقُولُونَ فَمَا تَسْتَطِيعُونَ
صَرْفًا وَلَا نَصْرًا ۚ وَمَن يَظْلِم مِّنكُمْ نُذِقْهُ عَذَابًا
كَبِيرًا ﴿١٩﴾

وَمَآ أَرْسَلْنَا قَبْلَكَ مِنَ ٱلْمُرْسَلِينَ إِلَّآ إِنَّهُمْ
لَيَأْكُلُونَ ٱلطَّعَامَ وَيَمْشُونَ فِى ٱلْأَسْوَاقِ ۗ
وَجَعَلْنَا بَعْضَكُمْ لِبَعْضٍ فِتْنَةً أَتَصْبِرُونَ ۗ
وَكَانَ رَبُّكَ بَصِيرًا ﴿٢٠﴾

"Bahkan mereka telah mendustakan hari Qiamat dan Kami telah pun menyediakan Neraka yang bernyala-nyala untuk orang yang mendustakan hari Qiamat(11). Apabila Neraka itu melihat mereka dari jauh, mereka akan mendengar suara kemarahannya dan bunyi nyalaannya(12). Dan apabila mereka dicampak ke dalam Neraka di tempat yang sempit dengan kakitangan yang terbelenggu, mereka berdo'a supaya mereka dibinasakan terus di sana(13). (Lalu dijawab kepada mereka): Janganlah kamu mendo'akan satu kebinasaan sahaja pada hari ini, malah do'akanlah kebinasaan-kebinasaan yang banyak(14). Katakanlah: Apakah 'azab itukah yang lebih baik atau Syurga yang kekal abadi yang dijanjikan kepada orang-orang yang bertaqwa, yang menjadi balasan dan tempat kembali bagi mereka? (15). Mereka memperolehi di dalam Syurga apa sahaja yang diingini mereka dan di sana mereka hidup kekal abadi. Itulah janji yang disanggupi Tuhanmu yang wajar dipohonkan kepada-Nya(16). Dan (ingatlah) hari di mana Kami akan himpunkan mereka dan sembahan-sembahan yang disembah mereka selain dari Allah. Lalu Dia berfirman: Apakah kamu yang telah menyesatkan hamba-hamba-Ku itu atau mereka sendiri yang sesat dari jalan yang benar?(17). Lalu mereka menjawab: Maha Sucilah Engkau! Tidaklah wajar bagi kami mengambil pelindung-pelindung yang lain dari-Mu, tetapi Engkaulah yang telah memberi keni'matan-keni'matan hidup kepada mereka dan datuk nenek mereka sehingga mereka lupa mengingati-Mu dan mereka adalah satu kaum yang binasa(18). (Lalu Allah berfirman) sesungguhnya mereka (sembahan-sembahan yang lain dari Allah) telah mendusta segala apa yang dikatakan kamu. Oleh itu kamu tidak akan berupaya menolak sebarang 'azab seksa dan mendapat sebarang pertolongan, dan barang siapa yang melakukan kezaliman dari kamu, nescaya Kami rasakannya 'azab yang amat besar(19). Dan Kami tidak utuskan para rasul sebelum engkau melainkan mereka semuanya memakan makanan dan berjalan di pasar-pasar, dan Kami telah jadikan sebahagian kamu ujian kepada sebahagian yang lain. Apakah kamu tidak dapat bersabar? Dan Tuhanmu itu adalah Maha Melihat."(20).

(Latar belakang dan pokok pembicaraan)

Surah Makkiyah ini pada keseluruhannya kelihatan seolah-olah bertujuan untuk melipur, menghibur, menenang, menyakin dan menguatkan tekad Rasulullah s.a:w. (dalam perjuangan beliau) menghadapi kaum Musyrikin Quraysy, iaitu menghadapi sikap mereka yang degil, angkuh dan berdolak-dalik, juga menghadapi cara perdebatan mereka yang batil dan halangan-halangan yang dilakukan mereka untuk menentang hidayat dan menyekat penyebarannya.

Dalam satu pemandangan sepintas lalu, surah ini menggambarkan kasih mesra yang lembut dari Allah terhadap hamba kesayangan dan Rasul-Nya seolah-

olah ia mengusap beliau dengan lemah lembut untuk menghilangkan penderitaan dari perjuangannya, menyenangkan hatinya, mencurahkan keyakinan dan kepercayaan kepadanya dan menyejukkan beliau dengan bayu-bayu kasih mesra.

Dalam satu pandangan sepintas yang lain pula ia menggambarkan pertarungan yang sengit dengan golongan manusia sesat, kafir dan menentang Allah dan Rasul-Nya. Mereka membantah dengan cara yang kasar, mereka melawan dengan cara yang liar, mereka menunjukkan keangkuhan, kedegilan dan keras kepala dengan cara yang keji. Mereka berpaling dari hidayat Allah yang amat terang dan jelas.

Itulah golongan manusia yang mencemuh Al-Qur'anul-Azim:

وَقَالَ ٱلَّذِينَ كَفَرُوٓا۟ إِنْ هَٰذَآ إِلَّآ إِفْكٌ ٱفْتَرَىٰهُ
وَأَعَانَهُۥ عَلَيْهِ قَوْمٌ ءَاخَرُونَ

"Dan berkatalah orang-orang kafir: Al-Qur'an ini tidak lain melainkan hanya suatu pembohongan yang diada-adakan olehnya (Muhammad) sahaja dan dibantu oleh satu kaum yang lain."(4)

Atau:

وَقَالُوٓا۟ أَسَٰطِيرُ ٱلْأَوَّلِينَ ٱكْتَتَبَهَا فَهِىَ تُمْلَىٰ
عَلَيْهِ بُكْرَةً وَأَصِيلًا ٥

"Dan mereka berkata lagi: (Al-Qur'an itu) ialah cerita-cerita dongeng orang-orang di zaman dahulu, lalu dia meminta orang lain menulisnya, maka cerita-cerita itu dibacakan kepadanya pagi dan petang."(5)

Itulah golongan yang mencemuhkan Muhammad Rasulullah yang mulia:

وَقَالَ ٱلظَّٰلِمُونَ إِن تَتَّبِعُونَ إِلَّا رَجُلًا
مَّسْحُورًا ٨

"Dan berkatalah orang-orang yang zalim ini: Kamu tidak mengikut melainkan seorang lelaki yang kena sihir."(8)

Atau mengejek:

وَإِذَا رَأَوْكَ إِن يَتَّخِذُونَكَ إِلَّا هُزُوًا أَهَٰذَا ٱلَّذِى
بَعَثَ ٱللَّهُ رَسُولًا ٤١

"Dan apabila mereka melihatmu, mereka menjadikanmu bahan ejekan: Inikah orangnya yang diutuskan Allah sebagai Rasul?"(41)

Mereka tidak berpada dengan perbuatan yang sesat, malah dengan cara yang jahat pula mereka menunjukkan kesombongan terhadap Tuhan mereka Yang Maha Besar.

وَإِذَا قِيلَ لَهُمُ ٱسْجُدُوا۟ لِلرَّحْمَٰنِ قَالُوا۟ وَمَا ٱلرَّحْمَٰنُ
أَنَسْجُدُ لِمَا تَأْمُرُنَا وَزَادَهُمْ نُفُورًا ۩ ٦٠

"Dan apabila dikatakan kepada mereka: Sujudlah kamu kepada ar-Rahman! Jawab mereka: Apakah ar-Rahman itu? Apakah wajar kami sujud kepada apa sahaja yang engkau perintahkan kami? Dan ia menyebabkan mereka bertambah liar."(60)

Atau menunjukkan kedegilan:

وَقَالَ ٱلَّذِينَ لَا يَرْجُونَ لِقَآءَنَا لَوْلَآ أُنزِلَ عَلَيْنَا
ٱلْمَلَٰٓئِكَةُ أَوْ نَرَىٰ رَبَّنَا

"Dan berkatalah orang-orang yang tidak mengharapkan pertemuan dengan Kami: Mengapakah tidak diturunkan malaikat kepada kami atau (mengapa tidak diberikan) kami melihat Tuhan kami."(21)

Itulah cemuhan dan ejekan zaman berzaman sejak Nabi Nuh a.s. hingga kepada Nabi Muhammad Rasul yang akhir sebagaimana yang digambarkan oleh surah ini.

Mereka membantah sifat-sifat kemanusiaan Rasulullah s.a.w.:

وَقَالُوا۟ مَالِ هَٰذَا ٱلرَّسُولِ يَأْكُلُ ٱلطَّعَامَ
وَيَمْشِى فِى ٱلْأَسْوَاقِ لَوْلَآ أُنزِلَ إِلَيْهِ مَلَكٌ
فَيَكُونَ مَعَهُۥ نَذِيرًا ٧

"Dan mereka berkata pula: Mengapakah Rasul itu memakan makanan dan berjalan di pasar-pasar? Mengapakah tidak diturunkan kepadanya seorang malaikat supaya dia dapat memberi peringatan bersama-sama dengannya?"(7)

Mereka juga membantah kedudukan kewangan beliau:

أَوْ يُلْقَىٰٓ إِلَيْهِ كَنزٌ أَوْ تَكُونُ لَهُۥ جَنَّةٌ يَأْكُلُ
مِنْهَا

"Atau (mengapakah) tidak dicampakkan kepadanya perbendaharaan (dari langit) atau (mengapakah) dia tidak mempunyai kebun yang dapat dia makan darinya."(8)

Seterusnya mereka membantah cara diturunkan Al-Qur'an:

وَقَالَ ٱلَّذِينَ كَفَرُوا۟ لَوْلَا نُزِّلَ عَلَيْهِ ٱلْقُرْءَانُ جُمْلَةً
وَٰحِدَةً

"Dan berkatalah orang-orang yang kafir: Mengapakah Al-Qur'an itu tidak diturunkan sekaligus kepadanya (Muhammad)?"(32)

Semuanya itu merupakan tambahan di atas tindak-tanduk mereka yang mendusta, mengejek, berkelakuan kasar dan mengada-adakan pembohongan atau pemalsuan yang jahat.

Semuanya ini dihadapi Rasulullah s.a.w. dengan seorang diri, tanpa pangkat kebesaran dan tanpa harta kekayaan, beliau hadapinya dengan ta'at setia menjunjung perintah Allah tanpa mencadangkan sesuatu kepada Allah. Beliau bertindak tidak lebih dari menumpukan tawajjuhnya kepada Allah untuk mencari keredhaan-Nya dan beliau tidak menghiraukan sesuatu yang lain dari-Nya:

رب إن لم يكن بك عليّ غضب فلا أبالي . لك العتبي حتى ترضى

"Wahai Tuhanku! Jika tidak ada apa-apa kemurkaan-Mu terhadapku, maka aku tidak akan hiraukan sesuatu yang lain. Hanya kepada-Mu terpulangnya keredhaan sehingga Engkau redha." [1]

Di sini, di dalam surah ini Allah membawa beliau ke pangkuan ri'ayah-Nya, mengusap dan menyapu penderitaannya, melipur dan menghiburkan hatinya, kesulitan dan kesusahan menghadapi kedegilan, kekasaran budi bahasa dan keangkuhan kaum Musyrikin terhadap beliau itu dirasa ringan apabila beliau mengenangkan bahawa semua tindak-tanduk itu memberi makna bahawa mereka menunjukkan keangkuhan terhadap Allah sendiri, Tuhan yang mencipta dan memberi rezeki kepada mereka, malah Dialah Tuhan yang menciptakan seluruh alam buana ini, serta mengatur dan mentadbirkannya. Oleh itu beliau tidak merasa apa-apa apabila menerima tindakan yang buruk dari mereka.

وَيَعْبُدُونَ مِن دُونِ ٱللَّهِ مَا لَا يَنفَعُهُمْ وَلَا يَضُرُّهُمْ
وَكَانَ ٱلْكَافِرُ عَلَىٰ رَبِّهِۦ ظَهِيرًا ﴿٥٥﴾

"Dan mereka menyembah selain dari Allah sembahan-sembahan yang tidak memberi manfa'at dan tidak pula mendatangkan mudharat kepada mereka. Dan orang kafir itu menjadi penyokong yang menentang Tuhannya."(55)

وَٱتَّخَذُوا۟ مِن دُونِهِۦٓ ءَالِهَةً لَّا يَخْلُقُونَ شَيْـًٔا وَهُمْ
يُخْلَقُونَ وَلَا يَمْلِكُونَ لِأَنفُسِهِمْ ضَرًّا وَلَا نَفْعًا
وَلَا يَمْلِكُونَ مَوْتًا وَلَا حَيَوٰةً وَلَا نُشُورًا ﴿٣﴾

"Dan mereka (orang-orang kafir) mengambil yang lain dari Allah sebagai tuhan-tuhan, yang tidak berkuasa menciptakan sesuatu apa pun, malah mereka sendiri diciptakan Allah dan mereka tidak berkuasa menolak sesuatu kemudharatan dan tidak pula berkuasa mengambil sesuatu kemanfa'atan untuk diri mereka, dan mereka tidak memiliki kuasa memati dan kuasa menghidup dan tidak pula kuasa membangkitkan yang mati."(3)

وَإِذَا قِيلَ لَهُمُ ٱسْجُدُوا۟ لِلرَّحْمَٰنِ قَالُوا۟ وَمَا ٱلرَّحْمَٰنُ
أَنَسْجُدُ لِمَا تَأْمُرُنَا وَزَادَهُمْ نُفُورًا ۩ ﴿٦٠﴾

"Dan apabila dikatakan kepada mereka: Sujudlah kamu kepada ar-Rahman! Jawab mereka: Apakah ar-Rahman itu? Adakah wajar kami sujud kepada apa sahaja yang engkau perintahkan kami? Dan ia menyebabkan mereka bertambah liar."(60)

Al-Qur'an menghiburkan beliau dari ejekan-ejekan mereka dengan menggambarkan taraf pemikiran mereka yang rendah:

أَرَءَيْتَ مَنِ ٱتَّخَذَ إِلَٰهَهُۥ هَوَىٰهُ أَفَأَنتَ تَكُونُ عَلَيْهِ
وَكِيلًا ﴿٤٣﴾
أَمْ تَحْسَبُ أَنَّ أَكْثَرَهُمْ يَسْمَعُونَ أَوْ يَعْقِلُونَ
إِنْ هُمْ إِلَّا كَٱلْأَنْعَٰمِ بَلْ هُمْ أَضَلُّ سَبِيلًا ﴿٤٤﴾

"Apakah pendapatmu tentang seorang yang telah bertuhankan hawa nafsunya? Apakah engkau dapat mengawalnya lagi? (43) Atau adakah engkau mengira kebanyakan mereka mendengar dan berfikir? Sebenarnya mereka adalah seperti binatang-binatang ternakan, malah mereka lebih sesat lagi jalan (hidupnya)."(44)

Allah berjanji memberi pertolongan kepada beliau di dalam perjuangan berdebat dan berhujah:

وَلَا يَأْتُونَكَ بِمَثَلٍ إِلَّا جِئْنَٰكَ بِٱلْحَقِّ وَأَحْسَنَ
تَفْسِيرًا ﴿٣٣﴾

"Dan mereka tidak membawa kepadamu suatu hujah (yang mengeliru), melainkan Kami bawakan kepadamu hujah yang benar dan pentafsiran yang sebaik-baiknya."(33)

Pada akhir perjuangan itu Al-Qur'an menayangkan kisah kebinasaan kaum-kaum yang mendustakan para rasul sebelum ini, iaitu kisah-kisah kaum Musa, Nuh, 'Ad, Thamud dan penduduk-penduduk ar-Rass dan lain-lain umat.

Kemudian Al-Qur'an menayangkan kisah kesudahan mereka yang malang di dalam satu siri pemandangan-pemandangan hari Qiamat:

ٱلَّذِينَ يُحْشَرُونَ عَلَىٰ وُجُوهِهِمْ إِلَىٰ جَهَنَّمَ
أُو۟لَٰٓئِكَ شَرٌّ مَّكَانًا وَأَضَلُّ سَبِيلًا ﴿٣٤﴾

"Orang-orang yang diseretkan ke Neraka di atas muka mereka, merekalah orang-orang yang memperolehi tempat kediaman yang paling buruk dan orang-orang yang paling sesat jalan (hidupnya)."(34)

---

[1] *Petikan dari do'a beliau kepada Allah selepas beliau mendapat layanan yang buruk di Ta'if.*

بَلْ كَذَّبُوا۟ بِٱلسَّاعَةِ ۖ وَأَعْتَدْنَا لِمَن كَذَّبَ بِٱلسَّاعَةِ
سَعِيرًا ﴿١١﴾
إِذَا رَأَتْهُم مِّن مَّكَانٍۭ بَعِيدٍ سَمِعُوا۟ لَهَا تَغَيُّظًا
وَزَفِيرًا ﴿١٢﴾
وَإِذَآ أُلْقُوا۟ مِنْهَا مَكَانًا ضَيِّقًا مُّقَرَّنِينَ دَعَوْا۟ هُنَالِكَ
ثُبُورًا ﴿١٣﴾
لَّا تَدْعُوا۟ ٱلْيَوْمَ ثُبُورًا وَٰحِدًا وَٱدْعُوا۟ ثُبُورًا كَثِيرًا ﴿١٤﴾

"Bahkan mereka telah mendustakan hari Qiamat dan Kami telah pun menyediakan Neraka yang bernyala-nyala untuk orang yang mendustakan hari Qiamat(11). Apabila Neraka itu melihat mereka dari jauh, mereka akan mendengar suara kemarahannya dan bunyi nyalaannya(12). Dan apabila mereka dinampak ke dalam Neraka di tempat yang sempit dengan kakitangan yang terbelenggu, mereka berdo'a supaya mereka dibinasakan terus di sana(13). (Lalu dijawab kepada mereka): Janganlah kamu mendo'akan satu kebinasaan sahaja pada hari ini, malah do'akanlah kebinasaan-kebinasaan yang banyak."(14)

وَيَوْمَ يَعَضُّ ٱلظَّالِمُ عَلَىٰ يَدَيْهِ يَقُولُ يَٰلَيْتَنِى ٱتَّخَذْتُ
مَعَ ٱلرَّسُولِ سَبِيلًا ﴿٢٧﴾
يَٰوَيْلَتَىٰ لَيْتَنِى لَمْ أَتَّخِذْ فُلَانًا خَلِيلًا ﴿٢٨﴾

"Dan (ingatlah) pada hari di mana orang yang zalim menggigit dua tangannya (kerana menyesal) seraya berkata: Alangkah baiknya jika dulu aku mengambil jalan (yang benar) bersama-sama Rasul!(27). Aduhai celakanya aku! Alangkah baiknya jika aku tidak mengambil si polan itu sebagai sahabat karibku."(28)

Al-Qur'an seterusnya menghiburkan beliau bahawa sifat beliau sama dengan sifat para rasul yang terdahulu:

وَمَآ أَرْسَلْنَا قَبْلَكَ مِنَ ٱلْمُرْسَلِينَ إِلَّآ إِنَّهُمْ
لَيَأْكُلُونَ ٱلطَّعَامَ وَيَمْشُونَ فِى ٱلْأَسْوَاقِ ۗ

"Dan Kami tidak utuskan para rasul sebelum engkau melainkan mereka semuanya memakan makanan dan berjalan di pasar-pasar."(20)

وَكَذَٰلِكَ جَعَلْنَا لِكُلِّ نَبِىٍّ عَدُوًّا مِّنَ ٱلْمُجْرِمِينَ ۗ
وَكَفَىٰ بِرَبِّكَ هَادِيًا وَنَصِيرًا ﴿٣١﴾

"Dan demikianlah Kami jadikan setiap nabi itu mempunyai musuh dari orang-orang yang berdosa, dan cukuplah Tuhanmu menjadi Pemberi hidayat dan Penolong (kepadamu)."(31)

Al-Qur'an menyuruh beliau bersabar dan tabah serta berjihad menentang orang-orang kafir dengan bersenjatakan Al-Qur'an yang amat jelas hujahnya, kuat dalil-dalilnya dan mendalam kesan-kesannya di dalam hati:

فَلَا تُطِعِ ٱلْكَٰفِرِينَ وَجَٰهِدْهُم بِهِۦ جِهَادًا كَبِيرًا ﴿٥٢﴾

"Oleh sebab itu janganlah engkau tunduk kepada orang-orang kafir dan lancarkan jihad terhadap mereka dengan Al-Qur'an dengan jihad yang besar."(52)

Al-Qur'an juga menggalakkan beliau bertawakkal kepada Allah ketika menghadapi kesulitan-kesulitan jihad:

وَتَوَكَّلْ عَلَى ٱلْحَىِّ ٱلَّذِى لَا يَمُوتُ وَسَبِّحْ بِحَمْدِهِۦ ۚ
وَكَفَىٰ بِهِۦ بِذُنُوبِ عِبَادِهِۦ خَبِيرًا ﴿٥٨﴾

"Dan bertawakkallah kepada Allah yang sentiasa hidup tidak mati dan bertasbihlah dengan memuji-Nya dan cukuplah dengan Dia sebagai Tuhan Yang Maha Mengetahui dosa-dosa para hamba-Nya."(58)

Demikianlah surah ini meneruskan huraiannya. Sebentar ia menyampaikan lipuran, hiburan, kemesraan dan perlindungan dari Allah kepada Rasul-Nya dan sebentar pula ia menyebut tindak-tanduk permusuhan dan kedegilan kaum Musyrikin terhadap Rasulullah s.a.w. dan mengumumkan 'azab seksa dari Allah Yang Maha Besar dan Maha Tinggi terhadap mereka, sehingga apabila surah ini hampir tamat, tiba-tiba di sana ditayangkan pula suasana senang-lenang, aman tenteram, selamat dan sejahtera dan ditayangkan gambaran hamba-hamba kesayangan Allah:

وَعِبَادُ ٱلرَّحْمَٰنِ ٱلَّذِينَ يَمْشُونَ عَلَى ٱلْأَرْضِ هَوْنًا وَإِذَا
خَاطَبَهُمُ ٱلْجَٰهِلُونَ قَالُوا۟ سَلَٰمًا ﴿٦٣﴾
وَٱلَّذِينَ يَبِيتُونَ لِرَبِّهِمْ سُجَّدًا وَقِيَٰمًا ﴿٦٤﴾

"Dan kelompok hamba-hamba Allah Yang Rahman itu ialah orang-orang yang berjalan di atas muka bumi dengan gaya yang mudah dan apabila mereka disapa orang-orang yang jahil (dengan kata-kata yang kesat) mereka menjawab dengan kata-kata yang damai(63). Dan mereka menghabiskan waktu malam mengerjakan ibadat dengan sujud dan berdiri kerana Tuhan mereka."(64)

Seolah-olah mereka merupakan hasil dari perjuangan yang sengit dengan golongan manusia yang kafir, sesat, degil dan berseteru, dan seolah-olah mereka merupakan buah-buah yang manis yang mewakili golongan yang baik yang tersembunyi di dalam pokok umat manusia yang berduri itu.

Kemudian surah ini ditamatkan dengan sebuah kenyataan yang menggambarkan betapa kerdil dan hina manusia di sisi Allah andainya tidak kerana wujudnya hati-hati yang beriman yang sentiasa berlindung dan berdo'a kepada-Nya:

قُلْ مَا يَعْبَؤُا۟ بِكُمْ رَبِّى لَوْلَا دُعَآؤُكُمْ ۖ فَقَدْ
كَذَّبْتُمْ فَسَوْفَ يَكُونُ لِزَامًۢا ﴿٧٧﴾

"Katakanlah (kepada orang-orang kafir) Tuhanku tidak mempedulikan kamu jika tidak kerana do'a kamu (tetapi bagaimana?) Sedangkan kamu telah mendustakan-Nya. Oleh kerana itu 'azab itu akan menjadi 'azab yang kekal."(77)

******

Inilah bayangan-bayangan surah, itulah paksi yang dikelilinginya dan itulah maudhu' yang dibicarakannya. Surah ini merupakan satu unit yang berhubung rapat, yang sukar dipisahkan satu dari yang lain, tetapi ia dapat dibahagikan kepada empat pusingan dalam mengolahkan maudhu' ini.

Pusingan yang pertama dimulakan dengan tasbih memuji Allah yang telah menurunkan Al-Qur'an kepada hamba-Nya supaya menjadi pemberi amaran dan peringatan kepada seluruh alam, juga dimulakan dengan mentauhidkan Allah yang memiliki segala sesuatu yang wujud di langit dan di bumi, yang mentadbirkan seluruh alam buana dengan kebijaksanaan dan perencanaan yang rapi, dan seterusnya menafikan adanya anak dan sekutu dari-Nya. Kemudian ia menyebut tentang kaum Musyrikin yang menyembah tuhan-tuhan yang lain dari Allah, sedangkan tuhan-tuhan itu tidak pernah menciptakan sesuatu apa pun dan mereka sendiri diciptakan Allah. Semuanya disebut sebelum ia menceritakan perkataan-perkataan mereka yang menyakiti Rasulullah s.a.w. iaitu perkataan-perkataan yang mendustakan Al-Qur'an yang dibawa oleh beliau dan menuduh Al-Qur'an sebagai pembohongan yang diada-adakan oleh beliau dan sebagai cerita-cerita dongeng yang ditulis atas permintaannya, juga sebelum ia menceritakan bantahan-bantahan mereka terhadap Rasul yang dipilih dari makhluk manusia yang memerlukan kepada makan minum dan berjalan di pasar-pasar, dan sebelum ia menceritakan pengesyoran-pengesyoran mereka supaya Allah turunkan kepada Rasul itu seorang malaikat atau diturunkan kepadanya perbendaharaan dari langit atau dikurniakan kepadanya sebuah kebun yang dapat ia makan darinya, juga sebelum ia menceritakan kekasaran mereka yang telah menyifatkan Rasulullah s.a.w. sebagai seorang yang terkena sihir. Al-Qur'an menceritakan lebih dahulu perkataan-perkataan mereka yang kafir terhadap Allah itu seolah-olah bertujuan supaya Rasulullah s.a.w. merasa ringan menerima perkataan-perkataan mereka yang berat terhadap dirinya dan kerasulannya. Oleh sebab itu Al-Qur'an mengumumkan kesesatan dan pendustaan mereka terhadap hari Qiamat dan mengancam mereka dengan balasan api Neraka yang disediakan untuk mereka. Di sana mereka akan dicampak di tempat yang sempit dengan kakitangan yang terbelenggu. Kemudian Al-Qur'an menayangkan pula di sebelah lembaran yang bertentangan pemandangan orang-orang yang beriman yang berada di dalam Syurga:

لَّهُمْ فِيهَا مَا يَشَآءُونَ خَٰلِدِينَ ۚ كَانَ عَلَىٰ
رَبِّكَ وَعْدًا مَّسْـُٔولًا ﴿١٦﴾

"Mereka memperolehi di dalam Syurga apa sahaja yang diingini mereka dan di sana mereka hidup kekal abadi. Itulah janji yang disanggupi Tuhanmu yang wajar dipohonkan kepada-Nya."(16)

Kemudian Al-Qur'an terus menayangkan pemandangan mereka pada hari perhimpunan mahsyar, di mana mereka disemukakan dengan tuhan-tuhan yang disembah mereka selain dari Allah dan bagaimana tuhan-tuhan itu mendustakan dakwaan mereka yang mensyirikkan Allah. Pusingan ini berakhir dengan sebuah kenyataan yang menghiburkan Rasulullah s.a.w. bahawa seluruh Rasul itu adalah manusia seperti beliau juga, iaitu mereka makan dan berjalan di pasar-pasar.

Pusingan yang kedua dimulakan dengan cerita keangkuhan orang-orang kafir yang tidak percayakan pertemuan manusia dengan Allah dan perkataan mereka (yang biadab):

وَقَالَ ٱلَّذِينَ لَا يَرْجُونَ لِقَآءَنَا لَوْلَآ أُنزِلَ عَلَيْنَا
ٱلْمَلَٰٓئِكَةُ أَوْ نَرَىٰ رَبَّنَا ۗ لَقَدِ ٱسْتَكْبَرُوا۟ فِىٓ أَنفُسِهِمْ
وَعَتَوْ عُتُوًّا كَبِيرًا ﴿٢١﴾

"Dan berkatalah orang-orang yang tidak mengharapkan pertemuan dengan Kami: Mengapakah tidak diturunkan malaikat kepada kami atau (mengapa tidak diberikan) kami melihat Tuhan kami. Sesungguhnya mereka telah memandang diri mereka terlalu besar dan mereka telah bertindak dengan keterlaluan yang begitu besar."(21)

Kemudian Al-Qur'an mempercepatkan tayangan hari Qiamat kepada mereka, iaitu hari yang mereka dapat melihat malaikat:

وَيَوْمَ تَشَقَّقُ ٱلسَّمَآءُ بِٱلْغَمَٰمِ وَنُزِّلَ ٱلْمَلَٰٓئِكَةُ تَنزِيلًا ﴿٢٥﴾
ٱلْمُلْكُ يَوْمَئِذٍ ٱلْحَقُّ لِلرَّحْمَٰنِ ۚ وَكَانَ يَوْمًا عَلَى
ٱلْكَٰفِرِينَ عَسِيرًا ﴿٢٦﴾
وَيَوْمَ يَعَضُّ ٱلظَّالِمُ عَلَىٰ يَدَيْهِ يَقُولُ يَٰلَيْتَنِى ٱتَّخَذْتُ
مَعَ ٱلرَّسُولِ سَبِيلًا ﴿٢٧﴾

"Dan (ingatlah) pada hari di mana langit terbelah mengeluarkan awan-awan dan diturunkan para malaikat berkelompok-kelompok(25). Kuasa kerajaan yang sebenar pada hari itu adalah (di tangan) Allah Yang Maha Penyayang, dan hari itu adalah hari yang amat sulit kepada orang-orang yang kafir(26). Dan (ingatlah) pada hari di mana orang yang zalim menggigit dua tangannya (kerana menyesal) seraya berkata: Alangkah baiknya jika dulu aku mengambil jalan (yang benar) bersama-sama Rasul."(27)

Supaya penjelasan itu dapat menghiburkan Rasulullah s.a.w. ketika orang-orang kafir bertindak memulaukan Al-Qur'an dan beliau mengadukan pemulauan ini kepada-Nya. Mereka telah membantah cara Al-Qur'an ini diturunkan. Mereka berkata:

وَقَالَ الَّذِينَ كَفَرُوا لَوْلَا نُزِّلَ عَلَيْهِ الْقُرْآنُ جُمْلَةً
وَاحِدَةً

"Dan berkatalah orang-orang yang kafir: Mengapakah Al-Qur'an itu tidak diturunkan sekaligus kepadanya (Muhammad)."(32)

Kemudian bantahan itu diiringi pula dengan menayangkan pemandangan mereka pada hari Qiamat, di mana mereka dikumpulkan dengan keadaan tersungkur, sedangkan dahulu mereka mendustakan hari Qiamat, juga dengan menggambarkan akibat kebinasaan yang telah menimpa para pendusta sebelum mereka seperti kaum Musa, kaum Nuh, Ad, Thamud, penduduk-penduduk ar-Rass dan berbagai-bagai umat yang lain lagi. Al-Qur'an memperlihatkan kehairanannya terhadap sikap mereka yang pernah melalui negeri kaum Lut yang telah dibinasakan itu, tetapi mereka tidak mengambil apa-apa pengajaran. Semuanya ini boleh meringankan penderitaan Rasulullah s.a.w. terhadap kesan-kesan keangkuhan mereka dan terhadap kata-kata penghinaan mereka:

وَإِذَا رَأَوْكَ إِن يَتَّخِذُونَكَ إِلَّا هُزُوًا أَهَٰذَا الَّذِي
بَعَثَ اللَّهُ رَسُولًا ﴿٤١﴾

"Dan apabila mereka melihatmu, mereka menjadikanmu bahan ejekan: Inikah orangnya yang diutuskan Allah sebagai Rasul?"(41)

Kemudian Al-Qur'an iringi penghinaan ini dengan sebuah kenyataan yang menghinakan mereka dan meletakkan mereka sejajar dengan haiwan ternakan malah lebih rendah lagi:

أَمْ تَحْسَبُ أَنَّ أَكْثَرَهُمْ يَسْمَعُونَ أَوْ يَعْقِلُونَ
إِنْ هُمْ إِلَّا كَالْأَنْعَامِ بَلْ هُمْ أَضَلُّ سَبِيلًا ﴿٤٤﴾

"Atau adakah engkau mengira kebanyakan mereka mendengar dan berfikir? Sebenarnya mereka adalah seperti binatang-binatang ternakan, malah mereka lebih sesat lagi jalan (hidupnya)."(44)

Pusingan yang ketiga merupakan satu penjelajahan meninjau pemandangan alam yang dimulakan dengan pemandangan bayang-bayang, kemudian pemandangan pertukaran siang dan malam. Pemandangan angin yang membawa berita hujan yang menyuburkan bumi dan penciptaan manusia dari air mani. Walaupun demikian, namun mereka masih terus menyembah tuhan-tuhan yang lain dari Allah, yang tidak berkuasa memberi manfa'at dan mendatangkan mudharat kepada mereka. Mereka masih terus bersikap angkuh terhadap Allah yang menciptakan mereka. Mereka menjawab dengan sombong dan kesat apabila mereka diseru menyembah Allah Yang Maha Benar:

وَإِذَا قِيلَ لَهُمُ اسْجُدُوا لِلرَّحْمَٰنِ قَالُوا وَمَا الرَّحْمَٰنُ
أَنَسْجُدُ لِمَا تَأْمُرُنَا وَزَادَهُمْ نُفُورًا ۩ ﴿٦٠﴾

"Dan apabila dikatakan kepada mereka: Sujudlah kamu kepada ar-Rahman. Jawab mereka: Apakah ar-Rahman itu? Adakah wajar kami sujud kepada apa sahaja yang engkau perintahkan kami? Dan ia menyebabkan mereka bertambah liar?"(60)

وَهُوَ الَّذِي جَعَلَ اللَّيْلَ وَالنَّهَارَ خِلْفَةً لِّمَنْ أَرَادَ
أَن يَذَّكَّرَ أَوْ أَرَادَ شُكُورًا ﴿٦٢﴾

"Dan Dialah yang telah menciptakan malam dan siang silih berganti bagi mereka yang ingin mengambil pengajaran atau ingin bersyukur."(62)

Tetapi mereka tidak mengambil pengajaran dan tidak pula bersyukur.

Kemudian pusingan yang akhir ini menggambarkan "hamba-hamba kesayangan Allah Yang Maha Penyayang" (عباد الرحمن) yang sentiasa sujud dan menyembah Allah dan merakamkan ciri-ciri mereka yang melayakkan mereka menerima gelaran yang tinggi ini. Seterusnya ia membuka pintu taubat kepada sesiapa sahaja yang ingin mengikuti jejak para hamba kesayangan Allah Yang Maha Penyayang itu dan menggambarkan balasan yang diterima mereka di atas kesabaran dan ketekunan mereka menjunjung kewajipan iman dan ibadat:

أُولَٰئِكَ يُجْزَوْنَ الْغُرْفَةَ بِمَا صَبَرُوا وَيُلَقَّوْنَ
فِيهَا تَحِيَّةً وَسَلَامًا ﴿٧٥﴾

"Merekalah yang akan dibalaskan dengan kamar (di dalam Syurga) kerana kesabaran mereka dan mereka akan disambut di sana dengan ucapan selamat sejahtera."(75)

Surah ini berakhir dengan sebuah kenyataan yang menjelaskan betapa kerdil dan hinanya manusia ini di sisi Allah jika tidak kerana adanya orang-orang yang ta'at, yang menyambut da'wah-Nya dan mengenali-Nya di tengah kumpulan manusia yang liar dan sesat yang terdiri dari para pendusta yang kafir itu.

Kenyataan yang memperkecilkan manusia seperti itu meringankan penderitaan Rasulullah s.a.w. yang menghadapi tindak-tanduk mereka yang jahat. Kenyataan ini sesuai dengan bayangan dan suasana surah, juga selaras dengan maudhu' dan matlamat-matlamatnya mengikut cara penyelarasan yang seni dalam penyampaian Al-Qur'an.

******

(Pentafsiran ayat-ayat 1 - 3)

Sekarang marilah kita mulakan pusingan yang pertama dengan huraian yang terperinci:

تَبَارَكَ ٱلَّذِى نَزَّلَ ٱلْفُرْقَانَ عَلَىٰ عَبْدِهِۦ لِيَكُونَ لِلْعَٰلَمِينَ نَذِيرًا ﴿١﴾

ٱلَّذِى لَهُۥ مُلْكُ ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَٱلْأَرْضِ وَلَمْ يَتَّخِذْ وَلَدًا وَلَمْ يَكُن لَّهُۥ شَرِيكٌ فِى ٱلْمُلْكِ وَخَلَقَ كُلَّ شَىْءٍ فَقَدَّرَهُۥ تَقْدِيرًا ﴿٢﴾

وَٱتَّخَذُوا۟ مِن دُونِهِۦٓ ءَالِهَةً لَّا يَخْلُقُونَ شَيْـًٔا وَهُمْ يُخْلَقُونَ وَلَا يَمْلِكُونَ لِأَنفُسِهِمْ ضَرًّا وَلَا نَفْعًا وَلَا يَمْلِكُونَ مَوْتًا وَلَا حَيَوٰةً وَلَا نُشُورًا ﴿٣﴾

"Maha Sucilah Allah yang telah menurunkan al-Furqan (Al-Qur'an) kepada hamba-Nya supaya menjadi pemberi amaran kepada semesta alam(1). Yang memiliki kerajaan langit dan bumi, dan Dia tidak mempunyai anak dan tidak mempunyai sebarang sekutu di dalam kerajaan-Nya, dan Dialah yang telah menciptakan segala sesuatu dan menetapkan perencanaannya masing-masing dengan rapi(2). Dan mereka (orang-orang kafir) mengambil yang lain dari Allah sebagai tuhan-tuhan, yang tidak berkuasa menciptakan sesuatu apa pun, malah mereka sendiri diciptakan Allah dan mereka tidak berkuasa menolak sesuatu kemudharatan dan tidak pula berkuasa mengambil sesuatu kemanfa'atan untuk diri mereka, dan mereka tidak memiliki kuasa memati dan kuasa menghidup dan tidak pula kuasa membangkitkan yang mati."(3)

Ayat ini merupakan kata pendahuluan yang menerangkan maudhu'-maudhu' utama surah ini, iaitu Al-Qur'an diturun dari sisi Allah, kerasulan Nabi Muhammad s.a.w. untuk semua umat manusia, keesaan Allah yang mutlaq dan kesucian-Nya dari anak dan sekutu, seluruh alam buana dimiliki Allah dan pentadbiran Allah yang mengatur dengan hikmat kebijaksanaan dan dengan perencanaan yang rapi. Tetapi walaupun demikian, kaum Musyrikin masih sanggup mempersekutui-Nya, para pendusta masih terus mengada-adakan pembohongan terhadap-Nya, para pembantah masih terus membantah dan orang-orang yang bongkak masih terus membongkak.

تَبَارَكَ ٱلَّذِى نَزَّلَ ٱلْفُرْقَانَ عَلَىٰ عَبْدِهِۦ لِيَكُونَ لِلْعَٰلَمِينَ نَذِيرًا ﴿١﴾

"Maha Sucilah Allah yang telah menurunkan al-Furqan (Al-Qur'an) kepada hamba-Nya supaya menjadi pemberi amaran kepada semesta alam."(1)

Al-Qur'an Dinamakan Al-Furqan

Kata-kata "Tabaraka" berasal dari kata "Barakat" (بركة) iaitu kata-kata yang membayangkan pengurniaan yang sentiasa bertambah dan melimpah-ruah juga membayangkan keluhuran dan ketinggian. Di sini tidak disebut Lafzul-jalalah (iaitu Tabarakallahu) hanya dipadankan dengan isim mausul (kata sendi atau penghubung) iaitu "الذي نزل الفرقان" (yang telah menurunkan al-Furqan "Al-Qur'an" untuk melahirkan hubungan Allah yang rapat dengan Al-Qur'an di tempat ini, kerana maudhu' perdebatan di dalam surah ini ialah kebenaran kerasulan dan kebenaran Al-Qur'an diturunkan dari Allah.

Al-Qur'an dinamakan dengan "al-Furqan" (yang bererti pembeza) kerana isi kandungannya membezakan di antara yang hak dengan yang batil, di antara hidayat dengan kesesatan, malah isi kandungannya membezakan di antara satu sistem hidup dengan satu sistem hidup yang lain, di antara satu zaman yang dilalui manusia dengan satu zaman yang lain. Al-Qur'an melukiskan satu sistem hidup yang amat jelas dengan gambarannya yang tersemat di dalam hati dan dengan gambarannya yang dapat dilihat di alam kenyataan, iaitu satu sistem hidup yang tidak bercampuraduk dengan mana-mana sistem yang lain, yang dikenali manusia sebelumnya, dan satu sistem hidup yang melambangkan zaman baru bagi umat manusia dalam semangat dan realitinya yang tidak bercampuraduk dengan mana-mana semangat dan realiti yang wujud sebelumnya. Jadi Al-Qur'an merupakan kitab pembeza dengan ertikatanya yang amat luas dan besar ini. Ia merupakan kitab pembeza yang menamatkan zaman kebudak-budakan insan dan memulakan zaman kematangan, menamatkan zaman mu'jizat-mu'jizat kebendaan dan memulakan zaman mu'jizat aqliyah, juga menamatkan zaman kerasulan-kerasulan tempatan yang bersifat sementara dan memulakan zaman kerasulan yang am dah meliputi (segala tempat dan zaman).

لِيَكُونَ لِلْعَٰلَمِينَ نَذِيرًا ﴿١﴾

"Supaya menjadi pemberi amaran kepada semesta alam."(1)

Rasulullah Dimuliakan Dengan Gelaran "Hamba"

Di maqam menghormati dan memuliakan Rasulullah s.a.w. ini, Al-Qur'an menyifatkan beliau dengan sifat kehambaan iaitu "*kepada hamba-Nya*" dan dengan sifat inilah juga beliau disifatkan di maqam Isra' dan Mi'raj di dalam Surah al-Isra'.

سُبْحَٰنَ ٱلَّذِىٓ أَسْرَىٰ بِعَبْدِهِۦ لَيْلًا مِّنَ ٱلْمَسْجِدِ

ٱلۡحَرَامِ إِلَى ٱلۡمَسۡجِدِ ٱلۡأَقۡصَا

"Maha sucilah Allah yang telah menjalankan hamba-Nya (Muhammad) pada waktu malam dari Masjidil-Haram kepada Masjidil-Aqsa."(1)

Dengan sifat inilah juga beliau disifatkan di maqam beliau berdo'a dan bermunajat dengan Allah di dalam Surah al-Jinn:

وَأَنَّهُۥ لَمَّا قَامَ عَبۡدُ ٱللَّهِ يَدۡعُوهُ

"Dan sesungguhnya ketika seorang hamba Allah berdiri (dalam solat) berdo'a kepada-Nya."(19)

Dengan sifat inilah juga beliau disifatkan dimaqam ketika mengumumkan penurunan kitab al-Furqan kepada beliau, juga disifatkan di permulaan Surah al-Kahfi ketika membuat pengumuman yang sama.

ٱلۡحَمۡدُ لِلَّهِ ٱلَّذِيٓ أَنزَلَ عَلَىٰ عَبۡدِهِ ٱلۡكِتَٰبَ وَلَمۡ يَجۡعَل لَّهُۥ عِوَجَاۜ ﴿١﴾

"Segala kepujian terpulang kepada Allah yang telah menurunkan kitab Al-Qur'an kepada hamba-Nya dan Dia tidak mengadakan padanya sebarang ajaran yang bengkok."(1)

Penyifatan dengan sifat kehambaan di tempat-tempat yang seperti ini membuktikan betapa mulianya maqam kehambaan itu. Itulah maqam yang paling tinggi yang dicapai seorang manusia. Penyifatan itu juga mengandungi satu peringatan yang halus bahawa maqam manusia yang paling tinggi yang dapat dicapai olehnya tidak lebih dari maqam 'Ubudiyah kepada Allah, sedangkan Allah tetap kekal dengan maqam Uluhiyah-Nya yang tunggal dan bersih dari segala rupa bentuk syirik dan keserupaan dengan makhluk. Penyifatan itu dibuat kerana maqam Isra' dan Mi'raj atau maqam berdo'a dan bermunajat atau maqam menerima wahyu itu sering mengeliru dan menggelincirkan pengikut-pengikut para rasul sebelum ini (Nabi Muhammad s.a.w.) dan dari sinilah lahirnya dongeng-dongeng adanya anak Allah dan hubungan yang ditegakkan di atas asas yang lain dari asas Uluhiyah dan 'Ubudiyah. Oleh sebab inilah Al-Qur'an bersungguh-sungguh menekankan sifat 'Ubudiyah di maqam-maqam yang seperti ini sebagai kemuncak yang paling tinggi yang dicapai oleh manusia-manusia yang dipilih Allah.

Sifat Kesejagatan Al-Qur'an Telah Dijelaskan Di Permulaan Kelahirannya

Al-Qur'an menerangkan tujuan diturunkan kitab al-Furqan ini kepada hamba-Nya ialah *"supaya menjadi pemberi amaran kepada semesta alam."* Ayat ini diturun di Makkah, dan ini mengertikan bahawa ayat ini menthabitkan sifat kesejagatan risalah Al-Qur'an (risalah Islam) sejak hari-hari pertama kelahirannya lagi, bukannya seperti yang pernah didakwa oleh ahli-ahli sejarah yang bukan Islam bahawa da'wah Islamiyah ini mula-mulanya berkembang sebagai da'wah setempat sahaja, tetapi apabila bidang kekuasaannya telah bertambah luas, maka barulah timbul cita-cita tingginya untuk menjadi da'wah sejagat, malah sebenarnya risalah Islam dari awal kelahirannya lagi merupakan risalah untuk seluruh dunia. Tabi'atnya ialah tabi'at sejagat yang meliputi dan wasilah-wasilahnya juga merupakan wasilah-wasilah insaniyah yang sempurna dan tujuannya ialah untuk memindahkan umat manusia dari satu zaman (lama) kepada satu zaman (baru) dari satu sistem (yang sesat) kepada satu sistem (yang memberi hidayat) melalui kitab suci al-Furqan yang diturunkan kepada hamba-Nya supaya menjadi pemberi amaran kepada semesta alam. Tegasnya risalah Islam adalah risalah untuk seluruh alam, sedangkan Rasul yang membawa risalah ini di waktu ini sedang menghadapi pendustaan, penentangan dan kekufuran.

Maha Sucilah Allah yang telah menurunkan al-Furqan kepada hamba-Nya...

ٱلَّذِي لَهُۥ مُلۡكُ ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَٱلۡأَرۡضِ وَلَمۡ يَتَّخِذۡ وَلَدٗا وَلَمۡ يَكُن لَّهُۥ شَرِيكٞ فِي ٱلۡمُلۡكِ وَخَلَقَ كُلَّ شَيۡءٖ فَقَدَّرَهُۥ تَقۡدِيرٗا ﴿٢﴾

"Yang memiliki kerajaan langit dan bumi, dan Dia tidak mempunyai anak dan tidak mempunyai sebarang sekutu di dalam kerajaan-Nya, dan Dialah yang telah menciptakan segala sesuatu dan menetapkan perencanaannya masing-masing dengan rapi."(2)

Dalam ayat ini sekali lagi tidak disebut Lafzul-jalalah, (iaitu الله الذي), tetapi hanya disebut isim mausul sahaja (الذي) untuk melahirkan hubungannya yang menunjukkan kepada sifat-sifat yang mahu ditekankan di maqam ini iaitu:

"Yang memiliki kerajaan langit dan bumi" (الذي له ملك السموت والأرض) yakni Allah mempunyai kuasa yang mutlaq di atas langit dan bumi, iaitu kuasa pemilikan dan keunggulan, kuasa mengendali dan mentadbir, kuasa menukar dan mengubah.

"Dan Dia tidak mempunyai anak" (ولم يتخذ ولدا) kerana beranak pinak merupakan salah satu dari peraturan-peraturan yang dijadikan Allah untuk melanjutkan hayat, sedangkan Allah bersifat Maha Kekal tidak fana dan Maha Kuasa tidak berhajat.

"Dan tidak mempunyai sebarang sekutu di dalam kerajaan-Nya" (ولم يكن له شريك في الملك) seluruh kejadian yang wujud di langit dan di bumi menunjukkan adanya kesatuan atau persamaan pelan ciptareka, kesatuan undang-undang dan kesatuan pengendalian.

"Dan Dialah yang telah menciptakan segala sesuatu dan menetapkan perencanaannya masing-masing dengan rapi." – (وخلق كل شيء فقدره تقديرا) Yakni

menetapkan ukuran kecil besar dan bentuk rupanya, menetapkan fungsi dan kerjanya, menetapkan masa dan tempatnya dan menetapkan keselarasan dan kesesuaiannya dengan individu-individu, yang lain yang ada di alam al-wujud yang amat besar ini.

Struktur alam dan struktur segala sesuatu yang ada di alam ini amat mengkagum dan menakjubkan. Struktur itu sendiri menolak gagasan kebetulan dengan sekuat-kuatnya. Perencanaan Ilahi yang amat rapi dan melemahkan manusia itu dapat dilihat dengan jelas apabila diteliti gejala-gejalanya di dalam mana-mana aspek kejadian alam buana yang besar ini. Semakin maju ilmu pengetahuan manusia yang mendedahkan aspek-aspek keselarasan yang menakjubkan di dalam undang-undang alam, nisbahnya dan individu-individunya itu semakin luas pula kefahaman mereka terhadap maksud ayat yang amat besar ini:"*Dan Dialah yang menciptakan segala sesuatu dan menetapkan perencanaannya masing-masing dengan rapi.*" (وخلق كل شيء فقدره تقديرا)

Perencanaan Nisbah-nisbah Yang Memungkinkan Hayat Di Bumi

Ujar Abraham Cressy Morrison, pengetua akademi sains di New York, dalam bukunya yang berjudul "*Manusia Tidak Berdiri Sendirian*"[2]:

"Satu perkara yang amat menakjubkan ialah susunan alam ini diatur begitu rupa hingga sampai ke tahap yang amat rapi dan halus. Andainya kulit bumi itu lebih tebal beberapa kaki sahaja dari ketebalannya yang ada sekarang ini, nescaya karbon dioksida akan menyedut oksigen dan ini sudah tentu tidak membolehkan adanya tumbuh-tumbuhan yang hidup.

"Andainya udara bumi itu jauh lebih tinggi dari kedudukannya yang ada sekarang ini, nescaya setengah-setengah tahi bintang yang terbakar berjuta-juta di udara itu akan memukul seluruh bahagian muka bumi dengan perjalanannya yang deras sekitar di antara enam dan empat puluh batu sesa'at. Tahi-tahi bintang ini juga boleh membakarkan segala apa yang boleh terbakar. Andainya tahi bintang itu berjalan atau meluncur selambat peluru senapang, nescaya seluruh tahi bintang itu akan melanggar bumi. Dan ini sudah tentu mendatangkan akibat yang mengerikan. Andainya seorang manusia berlanggar dengan tahi bintang yang kecil yang meluncur dengan kederasan yang mengatasi kederasan peluru sebanyak sembilan puluh kali, nescaya tahi bintang akan mengoyak dan mencaingkannya berkecai-kecai dengan haba laluannya sahaja!

Tebal udara itu betul-betul mengikut kadar yang perlu untuk laluan sinar matahari yang mengandungi kesan kimia yang diperlukan oleh tumbuh-tumbuhan dan membunuh kuman-kuman serta mengeluarkan vitamin-vitamin tanpa membahayakan manusia kecuali dia mendedahkan dirinya lebih lama dari sepatutnya. Walaupun di sana terdapat kesan gas yang terlepas dari bumi di sepanjang zaman sedangkan kebanyakan gas-gas itu beracun pula, namun udara itu tetap kekal seperti itu juga tanpa dicemari dan tanpa berubah kadar nisbahnya yang imbang dan perlu untuk kewujudan manusia. Roda yang mengawal perimbangan yang amat penting itu ialah wujudnya kawasan air yang luas iaitu lautan-lautan yang menjadi sumber hayat, makanan, hujan dan iklim yang sederhana, tumbuh-tumbuhan dan akhirnya manusia sendiri......"

Dalam bab yang lain beliau berkata pula:

"Jika nisbah oksigen di dalam udara itu 50% atau lebih bukannya 20%, nescaya semua bahan-bahan yang boleh terbakar di dunia ini akan terdedah kepada kebakaran hingga percikan pertama dari cetusan api kilat yang mengenai mana-mana pokok akan membakar seluruh hutan bahkan boleh meledakkannya, dan andainya nisbah oksigen dalam udara itu menurun kepada 10% atau kurang lagi, maka mungkin juga hayat (di bumi ini) dapat membiasakan dirinya dengan keadaan ini dalam masa yang lama, tetapi dalam keadaan ini, unsur-unsur tamadun yang telah dibiasakan oleh manusia seperti api umpamanya tidak banyak boleh didapati mereka."

Beliau berkata lagi dalam bab yang ketiga:

"Alangkah kagumnya sistem pengawal-pengawal dan pengimbang-pengimbang yang dapat mencegah mana-mana binatang biarpun bagaimana ganas atau besar atau jahatnya - dari menguasai dunia sejak zaman binatang-binatang kerang-kerangan atau krustasia (crustacean) yang beku, tetapi manusia sahaja yang telah merosakkan imbangan necar ini dengan memindakan tumbuh-tumbuhan dan binatang-binatang dari satu tempat ke satu tempat dan dia telah pun menerima balasan yang teruk terhadap perbuatannya dalam bentuk perkembangan penyakit-penyakit haiwan, serangga dan tumbuh-tumbuhan.

Kejadian berikut memberi contoh yang jelas betapa pentingnya pengawal-pengawal itu kepada kewujudan manusia. Sejak beberapa tahun dahulu sejenis pokok kaktus atau lidah badak telah ditanam di Australia sebagai pagar perlindungan, tetapi pokok ini terus membiak sehingga menutup satu kawasan hampir seluas negeri England mengganggu penduduk bandar-bandar dan kampung-kampung, merosakkan ladang-ladang mereka dan menghalangi usaha pertanian mereka. Mereka tidak menemui suatu dan untuk mencegahkan pokok itu dari merebak hingga menyebabkan negeri Australia menghadapi bahaya diserang angkatan tentera pokok kaktus yang bisu itu, yang terus mara tanpa dihalangi suatu apa pun.

Lalu ahli-ahli ilmu serangga menjelajah ke merata ceruk dunia dan pada akhirnya mereka menemui

[2] *Tajuk asalnya ialah "Man Does not Stand Alone", diterbitkan tahun 1944,Fleming H. Revell Co. (New York), dipetik dari terjemahan dalam bahasa Arab oleh Mahmud Saleh al-Falaqi dengan jodol "Sains Menyeru Kepada Iman"* (العلم يدعو إلى الإيمان).

sejenis serangga yang hanya hidup dengan memakan pokok kaktus dan tidak memakan makanan yang lain darinya. Serangga ini juga cepat membiak subur dan tidak ada sebarang musuh yang menghalangi pembiakannya di Australia. Tidak lama kemudian serangga itu berjaya menewas pokok kaktus kemudian ia mengundurkan diri dan tidak ada yang tinggal lagi melainkan sejumlah saki-baki yang kecil untuk perlindungan sahaja, iaitu cukup untuk mencegah pembiakan pokok kaktus buat selama-lamanya.

Demikianlah sempurnanya sistem pengawal-pengawal dan pengimbang-pengimbang itu dan ia selama-lamanya berguna.

Mengapakah nyamuk pembawa penyakit malaria tidak dapat menguasai alam hingga ke tahap datuk nenek kita mati kerananya atau mendapat kekebalan darinya? Pertanyaan yang sama dapat dikatakan juga tentang nyamuk pembawa penyakit demam kuning yang pernah di satu musim dahulu mara ke utara hingga sampai ke New York. Begitu juga nyamuk terdapat dengan banyak di kawasan dunia yang beku, dan mengapakah nyamuk Tsi-Tsi tidak berubah hingga dapat hidup di kawasan-kawasan dunia yang lain selain dari kawasan-kawasan kediamannya di kawasan-kawasan yang panas dan dapat menghapuskan umat manusia dari alam ini? Cukuplah seseorang itu mengenangkan peristiwa-peristiwa penyakit taun dan berbagai-bagai wabak yang lain dan kuman-kuman pembunuh yang tidak dapat dicegah melainkan di dalam waktu-waktu yang baru silam, juga mengenangkan bagaimana dulunya manusia begitu jahil dengan peraturan-peraturan menjaga kesihatan supaya dia mengetahui bahawa ketahanan manusia yang dapat hidup terus walaupun dilanda oleh wabak-wabak itu amatlah menakjubkan sekali.

Serangga-serangga tidak mempunyai dua paru-paru seperti manusia, tetapi ia bernafas dengan perantaraan paip-paip. Apabila serangga-serangga itu subur dan membesar, maka paip-paip pernafasannya ini tidak dapat berkembang selari dengan nisbah pertambahan besar badannya. Oleh sebab itu tidak ada satu serangga pun yang panjang lebih dari beberapa inci, begitu juga sayapnya tidak panjang melainkan hanya sedikit sahaja. Kerana susunan anggota serangga dan cara pernafasannya yang seperti itu, maka tidak mungkin wujud serangga yang besar. Jadi batas yang menghalangkan kesuburan serangga itu telah mengawalkan keliarannya dan menyekatkannya dari menguasai alam ini. Jika tidak kerana adanya pengawal yang tabi'i ini, tentulah manusia tidak mungkin ada di muka bumi ini. Khayalkan sahaja manusia dengan saiznya yang biasa berdepan dengan seekor tebuan sebesar singa atau dengan seekor labah-labah yang sama dengan saiz singa.

Dia hanya menyebut sedikit sahaja tentang susunan-susunan yang lain, yang mengkagumkan di dalam fisiologi-fisiologi atau sifat-sifat binatang-binatang. Tanpa struktur-struktur seperti ini tidak ada satu haiwan dan tidak ada satu tumbuh-tumbuhan pun yang dapat hidup di alam ini... "

Demikianlah hari demi hari kian terbukanya kepada ilmu pengetahuan manusia sesuatu rahsia perencanaan Allah yang menakjubkan pada makhluk-makhluk-Nya dan tadbir-Nya yang halus di alam buana ini dan dengan itu dapatlah mereka memahami sesuatu dari tujuan-tujuan firman-Nya di dalam kitab al-Furqan yang diturunkan kepada hamba kesayangan-Nya: *"Dan Dialah yang menciptakan segala sesuatu dan menetapkan perencanaannya masing-masing dengan rapi"* (وخلق كل شيء فقدره تقديرا).

Walaupun demikian, namun kaum Musyrikin masih tidak memahami semua hakikat ini walau sedikit pun.

وَاتَّخَذُوا مِن دُونِهِۦٓ ءَالِهَةً لَّا يَخْلُقُونَ شَيْـًٔا وَهُمْ
يُخْلَقُونَ وَلَا يَمْلِكُونَ لِأَنفُسِهِمْ ضَرًّا وَلَا نَفْعًا
وَلَا يَمْلِكُونَ مَوْتًا وَلَا حَيَوٰةً وَلَا نُشُورًا ﴿٣﴾

"Dan mereka (orang-orang kafir) mengambil yang lain dari Allah sebagai tuhan-tuhan, yang tidak berkuasa menciptakan sesuatu apa pun, malah mereka sendiri diciptakan Allah dan mereka tidak berkuasa menolak sesuatu kemudharatan dan tidak pula berkuasa mengambil sesuatu kemanfa'atan untuk diri mereka, dan mereka tidak memiliki kuasa memati dan kuasa menghidup dan tidak pula kuasa membangkitkan yang mati."(3)

Demikianlah Al-Qur'an menanggalkan dari tuhan-tuhan yang didakwa mereka segala sifat-sifat Uluhiyah. Mereka *"tidak berkuasa menciptakan suatu apa pun"*(لا يخلقون شيئا), sedangkan Allahlah yang telah menciptakan segala sesuatu *"malah mereka sendiri diciptakan Allah"*(وهم يخلقون). Tuhan-tuhan itu telah dibuat oleh para penyembah mereka, jika tuhan-tuhan itu berupa patung-patung atau berhala-berhala atau diciptakan Allah jika tuhan-tuhan yang didakwakan itu berupa makhluk malaikat atau makhluk jin atau makhluk manusia atau pokok atau batu, *"dan mereka tidak berkuasa menolak sesuatu kemudharatan dan tidak pula berkuasa mengambil sesuatu kemanfa'atan untuk diri mereka"* (ولا يملكون لأنفسهم ضرا ولا نفعا) apatah lagi untuk para penyembah mereka. Sesuatu yang tidak berkuasa mengambil sesuatu kemanfa'atan untuk dirinya mungkin mudah kepadanya mendapat kemudharatan, tetapi kebolehan ini juga tidak dimiliki mereka. Oleh sebab itulah kebolehan menolak kemudharatan ini disebut lebih dahulu di dalam ayat ini memandangkan kebolehan ini satu kebolehan yang paling mudah yang dimiliki seseorang terhadap dirinya. Kemudian Al-Qur'an meningkat kepada sifat-sifat yang hanya dimiliki Allah sahaja: *"Dan mereka tidak memiliki kuasa memati dan kuasa menghidup dan tidak pula kuasa yang menghidupkan yang*

mati" (ولا يملكون موتاً ولا حياة ولا نشوراً). Yakni mereka tidak berkuasa mematikan yang hidup dan menciptakan hayat dan tidak pula berkuasa mengembalikan hayat. Selepas ini semua apa lagi sifat-sifat Uluhiyah yang dimiliki tuhan-tuhan palsu itu? Apakah lagi yang mengelirukan kaum Musyrikin hingga tergamak mempertuhankan mereka?

Sebenarnya itulah penyelewengan dan kesesatan yang mutlaq dan dengan kesesatan ini tidaklah menghairankan andainya mereka sanggup membuat dakwaan-dakwaan yang dusta terhadap Rasulullah s.a.w., kerana dakwaan-dakwaan dusta mereka terhadap Allah adalah lebih besar dan lebih keji lagi dari segala dakwaan dusta mereka terhadap Rasul-Nya, adakah lagi dakwaan dusta yang lebih buruk dari dakwaan seseorang manusia terhadap Allah yang menciptakannya dan menciptakan segala sesuatu, yang mentadbirkan urusannya dan menetapkan perencanaan yang rapi kepada segala sesuatu, iaitu dakwaan yang tergamak mengatakan bahawa Allah mempunyai sekutu? Rasulullah s.a.w. pernah ditanya:[3]

أي الذنب أكبر؟ قال : أن تجعل لله أنداداً وهو خلقك...

"Apakah dosa yang paling besar? Jawab beliau: Engkau mengadakan sekutu-sekutu bagi Allah, sedangkan Dia telah menciptakan engkau..."

******

(Pentafsiran ayat-ayat 4 - 6)

Setelah menerangkan pencerobohan mereka terhadap Allah Yang Maha Tinggi, Al-Qur'an membentangkan pula pencerobohan mereka terhadap Rasulullah s.a.w. dan selepas itu menjawab pencerobohan itu dengan hujah yang menampakkan betapa karut dan dustanya dakwaan mereka:

وَقَالَ ٱلَّذِينَ كَفَرُوٓاْ إِنۡ هَٰذَآ إِلَّآ إِفۡكٌ ٱفۡتَرَىٰهُ وَأَعَانَهُۥ عَلَيۡهِ قَوۡمٌ ءَاخَرُونَ فَقَدۡ جَآءُو ظُلۡمٗا وَزُورٗا ﴿٤﴾

وَقَالُوٓاْ أَسَٰطِيرُ ٱلۡأَوَّلِينَ ٱكۡتَتَبَهَا فَهِيَ تُمۡلَىٰ عَلَيۡهِ بُكۡرَةٗ وَأَصِيلٗا ﴿٥﴾

قُلۡ أَنزَلَهُ ٱلَّذِي يَعۡلَمُ ٱلسِّرَّ فِي ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَٱلۡأَرۡضِۚ إِنَّهُۥ كَانَ غَفُورٗا رَّحِيمٗا ﴿٦﴾

"Dan berkatalah orang-orang kafir: Al-Qur'an ini tidak lain melainkan hanya suatu pembohongan yang diada-adakan olehnya (Muhammad) sahaja dan dibantu oleh satu kaum yang lain. Sesungguhnya mereka telah melakukan satu perbuatan yang zalim dan dusta(4). Dan mereka berkata lagi: (Al-Qur'an itu) ialah cerita-cerita dongeng orang-orang di zaman dahulu, lalu dia meminta orang lain menulisnya, maka cerita-cerita itu dibacakan kepadanya pagi dan petang(5). Katakanlah: Al-Qur'an itu diturunkan Allah yang mengetahui segala rahsia di langit dan di bumi. Sesungguhnya Dia Maha Pengampun dan Maha Pengasih."(6)

Al-Qur'an Dituduh Sebagai Cerita-cerita Dongeng

Perkataan yang paling dusta ialah perkataan orang-orang kafir Quraysy yang mengeluarkan dakwaan ini, sedangkan di dalam hati mereka yakin bahawa dakwaan itu adalah dakwaan dusta yang tidak berasas, kerana tidak mungkin pembesar-pembesar mereka yang mengajar perkataan-perkataan ini kepada mereka tidak mengetahui bahawa Al-Qur'an yang dibacakan oleh Nabi Muhammad s.a.w. kepada mereka itu adalah suatu kalam yang lain dari kalam manusia yang biasa, kerana mereka-sendiri dapat merasakan hakikat ini dengan adirasa mereka yang arif dengan selok-belok kalam manusia, dan mereka juga tidak dapat menahan diri mereka dari terpengaruh dengan keindahan Al-Qur'an. Selain dari itu mereka benar-benar mengetahui dan mengenal sebelum beliau diangkat menjadi rasul sebagai seorang yang benar dan amanah, tidak pernah berdusta dan khianat. Oleh itu bagaimana pula dia boleh tergamak berdusta terhadap Allah dan menghubungkan kepada-Nya kalam-kalam yang tidak difirmankan-Nya?

Tetapi sebenarnya kedegilan dan kebimbangan mereka terhadap kedudukan mereka yang tinggi di dalam masyarakat yang diambil dari kedudukan mereka selaku ketua-ketua urusan agama itulah yang menggerakkan mereka menggunakan tipu muslihat ini dan menyebarkannya di kalangan orang ramai Arab, yang mungkin tidak dapat membezakan mutu kalam-kalam dan tidak begitu mengetahui tentang darjatnya. *"Al-Qur'an ini tidak lain melainkan hanya suatu pembohongan yang diada-adakan olehnya (Muhammad) sahaja dan dibantu oleh satu kaum yang lain."* (إن هذا إلا إفك افتراه وأعانه عليه قوم آخرون). Mereka maksudkan dengan kata-kata kaum yang lain itu ialah tiga orang hamba atau lebih dari bangsa bukan Arab ('ajam). Ini adalah satu dakwaan yang karut, remeh dan tidak tahan menghadapi debat. Andainya ada manusia yang boleh mengadakan pembohongan dengan Al-Qur'an dengan bantuan orang-orang lain, maka mengapakah mereka tidak berbuat seperti itu dengan meminta bantuan tokoh-tokoh dari kaum mereka supaya mereka dapat mengalahkan hujah Nabi Muhammad s.a.w. itu, sedangkan beliau mencabar mereka berbuat begitu tetapi mereka tidak berupaya?

Oleh kerana inilah Al-Qur'an tidak mencabar mereka berdebat di sini dan tidak pula berhujah dengan mereka mengenai dakwaan mereka yang karut itu, malah Al-Qur'an mengejek mereka dengan sifat yang amat ketara: *"Sesungguhnya mereka telah melakukan satu perbuatan yang zalim dan dusta"* (فقد

[3] *Hadith ini dikeluarkan oleh al-Bukhari dan Muslim.*

(جاوءا ظلما وزورا) - iaitu zalim terhadap Allah, terhadap Muhammad dan terhadap diri mereka sendiri, dan satu pendustaan yang terlalu terang dan jelas.

Kemudian Al-Qur'an terus membentangkan dakwaan-dakwaan mereka yang bohong terhadap Rasulullah s.a.w. dan terhadap Al-Qur'an:

وَقَالُوٓاْ أَسَٰطِيرُ ٱلۡأَوَّلِينَ ٱكۡتَتَبَهَا فَهِيَ تُمۡلَىٰ عَلَيۡهِ بُكۡرَةٗ وَأَصِيلٗا ٥

"Dan mereka berkata lagi: (Al-Qur'an itu) ialah cerita-cerita dongeng orang-orang di zaman dahulu, lalu dia meminta orang lain menulisnya, maka cerita-cerita itu dibacakan kepadanya pagi dan petang."(5)

Yakni apabila mereka dapati di dalam Al-Qur'an ini banyak kisah-kisah tentang orang-orang di zaman dahulu yang dibawa untuk menjadi contoh teladan dan pengajaran, juga untuk maksud pendidikan dan panduan, maka mereka terus menuduh kisah-kisah yang benar itu sebagai *"cerita-cerita dongeng orang-orang di zaman dahulu."*(أساطير الأولين). Mereka seterusnya mendakwa bahawa Rasulullah s.a.w. telah meminta orang lain menulis untuknya supaya dibacakan kepadanya pagi dan petang, kerana beliau adalah seorang ummi yang tidak pandai membaca dan menulis, dan selepas itu barulah tiba gilirannya melafazkan kalam itu dan mendakwanya sebagai Kalamullah. Ini adalah suatu selingan untuk menerangkan dakwaan mereka yang tidak berasas dan tidak tahan untuk menghadapi perdebatan itu. Penceritaan kisah-kisah di dalam Al-Qur'an dengan susunan yang teratur dan selaras dengan maudhu' yang sedang dibicarakan itu, juga selaras di antara matlamat kisah-kisah itu dengan matlamat-matlamat penerangan ayat-ayat dalam satu surah itu menunjukkan (di sebalik kisah-kisah itu) ada tujuan dan perancangan yang mendalam dan halus, yang tidak boleh didapati di dalam cerita-cerita dongeng yang berselerakan, yang tidak dikumpulkan oleh satu gagasan dan tidak diarahkan oleh satu objektif yang tertentu, malah cerita dongeng itu hanya diceritakan untuk maksud hiburan dan mengisi waktu yang kosong sahaja. [4]

Dakwaan mereka *"(Al-Qur'an itu) ialah cerita-cerita dongeng orang-orang di zaman dahulu"* membayangkan betapa lama masa cerita-cerita itu hingga tidak dapat diketahui oleh Nabi Muhammad s.a.w. kecuali diceritakan kepada beliau oleh para penghafal cerita-cerita dongeng itu. Mereka telah memindahkannya dari satu generasi ke satu generasi. Oleh sebab itulah Al-Qur'an menjawab perkataan mereka dengan menjelaskan bahawa yang mewahyukan kisah-kisah kepada Nabi Muhammad s.a.w. itu ialah Allah yang lebih mengetahui dari segala yang mengetahui. *"Katakanlah: Al-Qur'an itu diturunkan Allah yang mengetahui segala rahsia di langit dan di bumi."* (قل أنزله الذي يعلم السر في السموات والأرض). Oleh itu di manakah letaknya ilmu penghafal-penghafal dan rawi-rawi cerita-cerita dongeng itu dibandingkan dengan ilmu Allah yang lengkap sempurna? Di manakah letaknya cerita-cerita dongeng orang-orang di zaman purba itu dibandingkan dengan rahsia-rahsia langit dan bumi? Di manakah letaknya titik yang kecil dibandingkan dengan lautan yang luas dan dalam yang tidak diketahui di mana pantainya dan di mana dasarnya?

Sebenarnya mereka melakukan dosa yang amat besar apabila mereka membuat dakwaan yang karut itu terhadap Rasulullah s.a.w. dan berdegil dengan kepercayaan syirik terhadap Allah, sedangkan Dia telah menciptakan mereka. Walaupun begitu, pintu taubat masih terbuka dan peluang berpatah balik dari dosa itu masih lagi mungkin, dan Allah yang mengetahui segala rahsia-rahsia di langit dan di bumi dan mengetahui segala pembohongan dan tipu daya manusia itu adalah Tuhan Yang Maha Pengampun dan Maha Pengasih. *"Sesungguhnya Dia Maha Pengampun dan Maha Pengasih."* (إنه كان غفورا رحيما)

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 7 - 10)

Kemudian Al-Qur'an terus menceritakan perkataan-perkataan mereka (yang keji) terhadap Rasulullah s.a.w. dan bantahan-bantahan mereka yang jahil terhadap sifat kemanusiaan beliau, juga pengesyoran-pengesyoran mereka yang (cuba) mengelirukan kerasulan beliau:

وَقَالُواْ مَالِ هَٰذَا ٱلرَّسُولِ يَأۡكُلُ ٱلطَّعَامَ وَيَمۡشِي فِي ٱلۡأَسۡوَاقِ لَوۡلَآ أُنزِلَ إِلَيۡهِ مَلَكٞ فَيَكُونَ مَعَهُۥ نَذِيرًا ٧

أَوۡ يُلۡقَىٰٓ إِلَيۡهِ كَنزٌ أَوۡ تَكُونُ لَهُۥ جَنَّةٞ يَأۡكُلُ مِنۡهَاۚ وَقَالَ ٱلظَّٰلِمُونَ إِن تَتَّبِعُونَ إِلَّا رَجُلٗا مَّسۡحُورًا ٨

ٱنظُرۡ كَيۡفَ ضَرَبُواْ لَكَ ٱلۡأَمۡثَٰلَ فَضَلُّواْ فَلَا يَسۡتَطِيعُونَ سَبِيلٗا ٩

تَبَارَكَ ٱلَّذِيٓ إِن شَآءَ جَعَلَ لَكَ خَيۡرٗا مِّن ذَٰلِكَ

---

[4] *Lihat pembicaraan yang meluas dalam bab "القصة في القرآن" dalam buku " التصوير الفني في القرآن"*

جَنَّٰتٖ تَجۡرِي مِن تَحۡتِهَا ٱلۡأَنۡهَٰرُ وَيَجۡعَل لَّكَ قُصُورٗا ١٠

"Dan mereka berkata pula: Mengapakah Rasul itu memakan makanan dan berjalan di pasar-pasar? Mengapakah tidak diturunkan kepadanya seorang malaikat supaya dia dapat memberi peringatan bersama-sama dengannya?(7). Atau (mengapakah) tidak dicampakkan kepadanya perbendaharaan (dari langit) atau (mengapakah) dia tidak mempunyai kebun yang dapat dia makan darinya. Dan berkatalah orang-orang yang zalim ini: Kamu tidak mengikut melainkan seorang lelaki yang kena sihir(8). Perhatikanlah bagaimana mereka tergamak membuat perbandingan-perbandingan terhadapmu. Mereka telah sesat dan kerana itu mereka tidak mampu menemui jalan (hidayat)(9). Maha Sucilah Allah. Andainya Dia kehendaki tentulah Dia ciptakan untukmu lebih baik dari itu lagi, iaitu kebun-kebun yang mengalir di bawahnya sungai-sungai dan tentulah Dia ciptakan istana-istana untukmu."(10)

Rasulullah Dikritik Kerana Sifat-sifat Kemanusiaannya

Mengapa Rasul ini memakan makanan dan berjalan di pasar-pasar? Mengapa dia dari makhluk manusia dan berkelakuan seperti manusia? Itulah bantahan yang berulang-ulang kali diucapkan umat manusia terhadap setiap rasul. Bagaimana si polan anak si polan yang terkenal di sisi mereka, yang makan seperti mereka makan dan hidup seperti mereka hidup boleh menjadi utusan Allah yang diwahyukan kepadanya? Bagaimana dia boleh berhubung dengan sebuah alam yang lain dari alam bumi dan menerima perutusan darinya? Sedangkan mereka memandangnya berdaging darah seperti mereka, tetapi mereka tidak menerima wahyu seperti dia dan tidak mengetahui sedikit pun tentang alam yang menurunkan wahyu kepadanya, sedangkan dia tidak berbeza apa-apa dari mereka!

Persoalan ini jika dilihat dari sudut ini mungkin kelihatan ganjil dan tidak mungkin berlaku, tetapi jika dilihat dari sudut yang lain ia kelihatan biasa dan boleh diterima, kerana Allah telah meniupkan roh dari ciptaan-Nya pada makhluk manusia dan dengan tiupan Ilahi ini terbezalah dia (dari makhluk yang lain) dan jadi manusia, yang diangkat menjadi khalifah di bumi, sedangkan dia mempunyai ilmu pengetahuan dan pengalaman yang tidak sempurna dan terbatas dan mempunyai sarana yang lemah, tetapi Allah tidak akan membiarkan manusia melaksanakan tugas khilafah ini tanpa apa-apa bantuan dari-Nya dan tanpa hidayat yang dapat menyuluh jalannya, kerana Allah meletakkan di dalam jiwa manusia kesediaan untuk berhubung dengan-Nya melalui saluran tiupan Ilahi yang membezakannya (dari makhluk-makhluk yang lain) itu. Oleh itu tidaklah hairan jika Allah memilih salah seorang dari makhluk manusia, yang mempunyai kesediaan rohaniyah untuk menerima wahyu, untuk diwahyukan kepadanya pengajaran-pengajaran yang dapat memberi hidayat kepada saudara-saudaranya menuju ke jalan (yang lurus) ketika mereka kesesatan jalan dan dapat menolong mereka apabila mereka memerlukan pertolongan.

Itulah penghormatan Ilahi kepada manusia-manusia yang kelihatan aneh dari satu sudut dan tabi'i dari satu sudut yang lain, tetapi orang-orang yang tidak memahami nilai makhluk manusia dan hakikat penghormatan yang dikehendaki Allah itu akan menolak kebolehan seseorang manusia dapat berhubung dengan Allah melalui wahyu dan menolak kelayakan seorang manusia menjadi utusan Allah, kerana mereka berpendapat bahawa makhluk malaikatlah yang lebih utama dan lebih munasabah (dengan jawatan ini): *"Mengapakah tidak diturunkan kepadanya seorang malaikat supaya malaikat itu dapat memberi peringatan bersama dengan dia?"* (لو لا أنزل إليه ملك فيكون معه نذيرا). Sedangkan Allah pernah memerintah makhluk-makhluk malaikat supaya sujud kepada manusia kerana sifat-sifat kelebihannya yang terbit dari tiupan Ilahi yang tinggi dan mulia itu.

Itulah hikmat kebijaksanaan Ilahi yang dapat dilihat dengan jelas apabila Allah memilih seorang manusia menjadi utusan-Nya kepada makhluk manusia, iaitu seorang utusan yang dapat merasa perasaan-perasaan dan pengalaman-pengalaman manusia, dapat memahami susah derita dan cita-cita manusia, dapat mengenal kehendak-kehendak dan keinginan manusia dan dapat mengetahui keperluan-keperluan manusia dan kepentingan-kepentingan manusia, dan dengan demikian dia dapat bersimpati dengan kelemahan dan kekurangan mereka, juga dapat meletakkan harapan pada kekuatan dan kelebihan mereka, dapat berjalan bersama mereka selangkah demi selangkah dan dapat memahami dan menilai kehendak-kehendak, perasaan-perasaan dan penerimaan-penerimaan mereka, kerana pada akhirnya dia merupakan salah seorang dari mereka yang sama-sama berjalan menuju kepada Allah dengan berpandukan wahyu dan pertolongan dari Allah ketika menghadapi kesulitan-kesulitan di tengah jalan!

Bagi pihak manusia pula mereka boleh mendapat dari utusan itu contoh teladan yang dapat diikut oleh mereka, kerana dia manusia seperti mereka, yang dapat meningkat perlahan-lahan bersama-sama mereka, yang hidup di dalam kalangan mereka dengan akhlak-akhlak, amalan-amalan dan kewajipan-kewajipan yang ia sampaikan kepada mereka sebagai fardhu-fardhu yang diwajibkan Allah ke atas mereka dan yang dikehendaki dari mereka, jadi utusan itu sendiri merupakan terjemahan yang hidup kepada agama yang dibawa olehnya kepada mereka. Seluruh hidupnya, tindak-tanduknya dan perbuatan-perbuatannya merupakan lembaran (buku terjemahan) yang terbuka kepada mereka agar mereka dapat menyalinnya sebaris demi sebaris dan mengenalpasti makna-maknanya satu demi satu. Mereka dapat melihat terjemahan itu sentiasa ada di kalangan mereka, dan inilah yang menjadikan hati mereka tergerak untuk meniru dan mencontohinya kerana seluruh terjemahan itu dapat dilihat pada pembawaan seseorang manusia. Andainya utusan itu dari makhluk malaikat tentulah manusia tidak dapat memikirkan tindak-tanduknya dan tidak cuba mencontohinya, kerana dari awal-awal lagi mereka

merasa bahawa tabi'at malaikat itu berlainan dari tabi'at mereka. Ini sudah tentu pula tindak-tanduk dan kelakuan malaikat itu berlainan dari tindak-tanduk dan kelakuan mereka. Tidak ada harapan bagi mereka untuk mencontohinya dan tidak ada kegemaran dari mereka untuk menyerupainya.

Itulah hikmat kebijaksanaan Allah yang telah menciptakan segala sesuatu dan menentukan perencanaannya masing-masing dengan rapi. Itulah hikmat kebijaksanaan Allah yang amat tinggi apabila Dia melantikkan manusia menjadi Rasul untuk melaksanakan peranannya memimpin umat manusia. Bantahan dan penolakan terhadap kerasulan manusia itu adalah suatu kejahilan terhadap hikmat Allah, juga terhadap hakikat penghormatan Allah yang tinggi kepada manusia.

Di antara bantahan-bantahan yang bodoh dan jahil dari mereka ialah gerak-geri Rasulullah yang berjalan di pasar-pasar untuk mencari rezeki. Mengapakah Allah tidak menyediakan rezeki untuknya, mengapa Allah tidak mengurniakan kepadanya harta kekayaan yang banyak tanpa memerlukan beliau bekerja dengan penat?

أَوْ يُلْقَىٰٓ إِلَيْهِ كَنزٌ أَوْ تَكُونُ لَهُۥ جَنَّةٌ يَأْكُلُ مِنْهَا

"Atau (mengapakah) tidak dicampakkan kepadanya perbendaharaan (dari langit) atau (mengapakah) dia tidak mempunyai kebun yang dapat dia makan darinya?"(8)

Allah tidak berkehendak menjadikan Rasulullah s.a.w. mempunyai harta kekayaan atau kebun-kebun, kerana Allah mahukan Rasul-Nya menjadi contoh ikutan kepada umat-Nya. Beliau berjuang menunaikan tugas-tugas kerasulannya yang amat besar dan dalam waktu yang sama beliau berusaha mencari rezekinya sama seperti mana-mana lelaki lain dari umatnya. Oleh itu tiada siapa dari umatnya yang bersusah payah mencari kehidupannya boleh berkata: Bahawa Rasulullah s.a.w. itu cukup dengan keperluan hidupnya, beliau tidak payah menempuh pertarungan untuk mendapat sara hidupnya. Oleh sebab itulah beliau dapat menumpukan seluruh usahanya kepada agamanya dan kepada tugas-tugas kerasulannya tanpa diganggu gugat oleh suatu halangan. Nah! Lihatlah sendiri bagaimana Rasulullah s.a.w. bekerja untuk menyarakan hidupnya. Dan bagaimana beliau bekerja menunaikan tugas da'wahnya. Oleh itu tiada sumbangan yang lebih kecil dari sumbangan setiap orang dari umat beliau yang mengambil bahagian yang kecil dalam melaksanakan tugas-tugas da'wah, sedangkan contoh teladan berada di hadapannya. Selepas itu harta kekayaan telah mencurah-curah datang kepada Rasulullah s.a.w. supaya dengan itu sempurnalah ujian dari sudut yang lain pula dan sempurnalah contoh teladan, tetapi beliau tidak membiarkan harta kekayaan itu mengganggu atau melumpuhkan beliau, malah beliau tetap murah laksana angin hingga beliau dapat mengatasi godaan harta kekayaan dan dapat menjadikan nilai harta kekayaan itu murah pada pandangan hati, juga supaya tiada siapa pun yang dapat berkata selepas (kedatangan kekayaan yang mencurah-curah) itu bahawa Nabi Muhammad s.a.w. dapat menegakkan risalahnya kerana beliau hidup miskin tidak diganggu gugat oleh sebarang urusan harta. Nah! Lihatlah sendiri harta kekayaan yang datang begini banyak kepada beliau, tetapi beliau tetap meneruskan, da'wahnya sama seperti waktu beliau dulu hidup miskin.

Apakah ertinya harta kekayaan? Apakah ertinya perbendaharaan? Apakah ertinya kebun-kebun? Apabila seseorang manusia yang fana dan daif itu dapat menjalinkan hubungan yang mesra dengan Allah Yang Maha Kekal dan Maha Kuat? Apakah ertinya bumi dengan segala isinya? Apakah ertinya makhluk alam buana ini semuanya setelah seorang manusia itu dapat membuat hubungan yang mesra dengan Allah Tuhan yang menciptakan segala sesuatu dan Tuhan yang berkuasa mengurniakan harta kekayaan yang banyak dan yang sedikit, tetapi kaum Musyrikin Quraysy pada masa itu tidak dapat memahami hakikat ini.

وَقَالَ ٱلظَّٰلِمُونَ إِن تَتَّبِعُونَ إِلَّا رَجُلًا مَّسْحُورًا ﴿٨﴾

"Dan berkatalah orang-orang yang zalim ini: kamu tidak mengikut melainkan seorang lelaki yang kena sihir."(8)

Ini adalah perkataan mereka yang zalim dan jahat yang diceritakan oleh Al-Qur'an di sini dan di dalam Surah al-Isra', kemudian dijawab di sana dan di sini dengan satu jawapan yang sama:

ٱنظُرْ كَيْفَ ضَرَبُوا۟ لَكَ ٱلْأَمْثَٰلَ فَضَلُّوا۟ فَلَا يَسْتَطِيعُونَ سَبِيلًا ﴿٩﴾

"Perhatikanlah bagaimana mereka tergamak membuat perbandingan-perbandingan terhadapmu. Mereka telah sesat dan kerana itu mereka tidak mampu menemui jalan (hidayat)."(9)

Rasulullah Dituduh Kena Sihir

Kedua-dua surah itu memperkatakan satu maudhu' yang hampir-hampir sama dalam satu suasana, yang juga hampir-hampir sama di sana dan di sini. Tujuan-tujuan kata-kata mereka itu ialah untuk mencemar dan menjatuhkan peribadi Rasulullah s.a.w., kerana mereka menggambarkan beliau sebagai seorang yang telah disihirkan akal fikirannya dan kerana itu dia menghamburkan kalam yang ganjil yang tidak dihamburkan oleh manusia-manusia biasa, tetapi sekaligus itu juga perkataan mereka itu

membayangkan perasaan hati mereka bahawa kalam yang dihamburkan beliau itu adalah kalam yang luar biasa dan bukan dari kalam yang setaraf dengan kalam manusia. Perkataan mereka itu dibalas dengan jawapan yang membayangkan kehairanan terhadap perbuatan mereka: *"Perhatikanlah bagaimana mereka tergamak membuat perbandingan-perbandingan terhadap-mu"*(انظر كيف ضربوا لك الأمثال), sekali mereka menuduh engkau kena sihir, sekali lagi mereka menuduh engkau berdusta. Dan sekali lagi pula mereka serupakan engkau dengan rawi-rawi cerita dongeng dan semua tuduhan itu adalah sesat belaka dan jauh dari memahami hakikat yang sebenar *"mereka telah sesat"* (فضلوا)yakni mereka telah sesat dari segala jalan yang benar dan dari segala jalan hidayat *"dan kerana itu mereka tidak mampu menemui jalan (hidayat)."*(فلا يستطيعون سبيلاً).

Al-Qur'an menamatkan perdebatan ini dengan satu kenyataan yang menerangkan betapa kecilnya harta benda kemewahan hidup dunia yang dicadang dan difikir oleh mereka, iaitu harta benda yang dianggap mereka amat bernilai dan amat layak dikurniakan Allah kepada Rasul-Nya jika dia itu benar seorang rasul, iaitu harta perbendaharaan yang diturunkan kepadanya dari langit atau kebun buah-buahan yang dapat dia makan darinya. Jika Allah kehendaki tentulah dia mengurniakan kepada Rasul-Nya harta benda kekayaan yang lebih besar dari keni'matan-keni'matan yang dicadangkan mereka itu:

تَبَارَكَ الَّذِي إِن شَاءَ جَعَلَ لَكَ خَيْرًا مِّن ذَٰلِكَ
جَنَّاتٍ تَجْرِي مِن تَحْتِهَا الْأَنْهَارُ وَيَجْعَل لَّكَ قُصُورًا ﴿١٠﴾

"Maha Sucilah Allah. Andainya Dia kehendaki tentulah Dia ciptakan untukmu lebih baik dari itu lagi, iaitu kebun-kebun yang mengalir di bawahnya sungai-sungai dan tentulah Dia ciptakan istana-istana untukmu."(10)

TetapiAllah mahu mengurniakan kepada Rasul-Nya ni'mat yang lebih baik dari kebun-kebun dan istana-istana itu lagi, iaitu ni'mat perhubungan dengan Allah yang mengurniakan kebun-kebun dan istana-istana, ni'mat merasakan hidup di bawah naungan dan perlindungan-Nya, di bawah bimbingan dan taufik-Nya dan ni'mat merasakan kemanisan perhubungan itu, iaitu ni'mat yang tidak dapat ditanding dengan ni'mat-ni'mat yang lain sama ada kecil atau besar. Amatlah jauh perbezaan di antara dua ni'mat itu, jika mereka memahami dan mengecapi!

******

(Pentafsiran ayat-ayat 11 - 19)

Setelah selesai membentangkan perkataan-perkataan mereka yang zalim terhadap Allah dan terhadap Rasulullah, Al-Qur'an mendedahkan pula lanjutan tindak-tanduk mereka yang kufur dan sesat iaitu mereka mendustakan hari Qiamat. Oleh sebab itu mereka tidak segan-segan melakukan kezaliman dan membuat pembohongan. Mereka tidak takut kepada hari Qiamat, di mana mereka dihadapkan kepada Allah yang akan menghisabkan kezaliman dan pembohongan mereka. Di sini Al-Qur'an menggambarkan mereka dalam salah satu pemandangan Qiamat yang menggoncangkan hati yang pejal dan menggerakkan perasaan yang mati. Di sini juga ia memperlihatkan kepada mereka 'azab seksa yang dahsyat, yang menunggu mereka di samping balasan-balasan yang baik yang menunggu para Mu'minin pada hari yang amat mengerikan itu:

بَلْ كَذَّبُوا بِالسَّاعَةِ ۖ وَأَعْتَدْنَا لِمَن كَذَّبَ بِالسَّاعَةِ سَعِيرًا ﴿١١﴾
إِذَا رَأَتْهُم مِّن مَّكَانٍ بَعِيدٍ سَمِعُوا لَهَا تَغَيُّظًا وَزَفِيرًا ﴿١٢﴾
وَإِذَا أُلْقُوا مِنْهَا مَكَانًا ضَيِّقًا مُّقَرَّنِينَ دَعَوْا هُنَالِكَ ثُبُورًا ﴿١٣﴾
لَّا تَدْعُوا الْيَوْمَ ثُبُورًا وَاحِدًا وَادْعُوا ثُبُورًا كَثِيرًا ﴿١٤﴾
قُلْ أَذَٰلِكَ خَيْرٌ أَمْ جَنَّةُ الْخُلْدِ الَّتِي وُعِدَ الْمُتَّقُونَ ۚ كَانَتْ لَهُمْ جَزَاءً وَمَصِيرًا ﴿١٥﴾
لَّهُمْ فِيهَا مَا يَشَاءُونَ خَالِدِينَ ۚ كَانَ عَلَىٰ رَبِّكَ وَعْدًا مَّسْئُولًا ﴿١٦﴾

"Bahkan mereka telah mendustakan hari Qiamat dan Kami telah pun menyediakan Neraka yang bernyala-nyala untuk orang yang mendustakan hari Qiamat(11). Apabila Neraka itu melihat mereka dari jauh, mereka akan mendengar suara kemarahannya dan bunyi nyalaannya(12). Dan apabila mereka dicampak ke dalam Neraka di tempat yang sempit dengan kakitangan yang terbelenggu, mereka berdo'a supaya mereka dibinasakan terus di sana(13). (Lalu dijawab kepada mereka): Janganlah kamu mendo'akan satu kebinasaan sahaja pada hari ini, malah do'akanlah kebinasaan-kebinasaan yang banyak(14). Katakanlah: Apakah 'azab itukah yang lebih baik atau Syurga yang kekal abadi yang dijanjikan kepada orang-orang yang bertaqwa, yang menjadi balasan dan tempat kembali bagi mereka?(15). Mereka memperolehi di dalam Syurga apa sahaja yang diingini mereka dan di sana mereka hidup kekal abadi. Itulah janji yang disanggupi Tuhanmu yang wajar dipohonkan kepada-Nya."(16)

Mereka Yang Mendustakan Hari Qiamat

Malah mereka telah mendustakan hari Qiamat. Tindak-tanduk kekufuran dan kesesatan mereka telah sampai kepada tahap yang amat jauh seperti yang digambarkan oleh Al-Qur'an. Di sini Al-Qur'an

memutuskan semua pembicaraan yang terdahulu untuk menonjolkan pendustaan mereka (terhadap hari Qiamat itu): *"Bahkan mereka telah mendustakan hari Qiamat"* (بل كذبوا بالساعة). Kemudian ia memperlihatkan 'azab seksa yang menunggu orang-orang yang melakukan perbuatan yang keji itu, iaitu 'azab seksa Neraka yang telah siap disediakan: *"Kami telah pun menyediakan Neraka yang bernyala-nyala untuk orang yang mendustakan hari Qiamat."*(وأعتدنا لمن كذب بالساعة سعيرا).

Penyalutan sifat hidup atau sifat fizikal pada perkara-perkara, konsep-konsep dan keadaan-keadaan jiwa yang tidak hidup dan berjisim itu merupakan satu art atau seni di dalam Al-Qur'an. Dengan seni penyalutan sifat fizikal ini Al-Qur'an dapat meningkatkan gambaran-gambaran dan pemandangan-pemandangan yang dikemuka-kannya itu ke tahap i'jaz (tahap penggambaran yang melemahkan manusia) dengan sebab unsur-unsur sifat hidup yang disalutkan padanya. [5]

Di sini kita berada di hadapan pemandangan Neraka yang bernyala-nyala, hidup dan bernyawa. Tiba-tiba ia melihat dan ternampak orang-orang yang mendustakan hari Qiamat. Ia nampak mereka dari jauh dan terus marah dan mendaung-daung. Bunyi daungan dan kemarahannya dapat didengar jelas oleh mereka. Ia memandang mereka dengan penuh geram dan daungannya semakin meninggi kerana terlalu marah kepada mereka ketika mereka di dalam perjalanan menuju kepadanya. Itulah satu pemandangan yang amat ngeri yang membuat kaki dan hati menggigil dan menggelentar.

Sekarang mereka telah sampai ke Neraka itu, tetapi mereka tidak ditinggalkan bebas menghadapi Neraka yang dahsyat itu. Ia tidak membiarkan mereka bertarung dengan Neraka untuk menyelamatkan diri darinya, malah mereka dicampakkan ke dalamnya dengan kakitangan yang terbelenggu, iaitu tangan mereka diikatkan dengan rantai di kaki-kaki mereka. Mereka dicampakkan di tempat yang sempit yang menambahkan lagi keseksaan mereka dan melemahkan mereka dari bergerak. Nah! Mereka kini berputus asa dari keselamatan dan begitu menderita dan terseksa di dalam Neraka dan kerana itu mereka berdo'a agar kebinasaan maut dapat menyelamatkan mereka dari keseksaan itu:

وَإِذَآ أُلۡقُواْ مِنۡهَا مَكَانٗا ضَيِّقٗا مُّقَرَّنِينَ دَعَوۡاْ هُنَالِكَ ثُبُورٗا ١٣

"Dan apabila mereka dicampak ke dalam Neraka di tempat yang sempit dengan kakitangan yang terbelenggu, mereka berdo'a supaya mereka dibinasakan terus di sana."(13)

Pada hari ini kebinasaan menjadi harapan kepada mereka dan satu-satunya jalan untuk melepaskan diri mereka dari keseksaan yang tidak tertanggung itu. Kemudian nah! Lihatlah mereka sedang mendengar jawapan kepada do'a mereka, iaitu jawapan yang penuh dengan sindiran dan ejekan yang pahit:

لَّا تَدۡعُواْ ٱلۡيَوۡمَ ثُبُورٗا وَٰحِدٗا وَٱدۡعُواْ ثُبُورٗا كَثِيرٗا ١٤

"(Lalu dijawab kepada mereka): Janganlah kamu mendo'akan satu kebinasaan sahaja pada hari ini, malah do'akanlah kebinasaan-kebinasaan yang banyak."(14)

Yakni satu kebinasaan sahaja tidak berguna apa-apa dan tidak cukup (untuk mereka).

Dalam suasana yang amat menderita ini dibentangkan kepada mereka ni'mat-ni'mat yang baik yang disediakan kepada para Muttaqin yang takut kepada Allah dan mengharapkan pertemuan dengan-Nya serta beriman kepada hari Qiamat. Ni'mat-ni'mat itu dibentangkan kepada mereka dengan uslub yang penuh ejekan:

قُلۡ أَذَٰلِكَ خَيۡرٌ أَمۡ جَنَّةُ ٱلۡخُلۡدِ ٱلَّتِي وُعِدَ ٱلۡمُتَّقُونَۚ كَانَتۡ لَهُمۡ جَزَآءٗ وَمَصِيرٗا ١٥

لَّهُمۡ فِيهَا مَا يَشَآءُونَ خَٰلِدِينَۚ كَانَ عَلَىٰ رَبِّكَ وَعۡدٗا مَّسۡـُٔولٗا ١٦

"Katakanlah: Apakah 'azab itukah yang lebih baik atau Syurga yang kekal abadi yang dijanjikan kepada orang-orang yang bertaqwa, yang menjadi balasan dan tempat kembali bagi mereka(15). Mereka memperolehi di dalam Syurga apa sahaja yang diingini mereka dan di sana mereka hidup kekal abadi. Itulah janji yang disanggupi Tuhanmu yang wajar dipohonkan kepada-Nya."(16)

Adakah keseksaan yang dahsyat itu lebih baik atau Syurga yang kekal abadi yang dijanjikan Allah kepada para Muttaqin, di mana mereka dikurniakan hak bertanya Allah tentang ni'mat Syurga dan hak menuntut Allah melaksanakan janji-Nya yang tak akan dimungkiri itu dan seterusnya Allah mengurniakan kepada mereka hak meminta apa sahaja yang disukai mereka di dalam Syurga? Sebenarnya di sana tidak ada suatu asas pun untuk perbandingan ini, tetapi itulah ejekan-ejekan yang amat pahit terhadap orang-orang yang mengejek dan berlagak angkuh terhadap Rasul-Nya yang mulia.

Kemudian Al-Qur'an terus menayangkan satu tagi pemandangan hari Qiamat yang didustakan oleh para pendusta itu, iaitu pemandangan orang-orang yang mempersekutukan Allah itu dikumpulkan bersama-sama dengan tuhan-tuhan palsu yang didakwa mereka dan seluruh para penyembah dan yang disembah itu berdiri di hadapan Allah untuk disoaljawab:

---

[5] *Lihat bab "التخييل الحسي والتجسيم" di dalam kitab " التصوير الفني في القرآن"*

Sekutu-sekutu Yang Disembah Berlepas Tangan Dari Penyembahan-penyembahan Mereka

وَيَوْمَ يَحْشُرُهُمْ وَمَا يَعْبُدُونَ مِن دُونِ ٱللَّهِ فَيَقُولُ
ءَأَنتُمْ أَضْلَلْتُمْ عِبَادِى هَٰٓؤُلَآءِ أَمْ هُمْ ضَلُّوا۟
ٱلسَّبِيلَ ﴿١٧﴾
قَالُوا۟ سُبْحَٰنَكَ مَا كَانَ يَنۢبَغِى لَنَآ أَن نَّتَّخِذَ مِن
دُونِكَ مِنْ أَوْلِيَآءَ وَلَٰكِن مَّتَّعْتَهُمْ وَءَابَآءَهُمْ حَتَّىٰ
نَسُوا۟ ٱلذِّكْرَ وَكَانُوا۟ قَوْمًۢا بُورًا ﴿١٨﴾
فَقَدْ كَذَّبُوكُم بِمَا تَقُولُونَ فَمَا تَسْتَطِيعُونَ
صَرْفًا وَلَا نَصْرًا ۚ وَمَن يَظْلِم مِّنكُمْ نُذِقْهُ عَذَابًا
كَبِيرًا ﴿١٩﴾

"Dan (ingatlah) hari di mana Kami akan himpunkan mereka dan sembahan-sembahan yang disembah mereka selain dari Allah. Lalu Dia berfirman: Apakah kamu yang telah menyesatkan hamba-hamba-Ku itu atau mereka sendiri yang sesat dari jalan yang benar(17). Lalu mereka menjawab: Maha Sucilah Engkau! Tidaklah wajar bagi kami mengambil pelindung-pelindung yang lain dari-Mu, tetapi Engkaulah yang telah memberi keni'matan-keni'matan hidup kepada mereka dan datuk nenek mereka sehingga mereka lupa mengingati-Mu dan mereka adalah satu kaum yang binasa(18). (Lalu Allah berfirman) sesungguhnya mereka (sembahan-sembahan yang lain dari Allah) telah mendusta segala apa yang dikatakan kamu. Oleh itu kamu tidak akan berupaya menolak sebarang 'azab seksa dan mendapat sebarang pertolongan, dan barang siapa yang melakukan kezaliman dari kamu, nescaya Kami rasakannya 'azab yang amat besar."(19)

(Yang dimaksudkan dengan) tuhan-tuhan palsu yang disembah mereka itu ialah berhala-berhala dan patung-patung dan mungkin pula malaikat-malaikat, jin dan segala yang disembah selain Allah. Sesungguhnya Allah mengetahui semuanya. Soal jawab yang dilakukan di padang Mahsyar yang amat luas, di mana seluruh mereka dikumpulkan bersama itu merupakan satu pemaluan dan penghinaan, dan ini sahaja merupakan satu 'azab yang amat ditakuti. Isi jawapan dari "tuhan-tuhan" yang didakwakan itu ialah mereka memulangkan (hak Uluhiyah) kepada Allah Yang Maha Esa dan Maha Berkuasa, dan membersihkan-Nya dari dakwaan yang dusta itu. Mereka bukan sahaja membersihkan diri mereka dari dakwaan menjadi tuhan, tetapi juga dari perbuatan kaum Musyrikin yang mengambil mereka selaku pelindung-pelindung yang lain dari Allah. Balasan penghinaan akan menimpa ke atas orang-orang kafir yang bodoh itu:

قَالُوا۟ سُبْحَٰنَكَ مَا كَانَ يَنۢبَغِى لَنَآ أَن نَّتَّخِذَ مِن
دُونِكَ مِنْ أَوْلِيَآءَ وَلَٰكِن مَّتَّعْتَهُمْ وَءَابَآءَهُمْ حَتَّىٰ
نَسُوا۟ ٱلذِّكْرَ وَكَانُوا۟ قَوْمًۢا بُورًا ﴿١٨﴾

"Lalu mereka menjawab: Maha Sucilah Engkau! Tidaklah wajar bagi kami mengambil pelindung-pelindung yang lain dari-Mu, tetapi Engkaulah yang telah memberi keni'matan-keni'matan hidup kepada mereka dan datuk nenek mereka sehingga mereka lupa mengingati-Mu dan mereka adalah satu kaum yang binasa."(18)

Keni'matan hidup yang begitu lama dan diwarisi turun-temurun tanpa mengenal Allah Pengurnia ni'mat, tanpa bertawajjuh dan bersyukur kepada-Nya telah menyebabkan mereka leka dan lupa kepada Allah yang memberi ni'mat itu, dan mengakibatkan hati mereka menjadi kemarau dan tandus sama seperti bumi tandus yang tidak ditumbuhi tumbuh-tumbuhan dan pokok-pokok buahan. Kata-kata "بورا" bererti "kebinasaan" dan kata-kata ini juga menyampaikan pengertian tandus dan kosong iaitu ketandusan hati dan kekosongan hidup.

Di waktu itu Allah pun menghadapkan firman-Nya yang mengandungi penghinaan kepada para penyembah yang bodoh itu: *"(Lalu Allah berfirman) sesungguhnya mereka (sembahan-sembahan yang lain dari Allah) telah mendusta segala apa yang dikatakan kamu. Oleh itu kamu tidak akan berupaya menolak sebarang 'azab seksa dan mendapat sebarang pertolongan."*(فقد كذبوكم بما تقولون فما تستطيعون صرفاً ولانصراً)

Ketika sedang berada dalam pemandangan Akhirat pada hari perhimpunan di Mahsyar itu, Al-Qur'an secara tiba-tiba berpindah kepada para pendusta yang masih berada di dunia pula: *"Dan barang siapa yang melakukan kezaliman dari kamu, nescaya Kami rasakannya 'azab yang amat besar."*(ومن يظلم منكم نذقه عذاباً كبيراً)

Itulah cara Al-Qur'an menyentuh hati manusia di sa'at ia bersedia untuk menerima dan dalam detik ia sedang terpengaruh dengan pemandangan ngeri seperti itu.

******

JUZU' KE-19

SURAH AL-FURQAN

(Pentafsiran ayat 20)

Kini mereka telah melihat dan Rasulullah s.a.w. juga turut menyaksi akibat pembohongan, pendustaan dan ejekan mereka. Mereka telah melihat kesudahan bantahan terhadap sifat kemanusiaan Rasul yang memakan makanan dan berjalan di pasar-pasar itu... kini Al-Qur'an kembali kepada Rasulullah s.a.w. melipur dan menghiburkan hatinya bahawa beliau bukannya satu keganjilan dari para rasul yang lain, kerana seluruh Rasul yang dahulu adalah berjalan di pasar-pasar belaka:

وَمَآ أَرْسَلْنَا قَبْلَكَ مِنَ ٱلْمُرْسَلِينَ إِلَّآ إِنَّهُمْ
لَيَأْكُلُونَ ٱلطَّعَامَ وَيَمْشُونَ فِى ٱلْأَسْوَاقِ ۗ
وَجَعَلْنَا بَعْضَكُمْ لِبَعْضٍ فِتْنَةً أَتَصْبِرُونَ ۗ
وَكَانَ رَبُّكَ بَصِيرًا ﴿٢٠﴾

"Dan Kami tidak utuskan para rasul sebelum engkau melainkan mereka semuanya memakan makanan dan berjalan di pasar-pasar, dan Kami telah jadikan sebahagian kamu ujian kepada sebahagian yang lain. Apakah kamu tidak dapat bersabar? Dan Tuhanmu itu adalah Maha Melihat."(20)

Jika di sana ada bantahan, maka bantahan itu bukanlah bantahan terhadap peribadi beliau, malah bantahan terhadap satu undang-undang dari undang-undang Allah, iaitu satu undang-undang yang telah ditetapkan dan dirancang kerana sesuatu tujuan iaitu *"Kami telah jadikan sebahagian kamu ujian kepada sebahagian yang lain"* (وجعلنا بعضكم لبعض فتنة). Oleh sebab itu orang-orang yang tidak memahami hikmat kebijaksanaan Allah, tadbir dan perencanaan-Nya itu boleh membantah (dengan bebas), sementara orang-orang yang percaya kepada Allah, kepada hikmat kebijaksanaan dan pertolongan-Nya pula boleh bersabar. Biarlah da'wah ini menghadapi pertarungan dan mendapat kemenangan melalui sarana-sarana dan cara-cara manusia, dan sesiapa yang mahu bersabar bolehlah ia bersabar menghadapi ujian ini: *"Apakah kamu tidak dapat bersabar?"* (أتصبرون)...*"dan Tuhanmu itu adalah Maha Melihat"* (وكان ربك بصيراً) yakni mengetahui segala tabi'at dan hati manusia dan mengetahui kesudahan-kesudahan mereka. Ungkapan *"dan Tuhanmu itu"* (وكان ربك) di sini mengandungi saranan dan bayangan (kasih mesra) dan membawa bayu yang lembut gemulai di dalam hati Rasulullah s.a.w, sesuai dengan maqam yang bertujuan melipur, menghibur, menaungi dan mendampingi beliau. Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui segala pintu hati manusia.

******

(Kumpulan ayat-ayat 21 - 44)[6]

وَقَالَ ٱلَّذِينَ لَا يَرْجُونَ لِقَآءَنَا لَوْلَآ أُنزِلَ عَلَيْنَا
ٱلْمَلَٰٓئِكَةُ أَوْ نَرَىٰ رَبَّنَا ۗ لَقَدِ ٱسْتَكْبَرُوا۟ فِىٓ أَنفُسِهِمْ
وَعَتَوْ عُتُوًّا كَبِيرًا ﴿٢١﴾
يَوْمَ يَرَوْنَ ٱلْمَلَٰٓئِكَةَ لَا بُشْرَىٰ يَوْمَئِذٍ لِّلْمُجْرِمِينَ
وَيَقُولُونَ حِجْرًا مَّحْجُورًا ﴿٢٢﴾
وَقَدِمْنَآ إِلَىٰ مَا عَمِلُوا۟ مِنْ عَمَلٍ فَجَعَلْنَٰهُ هَبَآءً
مَّنثُورًا ﴿٢٣﴾
أَصْحَٰبُ ٱلْجَنَّةِ يَوْمَئِذٍ خَيْرٌ مُّسْتَقَرًّا وَأَحْسَنُ
مَقِيلًا ﴿٢٤﴾
وَيَوْمَ تَشَقَّقُ ٱلسَّمَآءُ بِٱلْغَمَٰمِ وَنُزِّلَ ٱلْمَلَٰٓئِكَةُ تَنزِيلًا ﴿٢٥﴾
ٱلْمُلْكُ يَوْمَئِذٍ ٱلْحَقُّ لِلرَّحْمَٰنِ ۚ وَكَانَ يَوْمًا عَلَى
ٱلْكَٰفِرِينَ عَسِيرًا ﴿٢٦﴾
وَيَوْمَ يَعَضُّ ٱلظَّالِمُ عَلَىٰ يَدَيْهِ يَقُولُ يَٰلَيْتَنِى ٱتَّخَذْتُ
مَعَ ٱلرَّسُولِ سَبِيلًا ﴿٢٧﴾
يَٰوَيْلَتَىٰ لَيْتَنِى لَمْ أَتَّخِذْ فُلَانًا خَلِيلًا ﴿٢٨﴾
لَّقَدْ أَضَلَّنِى عَنِ ٱلذِّكْرِ بَعْدَ إِذْ جَآءَنِى ۗ وَكَانَ ٱلشَّيْطَٰنُ
لِلْإِنسَٰنِ خَذُولًا ﴿٢٩﴾
وَقَالَ ٱلرَّسُولُ يَٰرَبِّ إِنَّ قَوْمِى ٱتَّخَذُوا۟ هَٰذَا ٱلْقُرْءَانَ
مَهْجُورًا ﴿٣٠﴾
وَكَذَٰلِكَ جَعَلْنَا لِكُلِّ نَبِىٍّ عَدُوًّا مِّنَ ٱلْمُجْرِمِينَ ۗ
وَكَفَىٰ بِرَبِّكَ هَادِيًا وَنَصِيرًا ﴿٣١﴾
وَقَالَ ٱلَّذِينَ كَفَرُوا۟ لَوْلَا نُزِّلَ عَلَيْهِ ٱلْقُرْءَانُ جُمْلَةً

[6] *Juzu' Kesembilan Belas bermula dari ayat (21).*

وَٰحِدَةً ۚ كَذَٰلِكَ لِنُثَبِّتَ بِهِۦ فُؤَادَكَ ۖ وَرَتَّلْنَٰهُ
تَرْتِيلًا ﴿٣٢﴾
وَلَا يَأْتُونَكَ بِمَثَلٍ إِلَّا جِئْنَٰكَ بِٱلْحَقِّ وَأَحْسَنَ
تَفْسِيرًا ﴿٣٣﴾
ٱلَّذِينَ يُحْشَرُونَ عَلَىٰ وُجُوهِهِمْ إِلَىٰ جَهَنَّمَ
أُو۟لَٰٓئِكَ شَرٌّ مَّكَانًا وَأَضَلُّ سَبِيلًا ﴿٣٤﴾
وَلَقَدْ ءَاتَيْنَا مُوسَى ٱلْكِتَٰبَ وَجَعَلْنَا مَعَهُۥٓ أَخَاهُ
هَٰرُونَ وَزِيرًا ﴿٣٥﴾
فَقُلْنَا ٱذْهَبَآ إِلَى ٱلْقَوْمِ ٱلَّذِينَ كَذَّبُوا۟ بِـَٔايَٰتِنَا
فَدَمَّرْنَٰهُمْ تَدْمِيرًا ﴿٣٦﴾
وَقَوْمَ نُوحٍ لَّمَّا كَذَّبُوا۟ ٱلرُّسُلَ أَغْرَقْنَٰهُمْ وَجَعَلْنَٰهُمْ
لِلنَّاسِ ءَايَةً ۖ وَأَعْتَدْنَا لِلظَّٰلِمِينَ عَذَابًا أَلِيمًا ﴿٣٧﴾
وَعَادًا وَثَمُودَا۟ وَأَصْحَٰبَ ٱلرَّسِّ وَقُرُونًۢا بَيْنَ
ذَٰلِكَ كَثِيرًا ﴿٣٨﴾
وَكُلًّا ضَرَبْنَا لَهُ ٱلْأَمْثَٰلَ ۖ وَكُلًّا تَبَّرْنَا
تَتْبِيرًا ﴿٣٩﴾
وَلَقَدْ أَتَوْا۟ عَلَى ٱلْقَرْيَةِ ٱلَّتِىٓ أُمْطِرَتْ مَطَرَ ٱلسَّوْءِ ۚ
أَفَلَمْ يَكُونُوا۟ يَرَوْنَهَا ۚ بَلْ كَانُوا۟ لَا يَرْجُونَ
نُشُورًا ﴿٤٠﴾
وَإِذَا رَأَوْكَ إِن يَتَّخِذُونَكَ إِلَّا هُزُوًا أَهَٰذَا ٱلَّذِى
بَعَثَ ٱللَّهُ رَسُولًا ﴿٤١﴾
إِن كَادَ لَيُضِلُّنَا عَنْ ءَالِهَتِنَا لَوْلَآ أَن صَبَرْنَا
عَلَيْهَا ۚ وَسَوْفَ يَعْلَمُونَ حِينَ يَرَوْنَ ٱلْعَذَابَ
مَنْ أَضَلُّ سَبِيلًا ﴿٤٢﴾

أَرَءَيْتَ مَنِ ٱتَّخَذَ إِلَٰهَهُۥ هَوَىٰهُ أَفَأَنتَ تَكُونُ عَلَيْهِ
وَكِيلًا ﴿٤٣﴾
أَمْ تَحْسَبُ أَنَّ أَكْثَرَهُمْ يَسْمَعُونَ أَوْ يَعْقِلُونَ ۚ
إِنْ هُمْ إِلَّا كَٱلْأَنْعَٰمِ ۖ بَلْ هُمْ أَضَلُّ سَبِيلًا ﴿٤٤﴾

"Dan berkatalah orang-orang yang tidak mengharapkan pertemuan dengan Kami: Mengapakah tidak diturunkan malaikat kepada kami atau (mengapa tidak diberikan) kami melihat Tuhan kami. Sesungguhnya mereka telah memandang diri mereka terlalu besar dan mereka telah bertindak dengan keterlaluan yang begitu besar(21). Pada hari mereka melihat malaikat nanti, maka pada hari itu tiada apa-apa berita gembira untuk orang-orang yang berdosa dan mereka akan berkata: Lindungilah kami dari malapetaka ini(22). Dan Kami menuju kepada amalan yang dikerjakan mereka lalu Kami jadikannya sia-sia sahaja laksana debu yang berterbangan(23). Penghuni-penghuni Syurga pada hari itu mendapat kediaman tetap yang terbaik dan tempat istirehat yang terindah(24). Dan (ingatlah) pada hari di mana langit terbelah mengeluarkan awan-awan dan para malaikat diturunkan secara berkelompok-kelompok(25). Kuasa kerajaan yang sebenar pada hari itu adalah (di tangan) Allah Yang Maha Penyayang dan hari itu adalah hari yang amat sulit kepada orang-orang kafir(26). Dan (ingatlah) pada hari di mana orang yang zalim menggigit dua tangannya (kerana menyesal) seraya berkata: Alangkah baiknya jika dulu aku memilih jalan (yang benar) bersama Rasul!(27). Aduhai celakanya aku! Alangkah baiknya jika aku tidak mengambil si polan itu sebagai sahabat karibku(28). Kerana sesungguhnya dialah yang telah menyesatkanku dari pengajaran Al-Qur'an setelah ia sampai kepadaku. Dan syaitan itulah yang amat mengecewakan manusia(29). Dan berkatalah Rasul: Wahai Tuhanku! Sesungguhnya kaumku telah menjadikan Al-Qur'an pengajaran yang dipulaukan mereka(30). Dan demikianlah Kami jadikan setiap nabi itu mempunyai musuh dari orang-orang yang berdosa, dan cukuplah Tuhanmu menjadi Pemberi hidayat dan Penolong (kepadamu)(31). Dan berkatalah orang-orang yang kafir: Mengapakah Al-Qur'an itu tidak diturunkan sekaligus kepadanya (Muhammad). Demikian (Al-Qur'an diturunkan beransur-ansur) supaya Kami dapat memantapkan hatimu dengannya. Dan Kami telah turunkannya secara berturut-turut (sebabak demi sebabak)(32). Dan mereka tidak membawa kepadamu sesuatu hujah (yang batil) melainkan Kami bawakan kepadamu hujah yang benar dan pentafsiran yang sebaik-baiknya(33). Orang-orang yang diseretkan ke Neraka di atas muka mereka, merekalah orang-orang yang memperolehi tempat kediaman yang paling buruk dan orang-orang yang paling sesat jalan (hidupnya)(34). Dan sesungguhnya Kami telah kurniakan kitab Taurat kepada Musa dan Kami jadikan saudaranya Harun bersamanya selaku menteri(35). Kemudian Kami perintah: Pergilah kamu berdua (berda'wah) kepada kaum yang mendustakan ayat-ayat Kami, lalu Kami membinasakan mereka dengan kebinasaan yang amat dahsyat(36). Dan (kenangilah) kaum Nuh, apabila mereka mendustakan rasul-rasul, Kami tenggelamkan mereka dan Kami jadikan mereka suatu pengajaran kepada manusia, dan Kami telah menyediakan 'azab yang amat pedih untuk orang-orang yang zalim(37). Dan (kenangilah pula) kaum 'Ad, Thamud, penduduk ar-Rass dan banyak lagi umat-umat yang lain di antara mereka(38). Dan setiap kaum telah Kami kemukakan kepada mereka

berbagai-bagai contoh teladan dan setiap mereka telah Kami binasakan dengan kebinasaan yang amat dahsyat(39). Dan sesungguhnya mereka (kaum Musyrikin Makkah) telah pun mengunjungi negeri yang telah dihujani dengan hujan yang dahsyat. Apakah mereka tidak melihatnya? Malah sebenarnya mereka tidak mengharapkan kebangkitan semula(40). Dan apabila mereka melihatmu, mereka menjadikanmu bahan ejekan: Inikah orangnya yang diutuskan Allah sebagai Rasul?(41). Dia (Muhammad) hampir menyesatkan kita dari tuhan-tuhan kita jika tidak kerana kita bersabar mem-pertahankannya. Dan mereka akan mengetahui ketika mereka melihat 'azab kelak siapakah yang tersesat jalan (hidupnya)(42). Apakah pendapatmu tentang seorang yang telah bertuhankan hawa nafsunya? Apakah engkau dapat mengawalnya lagi?(43). Atau adakah engkau mengira kebanyakan mereka mendengar dan berfikir? Sebenarnya mereka adalah seperti binatang-binatang ternakan, malah mereka lebih sesat lagi jalan (hidupnya)"(44).

Permulaan pusingan ini hampir-hampir sama dengan permulaan pusingan yang pertama dari surah ini, iaitu cara penerangannya sama dengannya. Kedua-duanya men-gemukakan bantahan-bantahan yang angkuh terhadap Allah dan cadangan-cadangan (yang bukan-bukan) yang dihamburkan oleh kaum Musyrikin. Ini adalah sebagai pendahuluan sebelum menceritakan tindak-tanduk mereka yang angkuh terhadap Rasulullah s.a.w. untuk melipur dan menghiburkan hati beliau, tetapi penerangan di dalam pusingan ini mempercepatkan penayangan pemandangan 'azab Akhirat yang menunggu mereka sebagai balasan terhadap keangkuhan mereka. Penayangan 'azab itu dikemukakan di dalam satu siri pemandangan-pemandangan hari Qiamat yang bersambung-sambung sebagai jawapan terhadap perkataan mereka *"mengapakah tidak diturunkan malaikat kepada kami atau (mengapa tidak diberikan) kami melihat Tuhan kami?"* (لولا أنزل علينا الملائكة أو نرى ربنا). Kemudian ia membentangkan bantahan-bantahan mereka terhadap cara penurunan Al-Qur'an dengan beransur-ansur itu sambil menerangkan hikmat mengapa Al-Qur'an itu diturunkan beransur-ansur dan berturut-turut (begitu). Seterusnya ia meyakinkan Rasulullah s.a.w. bahawa beliau tetap mendapat pertolongan Allah setiap kali mereka mencabar beliau di dalam mana-mana perdebatan:

وَلَا يَأْتُونَكَ بِمَثَلٍ إِلَّا جِئْنَٰكَ بِٱلْحَقِّ وَأَحْسَنَ تَفْسِيرًا ﴿٣٣﴾

"Dan mereka tidak membawa kepadamu sesuatu hujah (yang batil) melainkan Kami bawakan kepadamu hujah yang benar dan pentafsiran yang sebaik-baiknya."(33)

Kemudian ia mengemukakan kepada beliau dan kepada kaum Musyrikin kisah kebinasaan para pendusta sebelum mereka dan secara khusus menarik pandangan mereka terhadap kisah kebinasaan kaum Lut, yang mereka pernah melalui negeri mereka yang musnah itu sambil mengecam sikap mereka kerana pemandangan negeri yang binasa yang dilalui mereka itu tidak dapat menggerakkan hati mereka. Semuanya ini merupakan pendahuluan sebelum menceritakan tindak-tanduk mereka yang mengejek Rasulullah s.a.w. dan mencerobohi maqamnya yang mulia. Dan sebaik sahaja selesai mengemukakan hal-hal ini, Al-Qur'an memberi ulasannya yang kuat yang menghinakan mereka:

إِنْ هُمْ إِلَّا كَٱلْأَنْعَٰمِ بَلْ هُمْ أَضَلُّ سَبِيلًا ﴿٤٤﴾

"Sebenarnya mereka adalah seperti binatang-binatang ternakan sahaja, malah mereka lebih sesat lagi jalan (hidupnya)."(44)

******

(Pentafsiran ayat-ayat 21 - 29)

وَقَالَ ٱلَّذِينَ لَا يَرْجُونَ لِقَآءَنَا لَوْلَآ أُنزِلَ عَلَيْنَا
ٱلْمَلَٰٓئِكَةُ أَوْ نَرَىٰ رَبَّنَا ۗ لَقَدِ ٱسْتَكْبَرُوا۟ فِىٓ أَنفُسِهِمْ
وَعَتَوْ عُتُوًّا كَبِيرًا ﴿٢١﴾
يَوْمَ يَرَوْنَ ٱلْمَلَٰٓئِكَةَ لَا بُشْرَىٰ يَوْمَئِذٍ لِّلْمُجْرِمِينَ
وَيَقُولُونَ حِجْرًا مَّحْجُورًا ﴿٢٢﴾
وَقَدِمْنَآ إِلَىٰ مَا عَمِلُوا۟ مِنْ عَمَلٍ فَجَعَلْنَٰهُ هَبَآءً
مَّنثُورًا ﴿٢٣﴾
أَصْحَٰبُ ٱلْجَنَّةِ يَوْمَئِذٍ خَيْرٌ مُّسْتَقَرًّا وَأَحْسَنُ
مَقِيلًا ﴿٢٤﴾
وَيَوْمَ تَشَقَّقُ ٱلسَّمَآءُ بِٱلْغَمَٰمِ وَنُزِّلَ ٱلْمَلَٰٓئِكَةُ تَنزِيلًا ﴿٢٥﴾
ٱلْمُلْكُ يَوْمَئِذٍ ٱلْحَقُّ لِلرَّحْمَٰنِ ۚ وَكَانَ يَوْمًا عَلَى
ٱلْكَٰفِرِينَ عَسِيرًا ﴿٢٦﴾
وَيَوْمَ يَعَضُّ ٱلظَّالِمُ عَلَىٰ يَدَيْهِ يَقُولُ يَٰلَيْتَنِى ٱتَّخَذْتُ
مَعَ ٱلرَّسُولِ سَبِيلًا ﴿٢٧﴾
يَٰوَيْلَتَىٰ لَيْتَنِى لَمْ أَتَّخِذْ فُلَانًا خَلِيلًا ﴿٢٨﴾
لَّقَدْ أَضَلَّنِى عَنِ ٱلذِّكْرِ بَعْدَ إِذْ جَآءَنِى ۗ وَكَانَ ٱلشَّيْطَٰنُ
لِلْإِنسَٰنِ خَذُولًا ﴿٢٩﴾

"Dan berkatalah orang-orang yang tidak mengharapkan pertemuan dengan Kami: Mengapakah tidak diturunkan malaikat kepada kami atau (mengapa tidak diberikan) kami melihat Tuhan kami? Sesungguhnya mereka telah memandang diri mereka terlalu besar dan mereka telah bertindak dengan keterlaluan yang begitu besar(21). Pada hari mereka melihat malaikat nanti, maka pada hari itu tiada apa-apa berita gembira untuk orang-orang yang berdosa dan mereka akan berkata: Lindungilah kami dari malapetaka ini(22). Dan Kami menuju kepada amalan yang dikerjakan mereka lalu Kami jadikannya sia-sia sahaja laksana debu yang berterbangan(23). Penghuni-penghuni Syurga pada hari itu mendapat kediaman tetap yang terbaik dan tempat istirehat yang terindah(24). Dan (ingatlah) pada hari di mana langit terbelah mengeluarkan awan-awan dan para malaikat diturunkan secara berkelompok-kelompok(25). Kuasa kerajaan yang sebenar pada hari itu adalah (di tangan) Allah Yang Maha Penyayang dan hari itu adalah hari yang amat sulit kepada orang-orang kafir(26). Dan (ingatlah) pada hari di mana orang yang zalim menggigit dua tangannya (kerana menyesal) seraya berkata: Alangkah baiknya jika dulu aku memilih jalan (yang benar) bersama Rasul!(27). Aduhai celakanya aku! Alangkah baiknya jika aku tidak mengambil si polan itu sebagai sahabat karibku(28). Kerana sesungguhnya dialah yang telah menyesatkanku dari pengajaran Al-Qur'an setelah ia sampai kepadaku. Dan syaitan itulah yang amat mengecewakan manusia."(29)

Kaum Musyrikin itu tidak mengharapkan pertemuan dengan Allah. Mereka tidak menunggu-nunggu pertemuan itu dan tidak membuat apa-apa perhitungan dengannya. Mereka tidak mengendalikan kehidupan dan tindak-tanduk mereka di atas asas bahawa mereka akan menemui Allah. Justeru itu hati mereka tidak terasa dengan kebesaran, kehebatan dan keagungan Allah, dan lidah mereka begitu lantang mengeluarkan perkataan-perkataan dan tanggapan-tanggapan yang tidak mungkin keluar dari hati seorang yang mengharapkan pertemuan dengan Allah.

Punca Keterlaluan Dan Keangkuhan Kaum Musyrikin

وَقَالَ ٱلَّذِينَ لَا يَرْجُونَ لِقَآءَنَا لَوْلَآ أُنزِلَ عَلَيْنَا
ٱلْمَلَٰٓئِكَةُ أَوْ نَرَىٰ رَبَّنَا ۗ لَقَدِ ٱسْتَكْبَرُوا۟ فِىٓ أَنفُسِهِمْ
وَعَتَوْ عُتُوًّا كَبِيرًا ﴿٢١﴾

"Dan berkatalah orang-orang yang tidak mengharapkan pertemuan dengan Kami: Mengapakah tidak diturunkan malaikat kepada kami atau (mengapa Tidak diberikan) kami melihat Tuhan kami?"(21)

Mereka telah menganggap sebagai mustahil bahawa manusia itu layak menjadi Rasul atau utusan Allah, dan untuk membolehkan mereka beriman kepada agama yang dida'wahkan oleh Rasul itu, mereka menuntut supaya diturunkan malaikat menjadi saksi atau mereka mahu melihat Allah dengan mata kepala mereka sendiri barulah mereka boleh percaya. Ini adalah satu sikap yang angkuh terhadap martabat Allah S.W.T., iaitu keangkuhan si jahil yang berkelakuan sewenang-wenang, yang tidak merasa kebesaran Allah di dalam jiwanya dan tidak meletakkan Allah pada darjatnya yang wajar, tetapi siapakah mereka yang sebenar sehingga sanggup berlagak angkuh seperti ini? Siapakah mereka dibandingkan dengan Allah Yang Maha Agung, Maha Gagah dan Maha Besar? Siapakah mereka, sedangkan mereka berada di dalam genggaman kekuasaan Allah dan ciptaan-Nya. Mereka laksana sebiji debu kecil yang sesat kecuali mereka mengikatkan diri mereka dengan Allah melalui keimanan, kerana dari keimanan inilah mereka memperolehi nilai bagi diri mereka. Oleh sebab itulah Al-Qur'an memberi jawapan kepada mereka dalam ayat yang sama itu juga sebelum ia berakhir, di mana ia mendedahkan punca keangkuhan mereka:

لَقَدِ ٱسْتَكْبَرُوا۟ فِىٓ أَنفُسِهِمْ وَعَتَوْ عُتُوًّا كَبِيرًا ﴿٢١﴾

"Sesungguhnya mereka telah memandang diri mereka terlalu besar dan mereka telah bertindak dengan keterlaluan yang amat besar."(21)

Mereka merasa diri mereka begitu besar dalam pandangan mereka. Justeru itu mereka merasa angkuh dan bertindak begitu keterlaluan. Perasaan mereka terhadap diri mereka telah menjadi begitu besar sehingga mereka tidak sempat mengukurkan diri mereka dengan nilai-nilai yang haqiqi dan menimbangkannya dengan neraca yang betul. Mereka tidak merasa kecuali diri mereka yang begitu agung pada pandangan mereka dan mengira diri mereka sebagai sesuatu yang amat besar di alam buana ini sehingga Allah wajar memperlihatkan zat-Nya Yang Maha Mulia kepada mereka sebagai syarat untuk mereka beriman dan percaya kepada-Nya.

Kemudian Al-Qur'an mengejek mereka dengan ejekan yang benar dan tepat ketika ia memperlihatkan kepada mereka 'azab seksa yang menunggu mereka pada hari mereka dapat melihat para malaikat -melihat malaikat merupakan satu tuntutan mereka yang lebih kecil dari dua tuntutan mereka yang lepas - kerana mereka tidak dapat melihat malaikat melainkan pada hari Qiamat yang amat dahysat, di mana mereka ditunggu 'azab seksa yang tidak terdaya dihadapi mereka dan tidak ada jalan untuk melepaskan diri darinya. Itulah hari hisab dan balasan:

يَوْمَ يَرَوْنَ ٱلْمَلَٰٓئِكَةَ لَا بُشْرَىٰ يَوْمَئِذٍ لِّلْمُجْرِمِينَ
وَيَقُولُونَ حِجْرًا مَّحْجُورًا ﴿٢٢﴾
وَقَدِمْنَآ إِلَىٰ مَا عَمِلُوا۟ مِنْ عَمَلٍ فَجَعَلْنَٰهُ هَبَآءً
مَّنثُورًا ﴿٢٣﴾

"Pada hari mereka melihat malaikat nanti, maka pada hari itu tiada apa-apa berita gembira untuk orang-orang yang berdosa dan mereka akan berkata: Lindungilah kami dari malapetaka ini(22). Dan Kami menuju kepada amalan yang dikerjakan mereka lalu Kami jadikannya sia-sia sahaja laksana debu yang berterbangan."(23)

Pada hari terlaksananya pengesyoran yang dicadangkan mereka iaitu "pada hari mereka melihat malaikat", maka pada hari itu orang-orang yang berdosa tidaklah diberikan berita gembira, tetapi mereka di'azab. Alangkah dahsyatnya sambutan terhadap pengesyoran yang dikemukakan mereka. Pada hari itu mereka akan berkata "lindungilah kami dari malapetaka ini". Ungkapan "حجرا محجورا" ialah sebuah ungkapan memohon perlindungan dari bala dan musuh-musuh yang diucapkan mereka untuk menjauhkan mereka dari musuh-musuh dan perbuatan-perbuatan mereka yang jahat. Ungkapan itu terlancar dari lidah mereka pada hari itu mengikut kebiasaan mereka apabila mereka berada dalam keadaan bingung kerana terperanjat. Tetapi pada hari ini apalah gunanya perkataan itu kepada mereka, kerana do'a tidak dapat melindung dan menghalangi mereka (dari 'azab):

وَقَدِمْنَآ إِلَىٰ مَا عَمِلُوا۟ مِنْ عَمَلٍ فَجَعَلْنَٰهُ هَبَآءً
مَّنثُورًا ﴿٢٣﴾

"Dan Kami menuju kepada amalan yang dikerjakan mereka lalu Kami jadikannya sia-sia sahaja laksana debu yang berterbangan."(23)

Demikianlah ia berlaku dalam sekelip mata sahaja. Ketika khayal sedang mengikuti kedatangan Ilahi yang difizikalkan di dalam khayal - mengikut cara penyampaian Al-Qur'an yang menggunakan cara penyalutan sifat-sifat jisim dan pengkhayalan yang difizikalkan[7] - dan mengikuti proses penaburan amalan-amalan di udara, tiba-tiba seluruh amalan mereka yang baik di dunia itu menjadi sia-sia, kerana amalan-amalan itu tidak ditegakkan di atas keimanan yang menghubungkan hati dengan Allah dan menjadikan amalan yang soleh satu sistem hidup yang teratur dan satu dasar tujuan bukannya amalan secara serampangan sahaja dan bukan pula amalan yang dibuat mengikut keinginan-keinginan yang mendadak dan bukti pula merupakan harakat yang terputus, yang tidak mempunyai tujuan dan matlamat, kerana tidak ada nilai bagi amalan yang terpisah dan tidak berhubung dengan sesuatu sistem yang tertentu dan tidak ada gunanya harakat yang terpisah yang tidak menjadi mata rantai dalam satu rangkaian yang mempunyai matlamat yang tertentu.

Kewujudan manusia, kehidupan dan amalannya dalam pandangan Islam adalah bersambung dengan asal-usul alam buana ini dan dengan undang-undang yang mengendalikan-nya, iaitu undang-undang yang menghubungkan seluruh makhluk dengan Allah termasuk manusia dan segala kegiatan yang terbit dari mereka. Oleh sebab itu apabila kehidupan manusia terpisah dari paksi agung yang mengikat mereka dan mengikat alam buana ini, maka mereka akan menjdi bahan buangan yang tidak mempunyai apa-apa timbangan dan nilai. Segala amalannya tidak diperhargai dan dikirakan, malah amalan itu dianggap sebagai tidak wujud dan tidak kekal.

Keimanan itulah yang menghubungkan manusia dengan Allah. Keimananlah yang menjadikan amalan mereka mempunyai nilai dan timbangan serta mempunyai tempatnya yang wajar di dalam kira-kira alam buana dan penciptaannya.

Demikianlah segala amalan kaum Musyrikin yang baik itu ditiadakan. Ia ditiada dan dihapuskan semua sekali sebagaimana digambarkan oleh Al-Qur'an dengan gambaran jasmani yang dikhayalkan:

وَقَدِمْنَآ إِلَىٰ مَا عَمِلُوا۟ مِنْ عَمَلٍ فَجَعَلْنَٰهُ هَبَآءً
مَّنثُورًا ﴿٢٣﴾

"Dan Kami menuju kepada amalan yang dikerjakan mereka lalu Kami jadikannya sia-sia sahaja laksana debu yang berterbangan."(23)

Dan di sini Al-Qur'an menoleh ke sebelah orang-orang Mu'min yang menjadi penghuni Syurga untuk menyempurnakan perbandingan di dalam pemandangan itu:

أَصْحَٰبُ ٱلْجَنَّةِ يَوْمَئِذٍ خَيْرٌ مُّسْتَقَرًّا وَأَحْسَنُ
مَقِيلًا ﴿٢٤﴾

"Penghuni-penghuni Syurga pada hari itu mendapat kediaman tetap yang terbaik dan tempat istirehat yang terindah."(24)

Mereka hidup di kediaman yang tetap, selesa dan penuh ni'mat di bawah bayang-bayang Syurga. Kehidupan yang tetap mantap di dalam Syurga itu dibandingkan dengan keringanan debu yang berterbangan dan ketenteraman di Syurga dibandingkan dengan ketakutan yang membuat manusia menghamburkan kata-kata memohon perlindungan dalam keadaan yang bingung.

Orang-orang kafir membuat pengesyoran supaya Allah datang menemui mereka di dalam kepulan-kepulan awan bersama-sama para malaikat. Mereka mungkin terpengaruh kepada cerita-cerita dongeng Israel yang menggambarkan Tuhan dapat dilihat oleh mereka di dalam gumpalan awan atau di dalam tiang-tiang api. Oleh itu di sini Al-Qur'an kembali melukiskan satu pemandangan yang lain pada hari terlaksananya pengesyoran mereka, iaitu hari turunnya para malaikat menemui mereka:

وَيَوْمَ تَشَقَّقُ ٱلسَّمَآءُ بِٱلْغَمَٰمِ وَنُزِّلَ ٱلْمَلَٰٓئِكَةُ تَنزِيلًا ﴿٢٥﴾
ٱلْمُلْكُ يَوْمَئِذٍ ٱلْحَقُّ لِلرَّحْمَٰنِ ۚ وَكَانَ يَوْمًا عَلَى

---

[7] *Lihat bab "التخييل الحسي والتجسيم" dalam buku "التصوير الفني في القرآن" dan buku "شاهد القيامة في القرآن".*

ٱلْكَٰفِرِينَ عَسِيرًا ﴿٢٦﴾

"Dan (ingatlah) pada hari di mana langit terbelah mengeluarkan awan-awan dan para malaikat diturunkan secara berkelompok-kelompok(25). Kuasa kerajaan yang sebenar pada hari itu adalah (di tangan) Allah Yang Maha Penyayang dan hari itu adalah hari yang amat sulit kepada orang-orang kafir."(26)

Perubahan Astronomikal Yang Menyeluruh Pada Hari Qiamat

Ayat ini dan banyak lagi ayat-ayat yang lain di dalam Al-Qur'an menjelaskan bahawa perubahan alam angkasa yang amat besar akan berlaku pada hari Qiamat itu, dan semua perubahan itu menunjukkan bahawa satu kekacauan yang menyeluruh akan berlaku di dalam undang-undang yang mengikatkan bahagian-bahagian alam yang dapat dilihat ini, juga mengikatkan segala jirim-jirimnya, segala bintang-bintang dan planet-planetnya. Ia juga menunjukkan akan berlakunya satu perubahan alam yang membabitkan segala bentuk rupanya dan segala perhubungannya yang menamatkan riwayat alam ini, iaitu satu perubahan menyeluruh yang bukan sahaja melibatkan bumi, malah melibatkan bintang-bintang, planet-planet dan segala jirim langit yang lain. Oleh itu tidaklah mengapa dibentangkan hakikat perubahan-perubahan itu sebagaimana disebut di dalam berbagai-bagai surah yang lain:

إِذَا ٱلشَّمْسُ كُوِّرَتْ ﴿١﴾ وَإِذَا ٱلنُّجُومُ ٱنكَدَرَتْ ﴿٢﴾ وَإِذَا
ٱلْجِبَالُ سُيِّرَتْ ﴿٣﴾ ... وَإِذَا ٱلْبِحَارُ سُجِّرَتْ ﴿٦﴾

"Apabila matahari digulung dan dipadamkan cahayanya (1). dan apabila bintang-bintang gugur bertaburan(2). dan apabila gunung-ganang dihancur-leburkan(3).... dan apabila lautan-lautan dinyalakan(6)."

(Surah at-Takwir: 1-3 dan 6)

إِذَا ٱلسَّمَآءُ ٱنفَطَرَتْ ﴿١﴾ وَإِذَا ٱلْكَوَاكِبُ ٱنتَثَرَتْ ﴿٢﴾ وَإِذَا
ٱلْبِحَارُ فُجِّرَتْ ﴿٣﴾ وَإِذَا ٱلْقُبُورُ بُعْثِرَتْ ﴿٤﴾ عَلِمَتْ
نَفْسٌ مَّا قَدَّمَتْ وَأَخَّرَتْ ﴿٥﴾

"Apabila langit terbelah(1), dan apabila planet-planet gugur bertaburan(2), dan apabila lautan telah dipecahkan(3), dan apabila kubur-kubur telah dibongkarkan(4)."

(Surah al-Infitar: 1-4)

إِذَا ٱلسَّمَآءُ ٱنشَقَّتْ ﴿١﴾ وَأَذِنَتْ لِرَبِّهَا وَحُقَّتْ ﴿٢﴾ وَإِذَا
ٱلْأَرْضُ مُدَّتْ ﴿٣﴾ وَأَلْقَتْ مَا فِيهَا وَتَخَلَّتْ ﴿٤﴾

"Apabila langit pecah terbelah(1). Dan mematuhi perintah Tuhannya dan memang kewajipannya mematuhi perintah(2). dan apabila bumi ditarik luas(3). Dan meluahkan keluar segala isi kandungannya dan menjadi kosong(4). Dan mematuhi perintah Tuhannya dan memang kewajipannya mematuhi perintah(5)."

(Surah al-Insyiqaaq: 1-5)

فَإِذَا ٱنشَقَّتِ ٱلسَّمَآءُ فَكَانَتْ وَرْدَةً كَٱلدِّهَانِ ﴿٣٧﴾

"Dan apabila langit terbelah, maka jadilah ia merah mawar yang berkilat seperti minyak."

(Surah ar-Rahman: 37)

إِذَا رُجَّتِ ٱلْأَرْضُ رَجًّا ﴿٤﴾ وَبُسَّتِ ٱلْجِبَالُ بَسًّا ﴿٥﴾
فَكَانَتْ هَبَآءً مُّنۢبَثًّا ﴿٦﴾

"Apabila bumi digoncangkan dengan sekuat-kuat goncangan(4). dan gunung-ganang dileburkan dengan selebur-leburnya(5). Maka ia menjadi debu yang berterbangan(6)."

(Surah al-Waqi'ah: 4-6)

فَإِذَا نُفِخَ فِى ٱلصُّورِ نَفْخَةٌ وَٰحِدَةٌ ﴿١٣﴾ وَحُمِلَتِ ٱلْأَرْضُ
وَٱلْجِبَالُ فَدُكَّتَا دَكَّةً وَٰحِدَةً ﴿١٤﴾ فَيَوْمَئِذٍ وَقَعَتِ ٱلْوَاقِعَةُ ﴿١٥﴾
وَٱنشَقَّتِ ٱلسَّمَآءُ فَهِىَ يَوْمَئِذٍ وَاهِيَةٌ ﴿١٦﴾

"Apabila sangkakala ditiupkan sekali(13). Dan apabila bumi dan gunung-ganang diangkat dan dileburkan keduanya serentak sekali(14). Maka pada hari itu berlakulah Qiamat (15). Dan terbelahlah langit kerana pada hari itu ia amat lemah."

(Surah al-Haqqah: 13-16)

يَوْمَ تَكُونُ ٱلسَّمَآءُ كَٱلْمُهْلِ ﴿٨﴾ وَتَكُونُ ٱلْجِبَالُ
كَٱلْعِهْنِ ﴿٩﴾

"Pada hari itu langit menjadi (hancur) seperti perak yang cair(8). Dan gunung-ganang (berterbangan) seperti bulu-bulu(9)."

(Surah al-Ma'arij: 8-9)

إِذَا زُلْزِلَتِ ٱلْأَرْضُ زِلْزَالَهَا ﴿١﴾ وَأَخْرَجَتِ ٱلْأَرْضُ أَثْقَالَهَا ﴿٢﴾

"Apabila bumi digegarkan sedahsyat-dahsyat gegarannya(1). Dan bumi telah mengeluarkan isi kandungannya(2)."

(Surah az-Zalzalah: 1-2)

يَوْمَ يَكُونُ ٱلنَّاسُ كَٱلْفَرَاشِ ٱلْمَبْثُوثِ ﴿٤﴾
وَتَكُونُ ٱلْجِبَالُ كَٱلْعِهْنِ ٱلْمَنفُوشِ ﴿٥﴾

"Pada hari itu manusia jadi seperti kelkatu yang berkeliaran(4). Dan gunung-ganang (berterbangan) seperti bulu-bulu yang dibusarkan(5)."

(Surah al-Qari'ah: 4-5)

فَٱرۡتَقِبۡ يَوۡمَ تَأۡتِي ٱلسَّمَآءُ بِدُخَانٖ مُّبِينٖ ١٠
يَغۡشَى ٱلنَّاسَۖ هَٰذَا عَذَابٌ أَلِيمٞ ١١

"Oleh itu tunggulah hari langit membawa asap yang amat nyata(10). Yang menyelubungi manusia. Inilah 'azab yang amat pedih(11)."

(Surah ad-Dukhan: 10-11)

يَوۡمَ تَرۡجُفُ ٱلۡأَرۡضُ وَٱلۡجِبَالُ وَكَانَتِ ٱلۡجِبَالُ كَثِيبٗا مَّهِيلًا ١٤

"Pada hari bumi dan gunung-ganang bergegar dan bukit-bukit menjadi timbunan pasir yang bertaburan."

(Surah al-Muzzammil: 14)

ٱلسَّمَآءُ مُنفَطِرُۢ بِهِۦۚ كَانَ وَعۡدُهُۥ مَفۡعُولًا ١٨

"Langit menjadi hancurlebur dengan sebab hari itu dan janji Allah tetap terkota."

(Surah al-Muzzammil: 18)

كَلَّآ إِذَا دُكَّتِ ٱلۡأَرۡضُ دَكّٗا دَكّٗا ٢١

"Tidak sekali-kali begitu, (nanti kelak) apabila bumi telah digegarkan dengan sedahsyat gegaran."

(Surah al-Fajr: 21)

فَإِذَا بَرِقَ ٱلۡبَصَرُ ٧ وَخَسَفَ ٱلۡقَمَرُ ٨ وَجُمِعَ ٱلشَّمۡسُ وَٱلۡقَمَرُ ٩

"Apabila mata terbelalak (ketakutan)(7). Dan apabila bulan telah padam cahayanya(8) Dan apabila matahari dan bulan dikumpulkan(9)."

(Surah al-Qiamat: 7-9)

فَإِذَا ٱلنُّجُومُ طُمِسَتۡ ٨ وَإِذَا ٱلسَّمَآءُ فُرِجَتۡ ٩ وَإِذَا
ٱلۡجِبَالُ نُسِفَتۡ ١٠

"Apabila bintang-bintang telah dihapuskan(8). Dan apabila langit telah dipecahkan(9). Dan apabila gunung-ganang telah dihancur-leburkan(10)."

(Surah al-Mursalat: 8-10)

وَيَسۡـَٔلُونَكَ عَنِ ٱلۡجِبَالِ فَقُلۡ يَنسِفُهَا رَبِّي نَسۡفٗا ١٠٥
فَيَذَرُهَا قَاعٗا صَفۡصَفٗا ١٠٦
لَّا تَرَىٰ فِيهَا عِوَجٗا وَلَآ أَمۡتٗا ١٠٧

"Dan mereka bertanya engkau tentang gunung-ganang katakanlah: Tuhanku akan meleburkannya dengan selebur-leburnya(105). Dan meninggalkannya menjadi tanah datar dan rata(106). Engkau tidak dapat melihat padanya sebarang tempat yang rendah dan yang tinggi(107)."

(Surah Taha: 105-107)

وَتَرَى ٱلۡجِبَالَ تَحۡسَبُهَا جَامِدَةٗ وَهِيَ تَمُرُّ مَرَّ ٱلسَّحَابِۚ

"Dan engkau melihat gunung-ganang dan menyangkakannya tetap membeku di tempatnya, sedangkan ia berjalan (laju) seperti perjalanan awan."

(Surah an-Naml: 88)

وَيَوۡمَ نُسَيِّرُ ٱلۡجِبَالَ وَتَرَى ٱلۡأَرۡضَ بَارِزَةٗ

"Dan (ingatlah) hari Qiamat, di mana Kami hancur-leburkan gunung-ganang dan engkau akan melihat bumi datar dan terbentang nyata."

(Surah al-Kahfi: 47)

يَوۡمَ تُبَدَّلُ ٱلۡأَرۡضُ غَيۡرَ ٱلۡأَرۡضِ وَٱلسَّمَٰوَٰتُۖ

"Pada hari bumi ditukarkan dengan bumi yang lain dan begitu juga langit."

(Surah Ibrahim: 48)

يَوۡمَ نَطۡوِي ٱلسَّمَآءَ كَطَيِّ ٱلسِّجِلِّ لِلۡكُتُبِۚ

"Pada hari Kami gulungkan langit seperti gulungan kertas-kertas buku."

(Surah al-Anbia': 104)

Semua ayat-ayat ini memberitakan bahawa penghabisan alam kita ini adalah satu penghabisan yang amat menakutkan, di mana bumi digempa dan digegar, gunung-ganang dihancur-leburkan, lautan-lautan membedah dan meledak sama ada kerana terlalu penuh akibat kekacauan alam atau kerana molekul-molekul atau zarrah air itu meledak dan berubah menjadi api. Begitu juga bintang-bintang jatuh berguguran dan langit pecah terbelah dan segala bintang-bintang dan planetnya hancur dan gugur bertaburan, jarak-jarak di antara bintang-bintang itu menjadi kucar-kacir, di mana matahari dikumpulkan dengan bulan. Langit pula sekali kelihatan seperti asap dan sekali pula kelihatan bernyala-nyala merah dan sebagainya dari peristiwa-peristiwa malapetaka alam yang ngeri.

Di dalam Surah al-Furqan ini Allah menakutkan kaum Musyrikin dengan peristiwa langit terbelah yang mengeluarkan awan-awan. Mungkin awan-awan itu adalah dari kumpulan awan-awan yang terjadi dari wap-wap ledakan yang dahsyat itu. Dan pada hari itu para malaikat akan turun mendapatkan orang-orang yang kafir itu sebagaimana yang disyorkan oleh mereka, tetapi mereka turun bukan untuk membuktikan kebenaran Rasulullah s.a.w., tetapi untuk melaksanakan 'azab seksa ke atas mereka dengan perintah Allah *"Dan hari itu adalah hari yang amat sulit kepada orang-orang yang kafir"* (وكان يوما على الكافرين عسيرا) kerana malapetaka yang ngeri dan 'azab seksa yang dahsyat. Oleh itu mengapakah mereka mengesyor supaya diturunkan malaikat,

sedangkan para malaikat itu tidak turun melainkan pada hari seperti hari Qiamat yang amat sulit itu?

Kemudian dibentangkan satu dari pemandangan-pemandangan hari Qiamat itu yang menggambarkan kekesalan orang-orang yang zalim sesat.Pemandangan ini dibentangkan dengan panjang lebar sehingga pendengar ayat ini menyangkakannya seolah-olah tidak akan berakhir. Ianya berupa pemandangan orang yang zalim menggigit kedua belah tangannya membayangkan kekesalan, kedukacitaan dan putus harapan:

وَيَوْمَ يَعَضُّ ٱلظَّالِمُ عَلَىٰ يَدَيْهِ يَقُولُ يَٰلَيْتَنِى ٱتَّخَذْتُ
مَعَ ٱلرَّسُولِ سَبِيلًا ﴿٢٧﴾
يَٰوَيْلَتَىٰ لَيْتَنِى لَمْ أَتَّخِذْ فُلَانًا خَلِيلًا ﴿٢٨﴾
لَّقَدْ أَضَلَّنِى عَنِ ٱلذِّكْرِ بَعْدَ إِذْ جَآءَنِى ۗ وَكَانَ ٱلشَّيْطَٰنُ
لِلْإِنسَٰنِ خَذُولًا ﴿٢٩﴾

"Dan (ingatlah) pada hari, di mana orang yang zalim menggigit dua tangannya (kerana menyesal) seraya berkata: Alangkah baiknya jika dulu aku memilih jalan (yang benar) bersama Rasul(27). Aduhai celakanya aku! Alangkah baiknya jika aku tidak mengambil si polan itu sebagai sahabat karibku(28). Kerana sesungguhnya dialah yang telah menyesatkanku dari pengajaran Al-Qur'an setelah ia sampai kepadaku. Dan syaitan itulah yang amat mengecewakan manusia."(29)

Segala sesuatu di sekelilingnya sunyi sepi. Dia mengeluarkan kata-kata keluhan menyesal dan sedih dengan nada yang panjang dan ini menambahkan suasana itu menjadi lebih panjang dan lebih mendalam kesannya hingga hampir-hampir pembaca dan pendengar ayat-ayat ini turut serta merasa sesal, kesal dan sedih.

"Dan (ingatlah) pada hari, di mana orang yang zalim itu menggigit dua tangannya"(ويوم يعض الظالم على يديه) dia tidak cukup menggigit sebelah tangannya sahaja, malah dia menggigit kedua belah tangannya bergilir-gilir atau dia menjabatkan kedua belah tangannya dan menggigit kedua-duanya sekali kerana terlalu menyesal. Ini adalah gerak laku biasa yang membayangkan keadaan jiwa yang amat menyesal.

Seraya berkata: *"Alangkah baiknya jika dulu aku memilih jalan (yang benar) bersama Rasul!"*(ياليتني اتخذت مع الرسول سبيلا) Yakni aku mengikut jalannya, tidak berpisah darinya dan tidak menyimpang darinya, iaitu Rasul yang dia ingkarkan kerasulannya dan menganggap mustahil Allah mengangkatnya menjadi Rasul.

يَٰوَيْلَتَىٰ لَيْتَنِى لَمْ أَتَّخِذْ فُلَانًا خَلِيلًا ﴿٢٨﴾

"Aduhai celakanya aku! Alangkah baiknya jika aku tidak mengambil si polan itu sebagai sahabat karibku."(28)

Al-Qur'an menyebut si polan sahaja supaya pemajhulan ini merangkumi setiap sahabat yang jahat, yang menghalang seseorang dari mengikuti jalan Rasul dan sesat dari mengingati Allah.[8]

لَّقَدْ أَضَلَّنِى عَنِ ٱلذِّكْرِ بَعْدَ إِذْ جَآءَنِى ۗ وَكَانَ ٱلشَّيْطَٰنُ
لِلْإِنسَٰنِ خَذُولًا ﴿٢٩﴾

"Kerana sesungguhnya dialah yang telah menyesatkanku dari pengajaran Al-Qur'an setelah ia sampai kepadaku. Dan syaitan itulah yang amat mengecewakan manusia."(29)

Rupa-rupanya si polan itu syaitan atau pembantu syaitan yang menyesatkan manusia, "dan syaitan itulah yang amat mengecewakan manusia" yakni dia tetap membawa manusia kepada kekecewaan, iaitu kecewa di masa yang genting dan hampa ketika menghadapi malapetaka dan kesusahan.

Demikianlah Al-Qur'an terus menggoncangkan hati kaum Musyrikin itu dengan pemandangan-pemandangan yang menakutkan ini, di mana ia menonjol dan memperlihatkan nasib kesudahan hidup mereka yang ngeri pada hari Qiamat seolah-olah berlaku di hadapan mata mereka, sedangkan mereka masih berada di dunia ini mendustakan pertemuan dengan Allah dan berlagak angkuh terhadap Allah tanpa memberi sebarang penghormatan. Dan mereka mengemukakan cadangan-cadangan yang sewenang-wenang, sedangkan 'azab seksa yang dahsyat menunggu mereka di Akhirat, di mana mereka akan mengeluarkan keluhan menyesal yang amat pedih setelah luput waktunya.

******

(Pentafsiran ayat-ayat 30 - 34)

Setelah menjelajah meninjau hari Qiamat yang amat sulit itu, Al-Qur'an membawa kaum Musyrikin pulang ke bumi dan menunjukkan sikap mereka terhadap Rasulullah s.a.w. dan bantahan-bantahan mereka terhadap cara diturunkan Al-Qur'an. Kemudian diakhiri sekali lagi dengan pemandangan mereka pada hari perhimpunan di Padang Mahsyar:

---

[8] *Setengah-setengah riwayat menyebut sebab turunnya ayat-ayat ini, iaitu 'Uqbah ibn Mu'ait banyak duduk bersama Nabi s. a. w, lalu dia menjemput beliau makan di rumahnya, tetapi beliau enggan makan jamuannya hingga dia mengucap dua kalimat syahadat, lalu dia pun mengucap. Kebetulan Ubay ibn Khalaf menjadi sahabatnya. Dia terus mencela 'Uqbah dengan katanya : "Engkau telah keluar dari agama datuk nenek". Jawab 'Uqbah: "Demi Allah, tidak, tetapi dia enggan makan jamuanku, sedangkan dia berada di rumahku dan aku tentulah merasa malu, lalu aku pun mengucap dua kalimah syahadat". Kata Ubay ibn Khalaf "Aku tidak redha sehingga engkau menemuinya (Nabi) dan memijak lehernya dan meludahi mukanya. "Kemudian 'Uqbah menemui Nabi s.a.w. sedang sujud di Darun-Nadwah, dia pun terus melakukan perbuatan itu ke atas beliau lalu Nabi s.a.w. berkata kepadanya: "Aku tidak akan menemui engkau di luar negeri Mekah ini melainkan aku akan hunuskan mata pedang di atas kepalamu". 'Uqbah telah di tawan di dalam Peperangan Badar, lalu beliau memerintah Ali membunuhnya.*

Rasulullah Mengadu Kepada Allah Kerana Al-Qur'an Telah Dipulaukan Kaumnya

وَقَالَ ٱلرَّسُولُ يَٰرَبِّ إِنَّ قَوۡمِي ٱتَّخَذُواْ هَٰذَا ٱلۡقُرۡءَانَ
مَهۡجُورٗا ٣٠
وَكَذَٰلِكَ جَعَلۡنَا لِكُلِّ نَبِيٍّ عَدُوّٗا مِّنَ ٱلۡمُجۡرِمِينَۗ
وَكَفَىٰ بِرَبِّكَ هَادِيٗا وَنَصِيرٗا ٣١
وَقَالَ ٱلَّذِينَ كَفَرُواْ لَوۡلَا نُزِّلَ عَلَيۡهِ ٱلۡقُرۡءَانُ جُمۡلَةٗ
وَٰحِدَةٗۚ كَذَٰلِكَ لِنُثَبِّتَ بِهِۦ فُؤَادَكَۖ وَرَتَّلۡنَٰهُ
تَرۡتِيلٗا ٣٢
وَلَا يَأۡتُونَكَ بِمَثَلٍ إِلَّا جِئۡنَٰكَ بِٱلۡحَقِّ وَأَحۡسَنَ
تَفۡسِيرًا ٣٣
ٱلَّذِينَ يُحۡشَرُونَ عَلَىٰ وُجُوهِهِمۡ إِلَىٰ جَهَنَّمَ
أُوْلَٰٓئِكَ شَرّٞ مَّكَانٗا وَأَضَلُّ سَبِيلٗا ٣٤

"Dan berkatalah Rasul: Wahai Tuhanku! Sesungguhnya kaumku telah menjadikan Al-Qur'an pengajaran yang dipulaukan mereka(30). Dan demikianlah Kami jadikan setiap nabi itu mempunyai musuh dari orang-orang yang berdosa, dan cukuplah Tuhanmu menjadi Pemberi hidayat dan Penolong (kepadamu)(31). Dan berkatalah orang-orang yang kafir: Mengapakah Al-Qur'an itu tidak diturunkan sekaligus kepadanya (Muhammad). Demikian (Al-Qur'an diturunkan beransur-ansur) supaya Kami dapat memantapkan hatimu dengannya. Dan Kami telah turunkannya secara berturut-turut (sebabak demi sebabak)(32). Dan mereka tidak membawa kepadamu sesuatu hujah (yang batil) melainkan Kami bawakan kepadamu hujah yang benar dan pentafsiran yang sebaik-baiknya(33). Orang-orang yang diseretkan ke Neraka di atas muka mereka, merekalah orang-orang yang memperolehi tempat kediaman yang paling buruk dan orang-orang yang paling sesat jalan (hidupnya)."(34)

Mereka telah memulaukan Al-Qur'an yang telah diturunkan Allah kepada hamba kesayangan-Nya untuk memberi peringatan dan petunjuk kepada mereka. Mereka telah memulaukannya dan menutup telinga mereka kerana takut tertarik hati kepadanya dan tidak dapat menahankan hati darinya. Mereka telah memulaukan Al-Qur'an dan tidak memikirkannya dengan teliti untuk memahami kebenaran yang terkandung di dalamnya dan untuk mendapat petunjuk dari suluhan nurnya. Mereka telah memulaukan Al-Qur'an dan tidak menjadikannya sebagai perlembagaan hidup mereka, sedangkan Al-Qur'an datang untuk menjadi satu sistem hidup yang membawa ke jalan yang amat lurus:

وَقَالَ ٱلرَّسُولُ يَٰرَبِّ إِنَّ قَوۡمِي ٱتَّخَذُواْ هَٰذَا ٱلۡقُرۡءَانَ
مَهۡجُورٗا ٣٠

"Dan berkatalah Rasul: Wahai Tuhanku! Sesungguhnya kaumku telah menjadikan Al-Qur'an pengajaran yang dipulaukan mereka."(30)

Tuhannya memang mengetahui hakikat ini, tetapi do'a ini hanya do'a merayu dan menyerah kembali kepada Allah bahawa beliau telah berusaha dengan segala cara, tetapi kaumnya tidak juga mahu mendengar dan memikirkan kandungan Al-Qur'an ini dengan teliti.

Lalu Allah melipur dan menghiburkan beliau bahawa itulah adat kebiasaan manusia yang berlaku kepada semua rasul yang telah lalu. Setiap nabi mempunyai musuh-musuh yang memulaukan hidayat yang dibawa olehnya dan menyekat orang ramai dari agama Allah, tetapi Allah tetap membimbing para rasul-Nya ke jalan kemenangan mengalahkan musuh-musuh mereka yang berdosa:

وَكَذَٰلِكَ جَعَلۡنَا لِكُلِّ نَبِيٍّ عَدُوّٗا مِّنَ ٱلۡمُجۡرِمِينَۗ
وَكَفَىٰ بِرَبِّكَ هَادِيٗا وَنَصِيرٗا ٣١

"Dan demikianlah Kami jadikan setiap nabi itu mempunyai musuh dari orang-orang yang berdosa, dan cukuplah Tuhanmu menjadi pemberi hidayat dan penolong (kepadamu)."(31)

Penentangan Merupakan Batu Uji Yang Memantapkan Da'wah

Allah mempunyai hikmat kebijaksanaan yang amat sempuma, kerana tampilnya orang-orang yang berdosa memerangi para Anbia' dan da'wah Allah itu menambahkan lagi kekuatan da'wah itu dan menerapkannya dengan ciri kesungguhan yang sesuai dengan, tabi'atnya. Perjuangan para penda'wah melawan tentangan orang-orang yang berdosa yang bertindak menghalang da'wah itulah yang dapat membezakan da'wah-da'wah yang benar dari dakwaan-dakwaan yang palsu walaupun pejuang-pejuang da'wah dan da'wah itu, mengalami berbagai-bagai kesulitan dan halangan. Perjuangan itulah yang menapis para pejuang da'wah dan membuang pejuang-pejuang palsu agar tiada yang tinggal memperjuangkan da'wah itu melainkan pejuang-pejuang yang mempunyai iman yang kuat dan ikhlas, iaitu pejuang-pejuang yang tidak mencari keuntungan-keuntungan yang dekat dan tidak menghendaki sesuatu yang lain melainkan semata-mata kerana da'wah yang tulus ikhlas kerana Allah S.W.T. sahaja.

Seandainya da'wah itu senang dan mudah, hanya melalui jalan-jalan rata yang terhampar dengan

bunga-bunga tanpa musuh-musuh dan penentang-penentang yang muncul mengganggu di tengah jalan dan tanpa digugatkan oleh para pendusta dan manusia-manusia yang degil tentulah setiap orang boleh menjadi pejuang da'wah dan tentulah da'wah-da'wah yang benar bercampuraduk dengan dakwaan-dakwaan yang batil dan tentulah berlaku keadaan kacau-bilau dari huru-hara, tetapi kemunculan penentang-penentang dan musuh-musuh da'wah itulah yang menjadikan perjuangan untuk menegakkan da'wah itu suatu kepastian yang pasti dihadapi. Dan menjadikan penderitaan-penderitaan dan pengorbanan-pengorbanan dalam perjuangan itu sebagai kayu api perjuangan da'wah. Di waktu itu tiada yang sanggup berjuang dan menanggung penderitaan dan pengorbanan kecuali para penda'wah yang benar, penda'wah yang sungguh-sungguh dan beriman kukuh, iaitu para pendawah yang mengutamakan da'wah dari kerehatan, keni'matan diri sendiri dan segala mata benda hidup dunia, malah sanggup mengorbankan nyawanya apabila da'wah memerlukan mereka berkorban untuknya. Tiada yang sanggup tegak dalam perjuangan yang pahit ini melainkan hanya orang-orang yang paling gagah dan paling kuat imannya dan paling banyak mengharapkan balasan yang ada di sisi Allah dan memandang rendah kepada ganjaran-ganjaran yang ada pada manusia. Ketika itu berbezalah da'wah yang benar dari dakwaan-dakwaan yang batil. Ketika itu barisan-barisan dapat ditapis dan dapat diketahui mana barisan yang kuat dan mana barisan yang lemah. Ketika itu da'wah yang benar dapat meneruskan perjuangannya dengan pejuang-pejuangnya yang gigih, yang telah berjaya menempuh ujian dan dugaan. Merekalah pemegang-pemegang amanah da'wah yang memikul tugus-tugas dan tanggungjawab kemenangan da'wah. Mereka telah berjaya mencapai kemenangan da'wah dengan harganya yang mahal. Mereka telah membayar cukainya dengan penuh ikhlas dan melupakan kepentingan diri. Pengalaman-pengalaman dan ujian-ujian yang ditempuh mereka telah mengajar mereka bagaimana cara hendak memperjuangkan da'wah di tengah duri-duri dan batu-batu yang pejal. Kesulitan-kesulitan dan ketakutan-ketakutan, yang telah dialami mereka telah merangsangkan segala daya tenaga dan bakat-bakat kebolehan yang ada pada mereka menyebabkan simpanan kekuatan dan bekalan ilmu pengetahuan mereka bertambah subur dan semuanya itu menjadi kekuatan simpanan da'wah untuk pejuang-pejuangnya yang membawa panji-panjinya sama ada di waktu senang atau susah.

Yang seringkali berlaku ialah kebanyakan manusia hanya berdiri sebagai penonton sahaja. Mereka menyaksi pertarungan di antara golongan-golongan manusia yang berdosa dengan para penda'wah itu sehingga apabila pengorbanan dan penderitaan dalam barisan penda'wah itu menjadi begitu besar dan hebat, sedangkan mereka masih tetap meneruskan perjuangan mereka, maka barulah golongan ramai yang menjadi penonton itu berkata atau merasa bahawa tiada yang meneguhkan para penda'wah dalam perjuangan menegakkan da'wah itu sekalipun mereka telah menghadapi berbagai-bagai pengorbanan dan penderitaan, melainkan pasti ada dalam da'wah itu suatu nilai yang lebih mahal dari segala apa yang dikorbankan mereka. Di waktu inilah golongan penonton yang ramai tampil ke depan untuk melihat apakah nilai yang mahal yang mengatasi nilai segala mata benda kehidupan dunia itu, malah mengatasi hidup itu sendiri di sisi para penda'wah. Di waktu ini barulah para penonton yang ramai itu masuk beramai-ramai ke dalam agama ini setelah sekian lama mereka menyaksi pertarungan itu.

Kerana sebab-sebab inilah Allah jadikan nabi itu mempunyai musuh-musuh dari golongan manusia yang berdosa dan Allah jadikan golongan manusia yang berdosa itu menentang da'wah yang benar dan pejuang-pejuang da'wah itu melawan tentangan golongan yang berdosa itu hingga kedua-dua belah pihak itu sama-sama menerima kesulitan dan penderitaan, tetapi para penda'wah tetap meneruskan perjuangan mereka. Kesudahan perjuangan itu telah pun ditentukan Allah sebelum ini. Kesudahan perjuangan ini telah pun diketahui oleh setiap orang yang percaya kepada Allah iaitu kesudahannya ialah mendapat hidayat yang benar dan pertolongan dari Allah: *"Dan cukuplah Tuhanmu menjadi pemberi hidayat dan penolong (kepadamu)."* (وكفى بربك هادياً ونصيراً).

Kemunculan golongan yang berdosa di tengah jalan perjuangan para anbia' merupakan satu perkara biasa sahaja, kerana da'wah yang benar itu datang tepat pada waktunya untuk membaiki kerosakan yang berlaku di dalam kumpulan atau di dalam masyarakat umat manusia, iaitu membaiki kerosakan hati mereka dan kerosakan peraturan dan adat resam mereka, dan di belakang kerosakan inilah tersembunyinya golongan yang berdosa. Merekalah yang mewujudkan kerosakan itu dari satu sudut dan merekalah juga yang mengeksploitasikannya dari satu sudut yang lain. Selera mereka sesuai dengan kerosakan itu dan di dalam udara kerosakan yang penuh racun inilah nafsu keinginan mereka bernafas dengan selesa. Seterusnya dari kerosakan inilah mereka memperolehi sandaran yang kuat, yang mempertahankan nilai palsu, yang menjadi asas kewujudan mereka. Oleh sebab itu adalah perkara biasa apabila golongan yang berdosa ini tampil menentang para Anbia' dan da'wah yang benar dengan tujuan untuk mempertahankan kewujudan mereka dan mengekalkan suasana yang dapat memberi nafas kepada mereka. Setengah-setengah serangga mati tercekik kerana menghidu bau bunga-bunga yang harum. Ia tidak dapat hidup melainkan di tempat-tempat yang kotor. Setengah-setengah ulat pula mati di dalam air bersih yang berlari, kerana ia tidak dapat hidup melainkan di dalam air paya yang busuk. Demikianlah juga golongan manusia yang berdosa. Oleh sebab itu adalah perkara biasa andainya mereka menjadi musuh-musuh da'wah yang

benar dan berjuang dengan bermati-matian. Begitu juga ia merupakan satu perkara biasa jika pada akhir perjuangan itu da'wah yang benar mendapat kemenangan, kerana da'wah yang benar berjalan selaras dengan jalan hidup yang lurus dan menuju ke ufuk yang gemilang, di mana manusia dapat berhubung dengan Allah dan dapat mencapai darjat kesempurnaan yang telah ditetapkan kepada mereka sebagaimana yang dikehendaki Allah dan cukuplah Tuhanmu menjadi pemberi hidayat dan penolong (kepadamu).

Al-Qur'an Diturunkan Secara Beransur-ansur

Kemudian Al-Qur'an mengemukakan perkataan-perkataan golongan yang berdosa yang menentang da'wah Al-Qur'an dan memberi jawapannya:

وَقَالَ ٱلَّذِينَ كَفَرُوا۟ لَوْلَا نُزِّلَ عَلَيْهِ ٱلْقُرْءَانُ جُمْلَةً وَٰحِدَةً ۚ كَذَٰلِكَ لِنُثَبِّتَ بِهِۦ فُؤَادَكَ ۖ وَرَتَّلْنَٰهُ تَرْتِيلًا ﴿٣٢﴾

"Dan berkatalah orang-orang yang kafir: Mengapakah Al-Qur'an itu tidak diturunkan sekaligus kepadanya (Muhammad). Demikian (Al-Qur'an diturunkan beransur-ansur) supaya Kami dapat memantapkan hatimu dengannya. Dan Kami telah turunkannya secara berturut-turut (sebabak demi sebabak)."(32)

Al-Qur'an ini diturun untuk mendidik satu umat manusia, untuk mewujudkan satu masyarakat dan untuk menegakkan satu sistem hidup. Sudah tentu pendidikan itu memerlukan masa dan memerlukan perasaan yang terpengaruh dengan kata-kata Al-Qur'an itu. Ia juga memerlukan harakat atau gerak laku yang menterjemahkan perasaan itu di alam kenyataan. Jiwa manusia tidak boleh berubah dengan sempurna dan sekaligus dalam masa sehari semalam dengan hanya membaca sebuah buku yang lengkap mengenai satu sistem hidup yang baru, malah ia terpengaruh perlahan-lahan hari demi hari dengan mana-mana bahagian sistem itu, kemudian ia beransur-ansur meningkat sedikit demi sedikit, begitu juga ia membiasakan dirinya memikul kewajipan dan tugas-tugas sistem itu sedikit demi sedikit. Ia tidak merasa liar dengan sistem itu sebagaimana ia akan merasa liar apabila sistem itu dikemukakan kepadanya dalam bentuk kewajipan yang amat besar, berat dan sukar. Ia beransur-ansur subur setiap hari dengan makanan yang berzat dan pada hari berikutnya ia mempunyai kesediaan yang lebih baik untuk memanfa'atkan makanan hari berikutnya, juga mempunyai selera dan kecapan lazat yang lebih baik.

Al-Qur'an telah membawa satu sistem hidup yang sempurna dan mencakupi seluruh sudut kehidupan dan dalam waktu yang sama ia membawa satu sistem pendidikan yang sesuai dengan fitrah manusia mengikut ilmu penciptaan Allah yang maha mengetahui. Oleh sebab itulah Al-Qur'an diturun secara beransur-ansur mengikut keperluan-keperluan asasi masyarakat Islam yang sedang berada dalam peringkat pertumbuhan dan perkembangan juga mengikut kesediaan yang subur hari demi hari di bawah asuhan sistem pendidikan Ilahi yang amat halus. Al-Qur'an diturun supaya menjadi satu sistem pendidikan dan satu sistem hidup bukannya menjadi sebuah buku kebudayaan yang dibaca untuk semata-mata hiburan atau untuk semata-mata mendapat pengetahuan. Ia diturun supaya dilaksanakan huruf demi huruf, kalimat demi kalimat dan tugas demi tugas. Ia diturun supaya ayat-ayatnya menjadi "perintah harian" yang diterima oleh kaum Muslimin pada masa itu supaya dilaksanakan segera sebaik sahaja diterimanya, sama seperti seorang perajurit yang berada di berek atau di medan perang menerima perintah harian dengan penuh perasaan, kefahaman dan keinginan untuk melaksanakannya, dengan hati yang menghayati kesan-kesannya dan dengan langkah menyesuaikan diri dengan perintah-perintah yang diterimanya.

Kerana sebab-sebab inilah Al-Qur'an diturunkan beransur-ansur. Mula-mula ia menerangkan cara ia diturun dan disematkan ke dalam hati Rasulullah s.a.w., kemudian ia diturun berturut-turut sedikit demi sedikit dan sejuzu' demi sejuzu' mengikut peringkat-peringkat perjalanan dan perkembangan da'wah:

كَذَٰلِكَ لِنُثَبِّتَ بِهِۦ فُؤَادَكَ ۖ وَرَتَّلْنَٰهُ تَرْتِيلًا ﴿٣٢﴾

"Demikianlah (Al-Qur'an diturunkan beransur-ansur) supaya Kami dapat memantapkan hatimu dengannya dan Kami turunkannya secara berturut-turut (sebabak demi sebabak)."(32)

Maksud "tartil" di dalam ayat ini ialah berturut-turut dan beransur-ansur mengikut hikmat kebijaksanaan Allah dan ilmu-Nya yang mengetahui kehendak-kehendak hati manusia dan kesediaannya untuk menerima.

Dengan cara beransur-ansur ini Al-Qur'an telah berjaya menciptakan kejayaan-kejayaan yang luar biasa dalam mengubahsuaikan hati manusia yang menerimanya secara beransur-ansur itu. Hati mereka perlahan-lahan terpengaruh kepadanya hari demi hari dan terkesan dengannya sedikit demi sedikit. Tetapi apabila umat Islam mengabaikan cara ini dan menjadikan Al-Qur'an sebagai sebuah kitab kebudayaan dan kitab ibadat tilawah sahaja bukannya sebagai satu sistem pendidikan untuk menghayati kesan-kesan pengajarannya dan untuk mengubahsuaikan diri dengan bimbingannya dan bukannya sebagai satu sistem hidup untuk diamal dan dilaksanakannya, maka mereka tidak dapat menerima apa-apa faedah dari Al-Qur'an, kerana mereka telah menyeleweng dari caranya yang telah diatur oleh Allah Yang Maha Mengetahui dan Maha Luas ilmu-Nya.

Al-Qur'an terus mengukuh dan meyakinkan Rasulullah s.a.w. bahawa Allah tetap membekalkan beliau dengan hujah-hujah yang kuat setiap kali kaum Musyrikin itu membuka pintu perdebatan dengannya dan mengemukakan sesuatu cadangan atau bantahan kepadanya:

Al-Qur'an Menyediakan Hujah-hujah Yang Benar Untuk Menentang Hujah-hujah Yang Batil

وَلَا يَأْتُونَكَ بِمَثَلٍ إِلَّا جِئْنَاكَ بِالْحَقِّ وَأَحْسَنَ
تَفْسِيرًا ﴿٣٣﴾

"Dan mereka tidak membawa kepadamu sesuatu hujah (yang batil) melainkan Kami bawakan kepadamu hujah yang benar dan pentafsiran yang sebaik-baiknya."(33)

Mereka berdebat dengan menggunakan hujah-hujah yang batil dan Allah memberi jawapan dengan hujah-hujah yang benar yang mengalahkannya. Kebenaran merupakan matlamat yang mahu dijelaskan oleh Al-Qur'an bukannya semata-mata untuk mendapat kemenangan dalam perdebatan, malah matlamatnya ialah menegakkan kebenaran yang kuat, jelas dan tidak bercampuraduk dengan kebatilan.

Allah S.W.T. menjanjikan Rasulullah s.a.w. bahawa Dia akan memberi pertolongan kepadanya dalam setiap perdebatan yang berlaku di antara beliau dengan kaumnya. Beliau tetap berada di atas kebenaran dan Allah akan membekalkannya dengan hujah-hujah yang benar, yang dapat menghapuskan hujah-hujah yang batil. Masakan hujah mereka dapat mengalahkan hujah Allah yang kuat? Masakan hujah mereka yang batil itu dapat menentang hujah yang kuat yang diturun dari sisi Allah?

Pusingan ini diakhiri dengan menayangkan pemandangan mereka sedang diseret ke Neraka di atas muka mereka pada hari Qiamat sebagai balasan kerana keengganan mereka untuk menerima kebenaran dan kerana hujah-hujah dan logik mereka yang terbalik songsang di dalam perdebatan mereka yang sia-sia itu

الَّذِينَ يُحْشَرُونَ عَلَىٰ وُجُوهِهِمْ إِلَىٰ جَهَنَّمَ
أُولَٰئِكَ شَرٌّ مَكَانًا وَأَضَلُّ سَبِيلًا ﴿٣٤﴾

"Orang-orang yang diseretkan ke Neraka di atas muka mereka, merekalah orang-orang yang memperolehi tempat kediaman yang paling buruk dan orang-orang yang paling sesat jalan (hidupnya)."(34)

Pemandangan mereka diseret di atas muka mengandungi penghinaan dan kesongsangan yang setimpal dengan sikap mereka yang angkuh terhadap kebenaran. Al-Qur'an meletakkan pemandangan ini di hadapan Rasulullah s.a.w. untuk menghiburkan hatinya yang terkilan kerana perbuatan mereka. Pemandangan ini juga diletakkan di hadapan mereka sebagai peringatan terhadap akibat yang menunggu mereka (pada hari Qiamat). Tayangan pemandangan ini sahaja dapat menundukkan kesombongan mereka, menggoncangkan kedegilan mereka dan menggoyahkan hati mereka. Sebenarnya amaran-amaran dan peringatan-peringatan yang seperti ini telah menggoyangkan mereka dengan teruknya, tetapi mereka terus bertahan dan berdegil.

******

(Pentafsiran ayat-ayat 35 - 40)

Kaum-kaum Yang Dibinasakan Allah

Kemudian Al-Qur'an membawa mereka ke dalam satu penjelajahan meninjau peristiwa-peristiwa kebinasaan yang telah menimpa para pendusta yang telah lalu:

وَلَقَدْ آتَيْنَا مُوسَى الْكِتَابَ وَجَعَلْنَا مَعَهُ أَخَاهُ
هَارُونَ وَزِيرًا ﴿٣٥﴾
فَقُلْنَا اذْهَبَا إِلَى الْقَوْمِ الَّذِينَ كَذَّبُوا بِآيَاتِنَا
فَدَمَّرْنَاهُمْ تَدْمِيرًا ﴿٣٦﴾
وَقَوْمَ نُوحٍ لَمَّا كَذَّبُوا الرُّسُلَ أَغْرَقْنَاهُمْ وَجَعَلْنَاهُمْ
لِلنَّاسِ آيَةً ۖ وَأَعْتَدْنَا لِلظَّالِمِينَ عَذَابًا أَلِيمًا ﴿٣٧﴾
وَعَادًا وَثَمُودَا وَأَصْحَابَ الرَّسِّ وَقُرُونًا بَيْنَ
ذَٰلِكَ كَثِيرًا ﴿٣٨﴾
وَكُلًّا ضَرَبْنَا لَهُ الْأَمْثَالَ ۖ وَكُلًّا تَبَّرْنَا
تَتْبِيرًا ﴿٣٩﴾
وَلَقَدْ أَتَوْا عَلَى الْقَرْيَةِ الَّتِي أُمْطِرَتْ مَطَرَ السَّوْءِ ۚ
أَفَلَمْ يَكُونُوا يَرَوْنَهَا ۚ بَلْ كَانُوا لَا يَرْجُونَ
نُشُورًا ﴿٤٠﴾

"Dan sesungguhnya Kami telah kurniakan kitab Taurat kepada Musa dan Kami jadikan saudaranya Harun bersamanya selaku menteri(35). Kemudian Kami perintah: Pergilah kamu berdua (berda'wah) kepada kaum yang mendustakan ayat-ayat Kami, lalu Kami membinasakan mereka akan ditukarkan Allah dengan kebinasaan yang amat dahsyat(36). Dan (kenangilah) kaum Nuh, apabila mereka mendustakan rasul-rasul, Kami tenggelamkan mereka dan Kami jadikan mereka suatu pengajaran kepada manusia, dan Kami telah menyediakan 'azab yang amat pedih untuk orang-orang yang zalim(37). Dan (kenangilah pula) kaum 'Ad, Thamud, penduduk ar-Rass dan banyak lagi umat-umat yang lain di antara mereka(38). Dan setiap kaum telah Kami

kemukakan kepada mereka berbagai-bagai contoh teladan dan setiap mereka telah Kami binasakan dengan kebinasaan yang amat dahsyat(39). Dan sesungguhnya mereka (kaum Musyrikin Makkah) telah pun, men-gunjungi negeri yang telah dihujani dengan hujan yang dahsyat. Apakah mereka tidak melihatnya? Malah sebenarnya mereka tidak mengharapkan kebangkitan semula."(40)

Inilah contoh-contoh ringkas dan sepintas lalu yang menggambarkan nasib kesudahan para pendusta:

Lihatlah Nabi Musa a.s. Beliau dikurniakan kitab suci al-Taurat dan diutuskan bersama saudaranya Harun untuk menjadi menteri dan pembantunya. Beliau diperintah menghadapi *"Kaum yang mendustakan ayat-ayat Kami"* (القوم الذين كذبوا) iaitu Fir'aun dan kaumnya yang telah membohongkan ayat-ayat Allah, malah mereka telah mendustakan ayat-ayat Allah sebelum diutuskan Musa dan Harun kepada mereka lagi, kerana ayat-ayat Allah itu sentiasa ada dan para rasul itu hanya datang untuk mengingatkan ayat-ayat itu kepada orang-orang yang lalai sahaja. Dan sebelum ayat yang kedua ini tamat, Al-Qur'an menggambarkan kesudahan mereka akan ditukarkan Allah dengan satu gambaran yang dahsyat tetapi ringkas lalu *"Kami binasakan mereka akan ditukarkan Allah dengan kebinasaan yang amat dahsyat."*(فدمرناهم تدميراً)

Lihatlah kaum Nuh *"apabila mereka mendustakan rasul-rasul, Kami tenggelamkan mereka"* (لما كذبوا الرسل أغرقناهم), mereka hanya mendustakan Nabi Nuh seorang sahaja, tetapi oleh sebab beliau membawa agama yang sama yang dibawa oleh sekalian rasul, maka tindakan mereka membohongkan beliau bererti membohongkan para rasul semuanya. *"Dan Kami jadikan mereka suatu pengajaran kepada manusia"* (وجعلناهم للناس آية) kerana peristiwa banjir yang besar itu tidak akan dilupakan di sepanjang zaman. Setiap orang yang memikirkannya dengan teliti akan insaf dan mengambil pengajaran andainya mereka mempunyai hati yang tahu berfikir. *"Dan Kami telah menyediakan 'azab yang amat pedih untuk orang-orang yang zalim"* (وأعتدنا للظالمين عذاباً أليماً) yakni 'azab itu telah pun ada dan tidak perlu disiapkan lagi. Di sini ditonjolkan kata-kata "الظالمين" sebagai ganti penggunaan ganti nama "لهم" untuk mengithbatkan sifat zalim kepada mereka dan untuk menjelaskan sebab mereka di'azabkan Allah. Kaum Ad, kaum Thamud, penduduk-penduduk ar-Rass[9] dan berbagai-bagai umat yang lain di celah-celah mereka semuanya telah menemui kesudahan yang sama setelah dibentangkan contoh teladan kepada mereka, tetapi mereka tidak mengambil pengajaran dan tidak mahu memelihara diri mereka dari kebinasaan dan kemusnahan.

Semua contoh-contoh ini, iaitu contoh-contoh dari kaum Musa, Nuh, 'Ad, Thamud, penduduk-penduduk ar-Rass dan berbagai-bagai umat yang lain, juga contoh negeri Lut yang dihujani dengan hujan yang dahsyat... semuanya mempunyai jejak perjalanan yang sama dan menemui kesudahan yang sama *"Dan seluruhnya masing-masing telah Kami kemukakan kepada mereka berbagai-bagai contoh teladan"* (وكلا ضربنا له الأمثال) untuk diambil pengajaran *"dan setiap mereka telah Kami binasakan dengan kebinasaan yang amat dahsyat"* (وكلا تبرنا تتبيراً). Akibat pembohongan itu ialah penghancuran, peleburan dan kemusnahan. Ayat-ayat itu membentangkan contoh-contoh itu secara sepintas lalu untuk menayangkan peristiwa-peristiwa kebinasaan yang menginsafkan itu. Ia mengakhiri dengan peristiwa kebinasaan kaum Lut, yang mana kesan-kesannya telah dilihat dan dilalui mereka di Sadom (di Palestin) dalam perjalanan perdagangan mereka di musim panas ke negeri Syam. Negeri kaum Lut itu telah dibinasakan Allah dengan hujan gunung berapi yang menghujaninya dengan wap-wap dan batu-batu lalu memusnahkannya dengan kemusnahan yang amat dahsyat. Pada akhirnya Al-Qur'an menjelaskan bahawa hati mereka tidak mengambil pengajaran dan tidak insaf kerana mereka tidak menunggu hari kebangkitan dan tidak mengharapkan pertemuan dengan Allah. Inilah yang menjadi punca kekerasan hati mereka dan kepadaman cahayanya, dan dari sumber pendirian inilah terbitnya tindak-tanduk dan bantahan-bantahan mereka yang biadab dan ejekan-ejekan mereka terhadap Al-Qur'an dan Rasul.

******

(Pentafsiran ayat-ayat 41 - 44)

Rasulullah Menjadi Bahan Ejekan Kaumnya

Selepas membentangkan tayangan sepintas lalu itu Al-Qur'an menceritakan pula tindak tanduk mereka yang mempermain-mainkan Rasulullah s.a.w. setelah mereka menunjukkan keangkuhan terhadap Allah dan membantah cara diturunkan Al-Qur'an, juga setelah ditayangkan pemandangan mereka yang ngeri pada hari perhimpunan Mahsyar dan pemandangan-pemandangan kebinasaan para pendusta seperti mereka di dunia ini. Semuanya ini untuk mententeramkan hati Rasulullah s.a.w. sebelum menceritakan ejekan-ejekan dan kelakuan-kelakuan mereka yang biadab terhadap beliau, kemudian Al-Qur'an membuat ulasan dengan mengancam, menghina dan menurunkan mereka ke taraf yang lebih rendah dari haiwan:

وَإِذَا رَأَوْكَ إِن يَتَّخِذُونَكَ إِلَّا هُزُوًا أَهَٰذَا ٱلَّذِى
بَعَثَ ٱللَّهُ رَسُولًا ﴿٤١﴾

[9] *Ar-Rass itu ialah perigi batu yang belum dibina dinding-dindingnya. Menurut satu pendapat, kaum yang memiliki perigi itu tinggal di sebuah kampung di Yamamah. Mereka telah membunuh nabi mereka. Tetapi pendapat yang dipilih oleh Ibn Jarir ialah penduduk ar-Rass ini ialah Ashabul-Ukhdud "penggali-penggali parit" yang telah membakar orang-orang yang beriman. Cerita mereka telah disebut dalam Surah al-Buruj.*

إِن كَادَ لَيُضِلُّنَا عَنْ ءَالِهَتِنَا لَوْلَآ أَن صَبَرْنَا
عَلَيْهَا ۚ وَسَوْفَ يَعْلَمُونَ حِينَ يَرَوْنَ ٱلْعَذَابَ
مَنْ أَضَلُّ سَبِيلًا ﴿٤٢﴾
أَرَءَيْتَ مَنِ ٱتَّخَذَ إِلَٰهَهُۥ هَوَىٰهُ أَفَأَنتَ تَكُونُ عَلَيْهِ
وَكِيلًا ﴿٤٣﴾
أَمْ تَحْسَبُ أَنَّ أَكْثَرَهُمْ يَسْمَعُونَ أَوْ يَعْقِلُونَ ۚ
إِنْ هُمْ إِلَّا كَٱلْأَنْعَٰمِ ۖ بَلْ هُمْ أَضَلُّ سَبِيلًا ﴿٤٤﴾

"Dan apabila mereka melihatmu, mereka menjadikanmu bahan ejekan: Inikah orangnya yang diutuskan Allah sebagai Rasul?(41). Dia (Muhammad) hampir menyesatkan kita dari tuhan-tuhan kita jika tidak kerana kita bersabar mempertahankannya. Dan mereka akan mengetahui ketika mereka melihat 'azab kelak siapakah yang tersesat jalan (hidupnya)(42). Apakah pendapatmu tentang seorang yang telah bertuhankan hawa nafsunya? Apakah engkau dapat mengawalnya lagi?(43). Atau adakah engkau mengira kebanyakan mereka mendengar dan berfikir? Sebenarnya mereka adalah seperti binatang-binatang ternakan, malah mereka lebih sesat lagi jalan (hidupnya)."(44)

Sifat-sifat peribadi Muhammad s.a.w. menjadi bahan yang didengar dan dilihat sepenuh telinga dan mata orang ramai di kalangan kaumnya sebelum beliau dibangkit menjadi Rasul. Beliau mempunyai kedudukan yang terhormat di sisi mereka kerana keluarganya yang ternama dari Bani Hashim iaitu satu keluarga yang tertinggi di dalam qabilah Quraysy. Beliau juga mempunyai kedudukan yang tinggi di sisi mereka dengan sebab tingkah laku dan akhlak-akhlaknya yang terpuji. Beliau terkenal dengan geliran "al-Amin" di kalangan mereka dan mereka pernah bersetuju menerima keputusannya (dalam peristiwa perbalahan) siapakah yang layak meletakkan Hajarul-Aswad sebelum beliau dilantikkan menjadi Rasul sekian lama? Pada hari beliau menyeru dan mengumpul mereka di Bukit as-Safa dan bertanya kepada mereka sama ada mereka percaya atau tidak andainya beliau menceritakan kepada mereka bahawa ada kuda di bawah bukit ini, jawab mereka: "Kami percaya kerana engkau di sisi kami adalah bersih dari sebarang tohmah."

Tetapi selepas beliau dibangkit menjadi Rasul dan selepas beliau membawa kepada mereka Al-Qur'anul Azim, mereka terus mengejek-ngejek beliau dan berkata, "Inikah orangnya yang diutuskan Allah sebagai Rasul?" Ini adalah satu ejekan yang amat keji. Adakah ejekan ini terbit dari keyakinan mereka bahawa peribadi beliau yang mulia dan Al-Qur'an yang dibawa oleh beliau itu memang wajar menerima penghinaan yang seperti ini dari mereka? Tidak sekali-kali begitu! Malah sebenarnya ejekan itu merupakan satu perencanaan yang telah diatur oleh para pembesar Quraysy untuk memperkecil-kecilkan pengaruh peribadi beliau yang besar dan pengaruh Al-Qur'an yang tidak mampu ditentang mereka. Ejekan-ejekan mereka merupakan salah satu cara penentangan terhadap da'wah Islam yang baru ini, yang telah mengancam kedudukan sosial dan ekonomi mereka, dan menghapuskan dari mereka kepercayaan-kepercayaan yang karut dan aqidah-aqidah khurafat yang menjadi tapak tegak kedudukan mereka di dalam masyarakat.

Mereka telah mengadakan pertemuan-pertemuan untuk mengaturkan komplot-komplot yang licin dan di dalam pertemuan-pertemuan itu mereka bersetuju menggunakan cara ejekan ini, sedangkan mereka yakin bahawa apa yang dilakukan mereka adalah dusta.

Pertemuan Pembesar-pembesar Quraysy Untuk Mendapat Kata Sepakat Terhadap Rasulullah

Menurut riwayat ibn Ishaq bahawa sekumpulan orang-orang Quraysy telah berhimpun pada al-Walid ibn al-Mughirah. Dia seorang tua di kalangan mereka. Ketika itu musim haji telah tiba, lalu dia berkata kepada mereka: "Wahai kaum Quraysy! Musim haji telah tiba dan rombongan orang-orang Arab akan datang kepada kamu dalam musim ini. Mereka tentulah telah mendengar cerita tentang keadaan kawan kamu ini (Muhammad), oleh itu putuskan sebulat pendapat kamu tentang dia dan jangan ada pendapat-pendapat yang berbeza-beza yang mendustakan satu sama lain atau menolak satu sama lain". Mereka pun berkata: "Wahai Abu 'Abdu Syams! Berilah pendapat anda supaya dapat kami katakannya". Jawab al-Walid: "Keluarkanlah dulu pendapat kamu supaya aku dengar". Kata mereka: "Kita kata dia seorang pawang (kahin)". Jawab al-Walid: "Tidak, demi Allah dia bukan seorang pawang kerana kita telah melihat pawang-pawang, dan perkataan-perkataannya bukan kata-kata jampi mentera pawang dan bukan sajak-sajaknya". Kata mereka: "Kita kata dia seorang gila". Jawab al-Walid: "Dia bukan gila, kerana kita telah tengok dan mengenal orang gila, dan perkataan-perkataannya bukannya perkataan-perkataan dan fikiran-fikiran orang gila yang tidak menentu". Kata mereka: "Kita kata dia seorang penyair". Jawab al-Walid: "Dia bukan seorang penyair, kerana kita mengetahui semua jenis syair dan perkataan-perkataannya bukannya syair". Kata mereka: "Kita kata dia seorang tukang sihir". Jawab al-Walid: "Dia bukan tukang sihir", kita telah melihat tukang-tukang sihir dengan cara-cara sihir mereka. Perkataan-perkataannya bukan jampi mentera tukang sihir". Kata mereka: "Bagaimana pendapat anda pula, wahai Abu Abdu Syams?" Jawab beliau: "Demi Allah, perkataan-perkataannya sungguh manis. Ia ibarat pokok tamar yang teguh akarnya dan dahan-dahannya menjunjung buah-buah yang masak ranum. Jika kamu keluarkan mana-mana pendapat kamu tadi nescaya diketahui orang bahawa pendapat itu adalah karut, tetapi pendapat yang lebih dekat ialah kamu katakan dia

seorang tukang sihir yang membawa perkataan-perkataan sihir yang memecahbelahkan di antara anak dan bapa, saudara dengan suadara, suami dengan isteri, anak buah dengan keluarganya". Kemudian mereka bersurai meninggalkan al-Walid dengan berpegang kepada pendapat itu. Mereka duduk di jalan-jalan yang dilalui orang ramai ketika mereka datang di musim haji. Siapa-siapa sahaja yang lalu di tempat mereka, mereka peringatkannya tentang Muhammad dan menceritakan keadaannya kepada mereka.

Inilah satu contoh tipu muslihat dan perancangan jahat yang membayangkan kebingungan dan keserbasalahan kaum Musyrikin dalam pakatan-pakatan jahat mereka untuk menentang Rasulullah s.a.w, juga membayangkan keinsafan mereka terhadap hakikat beliau yang sebenar. Oleh itu tindakan mereka mengejek dan mencemuhkan beliau dengan kata-kata *"Inikah orangnya yang diutuskan Allah sebagai Rasul?"*(أهذا الذي بعث الله رسولاً) dalam bentuk yang membayangkan kepelikan, bantahan dan penghinaan itu tidak lain melainkan hanya merupakan sebahagian dari pakatan-pakatan jahat yang dirancang mereka, sedangkan, cemuhan itu bukannya terbit dari perasaan mereka yang sebenar, malah semata-mata digunakan untuk menjatuhkan darjat beliau di mata orang ramai, kerana pembesar-pembesar Quraysy mahukan orang ramai itu tetap berada di bawah kuasa dan pengawasan mereka dalam urusan agama untuk mengekalkan kedudukan-kedudukan sosial dan ekonomi yang dini'mati mereka di bawah naungan pengawasan itu. Sikap yang diambil oleh pembesar-pembesar Quraysy itu sama sahaja dengan sikap musuh-musuh da'wah yang sebenar dan para penda'wahnya di setiap zaman dan tempat.

Tetapi walaupun mereka memperlihatkan cemuhan, ejekan dan penghinaan, namun perkataan-perkataan mereka sendiri membayangkan sejauh mana perasaan mereka yang sebenar terhadap peribadi beliau, hujah-hujah beliau dan Al-Qur'an yang dibawa oleh beliau.

إِن كَادَ لَيُضِلُّنَا عَنْ ءَالِهَتِنَا لَوْلَآ أَن صَبَرْنَا عَلَيْهَا ۚ

"Dia (Muhammad) hampir menyesatkan kita dari tuhan-tuhan kita jika tidak kerana kita bersabar mempertahankannya."(42)

Jadi jelaslah bahawa pengakuan mereka ini membayangkan kegoyangan hati mereka sehingga mereka hampir-hampir meninggalkan tuhan-tuhan sembahan mereka dan amal ibadat mereka kepadanya, sedangkan keinginan mereka begitu kuat untuk mengekalkan agama mereka dan mempertahankan kedudukan dan keuntungan-keuntungan di sebaliknya. Mereka hampir meninggalkan tuhan-tuhan sembahan mereka jika tidak kerana mereka bersungguh-sungguh melawan pengaruh beliau dan sanggup bersabar untuk berdiri teguh menyembah tuhan-tuhan mereka, sedangkan erti kesabaran itu ialah kesanggupan yang kuat untuk menentang tarikan-tarikan yang kuat. Mereka namakan hidayat Rasul itu kesesatan kerana keburukan penilaian mereka terhadap hakikat-hakikat dan nilai-nilai. Akan tetapi mereka tidak mampu menyembunyikan perasaan mereka yang goyah akibat hati mereka dilanda da'wah Nabi Muhammad s.a.w., pengaruh syakhsiyahnya dan kesan Al-Qur'an yang dibawa oleh beliau walaupun mereka berpura-pura memandang hina dan ringan terhadap diri beliau dan da'wahnya. Oleh sebab itu Al-Qur'an dengan segera mengancam mereka akan ditukarkan Allah dengan ancaman yang ngeri:

وَسَوْفَ يَعْلَمُونَ حِينَ يَرَوْنَ ٱلْعَذَابَ مَنْ أَضَلُّ سَبِيلًا ﴿٤٢﴾

"Dan mereka akan mengetahui ketika mereka melihat 'azab kelak siapakah yang tersesat jalan (hidupnya)?"(42)

Mereka akan mengetahui sama ada pengajaran yang dibawa oleh beliau itu hidayat atau kesesatan, tetapi mereka akan mengetahui hakikat ini pada masa tidak ada gunanya bagi mereka mengetahuinya, kerana mereka mengetahui sesudah mereka melihat 'azab menimpa mereka sama ada di dunia ini sebagaimana yang telah dialami mereka di dalam Peperangan Badar atau di negeri Akhirat sebagaimana yang akan dirasakan mereka pada hari hisab kelak.

Kemudian Al-Qur'an menunjukkan firman Allah kepada Rasulullah s.a.w. untuk menghiburkan beliau dari kedegilan, keliaran dan ejekan kaum Musyrikin. Beliau tidak pernah lemah menyampaikan da'wah dan mengemukakan hujah-hujahnya, dan beliau tidak sekali-kali wajar menerima tindakan-tindakan dan kelakuan-kelakuan mereka yang angkuh, tetapi penyakit yang besar adalah bersarang di dalam jiwa mereka sendiri, kerana mereka bertuhankan hawa nafsu mereka bukannya berpandukan hujah dan dalil. Oleh itu apakah yang mampu dilakukan oleh Rasul terhadap mereka yang bertuhankan hawa nafsu?

أَرَءَيْتَ مَنِ ٱتَّخَذَ إِلَٰهَهُۥ هَوَىٰهُ أَفَأَنتَ تَكُونُ عَلَيْهِ وَكِيلًا ﴿٤٣﴾

"Apakah pendapatmu tentang seorang yang telah bertuhankan hawa nafsunya? Apakah engkau dapat mengawalnya lagi?"(43)

Jenis Manusia Yang Tidak Berguna Untuk Dilayani

Ini adalah satu ungkapan yang amat menarik yang melukiskan satu contoh keadaan jiwa yang amat jelas, iaitu jiwa yang terlepas dari ukuran-ukuran dan piawaian-piawaian yang mantap dan neraca-neraca yang tepat, jiwa yang tunduk kepada hawa nafsunya, berhakimkan kehendak-kehendak keinginannya dan

bertuhankan diri sendiri, jiwa yang tidak tunduk kepada sesuatu neraca pertimbangan, tidak mengakui batas dan tidak menghormati logik apabila dia ditunggang nafsunya yang liar yang dijadikannya sebagai tuhan yang disembah dan dipatuhi.

Allah, S.W.T. berbicara dengan hamba-Nya (Rasulullah) dengan lemah lembut dan penuh mesra mengenai jenis manusia (yang bertuhankan hawa nafsu) dengan menggunakan kata-kata *"Apakah pendapatmu?"* Kemudian Allah memberi gambaran yang hidup tentang jenis manusia itu, iaitu manusia yang tidak berguna diajak berbicara dengan menggunakan pemikiran yang logik, hujah-hujah yang jitu dan nilai-nilai yang sebenar dengan tujuan untuk menghiburkan Rasulullah s.a.w. yang sedang mengalami kepahitan kekecewaan kerana tidak dapat memberi hidayat kepada manusia yang seperti itu, kerana mereka sebenarnya tidak dapat lagi menerima hidayat dan tidak layak lagi untuk dikawal dan dilayani oleh beliau:

أَفَأَنتَ تَكُونُ عَلَيْهِ وَكِيلًا ٤٣

"Apakah engkau dapat mengawalnya lagi?"(43)

Kemudian Al-Qur'an melangkah selangkah lagi menghinakan orang-orang yang bertuhankan hawa nafsu dan berhakimkan keinginan-keinginan mereka. Mereka tidak menghiraukan hujah-hujah dan hakikat. Kerana mereka menyembah diri sendiri dan nafsu keinginannya. Al-Qur'an melangkah selangkah lagi lalu menyamakan mereka dengan haiwan ternakan yang tidak berakal, kemudian menghayun langkah yang akhir lalu menjatuhkan mereka dari darjat haiwan ternakan ke darjat yang lebih rendah dan hina lagi:

أَمْ تَحْسَبُ أَنَّ أَكْثَرَهُمْ يَسْمَعُونَ أَوْ يَعْقِلُونَ ۚ
إِنْ هُمْ إِلَّا كَالْأَنْعَامِ بَلْ هُمْ أَضَلُّ سَبِيلًا ٤٤

"Atau adakah engkau mengira kebanyakan mereka (orang-orang kafir) mendengar dan berfikir? Sebenarnya mereka adalah seperti binatang-binatang ternakan, malah mereka lebih sesat lagi jalan (hidupnya)."(44)

Ayat ini mengandungi kenyataan yang hemat dan adil kerana ia menyebut "*kebanyakan mereka*" bukan "seluruh mereka" kerana di sana ada segolongan kecil dari mereka yang cenderung menerima hidayat atau sedang memikirkan hakikat hidayat itu dengan teliti. Akan tetapi golongan yang terbanyak yang bertuhankan hawa nafsu dan yang mengabaikan dalil-dalil yang sentiasa mengetuk telinga dan akal mereka, maka golongan ini adalah sama dengan haiwan ternakan, kerana yang membezakan di antara haiwan dan manusia ialah kesediaan dan kebolehan berfikir dan memahami dengan teliti serta menyesuaikan diri mengikut hakikat-hakikat yang difikir dan difahami dengan teliti itu, iaitu hakikat-hakikat yang diterima dengan penuh kesedaran, kemahuan, keyakinan dan berlandaskan dalil-dalil yang jitu. Apabila ciri-ciri ini tidak ada pada seseorang manusia, maka dia berada di taraf yang lebih rendah dari taraf haiwan, kerana haiwan dapat menggunakan kesediaan-kesediaan semula jadi yang diciptakan Allah dalam tabi'atnya sebagai pedoman hidupnya, sedangkan manusia mengabaikan ciri-ciri istimewa yang diciptakan Allah di dalam dirinya dan tidak memanfa'atkannya sebagaimana yang dilakukan oleh haiwan: *"Malah mereka lebih sesat lagi jalan (hidupnya)."*

Demikianlah Al-Qur'an mengulas sendaan dan ejekan kaum Musyrikin terhadap Rasulullah s.a.w., iaitu satu ulasan yang mengusir keluar orang-orang yang mengejek beliau itu dari lingkungan manusia dengan pengusiran yang kasar dan penuh penghinaan.

Demikianlah berakhirnya pusingan yang kedua surah ini.

(Kumpulan ayat-ayat 45 - 62)

أَلَمْ تَرَ إِلَىٰ رَبِّكَ كَيْفَ مَدَّ ٱلظِّلَّ وَلَوْ شَآءَ لَجَعَلَهُۥ
سَاكِنًا ثُمَّ جَعَلْنَا ٱلشَّمْسَ عَلَيْهِ دَلِيلًا ٤٥
ثُمَّ قَبَضْنَٰهُ إِلَيْنَا قَبْضًا يَسِيرًا ٤٦
وَهُوَ ٱلَّذِى جَعَلَ لَكُمُ ٱلَّيْلَ لِبَاسًا وَٱلنَّوْمَ سُبَاتًا
وَجَعَلَ ٱلنَّهَارَ نُشُورًا ٤٧
وَهُوَ ٱلَّذِىٓ أَرْسَلَ ٱلرِّيَٰحَ بُشْرًۢا بَيْنَ يَدَىْ رَحْمَتِهِۦ ۚ
وَأَنزَلْنَا مِنَ ٱلسَّمَآءِ مَآءً طَهُورًا ٤٨
لِّنُحْـِۧىَ بِهِۦ بَلْدَةً مَّيْتًا وَنُسْقِيَهُۥ مِمَّا خَلَقْنَآ أَنْعَٰمًا
وَأَنَاسِىَّ كَثِيرًا ٤٩
وَلَقَدْ صَرَّفْنَٰهُ بَيْنَهُمْ لِيَذَّكَّرُوا۟ فَأَبَىٰٓ أَكْثَرُ ٱلنَّاسِ
إِلَّا كُفُورًا ٥٠
وَلَوْ شِئْنَا لَبَعَثْنَا فِى كُلِّ قَرْيَةٍ نَّذِيرًا ٥١
فَلَا تُطِعِ ٱلْكَٰفِرِينَ وَجَٰهِدْهُم بِهِۦ جِهَادًا كَبِيرًا ٥٢
وَهُوَ ٱلَّذِى مَرَجَ ٱلْبَحْرَيْنِ هَٰذَا عَذْبٌ فُرَاتٌ
وَهَٰذَا مِلْحٌ أُجَاجٌ وَجَعَلَ بَيْنَهُمَا بَرْزَخًا وَحِجْرًا

مَّحۡجُورٗا ٥٣

وَهُوَ ٱلَّذِي خَلَقَ مِنَ ٱلۡمَآءِ بَشَرٗا فَجَعَلَهُۥ نَسَبٗا وَصِهۡرٗاۗ
وَكَانَ رَبُّكَ قَدِيرٗا ٥٤

وَيَعۡبُدُونَ مِن دُونِ ٱللَّهِ مَا لَا يَنفَعُهُمۡ وَلَا يَضُرُّهُمۡۗ
وَكَانَ ٱلۡكَافِرُ عَلَىٰ رَبِّهِۦ ظَهِيرٗا ٥٥

وَمَآ أَرۡسَلۡنَٰكَ إِلَّا مُبَشِّرٗا وَنَذِيرٗا ٥٦

قُلۡ مَآ أَسۡـَٔلُكُمۡ عَلَيۡهِ مِنۡ أَجۡرٍ إِلَّا مَن شَآءَ أَن يَتَّخِذَ
إِلَىٰ رَبِّهِۦ سَبِيلٗا ٥٧

وَتَوَكَّلۡ عَلَى ٱلۡحَيِّ ٱلَّذِي لَا يَمُوتُ وَسَبِّحۡ بِحَمۡدِهِۦۚ
وَكَفَىٰ بِهِۦ بِذُنُوبِ عِبَادِهِۦ خَبِيرًا ٥٨

ٱلَّذِي خَلَقَ ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَٱلۡأَرۡضَ وَمَا بَيۡنَهُمَا فِي
سِتَّةِ أَيَّامٖ ثُمَّ ٱسۡتَوَىٰ عَلَى ٱلۡعَرۡشِۚ ٱلرَّحۡمَٰنُ فَسۡـَٔلۡ بِهِۦ
خَبِيرٗا ٥٩

وَإِذَا قِيلَ لَهُمُ ٱسۡجُدُواْ لِلرَّحۡمَٰنِ قَالُواْ وَمَا ٱلرَّحۡمَٰنُ
أَنَسۡجُدُ لِمَا تَأۡمُرُنَا وَزَادَهُمۡ نُفُورٗا ۩ ٦٠

تَبَارَكَ ٱلَّذِي جَعَلَ فِي ٱلسَّمَآءِ بُرُوجٗا وَجَعَلَ فِيهَا
سِرَٰجٗا وَقَمَرٗا مُّنِيرٗا ٦١

وَهُوَ ٱلَّذِي جَعَلَ ٱلَّيۡلَ وَٱلنَّهَارَ خِلۡفَةٗ لِّمَنۡ أَرَادَ
أَن يَذَّكَّرَ أَوۡ أَرَادَ شُكُورٗا ٦٢

"Apakah tidak engkau memperhatikan kepada ciptaan Tuhanmu bagaimana Dia memanjang (dan memendekkan) bayang dan andainya Dia kehendaki Dia boleh menjadikan bayang itu tetap, kemudian Kami jadikan matahari sebagai penunjuknya(45). Kemudian Kami menarikkannya (perlahan-lahan) kepada Kami dengan tarikan yang lembut(46). Dan Dialah yang telah menciptakan malam untuk kamu sebagai pakaian dan menjadikan tidur sebagai waktu istirehat dan menjadikan siang sebagai waktu bangkit berusaha(47). Dan Dialah yang melepaskan angin membawa berita gembira menjelang kedatangan rahmat-Nya (hujan) dan Kami turunkan dari langit air yang amat bersih(48). Agar Kami menghidupkan dengannya negeri yang mati dan Kami jadikannya minuman kepada makhluk-makhluk yang telah Kami ciptakan dari ternakan-ternakan dan manusia yang ramai(49). Dan sesungguhnya Kami telah menjelaskannya (Al-Qur'an) di kalangan mereka agar mereka mengambil pengajaran darinya, tetapi kebanyakan manusia enggan menerimanya kecuali kekufuran(50). Dan andainya Kami kehendaki Kami boleh utuskan kepada setiap negeri seorang rasul yang memberi peringatan(51). Oleh sebab itu janganlah engkau tunduk kepada orang-orang kafir dan lancarkan dengannya (Al-Qur'an) jihad yang besar terhadap mereka (52). Dan Dialah yang telah melepaskan dua lautan bertemu, yang ini tawar dan nyaman, sedangkan yang itu pula masin pahit dan Dia mengadakan di antara keduanya sebuah dinding dan batas yang menyekatkan (keduanya dari bercampur baur)(53). Dan Dialah yang telah menciptakan manusia dari air lalu Dia jadikannya mempunyai hubungan keturunan dan hubungan perkahwinan, dan Tuhanmu adalah Maha Berkuasa(54). Dan mereka menyembah selain dari Allah sembahan-sembahan yang tidak memberi manfa'at dan tidak pula mendatangkan mudharat kepada mereka. Dan sememangnya orang yang kafir itu memerangi Tuhannya (55). Dan Kami tidak utuskan engkau melainkan sebagai pembawa berita gembira dan pemberi amaran(56). Katakanlah: Aku tidak meminta apa-apa upah dari kamu kerana da'wah ini kecuali (mengharapkan sambutan) mereka yang mahu mencari jalan kepada Tuhannya (57). Dan bertawakkallah kepada Allah yang sentiasa hidup tidak mati dan bertasbihlah dengan memuji-Nya dan cukuplah dengan Allah Yang Maha Mengetahui dosa-dosa para hamba-Nya(58). Yang telah menciptakan langit dan bumi dan kejadian di antara keduanya dalam masa enam hari, kemudian dia bersemayam di atas 'Arasy. Dialah Tuhan Yang Maha Penyayang, maka tanyakanlah Allah Yang Maha Mendalam ilmu pengetahuan-Nya(59). Dan apabila dikatakan kepada mereka: Sujudlah kamu kepada ar-Rahman! Jawab mereka: Apakah ar-Rahman itu? Apakah wajar kami sujud kepada apa sahaja yang diperintahkan Engkau kepada kami? Dan ia menyebabkan mereka bertambah liar(60). Maha Sucilah Allah yang telah menciptakan jalan peredaran bintang-bintang di langit dan menciptakan padanya matahari dan bulan yang terang benderang (61). Dan Dialah yang telah menciptakan malam dan siang silih berganti bagi siapa yang ingin mengambil pengajaran atau bersyukur."(62)

(Latar belakang dan pokok pembicaraan)

Di dalam pusingan ini Al-Qur'an meninggalkan perkataan-perkataan dan bangkangan-bangkangan kaum Musyrikin terhadap Rasulullah s.a.w. untuk memulakan satu penjelajahan meninjau pemandangan-pemandangan alam dan ruang-ruangnya, di mana ia menarik hati Rasulullah kepadanya dan menghubungkan perasaan-perasaan beliau dengannya, dan perhubungan ini sahaja sudah cukup untuk menenangkan fikirannya dari gangguan-gangguan remeh-temeh kaum Musyrikin dan membukakan hatinya melihat ufuk-ufuk alam yang luas, di mana tipu muslihat dan permusuhan kaum Musyrikin yang berdosa itu kelihatan begitu kecil di sampingnya.

Al-Qur'an sentiasa menarik hati dan akal manusia kepada pemandangan-pemandangan alam buana dan

menjalinkan hubungan di antara keduanya. Ia menggerakkan perasaan-perasaan mereka supaya menerima pemandangan-pemandangan itu dengan perasaan yang baru dan terbuka serta menyambut segala gema dan cahayanya, juga supaya hati mereka terharu dengannya dan menyambut baik (segala ilhamnya). Mereka menjelajah di alam buana ini untuk memungut bukti kekuasaan Ilahi yang bertaburan di merata pelosoknya dan untuk melihat qudrat Ilahi Yang Maha Pencipta dan Maha Pentadbir, juga untuk merasakan kesan qudrat Ilahi dalam segala apa sahaja yang dilihat matanya, disentuh hatinya dan dipungut telinganya, kemudian mereka jadikan semuanya sebagai bahan untuk renungan dan fikiran, juga untuk berhubung dengan Allah melalui perhubungan dengan makhluk-makhluk yang diciptakan oleh qudrat kuasa-Nya.

Apabila seseorang itu hidup di alam ini dengan mata dan hati yang terbuka, dengan perasaan dan jiwa yang sedar dan dengan fikiran yang sentiasa berhubung dengan Allah, maka hidupnya akan terangkat dari hubungan-hubungan bumi yang kecil ini, perasaan dan kesedarannya terhadap hidup ini akan bertambah tinggi dan berganda-ganda. Pada setiap detik dia merasa bahawa ufuk-ufuk alam buana ini jauh lebih luas dari daerah bumi ini dan segala kejadian yang dilihatnya adalah terbit dari satu iradat yang sama dan terikat dengan satu undang-undang yang sama dan bertawajjuh kepada satu Tuhan Pencipta yang sama, sedangkan dirinya pula tidak lain dan tidak bukan melainkan hanya salah satu dari makhluk-makhluk yang banyak yang berhubung dengan Allah. Qudrat kuasa Ilahi itu dapat dilihat pada segala makhluk yang ada di sekelilingnya, pada segala kejadian yang dipandang matanya dan dijamah dua tangannya.

Perasaan-perasaan taqwa, kasih sayang dan yakin bercampur sebati di dalam hatinya. Perasaan-perasaan itu menyelubungi jiwanya dan memenuhi alam hidupnya. Perasaan itu menerapkan alam hidupnya dengan satu kesan perasaan istimewa iaitu rasa yang jelas, mesra dan tenteram dalam perjalanannya di bumi ini hingga dia bertemu dengan Allah. Dia menghabiskan seluruh masa perjalanannya itu di dalam temasya ciptaan Allah dan di atas meja hidangan yang disajikan Allah Yang Maha Pencipta, Maha Pentadbir dan Maha Indah dalam segala peraturan dan susunan-Nya.

Di dalam pelajaran ini huraian Al-Qur'an berpindah-pindah dari senario bayang yang lembut, di mana tangan qudrat Ilahi mengembang dan memanjangkannya kemudian dengan perlahan-lahan dan lemah-lembut tangan qudrat itu mengelut dan menguncupkannya kembali, kepada pemandangan hari malam dengan tidur dan istirehatnya, kepada pemandangan hari siang dengan segala pergerakan dan kesibukan-kesibukannya kepada pemandangan angin yang membawa berita rahmat kemudian diiringi dengan turunnya hujan yang menghidupkan bumi yang mati, kepada pemandangan pertembungan dua lautan yang tawar dan yang masin, dan di antara keduanya terdapat pagar seni yang menyekatkan keduanya dari bercampuraduk dan dari air hujan berpindah pula kepada air nutfah yang melahirkan manusia yang mengendalikan kehidupan, kepada pemandangan penciptaan langit dan bumi dalam masa enam hari, kepada pemandangan jalan-jalan peredaran bintang-bintang di langit dengan mataharinya yang cerah dan bulannya yang terang dan kepada pemandangan malam siang yang bersilih ganti di sepanjang zaman.

Di celah-celah pemandangan-pemandangan yang memberi ilham ini, Al-Qur'an menggerakkan hati dan menyedarkan akal manusia supaya memikirkan segala ciptaan Allah itu dan mengingatkan mereka terhadap qudrat kuasa dan tadbir Allah, juga melahirkan rasa hairan terhadap kaum Musyrikin yang sanggup mempersekutui Allah dan menyembah sembahan-sembahan yang tidak berkuasa mendatangkan manfa'at dan mudharat kepada mereka, juga terhadap kejahilan mereka yang tidak mengenal Allah dan sikap mereka yang angkuh terhadap Allah, dan seterusnya terhadap sikap mereka yang berpura-pura, kufur dan ingkar. Semuanya itu merupakan tindak-tanduk yang aneh dan meragukan di tengah-tengah temasya yang mempamerkan tanda-tanda kekuasaan Allah yang amat banyak itu dan menayangkan pemandangan-pemandangan alam buana yang diciptakan Allah.

Marilah kita hayati beberapa waktu di dalam temasya alam, di mana Allah Yang Maha Pencipta mengundang kita menyaksikannya di sepanjang hidup.

******

(Pentafsiran ayat-ayat 45 - 46)

Apakah Hikmat Di Sebalik Bayang?

أَلَمْ تَرَ إِلَىٰ رَبِّكَ كَيْفَ مَدَّ ٱلظِّلَّ وَلَوْ شَآءَ لَجَعَلَهُۥ
سَاكِنًا ثُمَّ جَعَلْنَا ٱلشَّمْسَ عَلَيْهِ دَلِيلًا ﴿٤٥﴾
ثُمَّ قَبَضْنَٰهُ إِلَيْنَا قَبْضًا يَسِيرًا ﴿٤٦﴾

"Apakah tidak engkau memperhatikan kepada ciptaan Tuhanmu bagaimana Dia memanjang (dan memendekkan) bayang dan andainya Dia kehendaki Dia boleh menjadikan bayang itu tetap, kemudian Kami jadikan matahari sebagai penunjuknya?(45). Kemudian Kami menarikkannya (perlahan-lahan) kepada Kami dengan tarikan yang lembut."(46)

Pemandangan bayang yang teduh dan lembut menyerapkan perasaan istirehat, tenteram dan damai ke dalam jiwa yang penat dan letih lesu. Ia laksana tangan penghibur, yang kasih mesra mengipaskan bayu yang lembut kepada jiwa dan tubuh badan, menggosok-gosokkan tempat-tempat yang berkudis dan sakit dan menggeletekkan hati yang penat.

Apakah ini yang dimaksudkan Allah S.W.T. apabila Dia menarik hati hamba-Nya (Rasulullah) supaya memperhatikan bayang setelah beliau diejek dan dihina? Apakah ini maksud-Nya apabila Dia mengusap-ngusapkan hati beliau yang letih lesu menghadapi perjuangan yang sengit di kota Makkah itu, di mana beliau berjuang menentang kekufuran, keangkuhan, tindakan-tindakan jahat dan kedegilan dengan sebilangan kecil para Mu'minin melawan sebilangan kaum Musyrikin yang ramai, sedangkan di waktu itu beliau belum lagi diizinkan melakukan tindak balas terhadap pencerobohan, penindasan, serangan dan ejekan, mereka? Sesungguhnya Al-Qur'an yang diturunkan kepada hati Rasulullah s.a.w. merupakan ubat penenang, merupakan bayang yang teduh dan bayu yang menyegar di tengah panas kekufuran, keingkaran dan penderhakaan itu. Pemandangan bayang terutama di tengah panas terik padang pasir yang membakar merupakan satu pemandangan yang sesuai dengan semangat surah ini yang mengandungi embun-embun dan bayang-bayang (yang lembut).

Ayat ini melukiskan pemandangan bayang-bayang, di mana tangan qudrat Ilahi yang halus menghulur dan memanjangkan bayang-bayang itu dengan lemah lembut kemudian perlahan-lahan memendek dan menguncupkan-nya kembali. *"Apakah tidak engkau perhatikan kepada ciptaan Tuhanmu bagaimana dia memanjangkan bayang... kemudian Kami menarikkannya (perlahan-lahan) kepada Kami dengan tarikan yang lembut."*

Bayang ialah ruang teduh yang lembut yang dibiaskan oleh jirim-jirim yang melindungkan cahaya matahari di waktu siang. Ia bergerak bersama harakat bumi yang menghadapi matahari. Oleh sebab itu kedudukan-kedudukannya, panjang pendeknya dan rupa bentuknya berubah-ubah, dan mataharilah yang menjadi penunjuk bayang dengan cahaya dan habanya dan dialah yang membezakan panjang pendek bayang, kerut dan kuncupnya. Mengikuti langkah-langkah bayang yang memanjang dan memendek itu menimbulkan rasa tenang dan rehat di dalam hati di samping merangsangkan kesedaran yang halus dan jelas apabila hati memikirkan ciptaan Allah Yang Maha Seni dan Maha Kuasa itu. Lihatlah pemandangan bayang-bayang ketika matahari condong hendak membenamkan diri. Ketika itu bayang-bayang kelihatan semakin panjang dan menghulur lanjut kemudian dalam sekelip mata sahaja tiba-tiba bayang-bayang itu hilang dari pemandangan mata manusia, kerana bulatan matahari telah menghilangkan dirinya dan bayang-bayang pun turut hilang bersamanya. Ke manakah perginya? Ia telah ditarik oleh tangan qudrat Ilahi yang telah menghulurkannya. Ia telah hilang dalam bayang yang menyelubungi bumi iaitu bayang malam dan gelap gelita. Itulah tangan qudrat Ilahi Yang Maha Kuat dan Maha Halus yang dilupai manusia untuk mengikuti kesan-kesannya di alam buana di sekeliling mereka, sedangkan tangan qudrat Ilahi itulah yang terus menerus bekerja tanpa mengenal letih lesu.

وَلَوْ شَآءَ لَجَعَلَهُۥ سَاكِنًا

"Dan andainya Dia kehendaki, Dia boleh menjadikan bayang itu tetap."(45)

Pembinaan alam buana yang diaturkan sebegini rupa dan penyusunan keluarga matahari yang disusun sedemikian rupa itulah yang menjadikan bayang itu bergerak dengan harakat yang lemah lembut. Andainya penyusunan itu berbeza sedikit sahaja nescaya kesan-kesannya turut berbeza pada bayang yang dilihat oleh kita. Misalnya jika bumi itu tetap nescaya bayang di atas bumi ini tidak mengembang dan memanjang dan tidak menguncup dan mengerut, dan andainya kecepatan perjalanan bumi itu lebih perlahan atau lebih cepat dari perjalanannya yang ada sekarang ini, maka harakat bayang yang memanjang dan memendek itu akan menjadi lebih perlahan atau lebih cepat lagi. Oleh sebab itulah struktur alam buana dengan peraturannya yang ada sekarang inilah yang memungkinkan lahirnya fenomena bayang itu dengan ciri-ciri yang dapat dilihat oleh kita.

Bimbingan Al-Qur'an supaya memperhatikan fenomena bayang yang kita lihat setiap hari dan kita lalui dengan hati yang lalai itu merupakan sebahagian dari cara Al-Qur'an menghidupkan alam buana ini di dalam hati nurani kita, juga menghidupkan kesedaran kita terhadap alam buana di sekeliling kita, serta menggerakkan perasaan-perasaan kita yang mati akibat kerana terlalu biasa, dan kematian perasaan inilah yang menyebabkan hilangnya kesan-kesan dari pemandangan alam buana yang amat menakjubkan itu. Bimbingan itu juga merupakan sebahagian dari usaha Al-Qur'an untuk mengikatkan akal dan hati kita dengan alam buana yang amat besar dan mengkagumkan itu.

******

(Pentafsiran ayat-ayat 47 - 49)

Pertukaran Malam Dan Siang

Dari pemandangan bayang berpindah pula kepada pemandangan malam yang menjadi pakaian, pemandangan tidur yang tenang dan pemandangan siang yang penuh dengan harakat untuk keluar berusaha:

وَهُوَ ٱلَّذِى جَعَلَ لَكُمُ ٱلَّيْلَ لِبَاسًا وَٱلنَّوْمَ سُبَاتًا
وَجَعَلَ ٱلنَّهَارَ نُشُورًا ﴿٤٧﴾

"Dan Dialah yang telah menciptakan malam untuk kamu sebagai pakaian dan menjadikan tidur sebagai waktu istirehat dan menjadikan siang sebagai waktu bangkit berusaha."(47)

Malam melindungi segala benda dan segala makhluk yang hidup. Ia menjadikan dunia kelihatan berpakaian dengan baju malam dan kegelapannya. Jadi, malam merupakan baju pakaiannya. Di waktu malam segala harakat dan segala gerak berhenti dan manusia tidur. Kebanyakan haiwan, burung dan serangga juga turut tidur, dan tidur merupakan satu keadaan yang terputus dari perasaan dan kesedaran. Jadi, tidur merupakan satu keadaan terputus (yang merehatkan). Kemudian pagi bernafas dan segala harakat bingkas kembali dan gerak hidup pun berdenyut kembali di siang hari. Itulah waktu kebangkitan dari mati yang kecil, yang bersilih ganti dengan hidup di atas muka bumi ini, di mana berlakunya kebangkitan semula sekali pada setiap pusingan bumi yang terus berpusing tanpa mengenal jemu dan letih lesu itu. Ia melalui manusia, tetapi mereka lalai dari memikirkan rahsia di sebalik peredarannya yang membuktikan adanya tadbir Ilahi yang tidak pernah lalai dan tidur walau sesa'at pun.

******

Pergerakan Angin

Kemudian Al-Qur'an menyentuh pergerakan angin yang membawa berita hujan yang akan menghidupkan bumi:

وَهُوَ ٱلَّذِىٓ أَرْسَلَ ٱلرِّيَٰحَ بُشْرًۢا بَيْنَ يَدَىْ رَحْمَتِهِۦ ۚ وَأَنزَلْنَا مِنَ ٱلسَّمَآءِ مَآءً طَهُورًا ﴿٤٨﴾ لِّنُحْـِۧىَ بِهِۦ بَلْدَةً مَّيْتًا وَنُسْقِيَهُۥ مِمَّا خَلَقْنَآ أَنْعَٰمًا وَأَنَاسِىَّ كَثِيرًا ﴿٤٩﴾

"Dan Dialah yang melepaskan angin membawa berita gembira menjelang kedatangan rahmat-Nya (hujan) dan Kami turunkan dari langit air yang amat bersih(48). Agar Kami menghidupkan dengannya negeri yang mati dan Kami jadikannya minuman kepada makhluk-makhluk yang telah Kami ciptakan dari ternakan-ternakan dan manusia yang ramai."(49)

Seluruh hidup di atas muka bumi ini adalah bergantung kepada air hujan baik secara langsung atau dalam bentuk parit-parit dan sungai-sungai di muka bumi yang dilahirkan oleh air hujan, juga dalam bentuk matair-matair dan perigi-perigi dari air-air bawah tanah yang diresapi air hujan. Tetapi orang-orang yang hidup dengan bergantung secara langsung kepada air hujan itulah orang-orang yang dapat memahami dengan sempurna makna Rahmat Allah yang terdapat pada air hujan itu. Mereka sentiasa mengharapkan hujan dan sedar bahawa seluruh hidup mereka bergantung kepada hujan. Mereka menunggu-nunggu hembusan angin yang mereka kenal membawa awan-awan yang menurunkan hujan. Mereka bergembira dengan kedatangannya dan merasakan angin itu benar-benar membawa Rahmat Allah jika mereka dari golongan manusia yang dibukakan Allah dada mereka untuk keimanan.

Ungkapan ayat ini menekankan konsep bersih dan pembersihan iaitu *"Dan Kami turunkan dari langit air yang amat bersih"* (وأنزلنا من السماء ماء طهورا) ketika ia membicarakan tentang hidup yang dikandungi hujan itu:

لِّنُحْـِۧىَ بِهِۦ بَلْدَةً مَّيْتًا وَنُسْقِيَهُۥ مِمَّا خَلَقْنَآ أَنْعَٰمًا وَأَنَاسِىَّ كَثِيرًا ﴿٤٩﴾

"Agar Kami menghidupkan dengannya negeri yang mati dan Kami jadikannya minuman kepada makhluk-makhluk yang telah Kami ciptakan dari ternakan-ternakan dan manusia yang ramai."(49)

Ini bererti bahawa ayat ini membayangkan hidup itu dengan satu bayangan istimewa. Iaitu bayangan kebersihan, iaitu Allah S.W.T. mahukan hidup mereka bersih dan suci, kerana Dia membasuh muka bumi ini dengan air yang amat bersih, yang dapat menghidupkan bumi yang mati dan menjadi minuman kepada manusia dan ternakan.

******

(Pentafsiran ayat-ayat 50 - 52)

Al-Qur'an Diturun Untuk Membawa Hayat Kepada Jiwa

Sampai di sini, iaitu setelah selesai menayangkan pemandangan-pemandangan alam buana, diterangkan pula bahawa Al-Qur'an yang turun dari langit itu juga adalah bertujuan untuk membersihkan hati dan jiwa. Oleh itu, mengapa mereka hanya bergembira dengan kedatangan air hujan yang menghidupkan jasmani mereka sahaja tetapi tidak bergembira dengan kedatangan Al-Qur'an yang menghidupkan jiwa mereka?

وَلَقَدْ صَرَّفْنَٰهُ بَيْنَهُمْ لِيَذَّكَّرُوا۟ فَأَبَىٰٓ أَكْثَرُ ٱلنَّاسِ إِلَّا كُفُورًا ﴿٥٠﴾
وَلَوْ شِئْنَا لَبَعَثْنَا فِى كُلِّ قَرْيَةٍ نَّذِيرًا ﴿٥١﴾
فَلَا تُطِعِ ٱلْكَٰفِرِينَ وَجَٰهِدْهُم بِهِۦ جِهَادًا كَبِيرًا ﴿٥٢﴾

"Dan sesungguhnya Kami telah menjelaskannya (Al-Qur'an) di kalangan mereka agar mereka mengambil pengajaran darinya, tetapi kebanyakan manusia enggan menerimanya kecuali kekufuran(50). Dan andainya Kami kehendaki Kami boleh utuskan kepada setiap negeri seorang rasul yang memberi peringatan(51). Oleh sebab itu janganlah engkau tunduk kepada orang-orang kafir dan lancarkan dengannya (Al-Qur'an) jihad yang besar terhadap mereka."(52)[10]

---

[10] *Setengah-setengah ahli tafsir mengembalikan gantinama pada kata "صرفناه" (menjelaskannya) itu kepada air hujan (bukannya kepada Al-Qur'an) memandangkan air hujan itulah yang paling*

Al-Qur'an Dijelaskan Dengan Berbagai Cara Dan Gaya

"Sesungguhnya Kami telah menjelaskan (Al-Qur'an) di kalangan mereka agar mereka mengambil pengajaran darinya" (ولقد صرفناه بينهم ليذ كروا) yakni Kami bentangkan Al-Qur'an itu dengan berbagai-bagai cara dan uslub, juga dengan bermacam-macam pandangan yang menarik perhatian. Kami berbicara dengan perasaan dan akal fikiran mereka dengan jiwa dan minda mereka. Kami masuk menghadapi mereka dengan Al-Qur'an dari segenap pintu jiwa mereka dan Kami menggunakan segala cara yang dapat menyedarkan hati mereka *"Agar mereka mengambil pengajaran darinya."* (ليذكروا). Yakni usaha mengambil pengajaran dari Al-Qur'an itulah sahaja yang diperlukan dari mereka, kerana hakikat-hakikat yang diperjuangkan Al-Qur'an untuk mengembalikan mereka kepadanya itu memang telah pun tertanam di dalam fitrah mereka, tetapi hawa nafsulah yang telah menyebabkan mereka lupakan hakikat-hakikat ini, kerana mereka telah bertuhankan hawa nafsu sendiri *"Tetapi kebanyakan manusia enggan menerimanya kecuali kekufuran."* (فأبى أكثر الناس إلا كفورا).

Oleh sebab itu tugas Rasulullah s.a.w. amatlah besar dan sulit kerana beliau terpaksa menghadapi umat manusia yang kebanyakannya telah disesatkan oleh hawa nafsu. Mereka enggan beriman dan terus memperlihatkan kekufuran mereka walaupun bukti-bukti keimanan terbentang di hadapan mereka.

وَلَوْ شِئْنَا لَبَعَثْنَا فِى كُلِّ قَرْيَةٍ نَّذِيرًا ﴿٥١﴾

"Dan andainya Kami kehendaki Kami boleh utuskan kepada setiap negeri seorang rasul yang memberi peringatan."(51)

Mengapa Rasul Akhir Zaman Seorang Sahaja

Dengan demikian dapatlah dibahagi-bahagikan kesulitan itu dan dapatlah diringankan tugas itu, tetapi Allah hanya memilih seorang hamba (Rasul) sahaja untuk melaksanakan tugas ini, iaitu seorang hamba yang menjadi penamat bagi sekalian rasul. Dialah seorang sahaja yang ditugaskan Allah untuk memberi peringatan kepada seluruh negeri supaya pengajaran-pengajaran agama yang akhir ini terkumpul menjadi satu dan tidak bertaburan dan berselerak di atas lidah rasul-rasul yang banyak yang diutus kepada berbagai-bagai negeri itu, dan Allah telah mengurniakan Al-Qur'an kepada beliau supaya beliau berjihad dengannya menentang mereka:

فَلَا تُطِعِ ٱلْكَٰفِرِينَ وَجَٰهِدْهُم بِهِۦ جِهَادًا كَبِيرًا ﴿٥٢﴾

"Oleh sebab itu janganlah engkau tunduk kepada orang-orang kafir dan lancarkan dengannya (Al-Qur'an) jihad yang besar terhadap mereka."(52)

Al-Qur'an Senjata Yang Ampuh

Al-Qur'an mempunyai kekuatan, pengaruh, kesan yang mendalam dan daya tarikan yang tidak terlawan yang menggoncangkan hati dan jiwa mereka dengan sekuat-kuatnya. Mereka telah melawan pengaruh Al-Qur'an dengan segala cara tetapi mereka tidak berdaya mengatasinya.

Pembesar-pembesar Quraysy pernah berkata kepada orang ramai:

وَقَالَ ٱلَّذِينَ كَفَرُوا۟ لَا تَسْمَعُوا۟ لِهَٰذَا ٱلْقُرْءَانِ وَٱلْغَوْا۟ فِيهِ لَعَلَّكُمْ تَغْلِبُونَ ﴿٢٦﴾

"Dan berkatalah orang-orang yang kafir: Janganlah kamu dengar Al-Qur'an ini dan hapuskan pengaruh yang ada padanya supaya kamu mendapat kemenangan."

(Surah Fussilat: 26)

Kata-kata ini menunjukkan sejauh mana rasa kebimbangan yang berkecamuk di dalam jiwa mereka dan jiwa pengikut-pengikut mereka terhadap pengaruh Al-Qur'an. Mereka melihat pengikut-pengikut mereka dalam masa semalaman sahaja terpukau kerana satu dua ayat dan satu dua surah yang dibaca oleh Nabi Muhammad s.a.w. Ia menjadikan hati mereka begitu tertarik kepadanya.

Pembesar-pembesar Quraysy Terpukau Dengan Al-Qur'an

Pembesar-pembesar Quraysy itu tidak mengeluarkan kata-kata ini jika mereka sendiri terselamat dari pengaruh Al-Qur'an, yakni jika mereka sendiri tidak mengalami rasa kebimbangan yang melonjak-lonjak di dalam hati mereka tentulah mereka tidak menyuruh pengikut-pengikut mereka berbuat begitu dan mengingatkan kaum mereka dengan amaran yang keras yang menjadi bukti yang lebih jelas dari segala ucapan tentang betapa mendalamnya pengaruh Al-Qur'an.

Ujar Ibn Ishaq: Aku telah diceritakan oleh Muhammad ibn Muslim ibn Syihab az-Zuhri katanya: Dia telah diceritakan orang bahawa Abu Sufyan ibn Harb, Abu Jahl ibn Hisyam dan al-Akhnas bin Syurayq ibn Umar ibn Wahb ath-Thaqafi sekutu Bani Zuhrah, masing-masing telah keluar pada suatu malam untuk

---

dekat disebut dalam ayat ini, sedangkan Al-Qur'an tidak pernah disebut dalam pembicaraan ini, tetapi kami tarjihkan bahawa gantinama pada kata-kata itu adalah kembali kepada Al-Qur'an, kerana tidak syak lagi bahawa maksud "به" (nya) pada ungkapan "وجاهدهم به" (lancarkan jihad terhadap mereka dengannya) ialah Al-Qur'an, sebab Rasulullah s.a.w. tentulah tidak berjihad melawan kaum Musyrikin dengan menggunakan air hujan. Ahli tafsir yang mengembalikan gantinama yang kedua kepada Al-Qur'an sepatutnya pula mengembalikan gantinama yang pertama kepada Al-Qur'an juga. Ini adalah satu cara pusingan mendadak Al-Qur'an yang banyak digunakan untuk menyatakan sesuatu hubungan yang tersembunyi yang patut diperhatikan, dan hubungan itu ialah bahawa turunnya air hujan yang amat bersih dan menghidupkan bumi yang mati itu sewajarnya membawa akal kita mengenangkan kepada Al-Qur'an yang juga diturun untuk membersih dan menghidupkan jiwa iaitu satu maudhuk yang menjadi pokok keseluruhan pembicaraan surah ini.

mendengar bacaan Rasulullah s.a.w. yang sedang mendirikan sembahyang malam di rumahnya. Setiap orang dari mereka masing-masing memilih tempat mendengar. Dan masing-masing tidak mengetahui di manakah tempat kawannya mendengar. Di sana mereka bermalam mendengar bacaan beliau sehingga apabila fajar menyingsing mereka pun berpecah dan bertemu di tengah jalan dan di sini mereka saling mencela satu sama lain. Mereka saling berkata satu sama lain, "Jangan ulangi perbuatan itu, kerana jika kamu dilihat orang-orang yang bodoh tentulah perbuatan kamu itu akan menimbulkan keraguan di dalam hati mereka!. Kemudian mereka bersurai sehingga apabila tiba malam yang kedua, mereka semua datang lagi mengambil tempat duduknya masing-masing dan bermalam di sana mendengar bacaan beliau dan apabila sampai waktu fajar mereka berpecah dan bertemu pula di tengah jalan, lalu mereka saling berkata satu sama lain seperti yang mereka telah katakan pada malam yang pertama. Kemudian mereka bersurai sehingga apabila tiba malam yang ketiga mereka semua datang lagi mengambil tempat duduknya masing-masing dan bermalam di sana mendengar bacaan beliau. Apabila fajar menyingsing mereka pun berpecah dan bertemu lagi di tengah jalan, lalu mereka berkata satu sama lain, "Kita tidak akan meninggalkan tempat ini sehingga kita semua berjanji bahawa kita tidak akan kembali berbuat begini lagi." Lalu mereka pun berjanji kemudian bersurai.

Pada pagi keesokan hari, al-Akhnas ibn Syurayq mengambil tongkatnya kemudian, keluar menemui Abu Sufyan di rumahnya. Lalu dia berkata: "Wahai Abu Hanzalah! Ceritakanlah kepadaku apakah fikiran anda tentang bacaan yang anda telah dengar dari Muhammad itu."Jawab Abu Sufyan: "Wahai Abu Thalabah, demi Allah aku telah mendengar beberapa perkara yang aku mengetahuinya dan mengetahui pula tentang maksud yang dikehendakinya, dan aku juga mendengar perkara-perkara yang aku tidak mengetahui maknanya dan maksudnya." Ujar al-Akhnas, "Demi Tuhan, aku pun begitu juga." Kata (rawi): Kemudian al-Akhnas keluar dari rumah Abu Sufyan untuk menemui Abu Jahl pula. Dia mengunjungi ke rumahnya dan berkata: "Wahai Abul-Hakam! Apakah fikiran anda tentang bacaan yang anda dengar dari Muhammad ini?" Jawab Abu Jahl: "Apakah yang aku dengar? Kita sentiasa bertanding dengan keluarga Abdu Manaf (keluarga Rasulullah) untuk merebut penghormatan. Apabila mereka menjamu orang-orang kita pun turut menjamu. Bila mereka menjamin, kita ikut menjamin, dan jika mereka memberi, kita ikut memberi hingga kita sama dengan mereka. Tiba-tiba mereka berkata: Dari golongan kami ada seorang nabi yang menerima wahyu dari langit. Oleh itu bilakah kita pula akan mendapat peluang yang seperti ini? Demi Allah kita tidak akan beriman kepadanya buat selama-lamanya dan kita tidak akan membenarkannya."

Kata (rawi): Kemudian al-Akhnas pun bangkit meninggalkan Abu Jahl.

Demikianlah mereka melawan diri mereka sendiri supaya hati mereka tidak tertarik dan kalah kepada Al-Qur'an. Jika tidak kerana mereka berjanji sesama mereka ketika mereka merasa kepimpinan mereka terancam sudah tentu orang ramai dapat melihat mereka terpukau kepada Al-Qur'an seolah-olah seperti orang-orang yang kena sihir.

Al-Qur'an mengandungi kebenaran yang amat mudah dan jelas. Ia dapat menghubungkan hati manusia dengan sumber matair yang bersih. Oleh itu adalah sukar kepada hati untuk menahan matair yang memancut keluar itu dan untuk menyekat arus pengalirannya yang kuat, kerana di dalam Al-Qur'an terdapat pemandangan-pemandangan Qiamat, kisah-kisah pemandangan alam yang hidup, cerita-cerita kebinasaan umat zaman dahulu dan kekuatan-kekuatan penjelasan yang menggoncangkan hati dengan sekeras-kerasnya, malah pengaruh kekuatan dari satu surah sahaja kadang-kadang dapat menggoncangkan jiwa manusia dan menguasai seluruh ruangnya yang tidak dapat dibuat oleh satu angkatan tentera yang lengkap dengan segala alat senjata.

Justeru itu tidaklah menghairankan jika Allah memerintah Nabi-Nya supaya jangan tunduk kepada orang-orang kafir dan jangan berganjak dari da'wahnya serta berjihad terus menentang mereka akan ditukarkan Allah dengan kekuatan Al-Qur'an, iaitu satu kekuatan yang tidak dapat ditentang entiti manusia dan tidak dapat digugatkan oleh mana-mana hujah perdebatan.

******

(Pentafsiran ayat 53)

Pertemuan Sungai Dan Lautan

Selepas mengemukakan perhatian ini, Al-Qur'an kembali menayangkan pemandangan-pemandangan alam buana. Ia iringi pemandangan angin yang membawa berita gembira dan air hujan yang amat bersih itu dengan pemandangan lautan, air tawar dan, air masin, di mana di antara keduanya didindingi oleh satu pagar (yang seni):

وَهُوَ ٱلَّذِى مَرَجَ ٱلْبَحْرَيْنِ هَٰذَا عَذْبٌ فُرَاتٌ وَهَٰذَا مِلْحٌ أُجَاجٌ وَجَعَلَ بَيْنَهُمَا بَرْزَخًا وَحِجْرًا مَّحْجُورًا ﴿٥٣﴾

"Dan Dialah yang telah melepaskan dua lautan bertemu, yang ini tawar dan nyaman, sedangkan yang itu pula masin pahit dan Dia mengadakan di antara keduanya sebuah dinding dan batas yang menyekatkan (keduanya dari bercampur-baur)."(53)

Yakni Allahlah yang melepaskan dua lautan, iaitu lautan air sungai yang tawar dan lautan air laut yang masin mengalir dan kedua-duanya bertembung tanpa bercampuraduk. Di antara keduanya di dinding pagar

dari tabi'at kedua-duanya sendiri yang telah diciptakan Allah, kerana biasanya paras tempat pengaliran sungai itu adalah lebih tinggi dari paras permukaan laut. Oleh sebab itu air sungai yang tawarlah yang mencurah ke dalam laut dan jarang sekali berlaku sebaliknya. Dan dengan taqdir Ilahi yang amat halus inilah air laut yang lebih besar dan lebih banyak itu tidak dapat mencerobohi sungai-sungai yang menjadi sumber kehidupan manusia, ternakan dan tumbuh-tumbuhan itu. Taqdir yang amat halus itu bukannya berlaku secara kebetulan kerana kelazimannya memang begitu. Ia berlaku dengan kehendak iradat Allah Pencipta yang telah mewujudkan alam buana ini untuk sesuatu tujuan yang direalisasikannya dengan tepat dan rapi oleh undang-undang alam itu sendiri.

Di dalam undang-undang alam ini telah pun digariskan bahawa air lautan-lautan yang masin itu tidak mencerobohi sungai-sungai, dan tidak pula mengarami daratan walaupun dalam masa berlakunya gejala pasang surut yang terjadi akibat daya tarikan bulan yang menarik air di permukaan bumi dan menaikkannya menjadi pasang ke paras yang amat tinggi.

Hakikat-hakikat Di Sebalik Gejala Pasang Surut Air

Ujar pengarang buku *"Manusia Tidak Berdiri Sendirian"*[11] atau (*Sains Membawa Kepada Keimanan*[12]):

"Jarak bulan dari kita ialah dua ratus empat puluh ribu batu. Kejadian air pasang yang berlaku dua kali itu secara halus mengingatkan kita terhadap kewujudan bulan. Air pasang yang berlaku di lautan itu kadang-kadang meningkat hingga enam puluh kaki tingginya di setengah-setengah tempat, malah kulit bumi sendiri dua kali keluar melengkung sebanyak beberapa inci dengan sebab daya, tarikan bulan. Segala-galanya kejahilan pada kita berlaku begitu rapi hingga kita tidak menyedari adanya satu kekuatan yang amat besar yang dapat mengangkat seluruh kawasan lautan beberapa kaki tinggi, juga tidak menyedari bahawa kulit bumi yang kelihatan amat keras dan pejal kepada kita itu turut melengkung.

Planet Mars juga mempunyai bulan, iaitu satu bulan yang kecil yang tidak jauh darinya melainkan hanya enam ribu batu sahaja. Andainya bulan kita ini jauh dari kita hanya lima puluh ribu batu sahaja umpamanya bukannya jarak jauh yang amat besar yang memisahkan kita dengannya sekarang ini, nescaya kejadian air pasang akan berlaku begitu kuat sehingga semua kawasan bumi yang berada di bawah paras air akan dibanjiri dua kali sehari dengan arus air yang amat kuat, yang dapat mencabutkan gunung-ganang itu sendiri. Dalam keadaan ini mungkin tidak ada satu benua pun sekarang ini yang timbul dari dasar air pasang itu dengan kecepatannya yang biasa dan bumi akan hancur dengan sebab kekacauan itu dan keadaan pasang di udara itu akan mencetuskan ribut taufan setiap hari.

Apabila kita andaikan benua-benua itu ditenggelami banjir air pasang, maka purata kedalaman air di atas seluruh muka bumi kira-kira sebatu setengah dan di waktu ini makhluk-makhluk hidup tidak mungkin wujud melainkan di dasar lautan yang amat dalam sahaja mengikut hukum kemungkinan."

Tetapi tangan qudrat kuasa Ilahi yang mentadbirkan alam buana ini telah melepaskan dua lautan itu dan mempertemukan keduanya dengan dipagari sebilah dinding yang lahir dari tabi'at keduanya dan dari tabi'at alam buana yang seimbang, di mana seluruh sukatan yang diatur oleh qudrat Allah Yang Maha Pencipta, Maha Pentadbir dan Maha Bijaksana, itulah yang mengendalikan pengaliran air yang teratur dan tepat.

******

(Pentafsiran ayat 54)

Manusia Diciptakan Dari Nutfah

Dari air hujan, air laut dan sungai berpindah pula kepada air nutfah yang darinya wujud makhluk manusia secara langsung:

وَهُوَ ٱلَّذِى خَلَقَ مِنَ ٱلْمَآءِ بَشَرًا فَجَعَلَهُۥ نَسَبًا وَصِهْرًا ۗ وَكَانَ رَبُّكَ قَدِيرًا ﴿٥٤﴾

"Dan Dialah yang telah menciptakan manusia dari air lalu Dia jadikannya mempunyai hubungan keturunan dan hubungan perkahwinan, dan Tuhanmu adalah Maha Berkuasa."(54)

Dari nutfah terjadinya janin di dalam rahim. Jika si janin itu lelaki, maka ia membentuk hubungan keturunan, dan jika perempuan, maka ia membentuk hubungan perkahwinan kerana perempuan merupakan punca perkahwinan.

Makhluk manusia yang terjadi dari air nutfah ini adalah lebih menakjub dan lebih mengkagumkan dari makhluk hidup yang terjadi dari air hujan. Dari satu sel yang tunggal (di antara berpuluh-puluh ribu sel yang terkandung di dalam setitis air mani lelaki) yang bersatu dan bersenyawa dengan telur perempuan di dalam rahim itulah lahirnya makhluk manusia yang canggih, iaitu makhluk hidup yang paling mengkagumkan dari seluruh makhluk-makhluk hidup yang lain.

Dari sel-sel yang sama dan telur-telur yang sama terjadinya lelaki dan perempuan dengan cara yang menakjubkan, yang tidak dapat difahamkan rahsianya oleh manusia. Ilmu pengetahuan manusia tidak dapat memahami dan men-tafsirkannya. Tidak ada satu sel

---

[11] *A. Cressy Morrison, (1944), "Man Does not Stand Alone", Fleming H. Revell Co., New York.*
[12] *Oleh Mahmud Saleh al-Falaqi.*

pun dari ribuan sel itu, yang dapat diperhatikan sifat-sifat tertentu yang melayakkannya untuk melahirkan manusia lelaki atau perempuan, begitu juga tidak ada satu telur perempuan pun yang dapat dikenalkan sifat-sifat yang tertentu seperti itu, namun demikian pada akhirnya telur ini menjadi telur yang melahirkan manusia lelaki dan telur itu melahirkan manusia perempuan. *"Dan Tuhanmu itu adalah. Maha Berkuasa"* dan inilah qudrat Ilahi yang mendedahkan sebahagian darinya dalam kejadian yang amat menakjubkan ini.

Jika manusia melihat dengan halus pada air nutfah yang membentuk makhluk manusia itu tentulah dia akan pening mencari sifat-sifat manusia yang lengkap yang tersembunyi pada sel-sel yang amat halus dan seni itu, iaitu sel-sel seni yang membawa sifat-sifat warisan bagi jenis manusia dan sifat-sifat warisan dari ibubapa dan keluarga keduanya yang dekat untuk dipindahkan kepada janin lelaki dan janin perempuan dan kedua-duanya masing-masing mengikut garis penentuan yang dilukiskan oleh qudrat Ilahi mengenai segi rupa paras dan arah aliran kehidupan masing-masing janin:

Inilah beberapa petikan dari buku *"Manusia Tidak Berdiri Sendirian"*[13] mengenai sifat-sifat warisan yang tersembunyi pada zarrah-zarrah yang seni itu.

> "Setiap sel lelaki atau perempuan mengandungi kromozom-kromozom[14] dan gen-gen (genes iaitu unit-unit pembawa sifat-sifat warisan) setiap kromozom membentuk nukleas yang gelap yang mengandungi gen-gen, dan gen-gen merupakan faktor utama yang menentukan rupa paras setiap makhluk yang hidup atau setiap manusia. Cytoplasme[15] ialah campuran-campuran kimia yang menakjubkan yang meliputi kromozom dan gen-gen. Gen-gen itulah yang bertanggungjawab terhadap seluruh makhluk manusia di muka bumi. Dialah yang menentukan sifat-sifat rupa paras individu, keadaan-keadaan jiwanya, warna kulitnya dan bangsanya. Dan andainya seluruh gen-gen ini dikumpul dan diletakkan pada satu bekas, nescaya ukuran bekas itu lebih kecil lagi dari ukuran jidal (thimble).
>
> Gen-gen yang amat seni inilah yang merupakan anak-anak kunci yang menentukan sifat-sifat manusia, haiwan dan tumbuh-tumbuhan dan 'jidal' yang dapat memuat sifat-sifat individu dari dua bilion manusia itu tidak syak lagi merupakan satu bekas yang sangat kecil. Namun demikian inilah suatu hakikat yang tidak boleh dipertikaikan.
>
> Janin yang keluar dalam perkembangannya yang beransur-ansur dari nutfah kepada manusia adalah mengesahkan satu sejarah yang dirakam, dikenali dan diungkap dengan penyusunan zarrah-zarrah yang seni di dalam gen-gen dan cytoplasme."

Kita telah melihat bahawa gen-gen itu ialah susunan zarrah yang amat seni di dalam sel-sel warisan pada semua makhluk yang hidup. Dialah yang menjaga sifat-sifat rupa paras, sifat-sifat datuk nenek dan segala sifat-sifat yang membentuk setiap makhluk yang hidup. Dialah yang menentukan dengan terperinci sifat-sifat akar, batang, daun, bunga dan buah bagi setiap tumbuhan sama seperti ia menentukan rupa paras, kulit, rambut, bulu dan sayap bagi setiap haiwan termasuk manusia.

Setakat ini cukuplah kita melihat ke'ajaiban-ke'ajaiban hidup yang diciptakan oleh qudrat Ilahi Yang Maha Pencipta dan Maha Pentadbir itu *"Dan Tuhanmu adalah Maha Berkuasa."* (وكان ربك قديرا).

******

(Pentafsiran ayat-ayat 55 - 59)

Orang-orang Kafir Sememangnya Memerangi Allah

Dalam suasana yang seperti ini, iaitu suasana penciptaan dan penentuan taqdir, dan di hadapan hayat yang terjadi dari air langit dan air nutfah yang dibekalkan dengan sifat-sifat yang menjadikan satu sel itu seorang janin lelaki dengan segala ciri-ciri yang membezakannya dari janin yang lain dan dengan segala ciri-ciri dan sifat-sifat, warisan-warisannya, dan menjadikan satu sel bagi seorang janin perempuan dengan segala ciri-ciri dan sifat-sifat warisannya... dalam suasana yang seperti ini, perbuatan menyembah yang lain dari Allah kelihatan begitu ganjil, janggal dan dijijik fitrah. Oleh itu di sini Al-Qur'an mendedahkan perbuatan mereka yang menyembah tuhan-tuhan yang lain dari Allah:

وَيَعْبُدُونَ مِن دُونِ ٱللَّهِ مَا لَا يَنفَعُهُمْ وَلَا يَضُرُّهُمْ وَكَانَ ٱلْكَافِرُ عَلَىٰ رَبِّهِۦ ظَهِيرًا ﴿٥٥﴾

"Dan mereka menyembah selain dari Allah sembahan-sembahan yang tidak memberi manfa'at dan tidak pula mendatangkan mudharat kepada mereka. Dan sememangnya orang yang kafir itu memerangi Tuhannya."(55)

"Dan sememangnya orang yang kafir itu memerangi Tuhannya" yakni seluruh orang kafir termasuk kaum Musyrikin Makkah. Peperangan itu ialah peperangan melawan Allah yang telah menciptakan mereka dan menjadikan mereka dengan kejadian yang sempurna. Bagaimana hal ini boleh berlaku, sedangkan mereka hanya makhluk yang kecil dan kerdil sahaja, yang tidak mungkin memerangi dan melawan Allah? Sebenarnya tujuan dari memerangi Allah ialah mereka menentang agama Allah, mereka menentang sistem hidup Ilahi yang dikehendaki Allah. Ungkapan ayat ini hanya bertujuan memberi satu gambaran yang buruk dan keji terhadap perbuatan khianat mereka dan menggambarkan perbuatan itu sebagai perbuatan memerangi Allah yang memberi perlindungan kepada mereka.

---

[13] A. Cressy Morrison, (1944), "Man Does Not Stand Alone", Fleming H. Revell Co., New York.

[14] Kromozom ialah unit bahan organik yang menjadi faktor dalam kerja-kerja memindah sifat-sifat warisan kepada janin.

[15] Cytoplasme ialah bahan protoplasme yang berada di sekeliling nukleus sel.

Orang yang kafir sememangnya memerangi Allah apabila mereka memerangi Rasulullah s.a.w. Peperangan mereka bukan melawan Rasulullah, tetapi melawan Allah, sedangkan Allah tetap menjamin keselamatan Rasul-Nya.

Kemudian Allah mententeramkan Rasulullah hamba kesayangan-Nya dan meringankan beban dari bahunya. Dia membuat beliau merasa bahawa ketika beliau melaksanakan tugas menyampaikan berita gembira dan menyampaikan peringatan-peringatan Ilahi, dan ketika berjihad menghadapi orang-orang kafir dengan bersenjatakan Al-Qur'an yang ada pada beliau, beliau jangan merasa risau terhadap penentangan dan kedegilan orang-orang kafir yang berdosa itu, kerana Allah sendiri yang mengendalikan peperangan terhadap musuh-musuh beliau, iaitu musuh-musuh yang pada hakikatnya menentang dan berseteru dengan Allah. Oleh itu hendaklah beliau berserah kepada Allah sahaja kerana Allah Maha Mengetahui dengan dosa-dosa para hamba-Nya.

وَمَآ أَرْسَلْنَٰكَ إِلَّا مُبَشِّرًا وَنَذِيرًا ﴿٥٦﴾

قُلْ مَآ أَسْـَٔلُكُمْ عَلَيْهِ مِنْ أَجْرٍ إِلَّا مَن شَآءَ أَن يَتَّخِذَ إِلَىٰ رَبِّهِۦ سَبِيلًا ﴿٥٧﴾

وَتَوَكَّلْ عَلَى ٱلْحَىِّ ٱلَّذِى لَا يَمُوتُ وَسَبِّحْ بِحَمْدِهِۦ ۚ وَكَفَىٰ بِهِۦ بِذُنُوبِ عِبَادِهِۦ خَبِيرًا ﴿٥٨﴾

"Dan Kami tidak utuskan engkau melainkan sebagai pembawa berita gembira dan pemberi amaran(56). Katakanlah: Aku tidak meminta apa-apa upah dari kamu kerana da'wah ini kecuali (mengharapkan sambutan) mereka yang mahu mencari jalan kepada Tuhannya (57). Dan bertawakkallah kepada Allah yang sentiasa hidup tidak mati dan, bertasbihlah dengan memuji-Nya dan cukuplah dengan Allah Yang Maha Mengetahui dosa-dosa para hamba-Nya."(58)

Dengan ayat ini Allah menggariskan batas-batas tugas Rasulullah s.a.w. iaitu tugas memberi tabsyir dan inzar (menyampaikan berita gembira dan menyampaikan peringatan-peringatan Ilahi). Beliau belum lagi ditugaskan berperang menentang kaum Musyrikin sewaktu beliau berada di Makkah untuk menjamin kebebasan tabsyir dan inzar itu sebagaimana beliau telah ditugas berperang selepas itu semasa berada di Madinah. Ini adalah kerana sesuatu hikmat yang diketahui Allah. Di antara hikmat yang dapat dijangka oleh kita ialah dalam masa berada di Makkah, beliau sedang dalam peringkat menyedia dan memperlengkapkan angkatan lelaki Muslimin yang akan menjadi tapak landasan 'aqidah yang baru ini, agar 'aqidah ini hidup subur di dalam jiwa mereka dan agar ia diterjemahkan di dalam kegiatan hidup mereka dan tergambar di dalam kelakuan dan tingkahlaku mereka supaya mereka menjadi teras masyarakat Islam yang diperintah dan dikuasai Islam, juga supaya beliau tidak terlibat di dalam persengketaan dan perkelahian berdarah yang boleh menghalangkan kaum Quraysy menerima agama Islam dan menyebabkan mereka menutupkan hati mereka kepadanya. Allah menentukan taqdir-Nya bahawa sebahagian dari kaum Quraysy itu akan masuk ke dalam Islam sebelum Hijrah, kemudian seluruh mereka pula akan masuk selepas pena'lukan negeri Makkah. Dari merekalah lahirnya teras-teras yang kukuh bagi 'aqidah Islam yang kekal dengan izin Allah.

Tetapi intisari risalah di Madinah adalah sama sahaja dengan intisari risalah di Makkah, iaitu memberi tabsyir dan inzar. Peperangan hanya disyari'atkan untuk menghapuskan halangan-halangan fizikal yang menyekat kebebasan berda'wah dan untuk melindungi keselamatan orang-orang yang beriman supaya tidak berlaku penindasan ke atas mereka. Oleh itu maksud ayat **"Dan Kami tidak utuskan engkau melainkan sebagai pembawa berita gembira dan pemberi amaran"** adalah menepati kedudukan risalah di Makkah dan di Madinah. Kedua-duanya sama sahaja.

قُلْ مَآ أَسْـَٔلُكُمْ عَلَيْهِ مِنْ أَجْرٍ إِلَّا مَن شَآءَ أَن يَتَّخِذَ إِلَىٰ رَبِّهِۦ سَبِيلًا ﴿٥٧﴾

"Katakanlah: Aku tidak meminta apa-apa upah dari kamu kerana da'wah ini kecuali (mengharapkan sambutan) mereka yang mahu mencari jalan kepada Tuhannya."(57)

Rasulullah Tidak Menagih Upah Khidmat Da'wah

Rasulullah s.a.w. tidak mengharapkan apa-apa upahan dan apa-apa ni'mat dari keni'matan-keni'matan dunia yang diterima dari orang-orang yang memeluk agama Islam, kerana di sana tidak ada apa-apa bayaran cukai, bayaran nazar dan bayaran korban yang dibayar oleh seseorang yang memeluk Islam. Dia hanya masuk ke dalam kelompok Islam dengan dua kalimat syahadat yang dilafazkan oleh lidahnya dan diimani oleh hatinya. Inilah keistimewaan Islam. Keistimewaan Islam ia tidak mempunyai tok sami yang menagih upah perkhidmatannya dan tidak mempunyai orang tengah yang menerima upah penat lelahnya. Di sana tidak ada "bayaran masuk" dan tidak ada bayaran kerana menerima rahsia atau menerima keberkatan atau kerana diterima mengadap. Inilah kemudahan agama Islam dan kebersihannya dari segala sesuatu yang boleh menghalang di antara hati dan iman dan dari orang-orang tengah dan tok-tok sami yang menjadi pengantara di antara hamba dengan Tuhannya. Di sana tidak ada apa-apa upahan untuk Rasulullah s.a.w. kecuali satu sahaja, iaitu penerimaan orang yang menerima agama Allah dan pendampingan dirinya kepada Allah dengan amalan yang difikir baik olehnya. **"Kecuali (mengharapkan sambutan) mereka yang mahu mencari jalan kepada**

Tuhannya" inilah sahaja upah yang diharapkan beliau, Hatinya yang suci dan mulia akan merasa redha dan senang apabila beliau dapat melihat mana-mana hamba Allah telah menerima agama Allah, mencari keredhaan-Nya dan mencari jalan menuju kepada-Nya.

Di Mana Tawakkal Harus Diletakkan

وَتَوَكَّلْ عَلَى ٱلْحَىِّ ٱلَّذِى لَا يَمُوتُ وَسَبِّحْ بِحَمْدِهِۦ
وَكَفَىٰ بِهِۦ بِذُنُوبِ عِبَادِهِۦ خَبِيرًا ﴿٥٨﴾

"Dan bertawakkallah kepada Allah yang sentiasa hidup tidak mati dan bertasbihlah dengan memuji-Nya dan cukuplah dengan Allah Yang Maha Mengetahui dosa-dosa para hamba-Nya."(58)

Segala sesuatu selain Allah adalah mati, kerana semuanya menuju kepada maut belaka dan tiada yang kekal melainkan hanya Allah Yang Maha Hidup dan tidak mati. Perbuatan bertawakkal kepada yang mati, yang satu hari kelak akan berpisah dari hidup sama ada panjang atau pendek umurnya bererti berdiri di atas asas yang roboh, atau berteduh pada bayang yang hilang. Tawakkal yang sebenar ialah tawakkal kepada Allah Yang Maha Hidup yang kekal tidak hilang **"Dan bertasbihlah dengan memuji-Nya"** tiada yang layak dipuji melainkan Allah Yang Maha Pengurnia dan Maha Pemberi. Tinggalkan sahaja persoalan orang-orang kafir yang tidak berguna diberi tabsyir dan inzar itu kepada Allah Yang Maha Hidup, yang kekal tidak mati, kerana Dialah sahaja yang mengetahui dosa-dosa mereka dan tiada suatu pun yang terlindung dari pengetahuan-Nya **"Dan cukuplah dengan Allah Yang Maha Mengetahui dosa-dosa para hamba-Nya."**

Sehubungan dengan menyebut ilmu dan qudrat Allah yang mutlaq untuk mengadakan balasan itu, Al-Qur'an menyebut pula kekuasaan Allah menciptakan langit dan bumi dan persemayaman-Nya di atas 'Arasy:

ٱلَّذِى خَلَقَ ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَٱلْأَرْضَ وَمَا بَيْنَهُمَا فِى
سِتَّةِ أَيَّامٍ ثُمَّ ٱسْتَوَىٰ عَلَى ٱلْعَرْشِ ۚ ٱلرَّحْمَٰنُ فَسْـَٔلْ بِهِۦ
خَبِيرًا ﴿٥٩﴾

"Yang telah menciptakan langit dan bumi dan kejadian di antara keduanya dalam masa enam hari, kemudian dia bersemayam di atas Arasy. Dialah Tuhan Yang Maha Penyayang, maka tanyakanlah Allah Yang Maha Mendalam ilmu pengetahuan-Nya."(59)

Hari-hari Allah

Hari-hari Allah, di mana Dia menciptakan langit dan bumi, tentulah berlainan dari hari-hari kita di bumi ini, kerana hari-hari kita adalah hasil dari peredaran keluarga matahari. Ia merupakan ukuran masa peredaran falakiyah yang wujud selepas diciptakan langit dan bumi. Ia diukur dengan kadar pusingan bumi di sekeliling dirinya di hadapan matahari. Penciptaan Allah tidak memerlukan waktu kecuali kehendak iradat-Nya yang dilambangkan dengan sepatah kata "كن" (jadilah), maka sesuatu yang hendak diciptakan terus muncul ke alam al-wujud. Mungkin masa enam hari ini - iaitu hari-hari Allah yang tiada siapa mengetahui kadarnya melainkan Allah - ialah masa di mana berlakunya tahap-tahap perkembangan dalam jarak-jarak yang berjauhan pada kejadian langit dan bumi sehingga sampai kepada bentuk yang ada sekarang ini. Maksud dari persemayaman di atas 'Arasy ialah kedudukan penguasaan dan pemerintahan dan kata-kata "kemudian" (pada ungkapan **"Kemudian dia bersemayam"** bukan dipakai dengan pengertian tertib masa, malah dipakai dengan pengertian yang menunjukkan kejauhan darjat iaitu darjat penguasaan dan pemerintahan.

Di samping penguasaan dan pemerintahan Allah Yang Maha Agung itu ialah rahmat-Nya Yang Maha Luas dan berkekalan: **"Tuhan Yang Maha Penyayang"** dan di samping rahmat-Nya yang luas itu ialah ilmu-Nya Yang Maha Mendalam, **"Maka tanyakanlah Allah Yang Maha Men-dalam ilmu pengetahuan-Nya"** tiada suatu pun baik di bumi mahu pun di langit yang tersembunyi dari ilmu-Nya.

******

(Pentafsiran ayat-ayat 60 - 62)

Walaupun demikian, namun kaum Musyrikin yang angkuh dan sombong itu terus menentang da'wah yang mengajak menyembah Allah Yang Maha Penyayang itu dengan ejekan dan sendaan:

وَإِذَا قِيلَ لَهُمُ ٱسْجُدُوا۟ لِلرَّحْمَٰنِ قَالُوا۟ وَمَا ٱلرَّحْمَٰنُ
أَنَسْجُدُ لِمَا تَأْمُرُنَا وَزَادَهُمْ نُفُورًا ۩ ﴿٦٠﴾

"Dan apabila dikatakan kepada mereka: Sujudlah kamu kepada ar-Rahman! Jawab mereka: Apakah ar-Rahman itu? Apakah wajar kami sujud kepada apa sahaja yang diperintahkan Engkau kepada kami? Dan ia menyebabkan mereka bertambah liar."(60)

Kebiadaban Kaum Musyrikin Terhadap Allah

Ini adalah satu gambaran lagak sewenang-wenang dan angkuh yang amat keji. Ia disebut di sini untuk meringankan kesan keangkuhan kaum Musyrikin ke atas Rasulullah s.a.w. Mereka tidak menghormati Allah. Mereka bercakap dengan gaya bahasa yang bongkak terhadap zat Allah Yang Maha Tinggi. Oleh itu apakah yang dihairankan jika mereka tergamak mengeluarkan kata-kata yang biadab terhadap Rasulullah? Mereka cemuhkan nama Allah Yang Maha Mulia dan mereka mendakwa bahawa mereka tidak pernah tahu nama "ar-Rahman", dan mereka bertanya tentang Allah dengan menggunakan kata-kata "apa" sahaja untuk menambahkan lagi lagak sewenang-wenang mereka **"Apakah ar-Rahman**

itu?". Kesombongan dan sendaan mereka begitu memuncak hingga mereka tergamak berkata: "Kami tidak kenal ar-Rahman kecuali orang yang tinggal di al-Yamamah", mereka maksud dengan orang itu ialah Musailamatul-Kazzab (yang mendakwa menjadi nabi).

Al-Qur'an menjawab tindak-tanduk mereka yang angkuh itu dengan memuji-muji dan mengagung-agungkan Allah S.W.T. dan mempertahankan tentang kelimpahan ni'mat pemberian dan keagungan-Nya, juga kebesaran penciptaan-Nya dan bukti-bukti kekuasaan-Nya yang terdapat pada penciptaan-penciptaan-Nya yang besar.

Di Sebalik Pertukaran Malam Dan Siang

تَبَارَكَ الَّذِي جَعَلَ فِي السَّمَاءِ بُرُوجًا وَجَعَلَ فِيهَا
سِرَاجًا وَقَمَرًا مُنِيرًا ٦١
وَهُوَ الَّذِي جَعَلَ اللَّيْلَ وَالنَّهَارَ خِلْفَةً لِمَنْ أَرَادَ
أَنْ يَذَّكَّرَ أَوْ أَرَادَ شُكُورًا ٦٢

"Maha Sucilah Allah yang telah menciptakan jalan peredaran bintang-bintang di langit dan menciptakan padanya matahari dan bulan yang terang benderang (61). Dan Dialah yang telah menciptakan malam dan siang silih berganti bagi siapa yang ingin mengambil pengajaran atau bersyukur."(62)

Kata-kata "بروج" (di dalam ayat ini) menurut pendapat yang lebih rajih ialah manzilah-manzilah planet-planet dan jalan-jalan peredarannya yang amat besar. Kebesaran Ilahi yang disebutkan di sini ditandingkan dengan penghinaan yang terkandung dalam perkataan kaum Musyrikin **"Apakah ar-Rahman itu?"** Lihatlah sebahagian kecil dari makhluk ciptaan Allah yang amat besar ini yang dapat dirasakan kebesarannya di dalam hati dan di alam kenyataan. Di jalan-jalan peredaran planet-planet inilah ditempatkan matahari, dan Al-Qur'an menamakan matahari dengan kata-kata "lampu" kerana ia mengeluarkan cahaya yang menerangi bumi dan lainnya. Dan di sana juga terdapat bulan yang terang benderang memancarkan cahayanya yang tenang dan lembut gemulai.

Al-Qur'an juga menayangkan pemandangan malam dan siang dan pertukarannya. Kedua-duanya merupakan bukti-bukti kekuasaan Allah yang berulang-ulang tetapi dilupai manusia. Kedua-duanya sudah cukup sebagai bukti **"Bagi mereka yang ingin mengambil pengajaran atau bersyukur",** andainya kedua-duanya tidak dijadikan Allah bertukar-tukar dan bersilih ganti tentulah tiada suatu yang hidup di muka bumi ini sama ada manusia, haiwan atau tumbuh-tumbuhan, malah jika panjang siang dan malam itu (yang ada sekarang ini) berubah, nescaya makhluk-makhluk yang hidup akan pupus semuanya.

Tersebut di dalam buku *"Manusia Tidak Berdiri Sendirian"*[16] atau *"Sains Membawa Kepada Keimanan"*[17]:

> "Bola bumi berputar di sekeliling dirinya sekali di dalam setiap dua puluh empat jam atau kira-kira seribu batu satu jam. Sekarang andainya matahari itu berputar seratus batu sahaja satu jam, maka ketika itu hari malam dan siang kita akan menjadi sepuluh kali lebih panjang dari yang ada sekarang dan dalam keadaan ini matahari musim panas boleh membakar semua tumbuh-tumbuhan kita pada setiap hari siang, dan pada hari malam pula semua tumbuh-tumbuhan itu akan menjadi beku."

Maha Sucilah Allah yang telah menciptakan langit dan bumi dan menciptakan segala sesuatu dengan perencanaan yang amat halus dan rapi dan Maha Sucilah Allah yang telah menciptakan jalan-jalan peredaran bintang-bintang di langit dan menciptakan padanya matahari dan bulan yang terang benderang. **"Dan Dialah yang telah menciptakan malam dan siang silih berganti bagi siapa yang ingin mengambil pengajaran atau bersyukur."**

******

(Kumpulan ayat-ayat 63 - 77)

وَعِبَادُ الرَّحْمَٰنِ الَّذِينَ يَمْشُونَ عَلَى الْأَرْضِ هَوْنًا وَإِذَا
خَاطَبَهُمُ الْجَاهِلُونَ قَالُوا سَلَامًا ٦٣
وَالَّذِينَ يَبِيتُونَ لِرَبِّهِمْ سُجَّدًا وَقِيَامًا ٦٤
وَالَّذِينَ يَقُولُونَ رَبَّنَا اصْرِفْ عَنَّا عَذَابَ جَهَنَّمَ
إِنَّ عَذَابَهَا كَانَ غَرَامًا ٦٥
إِنَّهَا سَاءَتْ مُسْتَقَرًّا وَمُقَامًا ٦٦
وَالَّذِينَ إِذَا أَنْفَقُوا لَمْ يُسْرِفُوا وَلَمْ يَقْتُرُوا وَكَانَ
بَيْنَ ذَٰلِكَ قَوَامًا ٦٧
وَالَّذِينَ لَا يَدْعُونَ مَعَ اللَّهِ إِلَٰهًا آخَرَ وَلَا يَقْتُلُونَ
النَّفْسَ الَّتِي حَرَّمَ اللَّهُ إِلَّا بِالْحَقِّ وَلَا يَزْنُونَ
وَمَنْ يَفْعَلْ ذَٰلِكَ يَلْقَ أَثَامًا ٦٨

[16] *A. Cressy Morrison, (1944), "Man Does Not Stand Alone", Fleming H. Revell Co., New York.*
[17] *Oleh Mahmud Saleh al-Falaqi.*

يُضَٰعَفۡ لَهُ ٱلۡعَذَابُ يَوۡمَ ٱلۡقِيَٰمَةِ وَيَخۡلُدۡ فِيهِۦ
مُهَانًا ٦٩
إِلَّا مَن تَابَ وَءَامَنَ وَعَمِلَ عَمَلٗا صَٰلِحٗا فَأُوْلَٰٓئِكَ
يُبَدِّلُ ٱللَّهُ سَيِّـَٔاتِهِمۡ حَسَنَٰتٖۗ وَكَانَ ٱللَّهُ
غَفُورٗا رَّحِيمٗا ٧٠
وَمَن تَابَ وَعَمِلَ صَٰلِحٗا فَإِنَّهُۥ يَتُوبُ إِلَى ٱللَّهِ
مَتَابٗا ٧١
وَٱلَّذِينَ لَا يَشۡهَدُونَ ٱلزُّورَ وَإِذَا مَرُّواْ بِٱللَّغۡوِ
مَرُّواْ كِرَامٗا ٧٢
وَٱلَّذِينَ إِذَا ذُكِّرُواْ بِـَٔايَٰتِ رَبِّهِمۡ لَمۡ يَخِرُّواْ
عَلَيۡهَا صُمّٗا وَعُمۡيَانٗا ٧٣
وَٱلَّذِينَ يَقُولُونَ رَبَّنَا هَبۡ لَنَا مِنۡ أَزۡوَٰجِنَا وَذُرِّيَّٰتِنَا
قُرَّةَ أَعۡيُنٖ وَٱجۡعَلۡنَا لِلۡمُتَّقِينَ إِمَامًا ٧٤
أُوْلَٰٓئِكَ يُجۡزَوۡنَ ٱلۡغُرۡفَةَ بِمَا صَبَرُواْ وَيُلَقَّوۡنَ
فِيهَا تَحِيَّةٗ وَسَلَٰمًا ٧٥
خَٰلِدِينَ فِيهَاۚ حَسُنَتۡ مُسۡتَقَرّٗا وَمُقَامٗا ٧٦
قُلۡ مَا يَعۡبَؤُاْ بِكُمۡ رَبِّي لَوۡلَا دُعَآؤُكُمۡۖ فَقَدۡ
كَذَّبۡتُمۡ فَسَوۡفَ يَكُونُ لِزَامَۢا ٧٧

"Dan kelompok hamba-hamba Allah Yang Rahman itu ialah orang-orang yang berjalan di bumi dengan gaya yang mudah dan apabila mereka disapa oleh orang-orang yang jahil (dengan kata-kata yang kesat) mereka menjawab dengan kata-kata yang damai(63). Dan mereka menghabiskan waktu malam mengadakan ibadat dengan sujud dan berdiri kerana Tuhan mereka(64). Dan orang-orang yang berkata: Wahai Tuhan kami! Jauhkan 'azab Neraka Jahannam dari kami kerana 'azabnya adalah suatu keseksaan yang kekal(65). Sesungguhnya Neraka Jahannam itu seburuk-buruk kediaman dan tempat tinggal(66). Dan orang-orang yang apabila berbelanja tidak memboros dan tidak pula bakhil dan perbelanjaan mereka adalah sederhana di antara keduanya(67). Dan orang-orang yang tidak menyembah di samping Allah tuhan yang lain dan tidak membunuh nyawa yang diharamkan Allah melainkan dengan sebab yang benar dan mereka tidak berzina, dan barang siapa yang melakukan perbuatan-perbuatan itu akan menerima balasan(68). Dan akan dilipat gandakan 'azab kepadanya pada hari Qiamat, di mana dia hidup kekal dengan keadaan yang hina-dina(69). Kecuali orang yang bertaubat, beriman dan mengerjakan amalan yang soleh, maka amalan kejahatan-kejahatan mereka akan ditukarkan Allah dengan kebajikan-kebajikan dan Allah Maha Pengampun dan Maha Pengasih (70). Dan barang siapa yang bertaubat dan mengerjakan amalan yang soleh, maka sesungguhnya dia bertaubat kepada Allah dengan taubat yang sebenar(71). Dan orang-orang yang tidak memberi kesaksian yang bohong dan apabila mereka menemui perkara-perkara yang sia-sia mereka lalu begitu sahaja (menjauhkan diri)(72). Dan orang-orang yang apabila diperingatkan dengan ayat-ayat Tuhan mereka, mereka tidak merebahkan diri seperti orang-orang pekak dan buta(73). Dan orang-orang yang berdo'a: Wahai Tuhan kami! Kurniakanlah kepada kami dari isteri-isteri kami dan zuriat keturunan kami sebagai cahaya mata kami dan jadikan kami pemimpin kepada orang-orang yang bertaqwa(74). Merekalah orang-orang yang dibalaskan dengan kamar Syurga kerana kesabaran mereka dan mereka akan disambut di sana dengan ucapan selamat sejahtera(75). Mereka hidup kekal di dalamnya. Itulah sebaik-baik kediaman dan tempat tinggal(76). Katakanlah (kepada orang-orang kafir): Tuhanku tidak mempedulikan kamu jika tidak kerana do'a (segolongan Mu'minin) dari kamu. Sedangkan kamu telah mendustakannya. Oleh kerana itu 'azab itu akan tetap menimpa kamu"(77).

Dalam pusingan akhir surah ini ditonjolkan kelompok **"Hamba-hamba Allah Yang Rahman"** dengan sifat-sifat dan perwatakan-perwatakan mereka yang istimewa seolah-olah mereka merupakan satu kelompok intisari manusia di akhir perjuangan yang panjang di antara hidayat dan kesesatan, di antara manusia-manusia kafir dan penentang dengan para rasul yang membawa hidayat kepada umat manusia, dan seolah-olah mereka merupakan buah-buah yang dipetik dari perjuangan yang sukar dan panjang itu, juga merupakan hiburan kepada pejuang-pejuang hidayat setelah sekian banyak mengalami kesusahan akibat keingkaran, kedegilan dan penolakan (orang-orang kafir).

Di dalam pelajaran yang silam telah diterangkan bagaimana kaum Musyrikin berpura-pura tidak kenal nama "ar-Rahman" dan di sini pula ditonjolkan kelompok **"Hamba-hamba Allah Yang Rahman"** yang kenal nama Allah ar-Rahman dan wajar dihubungkan kepada-Nya sebagai hamba-Nya. Inilah kelompok hamba-hamba Allah Yang Rahman dengan sifat-sifat dan ciri-ciri jiwa mereka yang istimewa, dengan tingkahlaku dan cara hidup mereka yang luhur. Mereka adalah contoh-contoh hidup yang sebenar bagi kelompok manusia yang dikehendaki Islam dan contoh-contoh jiwa yang mahu dibentuk oleh sistem pendidikan Islam yang benar. Merekalah kelompok yang wajar menerima layanan dan perhatian Allah di bumi. Seluruh manusia adalah terlalu rendah di sisi Allah untuk diberi layanan dan perhatian andainya tidak ada kelompok hamba-hamba kesayangan-Nya yang sentiasa bertawajjuh kepada-Nya dengan merayu dan berdo'a.

******

(Pentafsiran ayat 63)

وَعِبَادُ ٱلرَّحۡمَٰنِ ٱلَّذِينَ يَمۡشُونَ عَلَى ٱلۡأَرۡضِ هَوۡنٗا وَإِذَا خَاطَبَهُمُ ٱلۡجَٰهِلُونَ قَالُواْ سَلَٰمٗا ﴿٦٣﴾

"Dan kelompok hamba-hamba Allah Yang Rahman itu ialah orang-orang yang berjalan di bumi dengan gaya yang mudah dan apabila mereka disapa oleh orang-orang yang jahil (dengan kata-kata yang kesat) mereka menjawab dengan kata-kata yang damai."(63)

Ciri-ciri Para Hamba Allah Yang Rahman

Inilah sifat pertama dari sifat-sifat hamba-hamba Allah Yang Rahman, iaitu mereka berjalan di bumi dengan gaya berjalan yang senang dan mudah, tidak ada lagak pura-pura dan buat-buatan, tidak ada lagak angkuh dan sombong, tidak ada lagak lucah dan rendah akhlak. Seperti gerak geri-gerak geri yang lain, gaya berjalan juga membayangkan syakhsiyah seseorang dan mencerminkan perasaan-perasaan yang tersembunyi di dalam jiwanya. Jiwa yang normal, tenang, serius dan bermatlamat mencerminkan sifat-sifatnya pada gaya berjalan tuannya. Dia kelihatan berjalan dengan gaya yang normal, yakin, serius, bermatlamat, sopan, tenang, gagah dan sungguh-sungguh. Bukanlah maksud ayat "يمشون على الأرض هونا" (berjalan di bumi dengan gaya yang mudah) ialah mereka berjalan dengan gaya yang lembik, dengan menekurkan kepala dan dengan gerak tubuh badan yang lemah tidak bermaya sebagaimana difahamkan oleh setengah-setengah orang yang mahu menunjukkan sifat-sifat taqwa dan kesolehan. Lihatlah cara berjalan Rasulullah s.a.w. sendiri. Apabila berjalan, beliau menghayunkan langkah-langkah yang panjang dan segak. Beliau adalah orang yang paling cepat berjalan, paling cantik dan tenang. Ujar Abu Hurayrah: "Aku tidak pernah melihat sesuatu yang lebih cantik dari Rasulullah s.a.w., seolah-olah matahari berlari di atas wajahnya, dan aku tidak pernah melihat seseorang yang lebih cepat berjalan dari Rasulullah s.a.w. seolah-olah bumi dilipatkan untuknya, kami memenatkan diri kami (berjalan mengikut jejak beliau) namun beliau terus berjalan tanpa menghiraukan kami". Ujar Ali ibn Abu Talib r.a. pula: "Adalah Rasulullah s.a.w. apabila beliau berjalan, beliau menghayunkan langkah-langkah yang panjang dan segak seolah-olah beliau menuruni tanah rendah". Pada kali yang lain Ali berkata: "Apabila berjalan beliau mengangkatkan badannya seolah-olah orang yang menuruni tanah yang rendah." Itulah gaya berjalan orang-orang yang mempunyai hemah yang tinggi dan berani.[18]

Dengan kesungguhan, kesenangan, ketenangan dan tumpuan perhatian kepada persoalan-persoalan besar yang memenuhi jiwa, mereka tidak menghiraukan ketololan-ketololan yang ditunjukkan oleh orang-orang yang bodoh dan dungu. Mereka tidak membabitkan hati, waktu dan daya usaha mereka dengan mencetuskan perkelahian-perkelahian dan perdebatan-perdebatan dengan orang-orang yang dungu dan bodoh. Mereka enggan bertikam lidah dengan orang-orang yang mengajak bertikam lidah tanpa tujuan: **"Dan apabila mereka disapa oleh orang-orang yang jahil (dengan kata-kata yang kesat) mereka menjawab dengan kata-kata yang damai".** Mereka berbuat begitu bukan kerana lemah, tetapi kerana jijik dan segan, juga kerana memelihara waktu dan tenaga dari terbuang sia-sia di dalam tindak-tanduk yang tidak layak dengan seorang lelaki yang mulia, yang sibuk dengan tugas-tugas yang lebih penting, lebih mulia dan lebih luhur.

******

(Pentafsiran ayat-ayat 63 - 66)

Kegiatan Mereka Di Waktu Malam

Inilah cara hidup mereka di siang hari bersama manusia, sedangkan kegiatan hidup mereka di waktu malam pula ialah kegiatan taqwa dan bermuraqabah dengan Allah, menginsafi kebesaran-Nya dan takut kepada 'azab-Nya.

وَعِبَادُ ٱلرَّحۡمَٰنِ ٱلَّذِينَ يَمۡشُونَ عَلَى ٱلۡأَرۡضِ هَوۡنٗا وَإِذَا خَاطَبَهُمُ ٱلۡجَٰهِلُونَ قَالُواْ سَلَٰمٗا ﴿٦٣﴾
وَٱلَّذِينَ يَبِيتُونَ لِرَبِّهِمۡ سُجَّدٗا وَقِيَٰمٗا ﴿٦٤﴾
وَٱلَّذِينَ يَقُولُونَ رَبَّنَا ٱصۡرِفۡ عَنَّا عَذَابَ جَهَنَّمَۖ إِنَّ عَذَابَهَا كَانَ غَرَامًا ﴿٦٥﴾
إِنَّهَا سَآءَتۡ مُسۡتَقَرّٗا وَمُقَامٗا ﴿٦٦﴾

"Dan kelompok hamba-hamba Allah Yang Rahman itu ialah orang-orang yang berjalan di bumi dengan gaya yang mudah dan apabila mereka disapa oleh orang-orang yang jahil (dengan kata-kata yang kesat) mereka menjawab dengan kata-kata yang damai(63). Dan mereka menghabiskan waktu malam mengerjakan ibadat dengan sujud dan berdiri kerana Tuhan mereka(64). Dan orang-orang yang berkata: Wahai Tuhan kami! Jauhkan 'azab Neraka Jahannam dari kami kerana 'azabnya adalah suatu keseksaan yang kekal(65). Sesungguhnya Neraka Jahannam itu seburuk-buruk kediaman dan tempat tinggal."(66)

Ayat ini menonjolkan gerak sujud dan berdiri bagi ibadat solat untuk menggambarkan kegiatan kelompok **"Hamba-Hamba Allah Yang Rahman"** di waktu malam ketika manusia sedang tidur nyenyak.

---

[18] *Dari kitab "زاد المعاد في هدي خير العباد" karangan Syamsuddin Abu Abdullah Muhammad ibn Qasim al-Juziyah.*

Merekalah golongan yang banyak mengerjakan ibadat solat kerana Tuhan mereka di waktu malam. Mereka bertawajjuh, berdiri dan sujud kepada Allah Yang Tunggal sahaja. Mereka mengabaikan tidur yang rehat dan nyaman kerana mengerjakan ibadat yang lebih mendatangkan kerehatan dan keni'matan kepada jiwa mereka. Mereka sibuk bertawajjuh dan menghubungkan jiwa raga dengan Allah. Ketika manusia tidur nyenyak, mereka asyik berdiri dan sujud (mengerjakan solat). Ketika minat manusia menghala ke bumi, minat mereka menjulang ke 'Arasy Allah Yang Maha Penyayang, Maha Besar dan Mulia.

Perasaan Mereka Terhadap Neraka

Dalam sujud bangun mereka dan ketika minat dan harapan mereka menjulang tinggi kepada Allah, hati mereka dipenuhi rasa taqwa dan rasa takut kepada 'azab Neraka Jahannam dan mereka berdo'a: **"Wahai Tuhan kami! Jauhkan 'azab Neraka Jahannam dari kami kerana 'azabnya adalah suatu keseksaan yang kekal. Sesungguhnya Neraka Jahannam itu seburuk-buruk kediaman dan tempat tinggal"**, sedangkan mereka belum lagi melihat Neraka Jahannam, tetapi mereka tetap percaya kepada kewujudannya dan dapat membayangkan rupa bentuknya dari keterangan-keterangan yang sampai kepada mereka di dalam Al-Qur'an dan menerusi lidah Rasulullah s.a.w. Perasaan takut mereka yang luhur itu merupakan hasil dari keimanan yang mendalam dan buah dari tasdiq yang kukuh.

Mereka bertawajjuh kepada Tuhan mereka dengan penuh rendah diri dan khusyu' supaya Allah menjauhkan 'azab Neraka Jahannam dari mereka. Mereka tidak merasa aman dengan kegiatan mereka mengerjakan ibadat solat di waktu malam. Kerana hati mereka dipenuhi rasa taqwa, mereka memandang kecil dan sedikit kepada amalan-amalan ibadat mereka. Mereka tidak menganggapkannya sebagai suatu jaminan keamanan dari 'azab api Neraka andainya mereka tidak diselamatkan limpah kurnia Allah, keampunan dan kemaafan-Nya dan rahmat-Nya yang menjauhkan mereka dari 'azab Neraka Jahannam itu.

Ungkapan ayat ini membayangkan seolah-olah Neraka Jahannam itu mengganggu dan menunggu setiap manusia. Ia membuka mulutnya untuk menelan siapa sahaja dan menghulurkan tangannya untuk menangkap yang dekat dan yang jauh. Dan kelompok hamba-hamba Allah Yang Rahman itu sentiasa merasa ngeri dan takut kepada 'azab Neraka Jahannam itu dan mereka memohon kepada Allah supaya menjauhkan 'azab Neraka dari mereka dan menyelamatkan mereka dari gangguan dan tangkapannya.

Kata-kata mereka menggigil semasa memohon kepada Allah kerana takut dan cemas **"Kerana 'azab-Nya adalah suatu keseksaan yang kekal"** yakni tetap tidak terpisah dan bercerai tanggal dengan seseorang. Inilah yang menjadikan 'azab Neraka Jahannam itu begitu ngeri dan menakutkan **"Sesungguhnya Neraka Jahannam itu seburuk-buruk kediaman dan tempat tinggal"**, adakah lagi tempat kediaman yang lebih buruk dari Neraka di mana manusia tinggat kekal di dalamnya? Di manakah erti tempat kediaman, sedangkan Neraka itu api? Di manakah erti tempat tinggal sedangkan dia menggelupur di atas pucuk api siang dan malam?

******

(Pentafsiran ayat 67)

Cara Hidup Mereka

Cara hidup mereka merupakan contoh hidup sederhana dan imbang:

وَالَّذِينَ إِذَا أَنفَقُوا لَمْ يُسْرِفُوا وَلَمْ يَقْتُرُوا وَكَانَ بَيْنَ ذَٰلِكَ قَوَامًا ﴿٦٧﴾

"Dan orang-orang yang apabila berbelanja tidak memboros dan tidak pula bakhil dan perbelanjaan mereka adalah sederhana di antara keduanya."(67)

Inilah ciri hidup Islam yang mahu diterapkan di dalam kehidupan individu-individu dan kelompok-kelompok manusia. Inilah ciri hidup yang menjadi matlamat pendidikan dan perundangan Islam. Keseimbangan dan kesederhanaan itulah yang menjadi asas segala pembangunan dalam Islam.

Seorang Islam - walaupun Islam mengiktirafkan hak milik peribadi yang terbatas - adalah tidak bebas membelanjakan harta kekayaan peribadinya sesuka hatinya seperti di dalam sistem kapitalisme dan seperti umat-umat yang tidak diperintah seluruh bidang hidup mereka dengan undang-undang Ilahi, malah dia terikat dengan dasar sederhana di antara sifat boros dan kikir, kerana sifat boros itu merosakkan jiwa, harta dan masyarakat. Begitu juga sifat kikir, kerana ia menahankan harta dari dimanfa'ati oleh pemiliknya dan masyarakat di sekelilingnya, sedangkan harta merupakan alat sosial untuk melaksanakan khidmat-khidmat sosial. Sifat boros dan sifat kikir menimbulkan keadaan yang kacau di dalam masyarakat dan di dalam bidang ekonomi. Penahanan harta boleh menimbulkan krisis, begitu juga pemborosan harta tanpa hisab. Di samping itu pemborosan juga merosakkan hati dan akhlak.

Dalam mengaturkan peraturan hidup sederhana itu, Islam mulakan dengan hidup individu-individu di mana ia jadikan kesederhanaan itu salah satu ciri dari ciri-ciri keimanan: **"Perbelanjaan mereka adalah sederhana di antara keduanya."**

******

(Pentafsiran ayat-ayat 68 - 71)

Mereka Menjauhi Jenayah Syirik, Zina Dan Membunuh

Satu lagi sifat kelompok hamba-hamba Allah Yang Rahman ialah mereka tidak mempersekutui Allah, menahankan diri dari membunuh orang dan dari

berzina. Itulah dosa-dosa besar yang mewajarkan 'azab yang amat pedih:

وَٱلَّذِينَ لَا يَدۡعُونَ مَعَ ٱللَّهِ إِلَٰهًا ءَاخَرَ وَلَا يَقۡتُلُونَ
ٱلنَّفۡسَ ٱلَّتِي حَرَّمَ ٱللَّهُ إِلَّا بِٱلۡحَقِّ وَلَا يَزۡنُونَۚ
وَمَن يَفۡعَلۡ ذَٰلِكَ يَلۡقَ أَثَامٗا ٦٨
يُضَٰعَفۡ لَهُ ٱلۡعَذَابُ يَوۡمَ ٱلۡقِيَٰمَةِ وَيَخۡلُدۡ فِيهِۦ
مُهَانًا ٦٩
إِلَّا مَن تَابَ وَءَامَنَ وَعَمِلَ عَمَلٗا صَٰلِحٗا فَأُوْلَٰٓئِكَ
يُبَدِّلُ ٱللَّهُ سَيِّـَٔاتِهِمۡ حَسَنَٰتٖۗ وَكَانَ ٱللَّهُ
غَفُورٗا رَّحِيمٗا ٧٠
وَمَن تَابَ وَعَمِلَ صَٰلِحٗا فَإِنَّهُۥ يَتُوبُ إِلَى ٱللَّهِ
مَتَابٗا ٧١

"Dan orang-orang yang tidak menyembah di samping Allah tuhan yang lain dan tidak membunuh nyawa yang diharamkan Allah melainkan dengan sebab yang benar dan mereka tidak berzina, dan barang siapa yang melakukan perbuatan-perbuatan itu akan menerima balasan(68). Dan akan dilipatgandakan 'azab, kepadanya pada hari Qiamat, di mana dia hidup kekal dengan keadaan yang hina-dina (69). Kecuali orang yang bertaubat, beriman dan mengerjakan amalan yang soleh, maka amalan kejahatan-kejahatan mereka akan ditukarkan Allah dengan kebajikan-kebajikan dan Allah Maha Pengampun dan Maha Pengasih(70). Dan barang siapa yang bertaubat dan mengerjakan amalan yang soleh, maka sesungguhnya dia bertaubat kepada Allah dengan taubat yang sebenar."(71)

Mentauhidkan Allah merupakan asas 'aqidah Islam, di samping merupakan persimpangan jalan di antara kejelasan, kelurusan dan kemudahan 'aqidah Islam dengan kekaburan, kebengkokan dan kerumitan 'aqidah karut yang tidak ditegakkan di atas satu sistem hidup yang baik.

Penahanan diri dari jenayah membunuh orang - kecuali dengan sebab yang benar merupakan persimpangan jalan di antara kehidupan bermasyarakat yang aman tenteram, yang menghormati dan menghargai nilai-nilai insaniyah dengan kehidupan hutan rimba dan gua, di mana seseorang tidak dapat menjamin keselamatan dirinya dan tidak dapat membuat dan membangunkan sesuatu dengan tenang dan tenteram.

Penahanan diri dari jenayah zina merupakan persimpangan jalan di antara kehidupan yang bersih, di mana manusia merasa tarafnya lebih tinggi dari nafsu keberahian haiwan yang kasar dan merasa bahawa perhubungan kelaminnya dengan jantina yang lain itu mempunyai matlamat yang lebih tinggi dari matlamat semata-mata memuaskan nafsu berahi daging dan darah, dengan kehidupan yang rendah dan kasar, di mana lelaki dan perempuan tidak mempunyai cita-cita yang lain dari memuaskan keinginan hawa nafsu yang bergejolak.

Oleh sebab ketiga-tiga ciri ini merupakan persimpangan jalan di antara corak hidup yang layak dengan makhluk insan yang mulia dengan corak hidup yang murah, kasar dan menuruni taraf haiwan, maka ciri-ciri itu disebut Allah di dalam kumpulan ciri-ciri kelompok hamba-hamba kesayangan Allah Yang Rahman, iaitu kelompok makhluk yang paling tinggi dan paling mulia di sisi Allah. Dan setelah menyatakan ciri-ciri itu Dia iringi pula dengan satu kenyataan yang memberi amaran yang keras **"Barang siapa yang melakukan perbuatan-perbuatan itu akan menerima balasan"** yakni balasan 'azab. Kemudian balasan 'azab itu ditafsirkan pula dengan satu penerangan selepasnya **"Dan akan dilipatgandakan 'azab kepadanya pada hari Qiamat, di mana dia akan hidup kekal di dalamnya dengan keadaan yang hina-dina"** yakni dia bukan sahaja menerima 'azab keseksaan Neraka yang berganda-ganda, malah akan menerima 'azab kehinaan yang lebih dahsyat dan lebih menyeksakan.

Kemudian Allah membuka pintu taubat kepada mereka yang mahu menyelamatkan diri dari nasib kesudahan yang buruk ini dengan kembali bertaubat, beriman dengan betul dan mengerjakan, amalan yang soleh:

إِلَّا مَن تَابَ وَءَامَنَ وَعَمِلَ عَمَلٗا صَٰلِحٗا فَأُوْلَٰٓئِكَ
يُبَدِّلُ ٱللَّهُ سَيِّـَٔاتِهِمۡ حَسَنَٰتٖۗ وَكَانَ ٱللَّهُ
غَفُورٗا رَّحِيمٗا ٧٠

"Kecuali orang yang bertaubat, beriman dan mengerjakan amalan yang soleh, maka amalan kejahatan-kejahatan mereka akan ditukarkan Allah dengan kebajikan-kebajikan dan Allah Maha Pengampun dan Maha Pengasih.."(70)

Allah menjanjikan orang-orang yang bertaubat, beriman dan beramal bahawa dia akan menukarkan amalan-amalan mereka yang jahat sebelum taubat itu dengan kebajikan-kebajikan selepas bertaubat serta ditambahkan pula dengan kebajikan-kebajikan mereka yang baru, maka amalan **"Kejahatan-kejahatan mereka akan ditukarkan Allah dengan kebajikan-kebajikan".** Itulah limpah kurnia Allah yang diberi bukan kerana membalas sesuatu amalan hamba-Nya, malah diberi semata-mata kerana dia mengikut jalan yang betul, bertaubat dari kesesatan dan pulang ke pangkuan naungan Allah setelah menyeleweng dan sesat **"Dan Allah Maha Pengampun dan Maha Pengasih."**

Pintu Taubat Terbuka Luas

Pintu taubat itu sentiasa terbuka. Ia boleh dimasuki oleh siapa sahaja yang sedar hati nuraninya dan ingin kembali ke pangkal jalan. Pintu itu tidak pernah disekat dan tidak pernah ditutup kepada siapa sahaja yang datang walaupun sebanyak mana dosa yang dilakukan olehnya.

Menurut riwayat at-Tabrani dari hadith Abul-Mughirah dari Safwan ibn Umar dari Abdul Rahman ibn Jubayr dari Abu Farwah katanya: Dia datang menemui Nabi s.a.w. lalu bertanya: "Adakah seorang lelaki yang telah mengerjakan segala macam dosa tanpa meninggalkan suatu apapun itu boleh bertaubat?" Lalu beliau bertanya: "Adakah engkau telah memeluk Islam". Jawabnya: "Ya". Beliau pun bersabda: "Buatlah amalan-amalan kebajikan dan tinggalkan amalan-amalan yang jahat nescaya Allah akan menjadikan semua

amalan itu kebajikan-kebajikan belaka kepada engkau". Ia menyampuk: "Adakah termasuk, semua perbuatan-perbuatan khianat dan jahat saya?" Jawab beliau: "Ya". Lalu ia pun terus bertakbir hingga ia menghilangkan diri.

Al-Qur'an meletakkan peraturan taubat dan syaratnya:

Peraturan Taubat Dan Syaratnya

وَمَن تَابَ وَعَمِلَ صَٰلِحًا فَإِنَّهُۥ يَتُوبُ إِلَى ٱللَّهِ
مَتَابًا ﴿٧١﴾

"Dan barang siapa yang bertaubat dan mengerjakan amalan yang soleh, maka sesungguhnya dia bertaubat kepada Allah dengan taubat yang sebenar."(71)

Taubat itu dimulakan dengan penyesalan dan meninggalkan maksiat dan diakhiri dengan amalan yang soleh yang membuktikan bahawa taubatnya itu benar dan sungguh-sungguh, dan dalam waktu yang sama juga amalan yang soleh itu merupakan ganti yang positif di dalam jiwa, iaitu ganti tinggal maksiat, kerana maksiat itu amalan dan harakat yang pasti dipenuhi tempat kosongnya dengan amalan dan harakat yang bertentangan dengannya, jika tidak jiwa seseorang itu akan rindu kembali kepada maksiat kerana kesan kekosongan jiwa yang dirasakannya selepas meninggalkan maksiat. Ini adalah satu anjuran yang menarik di dalam sistem pendidikan Al-Qur'an yang dilandaskan di atas pengalaman dan pengetahuan yang mendalam tentang tabi'at jiwa manusia. Siapakah yang lebih arif dari Allah tentang makhluk manusia yang telah diciptakan-Nya? Maha Sucilah Allah S.W.T.

******

(Pentafsiran ayat 72)

Mereka Menjauhi Perkara-perkara Yang Sia-sia Dan Remeh-temeh

Selepas penerangan selingan ini, Al-Qur'an kembali menghuraikan sifat-sifat kelompok hamba-hamba Allah Yang Rahman.

وَٱلَّذِينَ لَا يَشْهَدُونَ ٱلزُّورَ وَإِذَا مَرُّوا۟ بِٱللَّغْوِ
مَرُّوا۟ كِرَامًا ﴿٧٢﴾

"Dan orang-orang yang tidak memberi kesaksian yang bohong dan apabila mereka menemui perkara-perkara yang sia-sia mereka lalu begitu sahaja (menjauhkan diri)."(72)

Ungkapan **"Tidak memberi kesaksian yang bohong"** itu mungkin dimaksudkan dengan pengertiannya yang zahir dan dekat iaitu mereka tidak memberi kesaksian yang dusta kerana perbuatan itu merugikan hak-hak orang lain dan menolong kezaliman, dan mungkin pula dimaksudkan dengan pengertian menjauhkan diri dari berada di majlis atau di bidang-bidang di mana berlakunya pembohongan dan pemalsuan dengan segala jenisnya sebagai memperlihatkan perasaan jijik mereka dari menghadhiri majlis-majlis dan melibatkan diri dalam bidang-bidang seperti itu. Pengertian ini lebih berkesan dan mendalam. Mereka juga memelihara diri mereka dan perhatian-perhatian mereka dari perkara-perkara yang sia-sia dan karut **"Apabila mereka menemui perkara-perkara yang sia-sia mereka lalu dengan menjauhkan diri"** yakni mereka tidak membabitkan diri mereka dengan perkara itu dan tidak mengotorkan jiwa mereka dengan mendengarnya, mereka sentiasa menghormati diri mereka dari terlibat, melihat dan apatah lagi turut serta di dalam perkara yang sia-sia itu. Seorang Mu'min mempunyai tugas-tugas penuh yang tidak membolehkannya memberi perhatian kepada perkara-perkara yang sia-sia. Dia tidak mempunyai waktu lapang dan kosong untuk melayani perkara-perkara yang sia-sia, dia sentiasa sibuk dengan urusan 'aqidah, da'wah dan tugas-tugas agamanya mengenai dirinya dan kehidupan seluruhnya.

******

(Pentafsiran ayat 73)

Mereka Menyambut Ayat-ayat Allah Dengan Penuh Keinsafan Dan Perhatian

Di antara sifat mereka lagi ialah mereka cepat insaf apabila diberi peringatan dan cepat mengambil pengajaran apabila diberi nasihat. Hati mereka sentiasa terbuka kepada ayat-ayat Allah dan mereka menyambutnya dengan penuh pengertian dan keinsafan:

وَٱلَّذِينَ إِذَا ذُكِّرُوا۟ بِـَٔايَٰتِ رَبِّهِمْ لَمْ يَخِرُّوا۟
عَلَيْهَا صُمًّا وَعُمْيَانًا ﴿٧٣﴾

"Dan orang-orang yang apabila diperingatkan dengan ayat-ayat Tuhan mereka, mereka tidak merebahkan diri seperti orang-orang pekak dan buta."(73)

Ayat ini menyindir perbuatan kaum Musyrikin yang memperhambakan diri kepada berhala-berhala dan kepercayaan-kepercayaan mereka yang karut marut dengan membuta tuli, tanpa mendengar dan melihat dan tanpa bercita-cita mendapat hidayat dan nur. Harakat merebahkan diri menyembamkan muka dengan membuta tuli tanpa berfikir itu adalah harakat yang menggambarkan kelalaian, kebutaan mata hati dan fanatik yang membabi buta tetapi kelompok para hamba kesayangan Allah Yang Rahman memahami kebenaran 'aqidah mereka dengan kefahaman yang penuh kesedaran dan pengertian. Mereka percayakan kebenaran ayat-ayat Allah dengan keimanan yang penuh kesedaran dan pengertian bukannya dengan fanatik yang membuta tuli, bukannya dengan merebahkan diri menyembamkan muka. Apabila mereka menunjukkan keghairahan mereka terhadap 'aqidah mereka, maka keghairahan itu adalah keghairahan orang yang arif, yang faham dan mengerti.

******

(Pentafsiran ayat 74)

Mereka Mengharapkan Pasangan-pasangan Hidup Dan Zuriat Keturunan Mereka Mengikut Jejak Keimanan

Pada akhirnya kelompok para hamba Allah Yang Rahman itu tidak cukup dengan hanya mengerjakan ibadat solat di waktu malam dan mengamalkan sifat-sifat yang luhur itu sahaja, malah mereka mengharapkan pula agar zuriat keturunan mereka mengikut jejak mereka dan agar mendapat pasangan-pasangan hidup yang sehaluan dan sejalan dengan mereka supaya mata dan hati mereka merasa senang dan tenang dan supaya bilangan kelompok hamba-hamba Allah Yang Rahman itu berganda-ganda banyak, dan seterusnya mengharapkan supaya Allah jadikan golongan mereka contoh teladan yang baik kepada orang-orang yang bertaqwa dan takut kepada Allah:

وَٱلَّذِينَ يَقُولُونَ رَبَّنَا هَبْ لَنَا مِنْ أَزْوَٰجِنَا وَذُرِّيَّٰتِنَا قُرَّةَ أَعْيُنٖ وَٱجْعَلْنَا لِلْمُتَّقِينَ إِمَامًا ﴿٧٤﴾

"Dan orang-orang yang berdo'a: Wahai Tuhan kami! Kurniakanlah kepada kami dari isteri-isteri kami dan zuriat keturunan kami sebagai cahaya mata kami dan jadikan kami pemimpin kepada orang-orang yang bertaqwa."(74)

Itulah perasaan keimanan semulajadi yang mendalam, iaitu perasaan ingin supaya bilangan orang-orang yang berjalan kepada Allah sentiasa bertambah ramai terutama zuriat dan pasangan-pasangan hidup mereka, kerana golongan ini merupakan golongan di bawah tanggungjawab mereka yang paling dekat dan merupakan golongan amanah yang akan disoal kemudian hari, juga perasaan ingin agar seseorang Mu'min itu merasa bahawa dia adalah contoh teladan yang baik yang dapat diikuti oleh orang-orang yang cintakan Allah. Ini bukannya sikap mementingkan diri dan bukan pula berlagak angkuh kerana seluruh angkatan mereka berada di jalan menuju kepada Allah belaka.

******

(Pentafsiran ayat 75)

Balasan Yang Disediakan Allah Untuk Mereka

Balasan yang diperuntukkan kepada kelompok hamba-hamba kesayangan Allah Yang Rahman itu dijadikan penamat huraian ini:

أُوْلَٰٓئِكَ يُجْزَوْنَ ٱلْغُرْفَةَ بِمَا صَبَرُواْ وَيُلَقَّوْنَ فِيهَا تَحِيَّةٗ وَسَلَٰمًا ﴿٧٥﴾

"Merekalah orang-orang yang dibalaskan dengan kamar Syurga kerana kesabaran mereka dan mereka akan disambut di sana dengan ucapan selamat sejahtera."(75)

Kata-kata "الغرفة" (kamar) mungkin dimaksudkan dengan "Syurga" atau sebuah bilik istimewa di dalam Syurga. Mengikut kebiasaan rumah-rumah kediaman manusia di dunia ini "bilik" itu lebih mulia dari ruang muka tempat menyambut para tetamu. Kelompok para hamba Allah Yang Rahman yang telah diterangkan sifat-sifat mereka itu kelak akan disambut dan diraikan di dalam bilik istimewa Syurga dengan ucapan selamat sejahtera sebagai balasan di atas kesabaran mereka mengamalkan sifat-sifat yang mulia itu. Pengungkapan ayat ini mengandungi erti yang mendalam, iaitu sifat-sifat yang mengandungi tekad dan azam yang kuat ini memerlukan kepada kesabaran melawan gangguan-gangguan nafsu keinginan, godaan kehidupan dan dorongan-dorongan ke arah keruntuhan akhlak. Sifat yang jujur dan lurus merupakan satu daya usaha yang berat yang tidak mungkin dilaksanakan melainkan dengan hati yang sabar, iaitu sifat yang disanjung tinggi oleh Allah di dalam Surah al-Furqan ini.

Sebagai tandingan Neraka Jahannam yang dipohonkan mereka supaya Allah jauhkannya dari mereka kerana ia merupakan kediaman dan tempat tinggal yang paling buruk, maka Allah balaskan mereka dengan Syurga, di mana mereka hidup **"Kekal abadi di dalamnya. Itulah sebaik-baik kediaman dan tempat tinggal."** Tiada yang dapat mengeluarkan mereka darinya kecuali dikehendaki Allah. Di sana mereka tinggal dalam keadaan yang sebaik-baiknya dan setenang-tenangnya.

******

(Pentafsiran ayat 77)

Kedudukan Manusia Pada Pandangan Allah

Setelah menggambarkan sifat-sifat para hamba Allah Yang Rahman, iaitu kelompok manusia pilihan,

maka surah ini diakhiri dengan sebuah kenyataan yang menerangkan betapa rendah dan hinanya martabat manusia ini di sisi Allah jika tidak kerana adanya kelompok para hamba Allah yang sentiasa meletakkan harapan dan cita-cita mereka kepada Allah, juga menerangkan bahawa para pendusta itu tetap akan menerima 'azab yang kekal.

قُلْ مَا يَعْبَؤُا۟ بِكُمْ رَبِّى لَوْلَا دُعَآؤُكُمْ ۖ فَقَدْ كَذَّبْتُمْ فَسَوْفَ يَكُونُ لِزَامًۢا ﴿٧٧﴾

"Katakanlah (kepada orang-orang kafir): Tuhanku tidak memperdulikan kamu jika tidak kerana do'a (segolongan Mu'minin) dari kamu. Sedangkan kamu telah mendustakannya. Oleh kerana itu 'azab itu akan tetap menimpa kamu."(77)

Ini satu pengakhiran yang sesuai dengan semua maudhu' pembicaraan surah ini. Ia dibawa untuk menghiburkan Rasulullah s.a.w. yang menghadapi kedegilan, keingkaran dan kesombongan kaumnya, sedangkan mereka mengetahui kedudukan beliau yang sebenar, tetapi mereka sengaja mengambil sikap yang degil untuk mengekal dan menegakkan kebatilan mereka. Siapakah gerangan kaumnya, siapakah gerangan seluruh umat manusia ini andainya tidak ada golongan kaum Mu'min yang berdo'a dan merayu kepada Allah sebagaimana do'a dan rayuan yang dilakukan oleh kelompok para hamba Allah Yang Rahman?

Siapakah gerangan mereka ini, sedangkan bumi yang mengumpulkan seluruh umat manusia ini hanya merupakan sebiji debu yang kecil sahaja di angkasa raya dan seluruh umat manusia hanya merupakan sejenis makhluk dari makhluk-makhluk hidup yang amat banyak di muka bumi ini, dan satu umat itu hanya merupakan satu umat dari berbagai-bagai umat manusia di bumi ini dan satu generasi umat manusia hanya merupakan sehelai kertas sahaja dari sebuah kitab yang amat besar, yang tidak diketahui bilangan helainya melainkan Allah?

Namun demikian manusia terus bersikap angkuh dan sombong dan menganggapkan diri mereka begitu besar. Mereka terus membongkak dan terus membongkak hingga mereka sanggup bersikap bongkak terhadap Allah S.W.T. yang telah menciptakan mereka, sedangkan martabat mereka terlalu rendah, hina, daif, lemah dan kurang segala-galanya kecuali apabila mereka berhubung dengan Allah dan mengambil kekuatan dan hidayat dari-Nya. Di waktu inilah sahaja manusia dianggap mempunyai suatu nilai di dalam pertimbangan neraca Allah dan kadang-kadang nilai itu melebihi nilai para malaikat Allah Yang Rahman mengikut pertimbangan neraca Allah. Itulah limpah kurnia Allah yang telah memuliakan makhluk manusia dan memerintah para malaikat sujud kepadanya supaya mereka mengenal Allah dan berhubung dengan-Nya serta beribadat kepada-Nya. Hanya dengan amalan ini sahaja mereka dapat mengekalkan sifat-sifat yang menjadikan para malaikat itu wajar sujud kepada mereka. Jika tidak martabat mereka tidak lebih dari barang buangan yang tidak berharga dan andainya seluruh mereka diletakkan di dalam daun neraca, maka daun neraca itu tidak akan terangkat dengan berat mereka.

"Katakanlah kepada orang-orang kafir: Tuhanku tidak memperdulikan kamu jika tidak kerana do'a segolongan Mu'minin dari kamu." Ayat ini mengukuh dan menguatkan kedudukan Rasulullah s.a.w. **"Katakanlah: Tuhanku tidak mempedulikan kamu"** dan aku sentiasa berada dalam perlindungan-Nya. Dia itu Tuhanku dan aku hamba-Nya. Apakah nilai kamu tanpa beriman kepada-Nya dan tanpa menggabungkan diri dalam kumpulan para hamba kesayangan-Nya? Kamu hanya batu-batu bahan bakar Neraka Jahannam sahaja kerana kamu **"Telah mendustakan-Nya. Oleh kerana itu 'azab itu akan tetap menimpa kamu"**.

******

JUZU' KE-19

SURAH ASY-SYU'ARA'

SURAH KE

26

سُورَةُ الشُّعَرَاءِ

SURAH ASY-SYU'ARA'

Surah Para Penyair

(Makkiyah)

JUMLAH AYAT

227

بِسۡمِ ٱللَّهِ ٱلرَّحۡمَٰنِ ٱلرَّحِيمِ

Dengan nama Allah
Yang Maha Penyayang dan Maha Pengasih

(Kumpulan ayat-ayat 1 - 9)

طسٓمٓ ١

تِلۡكَ ءَايَٰتُ ٱلۡكِتَٰبِ ٱلۡمُبِينِ ٢

لَعَلَّكَ بَٰخِعٞ نَّفۡسَكَ أَلَّا يَكُونُواْ مُؤۡمِنِينَ ٣

إِن نَّشَأۡ نُنَزِّلۡ عَلَيۡهِم مِّنَ ٱلسَّمَآءِ ءَايَةٗ فَظَلَّتۡ أَعۡنَٰقُهُمۡ
لَهَا خَٰضِعِينَ ٤

وَمَا يَأۡتِيهِم مِّن ذِكۡرٖ مِّنَ ٱلرَّحۡمَٰنِ مُحۡدَثٍ إِلَّا كَانُواْ عَنۡهُ
مُعۡرِضِينَ ٥

فَقَدۡ كَذَّبُواْ فَسَيَأۡتِيهِمۡ أَنۢبَٰٓؤُاْ مَا كَانُواْ بِهِۦ يَسۡتَهۡزِءُونَ ٦

أَوَلَمۡ يَرَوۡاْ إِلَى ٱلۡأَرۡضِ كَمۡ أَنۢبَتۡنَا فِيهَا مِن كُلِّ زَوۡجٖ كَرِيمٍ ٧

إِنَّ فِي ذَٰلِكَ لَأٓيَةٗۖ وَمَا كَانَ أَكۡثَرُهُم مُّؤۡمِنِينَ ٨

وَإِنَّ رَبَّكَ لَهُوَ ٱلۡعَزِيزُ ٱلرَّحِيمُ ٩

"Taa, Siin, Miim(1). Itulah ayat-ayat kitab al-Qur'an yang amat jelas(2). Boleh jadi engkau (Muhammad) berhasrat membinasakan dirimu kerana mereka tidak beriman(3). Jika Kami kehendaki nescaya Kami turunkan kepada mereka satu mu'jizat dari langit yang membuat leher mereka sentiasa tunduk kepadanya(4). Dan tiada datang kepada mereka satu peringatan yang baru dari Allah Yang Maha Penyayang melainkan mereka terus berpaling darinya(5). Mereka telah mendustakan (Al-Qur'an) dan kelak akan sampai kepada mereka berita-berita (akibat) dari perbuatan sendaan-sendaan yang dilakukan mereka itu(6). Apakah mereka tidak melihat (permukaan) bumi berapa banyak Kami telah tumbuhkan berbagai-bagai pasangan tumbuhan yang mulia(7). Sesungguhnya kejadian sedemikian merupakan bukti (kekuasaan Allah), tetapi kebanyakan mereka tidak beriman(8). Dan sesungguhnya Tuhanmu itu adalah Tuhan Yang Maha Perkasa dan Maha Pengasih"(9).

(Latar belakang dan pokok pembicaraan)

Maudhu' pokok surah ini ialah Maudhu' yang dibicarakan oleh semua Surah Makkiyah, iaitu maudhu' 'aqidah yang diintipatikan pada elemen-elemen yang asasi, iaitu mentauhidkan Allah:

فَلَا تَدۡعُ مَعَ ٱللَّهِ إِلَٰهًا ءَاخَرَ فَتَكُونَ مِنَ ٱلۡمُعَذَّبِينَ ٢١٣

"Oleh itu janganlah engkau menyembah tuhan yang lain di samping Allah, kerana akibatnya engkau akan termasuk di dalam golongan orang-orang yang akan di'azabkan."(213)

Dan takut kepada hari Akhirat:

وَلَا تُخۡزِنِي يَوۡمَ يُبۡعَثُونَ ٨٧

يَوۡمَ لَا يَنفَعُ مَالٞ وَلَا بَنُونَ ٨٨

إِلَّا مَنۡ أَتَى ٱللَّهَ بِقَلۡبٖ سَلِيمٖ ٨٩

"Dan janganlah engkau kecewakanku pada hari mereka dibangkitkan(87). Iaitu pada hari, di mana harta dan anak-anak tidak berguna lagi(88). Kecuali mereka yang datang mengadap Allah dengan hati yang bersih."(89)

Dan membenarkan wahyu yang diturunkan kepada Nabi Muhammad s.a.w:

وَإِنَّهُۥ لَتَنزِيلُ رَبِّ ٱلۡعَٰلَمِينَ ١٩٢

نَزَلَ بِهِ ٱلرُّوحُ ٱلۡأَمِينُ ١٩٣

عَلَىٰ قَلۡبِكَ لِتَكُونَ مِنَ ٱلۡمُنذِرِينَ ١٩٤

"Dan sesungguhnya Al-Qur'an itu diturunkan oleh Tuhan semesta alam(192). Ia dibawa turun oleh ar-Roh al-'Amin (Jibrail)(193). Ke dalam hatimu (Muhammad) agar engkau menjadi salah seorang dari para rasul yang memberi peringatan."(194)

Dan menakutkan manusia dengan akibat pendustaan sama ada dalam bentuk 'azab dunia yang telah membinasakan para pendusta atau dalam bentuk 'azab Akhirat yang menunggu orang-orang kafir:

فَقَدۡ كَذَّبُواْ فَسَيَأۡتِيهِمۡ أَنۢبَٰٓؤُاْ مَا كَانُواْ بِهِۦ يَسۡتَهۡزِءُونَ ٦

"Mereka telah mendustakan (Al-Qur'an) dan kelak akan sampai kepada mereka berita-berita (akibat) dari perbuatan sendaan-sendaan yang dilakukan mereka itu."(6)

وَسَيَعْلَمُ ٱلَّذِينَ ظَلَمُوٓا۟ أَىَّ مُنقَلَبٍ يَنقَلِبُونَ ﴿٢٢٧﴾

"Dan orang-orang yang zalim itu akan mengetahui ke tempat mana mereka akan kembali."(227)

Di samping menghiburkan Rasulullah s.a.w. dari kesedihan kerana perbuatan kaum Musyrikin yang mendustakan beliau dan Al-Qur'an:

لَعَلَّكَ بَٰخِعٌ نَّفْسَكَ أَلَّا يَكُونُوا۟ مُؤْمِنِينَ ﴿٣﴾

"Boleh jadi engkau (Muhammad) berhasrat membinasakan dirimu kerana mereka tidak beriman."(3)

Juga mententeram hati para Mu'minin dan menyabarkan mereka menghadapi tindak-tanduk kaum Musyrikin yang degil serta memantapkan pendirian mereka di atas 'aqidah Islam biarpun bagaimana pedih mereka ditindas oleh orang-orang yang zalim sebagaimana ia telah memantapkan pendirian para Mu'minin sebelum mereka.

Yang menjadi badan surah ini ialah kisah-kisah yang mengisi sebanyak seratus lapan puluh ayat dari keseluruhan ayat surah ini. Kisah-kisah inilah yang menjadi isi kandungan surah ini di samping penerangan pendahuluan dan ulasan. Kisah-kisah ini dengan muqaddimah dan ulasannya membentuk satu unit yang sepadu dan sejenis, ia memperkata dan menonjolkan Maudhu' surah ini dengan berbagai-bagai uslub yang bertemu pada satu matlamat. Oleh sebab itulah dari setiap kisah itu ditayangkan sebabak atau beberapa babak yang menyampaikan kepada matlamat itu.

Suasana yang mendominasikan kisah-kisah ini dan seluruh pembicaraan surah ini ialah suasana amaran, pendustaan dan ke'azaban yang menimpa para pendusta. Ini kerana surah ini menghadapi pendustaan kaum Musyrikin Quraysy terhadap Rasulullah s.a.w. dan sendaan mereka terhadap amaran-amaran Allah dan penolakan mereka terhadap ayat-ayat-Nya, juga menghadapi tuntutan mereka supaya dipercepatkan 'azab yang dijanjikan Allah kepada mereka dan kata-kata mereka yang jahat terhadap wahyu dan Al-Qur'an dan dakwaan mereka yang menuduh Al-Qur'an sebagai sihir atau syair yang diturunkan oleh syaitan-syaitan.

Seluruh surah ini dengan pendahuluannya, kisah-kisahnya dan ulasan-ulasannya hanya merupakan satu pusingan sahaja di medan ini. Oleh sebab itu kita bahagikannya kepada ceraian-ceraian atau pembicaraan-pembicaraan mengikut susunan tertibnya. Sekarang marilah kita mulakan dengan pendahuluan surah sebelum mengulaskan kisah-kisah pilihan itu.

******

(Pentafsiran ayat-ayat 1 - 9)

Al-Qur'an Digubah Dari Huruf-huruf Potongan Biasa

طسٓمٓ ﴿١﴾

تِلْكَ ءَايَٰتُ ٱلْكِتَٰبِ ٱلْمُبِينِ ﴿٢﴾

"Taa, Siin, Miim(1). Itulah ayat-ayat kitab Al-Qur'an yang amat jelas."(2)

Ta. Sin. Mim ialah huruf-huruf potongan untuk menyedarkan mereka bahawa ayat-ayat kitab Al-Qur'an yang amat jelas ini termasuk surah ini adalah digubahkan dengan huruf-huruf yang seperti ini, iaitu huruf-huruf yang dapat digunakan oleh para pendusta Al-Qur'an itu. Namun demikian mereka tidak mampu menggubah dan menyusun dengan huruf-huruf itu untuk melahirkan sebuah Kitab seperti Al-Qur'an yang amat jelas ini. Pembicaraan mengenai Al-Qur'an diperkatakan dalam surah ini pada bahagian permulaannya juga pada akhirnya, sebagaimana biasanya dilakukan pada surah-surah yang dimulakan dengan huruf-huruf potongan di dalam Al-Qur'an.

Allah Menghiburkan Rasulnya Agar Jangan Bersedih

Selepas kata penyedaran ini, Al-Qur'an mula berbicara dengan Rasulullah s.a.w. yang merasa susah hati dan sedih kerana perbuatan kaum Musyrikin yang mendustakan beliau dan Al-Qur'anul-Karim. Lalu ia menghiburkan beliau dan memperkecilkan perkara ini serta menyatakan bahawa penderitaan beliau kerana mereka itu adalah terlalu banyak, sedangkan Allah berkuasa melipatkan leher mereka untuk memaksa mereka beriman dengan satu mu'jizat yang dapat menundukkan mereka dengan penuh kepatuhan:

لَعَلَّكَ بَٰخِعٌ نَّفْسَكَ أَلَّا يَكُونُوا۟ مُؤْمِنِينَ ﴿٣﴾

إِن نَّشَأْ نُنَزِّلْ عَلَيْهِم مِّنَ ٱلسَّمَآءِ ءَايَةً فَظَلَّتْ أَعْنَٰقُهُمْ لَهَا خَٰضِعِينَ ﴿٤﴾

"Boleh jadi engkau (Muhammad) berhasrat membinasakan dirimu kerana mereka tidak beriman(3). Jika Kami kehendaki nescaya Kami turunkan kepada mereka satu mu'jizat dari langit yang membuat leher mereka sentiasa tunduk kepadanya."(4)

Ayat ini membayangkan semacam teguran terhadap Rasulullah s.a.w. yang merasa begitu susah hati dan sedih kerana mereka tidak beriman. **"Boleh jadi engkau berhasrat membinasakan dirimu kerana mereka tidak beriman".** Maksud membinasakan diri di sini ialah membunuh diri. Inilah keadaan yang menggambarkan sejauh mana penderitaan Rasulullah s.a.w. terhadap pendustaan mereka, sedangkan

beliau yakin terhadap akibat yang akan menimpa mereka. Inilah yang menyedihkan beliau kerana mereka adalah anak buah keluarganya dan kaumnya. Inilah yang menjadikan beliau begitu susah hati. Allah kasihkan beliau lalu menepiskan kesedihan yang mendalam ini darinya dan memperkecilkan perkara ini dengan menerangkan kepadanya bahawa keimanan mereka bukanlah termasuk dalam bidang tugas beliau, dan andainya Kami mahu memaksakan mereka beriman tentulah Kami dapat memaksa mereka dan tentulah Kami dapat menurunkan dari langit satu mu'jizat yang dapat memaksa mereka beriman dan tidak dapat dipertikaikan mereka, juga tidak dapat memalingkan mereka dari beriman. Al-Qur'an menggambarkan ketundukan mereka kepada mu'jizat ini dengan satu gambaran jasmani **"Yang membuat leher mereka sentiasa tunduk kepadanya"** yakni menyebabkan leher mereka terpulas dengan keadaan tunduk dan menekur. Seolah-olah inilah keadaan mereka yang tetap yang tidak terpisah dari mereka.

Tetapi Allah S.W.T. tidak mahu menjadikan bersama agama yang akhir ini satu mu'jizat yang memaksa, malah Allah jadikan mu'jizat agama ini ialah Al-Qur'an selaku satu sistem hidup yang sempurna, yang bermu'jizat di dalam segala segi.

Al-Qur'an merupakan mu'jizat dari segi binaan pengungkapannya dan susunannya yang seni, di mana pengungkapan dan susunannya tetap berlangsung dengan ciri-ciri yang sama dan setara tidak berbeza dan berlebih kurang. Ciri-cirinya tidak pernah meleset dan mungkir seperti yang selalu berlaku di dalam ciptaan-ciptaan manusia, di mana dapat dilihat dengan jelas ciri-ciri tinggi rendah, kuat dan lemah di dalam ciptaan satu individu yang berubah-ubah keadaannya, sedangkan ciri-ciri pengungkapan Al-Qur'an tetap berlangsung dalam bentuk yang sama dan setara, tetap tidak meleset dan mungkir. Ini membuktikan bahawa Al-Qur'an ini adalah datang dari sumber Ilahi yang tidak melalui keadaan-keadaan yang berubah-ubah.

Ciri-ciri Mu'jizat Dalam Al-Qur'an

Al-Qur'an merupakan mu'jizat dari segi binaan pemikiran dan dari segi susunan bahagian-bahagiannya yang selaras dan sepadu, tiada suatu yang sumbang dan tiada suatu yang kebetulan. Semua garis-garis panduan dan perundangannya bertemu pada satu titik yang selaras dan padu, dan semuanya merangkumi segala sudut kehidupan manusia. Semuanya dapat memenuhi keperluan hidup mereka dan dapat menjadi pendorongnya. Tiada satu bahagian pun dari sistem hidup Al-Qur'an yang syumul dan agung itu bercanggah dengan satu bahagian yang lain, begitu juga tiada satu pun bahagian yang bercanggah dengan fitrah manusia atau lemah dari memenuhi tuntutan keperluannya. Semua bahagiannya ditambat pada satu paksi dan diikat pada satu simpulan dalam satu bentuk susunan yang tidak dapat dilakukan oleh pengalaman manusia yang terbatas, malah di sana pastilah wujud pengalaman dan pengetahuan yang sempurna, yang tidak terikat dengan batas-batas zaman dan tempat, kerana pengalaman dan pengetahuan yang seperti inilah sahaja yang dapat membuat liputan dan susunan yang sempurna seperti Al-Qur'an ini.

Al-Qur'an merupakan mu'jizat dari segi betapa mudahnya ia meresapi ke dalam hati dan jiwa, betapa mudahnya ia memetik suis hati dan membuka pintunya yang tertutup, betapa mudahnya ia merangsangkan tempat-tempat yang peka di dalam hati. Ia dapat mengubati dan mengatasi kompleks-kompleks dan masalah-masalah jiwa manusia dengan senang dan mudah. Ia dapat mendidik dan mengendalikan hati dengan sentuhan-sentuhan yang amat mudah tanpa berbelit-belit.

Al-Qur'an Terbuka Kepada Generasi-generasi Setiap Zaman

Allah S.W.T. telah menghendaki menjadikan Al-Qur'an sebagai mu'jizat agama yang akhir ini. Allah tidak menghendaki menurunkan satu mu'jizat yang memaksa manusia, iaitu mu'jizat yang berupa mu'jizat benda yang memulaskan leher manusia dan memaksa mereka tunduk beriman dan menyerah. Ini kerana agama yang akhir adalah satu agama yang terbuka kepada seluruh umat dan seluruh generasi manusia. Ia bukannya agama yang tertutup kepada satu umat manusia di suatu zaman atau di suatu tempat sahaja. Oleh sebab itu adalah sesuai bahawa mu'jizat agama ini juga terbuka kepada semua manusia, yang jauh dan yang dekat, terbuka kepada setiap umat dan kepada setiap generasi, kerana mu'jizat-mu'jizat kebendaan yang memaksa itu hanya menundukkan golongan manusia yang dapat melihatnya sahaja dan selepas itu ia tinggal menjadi kisah-kisah yang dicerita bukannya kenyataan yang disaksi dengan mata kepala. Adapun Al-Qur'an walaupun setelah dilalui lebih dari tiga belas abad, ia tetap merupakan sebuah kitab yang terbuka dan satu sistem hidup yang tercatat, di mana setiap generasi dan mana-mana zaman dapat mengambil darinya undang-undang dan peraturan-peraturan yang dapat membetulkan kehidupan mereka andainya mereka mendapat hidayat mengambil Al-Qur'an sebagai pemimpin mereka. Al-Qur'an tetap mempunyai kesanggupan untuk memenuhi kehendak-kehendak seluruh keperluan hidup mereka dengan sempurna dan membawa mereka ke alam yang lebih baik, ke ufuk yang lebih tinggi dan kepada nasib kesudahan hidup yang amat tinggi. Generasi-generasi yang akan datang selepas kita akan menemui di dalam Al-Qur'an ini rahsia-rahsia pengajaran yang lebih banyak dari apa yang didapati oleh generasi kita, kerana Al-Qur'an memberi kepada setiap generasi yang mencari rahsia-rahsianya mengikut kadar keperluannya. Dan simpanan perbendaharaan rahsia Al-Qur'an akan kekal tidak habis-habis, malah sentiasa membaharu, tetapi malangnya mereka tidak memikirkan rahsia-

rahsia hikmat Al-Qur'an yang agung ini, kerana itu mereka berpaling dari ayat-ayat Al-Qur'an yang agung, yang diturunkan dari satu masa ke satu masa:

وَمَا يَأْتِيهِم مِّن ذِكْرٍ مِّنَ ٱلرَّحْمَٰنِ مُحْدَثٍ إِلَّا كَانُوا۟ عَنْهُ مُعْرِضِينَ ﴿٥﴾

"Dan tiada datang kepada mereka satu peringatan yang baru dari Allah Yang Maha Penyayang melainkan mereka terus berpaling darinya."(5)

Al-Qur'an menyebut nama ar-Rahman di sini untuk membayangkan kebesaran Rahmat Allah yang menurunkan Al-Qur'an, dan di sini ternampaklah bahawa perbuatan mereka berpaling dari Al-Qur'an itu adalah satu perbuatan yang keji dan tercela, kerana mereka berpaling dari rahmat yang diturunkan kepada mereka, iaitu mereka menolak rahmat Al-Qur'an dan mengharamkan diri mereka darinya, sedangkan mereka amat memerlukannya.

Kemudian Al-Qur'an iringi kenyataan yang menjelaskan penolakan mereka terhadap kitab suci Allah dan rahmat-Nya itu dengan satu amaran yang mengancam mereka dengan 'azab seksa-Nya.

فَقَدْ كَذَّبُوا۟ فَسَيَأْتِيهِمْ أَنۢبَٰٓؤُا۟ مَا كَانُوا۟ بِهِۦ يَسْتَهْزِءُونَ ﴿٦﴾

"Mereka telah mendustakan (Al-Qur'an) dan kelak akan sampai kepada mereka berita-berita (akibat) dari perbuatan sendaan-sendaan yang dilakukan mereka itu."(6)

Itulah satu amaran halus yang menakutkan. Ungkapan ayat ini mengandungi ejekan yang sesuai dengan perbuatan mereka yang mengejek janji-janji Allah. Mereka tidak akan menerima berita-berita itu, malah mereka akan merasa 'azab itu sendiri dan akan menjadi bahan berita di dalam peristiwa 'azab itu sendiri, di mana cerita 'azab yang menimpa mereka akan dipindahkan ke sana ke sini oleh manusia. Tetapi mereka terus mengejek dan terus dibalas dengan ejekan yang disertai dengan ancaman yang menakutkan.

Mereka menuntut mu'jizat, tetapi mereka abaikan kejadian-kejadian yang menjadi bukti-bukti kekuasaan Allah yang gemilang, yang ada di sekeliling mereka, sedangkan kejadian-kejadian itu merupakan bukti yang cukup kepada setiap hati yang terbuka dan melihat setiap lembaran dari lembaran-lembaran alam buana yang menakjubkan ini merupakan bukti yang meyakinkan hati.

Mu'jizat-mu'jizat Di Alam Tumbuhan

أَوَلَمْ يَرَوْا۟ إِلَى ٱلْأَرْضِ كَمْ أَنۢبَتْنَا فِيهَا مِن كُلِّ زَوْجٍ كَرِيمٍ ﴿٧﴾

إِنَّ فِى ذَٰلِكَ لَءَايَةً ۖ وَمَا كَانَ أَكْثَرُهُم مُّؤْمِنِينَ ﴿٨﴾

"Apakah mereka tidak melihat (permukaan) bumi berapa banyak Kami telah tumbuhkan berbagai-bagai pasangan tumbuhan yang mulia?(7). Sesungguhnya kejadian sedemikian merapakan bukti (kekuasaan Allah), tetapi kebanyakan mereka tidak beriman."(8)

Mu'jizat Ilahi yang mengeluarkan tumbuh-tumbuhan yang hidup dari bumi dan menjadikan tumbuh-tumbuhan itu berpasang-pasangan jantan dan betina sama ada pasangan itu terpisah berasingan seperti pada setengah-setengah jenis tumbuhan atau terkumpul bersama seperti yang biasa terdapat di alam tumbuh-tumbuhan, di mana anggota yang menentukan jenis jantan dan anggota-anggota yang menentukan jenis betina hanya terkumpul pada satu ranting sahaja. Mu'jizat Ilahi ini berulang-ulang berlaku di bumi di sekeliling mereka pada setiap sa'at. **"Apakah mereka tidak melihat?"** Yakni apa yang diperlukan dari mereka tidak lebih dari melihat.

Sistem pendidikan Al-Qur'an menghubungkan hati manusia dengan pemandangan-pemandangan alam buana dan menyedarkan pancaindera yang kaku, otak yang dungu dan hati yang tertutup kepada keindahan-keindahan kejadian Allah yang bertaburan di sekeliling mereka pada setiap tempat supaya mereka menjelajah alam buana yang hidup ini dengan hati yang hidup, di mana mereka dapat melihat kewujudan Allah di dalam ciptaan-ciptaan-Nya yang indah dan merasakan kewujudan-Nya setiap kali mata mereka menyaksi keindahan ciptaan-Nya, malah supaya mereka berhubung dengan Allah pada setiap makhluk-Nya, supaya mereka bermuraqabah dengan Allah dan merasakan kewujudan-Nya pada setiap sa'at dari sa'at-sa'at malam dan siang, dan supaya mereka merasa diri mereka sebagai salah satu dari makhluk Allah yang berhubung rapat dengan makhluk-makhluk-Nya yang lain dan mempunyai pertalian dengan undang-undang alam yang menguasai seluruh mereka. Di samping menyedari bahawa mereka pula mempunyai peranan istimewa di alam buana ini terutama di bumi, di mana mereka telah dilantikkan selaku khalifah Allah.

أَوَلَمْ يَرَوْا۟ إِلَى ٱلْأَرْضِ كَمْ أَنۢبَتْنَا فِيهَا مِن كُلِّ زَوْجٍ كَرِيمٍ ﴿٧﴾

"Apakah mereka tidak melihat (permukaan) bumi berapa banyak Kami telah tumbuhkan berbagai-bagai pasangan tumbuhan yang mulia?"(7)

Yakni tumbuh-tumbuhan itu bersifat mulia kerana ia mempunyai sifat hayat yang lahir dari qudrat Allah Yang Maha Mulia. Kata-kata **"Mulia"** itu menyarankan kepada hati kita supaya menyambut ciptaan-ciptaan Allah dengan penuh penghormatan yang sesuai dengannya, bukannya menyambut dengan penghinaan, kelalaian dan pengabaian.

إِنَّ فِى ذَٰلِكَ لَءَايَةً ۖ وَمَا كَانَ أَكْثَرُهُم مُّؤْمِنِينَ ﴿٨﴾

"Sesungguhnya kejadian sedemikian merupakan bukti (kekuasaan Allah), tetapi kebanyakan mereka tidak beriman."(8)

Mereka menuntut bukti **"Tetapi kebanyakan mereka tidak beriman".**

Pendahuluan surah ini diakhiri dengan sebuah kenyataan yang berulang-ulang dalam surah ini setiap kali ditayangkan bukti kekuasaan Allah:

وَإِنَّ رَبَّكَ لَهُوَ ٱلۡعَزِيزُ ٱلرَّحِيمُ ﴿٩﴾

"Dan sesungguhnya Tuhanmu itu adalah Tuhan Yang Maha Perkasa dan Maha Pengasih."(9)

"Maha Perkasa" yakni Maha Kuat dan Maha Kuasa menciptakan bukti-bukti kekuasaan-Nya dan menyeksakan para pendusta dengan 'azab yang pedih. **"Maha Pengasih"** yakni Allah mendedahkan bukti-bukti kekuasaan-Nya kepada manusia; mana-mana orang yang hatinya mendapat hidayat akan terus beriman dengan bukti-bukti itu dan mana-mana orang yang mendustakannya, maka Allah tangguhkan 'azab terhadap mereka. Allah tidak meng'azabkan mereka sehingga mereka telah didatangi Rasul yang memberi amaran kepada mereka. Walaupun di alam buana ini terdapat berbagai-bagai bukti, namun sifat rahmat Allah menghendaki juga mengutuskan para rasul-Nya untuk memberi kesedaran, penerangan dan menyampaikan berita gembira dan berita yang menakutkan mereka.

(Kumpulan ayat-ayat 10 - 68)

وَإِذۡ نَادَىٰ رَبُّكَ مُوسَىٰٓ أَنِ ٱئۡتِ ٱلۡقَوۡمَ ٱلظَّٰلِمِينَ ﴿١٠﴾
قَوۡمَ فِرۡعَوۡنَۚ أَلَا يَتَّقُونَ ﴿١١﴾
قَالَ رَبِّ إِنِّيٓ أَخَافُ أَن يُكَذِّبُونِ ﴿١٢﴾
وَيَضِيقُ صَدۡرِي وَلَا يَنطَلِقُ لِسَانِي فَأَرۡسِلۡ إِلَىٰ
هَٰرُونَ ﴿١٣﴾
وَلَهُمۡ عَلَيَّ ذَنۢبٞ فَأَخَافُ أَن يَقۡتُلُونِ ﴿١٤﴾
قَالَ كَلَّاۖ فَٱذۡهَبَا بِـَٔايَٰتِنَآۖ إِنَّا مَعَكُم مُّسۡتَمِعُونَ ﴿١٥﴾
فَأۡتِيَا فِرۡعَوۡنَ فَقُولَآ إِنَّا رَسُولُ رَبِّ ٱلۡعَٰلَمِينَ ﴿١٦﴾
أَنۡ أَرۡسِلۡ مَعَنَا بَنِيٓ إِسۡرَٰٓءِيلَ ﴿١٧﴾
قَالَ أَلَمۡ نُرَبِّكَ فِينَا وَلِيدٗا وَلَبِثۡتَ فِينَا مِنۡ عُمُرِكَ
سِنِينَ ﴿١٨﴾
وَفَعَلۡتَ فَعۡلَتَكَ ٱلَّتِي فَعَلۡتَ وَأَنتَ مِنَ ٱلۡكَٰفِرِينَ ﴿١٩﴾
قَالَ فَعَلۡتُهَآ إِذٗا وَأَنَا۠ مِنَ ٱلضَّآلِّينَ ﴿٢٠﴾

"Dan (kenangilah) ketika Tuhanmu menyeru Musa: Temuilah kaum yang zalim itu(10). Iaitu kaum Fir'aun, mengapakah mereka tidak bertaqwa?(11) Berkatalah Musa: Wahai Tuhanku! Sesungguhnya aku takut mereka mendustakanku(12). Dan hatiku menjadi gugup dan lidahku tidak lancar. Oleh itu hantarlah Harun kepada-ku(13). Dan aku bersalah terhadap mereka. Oleh itu aku takut mereka membunuhku(14). Allah berfirman: Janganlah sekali-kali takut. Pergilah kamu berdua membawa mu'jizat-mu'jizat Kami. Sesungguhnya Kami mendengar bersama-sama kamu(15). Hendaklah kamu berdua temui Fir'aun dan katakanlah: Sesungguhnya kami adalah utusan dari Tuhan semesta alam(16). Dan lepaskan Bani Israel (keluar dari Mesir) bersama kami(17). Berkatalah Fir'aun: Bukankah kami telah mendidikmu dalam kalangan kami sewaktu engkau masih seorang bayi yang baru lahir dan engkau juga telah tinggal dalam kalangan kami bertahun-tahun lamanya dari usia hidupmu(18). Dan engkau telah melakukan perbuatan (membunuh) yang sememangnya dilakukan engkau dan engkau (di waktu itu) adalah dari mereka yang masih tidak beriman (kepada Tuhan semesta alam)(19). Jawab Musa: Aku telah melakukan perbuatan itu sewaktu aku masih berada di dalam golongan mereka yang sesat (jahil)."(20).

فَفَرَرۡتُ مِنكُمۡ لَمَّا خِفۡتُكُمۡ فَوَهَبَ لِي رَبِّي حُكۡمٗا وَجَعَلَنِي
مِنَ ٱلۡمُرۡسَلِينَ ﴿٢١﴾
وَتِلۡكَ نِعۡمَةٞ تَمُنُّهَا عَلَيَّ أَنۡ عَبَّدتَّ بَنِيٓ إِسۡرَٰٓءِيلَ ﴿٢٢﴾
قَالَ فِرۡعَوۡنُ وَمَا رَبُّ ٱلۡعَٰلَمِينَ ﴿٢٣﴾
قَالَ رَبُّ ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَٱلۡأَرۡضِ وَمَا بَيۡنَهُمَآۖ إِن كُنتُم
مُّوقِنِينَ ﴿٢٤﴾
قَالَ لِمَنۡ حَوۡلَهُۥٓ أَلَا تَسۡتَمِعُونَ ﴿٢٥﴾
قَالَ رَبُّكُمۡ وَرَبُّ ءَابَآئِكُمُ ٱلۡأَوَّلِينَ ﴿٢٦﴾
قَالَ إِنَّ رَسُولَكُمُ ٱلَّذِيٓ أُرۡسِلَ إِلَيۡكُمۡ لَمَجۡنُونٞ ﴿٢٧﴾
قَالَ رَبُّ ٱلۡمَشۡرِقِ وَٱلۡمَغۡرِبِ وَمَا بَيۡنَهُمَآۖ إِن كُنتُمۡ
تَعۡقِلُونَ ﴿٢٨﴾
قَالَ لَئِنِ ٱتَّخَذۡتَ إِلَٰهًا غَيۡرِي لَأَجۡعَلَنَّكَ مِنَ
ٱلۡمَسۡجُونِينَ ﴿٢٩﴾
قَالَ أَوَلَوۡ جِئۡتُكَ بِشَيۡءٖ مُّبِينٖ ﴿٣٠﴾

"Lalu aku melarikan diri dari kamu kerana aku takut kepadamu. Kemudian Tuhanku mengurniakan hikmat

kepadaku dan melantikkanku dalam golongan para rasul(21). Budi baik yang engkau bangkitkannya terhadapku itu adalah kerana engkau telah memper-hambakan Bani Israel(22). Fir'aun bertanya: Apakah Tuhan semesta alam itu?(23) Jawab Musa: Itulah Tuhan yang memiliki dan memelihara langit, bumi dan apa yang ada di antara keduanya, jika kamu ingin mendapat keyakinan(24). Berkatalah Fir'aun kepada mereka yang berada di sekelilingnya: Apakah kamu sekalian tidak mendengar?(25) Musa berkata lagi: Dia adalah Tuhan kamu dan Tuhan datuk nenek kamu yang dahulu kala(26). Berkatalah Fir'aun: Sesungguhnya Rasul kamu yang diutuskan kepada kamu itu adalah seorang gila(27). Musa berkata lagi: Dia adalah Tuhan timur dan barat dan apa yang ada di antara keduanya, jika kamu berfikir(28). Berkatalah Fir'aun: Jika engkau menyembah Tuhan yang lain dariku, nescaya aku jadikan engkau dalam golongan banduan-banduan yang dipenjara(29). Jawab Musa: (Adakah engkau akan bertindak begitu) walaupun aku dapat membawa kepadamu suatu bukti yang amat nyata"(30).

قَالَ فَأْتِ بِهِۦٓ إِن كُنتَ مِنَ ٱلصَّٰدِقِينَ ٣١

فَأَلْقَىٰ عَصَاهُ فَإِذَا هِىَ ثُعْبَانٌ مُّبِينٌ ٣٢

وَنَزَعَ يَدَهُۥ فَإِذَا هِىَ بَيْضَآءُ لِلنَّٰظِرِينَ ٣٣

قَالَ لِلْمَلَإِ حَوْلَهُۥٓ إِنَّ هَٰذَا لَسَٰحِرٌ عَلِيمٌ ٣٤

يُرِيدُ أَن يُخْرِجَكُم مِّنْ أَرْضِكُم بِسِحْرِهِۦ فَمَاذَا
تَأْمُرُونَ ٣٥

قَالُوٓا۟ أَرْجِهْ وَأَخَاهُ وَٱبْعَثْ فِى ٱلْمَدَآئِنِ حَٰشِرِينَ ٣٦

يَأْتُوكَ بِكُلِّ سَحَّارٍ عَلِيمٍ ٣٧

فَجُمِعَ ٱلسَّحَرَةُ لِمِيقَٰتِ يَوْمٍ مَّعْلُومٍ ٣٨

وَقِيلَ لِلنَّاسِ هَلْ أَنتُم مُّجْتَمِعُونَ ٣٩

لَعَلَّنَا نَتَّبِعُ ٱلسَّحَرَةَ إِن كَانُوا۟ هُمُ ٱلْغَٰلِبِينَ ٤٠

"Berkatalah Fir'aun: Bawalah bukti itu jika kamu benar(31). Lalu Musa mencampakkan tongkatnya tiba-tiba ia menjadi seekor ular yang amat nyata(32). Dan dia menarik tangannya (dari dalam bajunya) tiba-tiba ia menjadi putih melepak kepada orang-orang yang melihatnya(33). Berkatalah Fir'aun kepada para pembesar di sekelilingnya: Sesungguhnya orang ini adalah seorang tukang sihir yang pandai(34). Dia mahu mengusir kamu dari negeri kamu dengan kuasa sihirnya. Oleh itu apakah perintah kamu kepadaku(35). Jawab mereka: Berilah tempoh kepada Musa dan saudaranya dan kirimkanlah ke seluruh bandar besar utusan-utusan untuk mengumpulkan (ahli-ahli sihir)(36). Nescaya mereka akan membawa kepada anda ahli-ahli sihir yang pintar(37). Lalu dikumpulkan para ahli sihir pada suatu hari yang tertentu, yang diketahui umum(38). Lalu diumumkan kepada orang ramai: Berkumpullah kamu sekalian!(39). Semoga kita dapat mengikut para ahli sihir jika mereka menang."(40).

فَلَمَّا جَآءَ ٱلسَّحَرَةُ قَالُوا۟ لِفِرْعَوْنَ أَئِنَّ لَنَا لَأَجْرًا إِن كُنَّا
نَحْنُ ٱلْغَٰلِبِينَ ٤١

قَالَ نَعَمْ وَإِنَّكُمْ إِذًا لَّمِنَ ٱلْمُقَرَّبِينَ ٤٢

قَالَ لَهُم مُّوسَىٰٓ أَلْقُوا۟ مَآ أَنتُم مُّلْقُونَ ٤٣

فَأَلْقَوْا۟ حِبَالَهُمْ وَعِصِيَّهُمْ وَقَالُوا۟ بِعِزَّةِ فِرْعَوْنَ إِنَّا
لَنَحْنُ ٱلْغَٰلِبُونَ ٤٤

فَأَلْقَىٰ مُوسَىٰ عَصَاهُ فَإِذَا هِىَ تَلْقَفُ مَا يَأْفِكُونَ ٤٥

فَأُلْقِىَ ٱلسَّحَرَةُ سَٰجِدِينَ ٤٦

قَالُوٓا۟ ءَامَنَّا بِرَبِّ ٱلْعَٰلَمِينَ ٤٧

رَبِّ مُوسَىٰ وَهَٰرُونَ ٤٨

قَالَ ءَامَنتُمْ لَهُۥ قَبْلَ أَنْ ءَاذَنَ لَكُمْ ۖ إِنَّهُۥ لَكَبِيرُكُمُ ٱلَّذِى
عَلَّمَكُمُ ٱلسِّحْرَ فَلَسَوْفَ تَعْلَمُونَ ۚ لَأُقَطِّعَنَّ أَيْدِيَكُمْ
وَأَرْجُلَكُم مِّنْ خِلَٰفٍ وَلَأُصَلِّبَنَّكُمْ أَجْمَعِينَ ٤٩

قَالُوا۟ لَا ضَيْرَ ۖ إِنَّآ إِلَىٰ رَبِّنَا مُنقَلِبُونَ ٥٠

"Apabila ahli-ahli sihir itu datang, mereka berkata kepada Fir'aun: Apakah kami akan mendapat upah jika kami menang?(41) Jawab Fir'aun: Ya, dan kamu sekalian akan menjadi orang-orang yang hampir kepadaku(42). Berkatalah Musa kepada mereka: Campakkan apa sahaja yang kamu mahu campak!(43). Lalu mereka mencampakkan tali-tali dan tongkat-tongkat mereka sambil berkata: Demi keagungan Fir'aun, kami akan menang(44). Kemudian Musa mencampakkan tongkatnya, tiba-tiba ia menelan segala (ular palsu) yang diada-adakan mereka(45). Lalu tersungkurlah ahli-ahli sihir sujud (kepada Allah)(46). Dan berkatalah mereka: Kami telah beriman kepada Tuhan semesta alam(47). Iaitu Tuhan Musa dan Harun(48). Berkatalah Fir'aun: Apakah kamu telah menyerah kepadanya sebelum aku memberi keizinan kepada kamu. Sesungguhnya dia adalah pemimpin kamu yang telah mengajar ilmu sihir kepada kamu. Kamu akan mengetahui (akibatnya). Aku akan potongkan tangan dan kaki kamu secara bersilangan dan aku akan salibkan kamu sekalian(49). Jawab mereka: Tidak ada apa-apa kemudharatan kepada kami. Sesungguhnya kami sekalian (ingin) kembali kepada Tuhan kami."(50).

إِنَّا نَطْمَعُ أَن يَغْفِرَ لَنَا رَبُّنَا خَطَٰيَٰنَآ أَن كُنَّآ أَوَّلَ
ٱلْمُؤْمِنِينَ ٥١

وَأَوْحَيْنَآ إِلَىٰ مُوسَىٰٓ أَنْ أَسْرِ بِعِبَادِىٓ إِنَّكُم مُّتَّبَعُونَ ٥٢

فَأَرْسَلَ فِرْعَوْنُ فِى ٱلْمَدَآئِنِ حَٰشِرِينَ ٥٣

إِنَّ هَٰٓؤُلَآءِ لَشِرْذِمَةٌ قَلِيلُونَ ٥٤

وَإِنَّهُمْ لَنَا لَغَآئِظُونَ ٥٥

وَإِنَّا لَجَمِيعٌ حَٰذِرُونَ ٥٦

فَأَخْرَجْنَٰهُم مِّن جَنَّٰتٍ وَعُيُونٍ ٥٧

وَكُنُوزٍ وَمَقَامٍ كَرِيمٍ ٥٨

كَذَٰلِكَ وَأَوْرَثْنَٰهَا بَنِىٓ إِسْرَٰٓءِيلَ ٥٩

فَأَتْبَعُوهُم مُّشْرِقِينَ ٦٠

"Sesungguhnya kami amat inginkan agar Tuhan kami mengampunkan dosa-dosa kami, kerana kamilah orang-orang yang pertama beriman(51). Dan Kami perintahkan Musa: Berlepaslah engkau di malam hari membawa hamba-hamba-Ku sesungguhnya kamu akan diikuti (tentera Fir'aun)(52). Lalu Fir'aun mengirim (para utusannya) ke merata pelosok negeri untuk mengumpulkan (bala tentera)(53). (Fir'aun berkata): Sesungguhnya mereka (Bani Israel) adalah satu kumpulan yang kecil sahaja(54). Dan sesungguhnya mereka telah melakukan perkara-perkara yang menimbulkan kemarahan kami(55). Dan sesungguhnya kita sekalian sentiasa berwaspada(56). Lalu Kami keluarkan mereka dari taman-taman dan matair-matair(57). Dan dari perbendaharaan-perbendaharaan dan kedudukan yang mulia(58). Demikianlah halnya dan kemudian Kami wariskan ni'mat-ni'mat itu kepada Bani Israel pula(59). Lalu (Fir'aun dan bala tenteranya) mengejar mereka di waktu matahari terbenam."(60).

فَلَمَّا تَرَٰٓءَا ٱلْجَمْعَانِ قَالَ أَصْحَٰبُ مُوسَىٰٓ إِنَّا
لَمُدْرَكُونَ ٦١

قَالَ كَلَّآ ۖ إِنَّ مَعِىَ رَبِّى سَيَهْدِينِ ٦٢

فَأَوْحَيْنَآ إِلَىٰ مُوسَىٰٓ أَنِ ٱضْرِب بِّعَصَاكَ ٱلْبَحْرَ ۖ
فَٱنفَلَقَ فَكَانَ كُلُّ فِرْقٍ كَٱلطَّوْدِ ٱلْعَظِيمِ ٦٣

وَأَزْلَفْنَا ثَمَّ ٱلْءَاخَرِينَ ٦٤

وَأَنجَيْنَا مُوسَىٰ وَمَن مَّعَهُۥٓ أَجْمَعِينَ ٦٥

ثُمَّ أَغْرَقْنَا ٱلْءَاخَرِينَ ٦٦

إِنَّ فِى ذَٰلِكَ لَءَايَةً ۖ وَمَا كَانَ أَكْثَرُهُم مُّؤْمِنِينَ ٦٧

وَإِنَّ رَبَّكَ لَهُوَ ٱلْعَزِيزُ ٱلرَّحِيمُ ٦٨

"Apabila kedua-dua angkatan itu dapat melihat satu sama lain, maka berkatalah pengikut-pengikut Musa: Sesungguhnya kita akan ditangkap mereka(61). Jawab Musa: Tidak sekali-kali begitu! Sesungguhnya Tuhanku tetap bersamaku, Dia akan memberi petunjuk kepadaku(62). Lalu Kami perintahkan kepada Musa: Pukullah lautan itu dengan tongkatmu! Lalu terbelahlah laut itu, setiap belah laksana gunung yang besar(63). Dan di sana Kami dekatkan angkatan yang satu lagi (Fir'aun dan bala tenteranya)(64). Dan Kami selamatkan Musa dan sekalian pengikut-pengikut yang ada bersamanya(65). Kemudian Kami tenggelamkan angkatan yang satu lagi itu(66). Sesungguhnya peristiwa itu merupakan satu bukti kekuasaan Allah, tetapi kebanyakan mereka tidak juga beriman(67). Dan sesungguhnya Tuhanmu Maha Perkasa dan Maha Pengasih."(68).

(Latar belakang dan pokok pembicaraan)

Inilah babak kisah Nabi Musa a.s. Ia diceritakan di dalam surah ini sesuai dengan Maudhu' surah dan sesuai dengan tujuannya yang bermaksud untuk menerangkan akibat yang menimpa orang-orang yang mendustakan agama Allah, juga bermaksud untuk mententeram dan menghiburkan Rasulullah s.a.w. yang menghadapi kesulitan kerana ditolak dan dibohongkan oleh kaum Musyrikin, dan seterusnya bermaksud untuk menerangkan naungan Allah terhadap da'wah-Nya dan terhadap orang-orang yang beriman dengan-Nya walaupun mereka tidak mempunyai apa-apa kekuatan, sedangkan musuh-musuh mereka kuat dan berkuasa di bumi serta bertindak kejam terhadap mereka. Itulah keadaan hidup kaum Muslimin di Makkah semasa turunnya surah ini. Kisah-kisah itu merupakan salah satu sarana atau alat pendidikan Al-Qur'aniyah di dalarn Al-Qur'anul-Karim.

Setakat ini babak-babak kisah Nabi Musa a.s. telah diceritakan di dalam Surah al-Baqarah, Surah al-Ma'idah, Surah al-A'raf, Surah Yunus, Surah al-Isra', Surah al-Kahfi dan Surah Taha. Di samping isyarat-isyarat sepintas lalu di dalam surah-surah yang lain.

Pada setiap kali penceritaan, babak-babak atau isyarat-isyarat sepintas lalu kisah itu adalah selaras dengan Maudhu' surah atau dengan penerangan ayat-ayat, di mana babak-babak kisah itu dikemukakan sama seperti keadaannya di dalam surah ini. Kisah itu bekerjasama menggambarkan Maudhu' yang menjadi matlamat penerangan ayat-ayat itu. [1]

Babak kisah yang dikemukakan dalam surah ini ialah babak Nabi Musa a.s,. diangkat menjadi Rasul

---

[1] *Lihat juzu' keenam belas Tafsir Fi Zilal dan bab "* **القصة في القرآن** *" dalam buku "***التصوير الفني في القرآن***".*

dan bagaimana beliau didustakan Fir'aun dan kaumnya dan bagaimana Fir'aun dan kaumnya ditenggelamkan Allah sebagai balasan terhadap pendustaan mereka, juga balasan terhadap Fir'aun yang telah mengatur pakatan jahat terhadap Musa dan pengikut-pengikutnya yang beriman, dan bagaimana Musa dan Bani Israel terselamat dari tipudaya orang-orang yang zalim itu. Kisah ini membenarkan firman Allah S.W.T. di dalam surah ini mengenai kaum Musyrikin:

وَسَيَعْلَمُ ٱلَّذِينَ ظَلَمُوٓا۟ أَىَّ مُنقَلَبٍ يَنقَلِبُونَ ﴿٢٢٧﴾

"Dan orang-orang yang zalim itu akan mengetahui ke tempat mana mereka akan kembali."(227)

فَقَدْ كَذَّبُوا۟ فَسَيَأْتِيهِمْ أَنۢبَٰٓؤُا۟ مَا كَانُوا۟ بِهِۦ يَسْتَهْزِءُونَ ﴿٦﴾

"Mereka telah mendustakan (Al-Qur'an) dan kelak akan sampai kepada mereka berita-berita (akibat) dari perbuatan sendaan-sendaan yang dilakukan mereka itu."(6)

Babak kisah Musa ini dibahagikan kepada beberapa adegan dan di antara adegan-adegan itu terdapat ruang-ruang kosong sekadar masa dilabuhkan tirai-tirai yang menutup adegan itu kemudian tirai itu disingkapkan kembali untuk menayangkan adegan selanjutnya. Ini adalah satu gejala seni yang dapat diperhatikan pada cara Al-Qur'an mengemukakan kisah-kisah itu.[2]

Di sini terdapat tujuh adegan: Pertama, adegan Nabi Musa a.s. diseru Allah, diangkat menjadi Rasul, menerima wahyu dan bermunajat dengan Allah. Kedua, adegan Nabi Musa a.s. mengadap Fir'aun dan pembesar-pembesarnya dengan kerasulannya dan dengan mu'jizat tongkat dan tangannya. Ketiga, adegan pakatan jahat Fir'aun men-gumpulkan para ahli sihir dan orang ramai untuk mengadakan pertandingan yang besar. Yang keempat, adegan para ahli sihir mengadap Fir'aun untuk menentukan masalah upah dan ganjaran. Kelima adegan pertandingan itu sendiri, keimanan ahli-ahli sihir dan ancaman Fir'aun hendak menyeksakan mereka. Keenam adegan yang menayangkan dua pemandangan. Pemandangan yang pertama pemandangan Nabi Musa a.s. diperintah berlepas di waktu malam membawa keluar Bani Israel, dan pemandangan yang kedua ialah pemandangan Fir'aun mengirim para utusannya ke merata pelosok negeri mengumpulkan bala tentera untuk mengejar Bani Israel. Ketujuh, adegan pertembungan di hadapan lautan dan kesudahannya, di mana terbelahnya lautan, tenggelamnya orang-orang yang zalim dan terselamatnya para Mu'minin.

Adegan-adegan ini telah pun ditayangkan di dalam Surah al-A'raf, Surah Yunus dan Surah Taha, tetapi pada setiap tempat itu ia ditayangkan dari sudut yang sesuai dengan ayat tempat itu dan dengan cara yang selaras dengan tujuan ayat tempat itu. Adegan-adegan itu menekankan maksud-maksud tertentu di sana sini.

Misalnya di dalam Surah al-A'raf, kisah itu dimulakan secara ringkas dengan adegan pertemuan dan percakapan di antara Musa dan Fir'aun, kemudian dengan cepat pula melangkau pemandangan tukang-tukang sihir dan kesudahannya, tetapi ia menayangkan dengan panjang cerita pakatan jahat Fir'aun dengan para pembesarnya serta menayangkan mu'jizat-mu'jizat Musa selama beliau tinggal di Mesir selepas peristiwa pertandingan itu dan sebelum adegan tenggelamnya (Fir'aun dan bala tenteranya) dan selamatnya (Musa dan Bani Israel). Kemudian ia selangi dengan cerita Bani Israel selepas mereka menyeberangi lautan itu di dalam berbagai-bagai babak, sedangkan cerita ini tidak disebutkan di sini, tetapi di sini diceritakan dengan luas adegan perdebatan di antara Musa dan Fir'aun di sekitar persoalan Wahdaniyah Allah S.W.T. dan wahyu-Nya kepada Rasul-Nya, iaitu persoalan yang menjadi Maudhu' perdebatan dalam surah ini di antara kaum Musyrikin dengan Nabi s.a.w.

Di dalam Surah Yunus pula cerita ini dimulakan dengan pertemuan dan percakapan di antara Musa dengan Fir'aun secara ringkas tanpa menyebut mu'jizat tongkat dan tangan. Adegan pertandingan juga disebut dengan ringkas sedangkan kedua-dua adegan disebut secara meluas di sini (Surah asy-Syu'ara').

Di dalam Surah Taha pula, adegan munajat pertama di antara Musa dengan Allah diceritakan dengan meluas, dan selepas menceritakan adegan pertemuan dan pertandingan ia mengikuti Bani Israel di dalam perjalanan mereka yang jauh, tetapi di sini kisah itu hanya setakat adegan tenggelam dan selamat sahaja, tidak lebih dari itu.

Demikianlah kita dapati kisah ini tidak sekali-kali berulang-ulang walaupun begitu banyak disebutkan di dalam surah-surah Al-Qur'an kerana kepelbagaian cara memilih babak-babak kisah, pemandangan-pemandangan di setiap babak, pemilihan sudut dari setiap pemandangan dan cara gaya pembentangannya, menjadikan kisah ini kelihatan sentiasa baru pada setiap tempat dan sesuai pula dengan tempat itu.

******

(Pentafsiran ayat-ayat 10 - 17)

وَإِذْ نَادَىٰ رَبُّكَ مُوسَىٰٓ أَنِ ٱئْتِ ٱلْقَوْمَ ٱلظَّٰلِمِينَ ﴿١٠﴾

قَوْمَ فِرْعَوْنَ ۚ أَلَا يَتَّقُونَ ﴿١١﴾

قَالَ رَبِّ إِنِّىٓ أَخَافُ أَن يُكَذِّبُونِ ﴿١٢﴾

وَلَهُمْ عَلَىَّ ذَنۢبٌ فَأَخَافُ أَن يَقْتُلُونِ ﴿١٤﴾

---

[2] Bab "القصة في القرآن".

قَالَ كَلَّا ۖ فَاذْهَبَا بِآيَاتِنَا ۖ إِنَّا مَعَكُم مُّسْتَمِعُونَ ﴿١٥﴾
فَأْتِيَا فِرْعَوْنَ فَقُولَا إِنَّا رَسُولُ رَبِّ الْعَالَمِينَ ﴿١٦﴾
أَنْ أَرْسِلْ مَعَنَا بَنِي إِسْرَائِيلَ ﴿١٧﴾

"Dan (kenangilah) ketika Tuhanmu menyeru Musa: Temuilah kaum yang zalim itu(10). Iaitu kaum Fir'aun, mengapakah mereka tidak bertaqwa?(11). Berkatalah Musa: Wahai Tuhanku! Sesungguhnya aku takut mereka mendustakanku(12). Dan hatiku menjadi gugup dan lidahku tidak lancar. Oleh itu hantarlah Harun kepada-ku(13). Dan aku bersalah terhadap mereka. Oleh itu aku takut mereka membunuhku(14). Allah berfirman: Janganlah sekali-kali takut. Pergilah kamu berdua membawa mu'jizat-mu'jizat Kami. Sesungguhnya Kami mendengar bersama-sama kamu(15). Hendaklah kamu berdua temui Fir'aun dan katakanlah: Sesungguhnya kami adalah utusan dari Tuhan semesta alam(16). Dan lepaskan Bani Israel (keluar dari Mesir) bersama Kami."(17)

Penerangan kisah-kisah ini ditujukan kepada Rasulullah s.a.w. selepas Allah berfirman kepadanya di permulaan surah.

لَعَلَّكَ بَاخِعٌ نَّفْسَكَ أَلَّا يَكُونُوا مُؤْمِنِينَ ﴿٣﴾
إِن نَّشَأْ نُنَزِّلْ عَلَيْهِم مِّنَ السَّمَاءِ آيَةً فَظَلَّتْ أَعْنَاقُهُمْ
لَهَا خَاضِعِينَ ﴿٤﴾
وَمَا يَأْتِيهِم مِّن ذِكْرٍ مِّنَ الرَّحْمَٰنِ مُحْدَثٍ إِلَّا كَانُوا عَنْهُ
مُعْرِضِينَ ﴿٥﴾
فَقَدْ كَذَّبُوا فَسَيَأْتِيهِمْ أَنبَاءُ مَا كَانُوا بِهِ يَسْتَهْزِئُونَ ﴿٦﴾

"Boleh jadi engkau (Muhammad) berhasrat membinasakan dirimu kerana mereka tidak beriman(3). Jika Kami kehendaki nescaya Kami turunkan kepada mereka satu mu'jizat dari langit yang membuat leher mereka sentiasa tunduk kepadanya(4). Dan tiada datang kepada mereka satu peringatan yang baru dari Allah Yang Maha Penyayang melainkan mereka terus berpaling darinya(5). Mereka telah mendustakan (Al-Qur'an) dan kelak akan sampai kepada mereka berita-berita (akibat) dari per-buatan sendaan-sendaan yang dilakukan mereka itu."(6)

Kemudian Allah menceritakan kepada beliau berita para pendusta yang menolak dan mempersenda-sendakan Rasul dan akibat 'azab yang amat pedih yang telah menimpa mereka:

وَإِذْ نَادَىٰ رَبُّكَ مُوسَىٰ أَنِ ائْتِ الْقَوْمَ الظَّالِمِينَ ﴿١٠﴾
قَوْمَ فِرْعَوْنَ ۚ أَلَا يَتَّقُونَ ﴿١١﴾

"Dan (kenangilah) ketika Tuhanmu menyeru Musa: Temuilah kaum yang zalim itu(10). Iaitu kaum Fir'aun, mengapakah mereka tidak bertaqwa?"(11)

Musa Diperintah Mengadap Fir'aun

Inilah adegan pertama yang menayangkan pemandangan Nabi Musa a.s. diserahkan tugas kerasulan. Ia dimulakan dengan menerangkan sifat kaum Fir'aun, iaitu **"Kaum yang zalim"** kerana mereka telah menzalimi diri sendiri dengan kekufuran dan kesesatan, juga kerana mereka menzalimi Bani Israel dengan membunuh anak-anak lelaki mereka dan hanya membiarkan anak-anak perempuan mereka sahaja yang hidup, serta menyeksakan mereka dengan menggunakan mereka buruh paksa yang menderita. Oleh sebab inilah Al-Qur'an menyebut sifat mereka dahulu kemudian barulah ia menentukan orangnya **"Iaitu kaum Fir'aun"** kemudian Al-Qur'an menyatakan kehairanannya kepada Musa dan kepada semua manusia **"Mengapakah mereka tidak bertaqwa?"** yakni mengapakah mereka tidak takut kepada Tuhan mereka? Tidakkah mereka takut kepada akibat kezaliman mereka? Mengapakah mereka tidak berpatah balik dari kesesatan mereka? Ya, sikap mereka sungguh aneh dan wajar dihairankan. Dan setiap orang yang zalim yang bersikap seperti mereka adalah sama sahaja seperti mereka.

Sikap Fir'aun dan para pembesarnya bukanlah suatu perkara baru kepada Nabi Musa a.s. Beliau memang cukup mengetahuinya. Beliau memang tahu kezaliman Fir'aun dan kemaharajalelaannya. Beliau sedar bahawa tugas kerasulan itu adalah satu tugas yang amat besar dan amat berat. Oleh sebab itulah beliau mengadu kelemahan dan kekurangannya kepada Allah, tetapi rayuan ini bukanlah bertujuan untuk melepas dan menguzurkan dirinya dari perintah yang agung itu, malah untuk memohon bantuan dan pertolongan dalam melaksanakan tugas yang amat sukar itu.

قَالَ رَبِّ إِنِّي أَخَافُ أَن يُكَذِّبُونِ ﴿١٢﴾
وَيَضِيقُ صَدْرِي وَلَا يَنطَلِقُ لِسَانِي فَأَرْسِلْ إِلَىٰ
هَارُونَ ﴿١٣﴾
وَلَهُمْ عَلَيَّ ذَنبٌ فَأَخَافُ أَن يَقْتُلُونِ ﴿١٤﴾

"Berkatalah Musa: Wahai Tuhanku! Sesungguhnya aku takut mereka mendustakanku(12). Dan hatiku menjadi gugup dan lidahku tidak lancar. Oleh itu hantarlah Harun kepadaku(13). Dan aku bersalah terhadap mereka. Oleh itu aku takut mereka membunuhku."(14)

Yang nampak jelas dari do'a Musa a.s. ialah beliau bukannya semata-mata takut kepada pendustaan, tetapi beliau bimbang pendustaan itu berlaku semasa hati beliau berada dalam keadaan gugup dan lidahnya tidak lancar menyebabkan beliau tidak berupaya

memberi penerangan yang jelas dan mengemukakan hujah-hujah untuk menentang dan menolak pendustaan itu. Memang ada kelemahan gagap pada lidah beliau dan kelemahan inilah yang disebut oleh beliau (di dalam do'anya) dalam Surah Taha:

وَٱحۡلُلۡ عُقۡدَةٗ مِّن لِّسَانِي ﴿٢٧﴾ يَفۡقَهُواْ قَوۡلِي ﴿٢٨﴾

"Dan lepaskanlah simpulan dari lidahku supaya mereka dapat memahami perkataanku."(27-28)

Pengidapan bercakap gagap ini biasanya menimbulkan keadaan yang menjadikan seseorang itu gugup kerana ia tidak dapat meluahkan perasaannya yang terharu itu dengan percakapan, dan kegagapan itu akan bertambah berat lagi apabila tekanan perasaan terharu itu bertambah kuat. Ini akan menyebabkan seseorang itu bertambah gugup. Demikianlah seterusnya. Pengidapan ini memang diketahui umum. Dari sinilah Nabi Musa a.s. bimbang keadaan yang seperti ini akan berlaku kepada beliau semasa menyampaikan da'wah kepada pemerintah yang zalim seperti Fir'aun. Oleh sebab itulah beliau mengadu kelemahan dan kebimbangan-nya kepada Allah dalam usaha menyampaikan da'wah itu dan meminta Allah memerintah Harun saudaranya supaya turut bersama beliau menyampaikan da'wah itu untuk menutup kelemahannya dalam melaksanakan tugas itu, bukannya untuk mengelak dan menguzurkan diri dari tugas itu. Harun lebih fasih lidahnya kerana itu beliau lebih tenang. Apabila Musa diganggu oleh pengidapan gagapnya atau diharui perasaan gugup, maka bolehlah Harun (mengambil tempatnya) berdebat, berhujah dan membuat penerangan-penerangan yang jelas. Nabi Musa a.s. telah memohon kepada Allah sebagaimana tersebut dalam Surah Taha - supaya melepaskan simpulan gagap itu dari lidahnya, tetapi bagi menambahkan lagi langkah-langkah cadangan untuk melaksanakan tugas itu, beliau memohon agar Allah mengutuskan Harun saudaranya itu bersama beliau sebagai menteri dan pembantunya.

Begitu juga perkataan beliau **"Aku bersalah terhadap mereka, oleh itu aku takut mereka membunuhku."** Beliau menyebut perkara ini bukan kerana takut menghadapi Fir'aun dan mengelak diri dari tugas, tetapi kerana ada hubungan dengan permintaan beliau agar Harun turut diutuskan bersama beliau supaya jika ia dibunuh, maka Harun dapat mengambil tempatnya menyampaikan da'wah dan menyempurnakan tugas yang diperintah Allah tanpa terganggu apa-apa.

Itulah langkah cadangan untuk (keselamatan) da'wah bukannya untuk (keselamatan) penda'wah. Pertama: Langkah cadangan ketika lidah beliau mengalami gagap semasa mempertahankan da'wah Allah dan menerangkan hujah-hujahnya yang boleh menyebabkan da'wah itu kelihatan lemah dan tidak sempurna. Kedua: Langkah cadangan kemungkinan beliau dibunuh mereka dan menyebabkan tugas menyampaikan da'wah Allah yang ditugaskan kepadanya itu terhenti, sedangkan beliau amat ghairah untuk menyampai dan menegakkannya. Inilah (sikap hati-hati) yang layak dengan Musa a.s. yang dicipta, dididik dan dipilih oleh Allah.

Kerana memenuhi keghairahan dan langkah-langkah cadangan Musa itu, maka Allah telah memperkenankan permintaan beliau dan mententeramkan hatinya dari kebimbangan dan ketakutan. Di sini Al-Qur'an mencerita dengan ringkas tanpa menyebut babak permohonan Musa diperkenankan Allah, babak Harun diutuskan bersama, babak ketibaan Musa di Mesir dan pertemuan beliau dengan Harun, malah ia terus menayangkan pemandangan Musa bersama Harun sedang menerima perintah Tuhan mereka Yang Maha Mulia dan serentak dalam waktu yang sama Allah menenangkan hati Musa dan menolak kebimbangan beliau dengan sekeras-kerasnya, iaitu dengan menggunakan kata-kata " كلا " sebuah kata-kata yang digunakan untuk menyatakan sanggahan dan larangan yang keras.

قَالَ كَلَّاۖ فَٱذۡهَبَا بِـَٔايَٰتِنَآۖ إِنَّا مَعَكُم مُّسۡتَمِعُونَ ﴿١٥﴾
فَأۡتِيَا فِرۡعَوۡنَ فَقُولَآ إِنَّا رَسُولُ رَبِّ ٱلۡعَٰلَمِينَ ﴿١٦﴾
أَنۡ أَرۡسِلۡ مَعَنَا بَنِيٓ إِسۡرَٰٓءِيلَ ﴿١٧﴾

"Allah berfirman: Janganlah sekali-kali takut. Pergilah kamu berdua membawa mu'jizat-mu'jizat Kami. Sesungguhnya Kami mendengar bersama-sama kamu(15). Hendaklah kamu berdua temui Fir'aun dan katakanlah: Sesungguhnya kami adalah utusan dari Tuhan semesta alam(16). Dan lepaskan Bani Israel (keluar dari Mesir) bersama kami."(17)

Jangan sekali-kali takut. Hatimu tidak akan gugup dan lidahmu tidak akan tergagap dan engkau sekali-kali tidak akan dibunuh mereka. Jauhkan ingatan-ingatan yang seperti ini dari hatimu dan pergilah engkau bersama saudaramu **"Pergilah kamu berdua membawa mu'jizat-mu'jizat Kami".** Di antara mu'jizat yang telah disaksikan Musa ialah mu'jizat tongkat dan tangan yang putih melepak. Al-Qur'an menayangkan kedua-dua mu'jizat itu dengan ringkas sahaja di sini, kerana penekanan di dalam surah ini adalah ditujukan kepada kisah pertemuan dengan Fir'aun, kisah pertandingan dengan para ahli sihir dan kisah tenggelam dan selamat. Pergilah kamu berdua **"Sesungguhnya Kami mendengar bersama-sama kamu".** Apakah lagi kekuatan, kuasa dan naungan (yang lebih dari ini)? Allah tetap bersama mereka berdua, malah bersama setiap manusia di setiap sa'at dan di setiap tempat. Kebersamaan yang dimaksudkan di dalam ayat ini ialah kebersamaan untuk memberi pertolongan dan bantuan yang digambarkan di sini dengan gambaran **"Mendengar"** iaitu setinggi-tinggi gambaran kehadiran dan perhatian Ilahi. Ini adalah satu gambaran yang membayangkan kehalusan naungan Allah dan siap sedianya bantuan dan pertolongan Allah kepada

beliau mengikut gaya penyampaian Al-Qur'an melalui cara ilustrasi.

Pergilah kamu berdua dan **"Hendaklah kamu temui Fir'aun"** dan ceritakan tugas kamu kepadanya tanpa sebarang ketakutan dan teragak-agak dan **"Katakanlah sesungguh-nya kami adalah utusan dari Tuhan semesta alam"** termasuk mereka berdua, tetapi kedua mereka pergi membawa tugas da'wah yang sama. Mereka berdua adalah utusan dari Tuhan semesta alam yang diutus untuk menghadapi Fir'aun yang telah mendakwa menjadi Tuhan dan berkata kepada kaumnya:

مَا عَلِمْتُ لَكُم مِّنْ إِلَٰهٍ غَيْرِى

"Aku tidak mengetahui kamu mempunyai Tuhan yang lain dariku."

(Surah al-Qasas: 38)

Ia merupakan satu da'wah yang kuat,yang berterus terang mengemukakan hakikat tauhid sejak detik pertama lagi, satu da'wah sekaligus tanpa beransur-ansur dan tanpa takut-takut, kerana hakikat tauhid adalah satu hakikat yang tunggal yang tidak tahu bertolak ansur dan berdiplomasi.

"Sesungguhnya kami adalah utusan Tuhan yang memiliki dan memelihara semesta alam dan lepaskan Bani Israel (keluar dari Mesir) bersama kami", dari ayat-ayat ini dan ayat-ayat seumpamanya di dalam kisah Musa a.s. di dalam Al-Qur'an, ternyatalah bahawa beliau diutus kepada Fir'aun dan kaumnya bukanlah untuk menyeru mereka kepada agamanya dan mengajak mereka berpegang dengan sistem hidup da'wahnya, malah beliau diutuskan kepada mereka untuk menuntut mereka membebaskan Bani Israel supaya mereka dapat menyembah Tuhan mereka mengikut kehendak mereka, kerana Bani Israel adalah memeluk agama (samawi) sejak moyang mereka Israel lagi, iaitu Nabi Ya'kub ayahanda Nabi Yusuf a.s., kemudian agama ini telah pudar di dalam jiwa mereka dan 'aqidah-'aqidah mereka telah menjadi rosak, lalu Allah mengutuskan Musa kepada mereka untuk menyelamatkan mereka dari kezaliman Fir'aun dan mendidik mereka semula di atas agama tauhid.

******

(Pentafsiran ayat-ayat 18 - 37)

Musa Berdialog Dengan Fir'aun

Sampai di sini kita masih berada di hadapan pemandangan Nabi Musa a.s. dibangkit, diwahyu dan ditugaskan sebagai seorang rasul, tetapi tirai telah dilabuhkan kemudian kita dapati diri kita berada di hadapan pemandangan Nabi Musa a.s. bertemu dan berdepan dengan Fir'aun. Al-Qur'an meringkaskan cerita tanpa menyebut babak-babak yang terdapat di antara dua pemandangan itu mengikut gaya cara penyampaian Al-Qur'an yang seni.

قَالَ أَلَمْ نُرَبِّكَ فِينَا وَلِيدًا وَلَبِثْتَ فِينَا مِنْ عُمُرِكَ
سِنِينَ ﴿١٨﴾
وَفَعَلْتَ فَعْلَتَكَ الَّتِي فَعَلْتَ وَأَنتَ مِنَ الْكَافِرِينَ ﴿١٩﴾
قَالَ فَعَلْتُهَا إِذًا وَأَنَا مِنَ الضَّالِّينَ ﴿٢٠﴾
فَفَرَرْتُ مِنكُمْ لَمَّا خِفْتُكُمْ فَوَهَبَ لِي رَبِّي حُكْمًا وَجَعَلَنِي
مِنَ الْمُرْسَلِينَ ﴿٢١﴾
وَتِلْكَ نِعْمَةٌ تَمُنُّهَا عَلَيَّ أَنْ عَبَّدتَّ بَنِي إِسْرَائِيلَ ﴿٢٢﴾

"Berkatalah Fir'aun: Bukankah kami telah mendidikmu dalam kalangan kami sewaktu engkau masih seorang bayi yang baru lahir dan engkau juga telah tinggal dalam kalangan kami bertahun-tahun lamanya dari usia hidupmu(18). Dan engkau telah melakukan perbuatan (membunuh) yang sememangnya dilakukan engkau dan engkau (di waktu itu) adalah dari mereka yang masih tidak beriman (kepada Tuhan semesta alam)(19). Jawab Musa: Aku telah melakukan perbuatan itu sewaktu aku masih berada di dalam golongan mereka yang sesat (jahil)(20). Lalu aku melarikan diri dari kamu kerana aku takut kepadamu. Kemudian Tuhanku mengurniakan hikmat kepadaku dan melantikkanku dalam golongan para rasul(21). Budi baik yang engkau bangkitkannya terhadapku itu adalah kerana engkau telah memperhambakan Bani Israel."(22)

Fir'aun terkaget melihat Musa menghadapinya dengan dakwaan yang amat besar ini **"Sesungguhnya kami adalah utusan dari Tuhan sekalian alam"**, dan kemudian mengemukakan tuntutan yang amat besar pula **"Dan lepaskan Bani Israel (keluar dari Mesir) bersama kami"** kerana setahu Fir'aun Musa hanya seorang budak peliharaannya sahaja sejak ia dipungut dari sebuah peti (yang dihanyutkan di Sungai Nil).[3] Dan dia telah melarikan diri selepas membunuh seorang Qibti, yang sedang bergaduh dengan seorang Bani Israel.[4] Menurut cerita, orang Qibti ini kebetulan, salah seorang pegawai Fir'aun. Alangkah jauhnya jarak perbezaan di antara masa Fir'aun mengenali siapa Musa dengan masa Musa mengemukakan dakwaan yang amat besar ini kepadanya setelah berlalu selama sepuluh tahun itu. Justeru itulah Fir'aun memperlihatkan kehairanannya dengan mengemukakan pertanyaan mengejek dan menghina:

قَالَ أَلَمْ نُرَبِّكَ فِينَا وَلِيدًا وَلَبِثْتَ فِينَا مِنْ عُمُرِكَ
سِنِينَ ﴿١٨﴾

---

[3] *Surah Taha , Juzu' yang ke-16, Tafsir Fi Zilal.*
[4] *Surah al-Qasas, Juzu' ke-20.*

وَفَعَلْتَ فَعْلَتَكَ ٱلَّتِى فَعَلْتَ وَأَنتَ مِنَ ٱلْكَٰفِرِينَ ١٩

"Berkatalah Fir'aun: Bukankah kami telah mendidikmu dalam kalangan kami sewaktu engkau masih seorang bayi yang baru lahir dan engkau juga telah tinggal dalam kalangan kami bertahun-tahun lamanya dari usia hidupmu(18). Dan engkau telah melakukan perbuatan (membunuh) yang sememangnya dilakukan engkau dan engkau (di waktu itu) adalah dari mereka yang masih tidak beriman (kepada Tuhan semesta alam)."(19)

Inikah balasan terhadap didikan dan kemuliaan yang engkau telah terima di sisi kami sejak engkau masih seorang bayi yang baru lahir? Apakah engkau datang pada hari ini untuk menentang agama yang kami anuti dan untuk menderhaka terhadap seorang raja, di mana engkau diasuh di bawah bumbung istananya dan untuk bertuhankan Tuhan yang lain darinya?

Mengapakah - semasa engkau tinggal bersama kami bertahun-tahun lamanya engkau tidak pernah memperkatakan tentang dakwaan yang engkau kemukakannya pada hari ini dan engkau tidak pernah memberitahu kami tentang muqaddimah-muqaddimah perkara yang amat besar ini?

Fir'aun mengingatkan beliau tentang peristiwa pembunuhan seorang Qibti dengan gaya kata yang bertujuan membesar-besarkan perbuatan itu: **"Dan engkau telah melakukan perbuatan yang sememangnya dilakukan engkau".** Itulah perbuatan engkau yang amat keji dan buruk, yang tidak layak diceritakan dengan kata-kata yang terbuka. Engkau sememangnya telah melakukan perbuatan itu **"Dan engkau (di waktu itu) adalah dari mereka yang masih tidak beriman"** kepada Tuhan semesta alam yang engkau sebutkannya pada hari ini, kerana di waktu itu engkau tidak pernah memperkatakan tentang Tuhan semesta alam itu.

Demikianlah Fir'aun mengumpulkan segala alasan yang difikirnya dapat menjadi hujah yang membunuh Nabi Musa a.s. dan tidak dapat dijawab oleh beliau terutama cerita beliau membunuh orang Qibti yang boleh dihukum balas yang diancam oleh Fir'aun di sebalik kata-kata itu.

Tetapi Musa - yang telah dikabulkan Allah do'anya dan dihilangkan gagap dari lidahnya telah menjawab dengan lancar:

قَالَ فَعَلْتُهَآ إِذًا وَأَنَا۠ مِنَ ٱلضَّآلِّينَ ٢٠

فَفَرَرْتُ مِنكُمْ لَمَّا خِفْتُكُمْ فَوَهَبَ لِى رَبِّى حُكْمًا وَجَعَلَنِى مِنَ ٱلْمُرْسَلِينَ ٢١

وَتِلْكَ نِعْمَةٌ تَمُنُّهَا عَلَىَّ أَنْ عَبَّدتَّ بَنِىٓ إِسْرَٰٓءِيلَ ٢٢

"Jawab Musa: Aku telah melakukan perbuatan itu sewaktu aku masih berada di dalam golongan mereka yang sesat (jahil)(20). Lalu aku melarikan diri dari kamu kerana aku takut kepadamu. Kemudian Tuhanku mengurniakan hikmat kepadaku dan melantikkanku dalam golongan para rasul(21). Budi baik yang engkau bangkitkannya terhadapku itu ada kerana engkau telah memperhambakan Bani Israel."(22)

Ya, aku telah melakukan perbuatan itu, tetapi di waktu itu aku masih jahil. Aku telah didorong oleh semangat 'asabiyah terhadap kaumku bukannya didorong oleh 'aqidah yang diketahuiku pada hari ini berkat ilmu hikmat yang dikurniakan Allah kepadaku **"Lalu aku melarikan diri dari kamu ketika aku takut kepada kamu"** terhadap keselamatan diriku. Kemudian Allah mengurniakan kebajikan kepadaku iaitu **"Tuhanku mengurniakan hikmat kepadaku dan melantikkanku dalam golongan para rasul"**, jadi aku bukannya seorang baru yang pertama di dalam bidang ini, malah aku hanya salah seorang dari angkatan para rasul.[5]

Kemudian Musa membalas ejekan Fir'aun itu dengan ejekan juga:

وَتِلْكَ نِعْمَةٌ تَمُنُّهَا عَلَىَّ أَنْ عَبَّدتَّ بَنِىٓ إِسْرَٰٓءِيلَ ٢٢

"Budi baik yang engkau bangkitkannya terhadapku itu adalah kerana engkau telah memperhambakan Bani Israel."(22)

Sebab aku dididik di dalam istanamu sewaktu aku dalam usia bayi yang baru lahir itu adalah disebabkan oleh perbuatan engkau sendiri yang telah memperhamba dan menindas Bani Israel serta membunuh anak-anak lelaki mereka. Inilah sebabnya yang telah memaksa ibuku meletakkanku di dalam peti dan menghanyutkannya ke dalam sungai, kemudian dipungut oleh orang-orang engkau. Kerana inilah aku dididik dalam istanamu bukan di rumah orang tuaku. Apakah ini budi baik yang dibangkit-bangkitkan engkau? Inikah limpah kurniamu yang besar kepadaku?

Sampai di sini Fir'aun pun mengalih pembicaraannya dan terus menyoal Nabi Musa a.s. tentang hakikat da'wahnya, tetapi dia menyoal dengan gaya pura-pura tidak tahu, gaya menghina dan biadab terhadap Allah Yang Maha Mulia:

قَالَ فِرْعَوْنُ وَمَا رَبُّ ٱلْعَٰلَمِينَ ٢٣

"Fir'aun bertanya apakah Tuhan semesta alam itu?"(23)

---

[5] Dari susunan bunyi yang seni di dalam pengungkapan ayat-ayat ini dapatlah diperhatikan bahawa huruf penamat ayat-ayat di dalam surah ini ialah mim(م) atau nun(ن) dan sebelumnya didahului huruf mad. Kata-kata "المرسلين" dari segi bunyi adalah seirama dengan nada-nada yang terbanyak dalam surah ini. Dan ini tentulah tidak tercapai apabila ungkapan " وجعلني رسولا" namun begitu ia dapat menyampaikan tujuan yang dimaksudkan iaitu diri beliau adalah salah seorang rasul dari rasul yang ramai. Dia bukannya tunggal dan ganjil. Demikianlah terkumpulnya keselarasan tujuan kesenian dan keagamaan di dalam pengungkapan itu.

Dia - qabbahahullah - menyoal apakah benda yang dikatakan **"Tuhan semesta alam"** yang engkau dakwakan bahawa engkau adalah utusan dari-Nya? Inilah pertanyaan si Fir'aun yang ingkarkan perkataan **"Tuhan semesta alam"** itu dari pokok pangkalnya lagi, si Fir'aun yang mengejek perkataan itu bersama-sama Musa yang mengatakannya, dan si Fir'aun yang memperanehkan seluruh persoalan itu seolah-olah dia melihat persoalan itu sebagai satu persoalan yang tidak mungkin difaham dan dimengerti.

Lalu Nabi Musa a.s. menjawab dengan menerangkan sifat Rububiyah Allah S.W.T. yang merangkumi seluruh alam buana dan segala isinya:

قَالَ رَبُّ ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَٱلْأَرْضِ وَمَا بَيْنَهُمَآ إِن كُنتُم مُّوقِنِينَ ﴿٢٤﴾

"Jawab Musa: Itulah Tuhan yang memiliki dan memelihara langit, bumi dan apa yang ada di antara keduanya jika kamu ingin mendapat keyakinan."(24)

Itulah jawapan yang setimpal dengan sikap Fir'aun yang berpura-pura tidak tahu itu. Tuhan semesta alam itu ialah Tuhan alam buana yang amat besar ini, yang tidak terjangkau oleh kuasa dan ilmumu, wahai Fir'aun! Keseluruhan dakwaan Fir'aun ialah dia itu tuhan rakyat Mesir dan negeri Mesir di perlembahan Sungai Nil. Ini adalah sebuah kerajaan yang amat kecil sahaja laksana sebiji zarah atau debu dibandingkan dengan kerajaan langit bumi dan makhluk-makhluk di antara keduanya. Jawapan Nabi Musa a.s. itu mengandungi sindiran yang memperkecil dan menolakkan dakwaan Fir'aun serta menyaran supaya dia melihat alam buana yang amat besar ini dan berfikir siapakah yang layak menjadi Tuhannya, maka Dialah Tuhan semesta alam, kemudian beliau iringi saranan itu dengan perkataan **"Jika kamu ingin mendapat keyakinan"** yakni konsep Tuhan semesta alam itulah satu-satu konsep yang dapat memberi keyakinan dan kepercayaan yang baik.

Kemudian Fir'aun berpaling kepada orang-orang di sekelilingnya memperanehkan perkataan Musa ini kepada mereka atau mungkin juga dia mahu mengalihkan pandangan mereka supaya mereka tidak terpengaruh kepada perkataan Musa mengikut cara pemerintah-pemerintah yang zalim yang takut kepada resapan kata-kata yang benar, jujur dan jelas ke dalam hati orang ramai:

قَالَ لِمَنْ حَوْلَهُۥٓ أَلَا تَسْتَمِعُونَ ﴿٢٥﴾

"Berkatalah Fir'aun kepada mereka yang berada di sekelilingnya: Apakah kamu sekalian tidak mendengar?"(25)

Apakah kamu tidak mendengar perkataan yang aneh dan ganjil ini? Ini adalah perkataan yang tidak pernah kita ketahui dan tidak pernah dikatakan oleh seseorang yang dikenali kita.

Musa a.s. terus menyerang Fir'aun dan kuncu-kuncunya dengan menyebut satu sifat yang lain dari sifat-sifat Tuhan sekalian alam:

قَالَ رَبُّكُمْ وَرَبُّ ءَابَآئِكُمُ ٱلْأَوَّلِينَ ﴿٢٦﴾

"Musa berkata lagi: Dia adalah Tuhan kamu dan Tuhan datuk nenek kamu yang dahulu kala."(26)

Kenyataan ini lebih menyinggung perasaan Fir'aun dan menggugatkan dakwaan dan kedudukannya. Beliau mengatakan kepada Fir'aun bahawa Tuhan semesta alam itu adalah Tuhan Fir'aun sendiri dan dia tidak lebih dari salah seorang dari para hamba-Nya, dan dia bukannya tuhan seperti yang didakwakannya di hadapan kaumnya. Tuhan semesta alam itu juga adalah Tuhan kaumnya, bukannya Fir'aun yang menjadi tuhan mereka seperti yang didakwakannya. Tuhan semesta alam itu juga Tuhan datuk nenek mereka yang dahulu kala. Oleh itu warisan ketuhanan yang didakwakan Fir'aun itu adalah satu dakwaan yang palsu kerana sebelum ini tiada wujud Tuhan yang lain melainkan hanya Tuhan semesta alam sahaja.

Kenyataan itu merupakan satu pukulan mati kepada Fir'aun dan dia tidak boleh berdiam diri lagi, kerana dia sedang dikelilingi para pembesar yang turut mendengar (dialog itu). Kerana itu dengan penuh sendaan dia terus menuduh beliau sebagai orang gila:

قَالَ إِنَّ رَسُولَكُمُ ٱلَّذِىٓ أُرْسِلَ إِلَيْكُمْ لَمَجْنُونٌ ﴿٢٧﴾

"Berkatalah Fir'aun: Sesungguhnya Rasul kamu yang diutuskan kepada kamu itu adalah seorang gila."(27)

Tujuan Fir'aun ialah mempersenda-sendakan persoalan kerasulan itu sendiri. Oleh itu dia mahu menjauhkan hati orang ramai dari mempercayainya dengan menggunakan sendaan-sendaan ini, dia bukannya bertujuan untuk mengakui persoalan kerasulan dan mengi'tirafkan kemungkinannya. Dia menuduh Musa a.s. sebagai orang gila dengan tujuan untuk menghapuskan keberkesanan kenyataan beliau yang tepat menikam kedudukannya baik dari segi politik mahupun dari segi agama, dan mengembalikan orang ramai kepada Allah sebagai Tuhan mereka dan Tuhan datuk nenek mereka yang dahulu kala.

Tetapi sendaan dan tuduhan itu tidak melemahkan Musa a.s., malah beliau terus mengemukakan kata-kata yang benar, yang menggoncangkan pemerintah-pemerintah yang zalim dan sewenang-wenang itu:

قَالَ رَبُّ ٱلْمَشْرِقِ وَٱلْمَغْرِبِ وَمَا بَيْنَهُمَآ إِن كُنتُمْ تَعْقِلُونَ ﴿٢٨﴾

"Musa berkata lagi: Dia adalah Tuhan timur dan barat dan apa yang ada di antara keduanya jika kamu berfikir."(28)

Hala Timur dan hala Barat, di mana terbit dan terbenamnya matahari itu merupakan dua pemandangan yang terbentang di hadapan mata setiap hari, tetapi hati manusia sahaja yang tidak memberi perhatian kepadanya kerana terlalu kerap dan biasa. Kata-kata timur dan barat itu menunjukkan kepada pergerakan matahari yang terbit dan terbenam, juga menunjukkan kepada tempat dan hala, di mana terbit dan terbenamnya matahari itu sendiri. Kedua-dua peristiwa yang besar ini tidak memberanikan Fir'aun dan orang-orang yang sepertinya dari tokoh-tokoh manusia yang sewenang-wenang untuk mendakwa bahawa dialah yang berkuasa mengendalikan dua peristiwa itu. Jadi siapakah yang mengendalikan kedua-dua peristiwa ini dengan begitu teratur rapi, tidak pernah sekalipun mungkir atau terlambat dari masanya yang telah ditentukan? Kenyataan ini menggerakkan hati yang bodoh dan menyedarkan akal yang lalai. Kemudian Musa merangsangkan perasaan mereka dan mengajak mereka berfikir dengan teliti **"jika kamu berfikir".**

Yang paling ditakuti oleh pemerintah yang zalim ialah kesedaran rakyat jelatanya dan kebangkitan hati nurani mereka. Dan yang paling dibenci olehnya ialah penda'wah-penda'wah yang menyeru kepada kesedaran dan kebangkitan, dan yang paling dimurkainya ialah orang-orang yang menggerakkan hati-hati yang lalai. Dari sinilah timbulnya kemarahan Fir'aun terhadap Nabi Musa a.s. apabila beliau menyentuh hati (sidang hadirin) dengan kenyataan-kenyataannya (yang menarik) itu. Dan terus menamatkan dialog dengan beliau dengan mengeluarkan ancaman yang kasar untuk menghukum beliau dengan hukuman yang kejam, iaitu hukuman yang selalu digunakan oleh pemerintah-pemerintah yang zalim apabila mereka kecewa dan kehabisan dalil dan hujah:

قَالَ لَئِنِ ٱتَّخَذْتَ إِلَٰهًا غَيْرِي لَأَجْعَلَنَّكَ مِنَ ٱلْمَسْجُونِينَ ﴿٢٩﴾

"Berkatalah Fir'aun: Jika engkau menyembah Tuhan yang lain dariku, nescaya aku jadikan engkau dalam golongan banduan-banduan yang dipenjarakan."(29)

Inilah satu-satunya dalil dan hujah Fir'aun. Dia mengugut untuk menyumbat Nabi Musa a.s. ke dalam penjara bersama-sama mereka yang terpenjara dan bagi Fir'aun hukuman penjara itu bukanlah suatu hukuman yang jauh dan bukan pula suatu peraturan yang baru. Hukuman itu merupakan bukti kelemahan dan tanda lemahnya perasaan kebatilan di hadapan kebenaran yang kuat. Itulah sifat pemerintah-pemerintah yang zalim dan cara pemerintahan mereka di zaman dahulu dan di zaman baru.

Tetapi ugutan Fir'aun itu tidak menghilangkan keberanian Musa. Masakan beliau tidak bersifat berani sedangkan beliau Rasul Allah? Sedangkan Allah bersamanya dan bersama saudaranya? Tiba-tiba beliau membuka kembali lembaran yang mahu ditutup oleh Fir'aun dengan mengemukakan pertanyaan dan dalil yang baru:

قَالَ أَوَلَوْ جِئْتُكَ بِشَيْءٍ مُّبِينٍ ﴿٣٠﴾

"Jawab Musa: (Adakah engkau akan bertindak begitu) walaupun aku dapat membawa kepadamu suatu bukti yang amat nyata."(30)

Yakni sekiranya aku dapat mengemukakan hujah yang jelas yang menunjukkan kebenaran kerasulanku, adakah engkau akan menyumbatkanku ke dalam penjara juga? Pertanyaan ini menyebabkan Fir'aun serba salah di hadapan para pembesar yang telah mendengar perkataan-perkataan Musa yang telah lalu. Sekiranya dia menolak untuk mendengar hujah Musa yang jelas itu tentulah bererti dia takut kepada hujah-hujahnya sedangkan dia telah menuduh Musa sebagai orang gila. Di sinilah Fir'aun dapati dirinya terpaksa meminta Musa supaya mengemukakan hujah itu:

قَالَ فَأْتِ بِهِۦٓ إِن كُنتَ مِنَ ٱلصَّٰدِقِينَ ﴿٣١﴾

"Berkatalah Fir'aun: Bawalah bukti itu jika kamu benar."(31)

Yakni jika engkau benar dalam dakwaanmu itu atau jika engkau benar mempunyai hujah yang amat jelas. Di sini Fir'aun terus menunjukkan keraguannya terhadap Musa kerana takut hujah beliau meninggalkan sesuatu kesan di dalam hati kaumnya yang hadir.

Lantas Musa menunjukkan dua mu'jizatnya yang bersifat fizikal yang sengaja ditangguhkan sehingga cabaran Fir'aun itu sampai ke kemuncaknya:

Musa Memperlihatkan Mu'jizatnya Kepada Fir'aun

فَأَلْقَىٰ عَصَاهُ فَإِذَا هِيَ ثُعْبَانٌ مُّبِينٌ ﴿٣٢﴾
وَنَزَعَ يَدَهُۥ فَإِذَا هِيَ بَيْضَآءُ لِلنَّٰظِرِينَ ﴿٣٣﴾

"Lalu Musa mencampakkan tongkatnya tiba-tiba ia menjadi seekor ular yang amat nyata(32). Dan dia menarik tangannya (dari dalam bajunya) tiba-tiba ia menjadi putih melepak kepada orang-orang yang melihatnya."(33)

Ungkapan ayat ini menunjukkan bahawa tongkat itu benar-benar berubah menjadi seekor ular yang hidup dan tangan yang dikeluarkannya (dari lubang bajunya itu) benar-benar menjadi putih melepak. Ini dibuktikan oleh kata "فَإِذَا هِيَ" (tiba-tiba ia menjadi). Apa yang berlaku itu bukannya kerana pengaruh kongkongan daya fantasi atau perasaan seperti yang berlaku di dalam amalan sihir, kerana sihir tidak mengubahkan tabi'at benda-benda, malah ia hanya mengongkongkan pancaindera manusia dengan gambaran khayali yang tidak sebenar.

Mu'jizat hayat yang tercetus dari arah yang tidak diketahui manusia itu adalah satu mu'jizat yang berlaku pada setiap sa'at, tetapi hanya manusia sahaja yang tidak memberi perhatian kepadanya kerana

terlalu biasa dan terlalu kerap berulang-ulang atau kerana mereka tidak menyaksikan perubahan itu sebagai suatu cabaran. Tetapi di dalam adegan ini, di mana Musa a.s. mencabar Fir'aun dengan dua mu'jizatnya, maka cetusan hayat itu benar-benar menggoncang dan menakutkan. Kini Fir'aun benar-benar merasa betapa besar dan kuatnya mu'jizat Musa itu, lalu diapun dengan segera menentang dan menolak mu'jizat itu setelah dia sedar betapa lemah kedudukannya. Dia hampir-hampir hendak mengampu-ampu kaumnya yang hadir di sekelilingnya dan cuba merangsangkan ketakutan, mereka terhadap Musa dan kaumnya untuk menutup kesan mu'jizat yang telah menggoncangkan hatinya:

قَالَ لِلْمَلَإِ حَوْلَهُۥٓ إِنَّ هَٰذَا لَسَٰحِرٌ عَلِيمٌ ٣٤
يُرِيدُ أَن يُخْرِجَكُم مِّنْ أَرْضِكُم بِسِحْرِهِۦ فَمَاذَا
تَأْمُرُونَ ٣٥

"Berkatalah Fir'aun kepada para pembesar disekelilingnya: Sesungguhnya orang ini adalah seorang tukang sihir yang pandai(34). Dia mahu mengusir kamu dari negeri kamu dengan kuasa sihirnya. Oleh itu apakah perintah kamu kepadaku."(35)

Kata-kata Fir'aun itu membayangkan bahawa dia memang mengakui keagungan mu'jizat itu walaupun dia namakannya sebagai sihir dan menyifatkan Musa sebagai ahli sihir yang pintar. Kebimbangan Fir'aun terhadap kesan mu'jizat yang mungkin mempengaruhi kaumnya itu kelihatan jelas. Oleh sebab itulah dia melaga-lagakan mereka dengan Musa: **"Dia mahu mengusir kamu dari negeri kamu dengan kuasa sihirnya"**. Dia jelas kelihatan lemah, kaku dan rendah diri di hadapan kaumnya sendiri, sedangkan dialah yang melantikkan dirinya menjadi tuhan mereka. Oleh sebab itu dia memohon perintah dan nasihat mereka **"Oleh itu apakah perintah kamu kepadaku"**, tetapi bilakah Fir'aun pernah memohon perintah dari para pengikut-pengikutnya sedangkan mereka selama ini sujud kepadanya?

Itulah kebiasaan pemerintah-pemerintah yang zalim apabila mereka merasa bumi mula bergoyang di bawah tapak kaki mereka. Di waktu inilah mereka mula bercakap lembut setelah sekian lama bersikap angkuh. Mereka mencari perlindungan pada rakyat jelata, sedangkan selama ini mereka memijak mereka dengan tapak kaki mereka. Mereka berpura-pura meminta nasihat rakyat jelata dalam urusan pemerintahannya, sedangkan selama ini mereka mentadbirkan pemerintahan itu mengikut hawa nafsu mereka sahaja. Dan apabila mereka selamat melalui kawasan bahaya, mereka akan terus berubah menjadi pemerintah-pemerintah yang bermaharajalela dan zalim.

Kemudian para pembesar itu memberi nasihat kepada Fir'aun. Mereka telah termasuk di dalam perangkapnya. Mereka turut bekerjasama menegakkan kebatilan Fir'aun dan mereka mempunyai kepentingan untuk mengekalkan kedudukan-kedudukan yang dapat menjadikan mereka pembesar-pembesar yang rapat, berpengaruh dan berkuasa. Mereka bimbang dikalahkan Musa dan Bani Israel yang kelak akan menguasai negeri mereka jika diikuti oleh rakyat jelata yang lain. Apabila mereka melihat mu'jizat-mu'jizat Musa dan mendengar perkataan-perkataannya mereka pun memberi nasihat kepada Fir'aun supaya kekuatan sihir Musa dilawan dengan kekuatan sihir yang sama setelah diadakan persediaan-persediaan yang wajar:

قَالُوٓا۟ أَرْجِهْ وَأَخَاهُ وَٱبْعَثْ فِى ٱلْمَدَآئِنِ حَٰشِرِينَ ٣٦
يَأْتُوكَ بِكُلِّ سَحَّارٍ عَلِيمٍ ٣٧

"Jawab mereka: Berilah tempoh kepada Musa dan saudaranya dan kirimkanlah ke seluruh bandar besar utusan-utusan untuk mengumpulkan (ahli-ahli sihir)(36). Nescaya mereka akan membawa kepada anda ahli-ahli sihir yang pintar."(37)

Yakni berilah tempoh kepada Musa dan saudaranya sehingga kepada suatu masa yang tertentu dan kirimkan utusan-utusan tuanku ke bandar-bandar Mesir yang besar supaya mereka mengumpulkan ahli-ahli sihir yang pintar untuk mengadakan pertandingan di antara mereka dengan Musa.

******

(Pentafsiran ayat-ayat 38 - 40)

Gelanggang Pertandingan Sedang Disiapsediakan

Di sini tirai dilabuhkan menutup pemandangan ini, kemudian disingkapkan kembali untuk menayangkan pemandangan para ahli sihir sedang dikumpulkan. Orang ramai juga dikumpul untuk menyaksikan pertandingan itu dan mereka diberi perangsang supaya menyokong para ahli sihir dan pihak berkuasa di belakang mereka. Kini gelanggang pertandingan di antara kebenaran dan kebatilan atau di antara keimanan dan kezaliman itu sedang diatur dan disiap sediakan:

فَجُمِعَ ٱلسَّحَرَةُ لِمِيقَٰتِ يَوْمٍ مَّعْلُومٍ ٣٨
وَقِيلَ لِلنَّاسِ هَلْ أَنتُم مُّجْتَمِعُونَ ٣٩
لَعَلَّنَا نَتَّبِعُ ٱلسَّحَرَةَ إِن كَانُوا۟ هُمُ ٱلْغَٰلِبِينَ ٤٠

"Lalu dikumpulkan para ahli sihir pada suatu hari yang tertentu, yang diketahui umum(38). Lalu diumumkan kepada orang ramai: Berkumpullah kamu sekalian!(39) Semoga kita dapat mengikut para ahli sihir jika mereka menang."(40)

Dari ungkapan ayat ini ternampak (kepada kita) gerakan memberangsang dan menaikkan semangat orang ramai **"Berkumpullah kamu sekalian semoga kita dapat mengikut para ahli sihir"** yakni hendaklah kamu sekalian datang berkumpul beramai-ramai tepat pada waktu yang tertentu untuk menyaksi kemenangan para ahli sihir mengalahkan Musa bangsa Israel itu. Orang ramai atau rakyat jelata selalunya suka berkumpul untuk menyaksikan keramaian-keramaian seperti ini tanpa menyedari bahawa pemerintah-pemerintah mereka hanya mahu mempermain-mainkan mereka sahaja. Mereka melalaikan orang ramai dengan pertandingan-pertandingan, keramaian-keramaian dan perhimpunan-perhimpunan supaya mereka melupakan kezaliman, penindasan dan kesengsaraan yang dialami mereka. Demikianlah rakyat jelata negeri Mesir itu dikumpul untuk menyaksikan pertandingan di antara para ahli sihir dengan Nabi Musa a.s.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 41 - 42)

Kemudian ditayangkan pula pemandangan-pemandangan para ahli sihir mengadap Serimaharaja Fir'aun untuk mendapat penjelasan mengenai upah dan ganjaran yang akan diterima mereka jika mereka mendapat kemenangan. Mereka menerima janji dari Fir'aun bahawa mereka akan diberi upahan yang besar dan kedudukan yang hampir dengan singgahsana yang mulia:

Ahli-ahli Sihir Mengadap Fir'aun

فَلَمَّا جَآءَ ٱلسَّحَرَةُ قَالُواْ لِفِرۡعَوۡنَ أَئِنَّ لَنَا لَأَجۡرًا إِن كُنَّا
نَحۡنُ ٱلۡغَٰلِبِينَ ﴿٤١﴾
قَالَ نَعَمۡ وَإِنَّكُمۡ إِذٗا لَّمِنَ ٱلۡمُقَرَّبِينَ ﴿٤٢﴾

"Apabila ahli-ahli sihir itu datang mereka berkata kepada Fir'aun: Apakah kami akan mendapat upah jika kami menang?(41). Jawab Fir'aun: Ya, dan kamu sekalian akan menjadi orang-orang yang hampir kepadaku."(42)

Demikianlah terbukanya tembelang sekumpulan manusia upahan yang diperkatakan oleh Fir'aun yang zalim itu. Mereka akan menunjukkan kepandaian dan kepintaran mereka untuk mendapat upahan yang dijanjikan kepada mereka sedangkan mereka tidak mempunyai apa-apa hubungan dengan sesuatu 'aqidah atau sesuatu perjuangan selain dari upah dan kepentingan diri. Orang-orang yang seperti inilah yang selalu digunakan oleh pemerintah-pemerintah yang zalim di setiap tempat dan zaman.

Lihatlah mereka kini sedang meminta penjelasan tentang upahan atas penat lelah mereka menunjukkan kepandaian dan kepintaran menipu itu dan lihatlah pula Fir'aun menjanjikan mereka dengan ganjaran yang lebih dari upah, iaitu dia berjanji akan menjadikan mereka orang-orang yang mempunyai kedudukan yang hampir dengannya sebagai raja dan tuhan mereka.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 43 - 56)

Pertandingan Yang Mengecewakan Fir'aun

Kemudian ditayangkan pula pemandangan yang besar itu dengan peristiwa-peristiwanya yang amat hebat:

قَالَ لَهُم مُّوسَىٰٓ أَلۡقُواْ مَآ أَنتُم مُّلۡقُونَ ﴿٤٣﴾
فَأَلۡقَوۡاْ حِبَالَهُمۡ وَعِصِيَّهُمۡ وَقَالُواْ بِعِزَّةِ فِرۡعَوۡنَ إِنَّا
لَنَحۡنُ ٱلۡغَٰلِبُونَ ﴿٤٤﴾
فَأَلۡقَىٰ مُوسَىٰ عَصَاهُ فَإِذَا هِيَ تَلۡقَفُ مَا يَأۡفِكُونَ ﴿٤٥﴾
فَأُلۡقِيَ ٱلسَّحَرَةُ سَٰجِدِينَ ﴿٤٦﴾
قَالُوٓاْ ءَامَنَّا بِرَبِّ ٱلۡعَٰلَمِينَ ﴿٤٧﴾
رَبِّ مُوسَىٰ وَهَٰرُونَ ﴿٤٨﴾
قَالَ ءَامَنتُمۡ لَهُۥ قَبۡلَ أَنۡ ءَاذَنَ لَكُمۡۖ إِنَّهُۥ لَكَبِيرُكُمُ ٱلَّذِي
عَلَّمَكُمُ ٱلسِّحۡرَ فَلَسَوۡفَ تَعۡلَمُونَۚ لَأُقَطِّعَنَّ أَيۡدِيَكُمۡ
وَأَرۡجُلَكُم مِّنۡ خِلَٰفٖ وَلَأُصَلِّبَنَّكُمۡ أَجۡمَعِينَ ﴿٤٩﴾
قَالُواْ لَا ضَيۡرَۖ إِنَّآ إِلَىٰ رَبِّنَا مُنقَلِبُونَ ﴿٥٠﴾
إِنَّا نَطۡمَعُ أَن يَغۡفِرَ لَنَا رَبُّنَا خَطَٰيَٰنَآ أَن كُنَّآ أَوَّلَ
ٱلۡمُؤۡمِنِينَ ﴿٥١﴾

"Berkatalah Musa kepada mereka: Campakkan apa sahaja yang kamu mahu campak!(43). Lalu mereka mencampakkan tali-tali dan tongkat-tongkat mereka sambil berkata: Demi keagungan Fir'aun kami akan menang (44). Kemudian Musa mencampakkan tongkatnya tiba-tiba ia menelan segala (ular palsu) yang diada-adakan mereka(45). Lalu tersungkurlah ahli-ahli sihir sujud (kepada Allah)(46). Dan berkatalah mereka: Kami telah beriman kepada Tuhan semesta alam(47). Iaitu Tuhan Musa dan Harun(48). Berkatalah Fir'aun: Apakah kamu telah menyerah kepadanya sebelum aku memberi keizinan kepada kamu? Sesungguhnya dia adalah pemimpin kamu yang telah mengajar ilmu sihir kepada kamu. Kamu akan mengetahui (akibatnya). Aku akan potongkan tangan dan kaki kamu secara bersilangan dan aku akan salibkan kamu sekalian(49). Jawab mereka: Tidak ada apa-apa kemudharatan kepada kami. Sesungguhnya kami sekalian (ingin) kembali kepada Tuhan kami(50). Sesungguhnya kami amat inginkan agar

Tuhan kami mengampunkan dosa-dosa kami, kerana kamilah orang-orang yang pertama beriman(51).

Pemandangan pertandingan itu bermula dengan tenang dan biasa sahaja dan sejak awal lagi membayangkan keyakinan Nabi Musa a.s. terhadap kebenaran mu'jizat yang ada padanya dan bagaimana beliau tidak begitu menghiraukan kumpulan para ahli sihir yang dikumpulkan dari segenap bandar yang besar dan kini sedang bersedia untuk menunjukkan segala kepandaian dan kepintaran mereka itu. Di belakang mereka bersemayam Seri Maharaja Fir'aun dengan para pembesarnya dan seluruh mereka dikelilingi orang ramai yang tertipu.

Keyakinan beliau dapat dilihat dengan jelas apabila beliau mempelawakan para ahli sihir memulakan pertunjukan mereka:

قَالَ لَهُم مُّوسَىٰٓ أَلْقُوا۟ مَآ أَنتُم مُّلْقُونَ ﴿٤٣﴾

"Berkatalah Musa kepada mereka: Campakkan apa sahaja yang kamu mahu campak!"(43)

Ungkapan ini sendiri membayangkan bagaimana beliau memandang kecil kepada kepandaian mereka **"Campakkan apa sahaja yang kamu mahu campak!"** Beliau berkata begitu tanpa mempeduli apa-apa, tanpa menentukan apa-apa dan tanpa memberi apa-apa perhatian kepada mereka.

Para ahli sihir mengemblengkan segala kepandaian, kepintaran dan tipudaya mereka dan memulakan pertunjukan itu atas nama Fir'aun dan keagungannya:

فَأَلْقَوْا۟ حِبَالَهُمْ وَعِصِيَّهُمْ وَقَالُوا۟ بِعِزَّةِ فِرْعَوْنَ إِنَّا
لَنَحْنُ ٱلْغَـٰلِبُونَ ﴿٤٤﴾

"Lalu mereka mencampakkan tali-tali dan tongkat-tongkat mereka sambil berkata: Demi keagungan Fir'aun kami akan menang."(44)

Tetapi di sini Al-Qur'an tidak menjelaskan tentang tali-tali dan tongkat-tongkat (yang di campakkan oleh para ahli sihir itu) seperti yang dijelaskan di dalam Surah al-A'raf dan Taha supaya suasana keyakinan terhadap kebenaran ini kekal tidak terusik, malah Al-Qur'an dengan segera menamatkan cerita dengan terus mengemukakan keputusan pertandingan di antara kebenaran dan kebatilan itu kerana inilah matlamat pokok surah ini.

فَأَلْقَىٰ مُوسَىٰ عَصَاهُ فَإِذَا هِىَ تَلْقَفُ مَا يَأْفِكُونَ ﴿٤٥﴾

"Kemudian Musa mencampakkan tongkatnya tiba-tiba ia menelan segala (ular palsu) yang diada-adakan mereka."(45)

Itulah satu kejutan yang mengkagetkan, yang tidak diduga oleh tokoh-tokoh ahli sihir itu. Mereka telah mengorbankan segala daya upaya dan kemampuan mereka dalam kepandaian sihir mereka yang selama ini menjadi punca kehidupan mereka, iaitu satu kepandaian yang benar-benar dimahiri mereka. Mereka telah menunjukkan segala kepandaian yang dapat dilakukan oleh ahli sihir yang ramai yang dikumpul dari segenap pelosok (negeri Mesir), sedangkan Musa (melawan mereka) dengan seorang diri sahaja. Beliau tidak membawa apa-apa selain dari sebatang tongkatnya, tetapi tiba-tiba tongkat inilah yang menelan segala sesuatu yang dicampakkan mereka. Menelan adalah suatu gerakan makan yang paling cepat. Sejauh yang diketahui mereka, kepandaian sihir ini hanya merupakan kepandaian menerapkan khayalan-khayalan yang mengeliru pada orang lain sahaja, sedangkan tongkat Musa ini benar-benar menelan tali-tali dan tongkat-tongkat mereka (bukannya khayal lagi) hingga menyebabkan tali-tali, dan tongkat-tongkat ini hilang entah ke mana. Jika apa yang dilakukan Musa itu suatu kepandaian sihir tentulah tali-tali dan tongkat-tongkat itu tidak akan hilang setelah mereka dan orang ramai yang hadir itu terperasan bahawa tali-tali dan tongkat-tongkat mereka telah ditelan oleh ular Nabi Musa a.s., tetapi apa yang telah dilihat mereka ialah tali-tali dan tongkat-tongkat telah hilang semuanya entah kemana. Ketika ini mereka tidak dapat mengawal diri mereka lagi dari terus mengaku kalah kepada kebenaran yang amat jelas, yang tidak dapat dipertikaikan itu, kerana merekalah orang-orang yang paling tahu bahawa apa yang ditunjukkan Musa itu adalah suatu mu'jizat yang benar:

Ahli-ahli Sihir Mengaku Kalah Dan Terus Beriman

فَأُلْقِىَ ٱلسَّحَرَةُ سَـٰجِدِينَ ﴿٤٦﴾
قَالُوٓا۟ ءَامَنَّا بِرَبِّ ٱلْعَـٰلَمِينَ ﴿٤٧﴾
رَبِّ مُوسَىٰ وَهَـٰرُونَ ﴿٤٨﴾

"Lalu tersungkurlah ahli-ahli sihir sujud (kepada Allah) (46). Dan berkatalah mereka: Kami telah beriman kepada Tuhan semesta alam(47). Iaitu Tuhan Musa dan Harun."(48)

Baru sebentar tadi ahli-ahli sihir itu merupakan kumpulan manusia upahan yang mengharapkan ganjaran dari Fir'aun kerana menunjukkan kepandaian mereka. Mereka bukannya pendokong-pendokong sesuatu kepercayaan dan bukan pula pejuang-pejuang sesuatu perjuangan, tetapi kebenaran yang menyentuh hati mereka telah membawa perubahan yang amat besar kepada mereka. Ia mengocak dan menggoncangkan jiwa mereka dengan sekeras-kerasnya sehingga goncangan kebenaran itu sampai ke dasar lubuk hati mereka dan menghapuskan timbunan-timbunan sampah sarap kesesatan darinya dan menjadikan hati mereka jernih hening, hidup dan tunduk kepada kebenaran dan penuh iman di dalam beberapa sa'at yang pendek sahaja. Tiba-tiba mereka dapati diri mereka tersungkur sujud kepada Allah di luar kemahuan mereka dan lidah mereka bergerak melafazkan kalimat iman dengan jelas dan terang:

"Kami telah beriman kepada Tuhan semesta alam iaitu Tuhan Musa dan Harun."

Keadaan hati manusia memang menakjubkan. Dengan sekali sentuh sahaja yang kena pada tempatnya akan membawa perubahan yang amat besar kepadanya. Amatlah benar sabda Rasulullah s.a.w:

ما من قلب إلا بين أصبعين من أصابع الحمن. إن شاء
أقامه وإن شاء أزاغه

"Setiap hati berada di antara dua jari-jari Allah Yang Maha Penyayang. Jika Dia kehendaki Dia tunjukkannya ke jalan yang lurus dan jika Dia kehendaki Dia sesatkannya."[6]

Demikianlah para ahli sihir yang diupah itu telah berubah menjadi para Mu'minin yang terpilih di hadapan mata dan telinga orang ramai yang penuh sesak dan di hadapan mata dan telinga Fir'aun dan para pembesarnya. Mereka sama sekali tidak memikirkan akibat-akibat dari perbuatan mereka yang berterus terang mengisytiharkan keimanan mereka di hadapan Fir'aun yang zalim itu, dan mereka tidak peduli apakah tindakan yang akan diambil Fir'aun dan apakah perkataan yang akan diluahkannya kepada mereka.

Perubahan yang mendadak ini merupakan satu petir yang amat memeranjatkan Fir'aun dan para pembesar-pembesarnya, sedangkan orang ramai penuh sesak berjejal-jejal. Mereka telah dibekalkan dengan cerita dusta oleh pegawai-pegawai Fir'aun yang mengerah mereka supaya keluar beramai-ramai untuk menyaksikan pertandingan itu, iaitu Musa bangsa Israel itu adalah seorang ahli sihir yang berhasrat mengusir mereka dari negeri mereka dengan kuasa sihirnya, kerana dia mahu merampas kerajaan Fir'aun untuk kaumnya, tetapi para ahli sihir (di Mesir) akan mengalah dan menewaskannya. Kemudian khalayak yang ramai itu melihat bagaimana para ahli sihir itu mencampakkan tongkat-tongkat dan tali-tali mereka masing-masing dengan nama Fir'aun dan keagungannya, tetapi tiba-tiba mereka mengaku kalah dan mengakui kebenaran Musa a.s. sebagai utusan dari Allah dan mereka terus beriman kepada Tuhan semesta alam yang telah mengutuskan Musa a.s. dan membuang penyembahan mereka terhadap Fir'aun, sedangkan baru sekejap tadi mereka masih merupakan orang-orang Fir'aun yang datang untuk berkhidmat kepadanya serta mengharapkan upah darinya dan membuka pertandingan itu dengan nama keagungan Fir'aun.

Perubahan mereka yang mendadak itu merupakan satu perubahan yang mengancam keselamatan singgahsana Fir'aun kerana ia menggugatkan dongeng keagamaan yang menjadi tapak asas singgahsana itu, iaitu dongeng ketuhanan Fir'aun atau dongeng dia itu anak tuhan-tuhan. Dongeng yang seperti ini memang berkembang di setengah zaman. (Perubahan mereka benar-benar merupakan ancaman) kerana mereka adalah golongan ahli sihir, sedangkan sihir itu satu kerjaya suci yang hanya boleh dilakukan oleh pawang-pawang atau sami-sami kuil sahaja di seluruh negeri. Kini para ahli sihir itu mengaku beriman kepada Tuhan semesta alam, iaitu Tuhan Musa dan Harun, sedangkan orang ramai pula menjadi pak turut para sami dalam kepercayaan-kepercayaan mereka, iaitu kepercayaan-kepercayaan yang diajar oleh mereka untuk melalaikan orang ramai. Oleh itu tiada lagi kekuatan yang tinggal untuk mempertahankan keselamatan singgahsana Fir'aun melainkan hanya kekuatan sahaja, sedangkan kekuatan sahaja tanpa kepercayaan tidak dapat menegakkan singgahsana dan tidak dapat melindungkan pemerintahan.

Kita dapat menilai sendiri sejauh mana cemasnya Fir'aun terhadap perubahan ahli-ahli sihir yang mendadak itu apabila kita memahami hakikat ini, iaitu hakikat keimanan mereka yang berterus terang, jelas dan begitu mendesak sehingga mereka tidak dapat menahan diri mereka selain dari merebahkan diri sujud kepada Allah mengaku beriman dan kembali kepada Allah.

Di waktu inilah Fir'aun hilang akal dan pertimbangan-nya. Dia terus menggunakan ancaman keseksaan yang dahsyat setelah dia cuba menuduh para ahli sihir itu membuat pakatan jahat dengan Musa untuk menentang kerajaannya dan rakyat negeri Mesir umumnya:

Ahli-ahli Sihir Dihukum Fir'aun Dengan Kejam

قَالَ ءَامَنتُمْ لَهُۥ قَبْلَ أَنْ ءَاذَنَ لَكُمْ ۖ إِنَّهُۥ لَكَبِيرُكُمُ ٱلَّذِى
عَلَّمَكُمُ ٱلسِّحْرَ فَلَسَوْفَ تَعْلَمُونَ ۚ لَأُقَطِّعَنَّ أَيْدِيَكُمْ
وَأَرْجُلَكُم مِّنْ خِلَٰفٍ وَلَأُصَلِّبَنَّكُمْ أَجْمَعِينَ ﴿٤٩﴾

"Berkatalah Fir'aun: Apakah kamu telah menyerah kepadanya sebelum aku memberi keizinan kepada kamu? Sesungguhnya dia adalah pemimpin kamu yang telah mengajar ilmu sihir kepada kamu. Kamu akan mengetahui (akibatnya). Aku akan potongkan tangan dan kaki kamu secara bersilangan dan aku akan salibkan kamu sekalian."(49)

"Apakah kamu telah menyerah kepadanya sebelum aku memberi keizinan, kepada kamu?" dia tidak berkata "Apakah kamu telah beriman dengannya", malah dia hanya mengira perbuatan ahli-ahli sihir itu sebagai perbuatan menyerah kalah sebelum mendapat keizinannya. Itulah gerak langkah muslihat yang dilakukan oleh Fir'aun yang mempunyai kehendak yang bebas dan arif dengan matlamatnya dan akibatnya, sedangkan perasaan yang menyentuh hati para ahli sihir itu tidak dirasakan oleh hatinya, dan bilakah pemerintah-pemerintah yang zalim itu mempunyai hati nurani yang dapat merasakan sentuhan-sentuhan iman yang gemilang itu? Kemudian dia dengan segera menuduh mereka untuk

[6] *Dikleuarkan oleh Asy-Syaikhan.*

mentafsirkan perubahan mereka yang besar itu **"Sesungguhnya dia itu adalah pemimpin kamu yang telah mengajar ilmu sihir kepada kamu"**, ini adalah satu tuduhan yang aneh yang tidak dapat ditafsirkan melainkan kerana terlibatnya beberapa ahli sihir - dari golongan sami-sami kuil yang pernah mengendalikan urusan mendidik Musa di istana Fir'aun semasa beliau menjadi anak angkatnya atau kerana beliau pernah berulang-alik menemui mereka di kuil-kuil. Fir'aun telah menggunakan hubungan yang jauh ini dan memutarbelitkan keadaan yang sebenar dengan mengatakan **"Sesungguhnya dia itu adalah pemimpin kamu"** bukannya "sesungguhnya dia itu adalah murid kamu" dengan tujuan membesar-besar dan menakut-nakutkan perkara ini di hadapan mata khalayak yang ramai itu.

Kemudian dia mulai mengancam dengan keseksaan yang kejam setelah dia menakut-nakutkan dengan akibat-akibat yang menunggu orang-orang yang beriman itu:

"Kamu akan mengetahui (akibatnya). Aku akan potongkan tangan dan kaki kamu secara bersilangan dan aku akan salibkan kamu sekalian."

Itulah ketololan yang dilakukan oleh setiap pemerintah yang zalim apabila dia merasa singgahsana dan dirinya diancam bahaya. Dan ketololan itu dilakukan dengan kejam dan buas tanpa segan-segan dan silu malu yang terbit dari hati nurani. Itulah luahan kata-kata Fir'aun yang zalim, angkuh dan memiliki kuasa untuk mengotakan perkataannya.

Apakah pula jawapan kumpulan ahli-ahli sihir yang beriman yang telah melihat nur hidayat itu? Jawapan mereka adalah jawapan orang-orang yang telah menemui Allah. Hati mereka tidak lagi mempedulikan segala apa yang akan hilang darinya selepas penemuan ini. Hati mereka telah menjalinkan hubungan dengan Allah dan mereka tidak akan pedulikan lagi segala tindakan yang kejam. Hati mereka telah meletakkan pengharapannya di akhirat dan tidak akan pedulikan lagi penderitaan dunia ini sama ada sedikit atau banyak:

قَالُوا۟ لَا ضَيْرَ ۖ إِنَّآ إِلَىٰ رَبِّنَا مُنقَلِبُونَ ﴿٥٠﴾
إِنَّا نَطْمَعُ أَن يَغْفِرَ لَنَا رَبُّنَا خَطَٰيَٰنَآ أَن كُنَّآ أَوَّلَ ٱلْمُؤْمِنِينَ ﴿٥١﴾

"Jawab mereka: Tidak ada apa-apa kemudharatan kepada kami. Sesungguhnya kami sekalian (ingin) kembali kepada Tuhan kami(50). Sesungguhnya kami amat inginkan agar Tuhan kami mengampunkan dosa-dosa kami, kerana kamilah orang-orang yang pertama beriman."(51)

Tidak ada apa-apa kemudharatan (yang ditakuti kami), tidak mengapa tangan dan kaki (kami) dipotong bersilangan[7], tidak mengapa (kami) disalib dan diseksa dan tidak mengapa (kami) mati dan gugur syahid. Tidak ada apa-apa kemudharatan (yang ditakuti kami) kerana **"Sesungguhnya kami sekalian ingin kembali kepada Tuhan kami"** biarpun apa sahaja yang akan berlaku (kepada kami) di bumi ini. Apa yang menjadi cita-cita dan harapan kami ialah **"Agar Tuhan kami mengampunkan dosa-dosa kami kerana kamilah orang-orang yang pertama beriman"** yakni kamilah angkatan perintis.

Ya Allah! Alangkah indahnya keimanan apabila ia memancar di dalam hati nurani, apabila ia menyelubungi roh, apabila ia mencurah ketenangan di dalam jiwa, apabila manusia yang dijadikannya dari tanah itu meningkat kemuncak maqam yang amat tinggi dan apabila hati dipenuhi kekayaan dan kemewahan hingga segala apa yang ada di bumi ini dirasa enteng, kecil dan sedikit belaka.

Di sini tirai dilabuhkan menutup pemandangan keindahan yang amat gemilang itu tanpa menambahkan sesuatu ulasan agar suasana pemandangan yang cemerlang dan kesan-kesannya yang mendalam itu kekal tidak terusik. Itulah pemandangan yang digunakan Al-Qur'an untuk mendidik hati kelompok Muslimin di Makkah yang sedang menghadapi penindasan, kesusahan dan kesulitan, juga untuk mendidik setiap pejuang-pejuang 'aqidah Islam yang menghadapi kezaliman, kemaharajalelaan dan penyeksaan.

Selepas peristiwa itu Allah melindungi para hamba-Nya yang Mu'min sedangkan Fir'aun terus mengaturkan rancangan-rancangan yang jahat dan mengumpulkan seluruh bala tenteranya:

وَأَوْحَيْنَآ إِلَىٰ مُوسَىٰٓ أَنْ أَسْرِ بِعِبَادِىٓ إِنَّكُم مُّتَّبَعُونَ ﴿٥٢﴾
فَأَرْسَلَ فِرْعَوْنُ فِى ٱلْمَدَآئِنِ حَٰشِرِينَ ﴿٥٣﴾
إِنَّ هَٰٓؤُلَآءِ لَشِرْذِمَةٌ قَلِيلُونَ ﴿٥٤﴾
وَإِنَّهُمْ لَنَا لَغَآئِظُونَ ﴿٥٥﴾
وَإِنَّا لَجَمِيعٌ حَٰذِرُونَ ﴿٥٦﴾

"Dan Kami perintahkan Musa: Berlepaslah engkau di malam hari membawa hamba-hamba-Ku sesungguh-nya kamu akan diikuti (tentera Fir'aun)(52). Lalu Fir'aun mengirim (para utusannya) ke merata pelosok negeri untuk mengumpulkan (bala tentera)(53). (Fir'aun berkata) sesungguhnya mereka (Bani Israel) adalah satu kumpulan yang kecil sahaja(54). Dan sesungguhnya mereka telah melakukan perkara-perkara

---

[7] Yakni tangan kanan dipotong dengan kaki kiri dan tangan kiri dipotong dengan kaki kanan.

yang menimbulkan kemarahan kami(55). Dan sesungguhnya kita sekalian sentiasa berwaspada."(56)

Musa Diperintah Membawa Bani Israel Keluar Dari Mesir

Di sini terdapat ruang kosong, di mana banyak peristiwa dan masa tidak disebut di tempat ini, sedangkan selepas pertandingan itu, Musa dan Bani Israel terus hidup dalam satu zaman, di mana berlakunya mu'jizat-mu'jizat yang lain yang disebut di dalam Surah al-A'raf[8] sebelum Allah memerintah Musa a.s. membawa kaumnya keluar meninggal negeri Mesir, tetapi di sini penerangan ayat-ayat ini telah melangkaui peristiwa-peristiwa itu untuk terus sampai kepada penghabisan cerita yang sesuai dengan Maudhu' surah dan tujuan pokoknya.

Kini Allah telah memerintah Nabi Musa a.s. supaya membawa kaumnya Bani Israel keluar dari Mesir di waktu malam setelah dirancang dan diatur dengan rapi. Dan Allah telah memberitahu kepada beliau bahawa Fir'aun akan mengejar mereka dengan bala tenteranya dan menyuruh beliau supaya memimpin kaumnya itu ke kawasan pantai (iaitu biasanya di kawasan pertemuan Teluk Suez dengan daerah al-Buhayrah).

Fir'aun telah mengetahui berita Bani Israel yang keluar secara diam-diam itu, lalu baginda memerintah supaya diadakan kerahan tentera. Utusan-utusan dikirim ke merata pelosok negeri untuk mengumpulkan bala tentera. Tujuannya ialah untuk mengejar Musa dan kaumnya serta menggagalkan rancangan mereka, sedangkan Fir'aun tidak tahu bahawa rancangan itu adalah diatur oleh Allah sendiri.

Pegawai-pegawai Fir'aun keluar (ke sana ke mari) menghimpunkan bala tenteranya, tetapi kerahan tentera itu membayangkan betapa cemasnya Fir'aun, betapa kuatnya Musa dan kaumnya dan betapa besarnya bahaya mereka hingga seri maharaja Fir'aun yang mendakwa dirinya Tuhan itu memerlukan kepada kerahan tentera. Oleh sebab itu kedudukan golongan yang beriman itu pasti diperkecil-kecilkan:

إِنَّ هَٰٓؤُلَآءِ لَشِرۡذِمَةٌ قَلِيلُونَ ٥٤

"(Fir'aun berkata) sesungguhnya mereka (Bani Israel) adalah satu kumpulan yang kecil sahaja."(54)

Jika demikian mengapa pula diberi perhatian yang sebegini besar kepada mereka. Dan mengapa dikerahkan tentera kerana mereka, sedangkan mereka segelintir manusia yang sedikit sahaja?

وَإِنَّهُمۡ لَنَا لَغَآئِظُونَ ٥٥

"Dan sesungguhnya mereka telah melakukan perkara-perkara yang menimbulkan kemarahan kami."(55)

Mereka telah melakukan perbuatan-perbuatan dan mengeluarkan perkataan-perkataan yang menimbulkan kemarahan kami. Jadi, di sini nampaknya mereka mempunyai kedudukan yang penting dan merbahaya, namun demikian pegawai-pegawai Fir'aun masih terus berkata (kepada orang ramai): Mereka tidak penting, kita sedang mengawasi mereka dengan ketat:

وَإِنَّا لَجَمِيعٌ حَٰذِرُونَ ٥٦

"Dan sesungguhnya kita sekalian sentiasa berwas-pada."(56)

Kita sentiasa berhati-hati terhadap tipudaya mereka, kita sentiasa waspada terhadap gerak-geri mereka, dan teraju segala urusan tetap berada di tangan kita. Itulah keadaan bingung dan serba salah yang selalu dialami oleh pihak yang batil dan sewenang-wenang dalam menghadapi pejuang-pejuang 'aqidah yang beriman.

******

(Pentafsiran ayat-ayat 57 - 59)

Sebelum menayangkan pemandangan yang akhir Al-Qur'an mempercepatkan cerita dengan lebih dahulu menyebut akibat akhir yang menimpa Fir'aun dan kaumnya, di mana mereka diusir keluar dari kehidupan mereka yang senang lenang dan kaum Bani Israel yang lemah itu dapat mewarisi kehidupan yang senang lenang seperti itu:

فَأَخۡرَجۡنَٰهُم مِّن جَنَّٰتٖ وَعُيُونٖ ٥٧

وَكُنُوزٖ وَمَقَامٖ كَرِيمٖ ٥٨

كَذَٰلِكَۖ وَأَوۡرَثۡنَٰهَا بَنِيٓ إِسۡرَٰٓءِيلَ ٥٩

"Lalu Kami keluarkan mereka dari taman-taman dan matair-matair(57). Dan dari perbendaharaan-perbendaharaan dan kedudukan yang mulia(58). Demikianlah halnya dan kemudian Kami wariskan ni'mat-ni'mat itu, kepada Bani Israel pula."(59)

Fir'aun bersama bala tenteranya telah keluar mengikut jejak Musa dan kaumnya, dan keluarnya mereka pada kali ini adalah keluar bagi kali yang terakhir. Ia merupakan pengusiran mereka dari segala ni'mat hidup yang dini'mati mereka iaitu ni'mat kebun-kebun, matair-matair, perbendaharaan-perbendaharaan kekayaan dan kedudukan yang mulia. Mereka tidak lagi akan pulang selepas ini untuk kembali meni'mati kehidupan yang penuh ni'mat itu. Oleh sebab itulah Al-Qur'an terus menyebut nasib kesudahan mereka yang terakhir ini sebaik sahaja mereka keluar mengikut jejak angkatan orang-orang yang beriman itu sebagai mempercepatkan cerita balasan terhadap kezaliman, keangkuhan dan jenayah mereka yang keji itu.

"Dan wariskan ni'mat-ni'mat itu kepada Bani Israel."

---

[8] *Juzu' yang ke-9, Tafsir Fi Zilal*

(Dari catatan sejarah) tidaklah diketahui bahawa kaum Bani Israel itu pulang kembali ke negeri Mesir selepas mereka keluar menuju ke tanah suci lalu mewarisi pemerintahan kerajaan Mesir, mewarisi kekayaan-kekayaan Fir'aun dan kedudukannya. Oleh sebab itulah para Mufassirin mentafsirkan ayat ini dengan maksud bahawa Bani Israel telah mewarisi kesenangan hidup seperti yang dini'mati oleh Fir'aun dan kaumnya. Yakni warisan itu ialah warisan jenis-jenis ni'mat yang sama, iaitu ni'mat kebun-kebun, matair-matair, perbendaharaan-perbendaharaan kekayaan dan kedudukan yang mulia (seperti yang dini'mati Fir'aun dan kaumnya).

******

(Pentafsiran ayat-ayat 60 - 66)

Selepas selingan ini tibalah pemandangan pemutus yang terakhir:

فَأَتۡبَعُوهُم مُّشۡرِقِينَ ٦٠

فَلَمَّا تَرَٰٓءَا ٱلۡجَمۡعَانِ قَالَ أَصۡحَٰبُ مُوسَىٰٓ إِنَّا
لَمُدۡرَكُونَ ٦١

قَالَ كَلَّآۖ إِنَّ مَعِيَ رَبِّي سَيَهۡدِينِ ٦٢

فَأَوۡحَيۡنَآ إِلَىٰ مُوسَىٰٓ أَنِ ٱضۡرِب بِّعَصَاكَ ٱلۡبَحۡرَۖ
فَٱنفَلَقَ فَكَانَ كُلُّ فِرۡقٖ كَٱلطَّوۡدِ ٱلۡعَظِيمِ ٦٣

وَأَزۡلَفۡنَا ثَمَّ ٱلۡأٓخَرِينَ ٦٤

وَأَنجَيۡنَا مُوسَىٰ وَمَن مَّعَهُۥٓ أَجۡمَعِينَ ٦٥

ثُمَّ أَغۡرَقۡنَا ٱلۡأٓخَرِينَ ٦٦

"Lalu (Fir'aun dan bala tenteranya) mengejar mereka di waktu matahari terbenam(60). Apabila kedua-dua angkatan itu dapat melihat satu sama lain, maka berkatalah pengikut-pengikut Musa: Sesungguhnya kita akan ditangkap mereka(61). Jawab Musa: Tidak sekali-kali begitu! Sesungguhnya Tuhanku tetap bersamaku, Dia akan memberi petunjuk kepadaku(62). Lalu Kami perintahkan kepada Musa: Pukullah lautan itu dengan tongkatmu lalu terbelahlah laut itu, setiap belah laksana gunung yang besar(63). Dan di sana Kami dekatkan angkatan yang satu lagi (Fir'aun dan bala tenteranya)(64). Dan Kami selamatkan Musa dan sekalian pengikut-pengikut yang ada bersamanya(65). Kemudian Kami tenggelamkan angkatan yang satu lagi itu."(66)

Tongkat Musa Membelah Laut

Musa telah membawa para hamba Allah (Bani Israel) keluar dari Mesir di, waktu malam dengan perintah dan tadbir dari Allah, dan pada pagi keesokan mereka telah dikejar oleh bala tentera Fir'aun. Tindakan mereka adalah hasil dari rancangan-rancangan jahat Fir'aun dan keangkuhannya. Kini pemandangan itu sedang mendekati titik penghabisannya dan perjuangan itu telah sampai kemuncaknya. Musa dan kaumnya berada di depan lautan. Mereka tidak mempunyai bahtera-bahtera dan tidak berupaya mengharunginya, dan di samping itu mereka tidak mempunyai kelengkapan alat-alat senjata, sedangkan Fir'aun dengan bala tenteranya sedang menghampiri mereka. Mereka mendekati mereka dengan senjata yang terhunus dan mengejar mereka tanpa kasihan belas.

Seluruh suasana mengatakan tiada lagi ruang lari untuk mereka, lautan di hadapan mereka dan musuh di belakang mereka:

فَلَمَّا تَرَٰٓءَا ٱلۡجَمۡعَانِ قَالَ أَصۡحَٰبُ مُوسَىٰٓ إِنَّا
لَمُدۡرَكُونَ ٦١

"Apabila kedua-dua angkatan itu dapat melihat satu sama lain, maka berkatalah pengikut-pengikut Musa: Sesungguhnya kita akan ditangkap mereka."(61)

Kecemasan telah memuncak (di dalam hati mereka). Masa yang tinggal hanya beberapa minit sahaja lagi, selepas itu mereka akan diterkami maut. Tiada lagi ruang lari dan tiada siapa yang akan menolong. Tetapi Nabi Musa a.s. yang telah menerima perintah dari Allah itu tidak pernah ragu-ragu walau sedetik pun. Hatinya penuh percaya dan yakin akan mendapat pertolongan dari Allah dan akan terselamat (dari Fir'aun dan bala tenteranya) walaupun beliau tidak tahu bagaimana pertolongan itu akan datang, tetapi pertolongan pasti tiba kerana Allah tetap akan memberi petunjuk dan melindungi beliau:

قَالَ كَلَّآۖ إِنَّ مَعِيَ رَبِّي سَيَهۡدِينِ ٦٢

"Jawab Musa: Tidak sekali-kali begitu! Sesungguhnya Tuhanku tetap bersamaku, Dia akan memberi petunjuk kepadaku."(62)

Tidak sekali-kali begitu! (Beliau berkata) dengan penuh yakin: Tidak, kita tidak akan dapat ditangkap mereka, kita tidak akan binasa di sini. Kita tidak akan ditindas mereka lagi. Kita tidak akan hampa dan kecewa **"Tidak sekali-kali begitu! Sesungguhnya Tuhanku tetap bersama-ku. Dia akan memberi petunjuk kepadaku"**. Beliau berkata tegas dan penuh yakin.

Di sa'at terakhir sinar harapan tiba-tiba membelah malam putus asa dan kerungsingan, dan jalan keselamatan tiba-tiba terbuka di luar dugaan mereka:

فَأَوۡحَيۡنَآ إِلَىٰ مُوسَىٰٓ أَنِ ٱضۡرِب بِّعَصَاكَ ٱلۡبَحۡرَۖ

"Lalu Kami perintahkan kepada Musa: Pukullah lautan itu dengan tongkatmu."(63)

Di sini Al-Qur'an tidak melengah-lengah dengan menceritakan begini: "Kemudian Musa memukul lautan dengan tongkatnya kerana ini dapat difaham (semua orang), malah ia terus menceritakan hasil pukulan itu:

فَٱنفَلَقَ فَكَانَ كُلُّ فِرۡقٖ كَٱلطَّوۡدِ ٱلۡعَظِيمِ ٦٣

"Lalu terbelahlah laut itu, setiap belah laksana gunung yang besar."(63)

Kini berlakulah mu'jizat Allah yang disangkakan mustahil oleh manusia, kerana mereka mengukur Sunnatullah itu dengan kejadian-kejadian biasa yang berulang-ulang. Allah yang telah menciptakan segala peraturan alam itu adalah berkuasa pula memperlakukan peraturan-peraturan itu mengikut kehendak masyi'ah-Nya apabila Dia kehendaki.

Kini berlakulah mu'jizat Allah dan terbukalah sebatang jalan di antara dua belahan air lautan itu. Semua air lautan itu tertahan di tepi kedua belah jalan itu seperti gunung yang besar, dan Bani Israel terus menyerbu (mengikuti jalan itu), sedangkan Fir'aun dan bala tenteranya berdiri terpinga-pinga kaget menyaksikan peristiwa luar biasa yang amat menakjubkan itu. Tentulah Fir'aun berdiri lama di situ melihat Musa dan kaumnya yang menyeberangi lautan itu melalui sebatang jalan yang terbuka itu sebelum baginda perintahkan bala tenteranya mara mengejar mereka melalui jalan yang aneh itu.

Di sini sempurnalah tadbir Allah. Bani Israel telah selamat tiba dan keluar di pantai sebelah sana, sedangkan Fir'aun dan bala tenteranya masih berada di jalan yang diapit dua belahan air lautan itu. Mereka kini telah didekatkan Allah ke titik penghabisan hidup mereka yang telah ditetapkan:

وَأَزۡلَفۡنَا ثَمَّ ٱلۡأٓخَرِينَ ٦٤

وَأَنجَيۡنَا مُوسَىٰ وَمَن مَّعَهُۥٓ أَجۡمَعِينَ ٦٥

ثُمَّ أَغۡرَقۡنَا ٱلۡأٓخَرِينَ ٦٦

"Dan di sana Kami dekatkan angkatan yang satu lagi (Fir'aun dan bala tenteranya)(64). Dan Kami selamatkan Musa dan sekalian pengikut-pengikut yang ada bersamanya(65). Kemudian Kami tenggelamkan angkatan yang satu lagi itu."(66)

Dan peristiwa itu telah menjadi suatu bukti kekuasaan Allah di sepanjang zaman, di mana ia diperkatakan oleh generasi-generasi manusia. Tetapi adakah kebanyakan mereka beriman?

إِنَّ فِي ذَٰلِكَ لَأٓيَةٗۖ وَمَا كَانَ أَكۡثَرُهُم مُّؤۡمِنِينَ ٦٧

"Sesungguhnya peristiwa itu merupakan satu bukti kekuasaan Allah, tetapi kebanyakan mereka tidak juga beriman."(67)

Peristiwa-peristiwa mu'jizat yang luar biasa itu tidak semestinya membuahkan keimanan walaupun manusia terpaksa tunduk kepadanya, kerana keimanan itu adalah hasil dari hidayat yang terserlah di dalam hati mereka.

وَإِنَّ رَبَّكَ لَهُوَ ٱلۡعَزِيزُ ٱلرَّحِيمُ ٦٨

"Dan sesungguhnya Tuhanmu Maha Perkasa dan Maha Pengasih."(68)

Itulah ulasan biasa di dalam surah ini setiap kali dibentangkan bukti-bukti kekuasaan Allah dan setiap kali diceritakan pendustaan manusia.

(Kumpulan ayat-ayat 69 - 104)

وَٱتۡلُ عَلَيۡهِمۡ نَبَأَ إِبۡرَٰهِيمَ ٦٩

إِذۡ قَالَ لِأَبِيهِ وَقَوۡمِهِۦ مَا تَعۡبُدُونَ ٧٠

قَالُواْ نَعۡبُدُ أَصۡنَامٗا فَنَظَلُّ لَهَا عَٰكِفِينَ ٧١

قَالَ هَلۡ يَسۡمَعُونَكُمۡ إِذۡ تَدۡعُونَ ٧٢

أَوۡ يَنفَعُونَكُمۡ أَوۡ يَضُرُّونَ ٧٣

"Dan bacalah kepada mereka berita Ibrahim(69). Ketika ia berkata kepada bapanya dan kaumnya: Apakah yang kamu sembah?(70). Jawab mereka: Kami menyembah berhala-berhala dan kami akan terus menyembahnya (71). Ibrahim bertanya: Apakah berhala-berhala itu mendengar (do'a kamu) ketika kamu berdo'a kepadanya? (72). Atau dapatkah mereka memberi manfa'at atau mendatangkan mudharat kepada kamu?. '(73).

قَالُواْ بَلۡ وَجَدۡنَآ ءَابَآءَنَا كَذَٰلِكَ يَفۡعَلُونَ ٧٤

قَالَ أَفَرَءَيۡتُم مَّا كُنتُمۡ تَعۡبُدُونَ ٧٥

أَنتُمۡ وَءَابَآؤُكُمُ ٱلۡأَقۡدَمُونَ ٧٦

فَإِنَّهُمۡ عَدُوّٞ لِّيٓ إِلَّا رَبَّ ٱلۡعَٰلَمِينَ ٧٧

ٱلَّذِي خَلَقَنِي فَهُوَ يَهۡدِينِ ٧٨

"Jawab mereka: Tidak begitu! Tetapi kami dapati nenek moyang kami berbuat begitu(74). Lalu Ibrahim berkata: Apakah kamu berfikir tentang tuhan-tuhan yang disembahkan kamu(75). Kamu dan nenek moyang kamu yang dahulu kala itu?(76) Kerana sesungguhnya tuhan-tuhan itu adalah musuh kepadaku kecuali Tuhan semesta alam(77). Tuhan yang telah menciptakanku dan Dialah juga yang memberi hidayat kepadaku."(78).

وَٱلَّذِي هُوَ يُطۡعِمُنِي وَيَسۡقِينِ ٧٩

وَإِذَا مَرِضۡتُ فَهُوَ يَشۡفِينِ ٨٠

وَٱلَّذِي يُمِيتُنِي ثُمَّ يُحۡيِينِ ٨١

وَالَّذِي أَطْمَعُ أَن يَغْفِرَ لِي خَطِيئَتِي يَوْمَ الدِّينِ ﴿٨٢﴾

رَبِّ هَبْ لِي حُكْمًا وَأَلْحِقْنِي بِالصَّالِحِينَ ﴿٨٣﴾

"Dan Dialah Tuhan yang memberi makanan dan minuman kepadaku(79). Dan apabila aku sakit, maka Dialah Tuhan yang menyembuhkanku(80). Dan Dialah Tuhan yang akan mematikanku kemudian menghidupkanku kembali(81). Dan Dialah Tuhan yang amat kuinginkan supaya mengampunkan dosaku pada Hari Balasan(82). Wahai Tuhanku! Kurniakanlah kepadaku hikmat dan masukkanku ke dalam golongan orang-orang yang soleh."(83).

وَاجْعَل لِّي لِسَانَ صِدْقٍ فِي الْآخِرِينَ ﴿٨٤﴾

وَاجْعَلْنِي مِن وَرَثَةِ جَنَّةِ النَّعِيمِ ﴿٨٥﴾

وَاغْفِرْ لِأَبِي إِنَّهُ كَانَ مِنَ الضَّالِّينَ ﴿٨٦﴾

وَلَا تُخْزِنِي يَوْمَ يُبْعَثُونَ ﴿٨٧﴾

يَوْمَ لَا يَنفَعُ مَالٌ وَلَا بَنُونَ ﴿٨٨﴾

"Dan jadikan untukku seorang jurucakap kebenaran di dalam angkatan orang-orang yang datang kemudian (84). Dan jadikanku dari golongan pewaris-pewaris Syurga yang penuh ni'mat(85). Dan ampunilah ayahandaku kerada sesungguhnya dia dari golongan orang-orang yang sesat(86). Dan janganlah Engkau kecewakanku pada hari mereka dibangkitkan(87). Iaitu pada hari, di mana harta dan anak-anak tidak berguna lagi."(88).

إِلَّا مَنْ أَتَى اللَّهَ بِقَلْبٍ سَلِيمٍ ﴿٨٩﴾

وَأُزْلِفَتِ الْجَنَّةُ لِلْمُتَّقِينَ ﴿٩٠﴾

وَبُرِّزَتِ الْجَحِيمُ لِلْغَاوِينَ ﴿٩١﴾

وَقِيلَ لَهُمْ أَيْنَ مَا كُنتُمْ تَعْبُدُونَ ﴿٩٢﴾

مِن دُونِ اللَّهِ هَلْ يَنصُرُونَكُمْ أَوْ يَنتَصِرُونَ ﴿٩٣﴾

"Kecuali orang-orang yang datang mengadap Allah dengan hati yang bersih(89). Dan (pada hari itu) diperdekatkan Syurga kepada orang-orang yang bertaqwa(90). Dan ditonjolkan Neraka Jahim kepada orang-orang yang sesat(91). Dan dikatakan kepada mereka: Di manakah tuhan-tuhan yang kamu sembah?(92) Selain dari Allah, dapatkah mereka menolong kamu atau menolong diri mereka sendiri?."(93).

فَكُبْكِبُوا فِيهَا هُمْ وَالْغَاوُونَ ﴿٩٤﴾

وَجُنُودُ إِبْلِيسَ أَجْمَعُونَ ﴿٩٥﴾

قَالُوا وَهُمْ فِيهَا يَخْتَصِمُونَ ﴿٩٦﴾

تَاللَّهِ إِن كُنَّا لَفِي ضَلَالٍ مُّبِينٍ ﴿٩٧﴾

إِذْ نُسَوِّيكُم بِرَبِّ الْعَالَمِينَ ﴿٩٨﴾

"Lalu seluruh mereka (tuhan-tuhan palsu) dihumbankan ke dalam Neraka bersama orang-orang yang sesat(94). Dan bala tentera Iblis seluruhnya(95). Lalu berkatalah mereka semasa bertengkar di dalam Neraka(96). Demi Allah! Sesungguh-nya kami sekalian (di dunia) berada di dalam kesesatan yang amat nyata(97). Kerana kami menyamakan kamu dengan Tuhan semesta alam."(98).

وَمَا أَضَلَّنَا إِلَّا الْمُجْرِمُونَ ﴿٩٩﴾

فَمَا لَنَا مِن شَافِعِينَ ﴿١٠٠﴾

وَلَا صَدِيقٍ حَمِيمٍ ﴿١٠١﴾

فَلَوْ أَنَّ لَنَا كَرَّةً فَنَكُونَ مِنَ الْمُؤْمِنِينَ ﴿١٠٢﴾

إِنَّ فِي ذَٰلِكَ لَآيَةً ۖ وَمَا كَانَ أَكْثَرُهُم مُّؤْمِنِينَ ﴿١٠٣﴾

وَإِنَّ رَبَّكَ لَهُوَ الْعَزِيزُ الرَّحِيمُ ﴿١٠٤﴾

"Dan tiada yang menyesatkan kami melainkan hanya orang-orang yang berdosa(99). Kerana itu kami tidak mempunyai pemberi-pemberi syafa'at(100). Dan tidak pula mempunyai seorang pun sahabat setia(101). Seandainya kami dapat kembali sekali lagi (ke dunia) tentulah kami menjadi orang-orang yang beriman(102). Sesungguhnya dalam kisah (Ibrahim) itu terdapat bukti yang amat nyata, tetapi malangnya kebanyakan mereka tidak beriman(103). Dan sesungguhnya Tuhanmu Maha Perkasa dan Maha Pengasih."(104).

(Latar belakang dan pokok pembicaraan)

Kisah Musa a.s. bersama Fir'aun dan kaumnya telah pun berlalu dan berakhir dengan kesudahan (yang malang). Di dalam kisah itu terdapat berita yang mengembirakan golongan kaum Mu'minin yang lemah dan tertindas seperti kumpulan kecil kaum Mu'minin di Makkah pada masa itu. Di dalam kisah itu juga dijelaskan akibat kebinasaan kepada orang-orang yang zalim dan bermaharajalela yang mempunyai pendirian yang sama dengan pendirian kaum Musyrikin (Makkah).

Kini kisah Musa itu diiringi pula oleh kisah Ibrahim a.s. dengan kaumnya, dan Rasulullah s.a.w. diperintah membaca kisah itu kepada kaum Musyrikin (Makkah) kerana mereka mendakwa bahawa mereka adalah pewaris-pewaris agama Ibrahim dan berpegang teguh dengan agamanya yang tua itu, sedangkan mereka mempersekutukan Allah dengan mendirikan berhala-berhala yang disembah di Baitultahil-Haram yang telah dibinakan oleh Ibrahim kerana ibadat kepada Allah semata-mata, oleh itu bacakanlah kepada

mereka kisah Nabi Ibrahim supaya mereka mengetahui hakikat dakwaan mereka.

Kisah-kisah yang disebutkan di dalam surah ini tidaklah diatur mengikut susunan sejarah, kerana yang dimaksudkan di sini ialah contoh teladan dari kisah-kisah itu sahaja. Adapun di dalam Surah al-A'raf umpamanya, maka yang dimaksudkan di sana ialah menceritakan kisah-kisah itu mengikut susunan kejadian sejarah untuk membentangkan susunan warisan bumi dan susunan para rasul mulai dari zaman Adam a.s. Penceritaan kisah-kisah di sana adalah diatur secara susunan kejadian sejarah turunnya Adam dari Syurga dan bermulanya kehidupan manusia (bumi ini).

Babak kisah Nabi Ibrahim a.s. dibentangkan di sini ialah babak kerasulan beliau kepada kaumnya dan dialog beliau dengan mereka mengenai 'aqidah, juga pengingkaran beliau terhadap tuhan-tuhan (palsu) yang didakwakan kaumnya dan seruan mengajak mereka menyembah Allah serta mengingatkan mereka dengan hari Akhirat. Kemudian diiringi pula dengan sebuah pemandangan pada hari Qiamat, di mana para penyembah tuhan-tuhan palsu itu menolak tuhan-tuhan itu dan menyesali perbuatan syirik yang telah membawa mereka kepada nasib kesudahan yang malang seolah-olah mereka sekarang benar-benar telah menerima nasib itu. Di sinilah letaknya contoh teladan kisah ini kepada kaum Musyrikin. Oleh sebab itulah Al-Qur'an menjelaskan dengan agak luas mengenai asas-asas 'aqidah tauhid, kerosakan 'aqidah syirik dan nasib kesudahan kaum Musyrikin pada hari balasan, kerana yang ditekankan dalam penjelasan di sini ialah 'aqidah tauhid sedangkan pembicaraan-pembicaraan yang lain yang dihuraikan dengan panjang di dalam, surah-surah yang lain hanya disebut dengan ringkas sahaja di sini.

Babak-babak kisah Nabi Ibrahim a.s. telah disebut di dalam Surah-surah al-Baqarah, al-An'am, Hud, Ibrahim, al-Hijr, Maryam, al-Anbiya' dan al-Hajj. Babak-babak kisah itu disebut dan ditayangkan di dalam setiap surah itu dengan cara yang sesuai dengan penerangan umumnya, sesuai dengan maudhu' surah-surah itu serta sesuai dengan suasana dan bayangan surah-surah itu.

Babak yang ditayangkan di dalam Surah al-Baqarah ialah babak Nabi Ibrahim a.s. membina rumah Ka'bah bersama anaknya Ismail dan bagaimana beliau berdo'a supaya Allah jadikan al-Baladul-Haram itu sebuah negeri yang aman dan seterusnya mengisytiharkan bahawa warisan Baitullah dan warisan penegaknya adalah diserah kepada angkatan Muslimin yang mengikut agamanya bukannya diserah kepada mereka yang mendakwa ada hubungan warisan darah keturunan dengan beliau. Perisytiharan ini mempunyai hubungan dengan penderhakaan-penderhakaan Bani Israel yang diusir dan dilaknatkan Allah dan dengan penentuan warisan agama Ibrahim dan Baitullah yang dibinanya kepada angkatan Muslimin.

Di dalam Surah al-Baqarah juga disebut babak Nabi Ibrahim a.s. berhujah dengan seorang raja kafir mengenai sifat Allah yang berkuasa menghidup dan memati, menerbitkan matahari dari sebelah timur, serta mencabar raja itu supaya menerbitkannya dari sebelah barat menyebabkan raja yang kafir itu kaget dan bingung.

Begitu juga ditayangkan di sini babak Nabi Ibrahim a.s. memohon kepada Allah supaya menunjukkan kepadanya bagaimana Dia menghidupkan yang mati, lalu Allah memerintah beliau supaya menyembelih empat ekor burung dan mengagihkan kepingan-kepingan atau caingan-caingan anggota burung itu di beberapa bukit kemudian Allah menghidupkan burung-burung itu kembali di hadapan matanya dan binatang-binatang itu terus terbang menuju ke arahnya.

Kedua-dua babak itu adalah ditayang ketika surah itu memperkatakan tentang bukti-bukti kekuasaan Allah dalam urusan memati dan menghidup.

Babak yang ditayangkan di dalam Surah al-An'am ialah babak Ibrahim mencari Allah dan bagaimana beliau menemui hakikat Allah setelah berfikir dengan teliti kejadian bintang-bintang, bulan dan matahari, dan mengamati segala pemandangan alam buana. Babak itu ditayangkan ketika surah itu memperkatakan tentang 'aqidah dan bukti-bukti kekuasaan Allah di alam buana yang menunjukkan kewujudan Allah Pencipta yang tiada sekutu bagi-Nya.

Babak yang ditayangkan dalam Surah Hud pula ialah babak Nabi Ibrahim a.s. diberi tabsyir mendapat putera Ishaq ketika surah ini menceritakan kisah Lut dan lalunya sekumpulan malaikat yang ditugas untuk membinasakan negeri Lut di dalam perjalanan mereka menemui Ibrahim. Kisah dalam surah ini memperlihatkan dengan jelas bagaimana Allah melindungi para hamba-Nya yang terpilih dan membinasakan kaum yang fasiq.

Di dalam Surah Ibrahim pula ditayangkan babak beliau berdo'a kepada Allah berhampiran Baituilahil-Haram terhadap zuriatnya yang ditempatkan di sebuah wadi yang tandus tanpa tanaman itu, juga bersyukur kepada Allah yang telah mengurniakan Ismail dan Ishaq dalam usianya yang tua. Seterusnya beliau memohon kepada Allah agar menjadikan dirinya dan zuriatnya tekun mengerjakan solat dan agar memperkenankan do'anya serta mengurniakan keampunan kepadanya, kepada dua ibu bapanya dan kepada sekalian orang-orang Mu'minin sehingga Hari Hisab. Seluruh penerangan surah ini ialah menayangkan umat yang dipimpin oleh rasul-rasul yang membawa satu agama iaitu agama tauhid dan menayangkan para-para pendusta yang mendustakan umat rasul-rasul itu dalam satu barisan, seolah-olah agama yang dibawa para rasul itu merupakan sebatang pokok yang teduh yang tumbuh di panas matahari kekufuran dan di padang gurun keingkaran.

Babak yang ditayangkan di dalam Surah al-Hijr ialah babak yang diceritakan di dalam Surah Hud dengan satu huraian yang lebih panjang mengenai rahmat Allah terhadap para hamba-Nya yang Mu'min dan 'azab seksa-Nya terhadap penderhaka-penderhaka yang berdosa.

Babak yang ditayangkan di dalam Surah Maryam ialah babak Nabi Ibrahim a.s. berda'wah kepada bapanya dengan cara yang lemah lembut dan bagaimana bapanya itu bertindak kasar terhadap beliau dan bagaimana beliau menjauhkan diri dari bapanya dan kaumnya, seterusnya bagaimana beliau dikurniakan Ismail dan Ishaq. Semuanya diceritakan dalam surah ini, iaitu satu surah yang menayangkan ri'ayah Allah terhadap para hamba pilihan-Nya. Seluruh suasana surah ini dipayungi rahmat, kasih mesra dan lemah-lembut.

Babak yang ditayangkan di dalam Surah al-Anbiya' ialah babak Nabi Ibrahim a.s. berda'wah kepada bapanya dan kaumnya, dan bagaimana beliau menghina dan memecahkan berhala-berhala mereka dan bagaimana beliau dicampakkan ke dalam api yang telah menjadi dingin dan selamat sejahtera kepada beliau dengan perintah Allah, seterusnya bagaimana beliau dan saudaranya Lut selamat berhijrah ke sebuah negeri yang diberkati Allah untuk sekalian manusia. Babak ini ditayangkan ketika surah ini memperkatakan tentang umat rasul-rasul dan ri'ayah Allah terhadap umat ini, juga matlamat hidup mereka yang menuju kepada menyembah Allah Yang Maha Esa yang tiada sekutu bagi-Nya.

Sementara di dalam Surah al-Hajj pula disebut secara ringkas tentang perintah Allah yang menyuruh Nabi Ibrahim a.s. supaya membersihkan Baitullah untuk orang-orang yang mengerjakan tawaf dan i'tikaf.

******

(Pentafsiran ayat-ayat 69 - 104)

Kisah Ibrahim Berdialog Dengan Bapa Dan Kaumnya

وَٱتۡلُ عَلَيۡهِمۡ نَبَأَ إِبۡرَٰهِيمَ ﴿٦٩﴾

إِذۡ قَالَ لِأَبِيهِ وَقَوۡمِهِۦ مَا تَعۡبُدُونَ ﴿٧٠﴾

"Dan bacalah kepada mereka berita Ibrahim(69). Ketika ia berkata kepada bapanya dan kaumnya: Apakah yang kamu sembah?"(70)

Bacalah kisah Ibrahim ini kepada kaum Musyrikin (Makkah) yang mendakwa diri mereka sebagai pewaris-pewaris Ibrahim yang mengikut agamanya. Bacalah kisah ini kepada mereka, sedangkan Ibrahim sendiri mengecam perbuatan bapanya dan kaumnya yang telah menyembah berhala-berhala yang sama dengan berhala-berhala yang disembah kaum Musyrikin di Makkah. Ibrahim sendiri tidak mengikuti kepercayaan syirik yang dipegang oleh bapanya dan kaumnya. Ibrahim sendiri mengecam 'aqidah dan amalan mereka yang sesat itu dan bertanya dengan hairan dan mengecam:

إِذۡ قَالَ لِأَبِيهِ وَقَوۡمِهِۦ مَا تَعۡبُدُونَ ﴿٧٠﴾

قَالُواْ نَعۡبُدُ أَصۡنَامٗا فَنَظَلُّ لَهَا عَٰكِفِينَ ﴿٧١﴾

"Ketika ia berkata kepada bapanya dan kaumnya: Apakah yang kamu sembah?(70). Jawab mereka: Kami menyembah berhala-berhala dan kami akan terus menyembahnya."(71)

Mereka namakan berhala-berhala itu sebagai tuhan-tuhan mereka. Keterangan mereka dengan menyebut kata-kata **"Berhala-berhala"** itu menunjukkan mereka tidak dapat mengingkarkan bahawa tuhan-tuhan yang disembah mereka hanyalah berhala-berhala yang dipahat dari batu sahaja, dan walaupun begitu mereka terus bertungkus lumus dan tekun menyembahkannya. Inilah kemuncak kekarutan mereka tetapi sebenarnya apabila 'aqidah itu telah sesat, maka penganut-penganutnya tidak lagi menyedari kerendahan cara penyembahan, kefahaman, dan perkataan-perkataan mereka.

Kemudian Nabi Ibrahim a.s. mulai menggerakkan hati mereka yang lalai dan akal mereka yang tumpul supaya menyedari kekarutan yang diamalkan mereka tanpa kesedaran dan menggunakan fikiran itu:

قَالَ هَلۡ يَسۡمَعُونَكُمۡ إِذۡ تَدۡعُونَ ﴿٧٢﴾

أَوۡ يَنفَعُونَكُمۡ أَوۡ يَضُرُّونَ ﴿٧٣﴾

"Ibrahim bertanya: Apakah berhala-berhala itu mendengar (do'a kamu) ketika kamu berdo'a kepadanya? (72). Atau dapatkah mereka memberi manfa'at atau mendatangkan mudharat kepada kamu?"(73)

Sekurang-kurang sifat yang patut ada pada tuhan yang disembah ialah mempunyai daya pendengaran seperti yang dipunyai para penyembah yang menyembah dan berdo'a kepadanya, sedangkan berhala-berhala itu tidak dapat mendengar rayuan para penyembahnya yang beribadat dan berdo'a kepadanya supaya diberikan sesuatu manfa'at dan dijauhkan dari sesuatu kemudharatan. Andainya berhala-berhala itu pekak tidak dapat mendengar, maka apakah berhala-berhala itu mempunyai kuasa untuk memberi manfa'at dan menolak sesuatu kemudharatan? Kedua-duanya tidak dapat didakwakan oleh mereka.

Kaum Ibrahim tidak menjawab apa-apa terhadap pertanyaan itu, kerana mereka kini tidak meragui lagi bahawa Ibrahim mempersenda dan mengecam mereka, sedangkan mereka tidak mempunyai sebarang hujah untuk menolak apa yang dikatakannya. Oleh sebab itu apabila mereka bercakap, maka terbukalah tembelang kebekuan atau kebatuan akal mereka yang telah menjadi satu kaum

pak turut yang mengikut tanpa kesedaran dan menggunakan fikiran:

قَالُواْ بَلْ وَجَدْنَآ ءَابَآءَنَا كَذَٰلِكَ يَفْعَلُونَ ﴿٧٤﴾

"Jawab mereka: Tidak begitu! Tetapi kami dapati nenek moyang kami berbuat sebegitu."(74)

Sebenarnya berhala-berhala ini tidak dapat mendengar dan tidak pula berkuasa memberi sesuatu manfa'at dan menolak sesuatu kemudharatan, tetapi kami dapati nenek moyang kami menyembahnya dengan tekun, lalu kami pun ikut sama menyembahnya dengan tekun.

Ini adalah satu jawapan yang memalukan, tetapi kaum Musyrikin tidak malu berkata begitu sebagaimana tidak malunya kaum Musyrikin Makkah berbuat begitu, kerana kepada mereka amalan nenek moyang itu sahaja sudah cukup untuk dijadikan pegangan dan pertimbangan tanpa kajian, malah di antara faktor yang menghalangkan kaum Musyrikin dari menerima Islam ialah keengganan mereka meninggalkan agama nenek moyang dan meninggalkan pertimbangan datuk nenek mereka dan enggan mengaku bahawa nenek moyang mereka telah berada di dalam kesesatan, kerana perkara ini kepada mereka tidak layak dilakukan terhadap nenek moyang mereka yang telah berlalu itu. Demikianlah tegaknya pertimbangan-pertimbangan dan pegangan-pegangan yang kosong itu menjadi penghalang di hadapan agama yang benar, malah pertimbangan dan pegangan inilah yang diutamakan mereka di atas agama yang benar pada masa-masa manusia ditimpa penyakit kebekuan akal dan jiwa dan penyelewengan. Justeru itulah mereka memerlukan kepada satu goncangan yang kuat, yang dapat menyedarkan mereka supaya mereka kembali kepada kebebasan diri dan berfikir.

Di hadapan pemikiran yang membatu dan membeku inilah Nabi Ibrahim a.s. yang sabar itu tidak dapat berbuat apa-apa selain dari menggoncangkan mereka dengan kuat dan mengumumkan permusuhannya terhadap berhala-berhala dan 'aqidah yang rosak ini yang telah membenarkan penyembahan berhala kerana berpegang dengan pertimbangan-pertimbangan (nenek moyang) yang seperti itu.

قَالَ أَفَرَءَيْتُم مَّا كُنتُمْ تَعْبُدُونَ ﴿٧٥﴾

أَنتُمْ وَءَابَآؤُكُمُ ٱلْأَقْدَمُونَ ﴿٧٦﴾

فَإِنَّهُمْ عَدُوٌّ لِّىٓ إِلَّا رَبَّ ٱلْعَٰلَمِينَ ﴿٧٧﴾

"Lalu Ibrahim berkata: Apakah kamu berfikir tentang tuhan-tuhan yang disembahkan kamu(75). Kamu dan nenek moyang kamu yang dahulu kala itu?(76) Kerana sesungguhnya tuhan-tuhan itu adalah musuh kepadaku kecuali Tuhan semesta alam."(77)

Walaupun bapanya sendiri dan kaumnya menyembah berhala-berhala namun ini tidaklah menghalang Ibrahim dari berpisah dari mereka dan aqidahnya dan dari menyatakan perseteruannya yang berterus terang terhadap tuhan-tuhan dan kepercayaan mereka (yang karut) itu walaupun ia dipegang oleh nenek moyang mereka - yang juga nenek moyang beliau - yang dahulu kala.

Demikianlah Al-Qur'an mengajar orang-orang Mu'min supaya tidak bertolak ansur dan memelihara budi bahasa yang halus terhadap bapa dan kaum sendiri dalam persoalan 'aqidah, kerana hubungan yang harus diutamakan ialah hubungan 'aqidah dan nilai yang harus diutamakan ialah nilai keimanan, sedangkan segala nilai yang lain dari nilai keimanan hanya merupakan nilai ikutan sahaja, yang wujud apabila wujudnya iman.

Ibrahim mengecualikan **"Tuhan sekalian alam"** sahaja dari perseteruannya terhadap tuhan-tuhan yang disembahkan mereka dan nenek moyang mereka yang dahulu kala:

فَإِنَّهُمْ عَدُوٌّ لِّىٓ إِلَّا رَبَّ ٱلْعَٰلَمِينَ ﴿٧٧﴾

"Kerana sesungguhnya tuhan-tuhan itu adalah musuh kepadaku kecuali Tuhan semesta alam."(77)

(Pengecualian ini dibuat oleh Ibrahim) memandangkan kemungkinan di antara nenek moyang mereka yang dahulu itu ada yang menyembah Allah sebelum 'aqidah kaum mereka rosak dan menyeleweng, dan ada pula yang mungkin menyembah Allah, tetapi serentak itu juga mempersekutui Allah dengan tuhan-tuhan palsu yang lain. Jadi pengecualian itu adalah dibuat dengan tujuan bercermat dan berhemat dalam membuat kenyataan-kenyataan yang wajar dengan beliau sebagai Ibrahim seorang rasul apabila bercakap mengenai 'aqidah dan maudhu'nya yang halus itu.

Kemudian Nabi Ibrahim a.s. menerangkan sifat-sifat Tuhannya iaitu Tuhan semesta alam dan bagaimana hubungan-Nya dengan beliau dalam setiap keadaan dan waktu. Di sini kita merasa betapa rapat, kukuh dan mesranya hubungan itu dan merasa bahawa qudrat Allah itu berada di sebalik setiap gerak dan diamnya dan di sebalik setiap kehendak dan tujuannya:

Ibrahim Menjelaskan Sifat-sifat Allah

ٱلَّذِى خَلَقَنِى فَهُوَ يَهْدِينِ ﴿٧٨﴾

وَٱلَّذِى هُوَ يُطْعِمُنِى وَيَسْقِينِ ﴿٧٩﴾

وَإِذَا مَرِضْتُ فَهُوَ يَشْفِينِ ﴿٨٠﴾

وَٱلَّذِى يُمِيتُنِى ثُمَّ يُحْيِينِ ﴿٨١﴾

وَٱلَّذِىٓ أَطْمَعُ أَن يَغْفِرَ لِى خَطِيٓـَٔتِى يَوْمَ ٱلدِّينِ ﴿٨٢﴾

"Tuhan yang telah menciptakanku dan Dialah juga yang memberi hidayat kepadaku(78). Dan Dialah Tuhan yang memberi makanan dan minuman kepadaku(79). Dan apabila aku sakit, maka Dialah Tuhan yang menyembuhkanku(80). Dan Dialah Tuhan yang akan mematikanku kemudian menghidupkanku kembali(81). Dan Dialah Tuhan yang amat ku inginkan supaya mengampunkan dosaku pada Hari Balasan."(82)

Dari huraian Nabi Ibrahim a.s. tentang sifat-sifat Allah dan gambaran beliau tentang hubungannya dengan Allah dapatlah kita merasa bahawa beliau hidup dengan seluruh jiwa raganya bersama Allah, di mana beliau meletakkan seluruh pengharapannya dan bertawajjuh kepada-Nya dengan penuh kasih. Beliau menghuraikan sifat Allah seolah-olah beliau melihatnya dan merasa kesan limpah kurnia Allah dengan seluruh hati, perasaan dan anggota tubuh badannya. Irama ungkapan yang lemah lembut yang menggambarkan perkataan Nabi Ibrahim di dalam Al-Qur'an itu telah membantu menimbulkan suasana ini dan memantulkan bayangan ini dengan nada yang lunak, lembut dan lanjut.

ٱلَّذِى خَلَقَنِى فَهُوَ يَهْدِينِ ﴿٧٨﴾

"Tuhan yang telah menciptakanku dan Dialah juga yang memberi hidayat kepadaku."(78)

Allahlah yang telah mewujudkan aku mengikut ilmu-Nya, sedangkan aku tidak mengetahui suatu apa. Justeru itu Allah Maha Mengetahui terhadap hakikat diriku, kejadianku, tugas-tugasku, perasaan-perasaanku, masa kiniku dan masa depan kesudahanku. **"Dan Dialah juga yang memberi hidayat kepadaku"** menuju kepada-Nya. Dialah yang menunjukkan jalan yang sedang dijalaniku dan menunjukkan agama yang sedang diikutiku. Nabi Ibrahim a.s. seolah-olah merasa dirinya sebagai tepung adunan di tangan Allah Penciptanya, yang dapat dibentuk dengan apa sahaja rupa yang dikehendaki-Nya. Itulah sikap penyerahan diri yang mutlaq yang dilakukan dengan penuh ketenangan, ketenteraman, kepercayaan dan keyakinan.

وَٱلَّذِى هُوَ يُطْعِمُنِى وَيَسْقِينِ ﴿٧٩﴾
وَإِذَا مَرِضْتُ فَهُوَ يَشْفِينِ ﴿٨٠﴾

"Dan Dialah Tuhan yang memberi makanan dan minuman kepadaku(79). Dan apabila aku sakit, maka Dialah Tuhan yang menyembuhkanku."(80)

Itulah pemeliharaan Allah secara langsung (terhadap Ibrahim), iaitu pemeliharaan yang penuh mesra, yang dirasai beliau di dalam waktu sihat dan sakit. Beliau menunjukkan adab sopan kenabian yang amat halus, justeru itu beliau tidak menghubungkan sakitnya kepada Allah, sedangkan beliau tahu bahawa dia sakit dan sihat dengan kehendak masyi'ah Allah. Beliau hanya menyebut Allah ketika menyatakan limpah kurnia Allah yang memberi makanan, minuman dan kesembuhan kepada-Nya, tetapi dia tidak menyebut Allah ketika menyatakan kesusahan yang dialaminya.

وَٱلَّذِى يُمِيتُنِى ثُمَّ يُحْيِينِ ﴿٨١﴾

"Dan Dialah Tuhan yang akan mematikanku kemudian menghidupkanku kembali."(81)

Itulah keimanan yang mengakui bahawa Allahlah yang menentukan maut, dan itulah keimanan yang mengakui hari kebangkitan dengan penuh penyerahan dan kerelaan yang amat mendalam.

وَٱلَّذِىٓ أَطْمَعُ أَن يَغْفِرَ لِى خَطِيٓـَٔتِى يَوْمَ ٱلدِّينِ ﴿٨٢﴾

"Dan Dialah Tuhan yang amat kuinginkan supaya mengampunkan dosaku pada Hari Balasan."(82)

Hasrat yang paling tinggi Nabi Ibrahim a.s. selaku seorang nabi dan Rasul yang mengenal Allah dengan ma'rifatnya yang seluhur ini, yang merasa terhadap Allah dengan perasaannya yang semulia ini dan berhubung dengan Allah dengan hubungannya yang sedekat ini ialah mendapat keampunan dari Allah terhadap kesalahannya pada hari Qiamat. Beliau tidak membersihkan dirinya dari kesalahan kerana beliau takut dia mempunyai kesalahan. Beliau tidak berpegang dengan amalannya dan tidak berfikir bahawa beliau wajar menerima sesuatu balasan terhadap amalannya. Beliau hanya mengharapkan limpah kurnia Allah dan rahmat kasihan belas-Nya. Inilah sahaja yang membuat beliau berhasrat untuk mendapat kemaafan dan keampunan.

Itulah perasaan taqwa, perasaan adab sopan dan malu segan terhadap Allah. Itulah perasaan yang betul terhadap nilai ni'mat Allah yang amat banyak dan terhadap nilai amalan hamba yang amat sedikit.

Demikianlah Nabi Ibrahim a.s. mengumpulkan dalam huraiannya mengenai sifat Allah berbagai-bagai elemen 'aqidah yang benar iaitu mentauhidkan Allah Tuhan semesta alam, mengakui kuatkuasa pentadbiran-Nya mengendalikan urusan-urusan hidup manusia yang paling halus di bumi ini, mempercayai kebangkitan dan hisab selepas mati, mengakui ni'mat-ni'mat Allah yang melimpah-ruah dan mengakui ketaksiran seorang hamba. Itulah elemen-elemen 'aqidah yang diingkarkan kaumnya dan orang-orang Musyrikin umumnya.

Kemudian Nabi Ibrahim a.s. yang banyak berdo'a dan bertaubat itu bertawajjuh kepada Allah dan berdo'a kepada-Nya dengan penuh keimanan dan khusyu':

رَبِّ هَبْ لِى حُكْمًا وَأَلْحِقْنِى بِٱلصَّٰلِحِينَ ﴿٨٣﴾
وَٱجْعَل لِّى لِسَانَ صِدْقٍ فِى ٱلْءَاخِرِينَ ﴿٨٤﴾
وَٱجْعَلْنِى مِن وَرَثَةِ جَنَّةِ ٱلنَّعِيمِ ﴿٨٥﴾

وَٱغۡفِرۡ لِأَبِيٓ إِنَّهُۥ كَانَ مِنَ ٱلضَّآلِّينَ ٨٦

وَلَا تُخۡزِنِي يَوۡمَ يُبۡعَثُونَ ٨٧

يَوۡمَ لَا يَنفَعُ مَالٞ وَلَا بَنُونَ ٨٨

إِلَّا مَنۡ أَتَى ٱللَّهَ بِقَلۡبٖ سَلِيمٖ ٨٩

"Wahai Tuhanku! Kurniakanlah kepadaku hikmat dan masukkanku ke dalam golongan mereka yang soleh(83). Dan jadikan untukku seorang jurucakap kebenaran di dalam angkatan orang-orang yang datang kemudian (84). Dan jadikanku dari golongan pewaris-pewaris Syurga yang penuh ni'mat(85). Dan ampunilah ayahandaku kerana sesungguhnya dia dari golongan mereka yang sesat(86). Dan janganlah Engkau kecewakanku pada hari mereka dibangkitkan(87). Iaitu pada hari, di mana harta dan anak-anak tidak berguna lagi(88). Kecuali orang-orang yang datang mengadap Allah dengan hati yang bersih."(89)

Do'a Ibrahim Yang Amat Mendalam Dan Tinggi Maksudnya

Dalam keseluruhan do'a-do'anya beliau tidak memohon sebarang harta benda dan ni'mat dunia walaupun kesihatan tubuh badan, malah do'a beliau menjurus ke ufuk-ufuk yang lebih tinggi iaitu do'a yang digerakkan oleh perasaan-perasaan yang amat hening dan bersih, do'a yang lahir dari hati yang mengenal Allah dan memandang kecil kepada yang lain dari-Nya, do'a orang yang telah merasa kelazatan ma'rifat lalu memohon tambahan dan do'a orang yang menaruh harapan dan ketakutan (terhadap Allah) mengikut batas-batas ma'rifat yang dikecapi dan dikehendaki olehnya:

رَبِّ هَبۡ لِي حُكۡمٗا وَأَلۡحِقۡنِي بِٱلصَّٰلِحِينَ ٨٣

"Wahai Tuhanku! Kurniakanlah kepadaku hikmat dan masukkanku ke dalam golongan orang-orang yang soleh."(83)

Kurniakan kepadaku pengetahuan hikmat supaya aku dapat mengenalkan dengannya nilai-nilai yang benar dan nilai-nilai yang palsu dan supaya aku dapat meneruskan perjalananku di jalan yang boleh menghubungkanku dengan nilai yang lebih kekal.

"Dan masukkanku ke dalam golongan orang-orang yang soleh" demikianlah kata-kata yang diucapkan oleh Nabi Ibrahim yang mulia, yang banyak berdo'a dan bersabar. Alangkah rendah dan tawadhuknya hati beliau. Alangkah takutnya beliau dari ketaksiran dan perubahan hati yang mendadak. Alangkah besarnya hasrat beliau untuk hanya berada di dalam golongan orang-orang yang soleh. Beliau memohon taufik Allah ke arah amalan yang soleh yang dapat memasukkannya ke dalam golongan mereka yang soleh.

وَٱجۡعَل لِّي لِسَانَ صِدۡقٖ فِي ٱلۡأٓخِرِينَ ٨٤

"Dan jadikan untukku seorang jurucakap kebenaran di dalam angkatan orang-orang yang datang kemudian."(84)

Permohonan ini adalah didorong oleh keinginan beliau kepada kesinambungan yang berterusan, iaitu kesinambungan bukan dengan perhubungan keturunan tetapi dengan perhubungan 'aqidah, di mana beliau memohon kepada Allah agar menjadikan untuknya di dalam kalangan generasi-generasi keturunannya yang akan datang seorang jurucakap kebenaran yang menyeru mereka kepada kebenaran dan mengembalikan mereka kepada agama tauhid yang mudah, iaitu agama Ibrahim. Mungkin permohonan ini sama dengan permohonan beliau di tempat yang lain ketika beliau bersama anaknya Ismail selesai membina tapak Baitullahil-Haram, dimana beliau berdo'a:

رَبَّنَا وَٱجۡعَلۡنَا مُسۡلِمَيۡنِ لَكَ وَمِن ذُرِّيَّتِنَآ أُمَّةٗ مُّسۡلِمَةٗ لَّكَ وَأَرِنَا مَنَاسِكَنَا وَتُبۡ عَلَيۡنَآۖ إِنَّكَ أَنتَ ٱلتَّوَّابُ ٱلرَّحِيمُ ١٢٨

رَبَّنَا وَٱبۡعَثۡ فِيهِمۡ رَسُولٗا مِّنۡهُمۡ يَتۡلُواْ عَلَيۡهِمۡ ءَايَٰتِكَ وَيُعَلِّمُهُمُ ٱلۡكِتَٰبَ وَٱلۡحِكۡمَةَ وَيُزَكِّيهِمۡۖ إِنَّكَ أَنتَ ٱلۡعَزِيزُ ٱلۡحَكِيمُ ١٢٩

"Wahai Tuhan kami! Jadikan kami berdua orang yang menyerah patuh kepada-Mu, dan (jadikan) di antara zuriat kami satu umat yang menyerah patuh kepada-Mu, dan tunjukkan kepada kami cara-cara ibadat kami dan terimalah taubat kami. Sesungguhnya Engkaulah Yang Maha Penerima Taubat dan Maha Pengasih. Wahai Tuhan kami! Bangkitkanlah di dalam kalangan mereka seorang rasul yang membaca ayat-ayat-Mu kepada mereka dan mengajar mereka kitab Al-Qur'an dan hikmat serta membersihkan diri mereka. Sesungguhnya Engkau Maha Perkasa dan Maha Bijaksana."

(Surah al-Baqarah: 128-129)

Permohonan ini telah diperkenankan Allah dengan menjadikan baginya seorang jurucakap kebenaran di dalam kalangan generasi-generasi keturunannya yang datang kemudian, iaitu membangkitkan di dalam kalangan mereka seorang rasul yang membaca ayat-ayat Allah dan mengajar mereka ilmu Al-Qur'an dan hikmat serta membersihkan diri mereka. Permohonan ini telah dikabulkan Allah setelah berlalunya ribuan tahun, iaitu satu jangka masa yang amat panjang pada perhitungan manusia, sedangkan di sisi Allah ia hanya merupakan satu jangka masa yang tertentu sahaja yang dipilih Allah mengikut pertimbangan hikmat-Nya sebagai masa yang layak untuk memperkenankan permohonan ini.

وَٱجۡعَلۡنِي مِن وَرَثَةِ جَنَّةِ ٱلنَّعِيمِ ٨٥

"Dan jadikanku dari golongan pewaris-pewaris Syurga yang penuh ni'mat."(85)

Sebelum ini beliau telah memohon kepada Allah supaya memasukkannya ke dalam golongan mereka yang soleh dengan mengurniakan taufik kepadanya ke arah mengerjakan amalan yang soleh yang dapat memasukkannya ke dalam barisan mereka dan ke dalam Syurga yang penuh ni'mat yang diwarisi para hamba kesayangan Allah yang soleh.

وَٱغۡفِرۡ لِأَبِيٓ إِنَّهُۥ كَانَ مِنَ ٱلضَّآلِّينَ ٨٦

"Dan ampunilah ayahandaku kerana sesungguhnya dia dari golongan mereka yang sesat."(86)

Hubungan Yang Sebenar Ialah Hubungan Aqidah Bukannya Hubungan Keturunan

(Ibrahim a.s. memohon keampunan untuk bapanya) walaupun beliau menerima kata-kata yang kesat dan ancaman yang keras darinya. Beliau telah berjanji dengan bapanya untuk memohon keampunan untuknya dan kerana itu beliau telah menunaikan janjinya. Selepas itu Al-Qur'an menjelaskan bahawa tidak harus (bagi orang Mu'min) beristighfar untuk orang-orang Musyrikin walaupun mereka mempunyai hubungan keluarga, dan menerangkan bahawa perbuatan Ibrahim a.s. memohon keampunan untuk bapanya adalah berdasarkan kepada janji beliau kepadanya:

فَلَمَّا تَبَيَّنَ لَهُۥٓ أَنَّهُۥ عَدُوّٞ لِّلَّهِ تَبَرَّأَ مِنۡهُۚ

"Setelah ternyata bahawa bapanya itu musuh Allah, dia (Ibrahim) pun terus berlepas diri darinya."

(Surah at-Taubah: 114)

Dan tahulah beliau bahawa hubungan kerabat yang sebenar bukannya hubungan keturunan, malah ialah hubungan 'aqidah. Ini adalah salah satu dari asas-asas pendidikan Islam yang nyata. Hubungan utama ialah hubungan 'aqidah kerana Allah dan hanya di atas asas hubungan inilah dijalinkan hubungan di antara individu-individu manusia. Apabila hubungan ini terputus maka seluruh hubungan yang lain terputus. Mereka merupakan orang-orang jauh yang tidak mempunyai apa-apa hubungan lagi.

وَلَا تُخۡزِنِي يَوۡمَ يُبۡعَثُونَ ٨٧

يَوۡمَ لَا يَنفَعُ مَالٞ وَلَا بَنُونَ ٨٨

إِلَّا مَنۡ أَتَى ٱللَّهَ بِقَلۡبٖ سَلِيمٖ ٨٩

"Dan janganlah Engkau kecewakanku pada hari mereka dibangkitkan(87). Iaitu pada hari di mana harta dan anak-anak tidak berguna lagi(88). Kecuali orang-orang yang datang mengadap Allah dengan hati yang bersih."(89)

Keikhlasan Merupakan Satu-satunya Nilai Yang Dipertimbangkan Pada Hari Qiamat

Dari perkataan Ibrahim a.s. **"Janganlah Engkau kecewakanku pada hari mereka dibangkitkan"** dapatlah kita bayangkan sejauh mana perasaan beliau terhadap kengerian Hari Akhirat dan sejauh mana malunya beliau kepada Allah dan takutnya beliau kepada kehampaan dan ketaksiran, sedangkan beliau seorang Nabi yang mulia. Begitu juga dari perkataan beliau **"Iaitu pada hari di mana harta dan anak tidak berguna lagi"** kita dapat bayangkan sejauh mana kefahaman beliau terhadap hakikat hari itu, juga terhadap hakikat nilai, kerana pada Hari Hisab tiada nilai yang lain yang diambil kira melainkan hanya nilai keikhlasan, iaitu keikhlasan seluruh hati kepada Allah semata-mata, keikhlasan yang bersih dari segala campuraduk, dari segala penyakit dan kepentingan dan keikhlasan yang bersih dari keinginan-keinginan nafsu dan penyelewengan-penyelewangan dan bersih dari pergantungan kepada yang lain dari Allah. Inilah kebersihan dan kesejahteraan hati yang memberikannya nilai dan timbangan berat **"Pada hari di mana harta dan anak tidak berguna lagi".** Nilai-nilai yang fana dan palsu yang menjadi rebutan di bumi ini tidak memberi apa-apa faedah dan guna. Ia tidak mempunyai timbangan sedikit pun di dalam neraca akhirat.

Di sini ditayangkan sebuah pemandangan Qiamat yang menggambarkan hari yang ditakuti Nabi Ibrahim a.s. itu, seolah-olah hari itu hadir di hadapan beliau dan dapat dilihat dengan mata kepalanya ketika beliau bertawajjuh kepada Allah mengangkatkan do'anya dengan penuh khusyu' dan taubat:

وَأُزۡلِفَتِ ٱلۡجَنَّةُ لِلۡمُتَّقِينَ ٩٠

وَبُرِّزَتِ ٱلۡجَحِيمُ لِلۡغَاوِينَ ٩١

وَقِيلَ لَهُمۡ أَيۡنَ مَا كُنتُمۡ تَعۡبُدُونَ ٩٢

مِن دُونِ ٱللَّهِ هَلۡ يَنصُرُونَكُمۡ أَوۡ يَنتَصِرُونَ ٩٣

فَكُبۡكِبُواْ فِيهَا هُمۡ وَٱلۡغَاوُۥنَ ٩٤

"Dan (pada hari itu) diperdekatkan Syurga kepada orang-orang yang bertaqwa(90). Dan ditonjolkan Neraka Jahim kepada orang-orang yang sesat(91). Dan dikatakan kepada mereka: Di manakah tuhan-tuhan yang kamu sembah(92). Selain dari Allah, dapatkah mereka menolong kamu akan menolong diri mereka sendiri?(93). Lalu seluruh mereka (tuhan-tuhan palsu) dihumbankan ke dalam Neraka bersama orang-orang yang sesat".(94)

وَجُنُودُ إِبۡلِيسَ أَجۡمَعُونَ ٩٥

قَالُواْ وَهُمۡ فِيهَا يَخۡتَصِمُونَ ٩٦

تَٱللَّهِ إِن كُنَّا لَفِى ضَلَٰلٍ مُّبِينٍ ﴿٩٧﴾
إِذْ نُسَوِّيكُم بِرَبِّ ٱلْعَٰلَمِينَ ﴿٩٨﴾
وَمَآ أَضَلَّنَآ إِلَّا ٱلْمُجْرِمُونَ ﴿٩٩﴾
فَمَا لَنَا مِن شَٰفِعِينَ ﴿١٠٠﴾

"Dan bala tentera Iblis seluruhnya(95). Lalu berkatalah mereka semasa bertengkar di dalam Neraka(96). Demi Allah! Sesungguhnya kami sekalian (di dunia) berada di dalan kesesatan yang amat nyata(97). Kerana kami menyamakan kamu dengan Tuhan semesta alam(98). Dan tiada yang menyesatkan kami melainkan hanya orang-orang yang berdosa(99). Kerana itu kami tidak mempunyai pemberi-pemberi syafa'at".(100).

وَلَا صَدِيقٍ حَمِيمٍ ﴿١٠١﴾
فَلَوْ أَنَّ لَنَا كَرَّةً فَنَكُونَ مِنَ ٱلْمُؤْمِنِينَ ﴿١٠٢﴾

"Dan tidak pula mempunyai seorang pun sahabat setia(101). Seandainya kami dapat kembali sekali lagi (ke dunia) tentulah kami menjadi orang-orang yang beriman."(102)

Kini Syurga diperdekatkan dan ditonjolkan kepada para Muttaqin yang takut kepada 'azab Tuhan mereka. Neraka Jahannam juga didedah dan ditonjolkan kepada orang-orang yang sesat, yang menyeleweng dari jalan yang benar dan mendustakan hari Qiamat. Mereka berdiri melihat Neraka, di mana mereka mendengar kecaman-kecaman yang pedas sebelum mereka dihumbankan ke dalam Neraka. Mereka ditanya di manakah tuhan-tuhan yang disembah mereka selain dari Allah. Ini selari dengan kisah Ibrahim berdialog dengan kaumnya apabila beliau bertanya mereka tentang tuhan-tuhan yang disembahkan mereka. Mereka kini ditanya:

وَقِيلَ لَهُمْ أَيْنَ مَا كُنتُمْ تَعْبُدُونَ ﴿٩٢﴾
مِن دُونِ ٱللَّهِ هَلْ يَنصُرُونَكُمْ أَوْ يَنتَصِرُونَ ﴿٩٣﴾

"Dan dikatakan kepada mereka: Di manakah tuhan-tuhan yang kamu sembah.(92). Selain dari Allah, dapatkah mereka menolong kamu atau menolong diri mereka sendiri?"(93)

Kemudian tiada jawapan yang didengar dari mereka dan tiada pula ditunggu jawapan dari mereka, kerana pertanyaan itu semata-mata dituju untuk mengecam mereka:

فَكُبْكِبُوا۟ فِيهَا هُمْ وَٱلْغَاوُۥنَ ﴿٩٤﴾
وَجُنُودُ إِبْلِيسَ أَجْمَعُونَ ﴿٩٥﴾

"Lalu seluruh mereka (tuhan-tuhan palsu) dihumbankan ke dalam Neraka bersama orang-orang yang sesat(94). Dan bala tentera Iblis seluruhnya."(95)

Nada kata-kata " فكبكبوا " (dihumbankan) itu membuat kita seolah-olah mendengar bunyi mereka ditolak dan jatuh beramai-ramai ke dalam Neraka bertindih tindan tanpa peraturan dan bumi bunyi menderak akibat dicampak dan dihumban mereka seolah-olah bunyi tebing yang runtuh. Kata-kata itu menggambarkan maknanya dengan nadanya sendiri. Mereka adalah manusia-manusia sesat yang dihumbankan bersama-sama orang-orang yang sesat, iaitu mereka **"Dan bala tentera Iblis seluruhnya"** dan semuanya adalah tentera Iblis belaka. Ini adalah suatu kenyataan yang menyeluruh selepas dikhususkan.

Kemudian kita mendengar mereka bercakap-cakap di dalam Neraka. Mereka berkata kepada berhala-berhala yang disembah mereka:

تَٱللَّهِ إِن كُنَّا لَفِى ضَلَٰلٍ مُّبِينٍ ﴿٩٧﴾
إِذْ نُسَوِّيكُم بِرَبِّ ٱلْعَٰلَمِينَ ﴿٩٨﴾

"Demi Allah! Sesungguhnya kami sekalian (di dunia) berada di dalam kesesatan yang amat nyata(97). Kerana kami menyamakan kamu dengan Tuhan semesta alam."(98)

Kerana itu kami menyembah kamu seperti menyembah Allah, iaitu sama ada menyembah kamu bersama Allah atau menyembah kamu sahaja tanpa Allah. Tetapi kata-kata penyesalan yang diucapkan mereka itu telah luput waktunya dan mereka meletakkan tanggungjawab kesesatan mereka ke atas bahu orang-orang yang berdosa dari mereka. Orang-orang inilah yang telah menyesat dan menghalangkan mereka dari jalan hidayat. Kemudian mereka sedar bahawa masanya telah luput dan tidak ada gunanya lagi mengageh-agehkan tanggungjawab:

فَمَا لَنَا مِن شَٰفِعِينَ ﴿١٠٠﴾
وَلَا صَدِيقٍ حَمِيمٍ ﴿١٠١﴾

"Kerana itu kami tidak mempunyai pemberi-pemberi syafa'at(100). Dan tidak pula mempunyai seorang pun sahabat setia."(101)

Tiada tuhan-tuhan yang dapat memberi syafa'at dan tiada lagi sahabat yang dapat memberi pertolongan... tetapi andainya tidak ada syafa'at untuk kesalahan-kesalahan yang telah silam... apakah tidak boleh kami dikembalikan sekali lagi ke dunia untuk membetulkan apa yang tidak sempat kami betulkan:

فَلَوْ أَنَّ لَنَا كَرَّةً فَنَكُونَ مِنَ ٱلْمُؤْمِنِينَ ﴿١٠٢﴾

"Seandainya kami dapat kembali sekali lagi (ke dunia) tentulah kami menjadi orang-orang yang beriman."(102)

Ini hanya, angan-angan kosong sahaja, kerana tiada lagi peluang kembali ke dunia dan tiada lagi hak mendapat syafa'at. Sebab hari ini ialah Hari Balasan.

Kemudian tiba pula ulasan biasa:

إِنَّ فِي ذَٰلِكَ لَآيَةً ۖ وَمَا كَانَ أَكْثَرُهُم مُّؤْمِنِينَ ﴿١٠٣﴾

وَإِنَّ رَبَّكَ لَهُوَ الْعَزِيزُ الرَّحِيمُ ﴿١٠٤﴾

"Sesungguhnya dalam kisah (Ibrahim) itu terdapat bukti yang amat nyata, tetapi malangnya kebanyakan mereka tidak beriman(103). Dan sesungguhnya Tuhanmu Maha Perkasa dan Maha Pengasih."(104)

Ulasan itu sama dengan ulasan-ulasan yang disebut di dalam surah ini selepas, ditayangkan pemandangan kebinasaan kaum-kaum 'Ad, Thamud dan Lut, juga selepas diterangkan setiap ayat atau bukti kekuasaan Allah yang berlaku kepada para pendusta. Di sini pemandangan Qiamat menggantikan pemandangan kebinasaan para pendusta di dunia, kerana di dalam pemandangan Qiamat ini menggambarkan kesudahan kaum Ibrahim dan kesudahan kepercayaan syirik seluruhnya, dan inilah titik pengajaran dan contoh teladan di dalam semua kisah-kisah surah ini. Pemandangan-pemandangan Qiamat di dalam Al-Qur'an adalah ditayangkan sebegitu rupa seolah-olah ia benar-benar berlaku di alam kenyataan dan seolah-olah ia dapat dilihat oleh mata ketika dibaca, dan seluruh perasaan kita dikocakkan olehnya. Pemandangan-pemandangan itu seolah-olah pemandangan-pemandangan kebinasaan yang berlaku di hadapan mata semua orang.

(Kumpulan ayat-ayat 105 - 122)

كَذَّبَتْ قَوْمُ نُوحٍ الْمُرْسَلِينَ ﴿١٠٥﴾

إِذْ قَالَ لَهُمْ أَخُوهُمْ نُوحٌ أَلَا تَتَّقُونَ ﴿١٠٦﴾

إِنِّي لَكُمْ رَسُولٌ أَمِينٌ ﴿١٠٧﴾

فَاتَّقُوا اللَّهَ وَأَطِيعُونِ ﴿١٠٨﴾

وَمَا أَسْأَلُكُمْ عَلَيْهِ مِنْ أَجْرٍ ۖ إِنْ أَجْرِيَ إِلَّا عَلَىٰ رَبِّ
الْعَالَمِينَ ﴿١٠٩﴾

"Kaum Nuh telah mendustakan para rasul(105). Ketika saudara mereka Nuh berkata kepada mereka: Mengapa kamu tidak bertaqwa(106). Sesungguhnya aku seorang rasul yang beramanah (yang diutuskan) kepada kamu(107). Oleh itu bertaqwalah kepada Allah dan ta'atlah kepadaku(108). Dan aku tidak sekali-kali meminta sebarang upah dari kamu kerana da'wah itu. Tiada upahku melainkan terserah Allah Tuhan semesta alam. " (109).

فَاتَّقُوا اللَّهَ وَأَطِيعُونِ ﴿١١٠﴾

قَالُوا أَنُؤْمِنُ لَكَ وَاتَّبَعَكَ الْأَرْذَلُونَ ﴿١١١﴾

قَالَ وَمَا عِلْمِي بِمَا كَانُوا يَعْمَلُونَ ﴿١١٢﴾

إِنْ حِسَابُهُمْ إِلَّا عَلَىٰ رَبِّي ۖ لَوْ تَشْعُرُونَ ﴿١١٣﴾

وَمَا أَنَا بِطَارِدِ الْمُؤْمِنِينَ ﴿١١٤﴾

"Oleh itu bertaqwalah kepada Allah dan ta'atlah kepadaku (110). Kata mereka: Apakah kami wajar beriman kepada engkau, sedangkan engkau hanya diikuti oleh orang-orang yang hina dina belaka?(111) Jawab Nuh: Bagaimana aku mengetahui segala amalan yang telah dilakukan mereka?(112). Urusan hisab amalan mereka hanya terpulang kepada Tuhanku sahaja, jika kamu mengerti(113). Dan aku sekali-kali tidak akan mengusir orang-orang yang beriman." (114).

إِنْ أَنَا إِلَّا نَذِيرٌ مُّبِينٌ ﴿١١٥﴾

قَالُوا لَئِن لَّمْ تَنتَهِ يَا نُوحُ لَتَكُونَنَّ مِنَ الْمَرْجُومِينَ ﴿١١٦﴾

قَالَ رَبِّ إِنَّ قَوْمِي كَذَّبُونِ ﴿١١٧﴾

فَافْتَحْ بَيْنِي وَبَيْنَهُمْ فَتْحًا وَنَجِّنِي وَمَن مَّعِيَ مِنَ
الْمُؤْمِنِينَ ﴿١١٨﴾

فَأَنجَيْنَاهُ وَمَن مَّعَهُ فِي الْفُلْكِ الْمَشْحُونِ ﴿١١٩﴾

"Aku (ini) tidak lain melainkan hanya seorang (Rasul) yang memberi peringatan yang jelas(115). Mereka berkata: Wahai Nuh! Jika engkau tidak berhenti (berda'wah) nescaya engkau akan berada dalam golongan mereka yang akan direjamkan(116). Nuh berdo'a: Ya Tuhanku! Sesungguhnya kaumku telah mendustakanku(117). Oleh itu adakanlah satu keputusan di antaraku dengan mereka dan selamatkanku serta orang-orang Mu'min yang ada bersamaku(118). Lalu Kami selamatkannya serta orang-orang yang bersama dengannya dalam sebuah bahtera yang penuh sarat. " (119).

ثُمَّ أَغْرَقْنَا بَعْدُ الْبَاقِينَ ﴿١٢٠﴾

إِنَّ فِي ذَٰلِكَ لَآيَةً ۖ وَمَا كَانَ أَكْثَرُهُم مُّؤْمِنِينَ ﴿١٢١﴾

وَإِنَّ رَبَّكَ لَهُوَ الْعَزِيزُ الرَّحِيمُ ﴿١٢٢﴾

"Kemudian Kami tenggelamkan sesudah itu sekalian orang-orang yang tinggal(120). Sesungguhnya dalam kisah (Nuh) itu terdapat bukti yang amat nyata, tetapi malangnya kebanyakan mereka tidak beriman(121). Dan sesungguhnya Tuhanmu adalah Tuhan Yang Maha Perkasa dan Maha Pengasih. " (122).

(Latar belakang dan pokok pembicaraan)

Jika penjelasan Al-Qur'an yang lepas telah berundur ke belakang ketika mengisahkan sejarah, iaitu ia berpindah dari kisah Musa kepada kisah Ibrahim, begitu juga di dalam ayat-ayat yang berikut ia berundur ke belakang, iaitu apabila ia berpindah dari kisah Ibrahim kepada kisah Nuh. Garis susunan

sejarah tidak menjadi pokok maksud di sini, malah yang menjadi pokok maksud ialah mengambil pengajaran dan contoh teladan dari nasib kesudahan perbuatan syirik dan mendustakan Rasul.

Kisah Nuh juga seperti kisah Musa dan kisah Ibrahim. Ia ditayangkan di dalam berbagai-bagai surah Al-Qur'an. Sebelum ini ia telah diceritakan di dalam Surah al-Araf dalam barisan sejarah rasul-rasul dan risalah-risalah selepas turunnya Adam dari Syurga secara ringkas, iaitu mengisahkan bagaimana beliau menyampaikan da'wah tauhid kepada kaumnya dan memberi amaran 'azab hari Qiamat yang amat besar kepada mereka, bagaimana beliau telah dituduh sesat oleh kaumnya, bagaimana mereka memperlihatkan kehairanan mereka terhadap adanya seorang rasul yang dibangkitkan Allah di dalam kalangan mereka dan bagaimana mereka mendustakannya. Oleh sebab itulah mereka ditenggelamkan Allah, sedangkan Nuh dan orang-orang Mu'min yang ada bersamanya pula telah diselamatkan Allah. Semuanya diceritakan tanpa huraian yang panjang.

Di dalam Surah Yunus pula kisah akhir kerasulan Nuh diceritakan secara ringkas, iaitu bagaimana beliau dicabar dan didustakan kaumnya, bagaimana beliau dan pengikut-pengikutnya selamat menaiki bahtera dan bagaimana kaumnya yang tinggal ditenggelami banjir.

Di dalam Surah Hud pula kisah Nuh dihuraikan dengan terperinci, iaitu mengenai kisah banjir, bahtera dan peristiwa selepas banjir, di mana beliau berdo'a kepada Allah mengenai anaknya yang telah ditenggelamkan bersama orang-orang kafir itu, juga peristiwa perdebatan yang berlaku sebelum itu di antara beliau dengan kaumnya mengenai 'aqidah tauhid.

Kisah Nuh juga diceritakan di dalam Surah al-Mu'minun, di mana diterangkan bagaimana beliau menyeru kaumnya menyembah Allah Yang Maha Esa dan bagaimana mereka menolak beliau dengan alasan kerana beliau hanya seorang manusia seperti mereka sahaja yang mahu menunjuk-nunjukkan kelebihan ke atas mereka, dan andainya benar Allah mahu mengutuskan utusannya tentulah dia menurunkan malaikat, juga diceritakan bagaimana beliau dituduh gila oleh mereka dan bagaimana beliau berdo'a kepada Allah memohon pertolongan-Nya di samping menyebut secara sepintas lalu kisah bahtera dan banjir besar.

Kisah Nuh biasanya disebut dalam satu rangkaian bersama-sama kisah-kisah 'Ad, Thamud, kaum Lut dan penduduk Madyan. Begitu juga kisah Nuh di dalam surah ini. Babak kisah yang paling nyata, yang ditayangkan di sini ialah cerita beliau menyeru kaumnya bertaqwa kepada Allah dan bagaimana beliau mengumumkan kepada mereka bahawa beliau tidak meminta apa-apa upah dari mereka kerana menyampaikan hidayat Allah kepada mereka, juga diceritakan bagaimana beliau enggan mengusir orang-orang Mu'min yang miskin yang dijijikkan oleh pembesar-pembesar kaumnya. Ini samalah dengan keadaan yang dihadapi Rasulullah s.a.w. di Makkah. Kemudian diceritakan pula bagaimana beliau berdo'a kepada Allah supaya menentukan keputusan di antara beliau dengan kaumnya dan bagaimana Allah memperkenankan do'anya dengan menenggelamkan para pendusta dan menyelamatkan para Mu'minin.

******

(Pentafsiran ayat-ayat 105 - 122)

Kerasulan Itu Hanya Satu Sahaja

كَذَّبَتْ قَوْمُ نُوحٍ ٱلْمُرْسَلِينَ ﴿١٠٥﴾

"Kaum Nuh telah mendustakan para rasul."(105)

Itulah penghabisan kisah Nuh yang dimulakan dengannya. Tujuan dimulakan begitu ialah untuk menonjolkan penghabisan kisah ini dari awal-awal lagi kemudian barulah kisah itu diceritakan dengan terperinci.

Kisah Nabi Nuh a.s.

Kaum Nuh hanya mendustakan Nabi Nuh seorang sahaja, tetapi di sini Al-Qur'an menyebut mereka telah mendustakan para rasul, kerana kerasulan itu pada dasarnya satu sahaja, iaitu menyeru manusia mentauhidkan Allah dan membulatkan Ubudiyah mereka kepada Allah semata-mata. Oleh itu barang siapa yang mendustakan mana-mana kerasulan bererti mendustakan para rasul seluruhnya kerana da'wah mereka adalah sama sahaja. Al-Qur'an menegas dan menjelaskan konsep ini di berbagai-bagai tempat yang lain dengan berbagai-bagai ungkapan, kerana konsep kerasulan ini merupakan salah satu dari prinsip-prinsip umum 'aqidah Islam yang merangkumi seluruh da'wah para rasul dan membahagikan seluruh manusia kepada dua barisan: Barisan golongan yang beriman dan barisan golongan yang kafir di sepanjang sejarah para rasul dan di sepanjang zaman. Oleh itu seorang Muslim memandang umat yang beriman kepada mana-mana agama yang diturunkan Allah sebagai umat-Nya dari sejak permulaan sejarah sehingga lahirnya Islam selaku agama tauhid yang terakhir, sedangkan barisan yang lain adalah dianggap golongan yang kafir dalam setiap agama Allah. Seseorang Mu'min adalah beriman dengan seluruh Rasul dan menghormati seluruh Rasul kerana seluruh mereka adalah membawa satu agama sahaja iaitu agama tauhid.

Manusia Dalam Penilaian Seorang Muslim

Dalam penilaian seorang Muslim, manusia itu tidak dibahagikan kepada bangsa-bangsa, warna-warna kulit dan negara-negara, malah mereka dibahagikan kepada Ahlul-Haq dan Ahlul-Batil dan dia sendiri bersama Ahlul-Haq menentang Ahlul-Batil di setiap zaman dan di setiap tempat. Demikianlah seorang Muslim itu hanya menggunakan satu neraca pertimbangan sahaja di sepanjang sejarah. Konsep nilai-nilai pada perasaannya mengatasi perasaan

fanatik terhadap bangsa, warna kulit, bahasa, negara, hubungan kerabat yang wujud di masa kini dan hubungan darah keturunan yang bertunjang jauh di dalam lipatan sejarah yang lampau. Ia mengatasi segala-galanya dan menjadi satu nilai yang tunggal, iaitu nilai keimanan dan dengan nilai inilah seluruh manusia dihitung kira dan dinilai.

كَذَّبَتْ قَوْمُ نُوحٍ ٱلْمُرْسَلِينَ ﴿١٠٥﴾

إِذْ قَالَ لَهُمْ أَخُوهُمْ نُوحٌ أَلَا تَتَّقُونَ ﴿١٠٦﴾

إِنِّي لَكُمْ رَسُولٌ أَمِينٌ ﴿١٠٧﴾

فَٱتَّقُوا۟ ٱللَّهَ وَأَطِيعُونِ ﴿١٠٨﴾

وَمَآ أَسْـَٔلُكُمْ عَلَيْهِ مِنْ أَجْرٍ ۖ إِنْ أَجْرِىَ إِلَّا عَلَىٰ رَبِّ ٱلْعَٰلَمِينَ ﴿١٠٩﴾

فَٱتَّقُوا۟ ٱللَّهَ وَأَطِيعُونِ ﴿١١٠﴾

"Kaum Nuh telah mendustakan para rasul(105). Ketika saudara mereka Nuh berkata kepada mereka: Mengapa kamu tidak bertaqwa.(106). Sesungguhnya aku seorang rasul yang beramanah (yang diutuskan) kepada kamu.(107). Oleh itu bertaqwalah kepada Allah dan ta'atlah kepadaku.(108). Dan aku tidak sekali-kali meminta sebarang upah dari kamu kerana da'wah itu. Tiada upahku melainkan hanya dari Allah Tuhan semesta alam.(109). Oleh itu bertaqwalah kepada Allah dan ta'atlah kepadaku."(110)

Inilah da'wah Nuh yang didustakan kaumnya, sedangkan beliau saudara mereka dan sedangkan semangat persaudaraan sepatutnya membimbing ke arah perdamaian, ketenangan, keimanan dan memberi kepercayaan, tetapi kaum Nuh tidak menghiraukan hubungan persaudaraan ini. Mereka tidak melunakkan hati mereka untuk menerima da'wah Nuh saudara mereka ketika beliau berkata kepada mereka:

أَلَا تَتَّقُونَ ﴿١٠٦﴾

"Mengapa kamu tidak bertaqwa?"(106)

Mengapa kamu tidak takut kepada akibat perbuatan kamu? Mengapa kamu tidak merasa takut dan gentar kepada Allah?

Bimbingan ke arah taqwa adalah berterusan di dalam surah ini. Beginilah Allah berfirman kepada Musa ketika memerintah beliau menemui Fir'aun dan kaumnya. Beginilah juga Nuh berkata kepada kaumnya, malah beginilah setiap rasul itu berkata kepada kaumnya selepas Nuh:

إِنِّي لَكُمْ رَسُولٌ أَمِينٌ ﴿١٠٧﴾

"Sesungguhnya aku seorang rasul yang beramanah (yang diutuskan) kepada kamu."(107)

Yakni tidak khianat dan tidak menipu, tidak menambah sesuatu dan tidak pula mengurangkan sesuatu dari perintah-perintah yang ditugaskan Allah supaya disampaikan kepada manusia.

فَٱتَّقُوا۟ ٱللَّهَ وَأَطِيعُونِ ﴿١٠٨﴾

"Oleh itu bertaqwalah kepada Allah dan ta'atlah kepadaku."(108)

Demikianlah Nuh kembali mengingatkan mereka supaya bertaqwa kepada Allah dan pada kali ini beliau tentukan taqwa itu kepada Allah dan merangsangkan hati mereka supaya ta'at dan patuh.

Penda'wah Islam Tidak Mengharapkan Upah

Kemudian Nuh a.s. meyakinkan keikhlasannya kepada mereka dari segi mencari kepentingan harta dunia, iaitu beliau tidak mempunyai apa-apa kepentingan untuk mendapatkan harta benda dunia dari usaha da'wahnya menyeru mereka kepada Allah. Beliau tidak meminta apa-apa upah sebagai ganjaran menunjuk mereka ke jalan Allah. Beliau hanya mengharapkan ganjaran dari Allah yang telah menugaskan beliau menyampaikan da'wah kepada manusia. Peringatan tidak meminta upah ini nampaknya perlu diperingatkan selama-lamanya bagi da'wah yang sebenar untuk membezakannya dari apa yang diketahui umum tentang adanya sami-sami atau kahin-kahin, paderi-paderi atau ketua-ketua agama yang mempergunakan agama untuk memerah harta orang ramai. Sememangnya kahin-kahin dan paderi-paderi dan sami-sami yang menjadi ketua agama-agama itu sentiasa menjadi punca yang memerah harta orang ramai dengan berbagai-bagai cara dan sarana, sedangkan dalam da'wah yang sebenar para penda'wahnya sentiasa bekerja dengan tulus ikhlas. Mereka tidak meminta apa-apa upah atas sebarang usaha mereka menunjuk manusia ke jalan hidayat. Mereka hanya mengharapkan upah mereka hanya dari Allah Tuhan semesta alam sahaja.

Di sini beliau mengulangi permintaan supaya mereka bertaqwa dan ta'at setelah meyakinkan keikhlasannya kepada mereka dari segi upah dan eksploitasi **"Bertaqwalah kepada Allah dan ta'atlah kepadaku"** tetapi mereka mengemukakan satu bantahan yang aneh kepada beliau, iaitu bantahan yang berulang-ulang dikemukakan oleh manusia kepada setiap rasul:

قَالُوٓا۟ أَنُؤْمِنُ لَكَ وَٱتَّبَعَكَ ٱلْأَرْذَلُونَ ﴿١١١﴾

"Kata mereka: Apakah kami wajar beriman kepada engkau, sedangkan engkau hanya diikuti oleh orang-orang yang hina-dina belaka?"(111)

Golongan Miskin Merupakan Barisan Pelapor Yang Menjunjung Da'wah

Orang-orang yang hina-dina yang dimaksudkan mereka ialah golongan mereka yang rendah dan miskin. Merekalah yang selalu menjadi golongan pertama yang mengikut para rasul dan risalah-risalah yang dibawa mereka. Merekalah golongan pertama yang beriman dan menyerah patuh, kerana mereka tidak dihalangkan dari hidayat oleh sebarang perasaan angkuh yang kosong dan sebarang perasaan takut terancam terhadap kepentingan dan kedudukan mereka. Oleh sebab itulah mereka menjadi golongan yang pertama menyambut da'wah, tetapi bagi golongan orang-orang besar mereka selalu dihalangkan perasaan keangkuhan dan pertimbangan terhadap kepentingan-kepentingan mereka yang ditegakkan di atas kedudukan-kedudukan palsu, iaitu kedudukan yang diambil dari kepercayaan-kepercayaan dongeng-dongeng yang karut, yang memakai baju agama. Kemudian pada akhirnya mereka enggan disamakan dengan orang ramai mengikut ajaran agama tauhid yang tulen itu, di mana gugurnya seluruh nilai-nilai yang lain. Hanya satu nilai sahaja yang berkibar tinggi, iaitu nilai keimanan dan amalan yang soleh. Inilah satu-satunya nilai yang menaik dan menjatuhkan mana-mana kaum. Seluruh mereka adalah ditimbang dengan satu neraca sahaja iaitu neraca 'aqidah dan tingkahlaku yang lurus.

Justeru itulah Nuh a.s. memberi satu jawapan yang menjelaskan nilai-nilai yang tetap dan menentukan batas ikhtisas seseorang rasul serta menyerahkan segala urusan manusia, dan hisab mereka, kepada Allah sahaja. Dialah yang akan menilai segala amalan yang dilakukan mereka.

قَالُوٓا۟ أَنُؤْمِنُ لَكَ وَٱتَّبَعَكَ ٱلْأَرْذَلُونَ ﴿١١١﴾

قَالَ وَمَا عِلْمِى بِمَا كَانُوا۟ يَعْمَلُونَ ﴿١١٢﴾

إِنْ حِسَابُهُمْ إِلَّا عَلَىٰ رَبِّى ۖ لَوْ تَشْعُرُونَ ﴿١١٣﴾

وَمَآ أَنَا۠ بِطَارِدِ ٱلْمُؤْمِنِينَ ﴿١١٤﴾

إِنْ أَنَا۠ إِلَّا نَذِيرٌ مُّبِينٌ ﴿١١٥﴾

"Jawab Nuh: Bagaimana aku mengetahui segala amalan yang telah dilakukan mereka?(112). Urusan hisab amalan mereka hanya terpulang kepada Tuhanku sahaja, jika kamu mengerti(113). Dan aku sekali-kali tidak akan mengusir orang-orang yang beriman(114). Aku (ini) tidak lain melainkan hanya seorang (Rasul) yang memberi peringatan yang jelas."(115)

Golongan orang-orang besar selalunya merungutkan golongan orang-orang miskin. Cara hidup dan tingkahlaku orang-orang miskin (yang kasar) itu tidak menyenangkan golongan-golongan atasan yang mempunyai perasaan yang peka dan adirasa yang halus. Oleh itu Nuh menerangkan kepada mereka bahawa beliau tidak meminta sesuatu yang lain dari manusia melainkan hanya iman sahaja. Kini yang menjadi pokok perhitungan ialah golongan orang-orang miskin itu telah beriman. Adapun amalan-amalan yang dilakukan mereka sebelum ini, maka itu terserah kepada Allah. Dialah sahaja yang akan menimbang dan menilaikannya. Dialah sahaja yang akan menentukan balasan terhadap amalan-amalan yang baik dan amalan-amalan yang buruk. Penilaian Allah itu sahaja yang betul, sedangkan kamu tidak mengetahui nilai-nilai yang haqiqi, yang mempunyai timbangan berat di dalam neraca Allah. Tugasku hanya memberi peringatan dan penerangan:

إِنْ أَنَا۠ إِلَّا نَذِيرٌ مُّبِينٌ ﴿١١٥﴾

"Aku (ini) tidak lain melainkan hanya seorang (Rasul) yang memberi peringatan yang jelas."(115)

Nuh Diancam Kaumnya

Apabila Nuh a.s. berjaya menghadapi mereka dengan hujahnya yang jelas dan dengan logiknya yang lurus, yang melemahkan mereka untuk terus berhujah dengan beliau, mereka terus menggunakan senjata yang selalu digunakan pemerintah-pemerintah yang zalim apabila mereka tidak mampu berhujah dan apabila dalil-dalil yang dikemukakan mereka gagal dan hampa belaka. Mereka menggunakan senjata ancaman dengan kekuatan yang kejam. Itulah kekuatan yang digunakan pemerintah-pemerintah yang zalim di setiap zaman dan tempat apabila mereka tidak mempunyai kekuatan hujah dan dalil:

قَالُوا۟ لَئِن لَّمْ تَنتَهِ يَٰنُوحُ لَتَكُونَنَّ مِنَ ٱلْمَرْجُومِينَ ﴿١١٦﴾

"Mereka berkata: Wahai Nuh! Jika engkau tidak berhenti (berda'wah) nescaya engkau akan berada dalam golongan mereka yang akan direjamkan."(116)

Kaum yang zalim itu memperlihatkan wajahnya yang masam dan bengis. Kaum yang sesat itu telah mendedahkan caranya yang kasar dan kejam dan kini Nuh sedar bahawa hati yang keras itu tidak akan lembut lagi. Lalu beliau pun berdo'a kepada Allah Pelindungnya Yang Maha Esa dan Pembantunya Yang Maha Tunggal, yang tiada pelindung yang lain bagi para Mu'minin melainkan Dia:

قَالَ رَبِّ إِنَّ قَوْمِى كَذَّبُونِ ﴿١١٧﴾

فَٱفْتَحْ بَيْنِى وَبَيْنَهُمْ فَتْحًا وَنَجِّنِى وَمَن مَّعِىَ مِنَ ٱلْمُؤْمِنِينَ ﴿١١٨﴾

"Nuh berdo'a: "Ya Tuhanku! Sesungguhnya kaumku telah mendustakanku(117). Oleh itu adakanlah satu keputusan di antaraku dengan mereka selamatkanku serta orang-orang Mu'min yang ada bersamaku."(118)

Allah memang mengetahui bahawa kaumnya telah mendustakannya, tetapi itulah rayuan Rasul kepada Penolong dan Pembantunya. Itulah permohonan

pertimbangan dan pemulangan teraju urusan kepada Allah selaku Pemiliknya **"Adakanlah satu keputusan di antaraku dengan mereka"** iaitu keputusan akhir yang muktamad, yang menamatkan kezaliman dan pendustaan mereka: **"Dan selamatkanku serta orang-orang Mu'min yang ada bersamaku."**

Lalu Allah memperkenankan do'a nabi-Nya yang diancam dengan pembunuhan secara rejam oleh kaumnya yang zalim, kerana beliau menyeru orang ramai supaya bertaqwa kepada Allah dan ta'at kepada Rasul-Nya, sedangkan beliau tidak meminta apa-apa upah dan tidak berkehendakkan apa-apa pangkat, darjat dan harta benda:

Kaum Nuh Diteggelamkan Banjir Besar

فَأَنجَيْنَٰهُ وَمَن مَّعَهُۥ فِى ٱلْفُلْكِ ٱلْمَشْحُونِ ١١٩

ثُمَّ أَغْرَقْنَا بَعْدُ ٱلْبَاقِينَ ١٢٠

"Lalu Kami selamatkannya serta orang-orang yang bersama dengannya dalam sebuah bahtera yang penuh sarat(119). Kemudian Kami tenggelamkan sesudah itu sekalian orang-orang yang tinggal."(120)

Demikianlah kisah ini diceritakan dengan ringkas dan pantas, menggambarkan penghabisan cerita perjuangan di antara keimanan dan kezaliman dalam angkatan permulaan umat manusia dan menjelaskan kesudahan setiap perjuangan selanjutnya dalam sejarah manusia yang amat panjang.

Kemudian diiringi dengan ulasan yang diulang-ulang di dalam surah ini selepas menyebut setiap bukti dari bukti-bukti kekuasaan Allah Yang Maha Perkasa dan Maha Pengasih:

إِنَّ فِى ذَٰلِكَ لَءَايَةً ۖ وَمَا كَانَ أَكْثَرُهُم مُّؤْمِنِينَ ١٢١

وَإِنَّ رَبَّكَ لَهُوَ ٱلْعَزِيزُ ٱلرَّحِيمُ ١٢٢

"Sesungguhnya dalam kisah (Nuh) itu terdapat bukti yang amat nyata, tetapi malangnya kebanyakan mereka tidak beriman(121). Dan sesungguhnya Tuhanmu adalah Tuhan Yang Maha Perkasa dan Maha Pengasih."(122)

(Kumpulan ayat-ayat 123 - 140)

كَذَّبَتْ عَادٌ ٱلْمُرْسَلِينَ ١٢٣

إِذْ قَالَ لَهُمْ أَخُوهُمْ هُودٌ أَلَا تَتَّقُونَ ١٢٤

إِنِّى لَكُمْ رَسُولٌ أَمِينٌ ١٢٥

فَٱتَّقُوا۟ ٱللَّهَ وَأَطِيعُونِ ١٢٦

وَمَآ أَسْـَٔلُكُمْ عَلَيْهِ مِنْ أَجْرٍ ۖ إِنْ أَجْرِىَ إِلَّا عَلَىٰ رَبِّ
ٱلْعَٰلَمِينَ ١٢٧

أَتَبْنُونَ بِكُلِّ رِيعٍ ءَايَةً تَعْبَثُونَ ١٢٨

"Kaum 'Ad telah mendustakan para rasul(123). Ketika saudara mereka Hud berkata kepada mereka: Mengapa kamu tidak bertaqwa?(124). Sesungguhnya aku seorang rasul yang beramanah (yang diutuskan) kepada kamu(125). Oleh itu bertaqwalah kepada Allah dan ta'atlah kepadaku(126). Dan aku tidak sekali-kali meminta sebarang upah dari kamu kerana, da'wah itu. Tiada upahku melainkan terserah kepada Allah Tuhan semesta alam(127). Apakah kamu membina di setiap tanah tinggi bangunan mercu tanda dengan tujuan bersuka-suka dengan sia-sia?."(128).

وَتَتَّخِذُونَ مَصَانِعَ لَعَلَّكُمْ تَخْلُدُونَ ١٢٩

وَإِذَا بَطَشْتُم بَطَشْتُمْ جَبَّارِينَ ١٣٠

فَٱتَّقُوا۟ ٱللَّهَ وَأَطِيعُونِ ١٣١

وَٱتَّقُوا۟ ٱلَّذِىٓ أَمَدَّكُم بِمَا تَعْلَمُونَ ١٣٢

أَمَدَّكُم بِأَنْعَٰمٍ وَبَنِينَ ١٣٣

وَجَنَّٰتٍ وَعُيُونٍ ١٣٤

إِنِّىٓ أَخَافُ عَلَيْكُمْ عَذَابَ يَوْمٍ عَظِيمٍ ١٣٥

قَالُوا۟ سَوَآءٌ عَلَيْنَآ أَوَعَظْتَ أَمْ لَمْ تَكُن مِّنَ ٱلْوَٰعِظِينَ ١٣٦

إِنْ هَٰذَآ إِلَّا خُلُقُ ٱلْأَوَّلِينَ ١٣٧

وَمَا نَحْنُ بِمُعَذَّبِينَ ١٣٨

فَكَذَّبُوهُ فَأَهْلَكْنَٰهُمْ ۗ إِنَّ فِى ذَٰلِكَ لَءَايَةً ۖ وَمَا كَانَ
أَكْثَرُهُم مُّؤْمِنِينَ ١٣٩

وَإِنَّ رَبَّكَ لَهُوَ ٱلْعَزِيزُ ٱلرَّحِيمُ ١٤٠

"Dan kamu membuat kilang-kilang pertukangan supaya kamu kekal(129). Dan apabila kamu menyerang, maka kamu menyerang seperti orang-orang kejam yang bermaharajalela(130). Oleh itu bertaqwalah kepada Allah dan ta'atlah kepadaku(131). Dan bertaqwalah kepada Allah yang telah mengurniakan kepada kamu ni'mat-ni'mat yang kamu ketahui(132). Dia telah mengurniakan kepada kamu ni'mat ternakan dan anak pinak(133). Kebun-kebun dan matair-matair(134). Sesungguhnya aku takut kamu akan ditimpakan 'azab pada hari yang amat besar(135). Jawab mereka: Sama sahaja kepada kami sama ada engkau memberi nasihat atau engkau tidak termasuk dalam

golongan orang-orang yang memberi nasihat(136). Sesungguhnya (agama kami) ini tidak lain melainkan ialah cara hidup orang-orang yang dahulu(137). Dan kami tidak sekali-kali akan dikenakan 'azab(138). Kemudian mereka mendustakannya (Hud), lalu Kami binasakan mereka. Sesungguh-nya di dalam kisah (Hud) itu terdapat bukti yang amat nyata, tetapi malangnya kebanyakan mereka tidak beriman(139). Dan sesungguhnya Tuhanmu adalah Tuhan Yang Maha Perkasa dan Maha Pengasih."(140).

(Latar belakang dan pokok pembicaraan)

Kisah Hud a.s.

Kaum Hud tinggal di al-Ahqaf, iaitu kawasan bukit-bukit pasir yang berhampiran negeri Hadharamaut dari sebelah Yaman. Mereka datang selepas kaum Nuh. Mereka adalah dari golongan kaum yang telah sesat hati mereka setelah berlalunya satu tempoh selepas peristiwa banjir besar yang telah membersihkan muka bumi dari para penderhaka itu.

Kisah Hud ini telah diceritakan dengan terperinci di dalam Surah al-A'raf dan Surah Hud, juga disebut di dalam Surah al-Mu'minun tanpa menyebut nama Hud dan 'Ad. Di sini kisah Hud ditayangkan babak mulanya dan babak akhirnya dengan ringkas, iaitu babak awal Nabi Hud a.s. berda'wah kepada kaumnya dan babak akhir da'wahnya, di mana para pendusta da'wah menerima akibat kisah ini dimulakan sama dengan cara dimulakan kisah kaum Nabi Nuh a.s.:

كَذَّبَتْ عَادٌ ٱلْمُرْسَلِينَ ﴿١٢٣﴾

إِذْ قَالَ لَهُمْ أَخُوهُمْ هُودٌ أَلَا تَتَّقُونَ ﴿١٢٤﴾

إِنِّي لَكُمْ رَسُولٌ أَمِينٌ ﴿١٢٥﴾

فَٱتَّقُوا۟ ٱللَّهَ وَأَطِيعُونِ ﴿١٢٦﴾

وَمَآ أَسْـَٔلُكُمْ عَلَيْهِ مِنْ أَجْرٍ إِنْ أَجْرِىَ إِلَّا عَلَىٰ رَبِّ ٱلْعَٰلَمِينَ ﴿١٢٧﴾

"Kaum 'Ad telah mendustakan para rasul(123). Ketika saudara mereka Hud berkata kepada mereka: Mengapa kamu tidak bertaqwa?(124). Sesungguhnya aku seorang rasul yang beramanah (yang diutuskan) kepada kamu(125). Oleh itu bertaqwalah kepada Allah dan ta'atlah kepadaku(126). Dan aku tidak sekali-kali meminta sebarang upah dari kamu kerana da'wah itu. Tiada upahku melainkan terserah kepada Allah Tuhan semesta alam."(127)

Itulah kata-kata yang sama yang diucapkan oleh setiap rasul, iaitu menyeru manusia bertaqwa kepada Allah dan ta'at kepada Rasul-Nya dan mengumumkan sikap zahid Rasul terhadap harta benda dan kesenangan hidup yang ada pada kaumnya, sikap memandang rendah kepada nilai-nilai kesenangan dunia yang fana dan sikap mengharapkan ganjaran yang limpah dari Allah.

Kemudian Al-Qur'an menambahkan keterangan mengenai keadaan dan tindak-tanduk yang khusus mengenai kaum Hud. Nabi Hud a.s. mengecam perbuatan mereka bermewah-mewah, mendirikan bangunan-bangunan semata-mata dengan tujuan berbangga-bangga dengan kebolehan mereka, menunjuk-nunjukkan kekayaan mereka dan berlumba-lumba membina bangunan-bangunan yang tinggi. Beliau mengecam sikap mereka yang angkuh dan sombong kerana kebolehan dan kepintaran mereka mengendalikan kehidupan dunia dan menggunakan kuasa dan tenaga yang ada padanya, juga mengecam sikap mereka yang lalai dari bertaqwa dan cuai dari bermuraqabah dengan Allah.

أَتَبْنُونَ بِكُلِّ رِيعٍ ءَايَةً تَعْبَثُونَ ﴿١٢٨﴾

وَتَتَّخِذُونَ مَصَانِعَ لَعَلَّكُمْ تَخْلُدُونَ ﴿١٢٩﴾

Apakah kamu membina di setiap tanah tinggi bangunan mercu tanda dengan tujuan bersuka-suka dengan sia-sia?(128). Dan kamu membuat kilang-kilang pertukangan supaya kamu kekal."(129)

Hud Mengecam Kaumnya Yang Membina Bangunan-bangunan Mewah Di Tanah Tinggi

Kata-kata " ريع " bererti tanah tinggi. Nampaknya mereka mendirikan bangunan-bangunan di tanah-tanah tinggi yang dapat dilihat dari jauh seolah-olah mercu tanda dan tujuan pembinaan itu ialah untuk bermegah-megah dan bertanding kemahiran dan kepandaian kerana itu Hud menamakannya sebagai bangunan untuk tujuan bersuka-suka dengan sia-sia, kerana andainya bangunan itu dibina dengan tujuan untuk menjadi panduan jalan kepada para musafir yang lalu tentulah Hud tidak berkata kepada mereka **"Untuk kamu bersuka-suka dengan sia-sia"**. Ayat ini merupakan garis bimbingan supaya tenaga, kepandaian dan harta kekayaan itu dibelanjakan untuk maksud-maksud yang perlu dan berguna, bukannya untuk maksud bermewah-mewah, berhias dan semata-mata memperlihatkan kepandaian dan kemahiran.

Begitu juga dari perkataan Hud:

وَتَتَّخِذُونَ مَصَانِعَ لَعَلَّكُمْ تَخْلُدُونَ ﴿١٢٩﴾

"Dan kamu membuat kilang-kilang pertukangan supaya kamu kekal."(129)

Dapatlah difaham bahawa kaum 'Ad telah berjaya mencapai tahap kemajuan pertukangan yang baik hingga mereka dapat mengadakan kilang-kilang pertukangan untuk memahat bukit-bukau dan membina istana-istana, juga mengadakan bangunan-bangunan mercu tanda di tanah-tanah yang tinggi sehingga terlintas di dalam hati orang ramai mereka bahawa kilang-kilang pertukangan ini dan segala bangunan yang dibuat dengan perantaraannya adalah cukup untuk melindungi mereka daripada maut, juga

menyelamatkan mereka dari kesan-kesan udara dan serangan-serangan musuh.

Hud a.s. terus mengecamkan sikap kaumnya:

وَإِذَا بَطَشْتُم بَطَشْتُمْ جَبَّارِينَ ١٣٠

"Dan apabila kamu menyerang, maka kamu menyerang seperti orang-orang kejam yang bermaharajalela."(130)

Hud Mengecam Keganasan Kaumnya

Mereka adalah orang-orang yang zalim dan ganas, mereka bertindak sewenang-wenang apabila mereka menyerang. Mereka tidak segan-silu melakukan kekejaman dan keganasan sebagaimana dilakukan oleh manusia-manusia yang bermaharajalela, yang angkuh dengan kekuatan kebendaan yang dimiliki mereka.

Di sini Hud a.s. mengajak mereka pulang bertaqwa kepada Allah dan ta'at kepada-Nya untuk menjauhkan mereka dari perbuatan kejam dan ganas itu:

فَاتَّقُوا اللَّهَ وَأَطِيعُونِ ١٣١

"Oleh itu bertaqwalah kepada Allah dan ta'atlah kepadaku."(131)

Seterusnya Hud a.s. mengingatkan mereka terhadap ni'mat-ni'mat yang telah dikurniakan Allah kepada mereka, iaitu ni'mat-ni'mat yang dini'mati mereka dan membuat mereka menjadi angkuh dan bermaharajalela, sedangkan yang sewajarnya mereka mengingati ni'mat-ni'mat itu dan bersyukur serta menaruh bimbang terhadap kemurkaan Allah yang mungkin merampaskan kembali ni'mat-ni'mat yang telah dikurniakan kepada mereka itu, juga menghukum tindak-tanduk mereka yang bersuka-suka dengan sia-sia, per-buatan mereka yang kejam dan ganas dan sikap mereka yang angkuh dan sombong itu.

وَاتَّقُوا الَّذِي أَمَدَّكُم بِمَا تَعْلَمُونَ ١٣٢

أَمَدَّكُم بِأَنْعَامٍ وَبَنِينَ ١٣٣

وَجَنَّاتٍ وَعُيُونٍ ١٣٤

إِنِّي أَخَافُ عَلَيْكُمْ عَذَابَ يَوْمٍ عَظِيمٍ ١٣٥

"Dan bertaqwalah kepada Allah yang telah mengurniakan kepada kamu ni'mat-ni'mat yang kamu ketahui(132). Dia telah mengurniakan kepada kamu ni'mat ternakan dan anak pinak(133). Kebun-kebun dan mata air-mata air(134). Sesungguhnya aku takut kamu akan ditimpakan 'azab pada hari yang amat besar."(135).

Hud Mengingatkan Kaumnya Terhadap Ni'mat-ni'mat Allah

Demikianlah Hud a.s. mengingatkan mereka terhadap Allah dan ni'mat-Nya secara umum **"Allah yang telah mengurniakan kepada kamu ni'mat-ni'mat yang kamu ketahui"**, iaitu ni'mat-ni'mat yang wujud di hadapan mereka, ni'mat-ni'mat yang diketahui, dikenali dan dihayati mereka. Kemudian beliau menghuraikan sebahagian dari ni'mat-ni'mat itu:

أَمَدَّكُم بِأَنْعَامٍ وَبَنِينَ ١٣٣

وَجَنَّاتٍ وَعُيُونٍ ١٣٤

"Dia telah mengurniakan kepada kamu ni'mat ternakan dan anak pinak(133). Kebun-kebun dan mata air-mata air."(134)

Itulah ni'mat-ni'mat yang biasa dikenali di zaman itu, malah itulah ni'mat-ni'mat disetiap zaman. Kemudian Hud a.s. menakutkan mereka dengan 'azab hari Akhirat yang amat besar dalam bentuk menyatakan kebimbangannya terhadap mereka dari ditimpakan 'azab itu dengan sifat beliau sebagai saudara mereka dan salah seorang dari mereka. Beliau sekali-kali tidak mahu mereka kelak akan ditimpa 'azab hari itu yang tidak dapat diragui lagi kebenarannya.

Tetapi peringatan dan amaran ini tidak menjejak ke dalam hati-hati yang keras dan kejam itu, malah hati-hati itu terus berdegil dan bersikap sewenang-wenang.

قَالُوا سَوَاءٌ عَلَيْنَا أَوَعَظْتَ أَمْ لَمْ تَكُن مِّنَ الْوَاعِظِينَ ١٣٦

"Jawab mereka: Sama sahaja kepada kami sama ada engkau memberi nasihat atau engkau tidak termasuk dalam golongan orang-orang yang memberi nasihat."(136)

Tidak penting kepada kami sama ada engkau memberi nasihat atau engkau tidak langsung tergolong dalam golongan penasihat-penasihat. Ini adalah satu pengungkapan menghina dan biadab, kemudian diiringi pula dengan suatu kenyataan yang membayangkan kebekuan dan kebatuan cara berfikir, yang hanya bergantung kepada taklid atau pak turut orang-orang yang dahulu.

إِنْ هَٰذَا إِلَّا خُلُقُ الْأَوَّلِينَ ١٣٧

وَمَا نَحْنُ بِمُعَذَّبِينَ ١٣٨

"Sesungguhnya (agama kami) ini tidak lain melainkan ialah cara hidup orang-orang yang dahulu(137). Dan kami tidak sekali-kali akan dikenakan 'azab."(138)

Hujah mereka mempertahankan cara hidup mereka yang dikecam Hud a.s. itu ialah cara hidup yang dijalani mereka adalah cara hidup yang diamalkan oleh orang-orang yang terdahulu dari mereka. Mereka adalah mengikut cara hidup orang-orang dahulu. Kemudian mereka menolak kemungkinan mereka akan di'azab kerana mengikut cara hidup orang-orang dahulu dengan kata mereka **"Kami tidak sekali-kali akan dikenakan 'azab."**

Di sini Al-Qur'an tidak menyebut dengan terperinci perdebatan yang berlaku di antara mereka dengan Rasul mereka Hud a.s., malah ia terus menceritakan kesudahan kisah itu:

فَكَذَّبُوهُ فَأَهْلَكْنَٰهُمْ

"Kemudian mereka mendustakannya (Hud), lalu Kami binasakan mereka."(139)

Kaum Hud Dibinasakan Allah

Dengan dua perkataan ini berakhirlah kisah kaum 'Ad yang bermaharajalela dan tergulunglah cerita kilang-kilang pertukangan yang dibangunkan mereka serta berakhirlah riwayat kehidupan mereka yang senang-lenang, kaya dengan haiwan ternakan, anak pinak yang ramai, kebun-kebun yang subur dan mata air-mata air yang sentiasa mengalir.

Beberapa banyak pula umat-umat selepas berlalunya kaum 'Ad itu yang terus berfikir seperti cara berfikir kaum 'Ad, yang terkeliru seperti mereka dan yang semakin menjauhkan diri dari Allah apabila tamadun mereka semakin tinggi. Umat-umat ini menyangka bahawa manusia kini tidak lagi memerlukan Allah. Mereka mengeluarkan alat-alat senjata yang dapat memusnahkan umat yang lain dan menyelamatkan umat mereka dengan kelengkapan yang dikiranya cukup untuk melindungi mereka dari serangan-serangan musuh mereka, tetapi tiba-tiba di suatu pagi atau di suatu petang 'azab Allah menyerang mereka dari atas dan dari bawah dan dari mana-mana sahaja.

إِنَّ فِي ذَٰلِكَ لَآيَةً ۖ وَمَا كَانَ أَكْثَرُهُم مُّؤْمِنِينَ (١٣٩)

"Sesungguhnya di dalam kisah (Hud) itu terdapat bukti yang amat nyata, tetapi malangnya kebanyakan mereka tidak beriman."(139)

وَإِنَّ رَبَّكَ لَهُوَ الْعَزِيزُ الرَّحِيمُ (١٤٠)

"Dan sesungguhnya Tuhanmu adalah Tuhan Yang Maha Perkasa dan Maha Pengasih."(140)

(Kumpulan ayat-ayat 141 - 159)

كَذَّبَتْ ثَمُودُ الْمُرْسَلِينَ (١٤١)

إِذْ قَالَ لَهُمْ أَخُوهُمْ صَالِحٌ أَلَا تَتَّقُونَ (١٤٢)

إِنِّي لَكُمْ رَسُولٌ أَمِينٌ (١٤٣)

فَاتَّقُوا اللَّهَ وَأَطِيعُونِ (١٤٤)

وَمَا أَسْأَلُكُمْ عَلَيْهِ مِنْ أَجْرٍ ۖ إِنْ أَجْرِيَ إِلَّا عَلَىٰ رَبِّ الْعَالَمِينَ (١٤٥)

أَتُتْرَكُونَ فِي مَا هَاهُنَا آمِنِينَ (١٤٦)

فِي جَنَّاتٍ وَعُيُونٍ (١٤٧)

وَزُرُوعٍ وَنَخْلٍ طَلْعُهَا هَضِيمٌ (١٤٨)

وَتَنْحِتُونَ مِنَ الْجِبَالِ بُيُوتًا فَارِهِينَ (١٤٩)

فَاتَّقُوا اللَّهَ وَأَطِيعُونِ (١٥٠)

"Kaum Thamud telah mendustakan para rasul(141). Ketika saudara mereka Soleh berkata kepada mereka: Mengapa kamu tidak bertaqwa(142). Sesungguhnya aku seorang rasul yang beramanah (yang diutuskan) kepada kamu(143). Oleh itu bertaqwalah kepada Allah dan ta'atlah kepadaku(144). Dan aku tidak sekali-kali meminta sebarang upah dari kamu kerana da'wah itu. Tiada upahku melainkan terserah kepada Allah Tuhan semesta alam(145). Adakah kamu akan dibiarkan tinggal di sini dengan aman?(146). Di dalam kebun-kebun dan matair-matair(147). Dan tanam-tanaman dan pokok-pokok kurma yang mayang-mayangnya begitu lembut(148). Dan kamu pahat sebahagian dari gunung-gunung untuk dijadikan rumah-rumah kediaman dengan penuh kemahiran(149). Oleh itu bertaqwalah kepada Allah dan ta'atlah kepadaku."(150).

وَلَا تُطِيعُوا أَمْرَ الْمُسْرِفِينَ (١٥١)

الَّذِينَ يُفْسِدُونَ فِي الْأَرْضِ وَلَا يُصْلِحُونَ (١٥٢)

قَالُوا إِنَّمَا أَنتَ مِنَ الْمُسَحَّرِينَ (١٥٣)

مَا أَنتَ إِلَّا بَشَرٌ مِّثْلُنَا فَأْتِ بِآيَةٍ إِن كُنتَ مِنَ الصَّادِقِينَ (١٥٤)

قَالَ هَٰذِهِ نَاقَةٌ لَّهَا شِرْبٌ وَلَكُمْ شِرْبُ يَوْمٍ مَّعْلُومٍ (١٥٥)

وَلَا تَمَسُّوهَا بِسُوءٍ فَيَأْخُذَكُمْ عَذَابُ يَوْمٍ عَظِيمٍ (١٥٦)

فَعَقَرُوهَا فَأَصْبَحُوا نَادِمِينَ (١٥٧)

فَأَخَذَهُمُ الْعَذَابُ ۗ إِنَّ فِي ذَٰلِكَ لَآيَةً ۖ وَمَا كَانَ أَكْثَرُهُم مُّؤْمِنِينَ (١٥٨)

وَإِنَّ رَبَّكَ لَهُوَ الْعَزِيزُ الرَّحِيمُ (١٥٩)

"Dan janganlah kamu ta'ati perintah golongan pelampau(151). Yang melakukan kerosakan di bumi dan tidak pernah mengadakan perbaikan(152). Mereka berkata: Sesungguhnya engkau (Hud) adalah dari orang-orang yang kena sihir(153). Engkau tidak lain melainkan hanya seorang manusia seperti kami sahaja. Oleh itu bawalah satu bukti (mu'jizat) jika engkau dari orang-orang yang benar(154). Jawab Soleh: Ini seekor unta betina. Ia mempunyai giliran untuk mendapatkan air dan kamu juga mempunyai giliran

untuk mendapatkan air pada hari yang tertentu(155). Dan janganlah kamu sentuhkan unta ini dengan sesuatu perbuatan yang jahat, kelak kamu akan ditimpa 'azab hari yang amat besar(156). Kemudian mereka menyembelihkan unta itu, lalu mereka menjadi sesal(157). Lalu mereka ditimpa 'azab. Sesungguhnya di dalam kisah (Soleh) itu terdapat bukti yang amat nyata, tetapi malangnya kebanyakan mereka tidak beriman (158). Sesungguhnya Tuhanmu adalah Tuhan Yang Maha Perkasa dan Maha Pengasih."(159).

Kisah Nabi Soleh a.s.

Itulah da'wah yang sama yang diserukan oleh setiap rasul. Al-Qur'an sengaja menyama atau menyatukan cerita bunyi kata-kata yang dilafazkan oleh setiap rasul kepada kaum masing-masing untuk membuktikan kesatuan atau persamaan kerasulan itu dari segi hakikat dan tapak asasnya yang tunggal, iaitu beriman kepada Allah dan bertaqwa kepada-Nya serta ta'at kepada Rasul yang datang dari sisi Allah.

Kemudian Al-Qur'an menambahkan penerangan yang khusus mengenai kaum Thamud serta keadaan mereka dan suasana-suasana yang melingkungi mereka. Ketika saudara mereka Nabi Soleh a.s. mengingatkan ni'mat-ni'mat yang dikurniakan Allah kepada mereka - (mereka tinggal di al-Hijr yang terletak di antara negeri Syam dan Hijaz, di mana Rasulullah s.a.w. pernah melalui kampung-kampung kediaman mereka yang telah dibinasakan Allah bersama-sama sahabat-sahabat beliau di dalam Peperangan Tabuk) - dan menakutkan mereka terhadap kemungkinan ni'mat-ni'mat itu dirampaskan kembali oleh Allah, juga menakutkan mereka terhadap hisab Allah selepas mengecapi keni'matan hidup dunia itu, iaitu hisab terhadap cara-cara mereka yang menggunakan keni'matan itu:

فِي جَنَّٰتٍ وَعُيُونٍ ﴿١٤٧﴾

وَزُرُوعٍ وَنَخْلٍ طَلْعُهَا هَضِيمٌ ﴿١٤٨﴾

وَتَنْحِتُونَ مِنَ ٱلْجِبَالِ بُيُوتًا فَٰرِهِينَ ﴿١٤٩﴾

"Adakah kamu akan dibiarkan tinggal di sini dengan aman?(146). Di dalam kebun-kebun dan matair-matair (147). Dan tanam-tanaman dan pokok-pokok kurma yang mayang-mayangnya begitu lembut(148). Dan kamu pahat sebahagian dari gunung-gunung untuk dijadikan rumah-rumah kediaman dengan penuh kemahiran."(149)

Mereka hidup senang-lenang di dalam keni'matan-keni'matan yang digambarkan oleh saudara mereka Nabi Soleh a.s., tetapi mereka hidup di dalam kelalaian tanpa memikirkan siapakah yang mengurniakan ni'mat-ni'mat itu kepada mereka dan tanpa merenungi dari manakah puncanya ni'mat-ni'mat itu. Mereka tidak bersyukur kepada Allah yang telah memberikan ni'mat-ni'mat itu kepada mereka. Oleh sebab itulah Rasul mereka Soleh a.s. menggambarkan ni'mat-ni'mat itu kepada mereka supaya mereka berfikir dengan teliti, supaya mereka mengenal nilainya dan merasa takut kepada kehilangannya.

Dalam perkataan-perkataan beliau kepada mereka terdapat sentuhan-sentuhan yang menyedarkan hati yang lalai dan menimbulkan kemahuan dan merangsangkan ketakutan:

أَتُتْرَكُونَ فِي مَا هَٰهُنَآ ءَامِنِينَ ﴿١٤٦﴾

"Adakah kamu akan dibiarkan tinggal di sini dengan aman?"(146)

Adakah kamu fikir kamu akan dibiarkan hidup terus dalam keadaan senang-lenang, mewah, makmur, penuh ni'mat dan sebagainya dari pengertian kesenangan yang terkandung dalam ungkapan ringkas ini yang dituju untuk membesarkan gambaran keni'matan itu. Apakah kamu fikir kamu akan dibiarkan hidup begini dengan aman sentosa tanpa merasa bimbang bahawa ni'mat-ni'mat itu akan kehilangan, akan ditarik balik atau akan berubah?

Apakah kamu akan terus dibiarkan hidup dalam taman-taman, matair-matair, aneka tanaman, pokok-pokok kurma yang bermayang elok, mudah hadam seolah-olah buah-buahnya sudah dicernakan dan tidak lagi memerlukan kerja-kerja mencerna yang sukar di dalam perut? Adakah kamu akan terus dibiarkan hidup di dalam rumah-rumah kediaman yang kamu pahat pada batu-batu dengan penuh kemahiran, kesenian dan kecantikan?

Setelah menyentuh hari mereka dengan sentuhan-sentuhan yang menyedarkan itu, Nabi Soleh a.s. menyeru mereka supaya bertaqwa kepada Allah dan ta'at kepada Rasul dan supaya menentang golongan yang zalim, yang jauh dari kebenaran, keadilan dan cenderung melakukan kerosakan dan kejahatan.

فَٱتَّقُوا۟ ٱللَّهَ وَأَطِيعُونِ ﴿١٥٠﴾

وَلَا تُطِيعُوٓا۟ أَمْرَ ٱلْمُسْرِفِينَ ﴿١٥١﴾

ٱلَّذِينَ يُفْسِدُونَ فِي ٱلْأَرْضِ وَلَا يُصْلِحُونَ ﴿١٥٢﴾

"Oleh itu bertaqwalah kepada Allah dan ta'atlah kepadaku(150). Dan janganlah kamu ta'ati perintah golongan pelampau(151). Yang melakukan kerosakan di bumi dan tida pernah mengadakan perbaikan."(152)

Tetapi sentuhan-sentuhan dan seruan-seruan itu tidak menjejak di dalam hati manusia yang kasar dan keras itu. Hati mereka tidak mendengar seruan-seruan dan tidak pernah lembut:

قَالُوٓا۟ إِنَّمَآ أَنتَ مِنَ ٱلْمُسَحَّرِينَ ﴿١٥٣﴾

مَآ أَنتَ إِلَّا بَشَرٌ مِّثْلُنَا فَأْتِ بِـَٔايَةٍ إِن كُنتَ مِنَ ٱلصَّٰدِقِينَ ﴿١٥٤﴾

"Mereka berkata: Sesungguhnya engkau (Hud) adalah dari orang-orang yang kena sihir(153). Engkau tidak lain melainkan hanya seorang manusia seperti kami sahaja. Oleh itu bawalah satu bukti (mu'jizat) jika engkau dari orang-orang yang benar."(154)

Yakni engkau (Soleh) adalah dari orang-orang yang telah disihirkan akal mereka. Mereka memperkatakan perkara-perkara yang mereka sendiri tidak tahu! Seolah-olah da'wah kepada Allah itu hanya dilakukan oleh orang gila sahaja:

مَآ أَنتَ إِلَّا بَشَرٌ مِّثْلُنَا

"Engkau tidak lain melainkan hanya seorang manusia seperti kami sahaja."(154)

Itulah kekeliruan yang selalu bermain di dalam akal manusia setiap kali mereka didatangi Rasul. Kefahaman manusia yang lemah terhadap konsep Rasul itu selalunya menakjubkan. Mereka tidak memahami hikmat Allah memilih manusia menjadi Rasul. Mereka juga tidak memahami rahsia penghormatan Allah terhadap bangsa manusia yang telah memilih mereka menjadi para rasul-Nya supaya mereka menjadi para perintis manusia yang berhubung dengan sumber hidayat dan nur.

Manusia memahami Rasul itu hanya layak dipegang oleh makhluk yang lain dari manusia atau beginilah yang selayaknya (pada hemat mereka) kedudukan seorang rasul itu selama tugasnya ialah membawa berita-berita langit kepada mereka atau membawa berita alam ghaib dan berita alam yang terlindung dari pengetahuan manusia. Ini disebabkan kerana mereka tidak memahami rahsia manusia Rasul itu sendiri yang telah mendapat penghormatan dari Allah. Rahsia itu ialah manusia Rasul adalah manusia yang telah dikurniakan Allah kebolehan berhubung dengan alam al-Mala'ul-'Ala walaupun dia tinggal di bumi, di mana dia makan, tidur, berkahwin dan berjalan di pasar-pasar. Di bumi dia menghadapi dan melayani berbagai-bagai perasaan dan kemahuan seperti yang dihadapi oleh semua manusia yang lain, tetapi dia tetap berhubung dengan rahsia yang agung itu.

Umat manusia generasi demi generasi menuntut mu'jizat dari Rasul untuk membuktikan kebenaran bahawa dia adalah diutuskan dari Allah:

فَأْتِ بِـَٔايَةٍ إِن كُنتَ مِنَ ٱلصَّٰدِقِينَ ﴿١٥٤﴾

"Bawalah satu bukti (mu'jizat) jika engkau dari orang-orang yang benar."(154)

Soleh Dikurniakan Mu'jizat Unta

Demikianlah kaum Thamud meminta mu'jizat (dari Nabi Soleh), lalu Allah perkenan mengurniakan mu'jizat itu kepada hamba kesayangan-Nya itu dalam bentuk seekor unta. Kami tidak ingin berleluasa memerikan sifat-sifat unta itu seperti yang dilakukan oleh para Mufassirin di zaman dahulu, kerana kita tidak mempunyai nas yang sahih yang dapat dijadikan pegangan mengenai sifat-sifat unta itu. Bagi kami cukuplah dengan mengatakan bahawa unta itu adalah seekor unta mu'jizat untuk memenuhi permintaan kaum Thamud:

قَالَ هَٰذِهِۦ نَاقَةٌ لَّهَا شِرْبٌ وَلَكُمْ شِرْبُ يَوْمٍ مَّعْلُومٍ ﴿١٥٥﴾

وَلَا تَمَسُّوهَا بِسُوٓءٍ فَيَأْخُذَكُمْ عَذَابُ يَوْمٍ عَظِيمٍ ﴿١٥٦﴾

"Jawab Soleh: Ini seekor unta betina. Ia mempunyai giliran untuk mendapatkan air dan kamu juga mempunyai giliran untuk mendapatkan air pada hari yang tertentu(155). Dan janganlah kamu sentuhkan unta ini dengan sesuatu perbuatan yang jahat, kelak kamu akan ditimpa 'azab hari yang amat besar."(156)

Nabi Soleh a.s. telah membawa mu'jizat unta kepada mereka dan mengenakan syarat bahawa sumber air yang digunakan mereka itu hendaklah diperuntukkan sehari untuk unta dan sehari untuk mereka. Mereka tidak boleh menceroboh hari unta dan unta tidak boleh menceroboh hari mereka. Minuman unta tidak boleh bercampur dengan minuman mereka, begitu juga hari minuman mereka tidak boleh bercampur dengan hari minuman unta. Di samping itu beliau mengingatkan mereka supaya jangan melakukan sebarang perbuatan yang tidak baik terhadap unta itu. Andainya mereka bertindak jahat, nescaya mereka akan ditimpa 'azab hari yang amat besar.

Apakah kesan mu'jizat kepada kaum yang degil itu? Ia tidak dapat juga mencurahkan keimanan ke dalam hati yang kering itu. Ia tidak dapat menserlahkan cahaya di dalam roh-roh yang gelap-gelita itu walaupun mu'jizat itu berjaya memaksa dan mencabar mereka. Mereka tidak memenuhi janji mereka dan menyempurnakan syarat-syarat mereka:

فَعَقَرُوهَا فَأَصْبَحُوا۟ نَٰدِمِينَ ﴿١٥٧﴾

"Kemudian mereka menyembelihkan unta itu, lalu mereka menjadi sesal."(157)

Kaum Soleh Dibinasakan Allah

Mereka yang bertindak menyembelih unta itu ialah kumpulan yang suka melakukan kerosakan di bumi dan tidak pernah melakukan kebaikan. Walaupun kaum Soleh telah diberi amaran oleh Soleh a.s. supaya mengawasi kumpulan ini, namun mereka tidak takut kepada amaran itu. Oleh sebab itulah kesalahan yang dilakukan ke atas unta mu'jizat itu dikenakan ke atas seluruh mereka (atau dengan lain-lain ungkapan) seluruh mereka adalah bertanggung-jawab di atas dosa yang besar itu.

Kaum Soleh telah menyesali perbuatan yang jahat itu, tetapi waktunya telah luput dan amaran Allah telah dilaksanakan:

فَأَخَذَهُمُ ٱلْعَذَابُ

"Lalu mereka ditimpa 'azab."(158)

Al-Qur'an tidak menjelaskan jenis 'azab itu di sini untuk mencepatkan jalan cerita. Kemudian diiringi dengan sebuah ulasan:

إِنَّ فِي ذَٰلِكَ لَآيَةً ۖ وَمَا كَانَ أَكْثَرُهُم مُّؤْمِنِينَ ﴿١٥٨﴾

"Sesungguhnya di dalam kisah (Soleh) itu terdapat bukti yang amat nyata, tetapi malangnya kebanyakan mereka tidak beriman."(158)

وَإِنَّ رَبَّكَ لَهُوَ الْعَزِيزُ الرَّحِيمُ ﴿١٥٩﴾

"Sesungguhnya Tuhanmu adalah Tuhan Yang Maha Perkasa dan Maha Pengasih."(159)

(Kumpulan ayat-ayat 160 - 175)

كَذَّبَتْ قَوْمُ لُوطٍ الْمُرْسَلِينَ ﴿١٦٠﴾

إِذْ قَالَ لَهُمْ أَخُوهُمْ لُوطٌ أَلَا تَتَّقُونَ ﴿١٦١﴾

إِنِّي لَكُمْ رَسُولٌ أَمِينٌ ﴿١٦٢﴾

فَاتَّقُوا اللَّهَ وَأَطِيعُونِ ﴿١٦٣﴾

وَمَا أَسْأَلُكُمْ عَلَيْهِ مِنْ أَجْرٍ ۖ إِنْ أَجْرِيَ إِلَّا عَلَىٰ رَبِّ
الْعَالَمِينَ ﴿١٦٤﴾

أَتَأْتُونَ الذُّكْرَانَ مِنَ الْعَالَمِينَ ﴿١٦٥﴾

"Kaum Lut telah mendustakan para rasul(160). Ketika saudara mereka Lut berkata kepada mereka: Mengapa kamu tidak bertaqwa(161). Sesungguhnya aku seorang rasul yang beramanah (yang diutuskan) kepada kamu(162). Oleh itu bertaqwalah kepada Allah dan ta'atlah kepadaku(163). Dan aku tidak sekali-kali meminta sebarang upah dari kamu kerana da'wah itu. Tiada upahku melainkan terserah kepada Allah Tuhan semesta alam(164). Apakah kamu tergamak melakukan hubungan kelamin dengan jenis lelaki dari golongan manusia?"(165).

وَتَذَرُونَ مَا خَلَقَ لَكُمْ رَبُّكُم مِّنْ أَزْوَاجِكُم ۚ بَلْ أَنتُمْ
قَوْمٌ عَادُونَ ﴿١٦٦﴾

قَالُوا لَئِن لَّمْ تَنتَهِ يَا لُوطُ لَتَكُونَنَّ مِنَ الْمُخْرَجِينَ ﴿١٦٧﴾

قَالَ إِنِّي لِعَمَلِكُم مِّنَ الْقَالِينَ ﴿١٦٨﴾

رَبِّ نَجِّنِي وَأَهْلِي مِمَّا يَعْمَلُونَ ﴿١٦٩﴾

فَنَجَّيْنَاهُ وَأَهْلَهُ أَجْمَعِينَ ﴿١٧٠﴾

إِلَّا عَجُوزًا فِي الْغَابِرِينَ ﴿١٧١﴾

ثُمَّ دَمَّرْنَا الْآخَرِينَ ﴿١٧٢﴾

وَأَمْطَرْنَا عَلَيْهِم مَّطَرًا ۖ فَسَاءَ مَطَرُ الْمُنذَرِينَ ﴿١٧٣﴾

إِنَّ فِي ذَٰلِكَ لَآيَةً ۖ وَمَا كَانَ أَكْثَرُهُم مُّؤْمِنِينَ ﴿١٧٤﴾

وَإِنَّ رَبَّكَ لَهُوَ الْعَزِيزُ الرَّحِيمُ ﴿١٧٥﴾

"Sedangkan kamu tinggalkan isteri-isteri yang telah dijadikan Tuhanmu untuk kamu, sebenarnya kamu adalah satu kaum yang pelampau(166). Jawab mereka: Jika engkau tidak berhenti (berda'wah) nescaya engkau termasuk dalam golongan mereka yang akan diusir keluar(167). Kata Lut: Sesungguhnya aku dari golongan mereka yang amat bencikan perbuatan kamu ini(168). (Lut berdo'a): Wahai Tuhanku! Selamatkanku dan keluargaku dari akibat perbuatan yang dilakukan mereka(169). Lalu Kami selamatkannya bersama keluarga seluruhnya(170). Kecuali seorang perempuan tua (isterinya) yang termasuk di dalam golongan yang tinggal(171). Kemudian Kami binasakan sekalian yang lain(172). Dan Kami hujankan ke atas mereka hujan yang dahsyat, maka alangkah buruknya hujan yang menimpa orang-orang yang telah diberi peringatan itu(173). Sesungguhnya dalam kisah (Lut) itu terdapat bukti yang amat nyata, tetapi malangnya kebanyakan mereka tidak beriman(174). Dan sesungguhnya Tuhanmu adalah Tuhan Yang Maha Perkasa dan Maha Pengasih."(175).

Kisah Nabi Lut a.s.

Kisah Lut a.s. diceritakan di sini, sedangkan tempat sejarahnya yang sebenar ialah bersama kisah Ibrahim a.s., tetapi susunan sejarah tidak diberikan perhatian di dalam surah ini sebagaimana kami telah jelaskan sebelum ini, malah yang diberikan perhatian di sini ialah kesatuan atau persamaan risalah dan agama, juga persamaan akibat yang menimpa para pendusta, di mana para Mu'minin diselamatkan dan para pendusta dibinasakan.

Langkah Lut a.s. memulakan da'wah kepada kaumnya sama dengan langkah-langkah yang dimulakan oleh Nuh, Hud dan Soleh, iaitu beliau menyatakan kecamannya terhadap perbuatan dan sikap mereka yang sewenang-wenang, merangsangkan perasaan taqwa di dalam hati mereka, menyeru mereka kepada keimanan dan keta'atan dan meyakinkan mereka bahawa beliau tidak akan menuntut sebarang harta mereka sebagai ganjaran menyampaikan hidayat. Kemudian beliau secara tegas mengecam perbuatan dosa mereka yang ganjil, (iaitu perbuatan hubungan kelamin sejenis atau homoseksual), dan dengan perbuatan ini mereka menjadi kaum yang terkenal di dalam sejarah:

أَتَأْتُونَ الذُّكْرَانَ مِنَ الْعَالَمِينَ ﴿١٦٥﴾

وَتَذَرُونَ مَا خَلَقَ لَكُمْ رَبُّكُم مِّنْ أَزْوَاجِكُم ۚ بَلْ أَنتُمْ
قَوْمٌ عَادُونَ ﴿١٦٦﴾

"Apakah kamu tergamak melakukan hubungan kelamin dengan jenis lelaki dari golongan manusia(165). Sedangkan kamu tinggalkan isteri-isteri yang telah dijadikan Tuhanmu untuk kamu, sebenarnya kamu adalah satu kaum yang pelampau."(166)

Kaum Lut Terjerumus Dalam Keinginan Seks Yang Tidak Normal

Dosa keji yang dengannya dikenal kaum Lut (yang tinggal dibeberapa buah kampung di Wadi Jordan) ialah keganjilan seks, iaitu melakukan hubungan kelamin sesama lelaki dan meninggalkan perempuan. Ini adalah satu penyelewengan fitrah yang amat buruk. Allah S.W.T. telah menciptakan lelaki dan perempuan dan menanamkan kecenderungan semulajadi pada mereka supaya kedua-duanya menyintai satu sama lain untuk melaksanakan hikmat dan kehendak Ilahi iaitu melanjutkan kewujudan makhluk yang hidup melalui proses beranak-pinak, yang berlangsung menerusi hubungan kelamin di antara lelaki dan perempuan. Kecenderungan di antara lelaki dan perempuan ini merupakan sebahagian dari undang-undang amalan, iaitu undang-undang yang menjadikan sekalian mereka dan segala apa yang wujud di alam buana ini berada di dalam keadaan yang selaras dan bekerjasama untuk melaksanakan kehendak Allah yang mentadbirkan alam al-wujud ini. Perbuatan hubungan kelamin sesama lelaki itu tidak membawa kepada satu matlamat dan tujuan yang tertentu, juga tidak sesuai dengan kehendak dan undang-undang alam ini. Amatlah aneh andainya ada orang yang meni'mati kelazatan dari hubungan kelamin seperti itu! Kelazatan yang dirasai lelaki dan perempuan dalam hubungan kelamin itu merupakan alat fitrah untuk melaksanakan kehendak Ilahi. Penyelewengan dari undang-undang alam pada perbuatan kaum Lut itu amatlah jelas. Oleh sebab itulah mereka pasti membetulkan penyelewengan itu atau menghadapi akibat kebinasaan kerana mereka telah keluar dari barisan fitrah dan mengabaikan hikmat kewujudan mereka iaitu melanjutkan hayat manusia melalui perkahwinan dan beranak-pinak.

Apabila Lut a.s. menyeru mereka supaya meninggalkan kelakuan mereka yang ganjil ini dan mengecam mereka kerana meninggalkan isteri-isteri mereka yang halal, yang dijadikan Allah untuk mereka dan kerana penyelewengan mereka dari kehendak fitrah dan perbuatan mereka melanggar hikmatnya, maka ternyatalah kepada beliau bahawa mereka tidak bersedia untuk kembali kepada angkatan manusia biasa dan kepada undang-undang fitrah:

قَالُوا لَئِن لَّمْ تَنتَهِ يَا لُوطُ لَتَكُونَنَّ مِنَ الْمُخْرَجِينَ ﴿١٦٧﴾

"Jawab mereka: Jika engkau tidak berhenti (berda'wah) nescaya engkau termasuk dalam golongan mereka yang akan diusir keluar."(167)

Lut Diancamkan Kaumnya

Beliau adalah orang asing di dalam kalangan mereka. Beliau datang kepada mereka bersama bapa saudaranya Nabi Ibrahim a.s. ketika mengasingkan dirinya dari bapa dan kaumnya. Beliau telah meninggalkan tanahairnya dan menyeberang ke Jordan bersama Nabi Ibrahim a.s. serta dengan segelintir para pengikut yang beriman kepadanya. Kemudian beliau tinggal seorang diri bersama kaum itu sehingga beliau diutuskan Allah menjadi Rasul mereka untuk mengembalikan mereka dari cara hidup mereka yang ganjil itu. Akibatnya beliau telah diancam akan diusir keluar dari kalangan mereka jika beliau tidak berhenti menyeru mereka kepada undang-undang fitrah yang betul.

Di sini beliau tidak mempunyai pilihan selain dari menyatakan kepada mereka dengan terus terang perasaan jijik dan kebenciannya terhadap kelakuan mereka yang ganjil itu:

قَالَ إِنِّي لِعَمَلِكُم مِّنَ الْقَالِينَ ﴿١٦٨﴾

"Kata Lut: Sesungguhnya aku dari golongan mereka yang amat bencikan perbuatan kamu ini."(168)

Beliau melontarkan kata-kata kebenciannya yang memuncak itu ke muka mereka dengan penuh jijik, kemudian beliau bertawajjuh kepada Allah memohon supaya Allah menyelamatkannya dan keluarganya dari bala ini:

رَبِّ نَجِّنِي وَأَهْلِي مِمَّا يَعْمَلُونَ ﴿١٦٩﴾

"(Lut berdo'a): Wahai Tuhanku! Selamatkanku dan keluargaku dari akibat perbuatan yang dilakukan mereka."(169)

Walaupun beliau tidak melakukan perbuatan mereka, tetapi dengan fitrahnya yang benar beliau merasa bahawa perbuatan yang dilakukan mereka akan melamarkan kebinasaan umum sedangkan beliau berada di dalam kalangan mereka. Oleh sebab itulah beliau berdo'a kepada Allah supaya menyelamatkannya serta keluarganya dari kebinasaan yang akan ditimpakan ke atas kaumnya itu. Lalu Allah memperkenankan do'a nabi-Nya:

إِلَّا عَجُوزًا فِي الْغَابِرِينَ ﴿١٧١﴾

ثُمَّ دَمَّرْنَا الْآخَرِينَ ﴿١٧٢﴾

"Lalu Kami selamatkannya bersama keluarga seluruhnya(170). Kecuali seorang perempuan tua (isterinya) yang termasuk di dalam golongan yang tinggal."(171)

Kaum Lut Dibinasakan Allah

Perempuan tua itu ialah isteri beliau sendiri sebagaimana diterangkan dalam surah-surah yang lain. Dia seorang perempuan tua yang tidak baik. Dia bersetuju dengan perbuatan mereka yang keji itu dan turut menyumbangkan kerjasamanya.

ثُمَّ دَمَّرْنَا ٱلْـَٔاخَرِينَ ﴿١٧٢﴾

وَأَمْطَرْنَا عَلَيْهِم مَّطَرًا ۖ فَسَآءَ مَطَرُ ٱلْمُنذَرِينَ ﴿١٧٣﴾

"Kemudian Kami binasakan sekalian yang lain(172). Dan Kami hujankan ke atas mereka hujan yang dahsyat, maka alangkah buruknya hujan yang menimpa orang-orang yang telah diberi peringatan itu."(173)

Menurut satu pendapat, kampung-kampung kediaman mereka telah ditelan bumi dan ditenggelami air di antaranya termasuk kampung Sadum yang difikir kini berada di bawah laut mati di Jordan.

Setengah-setengah ahli kajibumi menegaskan bahawa laut mati itu telah menenggelami beberapa bandar yang penuh dengan penduduk, sementara ahli kajipurba pula telah menemui kesan-kesan sebuah kubu berhampiran dengan laut itu dan di sampingnya terdapat sebuah altar iaitu tempat persembelihan khas, di mana dipersembahkan korban-korban.

Walau bagaimanapun, Al-Qur'an telah menerangkan kisah kebinasaan perkampungan-perkampungan kaum Lut itu dengan penerangan yang seperti ini sahaja, dan penerangan Al-Qur'an di dalam maudhu' ini merupakan penerangan muktamad dan pemutus.

Kemudian Al-Qur'an iringi kisah kebinasaan mereka dengan ulasan ulangan:

إِنَّ فِى ذَٰلِكَ لَـَٔايَةً ۖ وَمَا كَانَ أَكْثَرُهُم مُّؤْمِنِينَ ﴿١٧٤﴾

وَإِنَّ رَبَّكَ لَهُوَ ٱلْعَزِيزُ ٱلرَّحِيمُ ﴿١٧٥﴾

"Sesungguhnya dalam kisah (Lut) itu terdapat bukti yang amat nyata, tetapi malangnya kebanyakan mereka tidak beriman(174). Dan sesungguhnya Tuhanmu adalah Tuhan Yang Maha Perkasa dan Maha Pengasih."(175)

(Kumpulan ayat-ayat 176 - 191)

كَذَّبَ أَصْحَٰبُ لْـَٔيْكَةِ ٱلْمُرْسَلِينَ ﴿١٧٦﴾

إِذْ قَالَ لَهُمْ شُعَيْبٌ أَلَا تَتَّقُونَ ﴿١٧٧﴾

إِنِّى لَكُمْ رَسُولٌ أَمِينٌ ﴿١٧٨﴾

فَٱتَّقُوا۟ ٱللَّهَ وَأَطِيعُونِ ﴿١٧٩﴾

وَمَآ أَسْـَٔلُكُمْ عَلَيْهِ مِنْ أَجْرٍ ۖ إِنْ أَجْرِىَ إِلَّا عَلَىٰ رَبِّ
ٱلْعَٰلَمِينَ ﴿١٨٠﴾

أَوْفُوا۟ ٱلْكَيْلَ وَلَا تَكُونُوا۟ مِنَ ٱلْمُخْسِرِينَ ﴿١٨١﴾

وَزِنُوا۟ بِٱلْقِسْطَاسِ ٱلْمُسْتَقِيمِ ﴿١٨٢﴾

وَلَا تَبْخَسُوا۟ ٱلنَّاسَ أَشْيَآءَهُمْ وَلَا تَعْثَوْا۟ فِى ٱلْأَرْضِ
مُفْسِدِينَ ﴿١٨٣﴾

وَٱتَّقُوا۟ ٱلَّذِى خَلَقَكُمْ وَٱلْجِبِلَّةَ ٱلْأَوَّلِينَ ﴿١٨٤﴾

"Penduduk Aikah telah mendustakan para Rasul(176). Ketika Syu'ayb berkata kepada mereka: Mengapa kamu tidak bertaqwa(177). Sesungguhnya aku seorang Rasul yang beramanah (yang diutuskan) kepada kamu(178). Oleh itu bertaqwalah kepada Allah dan ta'atlah kepadaku (179). Dan aku tidak sekali-kali meminta sebarang upah dari kamu kerana da'wah itu. Tiada upahku melainkan terserah kepada Allah Tuhan semesta alam(180). Sempurnakanlah sukatan dan janganlah sekali-kali kamu termasuk di dalam golongan mereka yang merugikan (hak orang lain)(181). Dan timbanglah dengan timbangan yang betul(182). Dan janganlah kamu merugikan manusia pada barangan-barangan mereka dan janganlah pula kamu bermaharajalela di muka bumi melakukan kerosakan(183). Dan bertaqwalah kepada Allah yang telah menciptakan kamu dan umat-umat yang dahulu."(184)

قَالُوٓا۟ إِنَّمَآ أَنتَ مِنَ ٱلْمُسَحَّرِينَ ﴿١٨٥﴾

وَمَآ أَنتَ إِلَّا بَشَرٌ مِّثْلُنَا وَإِن نَّظُنُّكَ لَمِنَ
ٱلْكَٰذِبِينَ ﴿١٨٦﴾

فَأَسْقِطْ عَلَيْنَا كِسَفًا مِّنَ ٱلسَّمَآءِ إِن كُنتَ مِنَ
ٱلصَّٰدِقِينَ ﴿١٨٧﴾

قَالَ رَبِّىٓ أَعْلَمُ بِمَا تَعْمَلُونَ ﴿١٨٨﴾

فَكَذَّبُوهُ فَأَخَذَهُمْ عَذَابُ يَوْمِ ٱلظُّلَّةِ ۚ إِنَّهُۥ كَانَ عَذَابَ
يَوْمٍ عَظِيمٍ ﴿١٨٩﴾

إِنَّ فِى ذَٰلِكَ لَـَٔايَةً ۖ وَمَا كَانَ أَكْثَرُهُم مُّؤْمِنِينَ ﴿١٩٠﴾

وَإِنَّ رَبَّكَ لَهُوَ ٱلْعَزِيزُ ٱلرَّحِيمُ ﴿١٩١﴾

"Mereka berkata: Sesungguhnya engkau adalah dari orang-orang yang kena sihir(185). Dan engkau tidak lain melainkan hanya seorang manusia seperti kami sahaja dan sesungguhnya kami fikir engkau adalah termasuk dalam golongan para pendusta(186). Oleh sebab itu gugurkanlah ke atas kami kepingan-kepingan dari langit jika engkau dari orang-orang yang benar(187). Jawab Syu'ayb: Tuhanku lebih mengetahui segala apa yang dilakukan kamu(188). Kemudian mereka mendustakan Syu'ayb lalu mereka

ditimpakan 'azab, pada hari awan mendung. Sesungguhnya 'azab itu adalah 'azab hari yang amat besar(189). Sesungguhnya di dalam kisah (Syu'ayb) itu terdapat bukti yang amat nyata, tetapi malangnya kebanyakan mereka tidak beriman(190). Dan sesungguhnya Tuhanmu adalah Tuhan Yang Maha Perkasa dan Maha Pengasih."(191)

Di dalam susunan sejarah, kisah Syu'ayb ini berlaku sebelum kisah Musa, tetapi ia diceritakan di sini untuk tujuan mengemukakan contoh teladan seperti kisah-kisah yang lain di dalam surah ini. Penduduk Aikah biasanya ialah penduduk Madyan. Kata-kata Aikah bererti pokok yang merimbun tebal. Nampaknya Madyan ketika itu berdekatan dengan hutan pokok-pokok yang tebal dan rimbun. Negeri Madyan terletak di antara negeri Hijaz dan Palestin di sekitar Teluk Aqabah.

Langkah Syu'ayb a.s. memulakan da'wah kepada kaumnya sama juga dengan langkah Rasul-Rasul yang lain, iaitu menjelaskan asas 'aqidah dan menolak upahan, kemudian barulah beliau hadapi mereka dengan persoalan perilaku mereka yang tertentu:

أَوْفُوا۟ ٱلْكَيْلَ وَلَا تَكُونُوا۟ مِنَ ٱلْمُخْسِرِينَ ﴿١٨١﴾
وَزِنُوا۟ بِٱلْقِسْطَاسِ ٱلْمُسْتَقِيمِ ﴿١٨٢﴾
وَلَا تَبْخَسُوا۟ ٱلنَّاسَ أَشْيَآءَهُمْ وَلَا تَعْثَوْا۟ فِى ٱلْأَرْضِ
مُفْسِدِينَ ﴿١٨٣﴾

"Sempurnakanlah sukatan dan janganlah sekali-kali kamu termasuk di dalam golongan mereka yang merugikan (hak orang lain)(181). Dan timbanglah dengan timbangan yang betul(182). Dan janganlah kamu merugikan manusia pada barangan-barangan mereka dan janganlah pula kamu bermaharajalela di muka bumi melakukan kerosakan."(183)

Kaum Syu'ayb Dengan Amalan Mengurangkan Sukatan Dan Timbangan Dalam Jual-beli

Kelakuan mereka - sebagaimana diterangkan di dalam Surah al-A'raf dan Hud ialah mengurangkan timbangan dan sukatan. Mereka mengambil dengan paksa dan secara merampas kadar yang lebih dari hak mereka dan memberi kadar yang kurang dari hak orang lain. Mereka membeli dengan harga yang rendah dan menjual dengan harga yang tinggi. Nampaknya mereka berada di tengah jalan yang dilalui angkatan kafilah perniagaan dan menguasai pasarannya. Rasul mereka Nabi Syu'ayb a.s. telah menyuruh mereka supaya bermuamalah dengan adil, kerana 'aqidah yang betul pastilah diikuti dengan muamalah yang baik. Mereka tidak boleh menepikan hak dan keadilan dalam bermuamalah dengan orang lain.

Kemudian Syu'ayb a.s. merangsangkan perasaan taqwa di dalam hati mereka apabila beliau mengingatkan mereka terhadap Allah Pencipta mereka Yang Maha Esa dan Pencipta seluruh generasi dan seluruh manusia yang dahulu:

وَٱتَّقُوا۟ ٱلَّذِى خَلَقَكُمْ وَٱلْجِبِلَّةَ ٱلْأَوَّلِينَ ﴿١٨٤﴾

"Dan bertaqwalah kepada Allah yang telah menciptakan kamu dan umat-umat yang dahulu."(184)

Tetapi mereka terus bertindak menuduh beliau sebagai orang kena sihir yang meracau dan mencacau:

قَالُوٓا۟ إِنَّمَآ أَنتَ مِنَ ٱلْمُسَحَّرِينَ ﴿١٨٥﴾

"Mereka berkata: Sesungguhnya engkau adalah dari orang-orang yang kena sihir."(185)

Kerasulan Syu'ayb Ditolak Kaumnya

Dan seterusnya mereka menafikan kerasulan beliau dengan mengatakan bahawa beliau hanya seorang manusia biasa seperti mereka sahaja kerana pada hemat mereka Rasul itu sepatutnya bukan dari jenis manusia. Oleh itu mereka menuduh beliau bohong:

وَمَآ أَنتَ إِلَّا بَشَرٌ مِّثْلُنَا وَإِن نَّظُنُّكَ لَمِنَ
ٱلْكَـٰذِبِينَ ﴿١٨٦﴾

"Dan engkau tidak lain melainkan hanya seorang manusia seperti kami sahaja dan sesungguhnya kami fikir engkau adalah termasuk dalam golongan para pendusta."(186)

Mereka juga mencabar beliau supaya membawa 'azab yang diancamkan beliau kepada mereka jika dakwaan beliau itu benar. Mereka menuntut digugurkan ke atas mereka panahan-panahan dari langit atau meruntuhkan langit ke atas mereka berketul-ketulan dan berkeping-kepingan:

فَأَسْقِطْ عَلَيْنَا كِسَفًا مِّنَ ٱلسَّمَآءِ إِن كُنتَ مِنَ
ٱلصَّـٰدِقِينَ ﴿١٨٧﴾

"Oleh sebab itu gugurkanlah ke atas kami kepingan-kepingan dari langit jika engkau dari orang-orang yang benar."(187)

Itulah cabaran yang terbit dari golongan manusia yang sewenang-wenang, yang suka mengejek dan menghina. Cabaran ini sama dengan cabaran kaum Musyrikin Makkah terhadap Rasulullah s.a.w.:

قَالَ رَبِّىٓ أَعْلَمُ بِمَا تَعْمَلُونَ ﴿١٨٨﴾

"Jawab Syu'ayb: Tuhanku lebih mengetahui segala apa yang dilakukan kamu."(188)

Al-Qur'an dengan segera mengisahkan penghabisan kisah itu tanpa huraian yang panjang:

فَكَذَّبُوهُ فَأَخَذَهُمْ عَذَابُ يَوْمِ ٱلظُّلَّةِ ۚ إِنَّهُۥ كَانَ عَذَابَ
يَوْمٍ عَظِيمٍ ﴿١٨٩﴾

"Kemudian mereka mendustakan Syu'ayb lalu mereka ditimpakan 'azab pada hari awan mendung. Sesungguhnya 'azab itu adalah 'azab hari yang amat besar."(189)

Kaum Syu'ayb Dibinasakan Allah

Menurut satu pendapat, mereka telah dibinasakan oleh panas terik yang mencekik pernafasan mereka dan menyebakkan dada mereka, kemudian mereka ternampak kepulan awan lalu mereka berteduh di bawah bayangannya dan di sana mereka meni'mati udara yang sejuk, tetapi tiba-tiba tercetus satu petir yang dahsyat, yang amat kuat bahananya, memeranjat dan membinasakan seluruh mereka. Itulah peristiwa yang berlaku **"pada hari awan mendung"**. Jadi awan mendung yang teduh itu merupakan sifat dan suasana hari peristiwa yang termaklum itu.

Kemudian diiringi dengan ulasan ulangan:

إِنَّ فِي ذَٰلِكَ لَآيَةً وَمَا كَانَ أَكْثَرُهُم مُّؤْمِنِينَ ﴿١٩٠﴾

وَإِنَّ رَبَّكَ لَهُوَ الْعَزِيزُ الرَّحِيمُ ﴿١٩١﴾

"Sesungguhnya di dalam kisah (Syu'ayb) itu terdapat bukti yang amat nyata, tetapi malangnya kebanyakan mereka tidak beriman(190). Dan sesungguhnya Tuhanmu adalah Tuhan Yang Maha Perkasa dan Maha Pengasih(191).

Di sini ditamatkan penceritaan kisah-kisah untuk diiringi dengan ulasan terakhir.

(Kumpulan ayat-ayat 192 - 227)

وَإِنَّهُ لَتَنزِيلُ رَبِّ الْعَالَمِينَ ﴿١٩٢﴾

نَزَلَ بِهِ الرُّوحُ الْأَمِينُ ﴿١٩٣﴾

عَلَىٰ قَلْبِكَ لِتَكُونَ مِنَ الْمُنذِرِينَ ﴿١٩٤﴾

بِلِسَانٍ عَرَبِيٍّ مُّبِينٍ ﴿١٩٥﴾

وَإِنَّهُ لَفِي زُبُرِ الْأَوَّلِينَ ﴿١٩٦﴾

أَوَلَمْ يَكُن لَّهُمْ آيَةً أَن يَعْلَمَهُ عُلَمَاءُ بَنِي إِسْرَائِيلَ ﴿١٩٧﴾

وَلَوْ نَزَّلْنَاهُ عَلَىٰ بَعْضِ الْأَعْجَمِينَ ﴿١٩٨﴾

فَقَرَأَهُ عَلَيْهِم مَّا كَانُوا بِهِ مُؤْمِنِينَ ﴿١٩٩﴾

كَذَٰلِكَ سَلَكْنَاهُ فِي قُلُوبِ الْمُجْرِمِينَ ﴿٢٠٠﴾

لَا يُؤْمِنُونَ بِهِ حَتَّىٰ يَرَوُا الْعَذَابَ الْأَلِيمَ ﴿٢٠١﴾

"Dan sesungguhnya Al-Qur'an itu diturunkan oleh Tuhan semesta alam(192). Ia dibawa turun oleh ar-Ruhul-Amin (Jibril)(193). Ke dalam hatimu (Muhammad) supaya engkau menjadi salah seorang dari para rasul yang memberi peringatan(194). Dengan bahasa Arab yang jelas(195). Dan sesungguhnya Al-Qur'an itu disebut di dalam kitab-kitab umat-umat yang dahulu(196).Apakah tidak cukup menjadi bukti kepada mereka (kaum Musyrikin Makkah) bahawa Al-Qur'an itu memang diketahui para ulama' Bani Israel?(197). Dan andainya Kami turunkan Al-Qur'an itu kepada salah seorang dari golongan bukan Arab(198). Lalu dia membacakannya kepada mereka (kaum Musyrikin Makkah) tentulah mereka tidak juga beriman kepadanya(199). Demikianlah juga Kami telah memasukkan Al-Qur'an ke dalam hati orang-orang (Musyrikin Makkah) yang berdosa itu(200). Tetapi mereka tidak beriman kepadanya sehingga mereka melihat 'azab yang amat pedih."(201).

فَيَأْتِيَهُم بَغْتَةً وَهُمْ لَا يَشْعُرُونَ ﴿٢٠٢﴾

فَيَقُولُوا هَلْ نَحْنُ مُنظَرُونَ ﴿٢٠٣﴾

أَفَبِعَذَابِنَا يَسْتَعْجِلُونَ ﴿٢٠٤﴾

أَفَرَأَيْتَ إِن مَّتَّعْنَاهُمْ سِنِينَ ﴿٢٠٥﴾

ثُمَّ جَاءَهُم مَّا كَانُوا يُوعَدُونَ ﴿٢٠٦﴾

مَا أَغْنَىٰ عَنْهُم مَّا كَانُوا يُمَتَّعُونَ ﴿٢٠٧﴾

وَمَا أَهْلَكْنَا مِن قَرْيَةٍ إِلَّا لَهَا مُنذِرُونَ ﴿٢٠٨﴾

ذِكْرَىٰ وَمَا كُنَّا ظَالِمِينَ ﴿٢٠٩﴾

وَمَا تَنَزَّلَتْ بِهِ الشَّيَاطِينُ ﴿٢١٠﴾

وَمَا يَنبَغِي لَهُمْ وَمَا يَسْتَطِيعُونَ ﴿٢١١﴾

"Tiba-tiba mereka ditimpa 'azab secara mendadak sedangkan mereka tidak sedar(202). Lalu mereka berkata: Apakah kami dapat diberi tangguhan?(203). Apakah wajar mereka meminta supaya disegerakan 'azab Kami itu?(204). Apa pendapatmu (Muhammad) jika Kami berikan keni'matan hidup bertahun-tahun kepada mereka(205).Kemudian datang kepada mereka 'azab yang telah diancam kepada mereka(206). Apakah gunanya untuk mereka keni'matan hidup yang diberikan kepada mereka itu?(207). Dan Kami tidak pernah membinasakan sesebuah negeri melainkan sesudah ada baginya pemberi-pemberi amaran(208). Untuk memberi peringatan dan Kami tidak sekali-kali zalim(209). Dan tiada sekali-kali Al-Qur'an itu diturunkan para syaitan(210). Dan tiadalah wajar bagi mereka (menurunkan Al-Qur'an) dan tiada pula mereka berupaya (menurunkannya)."(211).

إِنَّهُمْ عَنِ السَّمْعِ لَمَعْزُولُونَ ﴿٢١٢﴾

فَلَا تَدْعُ مَعَ اللَّهِ إِلَٰهًا آخَرَ فَتَكُونَ مِنَ الْمُعَذَّبِينَ ﴿٢١٣﴾

وَأَنذِرْ عَشِيرَتَكَ الْأَقْرَبِينَ ﴿٢١٤﴾

وَاخْفِضْ جَنَاحَكَ لِمَنِ اتَّبَعَكَ مِنَ الْمُؤْمِنِينَ ﴿٢١٥﴾

فَإِنْ عَصَوْكَ فَقُلْ إِنِّى بَرِىٓءٌ مِّمَّا تَعْمَلُونَ ٢١٦

وَتَوَكَّلْ عَلَى ٱلْعَزِيزِ ٱلرَّحِيمِ ٢١٧

ٱلَّذِى يَرَىٰكَ حِينَ تَقُومُ ٢١٨

وَتَقَلُّبَكَ فِى ٱلسَّٰجِدِينَ ٢١٩

إِنَّهُۥ هُوَ ٱلسَّمِيعُ ٱلْعَلِيمُ ٢٢٠

هَلْ أُنَبِّئُكُمْ عَلَىٰ مَن تَنَزَّلُ ٱلشَّيَٰطِينُ ٢٢١

"Kerana sesungguhnya mereka telah diasingkan dari mendengar wahyu(212). Oleh itu janganlah engkau menyembah Tuhan yang lain di samping Allah, kerana akibatnya engkau akan termasuk dalam golongan mereka yang akan di'azabkan(213). Dan berilah peringatan kepada kerabat-kerabatmu yang terdekat (214). Dan rendahkan sayapmu (rendahkanlah dirimu) kepada mereka yang mengikutmu dari orang-orang yang beriman(215). Dan jika mereka menderhakakanmu, maka katakanlah: Sesungguhnya aku berlepas diri dari segala perbuatan yang dilakukan kamu(216). Dan bertawakkallah kepada Allah Yang Maha Perkasa dan Maha Pengasih(217). Yang sentiasa melihatmu ketika engkau berdiri (sembahyang)(218). Dan melihat gerak-gerimu dalam golongan mereka yang sujud itu(219). Sesungguhnya Allah Maha Mendengar dan Maha Mengetahui(220). Adakah kamu suka aku memberitahu kamu, kepada siapakah turunnya para syaitan itu?."(221).

تَنَزَّلُ عَلَىٰ كُلِّ أَفَّاكٍ أَثِيمٍ ٢٢٢

يُلْقُونَ ٱلسَّمْعَ وَأَكْثَرُهُمْ كَٰذِبُونَ ٢٢٣

وَٱلشُّعَرَآءُ يَتَّبِعُهُمُ ٱلْغَاوُۥنَ ٢٢٤

أَلَمْ تَرَ أَنَّهُمْ فِى كُلِّ وَادٍ يَهِيمُونَ ٢٢٥

وَأَنَّهُمْ يَقُولُونَ مَا لَا يَفْعَلُونَ ٢٢٦

إِلَّا ٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ وَعَمِلُوا۟ ٱلصَّٰلِحَٰتِ وَذَكَرُوا۟ ٱللَّهَ
كَثِيرًا وَٱنتَصَرُوا۟ مِنۢ بَعْدِ مَا ظُلِمُوا۟ ۗ وَسَيَعْلَمُ ٱلَّذِينَ
ظَلَمُوٓا۟ أَىَّ مُنقَلَبٍ يَنقَلِبُونَ ٢٢٧

"Mereka turun kepada setiap pendusta yang banyak berdosa(222). Mereka mendengar (kata-kata syaitan) dan kebanyakan mereka pendusta(223). Dan para penyair adalah diikuti mereka yang sesat(224). Tidakkah engkau melihat mereka merayau-rayau di segenap lembah(225). Dan mereka memperkatakan sesuatu yang mereka tidak buat(226). Melainkan orang-orang yang beriman dan mengerjakan amalan yang soleh dan banyak menyebut Allah dan mendapat kemenangan setelah menderita kezaliman, dan mereka yang zalim itu akan mengetahui ke tempat mana mereka akan kembali."227).

Kini berakhirlah sudah siri kisah-kisah yang menceritakan kisah para rasul dan kerasulan-kerasulan, kisah pendustaan dan penolakan dan kisah cabaran dan hukuman.

Siri kisah-kisah ini bermula selepas muqaddimah surah yang memperkatakan keperihalan diri Rasulullah s.a.w. dan kaum Musyrikin Quraysy:

لَعَلَّكَ بَٰخِعٌ نَّفْسَكَ أَلَّا يَكُونُوا۟ مُؤْمِنِينَ ٣

إِن نَّشَأْ نُنَزِّلْ عَلَيْهِم مِّنَ ٱلسَّمَآءِ ءَايَةً فَظَلَّتْ أَعْنَٰقُهُمْ
لَهَا خَٰضِعِينَ ٤

وَمَا يَأْتِيهِم مِّن ذِكْرٍ مِّنَ ٱلرَّحْمَٰنِ مُحْدَثٍ إِلَّا كَانُوا۟ عَنْهُ
مُعْرِضِينَ ٥

فَقَدْ كَذَّبُوا۟ فَسَيَأْتِيهِمْ أَنۢبَٰٓؤُا۟ مَا كَانُوا۟ بِهِۦ يَسْتَهْزِءُونَ ٦

"Boleh jadi engkau (Muhammad) berhasrat membinasakan dirimu kerana mereka tidak beriman(3). Jika Kami kehendaki nescaya Kami turunkan kepada mereka satu mu'jizat dari langit yang membuat leher mereka sentiasa tunduk kepadanya(4). Dan tiada datang kepada mereka satu peringatan yang baru dari Allah Yang Maha Penyayang melainkan mereka terus berpaling darinya(5). Mereka telah mendustakan (Al-Qur'an) dan kelak akan sampai kepada mereka berita-berita (akibat) dari perbuatan sendaan-sendaan yang dilakukan mereka itu."(6)

Selepas ayat-ayat ini barulah diceritakan kisah-kisah itu dan semuanya merupakan contoh-contoh umat-umat manusia yang telah menerima berita-berita akibat perbuatan sendaan dan ejekan yang dilakukan mereka.

Setelah tamatnya kisah-kisah itu Al-Qur'an kembali kepada maudhu' surah yang terkandung di dalam muqaddimah surah, kemudian tibalah ulasan yang akhir ini memperkatakan tentang Al-Qur'an dan di sini ditegaskan bahawa Al-Qur'an adalah diturunkan dari Tuhan semesta alam - termasuk kisah-kisah ini juga yang telah berlalu berabad-abad lamanya, kerana itu nyatalah bahawa Al-Qur'an adalah benar-benar diturun dari Tuhan semesta alam - ulasan yang akhir ini juga membayangkan bahawa para ulama' Israel mengetahui tentang cerita Rasul yang akhir ini (Muhammad) dan cerita Al-Qur'an yang dibawa olehnya, kerana semuanya telah disebut dalam kitab-kitab suci umat-umat yang terdahulu, cuma kaum Musyrikin sahaja yang berdegil tidak mahu menerima bukti-bukti kebenaran Al-Qur'an yang amat jelas itu dan mendakwakannya sebagai sihir atau sajak belaka, dan andainya ada seorang asing yang tidak tahu bertutur dengan bahasa Arab diturunkan Al-Qur'an ini kepadanya lalu ia membacakannya dengan bahasa

Arab tentulah mereka tidak beriman juga, kerana yang membuat mereka enggan beriman ialah sifat kedegilan mereka bukannya kelemahan bukti dan dalil. Al-Qur'an ini bukannya diturunkan oleh para syaitan kepada Nabi Muhammad s.a.w. sebagaimana para syaitan itu menurunkan, berita-berita kepada para kahin (sami atau pawang kuil), dan Al-Qur'an juga bukannya gubahan sajak, kerana Al-Qur'an mempunyai methodologinya yang tetap, sedangkan para penyair merayau-rayau di segenap perlembahan menurut dorongan emosi-emosi dan perasaan? Malah Al-Qur'an adalah diturunkan dari sisi Allah untuk memberi peringatan kepada kaum Musyrikin sebelum mereka ditimpa 'azab Allah dan sebelum sampai kepada mereka berita-berita akibat perbuatan sendaan dan ejekan yang dilakukan mereka.

وَسَيَعْلَمُ ٱلَّذِينَ ظَلَمُوٓا۟ أَىَّ مُنقَلَبٍ يَنقَلِبُونَ ﴿٢٢٧﴾

"Dan orang-orang yang zalim itu akan mengetahui ketempat mana mereka akan kembali."(227)

******

(Pentafsiran ayat-ayat 192 - 209)

وَإِنَّهُۥ لَتَنزِيلُ رَبِّ ٱلْعَٰلَمِينَ ﴿١٩٢﴾

نَزَلَ بِهِ ٱلرُّوحُ ٱلْأَمِينُ ﴿١٩٣﴾

عَلَىٰ قَلْبِكَ لِتَكُونَ مِنَ ٱلْمُنذِرِينَ ﴿١٩٤﴾

بِلِسَانٍ عَرَبِىٍّ مُّبِينٍ ﴿١٩٥﴾

"Dan sesungguhnya Al-Qur'an itu diturunkan oleh Tuhan semesta alam(192). Ia dibawa turun oleh ar-Ruhul-Amin (Jibril)(193). Ke dalam hatimu (Muhammad) supaya engkau menjadi salah seorang dari para rasul yang memberi peringatan(194). Dengan bahasa Arab yang jelas."(195)

Yakni ar-Ruhul-Amin (Jibril) a.s. telah menurunkan Al-Qur'an ini dari sisi Allah kepada hati Rasulullah s.a.w. Beliau adalah amat beramanah menjaga dan memelihara segala apa yang dibawa turun olehnya. Jibril menurunkan Al-Qur'an itu ke dalam hati Rasulullah s.a.w. lalu diterima dan diingati beliau secara langsung. Tujuan Al-Qur'an itu, diturunkan ke dalam hatinya supaya beliau termasuk dalam golongan para rasul yang memberi peringatan dengan bahasa Arab yang amat jelas, iaitu bahasa ibunda kaumnya, yang digunakannya untuk berda'wah dan membaca Al-Qur'an kepada mereka, sedangkan mereka pula tahu sejauh mana kemampuan seseorang untuk bercakap (dengan bahasa ibundanya) dan sedar bahawa Al-Qur'an ini bukan dari jenis qalam manusia walaupun ia dengan bahasa ibunda mereka sendiri. Susunan Al-Qur'an dan konsep-konsepnya, methodologinya, keselarasan dan keseimbangannya membayangkan bahawa ia tetap diyakini datang dari sumber yang bukan manusia.

Bukti Dalaman Dan Luaran Kebenaran Al-Qur'an

Dan dari bukti intrinsik (dari dalam diri) Al-Qur'an itu sendiri berpindah pula kepada satu bukti extrinsik (dari luar) Al-Qur'an:

وَإِنَّهُۥ لَفِى زُبُرِ ٱلْأَوَّلِينَ ﴿١٩٦﴾

أَوَلَمْ يَكُن لَّهُمْ ءَايَةً أَن يَعْلَمَهُۥ عُلَمَٰٓؤُا۟ بَنِىٓ إِسْرَٰٓءِيلَ ﴿١٩٧﴾

"Dan sesungguhnya Al-Qur'an itu disebut di dalam kitab-kitab umat-umat yang dahulu(196). Apakah tidak cukup menjadi bukti kepada mereka (kaum Musyrikin Makkah) bahawa Al-Qur'an itu memang diketahui para ulama' Bani Israel?"(197)

Sifat-sifat Rasulullah yang diturunkan Al-Qur'an kepadanya dan lunas-lunas 'aqidah yang dibawa olehnya telah disebut di dalam kitab-kitab suci yang diturun kepada umat-umat yang terdahulu. Oleh sebab itulah ulama'-ulama' Bani Israel mengharap-harapkan risalah ini dan menunggu kedatangan Rasul itu. Mereka merasa bahawa zamannya telah menghampiri mereka. Mereka bercakap-cakap satu sama lain mengenai perkara ini sebagaimana telah diceritakan oleh Salman al-Farisi dan Abdullah bin Salam r.a. riwayat-riwayat mengenai hal ini adalah riwayat-riwayat yang diyakini thabit dan benar.

Sikap angkuh dan degil yang ditunjukkan oleh kaum Musyrikin adalah semata-mata kerana keangkuhan dan kedegilan sahaja bukannya kerana kelemahan hujah dan dalil Al-Qur'an. Andainya seseorang bukan bangsa Arab yang tidak tahu bertutur dengan bahasa Arab datang kepada mereka dan membaca Al-Qur'an dalam bahasa Arab tentulah mereka tidak juga beriman dan percaya kepada Al-Qur'an, dan tidak juga mengaku bahawa Al-Qur'an ini diwahyukan Allah kepadanya walaupun dalil-dalil Al-Qur'an ini melemahkan mereka yang angkuh itu.

وَلَوْ نَزَّلْنَٰهُ عَلَىٰ بَعْضِ ٱلْأَعْجَمِينَ ﴿١٩٨﴾

فَقَرَأَهُۥ عَلَيْهِم مَّا كَانُوا۟ بِهِۦ مُؤْمِنِينَ ﴿١٩٩﴾

"Dan andainya Kami turunkan Al-Qur'an itu kepada salah seorang dari golongan bukan Arab(198). Lalu dia membacakannya kepada mereka (kaum Musyrikin Makkah) tentulah mereka tidak juga beriman kepadanya."(199)

Ayat ini menghiburkan Rasulullah s.a.w. dan menggambarkan keangkuhan dan kedegilan mereka terhadap segala dalil. Kemudian keterangan ini diiringi pula dengan suatu ulasan yang menjelaskan bahawa sifat mendusta dan tidak percaya itu merupakan satu sifat yang tetap dan tidak terpisah dari kaum Musyrikin dengan sebab tabi'at kedegilan dan keangkuhan mereka. Demikianlah persoalan Al-Qur'an itu telah ditetapkan akan disambut oleh mereka dengan pendustaan seolah-olah telah tercetak di dalam hati mereka dan tidak lagi dapat diubah sehingga mereka ditimpa 'azab Allah dalam sa'at-sa'at kelalaian yang tidak disedari mereka:

Kesulitan Al-Qur'an Untuk Menembusi Hati Kaum Musyrikin

كَذَٰلِكَ سَلَكۡنَٰهُ فِي قُلُوبِ ٱلۡمُجۡرِمِينَ ٢٠٠

لَا يُؤۡمِنُونَ بِهِۦ حَتَّىٰ يَرَوُاْ ٱلۡعَذَابَ ٱلۡأَلِيمَ ٢٠١

فَيَأۡتِيَهُم بَغۡتَةٗ وَهُمۡ لَا يَشۡعُرُونَ ٢٠٢

"Demikianlah juga Kami telah memasukkan Al-Qur'an ke dalam hati orang-orang (Musyrikin Makkah) yang berdosa itu(200). Tetapi mereka tidak beriman kepadanya sehingga mereka melihat 'azab yang amat pedih(201). Tiba-tiba mereka ditimpa 'azab secara mendadak sedangkan mereka tidak sedar."(202)

Ungkapan ini melukiskan satu gambaran yang amat jelas bagaimana melekatnya sifat mendusta itu pada diri mereka. Di sini Al-Qur'an menjelaskan bahawa kelakuan mereka memang begini, iaitu mereka tetap tidak percaya dan mendustakan Al-Qur'an. Dan di atas kelakuan inilah kami atur dan alirkan Al-Qur'an ke dalam hati mereka, tetapi Al-Qur'an tidak dapat melalui hati mereka melainkan ia didusta dan dibohongkan. Dan beginilah pendustaan terhadap Al-Qur'an akan terus berada dalam hati mereka **"Sehingga mereka melihat 'azab yang amat pedih"** dan **"tiba-tiba mereka ditimpa 'azab secara mendadak, sedangkan mereka tidak sedar".** Setengah dari kaum Musyrikin itu kekal dengan sikap ini sehingga mereka meninggal dunia kerana dibunuh atau mati dan dari sana mereka akan diseret ke dalam 'azab yang amat pedih. Dan hanya di sa'at-sa'at inilah sahaja baru mereka sedar:

فَيَقُولُواْ هَلۡ نَحۡنُ مُنظَرُونَ ٢٠٣

"Lalu mereka berkata: Apakah kami dapat diberi tangguhan?"(203)

Yakni apakah kami dapat diberikan peluang sekali lagi untuk membetulkan apa yang telah terluput? Alangkah jauhnya harapan itu!

Dahulu kaum Musyrikin itu telah meminta supaya dipercepatkan 'azab Allah ke atas mereka. Mereka berbuat begitu kerana mengejek, menunjukkan sikap sewenang-wenang dan angkuh dengan kehidupan mereka yang mewah. Kehidupan inilah yang melemahkan hati mereka dan membuat mereka merasa terlalu jauh kemungkinan untuk berpindah dari kehidupan mereka yang mewah itu kepada kehidupan terseksa di dalam 'azab. Keadaan mereka samalah dengan golongan manusia yang hidup mewah yang lain, iaitu di dalam hati mereka jarang terlintas dan terfikir kemungkinan bahawa kehidupan mereka yang mewah itu mungkin hilang dan berubah. Oleh sebab itulah Al-Qur'an menyedarkan mereka dari kelalaian itu dalam ayat berikut dan melukiskan gambaran keadaan mereka apabila mereka ditimpa 'azab yang sebelum ini dipinta mereka supaya disegerakannya itu:

أَفَبِعَذَابِنَا يَسۡتَعۡجِلُونَ ٢٠٤

أَفَرَءَيۡتَ إِن مَّتَّعۡنَٰهُمۡ سِنِينَ ٢٠٥

ثُمَّ جَآءَهُم مَّا كَانُواْ يُوعَدُونَ ٢٠٦

مَآ أَغۡنَىٰ عَنۡهُم مَّا كَانُواْ يُمَتَّعُونَ ٢٠٧

"Apakah wajar mereka meminta supaya disegerakan 'azab kami itu?(204). Apa pendapatmu (Muhammad) jika Kami berikan keni'matan hidup bertahun-tahun kepada mereka(205). Kemudian datang kepada mereka 'azab yang telah diancam kepada mereka(206). Apakah gunanya untuk mereka keni'matan hidup yang diberikan kepada mereka itu?"(207)

Dalam ayat-ayat ini Al-Qur'an meletakkan gambaran mereka yang meminta supaya disegerakan 'azab itu di sebelah dan meletakkan gambaran kedatangan janji 'azab yang diancam itu di sebelah yang satu lagi, dan tiba-tiba kemewahan hidup yang bertahun-tahun lamanya itu runtuh dan hancur seolah-olah tidak pernah wujud. Ia tidak memberi apa-apa guna kepada mereka dan tidak pula dapat meringankan 'azab yang dideritai mereka.

Tersebut di dalam sebuah hadith yang sahih:

يؤتى بالكافر فيغمس في النار غمسة، ثم يقال له: هل رأيت خيراً قط؟ هل رأيت نعيماً قط؟ فيقول: لا والله يا رب. ويؤتى بأشد الناس بؤساً كان في الدنيا، فيصبغ في الجنة صبغة، ثم يقل له: هل رأيت بؤساً قط؟ فيقول: لا، والله يارب - رواه ابن كثير في التيسير، في الحديث الصحيح

"Ada seorang kafir dibawa (ke Neraka) lalu diselamkannya ke dalam api Neraka sekali selam kemudian ditanya: Apakah engkau melihat (di sana) apa-apa kebaikan? Apakah engkau merasa (di sana) apa-apa keni'matan? Jawab orang itu: Tidak ada, demi Allah Tuhanku! Kemudian dibawa pula seorang manusia yang paling susah hidupnya di dunia (ke Syurga) lalu dicelupkannya ke dalam Syurga sekali celup kemudian ditanya: Apakah engkau melihat (di sana) apa-apa kesusahan? Jawab orang itu: Tidak ada, demi Allah Tuhanku."

Kemudian Al-Qur'an mengingatkan mereka bahawa amaran itu adalah pendahuluan dari kebinasaan dan bahawa dasar rahmat Allah ialah Dia tidak akan membinasakan sesuatu negeri sehingga Dia utuskan seorang rasul mengingatkan para penduduknya dengan bukti-bukti iman:

وَمَآ أَهۡلَكۡنَا مِن قَرۡيَةٍ إِلَّا لَهَا مُنذِرُونَ ٢٠٨

ذِكۡرَىٰ وَمَا كُنَّا ظَٰلِمِينَ ٢٠٩

"Dan Kami tidak pernah membinasakan sesebuah negeri melainkan sesudah ada baginya pemberi-pemberi amaran(208). Untuk memberi peringatan dan Kami tidak sekali-kali zalim."(209)

Allah S.W.T. telah memeteraikan perjanjian fitrah dengan manusia supaya mereka mentauhid dan menyembah-Nya. Fitrah manusia itu sendiri dapat merasakan kewujudan Allah Pencipta Yang Tunggal selama ia tidak rosak dan menyeleweng[9], dan Allah telah menyebarkan berbagai-bagai bukti iman di dalam alam buana, yang seluruhnya menyarankan kewujudan Allah Yang Maha Esa. Apabila manusia lupa kepada perjanjian fitrah dan mengabaikan dalil-dalil iman, maka datanglah kepada mereka Rasul pemberi amaran yang mengingatkan mereka perjanjian yang telah dilupai mereka dan menyedarkan mereka terhadap bukti-bukti iman yang diabaikan mereka. Tujuan diutuskan Rasul itu ialah untuk mengingatkan orang-orang yang lupa dan menyedarkan orang-orang yang lalai untuk menambahkan keadilan dan rahmat Ilahi. **"Dan Kami tidak sekali-kali zalim"** selepas memberi peringatan itu apabila Kami timpakan sebuah negeri itu dengan 'azab dan kebinasaan, malah itulah balasan yang setimpal kerana menyeleweng dari jalan hidayat dan keyakinan.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 210 - 212)

Kemudian Allah memulakan satu pusingan baru dengan kaum Musyrikin itu mengenai Al-Qur'anul-Karim.

وَمَا تَنَزَّلَتْ بِهِ ٱلشَّيَٰطِينُ ﴿٢١٠﴾
وَمَا يَنۢبَغِى لَهُمْ وَمَا يَسْتَطِيعُونَ ﴿٢١١﴾
إِنَّهُمْ عَنِ ٱلسَّمْعِ لَمَعْزُولُونَ ﴿٢١٢﴾

"Dan tiada sekali-kali Al-Qur'an itu diturunkan para Syaitan(210). Dan tiadalah wajar bagi mereka (menurunkan al-Qur'an) dan tiada pula mereka berupaya (menurunkannya)(211). Kerana sesungguhnya mereka telah diasingkan dari mendengar wahyu."(212)

Al-Qur'an Tidak Diwahyukan Syaitan

Di dalam pusingan yang telah lalu. Allah telah menjelaskan bahawa Al-Qur'an itu adalah diturunkan dari Allah Tuhan semesta alam oleh ar-Ruhul-Amin (Jibril), kemudian Dia menceritakan bagaimana kaum Musyrikin itu mendustakan Al-Qur'an dan bagaimana mereka meminta supaya disegerakan 'azab yang diancamkan kepada mereka. Kini Allah menafikan pula dakwaan mereka bahawa Al-Qur'an itu dari wahyu para syaitan seperti yang berlaku kepada para kahin yang mendakwa bahawa para syaitan telah menyampaikan berita-berita ghaib kepada mereka atau menyampaikan berita-berita yang didengar dari langit yang membolehkan mereka meramalkan berita-berita yang akan berlaku.

Al-Qur'an ini tidak sekali-kali layak dengan para syaitan, kerana ia menyeru manusia kepada hidayat, kebaikan dan keimanan, sedangkan para syaitan menyeru kepada kesesatan, kerosakan dan kekufuran.

Di samping itu para syaitan tidak berupaya membawa Al-Qur'an, kerana mereka telah jauh diasingkan dari mendengar wahyu Al-Qur'an dari Allah, malah Al-Qur'an adalah dibawa turun oleh ar-Ruhul-Amin (Jibril) dengan perintah dari Allah Tuhan semesta alam, dan ini adalah di luar kemudahan yang dapat dicapai oleh syaitan.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 213 -220)

Di sini Allah tujukan perintah-Nya kepada Rasulullah s.a.w. mengingatkan beliau dari perbuatan syirik - sedangkan beliau manusia yang paling jauh dari perbuatan itu - supaya orang-orang yang lain lebih wajar mengambil peringatan. Allah juga memerintah beliau supaya memberi peringatan kepada para anggota keluarganya yang dekat dan seterusnya menyuruh beliau bertawakkal kepada Allah yang sentiasa memerhati dan memelihara beliau:

فَلَا تَدْعُ مَعَ ٱللَّهِ إِلَٰهًا ءَاخَرَ فَتَكُونَ مِنَ ٱلْمُعَذَّبِينَ ﴿٢١٣﴾
وَأَنذِرْ عَشِيرَتَكَ ٱلْأَقْرَبِينَ ﴿٢١٤﴾
وَٱخْفِضْ جَنَاحَكَ لِمَنِ ٱتَّبَعَكَ مِنَ ٱلْمُؤْمِنِينَ ﴿٢١٥﴾
فَإِنْ عَصَوْكَ فَقُلْ إِنِّى بَرِىٓءٌ مِّمَّا تَعْمَلُونَ ﴿٢١٦﴾
وَتَوَكَّلْ عَلَى ٱلْعَزِيزِ ٱلرَّحِيمِ ﴿٢١٧﴾
ٱلَّذِى يَرَىٰكَ حِينَ تَقُومُ ﴿٢١٨﴾
وَتَقَلُّبَكَ فِى ٱلسَّٰجِدِينَ ﴿٢١٩﴾
إِنَّهُۥ هُوَ ٱلسَّمِيعُ ٱلْعَلِيمُ ﴿٢٢٠﴾

"Oleh itu janganlah engkau menyembah tuhan yang lain disamping Allah, kerana akibatnya engkau akan termasuk dalam golongan mereka yang akan di'azabkan(213). Dan berilah peringatan kepada kerabat-kerabatmu yang terdekat(214). Dan rendahkan sayapmu (rendahkanlah dirimu) kepada mereka yang mengikutmu dari orang-orang yang beriman(215). Dan jika mereka menderhakakanmu, maka katakanlah: Sesungguhnya aku berlepas diri dari segala perbuatan yang dilakukan kamu(216). Dan bertawakkallah kepada Allah Yang Maha Perkasa dan Maha Pengasih(217). Yang sentiasa melihatmu ketika engkau berdiri (sembahyang)(218). Dan melihat gerak-gerimu dalam golongan mereka yang sujud itu(219). Sesungguhnya Allah Maha Mendengar dan Maha Mengetahui."(220)

Dan andainya Rasulullah s.a.w. sendiri diancam dengan balasan 'azab bersama-sama dengan mereka

[9] *Lihat tafsir ayat 172 Surah Al-A'raf Juzu' ke-9.*

yang akan di'azabkan Allah jika beliau menyembah tuhan yang lain di samping Allah, sedangkan ini mustahil berlaku kepada beliau, malah ini semata-mata di-sebut sebagai suatu andaian sahaja untuk mendekatkan pemahaman, maka bagaimana pula dengan orang lain? Bagaimana orang-orang lain itu dapat terselamat dari 'azab Allah apabila mereka menyembah tuhan yang lain di samping Allah? Di sana tidak ada pilih kasih, malah 'azab itu akan dikenakan ke atas siapa sahaja walaupun Rasulullah sendiri jika dia melakukan dosa yang besar ini.

Setelah memberi amaran secara peribadi kepada Rasulullah s.a.w., Allah memerintah beliau supaya memberi peringatan kepada keluarganya supaya menjadi contoh teladan kepada orang-orang yang lain bahawa mereka juga diancamkan dengan 'azab jika mereka berada di atas kepercayaan syirik dan tidak beriman:

وَأَنذِرْ عَشِيرَتَكَ ٱلْأَقْرَبِينَ ﴿٢١٤﴾

"Dan berilah peringatan kepada kerabat-kerabatmu yang terdekat."(214)

Amaran Rasulullah S.A.W. Kepada Kaum Keluarganya

Menurut riwayat al-Bukhari dan Muslim, sebaik sahaja turun ayat ini, Nabi s.a.w. pun datang ke Bukit Safa lalu beliau naik ke atasnya dan berseru: Datanglah sekalian! Lalu orang ramai pun berkumpul kepadanya; ada yang datang sendiri dan ada pula yang mengirim utusannya. Kemudian Rasulullah s.a.w. bersabda:

يا بني عبد المطلب، يابني فهر، يا بني لؤي، أرأيتم لو أخبرتكم أن خيلاً بسفح الجبل تريد أن تغير عليكم صدقتموني؟ قالوا: نعم. قال: ((فإني نذيرلكم بين يدي عذاب شديد)). فقال ابو لهب: تباً لك سائر اليوم! أما دعوتنا إلا لهذا ؟ وأنزل الله : ((تبت يدآ أبي لهب وتب...))

"Wahai Bani Abdul Muttalib! Wahai Bani Fihr! Wahai Bani Lu'ai, ceritakan kepadaku, jika aku berkata kepada kamu ada pasukan berkuda di kaki bukit mahu menyerang kamu, adakah kamu percaya cakapku? Jawab mereka: Ya! Kami percaya. Lalu beliau pun bersabda: "((Ketahuilah sekalian) sesungguhnya aku ini adalah seorang rasul yang memberi peringatan kepada kamu sebelum datangnya 'azab Allah yang amat dahsyat))".

Lalu Abu Lahab berkata: "Celakalah engkau di seluruh hari! Adakah kerana ini engkau meminta kami berkumpul?" Kemudian Allah menurunkan ayat: "Binasalah dua tangan Abu Lahab dan sesungguhnya ia tetap binasa[10]."

Muslim telah mengeluarkan satu hadith dengan sanadnya dari Aisyah r.a. katanya: Apabila turun ayat

"وأنذر عشيرتك الأقربين"

Nabi s.a.w. pun berdiri lalu bersabda:

يا فاطمة إبنة محمد. يا صفية إبنة عبدالمطلب. يا بني عبدالمطلب. لا أملك لكم من الله شيأ . سلوني من مالي ما شئتم

"Wahai Fatimah anak Muhammad! Wahai Safiyah anak Abdul Muttalib! Wahai Bani Abdul Muttalib! Aku tidak memilik apa-apa kuasa untuk mempertahankan kamu dari 'azab Allah. Pintalah apa sahaja yang kamu kehendaki dari hartaku."

Muslim dan at-Tirmizi telah mengeluarkan sebuah hadith dengan sanad-sanadnya dari Abu Hurairah katanya: Apabila turun ayat ini Rasulullah s.a.w. telah menyeru kaum Quraysy secara umum dan secara khusus dengan sabdanya:

يا معشر قريش أنقذوا أنفسكم من النار. يا معشر بني كعب أنقذوا أنفسكم من النار. يا فاطمة بنت محمد أنقذي نفسك من النار. فإني و الله لا أملك لكم من الله شيأً. إلا أن لكم رحما سأبلها ببلالها

"Wahai sekalian kaum Quraysy, selamatkanlah diri kamu dari api Neraka! Wahai sekalian suku K'ab, selamatkan diri kamu dari api Neraka! Wahai Fatimah binti Muhammad, selamatkanlah dirimu dari api Neraka, kerana sesungguhnya aku tidak memilik apa-apa kuasa untuk mempertahankan kamu dari 'azab Allah, kecuali kamu hanya mempunyai hubungan kekeluargaan sahaja (denganku), yang aku akan siraminya dengan siramannya yang wajar."

Hadith-hadith ini dan lainnya menunjukkan bagaimana Rasulullah s.a.w. menyambut perintah Allah itu dan bagaimana beliau menyampaikannya kepada kaum keluarganya yang dekat dan membersihkan tanggungjawabnya terhadap urusan diri mereka dan menyerahkan nasib mereka kepada keputusan Allah dalam urusan Akhirat, seterusnya beliau menjelaskan kepada mereka bahawa hubungan kekeluargaan mereka dengan beliau tidak dapat memberi apa-apa guna kepada mereka jika amalan mereka sendiri tidak dapat memberi faedah kepada mereka, dan beliau tidak mempunyai sebarang kuasa untuk menyelamatkan mereka dari 'azab Allah walaupun beliau utusan Allah. Inilah gambaran Islam yang terang dan jelas, iaitu gambaran yang menolak konsep orang tengah di antara Allah dan para hamba-Nya walaupun dari Rasul-Nya yang mulia sendiri.

Begitu juga Allah telah menjelaskan kepada Rasul-Nya bagaimana cara hendak melayani orang-orang yang beriman yang menyambut da'wah Allah darinya:

وَٱخْفِضْ جَنَاحَكَ لِمَنِ ٱتَّبَعَكَ مِنَ ٱلْمُؤْمِنِينَ ﴿٢١٥﴾

"Dan rendahkan sayapmu (rendahkanlah dirimu) kepada mereka yang mengikutmu dari orang-orang yang beriman."(215)

[10] *Ayat 1, Surah al-Masad.*

Akhlak Rasulullah S.A.W. Ialah Al-Qur'an

Itulah sifat lemah lembut, tawadhu' dan sopan santun yang digambarkan dengan cara yang begitu jelas dan hidup, iaitu gambaran penguncupan sayap seperti yang dilakukan oleh burung yang hendak turun dari penerbangannya. Itulah kelakuan Rasulullah s.a.w. dengan orang-orang yang beriman di sepanjang hidupnya. Tingkahlaku dan akhlak beliau ialah Al-Qur'an, iaitu segala tingkahlaku beliau merupakan suatu terjemahan yang hidup dan sempurna bagi Al-Qur'anul-Karim.

Begitu juga Allah menjelaskan kepada beliau cara melayani orang-orang yang derhaka kepada beliau dengan menyerahkan urusan mereka kepada Allah dan membersihkan tanggungjawabnya dari segala perbuatan derhaka yang dilakukan mereka:

فَإِنْ عَصَوْكَ فَقُلْ إِنِّي بَرِيٓءٌ مِّمَّا تَعْمَلُونَ ﴿٢١٦﴾

"Dan jika mereka menderhakakanmu, maka katakanlah: Sesungguhnya aku berlepas diri dari segala perbuatan yang dilakukan kamu."(216)

Hal ini berlaku semasa Rasulullah s.a.w. masih berada di Makkah dan belum diperintah memerangi kaum Musyrikin.

Kemudian Allah memerintah Rasulullah s.a.w. bertawajjuh kepada Allah yang sentiasa menjalinkan hubungan ri'ayah yang rapat dengan beliau:

وَتَوَكَّلْ عَلَى ٱلْعَزِيزِ ٱلرَّحِيمِ ﴿٢١٧﴾

ٱلَّذِى يَرَىٰكَ حِينَ تَقُومُ ﴿٢١٨﴾

وَتَقَلُّبَكَ فِى ٱلسَّٰجِدِينَ ﴿٢١٩﴾

"Dan bertawakkallah kepada Allah Yang Maha Perkasa dan Maha Pengasih(217). Yang sentiasa melihatmu ketika engkau berdiri (sembahyang)(218). Dan melihat gerak-gerimu dalam golongan mereka yang sujud itu(219). Sesungguhnya Allah Maha Mendengar dan Maha Mengetahui."

Rasulullah S.A.W. Sentiasa Berada Dalam Perhatian Allah

Biarkanlah mereka dengan penderhakaan mereka dan nyatakanlah bahawa engkau tidak bertanggungjawab terhadap perbuatan-perbuatan mereka yang derhaka itu, bertawajjuhlah kepada Allah dengan bertawakkal kepada-Nya dan memohon pertolongan-Nya dalam segala urusanmu. Dalam ayat ini Allah S.W.T. mensifatkan diri-Nya dengan dua sifat yang berulang-ulang di dalam surah ini iaitu sifat Gagah Perkasa dan sifat Pengasih.

Kemudian Allah menimbulkan di dalam hati Rasulullah s.a.w. perasaan kemesraan dan kehampiran dengan-Nya, kerana Allah sentiasa melihatnya sama ada ketika beliau berdiri seorang diri mengerjakan solat atau ketika beliau berada di dalam barisan solat berjamaah yang sedang melakukan sujud kepada Allah. Allah melihat beliau ketika beliau sendirian dan melihat beliau ketika berada bersama para jamaah yang hendak mendirikan solat, di mana beliau menjaga, mengatur dan mengimamkan sembahyang mereka dan bergerak di dalam kalangan mereka. Allah sentiasa melihat segala gerak-geri dan diam beliau dan sentiasa mendengar segala lintasan fikiran dan segala do'a dan permohonan beliau:

إِنَّهُۥ هُوَ ٱلسَّمِيعُ ٱلْعَلِيمُ ﴿٢٢٠﴾

"Sesungguhnya Allah Maha Mendengar dan Maha Mengetahui."(220)

Ungkapan ayat-ayat ini membayangkan wujudnya hubungan yang mesra dan rapat dan wujud perhatian dan 'inayah Ilahi. Beginilah keadaan hidup Rasulullah s.a.w. sentiasa merasa berada di dalam naungan dan pemeliharaan Allah, sentiasa berada di sisi dan dekat dengan Allah. Beliau selama-lamanya hidup dalam suasana kemesraan Ilahi yang luhur.

******

(Pentafsiran ayat-ayat 221 - 226)

Pusingan terakhir surah ini adalah berlegar di sekitar Al-Qur'an juga. Pada kali yang pertama Allah menegaskan bahawa Al-Qur'an ini adalah diturunkan dari Allah Tuhan semesta alam. Ia dibawa turun oleh ar-Ruhul-Amin (Jibril). Pada kali yang kedua Allah menafikan bahawa Al-Qur'an ini diturunkan oleh para syaitan, dan pada kali ini Allah menjelaskan bahawa para syaitan itu tidak layak untuk turun kepada orang yang seperti Muhammad s.a.w. kerana beliau adalah seorang yang beramanah, bercakap benar dan mempunyai jalan hidup yang betul, malah syaitan-syaitan itu hanya turun kepada setiap pendusta yang berdosa dan sesat yang terdiri dari para kahin yang menerima bisikan-bisikan syaitan kemudian mereka gembar-gemburkannya kepada orang ramai:

Syaitan Hanya Turun Kepada Setiap Pendusta

هَلْ أُنَبِّئُكُمْ عَلَىٰ مَن تَنَزَّلُ ٱلشَّيَٰطِينُ ﴿٢٢١﴾

تَنَزَّلُ عَلَىٰ كُلِّ أَفَّاكٍ أَثِيمٍ ﴿٢٢٢﴾

يُلْقُونَ ٱلسَّمْعَ وَأَكْثَرُهُمْ كَٰذِبُونَ ﴿٢٢٣﴾

"Adakah kamu suka aku memberitahu kamu, kepada siapakah turunnya para syaitan itu?(221). Mereka turun kepada setiap pendusta yang banyak berdosa(222). Mereka mendengar (kata-kata syaitan) dari kebanyakan mereka pendusta."(223)

Di dalam kalangan kaum Arab terdapat orang-orang yang digelarkan para kahin. Mereka mendakwa mendapat berita-berita dari makhluk jin. Orang ramai datang meminta pertolongan mereka dan

mempercayai ramalan-ramalan mereka, sedangkan kebanyakan mereka pembohong belaka. Orang ramai mempercayai mereka kerana terpengaruh dengan kekarutan-kekarutan dan kebohongan-kebohongan mereka. Mereka tidak pernah menyeru orang ramai kepada hidayat, tidak pernah menyuruh mereka bertaqwa dan tidak pernah memimpin mereka kepada keimanan. Sedangkan Rasulullah s. a.w. tidak begitu, kerana beliau menyeru manusia dengan Al-Qur'an kepada jalan hidup yang lurus.

Kaum Musyrikin kadang-kadang mengatakan Al-Qur'an ini sebagai gubahan-gubahan sajak dan mengatakan Rasulullah s.a.w. itu sebagai penyair. Mereka berada di dalam keadaan bingung dan kaget bagaimana hendak menghadapi madah Al-Qur'an yang tidak ada tolok bandingnya itu, iaitu satu bentuk madah yang terus menembusi hati manusia dan mengocakkan perasaan mereka, kemudian seterusnya menguasai iradat mereka hingga tidak berupaya lagi ditolak mereka.

Al-Qur'an Bukannya Anthologi Sajak Dan Muhammad S.A.W. Bukannya Seorang Penyajak

Kemudian Al-Qur'an menjelaskan kepada mereka di dalam surah ini bahawa jalan Muhammad s.a.w. dan jalan hidup yang diperjuangkan oleh Al-Qur'an adalah berlainan sama sekali dari jalan para penyair dan jalan hidup yang diperjuangkan sajak, kerana perjuangan Al-Qur'an adalah dilandaskan di atas jalan yang terang dan jelas. Ia menyeru kepada satu maltamat yang tertentu. Ia bertolak mengikut jalan yang lurus menuju matlamat itu, sementara Rasulullah s.a.w. pula tidak pernah mengatakan pada hari ini sesuatu yang akan dinafikannya pada hari esok. Beliau tidak pernah terikut-ikut kepada kehendak-kehendak perasaan dan sentimen-sentimen yang berubah-ubah, malah beliau tetap memperjuangkan da'wah dan 'aqidah, tetap meneruskan perjuangannya mengikut jalan yang lurus tanpa sebarang bengkok dan belok, sedangkan para penyair tidak begitu, kerana mereka adalah para tawanan emosi-emosi dan sentimen-sentimen yang berubah-ubah. Mereka diperintah dan dikuasai perasaan-perasaan mereka sendiri dan perasaan-perasaan inilah yang mendorong mereka mengungkapkan kehendak-kehendak perasaan-perasaan itu. Dalam satu ketika mereka memandang sesuatu persoalan itu hitam dan dalam satu ketika yang lain pula mereka memandang persoalan itu putih. Apabila hati mereka merasa senang mereka meluahkan madah (yang manis), tetapi apabila hati mereka meradang mereka meluahkan madah (yang panas) pula. Mereka mempunyai mood dan tabi'at yang tidak mantap dalam satu keadaan.

Jurang Perbezaan Di Antara Seorang Rasul Dengan Seorang Penyajak

Di samping itu para penyair gemar mewujudkan alam-alam fantasi yang dihayati mereka. Mereka khayalkan berbagai-bagai tindakan dan berbagai-bagai akibat kemudian mereka anggapkannya sebagai suatu hakikat yang benar yang mempengaruhi jiwa mereka. Oleh sebab itulah para penyair kurang berminat dengan perkara-perkara yang wujud di alam kenyataan kerana mereka menciptakan sebuah alam yang lain di dalam khayal mereka sendiri dan di sinilah mereka hidup.

Tetapi perjuangan seorang rasul yang memperjuangkan da'wah yang tertentu itu tentulah tidak sama dengan cara hidup para penyair, kerana dia mahu menegakkan da'wah itu di alam kenyataan dan di dalam dunia manusia. Dia mempunyai matlamat dan program yang tertentu. Dia mempunyai jalan perjuangan yang diikutinya dan dia meneruskan perjuangannya mengikut jalan itu menuju kepada matlamatnya dengan mata dan hati yang terbuka dan dengan akal yang sedar. Dia tidak puas dengan khayalan dan tidak puas dengan impian-impian sehingga menjadi kenyataan di dalam alam manusia.

Oleh itu jalan perjuangan Rasulullah s.a.w. dan jalan hidup para penyair adalah sama sekali berlainan tanpa sebarang kekeliruan lagi, kerana persoalan ini amat terang dan jelas:

وَٱلشُّعَرَآءُ يَتَّبِعُهُمُ ٱلۡغَاوُۥنَ ٢٢٤
أَلَمۡ تَرَ أَنَّهُمۡ فِي كُلِّ وَادٖ يَهِيمُونَ ٢٢٥
وَأَنَّهُمۡ يَقُولُونَ مَا لَا يَفۡعَلُونَ ٢٢٦

"Dan para penyair adalah diikuti mereka yang sesat(224). Tidakkah engkau melihat mereka merayau-rayau di segenap lembah(225). Dan mereka memperkatakan sesuatu yang mereka tidak buat."(226)

Mereka mengikut mood dan perasaan dan oleh sebab itulah mereka diikuti oleh orang-orang sesat yang merayau-rayau dalam arus perasaan tanpa mempunyai sesuatu program dan matlamat.

Mereka merayau-rayau dan mengembara di segenap perlembahan perasaan, perlembahan fahaman dan perlembahan kata-kata mengikut bentuk emosi yang menguasai jiwa mereka dalam detik-detik tertentu di bawah sesuatu pengaruh tertentu.

Mereka mengatakan sesuatu yang mereka tidak amalkan, kerana mereka hidup di dalam alam-alam dari ciptaan khayal dan perasaan mereka sendiri, iaitu alam yang diutamakan mereka dari alam realiti hidup yang tidak disukai mereka. Oleh sebab itulah banyak perkara yang diperkatakan mereka tetapi tidak dibuat oleh mereka, kerana mereka hidup di alam fantasia yang tidak mempunyai realiti dan hakikat di dalam dunia manusia yang dapat dilihat.

Tabi'at Islam - selaku satu sistem hidup yang sempurna yang disediakan untuk ditegakkan di alam realiti hidup dan selaku satu harakat agung di dalam dhamir yang tersembunyi dan di dalam kedudukan-kedudukan kehidupan yang lahir - adalah tidak sesuai dengan tabi'at para penyair yang biasa dikenali

manusia, kerana penyair hanya menciptakan sesuatu impian di dalam hatinya kemudian dia berpuas hati dengannya, tetapi Islam mahu melaksanakan impian itu dan berusaha ke arah menegakkannya (di alam realiti). Islam menyalurkan seluruh perasaan manusia untuk menegakkan sesuatu contoh yang luhur itu di alam realiti.

Islam mahu manusia menghadapi kenyataan-kenyataan hidup bukannya melarikan diri ke alam khayal. Apabila kenyataan-kenyataan hidup itu tidak disukai mereka atau bercanggah dengan cara hidup Islam yang menguasai mereka, maka Islam mendorong mereka supaya bertindak mengubahkannya dan menegakkan cara hidup yang dikehendaki Islam.

Oleh sebab itu di dalam tenaga manusia tidak ada tenaga lebihan untuk impian-impian yang terbang mengembara dan merayau-rayau, kerana Islam menggunakan seluruh tenaga itu untuk menegakkan cita-cita dan impian-impian yang luhur mengikut sistem hidupnya yang agung.

Islam Tidak Menentang Sajak

Walaupun demikian, Islam tidaklah memerangi sajak dan seni itu sendiri sebagaimana yang dapat difaham dari kata-kata zahir ayat-ayat itu, malah Islam hanya memerangi cara yang diikuti oleh sajak dan seni itu sahaja, iaitu cara mengikut perasaan dan emosi tanpa pengawal, dan cara mengelamun dalam impian-impian kosong tanpa berusaha melaksanakannya. Tetapi apabila jiwa manusia mantap dan tegak di atas sistem hidup Islam hingga dapat melahirkan hasil-hasil sajak dan seni yang terbit dari perasaan-perasaan yang dipengaruhi oleh ajaran-ajaran Islamiyah dan dalam waktu yang sama juga berusaha untuk menegakkan perasaan-perasaan yang luhur itu di alam kenyataan tanpa berpada dengan hanya menciptakan alam-alam khayal untuk dihayatinya dan meninggalkan alam kenyataan hidup dalam keadaan yang buruk, mundur dan hodoh!... Apabila jiwa manusia mempunyai satu program hidup yang tetap yang menuju kepada satu matlamat Islamiyah... apabila jiwa manusia memandang dunia dari kacamata Islam dan dengan sorotan cahaya Islam kemudian mengungkapkan seluruhnya dalam bentuk sajak dan seni, maka di waktu itulah Islam tidak menentang sajak dan tidak memerangi seni itu sebagaimana yang dapat difaham dari kata-kata zahir ayat-ayat ini.

Al-Qur'an telah menarik hati dan akal manusia supaya merenungi keindahan-keindahan alam buana dan memikirkan rahsia-rahsia jiwa manusia yang tersembunyi. Kedua-dua ini merupakan bahan-bahan pengolahan sajak dan seni. Di dalam Al-Qur'an sendiri terdapat pengungkapan-pengungkapan seni ketika berdepan dengan keindahan-keindahan penciptaan alam buana dan jiwa, iaitu pengungkapan-pengungkapan seni yang tidak dapat dicapai oleh mana-mana sajak dari segi kehalusan penggambaran, kedalaman pengertian dan kehebatan cara menayangkan keindahan dan kecantikan itu.

Oleh sebab itulah Al-Qur'anul-Karim membuat satu pengecualian dari sifat umum para penyair itu:

إِلَّا ٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ وَعَمِلُوا۟ ٱلصَّٰلِحَٰتِ وَذَكَرُوا۟ ٱللَّهَ
كَثِيرًا وَٱنتَصَرُوا۟ مِنۢ بَعْدِ مَا ظُلِمُوا۟ ۗ وَسَيَعْلَمُ ٱلَّذِينَ
ظَلَمُوٓا۟ أَىَّ مُنقَلَبٍ يَنقَلِبُونَ ﴿٢٢٧﴾

"Melainkan orang-orang yang beriman dan mengerjakan amalan yang soleh dan banyak menyebut Allah dan mendapat kemenangan setelah menderita kezaliman."(227)

Penyair-penyair ini tidak termasuk di dalam sifat umum para penyair itu, kerana mereka adalah orang-orang yang beriman. Hati mereka dipenuhi 'aqidah dan cara hidup mereka tegak di atas sistem hidup Ilahi. Mereka mengerjakan amalan-amalan yang soleh. Oleh sebab itulah seluruh tenaga mereka disalurkan kepada kerja-kerja yang baik dan elok. Mereka tidak hanya berpada dengan khayalan-khayalan dan impian-impian. Mereka berjuang mencapai kemenangan setelah mereka menderita kezaliman. Mereka mempunyai perjuangan, di mana mereka menghabiskan daya tenaga mereka menolong agama yang benar yang dianuti mereka.

Tokoh-tokoh Penyajak Islam Di Zaman Rasulullah S.A.W.

Di antara para penyair Mu'min yang mempertahankan 'aqidah Islam dan Rasulullah s.a.w. dalam masa perjuangan dengan kepercayaan syirik dan kaum Musyrikin di zaman Rasulullah s.a.w. ialah Hassan ibn Thabit, Ka'b ibn Malik dan Abdullah ibn Rawahah r.a. Mereka adalah tokoh-tokoh penyair kaum Ansar. Di antara mereka lagi ialah Abdullah ibn az-Ziba'ra dan Abu Sufyan ibn al-Harith ibn Abdul Muttalib. Kedua-dua penyair ini pernah mencaci Rasulullah s.a.w. dengan sajak-sajak mereka semasa mereka berada dalam masa jahiliyah dan setelah memeluk Islam mereka telah menunjukkan keislaman mereka yang baik. Mereka memuji Rasulullah s.a.w. dan mempertahankan agama Islam dengan sajak-sajak mereka.

Tersebut di dalam sebuah hadith yang sahih bahawa Rasulullah s.a.w. telah menyuruh Hassan:

اهجهم – أو قال هاجهم – وجبريل معك

"Cacilah mereka (penyair-penyair Musyrikin dengan sajak-sajakmu) dan ingatlah bahawa Jibril bersamamu."

Dari Abdul Rahman ibn K'ab daripada bapanya katanya: Dia berkata kepada Nabi s.a.w.: Bahawa Allah Azzawajalla telah pun menurunkan ayat-ayat

mengenai para penyair (jadi sekarang bagaimana?) Lalu Rasulullah s.a.w. bersabda:

إن المؤمنون يجاهد بسيفة ولسانه، والذي نفسي بيده لكأن ما ترمونهم به نضح النبل

"Sesungguhnya seorang Mu'min itu adalah berjihad dengan pedang dan lidahnya. Demi Allah yang jiwaku di tangan-Nya, sajak-sajak yang kamu lontarkan kepada mereka (penyair Musyrikin) seolah-olah sama dengan lontaran anak-anak panah."[11]

Ke Arah Penciptaan Sajak Dan Seni Islam

Bentuk-bentuk untuk mewujudkan sajak Islam dan seni Islam itu banyak dan bukannya hanya bentuk ini sahaja yang wujud kerana mengikut kehendak-kehendak keadaan. Cukuplah sajak dan seni itu terpancar dari kefahaman Islam terhadap hidup dari mana-mana sudutnya untuk menjadikannya sebuah sajak atau sebuah karya seni yang diredhai Islam.

Tidak perlu sajak Islam itu merupakan sajak yang mempertahan Islam dan mendorongkan ke arahnya begitu juga tidak perlu sajak itu merupakan sajak da'wah secara langsung kepada Islam atau sajak memuji Islam atau mengagung-agungkan hari-hari bersejarah Islam atau tokoh-tokoh Islam. Tidak perlu sajak itu mengolahkan maudhu'-maudhu' ini untuk menjadikannya sebuah sajak Islam. Mana-mana sajak yang menggambarkan pandangan ingsutan hari malam dan pemandangan hembusan-hembusan nafas waktu pagi yang dicampurkan dengan emosi seorang Muslim yang menghubungkan pemandangan-pemandangan ini di dalam hatinya dengan Allah, maka itulah sajak Islam. Gambaran detik-detik gemilang berhubung dengan Allah atau dengan alam buana yang diciptakan Allah sudah cukup untuk menciptakan sebuah sajak yang diredhai Islam. Yang menjadi persimpangan jalan ialah Islam mempunyai kefahaman dan konsep yang tertentu terhadap seluruh kehidupan ini dan segala hubungan dan pertaliannya. Oleh itu apa sahaja bentuk sajak yang terbit dari kefahaman dan konsep ini maka itulah sajak yang diredhai Islam.

******

(Pentafsiran ayat 227)

Surah ini diakhiri dengan satu ancaman yang halus dan ringkas:

وَسَيَعْلَمُ ٱلَّذِينَ ظَلَمُوٓا۟ أَىَّ مُنقَلَبٍ يَنقَلِبُونَ ﴿٢٢٧﴾

"Dan mereka yang zalim itu akan mengetahui ke tempat mana mereka akan kembali."(227)

Surah ini mengandungi gambaran kedegilan dan keangkuhan kaum Musyrikin yang mempermain-mainkan ancaman Allah dan meminta disegerakan 'azab Allah, juga mengandungi kisah-kisah kebinasaan para pendusta di sepanjang zaman kedatangan para rasul di sepanjang abad itu, dan ia berakhir dengan ancaman yang menakutkan ini, iaitu sebuah ancaman yang menyaripatikan maudhu' surah ini. Ia merupakan seolah-olah sebuah nada kenyataan akhir yang ngeri, yang menjelma di dalam berbagai-bagai rupa, yang dapat digambar dan diduga oleh khayal. Ia menggoncangkan hati orang-orang kafir yang zalim dengan goncangan yang amat kuat.

******

[11] *Diriwayatkan oleh Imam Ahmad.*

JUZU' KE-19

SURAH AN-NAML

SURAH KE

27

سُورَةُ النَّمۡلِ

SURAH AN-NAML

JUMLAH AYAT

93

Surah Semut

(Makkiyah)

بِسۡمِ ٱللَّهِ ٱلرَّحۡمَٰنِ ٱلرَّحِيمِ

Dengan nama Allah
Yang Maha Penyayang dan Maha Pengasih

(Kumpulan ayat-ayat 1 - 6)

طسٓۚ تِلۡكَ ءَايَٰتُ ٱلۡقُرۡءَانِ وَكِتَابٖ مُّبِينٍ ١
هُدٗى وَبُشۡرَىٰ لِلۡمُؤۡمِنِينَ ٢
ٱلَّذِينَ يُقِيمُونَ ٱلصَّلَوٰةَ وَيُؤۡتُونَ ٱلزَّكَوٰةَ وَهُم
بِٱلۡأٓخِرَةِ هُمۡ يُوقِنُونَ ٣
إِنَّ ٱلَّذِينَ لَا يُؤۡمِنُونَ بِٱلۡأٓخِرَةِ زَيَّنَّا لَهُمۡ أَعۡمَٰلَهُمۡ فَهُمۡ
يَعۡمَهُونَ ٤
أُوْلَٰٓئِكَ ٱلَّذِينَ لَهُمۡ سُوٓءُ ٱلۡعَذَابِ وَهُمۡ فِي ٱلۡأٓخِرَةِ هُمُ
ٱلۡأَخۡسَرُونَ ٥
وَإِنَّكَ لَتُلَقَّى ٱلۡقُرۡءَانَ مِن لَّدُنۡ حَكِيمٍ عَلِيمٍ ٦

"Taa, Siin, itulah ayat-ayat Al-Qur'an dan kitab yang amat nyata(1). Sebagai pedoman hidayat dan berita gembira kepada para Mu'minin(2). Iaitu orang-orang yang mendirikan solat dan mengeluarkan zakat, dan mereka yakin kepada hari Akhirat(3). Sesungguhnya orang-orang yang tidak beriman kepada hari Akhirat itu Kami dandankan amalan-amalan mereka (yang buruk) kerana itu mereka meraba-raba di dalam kesesatan(4). Merekalah orang-orang yang akan mendapat azab seksa yang buruk dan di Akhirat pula merekalah orang-orang yang paling rugi(5). Dan sesungguhnya engkau dikurniakan Al-Qur'an dari sisi Allah Yang Maha Bijaksana dan Maha Mengetahui."(6).

(Latar belakang dan pokok pembicaraan)

Surah ini ialah Surah Makkiyah yang diturunkan selepas Surah asy-Syua'ara. Ia mengemukakan pembicaraannya dengan pendahuluan dan kesimpulan yang memperlihatkan maudhu' yang diolahkan olehnya. Kisah-kisah yang dibentangkan di antara pendahuluan dan kesimpulan itu dapat menolong menggambarkan maudhu' ini. Kisah-kisah itu memantapkan maudhu' ini dan memperlihatkan pendirian-pendirian yang tertentu untuk membandingkan di antara pendirian kaum Musyrikin di Makkah dengan pendirian kaum Musyrikin dari berbagai-bagai umat yang lampau sebelum mereka supaya menjadi contoh teladan dan titik menungan terhadap Sunnatullah dan undang-undang da'wah.

Seperti Surah-surah Makkiyah yang lain, maudhu' utama surah ini ialah persoalan 'aqidah iaitu persoalan beriman kepada Allah dan beribadat kepada-Nya sahaja, juga persoalan beriman kepada hari Akhirat termasuk persoalan pahala dan hukuman seksa pada hari itu, dan seterusnya beriman kepada wahyu dan percaya bahawa segala urusan yang ghaib adalah milik ilmu Allah, tiada sesiapa pun yang mengetahuinya melainkan Allah. Keimanan ialah mempercayai bahawa Allahlah Pencipta, Pemberi rezeki dan Pengurnia ni'mat. Keimanan ialah membimbing hati supaya mensyukuri ni'mat-ni'mat Allah yang dikurniakan kepada manusia. Keimanan ialah mempercayai bahawa seluruh daya upaya dan kekuatan itu adalah milik Allah. Tiada daya upaya dan tiada kekuatan melainkan dengan izin Allah.

Kisah-kisah (dalam surah ini) di bawa untuk memantapkan konsep-konsep ini dan menggambarkan akibat orang-orang yang mendustakannya dan akibat-akibat baik yang diterima oleh orang-orang yang beriman.

Satu babak dari kisah Musa a.s. telah di bawa selepas pendahuluan surah ini, iaitu babak beliau melihat api dan bagaimana beliau pergi mendapatkannya, bagaimana beliau diseru dari alam al-Mala'ul-'Ala dan bagaimana beliau ditugas menyampaikan risalah kepada Fir'aun dan kuncu-kuncunya. Kemudian Al-Qur'an dengan segera menceritakan tindakan mereka mendustakan bukti-bukti kekuasaan Allah; sedangkan mereka yakin kepada kebenarannya dan seterusnya menceritakan akibat pendustaan yang dilakukan selepas wujudnya keyakinan kepada kebenarannya.

وَجَحَدُواْ بِهَا وَٱسۡتَيۡقَنَتۡهَآ أَنفُسُهُمۡ ظُلۡمٗا وَعُلُوّٗاۚ
فَٱنظُرۡ كَيۡفَ كَانَ عَٰقِبَةُ ٱلۡمُفۡسِدِينَ ١٤

"Dan mereka telah mengingkarinya sedangkan hati mereka yakinkan kebenarannya kerana sikap mereka yang zalim dan angkuh. Oleh itu lihatlah bagaimana kelak kesudahan orang-orang yang melakukan kerosakan."(14)

Demikianlah juga keadaan pendirian kaum Musyrikin di Makkah terhadap ayat-ayat Al-Qur'an yang amat nyata kebenarannya itu.

Selepas itu disebut pula tentang ni'mat Allah yang dikurniakan kepada Nabi Daud dan Nabi Sulaiman 'Alaihimas-salam, kemudian kisah Nabi Sulaiman dengan semut, dengan burung hudhud dan dengan ratu negeri Saba' dan kaumnya. Di dalam kisah ini ternyatalah betapa besarnya ni'mat Allah yang dikurniakan kepada Nabi Daud dan Sulaiman dan bagaimana kedua-duanya bersyukur terhadap ni'mat-ni'mat itu, iaitu ni'mat ilmu, ni'mat memegang kuasa kerajaan dan ni'mat nubuwah serta ni'mat penundukkan jin dan burung-burung di bawah perintah Sulaiman a.s. Di dalam kisah-kisah itu juga jelas diterangkan dasar-dasar 'aqidah (agama Allah) yang diseru oleh setiap rasul dan ditonjolkan secara khusus cerita bagaimana ratu negeri Saba' dan kaumnya itu menyambut kitab (surat) Sulaiman salah seorang dari para hamba kesayangan-Nya dibandingkan dengan sambutan kaum Quraysy terhadap kitab Allah. Mereka mendusta dan mengingkarkannya, sedangkan ratu negeri Saba' dan kaumnya beriman dan menyerah diri kepada Allah. Allahlah yang telah mengurniakan ni'mat-ni'mat itu kepada Nabi Sulaiman dan menundukkan jin dan burung di bawah perintahnya. Allahlah yang memiliki segala-galanya dan Dialah yang mengetahui segala-galanya. Kebesaran kerajaan Nabi Sulaiman dan ilmunya itu hanya merupakan setitis dari limpah kurnia Allah yang tidak pernah surut.

Kemudian diiringi pula dengan kisah Nabi Soleh a.s. dengan kaumnya Thamud dan di dalam kisah ini diperlihatkan bagaimana golongan perosak dari kaum Thamud berkomplot menentang Nabi Soleh dan keluarganya dan bagaimana mereka merancang untuk membunuh beliau kemudian diterangkan pula bagaimana Allah bertindak balas terhadap kaum itu dan bagaimana kisah keselamatan Nabi Soleh dan orang-orang yang beriman yang ada bersamanya dan bagaimana kaum Thamud dibinasakan bersama-sama para pengatur komplot itu:

فَتِلْكَ بُيُوتُهُمْ خَاوِيَةًۢ بِمَا ظَلَمُوٓا۟ ۗ إِنَّ فِى ذَٰلِكَ
لَءَايَةً لِّقَوْمٍ يَعْلَمُونَ ﴿٥٢﴾

"Maka itulah rumah-rumah mereka yang runtuh ranap dengan sebab mereka melakukan kezaliman sesungguh-nya peristiwa itu menjadi contoh teladan kepada orang-orang yang mengetahui."(52)

Kaum Quraysy juga telah berkomplot menentang Rasulullah s.a.w. dan merancang untuk membunuhnya sebagaimana kaum Thamud merancangkan untuk membinasakan Nabi Soleh dan orang-orang yang beriman.

Kemudian kisah-kisah itu ditamatkan dengan kisah Nabi Lut bersama kaumnya yang telah berazam untuk menghalaukan beliau bersama orang-orang yang beriman dari kampung mereka dengan alasan kerana mereka merupakan golongan manusia yang bersih. Kisah ini selanjutnya menceritakan bagaimana akibat yang telah menimpa kaum Thamud apabila Lut berhijrah dari kalangan mereka-dan meninggalkan mereka kepada kebinasaan:

وَأَمْطَرْنَا عَلَيْهِم مَّطَرًا ۖ فَسَآءَ مَطَرُ ٱلْمُنذَرِينَ ﴿٥٨﴾

"Dan Kami telah menurunkan hujan ke atas mereka, maka amatlah buruk hujan yang ditimpa ke atas mereka yang telah diberi amaran."(58)

Kaum Quraysy juga telah berazam untuk mengusir keluar Rasulullah s.a.w. dan orang-orang yang beriman yang ada bersamanya, dan mereka telah mengatur komplot-komplot untuk tujuan itu sebelum beliau berhijrah meninggalkan mereka.

Setelah tamat kisah-kisah itu Al-Qur'an menyampaikan kesimpulan:

قُلِ ٱلْحَمْدُ لِلَّهِ وَسَلَٰمٌ عَلَىٰ عِبَادِهِ ٱلَّذِينَ ٱصْطَفَىٰٓ ۗ
ءَآللَّهُ خَيْرٌ أَمَّا يُشْرِكُونَ ﴿٥٩﴾

"Katakanlah: 'Alhamdulillah dan semoga dilimpahkan rahmat-Nya ke atas para hamba-Nya yang dipilihkan-Nya. Apakah Allah itu lebih baik atau tuhan-tuhan yang dipersekutukan mereka?"(59)

Kemudian Al-Qur'an membawa mereka menjelajah meninjau pemandangan-pemandangan alam buana dan pendalaman-pendalaman jiwa. Di sana ia memperlihatkan qudrat Allah Tuhan Pencipta, Pentadbir dan Pemberi rezeki yang mengetahui segala perkara yang ghaib dan seluruh manusia akan pulang kepada-Nya. Kemudian ia membentangkan kepada mereka salah satu alamat Qiamat dan beberapa pemandangan hari Qiamat dan malapetaka yang menunggu pendusta-pendusta hari Qiamat pada hari yang amat besar itu.

Kemudian surah ini ditamatkan dengan satu kenyataan yang selaras dengan maudhu' dan suasana surah:

إِنَّمَآ أُمِرْتُ أَنْ أَعْبُدَ رَبَّ هَٰذِهِ ٱلْبَلْدَةِ ٱلَّذِى
حَرَّمَهَا وَلَهُۥ كُلُّ شَىْءٍ ۖ وَأُمِرْتُ أَنْ أَكُونَ مِنَ
ٱلْمُسْلِمِينَ ﴿٩١﴾
وَأَنْ أَتْلُوَا۟ ٱلْقُرْءَانَ ۖ فَمَنِ ٱهْتَدَىٰ فَإِنَّمَا يَهْتَدِى
لِنَفْسِهِۦ ۖ وَمَن ضَلَّ فَقُلْ إِنَّمَآ أَنَا۠ مِنَ ٱلْمُنذِرِينَ ﴿٩٢﴾
وَقُلِ ٱلْحَمْدُ لِلَّهِ سَيُرِيكُمْ ءَايَٰتِهِۦ فَتَعْرِفُونَهَا ۚ وَمَا
رَبُّكَ بِغَٰفِلٍ عَمَّا تَعْمَلُونَ ﴿٩٣﴾

"Aku hanya diperintah menyembah Tuhan negeri ini (Makkah) yang telah menjadikannya negeri suci dan Dia memiliki segala, sesuatu dan aku diperintah supaya aku menjadi dari golongan para Muslimin(91). Dan supaya aku membaca Al-Qur'an. Oleh itu barang siapa yang menerima hidayat, maka sesungguhnya dia menerima hidayat untuk kebaikan dirinya, dan barang siapa yang sesat, maka katakanlah: Sesungguhnya aku hanya salah seorang dari para pemberi peringatan sahaja(92). Dan ucapkanlah: Alhamdulillah. Dia (Allah) akan memperlihatkan kepada kamu bukti-bukti kekuasaan-Nya dan kamu akan mengetahuinya. Dan Tuhanmu tidak sekali-kali lalai dari apa yang dilakukan kamu."(93)

******

Yang banyak ditekankan di dalam surah ini ialah penjelasan mengenai ilmu Allah yang sempurna, yang mengetahui zahir dan batin dan terutama ilmu Allah mengenai urusan-urusan yang ghaib dan bukti-buktinya yang dilihat pada alam buana, yang dibentangkan kepada manusia, juga ilmu yang dikurniakan kepada Nabi Daud dan Sulaiman 'alaihimas-salam dan ilmu percakapan burung yang diajarkan kepada Sulaiman yang disanjung-sanjungkan. Oleh kerana itu ia menyebut pendahuluan surah:

وَإِنَّكَ لَتُلَقَّى ٱلْقُرْءَانَ مِن لَّدُنْ حَكِيمٍ عَلِيمٍ ﴿٦﴾

"Dan sesungguhnya engkau dikurniakan Al-Qur'an dari sisi Allah Yang Maha Bijaksana dan Maha Mengetahui."(6)

Kemudian dikemukakan kesimpulan:

قُل لَّا يَعْلَمُ مَن فِي ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَٱلْأَرْضِ ٱلْغَيْبَ إِلَّا ٱللَّهُ ۚ
وَمَا يَشْعُرُونَ أَيَّانَ يُبْعَثُونَ ﴿٦٥﴾
بَلِ ٱدَّٰرَكَ عِلْمُهُمْ فِي ٱلْءَاخِرَةِ ۚ بَلْ هُمْ فِي شَكٍّ مِّنْهَا ۖ
بَلْ هُم مِّنْهَا عَمُونَ ﴿٦٦﴾

"Katakanlah: Tiada sesiapa pun di langit dan di bumi yang mengetahui urusan ghaib melainkan Allah dan mereka juga tidak sedar bilakah mereka akan dibangkitkan(65). Malah ilmu pengetahuan mereka tidak sampai ke Akhirat, malah mereka berada dalam keraguan terhadapnya, malah mereka buta darinya(66).

وَإِنَّ رَبَّكَ لَيَعْلَمُ مَا تُكِنُّ صُدُورُهُمْ وَمَا يُعْلِنُونَ ﴿٧٤﴾
وَمَا مِنْ غَآئِبَةٍ فِي ٱلسَّمَآءِ وَٱلْأَرْضِ إِلَّا فِي كِتَٰبٍ
مُّبِينٍ ﴿٧٥﴾

"Dan sesungguhnya Tuhanmu amat mengetahui segala apa yang disembunyikan dada mereka dan segala apa yang dinyatakan mereka(74). Dan tiada suatu yang ghaib di langit dan di bumi melainkan (semuanya) tercatat dalam kitab yang amat terang."(75)

Pada akhir surah diterangkan:

وَقُلِ ٱلْحَمْدُ لِلَّهِ سَيُرِيكُمْ ءَايَٰتِهِۦ فَتَعْرِفُونَهَا ۚ وَمَا
رَبُّكَ بِغَٰفِلٍ عَمَّا تَعْمَلُونَ ﴿٩٣﴾

"Dan ucapkanlah: Alhamdulillah. Dia (Allah) akan memperlihatkan kepada kamu bukti-bukti kekuasaan-Nya dan kamu akan mengetahuinya. Dan Tuhanmu tidak sekali-kali lalai dari apa yang dilakukan kamu."(93)

Di dalam kisah Nabi Sulaiman a.s. pula disebut:

وَلَقَدْ ءَاتَيْنَا دَاوُۥدَ وَسُلَيْمَٰنَ عِلْمًا ۖ وَقَالَا ٱلْحَمْدُ لِلَّهِ
ٱلَّذِي فَضَّلَنَا عَلَىٰ كَثِيرٍ مِّنْ عِبَادِهِ ٱلْمُؤْمِنِينَ ﴿١٥﴾

"Dan sesungguhnya Kami telah mengurniakan ilmu pengetahuan kepada Daud dan Sulaiman dan kedua-duanya berkata: Segala kepujian terpulang kepada Allah yang telah melebihkan Kami ke atas sebilangan yang ramai dari para hamba-Nya yang beriman."(15)

Juga disebut di dalam perkataan Nabi Sulaiman a.s.:

وَوَرِثَ سُلَيْمَٰنُ دَاوُۥدَ ۖ وَقَالَ يَٰٓأَيُّهَا ٱلنَّاسُ عُلِّمْنَا
مَنطِقَ ٱلطَّيْرِ وَأُوتِينَا مِن كُلِّ شَيْءٍ ۖ إِنَّ هَٰذَا لَهُوَ ٱلْفَضْلُ
ٱلْمُبِينُ ﴿١٦﴾

"Dan Sulaiman telah mewarisi Daud dan dia berkata: Wahai manusia! Kami telah diajar ilmu bahasa burung dan kami telah dikurniakan segala sesuatu. Sesungguhnya pemberian ini adalah limpah kurnia Allah yang amat nyata."(16)

Juga disebut di dalam perkataan burung Hudhud.

أَلَّا يَسْجُدُوا۟ لِلَّهِ ٱلَّذِي يُخْرِجُ ٱلْخَبْءَ فِي ٱلسَّمَٰوَٰتِ
وَٱلْأَرْضِ وَيَعْلَمُ مَا تُخْفُونَ وَمَا تُعْلِنُونَ ﴿٢٥﴾

"(Tujuan syaitan berbuat demikian) supaya mereka tidak menyembah Allah yang berkuasa melahirkan segala sesuatu yang tersembunyi di langit dan di bumi dan mengetahui segala apa yang disembunyikan kamu dan segala apa yang dinyatakan kamu."(25)

Apabila Nabi Sulaiman a.s. mahu supaya singgahsana ratu negeri Saba' itu di bawa kepadanya, maka jin Afrit tidak sanggup membawa istana itu dalam masa sekelip mata sahaja, tetapi yang sanggup berbuat begitu ialah:

قَالَ ٱلَّذِي عِندَهُۥ عِلْمٌ مِّنَ ٱلْكِتَٰبِ أَنَا۠ ءَاتِيكَ بِهِۦ قَبْلَ
أَن يَرْتَدَّ إِلَيْكَ طَرْفُكَ ۚ

"Lalu berkatalah seorang yang mempunyai ilmu dari Al-kitab: Saya sanggup membawa singgahsana itu sebelum mata anda berkelip."(40)

Demikianlah ditonjolkan sifat ilmu Allah itu di dalam suasana surah ini yang dipayungi dengan berbagai-bagai pengertian di sepanjang penerangannya dari permulaan surah hingga ke akhirnya. Seluruh penerangan surah dibuat mengikut tertib yang kami telah terangkan tadi. Sekarang kami mulakan pentafsiran surah ini secara terperinci:

******

(Pentafsiran ayat-ayat 1 - 6)

طسٓ تِلۡكَ ءَايَٰتُ ٱلۡقُرۡءَانِ وَكِتَابٖ مُّبِينٍ ١

"Taa, Siin, itulah ayat-ayat Al-Qur'an dan kitab yang amat nyata."(1)

Huruf-huruf potongan "Taa, Sin" itu ialah untuk mengingatkan bahawa huruf-huruf itulah bahan pertama yang digunakan untuk menggubahkan surah ini dan Al-Qur'an seluruhnya. Huruf-huruf ini boleh digunakan oleh semua orang yang bertutur di dalam bahasa Arab, tetapi mereka tidak berupaya untuk mengarang sebuah kitab seperti Al-Qur'an ini setelah dicabar dan dikemukakan hujjah yang melemahkan mereka. Selepas peringatan itu disebut Al-Qur'an **"Itulah ayat-ayat Al-Qur'an dan kitab yang amat nyata itu."**

Yang dimaksudkan dengan kitab ialah Al-Qur'an sendiri dan ia disebut dengan sifat ini di sini mengikut yang ternampak kepada kami ialah untuk membuat perbandingan secara halus di antara sambutan kaum Musyrikin Makkah terhadap kitab yang diturunkan kepada mereka dari Allah dengan sambutan ratu negeri Saba' terhadap kitab (surat) yang dikirimkan oleh Nabi Sulaiman a.s. kepada mereka, sedangkan beliau hanya seorang hamba dari hamba-hamba Allah sahaja.

Kemudian dia sifatkan Al-Qur'an atau kitab itu sebagai:

هُدٗى وَبُشۡرَىٰ لِلۡمُؤۡمِنِينَ ٢

"Pedoman hidayat dan berita gembira kepada para Mu'minin."(2)

Al-Qur'an Hanya Menembusi Hati Yang Beriman

Ungkapan ini lebih indah dari andaian diungkapkan dengan "padanya terdapat pedoman hidayat dan berita gembira kepada para Mu'minin", kerana ungkapan Al-Qur'an tadi menjadikan seluruh bahan dan hakikat Al-Qur'an sebagai pedoman hidayat dan berita gembira kepada para Mu'minin. Al-Qur'an memberi hidayat kepada orang-orang yang beriman di segenap jalan dan mengemukakan berita-berita gembira kepada mereka dalam kehidupan dunia dan Akhirat.

Pengkhususan orang-orang yang beriman dengan hidayat dan berita gembira itu mengandungi satu hakikat yang amat besar dan mendalam. Sesungguhnya Al-Qur'an itu bukanlah sebuah kitab ilmu teori atau ilmu amali yang dapat dimanfa'atkan oleh orang yang membaca dan menatapnya, malah Al-Qur'an adalah sebuah kitab suci yang berbicara dengan hati. Ia mencurahkan nurnya dan baunya yang harum ke dalam hati yang terbuka, iaitu hati yang menerimanya dengan keimanan dan keyakinan. Semakin basah hati itu dengan iman semakin bertambah seleranya meni'mati kemanisan Al-Qur'an dan semakin banyak ia dapat memahami konsep-konsep dan bimbingan-bimbingannya yang tidak dapat dicapai oleh hati yang keras dan pejal, juga semakin banyak ia mendapat hidayat dengan nur Al-Qur'an, iaitu hidayat yang tidak dapat dicapai oleh hati yang ingkar dan menyeleweng, dan seterusnya semakin banyak ia mendapat manfa'at dari persahabatannya dengan Al-Qur'an iaitu manfa'at yang tidak dapat dicapai oleh pembaca Al-Qur'an yang buta mata hatinya.

Ada orang membaca ayat Al-Qur'an atau sesuatu surah Al-Qur'an berulang-ulang kali dengan hati yang lalai atau dengan keadaan yang gopoh-gapah dan dia tidak mendapat apa-apa dari pembacaan itu, tiba-tiba terserlah sebuah nur di dalam hatinya dan terbukalah kepadanya berbagai-bagai alam yang tidak pernah terlintas di akalnya dan berlakulah satu mu'jizat di dalam kehidupannya iaitu mu'jizat yang mengubahkan kehidupannya dari satu sistem kepada satu sistem dan dari satu jalan kepada satu jalan.

Segala peraturan, undang-undang dan adab-adab cara yang terkandung di dalam Al-Qur'an hanya berdiri kukuh di atas keimanan. Seorang yang hatinya tidak beriman kepada Allah dan tidak menerima Al-Qur'an sebagai wahyu dari Allah dan tidak, menerima bahawa apa yang terkandung di dalam Al-Qur'an itu sebagai peraturan hidup yang dikehendaki Allah, maka orang yang seperti ini tidak akan mendapat hidayat dari Al-Qur'an sebagaimana yang sewajarnya dan tidak akan mendapat kegembiraan dari berita-berita gembira yang tersebut di dalam Al-Qur'an.

Gedung-gedung Hidayat Dan Ilmu Dalam Al-Qur'an

Di dalam Al-Qur'an terdapat gedung-gedung perbendaharaan hidayat, ilmu, pengetahuan, harakat dan bimbingan yang amat besar. Gedung-gedung perbendaharaan Al-Qur'an itu tidak akan dapat dibuka melainkan dengan anak kunci keimanan. Hanya orang-orang yang beriman dengan keimanan sejati sahaja yang dapat melaksanakan mu'jizat-mu'jizat dengan Al-Qur'an, tetapi apabila Al-Qur'an hanya dijadikan kitab untuk dilagu-lagukan ayat-ayatnya kemudian hanya masuk ke dalam telinga dan tidak sampai ke dalam hati, maka Al-Qur'an tidak dapat berbuat apa-apa dan tiada siapa yang mendapat manfa'at darinya kerana Al-Qur'an di waktu itu hanya merupakan sebuah gedung perbendaharaan tanpa anak kunci.

Surah ini membentangkan sifat-sifat orang-orang yang beriman yang mendapat pedoman hidayat dan berita-berita gembira dari Al-Qur'an. Mereka ialah:

ٱلَّذِينَ يُقِيمُونَ ٱلصَّلَوٰةَ وَيُؤۡتُونَ ٱلزَّكَوٰةَ وَهُم

بِٱلۡأٓخِرَةِ هُمۡ يُوقِنُونَ ٣

"Iaitu orang-orang yang mendirikan solat dan mengeluarkan zakat, dan mereka yakin kepada hari Akhirat."(3)

Mereka mendirikan solat, iaitu menunaikannya dengan sempurna, dengan hati dan jiwa yang sedar bahawa mereka sedang mengadap Allah Yang Maha Agung dan Mulia, dan dengan seluruh perasaan mereka yang meningkat ke ufuk yang gemilang itu dan dengan hati yang sibuk bermunajat, berdo'a dan bertawajjuh ke hadhrat Allah Yang Maha Besar.

Mereka juga mengeluarkan zakat, dan dengan ini mereka membersihkan diri mereka dari keburukan sifat kikir dan mengangkatkan jiwa mereka dari digoda harta kekayaan. Mereka menghubungkan saudara-saudara seagama mereka dengan menyumbangkan sebahagian dari rezeki yang dikurniakan Allah kepada mereka. Ini bererti mereka menunaikan hak jamaah Muslimin selaku anggota-anggotanya.

Mereka percaya kepada hari Qiamat dengan penuh keyakinan. Hati mereka sentiasa memikirkan hisab Akhirat dan hisab Akhirat inilah yang menghalangi mereka dari mengikut hawa nafsu yang liar dan memenuhkan jiwa mereka dengan rasa taqwa, takut dan malu berdiri di hadapan Allah kelak sebagai penderhaka.

Orang-orang yang beriman, yang sentiasa ingatkan Allah, yang menjunjung kewajipan-kewajipan mereka, yang takut kepada hisab dan balasan Allah dan yang mengharapkan keredhaan dan pahala dari Allah itulah orang-orang yang terbuka pintu hati mereka, kepada Al-Qur'an. Merekalah yang boleh mendapati Al-Qur'an itu sebagai pedoman hidayat dan berita gembira, sebagai nur hidayat yang menerangi jiwa mereka, sebagai pendorong semangat mereka, sebagai penggerak di dalam kehidupan mereka, sebagai bekalan perjalanan untuk sampai ke matlamatnya dan sebagai penawar yang menyembuhkan mereka.

Ketika menyebut hari Qiamat Al-Qur'an menekan dan menguatkannya dalam bentuk ancaman yang keras terhadap orang-orang yang tidak beriman dengannya supaya mereka tidak terus lalai di dalam kesesatan dan menyebabkan mereka bertemu dengan akibat kesudahan yang buruk:

إِنَّ ٱلَّذِينَ لَا يُؤۡمِنُونَ بِٱلۡأٓخِرَةِ زَيَّنَّا لَهُمۡ أَعۡمَٰلَهُمۡ فَهُمۡ يَعۡمَهُونَ ٤

أُوْلَٰٓئِكَ ٱلَّذِينَ لَهُمۡ سُوٓءُ ٱلۡعَذَابِ وَهُمۡ فِي ٱلۡأٓخِرَةِ هُمُ ٱلۡأَخۡسَرُونَ ٥

"Sesungguhnya orang-orang yang tidak beriman kepada hari Akhirat itu Kami dandankan amalan-amalan mereka (yang buruk) kerana itu mereka meraba-raba di dalam kesesatan(4). Merekalah orang-orang yang akan mendapat azab seksa yang buruk dan di Akhirat pula merekalah orang-orang yang paling rugi."(5)

Kepercayaan Kepada Akhirat Merupakan Pengawal Nafsu Yang Liar

Beriman kepada hari Akhirat merupakan tali kekang yang dapat menahan keinginan hawa nafsu dan dapat menjaminkan sikap sederhana di dalam kehidupan. Orang yang tidak percaya kepada hari Akhirat tidak berupaya untuk menahankan dirinya dari mengikut keinginan hawa nafsunya yang liar. Dia menyangka bahawa satu-satunya peluang yang diberikan kepadanya untuk mencari keni'matan ialah peluang hidup di atas planet bumi ini, iaitu satu masa hidup yang pendek walau bagaimana panjang kelihatannya sekalipun. Masa hidup itu hampir-hampir tidak cukup untuk memenuhi kehendak-kehendak dan cita-cita hati yang belum tercapai, kemudian apakah daya penghalang yang dapat mengawalkan dirinya apabila dia dapat memuaskan kehendak-kehendak dan keni'matan hawa nafsunya sedangkan dia tidak pernah memikirkan persoalan hisab di hadapan Allah dan tidak pernah menduga persoalan pahala dan seksa pada hari Qiamat yang akan disaksikan oleh para saksi?

Oleh sebab itulah setiap tindakan memuaskan kehendak dan keni'matan nafsu di pandang elok oleh orang yang tidak beriman kepada hari Akhirat. Dia terburu-buru bertindak memuaskan nafsunya tanpa dikawal oleh sebarang rasa taqwa atau rasa silu malu. Jiwa manusia itu telah dijadikan dengan tabi'at sukakan segala sesuatu yang memberi kelazatan dan keni'matan kepadanya dan memandangnya elok belaka selama ia tidak mendapat hidayat dari ayat-ayat dan risalah-risalah Allah yang membawanya kepada beriman dengan alam Akhirat yang kekal yang wujud selepas alam kehidupan dunia yang fana ini. Apabila ia beriman kepada hari Akhirat ia akan mendapat keni'matan dalam kegiatan-kegiatan dan kegemaran-kegemaran yang lain yang membuat keni'matan-keni'matan perut dan kelazatan jasmaniyah itu kelihatan begitu kecil di sampingnya.

Orang Yang Tidak Beriman Memandang Segala Amalannya Baik Belaka

Allah S.W.T. telah menciptakan jiwa manusia dengan tabi'at seperti ini dan dia jadikannya dapat menerima hidayat apabila terserlah kepadanya dalil-dalil kebenaran hidayat dan dapat pula menerima kesesatan apabila pintu-pintu akal fikirannya tertutup di dalam kesesatan. Di samping itu kehendak masyi'ah Allah tetap terlaksana mengikut undang-undangnya yang telah menciptakan jiwa manusia begitu di dalam kedua-dua keadaan itu iaitu keadaan, di mana ia dapat memilih hidayat dan memilih kesesatan. Justeru itulah Al-Qur'an sifatkan orang-

orang yang tidak beriman kepada hari Akhirat itu begini **"Kami dandankan amalan-amalan mereka (yang buruk) kerana itu mereka meraba-raba di dalam kesesatan"**, yakni oleh sebab mereka tidak beriman kepada hari Akhirat maka berlakulah undang-undang Allah iaitu amalan-amalan mereka dan kehendak-kehendak hawa nafsu mereka kelihatan elok belaka di sisi mereka. Inilah maksud dengan dandanan di sini. Mereka meraba-raba di dalam kesesatan dan tidak nampak sebarang keburukan dan kejahatan di dalam amalan-amalan mereka itu atau mereka terus berada di dalam keadaan bingung tidak mengetahui di mana arah jalan yang betul.

Akibat yang akan diterima oleh orang yang dijadikan Allah amalan-amalannya kelihatan elok belaka itu adalah jelas kepada semua orang **"Merekalah orang-orang yang akan mendapat azab seksa yang buruk dan di Akhirat pula merekalah orang-orang yang paling rugi"** sama ada azab seksa yang buruk itu berlaku kepada mereka di dunia atau di Akhirat, namun kerugian yang mutlaq akan diterima mereka pada hari Akhirat sebagai balasan yang setimpal terhadap sikap mereka yang terburu-buru melaksanakan perbuatan-perbuatan yang keji.

Pendahuluan surah ini diakhiri dengan sebuah kenyataan yang menerangkan sumber Ilahi yang menurunkan kitab suci Al-Qur'an ini kepada Rasulullah s.a.w.:

وَإِنَّكَ لَتُلَقَّى ٱلْقُرْءَانَ مِن لَّدُنْ حَكِيمٍ عَلِيمٍ ٦

"Dan sesungguhnya engkau dikurniakan Al-Qur'an dari sisi Allah Yang Maha Bijaksana dan Maha Mengetahui."(6)

Kata-kata "تلقى" (dikurniakan) membayangkan pemberian hidayat secara langsung dari Allah Yang Maha Bijaksana dan Maha Mengetahui, iaitu Allah yang menciptakan segala sesuatu dengan hikmat dan mentadbirkan segala sesuatu dengan ilmu. Hikmat dan ilmu-Nya dapat dilihat dengan jelas di dalam Al-Qur'an ini, di dalam sistem hidup yang diatur olehnya, di dalam taklif-taklif yang diwajib ke atas manusia, di dalam arahan-arahan dan bimbingan-bimbingannya, di dalam uslub dan gayanya, di dalam penurunan ayat-ayatnya tepat dengan waktunya, di dalam bahagian-bahagiannya yang diturunkan berturut dan di dalam maudhu'-maudhu'nya yang selaras.

Kemudian ia mula menceritakan kisah-kisah yang menunjukkan betapa tingginya hikmat, ilmu dan pentadbiran Allah yang halus dan seni itu.

(Kumpulan ayat-ayat 7 - 14)

إِذْ قَالَ مُوسَىٰ لِأَهْلِهِۦٓ إِنِّىٓ ءَانَسْتُ نَارًا سَـَٔاتِيكُم مِّنْهَا بِخَبَرٍ
أَوْ ءَاتِيكُم بِشِهَابٍ قَبَسٍ لَّعَلَّكُمْ تَصْطَلُونَ ٧

فَلَمَّا جَآءَهَا نُودِىَ أَنۢ بُورِكَ مَن فِى ٱلنَّارِ وَمَنْ حَوْلَهَا
وَسُبْحَـٰنَ ٱللَّهِ رَبِّ ٱلْعَـٰلَمِينَ ٨
يَـٰمُوسَىٰٓ إِنَّهُۥٓ أَنَا ٱللَّهُ ٱلْعَزِيزُ ٱلْحَكِيمُ ٩
وَأَلْقِ عَصَاكَ ۚ فَلَمَّا رَءَاهَا تَهْتَزُّ كَأَنَّهَا جَآنٌّ وَلَّىٰ مُدْبِرًا وَلَمْ
يُعَقِّبْ ۚ يَـٰمُوسَىٰ لَا تَخَفْ إِنِّى لَا يَخَافُ لَدَىَّ ٱلْمُرْسَلُونَ ١٠
إِلَّا مَن ظَلَمَ ثُمَّ بَدَّلَ حُسْنًۢا بَعْدَ سُوٓءٍ فَإِنِّى غَفُورٌ رَّحِيمٌ ١١
وَأَدْخِلْ يَدَكَ فِى جَيْبِكَ تَخْرُجْ بَيْضَآءَ مِنْ غَيْرِ سُوٓءٍ ۖ فِى تِسْعِ
ءَايَـٰتٍ إِلَىٰ فِرْعَوْنَ وَقَوْمِهِۦٓ ۚ إِنَّهُمْ كَانُوا۟ قَوْمًا فَـٰسِقِينَ ١٢
فَلَمَّا جَآءَتْهُمْ ءَايَـٰتُنَا مُبْصِرَةً قَالُوا۟ هَـٰذَا سِحْرٌ
مُّبِينٌ ١٣
وَجَحَدُوا۟ بِهَا وَٱسْتَيْقَنَتْهَآ أَنفُسُهُمْ ظُلْمًا وَعُلُوًّا ۚ
فَٱنظُرْ كَيْفَ كَانَ عَـٰقِبَةُ ٱلْمُفْسِدِينَ ١٤

"Kenangilah ketika Musa bersabda kepada keluarganya: Sesungguhnya aku nampak api. Aku akan bawa kepada kamu berita darinya atau aku akan bawa kepada kamu obor api supaya kamu dapat berdiang(7). Dan apabila dia datang ke tempat api itu, dia diseru: Semoga diberkati Allah mereka yang berada di dalam api itu dan mereka yang berada di sekelilingnya dan Maha Sucilah Allah Tuhan semesta alam(8). Wahai Musa! Sesungguhnya Akulah Allah Yang Maha Perkasa dan Maha Bijaksana(9). Dan campakkanlah tongkatmu, maka apabila dia melihat tongkat itu bergerak seolah-olah seekor ular kecil yang lincah, dia pun berpaling melarikan diri tanpa menoleh ke belakang lagi. (Lalu dia diseru): Wahai Musa! Janganlah engkau takut, kerana sesungguhnya orang-orang yang diangkatkan menjadi Rasul itu tidak sewajarnya merasa takut di sisi-Ku(10). Melainkan orang yang zalim kemudian dia menukarkan dengan kebaikan sesudah dia melakukan kejahatan, maka sesungguhnya Aku Maha Pengampun dan Maha Pengasih(11). Dan masukkanlah tanganmu ke dalam belahan dada bajumu nescaya ia keluar putih bersinar-sinar tanpa cacat sebagai salah satu mu'jizat di antara sembilan mu'jizat untuk dibawa kepada Fir'aun dan kaumnya. Sesungguhnya mereka adalah satu kaum yang fasiq(12). Dan apabila mu'jizat-mu'jizat Kami datang kepada mereka dengan begitu jelas, berkatalah mereka: Ini adalah perbuatan sihir yang amat nyata(13). Dan mereka telah mengingkarinya sedangkan hati mereka yakinkan kebenarannya kerana sikap mereka yang zalim dan angkuh. Oleh itu lihatlah bagaimana kelak kesudahan orang-orang yang melakukan kerosakan."(14).

Dalam bahagian ini dibentangkan kisah Musa a.s. secara sepintas lalu selepas firman Allah:

وَإِنَّكَ لَتُلَقَّى ٱلْقُرْءَانَ مِن لَّدُنْ حَكِيمٍ عَلِيمٍ ﴿٦﴾

"Dan sesungguhnya engkau dikurniakan Al-Qur'an dari sisi Allah Yang Maha Bijaksana dan Maha Mengetahui."(6)

Seolah-olah Allah S.W.T. berfirman kepada Rasulullah s.a.w.: Sesungguhnya engkau bukannya seorang yang baru menerima wahyu ini. Ini dia Musa pernah menerima tugas yang sama dan dia telah diseru supaya meyampaikan risalah Allah ini kepada Fir'aun dan kaumnya. Tentangan yang engkau terima dari kaummu itu bukannya perkara baru dalam usaha mereka mendustakan Rasul. Lihatlah kaum Musa itu sendiri. Hati mereka yakin kepada ayat-ayat Allah, tetapi mereka ingkarkannya kerana sikap mereka yang zalim dan angkuh **"Oleh itu lihatlah bagaimana kelak kesudahan orang-orang yang melakukan kerosakan"** dan hendaklah kaummu itu tunggu akibat yang akan menimpa orang-orang yang ingkar dan sombong.

******

(Pentafsiran ayat-ayat 7 - 14)

إِذْ قَالَ مُوسَىٰ لِأَهْلِهِۦٓ إِنِّىٓ ءَانَسْتُ نَارًا سَـَٔاتِيكُم مِّنْهَا بِخَبَرٍ أَوْ ءَاتِيكُم بِشِهَابٍ قَبَسٍ لَّعَلَّكُمْ تَصْطَلُونَ ﴿٧﴾

"Kenangilah ketika Musa bersabda kepada keluarganya: Sesungguhnya aku nampak api. Aku akan bawa kepada kamu berita darinya atau aku akan bawa kepada kamu obor api supaya kamu dapat berdiang."(7)

Cerita ini telah disebut di dalam Surah Taha, iaitu semasa Musa a.s. di dalam perjalanan pulang dari negeri Madyan ke Mesir. Bersama beliau ialah isterinya puteri Nabi Syu'ayb a.s.[1]. Beliau telah kesesatan jalan di suatu malam yang gelap-gelita dan dingin. Ini dibuktikan oleh kata-kata beliau kepada isterinya **"Aku akan bawa kepada kamu berita darinya atau aku akan bawa kepada kamu obor supaya kamu dapat berdiang."** Peristiwa ini berlaku dekat Bukit Tur. Di padang pasir, api-api dinyalakan di tempat-tempat yang tinggi untuk menjadi pedoman kepada orang-orang yang berjalan di waktu malam, dan apabila mereka datang kepada api itu, di sana mereka akan mendapat layanan tetamu dan berdiang atau mendapat pemandu jalan.

"Sesungguhnya aku nampak api" Musa telah melihat api itu dari jauh lalu hati nya merasa tenteram dan tidak kesepian kerana beliau berharap di sana beliau boleh mendapat berita mengenai jalan yang akan ditujuinya atau boleh mengambil api untuk isterinya berdiang di malam yang dingin di padang pasir itu.

Musa Mendengar Seruan Allah

Lalu Musa a.s. pun pergi mendapatkan api yang dilihatnya itu untuk mendapat berita, tiba-tiba di sana beliau menerima seruan yang amat luhur:

فَلَمَّا جَآءَهَا نُودِىَ أَنۢ بُورِكَ مَن فِى ٱلنَّارِ وَمَنْ حَوْلَهَا وَسُبْحَـٰنَ ٱللَّهِ رَبِّ ٱلْعَـٰلَمِينَ ﴿٨﴾

يَـٰمُوسَىٰٓ إِنَّهُۥٓ أَنَا ٱللَّهُ ٱلْعَزِيزُ ٱلْحَكِيمُ ﴿٩﴾

"Dan apabila dia datang ke tempat api itu, dia diseru: Semoga diberkati Allah mereka yang berada di dalam api itu dan mereka yang berada di sekelilingnya dan Maha Sucilah Allah Tuhan semesta alam(8). Wahai Musa! Sesungguhnya Akulah Allah Yang Maha Perkasa dan Maha Bijaksana."(9)

Itulah seruan yang bergema di seluruh alam buana. Itulah seruan yang membuat alam-alam dan cakerawala-cakerawala bersambung dengannya, membuat seluruh alam al-wujud khusyu' dan tunduk kepadanya dan membuat hati dan jiwa menggigil. Itulah seruan yang menghubungkan langit dengan bumi. Itulah seruan yang membuat planet bumi menerima seruan Penciptanya Yang Maha Agung. Itulah seruan yang mengangkatkan insan yang fana dan lemah ke maqam munajat dengan limpah kurnia Allah.

"Dan apabila dia datang ke tempat api itu, dia diseru" ungkapan dengan kata kerja bina majhul (passive voice) sedangkan maksudnya kata kerja maklum (active voice), ialah untuk memulia dan membesarkan Allah Penyeru Yang Maha Agung itu.

"Dia diseru semoga diberkati Allah mereka yang berada di dalam api itu dan mereka yang berada di sekelilingnya."

Api Dari Nur Para Malaikat

Siapakah yang berada di dalam api itu? Siapakah yang berada di sekelilingnya? Pendapat yang lebih rajih api itu bukanlah dari api yang kita nyalakannya, malah ia adalah api (nur) yang terbit dari al-Mala'ul-'Ala, api yang dinyalakan oleh roh-roh yang suci dari malaikat-malaikat Allah untuk hidayat yang agung. Nur itu kelihatan seperti api biasa ketika roh-roh yang suci ini berada di dalamnya. Oleh sebab itulah Allah berseru **"Semoga diberkati Allah mereka yang berada di dalam api itu"** untuk mengumumkan limpah keberkatan Ilahi Yang Maha Tinggi ke atas para malaikat yang berada di dalam api itu dan yang berada di sekelilingnya dan di antaranya ialah Nabi Musa a.s. sendiri. Seluruh alam buana telah merakamkan pengurniaan yang agung ini dan tempat ini terus berada di dalam daftar alam buana sebagai satu tempat yang berkat dan suci dengan sebab

---

[1] *Di sana tidak ada nas yang jelas yang menunjukkan bahawa Nabi Syu'ayb itu ialah orang tua yang dikhidmati Musa dan berkahwin dengan salah seorang dari dua orang puterinya, tetapi inilah pendapat yang lebih rajih kerana memandangkan kisah Musa itu selalu disebut selepas kisah Syu'ayb setiap kali dua kisah itu diceritakan di dalam Al-Qur'an yang mana menunjukkan bahawa kedua-duanya hidup semasa atau seturut.*

berlakunya Tajalli Allah di situ dan keizinan-Nya mengurniakan keberkatan yang agung itu.

Kemudian seluruh alam buana melainkan kata-kata baki seruan itu **"Dan Maha Sucilah Allah Tuhan semesta alam. Wahai Musa! Sesungguhnya Akulah Allah Yang Maha Perkasa dan Maha Bijaksana."**

Di sini Allah membersihkan zat-Nya dan mengumumkan Rububiyah-Nya yang meliputi semesta alam serta mendedahkan kepada hamba-Nya (Musa a.s.) bahawa yang menyeru beliau itu ialah Allah Yang Maha Perkasa dan Maha Bijaksana sendiri dan dengan ini terangkatlah seluruh insan yang diwakili Nabi Musa a.s. itu ke ufuk yang gemilang dan mulia, dan berjayalah Musa mendapat berita di tempat api yang dilihatnya itu, tetapi bukannya berita biasa, malah berita yang amat besar dan agung, dan berjayalah beliau mendapat obor yang memanaskan badan, tetapi bukannya obor biasa, malah obor hidayat yang membimbing ke jalan Allah yang lurus.

Musa Dikurniakan Mu'jizat-mu'jizat

Seruan itu merupakan pengumuman perlantikan beliau sebagai Rasul dan di sebalik perlantikan itu ialah kewajipan membawa risalah Allah kepada Fir'aun sebesar-besar pemerintah yang bermaharajalela di bumi di zaman itu. Oleh sebab itu Allah melengkapkan beliau dengan kekuatan mu'jizat:

وَأَلْقِ عَصَاكَ

"Dan campakkanlah tongkatmu"(10)

Mu'jizat ini disebut di sini dengan ringkas sahaja tanpa menyebut dialog yang panjang seperti di dalam Surah Taha, kerana pokok pembicaraan yang dikehendaki di sini ialah penyampaian seruan dan taklif kepada Musa.

فَلَمَّا رَءَاهَا تَهْتَزُّ كَأَنَّهَا جَآنٌّ وَلَّىٰ مُدْبِرًا وَلَمْ يُعَقِّبْ

"Maka apabila dia melihat tongkat itu bergerak seolah-olah seekor ular kecil yang lincah, dia pun berpaling melarikan diri tanpa menoleh ke belakang lagi."(10)

Musa telah mencampakkan tongkatnya sebagaimana diperintah, tiba-tiba tongkat itu bergerak dan berjalan. Ia bergerak cepat seperti gerakan seekor ular kecil dari jenis yang lincah. Musa yang bertabi'at mudah terharu itu telah terharu dan terkejut kerana apa yang berlaku itu adalah di luar dugaannya, lalu beliau pun lari menjauhkan diri dari ular itu tanpa berfikir untuk berpatah balik lagi. Gerak-geri beliau itu jelas memperlihatkan bagaimana beliau begitu terperanjat kerana didorong tabi'atnya yang mudah terharu.

Kemudian Musa dipanggil seruan Ilahi yang mententeramkan hatinya di mana diterangkan kepadanya bentuk tugas yang akan dipertanggungjawabkan kepadanya:

يَٰمُوسَىٰ لَا تَخَفْ إِنِّى لَا يَخَافُ لَدَىَّ ٱلْمُرْسَلُونَ ﴿١٠﴾

"Wahai Musa! Janganlah engkau takut kerana sesungguhnya orang-orang yang diangkatkan menjadi Rasul itu tidak sewajarnya merasa takut di sisi-Ku."(10)

Janganlah engkau merasa takut kerana engkau telah ditugaskan sebagai seorang rasul untuk menyampai risalah Allah, dan para rasul itu sewajarnya tidak merasa takut berada di hadapan Tuhan mereka untuk menerima tugas itu.

إِلَّا مَن ظَلَمَ ثُمَّ بَدَّلَ حُسْنًۢا بَعْدَ سُوٓءٍ فَإِنِّى غَفُورٌ رَّحِيمٌ ﴿١١﴾

"Melainkan orang yang zalim kemudian dia menukarkannya dengan kebaikan sesudah dia melakukan kejahatan, maka sesungguhnya Aku Maha Pengampun dan Maha Pengasih."(11)

Orang yang layak merasa takut itu ialah orang-orang yang zalim kecuali mereka yang mengubahkan diri mereka dengan mengerjakan amalan yang baik setelah melakukan amalan-amalan yang jahat dan meninggalkan kezaliman kepada keadilan, meninggalkan syirik kepada keimanan dan meninggalkan kejahatan kepada kebaikan, maka rahmat-Ku amat luas dan keampunan-Ku amat besar.

Kini Musa kembali tenang dan tenteram lalu Allah melengkapkannya dengan mu'jizat yang kedua sebelum diterangkan kepada beliau ke manakah beliau harus membawa risalah dan tugas itu:

وَأَدْخِلْ يَدَكَ فِى جَيْبِكَ تَخْرُجْ بَيْضَآءَ مِنْ غَيْرِ سُوٓءٍ

"Dan masukkanlah tangamnu ke dalam belahan dada bajumu nescaya ia keluar putih bersinar-sinar tanpa cacat."(12)

Lalu Musa memasukkan tangannya ke dalam belahan dada bajunya, tiba-tiba tangan itu keluar putih berseri-seri bukan bukti menunjukkan sakit, tetapi bukti menunjukkan mu'jizat. Kemudian Allah berjanji akan membantu beliau dengan sembilan mu'jizat dan dua darinya telah dilihatnya dan kini Allah menjelaskan pula arah tujuannya yang menjadi objektif beliau dilantik menjadi Rasul yang dilengkapkan dengan mu'jizat dan diberi perlindungan.

Musa Diutuskan Kepada Para Fir'aun Dan Kaumnya

فِى تِسْعِ ءَايَٰتٍ إِلَىٰ فِرْعَوْنَ وَقَوْمِهِۦٓ إِنَّهُمْ كَانُوا۟ قَوْمًا فَٰسِقِينَ ﴿١٢﴾

"Di antara Sembilan mu'jizat untuk dibawa kepada Fir'aun dan kaumnya. Sesungguhnya mereka adalah satu kaum yang fasiq."(12)

Di sini Al-Qur'an tidak menyebut baki mu'jizat-mu'jizat yang sembilan itu sebagaimana yang dihuraikan di dalam Surah al-A'raf iaitu tahun-tahun kemarau, kekurangan buah-buahan, banjir, wabak-wabak belalang, kutu-kutu, katak-katak dan darah, kerana yang ditekankan di sini ialah kekuatan mujizat-mu'jizat itu bukannya hakikat-hakikatnya, juga kejelasan mujizat-mu'jizat itu dan keingkaran kaum Fir'aun terhadapnya:

فَلَمَّا جَآءَتۡهُمۡ ءَايَٰتُنَا مُبۡصِرَةٗ قَالُواْ هَٰذَا سِحۡرٞ
مُّبِينٞ ﴿١٣﴾
وَجَحَدُواْ بِهَا وَٱسۡتَيۡقَنَتۡهَآ أَنفُسُهُمۡ ظُلۡمٗا وَعُلُوّٗاۚ
فَٱنظُرۡ كَيۡفَ كَانَ عَٰقِبَةُ ٱلۡمُفۡسِدِينَ ﴿١٤﴾

"Dan apabila mu'jizat-mu'jizat Kami datang kepada mereka dengan begitu jelas, berkatalah mereka: Ini adalah perbuatan sihir yang amat nyata(13). Dan mereka telah mengingkarinya sedangkan hati mereka yakinkan kebenarannya kerana sikap mereka yang zalim dan angkuh. Oleh itu lihatlah bagaimana kelak kesudahan orang-orang yang melakukan kerosakan."(14)

Mengapa Pembesar-pembesar Quraysy Menentang Al-Qur'an

Mu'jizat-mu'jizat ini memang banyak dan ia mendedahkan kebenaran hingga dapat disaksikan oleh setiap orang yang mempunyai mata. Al-Qur'an sifatkan mu'jizat-mu'jizat ini sebagai **"Begitu jelas"** kerana ia membuka mata hati manusia dan membimbing mereka ke arah hidayat, tetapi walaupun begitu Fir'aun dan kaumnya tetap mengatakan bahawa semuanya adalah perbuatan-perbuatan sihir yang amat nyata. Mereka berkata begitu bukan kerana keyakinan mereka dan bukan pula kerana kekeliruan, malah kerana **"Sikap mereka yang zalim dan angkuh"**. Hati mereka memang yakin terhadap kebenaran mu'jizat-mu'jizat yang jelas dan tidak mempunyai sebarang kekeliruan itu **"Sedangkan hati mereka yakinkan kebenarannya"**, tetapi mereka mengeluarkan kata-kata itu semata-mata kerana ingkar dan sombong dan semata-mata kerana mereka tidak mahu beriman. Mereka bukannya bertujuan mencari dalil, malah mereka berkata begitu untuk menunjukkan sikap mereka yang zalim dan angkuh terhadap kebenaran. Mereka telah menganiayai diri sendiri dengan sifat angkuh yang keji ini.

Demikianlah juga sikap pembesar-pembesar Quraysy yang menyambut kitab suci Al-Qur'an. Mereka yakin Al-Qur'an itu benar, tetapi mereka sengaja mengingkarkannya dan mengingkarkan da'wah Nabi s.a.w. yang menyeru mereka beriman kepada Allah Yang Tunggal. Ini disebabkan kerana mereka mahu kekal dengan agama dan kepercayaan-kepercayaan mereka kerana di sebalik agama dan kepercayaan-kepercayaan ini terdapat peraturan yang memantapkan kedudukan mereka dan memberi keuntungan yang tidak putus-putus kepada mereka, sedangkan peraturan itu ditegakkan di atas landasan 'aqidah-'aqidah yang palsu, yang kini dirasa mereka terancam kerana da'wah Islamiyah. Mereka merasa 'aqidah-'aqidah mereka yang karut itu sedang bergoyang di bawah tapak kaki mereka dan di dalam hati mereka. Tukul-tukul kebenaran memanglah bertindak menggugatkan 'aqidah-'aqidah yang karut, lemah dan mengelirukan itu.

Demikianlah kedudukan agama yang benar. Mereka mengingkarkannya bukan kerana mereka tidak mengenali-nya, malah kerana mereka mengenalinya. Mereka ingkarkannya setelah hati mereka yakinkan kebenarannya kerana mereka merasa kebenaran itu mengancam kewujudan dan kedudukan mereka atau mengancam kepentingan-kepentingan dan keuntungan-keuntungan mereka. Oleh sebab itu mereka bangkit menentangnya semata-mata kerana degil dan sombong, sedangkan kebenaran itu amat jelas dan nyata.

فَٱنظُرۡ كَيۡفَ كَانَ عَٰقِبَةُ ٱلۡمُفۡسِدِينَ ﴿١٤﴾

"Oleh itu lihatlah bagaimana kelak kesudahan orang-orang yang melakukan kerosakan."(14)

Kesudahan Fir'aun dan kaumnya telah diketahui umum, kerana Al-Qur'an telah menerangkan kesudahan mereka di berbagai-bagai tempat yang lain. Di sini Al-Qur'an hanya menyebut akibat sahaja dengan tujuan untuk mengingatkan orang-orang yang lalai dari golongan yang ingkarkan kebenaran dan bersikap angkuh terhadapnya kepada akibat kesudahan yang diterima oleh Fir'aun sebelum mereka diseksa dengan keseksaan yang telah diterima para perosak masyarakat.

(Kumpulan ayat-ayat 15 - 44)

وَلَقَدۡ ءَاتَيۡنَا دَاوُۥدَ وَسُلَيۡمَٰنَ عِلۡمٗاۖ وَقَالَا ٱلۡحَمۡدُ لِلَّهِ
ٱلَّذِي فَضَّلَنَا عَلَىٰ كَثِيرٖ مِّنۡ عِبَادِهِ ٱلۡمُؤۡمِنِينَ ﴿١٥﴾
وَوَرِثَ سُلَيۡمَٰنُ دَاوُۥدَۖ وَقَالَ يَٰٓأَيُّهَا ٱلنَّاسُ عُلِّمۡنَا
مَنطِقَ ٱلطَّيۡرِ وَأُوتِينَا مِن كُلِّ شَيۡءٍۖ إِنَّ هَٰذَا لَهُوَ ٱلۡفَضۡلُ
ٱلۡمُبِينُ ﴿١٦﴾
وَحُشِرَ لِسُلَيۡمَٰنَ جُنُودُهُۥ مِنَ ٱلۡجِنِّ وَٱلۡإِنسِ
وَٱلطَّيۡرِ فَهُمۡ يُوزَعُونَ ﴿١٧﴾
حَتَّىٰٓ إِذَآ أَتَوۡاْ عَلَىٰ وَادِ ٱلنَّمۡلِ قَالَتۡ نَمۡلَةٞ يَٰٓأَيُّهَا
ٱلنَّمۡلُ ٱدۡخُلُواْ مَسَٰكِنَكُمۡ لَا يَحۡطِمَنَّكُمۡ سُلَيۡمَٰنُ
وَجُنُودُهُۥ وَهُمۡ لَا يَشۡعُرُونَ ﴿١٨﴾
فَتَبَسَّمَ ضَاحِكٗا مِّن قَوۡلِهَا وَقَالَ رَبِّ أَوۡزِعۡنِيٓ أَنۡ

أَشۡكُرَ نِعۡمَتَكَ ٱلَّتِيٓ أَنۡعَمۡتَ عَلَيَّ وَعَلَىٰ وَٰلِدَيَّ وَأَنۡ
أَعۡمَلَ صَٰلِحٗا تَرۡضَىٰهُ وَأَدۡخِلۡنِي بِرَحۡمَتِكَ فِي
عِبَادِكَ ٱلصَّٰلِحِينَ ١٩
وَتَفَقَّدَ ٱلطَّيۡرَ فَقَالَ مَالِيَ لَآ أَرَى ٱلۡهُدۡهُدَ أَمۡ
كَانَ مِنَ ٱلۡغَآئِبِينَ ٢٠
لَأُعَذِّبَنَّهُۥ عَذَابٗا شَدِيدًا أَوۡ لَأَاْذۡبَحَنَّهُۥٓ أَوۡ لَيَأۡتِيَنِّي
بِسُلۡطَٰنٖ مُّبِينٖ ٢١
فَمَكَثَ غَيۡرَ بَعِيدٖ فَقَالَ أَحَطتُ بِمَا لَمۡ تُحِطۡ بِهِۦ
وَجِئۡتُكَ مِن سَبَإِۭ بِنَبَإٖ يَقِينٍ ٢٢
إِنِّي وَجَدتُّ ٱمۡرَأَةٗ تَمۡلِكُهُمۡ وَأُوتِيَتۡ مِن كُلِّ
شَيۡءٖ وَلَهَا عَرۡشٌ عَظِيمٞ ٢٣
وَجَدتُّهَا وَقَوۡمَهَا يَسۡجُدُونَ لِلشَّمۡسِ مِن دُونِ
ٱللَّهِ وَزَيَّنَ لَهُمُ ٱلشَّيۡطَٰنُ أَعۡمَٰلَهُمۡ فَصَدَّهُمۡ عَنِ ٱلسَّبِيلِ
فَهُمۡ لَا يَهۡتَدُونَ ٢٤
أَلَّا يَسۡجُدُواْۤ لِلَّهِ ٱلَّذِي يُخۡرِجُ ٱلۡخَبۡءَ فِي ٱلسَّمَٰوَٰتِ
وَٱلۡأَرۡضِ وَيَعۡلَمُ مَا تُخۡفُونَ وَمَا تُعۡلِنُونَ ٢٥

"Dan sesungguhnya Kami telah mengurniakan ilmu pengetahuan kepada Daud dan Sulaiman dan kedua-duanya berkata: Segala kepujian terpulang kepada Allah yang telah melebihkan kami di atas kebanyakan para hamba-Nya yang beriman(15). Dan Sulaiman telah mewarisi Daud dan dia berkata: Wahai manusia! Kami telah diajar ilmu bahasa burung dan kami telah dikurniakan segala sesuatu. Sesungguhnya pemberian ini adalah limpah kurnia Allah yang amat nyata(16). Dan untuk Sulaiman dihimpunkan bala tenteranya dari jin, manusia dan burung dan mereka diatur dalam barisan yang rapi(17). Sehingga apabila mereka tiba di lembah semut berkatalah seekor semut: Wahai sekalian semut! Masuklah ke sarang kamu masing-masing supaya kamu tidak dipijak Sulaiman dan bala tenteranya, sedangkan mereka tidak sedar(18). Lalu dia tersenyum dan ketawa kerana mendengar perkataannya dan berdo'a: Wahai Tuhanku! Tumpukan diriku untuk mensyukuri ni'mat-Mu yang telah engkau kurniakannya kepadaku dan kepada dua ibubapaku dan supaya aku mengerjakan amalan soleh yang diredhai-Mu dan masukkanlah aku dengan rahmat-Mu ke dalam golongan hamba-hambaMu yang soleh(19). Dan kemudian dia memeriksa burung-burung lalu dia berkata: Mengapa aku tidak nampak hudhud adakah dia termasuk dalam kumpulan yang tidak hadir?(20). Sesungguhnya aku akan azabkannya dengan azab yang berat atau aku akan sembelihkannya atau dia membawa alasan yang terang kepadaku(21). Tidak lama kemudian (datanglah hudhud) lalu berkata: Saya telah mengetahui apa yang anda tidak mengetahuinya dan saya datang kepada anda dari negeri Saba' membawa berita yang diyakini kebenarannya(22). Sesungguhnya saya dapati di sana ada seorang raja perempuan memerintah mereka. Dia telah dikurniakan segala sesuatu dan dia mempunyai singgahsana yang besar(23). Saya dapati dia dan kaumnya menyembah matahari selain Allah. Syaitan telah mendandankan perbuatan-perbuatan mereka (yang keji) dan menghalangkan mereka dari jalan (Allah). Oleh sebab itu mereka tidak mendapat hidayat(24). (Tujuan syaitan berbuat demikian) supaya mereka tidak menyembah Allah yang berkuasa melahirkan segala sesuatu yang tersembunyi di langit dan di bumi dan mengetahui segala apa yang disembunyikan kamu dan segala apa yang dinyatakan kamu."(25).

ٱللَّهُ لَآ إِلَٰهَ إِلَّا هُوَ رَبُّ ٱلۡعَرۡشِ ٱلۡعَظِيمِ ۩ ٢٦
قَالَ سَنَنظُرُ أَصَدَقۡتَ أَمۡ كُنتَ مِنَ ٱلۡكَٰذِبِينَ ٢٧
ٱذۡهَب بِّكِتَٰبِي هَٰذَا فَأَلۡقِهۡ إِلَيۡهِمۡ ثُمَّ تَوَلَّ عَنۡهُمۡ فَٱنظُرۡ
مَاذَا يَرۡجِعُونَ ٢٨
قَالَتۡ يَٰٓأَيُّهَا ٱلۡمَلَؤُاْ إِنِّيٓ أُلۡقِيَ إِلَيَّ كِتَٰبٞ كَرِيمٌ ٢٩
إِنَّهُۥ مِن سُلَيۡمَٰنَ وَإِنَّهُۥ بِسۡمِ ٱللَّهِ ٱلرَّحۡمَٰنِ ٱلرَّحِيمِ ٣٠
أَلَّا تَعۡلُواْ عَلَيَّ وَأۡتُونِي مُسۡلِمِينَ ٣١
قَالَتۡ يَٰٓأَيُّهَا ٱلۡمَلَؤُاْ أَفۡتُونِي فِيٓ أَمۡرِي مَا كُنتُ قَاطِعَةً
أَمۡرًا حَتَّىٰ تَشۡهَدُونِ ٣٢
قَالُواْ نَحۡنُ أُوْلُواْ قُوَّةٖ وَأُوْلُواْ بَأۡسٖ شَدِيدٖ وَٱلۡأَمۡرُ إِلَيۡكِ
فَٱنظُرِي مَاذَا تَأۡمُرِينَ ٣٣
قَالَتۡ إِنَّ ٱلۡمُلُوكَ إِذَا دَخَلُواْ قَرۡيَةً أَفۡسَدُوهَا وَجَعَلُوٓاْ
أَعِزَّةَ أَهۡلِهَآ أَذِلَّةٗۚ وَكَذَٰلِكَ يَفۡعَلُونَ ٣٤
وَإِنِّي مُرۡسِلَةٌ إِلَيۡهِم بِهَدِيَّةٖ فَنَاظِرَةُۢ بِمَ يَرۡجِعُ
ٱلۡمُرۡسَلُونَ ٣٥

"Allah, tiada Tuhan yang lain melainkan Dia, Tuhan yang memiliki 'Arasy yang besar(26). Ujar Sulaiman: Kami akan lihat apakah engkau benar atau engkau termasuk di dalam

golongan mereka yang berbohong(27). Pergilah engkau membawa suratku ini dan campakkannya kepada mereka, kemudian berundurlah dari mereka dan lihatlah apakah yang dibicarakan mereka?(28). Berkatalah (ratu Balqis): Wahai sekalian pembesar! Sesungguh-nya ada sepucuk surat yang mulia telah dicampakkan kepadaku(29). Sesungguhnya surat itu dari Sulaiman dan isi kandungannya ialah Bismillahir-Rahmanir-Rahim(30). Janganlah kamu bersikap angkuh terhadapku dan datanglah kamu kepadaku sebagai Muslimin (orang-orang yang menyerah diri kepada Allah)(31). Berkatalah (ratu Balqis): Wahai para pembesar! Berilah kepadaku pendapat kamu dalam urusanku ini. Aku tidak pernah membuat sesuatu keputusan sehingga kamu datang bermesyuarat denganku(32). Jawab mereka: Kita adalah umat yang kuat dan gagah berani. Keputusan berada di tangan anda. Oleh itu fikirkanlah apa yang anda hendak perintahkan(33). Berkatalah(ratu Balqis): Sesungguhnya (adat) raja-raja itu apabila mereka memasuki sesebuah negeri, mereka akan merosakkannya dan menjadikan penduduk-penduduknya yang mulia hina-dina. Dan begitulah pula mereka akan lakukan (terhadap negeri kita)(34). Dan sesungguhnya aku akan menghantarkan utusan membawa hadiah kepada mereka dan aku akan menunggu apakah yang akan dibawa balik oleh utusan-utusan itu?."(35).

فَلَمَّا جَآءَ سُلَيۡمَٰنَ قَالَ أَتُمِدُّونَنِ بِمَالٖ فَمَآ ءَاتَىٰنِۦَ ٱللَّهُ
خَيۡرٞ مِّمَّآ ءَاتَىٰكُمۚ بَلۡ أَنتُم بِهَدِيَّتِكُمۡ تَفۡرَحُونَ ﴿٣٦﴾
ٱرۡجِعۡ إِلَيۡهِمۡ فَلَنَأۡتِيَنَّهُم بِجُنُودٖ لَّا قِبَلَ لَهُم بِهَا
وَلَنُخۡرِجَنَّهُم مِّنۡهَآ أَذِلَّةٗ وَهُمۡ صَٰغِرُونَ ﴿٣٧﴾
قَالَ يَٰٓأَيُّهَا ٱلۡمَلَؤُاْ أَيُّكُمۡ يَأۡتِينِي بِعَرۡشِهَا قَبۡلَ أَن يَأۡتُونِي
مُسۡلِمِينَ ﴿٣٨﴾
قَالَ عِفۡرِيتٞ مِّنَ ٱلۡجِنِّ أَنَا۠ ءَاتِيكَ بِهِۦ قَبۡلَ أَن تَقُومَ مِن
مَّقَامِكَۖ وَإِنِّي عَلَيۡهِ لَقَوِيٌّ أَمِينٞ ﴿٣٩﴾
قَالَ ٱلَّذِي عِندَهُۥ عِلۡمٞ مِّنَ ٱلۡكِتَٰبِ أَنَا۠ ءَاتِيكَ بِهِۦ قَبۡلَ
أَن يَرۡتَدَّ إِلَيۡكَ طَرۡفُكَۚ فَلَمَّا رَءَاهُ مُسۡتَقِرًّا عِندَهُۥ قَالَ
هَٰذَا مِن فَضۡلِ رَبِّي لِيَبۡلُوَنِيٓ ءَأَشۡكُرُ أَمۡ أَكۡفُرُۖ وَمَن شَكَرَ
فَإِنَّمَا يَشۡكُرُ لِنَفۡسِهِۦۖ وَمَن كَفَرَ فَإِنَّ رَبِّي غَنِيّٞ كَرِيمٞ ﴿٤٠﴾
قَالَ نَكِّرُواْ لَهَا عَرۡشَهَا نَنظُرۡ أَتَهۡتَدِيٓ أَمۡ تَكُونُ مِنَ
ٱلَّذِينَ لَا يَهۡتَدُونَ ﴿٤١﴾

فَلَمَّا جَآءَتۡ قِيلَ أَهَٰكَذَا عَرۡشُكِۖ قَالَتۡ كَأَنَّهُۥ هُوَۚ وَأُوتِينَا
ٱلۡعِلۡمَ مِن قَبۡلِهَا وَكُنَّا مُسۡلِمِينَ ﴿٤٢﴾
وَصَدَّهَا مَا كَانَت تَّعۡبُدُ مِن دُونِ ٱللَّهِۖ إِنَّهَا كَانَتۡ مِن قَوۡمٖ
كَٰفِرِينَ ﴿٤٣﴾
قِيلَ لَهَا ٱدۡخُلِي ٱلصَّرۡحَۖ فَلَمَّا رَأَتۡهُ حَسِبَتۡهُ لُجَّةٗ
وَكَشَفَتۡ عَن سَاقَيۡهَاۚ قَالَ إِنَّهُۥ صَرۡحٞ مُّمَرَّدٞ مِّن قَوَارِيرَۗ
قَالَتۡ رَبِّ إِنِّي ظَلَمۡتُ نَفۡسِي وَأَسۡلَمۡتُ مَعَ سُلَيۡمَٰنَ
لِلَّهِ رَبِّ ٱلۡعَٰلَمِينَ ﴿٤٤﴾

"Apabila utusan itu datang menemui Sulaiman, dia pun berkata: Apakah kamu mahu menghulurkan harta kekayaan kepadaku, sedangkan apa yang dikurniakan Allah kepadaku adalah lebih baik dari segala apa yang dikurniakan kepada kamu, malah kamulah sahaja yang bergembira dengan hadiah kamu (ini)?(36). Pulanglah sahaja kepada mereka: Sesungguhnya kami akan menyerang mereka dengan bala tentera yang tidak mampu ditentang mereka dan kami akan mengusir mereka keluar dari negeri (Saba') dengan keadaan hina-dina dan mereka akan tunduk patuh(37). Berkatalah (Sulaiman): Wahai para pembesar! Siapakah di antara kamu yang boleh membawa ke mari singgahsananya (Balqis) sebelum mereka datang sebagai Muslimin (orang-orang yang menyerah diri kepada Allah)(38). Berkatalah seorang yang pintar dari jin: Saya sanggup membawa singgahsana itu sebelum anda bangkit dari tempat duduk anda. Sesungguhnya aku adalah seorang yang gagah membawanya lagi amanah(39). Lalu berkatalah seorang yang mempunyai ilmu dari al-kitab: Saya sanggup membawa singgahsana itu sebelum mata anda berkelip. Kemudian apabila Sulaiman melihat singgahsana itu terletak di hadapannya dia pun berkata: Ini adalah dari limpah kurnia Tuhanku untuk mencubaku sama ada aku bersyukur kepada-Nya atau kufurkan ni'mat-Nya. Dan barang siapa yang bersyukur, maka sebenarnya ia bersyukur untuk kebaikan dirinya dan barang siapa yang kufur, maka sesungguhnya Tuhanku Maha Kaya dan Maha Pemurah(40). Berkatalah Sulaiman: Ubahkan singgahsananya itu supaya kita dapat melihat sama ada dia dapat mengenal singgahsananya atau dia termasuk dalam golongan orang-orang yang tidak dapat mengenalinya(41). Apabila (Balqis) tiba dia pun ditanya: Apakah singgahsana anda seperti ini? Dia pun menjawab. Ya, seakan-akan singgahsana ini, dan kami telah pun dikurniakan ilmu sebelum ini dan kami menjadi golongan Muslimin (yang menyerah diri kepada Allah)(42). Dan yang telah menghalangkannya (dari beriman) selama ini ialah amalannya yang menyembah tuhan yang lain dari Allah. Sesungguhnya dia dahulu adalah dari golongan orang-orang yang kafir(43). Lalu dikatakan kepadanya: Silalah masuk ke dalam istana. Apabila dia melihat (lantai) istana itu dia menyangkakan sebuah kolam air lalu dia pun menyingsingkan kedua betisnya. Sulaiman berkata: Sesungguhnya istana ini adalah sebuah istana yang diperbuat dengan cara yang halus dari bahan kaca. Lalu Balqis berkata: Wahai Tuhanku! Sesungguhnya aku telah

menganiayai diriku sendiri dan aku telah menyerahkan diriku bersama Sulaiman kepada Allah Tuhan semesta alam"(44).

(Latar belakang dan pokok pembicaraan)

Sentuhan mengenai Nabi Daud a.s. di sini dan cerita Nabi Sulaiman a.s. yang diceritakan selepas babak kisah Nabi Musa a.s. dan semuanya merupakan para Anbiya' dari Bani Israel yang disebut dalam surah ini yang memulakan pembicaraannya mengenai Al-Qur'an, di mana diterangkan:

إِنَّ هَٰذَا ٱلۡقُرۡءَانَ يَقُصُّ عَلَىٰ بَنِيٓ إِسۡرَٰٓءِيلَ أَكۡثَرَ
ٱلَّذِي هُمۡ فِيهِ يَخۡتَلِفُونَ ٧٦

"Sesungguhnya Al-Qur'an ini menjelaskan kepada Bani Israel kebanyakan persoalan yang menimbulkan perselisihan di antara mereka."(76)

Kisah Nabi Sulaiman a.s. di dalam surah ini dibentangkan dengan lebih panjang lebar dari mana-mana surah yang lain walaupun ceritanya hanya mengenai satu babak dari babak-babak kisah hidupnya sahaja, iaitu babak ceritanya dengan burung hudhud dan dengan ratu negeri Saba'. Ia dimulakan dengan pengumuman Nabi Sulaiman kepada orang ramai bahawa beliau telah diajar oleh Allah bahasa pertuturan burung-burung dan bahawa beliau telah dikurniakan segala sesuatu dan beliau bersyukur kepada Allah atas limpah kurnia-Nya yang amat nyata itu. Kemudian ditayangkan pemandangan bala tentera beliau yang terdiri dari jin, manusia dan burung-burung sambil menceritakan bagaimana seekor semut telah mengingatkan kaumnya supaya menyelamatkan diri dari kemaraan angkatan bala tentera itu dan bagaimana Nabi Sulaiman dapat memahami perkataan semut itu dan bersyukur kepada Allah atas limpah kurnia-Nya, juga bagaimana beliau sedar bahawa ni'mat-ni'mat yang dikurniakan Allah itu merupakan suatu ujian Allah dan justeru itu beliau memohon kepada Allah supaya menjadikannya seorang yang bersyukur dan berjaya menghadapi ujian ini.

Penceritaan kisah-kisah ini secara ringkas di dalam surah ini adalah sesuai dengan keterangan di permulaan surah yang membicarakan tentang Al-Qur'an dan sesuai dengan sebuah kenyataan yang menjelaskan bahawa Al-Qur'an ini **"Menceritakan kepada Bani Israel kebanyakan persoalan-persoalan yang menimbulkan perselisihan di antara mereka".** Kisah-kisah Musa, Daud dan Sulaiman merupakan babak-babak sejarah yang paling penting didalam sejarah Bani Israel.

Persesuaian babak ini dan pendahuluan-pendahuluan-nya dengan maudhu' surah ini dapat dilihat pada beberapa tempat dari babak ini dan dari surah ini iaitu:

Penekanan suasana dan bayangan surah ini pada isu ilmu pengetahuan sebagaimana kami telah terangkan dalam ayat-ayat awal surah. Keterangan yang pertama di dalam kisah Daud dan Sulaiman ialah:

وَلَقَدۡ ءَاتَيۡنَا دَاوُۥدَ وَسُلَيۡمَٰنَ عِلۡمٗاۖ

"Dan sesungguhnya Kami telah mengurniakan ilmu pengetahuan kepada Daud dan Sulaiman."(15)

Pengumuman Sulaiman tentang pengurniaan ni'mat Allah kepadanya dimulakan dengan menyebut ni'mat Allah yang telah mengajar ilmu pertuturan burung-burung kepadanya iaitu:

وَقَالَ يَٰٓأَيُّهَا ٱلنَّاسُ عُلِّمۡنَا مَنطِقَ ٱلطَّيۡرِ

"Dan dia (Sulaiman) berkata: Wahai manusia! Kami telah diajar ilmu bahasa burung."(16)

Penjelasan burung hudhud ketika menyatakan alasan mengapa ia tidak datang mengadap Sulaiman yang dicerita di celah-celah kisah ini dimulakan dengan perkataannya:

أَحَطتُ بِمَا لَمۡ تُحِطۡ بِهِۦ وَجِئۡتُكَ مِن سَبَإِۭ بِنَبَإٖ
يَقِينٍ ٢٢

"Saya telah mengetahui apa yang anda tidak mengetahuinya dan saya datang kepada anda dari negeri Saba' membawa berita yang diyakini kebenarannya."(22)

Dan seorang yang mempunyai ilmu dari al-kitab itulah yang berjaya membawa singgahsana ratu Balqis dalam sekelip mata.

Keterangan pembukaan surah yang menerangkan bahawa Al-Qur'an itu adalah kitab suci Allah yang amat jelas yang disampaikan kepada kaum Musyrikin, tetapi mereka menyambutnya dengan pendustaan, dan dalam kisah ini disebut kitab (surat) Sulaiman yang disambut baik oleh ratu negeri Saba' dan tidak lama selepas itu baginda bersama kaumnya datang menyerah diri kepada Allah di hadapan Sulaiman sesudah baginda melihat kekuatan-kekuatan yang telah dikurniakan kepada beliau, iaitu kekuatan bala tentera yang terdiri dari jin, manusia dan burung-burung. Allahlah yang telah mengurniakan ni'mat ini. Dialah Yang Maha Berkuasa di atas sekalian hamba-Nya dan Dialah Tuhan yang memiliki 'Arasy yang agung.

Di dalam surah ini ditayangkan ni'mat-ni'mat Allah kepada para hamba-Nya dan bukti-bukti kekuasaan-Nya di alam buana, juga diterangkan ni'mat Allah melantikkan manusia selaku khalifah-Nya, sedangkan mereka meng-ingkarkan ayat-ayat Allah dan tidak bersyukur kepada-Nya, dan di dalam kisah ini pula disebut contoh hamba yang bersyukur, yang memohon taufiq dari Tuhannya supaya sentiasa mensyukuri ni'mat-ni'mat Allah yang dikurniakan kepadanya, juga memikir dan merenungi ayat-ayat Allah tanpa melupakannya. Dia tidak lupa daratan apabila menerima ni'mat dan tidak bertindak zalim apabila memiliki kekuatan. Pendeknya persesuaian-persesuaian itu banyak dan jelas di antara maudhu'

surah dengan saranan-saranan kisah dan situasi-situasinya.

Kisah Nabi Sulaiman a.s. dengan ratu negeri Saba' merupakan sebuah contoh kisah yang sempurna di dalam Al-Qur'an dan contoh gaya penyampaian yang seni. Ia adalah sebuah kisah yang penuh harakat, perasaan-perasaan dan pemandangan-pemandangan dan di antara pemandangan-pemandangan itu dipotong-potong dan dimasukkan ruang-ruang kosong yang seni.

Sekarang marilah kita huraikan ayat-ayat ini dengan terperinci:

******

(Pentafsiran ayat-ayat 15 - 19)

وَلَقَدْ ءَاتَيْنَا دَاوُۥدَ وَسُلَيْمَـٰنَ عِلْمًا ۖ وَقَالَا ٱلْحَمْدُ لِلَّهِ
ٱلَّذِى فَضَّلَنَا عَلَىٰ كَثِيرٍ مِّنْ عِبَادِهِ ٱلْمُؤْمِنِينَ ١٥

"Dan sesungguhnya Kami telah mengurniakan ilmu pengetahuan kepada Daud dan Sulaiman dan kedua-duanya berkata: Segala kepujian terpulang kepada Allah yang telah melebihkan kami di atas kebanyakan para hamba-Nya yang beriman."(15)

Pengumuman Ni'mat-ni'mat Allah Ke Atas Nabi Daud Dan Sulaiman

Ayat ini merupakan isyarat permulaan kisah atau pengumuman pembukaan kisah. Ia merupakan berita yang menjelaskan ni'mat yang paling besar yang dikurniakan Allah kepada Nabi Daud dan Nabi Sulaiman 'Alaihimas-salam iaitu ni'mat ilmu pengetahuan. Kisah Nabi Daud a.s. yang dikurniakan ni'mat ilmu pengetahuan itu adalah diceritakan dengan terperinci di dalam surah-surah yang lain di antaranya ialah ni'mat Allah mengajar beliau membaca kitab suci Zabur dengan bacaan tartil yang disambut oleh alam buana di sekelilingnya, di mana-mana gunung-ganang dan burung turut serta membaca bersamanya kerana kemerduan dan kenyaringan suaranya, juga kerana tumpuan sepenuh hatinya bermunajat dengan Allah dan pembebasan dirinya dari segala halangan dan rintangan yang memisahkan di antaranya dengan atom-atom alam buana ini. Di antara ni'mat-ni'mat itu lagi ialah ni'mat Allah mengajar beliau kepandaian membuat perisai dan alat-alat peperangan dan melembutkan besi-besi kepadanya supaya beliau dapat membuat apa sahaja alat yang dikehendakinya. Di antaranya lagi ialah ni'mat Allah mengajar beliau ilmu kehakiman untuk mengadili manusia, iaitu ilmu yang dikongsi sama oleh Nabi Sulaiman a.s.

Kisah Nabi Sulaiman a.s. yang dijelaskan dengan terperinci di dalam surah ini ialah mengenai ni'mat Allah mengajar beliau ilmu bahasa burung dan sebagainya, sebagai tambahan kepada ni'mat-ni'mat Allah yang lain, yang disebut di dalam surah-surah yang lain seperti ni'mat Allah mengajar beliau ilmu kehakiman dan menundukkan angin bertiup mengikut kehendaknya dengan perintah Allah.

Ni'mat Ilmu Pengetahuan

Kisah ini dimulakan dengan isyarat: **"Dan sesungguh Kami telah mengurniakan ilmu pengetahuan kepada Daud dan Sulaiman",** dan sebelum ayat ini berakhir di sana diterangkan bagaimana Nabi Daud dan Nabi Sulaiman 'Alaihimas salam itu mensyukuri ni'mat itu dan menyatakan nilai-nilainya yang amat besar. Kedua-duanya mengucap kesyukuran "الحمدلله" di atas limpah kurnia Allah yang melebihkan kedua-duanya di atas kebanyakan para hamba-Nya yang beriman. Ayat ini menonjolkan nilai pengetahuan sebagai satu ni'mat yang agung yang dikurniakan Allah kepada para hamba-Nya dan mana-mana hamba yang mendapat ni'mat ini bererti dia telah dilebihkan Allah di atas kebanyakan para hamba-Nya yang beriman.

Di sini Al-Qur'an tidak menyebut jenis ilmu yang tertentu dan isi maudhu'nya, kerana yang hendak ditonjolkan di sini ialah ilmu itu sendiri, juga untuk menyarankan bahawa semua ilmu itu adalah pemberian dari Allah belaka dan setiap orang yang mempunyai ilmu pengetahuan itu sepatutnya mengetahui dari manakah sumber ilmu pengetahuannya dan bertawajjuh kepada Allah dengan mengucapkan kesyukuran kepada-Nya, juga menggunakan ilmu pengetahuan itu untuk maksud-maksud yang diredhai Allah yang telah mengurniakannya. Oleh itu ilmu pengetahuan tidak seharusnya menjauhkan seorang dari Allah atau menjadikannya lupa kepada Allah. Ilmu pengetahuan itu hanya merupakan sebahagian dari limpah kurnia dan pemberian Allah.

Ilmu pengetahuan yang menjauhkan hati dari Allah adalah ilmu yang rosak dan sesat dari sumbernya dan dari matlamatnya. Ia tidak dapat memberi kebahagiaan kepada tuannya dan kepada orang ramai, malah ia hanya membuahkan kecelakaan, ketakutan, kegelisahan dan kehancuran kerana ia terputus dari sumbernya dan menyeleweng dari jalannya dan sesat dari jalan yang boleh membawanya kepada Allah.

Ilmu Pengetahuan Membuat Bom Nuklear Di Zaman Ini

Umat manusia pada hari ini telah sampai kepada satu tahap kemajuan yang cemerlang di dalam tahap-tahap kemajuan ilmu pengetahuan dengan kejayaan mereka meleburkan atom dan menggunakannya, tetapi apakah hasil yang dapat dicapai oleh manusia dari ilmu pengetahuan atom ini, yang mana ahli-ahlinya tidak pernah menyebut nama Allah, tidak pernah merasa takut dan bersyukur kepada Allah dan tidak pernah bertawajjuh kepada-Nya dengan ilmu pengetahuan mereka? Mereka tidak mendapat apa-

apa selain dari mangsa-mangsa yang ngeri dari dua biji bom atom yang digugurkan ke atas bandar Hiroshima dan Nagasaki dan selain dari ketakutan dan kegelisahan yang tidak melelapkan mata penduduk-penduduk Timur dan Barat kerana sentiasa terancam kepada bahaya kehancuran, kemusnahan dan kehapusan. [2]

Selepas menyebut ni'mat pengurniaan ilmu pengetahuan kepada Daud dan Sulaiman dan kesyukuran mereka berdua kepada Allah atas pengurniaan ini, juga penghargaan mereka berdua terhadap nilai dan kelebihan ni'mat yang dikurniakan itu, maka Al-Qur'an menumpukan penceritaannya kepada kisah Sulaiman sahaja:

Kisah Kerajaan Sulaiman

وَوَرِثَ سُلَيْمَٰنُ دَاوُۥدَ ۖ وَقَالَ يَٰٓأَيُّهَا ٱلنَّاسُ عُلِّمْنَا مَنطِقَ ٱلطَّيْرِ وَأُوتِينَا مِن كُلِّ شَىْءٍ ۖ إِنَّ هَٰذَا لَهُوَ ٱلْفَضْلُ ٱلْمُبِينُ ﴿١٦﴾

"Dan Sulaiman telah mewarisi Daud dan dia berkata: Wahai manusia! Kami telah diajar ilmu bahasa burung dan kami telah dikurniakan segala sesuatu. Sesungguhnya pemberian ini adalah limpah kurnia Allah yang amat nyata."(16)

Nabi Daud a.s. telah dikurniakan ni'mat pemerintahan bersama-sama ni'mat nubuwah dan ilmu pengetahuan, tetapi ni'mat pemerintahan tidak disebut semasa memperkatakan tentang ni'mat-ni'mat Allah yang dikurniakan kepada beliau dan Sulaiman, malah yang disebutkan hanya ni'mat ilmu pengetahuan sahaja, kerana ni'mat pemerintahan itu terlalu kecil untuk disebutkan di tempat ini.

Sulaiman Dikurniakan Ilmu Bahasa Burung

"Dan Sulaiman telah mewarisi Daud" warisan yang difahamkan di sini ialah warisan ilmu pengetahuan kerana ilmu pengetahuanlah yang mempunyai nilai yang amat tinggi yang wajar disebut-sebutkan. Ini dikuatkan pula oleh pengumuman Sulaiman kepada orang ramai yang berbunyi, **"Wahai manusia! Kami telah diajar ilmu bahasa burung dan kami telah dikurniakan segala sesuatu"**, di sini Nabi Sulaiman a.s. menzahirkan ni'mat Allah yang mengajar beliau bahasa pertuturan burung, sedangkan ni'mat-ni'mat yang lain hanya disebut secara umum dan dihubungkan kepada sumber yang telah mengajar bahasa pertuturan burung itu. Sumber itu bukannya Daud kerana Sulaiman tidak mewarisi ilmu bahasa pertuturan burung ini dari bapanya begitu juga segala ni'mat yang dikurniakan kepada beliau, malah semua ni'mat ini adalah datang dari Allah yang mengajar ilmu bahasa pertuturan burung itu.

"Wahai manusia! Kami telah diajar bahasa pertuturan burung dan kami telah dikurniakan segala sesuatu", demikianlah pengumuman Nabi Sulaiman a.s. kepada orang ramai untuk mengenang dan menzahirkan limpah kurnia Allah kepada beliau bukannya untuk berbangga-bangga dan bermegah-megah di hadapan mereka. Kemudian beliau iringi pula dengan kenyataan "Sesungguhnya pemberian ini adalah limpah kurnia Allah yang amat nyata" yakni limpah kurnia Allah sebagai sumber dan ampunyanya, kerana tiada siapa yang berkuasa mengajar bahasa pertuturan burung kepada manusia melainkan Allah, demikian juga tiada siapa yang dapat memberikan segala sesuatu kepada seseorang melainkan Allah.

Setiap Haiwan Mempunyai Sarana-sarana Komunikasi

Burung-burung, haiwan-haiwan dan serangga-serangga masing-masing mempunyai sarana-sarana komunikasi di antara mereka iaitu bahasa pertuturan mereka masing-masing. Allah S.W.T. yang menciptakan berbagai-bagai alam ini telah berfirman:

وَمَا مِن دَآبَّةٍ فِى ٱلْأَرْضِ وَلَا طَٰٓئِرٍ يَطِيرُ بِجَنَاحَيْهِ إِلَّآ أُمَمٌ أَمْثَالُكُم

"Dan tiada binatang yang wujud di bumi dan tiada burung-burung yang terbang dengan sayapnya melainkan semuanya adalah umat-umat seperti kamu juga"

(Surah al-An'am: 38)

binatang-binatang dan burung-burung itu tidak boleh menjadi umat-umat melainkan apabila mereka mempunyai perhubungan-perhubungan yang tertentu dan sarana-sarana tertentu untuk mengadakan hubungan saling mengerti di antara mereka. Hal ini dapat diperhatikan dengan jelas dalam kehidupan berbagai-bagai burung, binatang dan serangga. Ahli-ahli sains yang mengkaji kehidupan makhluk-makhluk ini bersungguh-sungguh berusaha untuk memahami bahasa dan sarana-sarana komunikasi di antara binatang-binatang itu dengan cara membuat tekaan dan andaian bukan dengan cara pasti dan yakin, tetapi ilmu pengetahuan mengenai bahasa pertuturan burung-burung yang dikurniakan Allah kepada Nabi

---

[2] *Ujar Prof.* م.ي.ألي فنيت *(ejaan Inggerisnya tidak diketahui penyalin) Pensyarah Universiti Birmingham dan anggota lembaga perusahaan menyediakan bom-bom atom selepas peristiwa pengeboman Hiroshima dan Nagasaki: "Saya percaya tidak lama lagi akan lahir di pentas alam bom-bom yang melebihi bom-bom atom pertama sepuluh ribu tan di dalam kekuatan letupannya, dan selepas itu akan lahir pula bom-bom yang mempunyai kekuatan satu juta tan dan tiada lagi sebarang pertahanan dan kawalan yang dapat menyelamatkan dari bahayanya. Enam biji bom dari jenis ini sudah cukup untuk membinasa dan meleburkan England dengan seluruh penduduknya". Ramalan beliau itu tepat dan benar, kerana bom-bom hidrogen telah pun dihasilkan, iaitu bom yang menjadikan dua biji bom yang digugurkan ke atas Hiroshima dan Nagasaki itu sebagai bom mainan kanak-kanak sahaja, jika dibandingkan dengannya. Sehubungan dengan ini eloklah disebutkan bahawa bom yang digugurkan ke atas Hiroshima telah membunuh dengan serta merta bangsa Jepun seramai di antara 210,000 hingga 240,000 jiwa. Jumlah ini tidak termasuk orang-orang yang tercedera dan terbakar yang mati selepas itu yang dianggar berpuluh-puluh ribu orang pula.*

Sulaiman a.s. itu adalah suatu ilmu yang istimewa untuk beliau sahaja, iaitu ilmu secara mu'jizat yang berlainan dari kebiasaan manusia, bukannya ilmu yang didapati menerusi hasil usaha kajian untuk memahami sarana-sarana komunikasi burung-burung dan sebagainya untuk mengadakan hubungan saling mengerti di antara mereka, iaitu usaha kajian melalui andaian dan tekaan sebagaimana yang diamalkan oleh ahli-ahli ilmu pada hari ini.

Saya suka pengertian ini difaham dengan tegas dan jelas, kerana setengah-setengah ahli tafsir angkatan baru yang terpesona dengan kemajuan-kemajuan sains moden cuba mentafsirkan ayat Al-Qur'an mengenai ilmu Nabi Sulaiman a.s. yang dapat memahami bahasa pertuturan burung itu sebagai satu kepandaian memahami bahasa burung, binatang dan serangga yang didapati melalui usaha-usaha kajian ilmiyah secara moden. Pentafsiran ini merupakan perbuatan mengeluarkan mu'jizat yang dikurniakan kepada Nabi Sulaiman a.s. dari tabi'at mu'jizat dan merupakan salah satu kesan dari kesan-kesan kekalahan dan keterpesonaan kepada ilmu pengetahuan manusia yang amat sedikit itu. Sesungguhnya amatlah mudah kepada Allah mengajar mana-mana hamba kesayangan-Nya bahasa-bahasa burung, binatang dan serangga secara pemberian laduni dari-Nya tanpa memerlukan kepada sebarang usaha kajian dan penyelidikan. Pemberian itu terlaksana dengan hanya menghapuskan pagar-pagar yang didirikan Allah di antara bangsa-bangsa makhluk yang diciptakan-Nya itu.

Nabi Sulaiman Dikurniakan Sekumpulan Tentera Dari Jin Dan Burung

Ini hanya sebahagian dari mu'jizat yang dikurniakan Allah kepada hamba kesayangan-Nya Nabi Sulaiman a.s. Sebahagian yang lain lagi ialah mu'jizat penundukan sekumpulan jin dan burung di bawah perintah beliau selaku bala tenteranya yang sama dengan bala tentera bangsa manusia. Jenis kumpulan burung yang ditundukkan kepada Sulaiman itu telah dikurniakan Allah daya kefahaman yang lebih tinggi dari daya kefahaman jenis-jenis burung yang lain di kalangan umat burung.

Hal ini dapat dilihat dengan jelas dalam kisah burung hudhud yang dapat memahami keadaan-keadaan pemerintahan 'Ratu Negeri Saba' dan kaumnya dengan kefahaman yang difikirkan oleh seorang manusia yang amat bijak, cerdik dan bertaqwa. Semuanya ini dikurniakan secara mu'jizat yang di luar kemampuan manusia.

Memang benar bahawa undang-undang atau Sunnatullah dalam penciptaan makhluk-makhluk-Nya telah menetapkan bahawa burung-burung mempunyai daya kefahaman yang berbeza-beza di antara satu dengan yang lain, tetapi daya kefahaman burung tidak sampai kepada tahap daya kefahaman manusia. Penciptaan burung-burung dengan kebolehan seperti ini merupakan satu mata rantai di dalam siri keselarasan alam buana. Penciptaan seperti itu adalah tunduk kepada undang-undang am yang menghendaki burung itu diciptakan dengan kefahaman yang sedemikian rupa.

Memang benar bahawa burung hudhud yang dilahirkan hari ini adalah sama dengan burung hudhud yang wujud sejak ribuan atau jutaan tahun yang lampau, iaitu sejak wujudnya burung hudhud di alam ini. Di sana ada pembawa-pembawa warisan (genes) yang tertentu yang menjadikan rupa paras burung hudhud yang ada sekarang sama dengan burung hudhud yang pertama. Biarpun bagaimana burung hudhud itu melalui perubahan, namun ia tidak akan keluar dari jenis hudhud untuk meningkat ke jenis yang lain. Hal ini merupakan sebahagian dari Sunnatullah dan undang-undang penciptaan makhluk-makhluk-Nya atau sebahagian dari undang-undang am yang menyelaras dan mengatur alam buana ini.

Tetapi kedua-dua hakikat yang mantap ini tidak menghalangi berlakunya mu'jizat apabila dikehendaki Allah yang menciptakan undang-undang itu. Kadang-kadang mu'jizat itu sendiri merupakan sebahagian undang-undang am yang kita tidak mengetahui hujung tepinya, iaitu sebahagian undang-undang alam yang lahir pada waktu yang tidak diketahui oleh sesiapa pun melainkan Allah, ia lahir mencarik adat kebiasaan manusia dan menyempurnakan undang-undang Allah dalam penciptaan makhluk dan keselarasan umum. Dengan cara beginilah wujudnya burung hudhud Sulaiman dan kumpulan burung yang ditundukkan kepada beliau di zaman itu.

Marilah kita balik semula dari selingan ini kepada menghuraikan kisah Nabi Sulaiman a.s. setelah beliau mewarisi Nabi Daud a.s. dan mengumumkan ni'mat ilmu pengetahuan, kerajaan yang kukuh dan ni'mat kelebihannya di atas manusia-manusia yang lain:

وَحُشِرَ لِسُلَيْمَٰنَ جُنُودُهُۥ مِنَ ٱلْجِنِّ وَٱلْإِنسِ
وَٱلطَّيْرِ فَهُمْ يُوزَعُونَ ﴿١٧﴾

"Dan untuk Sulaiman dihimpunkan bala tenteranya dari jin, manusia dan burung dan mereka diatur (dalam barisan yang rapi)."(17)

Inilah angkatan bala tentera Sulaiman yang amat ramai terdiri dari makhluk-makhluk jin, manusia dan burung-burung. Makhluk manusia telah diketahui oleh semua orang, tetapi kita tidak mengetahui makhluk jin melainkan sekadar yang diceritakan Allah di dalam Al-Qur'an, iaitu Dia ciptakan mereka dari pucuk api yang bergejolak. Mereka nampak manusia, tetapi manusia tidak nampak mereka:

إِنَّهُۥ يَرَىٰكُمْ هُوَ وَقَبِيلُهُۥ مِنْ حَيْثُ لَا تَرَوْنَهُمْ

"Sesungguhnya dia dan kumpulannya melihat kamu dari tempat yang kamu tidak dapat melihat mereka."

(Surah al-A'raf: 27)

Pembicaraan dalam ayat ini mengenai Iblis atau syaitan, dan Iblis adalah dari bangsa jin, mereka biasanya berupaya membisikkan kejahatan di dalam hati manusia dan mendorongkan mereka melakukan maksiat, tetapi kita tidak mengetahui bagaimana caranya. Sekumpulan dari makhluk jin ada yang beriman kepada Rasulullulah s.a.w., sedangkan beliau tidak melihat mereka atau mengetahui keimanan mereka dari mereka, tetapi hanya Allah sahaja yang menceritakan hal-hal yang seperti itu kepada beliau:

قُلْ أُوحِيَ إِلَيَّ أَنَّهُ ٱسْتَمَعَ نَفَرٌ مِّنَ ٱلْجِنِّ فَقَالُوٓا۟ إِنَّا سَمِعْنَا قُرْءَانًا عَجَبًا ﴿١﴾ يَهْدِىٓ إِلَى ٱلرُّشْدِ فَـَٔامَنَّا بِهِۦ ۖ وَلَن نُّشْرِكَ بِرَبِّنَآ أَحَدًا ﴿٢﴾

"Katakanlah: Telah diwahyukan kepadaku bahawa ada sekumpulan jin telah mendengar bacaan Al-Qur'an lalu mereka berkata: Sesungguhnya kami telah mendengar Al-Qur'an yang amat mengkagumkan, yang memberi hidayat ke jalan yang benar. Oleh sebab itu kami beriman dengannya dan kami tidak akan mempersekutui Allah dengan sesiapa pun."

(Surah al-Jin: 1-2)

Nabi Sulaiman Dikurniakan Kumpulan Pekerja Mahir Dari Jin

Kita juga tahu bahawa Allah telah menundukkan sekumpulan dari makhluk jin itu kepada Nabi Sulaiman a.s. untuk membina tempat-tempat ibadat, patung-patung dan periuk-periuk yang besar. Mereka juga menjadi penyelam-penyelam di dalam laut kepada Nabi Sulaiman. Mereka menurut perintah beliau dengan izin Allah. Di antara mereka pula ialah kumpulan jin yang turut serta di dalam angkatan bala tentera Sulaiman bersama-sama makhluk manusia dan burung-burung.

Pada pendapat kami Allah hanya telah menundukkan sekumpulan jin dan sekumpulan burung sahaja kepada Nabi Sulaiman a.s., sebagaimana Allah tundukkan kepada beliau sekumpulan makhluk manusia. Sekiranya tidak semua manusia yang menjadi penghuni bumi ini menjadi bala tentera Sulaiman - kerana lingkungan kerajaan beliau tidak menjangkau lebih dari wilayah-wilayah yang dikenal sekarang sebagai negeri Palestin, Lubnan, Syria, Iraq hingga ke tebing sungai Furat - maka begitu juga tidak semua jin dan tidak semua burung ditundukkan kepada beliau, malah hanya satu kumpulan sahaja dari makhluk-makhluk itu yang ditundukkan kepada beliau.

Alasan pegangan kami dalam masalah jin ini ialah kerana Iblis dan zuriatnya adalah dari bangsa jin sebagaimana diterangkan oleh Al-Qur'an:

إِلَّآ إِبْلِيسَ كَانَ مِنَ ٱلْجِنِّ

"Melainkan Iblis adalah dia (Iblis) dari bangsa jin."

(Surah al-Kahfi: 50)

Di dalam Surah an-Nas diterangkan begini:

ٱلَّذِى يُوَسْوِسُ فِى صُدُورِ ٱلنَّاسِ ﴿٥﴾ مِنَ ٱلْجِنَّةِ وَٱلنَّاسِ ﴿٦﴾

"Yang membisik (kejahatan) di dalam dada manusia dari jin-jin dan manusia"(5-6)

Adakah Semua Jin Dan Burung Ditundukkan Kepada Sulaiman?

mereka telah melakukan kerja-kerja menggoda, membisik dan mendorong manusia kepada kejahatan itu di zaman Sulaiman dan mereka tentulah tidak dapat melakukan kerja-kerja ini andainya mereka ditundukkan kepada Sulaiman dan dibelenggu di bawa perintahnya kerana Sulaiman adalah seorang nabi yang menyeru manusia kepada hidayat. Oleh itu dapatlah difahamkan bahawa hanya segolongan jin sahaja yang ditundukkan kepada Nabi Sulaiman a.s.

Alasan pegangan kami dalam masalah burung pula ialah kerana apabila Sulaiman memeriksa burung-burung, maka ketika itu barulah beliau tahu bahawa burung hudhud itu tidak ada dan andainya seluruh burung-burung itu ditunduk kepada beliau dan dihimpunkan dalam angkatan tentera beliau termasuk burung hudhud tentulah beliau tidak dapat mengecam seekor burung hudhud di antara berjuta-juta hudhud di samping berbilion-bilion burung-burung yang lain. Apabila beliau bersabda: **"Mengapa aku tidak nampak burung** hudhud**"**, maka maksudnya ialah seekor burung hudhud yang tertentu sahaja dan mungkin burung inilah sahaja yang ditundukkan kepada beliau dari umat burung hudhud atau mungkin burung inilah sahaja yang menjadi burung yang memegang peranan utama di dalam angkatan bala tentera Sulaiman dari satu kumpulan burung-burung hudhud yang terbatas bilangannya. Ini disokong oleh kenyataan bahawa burung hudhud itu adalah seekor burung yang dikurniakan daya kefahaman yang istimewa yang berlainan dari daya kefahaman burung-burung hudhud biasa atau burung-burung yang lain umumnya. Pengurniaan ini tentulah diberikan kepada sekumpulan burung hudhud yang tertentu sahaja yang ditundukkan kepada Nabi Sulaiman a.s., bukannya diberikan kepada semua burung hudhud dan seluruh burung-burung yang lain, kerana jenis daya kefahaman yang diperlihatkan oleh burung hudhud yang istimewa itu adalah setaraf dengan daya kefahaman yang ada pada manusia-manusia yang bijak dan bertaqwa.

Angkatan bala tentera yang terdiri dari makhluk-makhluk jin, manusia dan burung itu telah dihimpunkan untuk Nabi Sulaiman a.s. Ia adalah satu

angkatan yang besar dan ramai, yang bersambung awal dengan akhirnya. Mereka diatur dalam barisan-barisan yang rapi, supaya mereka tidak kucar-kacir dan pecah berselerak. Ia adalah perhimpunan barisan tentera yang teratur. Ia diistilahkan dengan nama angkatan tentera kerana ramai bilangannya dan tersusun barisannya.

حَتَّىٰٓ إِذَآ أَتَوۡاْ عَلَىٰ وَادِ ٱلنَّمۡلِ قَالَتۡ نَمۡلَةٞ يَٰٓأَيُّهَا
ٱلنَّمۡلُ ٱدۡخُلُواْ مَسَٰكِنَكُمۡ لَا يَحۡطِمَنَّكُمۡ سُلَيۡمَٰنُ
وَجُنُودُهُۥ وَهُمۡ لَا يَشۡعُرُونَ ﴿١٨﴾
فَتَبَسَّمَ ضَاحِكٗا مِّن قَوۡلِهَا وَقَالَ رَبِّ أَوۡزِعۡنِيٓ أَنۡ
أَشۡكُرَ نِعۡمَتَكَ ٱلَّتِيٓ أَنۡعَمۡتَ عَلَيَّ وَعَلَىٰ وَٰلِدَيَّ وَأَنۡ
أَعۡمَلَ صَٰلِحٗا تَرۡضَىٰهُ وَأَدۡخِلۡنِي بِرَحۡمَتِكَ فِي
عِبَادِكَ ٱلصَّٰلِحِينَ ﴿١٩﴾

"Sehingga apabila mereka tiba di lembah semut berkatalah seekor semut: Wahai sekelian semut! Masuklah kesarang kamu masing-masing supaya kamu tidak dipijak Sulaiman dan bala tenteranya, sedangkan mereka tidak sedar (18). Lalu dia tersenyum dan ketawa kerana mendengar perkataannya dan berdo'a: Wahai Tuhanku! Tumpukan diriku untuk mensyukuri ni'mat-Mu yang telah engkau kurniakannya kepadaku dan kepada kedua ibubapaku dan supaya aku mengerjakan amalan soleh yang diredhai-Mu dan masukkanlah aku dengan rahmat-Mu ke dalam golongan hamba-hamba-Mu yang soleh."(19)

Angkatan bala tentera nabi Sulaiman a.s. meneruskan perjalanannya dalam barisan-barisan yang teratur rapi, barisan pertama bersambung dengan barisan yang akhir, mereka berjalan dengan barisan-barisan yang padu dan dengan langkah-langkah yang sama sehingga sampailah di sebuah lembah yang banyak semut sehingga dipanggil "Lembah semut" atau "Wadi an-Naml". Di sini berkatalah seekor semut yang menjadi kepala yang menyelia dan mengaturkan urusan semut yang berkeliaran di wadi itu - kerajaan semut adalah sama dengan kerajaan lebah dari segi susunan yang teratur rapi. Tugas-tugas kerja di sana dibahagi kepada berbagai-bagai jenis dan dilaksanakan dengan peraturan yang amat menarik dan melemahkan manusia dari mencontohinya walaupun mereka dikurniakan akal dan daya pemikiran yang tinggi - berkatalah semut ini dengan sarana komunikasi yang difahami umat semut dan dengan bahasa yang dimengertikan di dalam kalangan mereka - berkatalah semut ini kepada sekalian yang lain: *"Masuklah ke sarang kamu masing-masing supaya kamu tidak dipijak Sulaiman dan bala tenteranya, sedangkan mereka tidak sedar."*

Perkataan semut itu dapat difahami Nabi Sulaiman a.s. lalu beliau pun tersenyum. Beliau merasa senang hati kerana memahami isi maksud perkataan semut itu sama seperti tersenyumnya seorang tua terhadap budak kecil yang cuba melepaskan diri dari bahayanya, sedangkan dia tidak berniat hendak membahayakannya. Hatinya lapang kerana dapat memahaminya. Itulah ni'mat Allah yang dikurniakan kepada beliau, iaitu ni'mat yang menghubungkannya dengan alam-alam haiwan yang terpisah dari manusia kerana tertutupnya pintu saling mengerti dengan mereka dan adanya halangan-halangan yang menceraikan mereka. Beliau bergembira dengan peristiwa ini kerana ianya suatu peristiwa yang aneh dan menarik kerana semut ini mempunyai daya kefahaman yang seperti itu dan dapat memahamkan pula perintahnya kepada semut-semut yang lain dan menjadikan mereka ta'at kepadanya.

Nabi Sulaiman a.s. memahami (apa yang dikatakan semut itu) lalu dia tersenyum dan ketawa kerana mendengar perkataannya. Pemandangan ini telah mengharukan perasaan beliau dan membawa hati beliau dengan segera pulang kepada Allah yang telah mengurniakannya ni'mat ilmu pengetahuan mu'jizat ini dan membuka kepadanya alam-alam haiwan yang selama ini tertutup dan terpisah darinya, lalu beliau pun bertawajjuh kepada Allah memohon:

رَبِّ أَوۡزِعۡنِيٓ أَنۡ أَشۡكُرَ نِعۡمَتَكَ ٱلَّتِيٓ أَنۡعَمۡتَ عَلَيَّ
وَعَلَىٰ وَٰلِدَيَّ

"Wahai Tuhanku! Tumpukan diriku untuk mensyukuri ni'mat-Mu yang telah Engkau kurniakan kepadaku dan kepada dua ibubapaku."(19)

"Wahai Tuhanku!" Di sini beliau menggunakan kata-kata seruan dari dekat dan secara langsung. **"Tumpukan diriku"** yakni kumpulkan seluruh diriku, kumpulkan seluruh anggotaku, perasaanku, lidahku, hatiku, fikiranku, perkataanku, susunan perkataanku, amalanku dan tujuan-ku.kumpulkan seluruh diriku, seluruh daya tenagaku (mengikut pengertian bahasa dari kata-kata "أوزعني") supaya seluruhnya ditumpukan **"untuk mensyukuri ni'mat-Mu yang telah Engkau kurniakan kepadaku dan kepada dua ibubapaku."**

Ungkapan ini membayangkan ni'mat Allah yang telah mengharukan hati Nabi Sulaiman a.s. pada sa'at itu dan menggambarkan bentuk perasaan keterharuan, kekuatan tawajjuh, dan rasa hatinya yang bergelora ketika beliau menyedari ni'mat Allah yang limpah yang dikurniakan kepadanya dan kepada kedua ibubapanya. Beliau mengalami ni'mat dan rahmat Allah itu dengan penuh keterharuan lalu memohon:

رَبِّ أَوۡزِعۡنِيٓ أَنۡ أَشۡكُرَ نِعۡمَتَكَ ٱلَّتِيٓ أَنۡعَمۡتَ عَلَيَّ

وَعَلَىٰ وَالِدَيَّ وَأَنْ أَعْمَلَ صَالِحًا تَرْضَاهُ

"Wahai Tuhanku! Tumpukan diriku untuk mensyukuri ni'mat-Mu yang telah engkau kurniakannya kepadaku dan kepada dua ibubapaku dan supaya aku mengerjakan amalan soleh yang diredhai-Mu."(19)

Kerana amalan yang soleh itu juga merupakan limpah kurnia Allah yang ditaufikkan Allah kepada mereka yang bersyukur kepada ni'mat-Nya.

Nabi Sulaiman a.s. yang bersyukur kepada Allah dan memohon kepada-Nya agar mengumpulkan seluruh dirinya dan menumpukannya kepada tujuan mensyukuri ni'mat Allah itu juga telah memohon kepada Allah agar memberi taufiq kepadanya mengerjakan amalan-amalan yang soleh yang diredhai-Nya. Di sini beliau menyedari bahawa mengerjakan amalan yang soleh itu merupaan satu lagi taufiq dan ni'mat yang lain yang dikurniakan Allah.

وَأَدْخِلْنِي بِرَحْمَتِكَ فِي عِبَادِكَ الصَّالِحِينَ ﴿١٩﴾

"Dan masukkanlah aku dengan rahmat-Mu ke dalam golongan hamba-hamba-Mu yang soleh."(19)

"Masukkanlah aku dengan rahmat-Mu" beliau mengetahui bahawa keupayaan untuk memasuki ke dalam golongan hamba yang soleh itu merupakan satu rahmat dari Allah. Rahmat itu membawa seorang hamba itu sedar dan mentaufiqkannya mengerjakan amalan-amalan yang soleh hingga dapat masuk ke dalam golongan orang-orang yang soleh. Nabi Sulaiman a.s. menyedari hakikat ini kerana itu beliau merayu kepada Allah supaya menjadikannya termasuk dalam golongan orang-orang yang mendapat rahmat dan taufiq Allah untuk memasuki golongan orang-orang yang soleh itu. Beliau tetap merayu kepada Allah walaupun beliau seorang nabi yang dikurniakan Allah ni'mat-ni'mat yang besar dan ditundukkan kepadanya makhluk-makhluk jin, manusia dan burung-burung, beliau tidak merasa aman dari kemurkaan Allah walaupun setelah beliau dipilih menjadi nabi. Beliau merasa bimbang amalannya dan kesyukurannya terhadap Allah tidak sempurna. Demikianlah perasaan beliau yang peka terhadap taqwa dan takut kepada Allah dan keinginan beliau yang berkobar-kobar untuk mendapatkan keredhaan dan rahmat Allah disa'at munculnya ni'mat Allah sebagaimana yang telah berlaku apabila beliau dapat memahami bahasa pertuturan semut dengan ajaran dan limpah kurnia dari Allah.

Di sini kita berdepan di hadapan dua jenis mu'jizat bukannya satu mu'jizat iaitu mu'jizat kefahaman Nabi Sulaiman a.s. yang memahami amaran semut kepada kaumnya dan mu'jizat kefahaman semut bahawa ini adalah Nabi Sulaiman dan bala tenteranya. Mu'jizat pertama merupakan ilmu pengetahuan mu'jizat yang diajarkan Allah kepada Sulaiman sebagai seorang manusia dan nabi. Oleh itu mu'jizat yang pertama ini lebih dekat kepada beliau dibandingkan dengan mu'jizat yang kedua yang terdapat pada percakapan semut itu. Mungkin semut itu dapat menanggap bahawa makhluk-makhluk itu adalah makhluk-makhluk yang lebih besar. Mereka boleh membinasakan semut-semut apabila mereka memijaknya. Mungkin juga semut itu dapat melarikan diri dari sesuatu bahaya dengan daya-daya kefahaman yang dijadikan Allah dalam tabi'atnya untuk memelihara hidupnya, tetapi untuk memahami bahawa orang-orang ini adalah Nabi Sulaiman dan bala tenteranya tentulah merupakan satu kejadian istimewa yang luar biasa dan dapat dimasukkan ke dalam kumpulan mu'jizat-mu'jizat dalam keadaan yang seperti ini.

******

Sekarang sampailah pula kita kepada kisah Nabi Sulaiman a.s. dengan burung hudhud dan ratu negeri Saba'. Kisah ini dipecahkan kepada enam pemandangan yang diselangi ruang-ruang kosong yang seni, yang dapat difaham dari pemandangan-pemandangan yang dibentangkan itu. Ruang-ruang kosong itu menyempurnakan keindahan pembentangan yang seni kisah ini. Pemandangan-pemandangan itu juga diselangi dengan ulasan-ulasan terhadap setengah-setengah pemandangan yang mengandungi bimbingan kepada hati manusia dan inilah tujuan pemandangan itu ditayangkan dalam surah ini, juga ulasan yang menonjolkan contoh teladan dan pengajaran yang menjadi pokok tujuan dibentangkan kisah-kisah itu di dalam Al-Qur'anul-Karim. Ulasan-ulasan itu selaras dengan pemandangan-pemandangan dan ruang-ruang kosong itu dari sudut kesenian yang indah dan dari sudut keagamaan yang dapat mempengaruhi hati dan kesedaran manusia.

Oleh sebab pendahuluan kisah Sulaiman itu mengandungi isyarat tentang makhluk-makhluk jin, manusia dan burung di samping mengandungi isyarat tentang ni'mat ilmu pengetahuan, maka kisah ini juga memuatkan peranan masing-masing bagi makhluk-makhluk jin, manusia dan burung itu di samping menonjolkan peranan ilmu pengetahuan. Seolah-olah pendahuluan itu memberi isyarat kepada watak-watak yang memainkan peranan-peranan utama dalam kisah itu. Ini satu lagi ciri yang amat seni dan halus di dalam kisah Al-Qur'an.

Begitu juga ciri-ciri syakhsiyah dan sifat-sifat yang membezakan di antara syakhsiyah-syakhsiyah dalam kisah itu digambarkan begitu jelas iaitu ciri-ciri syakhsiyah Sulaiman, syakhsiyah ratu negeri Saba', syakhsiyah burung hudhud dan syakhsiyah pembesar-pembesar ratu negeri Saba' di samping menggambarkan perasaan-perasaan yang dialami oleh syakhsiyah-syakhsiyah itu di dalam berbagai-bagai pemandangan dan situasi-situasi kisah itu.

******

(Pentafsiran ayat-ayat 20 - 44)

Pemandangan yang pertama dimulai dengan pemandangan angkatan bala tentera Sulaiman yang

besar setelah mereka tiba di lembah semut dan setelah seekor semut memberi amaran kepada kaumnya dan setelah Nabi Sulaiman a.s. bertawajjuh kepada Allah menyatakan kesyukurannya, mengemukanya do'a dan taubatnya:

وَتَفَقَّدَ ٱلطَّيْرَ فَقَالَ مَا لِيَ لَآ أَرَى ٱلْهُدْهُدَ أَمْ
كَانَ مِنَ ٱلْغَآئِبِينَ ﴿٢٠﴾
لَأُعَذِّبَنَّهُۥ عَذَابًا شَدِيدًا أَوْ لَأَا۟ذْبَحَنَّهُۥٓ أَوْ لَيَأْتِيَنِّى
بِسُلْطَٰنٍ مُّبِينٍ ﴿٢١﴾

"Dan kemudian dia memeriksa burung-burung lalu dia berkata: Mengapa aku tidak nampak hudhud adakah dia termasuk dalam kumpulan yang tidak hadir?(20). Sesungguhnya aku akan azabkannya dengan azab yang berat atau aku akan sembelihkannya atau dia membawa alasan yang terang kepadaku."(21)

Ini dia raja dan Nabi Sulaiman a.s. dalam angkatannya yang amat besar sedang memeriksa angkatan burung-burung tiba-tiba beliau tidak nampak hudhud. Dari sini kita dapat memahami bahawa yang dimaksudkan dengan hudhud ini ialah seekor burung hudhud istimewa yang mempunyai tugas tertentu dalam angkatan bala tentera Sulaiman bukannya mana-mana seekor burung hudhud biasa dari beribu-ribu atau berjuta-juta umat burung hudhud yang ada di bumi ini. Dari tindakan Nabi Sulaiman a.s. memeriksa burung hudhud ini kita dapat memahami pula salah satu sifat dari sifat-sifat syakhsiyah beliau, iaitu sifat waspada, teliti dan tegas. Beliau tidak pernah lupa mana-mana perajuritnya yang menghilangkan diri dari angkatan bala tenteranya yang amat besar itu, yang terdiri dari makhluk-makhluk jin, manusia dan burung-burung yang diatur dalam barisan yang padu supaya mereka tidak berpecah belah dan menyeleweng.

Beliau bertanya tentang hudhud itu dengan gaya seorang pemerintah dan dengan bahasa yang lembut dan padat **"Mengapa aku tidak nampak** hudhud **adakah dia termasuk dalam kumpulan yang tidak hadir?"**

Yang jelas ialah hudhud tidak hadir dan semua mereka tahu dari pertanyaan raja Sulaiman itu bahawa hudhud itu tidak hadir tanpa kebenaran. Di sini tindakan yang tegas pasti diambil supaya tidak berlaku keadaan yang kucar-kacir. Tindakan ini tidak menjadi perkara rahsia lagi setelah raja Sulaiman sendiri melakukan pemeriksaannya. Jika satu tindakan yang tegas tidak diambil, ia akan menjadi contoh teladan yang tidak baik kepada perajurit-perajurit yang lain. Oleh sebab itu kita dapati raja Sulaiman yang tegas itu terus mengancam perajurit-perajurit yang tidak hadir dan melanggar disiplin itu dengan katanya:

لَأُعَذِّبَنَّهُۥ عَذَابًا شَدِيدًا أَوْ لَأَا۟ذْبَحَنَّهُۥٓ أَوْ لَيَأْتِيَنِّى
بِسُلْطَٰنٍ مُّبِينٍ ﴿٢١﴾

"Sesungguhnya aku akan azabkannya dengan azab yang berat atau aku akan sembelihkannya atau dia membawa alasan yang terang kepadaku."(21)

Tetapi Sulaiman a.s. bukannya seorang raja yang zalim di bumi ini, malah beliau adalah seorang nabi. Beliau belum lagi mendengar alasan hudhud yang menghilangkan diri itu. Oleh sebab itu beliau tidak mengambil sesuatu keputusan yang muktamad terhadap hudhud sebelum mendengar sendiri alasan dan sebab-sebab keuzurannya tidak hadir. Di sini terserlah sifat seorang nabi yang adil apabila beliau bersabda **"Atau dia membawa alasan yang terang kepadaku"** yakni mengemukakan hujjah yang kuat yang membuktikan keuzurannya yang dapat melepaskan dirinya dari tindakan bersalah.

Kemudian tirai dilabuhkan menutup pemandangan pertama kisah itu (atau mungkin juga tirai masih tersingkap) dan hudhud pun sampai membawa berita yang amat penting yang begitu memeranjatkan Nabi Sulaiman a.s., malah memeranjatkan kita juga yang sedang menonton kisah ini sekarang.

فَمَكَثَ غَيْرَ بَعِيدٍ فَقَالَ أَحَطتُ بِمَا لَمْ تُحِطْ بِهِۦ
وَجِئْتُكَ مِن سَبَإٍۭ بِنَبَإٍ يَقِينٍ ﴿٢٢﴾
إِنِّى وَجَدتُّ ٱمْرَأَةً تَمْلِكُهُمْ وَأُوتِيَتْ مِن كُلِّ
شَىْءٍ وَلَهَا عَرْشٌ عَظِيمٌ ﴿٢٣﴾
وَجَدتُّهَا وَقَوْمَهَا يَسْجُدُونَ لِلشَّمْسِ مِن دُونِ
ٱللَّهِ وَزَيَّنَ لَهُمُ ٱلشَّيْطَٰنُ أَعْمَٰلَهُمْ فَصَدَّهُمْ عَنِ ٱلسَّبِيلِ
فَهُمْ لَا يَهْتَدُونَ ﴿٢٤﴾
أَلَّا يَسْجُدُوا۟ لِلَّهِ ٱلَّذِى يُخْرِجُ ٱلْخَبْءَ فِى ٱلسَّمَٰوَٰتِ
وَٱلْأَرْضِ وَيَعْلَمُ مَا تُخْفُونَ وَمَا تُعْلِنُونَ ﴿٢٥﴾
ٱللَّهُ لَآ إِلَٰهَ إِلَّا هُوَ رَبُّ ٱلْعَرْشِ ٱلْعَظِيمِ ۩ ﴿٢٦﴾

"Tidak lama kemudian (datanglah hudhud) lalu berkata: Saya telah mengetahui apa yang anda tidak mengetahui-nya dan saya datang kepada anda dari negeri Saba' membawa berita yang diyakini kebenarannya(22). Sesungguhnya saya dapati disana ada seorang raja perempuan memerintah mereka. Dia telah dikurniakan segala sesuatu dan dia mempunyai singgahsana yang besar(23). Saya dapati dia dan kaumnya menyembah matahari selain Allah. Syaitan telah

mendandankan perbuatan-perbuatan mereka (yang keji) dan meng-halangkan mereka dari jalan (Allah). Oleh sebab itu mereka tidak mendapat hidayat(24). (Tujuan syaitan berbuat demikian) supaya mereka tidak menyembah Allah yang berkuasa melahirkan segala sesuatu yang tersembunyi di langit dan di bumi dan mengetahui segala apa yang disembunyikan kamu dan segala apa yang dinyatakan kamu(25). Allah, tiada Tuhan yang lain melainkan Dia, Tuhan yang memiliki 'Arasy yang besar."(26)

Hudhud Melaporkan Kedudukan Kerajaan Ratu Balqis Di Saba' Kepada Sulaiman

Hudhud tahu ketegasan rajanya kerana itu ia memulakan percakapannya dengan cerita yang dapat memeranjatkan beliau, yang dapat mengatasi persoalan ketidakhadirannya dan dapat menjamin Raja Sulaiman bersedia mendengarnya **"Saya telah mengetahui apa yang anda tidak mengetahuinya".** Manakah seorang raja yang tidak mahu mendengar apabila ada seorang rakyatnya berkata begitu?

Setelah berjaya menarik pendengaran raja dengan berita yang memeranjatkan itu, hudhud pun mulai menghuraikan dengan terperinci berita benar yang dibawanya dari negeri Saba' iaitu sebuah negeri yang terletak di selatan Semenanjung Tanah Arab di negeri Yaman. Dia menceritakan bahawa dia dapati penduduk-penduduk negeri itu diperintah seorang raja perempuan yang telah **"Dikurniakan segala sesuatu"** yakni seorang raja yang mempunyai kerajaan yang besar, kaya, cukup dengan serba kelengkapan tamadun, kekuatan, kemewahan dan keni'matan hidup, dan **"Dia mempunyai singgahsana yang besar"** yakni sebuah takhta kerajaan agung, yang melambangkan kekayaan, kemewahan dan kemajuan seni pertukangan. hudhud seterusnya menyebut bahawa dia dapati rakyat jelatanya **"Menyembah matahari selain Allah",** dan di sini dia menyebut bahawa punca yang membawa kesesatan mereka ialah syaitan yang telah menjadikan perbuatan mereka yang kecil itu dipandang baik dan cantik pada pandangan mereka dan dengan cara inilah syaitan telah menyesatkan mereka dan menyebabkan mereka tidak mendapat hidayat kepada menyembah Allah Tuhan Yang Maha Mengetahui dan Maha Mendalam ilmu pengetahuanNya, Tuhan **"Yang berkuasa melahirkan segala sesuatu yang tersembunyi di langit dan di bumi"** yakni sama ada berupa hujan dari langit atau tumbuhan-tumbuhan di dalam bumi, atau berupa rahsia-rahsia langit dan bumi. Kata "ألخبء" itu mengertikan segala sesuatu yang tersembunyi di belakang tabir ghaib di alam buana yang lebar ini. Dan **"Dia mengetahui segala apa yang disembunyikan kamu dan segala apa yang dinyatakan kamu"** yakni Dia mengetahui segala apa yang tersembunyi di langit dan di bumi juga mengetahui segala apa yang tersembunyi di dalam hati manusia sama ada zahir atau batin.

hudhud pada ketika ini masih lagi berdiri selaku orang yang bersalah yang belum lagi menerima hukuman dari rajanya, oleh kerana itu dia menyindir secara halus pada akhir ceritanya tentang sifat Allah selaku Pemerintah Yang Maha Agung, Maha Gagah Perkasa dan selaku Tuhan seluruh makhluk yang mempunyai 'Arasy Yang Maha Besar yang tidak dapat dibandingkan dengan singgahsana-singgahsana manusia dengan tujuan supaya Raja Sulaiman mengurangkan kebesaran insannya di hadapan kebesaran Ilahi Yang Maha Agung ini:

ٱللَّهُ لَآ إِلَٰهَ إِلَّا هُوَ رَبُّ ٱلْعَرْشِ ٱلْعَظِيمِ ۩ ﴿٢٦﴾

"Allah, tiada Tuhan yang lain melainkan Dia, Tuhan yang memiliki 'Arasy yang besar."(26)

Dengan isyarat yang halus ini hudhud dapat menyentuh hati Nabi Sulaiman a.s. ketika ia mengulas tentang keadaan raja perempuan negeri Saba'dan rakyat jelatanya.

Kita dapati diri kita berdepan dengan seekor burung hudhud yang aneh. Dia mempunyai kefahaman, kecerdasan, keimanan dan kepintaran membentangkan berita di samping mempunyai kewaspadaan dan ketelitian terhadap kedudukan-nya dan mempunyai kebijaksanaan memberi sindiran dan isyarat yang bijak. Dia dapat memahami bahawa ini raja perempuan dan ini pula rakyat jelatanya. Dia memahami bahawa mereka menyembah matahari bukan menyembah Allah. Dia memahami bahawa sujud itu hanya untuk Allah Tuhan yang berkuasa melahirkan segala sesuatu yang tersembunyi di langit dan di bumi dan Tuhan yang mem-punyai 'Arasy Yang Maha Besar. Burung-burung hudhud biasa tentulah tidak mempunyai kefahaman dan fikiran yang seperti ini. Oleh itu hudhud ini tetaplah seekor hudhud istimewa yang dikurniakan daya kefahaman istimewa sebagai satu mu'jizat yang menyalahi biasa.

Tetapi Nabi Sulaiman a.s. tidak bersikap gopoh menerima berita hudhud atau mendustakannya, malah beliau ingin menguji berita itu lebih dahulu untuk mempastikan kebenarannya sesuai dengan sifat seorang nabi yang adil dan seorang raja yang tegas.

قَالَ سَنَنظُرُ أَصَدَقْتَ أَمْ كُنتَ مِنَ ٱلْكَٰذِبِينَ ﴿٢٧﴾ ٱذْهَب بِّكِتَٰبِى هَٰذَا فَأَلْقِهْ إِلَيْهِمْ ثُمَّ تَوَلَّ عَنْهُمْ فَٱنظُرْ مَاذَا يَرْجِعُونَ ﴿٢٨﴾

"Ujar Sulaiman: Kami akan lihat apakah engkau benar atau mereka (yang keji) dan menghalangkan engkau termasuk di dalam golongan mereka yang berbohong(27). Pergilah engkau membawa suratku ini dan campakkan-nya kepada mereka kemudian berundurlah dari mereka dan lihatlah apakah yang dibicarakan mereka?"(28)

hudhud Diperintah Menyampaikan Surat Da'wah Kepada Ratu Balqis

Pada masa ini beliau tidak menjelaskan isi kandungan surat itu, malah isi kandungannya tetap tertutup seperti surat itu sendiri supaya ia hanya

dibuka dan diumumkan di negeri Saba' sana. Dengan ini kejutan yang seni itu adalah disediakan untuk tempatnya yang sesuai. Kemudian tabir dilabuhkan menutup pemandangan ini dan setelah itu diangkatkan kembali, di sana kelihatan raja perempuan negeri Saba' telah menerima surat itu dan sedang bermesyuarat dengan para pembesarnya untuk memutuskan persoalan yang amat penting itu:

قَالَتْ يَٰٓأَيُّهَا ٱلْمَلَؤُا۟ إِنِّىٓ أُلْقِىَ إِلَىَّ كِتَٰبٌ كَرِيمٌ ﴿٢٩﴾

إِنَّهُۥ مِن سُلَيْمَٰنَ وَإِنَّهُۥ بِسْمِ ٱللَّهِ ٱلرَّحْمَٰنِ ٱلرَّحِيمِ ﴿٣٠﴾

أَلَّا تَعْلُوا۟ عَلَىَّ وَأْتُونِى مُسْلِمِينَ ﴿٣١﴾

"Berkatalah (ratu Balqis): Wahai sekalian pembesar! Sesungguhnya ada sepucuk surat yang mulia telah dicampakkan kepadaku(29). Sesungguhnya surat itu dari Sulaiman dan isi kandungannya ialah Bismillahir-Rahmanir-Rahim(30). Janganlah kamu bersikap angkuh terhadapku dan datanglah kamu sebagai Muslimin (orang-orang yang menyerah diri kepada Allah)."(31)

Ratu itu menerangkan kepada para pembesarnya bahawa ada sepucuk surat telah dicampakkan kepada baginda. Di sini kita lebih percaya bahawa baginda tidak mengetahui siapakah yang mencampakkan surat itu kepadanya dan bagaimana surat itu dicampakkan kepadanya. Andainya baginda tahu bahawa yang membawa surat itu ialah hudhud- sebagaimana disebutkan dalam kitab-kitab tafsir - tentulah baginda mengumumkan peristiwa yang aneh yang tidak berlaku setiap hari ini, tetapi baginda hanya menceritakan dengan kata · kerja majhul (passive voice) sahaja. Ini membuat kita lebih percaya bahawa baginda tidak mengetahui bagaimana surat itu dicampakkan kepadanya dan siapakah yang mencampakkannya.

Baginda menyifatkan surat itu sebagai **"Sepucuk surat yang mulia"** mungkin sifat ini terlintas di dalam hati baginda setelah baginda melihat mohornya atau bentuk rupanya atau membaca isi kandungannya yang diumumkan kepada para pembesarnya:

Ratu Balqis Mengadakan Sidang Tergempar Dengan Para Pembesarnya

إِنَّهُۥ مِن سُلَيْمَٰنَ وَإِنَّهُۥ بِسْمِ ٱللَّهِ ٱلرَّحْمَٰنِ ٱلرَّحِيمِ ﴿٣٠﴾

أَلَّا تَعْلُوا۟ عَلَىَّ وَأْتُونِى مُسْلِمِينَ ﴿٣١﴾

"Sesungguhnya surat itu dari Sulaiman dan isi kandungannya ialah Bismillahir-Rahmanir-Rahim(30). Janganlah kamu bersikap angkuh terhadapku dan datanglah kamu sebagai Muslimin (orang-orang yang menyerah diri kepada Allah)."(31)

Baginda tidak menyembah Allah, tetapi kemasyhuran pemerintahan Sulaiman memang terkenal di kawasan ini. Gaya bahasa surat yang diceritakan oleh Al-Qur'an itu memperlihatkan sikap unggul dan lebih tegas dan pasti. Gaya Bahasa inilah barangkali yang mendorong baginda menyifatkan surat itu sebagai **"Sepucuk surat yang mulia".**

Isi kandungan surat itu amat mudah, kuat dan tegas. Ia dimulakan dengan Bismillahir-Rahmanir-Rahim dan permintaannya hanya satu sahaja iaitu ia meminta mereka jangan berlagak angkuh dan menderhaka terhadap orang yang mengirim surat itu, malah mereka hendaklah datang menemuinya untuk menyerah diri kepada Allah, yang kini beliau bercakap kepada mereka di atas nama-Nya.

Baginda membentangkan kandungan surat itu kepada para pembesar kaumnya kemudian baginda bertitah meminta pendapat mereka dan mengumumkan kepada mereka bahawa baginda tidak akan membuat apa-apa keputusan melainkan selepas diadakan mesyuarat ini dan mendapat persetujuan mereka:

قَالَتْ يَٰٓأَيُّهَا ٱلْمَلَؤُا۟ أَفْتُونِى فِىٓ أَمْرِى مَا كُنتُ قَاطِعَةً

أَمْرًا حَتَّىٰ تَشْهَدُونِ ﴿٣٢﴾

"Berkatalah (Ratu Balqis): Wahai para pembesar! Berilah kepadaku pendapat kamu dalam urusanku ini. Aku tidak pernah membuat sesuatu keputusan sehingga kamu datang bermesyuarat denganku."(32)

Di sini terserlah sifat baginda yang bijaksana itu. Dari awal lagi nampak jelas bahawa bagindalah yang mengambil surat yang dicampakkan kepadanya entah dari mana itu, dan kandungan surat itu juga nampak jelas memperlihatkan sikap yang tegas dan unggul. Baginda telah memindahkan kesan-kesan ketegasan dan keunggulan kandungan surat ini kepada para pembesar kaumnya apabila baginda menyifatkan surat itu sebagai sepucuk surat yang mulia. Sikap baginda juga jelas iaitu baginda tidak mahu menentang dan berseteru (dengan Sulaiman), tetapi baginda tidak mahu mengatakan sikap ini secara terus terang, malah baginda hanya memberi jalan ke arah itu dengan menyifatkan surat itu sebagai surat yang mulia, kemudian baginda meminta fikiran mereka.

Sesuai dengan kebiasaan pembesar-pembesar negeri mereka menyatakan kesediaan mereka untuk bertindak, tetapi mereka menyerahkan perkara ini untuk diputuskan oleh baginda sendiri:

قَالُوا۟ نَحْنُ أُو۟لُوا۟ قُوَّةٍ وَأُو۟لُوا۟ بَأْسٍ شَدِيدٍ وَٱلْأَمْرُ إِلَيْكِ

فَٱنظُرِى مَاذَا تَأْمُرِينَ ﴿٣٣﴾

"Jawab mereka: Kita adalah umat yang kuat dan gagah berani. Keputusan berada di tangan anda. Oleh itu fikirkanlah apa yang anda hendak perintahkan."(33)

Di sini nampak jelas sifat syakhsiyah seorang perempuan di sebalik sifat syakhsiyah seorang raja perempuan, iaitu sifat perempuan yang bencikan

peperangan dan perbuatan menghancur dan membinasa, sifat perempuan yang suka menggunakan senjata helah dan berlemah lembut sebelum menggunakan senjata kekuatan dan tindakan yang kasar:

قَالَتْ إِنَّ ٱلْمُلُوكَ إِذَا دَخَلُوا۟ قَرْيَةً أَفْسَدُوهَا وَجَعَلُوٓا۟
أَعِزَّةَ أَهْلِهَآ أَذِلَّةً ۖ وَكَذَٰلِكَ يَفْعَلُونَ ﴿٣٤﴾
وَإِنِّى مُرْسِلَةٌ إِلَيْهِم بِهَدِيَّةٍ فَنَاظِرَةٌۢ بِمَ يَرْجِعُ
ٱلْمُرْسَلُونَ ﴿٣٥﴾

"Berkatalah (ratu Balqis): Sesungguhnya (adat) raja-raja itu apabila mereka memasuki sesebuah negeri, mereka akan merosakkannya dan menjadikan penduduk-penduduknya yang mulia hina-dina. Dan begitulah pula mereka akan lakukan (terhadap negeri kita)(34). Dan sesungguhnya aku akan menghantarkan utusan membawa hadiah kepada mereka dan aku akan menunggu apakah yang akan dibawa balik oleh utusan-utusan itu?"(35)

Baginda tahu bahawa tabi'at raja-raja apabila mereka menyerang sebuah negeri mereka berleluasa melakukan kerosakan, mereka menghalalkan segala yang dipandang suci dan mulia, mereka menceroboh segala yang diharamkan dan mereka menghancurkan segala kekuatan yang mempertahankan negeri itu terutama pembesar-pembesarnya. Mereka akan jadikan pembesar-pembesar itu hina-dina kerana merekalah kumpulan yang menjadi unsur yang menentang mereka. Inilah adat kebiasaan yang dilakukan mereka.

Pemberian hadiah boleh melembutkan hati kerana ia melambangkan perasaan kasih mesra. Kadang-kadang hadiah itu berjaya mengelakkan peperangan. Ini boleh dicuba. Andainya Sulaiman menerima hadiah itu, maka ini menunjukkan bahawa apa yang diperjuangkan beliau adalah perkara urusan dunia, dan sebaliknya jika beliau tidak menerimanya, maka ini menunjukkan bahawa beliau benar-benar memperjuangkan urusan 'aqidah yang tidak dapat diselewengkan oleh harta dan mata benda yang ada di bumi.

Ratu Balqis Menghantar Misi Damai Kepada Sulaiman

Kemudian tirai dilabuhkan menutup pemandangan ini dan setelah itu disingkapkan kembali untuk menayangkan pemandangan para utusan ratu negeri Saba' membawa hadiah-hadiah sedang mengadap Nabi Sulaiman a.s. Beliau mengecamkan tujuan mereka yang cuba membelinya dengan harta atau cuba menghalangkannya dari berda'wah kepada mereka supaya memeluk agama Islam. Kemudian beliau mengumumkan dengan penuh ketegasan ancaman dan amarannya yang akhir:

فَلَمَّا جَآءَ سُلَيْمَٰنَ قَالَ أَتُمِدُّونَنِ بِمَالٍ فَمَآ ءَاتَىٰنِۦَ ٱللَّهُ
خَيْرٌ مِّمَّآ ءَاتَىٰكُم ۚ بَلْ أَنتُم بِهَدِيَّتِكُمْ تَفْرَحُونَ ﴿٣٦﴾
ٱرْجِعْ إِلَيْهِمْ فَلَنَأْتِيَنَّهُم بِجُنُودٍ لَّا قِبَلَ لَهُم بِهَا
وَلَنُخْرِجَنَّهُم مِّنْهَآ أَذِلَّةً وَهُمْ صَٰغِرُونَ ﴿٣٧﴾

"Apabila utusan itu datang menemui Sulaiman, diapun berkata: Apakah kamu mahu menghulurkan harta kekayaan kepadaku, sedangkan apa yang dikurniakan Allah kepadaku adalah lebih baik dari segala apa yang dikurniakan kepada kamu, malah kamulah sahaja yang bergembira dengan hadiah kamu (ini)(36). Pulanglah sahaja kepada mereka: Sesungguhnya kami akan menyerang mereka dengan bala tentera yang tidak mampu ditentang mereka dan kami akan mengusir mereka keluar dari negeri (Saba') dengan keadaan hina-dina dan mereka akan tunduk patuh."(37)

Jawapan ini membayangkan sikap beliau yang memandang rendah kepada harta kekayaan dan kecaman beliau terhadap tujuan kedatangan mereka yang tidak ada hubungan dengan bidang 'aqidah dan da'wah, **"Apakah kamu mahu menghulurkan harta kekayaan kepadaku?"** Yakni adakah kamu mahu menyogokkan aku dengan harta benda dunia yang murah ini, sedangkan apa yang dikurniakan Allah kepadaku adalah lebih baik dari segala apa yang dikurniakan kepada kamu? Yakni Allah telah mengurniakan kepadaku harta benda yang lebih baik dari harta benda yang ada pada kamu, malah Allah telah mengurniakan kepadaku pemberian yang lebih baik dari segala harta kekayaan, iaitu pemberian ilmu pengetahuan dan pangkat kenabian dan ni'mat penundukan jin dan burung-burung kepada perintahku. Justeru itu tiada apa lagi di bumi ini yang dapat mengembirakan aku, **"Malah kamulah sahaja yang bergembira dengan hadiah kamu ini"** yakni kamulah yang merasa gembira dengan nilai-nilai harta kekayaan yang murah ini, yang hanya diminati ahli-ahli dunia yang tidak berhubung dengan Allah dan tidak menerima hidayat dari-Nya.

Kemudian kecaman itu diiringi dengan ancaman, **"Pulanglah sahaja kepada mereka"** membawa hadiah-hadiah ini balik dan tunggulah akibatnya yang ngeri. **"Sesungguhnya kami akan menyerang mereka dengan bala tentera yang tidak mampu ditentang mereka"** yakni bala tentera yang tidak pernah ditundukkan kepada manusia yang lain di mana-mana tempat sekalipun dan bala tentera yang tidak dapat dilawan baginda dan hamba rakyatnya. **"Kami akan mengusir mereka keluar dari negeri (Saba') dengan keadaan hina-dina"**, kalah dan tewas.

Kemudian tirai dilabuhkan menutup pemandangan yang tegang itu. Para utusan berundur dari situ. Al-Qur'an meninggalkan mereka begitu sahaja dan tidak berkata apa-apa tentang mereka seolah-olah perkara itu telah selesai dan ceritanya telah tamat.

Kemudian Nabi Sulaiman a.s. sedar bahawa jawapan ini akan menyelesaikan urusannya dengan

ratu negeri Saba' yang tidak mahu berseteru dengan beliau sebagaimana yang dapat dilihat dengan jelas dari cara baginda melayani suratnya yang tegas itu dengan balasan hadiah.

Beliau percaya bahawa baginda akan menyahut da'wah-Nya dan apa yang dipercayainya itu adalah tepat.

Sulaiman Membawa Singgahsana Balqis Ke Istananya Semasa Baginda Dalam Perjalanan Mengadapnya

Tetapi Al-Qur'an tidak menyebut bagaimana para utusan itu pulang kepada ratu negeri Saba' itu dan apakah penjelasan yang disampaikan kepada baginda dan apakah keputusan yang telah diambil oleh baginda selepas itu, malah Al-Qur'an meninggalkan satu ruang kosong yang kemudiannya kita dapat mengetahui bahawa baginda sedang berangkat menuju kepada Nabi Sulaiman a.s. Beliau memang tahu tentang keberangkatan ini lalu beliau mengadakan perbincangan dengan tenteranya untuk membawa singgahsana baginda yang ditinggalkannya di negeri Saba' dan dikawal rapi itu:

قَالَ يَٰٓأَيُّهَا ٱلۡمَلَؤُاْ أَيُّكُمۡ يَأۡتِينِي بِعَرۡشِهَا قَبۡلَ أَن يَأۡتُونِي مُسۡلِمِينَ ٣٨

قَالَ عِفۡرِيتٞ مِّنَ ٱلۡجِنِّ أَنَا۠ ءَاتِيكَ بِهِۦ قَبۡلَ أَن تَقُومَ مِن مَّقَامِكَۖ وَإِنِّي عَلَيۡهِ لَقَوِيٌّ أَمِينٞ ٣٩

"Berkatalah (Sulaiman): Wahai para pembesar! Siapakah di antara kamu yang boleh membawa ke mari singgah-sananya (Balqis) sebelum mereka datang sebagai Muslimin (orang-orang yang menyerah diri kepada Allah)(38). Berkatalah seorang yang pintar dari jin: Saya sanggup membawa singgahsana itu sebelum anda bangkit dari tempat duduk anda. Sesungguhnya aku adalah seorang yang gagah membawanya lagi amanah(39).

قَالَ ٱلَّذِي عِندَهُۥ عِلۡمٞ مِّنَ ٱلۡكِتَٰبِ أَنَا۠ ءَاتِيكَ بِهِۦ قَبۡلَ أَن يَرۡتَدَّ إِلَيۡكَ طَرۡفُكَۚ

Lalu berkatalah seorang yang mempunyai ilmu dari al-kitab: Saya sanggup membawa singgahsana itu sebelum mata anda berkelip."(40)

Pakar-pakar Kerajaan Sulaiman Sanggup Membawa Singgahsana Balqis Dalam Masa Yang Amat Pantas

Apakah tujuan Nabi Sulaiman a.s. membawa ke istananya singgahsana ratu Saba' itu sebelum baginda tiba di sini untuk menyerahkan dirinya kepada Allah bersama-sama rakyat jelatanya? Pada hemat kami ini adalah satu cara beliau hendak menunjukkan gejala-gejala kekuatan mu'jizat yang menyokong kenabiannya untuk mempengaruhi hati baginda dan mendorongnya beriman kepada Allah dan tunduk kepada da'wah-Nya.

Seorang yang pintar dari makhluk jin telah menawar untuk membawa singgahsana itu sebelum habis masa sidang perbicaraan Nabi Sulaiman a.s. Mengikut cerita, beliau biasanya duduk mengendalikan urusan kehakiman dan perbicaraan dari waktu pagi sehingga waktu Zuhur. Oleh sebab itulah beliau nampaknya merasa masa itu sangat panjang dan lambat, **"Tiba-tiba seorang yang mempunyai ilmu dari al-kitab"** menawar kepada beliau untuk membawa singgahsana itu dalam masa tidak sampai sekelip mata. Al-Qur'an tidak menyebut nama orang itu dan tidak juga menjelaskan tentang kitab yang menjadi sumber ilmu orang ini. Yang kita dapat faham ialah orang ini adalah seorang Mu'min yang sentiasa berhubung dengan Allah. Dia dikurniakan rahsia Ilahi dari Allah dan dengan rahsia inilah dia mendapat kekuatan yang amat besar, yang tidak dapat dihalangi oleh segala halangan dan jarak-jarak yang jauh. Kekuatan yang seperti ini kadang-kadang dapat dilihat berlaku pada setengah-tengah orang yang berhubung rapat dengan Allah, tetapi rahsianya ini tidak dapat diketahui dan dijelaskan sebab-sebabnya kerana ia terkeluar dari kebiasaan manusia dalam kehidupan seharian mereka. Itulah sejauh-jauh pentafsiran yang dapat dikatakan dalam lingkungan yang aman yang tidak terkeluar kepada alam cerita-cerita dongeng dan khurafat.

Setengah-setengah ahli tafsir membuat berbagai-bagai pentafsiran tentang ayat **"Seorang yang mempunyai ilmu dari al-kitab".** Setengahnya mengatakan bahawa yang dimaksudkan dengan al-kitab itu ialah kitab suci Taurat. Setengah yang lain pula berkata orang ini mengetahui rahsia Ismullahil-a'zam. Sementara yang lain pula berpendapat begitu dan begini dan apa yang dikatakan mereka itu bukanlah merupakan satu pentafsiran dan penjelasan yang diyakini kebenarannya. Perkara itu lebih mudah dari segala pentafsiran itu apabila kita melihatnya dengan kacamata kenyataan. Berapa banyak rahsia-rahsia di alam buana ini yang kita tidak mengetahuinya. Berapa banyak kuasa-kuasa dan kekuatan-kekuatan di alam buana ini yang belum kita gunakannya. Berapa banyak rahsia dan kekuatan di dalam jiwa manusia yang kita tidak mengetahuinya. Apabila Allah mahu menunjukkan kepada hamba kesayangan-Nya mana-mana rahsia dan mana-mana kekuatan ini, maka akan berlakulah peristiwa luar biasa dalam kehidupan biasa dengan izin Allah, dengan tadbir-Nya dan dengan kuasa penundukkan-Nya, di mana orang-orang yang tidak dikehendaki Allah berlakunya peristiwa itu di tangan mereka tidak akan berkuasa melakukannya.

Orang yang mempunyai ilmu dari al-kitab itu adalah mempunyai kesediaan jiwa dengan sebab ilmu yang ada padanya untuk menghubungi setengah-setengah rahsia dan kuasa-kuasa alam dan dengan rahsia dan kuasa inilah berlakunya kejadian yang luar biasanya di tangannya, kerana ilmu dari al-kitab yang ada padanya itulah yang menghubungkan hatinya dengan

Allah dengan cara yang menjadikannya bersedia untuk menerima kurnia Allah dan untuk menggunakan kuasa-kuasa dan rahsia-rahsia yang dikurniakan Allah kepadanya.

Setengah-setengah ahli tafsir menyebut bahawa orang yang mempunyai ilmu dari al-kitab itu ialah Nabi Sulaiman a.s. sendiri, tetapi pada hemat kami orang itu bukannya Nabi Sulaiman. Andainya orang itu ialah Nabi Sulaiman tentulah Al-Qur'an menyebut beliau dengan namanya dan tidak menyembunyinya kerana kisah yang diceritakan itu adalah kisah diri beliau. Tiada sebab untuk menyembunyikan namanya di dalam kisah itu ketika menceritakan babak yang gemilang ini. Setengah mereka pula mengatakan bahawa nama orang itu ialah Aasif bin Burkhia, tetapi pendapat ini tidak mempunyai dalil.

فَلَمَّا رَءَاهُ مُسْتَقِرًّا عِندَهُۥ قَالَ هَٰذَا مِن فَضْلِ رَبِّى
لِيَبْلُوَنِىٓ ءَأَشْكُرُ أَمْ أَكْفُرُ ۖ وَمَن شَكَرَ فَإِنَّمَا يَشْكُرُ لِنَفْسِهِۦ ۖ
وَمَن كَفَرَ فَإِنَّ رَبِّى غَنِىٌّ كَرِيمٌ ﴿٤٠﴾

"Kemudian apabila Sulaiman melihat singgahsana itu terletak di hadapannya diapun berkata: Ini adalah dari limpah kurnia Tuhanku untuk mencubaku sama ada aku bersyukur kepada-Nya atau kufurkan ni'mat-Nya. Dan barang siapa yang bersyukur, maka sebenarnya ia bersyukur untuk kebaikan dirinya dan barang siapa yang kufur, maka sesungguhnya Tuhanku Maha Kaya dan Maha Pemurah."(40)

Peristiwa besar yang mengkagetkan ini telah membuat hati Nabi Sulaiman a.s. terharu. Beliau merasa begitu terperanjat kerana Allah telah memenuhi kehendak-kehendaknya dengan cara yang penuh mu'jizat ini. Beliau sedar bahawa ni'mat yang seperti ini merupakan satu ujian besar yang menakutkan, satu ujian yang memerlukan sikap yang penuh waspada untuk menempuhnya, satu ujian yang memerlukan pertolongan Allah untuk mendapat kekuatan darinya dan satu ujian yang memerlukan sikap mengenal ni'mat dan perasaan mengenang budi terhadap pengurniaan ni'mat supaya perasaannya itu diketahui Allah dan dengan itu dia akan mendapat naungan dari-Nya, tetapi Allah Maha Kaya (tidak berhajat) kepada kesyukuran orang-orang yang bersyukur, kerana barang siapa yang bersyukur, maka kesyukurannya itu adalah sebenarnya untuk kebaikan dirinya, iaitu dia akan mendapat tambahan ni'mat dari Allah di samping mendapat pertolongan yang baik dari-Nya untuk menempuh ujian itu, dan barang siapa yang kufur, maka sesungguhnya Allah itu **"Maha Kaya"** yakni Allah tidak memerlukan kesyukuran dan **"Maha Pemurah"** yakni Allah memberi dengan penuh kemurahan bukannya menunggu balasan kesyukuran di atas pengurniaan-Nya.

Selepas menzahirkan keterharuannya di hadapan ni'mat Allah dan menyedari bahawa di sebalik ni'mat itu ada ujian, maka Nabi Sulaiman a.s. terus bertindak menyiapkan perkara-perkara yang boleh memeranjatkan ratu negeri Saba' yang tidak lama lagi akan datang mengunjunginya:

Keberkatan Ratu Balqis Di Istana Sulaiman

قَالَ نَكِّرُوا۟ لَهَا عَرْشَهَا نَنظُرْ أَتَهْتَدِىٓ أَمْ تَكُونُ مِنَ
ٱلَّذِينَ لَا يَهْتَدُونَ ﴿٤١﴾

"Berkatalah Sulaiman: Ubahkan singgahsananya itu supaya kita dapat melihat sama ada dia dapat mengenal singgahsananya atau dia termasuk dalam golongan orang-orang yang tidak dapat mengenalinya."(41)

Maksudnya, ubahkan tanda-tanda istimewa yang membezakannya (dari singgahsana- singgahsana yang lain) supaya kita dapat mengetahui adakah pemerhatian dan kebijaksanaan baginda dapat mengecam singgahsananya selepas diadakan perubahan-perubahan itu atau baginda menjadi keliru dan tidak dapat mengecamkannya di sebalik perubahan itu.

Mungkin langkah ini merupakan ujian Nabi Sulaiman a.s. sejauh mana kecerdasan dan bagaimana tindak-tanduk baginda semasa berdepan dengan singgahsananya yang sudah tentu memeranjatkannya itu. Kemudian ditayangkan pemandangan ratu negeri Saba' itu di sa'at ketibaannya:

فَلَمَّا جَآءَتْ قِيلَ أَهَٰكَذَا عَرْشُكِ ۖ قَالَتْ كَأَنَّهُۥ هُوَ ۚ

"Apabila (Balqis) tiba, dia pun ditanya: Apakah singgahsana anda seperti ini? Dia pun menjawab: Ya, seakan-akan singgahsana ini."(42)

Itu adalah peristiwa besar yang amat memeranjatkan dan tidak pernah terlintas di dalam hati baginda. Bukankah singgahsananya berada di dalam kerajaannya. Bukankah ia dikunci dan dijaga oleh pengawal-pengawalnya? Bukankah ini Baitul-Maqdis tempat kediaman Raja Sulaiman? Bagaimana singgahsananya dapat di bawa ke mari dan siapakah pula yang membawanya?

Tetapi singgahsana itu adalah singgahsana kepunyaan baginda yang telah diubah rupanya! Adakah anda lihat baginda menafikan singgahsana itu sebagai singgahsana baginda berdasarkan keadaan-keadaan perubahan itu? Atau adakah anda lihat baginda mengaku bahawa singgahsana itu adalah singgahsana baginda bersadarkan tanda-tanda yang dilihatnya? Akhirnya baginda memberi satu jawapan yang cerdik dan bijak **"Ya, seakan-akan singgahsana ini"**, baginda tidak menafi dan tidak pula mengia dan ia menunjukkan betapa tajamnya pemerhatian dan kebijaksanaan baginda dalam menghadapi suasana-suasana yang mengkagetkan itu.

Di sini terdapat pula ruang kosong dalam penerangan kisah ini seolah-olah baginda telah diberitahu tentang rahsia yang memeranjatkan baginda itu lalu baginda pun mengaku bahawa baginda telah pun bersedia untuk menyerah diri

kepada Allah dan memeluk agama Islam sebelum ini, iaitu sejak baginda berazam untuk datang mengadap Sulaiman selepas penghantaran hadiahnya ditolak beliau.

وَأُوتِينَا ٱلْعِلْمَ مِن قَبْلِهَا وَكُنَّا مُسْلِمِينَ ﴿٤٢﴾

"Dan kami telah pun dikurniakan ilmu sebelum ini dan kami menjadi golongan Muslimin (yang menyerah diri kepada Allah)."(42)

Kemudian Al-Qur'an menyampuk untuk menjelaskan apakah sebab yang menghalangkan baginda sebelum ini dari beriman kepada Allah dan memeluk Islam ketika sampai kepadanya surat dari Sulaiman itu. Baginda adalah lahir dan besar di dalam kalangan kaum yang kafir dan yang menghalangi baginda dari menyembah Allah ialah kerana baginda menyembah tuhan yang lain dari Allah iaitu menyembah matahari sebagaimana telah dijelaskan di permulaan kisah:

وَصَدَّهَا مَا كَانَت تَّعْبُدُ مِن دُونِ ٱللَّهِ ۖ إِنَّهَا كَانَتْ مِن قَوْمٍ كَٰفِرِينَ ﴿٤٣﴾

"Dan yang telah menghalangkannya (dari beriman) selama ini ialah amalannya yang menyembah tuhan yang lain dari Allah. Sesungguhnya dia dahulu adalah dari golongan orang-orang yang kafir."(43)

Nabi Sulaiman a.s. telah pun menyediakan satu lagi kejutan untuk ratu negeri Saba' itu dan kejutan ini belum lagi didedahkan penjelasan Al-Qur'an sebagaimana ia telah mendedahkan kejutan pertama sebelum diterangkan keberangkatan baginda itu. Ini adalah satu lagi cara penyampaian Al-Qur'an di dalam kisah itu, ianya satu cara yang berlainan dari cara yang pertama:[3]

قِيلَ لَهَا ٱدْخُلِى ٱلصَّرْحَ ۖ فَلَمَّا رَأَتْهُ حَسِبَتْهُ لُجَّةً وَكَشَفَتْ عَن سَاقَيْهَا ۚ قَالَ إِنَّهُۥ صَرْحٌ مُّمَرَّدٌ مِّن قَوَارِيرَ ۗ قَالَتْ رَبِّ إِنِّى ظَلَمْتُ نَفْسِى وَأَسْلَمْتُ مَعَ سُلَيْمَٰنَ لِلَّهِ رَبِّ ٱلْعَٰلَمِينَ ﴿٤٤﴾

"Lalu dikatakan kepadanya: Silalah masuk ke dalam istana. Apabila dia melihat (lantai) istana itu dia menyangkakan sebuah kolam air lalu dia pun menyingsingkan kedua betisnya. Sulaiman berkata: Sesungguhnya istana ini adalah sebuah istana yang diperbuat dengan cara yang halus dari bahan kaca. Lalu Balqis berkata: Wahai Tuhan! Sesungguhnya aku telah menganiayai diriku sendiri dan aku telah menyerahkan diriku bersama Sulaiman kepada Allah Tuhan semesta alam."(44)

Perkara yang memeranjatkan itu ialah istana beliau yang diperbuat dari kaca. Lantai istana itu dibina di atas air dan ini membuatnya kelihatan seakan-akan sebuah kolam air. Oleh sebab itu apabila baginda dipersilakan masuk baginda menyangka bahawa baginda akan mengharungi sebuah kolam air lalu baginda pun menyingsingkan betisnya. Apabila perkara yang memeranjatkan ini berlaku, maka Nabi Sulaiman pun menjelaskan rahsianya. **"Sulaiman berkata: Sesungguhnya Istana ini adalah sebuah istana yang diperbuat dengan cara yang halus dari bahan kaca."**

Baginda berdiri kaget dan kagum melihat ke'ajaiban yang melemahkan manusia itu, iaitu ke'ajaiban yang menunjukkan bahawa Sulaiman telah ditundukkan kepadanya kekuatan-kekuatan yang lebih besar dari kekuatan daya tenaga manusia biasa, lalu baginda pun bertaubat kepada Allah dan berseru kepada-Nya seraya mengaku bahawa baginda telah menzalimi diri sendiri kerana menyembah tuhan yang lain dari Allah pada masa-masa yang silam, kemudian baginda mengumumkan keislamannya **"Bersama Sulaiman"** bukannya kepada Sulaiman tetapi **"Kepada Allah Tuhan semesta alam"**.

Kini hati baginda telah diterangi cahaya hidayat dan tahulah baginda bahawa Islam atau penyerahan diri itu ialah untuk Allah sahaja bukan untuk sesiapa dari makhluk-Nya walaupun ianya Sulaiman sendiri selaku nabi dan raja yang memiliki mu'jizat-mu'jizat ini. Sesungguhnya Islam atau penyerahan diri itu ialah penyerahan untuk Allah Tuhan semesta alam dan bersahabat dengan orang-orang yang beriman kepada Allah dan dengan penda'wah-penda'wah yang menyeru manusia ke jalan Allah di atas dasar sama tinggi sama rendah. **"Dan aku telah menyerahkan diriku bersama Sulaiman kepada Allah Tuhan semesta alam".**

Al-Qur'an merakam dan menonjolkan perhatian ini untuk menjelaskan tabi'at keimanan kepada Allah dan penyerahan diri kepada-Nya. Keimanan itu merupakan kemuliaan yang mengangkatkan orang-orang yang kalah ke taraf orang-orang yang menang, malah keimanan itulah yang menjadikan orang yang menang dan orang yang kalah itu dua saudara seperjuangan kerana Allah, tiada lagi yang menang dan yang kalah di antara keduanya, kerana kedua-duanya adalah saudara seperjuangan kerana Allah Tuhan semesta alam.

Para pembesar Quraisy telah menolak da'wah Rasulullah s.a.w. yang menyeru mereka kepada agama Islam. Di dalam jiwa mereka terdapat perasaan sombong dan takbur untuk mengikut Muhammad anak Abdullah yang bererti memberi kepadanya taraf ketua dan penguasa di atas mereka. Kini lihatlah (Balqis) seorang ratu dalam sejarah telah mengajar mereka bahawa penyerahan diri kepada Allah telah membuat penda'wah dan penerima da'wah itu sama tinggi dan sama rendah, di mana pemimpin dan yang

[3] *Lihat para "القصة في القرآن" dalam-kitab "التصوير الفني في القرآن" muka surat 148 - 176 cetakan yang kedua.*

dipimpin adalah sama setaraf sahaja kerana mereka telah menyerah diri bersama Rasulullah s.a.w. kepada Allah Tuhan semesta alam.

(Kumpulan ayat-ayat 45 - 53)

وَلَقَدْ أَرْسَلْنَآ إِلَىٰ ثَمُودَ أَخَاهُمْ صَٰلِحًا أَنِ ٱعْبُدُوا۟
ٱللَّهَ فَإِذَا هُمْ فَرِيقَانِ يَخْتَصِمُونَ ﴿٤٥﴾
قَالَ يَٰقَوْمِ لِمَ تَسْتَعْجِلُونَ بِٱلسَّيِّئَةِ قَبْلَ ٱلْحَسَنَةِ ۖ
لَوْلَا تَسْتَغْفِرُونَ ٱللَّهَ لَعَلَّكُمْ تُرْحَمُونَ ﴿٤٦﴾
قَالُوا۟ ٱطَّيَّرْنَا بِكَ وَبِمَن مَّعَكَ ۚ قَالَ طَٰٓئِرُكُمْ عِندَ ٱللَّهِ ۖ
بَلْ أَنتُمْ قَوْمٌ تُفْتَنُونَ ﴿٤٧﴾
وَكَانَ فِى ٱلْمَدِينَةِ تِسْعَةُ رَهْطٍ يُفْسِدُونَ
فِى ٱلْأَرْضِ وَلَا يُصْلِحُونَ ﴿٤٨﴾
قَالُوا۟ تَقَاسَمُوا۟ بِٱللَّهِ لَنُبَيِّتَنَّهُۥ وَأَهْلَهُۥ ثُمَّ لَنَقُولَنَّ
لِوَلِيِّهِۦ مَا شَهِدْنَا مَهْلِكَ أَهْلِهِۦ وَإِنَّا لَصَٰدِقُونَ ﴿٤٩﴾
وَمَكَرُوا۟ مَكْرًا وَمَكَرْنَا مَكْرًا وَهُمْ لَا
يَشْعُرُونَ ﴿٥٠﴾
فَٱنظُرْ كَيْفَ كَانَ عَٰقِبَةُ مَكْرِهِمْ أَنَّا دَمَّرْنَٰهُمْ
وَقَوْمَهُمْ أَجْمَعِينَ ﴿٥١﴾
فَتِلْكَ بُيُوتُهُمْ خَاوِيَةًۢ بِمَا ظَلَمُوٓا۟ ۗ إِنَّ فِى ذَٰلِكَ
لَءَايَةً لِّقَوْمٍ يَعْلَمُونَ ﴿٥٢﴾
وَأَنجَيْنَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ وَكَانُوا۟ يَتَّقُونَ ﴿٥٣﴾

"Dan sesungguhnya Kami telah mengutuskan kepada kaum Thamud saudara mereka Soleh (lalu ia berseru): Sembahlah Allah! Tiba-tiba mereka menjadi, dua puak yang berseteru(45). Berkatalah (Soleh): Mengapakah kamu meminta disegerakan keburukan (azab) sebelum meminta kebaikan? Hendaklah kamu memohon keampunan kepada Allah supaya kamu dikurniakan rahmat(46). Mereka berkata: Kami ditimpa malang celaka dengan sebab engkau dan pengikut-pengikut engkau. Jawab (Soleh): Malang celaka kamu itu adalah di sisi Allah, malah sebenarnya kamu adalah satu kaum yang sedang diuji(47). Di bandar itu (negeri Thamud) terdapat sembilan orang lelaki yang melakukan kerosakan di negeri itu dan mereka tidak melakukan kebaikan(48). Mereka berkata: Hendaklah kamu bersumpah dengan nama Allah bahawa kita akan membunuhnya (Soleh) di waktu malam bersama keluarganya kemudian kita katakan kepada walinya: Kami tidak menyaksikan kematian keluarganya itu dan sesungguhnya kami adalah orang-orang yang benar(49). Dan mereka telah merancangkan tipu daya mereka dengan rapi dan Kami juga telah merancangkan tindak balas Kami dengan rapi, sedangkan mereka tidak sedar(50). Oleh itu lihatlah bagaimanakah akibat tipu daya mereka. Sesungguhnya Kami telah membinasakan mereka dan kaum mereka semuanya(51). Maka itulah rumah-rumah mereka runtuh ranap dengan sebab mereka melakukan kezaliman. Sesungguhnya peristiwa itu menjadi contoh teladan kepada orang-orang yang mengetahui(52). Dan Kami telah meyelamatkan orang-orang yang beriman dan mereka sentiasa bertaqwa."(53).

(Latar belakang dan pokok pembicaraan)

Di dalam kebanyakan tempat di dalam Al-Qur'an diceritakan kisah Nabi Soleh a.s. dengan kaum Thamud di dalam rangkaian kisah-kisah Anbiya' umumnya, iaitu Nuh, Hud, Lut dan Syu'ayb. Kadang-kadang kisah Ibrahim diceritakan juga di dalam rangkaian itu, tetapi di dalam surah ini ditekankan kisah-kisah Bani Israel, di mana kisah Musa, kisah Daud dan Sulaiman diceritakan dengan panjang, sedangkan kisah Hud dan kisah Syu'ayb diceritakan dengan ringkas dan kisah Ibrahim tidak disebut langsung di dalam siri kisah-kisah itu.

Di dalam surah ini tidak disebut cerita unta mu'jizat di dalam kisah Nabi Soleh a.s., malah yang disebut ialah rancangan sembilan sekawan kaki-kaki perosak yang merancang hendak membunuh Soleh dan keluarganya di waktu malam. Mereka telah mengaturkan rancangan jahat terhadap beliau, sedangkan beliau tidak sedar, lalu Allah mengaturkan tindak balas terhadap mereka tanpa disedari mereka juga dan Allah telah membinasakan mereka bersama kaum mereka seluruhnya, tetapi Allah telah menyelamatkan orang-orang yang beriman yang sentiasa bertaqwa. Allah telah meninggalkan rumah-rumah kediaman para perosak itu runtuh ranap supaya menjadi contoh teladan kepada orang-orang yang kemudian dari mereka. Kaum Musyrikin di Makkah itu pernah lalu dan melihat kesan-kesan rumah-rumah kediaman yang runtuh ranap itu, tetapi mereka tidak mengambil pengajaran.

******

(Pentafsiran ayat-ayat 45 - 53)

وَلَقَدْ أَرْسَلْنَآ إِلَىٰ ثَمُودَ أَخَاهُمْ صَٰلِحًا أَنِ ٱعْبُدُوا۟
ٱللَّهَ فَإِذَا هُمْ فَرِيقَانِ يَخْتَصِمُونَ ﴿٤٥﴾

"Dan sesungguhnya Kami telah mengutuskan kepada kaum Thamud saudara mereka Soleh (lalu ia berseru): Sembahlah Allah! Tiba-tiba mereka menjadi dua puak yang berseteru."(45)

Kisah Nabi Soleh Dan Saripati Da'wahnya

Ayat ini menyaripatikan risalah Nabi Soleh a.s. dalam satu hakikat sahaja iaitu **"Sembahlah Allah"**,

inilah satu-satunya tapak asas bagi semua agama samawi yang dihantar ke bumi dalam setiap generasi manusia bersama setiap rasul. Walaupun seluruh kejadian alam di sekeliling manusia dan seluruh dalil yang tersembunyi di dalam diri mereka menyeru mereka supaya beriman dengan hakikat ini, namun manusia generasi demi generasi, zaman demi zaman yang hanya diketahui Allah, tetap mengambil sikap mengingkar dan menolak hakikat yang amat mudah dan jelas ini atau mengambil sikap mengejek dan mendustakannya. Sehingga hari ini pun manusia masih lagi melarikan diri dari hakikat yang kekal ini dan cenderung kepada berbagai-bagai jalan yang menyesatkan mereka dari jalan Allah yang tunggal dan lurus.

Adapun kisah kaum Soleh iaitu Thamud hanya diceritakan ringkasan pendirian mereka terhadap da'wah Soleh dan kesulitan yang dihadapi beliau bersama mereka, yang mana akibatnya mereka telah menjadi dua puak yang berseteru satu sama lain. Satu puak menyahut seruannya dan satu puak lagi menentangnya, dan puak yang menentang inilah merupakan golongan yang terbesar sebagaimana kita dapat mengetahuinya dari keterangan-keterangan di beberapa tempat yang lain di dalam Al-Qur'an mengenai kisah ini.

Di sini terdapat satu ruang kosong di dalam surah ini mengikut uslub kisah-kisah Al-Qur'an, dan dari ruang kosong ini kita dapat faham bahawa golongan yang mendusta dan enggan menerima da'wah Soleh itu telah meminta supaya disegerakan azab Allah yang diancam oleh Nabi Soleh a.s. itu, bukannya meminta hidayat Allah dan rahmat-Nya. Tindak-tanduk mereka samalah dengan tindak-tanduk kaum Musyrikin terhadap Rasulullah s.a.w. Oleh sebab itu Nabi Soleh a.s. telah mengecam perbuatan mereka yang menuntut supaya azab Allah itu ditimpakan ke atas mereka dengan segera dan mengecam sikap mereka yang tidak mahu menuntut hidayat itu. Beliau cuba membimbing mereka supaya beristighfar kepada Allah supaya mereka dicucuri rahmat Allah:

قَالَ يَٰقَوۡمِ لِمَ تَسۡتَعۡجِلُونَ بِٱلسَّيِّئَةِ قَبۡلَ ٱلۡحَسَنَةِۖ
لَوۡلَا تَسۡتَغۡفِرُونَ ٱللَّهَ لَعَلَّكُمۡ تُرۡحَمُونَ ٤٦

"Berkatalah (Soleh): Mengapakah kamu meminta disegerakan keburukan (azab) sebelum meminta kebaikan? Hendaklah kamu memohon keampunan kepada Allah supaya kamu dikurniakan rahmat."(46)

Kerosakan hati golongan pendusta itu telah sampai ke tahap sanggup berdo'a: "Ya Allah jika da'wah Soleh ini benar, maka hujankan ke atas kami hujan batu dari langit atau bawalah kepada kami azab yang amat pedih" bukannya berdo'a: "Ya Allah jika da'wah Soleh ini benar dari-Mu, maka tunjukkan kami supaya kami beriman dan membenarkannya."

Itulah ucapan kaum Soleh. Mereka tidak menyahut seruan Rasul yang mengajak mereka ke jalan rahmat, taubat dan istighfar. Mereka mengemukakan alasan bahawa mereka bosankan Nabi Soleh a.s. dan pengikut-pengikutnya ialah kerana mereka memandang mereka sebagai punca malang celaka yang menimpa mereka. Mereka sentiasa menduga akan ditimpa nasib malang dengan sebab mereka:

قَالُواْ ٱطَّيَّرۡنَا بِكَ وَبِمَن مَّعَكَۚ

"Mereka berkata: Kami ditimpa malang celaka dengan sebab engkau dan pengikut-pengikut engkau."(47)

Kepercayaan Tuah Celaka

Kepercayaan mujur sial ini adalah diambil dari adat kaum-kaum yang jahil yang mempercayai khurafat-khurafat dan tahyul-tahyul. Kepercayaan ini tidak membawa kepada keimanan yang bersih. Biasanya apabila seorang dari mereka hendak melakukan sesuatu pekerjaan dia pergi kepada seekor burung dan menakutkannya, iaitu dia menudingkan kepada burung itu dengan tujuan menghambatkannya, jika burung itu terbang dari sebelah kanannya menuju ke sebelah kirinya dia akan bergembira dan akan melakukan pekerjaan itu, sebaliknya jika ia terbang dari sebelah kirinya menuju ke sebelah kanannya dia akan merasa sial dan menduga akan mendapat akibat yang tidak baik, sedangkan burung itu tidak mengetahui urusan ghaib dan seluruh pergerakannya yang automatik itu sama sekali tidak berfungsi meramalkan sesuatu yang majhul, akan tetapi jiwa manusia tidak dapat hidup tanpa bergantung kepada sesuatu kuasa yang majhul dan ghaib, di mana dia menyerahkan kepadanya perkara-perkara yang tidak diketahui dan tidak mampu dilakukan olehnya. Andainya dia tidak menyerahkannya kepada sesuatu kuasa yang majhul dan ghaib dengan beriman kepada Allah yang mengetahui segala urusan yang ghaib, maka dia akan menyerahkannya kepada kepercayaan tahyul dan khurafat seperti itu, iaitu kepercayaan-kepercayaan karut yang tidak akan berhenti pada suatu batas dan tidak tunduk kepada akal dan tidak membawa kepada ketenteraman dan keyakinan.

Sehingga kini pun anda dapat melihat manusia yang lari dari beriman kepada Allah dan merasa angkuh untuk menyerahkan urusan ghaib kepada Allah kerana menyangka mereka telah sampai kepada satu tahap kemajuan sains yang tidak layak lagi kepada mereka untuk mempercayai khurafat agama. Tetapi orang-orang yang tidak percaya kepada Allah, kepada agama dan kepada ilmu Allah yang mengetahui segala yang ghaib itu masih lagi meletakkan perhatian mereka yang besar kepada khurafat angka 13, kepada khurafat kucing hitam yang melintas jalan di hadapan mereka, kepada khurafat menyalakan lebih dari dua batang rokok dengan sebatang mancis dan kepada lain-lain khurafat yang dungu. Mereka bertindak demikian kerana mereka menentang hakikat fitrah yang sentiasa lapar kepada keimanan

dan tidak dapat berpisah dari keimanan, hakikat fitrah yang sentiasa cenderung kepada beriman kepada Allah dalam mentafsirkan kebaikan hakikat-hakikat alam yang tidak dapat dicapai oleh ilmu manusia. Setengah-setengah hakikat alam itu pula tidak akan dapat dicapai oleh ilmu manusia pada bila-bila masa sekali pun, kerana hakikat itu di luar daya tenaga manusia dan di luar ikhtisas manusia, juga terlebih dari keperluan-keperluan tugas khilafahnya di bumi ini, di mana manusia dilengkapkan dengan bakat-bakat kebolehan dan daya tenaga sekadar yang diperlukan mereka sahaja.

Apabila kaum Nabi Soleh a.s. mengeluarkan kata-kata mereka yang jahil dan dungu itu, beliau menjawab mengembalikan mereka kepada nur keimanan dengan Allah dan kepada hakikat keimanan yang jelas, yang jauh dari sebarang kabus dan kegelapan:

قَالَ طَٰٓئِرُكُمۡ عِندَ ٱللَّهِۖ

"Jawab (Soleh): Malang celaka kamu itu adalah di sisi Allah."(47)

Nasib kamu, masa depan kamu dan akibat kesudahan hidup kamu adalah terletak di sisi Allah. Allah S.W.T. telah mengaturkan undang-undang dan peraturan-peraturan, Dia menyuruh manusia melaksanakan pekerjaan-pekerjaan yang tertentu dan dia menjelaskan jalan-jalan yang terang kepada mereka, oleh sebab itu sesiapa yang mematuhi undang-undang dan peraturan Allah dan berjalan mengikut bimbingan hidayat-Nya, maka di sanalah dia akan menemui nasib yang baik tanpa memerlukan kepada meramal nasib dengan menghambat burung, sebaliknya barang siapa yang menyeleweng dari undang-undang dan peraturan-peraturan Allah dan menyimpang dari jalan yang lurus, maka dia akan menemui nasib yang buruk tanpa memerlukan kepada kepercayaan khurafat mujur sial itu.

بَلۡ أَنتُمۡ قَوۡمٞ تُفۡتَنُونَ ٤٧

"Malah sebenarnya kamu adalah satu kaum yang sedang diuji."(47)

Maksudnya, kamu diuji dengan ni'mat-ni'mat Allah dan kamu diuji dengan baik buruk yang diperolehi kamu. Kewaspadaan dan ketelitian memperhatikan undang-undang dan peraturan Allah, kehematan mengikut perkembangan peristiwa-peristiwa yang berlaku dan kesedaran terhadap hikmat ujian Allah di sebalik peristiwa-peristiwa itulah yang menjamin mencapai nasib yang baik pada akhirnya, bukannya kepercayaan khurafat mujur sial melalui setengah-setengah makhluk Allah sama ada burung atau manusia.

Beginilah caranya 'aqidah yang betul itu mengembalikan manusia kepada jalan yang terang dan lurus dalam menilaikan segala urusan dan mengembalikan hati mereka kepada sikap waspada dan teliti memperhatikan apa yang berlaku kepada mereka dan apa yang berlaku di sekeliling mereka. 'Aqidah yang betul itu juga membuat mereka sedar bahawa tangan Qudrat Allah sentiasa berada di sebalik semua peristiwa itu dan tiada suatu pun yang berlaku cuma-cuma dan secara kebetulan sahaja. Dengan 'aqidah yang betul inilah meningkatnya nilai hidup dan nilai manusia, dan dengan 'aqidah yang betul inilah manusia dapat meneruskan perjalanannya di atas planet bumi ini tanpa terputus hubungannya dengan alam buana di sekelilingnya, dengan Allah Pencipta dan Pentadbirnya, dan dengan undang-undang yang mengendalikan perjalanan alam buana dan memeliharanya dengan perintah Allah Yang Maha Pencipta, Maha Pentadbir dan Maha Bijaksana.

Tetapi .cara berfikir yang lurus ini hanya dapat diterima oleh hati-hati manusia yang tidak rosak dan tidak menyeleweng hingga ke tahap yang tidak dapat kembali ke pangkal jalan lagi. Di antara kaum Soleh terdapat sembilan orang pembesar yang tidak ada ruang di dalam hati mereka untuk kebaikan dan tiada peluang untuk diperbaiki. Merekalah orang-orang yang sentiasa mengaturkan berbagai-bagai rancangan jahat dalam gelap untuk membinasakan Soleh dan keluarganya:

Rancangan Jahat Sembilan Pembesar Thamud Terhadap Soleh

وَكَانَ فِي ٱلۡمَدِينَةِ تِسۡعَةُ رَهۡطٖ يُفۡسِدُونَ
فِي ٱلۡأَرۡضِ وَلَا يُصۡلِحُونَ ٤٨
قَالُواْ تَقَاسَمُواْ بِٱللَّهِ لَنُبَيِّتَنَّهُۥ وَأَهۡلَهُۥ ثُمَّ لَنَقُولَنَّ
لِوَلِيِّهِۦ مَا شَهِدۡنَا مَهۡلِكَ أَهۡلِهِۦ وَإِنَّا لَصَٰدِقُونَ ٤٩

"Di bandar itu (negeri Thamud) terdapat sembilan orang lelaki yang melakukan kerosakan di negeri itu dan mereka tidak melakukan kebaikan(48). Mereka berkata: Hendaklah kamu bersumpah dengan nama Allah bahawa kita akan membunuhnya (Soleh) di waktu malam bersama keluarganya kemudian kita katakan kepada walinya: Kami tidak menyaksikan kematian keluarganya itu dan sesungguhnya kami adalah orang-orang yang benar."(49)

Pembesar-pembesar sembilan sekawan itu mempunyai hati yang semata-mata bertujuan jahat. Mereka hanya melakukan kerja-kerja yang jahat. Mereka tidak dapat diperbaiki lagi. Mereka tidak senang dengan da'wah Nabi Soleh a.s. Oleh sebab itu mereka dengan diam-diam merancang sesama mereka (untuk membinasakan beliau). Yang anehnya ialah mereka mengajak sesama mereka bersumpah dengan nama Allah untuk melaksanakan rancangan jahat yang diatur mereka secara sulit itu, iaitu rancangan membunuh Soleh dan keluarganya di waktu malam, sedangkan beliau hanya menyeru mereka supaya beribadat kepada Allah.

Sungguh aneh mereka sanggup berkata: **"Hendaklah kamu bersumpah dengan nama**

Allah bahawa kita akan membunuhnya (Soleh) di waktu malam bersama keluarganya, kemudian kita katakan kepada walinya: Kami tidak menyaksikan kematian keluarganya". Yakni kami tidak hadir semasa mereka dibunuh. **"Dan sesungguhnya kami adalah orang-orang yang benar".** Yakni mereka telah merancang hendak membunuh mereka di waktu malam dan mereka tidak menyaksi atau melihat kematian mereka dengan sebab kegelapan malam.

Ini adalah satu tipu helah yang dangkal dan dungu, tetapi mereka dapat mententeramkan hati mereka dengan tipu helah itu. Mereka mengadakan alasan berbohong untuk menyelamatkan diri dari tuntutan wali-wali darah Soleh dan keluarganya. Yang anehnya mereka ini begitu berminat untuk menyifatkan diri mereka sebagai orang-orang yang benar. Tetapi sebenarnya jiwa manusia itu penuh dengan penyelewengan terutama ketika mereka tidak berpandu dengan nur keimanan yang menggariskan jalan yang lurus kepada mereka.

Demikianlah mereka merancang dan mengatur tipu daya, tetapi Allah sentiasa memperhatikan mereka. Dia melihat mereka tetapi mereka tidak dapat melihat-Nya. Dia mengetahui rancangan dan tipu daya mereka tanpa disedari mereka:

وَمَكَرُوا۟ مَكْرًا وَمَكَرْنَا مَكْرًا وَهُمْ لَا
يَشْعُرُونَ ﴿٥٠﴾

"Dan mereka telah merancangkan tipu daya mereka dengan rapi dan Kami juga telah merancangkan tindak balas Kami dengan rapi, sedangkan mereka tidak sedar."(50)

Tetapi masakan rancangan jahat mereka mengatasi rancangan tindak balas Allah, masakan tadbir mereka melebihi tadbir Allah, masakan kekuatan mereka lebih kuat dari kekuatan Allah.

Berapa banyak manusia-manusia yang zalim telah tersalah anggap dan tertipu dengan kekuatan dan tipu helah yang ada pada mereka, sedangkan mereka lupa kepada penglihatan Ilahi yang sentiasa melihat dan tidak pernah lalai. Mereka lupa kepada kekuatan Ilahi yang menguasai seluruh urusan itu, iaitu kekuatan yang mungkin menghentam mereka secara tiba-tiba tanpa disedari mereka:

فَٱنظُرْ كَيْفَ كَانَ عَٰقِبَةُ مَكْرِهِمْ أَنَّا دَمَّرْنَٰهُمْ
وَقَوْمَهُمْ أَجْمَعِينَ ﴿٥١﴾
فَتِلْكَ بُيُوتُهُمْ خَاوِيَةًۢ بِمَا ظَلَمُوٓا۟ ۗ إِنَّ فِى ذَٰلِكَ
لَءَايَةً لِّقَوْمٍ يَعْلَمُونَ ﴿٥٢﴾

"Oleh itu lihatlah bagaimanakah akibat tipu daya mereka. Sesungguhnya Kami telah membinasakan mereka dan kaum mereka semuanya(51). Maka itulah rumah-rumah mereka runtuh ranap dengan sebab mereka melakukan kezaliman. Sesungguhnya peristiwa itu menjadi contoh teladan kepada orang-orang yang mengetahui."(52)

Kaum Thamud Dibinasakan Dalam Sekelip Mata

Dalam sekelip mata sahaja berlakulah kemusnahan itu dan tiba-tiba rumah-rumah kediaman mereka runtuh ranap, sedangkan baru sekejap tadi di dalam ayat yang silam mereka sedang sibuk mengatur rancangan jahat mereka dan mengira bahawa mereka akan berjaya melaksanakan rancangan itu.

Kepantasan penceritaan babak ini memang dimaksudkan dalam ayat ini untuk memperlihatkan satu kejutan yang tegas, iaitu kejutan dari qudrat Ilahi yang tidak dapat diatasi orang-orang yang tertipu dengan kekuatan mereka, dan kejutan dari tadbir Ilahi yang tidak dapat digagalkan perancang-perancang yang jahat dan angkuh dengan rancangan-rancangan jahat mereka.

إِنَّ فِى ذَٰلِكَ لَءَايَةً لِّقَوْمٍ يَعْلَمُونَ ﴿٥٢﴾

"Sesungguhnya peristiwa itu menjadi contoh teladan kepada orang-orang yang mengetahui."(52)

Persoalan ilmu pengetahuanlah yang ditekankan di dalam surah ini dan di dalam ulasan-ulasannya terhadap kisah-kisah dan peristiwa-peristiwa yang berlaku.

Selepas pemandangan peristiwa yang mengejut dan tergempar ini, Al-Qur'an menyebut cerita orang-orang yang beriman yang takut dan bertaqwa kepada Allah yang telah terselamat (dari malapetaka itu):

وَأَنجَيْنَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ وَكَانُوا۟ يَتَّقُونَ ﴿٥٣﴾

"Dan kami telah meyelamatkan orang-orang yang beriman dan mereka sentiasa bertaqwa."(53)

Orang yang takut kepada Allah dilindungi Allah S.W.T. dari segala ketakutan kerana Allah tidak mengumpulkan dua ketakutan ke atasnya sebagaimana telah diterangkan dalam sebuah hadith Qudsi yang mulia.

(Kumpulan ayat-ayat 54 - 58)

وَلُوطًا إِذْ قَالَ لِقَوْمِهِۦٓ أَتَأْتُونَ ٱلْفَٰحِشَةَ
وَأَنتُمْ تُبْصِرُونَ ﴿٥٤﴾
أَئِنَّكُمْ لَتَأْتُونَ ٱلرِّجَالَ شَهْوَةً مِّن دُونِ ٱلنِّسَآءِ ۚ
بَلْ أَنتُمْ قَوْمٌ تَجْهَلُونَ ﴿٥٥﴾
فَمَا كَانَ جَوَابَ قَوْمِهِۦٓ إِلَّآ أَن قَالُوٓا۟ أَخْرِجُوٓا۟
ءَالَ لُوطٍ مِّن قَرْيَتِكُمْ ۖ إِنَّهُمْ أُنَاسٌ يَتَطَهَّرُونَ ﴿٥٦﴾

فَأَنجَيْنَٰهُ وَأَهْلَهُۥٓ إِلَّا ٱمْرَأَتَهُۥ قَدَّرْنَٰهَا مِنَ ٱلْغَٰبِرِينَ ﴿٥٧﴾

وَأَمْطَرْنَا عَلَيْهِم مَّطَرًا ۖ فَسَآءَ مَطَرُ ٱلْمُنذَرِينَ ﴿٥٨﴾

"Dan (kenangilah kisah) Lut ketika dia berkata kepada kaumnya: Adakah kamu melakukan kejahatan yang keji itu, sedangkan kamu melihat (undang-undang fitrah)(54). Mengapa kamu mendatangi lelaki untuk memuaskan nafsu bukannya mendatangi perempuan? Malah sebenarnya kamu adalah satu kaum yang jahil(55).[4] Maka tiada lain jawapan kaumnya melainkan mereka berkata: Usirlah keluarga Lut itu keluar dari negeri kamu. Sesungguhnya mereka adalah orang-orang yang bersih(56). Lalu Kami selamatkannya dan keluarganya kecuali isterinya. Kami telah menetapkannya termasuk dalam golongan orang-orang yang ditinggal dalam kebinasaan(57). Dan kami telah menurunkan hujan ke atas mereka, maka amatlah buruk hujan yang ditimpa ke atas mereka yang telah diberi amaran."(58).

Kekuatan-kekuatan Alam Ghaib Yang Belum Diketahui Manusia

Inilah satu siri pendek dari kisah Nabi Lut a.s. yang diceritakan dengan ringkas. Ia menonjolkan kehendak kemahuan kaum Lut untuk mengusir beliau keluar (dari negeri itu) kerana beliau telah mengecam perbuatan mereka yang keji dan luar biasa yang dilakukan mereka dengan sebulat persetujuan dan terus terang, iaitu perbuatan memuaskan nafsu seks yang ganjil dengan melakukan hubungan kelamin dengan lelaki dan meninggalkan perempuan. Ia adalah satu perbuatan yang bertentangan dengan fitrah kejadian manusia yang telah dijadikan Allah, malah bertentangan dengan fitrah kejadian semua makhluk yang hidup.

Kelakuan ini merupakan satu gejala yang ganjil di dalam sejarah masyarakat-masyarakat manusia. Kadang-kadang ada juga beberapa individu menunjukkan kelakuan yang ganjil itu dengan sebab-sebab yang berpunca dari pengidapan jiwa atau dari tekanan keadaan-keadaan yang bersifat sementara yang mendorong lelaki mengadakan hubungan kelamin sesama lelaki. Kebanyakan kejadian ini berlaku di kem-kem tentera, di mana tidak terdapat perempuan atau di dalam penjara-penjara, di mana banduan-banduan ditahan begitu lama dan mereka terdedah kepada tekanan keinginan seks, sedangkan mereka diharamkan dari mengadakan hubungan dengan perempuan, tetapi andainya kelakuan seks yang ganjil ini tersebar dengan luas hingga menjadi amalan umum dalam sebuah negeri, di mana wujudnya perempuan-perempuan dan kemudahan perkahwinan, maka sudah tentu kelakuan ini merupakan satu kelakuan yang luar biasa di dalam sejarah masyarakat-masyarakat manusia.

Allah S.W.T. telah mengadakan dalam tabi'at semulajadi manusia kecenderungan keinginan sek kepada jenis yang lain, kerana Allah telah menjadikan seluruh hayat ini ditegakkan di atas asas berpasangan (di antara lelaki dan perempuan atau di antara betina dan jantan) firman Allah:

سُبْحَٰنَ ٱلَّذِى خَلَقَ ٱلْأَزْوَٰجَ كُلَّهَا مِمَّا تُنۢبِتُ ٱلْأَرْضُ وَمِنْ أَنفُسِهِمْ وَمِمَّا لَا يَعْلَمُونَ ﴿٣٦﴾

"Maha Sucilah Allah yang telah menjadikan seluruh pasangan berbagai-bagai makhluk-Nya iaitu di dalam kejadian tumbuhan-tumbuhan dan kejadian diri mereka sendiri, juga dalam kejadian-kejadian lain yang tidak diketahui mereka"

(Surah Yasiin: 36)

Maksudnya, seluruh kejadian yang hidup itu dijadikan berpasang-pasangan sama ada pada tumbuhan-tumbuhan di bumi, atau pada haiwan atau pada berbagai-bagai makhluk lain yang tidak diketahui manusia. Asas berpasang-pasangan itu merupakan asas semulajadi dalam pembinaan alam buana seluruhnya lebih-lebih lagi pada makhluk-makhluk yang hidup. Atom sendiri tersusun dari proton-proton dan elektron-elektron, iaitu dari tenaga elektrik yang positif dan negatif. Ia merupakan kesatuan seluruh kejadian yang berulang-ulang sebagaimana yang dilihat sehingga sekarang.

Walau bagaimanapun, yang menjadi hakikat yang diakui ialah seluruh makhluk yang hidup adalah tegak di atas asas berpasang-pasangan sehingga pada makhluk-makhluk yang tidak terdapat jenis jantan dan betina sekalipun, kerana di sana terdapat sel-sel jantan dan betina terkumpul pada individu-individu makhluk ini dan dengan pertemuan (di antara sel-sel jantan dan betina) inilah makhluk-makhluk itu membiak subur.

Oleh sebab berpasangan merupakan asas hayat di dalam undang-undang penciptaan Allah, maka Allah telah mengadakan kecenderungan saling berahi di antara pasangan itu sebagai fitrah semulajadi, yang tidak memerlukan sebarang ajaran dan pemikiran untuk membolehkan hayat itu meneruskan perjalanannya dengan dorongan fitrah semulajadi. Makhluk-makhluk yang hidup itu akan memperolehi keni'matan mereka apabila mereka dapat memenuhkan kehendak-kehendak fitrah itu. Qudrat Ilahi yang memegang teraju tadbir itu melaksanakan apa sahaja yang dikehendaki-Nya di sebalik rasa keni'matan yang diletakkan di dalam diri mereka tanpa disedari mereka dan tanpa ditunjuk ajar oleh orang lain dari mereka. Allah S.W.T. telah menjadikan struktur anggota-anggota perempuan dan anggota-anggota lelaki dan mewujud perasaan berahi di antara keduanya yang dapat melahirkan keni'matan semulajadi dari hasil pertemuan keduanya, tetapi Allah tidak menjadikan hal ini pada anggota dua lelaki dan pada kecenderungan keduanya.

---

[4] *Di sinilah penghabisan juzu' yang kesembilan belas dalam bahagian Mushaf, tetapi kami teruskan penerangan ayat-ayat itu sehingga tamat kisah Lut a.s.*

Oleh sebab itu ia menjadi sesuatu keganjilan apabila fitrah semulajadi itu menyeleweng secara umum dalam sesuatu kelompok manusia sebagaimana yang telah berlaku di dalam kalangan kaum Lut. Mereka telah menyimpang dari fitrah tanpa sesuatu tekanan darurat yang begitu mendesak ke arah keinginan yang bertentangan dengan arah tujuan fitrah semulajadi yang betul dan lurus ini.

Demikianlah Nabi Lut a.s. mengecam dan melahirkan rasa takjubnya terhadap kejahatan yang dilakukan mereka:

وَلُوطًا إِذْ قَالَ لِقَوْمِهِۦٓ أَتَأْتُونَ ٱلْفَٰحِشَةَ
وَأَنتُمْ تُبْصِرُونَ ٥٤

أَئِنَّكُمْ لَتَأْتُونَ ٱلرِّجَالَ شَهْوَةً مِّن دُونِ ٱلنِّسَآءِ ۚ
بَلْ أَنتُمْ قَوْمٌ تَجْهَلُونَ ٥٥

"Dan (kenangilah kisah) Lut ketika dia berkata kepada kaumnya: Adakah kamu melakukan kejahatan yang keji itu, sedangkan kamu melihat (undang-undang fitrah)(54). Mengapa kamu mendatangi lelaki untuk memuaskan nafsu bukannya mendatangi perempuan? Malah sebenarnya kamu adalah satu kaum yang jahil."(55).[5]

Dalam kenyataannya yang pertama Lut melahirkan kehairanannya terhadap perbuatan mereka yang keji ini, sedangkan mereka melihat bahawa seluruh jenis makhluk yang hidup adalah mengikuti peraturan fitrah semulajadi. Hanya mereka sahaja yang ganjil ditengah-tengah makhluk yang hidup itu. Di dalam kenyataannya yang kedua, Lut mendedah hakikat perbuatan mereka yang keji itu. Pendedahan ini sahaja sudah cukup untuk menonjolkan keganjilan kelakuan mereka dari adat kebiasaan manusia dan dari adat fitrah semulajadi seluruh makhluk. Kemudian Al-Qur'an mengecap mereka dengan sifat jahil yang merangkumi dua pengertiannya, iaitu jahil dengan pengertian tidak tahu dan jahil dengan pengertian bodoh dan tolol. Kedua-dua pengertian ini terdapat pada penyelewengan yang keji ini, kerana orang yang tidak mengetahui kehendak fitrah semulajadi bererti dia tidak mengetahui segala sesuatu atau tidak tahu apa pun, dan orang yang menyimpang dari kehendak fitrah semulajadi ini bererti dia seorang yang bodoh, tolol dan mencabul segala hak.

Apakah jawapan kaum Lut terhadap kecaman beliau terhadap penyelewengan itu dan terhadap bimbingan beliau supaya mereka mengikut keinginan fitrah semulajadi yang bersih?

Jawapan mereka pendek sahaja, iaitu mereka mahu mengusir Nabi Lut a.s. dan orang-orang yang mengikut da'wahnya yang terdiri dari anggota keluarganya sendiri kecuali isterinya dengan alasan kerana mereka orang-orang yang bersih!

فَمَا كَانَ جَوَابَ قَوْمِهِۦٓ إِلَّآ أَن قَالُوٓا۟ أَخْرِجُوٓا۟
ءَالَ لُوطٍ مِّن قَرْيَتِكُمْ ۖ إِنَّهُمْ أُنَاسٌ يَتَطَهَّرُونَ ٥٦

"Maka tiada lain jawapan kaumnya melainkan mereka berkata: Usirlah keluarga Lut itu keluar dari negeri kamu. Sesungguhnya mereka adalah orang-orang yang bersih."(56)

Kata-kata mereka ini mungkin bertujuan mengejekkan sikap membersih diri dari kekotoran kelakuan ini dan mungkin pula bertujuan menyangkal pendapat beliau yang menamakan sikap ini sebagai suatu sikap yang bersih. Mereka yang telah menyeleweng sebegitu jauh dari fitrah semulajadi tidak lagi merasakan apa-apa kekotoran dari nafsu berahi mereka yang menyeleweng itu. Mungkin juga kata-kata itu bertujuan melahirkan perasaan bosan mereka terhadap konsep kesucian dan membersih diri kerana ia memaksa mereka meninggalkan kelakuan-kelakuan seks mereka yang ganjil itu.

Walau bagaimanapun, mereka telah menyatakan kemahuan dan keazaman mereka, tetapi apa yang dikehendaki Allah berlainan dari apa yang dikehendaki mereka:

فَأَنجَيْنَٰهُ وَأَهْلَهُۥٓ إِلَّا ٱمْرَأَتَهُۥ قَدَّرْنَٰهَا مِنَ
ٱلْغَٰبِرِينَ ٥٧

وَأَمْطَرْنَا عَلَيْهِم مَّطَرًا ۖ فَسَآءَ مَطَرُ ٱلْمُنذَرِينَ ٥٨

"Lalu Kami selamatkannya dan keluarganya kecuali isterinya. Kami telah menetapkannya termasuk dalam golongan orang-orang yang ditinggal dalam ke-binasaan(57).[6] *Dan Kami telah menurunkan hujan ke atas mereka, maka amatlah buruk hujan yang ditimpa ke atas mereka yang telah diberi amaran."(58)*

Al-Qur'an tidak menyebut di sini cerita yang terperinci mengenai hujan yang membinasakan kaum Lut itu sebagaimana yang diceritakan di dalam surah-surah yang lain. Oleh itu cukuplah bagi kami membuat huraian sekadar ini sahaja selaras dengan huraian ayat ini, tetapi kami nampak ada titik persamaan di antara pemilihan Allah yang membinasakan kaum Lut dengan hujan, iaitu air yang bertabi'at menghidup dan menyubur dengan amalan mereka yang menyalahgunakan air hayat atau air nutfah, sedangkan ia merupakan bahan hayat dan kesuburan manusia. Hanya Allah sahaja yang lebih

---

5 *Di sinilah penghabisan juzu' yang kesembilan belas dalam pembahagian Mushaf, tetapi kami teruskan penerangan ayat-ayat itu sehingga tamat kisah Lut a. s.*

6 *Ia dibinasakan kerana ia seorang tua yang jahat yang bersetuju dengan penyelewengan dan keganjilan kaumnya.*

mengetahui maksud dari firman-Nya itu dan Dialah sahaja yang lebih mengetahui undang-undang dan selok-belok tadbir-Nya. Apa yang dikemukakan itu hanya satu fikiran sahaja yang terlintas pada saya ketika memikirkan tadbir Ilahi ini.

(Tamat Juzu' Yang Kesembilan Belas)

JUZU' KE-20

SURAH AN-NAML

JUZU' YANG KEDUA PULUH

بِسْمِ ٱللَّهِ ٱلرَّحْمَٰنِ ٱلرَّحِيمِ

Dengan nama Allah
Yang Maha Pengasih dan Maha Penyayang

(Kumpulan ayat-ayat 59 - 93)

قُلِ ٱلْحَمْدُ لِلَّهِ وَسَلَٰمٌ عَلَىٰ عِبَادِهِ ٱلَّذِينَ ٱصْطَفَىٰٓ ۗ
ءَآللَّهُ خَيْرٌ أَمَّا يُشْرِكُونَ ﴿٥٩﴾
أَمَّنْ خَلَقَ ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَٱلْأَرْضَ وَأَنزَلَ لَكُم مِّنَ
ٱلسَّمَآءِ مَآءً فَأَنۢبَتْنَا بِهِۦ حَدَآئِقَ ذَاتَ بَهْجَةٍ مَّا
كَانَ لَكُمْ أَن تُنۢبِتُوا۟ شَجَرَهَآ ۗ أَءِلَٰهٌ مَّعَ ٱللَّهِ ۚ
بَلْ هُمْ قَوْمٌ يَعْدِلُونَ ﴿٦٠﴾
أَمَّن جَعَلَ ٱلْأَرْضَ قَرَارًا وَجَعَلَ خِلَٰلَهَآ أَنْهَٰرًا
وَجَعَلَ لَهَا رَوَٰسِىَ وَجَعَلَ بَيْنَ ٱلْبَحْرَيْنِ
حَاجِزًا ۗ أَءِلَٰهٌ مَّعَ ٱللَّهِ ۚ بَلْ أَكْثَرُهُمْ لَا يَعْلَمُونَ ﴿٦١﴾
أَمَّن يُجِيبُ ٱلْمُضْطَرَّ إِذَا دَعَاهُ وَيَكْشِفُ ٱلسُّوٓءَ
وَيَجْعَلُكُمْ خُلَفَآءَ ٱلْأَرْضِ ۗ أَءِلَٰهٌ مَّعَ ٱللَّهِ ۚ
قَلِيلًا مَّا تَذَكَّرُونَ ﴿٦٢﴾
أَمَّن يَهْدِيكُمْ فِى ظُلُمَٰتِ ٱلْبَرِّ وَٱلْبَحْرِ وَمَن
يُرْسِلُ ٱلرِّيَٰحَ بُشْرًۢا بَيْنَ يَدَىْ رَحْمَتِهِۦٓ ۗ أَءِلَٰهٌ مَّعَ
ٱللَّهِ ۚ تَعَٰلَى ٱللَّهُ عَمَّا يُشْرِكُونَ ﴿٦٣﴾
أَمَّن يَبْدَؤُا۟ ٱلْخَلْقَ ثُمَّ يُعِيدُهُۥ وَمَن يَرْزُقُكُم مِّنَ ٱلسَّمَآءِ
وَٱلْأَرْضِ ۗ أَءِلَٰهٌ مَّعَ ٱللَّهِ ۚ قُلْ هَاتُوا۟ بُرْهَٰنَكُمْ إِن كُنتُمْ
صَٰدِقِينَ ﴿٦٤﴾
قُل لَّا يَعْلَمُ مَن فِى ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَٱلْأَرْضِ ٱلْغَيْبَ إِلَّا ٱللَّهُ ۚ
وَمَا يَشْعُرُونَ أَيَّانَ يُبْعَثُونَ ﴿٦٥﴾
بَلِ ٱدَّٰرَكَ عِلْمُهُمْ فِى ٱلْءَاخِرَةِ ۚ بَلْ هُمْ فِى شَكٍّ مِّنْهَا ۖ
بَلْ هُم مِّنْهَا عَمُونَ ﴿٦٦﴾
وَقَالَ ٱلَّذِينَ كَفَرُوٓا۟ أَءِذَا كُنَّا تُرَٰبًا وَءَابَآؤُنَآ أَئِنَّا
لَمُخْرَجُونَ ﴿٦٧﴾
لَقَدْ وُعِدْنَا هَٰذَا نَحْنُ وَءَابَآؤُنَا مِن قَبْلُ إِنْ هَٰذَآ إِلَّآ
أَسَٰطِيرُ ٱلْأَوَّلِينَ ﴿٦٨﴾
قُلْ سِيرُوا۟ فِى ٱلْأَرْضِ فَٱنظُرُوا۟ كَيْفَ كَانَ عَٰقِبَةُ
ٱلْمُجْرِمِينَ ﴿٦٩﴾
وَلَا تَحْزَنْ عَلَيْهِمْ وَلَا تَكُن فِى ضَيْقٍ مِّمَّا يَمْكُرُونَ ﴿٧٠﴾

"Katakanlah: Alhamdulillah dan semoga dilimpahkan rahmat-Nya ke atas para hamba-Nya yang dipilih oleh-Nya. Apakah Allah itu lebih baik atau tuhan-tuhan yang dipersekutukan mereka?(59). Atau siapakah yang menciptakan langit dan bumi dan menurunkan untuk kamu air dari langit, lalu Kami tumbuhkan dengannya kebun-kebun yang indah, yang kamu sekali-kali tidak berkuasa menumbuhkan pokok-pokoknya. Apakah di samping Allah ada tuhan yang lain, malah sebenarnya mereka adalah satu kaum yang menyamakan Allah dengan makhluk?(60). Atau siapakah yang telah menjadikan bumi sebagai tempat kediaman yang mantap dan menciptakan berbagai-bagai sungai di celah-celahnya, dan menjadikan gunung-ganang untuk memantapkannya, dan menjadikan di antara dua lautan (masin dan tawar) itu satu dinding pemisah? Apakah di samping Allah ada tuhan yang lain, malah sebenarnya kebanyakan mereka tidak mengetahui?(61). Atau siapakah yang menyahut do'a orang yang berada di dalam kesusahan apabila dia berdo'a kepada-Nya dan menghapuskan kesusahan itu, dan melantikkan kamu sebagai khalifah-khalifah di bumi? Apakah di samping Allah ada tuhan yang lain? Amat sedikit kamu mengambil pengajaran(62). Atau siapakah yang memandu (perjalanan) kamu di tengah-tengah kegelapan di daratan dan lautan dan siapakah yang melepaskan angin-angin membawa berita gembira menjelang ketibaan rahmat-Nya (hujan)? Apakah di samping Allah ada tuhan yang lain? Maha Sucilah Allah dari apa yang dipersekutukan mereka(63). Atau siapakah yang berkuasa memulakan ciptaan (manusia) kemudian mengulanginya dan siapakah yang memberi rezeki kepada kamu dari langit dan bumi? Apakah di samping Allah ada tuhan yang lain? Katakanlah: Tunjukkanlah bukti-bukti kebenaran kamu jika kamu benar(64). Katakanlah: Tiada siapa pun di langit dan di bumi yang mengetahui urusan ghaib melainkan Allah, dan mereka juga tidak sedar bilakah mereka akan dibangkitkan?(65). Malah ilmu pengetahuan mereka mengenai Akhirat tidak sampai (ke sana), malah mereka berada dalam keraguan terhadapnya, malah mereka buta darinya(66). Dan berkatalah orang-orang kafir: Apakah

setelah kami dan datuk nenek kami menjadi tanah, kami semua akan dikeluarkan semula (dari kubur)?(67). Sesungguhnya kami dan datuk nenek kami dahulu telah pun dijanjikan dengan ini dan ini tidak lain melainkan hanya dongeng-dongeng orang dahulu kala sahaja(68). Katakanlah: Jelajahilah muka bumi ini dan lihatlah bagaimana akibat (yang menimpa) orang-orang yang berdosa(69). Dan janganlah engkau berdukacita terhadap mereka dan janganlah engkau merasa bosan terhadap tipu daya yang dirancangkan mereka"(70).

وَيَقُولُونَ مَتَىٰ هَٰذَا ٱلْوَعْدُ إِن كُنتُمْ صَٰدِقِينَ ٧١
قُلْ عَسَىٰٓ أَن يَكُونَ رَدِفَ لَكُم بَعْضُ ٱلَّذِى
تَسْتَعْجِلُونَ ٧٢
وَإِنَّ رَبَّكَ لَذُو فَضْلٍ عَلَى ٱلنَّاسِ وَلَٰكِنَّ أَكْثَرَهُمْ لَا
يَشْكُرُونَ ٧٣
وَإِنَّ رَبَّكَ لَيَعْلَمُ مَا تُكِنُّ صُدُورُهُمْ وَمَا يُعْلِنُونَ ٧٤
وَمَا مِنْ غَآئِبَةٍ فِى ٱلسَّمَآءِ وَٱلْأَرْضِ إِلَّا فِى كِتَٰبٍ
مُّبِينٍ ٧٥
إِنَّ هَٰذَا ٱلْقُرْءَانَ يَقُصُّ عَلَىٰ بَنِىٓ إِسْرَٰٓءِيلَ أَكْثَرَ
ٱلَّذِى هُمْ فِيهِ يَخْتَلِفُونَ ٧٦
وَإِنَّهُۥ لَهُدًى وَرَحْمَةٌ لِّلْمُؤْمِنِينَ ٧٧
إِنَّ رَبَّكَ يَقْضِى بَيْنَهُم بِحُكْمِهِۦ ۚ وَهُوَ ٱلْعَزِيزُ
ٱلْعَلِيمُ ٧٨
فَتَوَكَّلْ عَلَى ٱللَّهِ ۖ إِنَّكَ عَلَى ٱلْحَقِّ ٱلْمُبِينِ ٧٩
إِنَّكَ لَا تُسْمِعُ ٱلْمَوْتَىٰ وَلَا تُسْمِعُ ٱلصُّمَّ ٱلدُّعَآءَ إِذَا وَلَّوْا۟
مُدْبِرِينَ ٨٠
وَمَآ أَنتَ بِهَٰدِى ٱلْعُمْىِ عَن ضَلَٰلَتِهِمْ ۖ إِن تُسْمِعُ إِلَّا
مَن يُؤْمِنُ بِـَٔايَٰتِنَا فَهُم مُّسْلِمُونَ ٨١

"Dan berkatalah mereka: Bilakah janji azab ini jika kamu benar?(71). Katakanlah: Semoga tidak lama lagi akan datang setengah-setengah azab yang kamu gesakan itu(72). Dan sesungguhnya Tuhanmu mempunyai limpah kurnia yang amat banyak kepada manusia, tetapi kebanyakan mereka tidak bersyukur(73). Dan sesungguhnya Tuhanmu amat mengetahui segala apa yang disembunyikan dada mereka dan segala apa yang dinyatakan mereka(74). Dan tiada suatu yang ghaib di langit dan di bumi melainkan (semuanya) tercatat dalam kitab yang amat terang(75). Sesungguhnya Al-Qur'an ini menjelaskan kepada Bani Israel kebanyakan persoalan yang mereka berselisih faham mengenainya(76). Dan sesungguhnya Al-Qur'an itu suatu hidayat dan rahmat kepada para Mu'minin(77). Sesungguhnya Tuhanmu akan menyelesaikan (perselisihan) di antara mereka dengan keputusan-Nya, dan Dia adalah Maha Perkasa dan Maha Mengetahui(78). Oleh itu bertawakkallah kepada Allah, sesungguhnya engkau berada di atas kebenaran yang amat nyata(79). Sesungguhnya engkau tidak berkuasa menjadikan orang yang mati itu dapat mendengar dan tidak pula berkuasa menjadikan orang yang pekak itu dapat mendengar seruan (mu) apabila mereka berpaling membelakangimu(80). Dan engkau tidak berkuasa memberi hidayat kepada orang yang buta dari kesesatan mereka. Engkau tidak berkuasa memper-dengarkan (seruanmu) melainkan kepada orang yang beriman kepada ayat-ayat Kami kerana merekalah orang-orang yang sentiasa menyerahkan diri (kepada Allah)."(81).

وَإِذَا وَقَعَ ٱلْقَوْلُ عَلَيْهِمْ أَخْرَجْنَا لَهُمْ دَآبَّةً مِّنَ
ٱلْأَرْضِ تُكَلِّمُهُمْ أَنَّ ٱلنَّاسَ كَانُوا۟ بِـَٔايَٰتِنَا لَا يُوقِنُونَ ٨٢
وَيَوْمَ نَحْشُرُ مِن كُلِّ أُمَّةٍ فَوْجًا مِّمَّن يُكَذِّبُ بِـَٔايَٰتِنَا
فَهُمْ يُوزَعُونَ ٨٣
حَتَّىٰٓ إِذَا جَآءُو قَالَ أَكَذَّبْتُم بِـَٔايَٰتِى وَلَمْ تُحِيطُوا۟ بِهَا
عِلْمًا أَمَّاذَا كُنتُمْ تَعْمَلُونَ ٨٤
وَوَقَعَ ٱلْقَوْلُ عَلَيْهِم بِمَا ظَلَمُوا۟ فَهُمْ لَا يَنطِقُونَ ٨٥
أَلَمْ يَرَوْا۟ أَنَّا جَعَلْنَا ٱلَّيْلَ لِيَسْكُنُوا۟ فِيهِ وَٱلنَّهَارَ
مُبْصِرًا ۚ إِنَّ فِى ذَٰلِكَ لَءَايَٰتٍ لِّقَوْمٍ يُؤْمِنُونَ ٨٦
وَيَوْمَ يُنفَخُ فِى ٱلصُّورِ فَفَزِعَ مَن فِى ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَمَن
فِى ٱلْأَرْضِ إِلَّا مَن شَآءَ ٱللَّهُ ۚ وَكُلٌّ أَتَوْهُ دَٰخِرِينَ ٨٧
وَتَرَى ٱلْجِبَالَ تَحْسَبُهَا جَامِدَةً وَهِىَ تَمُرُّ مَرَّ ٱلسَّحَابِ ۚ
صُنْعَ ٱللَّهِ ٱلَّذِىٓ أَتْقَنَ كُلَّ شَىْءٍ ۚ إِنَّهُۥ خَبِيرٌۢ بِمَا
تَفْعَلُونَ ٨٨
مَن جَآءَ بِٱلْحَسَنَةِ فَلَهُۥ خَيْرٌ مِّنْهَا وَهُم مِّن فَزَعٍ يَوْمَئِذٍ
ءَامِنُونَ ٨٩

وَمَن جَآءَ بِٱلسَّيِّئَةِ فَكُبَّتۡ وُجُوهُهُمۡ فِي ٱلنَّارِ هَلۡ
تُجۡزَوۡنَ إِلَّا مَا كُنتُمۡ تَعۡمَلُونَ ٩٠
إِنَّمَآ أُمِرۡتُ أَنۡ أَعۡبُدَ رَبَّ هَٰذِهِ ٱلۡبَلۡدَةِ ٱلَّذِي
حَرَّمَهَا وَلَهُۥ كُلُّ شَيۡءٖۖ وَأُمِرۡتُ أَنۡ أَكُونَ مِنَ
ٱلۡمُسۡلِمِينَ ٩١
وَأَنۡ أَتۡلُوَاْ ٱلۡقُرۡءَانَۖ فَمَنِ ٱهۡتَدَىٰ فَإِنَّمَا يَهۡتَدِي
لِنَفۡسِهِۦۖ وَمَن ضَلَّ فَقُلۡ إِنَّمَآ أَنَا۠ مِنَ ٱلۡمُنذِرِينَ ٩٢
وَقُلِ ٱلۡحَمۡدُ لِلَّهِ سَيُرِيكُمۡ ءَايَٰتِهِۦ فَتَعۡرِفُونَهَاۚ وَمَا
رَبُّكَ بِغَٰفِلٍ عَمَّا تَعۡمَلُونَ ٩٣

"Dan apabila keputusan (azab) telah dijatuhkan ke atas mereka, kami akan keluarkan kepada mereka sejenis binatang dari bumi yang berbicara dengan mereka: Sesungguhnya manusia telah tidak yakin kepada ayat-ayat Kami(82). Dan (ingatlah) hari, di mana Kami akan himpunkan dari setiap umat itu sekumpulan dari orang-orang yang mendustakan ayat-ayat Kami, lalu seluruh mereka diatur dan dibawa (ke Mahsyar)(83). Sehingga apabila mereka semua datang, Dia (Allah) pun berfirman: Apakah kamu mendustakan ayat-ayat-Ku, sedangkan kamu tidak mengetahuinya atau apakah yang kamu telah lakukan?(84). Dan keputusan (azab) itu dijatuhkan ke atas mereka dengan sebab perbuatan mereka yang zalim, kerana itu mereka tidak dapat berkata (apa-apa)(85). Apakah mereka tidak memperhatikan bahawa Kami telah menciptakan malam supaya mereka beristirehat dan (Kami menciptakan) siang yang terang benderang. Sesungguhnya dalam penciptaan itu terdapat bukti-bukti kekuasaan Allah kepada golongan orang-orang yang beriman(86). Dan (ingatlah) hari, di mana ditiupkan sangkakala lalu terkejutlah sekalian yang ada di langit dan sekalian yang ada di bumi melainkan mereka yang dikehendaki Allah. Dan seluruh mereka datang mengadap-Nya dengan merendahkan diri(87). Dan engkau melihat gunung-ganang dan menyangkakannya tetap membeku di tempatnya, sedangkan ia berjalan (laju) seperti awan. (Demikianlah) ciptaan Allah yang telah menjadikan segala sesuatu itu dengan rapi. Sesungguhnya Dia Maha Mengetahui segala apa yang dilakukan kamu(88). Barang siapa yang membawa amalan yang baik dia akan memperolehi balasan yang lebih baik darinya dan mereka aman dari ketakutan yang dahsyat pada hari itu(89). Dan barang siapa yang membawa amalan kejahatan, maka muka mereka akan disembamkan ke dalam api Neraka. Kamu tidak dibalas melainkan mengikut amalan yang telah dilakukan kamu(90). Aku hanya diperintah menyembah Tuhan negeri ini (Makkah) yang telah menjadikannya negeri suci dan Dia memiliki segala sesuatu, dan aku diperintah supaya aku menjadi dari golongan para Muslimin(91). Dan supaya aku membaca Al-Qur'an. Oleh itu barang siapa yang menerima hidayat, maka sesungguhnya dia menerima hidayat untuk kebaikan dirinya, dan barang siapa yang sesat, maka katakanlah: Sesungguhnya aku hanya dari para rasul yang memberi peringatan sahaja(92). Dan ucapkanlah: Alhamdulillah Dia (Allah) akan memperlihatkan kepada kamu bukti-bukti kekuasaan-Nya dan kamu akan mengetahuinya. Dan Tuhanmu tidak sekali-kali lalai dari apa yang dilakukan kamu."(93).

(Latar belakang dan pokok pembicaraan)

Pelajaran ini merupakan bahagian penamat Surah an-Naml setelah ditayangkan berbagai-bagai siri dari kisah-kisah Nabi Musa, Daud, Sulaiman, Soleh dan Lut عليهم السلام. Bahagian penamat ini mempunyai hubungan yang rapat dengan bahagian permulaan surah dari segi maudhu' pembicaraannya. Di antara kisah-kisah itu pula terdapat hubungan yang selaras dengan permulaan dan akhiran surah ini. Setiap kisah memenuhi sebahagian dari aspek-aspek tujuan yang ditangani oleh seluruh surah ini.

Pelajaran ini dimulakan dengan ucapan "الحمدلله" dan do'a selamat sejahtera ke atas para hamba kesayangan yang telah dipilih Allah, yang terdiri dari para Anbiya', para rasul dan mereka yang disebutkan kisah-kisah mereka sebelum ini. Ucapan Alhamdulillah dan do'a selamat sejahtera itu merupakan kata pembukaan bagi penjelajahan di sekitar 'aqidah, iaitu penjelajahan meninjau pemandangan-pemandangan alam, pendalaman-pendalaman jiwa manusia, lipatan-lipatan alam ghaib, tanda-tanda hari Qiamat, pemandangan-pemandangan Qiamat dan kedahsyatan di padang Mahsyar yang ditakuti oleh sekalian makhluk yang ada di langit dan sekalian makhluk yang ada di bumi melainkan mereka yang dikehendaki Allah.

******

Di dalam penjelajahan ini Al-Qur'an meletak mereka di hadapan pemandangan-pemandangan alam buana dan pemandangan-pemandangan di dalam jiwa manusia yang tidak dapat diingkarkan mereka dan tidak dapat dihuraikan mereka selain dari mengakui kewujudan Allah Yang Maha Pencipta, Maha Esa, Maha Pentadbir dan Maha Kuasa.

Pemandangan-pemandangan itu ditayangkan berturut-turut dengan nada kenyataan-kenyataan yang berkesan dan mempengaruhi mereka dari segi hujjah dan perasaan. Al-Qur'an mengemukakan pertanyaan-pertanyaan yang bertubi-tubi kepada mereka: Siapakah yang menciptakan langit dan bumi? Siapakah yang menurunkan hujan dari langit dan menumbuhkan kebun-kebun yang indah dengannya? Siapakah yang menjadikan bumi sebagai tempat kediaman yang mantap, mengadakan berbagai-bagai sungai di celah-celahnya, mencipta gunung-ganang yang memantapkannya, mengadakan dinding pemisah di antara lautan dan sungai? Siapakah yang menyahut do'a orang yang berada dalam kesusahan apabila dia berdo'a kepadanya dan menghapuskan kesusahan itu? Siapakah yang melantik kamu selaku khalifah-khalifah di bumi? Siapakah yang memandu

perjalanan kamu di dalam kegelapan di daratan dan lautan? Siapakah yang melepaskan angin membawa berita kedatangan hujan yang penuh rahmat? Siapakah yang memulakan ciptaan kemudian mengulanginya? Siapakah yang memberi rezeki kepada kamu dari langit dan bumi? Dan pada setiap pertanyaan itu Dia mencabar mereka: Apakah di sana ada tuhan yang lain dari Allah? Sedangkan mereka sama sekali tidak berdaya membuat dakwaan seperti itu. Mereka tidak berdaya untuk mengatakan bahawa disana ada tuhan yang lain disamping Allah yang menciptakan sesuatu dari kejadian-kejadian itu, tetapi walaupun demikian, mereka masih menyembah berbagai-bagai sembahan selain Allah.

Selepas mengemukakan kenyataan-kenyataan yang kuat, yang menembusi hati, iaitu kenyataan-kenyataan alam buana yang penuh di sekeliling mereka dan kenyataan-kenyataan, perasaan yang dirasakan hati mereka sendiri, Al-Qur'an mendedahkan pula perbuatan mereka yang mendustakan hari Akhirat dan perbuatan mereka yang meraba-raba dalam urusan Akhirat. Kemudian ia iringi dengan menarik hati mereka supaya memikirkan akibat-akibat kebinasaan yang telah menimpa kaum-kaum yang telah lalu yang sependirian dengan mereka mendustakan hari Akhirat dan meraba-raba dalam urusannya.

Dari sini Al-Qur'an menyambung tayangan pemandangan padang Mahsyar yang penuh dengan perkara-perkara yang menakut dan memeranjatkan, kemudian dalam sekelip mata sahaja ia mengembalikan mereka ke alam bumi, kemudian mengembalikan mereka pula kepada pemandangan padang Mahsyar seolah-olah ia menggoncangkan hati mereka dengan sekuat-kuatnya.

Pada akhir penjelajahan itu tibalah ayat penamatnya, iaitu ayat penamat yang serupa dengan sebuah nada kenyataan yang akhir, yang membawa gema yang mendalam dan mengerikan, di mana Rasulullah s.a.w. berlepas tangan dari tindak-tanduk kaum Musyrikin yang mempersenda-sendakan janji azab dan mendusta hari Akhirat. Beliau mem-bimbing hati mereka supaya memerhatikan pemandangan-pemandangan alam buana dan keadaan-keadaan yang dahsyat di padang Mahsyar, juga akibat-akibat yang diterima orang-orang yang ta'at dan orang-orang yang derhaka. Beliau membiarkan mereka kepada nasib kesudahan yang dipilih mereka sendiri dan menggariskan sistem hidupnya dan sarana-sarananya untuk dipilih oleh siapa sahaja yang ingin memilihnya:

إِنَّمَآ أُمِرۡتُ أَنۡ أَعۡبُدَ رَبَّ هَٰذِهِ ٱلۡبَلۡدَةِ ٱلَّذِي حَرَّمَهَا وَلَهُۥ كُلُّ شَيۡءٖۖ وَأُمِرۡتُ أَنۡ أَكُونَ مِنَ ٱلۡمُسۡلِمِينَ ٩١

وَأَنۡ أَتۡلُوَاْ ٱلۡقُرۡءَانَۖ فَمَنِ ٱهۡتَدَىٰ فَإِنَّمَا يَهۡتَدِي لِنَفۡسِهِۦۖ وَمَن ضَلَّ فَقُلۡ إِنَّمَآ أَنَا۠ مِنَ ٱلۡمُنذِرِينَ ٩٢

"Aku hanya diperintah menyembah Tuhan negeri ini (Makkah) yang telah menjadikannya negeri suci dan Dia memiliki segala sesuatu, dan aku diperintah supaya aku menjadi dari golongan para Muslimin(91). Dan supaya aku membaca Al-Qur'an. Oleh itu barang siapa yang menerima hidayat, maka sesungguhnya dia menerima hidayat untuk kebaikan dirinya, dan barang siapa yang sesat, maka katakanlah: Sesungguhnya aku hanya dari para rasul yang memberi peringatan sahaja."(92)

Kemudian penjelajahan itu ditamatkan sebagaimana dimulakan iaitu dengan memuji Allah yang berhak menerima seluruh kepujian dan sanjungan, dan menyerahkan mereka kepada Allah yang akan memperlihatkan bukti-bukti kekuasaan-Nya kepada mereka dan mengetahui segala amalan mereka zahir dan batin:

وَقُلِ ٱلۡحَمۡدُ لِلَّهِ سَيُرِيكُمۡ ءَايَٰتِهِۦ فَتَعۡرِفُونَهَاۚ وَمَا رَبُّكَ بِغَٰفِلٍ عَمَّا تَعۡمَلُونَ ٩٣

"Dan ucapkanlah: Alhamdulillah. Dia (Allah) akan memperlihatkan kepada kamu bukti-bukti kekuasaan-Nya dan kamu akan mengetahuinya. Dan Tuhanmu tidak sekali-kali lalai dari apa yang dilakukan kamu."(93)

Demikianlah surah ini diakhiri dengan nada kenyataan yang amat berkesan dan mendalam.

******

(Pentafsiran ayat-ayat 59 - 64)

Dalil-dalil Spontan Yang Membuktikan Uluhiyah Allah Yang Maha Esa

قُلِ ٱلۡحَمۡدُ لِلَّهِ وَسَلَٰمٌ عَلَىٰ عِبَادِهِ ٱلَّذِينَ ٱصۡطَفَىٰٓۗ ءَآللَّهُ خَيۡرٌ أَمَّا يُشۡرِكُونَ ٥٩

"Katakanlah: Alhamdulillah dan semoga dilimpahkan rahmat-Nya ke atas para hamba-Nya yang dipilih oleh-Nya. Apakah Allah itu lebih baik atau tuhan-tuhan yang dipersekutukan mereka?"(59)

Allah menyuruh Rasulullah s.a.w. supaya mengucapkan kata-kata yang layak bagi seorang Mu'min memula dan mengakhiri sesuatu percakapan, seruan dan perdebatannya. Katakanlah: "Alhamdulillah" Tuhan yang berhak menerima kepujian dan sanjungan dari sekalian hamba-Nya kerana ni'mat-ni'mat kemudahan-Nya yang melimpah-ruah terutama ni'mat hidayat-Nya yang membimbing mereka kepada-Nya, memimpin mereka ke jalan yang dipilih-Nya dan kepada agama yang diredhai-Nya. "*Dan semoga dilimpahkan rahmat-Nya ke atas para hamba-Nya yang dipilih oleh-Nya*" untuk membawa risalah-Nya, menyampaikan da'wah-Nya dan menjelaskan agama-Nya.

Selepas ayat pembukaan ini, Al-Qur'an mula mengenakan paluan-paluannya ke atas hati-hati yang ingkarkan bukti-bukti kekuasaan Allah yang dimulakan dengan satu pertanyaan yang tidak dapat dijawab melainkan dengan satu jawapan sahaja, dan dengan pertanyaan ini juga ia mengecam perbuatan mereka yang mempersekutukan Allah dengan tuhan-tuhan palsu yang didakwa mereka:

ءَآللَّهُ خَيْرٌ أَمَّا يُشْرِكُونَ ﴿٥٩﴾

"Apakah Allah itu lebih baik atau tuhan-tuhan yang dipersekutukan mereka?"(59)

Tuhan-tuhan palsu yang dipersekutukan mereka ialah patung-patung dan berhala- berhala atau malaikat-malaikat dan jin atau mana-mana makhluk dari makhluk Allah. Semuanya tidak mungkin sampai ke tahap yang menyerupai Allah S.W.T. apatah lagi ke tahap yang lebih baik dari-Nya. Tidak terlintas sama sekali dalam hati seorang yang berakal untuk membuat sesuatu perbandingan seperti itu. Oleh sebab itu bentuk pertanyaan ini merupakan bentuk pertanyaan untuk mengejek dan mencela semata-mata, kerana pertanyaan ini tidak mungkin dihadapkan secara sungguh-sungguh atau dipinta jawapannya.

Oleh sebab itu Al-Qur'an mengubahkannya kepada satu bentuk pertanyaan yang lain yang diambil dari kenyataan alam buana di sekelilingnya dan dari pemandangan-pemandangan yang dilihat mata mereka sendiri.

أَمَّنْ خَلَقَ ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَٱلْأَرْضَ وَأَنزَلَ لَكُم مِّنَ
ٱلسَّمَآءِ مَآءً فَأَنۢبَتْنَا بِهِۦ حَدَآئِقَ ذَاتَ بَهْجَةٍ مَّا
كَانَ لَكُمْ أَن تُنۢبِتُوا۟ شَجَرَهَآ ۗ أَءِلَٰهٌ مَّعَ ٱللَّهِ ۚ
بَلْ هُمْ قَوْمٌ يَعْدِلُونَ ﴿٦٠﴾

"Atau siapakah yang menciptakan langit dan bumi dan menurunkan untuk kamu air dari langit; lalu Kami tumbuhkan dengannya kebun-kebun yang indah yang kamu sekali-kali tidak berkuasa menumbuhkan pokok-pokoknya. Apakah di samping Allah ada tuhan yang lain malah sebenarnya mereka adalah satu kaum yang menyamakan Allah dengan makhluk."(60)

Langit dan bumi merupakan hakikat yang tersergam (di hadapan mata) sdan tiada seorang pun yang dapat mengingkari kewujudannya dan dapat mendakwa bahawa tuhan-tuhan palsu yang didakwakan mereka itulah yang telah menciptakannya, iaitu patung-patung atau berhala-berhala atau malaikat-malaikat atau syaitan-syaitan atau matahari atau bulan. Jawapan spontan dengan lantang menentang dakwaan ini. Tiada seorang pun dari kaum Musyrikin yang mendakwa bahawa alam buana ini berdiri sendiri dan terjadi dengan sendiri sebagaimana adanya orang-orang yang membuat dakwaan yang tidak berasas ini di abad-abad ke belakangan ini. Apabila disebut sahaja kewujudan langit dan bumi dan apabila di arah sahaja supaya berfikir siapakah yang menciptakan kedua-duanya sudah cukup untuk menegakkan hujjah, membatalkan kepercayaan syirik dan mengalahkan kaum Musyrikin. Dan pertanyaan ini masih terus dikemukakan kerana penciptaan langit dan bumi dalam bentuknya yang ada ini, iaitu bentuk yang jelas memperlihatkan adanya tujuan, pentadbiran dan keselarasan yang sempurna yang tidak mungkin terjadi secara kebetulan itu dengan sendirinya dapat membawa kepada pengakuan wujudnya Allah Pencipta Yang Maha Esa. Keesaan Allah dapat dilihat dengan jelas pada kesan-kesan ciptaan-Nya, kerana semuanya menjelaskan bahawa di sana hanya terdapat satu perencanaan yang selaras bagi alam buana ini, di mana tabi'at dan hala tujuannya hanya satu sahaja tidak berbilang-bilang. Oleh itu ia pastilah lahir dari kehendak iradat yang tunggal dan tidak berbilang-bilang, iaitu iradat yang mempunyai tujuan yang wujud pada setiap ciptaan-Nya sama ada pada makhluk-makhluk yang besar atau yang kecil.

أَمَّنْ خَلَقَ ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَٱلْأَرْضَ وَأَنزَلَ لَكُم مِّنَ
ٱلسَّمَآءِ مَآءً فَأَنۢبَتْنَا بِهِۦ حَدَآئِقَ ذَاتَ بَهْجَةٍ مَّا
كَانَ لَكُمْ أَن تُنۢبِتُوا۟ شَجَرَهَآ ۗ

"Siapakah yang menciptakan langit dan bumi dan menurunkan untuk kamu air dari langit, lalu Kami tumbuhkan dengannya kebun-kebun yang indah, yang kamu sekali-kali tidak berkuasa menumbuhkan pokok-pokoknya?"(60)

Air hujan yang turun dari langit juga merupakan satu hakikat yang dapat dilihat dengan jelas. Ia tidak mungkin diingkar dan tidak mungkin ditafsirkannya selain dari mengakui kewujudan Allah yang mencipta dan mentadbir, yang telah menjadikan langit, dan bumi mengikut undang-undang yang tertentu yang memungkinkan turunnya air hujan sekadar yang wajar, yang dapat melahirkan tumbuhan-tumbuhan yang hidup seperti yang wujud sekarang ini. Semuanya ini tidak mungkin wujud secara kebetulan sahaja dan kebetulan-kebetulan itu tidak mungkin teratur dengan tertib peraturan yang amat halus dan tepat seperti ini, iaitu tertib peraturan yang disusun untuk memenuhi keperluan makhluk-makhluk yang hidup terutama makhluk insan. Penentuan tujuan ini telah dijelaskan oleh Al-Qur'an dengan ungkapan *"Dan menurunkan untuk kamu"*, Al-Qur'an mengarahkan hati dan penglihatan manusia supaya memperhatikan kesan-kesan air hujan yang menghidupkan tumbuh-tumbuhan. Ia diturunkan untuk memenuhi keperluan-keperluan manusia iaitu ia diatur dengan tujuan-tujuan untuk memelihara kewujudan mereka dan melaksanakan kehendak-

kehendak dan keperluan-keperluan mereka. Al-Qur'an menarik hati dan penglihatan mereka supaya merenungi kesan-kesan hidup yang terbentang di hadapan mereka, sedangkan mereka melihatnya dengan hati yang lalai:

فَأَنۢبَتۡنَا بِهِۦ حَدَآئِقَ ذَاتَ بَهۡجَةٖ

"Lalu Kami tumbuhkan dengannya kebun-kebun yang indah"(60)

Keindahan Sekuntum Bunga

Iaitu kebun-kebun yang indah, subur, hidup, cantik dan menyenangkan hati. Pemandangan kebun-kebun itu membangkitkan perasaan riang, cegas dan segar. Renungan kepada keindahan tumbuhan-tumbuhan yang hidup subur ini sudah cukup untuk menghidupkan hati manusia. Penelitian terhadap kesan, ciptaan Ilahi yang permai pada kebun-kebun sudah cukup bagi seseorang untuk memuji dan mengagung-agungkan Allah yang telah menciptakan keindahan yang mengkagumkan ini. Pengwarnaan pada sekuntum bunga dan penyusunannya melemahkan tokoh seniman manusia yang paling agung. Gelombang warna warni, susunan garis-garis dan dedaun-dedaun kecil pada sekuntum bunga itu merupakan satu mu'jizat yang melemahkan 'abqariyah seni baik di zaman dahulu mahu pun di zaman moden, lebih-lebih lagi mu'jizat hayat yang subur pada pokok-pokok, yang merupakan rahsia yang paling besar yang tidak dapat difahami manusia **"Yang kamu sekali-kali tidak berkuasa menumbuhkan pokok-pokoknya".**

Rahsia Hayat Yang Tertutup

Rahsia hayat itu selama-lamanya telah dan akan tertutup kepada manusia sama ada rahsia hayat pada tumbuh-tumbuhan atau pada haiwan atau pada insan. Sehingga di sa'at ini tiada seorang manusia pun yang dapat menjelaskan bagaimana hayat ini datang dan bagaimana ia menjelma pada makhluk-makhluk itu sama ada tumbuh-tumbuhan atau haiwan atau insan. Ia pasti dirujukkan kepada sumber yang wujud di sebalik alam buana yang dapat dilihat ini.

Setibanya di sini iaitu ketika berdiri di hadapan tumbuh-tumbuhan yang hidup subur di dalam kebun-kebun yang permai yang merangsangkan perhatian dan pergerakkan menungan dan fikiran itu, Al-Qur'an menyerbu mereka dengan satu pertanyaan:

أَءِلَٰهٞ مَّعَ ٱللَّهِۚ

"Apakah di samping Allah ada tuhan yang lain?"(60)

Tiada ruang yang membolehkan untuk membuat dakwaan seperti ini dan tiada tempat untuk melarikan diri selain dari mengakui dan patuh. Di sini kedudukan kaum Musyrikin kelihatan begitu aneh dan ganjil apabila mereka menyamakan tuhan-tuhan palsu yang didakwakan mereka itu dengan Allah dan menyembah mereka seperti menyembah Allah:

"Malah sebenarnya mereka adalah kaum yang menyamakan (Allah dengan makhluk yang benar)."

Kata-kata "يعدلون" boleh diertikan dengan "mereka menyamakan" iaitu menyamakan tuhan-tuhan mereka dengan Allah dari segi menyembah dan beribadat kepadanya dan boleh juga diertikan dengan "mereka menyimpang" iaitu menyimpang dari kebenaran yang amat terang dan jelas dengan mempersekutukan Allah dengan makhluk yang lain di dalam ibadat, sedangkan Allah itu Pencipta Yang Maha Esa dan tiada siapa pun yang berkongsi dengan-Nya dalam urusan penciptaan. Kedua-duanya merupakan perbuatan-perbuatan ganjil yang tidak patut dilakukannya.

Kemudian Al-Qur'an membawa mereka berpindah kepada satu hakikat alam buana yang lain pula. Ia hadapkan mereka dengan hakikat ini sebagaimana ia hadapkan mereka dengan hakikat penciptaan yang pertama:

أَمَّن جَعَلَ ٱلۡأَرۡضَ قَرَارٗا وَجَعَلَ خِلَٰلَهَآ أَنۡهَٰرٗا وَجَعَلَ لَهَا رَوَٰسِيَ وَجَعَلَ بَيۡنَ ٱلۡبَحۡرَيۡنِ حَاجِزًاۗ أَءِلَٰهٞ مَّعَ ٱللَّهِۚ بَلۡ أَكۡثَرُهُمۡ لَا يَعۡلَمُونَ ٦١

"Atau siapakah yang telah menjadikan bumi sebagai tempat kediaman yang mantap dan menciptakan berbagai-bagai sungai di celah-celahnya, dan menjadikan gunung-ganang untuk memantapkannya, dan menjadikan di antara dua lautan (masin dan tawar) itu satu dinding pemisah? Apakah di samping Allah ada tuhan yang lain, malah sebenarnya kebanyakan mereka tidak mengetahui."(61)

Elemen-elemen Kemantapan Bumi

Hakikat kejadian alam buana yang pertama ialah hakikat penciptaan langit dan bumi, tetapi hakikat yang mahu dinyatakan ayat ini ialah bagaimana keadaan bumi itu diciptakan Allah. Ia diciptakan Allah sebagai tempat kediaman yang mantap untuk dihayati sebagai tempat yang tenteram dan sesuai bagi kewujudan makhluk-makhluk yang hidup, yang dapat berkembang dan mem-biak subur. Andainya kedudukan bumi dengan matahari dan bulan itu berubah atau bentuk bumi itu sendiri berubah, atau saiznya berubah atau anasir-anasirnya dan anasir-anasir yang meliputi udara di sekelilingnya berubah atau kecepatan pusingannya di sekeliling dirinya atau kecepatan pusingannya di sekeliling matahari atau kecepatan pusingan bulan di sekelilingnya berubah atau sebagainya dari berbagai hubungan-hubungan yang rapat yang tidak mungkin wujud, secara kebetulan, iaitu hubungan-hubungan yang seluruhnya harus berjalan dengan keselarasan yang ada sekarang ini, andainya berlaku sesuatu perubahan dalam hubungan-hubungan ini semua-nya, walaupun perubahan itu amat kecil, nescaya bumi ini tidak lagi merupakan sebuah tempat kediaman yang mantap dan sesuai untuk makhluk-makhluk yang hidup.

Mungkin orang-orang (Arab) yang mula-mula ditujukan ayat ini kepada mereka pada masa itu belum lagi memahami ke'ajaiban-ke'ajaiban ini yang terkandung di dalam firman Allah Taala ini **"Siapakah yang telah menjadikan bumi sebagai tempat kediaman yang mantap?"** Tetapi secara umumnya mereka dapat melihat bumi ini sebuah tempat yang mantap dan sesuai untuk hidup dan mereka tidak mampu untuk mendakwa bahawa salah satu dari tuhan-tuhan sembahan mereka itu turut serta dalam menciptakan bumi dengan keadaan yang wujud ini. Sekadar ini pun sudah cukup. Kemudian selepas itu ayat ini terbuka kepada pemahaman semua generasi manusia. Semakin luas ilmu pengetahuan mereka semakin luas pula mereka dapat memahami pengertian ayat ini, yang memang amat luas dan sentiasa membaru itu. Itulah mu'jizat Al-Qur'an dalam pernyataannya yang ditujukan kepada semua peringkat akal manusia di sepanjang zaman.

أَمَّن جَعَلَ ٱلْأَرْضَ قَرَارًا وَجَعَلَ خِلَٰلَهَآ أَنْهَٰرًا

"Atau siapakah yang telah menjadikan bumi sebagai tempat kediaman yang mantap dan menciptakan berbagai-bagai sungai di celah-celahnya?"(61)

Penciptaan Sungai-sungai Di Bumi

Sungai-sungai di bumi merupakan urat-urat nadi hayat. Ia menjalar mengalir di bumi dari timur ke barat dan dari utara ke selatan membawa bersama-samanya zat-zat kesuburan, hayat dan pembiakan. Sungai-sungai itu terjadi dari perkumpulan air hujan dan pengalirannya mengikut keadaan bumi. Allah yang telah menciptakan alam buana ini. Dialah juga yang menentukan dalam pelan induknya kemungkinan-kemungkinan berkumpulnya awan, turunnya hujan dan mengalirnya sungai-sungai. Tiada siapa pun yang mampu mendakwa ada yang lain dari Allah Yang Maha Pencipta dan Maha Pentadbir turut serta menciptakan alam buana ini dengan bentuk dan keadaannya yang ada sekarang. Pengaliran sungai-sungai merupakan satu hakikat yang nyata yang dapat dilihat oleh kaum Musyrikin. Oleh itu siapakah yang telah menciptakan hakikat ini? **"Apakah di samping Allah ada tuhan yang lain?"**

وَجَعَلَ لَهَا رَوَٰسِىَ

"Dan menjadikan gunung-ganang untuk memantapkan-nya."(61)

Peranan Gunung-Ganang

Gunung-ganang dan bukit-bukau terpacak teguh di atas bumi. Biasanya gunung-ganang inilah yang menjadi punca terbitnya sunga-sungai. Dari sanalah mengalirnya air

hujan menuju ke lembah-lembah dan mengorekkan saluran-saluran pengalirannya dengan sebab air memancut dengan kuat dari puncak-puncak gunung dan bukit yang tinggi itu.

Gunung-ganang yang terpacak teguh itu diimbangkan dengan sungai-sungai yang mengalir di dalam pemandangan alam yang ditayangkan oleh Al-Qur'an di sini. Pengimbangan ilustrasi itu dapat dilihat dengan jelas di dalam pengungkapan-pengungkapan Al-Qur'an dan ini salah satu darinya. Oleh sebab itulah ia menyebut gunung-ganang yang teguh selepas menyebut sungai-sungai yang mengalir.

وَجَعَلَ بَيْنَ ٱلْبَحْرَيْنِ حَاجِزًا ۗ

"Dan menjadikan di antara dua lautan (masin dan tawar) itu satu dinding pemisah."(61)

Dinding Pemisah Di Antara Lautan Dan Muara Sungai

Laut yang masin dan sungai yang tawar kedua-duanya dinamakan sebagai dua lautan memandangkan kepada persamaan bahannya iaitu air. Dinding pemisah itu pada umumnya iaitu dinding tabii yang membuat air laut tidak mencurah ke dalam air sungai hingga merosakkannya kerana paras permukaan sungai itu lebih tinggi dari paras permukaan laut. Inilah yang menjadi dinding sekatan di antara air laut dan air sungai. Walaupun air sungai itu mencurah ke dalam laut, tetapi pengaliran sungai tetap bebas tidak dicerobohi air laut. Walaupun ketika permukaan sungai menjadi rendah dari permukaan laut kerana sesuatu sebab, namun dinding pemisah ini tetap berfungsi hasil dari tabi'at kepadatan air laut dan air sungai, kerana air sungai itu ringan dan air laut itu berat. Oleh sebab itu pengaliran air sungai dan air laut itu tetap berbeza dan tidak bercampuraduk dan tidak menceroboh satu sama lain. Ini adalah salah satu dari Sunnatullah dalam menciptakan alam buana dan menggariskan pelan ciptaannya mengikut undang-undang yang amat halus ini.

Siapakah yang menciptakan semuanya ini? Siapa? **"Apakah di samping Allah ada tuhan yang lain?"**

Tiada siapa pun yang mampu membuat dakwaan seperti ini. Kesatuan pelan ciptaan alam memaksa seseorang mengakui keesaan Allah Yang Maha Pencipta itu.

بَلْ أَكْثَرُهُمْ لَا يَعْلَمُونَ ﴿٦١﴾

"Malah sebenarnya kebanyakan mereka tidak mengetahui."(61)

Di sini Al-Qur'an menyebut ilmu pengetahuan kerana hakikat alam buana ini memerlukan kepada ilmu pengetahuan untuk membolehkan seorang meni'mati keindahan ciptaan dan penyusunan alam dan untuk meneliti undang-undang dan peraturan dalam ciptaan-ciptaan itu, juga kerana persoalan yang ditekankan di dalam seluruh surah ini ialah persoalan ilmu pengetahuan (sebagaimana telah kami terangkan dalam ringkasan surah ini di juzu' yang lepas).

Kemudian Al-Qur'an membawa mereka berpindah dari pemandangan-pemandangan alam buana kepada ciri jiwa mereka sendiri:

أَمَّن يُجِيبُ ٱلْمُضْطَرَّ إِذَا دَعَاهُ وَيَكْشِفُ ٱلسُّوٓءَ
وَيَجْعَلُكُمْ خُلَفَآءَ ٱلْأَرْضِ ۗ أَءِلَٰهٌ مَّعَ ٱللَّهِ ۚ
قَلِيلًا مَّا تَذَكَّرُونَ ﴿٦٢﴾

"Atau siapakah yang menyahut do'a orang yang berada di dalam kesusahan apabila dia berdo'a kepada-Nya dan menghapuskan kesusahan itu, dan melantikkan kamu sebagai khalifah-khalifah di bumi? Apakah di samping Allah ada tuhan yang lain? Amat sedikit kamu mengambil pengajaran."(62)

Menemui Allah Di Sa'at Kesusahan Dan Melupakan-Nya Di Sa'at Kesenangan

Ayat ini menyentuh kesedaran mereka apabila ia mengingatkan mereka dengan perasaan-perasaan jiwa mereka dan keadaan-keadaan yang berlaku kepada mereka.

Orang yang berada di dalam sa'at-sa'at kesusahan dan kesulitan tidak menemui tempat perlindungan yang lain melainkan Allah. Kepada-Nyalah dia berdo'a supaya menghapuskan kesusahan dan kesulitan yang menimpanya itu. Keadaan ini berlaku apabila kepungan dan tekanan kesusahan itu dirasakan begitu sempit dan mencekik dan apabila kekuatan menjadi begitu lemah dan tempat-tempat pergantungan runtuh ranap semuanya. Ketika itu dia melihat di sekelilingnya dan dapati dirinya, tidak mempunyai sebarang pertolongan dan sebarang jalan untuk menyelamatkannya. Kekuatan dirinya dan kekuatan-kekuatan yang ada di bumi tidak dapat lagi menolongnya. Segala apa yang disediakannya untuk menghadapi zaman kesusahan telah hilang darinya dan sekalian orang yang selama ini diharap dapat membantunya di masa kesulitan itu telah tidak menghiraukannya lagi. Di sa'at inilah fitrah manusia sedar dan terus mencari perlindungan pada kekuatan Ilahi, iaitu satu-satunya kekuatan yang dapat menolong dan membantunya. Manusia akan bertawajjuh kepada Allah walaupun dia lupakan-Nya di sa'at-sa'at kesenangan, kerana Allahlah yang dapat menyahuti do'a orang yang ditimpa kesusahan apabila dia berdo'a kepada-Nya. Dialah sahaja dan tiada yang lain dari-Nya yang dapat memperkenankan permohonannya untuk menghapuskan kesusahannya, mengembalikannya kepada keamanan dan keselamatan dan menyelamatkannya dari kesulitan yang telah mencekikkan lehernya itu.

Manusia lupakan hakikat ini apabila mereka berada di sa'at-sa'at kesenangan dan di masa-masa kelalaian. Mereka lupakan hakikat ini lalu mereka mencari kekuatan, pertolongan dan perlindungan pada mana-mana kuasa dari kuasa-kuasa bumi yang lemah dan kecil. Tetapi apabila mereka ditekankan kesusahan, maka selaput kelalaian yang membalut fitrah mereka akan hilang dan mereka akan kembali bertaubat kepada Tuhan mereka walau bagaimanapun sebelum ini, mereka lupakan-Nya dan bersikap sombong terhadap-Nya.

Al-Qur'an mengembalikan manusia-manusia yang angkuh dan ingkar itu kepada hakikat yang terpendam di dalam fitrah mereka ini. Ia mengemukakan hakikat ini kepada mereka semasa membentangkan hakikat-hakikat alam buana yang disebut sebelum ini, iaitu hakikat penciptaan langit dan bumi, hakikat penurunan hujan dari langit, hakikat penumbuhan kebun-kebun yang indah, hakikat penciptaan bumi sebagai tempat kediaman yang mantap, hakikat gunung-ganang yang memantapkan bumi, hakikat pengaliran sungai-sungai dan hakikat dinding yang memisahkan air lautan yang masin dari air sungai yang tawar. Oleh itu tindakan orang yang ditimpakan kesusahan mencari perlindungan pada Allah dan kesediaan Allah menyahut do'anya itu juga merupakan satu hakikat yang sama dengan hakikat-hakikat yang tersebut. Hakikat-hakikat tadi ialah hakikat-hakikat di dalam alam buana, dan hakikat ini ialah hakikat di dalam jiwa mereka sendiri. Kedua-dua hakikat itu adalah sama sahaja.

Manusia Dilantik Sebagai Pemerintah Bumi

Kemudian Al-Qur'an terus menyentuh perasaan mereka dengan menyebut hakikat yang wujud di dalam kehidupan mereka "Dan melantikkan kamu sebagai khalifah-khalifah di bumi". Siapakah yang melantikkan manusia sebagai khalifah-khalifah di bumi? Bukankah Allah yang telah melantikkan bangsa manusia sebagai khalifah di muka bumi pada permulaan kali, kemudian terus melantikkan mereka sebagai khalifah abad demi abad, generasi demi generasi silih berganti memerintah kerajaan bumi?

Bukankah Allahlah yang telah menciptakan mereka mengikut undang-undang yang membolehkan mereka hidup di muka bumi ini? Bukankah Dialah yang telah melengkapkan mereka dengan daya tenaga dan bakat-bakat kebolehan yang membolehkan mereka memerintah bumi ini? Mereka dapat melaksanakan tugas yang amat besar ini dengan sebab wujudnya undang-undang yang menjadikan bumi ini sebagai tempat kediaman yang mantap, undang-undang yang mengatur seluruh alam ini berada dalam keadaan yang selaras dan imbang satu dengan lain, iaitu keadaan-keadaan yang membuat bumi ini cukup lengkap dengan suasana-suasana yang sesuai dan menolong untuk perkembangan makhluk-makhluk yang hidup. Andainya mana-mana syarat dari berbagai-bagai syarat yang ditetapkan di dalam pelan ciptaan dan perjalanan alam ini mungkir nescaya kewujudan

makhluk-makhluk yang hidup di muka bumi ini mustahil berlaku. [7]

Ni'mat Di Sebalik Pertukaran Generasi

Akhirnya bukankah Allahlah yang menentukan mati dan hidup dan melantikkan manusia sebagai khalifah generasi demi generasi? Andainya orang-orang yang dahulu kala itu terus hidup tentulah bumi ini menjadi sempit kepada orang-orang yang kemudian, tentulah perjalanan hidup, perkembangan tamadun dan pemikiran menjadi lambat, kerana pertukaran generasi-generasi itulah yang membolehkan fikiran-fikiran, pengalaman-pengalaman dan usaha-usaha itu bertukar baru, juga membolehkan bentuk-bentuk kehidupan terus membaru tanpa mewujudkan percanggahan di antara orang-orang yang dahulu dan orang-orang yang baru kecuali di alam fikiran dan perasaan sahaja. Tetapi andainya orang-orang yang dahulu itu terus hidup tentulah percanggahan dan pertentangan itu akan menjadi besar dan ini tentulah melumpuhkan angkatan hayat untuk maju ke hadapan.

Semuanya ini merupakan hakikat-hakikat di dalam jiwa manusia sama seperti hakikat-hakikat yang wujud di merata pelosok alam. Siapakah yang menciptakannya? Siapa?

أَءِلَٰهٌ مَّعَ ٱللَّهِ

"Apakah di samping Allah ada tuhan yang lain?"(62)

Manusia lupakan hakikat ini, sedangkan hakikat-hakikat ini tersemat di dalam lubuk jiwa mereka dan dapat dilihat di dalam kenyataan hidup mereka:

قَلِيلًا مَّا تَذَكَّرُونَ ﴿٦٢﴾

"Amat sedikit kamu mengambil pengajaran."(62)

Andainya manusia ingat dan merenungi hakikat-hakikat ini tentulah dia akan kekal berhubung rapat dengan Allah seperti hubungan fitrahnya yang pertama, dan tentulah dia tidak lalai dari Tuhannya dan tidak mempersekutui-Nya dengan sesiapa pun.

Kemudian Al-Qur'an terus membentangkan hakikat-hakikat yang lain yang terdapat di dalam kehidupan dan kegiatan manusia di bumi ini dan di dalam penyaksian-penyaksian mereka yang tidak dapat diingkarkan itu:

أَمَّن يَهْدِيكُمْ فِي ظُلُمَٰتِ ٱلْبَرِّ وَٱلْبَحْرِ وَمَن
يُرْسِلُ ٱلرِّيَٰحَ بُشْرًۢا بَيْنَ يَدَيْ رَحْمَتِهِۦٓ ۗ أَءِلَٰهٌ مَّعَ
ٱللَّهِ ۚ تَعَٰلَى ٱللَّهُ عَمَّا يُشْرِكُونَ ﴿٦٣﴾

"Atau siapakah yang memandu (perjalanan) kamu di tengah-tengah kegelapan di daratan dan lautan, dan siapakah yang melepaskan angin-angin membawa berita gembira menjelang ketibaan rahmat-Nya (hujan)? Apakah di samping Allah ada tuhan yang lain? Maha Sucilah Allah dari apa yang dipersekutukan mereka."(63)

Pedoman-pedoman Dalam Perjalanan

Umat manusia termasuk orang-orang Arab yang mula-mula dihadapkan Al-Qur'an ini kepada mereka sentiasa bermusafir dan mengembara menempuh jalan-jalan darat dan laut, mereka dapat menyelami rahsia-rahsia perjalanan darat dan laut di dalam pengalaman-pengalaman mereka. Mereka mendapat pedoman-pedoman di dalam perjalanan-perjalanan itu. Siapakah yang memberi pedoman kepada mereka? Siapakah yang melengkapkan diri mereka dengan daya-daya berfikir? Siapakah yang membolehkan mereka berpedoman dengan bintang-bintang, alat-alat dan batu-batu tanda di perjalanan? Siapakah yang menghubungkan fitrah mereka dengan fitrah alam buana dan menyambungkan daya tenaga mereka dengan rahsia-rahsia alam buana ini? Siapakah yang melengkapkan telinga mereka dengan daya-daya kebolehan memungut dan menangkap suara dan bunyi, dan melengkapkan mata mereka dengan daya-daya kebolehan menangkap cahaya-cahaya? Siapakah yang melengkapkan pancaindera mereka dengan daya-daya kebolehan menangkap segala sesuatu yang nyata? Kemudian siapakah yang mengurniakan kepada mereka daya berfikir yang dinamakan akal atau hati yang membolehkan mereka mengambil faedah dari hasil-hasil tanggapan itu dan mengumpulkan pengalaman, pancaindera dan ilham?

Siapa? **"Apakah di samping Allah ada tuhan yang lain?"**

Angin Yang Membawa Berita Gembira

Siapakah yang melepaskan angin-angin membawa berita gembira menjelang ketibaan rahmat-Nya (hujan)?

Walau bagaimanapun pendapat-pendapat yang telah dikemukakan mengenai sebab-sebab kejadian angin dari segi ilmu falak dan ilmu geografi, namun ia adalah tetap mengikut undang-undang dari pelan ciptaan alam yang pertama iaitu undang-undang yang membolehkan angin itu berhembus seperti sekarang ini membawa awan dari satu tempat ke satu tempat dan membawa berita ketibaan hujan yang membawa rahmat Allah kerana hujan adalah punca hayat.

Siapakah yang menciptakan alam ini dengan penciptaan yang sesuai dengan kejadiannya kemudian melepaskan angin membawa berita ketibaan air hujan selaku rahmat-Nya? Siapa? Apakah di samping Allah ada tuhan yang lain? Maha Sucilah Allah dari segala sembahan yang dipersekutukan mereka.

---

[7] Lihat tafsir firman Allah Taala "وخلق كل شيء فقدره تقديرا" di dalam Surah al-Furqan, juzu' 19.

Kemudian kenyataan-kenyataan ini diakhiri dengan satu pertanyaan tentang kejadian mereka sendiri dan tentang kejadian mereka yang akan diulangkan sekali lagi, juga tentang rezeki mereka dari langit dan bumi dan pertanyaan ini disertakan pula dengan cabaran:

أَمَّن يَبْدَؤُا۟ ٱلْخَلْقَ ثُمَّ يُعِيدُهُۥ وَمَن يَرْزُقُكُم مِّنَ ٱلسَّمَآءِ
وَٱلْأَرْضِ ۗ أَءِلَٰهٌ مَّعَ ٱللَّهِ ۚ قُلْ هَاتُوا۟ بُرْهَٰنَكُمْ إِن كُنتُمْ
صَٰدِقِينَ ٦٤

"Atau siapakah yang berkuasa memulakan ciptaan (manusia) kemudian mengulanginya dan siapakah yang memberi rezeki kepada kamu dari langit dan bumi? Apakah di samping Allah ada tuhan yang lain? Katakanlah: Tunjukkanlah bukti-bukti kebenaran kamu jika kamu benar."(64)

Penciptaan Permulaan Dan Penciptaan Ulangan

Ciptaan permulaan merupakan satu hakikat yang jelas di alam kenyataan, tiada seorang pun yang dapat mengingkarkannya dan tiada siapa pun yang dapat menghuraikannya tanpa kewujudan Allah dan keesaan-Nya. Kewujudan Allah (pasti diakui) kerana kewujudan alam ini dengan sendirinya mengakui kewujudan Allah. Segala percubaan untuk mentafsirkan kewujudan alam yang menunjukkan adanya tadbir dan tujuan ini dengan pentafsiran yang lain dari mengakui kewujudan Allah dan keesaan-Nya itu telah gagal dari segi logik kerana kesan-kesan ciptaan-Nya dengan sendirinya mengakui keesaan-Nya, dan dari kesan-kesan inilah dapat dilihat perencanaan dan pentadbiran yang tunggal dan keselarasan yang sempurna yang secara pastinya menunjukkan wujudnya iradat yang tunggal yang telah menciptakan undang-undang alam yang tunggal itu.

Adapun persoalan penciptaan ulangan atau penciptaan semula (manusia selepas mati), maka persoalan ini telah menjadi persoalan yang dipertikaikan mereka, tetapi apabila telah diakui bahawa Allah itu berkuasa memulakan ciptaan makhluk-Nya dengan ciptaan yang memperlihatkan adanya perencanaan dan pentadbiran tujuan dan penyusunan yang rapi, maka pengakuan itu dengan sendirinya mengakui bahawa Allah berkuasa pula mengulangi atau menciptakan semula supaya manusia dapat menerima balasan yang sebenar terhadap amalan-amalan yang dilakukan mereka di dunia yang fana ini yang tidak mungkin menerima balasan yang sebenar walaupun kadang-kadang setengah-setengah perbuatan mereka menerima balasan di dunia ini. Penyelarasan yang rapi, yang dapat dilihat dengan jelas dalam penciptaan alam buana ini dengan sendirinya memerlukan adanya penyelarasan yang sempurna di antara amalan dan balasan, tetapi penyelarasan ini tidak terlaksana di dunia. Oleh sebab itu pastilah dipercayai adanya alam Akhirat, di mana akan terlaksana penyelarasan yang rapi dan sempurna itu. Adapun persoalan mengapa penyelarasan yang sempurna itu tidak dapat dilaksanakan di dunia, maka persoalan ini adalah terpulang kepada hikmat kebijaksanaan Allah Tuhan yang mencipta dan mentadbir, dan pertanyaan ini tidak sewajarnya dikemukakan kepada Allah, kerana sebagai Pencipta Dialah yang lebih mengetahui tujuan-tujuan ciptaan-Nya. Pendeknya rahsia ciptaan itu adalah tersimpan di sisi Allah yang menciptakannya, dan rahsia itu merupakan urusan ghaib yang tidak dapat diketahui oleh sesiapa pun.

Bertolak dari hakikat wujudnya pertalian yang rapat di antara pengakuan bahawa Allah itu berkuasa memulakan ciptaan hayat dengan pengakuan bahawa Allah juga berkuasa mengulangi ciptaan itu sekali lagi, maka Al-Qur'an bertanya kepada mereka **"Siapakah yang berkuasa memulakan ciptaan (manusia) kemudian mengulanginya?" "Apakah di samping Allah ada tuhan yang lain?"**

Pembekalan Rezeki Dari Langit Dan Bumi

Rezeki dari langit dan bumi itu mempunyai hubungan yang rapat dengan persoalan ciptaan permulaan dan ciptaan ulangan. Rezeki yang didapati manusia dari bumi itu dapat dilihat di dalam berbagai-bagai bentuk rupa. Yang paling jelas ialah dalam bentuk tumbuh-tumbuhan, haiwan, air dan udara untuk makanan, minuman dan pernafasan. Di antara rezeki-rezeki dari bumi lagi ialah sumber-sumber alam yang tersimpan di dalam bumi seperti galian-galian, harta-harta terpendam, juga khazanah-khazanah dalam laut seperti makanan dan bahan-bahan perhiasan. Di antaranya lagi ialah kuasa-kuasa yang menakjubkan seperti kuasa magnet, kuasa elektrik dan lain-lain kuasa yang masih belum diketahui sesiapa melainkan Allah. Dia hanya membuka sebahagian kecil dari kuasa-kuasa itu kepada manusia dari satu masa ke satu masa.

Bahan-bahan rezeki dari langit yang didapati manusia dalam kehidupan dunia ialah cahaya, haba, hujan dan seluruh kemudahan-kemudahan yang lain, yang disediakan Allah dari berbagai-bagai kuasa dan tenaga. Dan rezeki dari langit yang didapati mereka di Akhirat ialah limpah kurnia Allah yang dibahagikan kepada mereka. Ia merupakan rezeki dari langit dengan pengertiannya yang abstrak yang banyak disebut di dalam Al-Qur'an dan hadith, iaitu pengertian yang melambangkan ketinggian, keluhuran dan keunggulan darjat.

Al-Qur'an menyebut persoalan rezeki manusia dari langit dan bumi selepas menyebut persoalan ciptaan permulaan dan ciptaan ulangan, kerana rezeki dari langit dan bumi itu mempunyai hubungan yang rapat dengan persoalan ciptaan permulaan dan ciptaan ulangan, kerana hubungan rezeki dari bumi dengan ciptaan permulaan itu memang diketahui umum lantaran dengan rezeki itulah manusia dapat hidup, dan hubungannya dengan ciptaan ulangan itu ialah manusia di Akhirat kelak akan dibalas mengikut amalan dan cara mereka menguruskan rezeki yang dikurniakan Allah kepada mereka di dunia. Hubungan rezeki dari langit dengan ciptaan permulaan itu

memang amat jelas iaitu di dunia rezeki itu ialah untuk hidup dan di Akhirat rezeki itu ialah untuk balasan. Demikianlah dapat dilihat dengan jelas bagaimana halusnya keselarasan dan keseimbangan yang wujud di dalam pengungkapan Al-Qur'an yang mengkagumkan itu.

Ciptaan permulaan dan ciptaan ulangan merupakan satu hakikat, dan rezeki dari langit dan bumi itu merupakan satu hakikat yang lain pula, tetapi kaum Musyrikin itu lupakan hakikat-hakikat ini. Oleh sebab itulah Al-Qur'an mengembalikan mereka kepada hakikat ini dengan cara yang mencabar:

أَإِلَٰهٌ مَّعَ ٱللَّهِ ۚ قُلْ هَاتُوا۟ بُرْهَٰنَكُمْ إِن كُنتُمْ صَٰدِقِينَ ﴿٦٤﴾

"Apakah di samping Allah ada tuhan yang lain? Katakanlah: Tunjukkanlah bukti-bukti kebenaran kamu jika kamu benar."(64)

Al-Qur'an Jadikan Seluruh Kejadian Alam Sebagai Kerangka Logik Pemikiran

Mereka sudah tentu lemah untuk menunjukkan bukti-bukti atau dalil-dalil kebenaran sebagaimana lemahnya orang-orang yang telah cuba mengemukakan dalil-dalil itu sehingga sekarang. Inilah cara Al-Qur'an memperdebatkan persoalan 'aqidah. Ia menggunakan pemandangan-pemandangan alam buana dan hakikat-hakikat jiwa manusia. Ia menggunakan seluruh alam buana ini sebagai frem logik pemikiran yang dapat mempengaruhi hati manusia dan menyedarkan fitrah mereka serta menggilapkannya supaya ia berhakimkan logiknya yang jelas, mudah dan menyampaikan kepada Allah, juga untuk merangsangkan perasaan dan kesedaran mereka dengan hakikat-hakikat yang terpendam di dalam hatinya dan diselubungi kelupaan, keingkaran dan kekufuran. Dengan logik fitrah inilah Al-Qur'an menjelaskan hakikat-hakikat yang mendalam, yang wujud dalam pelan ciptaan alam buana dan di dalam lubuk jiwa manusia, iaitu hakikat-hakikat yang tidak menerima perdebatan yang dicetuskan oleh logik pemikiran manusia yang dingin, yang menular kepada kita dari ilmu logik bangsa Greek dan merebak ke dalam ilmu tauhid atau ilmul-qalam itu.

******

(Pentafsiran ayat-ayat 65 - 75)

Selepas menjelajah ke merata pelosok alam dan di dalam lubuk jiwa mereka untuk menegakkan konsep Wahdaniyah dan menolak konsep syirik, Al-Qur'an membawa mereka menjelajah ke alam ghaib yang tersembunyi, yang tiada siapa yang mengetahuinya melainkan Allah Pencipta Yang Maha Esa dan Maha Pentadbir, juga menjelajah ke alam Akhirat, salah satu dari urusan-urusan Allah yang ghaib, iaitu sebuah alam yang diakui logik, tanggapan spontan dan fitrah manusia bahawa alam Akhirat itu perlu ada, tetapi hanya daya fikir dan ilmu pengetahuan manusia sahaja yang tidak dapat menentukan bilakah masanya:

قُل لَّا يَعْلَمُ مَن فِى ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَٱلْأَرْضِ ٱلْغَيْبَ إِلَّا ٱللَّهُ ۚ وَمَا يَشْعُرُونَ أَيَّانَ يُبْعَثُونَ ﴿٦٥﴾

بَلِ ٱدَّٰرَكَ عِلْمُهُمْ فِى ٱلْءَاخِرَةِ ۚ بَلْ هُمْ فِى شَكٍّ مِّنْهَا ۖ بَلْ هُم مِّنْهَا عَمُونَ ﴿٦٦﴾

وَقَالَ ٱلَّذِينَ كَفَرُوٓا۟ أَءِذَا كُنَّا تُرَٰبًا وَءَابَآؤُنَآ أَئِنَّا لَمُخْرَجُونَ ﴿٦٧﴾

لَقَدْ وُعِدْنَا هَٰذَا نَحْنُ وَءَابَآؤُنَا مِن قَبْلُ إِنْ هَٰذَآ إِلَّآ أَسَٰطِيرُ ٱلْأَوَّلِينَ ﴿٦٨﴾

قُلْ سِيرُوا۟ فِى ٱلْأَرْضِ فَٱنظُرُوا۟ كَيْفَ كَانَ عَٰقِبَةُ ٱلْمُجْرِمِينَ ﴿٦٩﴾

وَلَا تَحْزَنْ عَلَيْهِمْ وَلَا تَكُن فِى ضَيْقٍ مِّمَّا يَمْكُرُونَ ﴿٧٠﴾

وَيَقُولُونَ مَتَىٰ هَٰذَا ٱلْوَعْدُ إِن كُنتُمْ صَٰدِقِينَ ﴿٧١﴾

قُلْ عَسَىٰٓ أَن يَكُونَ رَدِفَ لَكُم بَعْضُ ٱلَّذِى تَسْتَعْجِلُونَ ﴿٧٢﴾

وَإِنَّ رَبَّكَ لَذُو فَضْلٍ عَلَى ٱلنَّاسِ وَلَٰكِنَّ أَكْثَرَهُمْ لَا يَشْكُرُونَ ﴿٧٣﴾

وَإِنَّ رَبَّكَ لَيَعْلَمُ مَا تُكِنُّ صُدُورُهُمْ وَمَا يُعْلِنُونَ ﴿٧٤﴾

وَمَا مِنْ غَآئِبَةٍ فِى ٱلسَّمَآءِ وَٱلْأَرْضِ إِلَّا فِى كِتَٰبٍ مُّبِينٍ ﴿٧٥﴾

"Katakanlah: Tiada siapa pun di langit dan di bumi yang mengetahui urusan ghaib melainkan Allah, dan mereka juga tidak sedar bilakah mereka akan dibangkitkan?(65). Malah ilmu pengetahuan mengenai Akhirat tidak sampai (ke sana), malah mereka berada dalam keraguan terhadapnya, malah mereka buta darinya(66). Dan berkatalah orang-orang kafir: Apakah setelah kami dan datuk nenek kami menjadi tanah,

kami semua akan dikeluarkan semula (dari kubur)?(67). Sesungguhnya kami dan datuk nenek kami dahulu telah pun dijanjikan dengan ini dan ini tidak lain melainkan hanya dongeng-dongeng orang dahulu kala sahaja(68). Katakanlah: Jelajahilah muka bumi ini dan lihatlah bagaimana akibat (yang menimpa) orang-orang yang berdosa(69). Dan janganlah engkau berdukacita terhadap mereka dan janganlah engkau merasa bosan terhadap tipu daya yang dirancangkan mereka(70). Dan berkatalah mereka: Bilakah janji azab ini jika kamu benar?(71). Katakanlah: Semoga tidak lama lagi akan datang setengah-setengah azab yang kamu gesakan itu(72). Dan sesungguhnya Tuhanmu mempunyai limpah kurnia yang amat banyak kepada manusia, tetapi kebanyakan mereka tidak bersyukur(73). Dan sesungguhnya Tuhanmu amat mengetahui segala apa yang disembunyikan dada mereka dan segala apa yang dinyatakan mereka(74). Dan tiada suatu yang ghaib di langit dan di bumi melainkan (semuanya) tercatat dalam kitab yang amat terang."(75)

Keperluan Wujudnya Alam Akhirat

Beriman kepada hari kebangkitan, perhimpunan di Mahsyar, hisab dan balasan merupakan rukun 'aqidah Islam yang pokok. Sistem 'aqidah Islam tidak mungkin tegak di dalam kehidupan tanpa kepercayaan kepada rukun ini. Oleh sebab itu sebuah alam Akhirat yang ditunggu-tunggu pasti ada untuk menyempurnakan balasan (terhadap amalan-amalan manusia di dunia) dan mengimbangkan di antara amalan dan balasan. Alam Akhirat yang ditunggu-tunggu itu pasti ada supaya hati manusia mengingatinya dan jiwa mereka membuat perhitungannya, juga supaya manusia melakukan kegiatan-kegiatan hidupnya di bumi ini berdasarkan kepada balasan-balasan yang akan diterimanya di alam Akhirat sana.

Di dalam sejarah manusia dalam berbagai-bagai generasi dan risalah-risalah mereka telah memperlihatkan sikap yang aneh terhadap persoalan kebangkitan dan alam Akhirat walaupun persoalan itu mudah dan perlu. Mereka merasa begitu pelik apabila seorang rasul memberitahu mereka bahawa selepas mati ada kebangkitan dan selepas kehancuran jasad ada hidup sekali lagi. Mu'jizat qudrat Allah yang mula menciptakan hidup yang wujud di alam kenyataan ini, yang tidak dapat diingkarkan mereka tidak pernah mengilhamkan kepada mereka bahawa penciptaan hidup sekali lagi itu adalah lebih mudah dan lebih senang kepada Allah. Oleh sebab itulah mereka tidak menghiraukan amaran Rasul yang mengingatkan mereka dengan hari Akhirat dan terus ingkar, menentang dan mendustakan Rasul.

Alam Akhirat adalah sebuah alam ghaib, yang hanya Allah sahaja yang mengetahui-Nya, tetapi mereka menuntut supaya ditentukan waktunya. Jika tidak mereka akan terus mendustakan para rasul itu dan menganggapkan Akhirat itu sebagai dongeng-dongeng yang sering disebut-sebut tetapi tidak pernah wujud di alam kenyataan.

Di sini Al-Qur'an menjelaskan bahawa urusan ghaib itu adalah urusan Allah semata-mata, dan bahawa ilmu pengetahuan mereka mengenai alam Akhirat adalah amat terbatas:

قُل لَّا يَعْلَمُ مَن فِي ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَٱلْأَرْضِ ٱلْغَيْبَ إِلَّا ٱللَّهُۚ
وَمَا يَشْعُرُونَ أَيَّانَ يُبْعَثُونَ ﴿٦٥﴾
بَلِ ٱدَّٰرَكَ عِلْمُهُمْ فِي ٱلْآخِرَةِۚ بَلْ هُمْ فِي شَكٍّ مِّنْهَاۖ
بَلْ هُم مِّنْهَا عَمُونَ ﴿٦٦﴾

"Katakanlah: Tiada siapa pun di langit dan di bumi yang mengetahui urusan ghaib melainkan Allah, dan mereka juga tidak sedar bilakah mereka akan dibangkitkan?(65). Malah ilmu pengetahuan mereka mengenai Akhirat tidak sampai (ke sana), malah mereka berada dalam keraguan terhadapnya, malah mereka buta darinya."(66)

Manusia Di Hadapan Urusan Ghaib

Sejak mula diciptakan lagi manusia berdiri jahil di hadapan tabir alam ghaib yang tersembunyi. Ilmu pengetahuan mereka tidak dapat menembusinya. Mereka tidak mengetahui apa yang ada di sebalik tabir alam ghaib itu melainkan sekadar yang telah didedahkan Allah Yang Maha Mengetahui segala yang ghaib, dan apa yang dikehendaki Allah itu memang menjadi kebaikan kepada mereka, kerana sekiranya Allah mengetahui bahawa penyingkapan tabir alam ghaib itu boleh membawa kebaikan kepada manusia tentulah Allah bukakan tabir itu kepada mereka yang memang sangat kepingin untuk melihat rahsia-rahsia di sebaliknya.

Allah S.W.T. telah mengurniakan kepada manusia berbagai-bagai bakat kebolehan dan berbagai-bagai daya tenaga yang dapat mereka gunakannya untuk melaksanakan tugas khilafah yang besar di bumi ini dan tidak lebih dari tugas itu, sedangkan pembukaan tabir urusan ghaib untuk mereka bukanlah termasuk dalam perkara-perkara yang boleh menolong mereka untuk melaksanakan tugas ini, malah tertutupnya mata mereka dari melihat urusan ghaib itulah yang menggalakkan mereka ke arah mencari ilmu pengetahuan, mereka akan berusaha menggali, menyelidik dan menyiasat, dan di dalam perjalanan menyelidik dan menyiasat itu mereka berjaya mengeluarkan bahan-bahan yang tersembunyi di dalam bumi, di dalam lautan dan di pelosok-pelosok angkasa lepas, mereka dapat menemui undang-undang alam, kuasa-kuasa yang tersembunyi dan rahsia-rahsianya yang di simpan untuk kebajikan umat manusia, mereka berjaya menganalisakan bahan-bahan bumi, menyusun dan mengubah rupa bentuknya dan mereka berjaya merekakan berbagai-bagai bentuk hidup hingga mereka dapat menunaikan peranan mereka yang sempurna di dalam memaju dan memakmurkan bumi ini dan merealisasikan janji Allah yang telah melantikkan manusia sebagai khilafah untuk memerintah bumi ini.

Makhluk-makhluk Yang Lain Juga Tidak Mengetahui Urusan Ghaib

Bukannya makhluk manusia sahaja yang tertutup dari urusan-urusan Allah yang ghaib itu, malah seluruh makhluk Allah yang lain, yang ada di langit dan di bumi juga turut tertutup dari urusan ghaib, sama ada malaikat, jin dan lain-lain makhluk yang ada di dalam ilmu Allah. Seluruh mereka ditugaskan melaksanakan urusan-urusan yang tidak memerlukan kepada pembukaan tabir urusan ghaib, yang mana rahsianya hanya berada di dalam ilmu Allah sahaja tidak di dalam ilmu pengetahuan yang lain dari-Nya.

قُل لَّا يَعْلَمُ مَن فِي السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضِ الْغَيْبَ إِلَّا اللَّهُ

"Katakanlah: Tiada siapa pun di langit dan di bumi yang mengetahui urusan ghaib melainkan Allah."(65)

Ini adalah satu nas yang tegas dan tiada siapa pun yang boleh membuat dakwaan yang berlainan darinya dan tiada ruang untuk khayal dan tahyul di samping nas (yang jelas ini).

Setelah membuat penjelasan yang menyeluruh mengenai urusan ghaib, Al-Qur'an mengkhususkan pula penerangannya mengenai kedatangan hari Akhirat kerana ia merupakan persoalan yang menjadi punca pertikaian dengan kaum Musyrikin selepas persoalan tauhid:

وَمَا يَشْعُرُونَ أَيَّانَ يُبْعَثُونَ ﴿٦٥﴾

"Dan mereka juga tidak sedar bilakah mereka akan dibangkitkan?"(65)

Pengetahuan Manusia Tentang Alam Akhirat

Di sini Al-Qur'an menafikan ilmu mereka tentang masa kebangkitan itu dalam bentuknya yang paling kabur iaitu sedar dan merasa, yakni mereka tidak mengetahui masa kebangkitan itu dengan yakin dan tidak pula sedar dan merasa ketika masa kebangkitan itu menghampiri mereka. Tegasnya masa kebangkitan itu merupakan perkara dari urusan ghaib yang tiada siapa pun mengetahuinya sama ada oleh makhluk yang ada di langit atau yang ada di bumi. Dari sini Al-Qur'an beralih dari persoalan ini untuk menceritakan keadaan mereka semasa berada di alam Akhirat dan sejauh mana mereka mengetahui hakikatnya:

بَلِ ادَّارَكَ عِلْمُهُمْ فِي الْآخِرَةِ ۚ بَلْ هُمْ فِي شَكٍّ مِّنْهَا ۖ
بَلْ هُم مِّنْهَا عَمُونَ ﴿٦٦﴾

"Malah ilmu pengetahuan mereka mengenai Akhirat tidak sampai (ke sana), malah mereka berada dalam keraguan terhadapnya, malah mereka buta darinya."(66)

بَلِ ادَّارَكَ عِلْمُهُمْ فِي الْآخِرَةِ ۚ

"Malah ilmu pengetahuan mereka mengenai Akhirat tidak sampai (ke sana)."(66)

Ilmu pengetahuan mereka telah berakhir di perbatasan-nya, ilmu pengetahuan mereka lemah untuk mengetahuinya. Ia terhenti setakat itu sahaja dan tidak dapat sampai kepadanya.

بَلْ هُمْ فِي شَكٍّ مِّنْهَا ۖ

"Malah mereka berada di dalam keraguan terhadap-nya."(66)

akni mereka tidak yakinkan kedatangan hari Akhirat apatah lagi mengetahui masanya dan menunggu ketibaannya.

بَلْ هُم مِّنْهَا عَمُونَ ﴿٦٦﴾

"Malah mereka buta darinya."(66)

Yakni mereka berada di dalam keadaan buta tentang hari Akhirat. Mereka tidak nampak sedikit pun tentang urusan hari itu. Mereka tidak memahami sedikit pun tentang tabi'atnya, dan ini lebih jauh lagi dari keadaan yang pertama (ilmu yang tidak sampai) dan yang kedua (ragu-ragu):

وَقَالَ الَّذِينَ كَفَرُوا أَإِذَا كُنَّا تُرَابًا وَآبَاؤُنَا أَئِنَّا
لَمُخْرَجُونَ ﴿٦٧﴾

"Dan berkatalah orang-orang kafir: Apakah setelah kami dan datuk nenek kami menjadi tanah, Kami semua akan dikeluarkan semula (dari kubur)?"(67)

Inilah kompleks yang sentiasa dihadapi oleh orang-orang kafir: Jika hidup ini telah berpisah dari kami dan jasad kami telah menjadi reput dan hancur lebur bertaburan di dalam kubur dan akhirnya menjadi tanah... jika semua ini berlaku – dan ia memang berlaku kepada orang yang mati setelah ditanam dalam tempoh yang tertentu kecuali di dalam kes-kes yang ganjil dan luar biasa – jika hal ini berlaku kepada kami dan kepada datuk nenek kami yang telah mati sebelum kami, apakah mungkin kami akan dibangkit hidup sekali lagi dan dikeluarkan dari bumi, di mana jasad-jasad kami telah hancur lebur dan menjadi tanah?

Demikianlah rungutan mereka dan gambaran kebendaan inilah yang menjadi penghalang yang menghalangkan mereka dari memahami konsep hidup Akhirat. Mereka lupa bahawa mereka dahulu telah pun dijadikan Allah bagi permulaan kali sedangkan mereka sebelum itu belum jadi apa-apa lagi. Tiada seorang pun mengetahui dari mana datangnya sel-sel dan zarah-zarah yang membentuk lembaga-lembaga tubuh badan mereka. Dahulu sel-sel dan zarah-zarah itu bertaburan di merata pelosok bumi, di dasar-dasar laut dan di ruang-ruang angkasa lepas. Di antaranya ada yang datang dari tanah bumi, ada yang datang dari anasir-anasir udara dan air, ada yang datang dari matahari yang jauh, ada yang datang dari pernafasan manusia, tumbuh-tumbuhan atau haiwan. Di antaranya pula ada yang datang dari

jasad yang reput, yang mana setengah-setengah anasirnya mengewap di udara, kemudian sel-sel dan zarah-zarah ini muncul dalam makanan yang dimakan mereka, dalam minuman yang diminum mereka, dalam udara yang disedut mereka dan dalam cahaya yang memanaskan diri mereka, dan ketika itulah sel-sel dan zarah-zarah yang bertaburan, yang tiada siapa mengetahui sumber dan bilangannya melainkan Allah itu berkumpul di dalam satu lembaga manusia. Ia berkembang subur dari sebiji telur yang kecil, yang melekat di dalam rahim ibu dan pada akhir-nya dia menjadi jasad yang ditutup dengan kain kapan. Demikianlah mereka dijadikan Allah pada permulaan kali. Oleh itu adakah pelik bagi Allah untuk menjadikan mereka sekali lagi seperti itu atau dalam bentuk yang lain? Tetapi mereka tetap merungut seperti ini dan setengah-setengah mereka masih terus merungut begitu pada hari ini dengan sedikit perbezaan sahaja.

Demikianlah rungutan mereka kemudian mereka iringkan pula rungutan yang jahil dan buta ini dengan ejekan dan sangkalan:

لَقَدْ وُعِدْنَا هَٰذَا نَحْنُ وَءَابَآؤُنَا مِن قَبْلُ إِنْ هَٰذَآ إِلَّآ أَسَٰطِيرُ ٱلْأَوَّلِينَ ﴿٦٨﴾

"Sesungguhnya kami dan datuk nenek kami dahulu telah pun dijanjikan dengan ini dan ini tidak lain melainkan hanya dongeng-dongeng orang dahulu kala sahaja."(68)

Mereka tahu bahawa rasul-rasul sebelum mereka telah mengingatkan datuk nenek mereka dengan kebangkitan semula selepas mati. Ini menunjukkan bahawa fikiran orang-orang Arab bukannya sunyi dari 'aqidah dan bukannya langsung tidak peduli kepada konsep-konsepnya, malah mereka hanya memandang janji-janji itu tidak pernah dikotakan sejak zaman dahulu kala lagi, dan berdasarkan hakikat inilah mereka mempermain-mainkan janji yang baru ini sambil mengatakan bahawa janji-janji itu hanya dongeng-dongeng orang-orang purbakala sahaja yang diceritakan oleh Nabi Muhammad s.a.w., sedangkan mereka lupa bahawa Qiamat itu mempunyai masanya yang tertentu, yang tidak akan dipercepatkan kerana gesaan manusia dan tidak akan diperlambatkan kerana memenuhi harapan mereka. Qiamat itu akan datang tepat pada waktunya yang diketahui Allah dan tidak diketahui oleh mana-mana makhluk baik di langit mahupun di bumi. Rasulullah s.a.w. pernah menjawab pertanyaan Jibril a.s. apabila dia bertanya beliau tentang masa Qiamat dengan sabdanya: "Orang yang ditanya bukannya lebih tahu dari orang yang bertanya."[8]

Pendusta Qiamat Disaran Menjelajah Dunia

Di sini Al-Qur'an menyentuh hati mereka dan membimbing mereka supaya merenungi akibat-akibat kebinasaan yang telah menimpa orang-orang sebelum mereka yang telah mendustakan janji Qiamat itu dan Al-Qur'an menamakan orang-orang ini sebagai orang-orang yang berdosa:

قُلْ سِيرُوا۟ فِى ٱلْأَرْضِ فَٱنظُرُوا۟ كَيْفَ كَانَ عَٰقِبَةُ ٱلْمُجْرِمِينَ ﴿٦٩﴾

"Katakanlah: Jelajahilah muka bumi ini dan lihatlah bagaimana akibat (yang menimpa) orang-orang yang berdosa."(69)

Tujuan bimbingan ini ialah untuk meluaskan ufuk-ufuk pemikiran mereka, kerana sesuatu generasi manusia itu bukannya terputus dari pokok salsilah umat manusia, malah generasi itu juga diperintah dengan undang-undang yang memerintah pokok salsilah umat manusia. Oleh itu apa yang telah berlaku kepada orang-orang yang berdosa sebelum mereka akan berlaku pula kepada orang-orang yang berdosa selepas mereka, kerana undang-undang Allah tidak pernah mungkir dan tidak memilih kasih. Penjelajahan di merata pelosok bumi itu akan mendedahkan kepada manusia berbagai-bagai contoh teladan, berbagai-bagai kelakuan dan keadaan yang dapat memberi pengajaran, dapat membuka jendela-jendela yang terang dan dapat menyentuh hati mereka yang kadang-kadang boleh menyedar dan menghidupkannya. Al-Qur'an mengarah manusia supaya mengkaji undang-undang Allah yang berterusan kuatkuasa-Nya serta memikirkan langkah-langkah dan rangkaian-rangkaian pertaliannya supaya mereka hidup dengan perhubungan-perhubungan yang bersambung dan ufuk-ufuk pemikiran yang luas, bukannya hidup beku membatu, hidup tertutup, sempit dan putus hubungan.

Setelah mengarah mereka membuat penjelajahan ini, Allah menyuruh Rasul-Nya s.a.w. supaya berlepas tangan dari mereka dan tinggalkan sahaja mereka menerima nasib kesudahan mereka sendiri seperti yang telah diterima oleh orang-orang seperti mereka, juga supaya beliau jangan merasa begitu susah hati dengan tipu daya mereka, kerana mereka tidak akan berdaya melakukan apa-apa kemudharatan kepadanya, juga supaya beliau jangan merasa dukacita terhadap sikap mereka, kerana beliau telah pun menunaikan kewajipannya terhadap mereka, dan telah pun menyampai dan memberi penerangan yang jelas kepada mereka.

وَلَا تَحْزَنْ عَلَيْهِمْ وَلَا تَكُن فِى ضَيْقٍ مِّمَّا يَمْكُرُونَ ﴿٧٠﴾

"Dan janganlah engkau berdukacita terhadap mereka dan janganlah engkau merasa bosan terhadap tipu daya yang dirancangkan mereka."(70)

---

[8] Dari hadith Abdullah ibn Umar mengenai hakikat Islam dan iman. Ia dikeluarkan oleh Muslim dan Ashab As-sunan.

Ayat ini menggambarkan perasaan hati Nabi s.a.w. dan kesedihan beliau terhadap nasib kesudahan kaumnya yang diketahuinya sama dengan nasib kesudahan yang telah diterima para pendusta sebelum mereka. Ayat ini juga menunjukkan betapa kejamnya tipu daya mereka terhadap beliau, terhadap da'wah dan terhadap kaum Muslimin hingga dada beliau yang lapang itu dirasakannya begitu sempit.

Kemudian Al-Qur'an meneruskan penceritaannya mengenai kata-kata mereka terhadap persoalan kebangkitan dan ejekan mereka terhadap janji-janji azab di dunia dan Akhirat:

وَيَقُولُونَ مَتَىٰ هَٰذَا ٱلْوَعْدُ إِن كُنتُمْ صَٰدِقِينَ ٧١

"Dan berkatalah mereka: Bilakah janji azab ini jika kamu benar?"(71)

Mereka berkata begitu setiap kali apabila mereka diancam dengan nasib kesudahan yang telah menimpa orang-orang yang berdosa sebelum mereka dan kesan-kesan kebinasaan negeri-negeri yang dilalui mereka seperti kesan-kesan negeri Lut, kesan-kesan Thamud di al-Hijr, kesan-kesan 'Ad di al-Ahqaf dan tempat-tempat kediaman di Saba' setelah berlaku banjir al-'Arim. Mereka berkata mengejek: **"Bilakah janji azab ini jika kamu benar?"** Bilakah datangnya azab yang kamu ancamkan kami dengannya itu? Jika kamu benar bawalah azab itu sekarang atau cakapkan kepada kami bilakah masanya yang telah ditetapkan?

Di sini datanglah jawapan yang membayangkan kedahsyatan azab yang ditunggu-tunggu itu dan membayangkan ejekan dan amaran dalam beberapa kalimat yang pendek sahaja:

قُلْ عَسَىٰٓ أَن يَكُونَ رَدِفَ لَكُم بَعْضُ ٱلَّذِى
تَسْتَعْجِلُونَ ٧٢

"Katakanlah: Semoga tidak lama lagi akan datang setengah-setengah azab yang kamu gesakan itu."(72)

Jawapan demikian menimbulkan perasaan takut dan gelisah di dalam hati mereka terhadap bayang-bayang azab itu. Mungkin azab itu sudah berada di belakang mereka seperti pembonceng di belakang penunggang kenderaan, sedangkan mereka tidak sedar. Mereka yang dilamun kelalaian itu menggesa agar azab itu menimpa mereka dengan segera, sedangkan azab itu sedang membonceng di belakang mereka. Alangkah dahsyatnya kejutan azab ini yang sudah tentu menggerunyutkan urat saraf mereka, sedangkan mereka terus mengejek dan tidak mempedulikan apa-apa.

Siapakah yang mengetahui? Sesungguhnya urusan ghaib itu adalah tersembunyi dan terlindung di belakang tabir yang dilabuhkan. Tiada siapa pun yang mengetahui segala apa yang ada di sebaliknya. Mungkin tidak beberapa langkah lagi akan berlaku sesuatu yang memeranjat dan menakutkan. Hanya orang yang berakal sahaja yang sentiasa beringat, dan bersedia di setiap waktu untuk menghadapi peristiwa-peristiwa yang tersembunyi di sebalik tabir ghaib itu.

وَإِنَّ رَبَّكَ لَذُو فَضْلٍ عَلَى ٱلنَّاسِ وَلَٰكِنَّ أَكْثَرَهُمْ لَا
يَشْكُرُونَ ٧٣

"Dan sesungguhnya Tuhamnu mempunyai limpah kurnia yang amat banyak kepada manusia, tetapi kebanyakan mereka tidak bersyukur."(73)

Limpah kurnia Allah itu dapat dilihat pada kemurahan-Nya menangguhkan azab terhadap mereka, sedangkan mereka berdosa atau cuai, supaya mereka dapat bertaubat dan kembali ke pangkal jalan yang lurus. **"Tetapi kebanyakan mereka tidak bersyukur"** di atas limpah kurnia-Nya itu, malah mereka mengejek dan menggesa supaya disegerakan azab itu atau mereka terus lalai di dalam kesesatan dan tidak memikirkannya.

وَإِنَّ رَبَّكَ لَيَعْلَمُ مَا تُكِنُّ صُدُورُهُمْ وَمَا يُعْلِنُونَ ٧٤

"Dan sesungguhnya Tuhanmu amat mengetahui segala apa yang disembunyikan dada mereka dan segala apa yang dinyatakan mereka."(74)

Yakni Allah menangguhkan azab terhadap mereka, sedangkan dia tahu segala isi hati mereka dan segala kejahatan yang dinyatakan lidah dan tindak-tanduk mereka. Tegasnya penangguhan azab itu adalah dilakukan dengan penuh ilmu pengetahuan dan dengan penuh limpah kemurahan Allah, sedangkan mereka selepas itu akan dihisab segala kejahatan yang disembunyikan di dalam hati mereka dan segala kejahatan yang dizahirkan mereka.

Kemudian penjelajahan ini diakhiri dengan menjelaskan ilmu Allah yang lengkap dan sempurna. Tiada suatu pun yang tersembunyi dari ilmu-Nya baik di langit mahupun di bumi:

وَمَا مِنْ غَآئِبَةٍ فِى ٱلسَّمَآءِ وَٱلْأَرْضِ إِلَّا فِى كِتَٰبٍ
مُّبِينٍ ٧٥

"Dan tiada suatu yang ghaib di langit dan di bumi melainkan (semuanya) tercatat dalam kitab yang amat terang."(75)

Minda dan imaginasi manusia menjelajah di langit dan di bumi mencari segala sesuatu yang ghaib, rahsia yang ghaib, kekuatan dan berita yang ghaib, sedangkan seluruh yang ghaib itu terikat dengan ilmu Allah belaka, tiada suatu pun yang terlepas dan hilang dari ilmu-Nya. Penekanan di dalam surah ini semuanya ialah pada hakikat ilmu pengetahuan. Berbagai-bagai isyarat telah disebut mengenai hakikat itu dan inilah salah satu darinya yang mengakhiri penjelajahan ini.

(Pentafsiran ayat-ayat 76 - 91)

Sesuai dengan pembicaraan mengenai ilmu Allah yang sempurna itu, Allah menyebut keterangan yang disebut oleh Al-Qur'an mengenai keputusan muktamad dalam perkara-perkara yang dipertikaikan oleh Bani Israel, kerana keputusan itu merupakan sebahagian dari ilmu Allah yang diyakini kebenaran-Nya dan merupakan contoh dari limpah kemurahan Allah dan contoh pengadilan-Nya di antara mereka yang bertikai satu sama lain supaya keterangan ini dapat menghiburkan Rasulullah s.a.w. agar beliau tinggalkan sahaja urusan kaum Musyrikin itu kepada Allah untuk mengadili di antara beliau dan mereka dengan keputusannya yang final:

إِنَّ هَٰذَا ٱلْقُرْءَانَ يَقُصُّ عَلَىٰ بَنِىٓ إِسْرَٰٓءِيلَ أَكْثَرَ
ٱلَّذِى هُمْ فِيهِ يَخْتَلِفُونَ ﴿٧٦﴾
وَإِنَّهُۥ لَهُدًى وَرَحْمَةٌ لِّلْمُؤْمِنِينَ ﴿٧٧﴾
إِنَّ رَبَّكَ يَقْضِى بَيْنَهُم بِحُكْمِهِۦ ۚ وَهُوَ ٱلْعَزِيزُ
ٱلْعَلِيمُ ﴿٧٨﴾
فَتَوَكَّلْ عَلَى ٱللَّهِ ۖ إِنَّكَ عَلَى ٱلْحَقِّ ٱلْمُبِينِ ﴿٧٩﴾
إِنَّكَ لَا تُسْمِعُ ٱلْمَوْتَىٰ وَلَا تُسْمِعُ ٱلصُّمَّ ٱلدُّعَآءَ إِذَا وَلَّوْا۟
مُدْبِرِينَ ﴿٨٠﴾
وَمَآ أَنتَ بِهَٰدِى ٱلْعُمْىِ عَن ضَلَٰلَتِهِمْ ۖ إِن تُسْمِعُ إِلَّا
مَن يُؤْمِنُ بِـَٔايَٰتِنَا فَهُم مُّسْلِمُونَ ﴿٨١﴾

"Sesungguhnya Al-Qur'an ini menjelaskan kepada Bani Israel kebanyakan persoalan yang mereka berselisih faham mengenainya(76). Dan sesungguhnya Al-Qur'an itu suatu hidayat dan rahmat kepada para mu'minin(77). Sesungguhnya Tuhanmu akan menyelesaikan (perselisihan) di antara mereka dengan keputusan-Nya, dan Dia adalah Maha Perkasa dan Maha Mengetahui(78). Oleh itu bertawakkallah kepada Allah, sesungguhnya engkau berada di atas kebenaran yang amat nyata(79). Sesungguhnya engkau tidak berkuasa menjadikan orang yang mati itu dapat mendengar dan tidak pula berkuasa menjadikan orang yang pekak itu dapat mendengar seruan (mu) apabila mereka berpaling membelakangi-mu(80). Dan engkau tidak berkuasa memberi hidayat kepada orang yang buta dari kesesatan mereka. Engkau tidak berkuasa memperdengarkan (seruanmu) melainkan kepada orang yang beriman kepada ayat-ayat Kami kerana merekalah orang-orang yang sentiasa menyerahkan diri (kepada Allah)."(81)

Kaum Kristian telah bertikai di antara mereka tetang hakikat at-Masih a.s. dan ibunya Maryam.

Persoalan-persoalan Yang Diperintahkan Oleh Penganut-penganut Kristian

Segolongan dari mereka berpendapat bahawa al-Masih itu adalah seorang manusia tulen. Sementara segolongan lagi berpendapat bahawa sang bapa, sang anak dan Ruhul-Quds itu merupakan gambaran-gambaran yang berlainan, yang digunakan Allah untuk menyatakan diri-Nya kepada manusia. Jadi menurut dakwaan mereka Allah itu tersusun dari tiga uqnum iaitu sang bapa, sang anak dan Ruhul-Quds. Sang anak ialah Isa. Allah yang menjadi sang bapa itu telah turun menjelma dengan rupa Ruhul-Quds dan menjelma menjadi manusia di dalam rahim Maryam kemudian lahir dari Maryam sebagai Yasu' (Isa). Segolongan pula berpendapat bahawa sang anak itu tidak azali seperti sang bapa, malah dia adalah makhluk yang diciptakan sebelum alam dan oleh sebab itulah dia lebih rendah dari sang bapa dan tunduk patuh kepadanya. Segolongan lagi mengingkarkan Ruhul-Quds itu sebagai salah satu uqnum. Majlis paderi Nicaea (Council of Nicaea) pada tahun 325 dan majlis paderi Constantinople (Council of Constantinople) pada tahun 381 telah membuat keputusan bahawa sang anak dan Ruhul-Quds adalah sama dengan sang bapa dalam unit ketuhanan dan bahawa sang anak itu telah dilahirkan sejak azali lagi dari sang bapa dan bahawa Ruhul-Quds itu terbit dari sang bapa. Sementara majlis paderi Toledo (Council of Toledo) pada tahun 589 telah memutuskan bahawa Ruhul-Quds adalah juga terbit dari sang anak. Gereja Timur dan Gereja Barat telah berselisih pendapat tentang masalah ini dan terus bertikai sehingga akhir. Kemudian datang Al-Qur'anul-Karim memberi keputusan muktamad di antara mereka. Ia menjelaskan bahawa al-Masih ialah Kalimatullah yang dicampakkan kepada Maryam dan roh dari ciptaan-Nya dan bahawa al-Masih hanya seorang manusia sahaja. Firman Allah:

إِنْ هُوَ إِلَّا عَبْدٌ أَنْعَمْنَا عَلَيْهِ وَجَعَلْنَٰهُ مَثَلًا لِّبَنِىٓ
إِسْرَٰٓءِيلَ ﴿٥٩﴾

"Dia (Isa) tidak lain melainkan hanya seorang hamba yang Kami kurniakan ni'mat kepadanya dan Kami jadikannya sebagai bukti (kekuasaan Kami) kepada Bani Israel."

(Surah az-Zukhruf: 59)

Ini merupakan kata pemutus dalam persoalan yang dipertikaikan mereka.

Mereka telah bertikai pendapat seperti ini juga di dalam masalah salib Nabi Isa a.s. Setengah mereka berpendapat bahawa Isa telah disalibkan sehingga mati dan dikebumikan, kemudian selepas tiga hari beliau bangkit dari kuburnya dan terus naik ke langit. Setengahnya pula berpendapat Yahuza, salah seorang pengikut atau sahabat Isa yang telah mengkhianatinya dan menunjukkan tempat persembunyian-nya, telah diserupakan dengan rupa beliau dan dialah yang disalibkan. Ada pula yang berkata bahawa sahabat yang diserupakan dengan Isa

itu ialah Simon dan dialah yang ditangkap. Kemudian Al-Qur'an mengemukakan cerita yang benar dengan firman-Nya:

وَمَا قَتَلُوهُ وَمَا صَلَبُوهُ وَلَٰكِن شُبِّهَ لَهُمْ

"Mereka tidak membunuhnya dan tidak pula mensalibkannya, tetapi mereka telah dikelirukan dengan orang yang serupa (dengan Isa)."

(Surah an-Nisa': 157)

Dan firman-Nya lagi:

يَٰعِيسَىٰٓ إِنِّي مُتَوَفِّيكَ وَرَافِعُكَ إِلَيَّ وَمُطَهِّرُكَ

"Wahai Isa! Sesungguhnya Akulah yang mewafatkan engkau dan Akulah yang telah mengangkatkan engkau kepada-Ku dan membersihkan engkau...."

(Surah Aali 'Imran: 55)

Inilah kata pemutus di dalam pertikaian itu.

Sebelum ini kaum Yahudi telah mengubahkan kitab Taurat dan meminda undang-undangnya yang telah ditetapkan Allah, lalu Al-Qur'anul-Karim datang menerangkan undang-undang yang asal yang telah diturunkan Allah:

وَكَتَبْنَا عَلَيْهِمْ فِيهَآ أَنَّ ٱلنَّفْسَ بِٱلنَّفْسِ
وَٱلْعَيْنَ بِٱلْعَيْنِ وَٱلْأَنفَ بِٱلْأَنفِ وَٱلْأُذُنَ بِٱلْأُذُنِ
وَٱلسِّنَّ بِٱلسِّنِّ وَٱلْجُرُوحَ قِصَاصٌ

"Dan Kami telah menetapkan ke atas mereka di dalam kitab Taurat bahawa nyawa dibalas dengan nyawa, mata di balas dengan mata, hidung di balas dengan hidung, telinga dibalas dengan telinga, gigi dibalas dengan gigi dan luka-luka dibalas dengan setimpal."

(Surah al-Ma'idah: 45)

Al-Qur'an Membersihkan Nabi-nabi Dari Anggapan Yang Jahat

Al-Qur'an telah menceritakan kepada mereka cerita yang sebenar tentang sejarah mereka dàn nabi-nabi mereka, iaitu cerita yang bersih dari berbagai-bagai dongeng yang karut dari riwayat-riwayat yang bercanggah satu sama lain, dan cerita yang membersihkan segala kekotoran yang dilumurkan oleh riwayat-riwayat itu terhadap nabi-nabi mereka. Mengikut riwayat-riwayat itu tiada seorang pun dari nabi-nabi Bani Israel yang bersih. Nabi Ibrahim - mengikut dakwaan mereka - telah menyerahkan isterinya kepada Abi Malak raja orang-orang Palestin dan kepada Fir'aun raja negeri Mesir atas namanya sebagai saudara perempuannya dengan harapan untuk mendapatkan ni'mat layanan yang baik dari kedua orang raja itu. Nabi Ya'kub iaitu Israel telah mengambil secara curi, tipu helah dan dusta biri-biri datuk Ibrahim dari ayahnya Ishaq, sedangkan menurut dakwaan mereka biri-biri itu adalah kepunyaan saudara tuanya 'Aisu. Mereka juga mendakwa bahawa Nabi Lut telah diberi minuman yang memabukkan oleh kedua anak perempuannya semalam seorang dengan tujuan supaya beliau tidur dengannya agar dia dapat melahirkan anak dari bapanya dan dengan ini harta kekayaan bapanya tidak terlepas ke tangan orang lain kerana Lut tidak mempunyai anak lelaki yang mewarisinya, dan kehendak kedua-dua anak perempuannya itu telah tercapai. Nabi Daud pula telah ternampak seorang perempuan yang cantik dari atas sutuh istananya. Beliau kenal perempuan itu sebagai isteri kepada salah seorang askarnya, lalu beliau menghantar askar itu ke tempat yang membinasakannya untuk mendapatkan - menurut dakwaan mereka - isterinya itu. Nabi Sulaiman pula cenderung menyembah keldai kerana mengambil hati salah seorang isterinya yang amat disayanginya dan tidak pernah dibantahkan kehendak-kehendaknya.

Al-Qur'an telah datang membersihkan lembaran sejarah para rasul yang mulia itu, yang telah dicemari oleh dongeng-dongeng Israel, yang ditokok tambah ke dalam kitab Taurat yang telah diturunkan Allah itu. Begitu juga Al-Qur'an telah membetulkan cerita-cerita karut mengenai Nabi Isa a.s.

Kitab suci Al-Qur'anul-Karim yang mengawasi kitab-kitab suci sebelumnya itu telah memberi kata pemutus dalam pertelingkahan-pertelingkahan kaum (Ahlil-Kitab). Ia telah mengadili di dalam persoalan-persoalan yang dipertikaikan mereka tetapi kitab suci Al-Qur'anul-Karim inilah yang dipertikaikan kaum Musyrikin (Makkah), sedangkan kitab suci inilah yang menjadi pengadil yang memberi kata pemutus di antara mereka (Ahlil-Kitab) yang berselisih dan bertelagah sesama mereka.

وَإِنَّهُۥ لَهُدًى وَرَحْمَةٌ لِّلْمُؤْمِنِينَ ٧٧

"Dan sesungguhnya Al-Qur'an itu suatu hidayat dan rahmat kepada para Mu'minin."(77)

"Suatu hidayat" yang dapat menyelamatkan mereka dari perselisihan dan kesesatan, menyatukan cara hidup dan membantu perjalanan (menuju kepada Allah) dan menghubungkan mereka dengan undang-undang umum alam buana yang tidak pernah mungkir dan menyimpang. **"Dan rahmat"** yang melindungi mereka dari keraguan, kegelisahan, kebingungan dan dari meraba-raba di antara berbagai-bagai sistem hidup dan teori-teori yang tidak pernah mantap, dan menghubungkan mereka dengan Allah supaya mereka tenang tenteram berada di samping-Nya dan di dalam perlindungan-Nya dan supaya mereka hidup aman damai dengan diri sendiri dan dengan orang ramai di sekeliling mereka dan akhirnya supaya mereka mencapai keredhaan Allah dan pahalanya yang melimpah-ruah.

Sistem Hidup al-Qur'an Selaras Dengan Fitrah Dan Undang-undang Alam

Sistem hidup Al-Qur'an adalah satu sistem yang unik untuk membangun semula jiwa manusia dan untuk mengaturkannya supaya selaras dengan kehendak fitrah manusia yang bersih dan selaras pula dengan alam buana yang menjadi gelanggang hidupnya, juga selaras dengan undang-undang yang mengendalikan alam buana ini dengan mudah, selesa dan tanpa sebarang keberatan itu. Oleh sebab itu dia dapat meni'mati di dalam jiwanya rasa kedamaian dan ketenteraman yang amat besar kerana dia hidup di sebuah alam yang tidak bercanggah dengan undang-undang dan peraturannya apabila dia telah mengenal titik-titik hubungannya dengan alam buana itu dan apabila dia mengetahui bahawa undang-undang jiwanya itu sama dengan undang-undang alam buana. Keselarasan dan keharmonian di antara jiwa dengan alam buana, kedamaian besar di antara hati manusia dengan alam buana yang besar ini adalah melahirkan kedamaian di antara kelompok manusia dan kedamaian di antara umat manusia dan mencetuskan ketenteraman dan kemantapan hidup mereka. Inilah rahmat dalam gambaran dan ertinya yang paling sempurna .

Selepas menyebut limpah kurnia Allah kepada manusia yang telah menurunkan kitab suci Al-Qur'an yang memberi keputusan muktamad di dalam pertelingkahan-pertelingkahan yang berlaku di kalangan Bani Israel dan memimpin orang-orang yang beriman kepadanya ke jalan hidayat serta melimpahkan rahmat ke atas mereka, maka Al-Qur'an menjelaskan pula kepada Rasulullah s.a.w. bahawa Allah akan memberi keputusan-Nya yang muktamad di dalam perselisihan yang berlaku di antaranya dengan kaumnya, dan Dia akan mengadili di antara mereka dengan keputusan yang benar, yang tidak dapat ditolak iaitu keputusan yang kukuh yang berlandaskan ilmu yang penuh yakin:

إِنَّ رَبَّكَ يَقۡضِي بَيۡنَهُم بِحُكۡمِهِۦۚ وَهُوَ ٱلۡعَزِيزُ
ٱلۡعَلِيمُ ٧٨
فَتَوَكَّلۡ عَلَى ٱللَّهِۖ إِنَّكَ عَلَى ٱلۡحَقِّ ٱلۡمُبِينِ ٧٩

"Sesungguhnya Tuhanmu akan menyelesaikan (perselisihan) di antara mereka dengan keputusan-Nya dan Dia adalah Maha Perkasa dan Maha Mengetahui(78). Oleh itu bertawakkallah kepada Allah, sesungguhnya engkau berada di atas kebenaran yang amat nyata."(79)

Kemenangan Kebenaran Merupakan Undang-undang Alam

Allah S.W.T. telah menjadikan kemenangan kebenaran itu sebagai undang-undang alam yang sama dengan undang-undang kejadian langit dan bumi dan undang-undang pertukaran siang dan malam, iaitu satu undang-undang yang tidak pernah mungkir. Kadang-kadang kemenangan itu dirasa terlambat. Ia terlambat kerana sesuatu hikmat yang diketahui Allah untuk mencapai tujuan-tujuan yang ditetapkan-Nya, tetapi undang-undang itu tetap berjalan seperti yang dijanjikan Allah dan Allah tidak pernah memungkiri janji-Nya. Keimanan tidak sempurna melainkan dengan mempercayai kebenaran janji Allah dan sanggup menunggu masa terkotanya janji itu, kerana janji Allah mempunyai waktunya yang tetap, tidak terdahulu dan tidak pula terlewat darinya.

Al-Qur'an terus menghiburkan Rasulullah s.a.w. kerana keliaran kaumnya dan kedegilan mereka yang terus kafir itu walaupun beliau telah berusaha dengan bersungguh-sungguh memberi nasihat dan penjelasan dan mengemukakan ayat-ayat Al-Qur'an kepada mereka. Al-Qur'an terus menghibur-hati beliau di atas segala yang berlaku itu kerana beliau bukannya cuai menjalankan da'wahnya, tetapi beliau hanya berkuasa memperdengarkan da'wahnya kepada mereka yang mempunyai hati yang hidup dan mempunyai telinga-telinga yang dapat mendengar, kerana orang-orang inilah sahaja yang tergerak hati mereka untuk menerima nasihat dari penasihat yang jujur. Adapun orang-orang yang mempunyai hati yang mati dan mata yang buta dari melihat bukti-bukti hidayat dan iman, maka beliau tidak berkuasa berbuat apa-apa terhadap mereka. Beliau tidak mempunyai sebarang jalan untuk menembusi hati mereka dan di samping itu tidak ada apa-apa kesalahan kepada beliau jika mereka terus berada di dalam kesesatan mereka yang begitu lama itu:

إِنَّكَ لَا تُسۡمِعُ ٱلۡمَوۡتَىٰ وَلَا تُسۡمِعُ ٱلصُّمَّ ٱلدُّعَآءَ إِذَا وَلَّوۡاْ
مُدۡبِرِينَ ٨٠
وَمَآ أَنتَ بِهَٰدِي ٱلۡعُمۡيِ عَن ضَلَٰلَتِهِمۡۖ إِن تُسۡمِعُ إِلَّا
مَن يُؤۡمِنُ بِـَٔايَٰتِنَا فَهُم مُّسۡلِمُونَ ٨١

"Sesungguhnya engkau tidak berkuasa menjadikan orang yang mati itu dapat mendengar dan tidak pula berkuasa menjadikan orang yang pekak itu dapat mendengar seruan (mu) apabila mereka berpaling membelakangi-mu(80). Dan engkau tidak berkuasa memberi hidayat kepada orang yang buta dari kesesatan mereka. Engkau tidak berkuasa memperdengarkan (seruanmu) melainkan kepada orang yang beriman kepada ayat-ayat kami kerana merekalah orang-orang yang sentiasa menyerahkan diri (kepada Allah)."(81)

Kelompok Manusia Yang Menyambut Da'wah

Pengungkapan Al-Qur'an yang indah itu melukiskan satu gambaran yang hidup dan bergerak, iaitu gambaran keadaan jiwa manusia yang tidak dapat dilihat, gambaran keadaan hati yang beku, keadaan roh yang mati, keadaan perasaan yang bebal dan hambar. Sekali ia gambarkan keadaan mereka dengan gambaran kumpulan manusia yang mati, di mana Rasulullah s.a.w. sedang menyampaikan seruan kepada mereka, tetapi mereka tidak mendengar seruannya kerana orang-orang yang mati itu memang

tidak sedar. Sekali pula ia gambarkan keadaan mereka dengan gambaran kumpulan orang-orang yang pekak yang tidak menghiraukan orang yang menyeru mereka, kerana orang-orang yang pekak itu memang tidak dapat mendengar, sekali pula ia gambarkan keadaan mereka dengan gambaran kumpulan orang-orang yang buta yang terus hidup dalam kebutaan mereka. Mereka tidak melihat orang yang hendak memberi hidayat kepada mereka kerana orang-orang yang buta itu memang tidak dapat melihat. Gambaran-gambaran ini kelihatan benar-benar jelas, hidup dan bergerak menggambarkan pengertian itu dan mendalamkannya di dalam perasaan kita.

Di hadapan kumpulan manusia yang mati, pekak dan buta itu di sana berdirinya kumpulan manusia yang beriman. Merekalah kumpulan manusia yang hidup yang dapat mendengar dan melihat.

إِن تُسْمِعُ إِلَّا مَن يُؤْمِنُ بِـَٔايَـٰتِنَا فَهُم مُّسْلِمُونَ ٨١

"Engkau tidak berkuasa memperdengarkan (seruanmu) melainkan kepada orang yang beriman kepada ayat-ayat Kami kerana merekalah orang-orang yang sentiasa menyerahkan diri (kepada Allah)."(81)

Yakni engkau hanya dapat memperdengarkan da'wahmu kepada orang-orang yang mempunyai hati yang bersedia untuk menerima ayat-ayat Allah, iaitu mereka yang bersedia dengan hidup mereka, dengan pendengaran dan penglihatan mereka. Alamat hidup ialah kesedaran, dan alamat mendengar dan melihat ialah kebolehan mengambil manfa'at dari apa yang didengar dan dilihat mereka. Orang-orang yang beriman sentiasa mengambil manfa'at dari hidup mereka, dari pendengaran dan penglihatan mereka. Tugas Rasulullah s.a.w. ialah memperdengarkan da'wah kepada mereka, membentangkan ayat-ayat Allah kepada mereka dan lantas mereka menerimanya dan menyerah diri kepada Allah pada sa'at itu juga.

Islam itu mudah, jelas dan dekat dengan fitrah yang sihat. Sebaik sahaja hati yang sihat itu mengenal Islam ia terus menerima dan menyerahkan dirinya. Ia tidak membantah dan menyangkal. Demikianlah Al-Qur'an menggambarkan hati orang-orang yang beriman yang bersedia menerima hidayat dan mendengar da'wah tanpa menyangkal dan membantah. Sebaik sahaja mereka diseru oleh Rasul dan disampaikan ayat-ayat Allah, mereka terus beriman dan menyahuti da'wah itu.

******

(Pentafsiran ayat-ayat 82 - 90)

Selepas itu Al-Qur'an membawa mereka mengembara lagi untuk meninjau alamat-alamat Qiamat dan setengah-setengah pemandangannya sebelum membuat kenyataan yang akhir menamatkan surah ini. Dalam pengembaraan ini disebut tentang kelahiran binatang yang bercakap kepada manusia yang tidak beriman kepada bukti-bukti kekuasaan Allah di alam buana ini, juga dilukiskan satu pemandangan perhimpunan manusia di padang Mahsyar, di mana para pendusta ayat-ayat Allah itu dikecam, sedangkan mereka tunduk terpegun dan diam membisu. Kemudian dari pemandangan ini Al-Qur'an membawa mereka meninjau dua tanda kekuasaan Allah iaitu kejadian malam dan siang yang dibentangkan di hadapan mata manusia, sedangkan mereka lalai dari memikirkannya. Kemudian ia membawa mereka sekali lagi meninjau pemandangan yang amat mengerikan pada hari ditiup sangkakala, pada hari gunung-ganang berjalan dan melintas laju seperti awan, kemudian ditayangkan pula kepada mereka pemandangan para Muhsinin yang aman dari malapetaka yang ngeri itu dan pemandangan orang-orang yang berdosa yang disembamkan muka mereka ke dalam api Neraka:

وَإِذَا وَقَعَ ٱلْقَوْلُ عَلَيْهِمْ أَخْرَجْنَا لَهُمْ دَآبَّةً مِّنَ
ٱلْأَرْضِ تُكَلِّمُهُمْ أَنَّ ٱلنَّاسَ كَانُوا۟ بِـَٔايَـٰتِنَا لَا يُوقِنُونَ ٨٢
وَيَوْمَ نَحْشُرُ مِن كُلِّ أُمَّةٍ فَوْجًا مِّمَّن يُكَذِّبُ بِـَٔايَـٰتِنَا
فَهُمْ يُوزَعُونَ ٨٣
حَتَّىٰٓ إِذَا جَآءُو قَالَ أَكَذَّبْتُم بِـَٔايَـٰتِى وَلَمْ تُحِيطُوا۟ بِهَا
عِلْمًا أَمَّاذَا كُنتُمْ تَعْمَلُونَ ٨٤
وَوَقَعَ ٱلْقَوْلُ عَلَيْهِم بِمَا ظَلَمُوا۟ فَهُمْ لَا يَنطِقُونَ ٨٥
أَلَمْ يَرَوْا۟ أَنَّا جَعَلْنَا ٱلَّيْلَ لِيَسْكُنُوا۟ فِيهِ وَٱلنَّهَارَ
مُبْصِرًا ۚ إِنَّ فِى ذَٰلِكَ لَـَٔايَـٰتٍ لِّقَوْمٍ يُؤْمِنُونَ ٨٦
وَيَوْمَ يُنفَخُ فِى ٱلصُّورِ فَفَزِعَ مَن فِى ٱلسَّمَـٰوَٰتِ وَمَن
فِى ٱلْأَرْضِ إِلَّا مَن شَآءَ ٱللَّهُ ۚ وَكُلٌّ أَتَوْهُ دَٰخِرِينَ ٨٧
وَتَرَى ٱلْجِبَالَ تَحْسَبُهَا جَامِدَةً وَهِىَ تَمُرُّ مَرَّ ٱلسَّحَابِ ۚ
صُنْعَ ٱللَّهِ ٱلَّذِىٓ أَتْقَنَ كُلَّ شَىْءٍ ۚ إِنَّهُۥ خَبِيرٌۢ بِمَا
تَفْعَلُونَ ٨٨
مَن جَآءَ بِٱلْحَسَنَةِ فَلَهُۥ خَيْرٌ مِّنْهَا وَهُم مِّن فَزَعٍ يَوْمَئِذٍ
ءَامِنُونَ ٨٩
وَمَن جَآءَ بِٱلسَّيِّئَةِ فَكُبَّتْ وُجُوهُهُمْ فِى ٱلنَّارِ هَلْ

تُجْزَوْنَ إِلَّا مَا كُنتُمْ تَعْمَلُونَ ﴿٩٠﴾

"Dan apabila keputusan (azab) telah dijatuhkan ke atas mereka, kami akan keluarkan kepada mereka sejenis binatang dari bumi yang berbicara dengan mereka: Sesungguhnya manusia telah tidak yakin kepada ayat-ayat Kami(82). Dan (ingatlah) hari, di mana Kami akan himpunkan dari setiap umat itu sekumpulan dari orang-orang yang mendustakan ayat-ayat Kami, lalu seluruh mereka diatur dan dibawa (ke Mahsyar)(83). Sehingga apabila mereka semua datang Dia (Allah) pun berfirman: Apakah kamu mendustakan ayat-ayat-Ku, sedangkan kamu tidak mengetahuinya atau apakah yang kamu telah lakukan?(84). Dan keputusan (azab) itu dijatuhkan ke atas mereka dengan sebab perbuatan mereka yang zalim, kerana itu mereka tidak dapat berkata (apa-apa)(85). Apakah mereka tidak memperhatikan bahawa Kami telah menciptakan malam supaya mereka beristirehat dan (Kami menciptakan) siang yang terang benderang. Sesungguhnya dalam penciptaan itu terdapat bukti-bukti kekuasaan Allah kepada golongan orang-orang yang .beriman(86). Dan (ingatlah) hari, di mana ditiupkan sangkakala lalu terkejutlah sekalian yang ada di langit dan sekalian yang ada di bumi melainkan mereka yang dikehendaki Allah. Dan seluruh mereka datang mengadap-Nya dengan merendahkan diri(87). Dan engkau melihat gunung-ganang dan menyangkakannya tetap membeku di tempatnya, sedangkan ia berjalan (laju) seperti awan. (Demikianlah) ciptaan Allah yang telah menjadikan segala sesuatu itu dengan rapi. Sesungguhnya Dia Maha Mengetahui segala apa yang dilakukan kamu(88). Barang siapa yang membawa amalan yang baik dia akan memperolehi balasan yang lebih baik darinya dan mereka aman dari ketakutan yang dahsyat pada hari itu(89). Dan barang siapa yang membawa amalan kejahatan, maka muka mereka akan disembamkan ke dalam api Neraka. Kamu tidak dibalas melainkan mengikut amalan yang telah dilakukan kamu."(90)

Kelahiran Binatang Yang Pandai Bercakap

Cerita keluarnya binatang yang disebut di dalam ayat ini telah disebut oleh hadith- hadith yang banyak dan setengahnya merupakan hadith-hadith yang sahih, tetapi tidak terdapat di dalam hadith yang sahih ini sifat-sifat binatang itu, malah sifat-sifat itu hanya disebut dalam hadith-hadith yang tidak sampai martabat sahih sahaja. Oleh sebab inilah kami abaikan sahaja sifat-sifat binatang itu, kerana ia tidak membawa apa-apa erti sama ada panjang binatang itu enam puluh hasta atau ia mempunyai bulu-bulu halus atau bulu-bulunya seperti burung atau berkuku seperti kuda atau berjanggut atau berkepala seperti lembu atau bermata seperti babi atau bertelinga seperti gajah atau bertanduk seperti rusa atau berleher seperti burung kasawari atau berdada seperti singa atau berwarna seperti harimau belang atau berpinggang seperti kucing atau berekor seperti kibas, atau berkaki seperti unta dan sebagainya dari sifat-sifat yang menarik hati ahli-ahli tafsir.

Cukuplah bagi kita berhenti setakat keterangan nas Al-Qur'an ini dan keterangan hadith yang sahih, yang menerangkan bahawa keluarnya binatang itu merupakan salah satu dari alamat-alamat Qiamat, iaitu apabila tamat tempoh taubat dan apabila keputusan azab telah dijatuhkan ke atas mereka dan tidak lagi diterima taubat dari mereka, malah mereka akan dihukum mengikut dosa-dosa mereka, maka di waktu itulah Allah akan mengeluarkan binatang yang dapat bercakap kepada mereka. Binatang-binatang biasanya tidak bercakap atau percakapannya tidak dapat difahami manusia, tetapi pada hari ini mereka dapat memahami percakapan binatang itu dan mereka juga tahu bahawa binatang itu merupakan satu kejadian luar biasa yang mengalamatkan hampirnya hari Qiamat, sedangkan dahulunya mereka tidak percaya kepada ayat-ayat Allah dan kepada hari Qiamat yang dijanjikan itu.

Di antara perkara-perkara yang dapat diperhatikan di dalam Surah al-Naml ialah pemandangan-pemandangan dialog-dialog di antara sekumpulan serangga, burung dan jin dengan Nabi Sulaiman a.s., oleh itu penceritaan tentang binatang yang dapat bercakap kepada manusia itu adalah selaras dengan pemandangan-pemandangan dan suasana surah dan ia dapat mewujudkan keserasian ilustrasi di dalam Al-Qur'an dan menyatukan segala bahagian yang membentukkan pemandangannya yang am itu. [9]

Dari alamat yang menunjukkan kehampiran Qiamat ini, Al-Qur'an menyeberang pula kepada pemandangan padang Mahsyar:

وَيَوْمَ نَحْشُرُ مِن كُلِّ أُمَّةٍ فَوْجًا مِّمَّن يُكَذِّبُ بِـَٔايَٰتِنَا
فَهُمْ يُوزَعُونَ ﴿٨٣﴾

"Dan (ingatlah) hari, di mana Kami akan himpunkan dari setiap umat itu sekumpulan dari orang-orang yang mendustakan ayat-ayat Kami, lalu seluruh mereka diatur dan dibawa (ke Mahsyar)."(83)

Seluruh manusia kelak akan dikumpul dan di sini Al-Qur'an mahu menunjukkan keadaan para pendusta ketika seluruh mereka dibawa ke padang Mahsyar di luar kemahuan, tujuan dan pilihan mereka:

حَتَّىٰٓ إِذَا جَآءُو قَالَ أَكَذَّبْتُم بِـَٔايَٰتِى وَلَمْ تُحِيطُوا۟ بِهَا
عِلْمًا أَمَّاذَا كُنتُمْ تَعْمَلُونَ ﴿٨٤﴾

"Sehingga apabila mereka semua datang, Dia (Allah) pun berfirman: Apakah kamu mendustakan ayat-ayat-Ku, sedangkan kamu tidak mengetahuinya atau apakah yang kamu telah lakukan?"(84)

Pertanyaan yang pertama bertujuan memalu dan mengecamkan sikap mereka kerana mereka selama ini terkenal dengan sikap mereka yang mendustakan ayat-ayat Allah. Pertanyaan yang kedua bertujuan mengejek. Ia serupa dengan pertanyaan-pertanyaan: Apakah kamu mendustakan ayat-ayat Allah? Apakah yang dibuat oleh kamu? Yakni kamu tidak mempunyai satu kerja yang jelas, yang dapat dikatakan bahawa kamu telah menghabiskan masa

---

[9] *Lihat bab "التناسق الفني" dalam buku "التصوير الفني في القرآن" muka surat 86 -107 cetakan yang ketiga.*

hidup kamu untuk melaksanakannya selain dari kerja mendusta yang keji ini, yang tidak sewajarnya dilakukan. Pertanyaan yang seperti ini tidak dapat dijawab selain dari diam dan terpegun sedih, seolah-olah pihak yang ditanya itu terkunci lidahnya dan tertutup hatinya:

وَوَقَعَ ٱلْقَوْلُ عَلَيْهِم بِمَا ظَلَمُوا۟ فَهُمْ لَا يَنطِقُونَ ﴿٨٥﴾

"Dan keputusan (azab) itu dijatuhkan ke atas mereka dengan sebab perbuatan mereka yang zalim, kerana itu mereka tidak dapat berkata (apa-apa)."(85)

Yakni keputusan azab telah dijatuhkan ke atas mereka dengan sebab perbuatan mereka yang zalim di dunia dan mereka kelihatan terpegun sedih dan diam membungkam, sedangkan sebentar tadi binatang dapat bercakap kepada mereka, tetapi sekarang mereka manusia pula yang tidak dapat bercakap. Itulah di antara perbandingan-perbandingan yang indah di dalam pengungkapan Al-Qur'an dan di dalam ayat-ayat Allah yang dinyatakan oleh Al-Qur'an.

Cara pembentangan dalam penjelajahan ini menampilkan satu ciri istimewa iaitu menggandingkan pemandangan-pemandangan dunia dengan pemandangan-pemandangan Akhirat dan berpindah dari pemandangan dunia kepada pemandangan Akhirat di sa'at yang sesuai untuk merangsangkan keinsafan dan untuk i'tibar.

Di sini Al-Qur'an berpindah dari pemandangan para pendusta ayat-ayat Allah yang sedang berada dalam keadaan bingung di padang Mahsyar kepada satu pemandangan dari pemandangan-pemandangan dunia yang sepatutnya membangkitkan kesedaran mereka dan mendorong mereka meneliti dan memikirkan peraturan-peraturan dan gejala-gejala alam buana dan seterusnya menimbulkan kefahaman di dalam hati mereka bahawa di sana ada Tuhan yang memeliharakan mereka dan menyediakan segala sumber kehidupan dan kesenangan kepada mereka, iaitu Tuhan yang menciptakan alam buana ini sesuai dengan kehidupan mereka bukannya bertentangan dengannya atau menghalangkan kewujudan dan kesinambungan hidup mereka:

أَلَمْ يَرَوْا۟ أَنَّا جَعَلْنَا ٱلَّيْلَ لِيَسْكُنُوا۟ فِيهِ وَٱلنَّهَارَ
مُبْصِرًا ۚ إِنَّ فِى ذَٰلِكَ لَءَايَٰتٍ لِّقَوْمٍ يُؤْمِنُونَ ﴿٨٦﴾

"Apakah mereka tidak memperhatikan bahawa Kami telah menciptakan malam supaya mereka beristirehat dan (Kami menciptakan) siang yang terang benderang. Sesungguhnya dalam penciptaan itu terdapat bukti-bukti kekuasaan Allah kepada golongan orang-orang yang beriman."(86)

Pemandangan hari malam yang tenang, pemandangan hari siang yang terang sepatutnya menimbulkan kesedaran keagamaan di dalam hati manusia yang boleh membawa mereka berhubung rapat dengan Allah yang menggilirkan malam dan siang itu. Kedua-dua hari, malam dan hari siang itu merupakan dua bukti kebuanaan kepada mereka yang bersedia untuk beriman, tetapi malangnya mereka tidak beriman.

Andainya tidak ada hari malam dan seluruh masa hanya hari siang sahaja sudah tentu makhluk-makhluk yang hidup akan pupus di atas muka bumi ini. Begitu juga jika seluruh masa itu hanya hari malam sahaja atau andainya hari malam itu lebih panjang sebanyak sepuluh kali ganda dari masanya yang ada sekarang ini, maka sudah tentu matahari akan membakar segala tumbuhan yang ada di bumi di waktu siang hari dan sudah tentu segala tumbuhan-tumbuhan akan membeku di waktu malam. Ketika itu makhluk yang hidup tidak mungkin hidup lagi. Kejadian malam dan siang dengan keadaannya yang sesuai dengan makhluk yang hidup itu adalah mengandungi berbagai-bagai bukti kekuasaan Allah, tetapi malangnya mereka tidak mahu beriman.

Dari pembicaraan mengenai malam dan siang di bumi dan mengenai kehidupan mereka yang aman damai dan terjamin di bawah naungan peraturan alam buana yang halus itu, Al-Qur'an membawa mereka dalam sekelip mata menyeberang kepada hari Qiamat, di mana sangkakala ditiup dan berlakulah ketakutan dahsyat yang meliputi langit dan bumi dan sekalian penghuninya, melainkan mereka yang dikehendaki Allah, dan di mana berjalannya gunung-ganang yang teguh, yang menjadi simbol kemantapan, dan ketika itu berakhirlah hari kehidupan dunia ini dengan kesudahan mendapat pahala keamanan dan kebajikan atau mendapat balasan seksa dengan ketakutan yang dahsyat, di mana muka-muka akan disembam di dalam Neraka:

وَيَوْمَ يُنفَخُ فِى ٱلصُّورِ فَفَزِعَ مَن فِى ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَمَن
فِى ٱلْأَرْضِ إِلَّا مَن شَآءَ ٱللَّهُ ۚ وَكُلٌّ أَتَوْهُ دَٰخِرِينَ ﴿٨٧﴾
وَتَرَى ٱلْجِبَالَ تَحْسَبُهَا جَامِدَةً وَهِىَ تَمُرُّ مَرَّ ٱلسَّحَابِ ۚ
صُنْعَ ٱللَّهِ ٱلَّذِىٓ أَتْقَنَ كُلَّ شَىْءٍ ۚ إِنَّهُۥ خَبِيرٌۢ بِمَا
تَفْعَلُونَ ﴿٨٨﴾
مَن جَآءَ بِٱلْحَسَنَةِ فَلَهُۥ خَيْرٌ مِّنْهَا وَهُم مِّن فَزَعٍ يَوْمَئِذٍ
ءَامِنُونَ ﴿٨٩﴾
وَمَن جَآءَ بِٱلسَّيِّئَةِ فَكُبَّتْ وُجُوهُهُمْ فِى ٱلنَّارِ هَلْ
تُجْزَوْنَ إِلَّا مَا كُنتُمْ تَعْمَلُونَ ﴿٩٠﴾

"Dan (ingatlah) hari, di mana ditiupkan sangkakala lalu terkejutlah sekalian yang ada di langit dan sekalian yang ada di bumi melainkan mereka yang dikehendaki Allah. Dan seluruh mereka datang mengadap-Nya dengan merendahkan diri(87). Dan engkau melihat gunung-ganang dan menyangkakannya tetap membeku di tempatnya, sedangkan ia berjalan (laju) seperti awan. (Demikianlah) ciptaan Allah yang telah menjadikan segala sesuatu itu dengan rapi. Sesungguhnya Dia Maha Mengetahui segala apa yang dilakukan kamu(88). Barang siapa yang membawa amalan yang baik dia akan memperolehi balasan yang lebih baik darinya dan mereka aman dari ketakutan yang dahsyat pada hari itu(89). Dan barang siapa yang membawa amalan kejahatan, maka muka mereka disembamkan ke dalam api Neraka. Kamu tidak dibalas melainkan mengikut amalan yang telah dilakukan kamu."(90)

Tiupan Sangkakala

Sangkakala ialah nafiri yang ditiup dan tiupan ini akan melahirkan ketakutan yang amat dahsyat kepada seluruh penghuni langit dan bumi melainkan mereka yang dikehendaki Allah berada di dalam keadaan aman dan tenang. Menurut satu pendapat: Mereka ialah para syuhada'. Dan dengan tiupan ini dimatikan setiap yang bernyawa di langit dan di bumi melainkan mereka yang dikehendaki Allah.

Kemudian berlaku pula tiupan menghidupkan mereka kembali kemudian tiupan mengumpulkan mereka di padang Mahsyar dan di sinilah seluruh manusia dihimpunkan. **"Dan seluruh mereka datang mengadap-Nya (Allah) dengan merendahkan diri"** yakni datang dengan hina dan menyerah diri.

Peristiwa ketakutan yang dahsyat itu disertai pula dengan berlakunya kekacauan seluruh alam buana, di mana perjalanan dan peredaran seluruh cakerawala dan bintang-bintang menjadi kacau-bilau, dan di antara gejala-gejala kacau-bilau itu ialah gunung-ganang yang teguh berjalan laju dan bertaburan seperti awan. Pemandangan keadaan gunung-ganang yang seperti ini selaras dengan suasana ketakutan yang amat dahsyat itu. Seluruhnya kelihatan dalam ketakutan dan kekejutan seolah-olah gunung-ganang juga turut takut dan terkejut bersama-sama orang-orang yang takut dan terkejut dan turut bingung dan turut lari berkeliaran bersama-sama orang-orang yang lari bertempiaran tidak tentu arah.

Gunung-ganang Berjalan Laju

وَتَرَى ٱلْجِبَالَ تَحْسَبُهَا جَامِدَةً وَهِىَ تَمُرُّ مَرَّ ٱلسَّحَابِ ۚ صُنْعَ ٱللَّهِ ٱلَّذِىٓ أَتْقَنَ كُلَّ شَىْءٍ ۚ إِنَّهُۥ خَبِيرٌۢ بِمَا تَفْعَلُونَ ﴿٨٨﴾

"Dan engkau melihat gunung-ganang dan menyangkakannya tetap membeku di tempatnya, sedangkan ia berjalan (laju) seperti awan. (Demikianlah) ciptaan Allah yang telah menjadikan segala sesuatu itu dengan rapi. Sesungguhnya Dia Maha Mengetahui segala apa yang dilakukan kamu.(88)

Maha Sucilah Allah! Segala sesuatu di alam al-Wujud ini memperlihatkan kehalusan pertukangan dan penciptaan-Nya. Di sana tidak terdapat sebarang yang longgar, sebarang yang berlaku secara kebetulan, sebarang lubang-lubang dan tembusan, sebarang kekurangan, sebarang lebih kurang dan sebarang kelupaan. Setiap orang yang memperhatikan segala kesan penciptaan Allah yang amat menakjubkan itu tidak akan menemui sebarang sifat yang terbiar dan terbengkalai tanpa diciptakan dengan ukuran dan hitungan yang rapi dalam seluruh kejadian; yang kecil dan yang besar, yang mulia dan yang hina, malah segala-galanya diciptakan dengan ukuran dan hitungan yang halus dan menakjubkan setiap orang yang memperhatikan dan menelitinya.[10]

إِنَّهُۥ خَبِيرٌۢ بِمَا تَفْعَلُونَ ﴿٨٨﴾

"Sesunggahnya Dia Maha Mengetahui segala apa yang dilakukan kamu."(88)

Inilah Hari Hisab untuk menghisabkan segala perbuatan yang dilakukan kamu. Inilah hari yang telah ditentukan Allah yang telah menjadikan segala sesuatu itu dengan rapi. Dia akan membawa Hari Hisab ini tepat pada waktunya; tidak cepat dan tidak pula lewat supaya hari ini dapat memainkan peranannya dalam undang-undang penciptaan Allah yang telah menjadikan segala sesuatu dengan bijaksana dan dengan tadbir yang halus, iaitu supaya Hari Hisab ini dapat mewujudkan keselarasan di antara amalan dan balasan di dalam dua kehidupan dunia dan Akhirat yang sepadu lain itu. **"(Demikianlah) ciptaan Allah yang telah menjadikan segala sesuatu itu dengan rapi. Sesungguhnya Dia Maha Mengetahui segala apa yang dilakukan kamu."**

Pada hari yang penuh dengan ketakutan yang amat dahsyat ini, maka rasa aman dan tenteram dari ketakutan itu merupakan balasan kepada orang-orang yang mengerjakan amalan-amalan yang baik di dunia selain dari pahala-pahala yang diperolehi mereka yang lebih banyak dan lebih baik dari amalan-amalan yang baik yang dilakukan mereka:

مَن جَآءَ بِٱلْحَسَنَةِ فَلَهُۥ خَيْرٌ مِّنْهَا وَهُم مِّن فَزَعٍ يَوْمَئِذٍ ءَامِنُونَ ﴿٨٩﴾

"Barang siapa yang membawa amalan yang baik dia akan memperolehi balasan yang lebih baik darinya dan mereka aman dari ketakutan yang dahsyat pada hari itu."(89)

Yakni keamanan dari ketakutan itu sendiri merupakan satu balasan dan balasan yang lebih dari itu merupakan limpah kurnia Allah. Oleh kerana di dunia mereka takut kepada Allah, maka Allah tidak mengumpulkan bagi mereka ketakutan di dunia dan ketakutan di Akhirat, malah Allah mengurniakan

---

[10] *Lihat tafsir firman Allah "وخلق كل شيء فقدره تقديرا" dalam Surah al-Furqan juzu' yang kesembilan belas.*

perasaan aman tenteram kepada mereka pada hari Qiamat, di mana seluruh penghuni langit dan bumi dilanda ketakutan kecuali mereka yang dikehendaki Allah.

وَمَن جَآءَ بِٱلسَّيِّئَةِ فَكُبَّتۡ وُجُوهُهُمۡ فِي ٱلنَّارِ هَلۡ
تُجۡزَوۡنَ إِلَّا مَا كُنتُمۡ تَعۡمَلُونَ ٩٠

"Dan barang siapa yang membawa amalan kejahatan, maka muka mereka akan disembamkan ke dalam api Neraka. Kamu tidak dibalas melainkan mengikut amalan yang telah dilakukan kamu."(90)

Ini adalah satu pemandangan yang ngeri. Mereka disembamkan ke atas muka mereka di dalam Neraka kemudian ditambahkan pula dengan kenyataan yang mengecam dan mencela:

إِلَّا مَا كُنتُمۡ تَعۡمَلُونَ ٩٠

"Kamu tidak dibalas melainkan mengikut amalan yang telah dilakukan kamu."(90)

Mereka telah menjauhi hidayat dan memalingkan muka mereka darinya, maka kerana itu muka-muka mereka disembam ke dalam api Neraka sebagai balasan terhadap perbuatan mereka yang memalingkan muka dari kebenaran yang jelas seperti jelasnya hari siang dan hari malam itu.

******

(Pentafsiran ayat-ayat 91 - 93)

Pada akhirnya tibalah nada kenyataan-kenyataan yang akhir, di mana Rasulullah s.a.w. menyaripatikan da'wahnya dan cara-cara yang diikutinya dalam da'wah itu, kemudian beliau menyerahkan pilihan kepada mereka untuk menentukan nasib kesudahan yang disukai mereka untuk diri mereka sendiri setelah diberi penerangan yang jelas kepada mereka, kemudian ia tamatkan dengan ucapan Alhamdulillah sebagaimana ia mulakan dengannya dan menyerahkan mereka kepada Allah supaya menunjukkan ayat-ayat-Nya kepada mereka dan menghisabkan segala amalan yang dilakukan mereka:

إِنَّمَآ أُمِرۡتُ أَنۡ أَعۡبُدَ رَبَّ هَٰذِهِ ٱلۡبَلۡدَةِ ٱلَّذِي
حَرَّمَهَا وَلَهُۥ كُلُّ شَيۡءٖۖ وَأُمِرۡتُ أَنۡ أَكُونَ مِنَ
ٱلۡمُسۡلِمِينَ ٩١
وَأَنۡ أَتۡلُوَاْ ٱلۡقُرۡءَانَۖ فَمَنِ ٱهۡتَدَىٰ فَإِنَّمَا يَهۡتَدِي
لِنَفۡسِهِۦۖ وَمَن ضَلَّ فَقُلۡ إِنَّمَآ أَنَا۠ مِنَ ٱلۡمُنذِرِينَ ٩٢
وَقُلِ ٱلۡحَمۡدُ لِلَّهِ سَيُرِيكُمۡ ءَايَٰتِهِۦ فَتَعۡرِفُونَهَاۚ وَمَا
رَبُّكَ بِغَٰفِلٍ عَمَّا تَعۡمَلُونَ ٩٣

"Aku hanya diperintah menyembah Tuhan negeri ini (Makkah) yang telah menjadikannya negeri suci dan Dia memiliki segala sesuatu dan aku diperintah supaya aku menjadi dari golongan para Muslimin(91). Dan supaya aku membaca Al-Qur'an. Oleh itu barang siapa yang menerima hidayat, maka sesungguhnya dia menerima hidayat untuk kebaikan dirinya, dan barang siapa yang sesat, maka katakanlah: Sesungguhnya aku hanya dari para rasul yang memberi peringatan sahaja(92). Dan ucapkanlah: Alhamdulillah. Dia (Allah) akan memper-lihatkan kepada kamu bukti-bukti kekuasaan-Nya dan kamu akan mengetahuinya. Dan Tuhanmu tidak sekali-kali lalai dari apa yang dilakukan kamu."(93).

Mereka memang percaya kepada kesucian negeri Makkah dan Baitul-Haram. Mereka mendapat kekuasaan menjadi ketua orang-orang Arab yang lain dari 'aqidah yang menganggapkan Baitil-Haram itu sebagai rumah suci, tetapi kemudian mereka tidak mentauhidkan Allah yang telah menjadikan Baitil-Haram itu sebagai rumah yang suci dan menegakkan seluruh kehidupan mereka di atasnya.

Tugas Rasulullah s.a.w. ialah membetulkan 'aqidah sebagaimana yang sewajarnya dibetulkan. Oleh sebab itu beliau mengumumkan bahawa beliau diperintah supaya menyembah Tuhan yang telah menjadikan negeri ini sebagai sebuah negeri yang suci dan tiada sekutu bagi-Nya dan supaya menyempurnakan kefahaman Islam mengenai Uluhiyah Yang Maha Esa. Jadi, Tuhan negeri yang suci ini adalah Tuhan sekalian makhluk di alam buana ini dan Dia **"Memiliki segala sesuatu"**. Selanjutnya beliau mengumumkan bahawa beliau telah diperintah supaya memasukkan dirinya ke dalam golongan para Muslimin, iaitu angkatan orang-orang yang menyerahkan segala apa yang ada pada mereka kepada Allah dan tidak memper-sekutukan-Nya kepada yang lain dari Allah. Merekalah angkatan yang bersinambung dalam zaman sejak begitu lama. dari angkatan Mu'min yang mentauhid dan menyerahkan diri kepada Allah.

Inilah saripati da'wahnya dan sarana da'wah ini ialah membaca Al-Qur'an:

وَأَنۡ أَتۡلُوَاْ ٱلۡقُرۡءَانَۖ

"Dan supaya aku membaca Al-Qur'an."(92)

Al-Qur'an ialah kitab suci dan perlembagaan da'wah, juga sarana da'wah. Dengan kitab inilah beliau telah diperintah berjuang menghadapi orang-orang kafir kerana dengan kitab ini sahaja sudah cukup untuk menghadapi perjuangan jiwa dan akal. Isi kandungannya dapat menguasai segala pelosok jiwa manusia dan segala lorong-lorong perasaannya dan dapat menggoncangkan hati mereka yang keras. Perintah berperang yang disyari'atkan selepas itu adalah semata-mata bertujuan untuk melindungkan orang-orang yang beriman dari penindasan dan menjaminkan kebebasan berda'wah dengan Al-

Qur'an, juga untuk menegakkan pelaksanaan hukum-hukum syara' dengan kuasa pemerintahan. Adapun perjuangan berda'wah, maka cukuplah dengan menggunakan kekuatan kitab suci Al-Qur'an itu sahaja **"Dan supaya aku membaca Al-Qur'an."**

وَأَنْ أَتْلُوَا۟ ٱلْقُرْءَانَ ۖ فَمَنِ ٱهْتَدَىٰ فَإِنَّمَا يَهْتَدِى لِنَفْسِهِۦ ۖ وَمَن ضَلَّ فَقُلْ إِنَّمَآ أَنَا۠ مِنَ ٱلْمُنذِرِينَ ﴿٩٢﴾

"Oleh itu barang siapa yang menerima hidayat, maka sesungguhnya dia menerima hidayat untuk kebaikan dirinya, dan barang siapa yang sesat, maka katakanlah: Sesungguhnya aku hanya dari para rasul yang memberi peringatan sahaja."(92)

Ayat ini mengemukakan dasar tanggungjawab individu dalam neraca pertimbangan Allah mengenai hidayat dan kesesatan, dan dasar inilah yang mencerminkan kehormatan manusia yang dijaminkan Islam. Oleh itu mereka tidak diseretkan kepada keimanan seperti diseretkan kumpulan kambing-kambing, malah yang dibacakan kepada mereka ialah Al-Qur'an dan membiarkan Al-Qur'an itu sendiri mempengaruhi jiwa mereka menurut caranya yang amat halus dan amat mendalam, iaitu cara berbicara dengan fitrah manusia mengikut undang-undangnya yang sesuai dengan sistem hidup Al-Qur'an.

وَقُلِ ٱلْحَمْدُ لِلَّهِ

"Dan ucapkanlah: Alhamdulillah."(93)

Ayat ini merupakan kata pendahuluan kepada pembicaraan yang akan dikemukakan mengenai ciptaan Allah:

سَيُرِيكُمْ ءَايَٰتِهِۦ فَتَعْرِفُونَهَا ۚ

"Dia (Allah) akan memperlihatkan kepada kamu bukti-bukti kekuasaan-Nya dan kamu akan mengetahuinya."(93)

Kenyataan Allah ini amatlah benar kerana setiap hari Dia memperlihatkan kepada para hamba-Nya setengah-setengah bukti kekuasaan-Nya yang terdapat pada diri mereka dan di merata pelosok alam buana dan mendedahkan kepada mereka sebahagian dari rahsia-rahsia alam buana yang memang penuh dengan rahsia itu.

وَمَا رَبُّكَ بِغَٰفِلٍ عَمَّا تَعْمَلُونَ ﴿٩٣﴾

"Dan Tuhanmu tidak sekali-kali lalai dari apa yang dilakukan kamu."(93)

Demikianlah Al-Qur'an menyampaikan kepada mereka kenyataan akhir yang menamatkan surah ini, dan kenyataan ini disampaikan dengan ungkapan yang halus dan menakutkan, kemudian ia membiarkan mereka melakukan apa yang mahu dilakukan mereka, sedangkan di dalam hati mereka tersemat kesan kenyataan yang amat mendalam. **"Dan Tuhanmu tidak sekali-kali lalai dari apa yang dilakukan kamu."**

******

JUZU' KE-20

SURAH AL-QASAS

SURAH KE
28

سُورَةُ القَصَصِ

SURAH AL-QASAS

Surah Kisah-kisah

(Makkiyah)

JUMLAH AYAT
88

بِسۡمِ ٱللَّهِ ٱلرَّحۡمَٰنِ ٱلرَّحِيمِ

Dengan nama Allah
Yang Maha Penyayang dan Maha Pengasih

(Kumpulan ayat-ayat 1 - 43)

طسٓمٓ ١
تِلۡكَ ءَايَٰتُ ٱلۡكِتَٰبِ ٱلۡمُبِينِ ٢
نَتۡلُواْ عَلَيۡكَ مِن نَّبَإِ مُوسَىٰ وَفِرۡعَوۡنَ بِٱلۡحَقِّ
لِقَوۡمٖ يُؤۡمِنُونَ ٣
إِنَّ فِرۡعَوۡنَ عَلَا فِي ٱلۡأَرۡضِ وَجَعَلَ أَهۡلَهَا شِيَعٗا
يَسۡتَضۡعِفُ طَآئِفَةٗ مِّنۡهُمۡ يُذَبِّحُ أَبۡنَآءَهُمۡ وَيَسۡتَحۡيِۦ
نِسَآءَهُمۡۚ إِنَّهُۥ كَانَ مِنَ ٱلۡمُفۡسِدِينَ ٤
وَنُرِيدُ أَن نَّمُنَّ عَلَى ٱلَّذِينَ ٱسۡتُضۡعِفُواْ فِي ٱلۡأَرۡضِ
وَنَجۡعَلَهُمۡ أَئِمَّةٗ وَنَجۡعَلَهُمُ ٱلۡوَٰرِثِينَ ٥
وَنُمَكِّنَ لَهُمۡ فِي ٱلۡأَرۡضِ وَنُرِيَ فِرۡعَوۡنَ وَهَٰمَٰنَ
وَجُنُودَهُمَا مِنۡهُم مَّا كَانُواْ يَحۡذَرُونَ ٦
وَأَوۡحَيۡنَآ إِلَىٰٓ أُمِّ مُوسَىٰٓ أَنۡ أَرۡضِعِيهِۖ فَإِذَا خِفۡتِ
عَلَيۡهِ فَأَلۡقِيهِ فِي ٱلۡيَمِّ وَلَا تَخَافِي وَلَا تَحۡزَنِيٓۖ
إِنَّا رَآدُّوهُ إِلَيۡكِ وَجَاعِلُوهُ مِنَ ٱلۡمُرۡسَلِينَ ٧
فَٱلۡتَقَطَهُۥٓ ءَالُ فِرۡعَوۡنَ لِيَكُونَ لَهُمۡ عَدُوّٗا
وَحَزَنًاۗ إِنَّ فِرۡعَوۡنَ وَهَٰمَٰنَ وَجُنُودَهُمَا كَانُواْ
خَٰطِـِٔينَ ٨
وَقَالَتِ ٱمۡرَأَتُ فِرۡعَوۡنَ قُرَّتُ عَيۡنٖ لِّي وَلَكَۖ لَا
تَقۡتُلُوهُ عَسَىٰٓ أَن يَنفَعَنَآ أَوۡ نَتَّخِذَهُۥ وَلَدٗا وَهُمۡ
لَا يَشۡعُرُونَ ٩
وَأَصۡبَحَ فُؤَادُ أُمِّ مُوسَىٰ فَٰرِغًاۖ إِن كَادَتۡ لَتُبۡدِي
بِهِۦ لَوۡلَآ أَن رَّبَطۡنَا عَلَىٰ قَلۡبِهَا لِتَكُونَ مِنَ
ٱلۡمُؤۡمِنِينَ ١٠

"Taa, Siin, Miim(1). Itulah ayat-ayat kitab suci Al-Qur'an yang amat jelas(2). Kami bacakan kepadamu sebahagian dari cerita Musa dan Fir'aun dengan benar untuk golongan orang-orang yang beriman(3). Sesungguhnya Fir'aun telah bermaharajalela di bumi dan menjadikan penduduknya berpecahbelah kepada berbagai-bagai puak. Dia menindaskan segolongan mereka dengan menyembelih anak-anak lelaki mereka dan hanya membiarkan anak-anak perempuan mereka sahaja yang hidup. Sesungguhnya dia adalah dari golongan manusia perosak(4). Dan Kami hendak memberi limpah kurnia Kami kepada orang-orang yang tertindas di bumi dan hendak menjadikan mereka pemimpin-pemimpin, juga menjadikan mereka para pewaris(5). Dan Kami mahu memantapkan kedudukan mereka di bumi dan Kami mahu menunjukkan kepada Fir'aun dan Haman serta bala tentera duaka akibat yang ditakuti mereka(6). Dan Kami ilhamkan kepada ibu Musa: Susukanlah dia, dan jika engkau takutkan keselamatannya, maka hanyutkannya di dalam sungai dan janganlah engkau takut dan jangan pula bersedih hati kerana sesungguhnya Kami akan memulangkannya ke pangkuanmu kembali dan melantikkannya sebagai salah seorang dari para rasul(7). Lalu dia dipungut keluarga Fir'aun supaya menjadi musuh kepada mereka dan (punca) kedukacitaan (mereka). Sesungguhnya Fir'aun dan Haman serta bala tentera duaka adalah orang-orang yang bersalah(8). Dan berkatalah isteri Fir'aun: Dia menjadi cahaya mata kepada adinda dan kepada kekanda. Janganlah kamu bunuh dia. Semoga dia berguna kepada kita atau kita ambil dia sebagai anak angkat, sedangkan mereka tidak menyedari (akibatnya)(9). Dan hati ibu Musa telah menjadi kosong, dan dia hampir-hampir membuka rahsianya sekiranya tidak Kami teguhkan hatinya supaya dia termasuk dalam golongan para Mu'minin."(10).

وَقَالَتۡ لِأُخۡتِهِۦ قُصِّيهِۖ فَبَصُرَتۡ بِهِۦ عَن جُنُبٖ
وَهُمۡ لَا يَشۡعُرُونَ ١١

وَحَرَّمْنَا عَلَيْهِ ٱلْمَرَاضِعَ مِن قَبْلُ فَقَالَتْ هَلْ
أَدُلُّكُمْ عَلَىٰٓ أَهْلِ بَيْتٍ يَكْفُلُونَهُۥ لَكُمْ وَهُمْ
لَهُۥ نَٰصِحُونَ ﴿١٢﴾
فَرَدَدْنَٰهُ إِلَىٰٓ أُمِّهِۦ كَىْ تَقَرَّ عَيْنُهَا وَلَا تَحْزَنَ
وَلِتَعْلَمَ أَنَّ وَعْدَ ٱللَّهِ حَقٌّ وَلَٰكِنَّ أَكْثَرَهُمْ
لَا يَعْلَمُونَ ﴿١٣﴾
وَلَمَّا بَلَغَ أَشُدَّهُۥ وَٱسْتَوَىٰٓ ءَاتَيْنَٰهُ حُكْمًا وَعِلْمًا ۚ وَكَذَٰلِكَ
نَجْزِى ٱلْمُحْسِنِينَ ﴿١٤﴾
وَدَخَلَ ٱلْمَدِينَةَ عَلَىٰ حِينِ غَفْلَةٍ مِّنْ أَهْلِهَا فَوَجَدَ
فِيهَا رَجُلَيْنِ يَقْتَتِلَانِ هَٰذَا مِن شِيعَتِهِۦ وَهَٰذَا مِنْ
عَدُوِّهِۦ ۖ فَٱسْتَغَٰثَهُ ٱلَّذِى مِن شِيعَتِهِۦ عَلَى ٱلَّذِى مِنْ
عَدُوِّهِۦ فَوَكَزَهُۥ مُوسَىٰ فَقَضَىٰ عَلَيْهِ ۖ قَالَ هَٰذَا مِنْ
عَمَلِ ٱلشَّيْطَٰنِ ۖ إِنَّهُۥ عَدُوٌّ مُّضِلٌّ مُّبِينٌ ﴿١٥﴾
قَالَ رَبِّ إِنِّى ظَلَمْتُ نَفْسِى فَٱغْفِرْ لِى فَغَفَرَ لَهُۥٓ ۚ إِنَّهُۥ
هُوَ ٱلْغَفُورُ ٱلرَّحِيمُ ﴿١٦﴾
قَالَ رَبِّ بِمَآ أَنْعَمْتَ عَلَىَّ فَلَنْ أَكُونَ ظَهِيرًا
لِّلْمُجْرِمِينَ ﴿١٧﴾
فَأَصْبَحَ فِى ٱلْمَدِينَةِ خَآئِفًا يَتَرَقَّبُ فَإِذَا ٱلَّذِى ٱسْتَنصَرَهُۥ
بِٱلْأَمْسِ يَسْتَصْرِخُهُۥ ۚ قَالَ لَهُۥ مُوسَىٰٓ إِنَّكَ لَغَوِىٌّ مُّبِينٌ ﴿١٨﴾
فَلَمَّآ أَنْ أَرَادَ أَن يَبْطِشَ بِٱلَّذِى هُوَ عَدُوٌّ لَّهُمَا قَالَ
يَٰمُوسَىٰٓ أَتُرِيدُ أَن تَقْتُلَنِى كَمَا قَتَلْتَ نَفْسًۢا بِٱلْأَمْسِ ۖ
إِن تُرِيدُ إِلَّآ أَن تَكُونَ جَبَّارًا فِى ٱلْأَرْضِ وَمَا تُرِيدُ أَن
تَكُونَ مِنَ ٱلْمُصْلِحِينَ ﴿١٩﴾
وَجَآءَ رَجُلٌ مِّنْ أَقْصَا ٱلْمَدِينَةِ يَسْعَىٰ قَالَ يَٰمُوسَىٰٓ إِنَّ
ٱلْمَلَأَ يَأْتَمِرُونَ بِكَ لِيَقْتُلُوكَ فَٱخْرُجْ إِنِّى لَكَ مِنَ
ٱلنَّٰصِحِينَ ﴿٢٠﴾
فَخَرَجَ مِنْهَا خَآئِفًا يَتَرَقَّبُ ۖ قَالَ رَبِّ نَجِّنِى مِنَ ٱلْقَوْمِ
ٱلظَّٰلِمِينَ ﴿٢١﴾

"Dan berkatalah (ibu Musa) kepada saudara perempuan (Musa): Ikutilah dia! Lalu dia pun melihatnya dari jauh, sedangkan mereka tidak sedar(11). Dan Kami telah mencegahkannya (Musa) dari menyusui penyusu-penyusu yang lain sebelum itu. Lalu berkatalah saudara perempuan Musa: Mahukah kamu saya tunjukkan kepada kamu satu keluarga yang dapat memeliharakannya untuk kamu dan mereka adalah orang-orang yang jujur terhadapnya(12). Lalu Kami kembalikannya (Musa) ke pangkuan ibunya supaya hatinya senang dan tidak berdukacita dan supaya dia mengetahui bahawa janji Allah itu benar, tetapi kebanyakan mereka tidak mengetahui(13). Dan apabila dia sampai kepada usianya yang paling kuat dan matang, Kami kurniakan-Nya kebijaksanaan dan ilmu pengetahuan, dan demikianlah Kami memberi balasan kepada para Muhsinin(14). Dan dia (Musa) masuk ke dalam kota itu ketika penduduknya berada dalam keadaan leka dan dia dapati di sana ada dua orang lelaki sedang berkelahi, seorang dari golongan puaknya (Bani Israel) dan seorang lagi dari golongan musuhnya, lalu orang yang dari golongan puaknya meminta pertolongan darinya untuk mengalahkan orang yang dari golongan musuhnya, maka Musa pun menumbuknya dan terus mati, lalu berkatalah Musa: Ini adalah perbuatan syaitan. Sesungguhnya dia adalah musuh penyesat yang amat jelas(15). Dia (Musa) berdo'a: Wahai Tuhanku! Sesungguhnya aku telah menzalimkan diriku sendiri. Oleh itu ampunkanku, lalu Allah mengampunkannya. Sesungguhnya Dia Maha Pengampun dan Maha Pengasih(16). Dia berdo'a lagi: Wahai Tuhanku! Demi ni'mat yang telah Engkau kurniakan kepadaku, maka aku tidak akan menjadi penolong kepada orang-orang yang bersalah(17). Kerana itu dia (Musa) berada di bandar itu dalam ketakutan menunggu-nunggu (akibat perbuatannya), tiba-tiba orang yang meminta pertolongannya kelmarin meminta pula pertolongannya, lalu Musa berkata kepadanya: Sesungguhnya engkau adalah seorang sesat yang amat nyata(18). Apabila Musa hendak menumbuk orang yang menjadi musuh duaka, maka orang itu pun berkata: Wahai Musa! Adakah engkau mahu membunuh aku pula sebagaimana engkau telah membunuh seorang manusia kelmarin? Engkau hanya hendak menjadi seorang yang bermaharajalela di negeri (ini) dan bukannya hendak menjadi dari mereka yang mengusahakan perdamaian (19). Dan datanglah seorang lelaki dari hujung kota itu berjalan dengan tergesa-gesa lalu berkata: Wahai Musa! Sesungguhnya para pembesar negeri sedang berunding tentang engkau untuk membunuh engkau. Oleh itu keluarlah (dari kota ini) sesungguhnya aku dari orang-orang yang memberi nasihat kepadamu(20). Lalu Musa pun keluar dari bandar itu dengan keadaan takut dan menunggu-nunggu (tindakan musuhnya) sambil berdo'a: Wahai Tuhanku! Selamatkanku dari kaum yang zalim."(21).

وَلَمَّا تَوَجَّهَ تِلْقَآءَ مَدْيَنَ قَالَ عَسَىٰ رَبِّىٓ أَن يَهْدِيَنِى
سَوَآءَ ٱلسَّبِيلِ ﴿٢٢﴾

وَلَمَّا وَرَدَ مَآءَ مَدۡيَنَ وَجَدَ عَلَيۡهِ أُمَّةٗ مِّنَ ٱلنَّاسِ
يَسۡقُونَ وَوَجَدَ مِن دُونِهِمُ ٱمۡرَأَتَيۡنِ تَذُودَانِۖ
قَالَ مَا خَطۡبُكُمَاۖ قَالَتَا لَا نَسۡقِي حَتَّىٰ يُصۡدِرَ
ٱلرِّعَآءُۖ وَأَبُونَا شَيۡخٞ كَبِيرٞ ٢٣
فَسَقَىٰ لَهُمَا ثُمَّ تَوَلَّىٰٓ إِلَى ٱلظِّلِّ فَقَالَ رَبِّ إِنِّي لِمَآ
أَنزَلۡتَ إِلَيَّ مِنۡ خَيۡرٖ فَقِيرٞ ٢٤
فَجَآءَتۡهُ إِحۡدَىٰهُمَا تَمۡشِي عَلَى ٱسۡتِحۡيَآءٖ قَالَتۡ
إِنَّ أَبِي يَدۡعُوكَ لِيَجۡزِيَكَ أَجۡرَ مَا سَقَيۡتَ لَنَاۚ
فَلَمَّا جَآءَهُۥ وَقَصَّ عَلَيۡهِ ٱلۡقَصَصَ قَالَ لَا تَخَفۡۖ
نَجَوۡتَ مِنَ ٱلۡقَوۡمِ ٱلظَّٰلِمِينَ ٢٥
قَالَتۡ إِحۡدَىٰهُمَا يَٰٓأَبَتِ ٱسۡتَـٔۡجِرۡهُۖ إِنَّ خَيۡرَ مَنِ
ٱسۡتَـٔۡجَرۡتَ ٱلۡقَوِيُّ ٱلۡأَمِينُ ٢٦
قَالَ إِنِّيٓ أُرِيدُ أَنۡ أُنكِحَكَ إِحۡدَى ٱبۡنَتَيَّ هَٰتَيۡنِ عَلَىٰٓ
أَن تَأۡجُرَنِي ثَمَٰنِيَ حِجَجٖۖ فَإِنۡ أَتۡمَمۡتَ عَشۡرٗا
فَمِنۡ عِندِكَۖ وَمَآ أُرِيدُ أَنۡ أَشُقَّ عَلَيۡكَۚ سَتَجِدُنِيٓ
إِن شَآءَ ٱللَّهُ مِنَ ٱلصَّٰلِحِينَ ٢٧
قَالَ ذَٰلِكَ بَيۡنِي وَبَيۡنَكَۖ أَيَّمَا ٱلۡأَجَلَيۡنِ قَضَيۡتُ
فَلَا عُدۡوَٰنَ عَلَيَّۖ وَٱللَّهُ عَلَىٰ مَا نَقُولُ وَكِيلٞ ٢٨
فَلَمَّا قَضَىٰ مُوسَى ٱلۡأَجَلَ وَسَارَ بِأَهۡلِهِۦٓ ءَانَسَ مِن
جَانِبِ ٱلطُّورِ نَارٗاۖ قَالَ لِأَهۡلِهِ ٱمۡكُثُوٓاْ إِنِّيٓ ءَانَسۡتُ
نَارٗا لَّعَلِّيٓ ءَاتِيكُم مِّنۡهَا بِخَبَرٍ أَوۡ جَذۡوَةٖ مِّنَ ٱلنَّارِ
لَعَلَّكُمۡ تَصۡطَلُونَ ٢٩
فَلَمَّآ أَتَىٰهَا نُودِيَ مِن شَٰطِيِٕ ٱلۡوَادِ ٱلۡأَيۡمَنِ فِي
ٱلۡبُقۡعَةِ ٱلۡمُبَٰرَكَةِ مِنَ ٱلشَّجَرَةِ أَن يَٰمُوسَىٰٓ
إِنِّيٓ أَنَا ٱللَّهُ رَبُّ ٱلۡعَٰلَمِينَ ٣٠
وَأَنۡ أَلۡقِ عَصَاكَۚ فَلَمَّا رَءَاهَا تَهۡتَزُّ كَأَنَّهَا جَآنّٞ
وَلَّىٰ مُدۡبِرٗا وَلَمۡ يُعَقِّبۡۚ يَٰمُوسَىٰٓ أَقۡبِلۡ وَلَا
تَخَفۡۖ إِنَّكَ مِنَ ٱلۡأٓمِنِينَ ٣١
ٱسۡلُكۡ يَدَكَ فِي جَيۡبِكَ تَخۡرُجۡ بَيۡضَآءَ مِنۡ غَيۡرِ
سُوٓءٖ وَٱضۡمُمۡ إِلَيۡكَ جَنَاحَكَ مِنَ ٱلرَّهۡبِۖ فَذَٰنِكَ
بُرۡهَٰنَانِ مِن رَّبِّكَ إِلَىٰ فِرۡعَوۡنَ وَمَلَإِيْهِۦٓۚ إِنَّهُمۡ
كَانُواْ قَوۡمٗا فَٰسِقِينَ ٣٢

"Dan apabila dia menuju ke arah negeri Madyan, dia berdo'a: Semoga Allah memimpinku ke jalan yang betul(22). Apabila dia sampai di perigi negeri Madyan dia dapati di sana sekumpulan orang sedang memberi minum (kepada ternakan mereka) dan dia dapati selain dari mereka dua orang perempuan sedang menahan (ternakan mereka), lalu dia pun bertanya: Apa hal kamu berdua? Jawab mereka berdua: Kami tidak dapat memberi minum (ternakan kami) sehingga pengembala-pengembala itu selesai membawa balik (ternakan mereka), sedangkan bapa kami sangat tua(23). Lalu Musa memberi minum (ternakan) keduanya, kemudian dia berundur ke tempat yang teduh dan berdo'a: Wahai Tuhanku! Sesungguhnya aku amat memerlukan apa sahaja kebajikan yang engkau turunkan kepadaku(24). Lalu datanglah salah seorang dari dua wanita tadi berjalan dengan sopan santun dan berkata: Sesungguhnya bapa saya menjemput anda untuk membalas kebaikan anda memberi minum kepada ternakan kami. Apabila Musa datang menemui bapanya dan menceritakan kepadanya segala cerita (mengenai dirinya) diapun berkata: Janganlah engkau takut, kerana engkau telah pun selamat dari kaum yang zalim itu(25). Berkatalah salah seorang dari duaka: Wahai bapaku! Ambillah dia sebagai pekerja (kita), kerana sesungguhnya sebaik-baik orang yang patut bapa mengambilnya sebagai pekerja ialah orang yang kuat dan beramanah (26). Berkatalah (bapanya): Sesungguhnya aku hendak mengahwinkanmu dengan salah seorang dari dua anak perempuanku ini dengan syarat engkau bekerja dengan aku selama lapan tahun, dan jika engkau cukupkan sepuluh tahun, maka itu adalah kemurahan darimu, dan aku sekali-kali tidak mahu memberatkanmu. Dan engkau Insya'Allah akan dapatiku dari golongan orang-orang yang baik(27). Jawab (Musa): Itulah perjanjian di antara saya dan anda dan mana-mana sahaja dari dua tempoh kerja itu saya tunaikan, maka hendaknya tidak ada apa-apa tuntutan yang lain lagi ke atas saya, dan Allah jua yang menjadi saksi di atas apa yang kita katakan ini(28). Apabila Musa

menyelesaikan tempoh kerjanya dan berangkat bersama keluarganya, maka dia nampak api di pinggir Bukit Tur lalu dia pun berkata kepada keluarganya: Berhentilah di sini, sesungguhnya aku nampak api. Semoga dari sana aku dapat membawa sesuatu berita kepada kamu atau sepotong api supaya kamu dapat berdiang(29). Apabila Musa datang ke tempat api itu, dia pun diseru dari (arah) pinggir lembah sebelah kanannya di tempat yang diberkati (Allah) iaitu dari arah pokok itu. Wahai Musa! Sesungguhnya Akulah Allah Tuhan semesta alam(30). Dan campakkanlah tongkatmu, dan apabila Musa melihat tongkat itu bergerak seolah-olah seekor ular kecil yang lincah, dia pun terus berpaling melarikan diri tanpa menoleh ke belakang lagi (lalu dia diseru): Wahai Musa! Datanglah ke mari dan janganlah takut, sesungguhnya engkau dari golongan orang-orang yang mendapat keamanan(31). Masukkanlah sayapmu (tanganmu) ke dalam belahan dadamu nescaya ia keluar putih bersinar-sinar tanpa apa-apa penyakit dan dakapkanlah kedua sayapmu (tanganmu) ke dadamu untuk menghilangkan perasaan takut. Itulah dua mu'jizat dari Tuhanmu (untuk dihadapkan) kepada Fir'aun dan para pembesarnya, kerana sesungguhnya mereka adalah satu kaum yang fasiq."(32).

قَالَ رَبِّ إِنِّي قَتَلْتُ مِنْهُمْ نَفْسًا فَأَخَافُ أَن يَقْتُلُونِ ﴿٣٣﴾
وَأَخِي هَارُونُ هُوَ أَفْصَحُ مِنِّي لِسَانًا فَأَرْسِلْهُ مَعِيَ
رِدْءًا يُصَدِّقُنِي إِنِّي أَخَافُ أَن يُكَذِّبُونِ ﴿٣٤﴾
قَالَ سَنَشُدُّ عَضُدَكَ بِأَخِيكَ وَنَجْعَلُ لَكُمَا
سُلْطَانًا فَلَا يَصِلُونَ إِلَيْكُمَا بِآيَاتِنَا أَنتُمَا وَمَنِ
اتَّبَعَكُمَا الْغَالِبُونَ ﴿٣٥﴾
فَلَمَّا جَاءَهُم مُّوسَىٰ بِآيَاتِنَا بَيِّنَاتٍ قَالُوا مَا هَٰذَا
إِلَّا سِحْرٌ مُّفْتَرًى وَمَا سَمِعْنَا بِهَٰذَا فِي آبَائِنَا
الْأَوَّلِينَ ﴿٣٦﴾
وَقَالَ مُوسَىٰ رَبِّي أَعْلَمُ بِمَن جَاءَ بِالْهُدَىٰ مِنْ
عِندِهِ وَمَن تَكُونُ لَهُ عَاقِبَةُ الدَّارِ إِنَّهُ لَا
يُفْلِحُ الظَّالِمُونَ ﴿٣٧﴾
وَقَالَ فِرْعَوْنُ يَا أَيُّهَا الْمَلَأُ مَا عَلِمْتُ لَكُم
مِّنْ إِلَٰهٍ غَيْرِي فَأَوْقِدْ لِي يَا هَامَانُ عَلَى الطِّينِ
فَاجْعَل لِّي صَرْحًا لَّعَلِّي أَطَّلِعُ إِلَىٰ إِلَٰهِ مُوسَىٰ
وَإِنِّي لَأَظُنُّهُ مِنَ الْكَاذِبِينَ ﴿٣٨﴾
وَاسْتَكْبَرَ هُوَ وَجُنُودُهُ فِي الْأَرْضِ بِغَيْرِ
الْحَقِّ وَظَنُّوا أَنَّهُمْ إِلَيْنَا لَا يُرْجَعُونَ ﴿٣٩﴾
فَأَخَذْنَاهُ وَجُنُودَهُ فَنَبَذْنَاهُمْ فِي الْيَمِّ فَانظُرْ كَيْفَ
كَانَ عَاقِبَةُ الظَّالِمِينَ ﴿٤٠﴾
وَجَعَلْنَاهُمْ أَئِمَّةً يَدْعُونَ إِلَى النَّارِ وَيَوْمَ
الْقِيَامَةِ لَا يُنصَرُونَ ﴿٤١﴾
وَأَتْبَعْنَاهُمْ فِي هَٰذِهِ الدُّنْيَا لَعْنَةً وَيَوْمَ
الْقِيَامَةِ هُم مِّنَ الْمَقْبُوحِينَ ﴿٤٢﴾
وَلَقَدْ آتَيْنَا مُوسَى الْكِتَابَ مِن بَعْدِ مَا
أَهْلَكْنَا الْقُرُونَ الْأُولَىٰ بَصَائِرَ لِلنَّاسِ وَهُدًى
وَرَحْمَةً لَّعَلَّهُمْ يَتَذَكَّرُونَ ﴿٤٣﴾

"Musa berkata: Wahai Tuhanku! Sesungguhnya aku telah membunuh seorang dari mereka, maka kerana itu aku takut mereka akan membunuhku(33). Dan saudaraku Harun itu lebih fasih lidahnya dariku. Oleh itu utuskan dia bersamaku sebagai penyokong yang membenarkan (hujah-hujahku). Sesungguhnya aku takut mereka mendustakanku(34). Allah berfirman: Kami akan menguatkan tenagamu dengan saudaramu dan Kami akan memberi kekuasaan kepada kamu, maka kerana itu (tindakan jahat) mereka tidak sampai kepada kamu. Dengan kekuatan mu'jizat-mu'jizat Kami, kamu dan pengikut-pengikut kamu akan mendapat kemenangan (35). Apabila Musa datang menemui mereka dengan membawa mu'jizat-mu'jizat Kami mereka pun berkata: Ini tiada lain melainkan hanya perbuatan sihir yang dibuat-buat sahaja dan kami tidak pernah dengar perkara ini berlaku di dalam kalangan datuk nenek kami di zaman dahulu(36). Dan Musa menjawab: Tuhanku lebih mengetahui siapakah yang membawa hidayat dari sisi-Nya dan siapakah yang akan mendapat akibat yang baik di negeri Akhirat? Sesungguhnya orang-orang yang zalim itu tidak memperolehi keberuntungan(37). Dan berkatalah Fir'aun: Wahai sekalian pembesar! Aku tidak mengetahui bahawa kamu mempunyai tuhan yang lain dariku. Oleh itu wahai Haman! Bakarlah untukku tanah liat kemudian binakan untukku satu bangunan yang tinggi supaya aku dapat naik melihat Tuhan Musa dan sesungguhnya aku fikir dia itu dari golongan para pendusta(38). Dan Fir'aun dan bala tenteranya telah berlagak angkuh di bumi (Mesir) tanpa sebab yang benar dan mereka telah menyangka bahawa mereka tidak akan dikembalikan kepada Kami(39). Lalu Kami ambil Fir'aun dan bala tenteranya dan Kami buangkan mereka ke dalam lautan. Oleh itu lihatlah bagaimana akibat orang-orang yang zalim(40). Dan Kami telah jadikan mereka para pemimpin yang menyeru (pengikut-pengikut mereka)

ke Neraka dan pada hari Qiamat nanti mereka tidak akan diberi pertolongan(41). Dan Kami iringkan laknat ke atas mereka di dunia ini dan pada hari Qiamat kelak mereka adalah dari mereka yang diburuk-burukkan(42). Dan sesungguhnya Kami telah mengurniakan kitab (Taurat) kepada Musa setelah Kami binasakan umat-umat yang dahulu untuk menjadi penyuluh mata hati manusia, juga menjadi hidayat dan rahmat supaya mereka mengambil pengajaran."(43).

(Latar belakang dan pokok pembicaraan)

Surah ini diturunkan di Makkah. Ia diturun ketika kaum Muslimin di Makkah merupakan satu golongan kecil yang lemah, sedangkan kaum Musyrikin merupakan golongan yang memiliki kekuatan, pangkat kebesaran dan kekuasaan. Ia diturun untuk meletakkan neraca yang haqiqi bagi kekuatan-kekuatan dan nilai-nilai. Ia diturun untuk menjelaskan bahawa di sana hanya terdapat satu kekuatan sahaja di alam buana ini, iaitu kekuatan Allah dan di sana hanya terdapat satu nilai sahaja di alam buana ini iaitu nilai keimanan. Oleh itu barang siapa yang disokong kekuatan Allah, maka tiada apa-apa ketakutan yang harus dibimbanginya walaupun dia tidak mempunyai sebarang gejala kekuatan, dan barang siapa yang ditentang kekuatan Allah, maka tiada lagi keamanan dan ketenteraman untuknya walaupun dia dibantu oleh segala kekuatan yang lain, dan barang siapa yang memiliki nilai keimanan bererti ia telah memiliki seluruh kebaikan, dan barang siapa yang tidak memiliki nilai keimanan, maka tiada suatu apa pun yang berguna kepadanya.

Justeru itu intisari surah ini ditegakkan di atas kisah Musa dan Fir'aun pada awalnya, dan di atas kisah Qarun dan kaum Musa pada akhirnya. Kisah yang pertama menayangkan kekuatan pemerintahan, iaitu kekuatan Serimaharaja Fir'aun yang zalim, angkuh, waspada dan hati-hati yang ditentang Musa seorang bayi yang masih menyusu, yang tidak mempunyai daya dan kekuatan dan tidak mempunyai tempat perlindungan. Serimaharaja Fir'aun telah berlagak angkuh di bumi Mesir dan telah memecahbelahkan penduduknya kepada berbagai-bagai golongan dan menindas Bani Israel dengan membunuh bayi-bayi lelaki mereka dan hanya membiarkan bayi perempuan mereka sahaja yang hidup. Baginda begitu hati-hati terhadap gerak-geri mereka dan mengawal mereka dengan ketat, tetapi kekuatan, kezaliman dan kewaspadaan baginda tidak memberi apa-apa faedah kepadanya, malah tidak membolehkannya untuk menguasai Musa seorang bayi yang kecil, yang tidak mempunyai sebarang kekuatan dan daya tenaga. Beliau berada di dalam jagaan kekuatan Allah yang haqiqi dan tunggal yang memelihara beliau dengan sebaik-baiknya dan menolak dari beliau segala sesuatu yang jahat dan merbahaya. Kekuatan Ilahi inilah yang membutakan mata perisik-perisik Fir'aun dari melihat Musa. Kekuatan inilah yang mencabar Fir'aun dan bala tenteranya dengan cabaran yang terbuka. Kekuatan inilah yang menyerah Musa ke pangkuan Fir'aun atau memasukkannya ke Istana Fir'aun, malah kekuatan inilah yang membuat hati permaisuri Fir'aun terpikat kasih kepada Musa, sedangkan Fir'aun tidak dapat berbuat apa-apa terhadap beliau, kerana Musa sentiasa terpelihara dari segala gangguan dan beliau dapat menghindari apa yang ditakutinya dengan dirinya sendiri.

Kisah yang kedua mendedahkan nilai harta kekayaan dan di sampingnya ialah nilai ilmu pengetahuan, iaitu harta kekayaan Qarun yang mempesonakan orang ramai apabila dia keluar menemui mereka dengan pakaiannya yang indah. Mereka semua tahu bahawa Qarun dikurniakan harta kekayaan yang amat banyak hingga anak-anak kunci gedung-gedung kekayaannya sahaja tidak dapat dipikul oleh sekumpulan lelaki yang gagah, juga ilmu pengetahuan yang dibangga-banggakan oleh Qarun. Dia mengira bahawa dengan sebab dan dengan perantaraan ilmu pengetahuannya dia dikurniakan kekayaan yang amat banyak itu. Tetapi orang-orang yang dikurniakan ilmu pengetahuan yang betul dari kalangan kaumnya tidak terpesona dengan harta kekayaan yang banyak. Mereka juga tidak terpesona dengan pakaian-pakaiannya yang cantik, malah mereka lebih ingin mendapat pahala dari Allah kerana mereka tahu pahala itu lebih baik dan lebih kekal. Kemudian qudrat Allah campurtangan menjadikan Qarun dan istananya di telan bumi. Harta kekayaan dan ilmu pengetahuannya tidak dapat memberi apa-apa pertolongan kepadanya. Qudrat Allah telah bertindak campurtangan secara langsung dan terbuka sebagaimana ia telah bertindak campurtangan dalam urusan Fir'aun, lalu menghumbankannya dan bala tenteranya ke dalam laut dan dia termasuk dalam golongan mereka yang mati lemas.

Fir'aun telah bertindak zalim terhadap Bani Israel dan menggunakan kuasa pemerintahannya dengan sewenang-wenang. Qarun juga telah melakukan penganiayaan terhadap mereka dan bermaharajalela menggunakan kuasa ilmu pengetahuan dan harta kekayaannya. Akibat yang diterima oleh kedua-duanya juga satu. Yang ini ditelan bumi bersama-sama dengan istananya, dan yang itu ditelan lautan bersama-sama bala tenteranya sedangkan di sana tidak ada kuasa dari kuasa-kuasa bumi yang bangkit menentang kuasa maharajalela dan kezaliman itu, kerana itu qudrat Allah bertindak campurtangan secara terbuka untuk membendung kezaliman dan kerosakan ketika kuasa manusia tidak berupaya untuk menentang kezaliman dan kerosakan itu.

Kisah Fir'aun dan kisah Qarun ini telah membuktikan iaitu apabila kejahatan dan kerosakan itu bermaharajalela dan apabila kebaikan itu menjadi begitu lemah dan tidak berupaya, apabila penindasan dengan kuasa dan dengan harta kekayaan itu begitu digeruni manusia, maka pada masa inilah qudrat Allah bertindak campurtangan dan mencabar secara terbuka tanpa berselindung di sebalik makhluk dan tanpa bersebabkan dengan mana-mana kekuatan

bumi untuk membendung kejahatan dan kerosakan itu.[1]

Di antara dua kisah ini, Al-Qur'an membawa kaum Musyrikin meninjau di dalam beberapa penjelajahan untuk memperlihatkan kepada mereka maksud-maksud dari kisah-kisah yang disebut di dalam Surah al-Qasas ini dan untuk membuka mata mereka supaya melihat bukti-bukti kekuasaan Allah yang bertaburan, sekali di dalam pemandanga-pemandangan alam buana, sekali pula di dalam peristiwa-peristiwa kebinasaan yang telah menimpa umat-umat yang dahulu kala dan sekali lagi di dalam pemandangan-pemandangan Qiamat, dan semuanya menguatkan pengajaran-pengajaran dan contoh teladan yang dapat diambil dari kisah-kisah itu dan semuanya selaras dengan kisah-kisah itu, juga semuanya menguatkan adanya Sunnatullah yang tidak pernah mungkir dan tidak pernah berubah di sepanjang zaman. Kaum Musyrikin pernah berkata kepada Rasulullah s.a.w.:

وَقَالُوٓا۟ إِن نَّتَّبِعِ ٱلْهُدَىٰ مَعَكَ نُتَخَطَّفْ مِنْ أَرْضِنَآ ۚ

"Dan mereka berkata: Jika kami mengikut hidayat (agama Islam) bersama engkau nescaya kami akan diusir keluar dari negeri kami."(57)

Yakni mereka menguzurkan diri dari mengikut hidayat dengan alasan mereka takut diusir dan dirampas oleh orang lain jika mereka meninggalkan 'aqidah agama mereka yang lama itu, kerana dengan 'aqidah inilah orang-orang Arab yang lain tunduk kepada mereka, memuliakan Baitil-Haram dan menta'ati mereka yang menjaga urusannya.

Justeru itu Allah menceritakan kepada mereka di dalam surah ini kisah Musa dan Fir'aun untuk menunjukkan kepada mereka di manakah keamanan dan di manakah ketakutan yang sebenar dan untuk mengajar mereka bahawa keamanan yang sebenar hanya wujud di dalam perdampingan dengan Allah walaupun tidak terdapat segala punca keamanan yang lahir yang diakui manusia, dan bahawa ketakutan itu adalah wujud apabila manusia berjauhan dari perdampingan dengan Allah walaupun di sana terdapat berbagai-bagai punca keamanan yang lahir yang diakui manusia. Allah juga telah menceritakan kepada mereka kisah Qarun yang menjelas dan menguatkan hakikat ini di dalam sebuah gambaran yang lain.

Perkataan mereka telah dijawab oleh Allah:

أَوَلَمْ نُمَكِّن لَّهُمْ حَرَمًا ءَامِنًا يُجْبَىٰٓ إِلَيْهِ ثَمَرَٰتُ
كُلِّ شَىْءٍ رِّزْقًا مِّن لَّدُنَّا وَلَٰكِنَّ أَكْثَرَهُمْ لَا
يَعْلَمُونَ ﴿٥٧﴾

"Bukankah Kami memberikan mereka kedudukan yang teguh di tanah suci yang aman, di mana segala macam buah-buahan dibawa kepadanya sebagai rezeki dari kurniaan Kami, tetapi kebanyakan mereka tidak mengetahui?"(57)

Yakni Allah mengingatkan mereka bahawa Dialah yang mengamankan mereka dari ketakutan, dan Dialah yang telah menjadikan untuk mereka tanah suci yang aman damai ini, dan Dialah juga yang berkuasa mengekalkan keamanan itu untuk mereka atau menghapuskannya dari mereka. Kemudian Allah terus memberi amaran kepada mereka terhadap akibat dari sikap mereka yang angkuh dan tidak bersyukur:

وَكَمْ أَهْلَكْنَا مِن قَرْيَةٍۭ بَطِرَتْ مَعِيشَتَهَا ۖ فَتِلْكَ
مَسَٰكِنُهُمْ لَمْ تُسْكَن مِّنۢ بَعْدِهِمْ إِلَّا قَلِيلًا ۖ
وَكُنَّا نَحْنُ ٱلْوَٰرِثِينَ ﴿٥٨﴾

"Berapa banyak penduduk negeri-negeri yang angkuh di dalam kehidupannya telah Kami binasakannya. Itulah tempat-tempat kediaman mereka yang masih belum lagi didiami orang selepas mereka melainkan sedikit sahaja, dan Kamilah yang menjadi para pewarisnya."(58)

Kemudian Allah menakutkan mereka terhadap akibat kekafiran mereka setelah dia memaafkan mereka dan mengutuskan Rasul kepada mereka, kerana menurut Sunnatullah yang telah berjalan sebelum ini ialah setiap kaum yang mendustakan ajaran yang benar akan dibinasakan Allah setelah diutuskan Rasul kepada mereka:

وَمَا كَانَ رَبُّكَ مُهْلِكَ ٱلْقُرَىٰ حَتَّىٰ يَبْعَثَ فِىٓ
أُمِّهَا رَسُولًا يَتْلُوا۟ عَلَيْهِمْ ءَايَٰتِنَا ۚ وَمَا كُنَّا مُهْلِكِى

---

[1] Sebelum ini saya telah berkata dalam tafsir Surah Taha juzu' yang keenam belas: "Sewaktu Bani Israel membayar cukai kehinaan kepada Fir'aun yang telah membunuh anak-anak lelaki mereka dan mengekalkan anak-anak perempuan mereka, qudrat Allah tidak bertindak campurtangan untuk mengaturkan peperangan dengan Fir'aun, kerana mereka hanya membayar cukai ini semata-mata kerana lemah dan takut sahaja, tetapi apabila orang-orang yang beriman kepada Musa itu sanggup mengisytiharkan keimanan yang tersemat di dalam hati mereka dan bersedia untuk menanggung penyeksaan yakni apabila mereka sanggup mengumumkan keimanan mereka dengan suara yang lantang dan dengan kepala yang terangkat dan sanggup menentang Fir'aun tanpa teragak-agak, tanpa merasa keberatan dan tanpa hendak menghindari penyeksaan, maka pada masa inilah qudrat Allah bertindak campurtangan untuk mengendalikan peperangan dan mengisytiharkan kemenangan yang telah dicapai sebelum ini di dalam alam roh dan hati". Apa yang saya katakan di sini adalah lebih betul berdasarkan penerangan kisah di dalam surah ini walaupun apa yang saya telah katakan di dalam Surah Taha itu mempunyai tempatnya dengan mengubahkan ibaratnya sahaja, kerana qudrat Allah itu telah bertindak campurtangan dari awal lagi untuk mengendalikan peperangan itu, tetapi kemenangan akhir tidak terlaksana melainkan setelah orang-orang yang beriman kepada kerasulan Musa itu sanggup mengisytiharkan keimanan yang tersemat di dalam hati mereka dan mengumumkan kalimat yang benar di hadapan kuasa Fir'aun yang zalim dan angkuh itu.

ٱلْقُرَىٰٓ إِلَّا وَأَهْلُهَا ظَٰلِمُونَ ﴿٥٩﴾

"Dan Tuhanmu tidak pernah membinasakan negeri-negeri sehingga Dia bangkitkan di ibu kotanya seorang Rasul yang membaca kepada mereka ayat-ayat Kami, dan Kami tidak pernah membinasakan negeri-negeri melainkan apabila penduduk-penduduknya melakukan kezaliman."(59)

Kemudian Allah menayangkan kepada mereka pemandangan keadaan mereka pada hari Qiamat, di mana para sekutu mereka telah berlepas tangan dari mereka di hadapan khalayak yang ramai. Dengan ini Dia memperlihat-kan azab Akhirat kepada mereka setelah mengingatkan mereka terhadap azab seksa di dunia dan setelah mengajar mereka di manakah ketakutan yang sebenar dan di manakah keamanan yang sebenar.

Kemudian surah ini berakhir dengan sebuah janji dari Allah kepada Rasul-Nya yang mulia ketika beliau diusir keluar dari Makkah dan diburu oleh kaum Musyrikin, iaitu (Dia menyatakan kepada beliau) bahawa Allah yang telah menurunkan Al-Qur'an kepada beliau supaya melaksanakan tugas-tugasnya itu pasti akan mengembalikan beliau semula ke negerinya dan pasti akan menolongnya untuk menewaskan 'aqidah syirik dan penganut-penganutnya. Allah telah mengurniakan kepada beliau ni'mat kerasulan yang tidak pernah diimpikan olehnya dan Allah akan mengurniakan pula kepada beliau ni'mat kemenangan dan pulang semula ke negerinya, di mana beliau telah diusir keluar darinya oleh kaum Musyrikin. Beliau akan pulang dengan aman, pulang sebagai orang yang menang dan mendapat sokongan yang kuat. Di dalam kisah-kisah yang tersebut di dalam surah ini juga terdapat contoh-contoh yang menjamin dan menguatkan janji itu, kerana Nabi Musa a.s. juga telah selamat kembali semula ke negeri Mesir, di mana beliau keluar melarikan diri darinya kerana takut dan diburu. Beliau telah dapat kembali semula ke Mesir dan dapat mengeluarkan Bani Israel dari negeri itu bersama beliau dan menyelamatkan mereka. Sementara Fir'aun dan bala tenteranya telah binasa di tangan Musa dan kaumnya yang selamat.

Janji ini diakhiri dan bersamanya diakhiri juga surah ini dengan nada kenyataan yang akhir:

وَلَا تَدْعُ مَعَ ٱللَّهِ إِلَٰهًا ءَاخَرَ لَآ إِلَٰهَ إِلَّا هُوَ كُلُّ شَىْءٍ
هَالِكٌ إِلَّا وَجْهَهُۥ لَهُ ٱلْحُكْمُ وَإِلَيْهِ تُرْجَعُونَ ﴿٨٨﴾

"Dan janganlah engkau sembah di samping Allah sebarang tuhan yang lain. Tiada Tuhan melainkan Dia. Segala sesuatu adalah binasa belaka kecuali Wajhullah, Dialah yang memiliki (teraju) keputusan dan kepada Dialah kamu kelak dikembali."(88)

Inilah maudhu' surah ini, suasana-suasana dan bayangan-bayangan umumnya sekarang marilah kita hurai-kan keempat-empat bahagiannya satu persatu iaitu kisah Musa dan ulasannya, kisah Qarun dan janji yang akhir ini.

******

(Pentafsiran ayat-ayat 1 - 6)

Surah ini dimulakan dengan huruf-huruf potongan:

طسٓمٓ ﴿١﴾
تِلْكَ ءَايَٰتُ ٱلْكِتَٰبِ ٱلْمُبِينِ ﴿٢﴾

"Taa, Siin, Miim(1). Itulah ayat-ayat kitab suci Al-Qur'an yang amat jelas."(2)

Surah ini dimulakan dengan huruf-huruf ini untuk menongatkan bahawa dari huruf-huruf inilah digubahkan ayat-ayat Al-Qur'an yang amat jelas, yang amat tinggi darjatnya dan amat jauh bezanya dengan karangan-karangan yang biasa digubahkan dengan huruf-huruf ini dalam bahasa pengungkapan manusia yang fana: **"Itulah ayat-ayat kitab suci Al-Qur'an yang amat jelas."**

Kitab suci Al-Qur'an yang amat jelas ini bukannya dari ciptaan dan gubahan manusia kerana mereka tidak berupaya menggubahkannya, malah Al-Qur'an ini adalah wahyu yang dibacakan Allah kepada hamba kesayangan-Nya. Pada Al-Qur'an inilah dapat dilihat dengan jelas gubahan Allah yang melemahkan manusia sebagaimana dapat dilihat dengan jelas ciri kebenarannya yang telah membezakan gubahan Allah ini dalam (segala kenyataannya) besar dan kecil:

نَتْلُوا۟ عَلَيْكَ مِن نَّبَإِ مُوسَىٰ وَفِرْعَوْنَ بِٱلْحَقِّ
لِقَوْمٍ يُؤْمِنُونَ ﴿٣﴾

"Kami bacakan kepadamu sebahagian dari cerita Musa dan Fir'aun dengan benar untuk golongan orang-orang yang beriman."(3)

Kitab suci Al-Qur'an ini adalah ditujukan Allah kepada orang-orang yang beriman, kerana dengan kitab inilah Allah mendidik dan membangunkan mereka, menggaris dan membuka jalan hidup mereka. Semua kisah-kisah yang dibacakan di dalam surah ini adalah ditujukan kepada orang-orang yang beriman, kerana merekalah orang-orang yang dapat mengambil manfa'at darinya.

Pembacaan secara langsung dari Allah ini membayang-kan betapa besarnya 'inayah dan perhatian Allah terhadap kaum Mu'minin, juga menyedarkan mereka terhadap nilai dan darjat mereka yang besar, tinggi dan luhur. Bagaimana tidak? Sedangkan Allah yang Maha Besar sendiri membaca kitab suci Al-Qur'an kepada Rasul-Nya kerana mereka. Sifat mereka sebagai kaum Mu'minin itulah yang melayakkan mereka menerima 'inayah Allah yang limpah itu. (Inilah maksud ungkapan) **"untuk orang-orang yang beriman."**

Selepas kata pembukaan ini, Al-Qur'an terus memulakan pembentangan cerita Musa dan Fir'aun. Dari awal cerita lagi ia membentangkan babak kelahiran Musa dan ini tidak pernah dibuat di dalam mana-mana surah yang lain dari berbagai-bagai surah yang menyebut kisah Musa. Ini disebabkan kerana cerita babak pertama kisah Musa dan suasana-suasana kejam di masa kelahirannya, juga kedudukannya di masa bayi yang tidak mempunyai sebarang kekuatan dan daya upaya dan kedudukan kaumnya yang lemah dan hina-dina di tangan Fir'aun itulah yang menjadi matlamat utama surah ini. Cerita inilah yang mendedahkan bagaimana qudrat Allah bertindak campurtangan membuat cabaran yang terbuka dan bertindak sendirian sahaja tanpa berselindung di sebalik manusia untuk menghentam kezaliman dan kemaharajalelaan dengan hentamannya secara langsung ketika manusia tidak berupaya untuk menghentamkannya dan untuk menolong golongan orang-orang yang lemah, yang tidak mempunyai kekuatan dan daya upaya, dan seterusnya untuk memantapkan kedudukan golongan yang terseksa yang selama ini tidak mempunyai daya upaya dan sebarang perlindungan. Inilah pengertian yang perlu disematkan di dalam hati golongan Muslimin yang kecil dan lemah di negeri Makkah, dan inilah pengertian yang perlu diketahui dan diyakini kaum Musyrikin yang ramai, zalim dan bermaharajalela itu.

Pembentangan Kisah Musa

Di dalam surah-surah yang lain kisah Nabi Musa a.s. biasanya dimulakan dari babak menjadi R asul bukannya dari babak masa kelahirannya, iaitu dimulakan ketika keimanan yang kuat menentang kezaliman, kemudian pada akhirnya keimanan mendapat kemenangan dan kezaliman mendapat kekalahan, tetapi pengertian ini tidaklah dimaksudkan di sini, malah apa yang hendak diterangkan di sini ialah apabila kejahatan itu telah bermaharajalela, maka ia sendiri membawa sebab yang akan membinasakannya, dan apabila kezaliman itu bertindak sewenang-wenang, maka ia tidak memerlukan kepada manusia untuk menentangnya, malah qudrat Allah akan bertindak campurtangan menolong golongan yang lemah dan tercabul itu serta menyelamatkan mereka dan menyelamatkan sifat-sifat yang baik yang ada pada mereka, juga mendidik mereka dan menjadikan mereka para pemimpin dan para pewaris.

Inilah tujuan dibentangkan kisah Musa di dalam surah ini. Oleh sebab itulah kisah Musa itu dibentangkan dari babak yang menyampaikan kepada tujuan ini. Cara penceritaan sesuatu kisah di dalam Al-Qur'an adalah ditundukkan kepada tujuan yang dimaksudkan dengan penceritaan itu, kerana kisah itu merupakan alat untuk mendidik jiwa manusia dan merupakan sarana untuk menjelaskan konsep-konsep, hakikat-hakikat dan dasar-dasar pokok. Kisah itu selaras dengan penerangan ayat yang membentangkannya. Ia bekerjasama membina hati manusia dan membina hakikat-hakikat yang menghidupkan hati itu.

Babak-babak kisah Nabi Musa a.s. yang dibentangkan di sini ialah babak kelahiran beliau dan suasana-suasana kejam yang menyelubungi kelahirannya, juga cara pemeliharaan dan 'inayah Allah yang menemani kelahirannya, dan babak zaman mudanya dan ni'mat-ni'mat kebijaksanaan dan ilmu pengetahuan yang dikurniakan Allah kepada beliau, juga peristiwa pergaduhan, di mana beliau telah membunuh seorang Qibti dan bagaimana Fir'aun dan kuncu-kuncunya merancangkan pakatan untuk membunuhnya, dan bagaimana beliau melarikan diri dari negeri Mesir ke negeri Madyan, di mana beliau mendirikan rumahtangga dan bekerja bertahun-tahun lamanya, dan babak beliau diseru Allah dan, ditugas menjadi Rasul dan bagaimana beliau menentang Fir'aun dan kuncu-kuncunya dan bagaimana mereka mendustakan beliau dan saudaranya Harun, dan akibat yang akhir ialah mereka telah mati lemas di dalam laut. Demikianlah ringkasan sepintas lalu.

Al-Qur'an telah memanjangkan penceritaannya semasa membentangkan babak yang pertama dan babak yang kedua. Kedua-duanya merupakan dua babak yang baru di dalam kisah Musa di dalam surah ini kerana kedua-dua babak inilah yang mendedahkan bagaimana qudrat Allah telah mencabar Fir'aun yang zalim itu secara terbuka, dan di sini nampak jelas kelemahan kekuatan Fir'aun, tipu dayanya dan sikapnya yang hati-hati untuk menolak qadha', dan qadar Ilahi terhadapnya:

وَنُرِيَ فِرْعَوْنَ وَهَـٰمَـٰنَ وَجُنُودَهُمَا مِنْهُم مَّا كَانُوا۟ يَحْذَرُونَ ﴿٦﴾

"Dan Kami mahu menunjukkan kepada Fir'aun dan Haman serta bala tentera duaka akibat yang ditakuti mereka."(6)

Mengikut cara Al-Qur'an dalam membentangkan kisah Musa, ia telah membahagikannya kepada beberapa pemandangan dan mengadakan di antara pemandangan-pemandangan itu ruang-ruang kosong yang seni untuk dipenuhi sendiri oleh daya imaginasi pembaca, dengan ini pembaca tidak terluput sedikit pun dari peristiwa-peristiwa dan pemandangan-pemandangan yang ditinggal di antara pemandangan-pemandangan itu, di samping dapat meni'mati harakat daya imaginasi mereka yang hidup.

Babak pertama ditayangkan di dalam lima pemandangan, dan babak yang kedua di dalam sembilan pemandangan, dan babak yang ketiga di dalam empat pemandangan. Di antara satu babak ke satu babak terdapat ruang kosong yang besar atau kecil, begitu juga di antara satu pemandangan ke satu pemandangan dilabuh dan diangkatkan tirai untuk menutup suatu pemandangan atau adegan.

Sebelum Al-Qur'an memulakan kisah Musa itu, ia lebih dahulu melukiskan gambaran suasana tempat berlakunya peristiwa-peristiwa dan kisah-kisah itu. Ia

juga mendedahkan tujuan yang tersembunyi di sebalik peristiwa-peristiwa itu, iaitu tujuan yang kerananya dibentangkan kisah-kisah itu. Ini adalah salah satu cara dari cara-cara Al-Qur'an dalam membentangkan kisah yang sesuai dengan maudhu' dan matlamat-matlamatnya di tempat ini di dalam Al-Qur'an:

إِنَّ فِرْعَوْنَ عَلَا فِي ٱلْأَرْضِ وَجَعَلَ أَهْلَهَا شِيَعًا
يَسْتَضْعِفُ طَآئِفَةً مِّنْهُمْ يُذَبِّحُ أَبْنَآءَهُمْ وَيَسْتَحْيِۦ
نِسَآءَهُمْ ۚ إِنَّهُۥ كَانَ مِنَ ٱلْمُفْسِدِينَ ﴿٤﴾
وَنُرِيدُ أَن نَّمُنَّ عَلَى ٱلَّذِينَ ٱسْتُضْعِفُوا۟ فِي ٱلْأَرْضِ
وَنَجْعَلَهُمْ أَئِمَّةً وَنَجْعَلَهُمُ ٱلْوَٰرِثِينَ ﴿٥﴾
وَنُمَكِّنَ لَهُمْ فِي ٱلْأَرْضِ وَنُرِىَ فِرْعَوْنَ وَهَٰمَٰنَ
وَجُنُودَهُمَا مِنْهُم مَّا كَانُوا۟ يَحْذَرُونَ ﴿٦﴾

"Sesungguhnya Fir'aun telah bermaharajalela di bumi dan menjadikan penduduknya berpecahbelah kepada berbagai-bagai puak. Dia menindaskan segolongan mereka dengan menyembelih anak-anak lelaki mereka dan hanya membiarkan anak-anak perempuan mereka sahaja yang hidup. Sesungguhnya dia adalah dari golongan manusia perosak(4). Dan Kami hendak memberi limpah kurnia Kami kepada orang-orang yang tertindas di bumi dan hendak menjadikan mereka pemimpin-pemimpin, juga menjadikan mereka para pewaris(5). Dan Kami mahu memantapkan kedudukan mereka di bumi dan Kami mahu menunjukkan kepada Fir'aun dan Haman serta bala tentera duaka akibat yang ditakuti mereka."(6)

Demikianlah Al-Qur'an menggambarkan panggung peristiwa-peristiwa itu dan mendedahkan tangan qudrat Ilahi yang mengarahkan peristiwa-peristiwa itu di samping mendedahkan tujuan yang dikehendaki-Nya. Pendedahan tangan qudrat Ilahi dengan jelas tanpa sebarang tadbir sejak detik pertama itu memanglah diatur di dalam penayangan seluruh kisah ini dan memanglah sesuai dengan matlamatnya yang paling nyata. Oleh sebab itulah kisah ini dimulakan seperti ini. Inilah salah satu dari keindahan penyampaian Al-Qur'an yang amat mengkagumkan itu.

Tidaklah diketahui secara pasti siapakah Fir'aun yang berlaku peristiwa-peristiwa ini di zamannya. Penentuan tarikh itu bukanlah menjadi salah satu dari matlamat kisah-kisah Al-Qur'an, dan ia juga tidak menambahkan apa-apa kepada maksud kisah itu. Bagi kita cukuplah dengan mengetahui bahawa zaman Fir'aun ini berlangsung selepas zaman Nabi Yusuf a.s. yang telah menjemput ayahandanya dan saudara-saudaranya (tinggal di Mesir). Ayahanda beliau ialah Nabi Ya'kub a.s. Dialah yang digelarkan "Israel", dan mereka sekalian adalah dari zuriat keturunannya. Mereka membiak begitu ramai di negeri Mesir hingga menjadi satu bangsa yang besar.

Kewujudan Bani Israel Merupakan Ancaman Kepada Kerajaan Fir'aun

Fir'aun yang zalim itu telah bermaharajalela di negeri Mesir. Dia berlagak sombong dan sewenang-wenang. Dia telah memecahbelahkan penduduk Mesir kepada berbagai-bagai puak. Setiap puak ditugas menjalankan satu urusan dari urusan-urusan baginda. Penindasan dan kezaliman yang paling dahsyat telah dilakukan baginda ke atas Bani Israel kerana mereka mempunyai 'aqidah yang berlainan dari 'aqidah Fir'aun dan kaumnya. Mereka menganut agama moyang mereka Nabi Ibrahim a.s. dan agama bapa mereka Nabi Ya'kub a.s. Walau bagaimanapun kerosakan dan penyelewengan yang telah menimpa 'aqidah mereka, namun 'aqidah mereka masih kekal dengan dasar kepercayaan kepada Tuhan Yang Tunggal dan menolak ketuhanan Fir'aun dan kepercayaan paganisme yang dianut Fir'aun.

Fir'aun yang zalim itu merasa bahawa di sana ada ancaman yang mengancam keselamatan singgahsana dan kerajaannya. Ancaman itu timbul dengan sebab adanya puak Bani Israel di negeri Mesir. Baginda tidak berupaya untuk mengusir mereka kerana mereka merupakan satu kaum yang besar, yang berjumlah ratusan ribu. Mereka mungkin menjadi, musuhnya jika mereka berpakat dengan negeri-negeri jiran yang selalu berperang dengan kerajaan Fir'aun itu. Oleh sebab itulah baginda merancangkan satu cara yang ganas dan jahat untuk menghapuskan ancaman bahaya dari kaum Bani Israel yang tidak menyembahnya dan tidak pula mempercayai ketuhanannya. Cara itu ialah memaksa kaum Bani Israel melakukan kerja-kerja yang berat dan sukar, menghina dan menyeksakan mereka dengan berbagai-bagai keseksaan dan selepas itu membunuh bayi-bayi lelaki mereka ketika dilahirkan ke dunia dan hanya bayi-bayi perempuan sahaja yang dibenarkan hidup supaya bilangan lelaki mereka tidak bertambah ramai. Akibatnya kekuatan mereka akan menjadi lemah dengan sebab kurangnya bilangan lelaki dan bertambahnya bilangan perempuan di samping penindasan dan penderaan yang dilakukan ke atas mereka.

Fir'aun Membunuh Bayi-bayi Lelaki Bani Israel

Menurut cerita, Fir'aun telah menyerahkan perempuan-perempuan Bani Israel yang hamil kepada bidan-bidan yang akan menyampaikan berita kelahiran anak-anak mereka kepada baginda supaya anak-anak lelaki mereka dapat dibunuh dengan segera, iaitu sebaik sahaja mereka dilahirkan ke dunia mengikut perancangannya yang ganas dan jahat, yang sama sekali tidak menaruh belas kasihan terhadap kanak-kanak yang tidak berdosa dan bersalah itu.

Inilah suasana-suasana, di mana berlakunya kisah Nabi Musa a.s. ketika beliau dilahirkan ke dunia ini sebagaimana diceritakan di dalam surah ini:

وَنُرِيدُ أَن نَّمُنَّ عَلَى ٱلَّذِينَ ٱسْتُضْعِفُوا۟ فِى ٱلْأَرْضِ
وَنَجْعَلَهُمْ أَئِمَّةً وَنَجْعَلَهُمُ ٱلْوَٰرِثِينَ ﴿٥﴾

"Sesungguhnya Fir'aun telah bermaharajalela di bumi dan menjadikan penduduknya berpecahbelah kepada berbagai-bagai puak. Dia menindaskan segolongan mereka dengan menyembelihkan anak-anak lelaki mereka dan hanya membiarkan anak-anak perempuan mereka sahaja yang hidup. Sesungguhnya dia adalah dari golongan manusia perosak."(4)

Tetapi apa yang dikehendaki Allah berlainan dari kehendak Fir'aun, dan apa yang diatur Allah tidak sama dengan apa yang diaturkan maharaja yang zalim itu. Pemerintah-pemerintah yang zalim dan bermaharajalela itu selalu tertipu dengan kekuatan, kekuasaan dan tipu helah mereka hingga mereka lupakan kehendak dan taqdir Allah. Mereka fikir mereka bebas memilih apa sahaja yang mereka suka untuk diri mereka dan untuk musuh-musuh mereka. Mereka fikir mereka berkuasa membuat itu dan ini.

Di sini Allah mengumumkan iradat-Nya dan mendedahkan tadbir-Nya, serta mencabar Fir'aun, Haman dan bala tentera keduanya bahawa semua langkah berjaga-jaga mereka tidak berguna sedikitpun kepada mereka:

وَنُرِيدُ أَن نَّمُنَّ عَلَى ٱلَّذِينَ ٱسْتُضْعِفُوا۟ فِى ٱلْأَرْضِ
وَنَجْعَلَهُمْ أَئِمَّةً وَنَجْعَلَهُمُ ٱلْوَٰرِثِينَ ﴿٥﴾

"Dan Kami hendak memberi limpah kurnia Kami kepada orang-orang yang tertindas di bumi dan hendak menjadikan mereka pemimpin-pemimpin, juga menjadi-kan mereka para pewaris."(5)

Golongan Bani Isarel yang lemah telah diperlakukan oleh Fir'aun yang zalim dengan sewenang-wenang mengikut hawa nafsunya yang keji, anak-anak lelaki mereka di bunuh dan hanya anak-anak perempuan mereka sahaja yang dibenarkan hidup. Mereka diazab dengan berbagai-bagai penindasan dan penyeksaan, namun demikian, baginda merasa takut dan bimbang terhadap mereka, kerana mereka mungkin mengancam keselamatan dirinya dan kerajaannya. Oleh kerana itu baginda mengadakan perisik-perisik dan mata-mata gelap untuk mengintip mereka. Baginda sentiasa mengesan kelahiran anak-anak lelaki mereka untuk diserahkan kepada mata pisau tukang sembelih. Tetapi golongan yang lemah inilah yang dikehendaki Allah untuk dikurniakan ni'mat-ni'mat pemberian-Nya yang tidak terbatas, untuk menjadikan mereka pemimpin-pemimpin bukannya hamba-hamba dan pak turut-pak turut, untuk menjadikan mereka pewaris negeri yang diberkat Allah (negeri ini telah dikurniakan kepada mereka setelah mereka menunjukkan keimanan dan kelayakan yang mewajarkan mereka mewarisinya) dan untuk memantapkan kedudukan mereka supaya mereka kuat, teguh dan aman tenteram dan untuk merealisasikan apa yang ditakuti dan dibimbangi Fir'aun, Haman dan bala tentera keduanya tanpa disedari mereka.

Demikianlah pengumuman yang dibuat oleh ayat ini sebelum ia memulakan cerita Musa itu sendiri. Ia mengumumkan apa yang berlaku di alam kenyataan dan apa yang telah direncanakan Allah pada masa depan supaya kedua-dua kekuatan itu berdepan satu sama lain, iaitu kekuatan Fir'aun yang angkuh, yang dipandang begitu gagah oleh manusia dan kekuatan Allah yang haqiqi dan agung, di mana segala kekuatan zahir yang menggerunkan manusia akan roboh dan tumbang.

Dengan pengumuman ini ia melukiskan pentas kisah Musa itu sebelum ia mula menayangkannya. Ini membuat hati begitu tertarik dengan peristiwa-peristiwanya dan dengan perkembangan-perkembangan yang akan mengakhiri kisah ini dan bagaimana kisah itu akan sampai kepada penghabisan yang telah diumumkannya sebelum dimulakan kisah itu.

Justeru itu kisah Musa ini begitu hidup seolah-olah ia ditayangkan buat kali yang pertama, kerana kisah ini adalah sebuah kisah yang sedang ditayangkan babak-babaknya bukannya sebuah hikayat yang telah berlalu di dalam sejarah. Inilah keistimewaan cara penyampaian Al-Qur'an pada umumnya.

******

(Pentafsiran ayat-ayat 7 - 13)

Kemudian kisah itu pun dimulakan. Cabaran Allah juga turut dimulakan dan qudrat Ilahi kelihatan bertindak campurtangan secara terbuka tanpa berlindung di sebalik tadbir.

Nabi Musa a.s. telah dilahirkan di dalam suasana-suasana kejam yang telah dilukiskan oleh Al-Qur'an sebelum dimulakan kisah ini. Beliau dilahirkan di dalam kepungan bahaya ancaman maut sedang menoleh kepadanya dan mata pisau sedang dihulur ke atas lehernya untuk memenggal kepalanya.

Kini ibu beliau sedang mengelamun dalam keadaan bingung. Dia tidak tahu bagaimana dia harus lakukan terhadap anaknya. Dia takut dan bimbang terhadap keselamatannya. Dia takut berita kelahirannya akan sampai kepada para pertanda. Dia merasa menggigil jika kepala anaknya dipenggal pisau. Kini dia sedang memeluk anaknya yang kecil dengan hati yang cemas. Dia merasa begitu lemah untuk melindunginya dan begitu lemah untuk menyembunyikannya. Dia tidak mampu untuk menahan suara semulajadi anaknya supaya tidak diketahui orang dan dia tidak mampu mengajar sesuatu helah dan cara menyelamatkan diri kepada anaknya. Kini ibunya terpisah sendirian, begitu lemah, malang dan miskin.

Di sinilah qudrat Ilahi bertindak campurtangan. Dia menghubungi si ibu yang cemas, gelisah dan takut dan mengilhamkan ke dalam hatinya langkah-langkah dan cara-cara bertindak yang harus dilakukannya:

Ibu Musa Diilhamkan Allah Bertindak Segera

وَأَوْحَيْنَآ إِلَىٰٓ أُمِّ مُوسَىٰٓ أَنْ أَرْضِعِيهِ ۖ فَإِذَا خِفْتِ
عَلَيْهِ فَأَلْقِيهِ فِى ٱلْيَمِّ وَلَا تَخَافِى وَلَا تَحْزَنِىٓ ۖ
إِنَّا رَآدُّوهُ إِلَيْكِ وَجَاعِلُوهُ مِنَ ٱلْمُرْسَلِينَ ⑦

"Dan Kami ilhamkan kepada ibu Musa: Susukanlah dia, dan jika engkau takutkan keselamatannya, maka hanyutkannya di dalam sungai dan janganlah engkau takut dan jangan pula bersedih hati kerana sesungguhnya Kami akan memulangkannya ke pangkuanmu kembali dan melantikkannya sebagai salah seorang dari para rasul.".(7)

Yakni wahai bonda Musa, susukannya! Jika engkau bimbangkan keselamatannya, sedangkan dia berada dalam pelukan dan jagaanmu, sedangkan tetekmu berada di dalam mulutnya dan sedangkan dia dibawah pandanganmu. jika engkau bimbangkan keselamatannya, maka **"hanyutnya ke dalam sungai."**

"Dan janganlah engkau takut dan janganlah pula bersedih hati" kerana anakmu berada di sini; di dalam sungai di bawah pengawasan qudrat Allah yang aman, di mana tidak harus timbul sebarang kebimbangan, kerana tidak ada ketakutan yang akan menghampiri kawasan perlindungan-Nya. Itulah qudrat yang telah menjadikan api (yang membakar Ibrahim) itu sejuk dan sentosa dan menjadikan laut (kepada Yunus) sebagai tempat perlindungan dan tempat tidur. Itulah qudrat yang membuat Fir'aun yang zalim dan bermaharajalela itu tidak berani mendekati kawasan perlindungan-Nya yang aman dan kukuh teguh.

"Sesungguhnya Kami akan memulangkan ke pangkuanmu kembali". Oleh itu engkau tidak perlu bimbang terhadap keselamatan hidupnya dan tidak perlu bersedih kerana berjauhan darinya, dan Kami akan **"Melantikkannya sebagai salah seorang dari para rasul".** Itulah berita baik untuk masa depannya dan janji Allah itu adalah amat benar.

Inilah pemandangan pertama kisah Musa, iaitu pemandangan bondanya yang sedang berada dalam keadaan cemas, gelisah dan sedih menerima perintah Ilahi yang mententeramkan hatinya di samping menyampaikan berita gembira yang meyakin dan menyenangkan fikirannya. Perintah Ilahi itu turun ke dalam hatinya yang resah membawa perasaan yang sejuk dan sentosa. Al-Qur'an tidak menceritakan bagaimana bonda Musa menerima perintah Allah dan bagaimana cara dia melaksanakan perintah itu, malah terus dilabuhkan tirai kemudian diangkat kembali dan tiba-tiba kita berdepan dengan pemandangan yang kedua:

Musa Menjadi Anak Angkat Fir'aun

فَٱلْتَقَطَهُۥٓ ءَالُ فِرْعَوْنَ لِيَكُونَ لَهُمْ عَدُوًّا
وَحَزَنًا ۗ إِنَّ فِرْعَوْنَ وَهَٰمَٰنَ وَجُنُودَهُمَا كَانُوا۟
خَٰطِـِٔينَ ⑧

"Lalu dia dipungut keluarga Fir'aun supaya menjadi musuh kepada mereka dan (punca) kedukacitaan (mereka). Sesungguhnya Fir'aun dan Haman serta bala tentera duaka adalah orang-orang yang bersalah."(8)

Inikah keamanan yang dikurniakan Ilahi? Inikah janji Ilahi? Inikah berita gembira yang disampaikan Ilahi?

Bukankah si ibu yang malang ini takut kepada keluarga Fir'aun? Bukankah dia bimbangkan rahsia anaknya terbuka kepada keluarga Fir'aun? Bukankah dia takutkan anaknya itu terjatuh ke dalam tangan keluarga Fir'aun?

Ya! Memang benar begitu! Tetapi itulah cabaran qudrat Ilahi yang mencabar secara terus terang dan terbuka. Ia mencabar Fir'aun, Haman dan angkatan bala tentera kedua-nya. Mereka mencari anak-anak lelaki yang diperanakkan oleh kaum Musa kerana takutkan ancaman terhadap keselamatan kerajaan, singgahsana dan diri mereka sendiri. Mereka menghantar mata-mata gelap dan pengintip-pengintip di dalam kalangan kaum Musa supaya tiada seorang bayi lelaki pun yang terlepas dari tangkapan mereka. Nah! Ini dia qudrat Ilahi menyerahkan ke tangan mereka seorang bayi lelaki tanpa susah payah dicari mereka. Dia bukan sebarang anak lelaki. Dia anak lelaki yang akan membinasakan seluruh mereka. Nah! Ini dia qudrat Ilahi menyerahkan kanak-kanak ini ke tangan mereka. Dia tidak mempunyai sebarang kekuatan dan daya upaya. Dia begitu lemah untuk mempertahankan dirinya walaupun untuk meminta pertolongan. Nah! Ini dia qudrat Ilahi membawa kanak-kanak itu ke dalam kubu Fir'aun yang zalim dan suka membunuh manusia dengan sewenang-wenang. Kini baginda tidak perlu bersusah payah mencari kanak-kanak itu di rumah-rumah kaum Bani Israel dan di dalam pelukan perempuan-perempuan mereka yang baru bersalin.

Kemudian nah! Ini dia qudrat Ilahi mengisytiharkan maksud dan tujuannya dengan terus terang dan mencabar:

لِيَكُونَ لَهُمْ عَدُوًّا وَحَزَنًا ۗ

"Supaya menjadi musuh kepada mereka dan (punca) kedukacitaan (mereka)."(8)

Yakni supaya kanak-kanak itu menjadi musuh yang menentang mereka dan punca kedukacitaan yang menimbul-kan duka nestapa di dalam hati mereka:

إِنَّ فِرْعَوْنَ وَهَٰمَٰنَ وَجُنُودَهُمَا كَانُوا۟
خَٰطِـِٔينَ ﴿٨﴾

"Sesungguhnya Fir'aun dan Haman serta bala tentera duaka adalah orang-orang yang bersalah."(8)

Tetapi bagaimana? Sedangkan kanak-kanak itu telah berada di dalam tangan mereka, tanpa sebarang kekuatan dan daya tenaga? Marilah kita tinggalkan kepada Al-Qur'an menjawabnya:

وَقَالَتِ ٱمْرَأَتُ فِرْعَوْنَ قُرَّتُ عَيْنٍ لِّى وَلَكَ ۖ لَا
تَقْتُلُوهُ عَسَىٰٓ أَن يَنفَعَنَآ أَوْ نَتَّخِذَهُۥ وَلَدًا وَهُمْ
لَا يَشْعُرُونَ ﴿٩﴾

"Dan berkatalah isteri Fir'aun: Dia menjadi cahaya mata kepada adinda dan kepada kekanda. Janganlah kamu bunuh dia. Semoga dia berguna kepada kita atau kita ambil dia sebagai anak angkat, sedangkan mereka tidak menyedari (akibatnya)."(9)

Yakni qudrat Ilahi telah memikatkan hati permaisuri Fir'aun mengasihi kanak-kanak itu setelah ia membawanya masuk ke dalam kubunya. Qudrat Ilahi telah melindung-kannya dengan kasih sayang permaisuri itu, iaitu melindungkannya dengan tadbir kasih yang halus, bukan dengan kekuatan senjata, bukan dengan kekuatan pangkat

kebesaran dan harta kekayaan. Ia melindungkannya dengan kekuatan kasih mesra di hati seorang perempuan. Hanya dengan kekuatan ini sahaja ia mencabar maharaja Fir'aun yang ganas, kasar, tamak dan hati-hati itu. Fir'aun itu terlalu hina dan kecil di sisi Allah dan kerana itu Dia tidak payah melindungkan kanak-kanak itu dari keganasan raja itu dengan suatu tadbir yang lain dari tadbir kasih yang amat halus itu.

"Dia menjadi cahaya mata kepada adinda dan kekanda", sedangkan kanak-kanak itu telah dibawa qudrat Ilahi kepada mereka dengan tujuan supaya menjadi musuh dan punca kedukacitaan kepada mereka kecuali permaisuri.

"Janganlah kamu bunuh dia" sedangkan di tangannya kelak Fir'aun dan bala tenteranya akan binasa.

"Semoga dia berguna kepada kita atau kita ambil dia sebagai anak angkat" sedangkan qudrat Ilahi telah menyembunyikan di sebalik kanak-kanak itu malapetaka yang ditakuti mereka selama ini.

"**Sedangkan mereka tidak menyedari (akibatnya).**"Itulah qudrat Ilahi yang mencabar dan mempermain-mainkan mereka tanpa disedari mereka.

Setakat ini berakhirlah pemandangan yang kedua dan tirai pun dilabuhkan sebentar.

Itulah cerita Musa. Bagaimana pula cerita ibunya yang duka nestapa dan bersedih hati?

وَأَصْبَحَ فُؤَادُ أُمِّ مُوسَىٰ فَٰرِغًا ۖ إِن كَادَتْ لَتُبْدِى
بِهِۦ لَوْلَآ أَن رَّبَطْنَا عَلَىٰ قَلْبِهَا لِتَكُونَ مِنَ
ٱلْمُؤْمِنِينَ ﴿١٠﴾

"Dan hati ibu Musa telah menjadi kosong, dan dia hampir-hampir membuka rahsianya sekiranya tidak Kami teguhkan hatinya supaya dia termasuk dalam golongan para Mu'minin."(10)

Dia telah mendengar perintah Ilahi lalu dia hanyutkan anaknya ke dalam sungai, tetapi ke manalah si anak itu? Adakah dia dipukul gelombang? Mungkin dia terus tertanya-tanya kepada dirinya sendiri: Bagaimana hatiku tergamak membuang anak kesayanganku ke dalam sungai? Bagaimana aku sanggup melakukan perbuatan yang tidak pernah dilakukan oleh seorang ibu yang lain sebelum ini? Bagaimana aku mencari keselamatannya dalam ketakutan ini? Bagaimana aku berserah kepada bisikan perintah yang aneh ini?

Al-Qur'an menggambarkan kepada kita hati ibu yang malang itu dengan satu gambaran" yang hidup, iaitu hatinya **"Menjadi kosong"** tidak mempunyai apa-apa fikiran dan kesedaran, tidak mampu berfikir dan bertindak.

"Dan dia hampir-hampir membuka rahsianya" dan mengumumkannya kepada orang ramai. Dia hampir-hampir hendak berpekik seperti orang gila: Aku telah membunuh dia. Aku telah membunuh anakku. Aku telah membuang anakku ke dalam sungai kerana mengikut perintah satu bisikan yang menakjubkan.

"Sekiranya tidak Kami teguhkan hatinya" dan menahankannya dari pengelamunan yang liar.

"Supaya dia termasuk dalam golongan para Mu'minin" yang percaya kepada janji Allah dan sabar menghadapi ujian-Nya dan berjalan mengikut hidayat-Nya.

Tetapi ibu Musa tidak berdiam diri dari berfikir dan berusaha:

وَقَالَتْ لِأُخْتِهِۦ قُصِّيهِ ۖ فَبَصُرَتْ بِهِۦ عَن جُنُبٍ
وَهُمْ لَا يَشْعُرُونَ ﴿١١﴾

"Dan berkatalah (ibu Musa) kepada saudara perempuan (Musa): Ikutilah dia! Lalu dia pun melihatnya dari jauh, sedangkan mereka tidak sedar."(11)

"Ikutilah dia" yakni carilah dan kesanilah dia dan dapatkan beritanya sama ada dia hidup atau dimakan

binatang laut atau binatang-binatang buas di daratan atau di mana sahaja tempat dia berhenti dan berlabuh!

Lalu kakaknya keluar mengesaninya dengan penuh hati-hati dan dengan perasaan yang cemas. Dia mencari beritanya di jalan-jalan dan di pasar-pasar, dan di sana dia mengetahui ke mana adiknya di bawa qudrat Ilahi yang menjaga keselamatannya itu. Dia melihat adiknya dari jauh dilindung oleh khadam-khadam Fir'aun yang sedang mencari penyusunya:

وَحَرَّمْنَا عَلَيْهِ ٱلْمَرَاضِعَ مِن قَبْلُ فَقَالَتْ هَلْ
أَدُلُّكُمْ عَلَىٰٓ أَهْلِ بَيْتٍ يَكْفُلُونَهُۥ لَكُمْ وَهُمْ
لَهُۥ نَٰصِحُونَ ﴿١٢﴾

"Dan Kami telah mencegahkannya (Musa) dari menyusui penyusu-penyusu yang lain sebelum itu. Lalu berkatalah saudara perempuan Musa: Mahukah kamu saya tunjukkan kepada kamu satu keluarga yang dapat memeliharakannya untuk kamu dan mereka adalah orang-orang yang jujur terhadapnya."(12)

Qudrat yang memeliharanya telah mengaturkan segala urusannya. Dengan bayi inilah ia memerangkapkan Fir'aun dan keluarganya. Ia mendorong mereka memungutnya dan menjadikan mereka kasih kepadanya. Ia menggerakkan mereka berusaha mencari seorang penyusu baginya. Ia menjadikan bayi itu enggan menyusui para penyusu yang dibawa kepadanya supaya mereka bingung dan serba salah memikirkannya. Dia tidak mahu menyusu setiap kali ditawarkan kepadanya, sedangkan mereka takut dia mati atau kurus kering sehingga dia dilihat oleh kakaknya dari jauh dan terus mengenalinya. Di sinilah qudrat Ilahi mem-buka peluang untuk memenuhi keinginan mereka hendak mencari seorang penyusu. Lalu dia pun berkata kepada mereka: **"Mahukah kamu saya tunjukkan kepada kamu satu keluarga yang dapat memeliharakannya untuk kamu dan mereka adalah orang-orang yang jujur terhadapnya"**. Mereka mendengar kata-katanya dengan gembira dan berharap bahawa apa yang dikatakannya itu benar supaya bayi kesayangan itu selamat.

Setakat ini berakhirlah pemandangan yang keempat dan kini kita dapati diri kita di hadapan pemandangan yang kelima dan terakhir di dalam babak ini iaitu pemandangan yang memperlihatkan si bayi yang hilang itu telah pulang ke pangkuan ibunya yang sedang berdukacita. Dia pulang dengan badan yang sihat walafiat dan dengan kedudukan yang tinggi, dilindungi oleh serimaharaja Fir'aun dan dipelihara oleh permaisuri baginda. Dia hidup aman damai, sedangkan di sekelilingnya penuh dengan peristiwa-peristiwa ganas yang menakutkan. Qudrat Ilahi telah mengaturkan babak pertama dari tadbir-Nya yang amat menarik:

فَرَدَدْنَٰهُ إِلَىٰٓ أُمِّهِۦ كَىْ تَقَرَّ عَيْنُهَا وَلَا تَحْزَنَ
وَلِتَعْلَمَ أَنَّ وَعْدَ ٱللَّهِ حَقٌّ وَلَٰكِنَّ أَكْثَرَهُمْ
لَا يَعْلَمُونَ ﴿١٣﴾

"Lalu Kami kembalikannya (Musa) ke pangkuan ibunya supaya hatinya senang dan tidak berdukacita dan supaya dia mengetahui bahawa janji Allah itu benar, tetapi kebanyakan mereka tidak mengetahui."(13)

******

(Pentafsiran ayat-ayat 14 - 28)

Selepas ini Al-Qur'an diam tidak menyebut peristiwa-peristiwa yang berlaku dalam tahun-tahun yang panjang di antara babak kelahiran Musa a.s. dengan babak zaman mudanya yang matang. Oleh itu kita tidak mengetahui apakah yang telah terjadi kepada beliau setelah dikembali-kan ke pangkuan ibunya supaya ia menyusukannya dan bagaimana beliau dididik di istana Fir'aun, dan bagaimana pula hubungan beliau dengan ibunya selepas tamat tempoh menyusu, bagaimana kedudukan beliau di istana atau di luar istana setelah beliau meningkat usia muda dan dewasa sehingga sampai ke zaman berlakunya peristiwa-peristiwa berikut di dalam babak yang kedua. Kita juga tidak mengetahui bagaimana perkembangan aqidahnya ketika beliau diletakkan Allah di bawah perhatian-Nya dan dilengkapkan untuk memikul tugas da'wah di tengah-tengah para penyembah Fir'aun, dan pawang-pawangnya.

Al-Qur'an diam tidak menyebut semua perkara-perkara itu dan terus sahaja memulakan babak yang kedua, iaitu ketika beliau telah meningkat usia muda yang matang, di mana beliau telah dikurniakan Allah dengan hikmat kebijaksanaan dan ilmu pengetahuan dan dibalaskan dengan balasan para Muhsinin:

وَلَمَّا بَلَغَ أَشُدَّهُۥ وَٱسْتَوَىٰٓ ءَاتَيْنَٰهُ حُكْمًا وَعِلْمًا ۚ وَكَذَٰلِكَ
نَجْزِى ٱلْمُحْسِنِينَ ﴿١٤﴾

"Dan apabila dia sampai kepada usianya yang paling kuat dan matang, Kami kurniakan-Nya kebijaksanaan dan ilmu pengetahuan dan demikianlah Kami memberi balasan kepada para Muhsinin."(14)

Dengan sampainya beliau ke peringkat usia yang paling kuat itu bererti sampailah beliau ke peringkat kesempurnaan kekuatan tubuh badannya dan kematangan anggota dan akal fikiran. Biasanya peringkat ini ialah di sekitar usia tiga puluh tahun. Adakah Musa terus berada di istana Fir'aun sebagai anak angkat baginda dan permaisurinya sehingga sampai ke peringkat usia ini? Atau beliau telah berpisah dari keduanya dan tidak lagi tinggal di dalam istana? Tentulah jiwa beliau tidak tenteram untuk hidup di bawah naungan pertubuhan yang busuk itu.

Tidak ada jiwa yang bersih dan terpilih seperti jiwa Nabi Musa a.s. sanggup hidup dalam suasana seperti itu. Tentulah ibu beliau telah mengenalkan dirinya siapa dia, siapa kaumnya dan apakah agamanya, dan beliau sendiri pun telah melihat bagaimana kaumnya diseksa dan dianiayai dengan teruknya. Beliau juga telah melihat bagaimana gambaran kerosakan pemerintahan yang paling buruk, meluas dan penuh dosa itu.

Kita tidak mempunyai apa-apa dalil, tetapi dari keterangan peristiwa-peristiwa yang berlaku selepas ini membayangkan adanya kemungkinan-kemungkinan tersebut sebagaimana akan diterangkan nanti. Keterangan Al-Qur'an yang menyatakan beliau telah dikurniakan hikmat kebijaksanaan dan ilmu pengetahuan dan keterangan ayat **"Dan demikianlah Kami memberi balasan kepada para Muhsinin"** juga menunjukkan bahawa beliau telah melakukan kebaikan-kebaikan, maka kerana itu Allah membalas kebaikannya dengan mengurniakan hikmat kebijaksanaan dan ilmu pengetahuan:

وَدَخَلَ ٱلْمَدِينَةَ عَلَىٰ حِينِ غَفْلَةٍ مِّنْ أَهْلِهَا فَوَجَدَ
فِيهَا رَجُلَيْنِ يَقْتَتِلَانِ هَٰذَا مِن شِيعَتِهِۦ وَهَٰذَا مِنْ
عَدُوِّهِۦ ۖ فَٱسْتَغَٰثَهُ ٱلَّذِى مِن شِيعَتِهِۦ عَلَى ٱلَّذِى مِنْ
عَدُوِّهِۦ فَوَكَزَهُۥ مُوسَىٰ فَقَضَىٰ عَلَيْهِ ۖ قَالَ هَٰذَا مِنْ
عَمَلِ ٱلشَّيْطَٰنِ ۖ إِنَّهُۥ عَدُوٌّ مُّضِلٌّ مُّبِينٌ ﴿١٥﴾
قَالَ رَبِّ إِنِّى ظَلَمْتُ نَفْسِى فَٱغْفِرْ لِى فَغَفَرَ لَهُۥٓ ۚ إِنَّهُۥ
هُوَ ٱلْغَفُورُ ٱلرَّحِيمُ ﴿١٦﴾
قَالَ رَبِّ بِمَآ أَنْعَمْتَ عَلَىَّ فَلَنْ أَكُونَ ظَهِيرًا
لِّلْمُجْرِمِينَ ﴿١٧﴾

"Dan dia (Musa) masuk ke dalam kota itu ketika penduduknya berada dalam keadaan leka dan dia dapati di sana ada dua orang lelaki sedang berkelahi, seorang dari golongan puaknya (Bani Israel) dan seorang lagi dari golongan musuhnya, lalu orang yang dari golongan puaknya meminta pertolongan darinya untuk mengalahkan orang yang dari golongan musuhnya, maka Musa pun menumbuknya dan terus mati lalu berkatalah Musa: Ini adalah perbuatan syaitan. Sesungguhnya dia adalah musuh penyesat yang amat jelas (15). Dia (Musa) berdo'a: Wahai Tuhanku! Sesungguhnya aku telah menzalimi diriku sendiri. Oleh itu ampunkanku, lalu Allah mengampunkannya. Sesungguhnya Dia Maha Pengampun dan Maha Pengasih(16). Dia berdo'a lagi: Wahai Tuhanku! Demi ni'mat yang telah Engkau kurniakan kepadaku, maka aku tidak akan menjadi penolong kepada orang-orang yang bersalah."(17)

Musa Terbabit Dalam Pergaduhan

Beliau masuk ke dalam kota itu. Kota di sini dapat difahamkan sebagai ibu negeri pada masa itu. Dari tempat mana beliau datang dan memasuki kota itu? Adakah beliau datang dari istana yang terletak di 'Ain Syams? Atau adakah beliau tinggal jauh dari istana dan ibu negeri itu kemudian datang memasukinya ketika penduduknya sedang berada dalam keadaan leka iaitu di waktu tengah hari semasa kebanyakan mereka mengantuk?

Walau bagaimanapun, beliau telah memasuki kota itu **"Dan dia dapati di sana ada dua orang lelaki sedang berkelahi, seorang dari golongan puaknya (Bani Israel) dan seorang lagi dari golongan musuhnya, lalu orang yang dari golongan puaknya meminta pertolongan darinya untuk mengalahkan orang yang dari golongan musuhnya."**

Salah seorang dari kedua orang itu ialah bangsa Qibti. Dia dikatakan seorang pengiring maharaja Fir'aun dan ada pula yang mengatakan dia tukang masak istana, dan seorang lagi ialah bangsa Israel. Kedua-duanya sedang berkelahi lalu orang Israel itu meminta pertolongan Musa untuk mengalah-kan musuh mereka orang Qibti. Bagaimana perkelahian ini berlaku? Bagaimana orang Israel itu boleh meminta pertolongan dari Musa anak angkat Fir'aun untuk menentang salah seorang pegawai maharaja Fir'aun? Ini tidak mungkin berlaku sekiranya Musa masih tinggal di istana sebagai anak angkat atau sebagai orang besar maharaja Fir'aun. Ia hanya mungkin berlaku sekiranya orang Israel itu percaya bahawa Musa tidak lagi mempunyai hubungan dengan istana dan beliau telah mengetahui bahawa beliau adalah dari Bani Israel dan menaruh dendam terhadap maharaja Fir'aun dan pembesarnya dan sedang membela kaumnya yang teraniayai itu. Inilah yang lebih sesuai dengan sikap orang yang berada di tempat Musa a.s., kerana tentulah jauh dari kemungkinan, beliau masih sanggup tinggal di dalam istana yang merupakan paya kejahatan dan kerosakan itu.

فَوَكَزَهُۥ مُوسَىٰ فَقَضَىٰ عَلَيْهِ ۖ

"Maka Musa pun menumbuknya dan dia terus mati."(15)

Kata-kata "وكز" bererti menumbuk dengan buku tangan. Difaham dari ungkapan ini tumbukan itu hanya sekali sahaja dan menyebabkan orang Qibti itu terus mati. Ini menunjukkan betapa kuat dan gagahnya Musa yang muda belia itu. Ia juga menunjukkan betapa hebatnya rasa terharu dan kemarahan beliau. Ia membayangkan rasa dendam yang berkecamuk di dalam hatinya terhadap Fir'aun dan orang-orang yang ada hubungan dengannya.

Yang nampak jelas dari keterangan ayat ini ialah beliau tidak bermaksud hendak membunuh orang Qibti itu. Beliau tidak sengaja membunuhnya. Oleh sebab itu apabila beliau melihat orang itu terbujur

menjadi mayat di hadapannya, beliau pun kembali insaf dan menyesal di atas perbuatannya. Beliau menghubungkan perbuatan itu kepada syaitan dan godaannya, kerana perbuatan itu adalah terbit dari perasaan marah, sedangkan perasaan marah itu ialah syaitan atau hasutan dari syaitan:

قَالَ هَٰذَا مِنْ عَمَلِ ٱلشَّيْطَٰنِ ۖ إِنَّهُۥ عَدُوٌّ مُّضِلٌّ مُّبِينٌ ﴿١٥﴾

"Lalu berkatalah Musa: Ini adalah perbuatan syaitan. Sesungguhnya dia adalah musuh penyesat yang amat jelas."(15)

Kemudian beliau berkata dengan penuh ketakutan terhadap perbuatannya yang dihasut oleh perasaan marah itu dan mengaku bahawa beliau telah menganiayai dirinya sendiri kerana menanggung dosa itu, lalu beliau bertawajjuh kepada Allah memohon keampunan dan kema'afan dari-Nya:

قَالَ رَبِّ إِنِّى ظَلَمْتُ نَفْسِى فَٱغْفِرْ لِى

"Dia (Musa) berdo'a: Wahai Tuhanku! Sesungguhnya aku telah menzalimkan diriku sendiri. Oleh itu ampunkanku."(16)

Lalu Allah memperkenankan rayuannya dan menyambut perasaannya yang halus dan permohonan ampunnya:

فَغَفَرَ لَهُۥٓ ۚ إِنَّهُۥ هُوَ ٱلْغَفُورُ ٱلرَّحِيمُ ﴿١٦﴾

"Lalu Allah mengampunkannya. Sesungguhnya Dia Maha Pengampun dan Maha Pengasih."(16)

Seolah-olah Nabi Musa a.s. merasa dengan hatinya, yang halus semasa bertawajjuh kepada Allah bahawa Allah telah memaafkan kesalahannya, kerana hati yang Mu'min itu sentiasa merasa berhubung dengan Allah dan merasa do'anya diperkenankan Allah sebaik sahaja dia berdo'a kepada-Nya apabila kepekaan hati dan kehangatan tawajjuhnya sampai kepada batas itu. Hati Nabi Musa a.s. menggelentar ketika ia merasa do'anya telah dikabulkan Allah. Oleh itu beliau pun berjanji dengan dirinya bahawa beliau akan tetap setia mensyukuri ni'mat-ni'mat Allah yang telah dikurniakan kepadanya:

قَالَ رَبِّ بِمَآ أَنْعَمْتَ عَلَىَّ فَلَنْ أَكُونَ ظَهِيرًا
لِّلْمُجْرِمِينَ ﴿١٧﴾

"Dia berdo'a lagi: Wahai Tuhanku! Demi ni'mat yang telah Engkau kurniakan kepadaku, maka aku tidak akan menjadi penolong kepada orang-orang yang bersalah."(17)

Yakni beliau telah membuat satu perjanjian yang mutlaq bahawa beliau tidak akan berdiri sebagai pembantu dalam barisan orang-orang yang bersalah. Perjanjian ini merupakan pelepasan diri beliau dari perbuatan jenayah dan penjenayah-penjenayah dalam segala rupa bentuknya termasuk tindakan terburu-bulu kerana terlalu marah dan terlalu pahit ditindas kezaliman.

Perjanjian itu adalah di buat demi mengenangkan ni'mat Allah ke atas beliau yang telah memperkenankan do'anya dan mengenangkan ni'mat Allah sebelum ini yang telah mengurniakan kekuatan, hikmat kebijaksanaan dan ilmu pengetahuan kepada beliau.

Perasaan terharunya yang berkobar-kobar ini dan tindakan terburu-burunya sebelum ini menggambarkan syakhsiyah Nabi Musa a.s. kepada kita sebagai seorang yang mudah terharu, pemanas dan mudah tersinggung. Kita akan menemui sifat yang jelas dari syakhsiyah beliau ini di berbagai-bagai tempat yang lain, malah kita dapat menemuinya di dalam pemandangan yang kedua di dalam babak ini juga:

فَأَصْبَحَ فِى ٱلْمَدِينَةِ خَآئِفًا يَتَرَقَّبُ فَإِذَا ٱلَّذِى ٱسْتَنصَرَهُۥ
بِٱلْأَمْسِ يَسْتَصْرِخُهُۥ ۚ قَالَ لَهُۥ مُوسَىٰٓ إِنَّكَ لَغَوِىٌّ مُّبِينٌ ﴿١٨﴾
فَلَمَّآ أَنْ أَرَادَ أَن يَبْطِشَ بِٱلَّذِى هُوَ عَدُوٌّ لَّهُمَا قَالَ
يَٰمُوسَىٰٓ أَتُرِيدُ أَن تَقْتُلَنِى كَمَا قَتَلْتَ نَفْسًۢا بِٱلْأَمْسِ ۖ
إِن تُرِيدُ إِلَّآ أَن تَكُونَ جَبَّارًا فِى ٱلْأَرْضِ وَمَا تُرِيدُ أَن
تَكُونَ مِنَ ٱلْمُصْلِحِينَ ﴿١٩﴾

"Kerana itu dia (Musa) berada di bandar itu dalam ketakutan menunggu-nunggu (akibat perbuatannya), tiba-tiba orang yang meminta pertolongannya kelmarin meminta pula pertolongannya lalu Musa berkata kepadanya: Sesungguhnya engkau adalah seorang sesat yang amat nyata(18). Apabila Musa hendak menumbuk orang yang menjadi musuh duaka, maka orang itu pun berkata: Wahai Musa! Adakah engkau mahu membunuh aku pula sebagaimana engkau telah membunuh seorang manusia kelmarin? Engkau hanya hendak menjadi seorang yang bermaharajalela di negeri (ini) dan bukannya hendak menjadi dari mereka yang mengusahakan perdamaian."(19)

Perkelahian yang pertama telah berakhir dengan matinya orang Qibti itu dan Nabi Musa a.s. telah menyesali perbuatannya itu. Beliau telah bertawajjuh kepada Allah memohon keampunan-Nya, lalu beliau dikurniakan keampunan dan terus berjanji dengan dirinya bahawa beliau tidak akan menolong lagi orang-orang yang bersalah.

Sehari telah berlalu dan beliau masih berada di kota itu dengan perasaan yang cemas kerana takut rahsianya terbuka. Beliau menunggu-nunggu sa'at terbuka rahsia itu dan tindakan-tindakan terhadap beliau. Kata-kata "يترقب" menggambarkan keadaan gelisah dan cemas menunggu-nunggu sesuatu yang buruk yang mungkin berlaku pada bila-bila masa. Itulah sifat syakhsiyah yang mudah terharu yang dapat dilihat dalam keadaan yang seperti ini.

Ungkapan ayat ini menggambarkan keadaan cemas dan keluh kesah dengan menggunakan kata **"Menunggu-nunggu".** Juga dengan kata-kata **"Didalam kota!** kerana **"Kota"** biasanya merupakan tempat yang aman dan tenteram dan andainya beliau cemas menunggu-nunggu sesuatu yang buruk di dalam kota yang aman, maka bererti beliau benar-benar berada dalam keadaan yang cemas.

Keadaan cemas yang dialami Nabi Musa a.s. ini menunjukkan bahawa beliau pada masa ini bukannya dari orang-orang istana. Andainya beliau dari orang-orang istana, tentulah amat mudah bagi beliau untuk membunuh seseorang di zaman yang zalim itu dan tentu beliau tidak akan bimbang sesuatu apa apatah lagi **"Berada dalam ketakutan menunggu-nunggu"** sekiranya beliau masih mempunyai tempat di dalam hati Fir'aun dan istananya.

Ketika beliau berada dalam keadaan gelisah dan cemas itu **"Tiba-tiba orang yang meminta pertolongannya kelmarin meminta pula pertolongannya."**

Itulah kawan beliau dari Bani Israel yang telah meminta pertolongannya kelmarin untuk melawan orang Qibti. Dialah juga orangnya yang bergaduh sekarang dengan seorang Qibti yang lain pula. Dia menjerit meminta pertolongan Musa. Barangkali dia mahu Musa membunuh musuh bersama mereka dengan satu tumbukan maut sekali lagi.

Tetapi rupa paras orang Qibti yang terbunuh kelmarin masih terbayang di dalam ingatan Musa, di samping beliau masih terkenang kepada penyesalannya dan bagaimana beliau beristighfar kepada Allah dan berjanji tidak akan membantu lagi orang-orang yang bersalah, dan bagimana beliau dilamun rasa cemas dan menunggu-nunggu sesuatu yang tidak baik akan menimpanya, oleh itu beliau terus marah kepada orang yang menjerit meminta pertolongannya itu dan menyifatkannya sebagai orang yang sesat:

إِنَّكَ لَغَوِيٌّ مُّبِينٌ ﴿١٨﴾

"Sesungguhnya engkau adalah seorang sesat yang amat nyata."(18)

Yakni sesat dengan kesukaan bergaduh dan berkelahi yang tidak habis-habis dan tidak mendatangkan apa-apa faedah selain dari membangkitkan kebencian dan kegemparan orang ramai terhadap Bani Israel, sedangkan mereka sendiri lemah untuk mencetuskan pemberontakan yang sempurna dan lemah untuk melakukan tindakan yang berhasil, oleh sebab itu perkelahian-perkelahian yang seperti ini tidak mempunyai apa-apa nilai. Ia hanya mendatangkan kemudharatan sahaja dan tidak mendatangkan apa-apa faedah.

Tetapi apa yang berlaku selepas itu ialah-Nabi Musa a.s. tiba-tiba naik marah terhadap orang Qibti itu, dan beliau terus meluru untuk membunuhnya sebagaimana beliau telah membunuh orang Qibti yang pertama kelmarin. Tindakannya yang terburu-buru itu menunjukkan ciri syakhsiyah beliau yang mudah terharu, yang telah kami terangkan tadi, tetapi dari sudut yang lain ia juga menunjukkan betapa hati Musa a.s. dipenuhi perasaan marah terhadap kezaliman dan perasaan bosan terhadap penindasan-penindasan yang dilakukan ke atas Bani Israel dan bagaimana beliau siap siaga untuk membalas pencerobohan yang zalim yang berlangsung begitu lama itu, iaitu pencerobohan dan kezaliman yang telah menggali parit-parit dendam dan marah di dalam hati manusia.

فَلَمَّآ أَنْ أَرَادَ أَن يَبْطِشَ بِٱلَّذِى هُوَ عَدُوٌّ لَّهُمَا قَالَ
يَـٰمُوسَىٰٓ أَتُرِيدُ أَن تَقْتُلَنِى كَمَا قَتَلْتَ نَفْسًۢا بِٱلْأَمْسِ ۖ
إِن تُرِيدُ إِلَّآ أَن تَكُونَ جَبَّارًا فِى ٱلْأَرْضِ وَمَا تُرِيدُ أَن
تَكُونَ مِنَ ٱلْمُصْلِحِينَ ﴿١٩﴾

"Apabila Musa hendak menumbuk orang yang menjadi musuh duaka, maka orang itu pun berkata: Wahai Musa! Adakah engkau mahu membunuh aku pula sebagaimana engkau telah membunuh seorang manusia kelmarin? Engkau hanya hendak menjadi seorang yang bermaharajalela di negeri (ini) dan bukannya hendak menjadi dari mereka yang mengusahakan perdamaian."(19)

Apabila kezaliman telah memuncak, apabila masyarakat telah rosak, apabila neraca pertimbangan telah tidak betul belaka dan apabila kegelapan telah menyelubungi, maka manusia yang baik tentulah merasa tidak senang terhadap kezaliman yang menjahanamkan segala undang-undang, peraturan dan adat resam, dan merosakkan fitrah orang ramai sehingga mereka tidak lagi memberontak dan marah terhadap kezaliman-kezaliman yang dilihat mereka, malah kerosakan fitrah mereka pernah sampai ke tahap menafikan hak orang yang teraniayai yang telah melawan kerana mempertahankan keselamatan dirinya dan menyifat-kannya sebagai **"Seorang yang bermaharajalela di negeri ini"** sebagaimana kata-kata orang Qibti kepada Musa a.s. ini disebabkan kerana mereka terlalu biasa melihat kezaliman menghentam mangsa-mangsanya, sedangkan mereka tidak bergerak untuk berbuat sesuatu hingga mereka menyangka tindakan yang zalim ini sebagai prinsip, inilah kelebihan. Inilah adab sopan. Inilah akhlak yang baik dan inilah kebaikan. Dan apabila mereka melihat orang yang teraniaya itu bangkit menentang kezaliman dan merobohkan tembok palsu yang dibina oleh pemerintah yang zalim untuk mempertahan kedudukannya, maka mereka terus merungut dan melahirkan kehairanan dan mengecap orang yang teraniaya yang mahu menolak kezaliman itu sebagai pembunuh atau sebagai penjahat yang bermaharajalela. Mereka luahkan caci maki dan kemarahan mereka terhadapnya. Sedangkan mereka hanya sedikit sahaja mencaci dan marah kepada orang yang zalim itu sendiri, kerana mereka tidak

mendapat apa-apa alasan untuk mempertahan-kan tindakan orang yang teraniaya, yang merasa tidak senang terhadap kezaliman yang berat itu sekali pun dia bertindak dalam keadaan terburu-buru.

Bani Israel telah dianiayai sebegitu lama menyebabkan hati Musa menjadi begitu marah hingga kita dapati beliau bertindak terburu-buru pada kali yang pertama dan menyesal, kemudian beliau sekali lagi terburu-buru hendak melakukan perbuatan yang telah disesalinya itu dan hampir-hampir beliau bertindak menghentam musuhnya dan musuh kaumnya.

Oleh sebab itulah Allah tidak membiarkannya, malah Allah menjaganya dan memperkenankan permohonannya. Allah Yang Maha Mengetahui dengan rahsia-rahsia jiwa manusia itu adalah mengetahui pula bahawa daya kekuatan manusia itu mempunyai hati ketahanan yang dapat ditanggung olehnya, Allah mengetahui bahawa apabila kezaliman itu memuncak dan segala pintu keadilan itu di-tutup, maka orang yang dianiayai itu akan bangkit menentang dan menyerang. Oleh sebab itulah Allah tidak membesar-besarkan ketika menggambarkan tindakan yang telah dilakukan Musa a.s. sebagaimana yang dibesar-besarkan oleh kumpulan manusia zalim, yang telah rosak fitrah mereka dengan sebab kezaliman itu, ketika mereka menggambarkan tindakan balas semulajadi yang dilakukan oleh orang-orang teraniaya di bawah tekanan penindasan, kemarahan dan perasaan sakit hati walaupun melampaui batas.

Inilah pengajaran yang dapat difaham dari cara pengungkapan Al-Qur'an yang menceritakan kedua-dua peristiwa itu dan kisah selanjutnya. Al-Qur'an tidak mempertahankan tindakan Musa dan tidak pula membesar-besarkannya. Apa yang disifatkannya sebagai perbuatan yang menganiayai diri sendiri itu mungkin terbit dari tindakan Musa yang terburu-buru kerana didorong oleh perasaan 'asabiyah kaum, sedangkan beliau telah dipilih untuk menjadi utusan Allah dan diasuh dan dibentuk di bawah pemerhatian Allah atau mungkin kerana beliau terlalu cepat berkelahi dengan kakitangan Fir'aun yang zalim itu, sedangkan Allah mahukan Bani Israel itu di selamatkan secara menyeluruh mengikut cara yang telah ditetapkan-Nya, kerana perkelahian-perkelahian individu secara sampingan itu tidak meng-hasilkan apa-apa faedah untuk mengubahkan kedudukan mereka, sebagaimana Allah telah mencegahkan kaum Muslimin di Makkah dari bertindak melakukan sebarang perkelahian sebelum tiba waktunya yang sebenar.

Nampaknya bau pembunuhan orang Qibti kelmarin itu telah dihidu orang. Tohmah dan syak telah dilontar di sekitar Musa kerana sebelum ini beliau terkenal sebagai seorang yang amat bencikan kezaliman Fir'aun dan para pembesarnya, di samping perbuatan kawannya orang Israel (yang ditolongnya itu) yang telah membuka rahsianya di kalangan kaumnya, kemudian rahsia itu merebak keluar dari lingkungan Bani Israel.

Kami tarjihkan pendapat ini kerana tindakan Musa membunuh salah seorang pegawai maharaja Fir'aun di dalam satu perkelahian yang berlaku di antara pegawai ini dengan seorang keturunan Israel di dalam suasana yang seperti ini tentulah dianggap menyenangkan hati kaum Bani Israel dan memuaskan sedikit sebanyak perasaan mereka yang marah itu. Ini biasanya menyebabkan berita itu tersebar rata, berpindah dari satu lidah ke satu lidah melalui bisikan-bisikan, luahan perasaan gembira dan membalas dendam hingga berita itu merebak dan berterbangan di sana sini terutama apabila Musa telah dikenali sebelum ini sebagai seorang yang sentiasa bencikan kezaliman Fir'aun dan suka membela orang-orang yang teraniaya.

Apabila Musa mahu bertindak memukul orang Qibti yang kedua itu ia pun mengemukakan tuduhan ini kepada beliau kerana tuduhan itu telah menjadi hakikat kepadanya apabila dia melihat Musa hendak memukulnya. Dia berkata kepada beliau **"Adakah engkau mahu membunuh aku pula sebagaimana engkau telah membunuh seorang manusia kelmarin?"**

Kata-kata selanjutnya **"Engkau hanya hendak menjadi seorang yang bermaharajalela di negeri (ini) dan bukannya hendak menjadi orang-orang yang mengusahakan perdamaian"** membayangkan bahawa Musa a.s. selama ini memilih cara hidup yang dikenali orang ramai sebagai seorang yang salih dan pendamai, tidak suka kepada kezaliman dan bertindak sewenang-wenang. Orang-orang Qibti itu mengingatkan hakikat ini kepada beliau dan menyindirnya yakni dia menuduh beliau berkelakuan yang bertentangan dengan apa yang dikenali selama ini darinya, iaitu beliau mahu menjadi seorang yang bermaharajalela bukannya seorang pendamai. Beliau mahu membunuh manusia bukannya mendamaikan perbalahan mereka dan mententeramkan ledakan kejahatan. Cara orang Mesir ini bercakap dan maudhu' percakapannya membayangkan bahawa Musa di waktu itu tidak dikira dari orang-orang Maharaja Fir'aun, andainya beliau dari mereka, tentulah orang Mesir itu tidak berani bercakap dengannya dengan kata-kata yang kesat ini dan tentulah maudhu' percakapannya tidak begitu.

Setengah-setengah ahli tafsir berpendapat bahawa kata-kata ini adalah diucapkan oleh orang Israel (yang meminta pertolongan dari beliau) dan bukannya diucapkan oleh orang Qibti, kerana apabila beliau berkata kepadanya **"Sesungguhnya engkau adalah seorang sesat yang amat nyata"** kemudian, tampil ke arahnya dengan marah untuk memukul orang Qibti yang menjadi musuh kedua-duanya, maka orang Israel itu menyangka bahawa beliau marah kepadanya

dan tampil hendak memukulnya, lalu dia pun mengucapkan kata-kata tadi dan membuka rahsianya yang selama ini hanya diketahui oleh dia seorang sahaja. Sebab yang mendorong ahli-ahli tafsir itu mengemukakan pendapat ini ialah kerana rahsia pembunuhan itu tidak diketahui oleh orang-orang Mesir.

Pendapat yang lebih dekat, kata-kata itu adalah diucapkan oleh orang Qibti dan kami telah pun terangkan bahawa rahsia pembunuhan itu telah diketahui umum. Tetapi mungkin juga kata-kata itu merupakan serkap jarang orang Qibti itu berdasarkan suasana-suasana yang menyelubungi maudhu' pembunuhan itu.[2]

Pada zahirnya Musa a.s. tidak sempat melakukan perbuatan yang telah dilakukan kelmarin apabila diperingatkan oleh orang Qibti itu, dan orang ini telah berjaya melepaskan dirinya untuk memberitahu kepada para pembesar Fir'aun bahawa pembunuhan itu telah dilakukan oleh Musa. Di sini Al-Qur'an meninggalkan ruang kosong selepas menayangkan pemandangan yang silam, kemudian tiba-tiba ditayangkan satu pemandangan yang lain, iaitu pemandangan seorang lelaki datang menemui Musa dari hujung kota itu untuk mengingatkan beliau bahawa para pembesar kaum Fir'aun sedang berunding untuk membunuh-nya, dan memberi nasihat supaya beliau melarikan diri dari kota itu untuk menyelamatkan nyawanya:

وَجَآءَ رَجُلٌ مِّنْ أَقْصَا ٱلْمَدِينَةِ يَسْعَىٰ قَالَ يَٰمُوسَىٰٓ إِنَّ
ٱلْمَلَأَ يَأْتَمِرُونَ بِكَ لِيَقْتُلُوكَ فَٱخْرُجْ إِنِّى لَكَ مِنَ
ٱلنَّٰصِحِينَ ﴿٢٠﴾

"Dan datanglah seorang lelaki dari hujung kota itu berjalan dengan tergesa-gesa lalu berkata: Wahai Musa! Sesungguhnya para pembesar negeri sedang berunding tentang engkau untuk membunuh engkau. Oleh itu keluarlah (dari kota ini) sesungguhnya aku dari orang-orang yang memberi nasihat kepadamu."(20)

Itulah qudrat Ilahi yang muncul tepat disa'at yang dikehendaki untuk melaksanakan iradat-Nya.

Kini para pembesar Fir'aun telah mengetahui. Mereka ialah pegawai-pegawai pengiring Fir'aun, pegawai-pegawai kerajaan dan orang-orang yang dekat dengan baginda... Mereka telah mengetahui bahawa pembunuhan itu telah dilakukan oleh Musa. Dan tidak syak lagi mereka merasa perbuatan itu merupakan ancaman bahaya terhadap keselamatan mereka, kerana perbuatan itu telah dilakukan dengan semangat pemberontak, penentangan dan pembelaan terhadap kaum Bani Israel. Ini sudah tentu merupakan gejala yang amat merbahaya yang memerlukan perundingan bersama. Sekiranya pembunuhan itu suatu jenayah biasa sahaja tentulah Fir'aun dan para pembesarnya tidak sewajarnya sibuk mengadakan perundingan itu. Lalu qudrat Ilahi mengutuskan seorang pembesar kepada Musa. Mengikut pendapat yang lebih rajih, pembesar ini ialah seorang Mu'min dari keluarga Fir'aun sendiri yang menyembunyikan keimanannya. Dia telah disebut di dalam surah Ghafir [3] dan dia telah diutuskan oleh qudrat Allah supaya menemui Musa **"Dari hujung kota ini"** dengan bersungguh-sungguh, hati-hati dan segera untuk menyampaikan kepada Musa sebelum pegawai-pegawai Fir'aun itu tiba. **"Sesungguhnya para pembesar negeri sedang berunding tentang engkau untuk membunuh engkau. Oleh itu keluarlah (dari kota ini). Sesungguhnya aku dari golongan para penasihat kepadamu."**

فَخَرَجَ مِنْهَا خَآئِفًا يَتَرَقَّبُ قَالَ رَبِّ نَجِّنِى مِنَ ٱلْقَوْمِ
ٱلظَّٰلِمِينَ ﴿٢١﴾

"Lalu Musa pun keluar dari bandar itu dengan keadaan takut dan menunggu-nunggu (tindakan musuhnya) sambil berdo'a: Wahai Tuhanku! Selamatkanku dari kaum yang zalim."(21)

Sekali lagi kita dapat melihat satu sifat yang jelas yang terdapat pada syakhsiyah Nabi Musa a.s. yang mudah terharu iaitu sifat siap siaga dan berhati-hati di samping sifat sentiasa bertawajjuh kepada Allah untuk memohon secara langsung kepada-Nya dan untuk mengharapkan perlin-dungan dan ri'ayah-Nya semasa dalam ketakutan, juga untuk mengharapkan keamanan dan keselamatan di sisi-Nya. **"Wahai Tuhanku! Selamatkanku dari kaum yang zalim."**

Kemudian Al-Qur'an menurut jejak beliau di luar kota itu. Beliau berada dalam keadaan bimbang dan menunggu-nunggu. Beliau berjalan seorang diri tanpa membawa apa-apa bekalan selain dari bergantung kepada Allah dan tawajjuh kepada-Nya memohon pertolongan dan hidayat-Nya:

Musa Melarikan Diri Ke Madyan

وَلَمَّا تَوَجَّهَ تِلْقَآءَ مَدْيَنَ قَالَ عَسَىٰ رَبِّىٓ أَن يَهْدِيَنِى
سَوَآءَ ٱلسَّبِيلِ ﴿٢٢﴾

"Dan apabila dia menuju ke arah negeri Madyan, dia berdo'a: Semoga Allah memimpinku ke jalan yang betul."(22)

Di sini kita melihat syakhsiyah Musa a.s. dalam keadaan seorang diri dan terusir mengembara di

---

[2] *Saya berpegang dengan pendapat yang pertama di dalam buku "التصوير الفني في القرآن" tetapi sekarang saya lebih cenderung kepada pendapat yang akhir.*

[3] *"Lalu berkatalah seorang lelaki dari keluarga Fir'aun yang menyembunyikan keimanannya: Adakah kamu hendak membunuh seorang yang berkata Tuhanku ialah Allah".(28), Surah Ghafir.*

jalan-jalan padang pasir menuju ke arah negeri Madyan yang terletak di Selatan Syam dan di Utara Hijaz. Beliau menempuh perjalanan yang amat jauh tanpa bekalan dan persediaan. Beliau telah keluar dari kota negeri Mesir dalam keadaan takut dan cemas (ditangkap pemerintah) setelah diberi nasihat oleh seorang pembesar yang jujur. Beliau terus melarikan diri tanpa berlengah-lengah, tanpa berbekal dan tanpa mencari pemandu. Di samping itu kita melihat hati beliau sentiasa bertawajjuh kepada Allah, berserah diri kepada Allah dan mengharapkan hidayat-Nya. "Semoga Allah memimpinku ke jalan yang betul."

Sekali lagi kita dapati Nabi Musa a.s, berada dalam keadaan cemas setelah sekian waktu beliau meni'mati hidup aman damai, mewah dan makmur. Kini kita dapati beliau (sekali lagi) berada dalam keadaan seorang diri tanpa memiliki sebarang kekuatan dunia yang lahir dan sedang diburu Fir'aun dan bala tenteranya. Mereka mencari beliau segenap tempat untuk mengenakan hukuman ke atasnya pada hari ini setelah mereka gagal mengenakan hukuman itu sewaktu beliau masih dalam usia kanak-kanak dahulu, tetapi qudrat Ilahi yang telah memelihara dan melindungi beliau di masa dahulu itulah juga yang memelihara dan melindungi beliau di masa ini. Qudrat ini selama-lamanya tidak pernah menyerahkan beliau kepada musuh-musuhnya. Kini! Ini dia Nabi Musa a.s. sedang menempuh perjalanan yang amat jauh dan berada di tempat yang tidak dapat dicapai oleh tangan pemerintah Fir'aun yang hendak menangkapnya:

وَلَمَّا وَرَدَ مَاءَ مَدْيَنَ وَجَدَ عَلَيْهِ أُمَّةً مِّنَ ٱلنَّاسِ
يَسْقُونَ وَوَجَدَ مِن دُونِهِمُ ٱمْرَأَتَيْنِ تَذُودَانِ ۖ
قَالَ مَا خَطْبُكُمَا ۖ قَالَتَا لَا نَسْقِى حَتَّىٰ يُصْدِرَ
ٱلرِّعَآءُ ۖ وَأَبُونَا شَيْخٌ كَبِيرٌ ﴿٢٣﴾
فَسَقَىٰ لَهُمَا ثُمَّ تَوَلَّىٰٓ إِلَى ٱلظِّلِّ فَقَالَ رَبِّ إِنِّى لِمَآ
أَنزَلْتَ إِلَىَّ مِنْ خَيْرٍ فَقِيرٌ ﴿٢٤﴾

"Apabila dia sampai di perigi negeri Madyan dia dapati di sana sekumpulan orang sedang memberi minum (kepada ternakan mereka) dan dia dapati selain dari mereka dua orang perempuan sedang menahan (ternakan mereka), lalu dia pun bertanya: Apa hal kamu berdua? Jawab mereka berdua: Kami tidak dapat memberi minum (ternakan kami) sehingga pengembala-pengembala itu selesai membawa balik (ternakan mereka) sedangkan bapa kami sangat tua(23). Lalu Musa memberi minum (ternakan) keduanya, kemudian dia berundur ke tempat yang teduh dan berdo'a: Wahai Tuhanku! Sesungguhnya aku amat memerlukan apa sahaja kebajikan yang engkau turunkan kepadaku."(24)

Perjalanan beliau yang sukar dan jauh itu berakhir di perigi negeri Madyan. Beliau sampai di sana dalam keadaan letih lesu, tetapi di sana tiba-tiba beliau melihat satu pemandangan yang tidak menyenangkan mata hati orang yang mempunyai maruah dan fitrah yang sihat seperti hati beliau a.s. Beliau melihat pengembala-pengembala lelaki membawa ternakan mereka minum air (di perigi itu), sedangkan di sana beliau dapati ada dua orang perempuan sedang menahan kambing-kambing ternakan keduanya kerana menunggu peluang untuk mendapatkan air. Pada hemat orang yang mempunyai maruah dan fitrah yang sihat sepatutnya kedua-dua orang perempuan inilah diberi peluang lebih dahulu memberi minum kepada ternakan keduanya. Sepatutnya pengembala-pengembala lelaki itu melapangkan tempat itu untuk keduanya dan memberi pertolongan kepada mereka.

Nabi Musa a.s. yang sedang letih lesu itu belum lagi sempat duduk untuk beristirehat ketika beliau melihat pemandangan yang jelik dan bertentangan dengan adat yang baik itu, malah beliau terus mendapatkan dua orang perempuan ini dan menanyakan hal mereka **"Lalu dia pun bertanya: Apa hal kamu berdua?"** Jawab mereka berdua: **"Kami tidak dapat memberi minum (ternakan kami) sehingga pengembala-pengembala itu selesai membawa balik (ternakan mereka), sedangkan bapa kami sangat tua"** yakni kedua-dua orang perempuan ini telah menerangkan kepada beliau sebab-sebab mereka terpencil, terlewat dan tertahan dari memberi minum kepada binatang ternakan mereka. Sebab pokoknya ialah mereka lemah kerana mereka perempuan, sedangkan pengembala-pengembala itu lelaki belaka dan bapa mereka sangat tua dan tidak lagi berupaya mengembala ternakan dan berebut-berebut dengan lelaki-lelaki. Di sini tergeraklah hati Musa yang bermaruah dan berfitrah yang sihat itu lalu beliau pun tampil membetulkan keadaan itu, dan memberi minum kepada ternakan dua orang perempuan itu lebih dahulu. Inilah yang seharusnya dilakukan oleh kaum lelaki yang bermaruah, sedangkan beliau hanya seorang asing yang berada di sebuah negeri yang tidak diketahuinya, di mana beliau tidak mempunyai sesiapa pun yang dapat menolong dan membantunya. Beliau begitu letih lesu kerana terlalu jauh mengembara tanpa sebarang bekalan dan persediaan. Beliau sedang diburu musuh-musuh yang tidak berhati perut, tetapi semuanya ini tidak menghalangi beliau dari memenuhi tuntutan maruah, iaitu memberi pertolongan, menghulur budi baik dan menegakkan hak yang tabi'i yang diketahui oleh orang-orang (yang bermaruah):

فَسَقَىٰ لَهُمَا ثُمَّ تَوَلَّىٰٓ إِلَى ٱلظِّلِّ فَقَالَ رَبِّ إِنِّى لِمَآ
أَنزَلْتَ إِلَىَّ مِنْ خَيْرٍ فَقِيرٌ ﴿٢٤﴾

"Lalu Musa memberi minum (ternakan) keduanya kemudian dia berundur ke tempat yang teduh dan berdo'a: Wahai Tuhanku! Sesungguhnya aku amat memerlukan apa sahaja kebajikan yang engkau turunkan kepadaku."(24)

Ini menunjukkan betapa tingginya hati Nabi Musa a.s. yang dibentuk dan diasuh di bawah pemerhatian Ilahi itu, dan ini juga membuktikan kekuatan dan kegagahan beliau yang menggerunkan orang lain walaupun beliau sedang letih lesu kerana pengembaraannya yang amat jauh. Mungkin kekuatan jiwa beliaulah yang menimbulkan rasa gerun di dalam hati pengembala-pengembala ini, iaitu kekuatan yang lebih besar dari kekuatan tubuh badannya, kerana sememangnya manusia itu lebih banyak terpengaruh kepada kekuatan jiwa dan hati.

ثُمَّ تَوَلَّىٰٓ إِلَى ٱلظِّلِّ

"Kemudian dia berundur ke tempat yang teduh."(24)

Ini menunjukkan bahawa waktu itu ialah waktu panas terik dan pengembaraan beliau adalah berlangsung dalam panas yang terik, kemudian beliau berdo'a:

فَقَالَ رَبِّ إِنِّى لِمَآ أَنزَلْتَ إِلَىَّ مِنْ خَيْرٍ فَقِيرٌ ﴿٢٤﴾

"Wahai Tuhanku! Sesungguhnya aku amat memerlukan apa sahaja kebajikan yang Engkau turunkan kepadaku.(24)"

Yakni beliau berteduh dengan tubuh badannya di bawah bayang lembut yang merehatkan, dan berteduh dengan jiwa dan hatinya di bawah bayang perlindungan yang lebar dan panjang, iaitu bayang perlindungan Allah Yang Maha Pemurah dan Maha Pengurnia. **"Wahai Tuhanku! Sesungguhnya aku amat memerlukan apa sahaja kebajikan yang Engkau turunkan kepadaku."** Yakni wahai Tuhanku! Aku sedang berada di tengah hari yang panas terik, aku amat memerlukan pertolongan-Mu, wahai Tuhanku! Aku berada seorang diri. Wahai Tuhan! Aku sangat lemah dan aku amat memerlukan limpah kurnia-Mu, pemberian-Mu dan kemurahan-Mu.

Dari celah-celah ayat ini kita dapat mendengar bisikan hati Musa a.s. yang ingin berlindung di bawah naungan Allah yang aman tenteram, kuat dan teguh, teduh dan nyaman, kita mendengar suara munajat yang dekat, suara bisikan yang menarik, suara permohonan yang halus dan perhubungan yang amat mendalam. **"Wahai Tuhanku! Sesungguhnya aku amat memerlukan apa sahaja kebajikan yang Engkau turunkan kepadaku."**

Belum lagi selesai kita bersama Musa a.s. di dalam adegan munajat itu, tiba-tiba Al-Qur'an menayangkan pula adegan kelepasan dari kesusahan dengan menggunakan ungkapan "فجاءته" lalu datanglah, seolah-olah langit dengan pantas menyahut seruan hati yang merayu dan dagang itu:

فَجَآءَتْهُ إِحْدَىٰهُمَا تَمْشِى عَلَى ٱسْتِحْيَآءٍ قَالَتْ إِنَّ أَبِى يَدْعُوكَ لِيَجْزِيَكَ أَجْرَ مَا سَقَيْتَ لَنَا

"Lalu datanglah salah seorang dari dua wanita tadi berjalan dengan sopan santun dan berkata: Sesungguhnya bapa saya menjemput anda untuk membalas kebaikan anda memberi minum kepada ternakan kami."(25)

Musa Bertemu Jodoh Di Madyan

Alangkah cepatnya kelepasan dari Allah! Alangkah hampirnya Allah! Itulah jemputan dari seorang ayah yang tua sebagai memenuhi kehendak Ilahi yang telah mem-perkenankan do'a Nabi Musa a.s. yang amat memerlukan pertolongan itu, iaitu jemputan supaya sudi berteduh di rumahnya. Jemputan untuk memberi penghormatan dan membalas budi. Jemputan itu disampaikan oleh **"Salah seorang dari dua wanita tadi"** dia datang dan **"Berjalan dengan sopan santun"** iaitu gaya berjalan gadis sunti yang suci dan beradab sopan ketika menemui lelaki. **"Dengan sopan santun"** tanpa menunjukkan kelakuan yang kasar, tanpa menonjol-menonjol dan menunjuk-nunjuk, tanpa angkuh dan tanpa keinginan mempesona dan menggoda. Dia datang menyampaikan jemputan dengan kata-kata yang amat ringkas dan amat padat maksudnya sebagaimana diceritakan oleh Al-Qur'an. **"Sesungguhnya bapa saya menjemput anda untuk membalas kebaikan anda memberi minum kepada ternakan kami".** Sifat malu dan sopan santun berganding pula dengan sifat tegas dan jelas, tidak teragak-agak, tergugup-gugup dan serba salah. Ini juga dari saranan fitrah yang sihat dan lurus, kerana seorang gadis yang lurus itu dengan sendirinya merasa malu apabila bertemu dengan lelaki dan bercakap dengan mereka, tetapi gadis ini tidak tergugup-gugup kerana dia percaya kepada kebersihan dan kejujurannya. Dia tidak menunjukkan telatah gugup yang menarik hati dan merangsangkan nafsu berahi lelaki, malah dia bercakap dengan jelas sekadar perlu dan tidak lebih dari itu.

Ayat ini menamatkan pemandangan sekadar ini sahaja tanpa lebih. Ia tidak menyebut selain dari jemputan yang disampaikan oleh gadis itu dan kesanggupan Musa memenuhi jemputan itu. Kemudian secara tiba-tiba ditayangkan pemandangan pertemuan di antara beliau dengan orang tua ini yang tidak disebut namanya. Menurut satu pendapat orang tua itu ialah anak saudara Nabi Syu'ayb a.s. yang terkenal itu dan namanya ialah Yathrun. [4]

---

[4] *Dahulu pernah saya kata di dalam tafsir Fi Zilal ini bahawa lelaki itu ialah Nabi Syu'ayb a.s. dan sekali pula saya kata lelaki itu mungkin Nabi Syu'ayb a.s. dan mungkin juga orang lain. Kini saya lebih cenderung mentarjihkan pendapat bahawa lelaki itu bukannya Syu'aib, malah seorang tua yang lain yang tinggal di Madyan. Sebab yang mendorong saya mentarjihkan pendapat ini ialah lelaki ini adalah seorang yang sangat tua, sedangkan Nabi Syu'ayb a.s. sempat melihat kebinasaan kaumnya yang telah mendustakan ajarannya dan tidak ada lagi yang tinggal bersama beliau melainkan hanya orang-orang yang beriman kepadanya*

فَلَمَّا جَآءَهُۥ وَقَصَّ عَلَيۡهِ ٱلۡقَصَصَ قَالَ لَا تَخَفۡۖ
نَجَوۡتَ مِنَ ٱلۡقَوۡمِ ٱلظَّٰلِمِينَ ٢٥

"Apabila Musa datang menemui bapanya dan menceritakan kepadanya segala cerita (mengenai dirinya) diapun berkata: Janganlah engkau takut, kerana engkau telah pun selamat dari kaum yang zalim itu."(25)

Nabi Musa a.s. amat memerlukan keamanan di samping memerlukan, makanan dan minuman, tetapi keinginannya untuk mendapat keamanan adalah lebih besar lagi dari keinginan badannya kepada bekalan makanan. Oleh sebab itu Al-Qur'an menonjolkan kata-kata orang tua yang tenang itu di dalam pemandangan pertemuan beliau dengannya **"Janganlah engkau takut".** Ia jadikan kata-kata ini sebagai kata-kata pertama orang tua itu apabila dia memberi ulasan terhadap cerita-cerita Musa kepadanya dengan tujuan supaya hati beliau merasa tenteram dan aman kemudian dia memberi sebabnya **"Kerana engkau telah pun selamat dari kaum yang zalim itu"** mereka tidak punya kuasa di atas negeri Madyan dan mereka tidak dapat melakukan apa-apa gangguan dan kemudharatan kepada orang yang tinggal di sini.

Kemudian di dalam pemandangan ini kita mendengar suara perempuan yang lurus dan jujur:

قَالَتۡ إِحۡدَىٰهُمَا يَٰٓأَبَتِ ٱسۡتَـٔۡجِرۡهُۖ إِنَّ خَيۡرَ مَنِ
ٱسۡتَـٔۡجَرۡتَ ٱلۡقَوِيُّ ٱلۡأَمِينُ ٢٦

"Berkatalah salah seorang dari duaka: Wahai bapaku! Ambillah dia sebagai pekerja (kita), kerana sesungguhnya sebaik-baik orang yang patut bapa mengambilnya sebagai pekerja ialah orang yang kuat dan beramanah."(26)

Dia dan saudaranya mengalami kesulitan dalam menternakkan kambing-kambing mereka dan dalam kerja berebut-berebut dengan kaum lelaki untuk mendapatkan air bagi ternakan mereka dan kesulitan bercampur gaul dengan kaum lelaki yang terpaksa dihadapkan oleh perempuan yang membuat pekerjaan lelaki. Dia dan saudaranya benar-benar merasa perit dengan keadaan-keadaan ini semuanya. Dia mahu menjadi wanita rumahan iaitu wanita-wanita yang bersih dan tidak bercampur baur dengan lelaki-lelaki asing di padang ragut dan di tempat-tempat air. Perempuan yang berjiwa bersih, berhati suci dan berfitrah yang sihat memanglah merasa tidak senang bercampur baur dengan kaum lelaki dan berkelakuan kasar yang mungkin berlaku akibat dari percampuran itu.

Kini dia melihat seorang pemuda anak dagang yang terusir dan dalam waktu yang sama dia dapati anak muda ini gagah dan beramanah. Dia sendiri melihat bagaimana kegagahan anak muda ini telah menggerunkan pengembala-pengembala di situ lalu mereka melapangkan jalan untuknya dan dia terus memberi minum kepada ternakan keduanya sedangkan dia asing di situ. Biasanya orang asing itu bersikap lemah walaupun dia kuat. Dia juga melihat sifat amanah dan kejujurannya, yang mana dia menjaga tutur katanya dan pandangan matanya apabila dia pergi menjemputnya. Oleh sebab itulah dia mencadangkan kepada bapanya supaya mengambil anak muda ini sebagai pekerjanya supaya dia dan saudaranya terhindar dari kesulitan bekerja, bercampurgaul dengan lelaki dan berperangai kasar. Dia seorang pemuda yang mampu bekerja kuat, dan amanah menjaga harta benda, kerana orang yang amanah menjaga maruah wanita tentulah juga amanah menjaga sesuatu yang lain. Ketika mengemukakan cadangan itu gadis itu sama sekali tidak tergagap-gagap dan gugup. Dia tidak takut dituduh bukan-bukan kerana hatinya bersih. Oleh sebab itulah dia tidak menaruh kebimbangan apa-apa dan tidak gamam-gamam, mengemukakan pengesyorannya kepada orang tuanya.

Di sini tidaklah perlu diceritakan tentang bukti-bukti kegagahan Musa sebagaimana yang diceritakan oleh para Mufassirin seperti kekuatannya dapat mengangkat batu penutup perigi itu yang biasanya tidak dapat diangkat melainkan oleh kekuatan dua puluh atau empat puluh orang atau lebih banyak lagi atau kurang dari itu, kerana perigi itu tidak tertutup hanya pengembala-pengembala sahaja yang sedang mengambil air darinya, lalu Musa datang menjauhkan mereka darinya untuk memberi minum kepada ternakan dua orang gadis itu atau Musa memberi minum kepada ternakan gadis-gadis itu bersama pengembala-pengembala itu.

Begitu juga tidaklah perlu diceritakan tentang tanda-tanda amanah Musa yang diceritakan oleh para Mufassirin seperti kata beliau kepada gadis itu "Silalah berjalan di belakangku dan tunjukkan sahaja jalan kepada aku" kononnya kerana beliau takut melihat tubuh badan gadis itu atau Musa berkata begitu selepas beliau berjalan di belakang gadis itu tiba-tiba datang angin mengangkatkan kainnya dan menampakkan buku lalinya, kerana semuanya ini merupakan perbuatan mengada-ngada yang tidak perlu dan merupakan perbuatan menolak syak wasangka yang tidak wujud. Nabi Musa a.s.

---

sahaja. Oleh itu andainya orang tua itu ialah Nabi Syu'ayb a.s. yang masih hidup bersama-sama saki-baki orang-orang yang beriman itu tentulah mereka tidak akan memberi minum kepada binatang-binatang ternakan mereka sebelum dua orang anak gadis nabi mereka yang tua itu memberi minum ternakan kedua-duanya, kerana perbuatan ini bukan tingkahlaku orang-orang yang beriman dan bukan cara mereka melayani nabi mereka dan anak-anak perempuannya dari generasi pertama. Selain dari itu Al-Qur'an tidak menyebut sedikit pun tentang ajaran-ajaran Nabi Syu'ayb kepada menantunya Musa kerana andainya orang tua itu ialah Nabi Syu'ayb tentulah kita dapat mendengar suara nubuwwah mengenai sesuatu ajaran dari orang tua ini selama bersama Musa yang telah tinggal bersamanya selama sepuluh tahun itu.

memanglah mempunyai mata dan hati yang bersih, dan anak gadis itu juga bersifat demikian. Sifat kesucian hati dan amanah itu tidak memerlukan kepada pengadaan cerita-cerita seperti itu ketika berlakunya pertemuan di antara seorang lelaki dengan seorang perempuan kerana kesucian dan kejujuran itu dapat dilihat dengan jelas dalam tindak-tanduk biasa dan bersahaja tanpa buat-buat dan mengada-ngada.

Orang tua itu bersetuju dengan pengesyoran anak perempuannya. Barangkali dia terasa adanya saling kepercayaan dan kecenderungan semulajadi yang suci dan baik untuk membangun keluarga yang terjalin di antara hati anaknya dengan hati Musa a.s. Sifat gagah dan amanah itu apabila terkumpul pada seorang lelaki tidak syak dapat menarik hati seorang gadis yang suci yang belum tercemar dan menyeleweng dari fitrah Allah. Oleh sebab itulah orang tua itu terus menggabungkan dua tujuan apabila dia menawarkan kepada Musa bahawa dia bersedia mengahwin-kan anak perempuannya dengan beliau dengan syarat beliau bekerja dengannya menjaga binatang ternakannya selama lapan tahun, dan jika beliau menambahkan tempoh ini sampai sepuluh tahun, maka itu hanya kemurahan dari beliau sahaja bukannya menjadi syarat yang wajib:

قَالَ إِنِّىٓ أُرِيدُ أَنْ أُنكِحَكَ إِحْدَى ٱبْنَتَىَّ هَٰتَيْنِ عَلَىٰٓ
أَن تَأْجُرَنِى ثَمَٰنِىَ حِجَجٍ ۖ فَإِنْ أَتْمَمْتَ عَشْرًا
فَمِنْ عِندِكَ ۖ وَمَآ أُرِيدُ أَنْ أَشُقَّ عَلَيْكَ ۚ سَتَجِدُنِىٓ
إِن شَآءَ ٱللَّهُ مِنَ ٱلصَّٰلِحِينَ ﴿٢٧﴾

"Berkatalah (bapanya): Sesungguhnya aku hendak mengahwinkanmu dengan salah seorang dari dua anak perempuanku ini dengan syarat engkau bekerja dengan aku selama lapan tahun, dan jika engkau cukupkan sepuluh tahun, maka itu adalah kemurahan darimu dan aku sekali-kali tidak mahu memberatkanmu. Dan engkau, Insya 'Allah, akan dapatiku dari golongan orang-orang yang baik."(27)

Demikianlah orang tua itu dengan mudah dan terus terang menawarkan salah seorang dari dua anak gadisnya kepada Musa tanpa menentukan mana satunya, dan barangkali juga orang tua ini merasa sebagaimana diterangkan sebelum ini bahawa anak gadisnya yang dimaksudkan itu memang telah pun ditentukan, iaitu anak gadis yang hatinya dan hati anak muda itu telah dijalinkan oleh perasaan saling mengerti dan saling percaya. Orang tua itu menawarkan anak gadis itu tanpa keberatan dan berbelit-belit, kerana dia menawarkan perkahwinan yang tidak patut dimalu. Dia menawar membangun sebuah keluarga dan sebuah rumahtangga, dan ini tentulah bukan perkara yang patut dimalukan atau patut menimbulkan keberatan dan teragak-agak atau patut disindir dari jauh atau berpura-pura dan buat-buat seperti kelakuan-kelakuan yang dapat dilihat dalam masyarakat yang menyeleweng dari fitrah yang suci dan tunduk kepada adat yang dibuat-buat, adat yang tidak betul dan karut, iaitu adat yang melarang bapa atau wali mengambil daya utama menawarkan anak gadisnya atau saudara perempuannya atau kerabat perempuannya kepada mana-mana jejaka yang dia sendiri puas hati tentang akhlaknya, keagamaannya dan kemampuannya, atau adat yang mewajibkan bakal suami atau walinya atau wakilnya mengambil daya utama meminang sendiri gadis itu. Atau adat yang tidak melayakkan tawaran itu datang dari pihak perempuan. Di antara pertentangan-pertentangan yang berlaku di dalam masyarakat yang menyeleweng seperti ini ialah mereka membenarkan muda-mudi itu bertemu, bercakap-cakap dan bercampur gaul dengan bebas dan berterus terang terhadap satu sama lain dalam perkara-perkara yang lain dari soal peminangan dan niat hendak berkahwin. Tetapi apabila sampai waktu hendak meminang atau hendak disebut soal perkahwinan, maka di sini datanglah perasaan berpura-pura malu dan timbullah halangan-halangan yang dibuat-buat dan keengganan untuk berterus-terang dan berbicara dengan mudah dan jelas.

Bapa-bapa di zaman Rasulullah s.a.w. pernah menawar sendiri anak-anak perempuan mereka (kepada orang-orang yang disukai mereka), malah ada perempuan yang menawarkan dirinya kepada Nabi s.a.w. atau kepada orang-orang yang beliau bersetuju kahwinkannya dengan dia. Semuanya ini berlaku dengan cara yang terus terang, bersih dan dengan adab sopan yang molek, tidak menjatuh kehormatan dan memalukan. Sayiduna Umar r.a. misalnya telah menawarkan anak perempuannya Hafsah kepada Sayiduna Abu Bakar, tetapi Abu Bakar diam sahaja. Kemudian dia menawarkannya pula kepada Sayiduna Uthman, tetapi Uthman juga menguzurkan dirinya. Tetapi apabila dia menceritakan perkara ini kepada Nabi s.a.w. beliau pun menenangkan hatinya semoga Allah menjodohkan anaknya itu dengan orang yang lebih baik dari keduanya. Kemudian Rasulullah s.a.w. sendiri mengahwini Hafsah r.a. Ada seorang perempuan menawarkan dirinya kepada Rasulullah s.a.w., tetapi beliau mengundurkan dirinya. Lalu perempuan itu menyerahkan kuasa kepada beliau supaya mengahwinkannya dengan siapa sahaja yang disukai beliau, lalu beliau kahwinkannya dengan seorang lelaki yang tidak memiliki apa-apa selain dari menghafal dua surah Al-Qur'an yang diajarkan beliau kepadanya. Inilah sahaja belanja maskahwinnya.

Dengan sikap yang mudah dan suci bersih inilah masyarakat Islam membangun rumahtangga-rumahtangganya dan menegakkan entiti tanpa tergamam, tanpa bercakap berbelit-belit, berpura-pura dan berpusing-pusing.

Inilah yang telah dilakukan oleh orang tua sahabat Musa itu. Dia telah membuat tawaran seperti itu kepada Musa dan berjanji tidak akan menyusahkan beliau dan tidak akan memenatkan beliau dalam

urusan pekerjaannya, dan dia berharap dengan kehendak Allah semoga Musa dapat melihat dirinya tergolong dalam kalangan orang-orang yang baik dalam tindak-tanduk muamalahnya terhadap Musa dan kesetiaan pada janjinya. Ini adalah adab sopan yang baik apabila memperkatakan tentang diri sendiri di samping menghubungkannya dengan kehendak Allah. Orang tua itu tidak memuji dirinya dan tidak pula mengaku secara tegas bahawa dia adalah benar-benar tergolong di dalam kalangan orang-orang yang baik, tetapi dia hanya berharap menjadi begitu dan menyerahkan perkara ini kepada kehendak iradat Allah.

Nabi Musa a.s. telah menerima tawaran itu dan meluluskan 'aqad itu dengan sikap terus terang dan jelas yang sama sambil mempersaksikan Allah:

قَالَ ذَٰلِكَ بَيْنِي وَبَيْنَكَ ۖ أَيَّمَا ٱلْأَجَلَيْنِ قَضَيْتُ
فَلَا عُدْوَٰنَ عَلَيَّ ۖ وَٱللَّهُ عَلَىٰ مَا نَقُولُ وَكِيلٌ ﴿٢٨﴾

"Jawab (Musa): Itulah perjanjian di antara saya dan anda dan mana-mana sahaja dari dua tempoh kerja itu saya tunaikan, maka hendaknya tidak ada apa-apa tuntutan yang lain lagi ke atas saya, dan Allah jua yang menjadi saksi di atas apa yang kita katakan ini."(28)

Butir-butir 'aqad dan syarat-syaratnya tidak mengan-dungi sebarang kekaburan dan kesamaran dan tidak pula menimbulkan sebarang keadaan tergamam atau malu-malu. Oleh sebab itulah Musa menerima tawaran itu dan meluluskan 'aqad itu mengikut syarat-syarat yang dikemukakan oleh orang tua itu, kemudian beliau menjelaskan lagi **"Dan mana-mana sahaja dari dua tempoh kerja itu saya tunaikan, maka hendaknya tidak ada apa-apa tuntutan yang lain lagi ke atas saya dan Allah jua yang menjadi saksi di atas apa yang kita katakan ini."** Yakni sama ada saya bekerja selama lapan tahun atau saya cukupkan sampai sepuluh tahun, maka hendaknya tidak ada tuntutan yang melebihi tugas-tugas kerja dan tidak ada tuntutan yang mewajibkan kerja sehingga sepuluh tahun, kerana tempoh kerja yang lebih dari sepuluh tahun itu hanya merupakan kerja sukarela sahaja. **"Dan Allah jua yang menjadi saksi di atas apa yang kita katakan ini."** Yakni Allahlah sahaja yang menjadi saksi dan yang diserahkan menyaksi keadilan di antara dua pihak yang ber'aqad itu. Dan cukuplah Allah sahaja menjadi wakil yang menyaksi.

Nabi Musa a.s. telah membuat penjelasan ini sesuai dengan kejujuran hatinya dan ketegasan syakhsiyahnya, juga sesuai untuk menyempurnakan kewajipan orang yang ber'aqad yang harus menjelaskan 'aqad itu dengan terperinci, terang dan jelas, sedangkan beliau sendiri telah berniat untuk menunaikan tempoh kerja yang lebih baik di antara keduanya sebagaimana telah dilakukan beliau. Menurut riwayat sebuah hadith Rasulullah s.a.w. telah menceritakan bahawa Nabi Musa a.s. **"Telah menunaikan tempoh kerja yang lebih baik di antara keduanya (dua tempoh kerja yang dipersetujui mereka)."** [5]

Demikianlah Nabi Musa a.s. berada di rumah mertuanya dengan aman tenteram dari segala gangguan Fir'aun dan tipu dayanya. Apa yang berlaku semuanya itu adalah kerana suatu hikmat yang tersemat di dalam ilmu Allah. Sekarang marilah kita tinggalkan babak ini meneruskan peristiwa-peristiwanya sehingga tamat. Penceritaan Al-Qur'an hanya berhenti setakat ini sahaja dan tirai pun telah ditabuhkan.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 29 - 35)

Tempoh kerja sepuluh tahun yang dipersetujui Musa a.s. itu telah berlalu dan hal ini tidak disebut sedikit pun di dalam penerangan surah ini. Kemudian (di dalam surah ini) hanya ditayangkan babak yang ketiga selepas Nabi Musa a.s. menamatkan tempoh kerjanya dan membawa keluarganya pulang dari Madyan ke Mesir. Dalam perjalanan pulang ke Mesir beliau mengikuti jalan yang telah dilaluinya sepuluh tahun yang lampau dengan seorang diri ketika melarikan diri, tetapi suasana masa pulang tidak sama dengan suasana masa beliau merantau bagi kali yang pertama dahulu. Beliau pulang dan menemui di tengah jalannya suatu peristiwa yang tidak pernah terlintas di dalam hatinya. Beliau telah diseru Allah dan bercakap dengannya dan Allah menyerahkan kepadanya satu tugas penting untuk dilaksanakannya iaitu satu tugas yang keranannya beliau selama ini dipelihara, dijaga, diajar dan dididik Allah. Tugas itu ialah tugas menyampaikan perutusan Allah kepada Fir'aun dan kaumnya supaya baginda menyerahkan Bani Israel kepada beliau agar mereka dapat menyembah Allah tanpa mempersekutukan-Nya dengan sesiapa pun dan dapat mewarisi negeri yang dijanjikan Allah kepada mereka untuk memantapkan kedudukan mereka, juga supaya beliau menjadi seteru dan punca kedukacitaan Fir'aun, Haman dan bala tentera keduanya dan supaya kesudahan mereka berakhir di tangan beliau sebagaimana yang telah dijanjikan Allah:

فَلَمَّا قَضَىٰ مُوسَى ٱلْأَجَلَ وَسَارَ بِأَهْلِهِۦٓ ءَانَسَ مِن
جَانِبِ ٱلطُّورِ نَارًا ۖ قَالَ لِأَهْلِهِ ٱمْكُثُوٓا۟ إِنِّىٓ ءَانَسْتُ
نَارًا لَّعَلِّىٓ ءَاتِيكُم مِّنْهَا بِخَبَرٍ أَوْ جَذْوَةٍ مِّنَ ٱلنَّارِ
لَعَلَّكُمْ تَصْطَلُونَ ﴿٢٩﴾
فَلَمَّآ أَتَىٰهَا نُودِىَ مِن شَٰطِئِ ٱلْوَادِ ٱلْأَيْمَنِ فِى

[5] *Hadith ini telah dikeluarkan oleh al-Bukhari.*

ٱلْبُقْعَةِ ٱلْمُبَٰرَكَةِ مِنَ ٱلشَّجَرَةِ أَن يَٰمُوسَىٰٓ
إِنِّىٓ أَنَا ٱللَّهُ رَبُّ ٱلْعَٰلَمِينَ ﴿٣٠﴾
وَأَنْ أَلْقِ عَصَاكَ ۖ فَلَمَّا رَءَاهَا تَهْتَزُّ كَأَنَّهَا جَآنٌّ
وَلَّىٰ مُدْبِرًا وَلَمْ يُعَقِّبْ ۚ يَٰمُوسَىٰٓ أَقْبِلْ وَلَا
تَخَفْ ۖ إِنَّكَ مِنَ ٱلْءَامِنِينَ ﴿٣١﴾
ٱسْلُكْ يَدَكَ فِى جَيْبِكَ تَخْرُجْ بَيْضَآءَ مِنْ غَيْرِ
سُوٓءٍ وَٱضْمُمْ إِلَيْكَ جَنَاحَكَ مِنَ ٱلرَّهْبِ ۖ فَذَٰنِكَ
بُرْهَٰنَانِ مِن رَّبِّكَ إِلَىٰ فِرْعَوْنَ وَمَلَإِي۟هِۦٓ ۚ إِنَّهُمْ
كَانُوا۟ قَوْمًا فَٰسِقِينَ ﴿٣٢﴾
قَالَ رَبِّ إِنِّى قَتَلْتُ مِنْهُمْ نَفْسًا فَأَخَافُ أَن يَقْتُلُونِ ﴿٣٣﴾
وَأَخِى هَٰرُونُ هُوَ أَفْصَحُ مِنِّى لِسَانًا فَأَرْسِلْهُ مَعِىَ
رِدْءًا يُصَدِّقُنِىٓ ۖ إِنِّىٓ أَخَافُ أَن يُكَذِّبُونِ ﴿٣٤﴾
قَالَ سَنَشُدُّ عَضُدَكَ بِأَخِيكَ وَنَجْعَلُ لَكُمَا
سُلْطَٰنًا فَلَا يَصِلُونَ إِلَيْكُمَا ۚ بِـَٔايَٰتِنَآ أَنتُمَا وَمَنِ
ٱتَّبَعَكُمَا ٱلْغَٰلِبُونَ ﴿٣٥﴾

"Apabila Musa menyelesaikan tempoh kerjanya dan berangkat bersama keluarganya, maka dia nampak api di pinggir Bukit Tur lalu dia pun berkata kepada keluarganya: Berhentilah di sini, sesungguhnya aku nampak api. Semoga dari sana aku dapat membawa sesuatu berita kepada kamu atau sepotong api supaya kamu dapat berdiang(29). Apabila Musa datang ke tempat api itu, dia pun diseru dari (arah) pinggir lembah sebelah kanannya di tempat yang diberkati (Allah) iaitu dari arah pokok itu. Wahai Musa! Sesungguhnya Akulah Allah Tuhan semesta alam(30). Dan campakkanlah tongkatmu, dan apabila Musa melihat tongkat itu bergerak seolah-olah seekor ular kecil yang lincah, dia pun terus berpaling melarikan diri tanpa menoleh ke belakang lagi (lalu dia diseru): Wahai Musa! Datanglah ke mari dan janganlah takut, sesungguhnya engkau dari golongan orang-orang yang mendapat keamanan(31). Masukkanlah sayapmu (tanganmu) ke dalam belahan dadamu nescaya ia keluar putih bersinar-sinar tanpa apa-apa penyakit dan dakapkanlah kedua sayapmu (tanganmu) ke dadamu untuk menghilangkan perasaan takut. Itulah dua mu'jizat dari Tuhanmu (untuk dihadapkan) kepada Fir'aun dan para pembesarnya, kerana sesungguhnya mereka adalah satu kaum yang fasiq(32). Musa berkata: Wahai Tuhanku! Sesungguhnya aku telah membunuh seorang dari mereka, maka kerana itu aku takut mereka akan membunuhku(33). Dan saudaraku Harun itu lebih fasih lidahnya dariku. Oleh itu utuskan dia bersamaku sebagai penyokong yang membenarkan (hujah-hujahku). Sesungguhnya aku takut mereka mendustakanku(34). Allah berfirman: Kami akan menguatkan tenagamu dengan saudaramu dan Kami akan memberi kekuasaan kepada kamu, maka kerana itu (tindakan jahat) mereka tidak sampai kepada kamu. Dengan kekuatan mu'jizat-mu'jizat Kami, kamu dan pengikut-pengikut kamu akan mendapat kemenangan."(35)

Musa Kembali Ke Mesir

Sebelum kita bentangkan dua pemandangan di dalam babak ini eloklah kita berhenti sebentar memikirkan tadbir Allah yang diaturkan kepada Nabi Musa a.s dalam masa sepuluh tahun ini dan di dalam perjalanan beliau pergi dan pulang mengikuti jalan ini.

Qudrat Ilahi telah memindahkan jejak Nabi Musa a.s. selangkah demi selangkah sejak beliau masih seorang bayi dalam buaian lagi sehingga kepada babak ini. Qudrat Ilahilah yang telah menghanyutkan beliau di dalam sungai supaya dipungut oleh keluarga Fir'aun, dan qudrat Ilahi juga yang telah menimbulkan perasaan kasih kepada beliau di dalam hati permaisuri Fir'aun supaya beliau dapat membesar di dalam pemeliharaan musuhnya. Kemudian qudrat inilah juga yang telah mendorong beliau masuk ke dalam ibu kota negeri Mesir ketika penduduknya berada di dalam keadaan yang leka, di mana beliau telah membunuh seorang dari mereka, dan seterusnya qudrat inilah yang telah menghantar seorang pembesar yang Mu'min dari keluarga Fir'aun untuk mengingat dan memberi nasihat kepada beliau supaya lari dari kota itu, dan qudrat inilah yang menemani beliau di jalan padang pasir dari negeri Mesir ke negeri Madyan ketika beliau merantau seorang diri kerana diburu Fir'aun tanpa sebarang bekalan dan persediaan. Kemudian qudrat inilah yang menemukan beliau dengan orang tua itu supaya beliau bekerja dengannya selama sepuluh tahun kemudian pulang selepas itu untuk menerima tugas kerasulan.

Inilah garis perjalanan yang panjang, di mana beliau dijaga, diarah, diajar dan diberi pengalaman sebelum diseru Allah dan diserahkan tugas risalah. Beliau telah diberi pengalaman mendapat jagaan, kasih, sayang dan pemanjaan, pengalaman bertindak terburu-buru di bawah tekanan kemarahan yang terpendam, pengalaman sesal, serba salah dan memohon ampun kepada Allah, pengalaman takut, pengalaman diburu musuh dan merasa cemas, pengalaman menjadi perantau yang dagang seorang diri dan lapar dan pengalaman bekerja menjadi pengembala ternakan setelah hidup mewah di dalam istana-istana, juga berbagai-bagai pengalaman kecil yang lain di celah-celah pengalaman-pengalaman yang besar itu, di mana beliau mengalami berbagai-bagai perasaan dan fikiran dan mendapat kefahaman dan ilmu pengetahuan di samping ilmu pengetahuan dan hikmat kebijaksanaan yang dikurniakan Allah kepada beliau ketika meningkat usia muda belia yang paling kuat dan matang itu.

Kerasulan itu adalah satu tugas yang amat besar, sukar, banyak sudut dan tanggungjawab. Seorang yang memikul tugas ini memerlukan kepada bekalan yang amat besar dari berbagai-bagai pengalaman, ilmu pengetahuan dan mengecapi realiti hidup secara aman di samping mendapat pemberian laduni dari Allah juga wahyu dan bimbingan Allah kepada hatinya.

Risalah Musa a.s. itu sendiri merupakan tugas yang paling besar yang diterima oleh seorang manusia selain dari risalah Nabi Muhammad s.a.w., kerana beliau diutus kepada Fir'aun seorang raja yang paling zalim, bermaharajalela dan angkuh di muka bumi di zaman itu, seorang raja yang mewarisi singgahsana yang paling lama, kerajaan yang paling kuat dan tamadun yang paling tua, juga seorang raja yang paling zalim memperhambakan manusia dan paling takbur di bumi ini.

Beliau diutus untuk menyelamatkan kaum Bani Israel yang telah meneguk gelas kehinaan (sebegitu lama) sehingga mereka dapat menelannya dengan enak dan menjadi begitu biasa dengannya. Mereka hidup hina-dina sekian lama dan kehinaan itu merosakkan fitrah manusia sehingga ia menjadi busuk dan terhapus segala kebaikan, keindahan dan harapannya. Ia juga menghilangkan perasaan jijik terhadap sesuatu yang busuk, najis dan kotor. Justeru itu tugas menyelamat kaum yang seperti ini merupakan satu kerja yang amat sukar dan sulit.

Beliau diutus kepada kaum Bani Israel yang mempunyai aqidah yang tua, yang telah diselewengkan mereka. Gambaran aqidah itu telah rosak di dalam hati mereka, sedangkan hati mereka bukannya hati baru yang dapat menerima aqidah yang baru dengan perasaan yang suci dan ikhlas, dan bukan pula hati yang tetap berpegang kukuh dengan aqidah mereka yang tua itu. Kerja mengubati hati yang seperti ini amatlah sukar. Di samping itu penyelewengan, keladak kepercayaan yang karut dan sesat telah menyebabkan tugas itu bertambah sukar lagi.

Secara ringkas beliau diutus untuk membangunkan kembali umat Bani Israel, malah untuk melahirkan mereka dari tapak asas (yang baru), dan bagi pertama kalinya kaum Bani Israel dapat menjadi satu bangsa yang merdeka yang mempunyai cara hidup yang tersendiri yang dikendalikan oleh agama Allah. Pembinaan bangsa itu memanglah satu tugas yang amat besar dan sukar.

Mungkin kerana tujuan inilah Al-Qur'anul-Karim memberi perhatiannya yang besar kepada kisah ini, iaitu sebuah kisah yang menjadi contoh yang sempurna bagi usaha membina satu umat di atas asas da'wah dengan segala masalah yang dihadapinya dan halangan-halangan luaran dan dalaman, penyelewengan-penyelewengan, reaksi-reaksi, pengalaman-pengalaman dan segala macam kesulitan.

Adapun pengalaman sepuluh tahun (berada di Madyan), maka ia hanya untuk memisahkan di antara kehidupan mewah di dalam istana - di mana beliau membesar dengan kehidupan perjuangan da'wah yang sukar dan tugas-tugasnya yang berat.

Kehidupan di istana mempunyai suasana yang tersendiri dan tradisi-tradisi yang tersendiri, di samping bayangan-bayangan yang tersendiri, yang mempengaruhi dan mencorakkan jiwa seseorang biar pun bagaimana tinggi ilmu pengetahuan, kefahaman dan kepekaannya. Tugas kerasulan itu ialah melayani khalayak manusia yang ramai yang terdiri dari yang kaya, yang miskin, yang berada dan yang tidak berada, yang bersih dan yang kotor, yang halus dan yang kasar, yang bagus dan yang buruk, yang baik dan yang jahat, yang kuat dan yang lemah, yang sabar dan yang tidak sabar dan lain-lainnya. Golongan yang miskin mempunyai adat-adat kebiasaan yang tersendiri dalam makan, minum, pakaian, gaya berjalan, cara memahami sesuatu, cara menanggapi hidup, cara bercakap dan bergerak dan cara mengungkapkan perasaan-perasaan mereka. Adat-adat kebiasaan ini menjadi beban yang berat kepada jiwa orang-orang yang hidup mewah dan kepada perasaan orang-orang yang terdidik di dalam istana. Mereka hampir-hampir tidak sanggup untuk melihat adat-adat ini apatah lagi untuk melayani dan menanganinya walaupun hati orang-orang miskin itu penuh dengan kebaikan dan bersedia untuk menerima kebaikan, kerana rupa mereka yang lahir dan cara adat kebiasaan mereka tidak mendapat tempat di dalam hati penghuni-penghuni istana.

Kerasulan mempunyai beban-bebannya yang berat seperti kesulitan dan kesukaran, penumpuan usaha, kesanggupan menghadapi kehidupan yang jerih dan kadangkala sempit, sedangkan hati penghuni-penghuni istana walau bagaimana pun kesediaan dan kesanggupan mereka untuk berkorban, namun oleh kerana mereka telah terbiasa dengan cara hidup yang senang lenang dan selesa, maka mereka tidak tahan sabar dalam jangka waktu yang lama untuk menanggung kesulitan, penafian dan kesusahan di dalam alam realiti hidup.

Oleh sebab itulah qudrat Ilahi yang memindahkan jejak langkah Musa a.s. itu mahu menurunkan kebiasaan hidup senang lenang yang dibiasai oleh jiwa beliau itu dan melibatkan beliau di dalam masyarakat pengembala dan menjadikan beliau merasa senang hidup sebagai seorang pengembala yang mendapat makanan dan tempat tinggal setelah beliau mengalami ketakutan di buru pemerintah, menghadapi kesusahan dan kelaparan, juga supaya beliau membuang dari hatinya sebarang perasaan jijik kepada kemiskinan dan orang-orang miskin, dan perasaan bosan terhadap adat-adat kebiasaan, tingkahlaku, kekasaran, dan kedunguan mereka, juga

membuang sebarang perasaan angkuh terhadap kejahilan, kemiskinan, keburukan keadaan dan adat resam mereka. Qudrat Ilahi mahu mencampakkan beliau ke dalam laut kehidupan semasa beliau dewasa setelah ia mencampakkan beliau ke dalam arus sungai semasa beliau masih kecil dengan tujuan untuk melatih beliau memikul beban-beban kesulitan tugas da'wah sebelum diterima oleh beliau.

Setelah jiwa Nabi Musa a.s. sempurna menempuh ujian-ujiannya dan sempurna menjalan latihan-latihannya dengan ujian yang akhir di negeri orang, maka sekali lagi qudrat Ilahi membawa beliau pulang ke tempat tumpah darahnya, ke tempat kediaman keluarga dan kaumnya dan ke gelanggang tugas kerasulannyanya. Beliau pulang melalui jalan yang pernah dilaluinya sekali dengan seorang diri dan dengan perasaan yang cemas kerana diburu pemerintah. Mengapa beliau pulang pergi melalui jalan yang sama? Itulah latihan dan mencari pengalaman mengenali selok-belok jalan padang pasir, iaitu jalan-jalan di mana beliau kelak akan memimpin kaumnya (keluar dari negeri Mesir) dengan perintah Allah supaya beliau cukup lengkap dengan sifat-sifat seorang perintis dan pengalaman-pengalamannya agar beliau tidak bergantung kepada orang lain walaupun dalam masalah meneroka dan mencari jalan. Kaum beliau sangat memerlukan seorang perintis dan pemimpin yang dapat membimbing mereka di dalam segala perkara sama ada yang kecil atau yang besar setelah jiwa mereka dirosakkan oleh kehidupan yang hina-dina, tertindas kerana diperhambakan Fir'aun sehingga mereka hilang kemampuan untuk merancang dan berfikir.

Demikianlah kita dapat memahami bagaimana Musa dididik dan dibentuk di bawah pemerhatian Ilahi dan bagaimana qudrat Ilahi menyiapkan diri beliau untuk menerima tugas da'wah. Oleh itu marilah kita ikuti jejak langkah beliau yang diaturkan qudrat Ilahi yang agung menuju kepada tugas kerasulan.

******

فَلَمَّا قَضَىٰ مُوسَى ٱلْأَجَلَ وَسَارَ بِأَهْلِهِۦٓ ءَانَسَ مِن
جَانِبِ ٱلطُّورِ نَارًا ۖ قَالَ لِأَهْلِهِ ٱمْكُثُوٓا۟ إِنِّىٓ ءَانَسْتُ
نَارًا لَّعَلِّىٓ ءَاتِيكُم مِّنْهَا بِخَبَرٍ أَوْ جَذْوَةٍ مِّنَ ٱلنَّارِ
لَعَلَّكُمْ تَصْطَلُونَ ﴿٢٩﴾

"Apabila Musa menyelesaikan tempoh kerjanya dan berangkat bersama keluarganya, maka dia nampak api di pinggir Bukit Tur lalu dia pun berkata kepada keluarganya: Berhentilah di sini, sesungguhnya aku nampak api. Semoga dari sana aku dapat membawa sesuatu berita kepada kamu atau sepotong api supaya kamu dapat berdiang."(29)

Apakah dorongan yang mendorong Nabi Musa a.s. pulang ke Mesir setelah tamat tempoh bekerja (yang dijanjikan itu), sedangkan dulunya beliau keluar meninggalkan negeri itu dalam keadaan takut dan cemas? Apakah yang mendorong beliau pulang hingga beliau lupakan ancaman bahaya yang sedang menunggunya di sana kerana beliau telah membunuh orang? Apakah yang mendorong beliau, sedangkan di sana Maharaja Fir'aun telah merancangkan pakatan bersama pembesar-pembesar kaumnya untuk membunuh beliau?

Itulah qudrat Ilahi yang telah mengaturkan segala jejak langkah beliau. Mungkin pada kali ini qudrat Ilahi mendorong beliau pulang dengan keinginan semulajadi iaitu keinginan untuk menemui keluarga dan kaum kerabat, merindui tanahair dan kampung halaman. Dorongan keinginan ini membuat beliau merasa aman terhadap ancaman bahaya yang telah menyebabkan beliau keluar melarikan diri seorang diri. Ia mendorong beliau pulang untuk melaksanakan tugas kerasulan yang kerananya beliau dicipta dan dijaga sejak awal-awal lagi.

Walau bagaimanapun beliau kini sedang di dalam perjalanan pulang ke Mesir membawa keluarganya bersama. Waktu ini ialah waktu malam dengan suasananya yang gelap-gelita. Beliau kesesatan jalan dan udara malam dirasa amat dingin sebagaimana dapat difaham dari usahanya pergi mendapatkan tempat api yang dilihatnya itu untuk mendapat berita di sana atau untuk mengambil sepotong api untuk ber-diang. Itulah pemandangan yang pertama di dalam babak ini.

Adapun pemandangan yang kedua ialah peristiwa agung yang tidak terduga:

Musa Menghadapi Tajalli Yang Agung

فَلَمَّآ أَتَىٰهَا نُودِىَ مِن شَٰطِئِ ٱلْوَادِ ٱلْأَيْمَنِ فِى
ٱلْبُقْعَةِ ٱلْمُبَٰرَكَةِ مِنَ ٱلشَّجَرَةِ

"Apabila Musa datang ke tempat api itu, dia pun diseru dari (arah) pinggir lembah sebelah kanannya di tempat yang diberkati (Allah) iaitu dari arah pokok itu."(30)

Ini dia Musa a.s. sedang menuju ke tempat api yang dilihatnya. Kini beliau berada di tepi wadi di pinggir Bukit Tursina, dan wadi berada di sebelah kanannya **"Di tempat yang diberkati (Allah)"** yakni tempat ini diberkati Allah sejak detik waktu itu. Kemudian kini seluruh pelosok alam buana sedang bergema dengan seruan Ilahi Yang Maha Tinggi yang ditujukan kepada Musa **"Dari arah pokok itu"** dan mungkin pokok ini merupakan satu-satunya pokok yang ada di tempat itu:

أَن يَٰمُوسَىٰٓ إِنِّىٓ أَنَا ٱللَّهُ رَبُّ ٱلْعَٰلَمِينَ ﴿٣٠﴾

"Wahai Musa! Sesungguhnya Akulah Allah Tuhan semesta alam."(30)

Nabi Musa a.s. menerima seruan Ilahi ini secara langsung. Beliau menerimanya dengan seorang diri di malam yang sunyi sepi. Beliau menerimanya dengan gemanya yang bersahut-sahutan di merata pelosok alam buana yang terbentang di sekelilingnya, dan memenuhi langit dan bumi. Beliau menerimanya tanpa mengetahui caranya dan tanpa mengetahui dengan mana satu anggota dan dari jalan mana. Beliau menerimanya dengan sepenuh alam buana di sekelilingnya dan dengan sepenuh jiwanya. Beliau menerima-nya dan mampu menerimanya kerana beliau dibentuk dan dididik di bawah pemerhatian Ilahi sehingga beliau cukup bersedia untuk menghadapi detik-detik yang agung ini.

Hati nurani alam buana telah merakamkan seruan Ilahi yang tinggi itu, dan tempat itu telah diberkati tajalli Allah Yang Maha Mulia, dan wadi itu turut dimuliakan dengan tajalli Ilahi itu dan menjadikannya sebuah wadi yang istimewa. Di sinilah Musa berdiri dalam satu suasana yang paling mulia yang pernah dihadapi seorang manusia.

Seruan Ilahi yang tinggi itu menyampaikan perintah kepada hamba-Nya:

وَأَنْ أَلْقِ عَصَاكَ ۖ

"Dan campakkanlah tongkatmu."(31)

Lalu Musa membuangkan tongkatnya kerana mematuhi perintah Allah, tetap apakah yang telah berlaku? Tongkat itu bukan lagi tongkat yang menemaninya selama ini, bukan lagi tongkat yang benar-benar dikenalinya. Ia telah menjadi seekor ular yang bergerak lincah, cepat dan berbelit-belit seperti ular-ular kecil, sedangkan ia seekor ular yang besar:

فَلَمَّا رَآهَا تَهْتَزُّ كَأَنَّهَا جَانٌّ وَلَّىٰ مُدْبِرًا وَلَمْ يُعَقِّبْ ۚ

"Dan apabila Musa melihat tongkat itu bergerak seolah-olah seekor ular kecil yang lincah, dia pun terus berpaling melarikan diri tanpa menoleh ke belakang lagi."(31)

Itulah peristiwa luar dugaan yang beliau sama sekali tidak bersedia untuk menghadapinya di samping tabi'at beliau yang mudah terharu dan sensitif itu, **"Dia pun terus berpaling melarikan diri tanpa menoleh ke belakang lagi"** dan tanpa berfikir untuk kembali melihat tongkat itu dan memeriksa apakah sebenarnya yang telah terjadi kepadanya serta memikirkan peristiwa aneh yang amat besar ini dengan teliti. Inilah sifat orang-orang sensitif yang dapat dilihat tepat-pada waktunya.

Kemudian dia mendengar perintah Tuhannya yang Maha Tinggi:

يَا مُوسَىٰ أَقْبِلْ وَلَا تَخَفْ ۖ إِنَّكَ مِنَ الْآمِنِينَ ﴿٣١﴾

"Wahai Musa! Datanglah kemari dan janganlah takut sesungguhnya engkau dari golongan orang-orang yang mendapat keamanan."(31)

Ketakutan dan ketenteraman silih berganti dengan cepat di dalam jiwa Musa di semua peringkat hidupnya. Itulah suasana hidup beliau dari awal hingga akhir, dan sifat mudah terharu yang berterusan ini memanglah sengaja ditentukan Allah di dalam jiwa dan kehidupan beliau, kerana ia merupakan sifat yang bertentangan dengan sifat Bani Israel yang telah hilang rasa dan terbiasa dengan hidup hina-dina sekian lama. Itulah pentadbiran dan perencanaan qudrat Ilahi yang amat mendalam dan amat halus. **"Datanglah ke mari dan janganlah takut. Sesungguhnya engkau dari golongan orang-orang yang mendapat keamanan."**

Bagaimana orang yang diatur jejak langkahnya dan dijaga di bawah penglihatan Ilahi tidak dapat merasa aman tenteram?

اسْلُكْ يَدَكَ فِي جَيْبِكَ تَخْرُجْ بَيْضَاءَ مِنْ غَيْرِ سُوءٍ

"Masukkanlah sayapmu (tanganmu) ke dalam belahan dadamu nescaya ia keluar putih bersinar-sinar tanpa apa-apa penyakit."(32)

Nabi Musa a.s. mematuhi perintah itu dan terus memasukkan tangannya ke dalam belahan bajunya di bahagian dada kemudian mengeluarkannya kembali, tiba-tiba berlakulah peristiwa aneh yang kedua dalam satu masa, iaitu tangan beliau berubah menjadi putih bersinar-sinar tanpa penyakit, sedangkan selama ini beliau biasa melihatnya berwarna kemerah-merahan. Tangan itu merupakan isyarat yang melambangkan kegemilangan kebenaran, kejelasan bukti dan dalil kekuasaan Ilahi.

(Sekali lagi) Musa dikongkong tabi'atnya yang mudah terharu itu. Beliau menggigil ketakutan menghadapi suasana-suasana mu'jizat yang berturut-turut itu dan sekali lagi beliau diselamatkan oleh ri'ayah Ilahi yang penyayang, yang mengeluarkan arahan untuk menjadikan beliau tenteram, iaitu arahan supaya beliau mendakapkan tangannya di atas dadanya untuk mengurangkan degukan-degukan dan debaran jantungnya.

وَاضْمُمْ إِلَيْكَ جَنَاحَكَ مِنَ الرَّهْبِ ۖ

"Dakapkanlah kedua sayapmu (tanganmu) kedadamu untuk menghilangkan perasaan takut."(32)

Seolah-olah tangan beliau ini serupa dengan sayap burung yang mendakap dadanya dan serupa dengan burung yang tenteram apabila ia mengucupkan sayapnya, kerana gerak kibaran sayap burung itu serupa dengan gerak degukan jantung dan gerak kuncupannya sama dengan rasa ketenteraman. Ayat

ini melukiskan gambaran sedemikian mengikut cara Al-Qur'an.

Sekarang Nabi Musa a.s. telah menerima perintah dan melihat pemandangan-pemandangan mu'jizat iaitu dua pemandangan yang luar biasa yang dihadapinya dengan menggigil ketakutan dan kemudian kembali tenang. Sekarang barulah beliau mengetahui rahsia di sebalik bukti-bukti kekuasaan Allah (yang ditunjukkan kepadanya) itu dan sekarang juga beliau menerima tugas kerasulannya, iaitu satu tugas yang kerananya beliau diasuh dari sejak kecil lagi supaya beliau dapat menerimanya.

فَذَٰنِكَ بُرْهَٰنَانِ مِن رَّبِّكَ إِلَىٰ فِرْعَوْنَ وَمَلَإِيْهِۦٓ ۚ
إِنَّهُمْ كَانُوا۟ قَوْمًا فَٰسِقِينَ ﴿٣٢﴾

"Itulah dua mu'jizat dari Tuhanmu (untuk dihadapkan) kepada Fir'aun dan para pembesarnya, kerana sesungguhnya mereka adalah satu kaum yang fasiq."(32)

Itulah tugas kerasulan, iaitu beliau diutuskan kepada Fir'aun dan kaumnya. Itulah janji yang diterima ibu Musa ketika beliau masih dalam usia bayi yang sedang menyusu:

إِنَّا رَآدُّوهُ إِلَيْكِ وَجَاعِلُوهُ مِنَ ٱلْمُرْسَلِينَ ﴿٧﴾

"Kerana sesungguhnya Kami akan memulangkannya ke pangkuanmu kembali dan melantikkannya sebagai salah seorang dari para rasul."(7)

Itulah janji yang benar yang telah dilalui sekian tahun lamanya. Itulah janji Allah yang tidak pernah dimungkirinya, kerana Dialah sebenar-benar yang berkata.

Di sini Nabi Musa a.s. teringat bahawa beliau telah membunuh seorang dari kaum Fir'aun dan melarikan diri dari kalangan mereka kerana diburu pemerintah. Beliau teringat bagaimana mereka merancangkan pakatan untuk membunuhnya dan kerana itulah beliau lari jauh dari mereka. Beliau terkenang bahawa beliau sedang berada di hadapan Tuhannya yang telah memberi penghormatan kepadanya dengan pertemuan ini dan memuliakan beliau dengan wahyunya, dengan bukti-bukti mu'jizat dan dengan penjagaan dan pemeliharaan-Nya. Oleh itu mengapa beliau tidak mengambil langkah berjaga-jaga kerana takut dibunuh orang yang boleh mengakibatkan terputusnya risalahnya itu:

قَالَ رَبِّ إِنِّى قَتَلْتُ مِنْهُمْ نَفْسًا فَأَخَافُ أَن يَقْتُلُونِ ﴿٣٣﴾

"Musa berkata: Wahai Tuhanku! Sesungguhnya aku telah membunuh seorang dari mereka, maka kerana itu aku takut mereka akan membunuhku."(33)

Beliau mengeluarkan kata-kata ini bukan untuk menguzur dan menarik diri (dari tugas itu), tetapi untuk mengambil langkah berjaga-jaga terhadap keselamatan da'wah supaya ia dapat berjalan terus jika beliau menemui apa yang dibimbanginya itu. Inilah sifat hati-hati dan waspada yang layak dengan syakhsiyah Nabi Musa yang gagah dan beramanah itu:

وَأَخِى هَٰرُونُ هُوَ أَفْصَحُ مِنِّى لِسَانًا فَأَرْسِلْهُ مَعِىَ
رِدْءًا يُصَدِّقُنِىٓ ۖ إِنِّىٓ أَخَافُ أَن يُكَذِّبُونِ ﴿٣٤﴾

"Dan saudaraku Harun itu lebih fasih lidahnya dariku. Oleh itu utuskan dia bersamaku sebagai penyokong yang membenarkan (hujah-hujahku). Sesungguhnya aku takut mereka mendustakanku."(34)

Yakni Harun mempunyai lidah yang lebih fasih dan petah. Oleh itu dia lebih berkemampuan untuk mempertahankan da'wah dan boleh menjadi pembantu untuk menguatkan da'wahnya dan seterusnya dapat mengganti-kannya apabila beliau dibunuh.

Di sini permohonan Musa a.s. mendapat sambutan dan jaminan dari Allah:

Harun Diutus Untuk Membantu Musa

قَالَ سَنَشُدُّ عَضُدَكَ بِأَخِيكَ وَنَجْعَلُ لَكُمَا
سُلْطَٰنًا فَلَا يَصِلُونَ إِلَيْكُمَا ۚ بِـَٔايَٰتِنَآ أَنتُمَا وَمَنِ
ٱتَّبَعَكُمَا ٱلْغَٰلِبُونَ ﴿٣٥﴾

"Allah berfirman: Kami akan menguatkan tenagamu dengan saudaramu dan Kami akan memberi kekuasaan kepada kamu, maka kerana itu (tindakan jahat) mereka tidak sampai kepada kamu. Dengan kekuatan mu'jizat-mu'jizat Kami, kamu dan pengikut-pengikut kamu akan mendapat kemenangan."(35)

Yakni Allah telah memperkenankan harapan beliau dan menguatkan tenaga beliau dengan saudaranya Harun, dan lebih dari itu Allah menyampaikan pula berita gembira dan jaminan. **"Dan kami akan memberi kekuatan kepada kamu"** yakni mereka tidak akan menemui Fir'aun yang bermaharajalela itu dengan tangan yang kosong, malah mereka akan menemuinya dengan berbekalkan kuasa Ilahi yang tidak dapat ditentang oleh mana-mana kuasa di bumi, dan dengan kuasa ini tiada pemerintah yang zalim yang dapat menyentuh mereka **"Kerana itu (tindakan jahat) mereka tidak sampai kepada kamu"** yakni kamu ber-dua akan dipagari dengan kuasa Ilahi supaya kamu berada di dalam kubu keselamatan dan perlindungan yang kukuh.

Berita gembira itu tidak hanya terhenti setakat ini sahaja, malah berita itu menyatakan pula bahawa keme-nangan akan dicapai oleh kebenaran. Kemenangan akan dicapai oleh mu'jizat-mu'jizat dari Allah yang digunakan mereka dalam menghadapi manusia-manusia yang zalim itu. Itulah satu-satunya senjata, kekuatan dan alat kemenangan **"Dengan kekuatan mu'jizat-mu'jizat Kami, kamu dan pengikut-pengikut kamu akan** mendapat **kemenangan."**

Di sini qudrat Ilahi kelihatan amat jelas di atas pentas peristiwa-peristiwa (yang telah berlaku). Ia melaksanakan tugasnya secara terbuka tanpa berselindung di sebalik kekuatan-kekuatan di bumi supaya kemenangan (Rasul-Nya) dicapai tanpa melalui sebab-sebab yang dikenali di dalam dunia manusia, dan supaya wujudnya satu neraca baru bagi kekuatan dan nilai-nilai di dalam jiwa manusia iaitu neraca keimanan dan kepercayaan kepada Allah dan selepas itu segala-galanya terserah kepada Allah.

******

(Pentafsiran ayat-ayat 36 - 42)

Di sini berakhirlah pemandangan yang indah dan hebat ini. Zaman dan tempat pun dilipat, kemudian tiba-tiba muncul pemandangan Musa dan Harun sedang menghadapi Fir'aun dengan mu'jizat-mu'jizat yang jelas dari Allah, tiba-tiba berlaku dialog di antara hidayat dan kesesatan, tiba-tiba berlaku penamatan hayat Fir'aun yang muktamad di dalam kehidupan dunia dengan peristiwa tenggelam, dan di dalam kehidupan Akhirat dengan laknat Allah. Semuanya berlaku dengan pantas dan ringkas:

فَلَمَّا جَآءَهُم مُّوسَىٰ بِـَٔايَٰتِنَا بَيِّنَٰتٖ قَالُواْ مَا هَٰذَآ
إِلَّا سِحۡرٞ مُّفۡتَرٗى وَمَا سَمِعۡنَا بِهَٰذَا فِيٓ ءَابَآئِنَا
ٱلۡأَوَّلِينَ ٣٦
وَقَالَ مُوسَىٰ رَبِّيٓ أَعۡلَمُ بِمَن جَآءَ بِٱلۡهُدَىٰ مِنۡ
عِندِهِۦ وَمَن تَكُونُ لَهُۥ عَٰقِبَةُ ٱلدَّارِۖ إِنَّهُۥ لَا
يُفۡلِحُ ٱلظَّٰلِمُونَ ٣٧
وَقَالَ فِرۡعَوۡنُ يَٰٓأَيُّهَا ٱلۡمَلَأُ مَا عَلِمۡتُ لَكُم
مِّنۡ إِلَٰهٍ غَيۡرِي فَأَوۡقِدۡ لِي يَٰهَٰمَٰنُ عَلَى ٱلطِّينِ
فَٱجۡعَل لِّي صَرۡحٗا لَّعَلِّيٓ أَطَّلِعُ إِلَىٰٓ إِلَٰهِ مُوسَىٰ
وَإِنِّي لَأَظُنُّهُۥ مِنَ ٱلۡكَٰذِبِينَ ٣٨
وَٱسۡتَكۡبَرَ هُوَ وَجُنُودُهُۥ فِي ٱلۡأَرۡضِ بِغَيۡرِ
ٱلۡحَقِّ وَظَنُّوٓاْ أَنَّهُمۡ إِلَيۡنَا لَا يُرۡجَعُونَ ٣٩
فَأَخَذۡنَٰهُ وَجُنُودَهُۥ فَنَبَذۡنَٰهُمۡ فِي ٱلۡيَمِّۖ فَٱنظُرۡ كَيۡفَ
كَانَ عَٰقِبَةُ ٱلظَّٰلِمِينَ ٤٠
وَجَعَلۡنَٰهُمۡ أَئِمَّةٗ يَدۡعُونَ إِلَى ٱلنَّارِۖ وَيَوۡمَ
ٱلۡقِيَٰمَةِ لَا يُنصَرُونَ ٤١
وَأَتۡبَعۡنَٰهُمۡ فِي هَٰذِهِ ٱلدُّنۡيَا لَعۡنَةٗۖ وَيَوۡمَ
ٱلۡقِيَٰمَةِ هُم مِّنَ ٱلۡمَقۡبُوحِينَ ٤٢

"Apabila Musa datang menemui mereka dengan membawa mu'jizat-mu'jizat Kami mereka pun berkata: Ini tiada lain melainkan hanya perbuatan sihir yang dibuat-buat sahaja dan kami tidak pernah dengar perkara ini berlaku di dalam kalangan datuk nenek kami di zaman dahulu(36). Dan Musa menjawab: Tuhanku lebih mengetahui siapakah yang membawa hidayat dari sisi-Nya dan siapakah yang akan mendapat akibat yang baik di negeri Akhirat. Sesungguhnya orang-orang yang zalim itu tidak memperolehi keberuntungan(37). Dan berkatalah Fir'aun: Wahai sekalian pembesar! Aku tidak mengetahui bahawa kamu mempunyai tuhan yang lain dariku. Oleh itu wahai Haman! Bakarlah untukku tanah liat kemudian binakan untukku satu bangunan yang tinggi supaya aku dapat naik melihat Tuhan Musa dan sesungguhnya aku fikir dia itu dari golongan para pendusta(38). Dan Fir'aun dan bala tenteranya telah berlagak angkuh di bumi (Mesir) tanpa sebab yang benar dan mereka telah menyangka bahawa mereka tidak akan dikembalikan kepada Kami(39). Lalu Kami ambil Fir'aun dan bala tenteranya dan Kami buangkan mereka ke dalam lautan. Oleh itu lihatlah bagaimana akibat orang-orang yang zalim(40). Dan Kami telah jadikan mereka para pemimpin yang menyeru (pengikut-pengikut mereka) ke Neraka, dan pada hari Qiamat nanti mereka tidak akan diberi pertolongan(41). Dan Kami iringkan laknat ke atas mereka di dunia ini dan pada hari Qiamat kelak mereka adalah dari golongan mereka yang diburuk-burukkan."(42)

Penerangan ayat-ayat ini mempercepatkan cerita pukulan maut (terhadap Fir'aun). Ia hanya menceritakan babak tukang-tukang sihir itu dengan ringkas sahaja, iaitu satu babak yang diceritakan dengan panjang lebar di dalam surah-surah yang lain. Ia sengaja menceritakannya dengan ringkas supaya pembohongan Fir'aun itu terus berakhir dengan kebinasaan. Kemudian ia tidak hanya berhenti setakat Fir'aun itu diazab di dunia, malah ia mengikuti perjalanan Fir'aun itu hingga ke negeri Akhirat. Kecepatan cerita babak ini memang diatur sesuai dengan tujuan kisah di dalam surah ini iaitu untuk menunjukkan campurtangan Ilahi secara langsung tanpa berselindung di belakang tadbir manusia. Sebaik sahaja Musa menghadapi Fir'aun, maka Allah dengan segera menimpakan akibat ke atasnya dan qudrat-Nya terus memberi pukulan maut kepadanya tanpa menceritakannya dengan panjang lebar.

فَلَمَّا جَآءَهُم مُّوسَىٰ بِـَٔايَٰتِنَا بَيِّنَٰتٖ قَالُواْ مَا هَٰذَآ
إِلَّا سِحۡرٞ مُّفۡتَرٗى وَمَا سَمِعۡنَا بِهَٰذَا فِيٓ ءَابَآئِنَا
ٱلۡأَوَّلِينَ ٣٦

"Apabila Musa datang menemui mereka dengan membawa mu'jizat-mu'jizat Kami mereka pun berkata: Ini tiada lain melainkan hanya perbuatan sihir yang dibuat-buat sahaja dan kami tidak pernah dengar perkara ini berlaku di dalam kalangan datuk nenek kami di zaman dahulu."(36)

Seolah-olah kata-kata ini sama dengan kata-kata kaum Musyrikin kepada Nabi Muhammad s.a.w. pada masa itu **"Ini tidak lain melainkan hanya perbuatan sihir yang dibuat-buat sahaja dan kami tidak pernah dengar perkara ini berlaku di dalam kalangan datuk nenek kami di zaman dahulu".** Ini hanya merupakan pertengkaran yang degil menentang kebenaran yang terang, yang tidak dapat ditolak. Itulah pertengkaran degil yang berulang-ulang apabila kebenaran menentang kebatilan dan kebatilan tidak mampu menjawab. Mereka mendakwa perbuatan itu sebagai perbuatan sihir. Mereka tidak mempunyai hujah untuk menolaknya selain dari mengatakan bahawa perkara itu adalah baru kepada mereka. Mereka tidak pernah mendengar berlaku di dalam kalangan datuk nenek mereka.

Mereka tidak berbincang dengan mengemukakan hujah-hujah dan alasan-alasan, malah mereka hanya melontarkan kata-kata yang samar-samar, yang tidak menegakkan kebenaran dan tidak pula menumbangkan. kebatilan dan menolak dakwaan, tetapi Nabi Musa a.s. menyerahkan persoalan di antara beliau dengan mereka kepada Allah, kerana mereka tidak mengemukakan apa-apa hujah yang dapat dibincangkan oleh beliau dan tidak pula menuntut apa-apa dalil yang dapat diberikan beliau kepada mereka, malah mereka hanya bertengkar secara degil sebagaimana dilakukan oleh pendokong-pendokong kebatilan di setiap tempat dan zaman. Oleh itu bercakap ringkas dengan mereka adalah lebih baik dan mengambil sikap tidak menghiraukan mereka adalah lebih mulia. Kerana inilah beliau menyerahkan perkara ini kepada Allah sahaja:

وَقَالَ مُوسَىٰ رَبِّيٓ أَعۡلَمُ بِمَن جَآءَ بِٱلۡهُدَىٰ مِنۡ عِندِهِۦ وَمَن تَكُونُ لَهُۥ عَٰقِبَةُ ٱلدَّارِۖ إِنَّهُۥ لَا يُفۡلِحُ ٱلظَّٰلِمُونَ ﴿٣٧﴾

"Dan Musa menjawab: Tuhanku lebih mengetahui siapakah yang membawa hidayat dari sisi-Nya dan siapakah yang akan mendapat akibat yang baik di negeri Akhirat. Sesungguhnya orang-orang yang zalim itu tidak memperolehi keberuntungan."(37)

Itulah jawapan yang sopan dan halus, di mana beliau menyindir dan tidak mengatakan secara terus terang, tetapi sekaligus itu juga ia merupakan satu jawapan yang jelas dan penuh dengan keyakinan terhadap akibat pertentangan di antara yang benar dan yang batil. Tuhannya lebih mengetahui kebenaran dan hidayatnya. Balasan yang baik telah dijamin kepada orang yang membawa hidayat, sedangkan orang-orang yang zalim itu pada akhirnya tetap tidak akan beruntung. Itulah Sunnatullah yang tidak pernah berubah walaupun pada lahirnya kadang-kadang ia kelihatan tidak menuju ke arah ini. Itulah undang-undang atau Sunnatullah dan dengan Sunnatullah itulah Musa a.s. menghadapi kaumnya, dan beginilah juga setiap nabi yang lain menghadapi kaumnya masing-masing.

Tetapi jawapan Fir'aun terhadap jawapan yang sopan dan keyakinan itu ialah mengemukakan dakwaan yang bukan-bukan, kata-kata yang takbur, sendaan, putar belit dan ejekan:

وَقَالَ فِرۡعَوۡنُ يَٰٓأَيُّهَا ٱلۡمَلَأُ مَا عَلِمۡتُ لَكُم مِّنۡ إِلَٰهٍ غَيۡرِي فَأَوۡقِدۡ لِي يَٰهَٰمَٰنُ عَلَى ٱلطِّينِ فَٱجۡعَل لِّي صَرۡحٗا لَّعَلِّيٓ أَطَّلِعُ إِلَىٰٓ إِلَٰهِ مُوسَىٰ وَإِنِّي لَأَظُنُّهُۥ مِنَ ٱلۡكَٰذِبِينَ ﴿٣٨﴾

"Dan berkatalah Fir'aun: Wahai sekalian pembesar! Aku tidak mengetahui bahawa kamu mempunyai tuhan yang lain dariku. Oleh itu wahai Haman! Bakarlah untukku tanah liat kemudian binakan untukku satu bangunan yang tinggi supaya aku dapat naik melihat Tuhan Musa dan sesungguhnya aku fikir dia itu dari golongan para pendusta."(38)

Yakni wahai sekian pembesar, setahu beta kamu tidak mempunyai tuhan yang lain selain dari beta. Inilah kata-kata jahat dan kafir yang diterima oleh para pembesar Fir'aun dengan patuh dan menyerah bulat. Jawapan Fir'aun ini berlandaskan dongeng-dongeng yang terkenal di Mesir yang menghubungkan raja-raja dengan tuhan-tuhan, juga berdasarkan kuasa paksaan yang tidak membenarkan hamba rakyatnya berfikir dan bercakap, kerana mereka sedar bahawa dia hanya seorang manusia yang sama seperti mereka iaitu hidup dan mati, tetapi dia mengeluarkan kata-kata ini kepada mereka dan mereka menerimanya tanpa sebarang bangkangan dan ulasan.

Kemudian dia berpura-pura menunjukkan kesungguhan hendak mengetahui hakikat yang sebenar dan mencari Tuhan Musa, sedangkan tujuannya ialah mengejek dan menyenda: **"Wahai Haman! Bakarlah untukku tanah liat, kemudian binakan untukku satu bangunan yang tinggi supaya aku dapat naik melihat Tuhan Musa"** di langit, mengikut katanya. Kemudian dengan kata-kata mengejek pula dia pura-pura meragui kebenaran Musa, tetapi dia terus mencari dan menyiasat untuk mendapat hakikat yang sebenar: **"Sesungguhnya aku fikir dia itu dari golongan para pendusta."**

Di tempat inilah berlakunya babak perlawanan beliau dengan tukang-tukang sihir, tetapi babak ini dibuang di sini supaya dapat mengesahkan penghabisan cerita ini dengan cepat:

وَٱسْتَكْبَرَ هُوَ وَجُنُودُهُۥ فِى ٱلْأَرْضِ بِغَيْرِ
ٱلْحَقِّ وَظَنُّوٓا۟ أَنَّهُمْ إِلَيْنَا لَا يُرْجَعُونَ ﴿٣٩﴾

"Dan Fir'aun dan bala tenteranya telah berlagak angkuh di bumi (Mesir) tanpa sebab yang benar dan mereka telah menyangka bahawa mereka tidak akan dikembalikan kepada Kami."(39)

Yakni apabila mereka berfikir bahawa mereka tidak akan kembali kepada Allah, mereka terus berlagak angkuh di bumi tanpa suatu alasan yang benar dan mereka mendusta-kan mu'jizat-mu'jizat dan amaran-amaran sebagaimana diterangkan di permulaan babak ini dan dihuraikan dengan panjang lebar di dalam surah-surah yang lain.

فَأَخَذْنَٰهُ وَجُنُودَهُۥ فَنَبَذْنَٰهُمْ فِى ٱلْيَمِّ ۖ فَٱنظُرْ كَيْفَ
كَانَ عَٰقِبَةُ ٱلظَّٰلِمِينَ ﴿٤٠﴾

"Lalu Kami ambil Fir'aun dan bala tenteranya dan Kami buangkan mereka ke dalam lautan. Oleh itu lihatlah bagaimana akibat orang-orang yang zalim."(40)

Fir'aun Dan Bala Tenteranya Dibuang Ke Dalam Laut

Demikianlah ringkasan cerita ini. Fir'aun telah diseksakan dengan dahsyatnya dan telah dibuang ke dalam laut. Dia dibuang seperti anak-anak batu atau seperti dilontar dengan batu. Jika laut yang dicampakkan Musa semasa beliau dalam usia bayi susuan itu menjadi tempat perlindungan yang aman, maka tiba-tiba laut yang sama yang dicampakkan maharaja Fir'aun yang zalim itu telah menjadi tempat ketakutan dan kebinasaan kerana keamanan itu wujud apabila berdampingan dengan Allah dan ketakutan itu wujud apabila berjauhan dari Allah.

فَٱنظُرْ كَيْفَ كَانَ عَٰقِبَةُ ٱلظَّٰلِمِينَ ﴿٤٠﴾

"Oleh itu lihatlah bagaimana akibat orang-orang yang zalim."(40)

Akibat (yang diterima oleh Fir'aun itu) dapat dilihat dan terdedah kepada sekalian manusia. Ia menjadi contoh teladan kepada orang-orang yang mahu mengambil pengajaran dan ia merupakan amaran kepada para pendusta. Ia menunjukkan bagaimana qudrat Ilahi dapat membinasakan pemerintah-pemerintah yang zalim dan bermaharajalela dalam sekelip mata sahaja dan di dalam sependek kata yang tidak sampai setengah baris pun.

Dalam sekelip mata yang lain pula Al-Qur'an melintasi alam hidup dunia dan meletakkan Fir'aun (di Akhirat) bersama bala tenteranya dalam satu pemandangan yang aneh. mereka menyeru untuk mempersilakan para pengikut mereka masuk ke dalam Neraka. Mereka memimpin pengikut-pengikut dan penyokong-penyokong mereka menuju ke dalam Neraka:

وَجَعَلْنَٰهُمْ أَئِمَّةً يَدْعُونَ إِلَى ٱلنَّارِ ۖ وَيَوْمَ
ٱلْقِيَٰمَةِ لَا يُنصَرُونَ ﴿٤١﴾

"Dan Kami telah jadikan mereka para pemimpin yang menyeru (pengikut-pengikut mereka) ke Neraka dan pada hari Qiamat nanti mereka tidak akan diberi pertolongan."(41)

Alangkah celakanya seruan itu dan alangkah kejinya kepimpinan itu. **"Dan pada hari Qiamat nanti mereka tidak akan diberi pertolongan."**

Itulah kekalahan (Fir'aun) di dunia dan kekalahannya di Akhirat sebagai balasan terhadap kezaliman dan kesombongannya. Fir'aun bukan sahaja menerima kekalahan, tetapi juga menerima laknat di bumi dan celaan yang buruk pada hari Qiamat.

وَأَتْبَعْنَٰهُمْ فِى هَٰذِهِ ٱلدُّنْيَا لَعْنَةً ۖ وَيَوْمَ
ٱلْقِيَٰمَةِ هُم مِّنَ ٱلْمَقْبُوحِينَ ﴿٤٢﴾

"Dan Kami iringkan laknat ke atas mereka di dunia ini dan pada hari Qiamat kelak mereka adalah dari golongan mereka yang diburuk-burukkan."(42)

Kata **"mereka yang diburuk-burukkan"** itu sendiri melukiskan gambaran keburukan, memalukan, penghinaan dan suasana jijik sebagai balasan terhadap kesombongan dan ketakburan di bumi, juga terhadap perbuatannya yang mempesonakan rakyat jelata dengan rupa yang hebat, pangkat kebesaran yang tinggi dan berlagak angkuh terhadap Allah dan hamba-hamba kesayangan-Nya.

******

(Pentafsiran ayat 43)

Di sini Al-Qur'an melangkaui babak keluarnya Nabi Musa a.s. negeri Mesir membawa Bani Israel dan peristiwa-peristiwa yang berlaku dalam masa itu dengan tujuan untuk mempercepatkan cerita kesudahan Nabi Musa setelah mencerita kesudahan Maharaja Fir'aun:

Musa Dikurniakan Kitab Taurat

وَلَقَدْ ءَاتَيْنَا مُوسَى ٱلْكِتَٰبَ مِنۢ بَعْدِ مَآ
أَهْلَكْنَا ٱلْقُرُونَ ٱلْأُولَىٰ بَصَآئِرَ لِلنَّاسِ وَهُدًى
وَرَحْمَةً لَّعَلَّهُمْ يَتَذَكَّرُونَ ﴿٤٣﴾

"Dan sesungguhnya Kami telah mengurniakan kitab (Taurat) kepada Musa setelah Kami binasakan umat-umat yang dahulu untuk menjadi penyuluh kepada mata hati manusia, juga menjadi hidayat dan rahmat supaya mereka mengambil pengajaran."(43)

Inilah kesudahan Nabi Musa a.s. iaitu satu kesudahan yang amat besar dan mulia, kerana beliau menerima kitab suci dari Allah yang menjadi penyuluh mata hati manusia **"Juga menjadi hidayat dan rahmat supaya mereka mengambil pengajaran"** yakni mengambil pengajaran bagaimana qudrat Allah mencampurtangan dalam pertarungan di antara orang-orang yang zalim dengan orang-orang yang lemah, dan bagaimana Allah menamatkan riwayat orang-orang yang zalim dengan kebinasaan dan kehancuran dan riwayat orang-orang yang dizalimi itu dengan kebaikan dan kedudukan yang teguh.

******

Demikianlah berakhirnya kisah Musa dan Fir'aun di dalam surah ini. Ia membuktikan bahawa keamanan itu tidak mungkin wujud melainkan dengan mendampingkan diri kepada Allah, dan ketakutan itu tidak akan wujud melainkan apabila seorang itu menjauhkan diri dari Allah. Ia juga menunjukkan bagaimana qudrat Ilahi campurtangan secara terbuka mencabar kezaliman dan pemerintah-pemerintah yang zalim apabila kuasa dan kekuatan mereka dijadikan alat penindasan yang tidak dapat ditolak oleh para pemberi hidayat. Itulah konsep-konsep yang perlu diyakini oleh golongan kecil kaum Muslimin yang lama di negeri Makkah, dan itulah konsep-konsep yang perlu difikirkan dengan teliti oleh golongan kaum Musyrikin yang angkuh. Itulah konsep-konsep yang sentiasa membaharu di mana-mana sahaja ada da'wah kepada hidayat dan di mana-mana sahaja ada kezaliman yang menentang da'wah.

Demikianlah kisah-kisah yang diceriterakan di dalam Al-Qur'an itu menjadi bahan untuk mendidik jiwa manusia dan untuk menjelaskan hakikat-hakikat dan undang-undang di alam al-wujud **"Supaya mereka mengambil pengajaran."**

(Kumpulan ayat-ayat 44 - 75)

وَمَا كُنتَ بِجَانِبِ ٱلۡغَرۡبِيِّ إِذۡ قَضَيۡنَآ إِلَىٰ مُوسَى ٱلۡأَمۡرَ
وَمَا كُنتَ مِنَ ٱلشَّٰهِدِينَ ٤٤
وَلَٰكِنَّآ أَنشَأۡنَا قُرُونٗا فَتَطَاوَلَ عَلَيۡهِمُ ٱلۡعُمُرُۚ
وَمَا كُنتَ ثَاوِيٗا فِيٓ أَهۡلِ مَدۡيَنَ تَتۡلُواْ عَلَيۡهِمۡ
ءَايَٰتِنَا وَلَٰكِنَّا كُنَّا مُرۡسِلِينَ ٤٥
وَمَا كُنتَ بِجَانِبِ ٱلطُّورِ إِذۡ نَادَيۡنَا وَلَٰكِن
رَّحۡمَةٗ مِّن رَّبِّكَ لِتُنذِرَ قَوۡمٗا مَّآ أَتَىٰهُم مِّن نَّذِيرٖ
مِّن قَبۡلِكَ لَعَلَّهُمۡ يَتَذَكَّرُونَ ٤٦

وَلَوۡلَآ أَن تُصِيبَهُم مُّصِيبَةُۢ بِمَا قَدَّمَتۡ أَيۡدِيهِمۡ
فَيَقُولُواْ رَبَّنَا لَوۡلَآ أَرۡسَلۡتَ إِلَيۡنَا رَسُولٗا فَنَتَّبِعَ
ءَايَٰتِكَ وَنَكُونَ مِنَ ٱلۡمُؤۡمِنِينَ ٤٧
فَلَمَّا جَآءَهُمُ ٱلۡحَقُّ مِنۡ عِندِنَا قَالُواْ لَوۡلَآ أُوتِيَ
مِثۡلَ مَآ أُوتِيَ مُوسَىٰٓۚ أَوَلَمۡ يَكۡفُرُواْ بِمَآ أُوتِيَ
مُوسَىٰ مِن قَبۡلُۖ قَالُواْ سِحۡرَانِ تَظَٰهَرَا وَقَالُوٓاْ إِنَّا بِكُلّٖ
كَٰفِرُونَ ٤٨
قُلۡ فَأۡتُواْ بِكِتَٰبٖ مِّنۡ عِندِ ٱللَّهِ هُوَ أَهۡدَىٰ مِنۡهُمَآ
أَتَّبِعۡهُ إِن كُنتُمۡ صَٰدِقِينَ ٤٩
فَإِن لَّمۡ يَسۡتَجِيبُواْ لَكَ فَٱعۡلَمۡ أَنَّمَا يَتَّبِعُونَ
أَهۡوَآءَهُمۡۚ وَمَنۡ أَضَلُّ مِمَّنِ ٱتَّبَعَ هَوَىٰهُ بِغَيۡرِ هُدٗى
مِّنَ ٱللَّهِۚ إِنَّ ٱللَّهَ لَا يَهۡدِي ٱلۡقَوۡمَ ٱلظَّٰلِمِينَ ٥٠
وَلَقَدۡ وَصَّلۡنَا لَهُمُ ٱلۡقَوۡلَ لَعَلَّهُمۡ يَتَذَكَّرُونَ ٥١
ٱلَّذِينَ ءَاتَيۡنَٰهُمُ ٱلۡكِتَٰبَ مِن قَبۡلِهِۦ هُم بِهِۦ يُؤۡمِنُونَ ٥٢
وَإِذَا يُتۡلَىٰ عَلَيۡهِمۡ قَالُوٓاْ ءَامَنَّا بِهِۦٓ إِنَّهُ ٱلۡحَقُّ مِن رَّبِّنَآ إِنَّا
كُنَّا مِن قَبۡلِهِۦ مُسۡلِمِينَ ٥٣
أُوْلَٰٓئِكَ يُؤۡتَوۡنَ أَجۡرَهُم مَّرَّتَيۡنِ بِمَا صَبَرُواْ وَيَدۡرَءُونَ
بِٱلۡحَسَنَةِ ٱلسَّيِّئَةَ وَمِمَّا رَزَقۡنَٰهُمۡ يُنفِقُونَ ٥٤

"Dan engkau (Muhammad) tidaklah berada di sebelah barat Bukit Tursina ketika Kami menyampaikan perintah itu kepada Musa dan tidak pula termasuk dari orang-orang yang menyaksikannya(44). Tetapi Kami telah mengadakan (selepas Musa) berbagai-bagai umat lalu, mereka dilalui masa yang panjang, dan engkau (Muhammad) tidaklah tinggal di dalam kalangan penduduk Madyan (apabila) engkau membaca ayat-ayat Kami kepada mereka (penduduk Makkah), tetapi Kamilah yang mengutuskan (engkau) menjadi Rasul(45). Dan engkau (Muhammad) tidaklah berada di sebelah Bukit Tursina, ketika Kami menyeru (Musa), tetapi (Kami wahyukannya kepadamu) sebagai limpah rahmat dari Tuhanmu supaya engkau memberi amaran kepada kaum (Quraisy) yang belum datang kepada mereka seorang Rasul yang memberi amaran sebelummu

supaya mereka mengambil pengajaran(46). Dan jika tidak kerana mereka ditimpa bala bencana dengan sebab kesalahan yang dilakukan tangan mereka lalu berkata: Wahai Tuhan kami! Mengapakah tidak Engkau utuskan kepada kami seorang Rasul supaya kami dapat mengikut ayat-ayat pengajaran-Mu dan termasuk di dalam golongan para Mu'minin?(47). Apabila datang kepada mereka Rasul yang benar (Muhammad) daripada Kami mereka berkata: Mengapakah dia tidak dikurniakan seperti apa yang dikurniakan kepada Musa. Tidakkah mereka telah mengingkarkan apa yang telah dikurniakan kepada Musa sebelum ini? Mereka telah berkata: (At-Taurat dan Al-Qur'an) ini adalah dua kitab sihir yang saling bantu membantu dan mereka berkata: Sesungguhnya kami tidak percaya kepada dua kitab ini(48). Katakanlah: Bawalah kamu sebuah kitab dari sisi Allah yang lebih memberi hidayat dari keduanya (Taurat dan Al-Qur'an) supaya aku dapat ikutinya jika kamu orang-orang yang benar(49). Jika mereka tidak menyahut seruanmu (Muhammad), maka ketahuilah bahawa sesungguhnya mereka hanya mengikut hawa nafsu mereka sahaja, dan tidak ada orang yang lebih sesat dari mereka yang mengikut hawa nafsunya tanpa mendapat hidayat dari Allah. Sesungguhnya Allah tidak memberi hidayat kepada orang-orang yang zalim(50). Sesungguhnya Kami telah menyampaikan firman Allah (Al-Qur'an) kepada mereka supaya mereka mengambil pengajaran(51). Orang-orang yang telah Kami kurniakan kitab sebelum Al-Qur'an mereka juga telah beriman dengannya(52). Dan apabila dibacakan Al-Qur'an kepada mereka, mereka terus berkata: Kami beriman dengannya sesungguhnya Al-Qur'an itu kitab yang benar dari Tuhan kami. Sesungguh-nya kami sebelumnya adalah dari golongan Musyrikin (yang menyerah diri kepada Allah)(53). Mereka dikurnia-kan pahala dua kali ganda kerana kesabaran mereka, dan mereka menolak kejahatan dengan kebaikan dan mereka membelanjakan (untuk kebajikan) sebahagian dari rezeki yang Kami kurniakan kepada mereka."(54).

وَإِذَا سَمِعُوا۟ ٱللَّغْوَ أَعْرَضُوا۟ عَنْهُ وَقَالُوا۟ لَنَآ أَعْمَـٰلُنَا
وَلَكُمْ أَعْمَـٰلُكُمْ سَلَـٰمٌ عَلَيْكُمْ لَا نَبْتَغِى ٱلْجَـٰهِلِينَ ﴿٥٥﴾
إِنَّكَ لَا تَهْدِى مَنْ أَحْبَبْتَ وَلَـٰكِنَّ ٱللَّهَ يَهْدِى
مَن يَشَآءُ ۚ وَهُوَ أَعْلَمُ بِٱلْمُهْتَدِينَ ﴿٥٦﴾
وَقَالُوٓا۟ إِن نَّتَّبِعِ ٱلْهُدَىٰ مَعَكَ نُتَخَطَّفْ مِنْ أَرْضِنَآ ۚ
أَوَلَمْ نُمَكِّن لَّهُمْ حَرَمًا ءَامِنًا يُجْبَىٰٓ إِلَيْهِ ثَمَرَٰتُ
كُلِّ شَىْءٍ رِّزْقًا مِّن لَّدُنَّا وَلَـٰكِنَّ أَكْثَرَهُمْ
لَا يَعْلَمُونَ ﴿٥٧﴾
وَكَمْ أَهْلَكْنَا مِن قَرْيَةٍۭ بَطِرَتْ مَعِيشَتَهَا ۖ فَتِلْكَ
مَسَـٰكِنُهُمْ لَمْ تُسْكَن مِّنۢ بَعْدِهِمْ إِلَّا قَلِيلًا ۖ

وَكُنَّا نَحْنُ ٱلْوَٰرِثِينَ ﴿٥٨﴾
وَمَا كَانَ رَبُّكَ مُهْلِكَ ٱلْقُرَىٰ حَتَّىٰ يَبْعَثَ فِىٓ
أُمِّهَا رَسُولًا يَتْلُوا۟ عَلَيْهِمْ ءَايَـٰتِنَا ۚ وَمَا كُنَّا مُهْلِكِى
ٱلْقُرَىٰٓ إِلَّا وَأَهْلُهَا ظَـٰلِمُونَ ﴿٥٩﴾
وَمَآ أُوتِيتُم مِّن شَىْءٍ فَمَتَـٰعُ ٱلْحَيَوٰةِ ٱلدُّنْيَا وَزِينَتُهَا ۚ
وَمَا عِندَ ٱللَّهِ خَيْرٌ وَأَبْقَىٰٓ ۚ أَفَلَا تَعْقِلُونَ ﴿٦٠﴾
أَفَمَن وَعَدْنَـٰهُ وَعْدًا حَسَنًا فَهُوَ لَـٰقِيهِ كَمَن مَّتَّعْنَـٰهُ مَتَـٰعَ
ٱلْحَيَوٰةِ ٱلدُّنْيَا ثُمَّ هُوَ يَوْمَ ٱلْقِيَـٰمَةِ مِنَ ٱلْمُحْضَرِينَ ﴿٦١﴾
وَيَوْمَ يُنَادِيهِمْ فَيَقُولُ أَيْنَ شُرَكَآءِىَ ٱلَّذِينَ كُنتُمْ
تَزْعُمُونَ ﴿٦٢﴾
قَالَ ٱلَّذِينَ حَقَّ عَلَيْهِمُ ٱلْقَوْلُ رَبَّنَا هَـٰٓؤُلَآءِ ٱلَّذِينَ
أَغْوَيْنَآ أَغْوَيْنَـٰهُمْ كَمَا غَوَيْنَا ۖ تَبَرَّأْنَآ إِلَيْكَ ۖ مَا
كَانُوٓا۟ إِيَّانَا يَعْبُدُونَ ﴿٦٣﴾
وَقِيلَ ٱدْعُوا۟ شُرَكَآءَكُمْ فَدَعَوْهُمْ فَلَمْ يَسْتَجِيبُوا۟ لَهُمْ
وَرَأَوُا۟ ٱلْعَذَابَ ۚ لَوْ أَنَّهُمْ كَانُوا۟ يَهْتَدُونَ ﴿٦٤﴾
وَيَوْمَ يُنَادِيهِمْ فَيَقُولُ مَاذَآ أَجَبْتُمُ ٱلْمُرْسَلِينَ ﴿٦٥﴾

"Dan apabila mereka mendengar perkataan-perkataan yang sia-sia (dan keji), mereka terus berpaling darinya dan mereka berkata: Untuk kami amalan-amalan kami dan untuk kamu amalan-amalan kamu. Selamat tinggal, kami tidak mahu berdamping dengan orang-orang yang jahil(55). Sesungguhnya Engkau tidak berkuasa memberi hidayat kepada mereka yang engkau kasih, tetapi Allahlah yang berkuasa memberi hidayat kepada mereka yang dikehendaki-Nya, dan Dia amat mengetahui siapakah, bersedia menerima hidayat?(56). Dan mereka berkata: Jika kami mengikut hidayat (agama Islam) bersama engkau nescaya kami akan diusir keluar dari negeri kami. Bukankah Kami memberikan mereka kedudukan yang teguh di tanah suci yang aman, di mana segala macam buah-buahan dibawa kepadanya sebagai rezeki dari kurniaan Kami, tetapi kebanyakan mereka tidak mengetahui(57). Berapa banyak penduduk negeri-negeri yang angkuh di dalam kehidupannya (yang mewah) telah Kami binasakannya. Itulah tempat-tempat kediaman mereka yang masih belum lagi didiami orang selepas mereka melainkan sedikit sahaja,

dan Kamilah yang menjadi para pewarisnya(58). Dan Tuhanmu tidak pernah membinasakan negeri-negeri sehingga Dia bangkitkan di ibu kotanya seorang Rasul yang membaca kepada mereka ayat-ayat Kami, dan Kami tidak pernah membinasakan negeri-negeri melainkan apabila penduduk-penduduknya melakukan kezaliman(59). Dan apa sahaja yang dikurniakan kepada kamu, maka itu hanya keni'matan hidup dunia dan perhiasannya sahaja, sedangkan ni'mat yang tersimpan di sisi Allah adalah lebih baik dan lebih kekal lagi, tidakkah kamu berfikir?(60). Adakah orang yang telah Kami janjikannya dengan suatu janji yang baik lalu dia berjaya memperolehinya itu sama dengan orang yang Kami kurniakan keni'matan hidup dunia, kemudian pada hari Qiamat kelak dia termasuk ke dalam golongan orang yang dibawa untuk dihisab?(61). Dan (kenangilah) pada hari di mana Allah menyeru mereka seraya berfirman: Di manakah sekutu-sekutu-Ku yang telah didakwakan kamu itu?(62). Berkatalah orang-orang yang telah ditetapkan keputusan azab terhadap mereka (pemimpin-pemimpin sesat): Wahai Tuhan kami! Merekalah orang-orang yang telah disesatkan kami. Kami telah sesatkan mereka sebagaimana kami juga telah sesat. Kami pohon berlepas diri kepada-Mu. Mereka sebenarnya tidak menyembah kami(63). Dan dikatakan kepada mereka: Panggillah sekutu-sekutu kamu, lalu mereka pun memanggil mereka, tetapi sekutu-sekutu itu tidak menyahut panggilan mereka, dan mereka melihat azab, (lalu mereka berangan-angan) kiranya mereka dahulu menerima hidayat(64). Dan (kenangilah) hari di mana Allah menyeru mereka seraya berfirman: Apakah jawapan kamu kepada para rasul?"(65).

فَعَمِيَتْ عَلَيْهِمُ ٱلْأَنۢبَآءُ يَوْمَئِذٍ فَهُمْ لَا يَتَسَآءَلُونَ ٦٦
فَأَمَّا مَن تَابَ وَءَامَنَ وَعَمِلَ صَٰلِحًا فَعَسَىٰٓ أَن يَكُونَ
مِنَ ٱلْمُفْلِحِينَ ٦٧
وَرَبُّكَ يَخْلُقُ مَا يَشَآءُ وَيَخْتَارُ مَا كَانَ لَهُمُ ٱلْخِيَرَةُ
سُبْحَٰنَ ٱللَّهِ وَتَعَٰلَىٰ عَمَّا يُشْرِكُونَ ٦٨
وَرَبُّكَ يَعْلَمُ مَا تُكِنُّ صُدُورُهُمْ وَمَا يُعْلِنُونَ ٦٩
وَهُوَ ٱللَّهُ لَآ إِلَٰهَ إِلَّا هُوَ لَهُ ٱلْحَمْدُ فِى ٱلْأُولَىٰ وَٱلْءَاخِرَةِ
وَلَهُ ٱلْحُكْمُ وَإِلَيْهِ تُرْجَعُونَ ٧٠
قُلْ أَرَءَيْتُمْ إِن جَعَلَ ٱللَّهُ عَلَيْكُمُ ٱلَّيْلَ سَرْمَدًا
إِلَىٰ يَوْمِ ٱلْقِيَٰمَةِ مَنْ إِلَٰهٌ غَيْرُ ٱللَّهِ يَأْتِيكُم بِضِيَآءٍ
أَفَلَا تَسْمَعُونَ ٧١
قُلْ أَرَءَيْتُمْ إِن جَعَلَ ٱللَّهُ عَلَيْكُمُ ٱلنَّهَارَ سَرْمَدًا
إِلَىٰ يَوْمِ ٱلْقِيَٰمَةِ مَنْ إِلَٰهٌ غَيْرُ ٱللَّهِ يَأْتِيكُم بِلَيْلٍ
تَسْكُنُونَ فِيهِ أَفَلَا تُبْصِرُونَ ٧٢
وَمِن رَّحْمَتِهِۦ جَعَلَ لَكُمُ ٱلَّيْلَ وَٱلنَّهَارَ
لِتَسْكُنُوا۟ فِيهِ وَلِتَبْتَغُوا۟ مِن فَضْلِهِۦ وَلَعَلَّكُمْ
تَشْكُرُونَ ٧٣
وَيَوْمَ يُنَادِيهِمْ فَيَقُولُ أَيْنَ شُرَكَآءِىَ ٱلَّذِينَ كُنتُمْ
تَزْعُمُونَ ٧٤
وَنَزَعْنَا مِن كُلِّ أُمَّةٍ شَهِيدًا فَقُلْنَا هَاتُوا۟
بُرْهَٰنَكُمْ فَعَلِمُوٓا۟ أَنَّ ٱلْحَقَّ لِلَّهِ وَضَلَّ عَنْهُم
مَّا كَانُوا۟ يَفْتَرُونَ ٧٥

"Maka segala berita telah menjadi buta kepada mereka pada hari ini. Kerana itu mereka (diam) tidak saling tanya menanya(66). Adapun orang yang bertaubat dan beriman serta mengerjakan amalan yang soleh, maka mudah-mudahan dia termasuk di dalam golongan mereka yang beruntung(67). Dan Tuhanmu mencipta-kan apa sahaja yang dikehendaki dan dipilih-Nya. Mereka tidak mempunyai pilihan. Maha Suci Allah dari segala apa yang dipersekutukan mereka(68). Dan Tuhanmu mengetahui segala apa yang disembunyikan dada mereka dan apa yang dinyatakan mereka(69). Dan Dialah Allah tiada tuhan melainkan Dia. Dia memiliki segala kepujian di dunia dan di Akhirat. Dia memiliki teraju keputusan dan kepada-Nya kamu sekalian dikembalikan(70). Katakanlah: Apa fikiran kamu jika Allah jadikan hari malam menyelubungi kamu selama-lamanya sehingga hari Qiamat, siapakah tuhan selain Allah yang berkuasa membawa cahaya yang terang kepada kamu? Tidakkah kamu mendengar?(71). Katakanlah: Apakah fikiran kamu jika Allah jadikan hari siang menerangi kamu selama-lamanya sehingga hari Qiamat, siapakah tuhan selain Allah yang berkuasa mendatangkan hari malam yang dapat kamu beristirehat padanya? Tidakkah kamu melihat?(72). Dan dari limpah rahmat-Nya, Allah jadikan untuk kamu hari malam dan hari siang supaya kamu dapat beristirehat dan supaya kamu dapat mencari rezeki dari limpah kurnia-Nya dan supaya kamu bersyukur(73). Dan (kenangilah) pada hari di mana Allah menyeru mereka seraya berfirman: Di manakah sekutu-sekutu yang telah didakwa oleh kamu?(74). Dan Kami cabutkan dari setiap umat itu seorang saksi lalu Kami berkata: Tunjukkanlah bukti kebenaranmu, maka (di waktu ini) tahulah mereka bahawa kebenaran itu adalah kepunyaan Allah dan lenyaplah dari mereka segala dakwaan yang diada-adakan mereka."(75).

Kisah Nabi Musa a.s. telah berlalu dengan segala maksud dan tujuan-tujuannya yang telah dihuraikan di dalam pelajaran yang telah lepas. Ada pun di dalam pelajaran ini Al-Qur'an mula memberi ulasan-ulasan terhadap kisah-kisah itu, kemudian meneruskan huraiannya mengikut paksi surah yang asal. Ia menerangkan di mana letaknya keamanan dan di mana letaknya ketakutan. Ia mengikuti kaum

Musyrikin yang menentang da'wah Islam dengan kepercayaan syirik, tindakan mengingkar dan berbagai-bagai apologi. Ia membawa mereka menjelajah di dalam berbagai-bagai penjelajahan meninjau pemandangan-pemandangan alam buana, pemandangan-pemandangan padang Mahsyar dan sikap mereka terhadap da'wah setelah dibentangkan kepada mereka bukti-bukti kebenaran Al-Qur'an yang dibawa oleh Rasul mereka Muhammad s.a.w. dan bagaimana Al-Qur'an itu disambut oleh segolongan Ahlil-Kitab dengan iman dan keyakinan, sedangkan mereka menyambutnya dengan keingkaran dan sedangkan Al-Qur'an itu merupakan rahmat yang dapat melindungi mereka dari azab seksa jika mereka mengambil pengajaran darinya.

******

(Pentafsiran ayat-ayat 44 - 51)

Ulasan pertama terhadap kisah ini berlegar di sekitar dalilnya yang menunjukkan kebenaran bahawa Al-Qur'an itu ialah wahyu dari Allah, kerana Rasulullah s.a.w. membaca kepada mereka kisah peristiwa-peristiwa dengan huraiannya yang terperinci seperti yang dapat dikisahkan oleh orang yang melihat peristiwa-peristiwa itu dengan mata kepalanya sendiri, sedangkan beliau tidak pernah hadhir menyaksikan peristiwa-peristiwa itu, tetapi wahyu dari Allah Yang Maha Mengetahui dan Maha Mendalam Pengetahuan-Nya itulah yang menceritakan kisah-kisah itu kepada beliau supaya menjadi rahmat kepada kaumnya yang akan ditimpa azab dengan sebab mereka bergelumang di dalam kepercayaan syirik:

فَيَقُولُوا۟ رَبَّنَا لَوْلَآ أَرْسَلْتَ إِلَيْنَا رَسُولًا فَنَتَّبِعَ
ءَايَـٰتِكَ وَنَكُونَ مِنَ ٱلْمُؤْمِنِينَ ﴿٤٧﴾

"Lalu mereka berkata: Wahai Tuhan Kami mengapakah tidak engkau utuskan kepada kami seorang Rasul supaya kami dapat mengikut ayat-ayat pengajaran-Mu dan termasuk di dalam golongan para Mu'minin?"(47)

وَمَا كُنتَ بِجَانِبِ ٱلْغَرْبِىِّ إِذْ قَضَيْنَآ إِلَىٰ مُوسَى ٱلْأَمْرَ
وَمَا كُنتَ مِنَ ٱلشَّـٰهِدِينَ ﴿٤٤﴾
وَلَـٰكِنَّآ أَنشَأْنَا قُرُونًا فَتَطَاوَلَ عَلَيْهِمُ ٱلْعُمُرُ ۚ
وَمَا كُنتَ ثَاوِيًا فِىٓ أَهْلِ مَدْيَنَ تَتْلُوا۟ عَلَيْهِمْ
ءَايَـٰتِنَا وَلَـٰكِنَّا كُنَّا مُرْسِلِينَ ﴿٤٥﴾
وَمَا كُنتَ بِجَانِبِ ٱلطُّورِ إِذْ نَادَيْنَا وَلَـٰكِن
رَّحْمَةً مِّن رَّبِّكَ لِتُنذِرَ قَوْمًا مَّآ أَتَىٰهُم مِّن نَّذِيرٍ
مِّن قَبْلِكَ لَعَلَّهُمْ يَتَذَكَّرُونَ ﴿٤٦﴾
وَلَوْلَآ أَن تُصِيبَهُم مُّصِيبَةٌۢ بِمَا قَدَّمَتْ أَيْدِيهِمْ
فَيَقُولُوا۟ رَبَّنَا لَوْلَآ أَرْسَلْتَ إِلَيْنَا رَسُولًا فَنَتَّبِعَ
ءَايَـٰتِكَ وَنَكُونَ مِنَ ٱلْمُؤْمِنِينَ ﴿٤٧﴾
فَلَمَّا جَآءَهُمُ ٱلْحَقُّ مِنْ عِندِنَا قَالُوا۟ لَوْلَآ أُوتِىَ
مِثْلَ مَآ أُوتِىَ مُوسَىٰٓ ۚ أَوَلَمْ يَكْفُرُوا۟ بِمَآ أُوتِىَ
مُوسَىٰ مِن قَبْلُ ۖ قَالُوا۟ سِحْرَانِ تَظَـٰهَرَا وَقَالُوٓا۟ إِنَّا بِكُلٍّ
كَـٰفِرُونَ ﴿٤٨﴾
قُلْ فَأْتُوا۟ بِكِتَـٰبٍ مِّنْ عِندِ ٱللَّهِ هُوَ أَهْدَىٰ مِنْهُمَآ
أَتَّبِعْهُ إِن كُنتُمْ صَـٰدِقِينَ ﴿٤٩﴾
فَإِن لَّمْ يَسْتَجِيبُوا۟ لَكَ فَٱعْلَمْ أَنَّمَا يَتَّبِعُونَ
أَهْوَآءَهُمْ ۚ وَمَنْ أَضَلُّ مِمَّنِ ٱتَّبَعَ هَوَىٰهُ بِغَيْرِ هُدًى
مِّنَ ٱللَّهِ ۚ إِنَّ ٱللَّهَ لَا يَهْدِى ٱلْقَوْمَ ٱلظَّـٰلِمِينَ ﴿٥٠﴾
وَلَقَدْ وَصَّلْنَا لَهُمُ ٱلْقَوْلَ لَعَلَّهُمْ يَتَذَكَّرُونَ ﴿٥١﴾

"Dan engkau (Muhammad) tidaklah berada di sebelah barat Bukit Tursina ketika Kami menyampaikan perintah itu kepada Musa dan tidak pula termasuk dari orang-orang yang menyaksikannya(44). Tetapi Kami telah mengadakan (selepas Musa) berbagai-bagai umat lalu mereka dilalui masa yang panjang, dan engkau (Muhammad) tidaklah tinggal di dalam kalangan penduduk Madyan (apabila) engkau membaca ayat-ayat Kami kepada mereka (penduduk Makkah), tetapi Kamilah yang mengutuskan (engkau) menjadi Rasul(45). Dan engkau (Muhammad) tidaklah berada di sebelah Bukit Tursina ketika Kami menyeru (Musa), tetapi (Kami wahyukannya kepadamu) sebagai limpah rahmat dari Tuhanmu supaya engkau memberi amaran kepada kaum (Quraisy) yang belum datang kepada mereka seorang Rasul yang memberi amaran sebelummu supaya mereka mengambil pengajaran(46). Dan jika tidak kerana mereka ditimpa bala bencana dengan sebab kesalahan yang dilakukan tangan mereka lalu berkata: Wahai Tuhan kami! Mengapakah tidak Engkau utuskan kepada kami seorang Rasul supaya kami dapat mengikut ayat-ayat pengajaran-Mu dan termasuk di dalam golongan para mu'minin(47). Apabila datang kepada mereka Rasul yang benar (Muhammad) daripada Kami mereka berkata: Mengapakah dia tidak dikurniakan seperti apa yang dikurniakan kepada Musa. Tidakkah mereka telah mengingkarkan apa yang telah dikurniakan kepada Musa sebelum ini? Mereka telah

berkata: (At-Taurat dan Al-Qur'an) ini adalah dua kitab sihir yang saling bantu membantu dan mereka berkata: Sesungguhnya kami tidak percaya kepada dua kitab ini(48). Katakanlah: Bawalah kamu sebuah kitab dari sisi Allah yang lebih memberi hidayat dari keduanya (Taurat dan Al-Qur'an) supaya aku dapat ikutinya jika kamu orang-orang yang benar(49). Jika mereka tidak menyahut seruanmu (Muhammad), maka ketahuilah bahawa sesungguhnya mereka hanya mengikut hawa nafsu mereka sahaja, dan tidak ada orang yang lebih sesat dari mereka yang mengikut hawa nafsunya tanpa mendapat hidayat dari Allah. Sesungguhnya Allah tidak memberi hidayat kepada orang-orang yang zalim(50). Sesungguhnya Kami telah menyampaikan firman Allah (Al-Qur'an) kepada mereka supaya mereka mengambil pengajaran."(51)

Maksud dari **"Sebelah barat"** iaitu sebelah barat Bukit Tursina yang telah dijadikan Allah sebagai miqat pertemuan-Nya dengan Nabi Musa a.s. setelah berlalu satu tempoh yang tertentu iaitu tiga puluh malam yang disempurnakannya pula dengan sepuluh malam lagi. Jadi

semuanya ialah empat puluh malam sebagaimaha disebut di dalam Surah al-A'raf. Di miqat inilah Nabi Musa a.s. menerima lauh-lauh perintah Allah supaya menjadi undang-undang syari'at-Nya di dalam kalangan Bani Israel, sedangkan Rasulullah s.a.w. sendiri tidak hadhir di miqat ini hingga beliau dapat mengetahui ceritanya dengan terperinci sebagaimana diterangkan di dalam Al-Qur'anul-Karim, malah di antara beliau dengan masa peristiwa ini telah dipisahkan oleh berbagai-bagai umat manusia atau generasi-generasi yang lama masanya **"Kami telah mengadakan (selepas Musa) berbagai-bagai** umat **lalu mereka dilalui masa yang panjang".** Itulah bukti bahawa yang menceritakan kisah-kisah ini kepada beliau ialah Allah Yang Maha Mengetahui dan Maha Mendalam Pengetahuan-Nya. Dialah yang telah mewahyukan Al-Qur'anul-Karim kepada beliau.

Segala Kisah Yang Diceritakan Al-Qur'an Tidak Pernah Diketahui Dan Disaksikan Rasulullah S.A.W.

Al-Qur'an juga telah menyampaikan berita-berita Madyan dan kisah Nabi Musa a.s. tinggal di negeri itu. Semua cerita-cerita ini telah dibaca oleh Rasulullah s.a.w., sedangkan beliau tidak pernah tinggal di dalam kalangan penduduk Madyan hingga dapat memungut cerita-cerita di zaman itu dari mereka dengan huraian yang terperinci seperti yang diceritakan oleh Al-Qur'an. **"Tetapi Kamilah yang meng-utuskan (engkau) menjadi Rasul"** membawa Al-Qur'an yang mengandungi cerita-cerita umat-umat zaman lampau.

Demikianlah Al-Qur'an telah menggambarkan suasana seruan Ilahi dan munajat yang berlaku di sebelah Bukit Tursina itu dengan halus dan mendalam **"dan engkau (Muhammad) tidaklah berada di sebelah Bukit Tursina ketika kami menyeru (Musa)",** Rasulullah s.a.w. tidak mendengar seruan itu dan tidak merakamkan perkembangan-perkembangan ceritanya yang terperinci pada masa itu, tetapi itulah rahmat Allah terhadap kaumnya, yang telah menceritakan kepada beliau berita-berita (zaman lampau) yang membuktikan kebenaran da'wah beliau untuk memberi peringatan dan amaran kepada kaumnya yang belum pernah didatangi Rasul sebelum beliau. Dulu Rasul-Rasul telah dibangkitkan di dalam kalangan Bani Israel yang ada di sekeliling mereka, tetapi tidak ada Rasul yang diutuskan kepada mereka sejak beberapa zaman yang lama iaitu sejak moyang mereka Nabi Ismail a.s **"supaya mereka mengambil pengajaran."**

Itulah rahmat Allah kepada kaum beliau dan itulah hujah Allah ke atas mereka supaya mereka tidak dapat membuat alasan dengan mengatakan bahawa mereka telah diseksa secara tiba-tiba tanpa diberi amaran lebih dahulu, kerana perbuatan mereka bergelumang dalam dosa-dosa jahiliyah, syirik dan maksiat itu mewajibkan balasan azab. Oleh itu Allah mahu memotongkan hujah dan alasan keuzuran mereka, Allah mahu meletakkan mereka di hadapan diri mereka sendiri tanpa dihalang oleh mana-mana rintangan yang menyekat mereka dari beriman:

وَلَوْلَآ أَن تُصِيبَهُم مُّصِيبَةٌۢ بِمَا قَدَّمَتْ أَيْدِيهِمْ
فَيَقُولُوا۟ رَبَّنَا لَوْلَآ أَرْسَلْتَ إِلَيْنَا رَسُولًا فَنَتَّبِعَ
ءَايَٰتِكَ وَنَكُونَ مِنَ ٱلْمُؤْمِنِينَ ﴿٤٧﴾

"Dan jika tidak kerana mereka ditimpa bala bencana dengan sebab kesalahan yang dilakukan tangan mereka lalu berkata: Wahai Tuhan kami! Mengapakah tidak Engkau utuskan kepada kami seorang Rasul supaya kami dapat mengikut ayat-ayat pengajaran-Mu dan termasuk di dalam golongan para Mu'minin?"(47)

Itulah alasan yang akan dikatakan oleh mereka jika tidak diutuskan Rasul kepada mereka dan jika Rasul ini tidak membawa ayat-ayat pengajaran yang boleh dijadikan hujah. Tetapi apabila mereka telah didatangi Rasul yang membawa ajaran yang benar dan tidak dapat diragui itu, maka tiba-tiba mereka tidak mahu mengikutinya:

فَلَمَّا جَآءَهُمُ ٱلْحَقُّ مِنْ عِندِنَا قَالُوا۟ لَوْلَآ أُوتِىَ
مِثْلَ مَآ أُوتِىَ مُوسَىٰٓ ۚ أَوَلَمْ يَكْفُرُوا۟ بِمَآ أُوتِىَ
مُوسَىٰ مِن قَبْلُ ۖ قَالُوا۟ سِحْرَانِ تَظَٰهَرَا وَقَالُوٓا۟ إِنَّا بِكُلٍّ
كَٰفِرُونَ ﴿٤٨﴾

"Apabila datang kepada mereka Rasul yang benar (Muhammad) daripada Kami mereka berkata: Mengapakah dia tidak dikurniakan seperti apa yang dikurniakan kepada Musa. Tidakkah mereka telah mengingkarkan apa yang telah dikurniakan kepada Musa sebelum ini? Mereka telah berkata: (At-Taurat dan Al-Qur'an) ini adalah dua kitab sihir yang saling bantu membantu dan mereka berkata: Sesungguhnya kami tidak percaya kepada dua kitab ini."(48)

Demikianlah sikap mereka yang tidak mahu tunduk kepada kebenaran dan suka berpegang dengan alasan-alasan yang karut **"Mereka berkata: Mengapakah dia tidak dikurniakan seperti apa yang telah dikurniakan kepada Musa"** iaitu mu'jizat-mu'jizat secara kebendaan dan lauh-lauh yang diturun sekaligus yang mengandungi kandungan kitab Taurat yang lengkap.

Tetapi mereka sebenarnya tidaklah benar dan ikhlas ketika mengemukakan hujah dan alasan mereka: **"Tidakkah mereka telah mengingkarkan apa yang telah dikurniakan kepada Musa sebelum ini?"** Kerana kaum Yahudi telah pun ada di Semenanjung Tanah Arab. Mereka mempunyai kitab suci at-Taurat, tetapi umat Arab tidak percaya kepada kaum Ahlil-Kitab itu dan kepada kitab suci at-Taurat yang ada pada mereka, sedangkan mereka telah mengetahui bahawa sifat Nabi Muhammad s.a.w. ada tertulis di dalam kitab at-Taurat, malah mereka pernah bertanya kepada setengah-setengah Ahlil-Kitab itu tentang Al-Qur'an yang dibawa oleh Muhammad s.a.w. lalu dijawab kepada mereka dengan jawapan yang membenarkan Al-Qur'an dan bahawa Al-Qur'an itu selaras dengan kitab suci yang ada pada mereka, tetapi mereka tidak mahu tunduk kepada keterangan-keterangan ini, malah sebaliknya mendakwa bahawa dua kitab at-Taurat dan kitab Al-Qur'an itu adalah sihir belaka. Oleh sebab itulah kedua-duanya selaras dan saling membenar satu sama lain:

قَالُوا۟ سِحْرَانِ تَظَٰهَرَا وَقَالُوٓا۟ إِنَّا بِكُلٍّ كَٰفِرُونَ ﴿٤٨﴾

"Mereka telah berkata: (at-Taurat dan Al-Qur'an ini) adalah dua kitab sihir yang saling bantu-membantu dan mereka berkata: Sesungguhnya kami tidak percaya kepada kedua-dua kitab itu."(48)

Itulah kata-kata dolak-dalik yang bukan bertujuan mencari kebenaran atau mencari kekurangan dan kelemahan dalil-dalil.

Walaupun demikian, Rasulullah s.a.w. masih terus melayani mereka selangkah lagi untuk mendiamkan mereka dan meletakkan mereka dalam keadaan serba salah. Beliau berkata kepada mereka: Sekiranya kamu tidak tertarik kepada Al-Qur'an dan tidak juga tertarik kepada at-Taurat, maka silalah bawa apa sahaja kitab suci dari Allah yang lebih memberi hidayat dari keduanya jika kitab itu ada tersimpan di sisi kamu supaya aku dapat ikutinya:

قُلْ فَأْتُوا۟ بِكِتَٰبٍ مِّنْ عِندِ ٱللَّهِ هُوَ أَهْدَىٰ مِنْهُمَآ
أَتَّبِعْهُ إِن كُنتُمْ صَٰدِقِينَ ﴿٤٩﴾

"Katakanlah: Bawalah kamu sebuah kitab dari sisi Allah yang lebih memberi hidayat dari keduanya (Taurat dan Al-Qur'an) supaya aku dapat ikutinya jika kamu orang-orang yang benar."(49)

Inilah kemuncak usaha mencari keadilan dan inilah tujuan berhujah. Oleh itu barang siapa yang tidak mahu menurut kebenaran selepas hujah ini, maka dia adalah seorang pengikut nafsu yang berdolak-dalik tanpa bersandarkan apa-apa dalil:

فَإِن لَّمْ يَسْتَجِيبُوا۟ لَكَ فَٱعْلَمْ أَنَّمَا يَتَّبِعُونَ
أَهْوَآءَهُمْ ۚ وَمَنْ أَضَلُّ مِمَّنِ ٱتَّبَعَ هَوَىٰهُ بِغَيْرِ هُدًى
مِّنَ ٱللَّهِ ۚ إِنَّ ٱللَّهَ لَا يَهْدِى ٱلْقَوْمَ ٱلظَّٰلِمِينَ ﴿٥٠﴾

"Jika mereka tidak menyahut seruanmu (Muhammad), maka ketahuilah bahawa sesungguhnya mereka hanya mengikut hawa nafsu mereka sahaja, dan tidak ada orang yang lebih sesat dari mereka yang mengikut hawa nafsunya tanpa mendapat hidayat dari Allah. Sesungguhnya Allah tidak memberi hidayat kepada orang-orang yang zalim."(50)

Kebenaran yang terkandung di dalam Al-Qur'an ini adalah amat jelas, dan hujah agama ini juga amat jelas. Tiada siapa yang meninggalkannya sesudah mengetahuinya melainkan apabila dia dihalangkan hawa nafsunya. Di sini cuma ada dua jalan sahaja, tiada jalan yang ketiga, iaitu sama ada menjunjung kebenaran dengan ikhlas dan membebaskan diri dari hawa nafsu dengan beriman dan menyerah kepada Allah atau menolak kebenaran dan mengikut hawa nafsu iaitu mendustakan Al-Qur'an dan menentangnya. Tiada hujah dan alasan kerana adanya sesuatu kekeliruan dan kesamaran di dalam 'aqidah Islam atau adanya sesuatu kelemahan atau kekurangan dalil dan bukti seperti yang didakwakan oleh orang-orang yang mengikut hawa nafsu dan mempunyai kepentingan diri.

فَإِن لَّمْ يَسْتَجِيبُوا۟ لَكَ فَٱعْلَمْ أَنَّمَا يَتَّبِعُونَ
أَهْوَآءَهُمْ ۚ

"Jika mereka tidak menyahut seruanmu (Muhammad), maka ketahuilah bahawa sesungguhnya mereka hanya mengikut hawa nafsu mereka sahaja."(50)

Demikianlah pernyataan yang tegas dan kata pemutus dari Allah yang tidak dapat dibalas dan diulas lagi. Orang-orang yang tidak menyambut agama ini adalah orang-orang yang mempunyai kepentingan diri, yang tidak mempunyai apa-apa alasan. Mereka hanya pelampau-pelampau yang tidak mempunyai apa-apa hujah dan mereka hanya mengikut hawa nafsu dan berpaling dari kebenaran yang amat terang:

وَمَنْ أَضَلُّ مِمَّنِ ٱتَّبَعَ هَوَىٰهُ بِغَيْرِ هُدًى مِّنَ ٱللَّهِ ۚ

"Tidak ada orang yang lebih sesat dari mereka yang mengikut hawa nafsunya tanpa mendapat hidayat dari Allah."(50)

Perbuatan ini menunjukkan bahawa mereka adalah orang-orang yang zalim dan pelampau:

إِنَّ ٱللَّهَ لَا يَهْدِى ٱلْقَوْمَ ٱلظَّٰلِمِينَ ﴿٥٠﴾

"Sesungguhnya Allah tidak memberi hidayat kepada orang-orang yang zalim."(50)

Ayat ini telah memotong jalan kepada orang-orang yang mengambil pendirian apologetik dengan memberi alasan bahawa mereka tidak dapat memahami Al-Qur'an dan tidak mengetahui agama ini dengan mendalam, maka tiada jalan lain kecuali agama ini hendaklah disampai dan dibentangkan kepada mereka dengan jelas hingga hujahnya terpacak teguh dan tidak dapat dipertikaikan lagi dan apologi mereka gugur. Sebenarnya Al-Qur'an dan agama ini sendiri amat jelas. Tiada siapa yang menyimpang darinya melainkan orang yang mengikut hawa nafsunya, dan tiada siapa yang mendustakannya melainkan pelampau-pelampau yang menganiayai diri sendiri dan menganiayai kebenaran yang amat jelas dan tidak wajar mendapat hidayat Allah **"Sesungguhnya Allah tidak memberi hidayat kepada orang-orang yang zalim."**

Tiada lagi apologi dan dalihan kepada mereka sesudah sampainya agama yang benar ini kepada mereka dan sesudah dibentangkannya dengan jelas kepada mereka. Mereka tidak lagi mempunyai sebarang hujah dan alasan.

وَلَقَدْ وَصَّلْنَا لَهُمُ ٱلْقَوْلَ لَعَلَّهُمْ يَتَذَكَّرُونَ ﴿٥١﴾

Sesungguhnya Kami telah menyampaikan firman Allah (Al-Qur'an) kepada mereka supaya mereka mengambil pengajaran."(51)

******

(Pentafsiran ayat-ayat 52 - 55)

Setelah tamat penjelajahan ini, di mana terserlah dengan jelas penyelewengan dan dolak-dalik mereka, maka Al-Qur'an membawa mereka ke dalam satu penjelajahan yang lain pula untuk menunjukkan kepada mereka gambaran tabi'at yang jujur dan hati yang ikhlas yang dapat dilihat pada segolongan orang-orang yang telah dikurniakan kitab suci sebelum mereka dan bagaimana mereka menyambut kitab Al-Qur'an yang membenarkan kitab suci yang ada pada mereka:

ٱلَّذِينَ ءَاتَيْنَٰهُمُ ٱلْكِتَٰبَ مِن قَبْلِهِۦ هُم بِهِۦ يُؤْمِنُونَ ﴿٥٢﴾
وَإِذَا يُتْلَىٰ عَلَيْهِمْ قَالُوٓا۟ ءَامَنَّا بِهِۦٓ إِنَّهُ ٱلْحَقُّ مِن رَّبِّنَآ إِنَّا
كُنَّا مِن قَبْلِهِۦ مُسْلِمِينَ ﴿٥٣﴾
أُو۟لَٰٓئِكَ يُؤْتَوْنَ أَجْرَهُم مَّرَّتَيْنِ بِمَا صَبَرُوا۟ وَيَدْرَءُونَ
بِٱلْحَسَنَةِ ٱلسَّيِّئَةَ وَمِمَّا رَزَقْنَٰهُمْ يُنفِقُونَ ﴿٥٤﴾
وَإِذَا سَمِعُوا۟ ٱللَّغْوَ أَعْرَضُوا۟ عَنْهُ وَقَالُوا۟ لَنَآ أَعْمَٰلُنَا
وَلَكُمْ أَعْمَٰلُكُمْ سَلَٰمٌ عَلَيْكُمْ لَا نَبْتَغِى ٱلْجَٰهِلِينَ ﴿٥٥﴾

"Orang-orang yang telah Kami kurniakan kitab sebelum Al-Qur'an mereka juga telah beriman dengannya(52). Dan apabila dibacakan Al-Qur'an kepada mereka, mereka terus berkata: Kami beriman dengannya sesungguhnya Al-Qur'an itu kitab yang benar dari Tuhan kami. Sesungguhnya kami sebelumnya adalah dari golongan Muslimin (yang menyerah diri kepada Allah)(53). Mereka dikurniakan pahala dua kali ganda kerana kesabaran mereka, dan mereka menolak kejahatan dengan kebaikan dan mereka membelanjakan (untuk kebajikan) sebahagian dari rezeki yang Kami kurniakan kepada mereka(54). Dan apabila mereka mendengar perkataan-perkataan yang sia-sia (dan keji), mereka terus berpaling darinya dan mereka berkata: Untuk kami amalan-amalan kami dan untuk kamu amalan-amalan kamu. Selamat tinggal, kami tidak mahu berdamping dengan orang-orang yang jahil."(55)

Rombongan Paderi-paderi Kristian Menemui Rasulullah

Ujar Sa'id ibn Jubayr r.a.: Ayat ini turun mengenai tujuh puluh orang paderi Kristian yang diutuskan oleh Maharaja an-Najasyi. Apabila mereka datang menemui Nabi s.a.w. beliau pun membaca " يس. والقرآن الحكيم" hingga akhir, lalu mereka menangis dan memeluk Islam, kemudian turun ayat-ayat (53 - 55) menceritakan hal mereka.

Muhammad bin Ishaq telah meriwayatkan di dalam as-Sirah kemudian datanglah dua puluh orang atau lebih kurang seramai itu dari orang-orang Kristian. Mereka hendak menemui Rasulullah s.a.w. semasa beliau berada di Makkah, setelah sampai kepada mereka berita kebangkitannya dari negeri Habsyah. Mereka dapati beliau sedang berada di dalam masjid lalu mereka pun duduk menghadapinya dan bercakap serta bertanya kepadanya, sedangkan ketua-ketua Quraisy berada di majlis-majlis perhimpunan mereka di sekeliling Ka'bah. Setelah mereka selesai bertanya Nabi s.a.w. tentang perkara-perkara yang dikehendaki mereka, beliau pun menyeru mereka kepada Allah Ta'ala dan membaca Al-Qur'an dan apabila mereka mendengar bacaan Al-Qur'an itu, maka mata mereka pun berlinang dengan air mata, kemudian mereka terus menerima seruan Allah dan beriman kepada beliau dan membenarkannya. Mereka telah mengenali sifat-sifat beliau yang diterangkan di dalam kitab suci mereka. apabila mereka bangkit meninggalkan beliau tiba-tiba Abu Jahl ibn Hisyam menahan mereka bersama-sama beberapa orang Quraisy yang lain lalu berkata kepada mereka: "Allah kecewakan rombongan kamu, kamu telah diutuskan oleh orang-orang di belakang kamu dari penganut-penganut agama kamu, kamu mengembara kerana mereka untuk membawa balik cerita lelaki ini (Muhammad), tetapi belum pun tetap kamu duduk di sisinya tiba-tiba kamu telah meninggalkan agama kamu dan terus percayakan apa yang dikatakan olehnya. Setahu kami tidak ada rombongan yang lebih tolol dari kamu". Lalu mereka menjawab:

"Selamat tinggal sahaja! Kami tidak mahu bertengkar dengan kamu. Kami dengan agama kami dan kamu dengan agama kamu. Kami akan berbuat apa sahaja untuk kebaikan diri kami."

Ujar Muhammad bin Ishaq: Mengikut cerita, bahawa rombongan itu ialah rombongan orang-orang Kristian dari penduduk Najran. Allah sahaja yang Maha Mengetahui manakah satu yang benar. Ujarnya lagi: Mengikut cerita, wallahu 'alam bahawa ayat-ayat (53 - 55) adalah diturun mengenai mereka iaitu ayat " ٱلَّذِينَ ءَاتَيْنَٰهُمُ ٱلْكِتَٰبَ مِن قَبْلِهِۦ هُم بِهِۦ يُؤْمِنُونَ ﴿٥٢﴾ ".

Ujarnya lagi: Saya telah bertanya az-Zuhri tentang ayat-ayat ini, iaitu mengenai siapakah ia diturunkan? Jawab beliau: Saya selalu mendengar dari ulama'-ulama' kita bahawa ayat-ayat ini adalah diturun mengenai an-Najasyi dan sahabat-sahabatnya r.a., begitu juga ayat-ayat (82 - 83) yang terdapat di dalam Surah al-Maidah " ذَٰلِكَ بِأَنَّ مِنْهُمْ قِسِّيسِينَ وَرُهْبَانًا " hingga " فَٱكْتُبْنَا مَعَ ٱلشَّٰهِدِينَ ﴿٨٣﴾ ".

Biarpun siapa sahaja yang diturunkan ayat-ayat ini kepada mereka, namun Al-Qur'an mengembalikan kaum Musyrikin kepada satu peristiwa yang telah berlaku, yang diketahui dan tidak dapat diingkari oleh mereka dengan tujuan untuk meletakkan mereka di hadapan satu contoh golongan manusia yang ikhlas, yang menunjukkan bagaimana golongan ini menerima dan yakin kepada Al-Qur'an, bagaimana mereka menemui kebenaran di dalam Al-Qur'an dan bagaimana mereka mengetahui bahawa Al-Qur'an itu selaras dengan kitab suci yang ada pada mereka. Mereka tidak dihalang oleh nafsu dan sikap sombong dari menerima Al-Qur'an. Mereka sanggup menghadapi penindasan dan keangkuhan dari manusia-manusia yang jahil yang menimpa mereka untuk mempertahankan ajaran yang benar yang dipercayai mereka. Mereka sabar menghadapi hawa nafsu dan gangguan-gangguan manusia.

ٱلَّذِينَ ءَاتَيْنَٰهُمُ ٱلْكِتَٰبَ مِن قَبْلِهِۦ هُم بِهِۦ يُؤْمِنُونَ ﴿٥٢﴾

"Orang-orang yang telah Kami kurniakan kitab sebelum Al-Qur'an mereka juga telah beriman dengannya."(52)

Ini adalah salah satu bukti kebenaran Al-Qur'an, kerana seluruh kitab suci adalah diturunkan dari Allah. Dan Al-Qur'an itu selaras (dengan kitab yang terdahulu), oleh itu mereka yang dikurniakan kitab suci yang terdahulu akan mengenali, yakin dan percaya kepada kebenaran yang terdapat dalam kitab suci Al-Qur'an yang diturunkan selepas itu. Mereka yakin bahawa Al-Qur'an itu adalah dari Allah yang telah menurunkan seluruh kitab suci yang lain.

وَإِذَا يُتْلَىٰ عَلَيْهِمْ قَالُوٓا۟ ءَامَنَّا بِهِۦٓ إِنَّهُ ٱلْحَقُّ مِن رَّبِّنَآ إِنَّا
كُنَّا مِن قَبْلِهِۦ مُسْلِمِينَ ﴿٥٣﴾

"Dan apabila dibacakan Al-Qur'an kepada mereka, mereka terus berkata: Kami beriman dengannya sesungguhnya Al-Qur'an itu kitab yang benar dari Tuhan kami. Sesungguhnya kami sebelumnya adalah dari golongan Muslimin (yang menyerah diri kepada Allah)."(53)

Al-Qur'an itu cukup jelas dan terang hingga ia tidak memerlukan sesuatu yang lain selain membacanya sahaja. Orang-orang yang pernah mengetahui ajaran yang benar sebelum ini akan yakin bahawa Al-Qur'an ini adalah datang dari satu sumber sahaja, iaitu sumber yang tidak pernah berdusta **"Sesungguhnya Al-Qur'an itu kitab yang benar dari Tuhan kami. Sesungguhnya kami sebelumnya adalah dari golongan Muslimin (yang menyerah kepada Allah)".** Keislaman atau menyerah kepada Allah itulah intisari agama orang-orang yang beriman kepada agama Allah.

Mereka sebelum ini telah menyerah diri kepada Allah dan membenarkan Al-Qur'an sebaik sahaja mereka mendengarnya:

أُو۟لَٰٓئِكَ يُؤْتَوْنَ أَجْرَهُم مَّرَّتَيْنِ بِمَا صَبَرُوا۟

"Mereka dikurniakan pahala dua kali ganda kerana kesabaran mereka."(54)

Orang-orang Kristian Yang Menganut Islam Mendapat Pahala Dua Kali Ganda

Yakni kesabaran (berdiri teguh) di atas keislaman yang tulen iaitu keislaman hati dan anggota dan kesabaran melawan keinginan hawa nafsu dan bersikap jujur dan teguh menjunjung agama Allah dahulu dan sekarang. Orang-orang yang seperti ini dikurniakan pahala dua kali ganda sebagai balasan di atas kesabaran mereka kerana kesabaran amat sukar kepada manusia dan kesabaran yang paling sukar ialah kesabaran melawan keinginan hawa nafsu sendiri dan kesabaran menentang kesesatan dan penyelewengan. Mereka telah menunjukkan kesabaran mereka menghadapi segala-galanya itu. Mereka sabar menghadapi ejekan dan gangguan manusia sebagaimana telah disebut di dalam riwayat tadi dan sebagaimana yang biasa menimpa orang-orang yang jujur dan teguh berpegang dengan agama mereka di dalam masyarakat-masyarakat yang menyeleweng, sesat dan jahil di setiap zaman dan tempat:

وَيَدْرَءُونَ بِٱلْحَسَنَةِ ٱلسَّيِّئَةَ

"Dan mereka menolak kejahatan dengan kebaikan."(54)

Ini juga memerlukan kesabaran, malah ia lebih sukar dari semata-mata bersikap sabar menghadapi gangguan dan ejekan. Ia memerlukan kebolehan menguasai keangkuhan diri sendiri yang ingin menolak ejekan dan membalas gangguan itu, yang ingin melepaskan kemarahan dan mendapat kepuasan hati dengan membalas dendam. Di sebalik kesabaran ini semuanya ada lagi darjat yang lebih tinggi iaitu darjat kesanggupan memberi kema'afan dengan penuh kerelaan, iaitu kejahatan dibalas dengan kebaikan. Sendaan si jahil dihadapi dengan tenang dan tenteram, dengan timbang rasa dan budi

yang baik itulah kemuncak kebesaran jiwa yang tidak dapat dicapai melainkan oleh orang-orang Mu'min yang berinteraksi dengan Allah serta mendapat keredhaan timbal balik di antara mereka dengan-Nya dan mereka menerima gangguan-gangguan manusia dengan hati yang redha dan tenang.

وَمِمَّا رَزَقْنَٰهُمْ يُنفِقُونَ ﴿٥٤﴾

"Dan mereka membelanjakan (untuk kebajikan) sebahagian dari rezeki yang Kami kurniakan kepada mereka."(54)

Ayat ini seolah-olah mahu menyebut sifat kemurahan hati mereka membelanjakan harta untuk kebajikan selepas menyebut sifat kemurahan hati mereka yang gemar menghulurkan budi yang baik. Kedua-dua sifat itu adalah terbit dari satu sumber sahaja iaitu dari sumber kebolehan menguasai keinginan nafsu dan berpegang kukuh dengan nilai-nilai yang lebih besar dari nilai-nilai bumi. Nilai yang pertama berhubungkait dengan jiwa, dan nilai yang kedua berhubungkait dengan harta, dan seringkali kedua-dua nilai-nilai ini disebut bergandingan di dalam Al-Qur'an.

Di sana ada lagi satu sifat jiwa orang yang beriman yang sanggup berdiri teguh di atas agama Islam dan ikhlas kepada 'aqidah:

وَإِذَا سَمِعُوا۟ ٱللَّغْوَ أَعْرَضُوا۟ عَنْهُ وَقَالُوا۟ لَنَآ أَعْمَٰلُنَا
وَلَكُمْ أَعْمَٰلُكُمْ سَلَٰمٌ عَلَيْكُمْ لَا نَبْتَغِى ٱلْجَٰهِلِينَ ﴿٥٥﴾

"Dan apabila mereka mendengar perkataan-perkataan yang sia-sia (dan keji), mereka terus berpaling darinya dan mereka berkata: Untuk kami amalan-amalan kami dan untuk kamu amalan-amalan kamu. Selamat tinggal kami tidak mahu berdamping dengan orang-orang yang jahil."(55)

"Perkataan-perkataan yang sia-sia" ialah percakapan yang kosong, tidak berfaedah dan berhasil, leteran yang membuang waktu tanpa menambah apa-apa bekalan yang baru kepada hati atau akal dan tidak pula menambahkan apa-apa pengetahuan yang berguna. Ia juga merupakan percakapan-percakapan yang keji yang merosakkan hati dan lidah sama ada dihadapkan kepada seorang yang ada di hadapan atau diceritakan, mengenai seorang yang tidak hadhir di situ.

Hati orang-orang yang beriman tidak lalai dengan percakapan-percakapan yang sia-sia, tidak pula mendengar leteran yang kosong dan tidak pula memberi perhatian kepada perkataan-perkataan yang keji, kerana hati mereka sibuk dengan tugas-tugas keimanan dan sentiasa menjulang tinggi dengan kerinduannya (kepada Allah) dan sentiasa membersihkan dirinya dengan nur keimanan:

وَإِذَا سَمِعُوا۟ ٱللَّغْوَ أَعْرَضُوا۟ عَنْهُ

"Apabila mereka mendengar perkataan-perkataan yang sia-sia (dan keji) mereka terus berpaling darinya."(55)

Tetapi mereka tidak meradang dan marah. Mereka tidak mengikut jejak langkah mereka dengan tindakan membalas dengan perkataan-perkataan sia-sia dan keji yang sama. Mereka tidak membabitkan diri bertengkar dengan mereka di sekitar percakapan yang sia-sia dan keji itu, kerana pertengkaran itu hanya sia-sia sahaja, malah mereka meninggalkan mereka dengan mengucap selamat tinggal.

وَقَالُوا۟ لَنَآ أَعْمَٰلُنَا وَلَكُمْ أَعْمَٰلُكُمْ سَلَٰمٌ عَلَيْكُمْ

"Dan mereka berkata: Untuk kami amalan-amalan kami dan untuk kamu amalan-amalan kamu. Selamat tinggal!"(55)

Demikianlah mereka berkata dengan sopan santun sambil mendo'akan kebaikan kepada mereka serta menyatakan keinginan mereka kepada hidayat dan keengganan untuk bergaul dengan mereka:

عَلَيْكُمْ لَا نَبْتَغِى ٱلْجَٰهِلِينَ ﴿٥٥﴾

"Kami tidak mahu berdamping dengan orang-orang yang jahil"(55)

dan kami tidak mahu membuang masa kami yang berharga bersama mereka. Kami tidak mahu menyertai mereka di dalam percakapan yang sia-sia dan tidak mahu mendengar leteran mereka yang kosong.

Itulah gambaran gemilang jiwa orang yang beriman, yang yakin kepada keimanannya, iaitu jiwa yang penuh dengan perasaan ingin menjauhkan diri dari percakapan yang sia-sia dan keji di samping penuh dengan perasaan ingin memberi kema'afan dan kasih mesra. Ia menunjukkan jalan yang terang kepada siapa yang mahu beradab dengan adab sopan yang diredhai Allah, iaitu jangan bergaul dengan orang-orang yang jahil, jangan bertengkar dengan mereka, jangan menaruh perasaan dendam dan bosan terhadap mereka, malah tunjukkan sikap ingin menjauhkan diri dari kesia-siaan, sikap memberi kema'afan dan kasihkan kebaikan walaupun terhadap orang yang melakukan kesalahan dan perbuatan yang buruk.

******

(Pentafsiran ayat 56)

Golongan Ahlil-Kitab yang beriman itu tidak memerlu-kan tenaga yang lebih dari Rasulullah s.a.w. dalam usaha beliau untuk menarik mereka kepada keimanan selain daripada membaca Al-Qur'an kepada mereka sahaja, sedangkan di belakang beliau terdapat kaumnya yang degil. Beliau berjuang dengan segala susah payah untuk mengajak mereka supaya beriman. Di sana juga terdapat orang yang amat disayangi beliau, yang mana beliau bercita-cita agar Allah memberi hidayat kepadanya supaya memeluk agama Islam, tetapi Allah tidak membolehkannya mendapat hidayat itu kerana sesuatu sebab yang ada pada dirinya yang di-ketahui oleh Allah. Tegasnya Nabi s.a.w. tidaklah berkuasa memberi hidayat kepada sesiapa yang disayanginya. Hanya Allah sahaja yang

berkuasa memberi hidayat kepada sesiapa sahaja yang diketahui-Nya mempunyai syarat yang melayakkannya untuk menerima hidayat dan kepada sesiapa yang mempunyai kesediaan untuk keimanan.

إِنَّكَ لَا تَهْدِي مَنْ أَحْبَبْتَ وَلَٰكِنَّ ٱللَّهَ يَهْدِي مَن يَشَآءُ ۚ وَهُوَ أَعْلَمُ بِٱلْمُهْتَدِينَ ﴿٥٦﴾

"Sesungguhnya Engkau tidak berkuasa memberi hidayat kepada mereka yang engkau kasih, tetapi Allahlah yang berkuasa memberi hidayat kepada mereka yang dikehendaki-Nya, dan Dia amat mengetahui siapakah, orang-orang yang bersedia menerima hidayat?"(56)

Abu Talib Di Akhir Hayatnya

Tersebut di dalam al-Bukhari dan Muslim bahawa ayat ini adalah diturunkan mengenai Abu Talib bapa saudara Nabi s.a.w. Dia telah melindungi dan menolong beliau. Dia telah menghalangkan kaum Quraysy dari menyakitinya. Dia telah memberi perlindungan kepada beliau sehingga dapat menyampaikan da'wahnya, dan untuk maksud ini dia sanggup menghadapi pemulauan Quraysy terhadap dirinya dan terhadap Bani Hasyim, juga menghadapi tindakan kaum Quraysy yang mengepung mereka di jalan bukit. Dia bertindak demikian semata-mata kerana kasihkan anak saudara dan kerana kepentingan keluarga dan menjaga maruahnya. Ketika dia hampir mati, Rasulullah s.a.w. telah memujuknya supaya beriman dan menganut agama Islam, tetapi Allah tidak mengurniakan keimanan kepadanya kerana sesuatu sebab yang ada pada dirinya yang diketahui oleh Allah.

Ujar az-Zuhri: Aku telah diceritakan oleh Sa'id ibn al-Musayib daripada bapanya iaitu al-Musayib ibn Hazn al-Makhzumi r.a. katanya: Sewaktu Abu Talib hampir meninggal dunia, Rasulullah s.a.w. telah datang mengunjunginya dan beliau dapati Abu Jahl ibn Hisyam dan Abdullah ibn Umayah ibn al-Mughirah ada di sisinya, lalu Rasulullah s.a.w. bersabda: "Pak cik! Katakanlah La ilaha Illallah satu kalimat pengakuan yang dapat hamba jadikannya hujah untuk pak cik di sisi Allah." Abu Jahl dan Abdullah ibn Umayah terus menyampuk: "Wahai Abu Talib! Adakah anda bencikan agama Abdul-Muttalib?" Tetapi Rasulullah s.a.w. terus menawar ucapan syahadat itu dan kedua-duanya terus mengulangi perkataan mereka hingga pada akhirnya Abu Talib berkata: "Aku di atas agama Abdul-Muttalib" Dia enggan mengucap La ilaha Illallah. Lalu Rasulullah s.a.w. pun bersabda: "Demi Allah, hamba akan memohon keampunan kepada pak cik selama saya tidak dilarang berbuat begitu terhadap pak cik". Lalu Allah S.W.T. menurunkan ayat:

مَا كَانَ لِلنَّبِيِّ وَٱلَّذِينَ ءَامَنُوٓا۟ أَن يَسْتَغْفِرُوا۟ لِلْمُشْرِكِينَ وَلَوْ كَانُوٓا۟ أُو۟لِى قُرْبَىٰ ﴿١١٣﴾

"Tidaklah wajar bagi nabi dan orang-orang yang beriman memohon keampunan kepada orang-orang Musyrikin walaupun mereka kaum kerabat."

(Surah at-Taubah: 113)

dan menurunkan ayat berikut mengenai Abu Talib:

إِنَّكَ لَا تَهْدِي مَنْ أَحْبَبْتَ وَلَٰكِنَّ ٱللَّهَ يَهْدِي مَن يَشَآءُ ۚ وَهُوَ أَعْلَمُ بِٱلْمُهْتَدِينَ ﴿٥٦﴾

Dikeluarkannya di dalam Sahih al-Bukhari dan Muslim dari hadith az-Zuhri. Hadith ini diriwayatkan oleh Muslim di dalam Sahihnya, juga diriwayatkan oleh at-Tirmizi dari hadith Yazid ibn Kisan daripada Abu Hazim daripada Abu Hurayrah katanya: Ketika Abu Talib hampir mati, dia dikunjungi Rasulullah s.aw. lalu bersabda: "Pak cik! Katakanlah La ilaha Illallah supaya dapat hamba menjadi saksi pak cik pada hari Qiamat." Dia pun menjawab: "Jika tidak kerana bimbang kaum Quraysy mencelaku dengan mengatakan "Dia tidak mengucapkan perkataan itu melainkan semata-mata kerana didorongkan oleh ketakutan maut, tentulah pak cik akan senangkan hati engkau dengan mengucapkannya. Aku tidak akan katakannya melainkan untuk menyenangkan hatimu". Lalu turunlah ayat:

إِنَّكَ لَا تَهْدِي مَنْ أَحْبَبْتَ وَلَٰكِنَّ ٱللَّهَ يَهْدِي مَن يَشَآءُ ۚ وَهُوَ أَعْلَمُ بِٱلْمُهْتَدِينَ ﴿٥٦﴾

Diriwayatkan daripada Ibn Abbas, ibn 'Umar, Mujahid, as-Sya'bi dan Qatadah bahawa ayat ini diturun mengenai Abu Talib yang mengucapkan perkataannya yang akhir Aku di atas agama Abdul-Muttalib."

Ketegasan Islam

Setiap orang yang berdiri di hadapan cerita ini akan tertarik hati terhadap ketegasan dan kelurusan agama ini. Nah! lihatlah ayahanda saudara Rasulullah s.a.w. sendiri yang selama ini menjadi pemelihara dan pelindung keselamatan beliau tidak juga dikurniakan iman oleh Allah walaupun beliau amat kasihkan Rasulullah s.a.w. dan Rasulullah juga amat suka agar dia beriman. Ini disebabkan kerana apa yang dilakukan Abu Talib itu adalah bertujuan untuk memelihara hubungan kekeluargaan dan kasih sayang kebapaan bukannya kerana kasihkan 'aqidah Islam. Inilah yang diketahui Allah dari hati Abu Talib dan kerana itulah Allah tidak melaksanakan apa yang diangan-angan dan diharap-harapkan oleh Rasulullah darinya. Allah telah mengeluarkan urusan memberi hidayat ini dari kuatkuasa Rasulullah s.a.w. dan menjadikan urusan itu sebagai satu urusan khusus yang berada di bawah iradat dan tadbir-Nya sahaja. Tugas Rasul hanya menyampaikan da'wah dan tiada tugas yang lain yang terbeban di atas bahu para penda'wah Rasulullah melainkan hanya tugas

memberi nasihat sahaja, dan hati manusia selepas menerima da'wah itu adalah terletak di bawah kehendak qudrat Ilahi. Penerimaan hidayat dan kesesatan itu adalah mengikut niat yang diketahui Allah di dalam hati manusia dan mengikut kesediaan mereka untuk menerima hidayat atau kesesatan.

******

(Pentafsiran ayat-ayat 57 - 61)

Sekarang tibalah ayat yang menyebut perkataan kaum Musyrikin yang dikemukakannya kepada Rasulullah s.a.w. sebagai alasan bahawa mereka tidak mahu mengikut beliau ialah kerana mereka takut kehilangan kuasa, iaitu kuasa mereka di atas qabilah-qabilah atau suku-suku Arab yang lain, yang menjadi jiran tetangga mereka, yang selama ini memuliakan rumah Ka'bah, menta'ati para penjaganya dan membesar-besarkan berhala-berhalanya. Mereka takut diusir keluar oleh qabilah-qabilah itu atau takut diusir keluar oleh musuh-musuh mereka yang tinggal di luar Semenanjung Tanah Arab tanpa dibantu oleh qabilah-qabilah ini. Oleh sebab itu di dalam ayat ini Allah menjelaskan kepada mereka di manakah sebenarnya hakikat keamanan dan ketakutan itu di dalam kenyataan sejarah hidup mereka dan di dalam masa kini yang disaksikan mereka setelah Allah menjelaskan hakikat itu di dalam kisah Musa dan Fir'aun di dalam surah ini. Kemudian Allah membawa, mereka menjelajah untuk meninjau kisah kebinasaan umat-umat yang dahulu kala dan kebinasaan-kebinasaan itu telah mendedahkan sebab-sebabnya yang haqiqi, iaitu mereka dibinasakan Allah kerana sebab-sebab keangkuhan, tidak bersyukur, mendustakan para rasul dan berpaling dari ayat-ayat Allah. Setelah itu Allah membawa mereka ke dalam satu penjelajahan yang lebih jauh untuk mendedahkan hakikat nilai-nilai yang sebenar, dan di sinilah seluruh kehidupan dunia dan keni'matannya kelihatan begitu kecil dan kerdil di samping ni'mat-ni'mat yang tersimpan di sisi Allah.

وَقَالُوٓا۟ إِن نَّتَّبِعِ ٱلْهُدَىٰ مَعَكَ نُتَخَطَّفْ مِنْ أَرْضِنَآ ۚ
أَوَلَمْ نُمَكِّن لَّهُمْ حَرَمًا ءَامِنًا يُجْبَىٰٓ إِلَيْهِ ثَمَرَٰتُ
كُلِّ شَىْءٍ رِّزْقًا مِّن لَّدُنَّا وَلَٰكِنَّ أَكْثَرَهُمْ
لَا يَعْلَمُونَ ﴿٥٧﴾

وَكَمْ أَهْلَكْنَا مِن قَرْيَةٍۭ بَطِرَتْ مَعِيشَتَهَا ۖ فَتِلْكَ
مَسَٰكِنُهُمْ لَمْ تُسْكَن مِّنۢ بَعْدِهِمْ إِلَّا قَلِيلًا ۖ
وَكُنَّا نَحْنُ ٱلْوَٰرِثِينَ ﴿٥٨﴾

وَمَا كَانَ رَبُّكَ مُهْلِكَ ٱلْقُرَىٰ حَتَّىٰ يَبْعَثَ فِىٓ
أُمِّهَا رَسُولًا يَتْلُوا۟ عَلَيْهِمْ ءَايَٰتِنَا ۚ وَمَا كُنَّا مُهْلِكِى
ٱلْقُرَىٰٓ إِلَّا وَأَهْلُهَا ظَٰلِمُونَ ﴿٥٩﴾

وَمَآ أُوتِيتُم مِّن شَىْءٍ فَمَتَٰعُ ٱلْحَيَوٰةِ ٱلدُّنْيَا وَزِينَتُهَا ۚ
وَمَا عِندَ ٱللَّهِ خَيْرٌ وَأَبْقَىٰٓ ۚ أَفَلَا تَعْقِلُونَ ﴿٦٠﴾

أَفَمَن وَعَدْنَٰهُ وَعْدًا حَسَنًا فَهُوَ لَٰقِيهِ كَمَن مَّتَّعْنَٰهُ مَتَٰعَ
ٱلْحَيَوٰةِ ٱلدُّنْيَا ثُمَّ هُوَ يَوْمَ ٱلْقِيَٰمَةِ مِنَ ٱلْمُحْضَرِينَ ﴿٦١﴾

"Dan mereka berkata: Jika kami mengikut hidayat (agama Islam) bersama engkau nescaya kami akan diusir keluar dari negeri kami. Bukankah Kami memberikan mereka kedudukan yang teguh di tanah suci yang aman, di mana segala macam buah-buahan dibawa kepadanya sebagai rezeki dari kurniaan Kami, tetapi kebanyakan mereka tidak mengetahui?(57). Berapa banyak penduduk negeri-negeri yang angkuh di dalam kehidupannya (yang mewah) telah Kami binasakannya. Itulah tempat-tempat kediaman mereka yang masih belum lagi didiami orang selepas mereka melainkan sedikit sahaja, dan Kamilah yang menjadi para pewarisnya(58). Dan Tuhanmu tidak pernah membinasakan negeri-negeri sehingga Dia bangkitkan di ibu kotanya seorang Rasul yang membaca kepada mereka ayat-ayat Kami, dan Kami tidak pernah membinasakan negeri-negeri melainkan apabila penduduk-penduduknya melakukan kezaliman (59). Dan apa sahaja yang dikurniakan kepada kamu, maka itu hanya keni'matan hidup dunia dan perhiasannya sahaja, sedangkan ni'mat yang tersimpan di sisi Allah adalah lebih baik dan lebih kekal lagi, tidakkah kamu berfikir?(60). Adakah orang yang telah Kami janjikannya dengan suatu janji yang baik lalu dia berjaya memperolehinya itu sama dengan orang yang Kami kurniakan keni'matan hidup dunia, kemudian pada hari Qiamat kelak dia termasuk ke dalam golongan orang yang dibawa untuk dihisab?"(61)

Tanggapan Mengikut Agama Allah Melamarkan Kesusahan

Itulah pandangan yang dangkal dan itulah kefahaman dunia yang terbatas. Itulah sebab yang menyarankan kepada kaum Quraysy dan kepada manusia-manusia yang lain bahawa mengikut hidayat Allah itu akan mendedahkan mereka kepada ketakutan, akan mendorong musuh-musuh menyerang mereka, akan menyebabkan mereka kehilangan bantuan dan penolong dan akan membawa kemiskinan dan malapetaka ke atas mereka:

وَقَالُوٓا۟ إِن نَّتَّبِعِ ٱلْهُدَىٰ مَعَكَ نُتَخَطَّفْ مِنْ أَرْضِنَآ ۚ

"Dan mereka berkata: Jika kami mengikut hidayat (agama Islam) bersama engkau nescaya kami akan diusir keluar dari negeri kami."(57)

Mereka tidak mengingkari bahawa Islam itu hidayat, tetapi mereka hanya takut diusir oleh manusia, sedangkan mereka lupakan Allah. Mereka lupa

bahawa hanya Allah sahaja yang dapat memelihara dan melindungi mereka. Seluruh kekuatan yang ada di dunia ini tidak berkuasa mengusir mereka dari bumi Allah yang suci itu. Begitu juga seluruh kekuatan yang ada di dunia ini tidak berkuasa menolong mereka jika Allah mengecewakan mereka. Mereka berfikir begitu kerana keimanan belum terserap di dalam hati mereka, dan andainya keimanan itu telah bersebati dengan mereka tentulah pandangan mereka terhadap kekuatan-kekuatan di dunia ini akan berubah dan tentulah penilaian dan pertimbangan mereka berlainan dari itu, dan tentulah mereka yakin bahawa keamanan itu tidak wujud melainkan di dalam perdampingan dengan Allah. Ini bukannya waham dan bukannya kata-kata untuk menenangkan hati sahaja, malah ia adalah suatu hakikat yang amat mendalam yang terbit dari hakikat bahawa mengikut hidayat Allah itu adalah bererti berdamai dengan undang-undang dan kekuatan-kekuatan alam dan menggunakannya untuk mendapat kemudahan-kemudahan dalam kehidupan. Oleh kerana Allah Pencipta alam buana dan Pentadbir yang mengatur perjalanannya mengikut undang-undang yang diredhai-Nya, maka orang yang mengikut hidayat Allah adalah bererti mengambil kekuatan-kekuatan yang tidak terbatas yang wujud di alam buana ini dan berlindung pada kubu yang amat teguh di alam realiti hidup.

Hidayat (agama) Allah adalah suatu sistem hidup yang betul, iaitu hidup yang sebenar di dunia ini. Apabila sistem ini dapat ditegakkan, maka ia akan memiliki kekuasaan di dunia di samping kebahagiaan di Akhirat. Keistimewaan sistem ini ia tidak memisahkan di antara jalan dunia dan jalan Akhirat dan tidak pula menghapus atau melumpuhkan kehidupan dunia untuk merealisasikan matlamat-matlamat hidup Akhirat, malah ia mengikatkan kedua-duanya dengan satu tali ikatan iaitu kebaikan hati, kebaikan masyarakat dan kebaikan hidup di dunia ini, dan oleh kerana itu kehidupan dunia merupakan jalan menuju Akhirat. Dunia itu tanah bendang Akhirat. Pembangunan dan penguasaan kebun dunia merupakan sarana kepada pembangunan dan penguasaan kebun Syurga di Akhirat dan hidup kekal di sana dengan syarat seseorang itu mengikut hidayat Allah dan bertawajjuh kepada-Nya dengan amalan yang soleh dan mengharapkan keredhaan-Nya.

Tidak pernah berlaku kemungkiran di dalam sejarah manusia iaitu apabila sesuatu kelompok manusia berdiri teguh dan jujur di atas hidayat (agama) Allah melainkan pada akhirnya Allah akan mengurniakan mereka kekuatan, keteguhan dan kekuasaan, setelah diri mereka diper-lengkapkan untuk memikul amanah khilafah di bumi dan tugas mengendalikan kehidupan dunia.

Perasaan Takut Mengikut Syari'at Allah

Ramai manusia yang merasa takut untuk mengikut syari'at Allah dan berjalan di atas hidayat-Nya. Mereka takut pencerobohan musuh-musuh Allah dan tipu daya mereka. Mereka takut musuh-musuh akan bersatu menyerang mereka. Mereka takut tekanan dan tindasan ekonomi dan bukan ekonomi. Semuanya ini merupakan anggapan-anggapan karut yang sama dengan anggapan-anggapan karut kaum Quraysy pada hari mereka berkata kepada Rasulullah s.a.w. **"Jika kami mengikut hidayat (agama Islam) bersama engkau nescaya kami akan diusir keluar dari negeri kami".** Tetapi sebenarnya apabila mereka mengikut hidayat Allah, mereka dapat menguasai negeri-negeri di Timur dan di Barat hanya di dalam masa suku abad sahaja atau kurang dari itu lagi.

Di waktu itu juga Allah menjawab kata-kata mereka dengan jawapan yang membohongkan alasan mereka yang karut itu. Siapakah (selama ini) yang telah mengurniakan keamanan kepada mereka? Siapakah yang telah menjadikan Baitul-Haram untuk mereka? Siapakah yang mendorongkan hati manusia cenderung kepada mereka dan membawa segala buah-buahan di dunia ini kepada mereka? Semua buah-buahan itu berkumpul di tanah suci dari merata pelosok dunia, dari berbagai-bagai negeri dan musim:

أَوَلَمْ نُمَكِّن لَّهُمْ حَرَمًا ءَامِنًا يُجْبَىٰٓ إِلَيْهِ ثَمَرَٰتُ
كُلِّ شَىْءٍ رِّزْقًا مِّن لَّدُنَّا وَلَٰكِنَّ أَكْثَرَهُمْ لَا
يَعْلَمُونَ ﴿٥٧﴾

"Bukankah Kami memberikan mereka kedudukan yang teguh di tanah suci yang aman, di mana segala macam buah-buahan dibawa kepadanya sebagai rezeki dari kurniaan Kami, tetapi kebanyakan mereka tidak mengetahui."(57)

Oleh sebab itu mengapa mereka takut, dihalau oleh manusia apabila mereka mengikut agama Allah, sedangkan Allahlah yang mengurniakan kedudukan yang teguh kepada mereka di tanah suci yang aman ini sejak zaman moyang mereka Nabi Ibrahim a.s. lagi? Adakah Tuhan yang telah memberi keamanan kepada mereka semasa mereka berada di dalam kekafiran itu akan membiarkan mereka dihalau oleh manusia semasa mereka telah beriman dan bertaqwa?

أَكْثَرَهُمْ لَا يَعْلَمُونَ ﴿٥٧﴾

"Tetapi kebanyakan mereka tidak mengetahui."(57)

Mereka tidak mengetahui dari manakah datangnya keamanan dan ketakutan itu? Mereka tidak mengetahui bahawa punca keamanan dan ketakutan itu adalah terpulang kepada Allah belaka.

Tetapi jika mereka mahu menyelamatkan diri mereka dari kebinasaan yang sebenar dan mahu

mendapat keamanan yang sebenar dari dihalaukan manusia, maka hindarilah sebab-sebabnya yang tetap akan membawa kepada kebinasaan itu.

وَكَمْ أَهْلَكْنَا مِن قَرْيَةٍ بَطِرَتْ مَعِيشَتَهَا ۖ فَتِلْكَ
مَسَاكِنُهُمْ لَمْ تُسْكَن مِّن بَعْدِهِمْ إِلَّا قَلِيلًا ۖ
وَكُنَّا نَحْنُ الْوَارِثِينَ ﴿٥٨﴾

"Berapa banyak penduduk negeri-negeri yang angkuh di dalam kehidupannya (yang mewah) telah Kami binasakannya. Itulah tempat-tempat kediaman mereka yang masih belum lagi didiami orang selepas mereka melainkan sedikit sahaja dan Kamilah yang menjadi para pewarisnya."(58)

Sifat angkuh dan lupa daratan kerana ni'mat kesenangan dan tidak bersyukur kepada Allah itulah sebab kebinasaan negeri-negeri itu. Kaum Quraysy telah dikurniakan Allah ni'mat hidup di dalam tanah suci yang aman, oleh sebab itu mereka harus ingat agar menjauhi sifat angkuh dan lupa daratan supaya mereka tidak ditimpa kebinasaan yang telah menimpa negeri-negeri yang telah dilihat dan dikenali mereka. Mereka telah melihat tempat-tempat kediaman penduduk negeri-negeri yang binasa itu tinggal kosong dan sunyi sepi dan **"Masih belum lagi didiami selepas mereka melainkan sedikit sahaja".** Tempat-tempat kediaman yang musnah itu masih tinggal tersergam menceritakan kisah kebinasaan penghuni-penghuninya yang angkuh dan lupa daratan kerana ni'mat kesenangan. Seluruh penghuninya binasa, tidak ada seorang pun yang tinggal di sana dan tiada siapa pun yang mewarisi mereka **"Dan kamilah yang menjadi para pewarisnya."**

Tetapi Allah tidak membinasakan negeri-negeri yang angkuh dan lupa daratan itu melainkan terlebih dahulu Dia mengirimkan Rasul ke ibu kota negeri-negeri itu. Itulah undang-undang Allah yang ditetapkan ke atas diri-Nya kerana kasihan belas terhadap para hamba-Nya:

وَمَا كَانَ رَبُّكَ مُهْلِكَ الْقُرَىٰ حَتَّىٰ يَبْعَثَ فِي
أُمِّهَا رَسُولًا يَتْلُو عَلَيْهِمْ آيَاتِنَا ۚ وَمَا كُنَّا مُهْلِكِي
الْقُرَىٰ إِلَّا وَأَهْلُهَا ظَالِمُونَ ﴿٥٩﴾

"Dan Tuhanmu tidak pernah membinasakan negeri-negeri sehingga Dia bangkitkan di ibu kotanya seorang Rasul yang membaca kepada mereka ayat-ayat Kami, dan Kami tidak pernah membinasakan negeri-negeri melainkan apabila penduduk-penduduknya melakukan kezaliman."(59)

Hikmat dan tujuan diutuskan Rasul ke ibu kota negeri itu ialah supaya ibu kota itu menjadi pusat da'wah untuk menyampaikan risalah keseluruhan ceruk rantau negeri itu agar tiada siapa pun dapat menguzurkan dirinya dengan alasan tidak menerima da'wah. Allah telah mengutuskan Nabi Muhammad s.a.w. ke Makkah sebagai ibu kota negeri-negeri Arab. Allah mengingatkan mereka dengan akibat kebinasaan yang telah menimpa umat-umat yang telah mendustakan Rasul sebelum mereka setelah Rasul itu datang memberi amaran kepada mereka. **"Kami tidak pernah membinasakan negeri-negeri melainkan apabila penduduk-penduduknya melakukan kezaliman"** iaitu mendustakan ayat-ayat Kami, sedangkan mereka percaya ayat-ayat itu benar.

Tetapi seluruh keni'matan dunia dan kedudukan yang teguh di dalam sebuah negeri yang dikurniakan Allah, seluruh ni'mat buah-buahan yang dikurniakan kepada mereka dan segala apa sahaja kesenangan yang diperolehi manusia di sepanjang hidup di dunia ini adalah amat kecil jika dibandingkan dengan ni'mat-ni'mat yang tersimpan di sisi Allah:

وَمَا أُوتِيتُم مِّن شَيْءٍ فَمَتَاعُ الْحَيَاةِ الدُّنْيَا وَزِينَتُهَا ۚ
وَمَا عِندَ اللَّهِ خَيْرٌ وَأَبْقَىٰ ۚ أَفَلَا تَعْقِلُونَ ﴿٦٠﴾

"Dan apa sahaja yang dikurniakan kepada kamu, maka itu hanya keni'matan hidup dunia dan perhiasannya sahaja, sedangkan ni'mat yang tersimpan di sisi Allah adalah lebih baik dan lebih kekal lagi, tidakkah kamu berfikir?"(60)

Inilah penilaian yang akhir, tetapi penilaian ini bukan hanya dibandingkan dengan ni'mat keamanan, ni'mat mempunyai negeri dan ni'mat kesenangan yang mereka khuatiri hilang dari mereka sahaja, dan bukan hanya dibandingkan dengan ni'mat kedudukan yang teguh, ni'mat buah-buahan dan keamanan sahaja, juga bukan hanya dibandingkan dengan ni'mat-ni'mat yang lain yang dikurniakan kepada negeri-negeri yang dibinasakan kerana angkuh dan lupa daratan itu sahaja, malah ia merupakan penilaian yang akhir dibandingkan dengan segala apa sahaja ni'mat di dunia ini walaupun diandaikannya melimpah-ruah, sempurna dan kekal tidak musnah dan binasa, kerana seluruh ni'mat-ni'mat itu **"Hanya merupakan keni'matan hidup dunia dan perhiasannya sahaja, sedangkan ni'mat yang tersimpan di sisi Allah adalah lebih baik dan lebih kekal"** yakni lebih bagus sifatnya dan lebih kekal masanya.

أَفَلَا تَعْقِلُونَ ﴿٦٠﴾

"Tidakkah kamu berfikir?"(60)

Membuat perbandingan di antara ni'mat-ni'mat dunia dan Akhirat memerlukan kepada akal fikiran yang dapat memahami sifat-sifat ni'mat-ni'mat itu. Oleh sebab inilah Al-Qur'an membuat kesimpulan dengan meng-gunakan ungkapan ini untuk mengingatkan manusia supaya menggunakan akal fikiran mereka di dalam memilih ni'mat-ni'mat itu.

Di akhir penjelajahan ini Al-Qur'an menayangkan gambaran hidup dunia dan Akhirat kepada mereka dan kepada siapa sahaja yang ingin membuat pilihan:

أَفَمَن وَعَدْنَاهُ وَعْدًا حَسَنًا فَهُوَ لَاقِيهِ كَمَن مَّتَّعْنَاهُ مَتَاعَ
الْحَيَاةِ الدُّنْيَا ثُمَّ هُوَ يَوْمَ الْقِيَامَةِ مِنَ الْمُحْضَرِينَ ﴿٦١﴾

"Adakah orang yang telah Kami janjikannya dengan suatu janji yang baik lalu dia berjaya memperolehinya itu sama dengan orang yang Kami kurniakan keni'matan hidup dunia, kemudian pada hari Qiamat kelak dia termasuk ke dalam golongan orang yang dibawa untuk dihisab?"(61)

Inilah gambaran orang-orang yang dijanjikan Allah dengan janji yang benar kemudian di Akhirat dia dapati janji itu benar dan dia yakin akan memperolehinya, dan ini pula gambaran hidup orang yang mencapai keni'matan hidup dunia yang pendek dan sedikit kemudian di Akhirat dia dibawa (ke muka pengadilan) untuk dihisab. Ungkapan **"Golongan orang yang di bawa (untuk hisab)"** itu membayangkan paksaan, iaitu mereka dibawa dan diseret dengan paksa dan penuh ketakutan, sedangkan mereka berangan-angan agar tidak dibawa (ke muka pengadilan Ilahi) untuk menghadapi hisab terhadap ni'mat-ni'mat dunia yang pendek dan sedikit (yang telah dini'mati mereka) itu.

Itulah penghabisan penjelajahan untuk menjawab perkataan mereka **"Jika kami mengikut hidayat (agama Islam) bersama engkau nescaya kami akan diusir keluar dari negeri kami"** dan andainya berlaku demikian sekali pun, maka ia adalah lebih baik kepada mereka dari termasuk dalam golongan orang-orang yang dibawa dan diseret (ke muka pengadilan Ilahi) dengan paksa pada hari Akhirat. Bagaimana tidak, sedangkan hidayat Allah itu dijamin mendapat keamanan dan kedudukan yang teguh di dunia dan mendapat limpah kurnia dan keamanan di Akhirat? Jadi, tentulah tiada siapa yang sanggup meninggal hidayat Allah kecuali hanya orang-orang yang lalai yang tidak memahami hakikat kekuatan-kekuatan dan kuasa-kuasa di alam buana ini dan tidak mengetahui dari manakah wujudnya ketakutan dan keamanan itu dan kecuali hanya orang-orang yang rugi dan tidak pandai membuat pilihan yang baik untuk diri mereka dan tidak tahu menghindarkan diri dari kebinasaan.

******

(Pentafsiran ayat-ayat 62 - 67)

Setiba di tebing Akhirat Al-Qur'an membawa mereka ke dalam satu penjelajahan yang lain pula untuk meninjau salah satu dari pemandangan Akhirat yang menggambarkan kesudahan 'aqidah syirik dan kesesatan mereka:

وَيَوْمَ يُنَادِيهِمْ فَيَقُولُ أَيْنَ شُرَكَائِيَ الَّذِينَ كُنتُمْ
تَزْعُمُونَ ﴿٦٢﴾
قَالَ الَّذِينَ حَقَّ عَلَيْهِمُ الْقَوْلُ رَبَّنَا هَٰؤُلَاءِ الَّذِينَ
أَغْوَيْنَا أَغْوَيْنَاهُمْ كَمَا غَوَيْنَا تَبَرَّأْنَا إِلَيْكَ مَا
كَانُوا إِيَّانَا يَعْبُدُونَ ﴿٦٣﴾
وَقِيلَ ادْعُوا شُرَكَاءَكُمْ فَدَعَوْهُمْ فَلَمْ يَسْتَجِيبُوا لَهُمْ
وَرَأَوُا الْعَذَابَ لَوْ أَنَّهُمْ كَانُوا يَهْتَدُونَ ﴿٦٤﴾
وَيَوْمَ يُنَادِيهِمْ فَيَقُولُ مَاذَا أَجَبْتُمُ الْمُرْسَلِينَ ﴿٦٥﴾
فَعَمِيَتْ عَلَيْهِمُ الْأَنبَاءُ يَوْمَئِذٍ فَهُمْ لَا يَتَسَاءَلُونَ ﴿٦٦﴾
فَأَمَّا مَن تَابَ وَآمَنَ وَعَمِلَ صَالِحًا فَعَسَىٰ أَن يَكُونَ
مِنَ الْمُفْلِحِينَ ﴿٦٧﴾

"Dan (kenangilah) pada hari, di mana Allah menyeru mereka seraya berfirman: Di manakah sekutu-sekutu-Ku yang telah didakwakan kamu itu?(62) Berkatalah orang-orang yang telah ditetapkan keputusan azab terhadap mereka (pemimpin-pemimpin sesat): Wahai Tuhan kami! Merekalah orang-orang yang telah disesatkan kami. Kami telah sesatkan mereka sebagaimana kami juga telah sesat. Kami pohon berlepas diri kepadaMu. Mereka sebenarnya tidak menyembah kami(63). Dan dikatakan kepada mereka: Panggillah sekutu-sekutu kamu, lalu mereka pun memanggil mereka, tetapi sekutu-sekutu itu tidak menyahut panggilan mereka, dan mereka melihat azab (lalu mereka berangan-angan) kiranya mereka dahulu menerima hidayat(64). Dan (kenangilah) hari di mana Allah menyeru mereka seraya berfirman: Apakah jawapan kamu kepada para rasul?(65). Maka segala berita telah menjadi buta kepada mereka pada hari ini. Kerana itu mereka (diam) tidak saling tanya menanya(66). Adapun orang yang bertaubat dan beriman serta mengerjakan amalan yang soleh, maka mudah-mudahan dia termasuk di dalam golongan mereka yang beruntung."(67)

Pertanyaan yang pertama ialah pertanyaan mengecam:

الَّذِينَ كُنتُمْ تَزْعُمُونَ ﴿٦٢﴾

"Di manakah sekutu-sekutu-Ku yang telah didakwakan kamu itu?"(62)

Allah mengetahui bahawa sekutu-sekutu itu tidak ada pada hari ini dan pengikut-pengikut mereka juga tidak mengetahui sesuatu apa mengenai mereka, dan mereka juga tidak berupaya sampai kepada mereka, tetapi itulah pertanyaan untuk menghina dan memalukan mereka di hadapan khalayak yang ramai.

Justeru itulah orang-orang yang ditanya itu tidak menjawab apa-apa, kerana pertanyaan ini bukan dimaksudkan untuk mendapat jawapan. Mereka cuba melepaskan diri mereka dari dosa perbuatan mereka yang telah menyesatkan orang-orang di belakang mereka, dan dosa perbuatan mereka yang telah

menghalangkan orang lain dari hidayat Allah sebagaimana telah dilakukan oleh pembesar-pembesar Quraysy terhadap orang-orang selepas mereka. Mereka berkata:

رَبَّنَا هَٰٓؤُلَآءِ ٱلَّذِينَ أَغۡوَيۡنَآ أَغۡوَيۡنَٰهُمۡ كَمَا غَوَيۡنَاۖ تَبَرَّأۡنَآ إِلَيۡكَۖ مَا كَانُوٓاْ إِيَّانَا يَعۡبُدُونَ ﴿٦٣﴾

"Wahai Tuhan kami! Merekalah orang-orang yang telah disesatkan kami. Kami telah sesatkan mereka sebagai-mana kami juga telah sesat. Kami pohon berlepas diri kepada-Mu. Mereka sebenarnya tidak menyembah kami."(63)

Maksudnya, wahai Tuhan kami! Kami tidak menyesatkan mereka secara paksa, kerana kami tidak menguasai hati mereka, malah mereka jatuh di dalam kesesatan dengan kerelaan dan pilihan mereka sendiri sebagaimana kami juga jatuh di dalam kesesatan tanpa dipaksa **"Kami pohon berlepas diri kepada-Mu"** dari dosa menyesatkan mereka. **"Mereka sebenarnya tidak menyembah kami"** malah mereka menyembah patung-patung, berhala-berhala dan makhluk-makhluk ciptaan-Mu. Kami tidak sekali-kali menjadikan diri kami sebagai tuhan-tuhan mereka dan mereka bukannya menumpukan ibadat mereka kepada kami.

Di waktu inilah Al-Qur'an membawa mereka kembali memperkatakan perbuatan mereka yang memalukan, yang mereka sengaja pusingkan percakapan mereka darinya iaitu perbuatan mereka yang menyembah sekutu-sekutu yang lain dari Allah:

وَقِيلَ ٱدۡعُواْ شُرَكَآءَكُمۡ فَدَعَوۡهُمۡ فَلَمۡ يَسۡتَجِيبُواْ لَهُمۡ وَرَأَوُاْ ٱلۡعَذَابَۚ لَوۡ أَنَّهُمۡ كَانُواْ يَهۡتَدُونَ ﴿٦٤﴾

"Dan dikatakan kepada mereka: Panggillah sekutu-sekutu kamu, lalu mereka pun memanggil mereka, tetapi sekutu-sekutu itu tidak menyahut panggilan mereka, dan mereka melihat azab, (lalu mereka berangan-angan) kiranya mereka dahulu menerima hidayat."(64)

Panggillah mereka dan janganlah kamu lari dari jalan mereka. Panggillah mereka supaya mereka menyahut seruan kamu dan menyelamatkan kamu. Panggillah mereka kerana hari ini adalah hari mereka dan inilah gunanya mereka.

Tetapi orang-orang yang malang itu memang sedar tidak ada gunanya memanggil sekutu-sekutu itu, tetapi mereka terpaksa mematuhi perintah itu:

فَدَعَوۡهُمۡ فَلَمۡ يَسۡتَجِيبُواْ لَهُمۡ وَرَأَوُاْ ٱلۡعَذَابَۚ

"Lalu mereka pun memanggil mereka, tetapi sekutu-sekutu itu tidak menyahut panggilan mereka."(64)

Tiada lain yang ditunggu kecuali penghinaan dan penyeksaan.

وَرَأَوُاْ ٱلۡعَذَابَۚ

"Dan mereka melihat azab."(64)

Yakni mereka melihat azab di dalam dialog ini. Mereka melihat azab di sebalik dialog itu. Oleh itu tiada yang lain di sebalik situasi ini kecuali azab seksa.

Di sini di sa'at pemandangan itu sampai kemuncaknya, Al-Qur'an menayangkan hidayat yang telah ditolak mereka, dan kini hidayat itulah yang diangan-angankan mereka dalam situasi yang malang ini, sedangkan semasa hidup di dunia dulu hidayat ini tersaji di hadapan mereka dan boleh dicapaikan mereka jika mereka menerimanya dengan segera:

لَوۡ أَنَّهُمۡ كَانُواْ يَهۡتَدُونَ ﴿٦٤﴾

"(Lalu mereka berangan-angan) kiranya mereka dahulu menerima hidayat."(64)

Kemudian Al-Qur'an membawa mereka pulang kepada pemandangan yang malang itu:

وَيَوۡمَ يُنَادِيهِمۡ فَيَقُولُ مَاذَآ أَجَبۡتُمُ ٱلۡمُرۡسَلِينَ ﴿٦٥﴾

"Dan (kenangilah) hari di mana Allah menyeru mereka seraya berfirman: Apakah jawapan kamu kepada para rasul?"(65)

Allah memang mengetahui jawapan mereka kepada para rasul itu, tetapi pertanyaan ini adalah dituju untuk mengecam dan menghinakan mereka. Mereka menghadapi pertanyaan ini dengan kebingungan dan diam iaitu kebingungan orang yang dirundung malang dan diam orang yang tidak mendapati kata-kata yang hendak diucapkannya:

فَعَمِيَتۡ عَلَيۡهِمُ ٱلۡأَنۢبَآءُ يَوۡمَئِذٖ فَهُمۡ لَا يَتَسَآءَلُونَ ﴿٦٦﴾

"Maka segala berita telah menjadi buta kepada mereka pada hari ini. Kerana itu mereka (diam) tidak saling tanya menanya."(66)

Ayat ini menggambarkan pemandangan dan gerak-geri mereka yang diselubungi suasana buta seolah-olah segala berita itu buta belaka dan tidak dapat sampai kepada mereka, dan mereka tidak mengetahui sesuatu apa dan tidak berupaya bertanya dan tidak pula menjawab. Mereka diam membisu dalam kebingungan.

فَأَمَّا مَن تَابَ وَءَامَنَ وَعَمِلَ صَٰلِحٗا فَعَسَىٰٓ أَن يَكُونَ مِنَ ٱلۡمُفۡلِحِينَ ﴿٦٧﴾

"Adapun orang yang bertaubat dan beriman serta mengerjakan amalan yang soleh, maka mudah-mudahan dia termasuk di dalam golongan mereka yang beruntung."(67)

Inilah gambaran kelompok Mu'minin. Semasa kesusahan yang dialami oleh kelompok Musyrikin itu sampai kemuncaknya, Al-Qur'an memperkatakan pula tentang golongan yang bertaubat, beriman dan mengerjakan amalan yang soleh dan tentang harapan kejayaan dan keberuntungan yang ditunggu-tunggu mereka. Kini siapa sahaja yang suka, dia boleh membuat pilihan sendiri dan waktu pun masih berpeluang untuk menentukan pilihan itu.

******

(Pentafsiran ayat-ayat 68 - 70)

Kemudian Al-Qur'an memulangkan urusan mereka dan utusan segala sesuatu kepada iradat Allah dan pilihan-Nya. Dialah yang menciptakan segala sesuatu dan mengetahui segala sesuatu. Kepada-Nya terpulang segala urusan dunia dan Akhirat, kepada-Nya terpulang segala kepujian dan sanjungan dunia dan Akhirat, kepada-Nya terpulang teraju penentuan di dalam kehidupan dunia dan kepada-Nya kembali seluruh manusia. Mereka tidak berkuasa membuat pilihan untuk diri mereka dan untuk orang lain. Hanya Allah juga yang berkuasa mencipta dan memilih apa sahaja yang disukai-Nya:

وَرَبُّكَ يَخْلُقُ مَا يَشَآءُ وَيَخْتَارُ ۗ مَا كَانَ لَهُمُ ٱلْخِيَرَةُ ۚ
سُبْحَٰنَ ٱللَّهِ وَتَعَٰلَىٰ عَمَّا يُشْرِكُونَ ﴿٦٨﴾
وَرَبُّكَ يَعْلَمُ مَا تُكِنُّ صُدُورُهُمْ وَمَا يُعْلِنُونَ ﴿٦٩﴾
وَهُوَ ٱللَّهُ لَآ إِلَٰهَ إِلَّا هُوَ ۖ لَهُ ٱلْحَمْدُ فِى ٱلْأُولَىٰ وَٱلْءَاخِرَةِ ۖ
وَلَهُ ٱلْحُكْمُ وَإِلَيْهِ تُرْجَعُونَ ﴿٧٠﴾

"Dan Tuhanmu menciptakan apa sahaja yang dikehendaki dan dipilih-Nya. Mereka tidak mempunyai pilihan. Maha Suci Allah dari segala apa yang dipersekutukan mereka(68). Dan Tuhanmu mengetahui segala apa yang disembunyikan dada mereka dan apa yang dinyatakan mereka(69). Dan Dialah Allah tiada tuhan melainkan Dia. Dia memiliki segala kepujian di dunia dan di Akhirat. Dia memiliki teraju keputusan dan kepada-Nya kamu sekalian dikembalikan."(70)

Ulasan ini datang selepas menceritakan perkataan mereka **"Jika kami mengikut hidayat (agama Islam) bersama engkau nescaya kami akan diusir keluar dari negeri kami"** dan selepas menunjukkan kedudukan mereka pada Hari Hisab menghadapi kesalahan syirik dan menyesatkan orang lain ulasan ini datang untuk menjelaskan bahawa mereka tidak berkuasa membuat pilihan untuk diri mereka, iaitu memilih keamanan atau ketakutan, dan untuk menegakkan konsep Wahdaniyah Allah dan memulangkan segala urusan kepada Allah pada akhirnya.

وَرَبُّكَ يَخْلُقُ مَا يَشَآءُ وَيَخْتَارُ ۗ مَا كَانَ لَهُمُ ٱلْخِيَرَةُ ۚ

"Dan Tuhanmu menciptakan apa sahaja yang dikehendaki dan dipilihkan-Nya. Mereka tidak mempunyai pilihan."(68)

Itulah hakikat yang sering dilupai manusia atau dilupakan setengah-setengah sudutnya. Allah berkuasa menciptakan apa sahaja yang dikehendaki-Nya. Tiada siapa pun yang berkuasa mencadangkan sesuatu kepada-Nya atau berkuasa menambah atau mengurangkan sesuatu dalam urusan ciptaan-Nya dan tidak pula berkuasa meminda atau menghubungkan sesuatu dari urusan ciptaan-Nya. Dialah sahaja yang berkuasa memilih apa sahaja dan siapa sahaja dari makhluk-makhluk-Nya untuk menyandang jawatan-jawatan, melaksanakan kerja-kerja dan tugas-tugas dan mengisikan kedudukan-kedudukan yang dikehendaki oleh-Nya. Tiada siapa yang berkuasa mencadangkan seseorang atau sesuatu peristiwa atau sesuatu harakat atau sesuatu perkataan atau sesuatu perbuatan kepada Allah. **"Mereka tidak mempunyai pilihan"** sama ada mengenai diri mereka atau orang lain. Segala-galanya terpulang kepada Allah sama ada kecil atau besar.

Jika hakikat ini tersemat di dalam hati manusia tentulah mereka tidak menaruh dendam, dan tentulah mereka tidak lupa daratan kerana sesuatu ni'mat yang dapat dicapai dengan tangan mereka, dan tidak pula mereka berdukacita kerana sesuatu ni'mat yang hilang atau terlepas dari tangan mereka, kerana yang memilih bukannya mereka, tetapi Allahlah yang menentukan pilihan.

Tetapi ini bukanlah pula bererti bahawa mereka harus membatalkan akal fikiran dan menghapuskan kemahuan dan segala usaha kegiatan mereka, malah ia bererti bahawa mereka harus menerima segala apa yang telah berlaku itu dengan penuh kerelaan setelah mereka menghabiskan segala daya upaya berfikir, merancang dan memilih. Kewajipan mereka ialah melaksanakan segala sesuatu yang ada di dalam lingkungan kemampuan dan keupayaan mereka sahaja dan selepas itu terserahlah kepada Allah menentukannya.

Kaum Musyrikin telah mempersekutui Allah dengan tuhan-tuhan palsu yang didakwa oleh mereka, sedangkan Allah satu-satunya Tuhan Pencipta dan Pemilih yang tiada sekutu bagi-Nya dalam segala urusan ciptaan dan pemilihan-Nya.

سُبْحَٰنَ ٱللَّهِ وَتَعَٰلَىٰ عَمَّا يُشْرِكُونَ ﴿٦٨﴾

"Maha Suci Allah dari segala apa yang dipersekutukan mereka."(68)

وَرَبُّكَ يَعْلَمُ مَا تُكِنُّ صُدُورُهُمْ وَمَا يُعْلِنُونَ ﴿٦٩﴾

"Dan Tuhanmu mengetahui segala apa yang disembunyikan dada mereka dan apa yang dinyatakan mereka."(69)

Justeru itu Allahlah yang berhak membalas segala perbuatan mereka yang diketahui-Nya dan Dialah yang layak memilih apa sahaja yang sesuai dengan mereka sama ada hidayat atau kesesatan.

وَهُوَ ٱللَّهُ لَآ إِلَٰهَ إِلَّا هُوَ ۖ لَهُ ٱلْحَمْدُ فِى ٱلْأُولَىٰ وَٱلْءَاخِرَةِ ۖ
وَلَهُ ٱلْحُكْمُ وَإِلَيْهِ تُرْجَعُونَ ﴿٧٠﴾

"Dan Dialah Allah tiada tuhan melainkan Dia. Dia memiliki segala kepujian di dunia dan di Akhirat. Dia memiliki teraju

keputusan dan kepada-Nya kamu sekalian dikembalikan."(70)

"Dan Dialah Allah tiada tuhan melainkan hanya Dia" yakni tiada sekutu bagi-Nya dalam segala urusan penciptaan dan pemilihan.

"Dia memiliki segala kepujian di dunia dan di Akhirat" yakni kepujian kerana pilihan-Nya, limpah kurnia-Nya, hikmat kebijaksanaan-Nya, pentadbiran-Nya, keadilan dan rahmat-Nya. Dialah sahaja yang berhak dipuji dan disanjung tinggi.

"Dia memiliki teraju keputusan" yakni Dialah yang menentukan keputusan terhadap para hamba-Nya dan tiada siapa pun yang berkuasa menolak dan mengubahkan keputusan-Nya.

"Dan kepada-Nya kamu sekalian dikembalikan" dan di sana Dia akan menentukan keputusan akhirnya di antara kamu.

Demikianlah Al-Qur'an mengepung mereka dengan kesedaran terhadap Qudrat Allah dan iradat-Nya Yang Tunggal yang berlaku di alam buana ini, juga kesedaran terhadap ilmu Allah yang mengetahui segala yang sulit dan segala yang terang (dari perbuatan dan niat-niat mereka), tiada suatu pun yang terlindung kepada-Nya. Kepada-Nyalah pulang seluruh mereka dan tiada seorang pun yang dapat melarikan diri dari-Nya. Oleh itu bagaimana mereka sanggup mempersekutui Allah, sedangkan mereka berada di dalam genggaman-Nya dan tidak akan terlepas dari-Nya.

******

(Pentafsiran ayat-ayat 71 - 73)

Kemudian Al-Qur'an membawa mereka menjelajah meninjau pemandangan-pemandangan alam buana, di mana mereka hidup tanpa memikirkan bagaimana Allah mengaturkan tadbir untuk kebaikan mereka dan memilih cara kehidupan mereka. Oleh itu ia menggerakkan kesedaran mereka terhadap dua gejala alam yang amat besar iaitu gejala malam dan gejala siang dan rahsia-rahsia yang berada di sebalik keduanya iaitu rahsia pemilihan Ilahi dan bukti Wahdaniyah Allah yang mencipta dan memilih itu:

قُلْ أَرَءَيْتُمْ إِن جَعَلَ ٱللَّهُ عَلَيْكُمُ ٱلَّيْلَ سَرْمَدًا
إِلَىٰ يَوْمِ ٱلْقِيَٰمَةِ مَنْ إِلَٰهٌ غَيْرُ ٱللَّهِ يَأْتِيكُم بِضِيَآءٍ ۖ
أَفَلَا تَسْمَعُونَ ﴿٧١﴾

قُلْ أَرَءَيْتُمْ إِن جَعَلَ ٱللَّهُ عَلَيْكُمُ ٱلنَّهَارَ سَرْمَدًا
إِلَىٰ يَوْمِ ٱلْقِيَٰمَةِ مَنْ إِلَٰهٌ غَيْرُ ٱللَّهِ يَأْتِيكُم بِلَيْلٍ
تَسْكُنُونَ فِيهِ ۖ أَفَلَا تُبْصِرُونَ ﴿٧٢﴾

وَمِن رَّحْمَتِهِۦ جَعَلَ لَكُمُ ٱلَّيْلَ وَٱلنَّهَارَ
لِتَسْكُنُوا۟ فِيهِ وَلِتَبْتَغُوا۟ مِن فَضْلِهِۦ وَلَعَلَّكُمْ
تَشْكُرُونَ ﴿٧٣﴾

"Katakanlah: Apa fikiran kamu jika Allah jadikan hari malam menyelubungi kamu selama-lamanya sehingga hari Qiamat, siapakah tuhan selain Allah yang berkuasa membawa cahaya yang terang kepada kamu? Tidakkah kamu mendengar?(71). Katakanlah: Apakah fikiran kamu jika Allah jadikan hari siang menerangi kamu selama-lamanya sehingga hari Qiamat, siapakah tuhan selain Allah yang berkuasa mendatangkan hari malam yang dapat kamu beristirehat padanya? Tidakkah kamu melihat?(72). Dan dari limpah rahmat-Nya, Allah jadikan untuk kamu hari malam dan hari siang supaya kamu dapat beristirehat dan supaya kamu dapat mencari rezeki dari limpah kurnia-Nya dan supaya kamu bersyukur."(73)

Rahmat Allah Di Sebalik Pertukaran Malam Dan Siang

Oleh kerana manusia terlalu biasa dengan pertukaran siang dan malam, maka mereka lupakan kebaharuan siang dan malam, yang sentiasa berulang-ulang dan tidak pernah buruk dan lusuh. Mereka tidak lagi merasa kagum melihat matahari naik dan terbit kecuali sedikit sahaja. Mereka tidak lagi terharu melihat kedatangan hari siang dan hari malam melainkan jarang-jarang sahaja. Mereka tidak berfikir bahawa pertukaran siang dan malam yang bersilih ganti itu mendatangkan rahmat kepada mereka dan menyelamatkan mereka dari kelusuhan dan kebinasaan atau dari kelembapan dan kemusnahan atau dari kebosanan dan kehambaran.

Al-Qur'anul-Karim menggerakkan mereka dari kehambaran kebiasaan dan menarik perhatian mereka supaya merenungi alam buana di sekeliling mereka dan meneliti pemandangan-pemandangan yang agung, iaitu ketika terlintas dalam khayal mereka hari malam ini akan berlangsung terus menerus buat selama-lamanya atau hari siang akan kekal siang buat selama-lamanya dan ketika mereka merasa takut memikirkan akibat-akibat perubahan itu, kerana seorang itu biasanya tidak menyedari nilai sesuatu benda melainkan sesudah benda itu hilang darinya atau semasa dia takut benda itu hilang darinya.

قُلْ أَرَءَيْتُمْ إِن جَعَلَ ٱللَّهُ عَلَيْكُمُ ٱلَّيْلَ سَرْمَدًا
إِلَىٰ يَوْمِ ٱلْقِيَٰمَةِ مَنْ إِلَٰهٌ غَيْرُ ٱللَّهِ يَأْتِيكُم بِضِيَآءٍ ۖ
أَفَلَا تَسْمَعُونَ ﴿٧١﴾

"Katakanlah: Apa fikiran kamu jika Allah jadikan hari malam menyelubungi kamu selama-lamanya sehingga hari Qiamat siapakah tuhan selain Allah yang berkuasa membawa cahaya yang terang kepada kamu? Tidakkah kamu mendengar?"(71)

Manusia rindukan pagi apabila waktu malam dirasa memanjang sedikit di dalam musim dingin. Mereka

rindukan cahaya matahari apabila matahari itu terlindung sebentar di belakang awan. Bagaimana nanti jika mereka terus menerus tidak mendapat cahaya matahari dan bagaimana nanti jika hari malam menyelubungi mereka buat selama-lamanya hingga ke hari Qiamat? Andainya mereka masih terus hidup (hingga ke masa itu). Seluruh hayat (di bumi ini) akan terdedah kepada kerosakan dan kemusnahan andainya tidak ada hari siang.

قُلْ أَرَءَيْتُمْ إِن جَعَلَ ٱللَّهُ عَلَيْكُمُ ٱلنَّهَارَ سَرْمَدًا
إِلَىٰ يَوْمِ ٱلْقِيَٰمَةِ مَنْ إِلَٰهٌ غَيْرُ ٱللَّهِ يَأْتِيكُم بِلَيْلٍ
تَسْكُنُونَ فِيهِ ۖ أَفَلَا تُبْصِرُونَ ٧٢

"Katakanlah: Apakah fikiran kamu jika Allah jadikan hari siang menerangi kamu selama-lamanya sehingga hari Qiamat, siapakah tuhan selain Allah yang berkuasa mendatangkan hari malam yang dapat kamu beristirehat padanya? Tidakkah kamu melihat?"(72)[6]

Manusia meni'mati bayang-bayang teduh apabila cuaca panas memanjang beberapa jam di hari siang. Mereka rindukan malam apabila siang dirasa memanjang beberapa jam di dalam musim panas. Mereka meni'mati ketenteraman di dalam kegelapan hari malam dan ketenangannya. Seluruh yang hidup memerlukan waktu malam untuk memulihkan tenaga yang dihabiskannya di dalam kegiatan-kegiatan hari siang. Bagaimana nanti akan berlaku kepada manusia jika hari siang terus kekal siang hingga ke hari Qiamat andainya mereka masih terus hidup? Seluruh hayat akan terdedah kepada kerosakan dan kemusnahan andainya hari siang terus kekal siang.

Segala sesuatu mengikut peraturannya yang tertentu. Segala yang kecil dan yang besar di alam ini adalah mengikut tadbir Ilahi, dan segala sesuatu di sisi Allah adalah diatur dengan peraturan yang rapi:

وَمِن رَّحْمَتِهِۦ جَعَلَ لَكُمُ ٱلَّيْلَ وَٱلنَّهَارَ
لِتَسْكُنُوا۟ فِيهِ وَلِتَبْتَغُوا۟ مِن فَضْلِهِۦ وَلَعَلَّكُمْ
تَشْكُرُونَ ٧٣

"Dan dari limpah rahmat-Nya, Allah jadikan untuk kamu hari malam dan hari siang supaya kamu dapat beristirehat dan supaya kamu dapat mencari rezeki dari limpah kurnia-Nya dan supaya kamu bersyukur."(73)

Hari malam merupakan waktu tenang dan tenteram, dan hari siang ialah waktu bergiat dan bekerja. Yang menjadi arah tujuan di dalam waktu-waktu ini ialah mencari limpah kurnia Allah, kerana segala sesuatu yang diberikan kepada manusia adalah dari limpah kurnia-Nya **"Supaya kamu bersyukur"** terhadap ni'mat dan rahmat yang dikurniakan Allah kepada kamu, juga terhadap segala tadbir dan pilihan Ilahi yang telah mengaturkan pertukaran malam dan siang dan mengadakan peraturan-peraturan hidup yang tidak pernah dipilih oleh kamu kerana semua peraturan itu adalah dipilih oleh Allah berdasarkan rahmat, ilmu dan hikmat kebijaksanaan-Nya. Semuanya telah dilupai kamu kerana terlalu lama biasa dan terlalu kerap berulang-ulang.

******

(Pentafsiran ayat-ayat 74 - 75)

Penjelajahan-penjelajahan ini ditamatkan dengan satu pemandangan sepintas lalu pada hari Qiamat, di mana mereka ditanya tentang sekutu-sekutu Allah yang didakwa oleh mereka. Al-Qur'an meletakkan mereka di hadapan dakwaan-dakwaan mereka yang karut, yang akan hancur dan roboh dalam suasana pertanyaan dan hisab:

وَيَوْمَ يُنَادِيهِمْ فَيَقُولُ أَيْنَ شُرَكَآءِىَ ٱلَّذِينَ كُنتُمْ
تَزْعُمُونَ ٧٤
وَنَزَعْنَا مِن كُلِّ أُمَّةٍ شَهِيدًا فَقُلْنَا هَاتُوا۟
بُرْهَٰنَكُمْ فَعَلِمُوٓا۟ أَنَّ ٱلْحَقَّ لِلَّهِ وَضَلَّ عَنْهُم
مَّا كَانُوا۟ يَفْتَرُونَ ٧٥

"Dan (kenangilah) hari di mana Allah menyeru mereka seraya berfirman: Di manakah sekutu-sekutu yang telah didakwa kamu?(74). Dan Kami cabutkan dari setiap umat itu seorang saksi lalu Kami berkata: Tunjukkanlah bukti kebenaranmu, maka (di waktu ini) tahulah mereka bahawa kebenaran itu adalah kepunyaan Allah dan lenyaplah dari mereka segala dakwaan yang diada-adakan mereka."(75)

Gambaran hari Qiamat ketika mereka dipanggil dan ditanya tentang tuhan-tuhan sekutu itu telah pun diterangkan di dalam penjelajahan yang lepas, tetapi gambaran itu diulangi sekali lagi di sini untuk menguatkannya lagi sesuai dengan pemandangan baru yang ditayangkan di sini, iaitu pemandangan seorang saksi yang dicabut dari setiap umat. Itulah nabi umat itu yang memberi kesaksian bagaimana mereka menyahut dan menyambut risalah yang dibawa olehnya. Kata-kata "ونزعنا" menggambarkan tindakan yang keras, dan yang dimaksudkan di sini ialah saksi itu dibawa, ditonjol dan diasingkan dari kalangan mereka supaya dia dapat dilihat oleh umatnya dan supaya dia dapat melihat seluruh

---

[6] *Di dalam ayat yang menyebut hari malam Allah berfirman "Tidakkah kamu mendengar" dan di dalam ayat yang menyebut hari siang Allah berfirman "Tidakkah kamu melihat" ini ialah kerana pendengaran itu deria malam dan penglihatan itu deria siang. Itulah keselarasan yang seni di dalam penyampaian Al-Qur'an.*

umatnya, dan di hadapan saksi ini Allah menuntut dari mereka bukti yang membenarkan apa yang dipercayai dan dilakukan mereka itu, tetapi mereka tidak dapat mengemukakan apa-apa bukti dan pada hari itu mereka tidak berdaya lagi untuk berdalih dan berbantah dengan degil.

"Maka (di waktu ini) tahulah mereka bahawa kebenaran itu kepunyaan Allah". Seluruh kebenaran itu tulen tidak ada padanya sebarang kekeliruan dan keraguan.

"Dan lenyaplah dari mereka segala dakwaan yang diada-adakan oleh mereka" iaitu kepercayaan syirik dan tuhan sekutu. Di sana tuhan sekutu tidak datang menemui mereka dan mereka juga tidak dapat menemuinya di sa'at mereka amat memerlukannya iaitu ketika mereka ditanya dan dituntut memberi dalil dan bukti.

******

Dengan ini berakhirlah ulasan-ulasan terhadap kisah Nabi Musa a.s. dengan Fir'aun. Ulasan-ulasan itu telah membawa mereka menjelajah di merata pelosok bumi, menjelajah berbagai-bagai alam, meninjau berbagai-bagai peristiwa dan pemandangan. Ia membawa mereka dari dunia ke Akhirat dan dari Akhirat ke dunia. Ia membawa mereka mengembara ke berbagai-bagai sudut alam buana dan ke pedalaman jiwa manusia, juga membawa mereka meninjau peristiwa-peristiwa kebinasaan umat di zaman dahulu dan merenungi undang-undang alam buana dan undang-undang hidup. Semuanya selaras dengan pokok pembicaraan surah yang asal, juga selaras dengan dua kisah utama di dalam surah ini, iaitu kisah Musa dan Fir'aun dan kisah Qarun. Kisah yang pertama (iaitu kisah Musa dengan Fir'aun) telah pun berlalu. Sekarang marilah pula kita tinjau kisah yang kedua (iaitu kisah Qarun) setelah membaca ulasan-ulasan itu dan mengikuti penjelajahan-penjelajahan ini.

(Kumpulan ayat-ayat 76 - 84)

إِنَّ قَٰرُونَ كَانَ مِن قَوۡمِ مُوسَىٰ فَبَغَىٰ عَلَيۡهِمۡۖ
وَءَاتَيۡنَٰهُ مِنَ ٱلۡكُنُوزِ مَآ إِنَّ مَفَاتِحَهُۥ لَتَنُوٓأُ
بِٱلۡعُصۡبَةِ أُوْلِي ٱلۡقُوَّةِ إِذۡ قَالَ لَهُۥ قَوۡمُهُۥ لَا تَفۡرَحۡۖ
إِنَّ ٱللَّهَ لَا يُحِبُّ ٱلۡفَرِحِينَ ٧٦
وَٱبۡتَغِ فِيمَآ ءَاتَىٰكَ ٱللَّهُ ٱلدَّارَ ٱلۡأٓخِرَةَۖ وَلَا تَنسَ
نَصِيبَكَ مِنَ ٱلدُّنۡيَاۖ وَأَحۡسِن كَمَآ أَحۡسَنَ ٱللَّهُ إِلَيۡكَۖ
وَلَا تَبۡغِ ٱلۡفَسَادَ فِي ٱلۡأَرۡضِۖ إِنَّ ٱللَّهَ لَا يُحِبُّ
ٱلۡمُفۡسِدِينَ ٧٧
قَالَ إِنَّمَآ أُوتِيتُهُۥ عَلَىٰ عِلۡمٍ عِندِيٓۚ أَوَلَمۡ يَعۡلَمۡ أَنَّ ٱللَّهَ
قَدۡ أَهۡلَكَ مِن قَبۡلِهِۦ مِنَ ٱلۡقُرُونِ مَنۡ هُوَ أَشَدُّ مِنۡهُ
قُوَّةٗ وَأَكۡثَرُ جَمۡعٗاۚ وَلَا يُسۡـَٔلُ عَن ذُنُوبِهِمُ
ٱلۡمُجۡرِمُونَ ٧٨
فَخَرَجَ عَلَىٰ قَوۡمِهِۦ فِي زِينَتِهِۦۖ قَالَ ٱلَّذِينَ يُرِيدُونَ
ٱلۡحَيَوٰةَ ٱلدُّنۡيَا يَٰلَيۡتَ لَنَا مِثۡلَ مَآ أُوتِيَ قَٰرُونُ
إِنَّهُۥ لَذُو حَظٍّ عَظِيمٖ ٧٩
وَقَالَ ٱلَّذِينَ أُوتُواْ ٱلۡعِلۡمَ وَيۡلَكُمۡ ثَوَابُ ٱللَّهِ خَيۡرٞ
لِّمَنۡ ءَامَنَ وَعَمِلَ صَٰلِحٗاۚ وَلَا يُلَقَّىٰهَآ إِلَّا
ٱلصَّٰبِرُونَ ٨٠
فَخَسَفۡنَا بِهِۦ وَبِدَارِهِ ٱلۡأَرۡضَ فَمَا كَانَ لَهُۥ
مِن فِئَةٖ يَنصُرُونَهُۥ مِن دُونِ ٱللَّهِ وَمَا كَانَ مِنَ
ٱلۡمُنتَصِرِينَ ٨١
وَأَصۡبَحَ ٱلَّذِينَ تَمَنَّوۡاْ مَكَانَهُۥ بِٱلۡأَمۡسِ يَقُولُونَ
وَيۡكَأَنَّ ٱللَّهَ يَبۡسُطُ ٱلرِّزۡقَ لِمَن يَشَآءُ مِنۡ عِبَادِهِۦ
وَيَقۡدِرُۖ لَوۡلَآ أَن مَّنَّ ٱللَّهُ عَلَيۡنَا لَخَسَفَ بِنَاۖ وَيۡكَأَنَّهُۥ
لَا يُفۡلِحُ ٱلۡكَٰفِرُونَ ٨٢
تِلۡكَ ٱلدَّارُ ٱلۡأٓخِرَةُ نَجۡعَلُهَا لِلَّذِينَ لَا يُرِيدُونَ عُلُوّٗا
فِي ٱلۡأَرۡضِ وَلَا فَسَادٗاۚ وَٱلۡعَٰقِبَةُ لِلۡمُتَّقِينَ ٨٣
مَن جَآءَ بِٱلۡحَسَنَةِ فَلَهُۥ خَيۡرٞ مِّنۡهَاۖ وَمَن جَآءَ بِٱلسَّيِّئَةِ
فَلَا يُجۡزَى ٱلَّذِينَ عَمِلُواْ ٱلسَّيِّـَٔاتِ إِلَّا مَا كَانُواْ
يَعۡمَلُونَ ٨٤

"Sesungguhnya Qarun itu adalah dari kaum Musa, kemudian dia berlagak sombong dan zalim terhadap mereka, dan Kami telah mengurniakan kepadanya perbendaharaan harta, yang mana anak-anak kuncinya sahaja begitu berat dipikul oleh sekumpulan orang-orang yang kuat. (Kenangilah) ketika kaumnya berkata kepadanya: Janganlah engkau terlalu gembira, kerana sesungguhnya Allah tidak sukakan orang-orang yang terlalu gembira(76). Dan carilah dengan harta kekayaan yang dikurniakan Allah kepadamu itu kebahagiaan negeri Akhirat, dan janganlah engkau lupakan bahagiamnu dari (keni'matan dunia), dan buatlah kebaikan sebagaimana Allah telah membuat kebaikan kepadamu, dan janganlah engkau melakukan kerosakan di bumi, kerana sesungguhnya Allah tidak sukakan orang-orang yang melakukan kerosakan(77). Berkatalah Qarun: Sesungguh-nya aku telah diberikan harta kekayaan itu dengan jasa ilmu pengetahuan yang ada pada aku. Tidakkah dia (Qarun) mengetahui bahawa Allah telah pun membinasakan dari umat-umat sebelumnya orang-orang yang lebih kuat daripadanya dan lebih banyak jumlah harta kekayaannya? Dan tidaklah perlu ditanya orang-orang yang berdosa itu tentang dosa-dosa mereka (78). Kemudian Qarun keluar kepada kaumnya dengan perhiasan yang cantik, lalu berkatalah orang-orang yang mahukan (kemewahan) hidup dunia: Moga-moga kita mempunyai harta kekayaan seperti yang diberikan kepada Qarun. Sesungguhnya dia seorang yang amat bernasib baik(79). Dan berkatalah orang-orang yang dikurniakan ilmu: Janganlah kamu berkata begitu! Pahala dari Allah itu adalah lebih baik bagi orang yang beriman dan mengerjakan amalan yang soleh dan tiada siapa yang memperolehinya melainkan orang-orang yang sabar(80). Lalu Kami benamkannya (Qarun) serta rumahnya ke dalam bumi. Dia tidak mendapat mana-mana kumpulan manusia yang boleh menolongnya dari azab Allah dan tidak pula termasuk dalam golongan orang-orang yang dapat mempertahankan dirinya(81). Dan jadilah orang-orang yang kelmarin bercita-cita mendapat kedudukan Qarun itu berkata: Aduhai ketahuilah! Allah melapangkan rezeki kepada siapa sahaja yang dikehendaki-Nya dan Dialah juga yang menyempitkannya. Kalaulah tidak kerana Allah mengurniakan (keimanan) kepada kita tentulah juga Dia benamkan kita di dalam bumi. Aduhai ketahuilah! Orang-orang yang kafir itu tidak akan beruntung(82). Itulah negeri Akhirat yang Kami peruntukkannya kepada orang-orang yang tidak mahu menunjukkan kesombongan di bumi dan tidak melakukan kerosakan, dan kesudahan yang baik itu adalah untuk orang-orang yang bertaqwa(83). Siapa yang datang membawa amalan yang baik (pada hari Qiamat), maka dia akan memperolehi balasan yang lebih baik dari-Nya, dan siapa yang datang membawa amalan yang jahat, maka orang-orang yang melakukan kejahatan-kejahatan itu tidaklah dibalas melainkan hanya mengikut kadar kejahatan yang dilakukannya sahaja."(84).

Bahagian permulaan surah ini telah menceritakan kisah Nabi Musa a.s. dan Fir'aun. Di mana dibentangkan kekuatan kuasa pemerintahan dan bagaimana kuasa itu berakhir dengan kemusnahan dengan sebab keangkuhan, kezaliman, kekufuran terhadap Allah dan menjauhkan diri dari hidayat-Nya. Sekarang datang pula kisah Qarun untuk menunjukkan pengaruh harta dan ilmu pengetahuan dan bagaimana pengaruh ini juga berakhir dengan kemusnahan dengan sebab kezaliman dan keangkuhan terhadap sesama manusia dan dengan sebab kekufuran terhadap ni'mat Allah, juga untuk menjelaskan hakikat nilai-nilai, di mana ia merendah nilai harta kekayaan dan perhiasan hidup di samping nilai keimanan dan kebaikan iaitu bersikap sederhana dan imbang dalam meni'mati kemewahan-kemewahan hidup tanpa berlagak sombong di muka bumi dan tanpa melakukan kerosakan.

Kisah Qarun

Al-Qur'an tidak menentukan masa dan tempat kisah ini berlaku, malah ia hanya menyebut bahawa Qarun itu adalah dari kaum Musa kemudian dia berlagak angkuh dan zalim terhadap mereka. Adakah kisah ini berlaku semasa Bani Israel dan Musa masih berada di Mesir dan belum lagi keluar darinya? Atau ia berlaku selepas mereka keluar dari Mesir di dalam masa hayat Musa? Atau ia berlaku di dalam kalangan Bani Israel selepas Musa? Di sana ada riwayat-riwayat yang mengatakan bahawa Qarun itu adalah sepupu Nabi Musa a.s. dan peristiwa ini berlaku di zaman beliau. Setengah riwayat pula menambah bahawa Qarun telah menganiayai Musa. Dia telah merancangkan satu tipu daya yang jahat untuk mengenakan tohmah (yang dusta) terhadap Nabi Musa, iaitu tohmah melakukan zina dengan seorang perempuan yang tertentu untuk mendapat wang rasuah kemudian Allah bersihkan tohmahan itu dari Musa dan memperkenankan permohonan beliau terhadap Qarun lalu dia binasakannya dengan maut ditelan bumi.

Kita tidak perlu kepada riwayat-riwayat ini, juga tidak perlu kepada penentuan di zaman mana dan di tempat mana ia berlaku. Kisah ini sebagaimana yang diceritakan Al-Qur'an adalah cukup untuk memenuhi tujuan dan maksud kisah itu disebut di dalam surah ini, juga cukup untuk menjelaskan nilai-nilai dan dasar-dasar yang mahu ditegakkannya. Sekiranya penentuan zaman dan tempat dengan segala suasananya itu boleh menambahkan sesuatu makna dan tujuan, sudah tentu Al-Qur'an tidak mengabaikan penentuannya. Sekarang marilah kita melihat gambaran kisah ini sebagaimana yang digambarkan oleh Al-Qur'an itu sendiri dengan menepikan riwayat-riwayat yang tidak membawa apa-apa faedah itu.

******

(Pentafsiran ayat-ayat 76 - 78)

إِنَّ قَٰرُونَ كَانَ مِن قَوۡمِ مُوسَىٰ فَبَغَىٰ عَلَيۡهِمۡۖ
وَءَاتَيۡنَٰهُ مِنَ ٱلۡكُنُوزِ مَآ إِنَّ مَفَاتِحَهُۥ لَتَنُوٓأُ
بِٱلۡعُصۡبَةِ أُوْلِي ٱلۡقُوَّةِ إِذۡ قَالَ لَهُۥ قَوۡمُهُۥ لَا تَفۡرَحۡۖ
إِنَّ ٱللَّهَ لَا يُحِبُّ ٱلۡفَرِحِينَ ﴿٧٦﴾

وَٱبۡتَغِ فِيمَآ ءَاتَىٰكَ ٱللَّهُ ٱلدَّارَ ٱلۡأٓخِرَةَۖ وَلَا تَنسَ
نَصِيبَكَ مِنَ ٱلدُّنۡيَاۖ وَأَحۡسِن كَمَآ أَحۡسَنَ ٱللَّهُ إِلَيۡكَۖ
وَلَا تَبۡغِ ٱلۡفَسَادَ فِي ٱلۡأَرۡضِۖ إِنَّ ٱللَّهَ لَا يُحِبُّ
ٱلۡمُفۡسِدِينَ ٧٧

قَالَ إِنَّمَآ أُوتِيتُهُۥ عَلَىٰ عِلۡمٍ عِندِيٓۚ أَوَلَمۡ يَعۡلَمۡ أَنَّ ٱللَّهَ
قَدۡ أَهۡلَكَ مِن قَبۡلِهِۦ مِنَ ٱلۡقُرُونِ مَنۡ هُوَ أَشَدُّ مِنۡهُ
قُوَّةٗ وَأَكۡثَرُ جَمۡعٗاۚ وَلَا يُسۡـَٔلُ عَن ذُنُوبِهِمُ
ٱلۡمُجۡرِمُونَ ٧٨

"Sesungguhnya Qarun itu adalah dari kaum Musa, kemudian dia berlagak sombong dan zalim terhadap mereka, dan Kami telah mengurniakan kepadanya perbendaharaan harta, yang mana anak-anak kuncinya sahaja begitu berat dipikul oleh sekumpulan orang-orang yang kuat. (Kenangilah) ketika kaumnya berkata kepadanya: Janganlah engkau terlalu gembira, kerana sesungguhnya Allah tidak sukakan orang-orang yang terlalu gembira(76). Dan carilah dengan harta kekayaan yang dikurniakan Allah kepadamu itu kebahagiaan negeri Akhirat, dan janganlah engkau lupakan bahagianmu dari (keni'matan dunia), dan buatlah kebaikan sebagaimana Allah telah membuat kebaikan kepadamu, dan janganlah engkau melakukan kerosakan di bumi, kerana sesungguhnya Allah tidak sukakan orang-orang yang melakukan kerosakan(77). Berkatalah Qarun: Sesungguhnya aku telah diberikan harta kekayaan itu dengan jasa ilmu pengetahuan yang ada pada aku. Tidakkah dia (Qarun) mengetahui bahawa Allah telah pun membinasakan dari umat-umat sebelumnya orang-orang yang lebih kuat daripadanya dan lebih banyak jumlah harta kekayaannya? Dan tidaklah perlu ditanya orang-orang yang berdosa itu tentang dosa-dosa mereka."(78)

Demikianlah kisah ini dimulakan dengan menyebut heronya **"Qarun"** dan menentukan kaumnya iaitu dia dari **"Kaum Musa"**, kemudian menerangkan tindak-tanduknya terhadap kaumnya, iaitu tindak-tanduk angkuh dan zalim **"Dia berlagak angkuh dan zalim"**, kemudian menyebut sebab yang mendorong Qarun itu bersikap angkuh dan zalim, iaitu pengaruh kekayaan:

وَءَاتَيۡنَٰهُ مِنَ ٱلۡكُنُوزِ مَآ إِنَّ مَفَاتِحَهُۥ لَتَنُوٓأُ
بِٱلۡعُصۡبَةِ أُوْلِي ٱلۡقُوَّةِ

"Kami telah mengurniakan kepadanya perbendaharaan harta yang mana anak-anak kuncinya sahaja begitu berat dipikul oleh sekumpulan orang-orang yang kuat."(76)

Kemudian kisah ini terus menunjukkan peristiwa-peristiwa, dialog-dialog dan emosi-emosi yang menyertainya di dalam jiwa (watak-watak kisah ini).

Qarun adalah dari kaum Nabi Musa a.s. Dia telah dikurniakan Allah harta kekayaan yang banyak yang digambarkan dengan kata-kata **"Perbendaharaan"**, kata-kata ini bererti harta kekayaan yang tersembunyi, yang disimpan dari harta-harta yang lebih dari penggunaan dan pertukaran, juga digambarkan dengan ungkapan bahawa anak-anak kuncinya sahaja begitu berat dipikul oleh sekumpulan lelaki yang gagah. Kerana pengaruh kekayaan inilah Qarun berlagak angkuh dan zalim terhadap kaumnya. Al-Qur'an tidak menyebut butir-butir kezaliman yang dilaku-kannya supaya perkara ini tinggal mahjul dan dapat merangkumi berbagai-bagai gambaran. Mungkin dia melakukan kezaliman dengan merampas tanah-tanah dan harta benda kepunyaan mereka sebagaimana yang kerap dilakukan oleh hartawan-hartawan yang zalim, dan mungkin juga dia melakukan kezaliman terhadap mereka dengan menafikan hak-hak mereka pada harta kekayaannya, iaitu hak-hak orang-orang miskin pada harta orang-orang yang kaya supaya harta kekayaan itu tidak hanya beredar di dalam kalangan orang-orang kaya sahaja, sedangkan di sekeliling mereka terdapat orang-orang miskin yang memerlukan sedikit dari harta itu. Keadaan ini boleh merosakkan hati manusia dan merosakkan kehidupan. Mungkin dia menzalimi mereka dengan dua perbuatan itu dan mungkin pula dengan perbuatan-perbuatan yang lain lagi.

Walau bagaimanapun, di dalam kalangan kaumnya terdapat orang-orang yang berusaha menahannya dari melakukan perbuatan-perbuatan yang zalim itu dan cuba membawanya kembali ke pangkal jalan yang betul, yang diredhai Allah dalam pengurusan harta kekayaan itu, iaitu jalan yang tidak menafikan hak orang-orang kaya dalam harta kekayaan mereka dan tidak pula menafikan hak mereka untuk meni'matinya secara sederhana dari harta kekayaan yang dikurniakan Allah itu. Mereka mahukan orang-orang kaya itu bersikap sederhana, dan sebelum itu mereka mahu-kan mereka sentiasa mengingati Allah yang telah mengurnia-kan ni'mat kekayaan kepada mereka dan mahukan mereka bersedia untuk menghadapi Akhirat dan hisab.

إِذۡ قَالَ لَهُۥ قَوۡمُهُۥ لَا تَفۡرَحۡۖ إِنَّ ٱللَّهَ لَا يُحِبُّ
ٱلۡفَرِحِينَ ٧٦

"(Kenangilah) ketika kaumnya berkata kepadanya: Janganlah engkau terlalu gembira, kerana sesungguhnya Allah tidak sukakan orang-orang yang terlalu gembira."(76)

وَٱبۡتَغِ فِيمَآ ءَاتَىٰكَ ٱللَّهُ ٱلدَّارَ ٱلۡأٓخِرَةَۖ وَلَا تَنسَ
نَصِيبَكَ مِنَ ٱلدُّنۡيَاۖ وَأَحۡسِن كَمَآ أَحۡسَنَ ٱللَّهُ إِلَيۡكَۖ
وَلَا تَبۡغِ ٱلۡفَسَادَ فِي ٱلۡأَرۡضِۖ إِنَّ ٱللَّهَ لَا يُحِبُّ
ٱلۡمُفۡسِدِينَ ٧٧

"Dan carilah dengan harta kekayaan yang dikurniakan Allah kepadamu itu kebahagian negeri Akhirat, dan janganlah engkau lupakan bahagianmu dari (keni'matan dunia), dan buatlah kebaikan sebagaimana Allah telah membuat kebaikan kepadamu, dan janganlah engkau melakukan kerosakan di bumi, kerana sesungguhnya Allah tidak sukakan orang-orang yang melakukan kerosakan."(77)

Di dalam nasihat ini terkandung intisari nilai-nilai dan ciri-ciri yang terdapat di dalam sistem hidup Ilahi yang lurus, yang membezakannya di antara segala sistem hidup yang lain.

لَا تَفْرَحْ

"Janganlah engkau terlalu gembira"(76)

iaitu gembira dengan perasaan yang sombong, yang terbit dari rasa bangga kerana mempunyai harta kekayaan dan terbit dari sikap yang terlalu besar memberi perhatian kepada kekayaan dan terlalu teringat kepada perbendaharaan-perbendaharaan harta dan terlalu girang dengan kuasa memilik. Yakni janganlah engkau bergembira dengan angkuh dan sombong hingga lupakan Allah yang mengurniakan harta kekayaan itu dan lupakan ni'mat-ni'mat-Nya dan kewajipan bersyukur kepada-Nya. Janganlah engkau terlalu bergembira seperti kegembiraan orang yang lupakan daratan kerana kekayaan hingga menyebabkan hatinya sentiasa dipenuhi angan-angan harta dan bersikap angkuh terhadap manusia yang lain.

إِنَّ ٱللَّهَ لَا يُحِبُّ ٱلْفَرِحِينَ ﴿٧٦﴾

"Sesungguhnya Allah tidak sukakan orang-orang yang terlalu gembira."(76)

Dengan nasihat ini mereka cuba mengembalikan Qarun kepada Allah yang memang tidak menyukai orang-orang yang terpesona dan berbangga-bangga dengan harta kekayaan dan orang-orang yang bersikap angkuh dan takbur kerana kekayaan.

وَٱبْتَغِ فِيمَآ ءَاتَىٰكَ ٱللَّهُ ٱلدَّارَ ٱلْءَاخِرَةَ ۖ وَلَا تَنسَ نَصِيبَكَ مِنَ ٱلدُّنْيَا ۖ وَأَحْسِن كَمَآ أَحْسَنَ ٱللَّهُ إِلَيْكَ ۖ وَلَا تَبْغِ ٱلْفَسَادَ فِى ٱلْأَرْضِ ۖ إِنَّ ٱللَّهَ لَا يُحِبُّ ٱلْمُفْسِدِينَ ﴿٧٧﴾

"Dan carilah dengan harta kekayaan yang dikurniakan Allah kepadamu itu kebahagiaan negeri Akhirat dan janganlah engkau lupakan bahagianmu dari (keni'matan dunia), dan buatlah kebaikan sebagaimana Allah telah membuat kebaikan kepadamu dan janganlah engkau melakukan kerosakan di bumi kerana sesungguhnya Allah tidak sukakan orang-orang yang melakukan kerosakan."(77)

Kewajipan Dan Tanggungjawab Harta Kekayaan

Di dalam nasihat ini tergambarlah kesederhanaan sistem hidup Ilahi yang lurus, iaitu sistem yang membuat hati orang yang berharta teringat kepada Akhirat dan tidak pula menafikan seseorang dari meni'mati sebahagian dari keni'matan dan kemewahan hidup dunia ini, malah ia menggalakkannya berbuat begitu dan menjadikan (usaha ke arah itu) sebagai tugasnya supaya dia tidak hidup dalam keadaan zahid yang mengabaikan kehidupan dan melemahkannya.

Allah S.W.T. telah menjadikan segala ni'mat hidup yang baik supaya dini'mati oleh manusia dan supaya mereka bekerja dan berusaha di bumi ini untuk meningkatkan ni'mat- ni'mat itu dan menghasilkannya agar kehidupan bertambah subur dan sentiasa membaharu dan agar ter-laksana tugas khilafah manusia di bumi, tetapi semuanya itu dengan syarat bahawa matlamat yang ditujukan mereka dalam meni'mati kesenangan-kesenangan hidup ialah Akhirat. Oleh kerana itu mereka tidak menyeleweng dari jalan Akhirat dan tidak hanya leka dengan ni'mat-ni'mat kesenangan itu hingga lupa kepada kewajipan-kewajipan Akhirat. Meni'mati kesenangan hidup dengan cara yang seperti ini merupakan salah satu dari pernyataan melahirkan kesyukuran kepada Allah, menyambut baik limpah kurnia-Nya dan mengambil manfa'at darinya. Perbuatan ini merupakan salah satu dari keta'atan-keta'atan yang dibalas oleh Allah dengan balasan yang baik.

Demikianlah cara sistem hidup Ilahi ini mewujudkan imbangan dan keselarasan di dalam hidup manusia dan membolehkan mereka mencapai kemajuan dan peningkatan rohaniyah yang berterusan dalam masa hidupnya yang biasa dan imbang, iaitu hidup tanpa penafian ni'mat dan tanpa mengabaikan asas-asas kehidupan semulajadi yang biasa.

وَأَحْسِن كَمَآ أَحْسَنَ ٱللَّهُ إِلَيْكَ

"Dan buatlah ihsan sebagaimana Allah telah membuat ihsan kepadamu"(77)

Yakni oleh sebab harta kekayaan itu merupakan pemberian dan ihsan dari Allah, maka hendaklah dibalas dengan ihsan juga, iaitu ihsan dalam ertikata menerima dan menggunakan ni'mat pemberian ini dengan sebaik-baiknya, ihsan dalam ertikata membuat kebajikan dengan ni'mat pemberian itu kepada manusia-manusia yang lain, ihsan dalam ertikata mengelokkan perasaan hati terhadap ni'mat itu dan ihsan dalam ertikata melahirkan kesyukuran dengan sebaik-baiknya.

وَلَا تَبْغِ ٱلْفَسَادَ فِى ٱلْأَرْضِ

"Dan janganlah engkau melakukan kerosakan di bumi"(77)

Iaitu kerosakan dengan berlagak angkuh dan melakukan perbuatan-perbuatan yang zalim,

kerosakan dengan meni'mati kemewahan hidup yang bebas lepas dari bermuraqabah dengan Allah dan mengenangkan kewajipan-kewajipan terhadap Akhirat, kerosakan dengan mengisi hati orang ramai dengan perasaan tidak senang, hasad dengki dan dendam kesumat dan kerosakan dengan membelanjakan harta kekayaan itu ke jalan yang tidak sebenar atau menahankannya sama sekali dari jalannya yang sebenar.

إِنَّ ٱللَّهَ لَا يُحِبُّ ٱلْمُفْسِدِينَ ﴿٧٧﴾

"Sesungguhnya Allah tidak sukakan orang-orang yang melakukan kerosakan."(77)

Sebagaimana Dia tidak sukakan orang-orang yang terlalu gembira:

Demikianlah orang-orang dari kaum Qarun memberi nasihat kepadanya. Tetapi Qarun hanya menjawab dengan sepatah kata yang mengandungi segala erti kerosakan dan merosakkan orang lain:

قَالَ إِنَّمَآ أُوتِيتُهُۥ عَلَىٰ عِلْمٍ عِندِىٓ ۚ

"Berkatalah Qarun: Sesungguhnya aku telah diberikan harta kekayaan itu dengan jasa ilmu pengetahuan yang ada pada aku."(78)

Yakni aku mendapat harta kekayaan ini dengan jasa ilmu pengetahuanku yang telah memudahkan aku mengumpul dan menghasilkannya. Adakah kamu berhak merencanakan kepadaku bagaimana cara hendak mengurus dan mengendalikan harta ini, dan adakah kamu berhak mengawal dan menguasai hak milik peribadiku, sedangkan aku mendapat harta kekayaanku ini dengan tenaga usahaku sendiri dan dengan jasa ilmu pengetahuanku sendiri?

Itulah perkataan orang yang angkuh dan buta mata hatinya. Dia lupakan sumber yang memberi ni'mat kepadanya dan lupakan hikmat pengurniaan ni'mat. Dia telah dipesonakan harta dan telah dibutakan kekayaannya.

Inilah contoh peribadi yang berulang-ulang di dalam masyarakat manusia. Ramai di antara mereka menyangka bahawa ilmu pengetahuan dan usaha tenaga mereka itulah satu-satunya punca kekayaan mereka. Oleh sebab itu dia tidak bertanggungjawab kepada siapa pun terhadap harta kekayaannya yang dibelanja dan yang tidak dibelanjakannya. Dia menyangka tidak akan dihisab tentang harta kekayaan yang dibelanjakannya ke jalan yang rosak dan harta kekayaannya yang dibelanjakan ke jalan yang baik. Dia tidak membuat apa-apa perhitungan dengan Allah dan tidak memikirkan apa-apa tentang kemurkaan dan keredhaan-Nya.

Islam mengakui harta milik peribadi dan mengharga-kan usaha tenaga peribadi yang dicurahkan oleh seseorang untuk mendapatkan harta itu dari saluran-saluran yang halal yang diqanunkannya. Islam tidak memandang kecil dan tidak mengabaikan usaha tenaga peribadi itu, tetapi di dalam waktu yang sama Islam mewajibkan satu peraturan yang tertentu dalam urusan mengendali harta milik peribadi itu sebagaimana ia mewajibkan satu peraturan yang tertentu dalam cara-cara mendapat dan melaburkan harta itu. Islam merupakan satu sistem hidup yang imbang dan selaras. Ia tidak mengharamkan seseorang dari meni'mati hasil usahanya dan tidak pula membiarkannya bebas lepas meni'mati hasil usahanya hingga ke darjat mewah, dan tidak membiarkannya memegang harta itu dengan sewenang-wenang hingga ke darjat kikir. Di samping itu Islam menetapkan adanya hak-hak orang ramai Islam dalam harta kekayaannya dan mengenakan kawalan terhadap cara-cara mendapat, cara-cara melabur, cara-cara membelanja dan meni'matinya. Islam merupakan satu sistem hidup yang istimewa dan jelas sifat-sifatnya.

Tetapi Qarun tidak mendengar seruan kaumnya. Dia tidak merasa menanggung budi baik Allah itu dan dia tidak mahu mengikut agama Allah yang lurus. Dia menolak semuanya dengan sikap angkuh dan sombong yang amat hina dan keji.

Justeru itulah Qarun diberi amaran sebelum berakhir-nya ayat ini sebagai jawapan terhadap perkataannya yang jahat dan sombong itu:

أَوَلَمْ يَعْلَمْ أَنَّ ٱللَّهَ قَدْ أَهْلَكَ مِن قَبْلِهِۦ مِنَ ٱلْقُرُونِ مَنْ هُوَ أَشَدُّ مِنْهُ قُوَّةً وَأَكْثَرُ جَمْعًا ۚ وَلَا يُسْـَٔلُ عَن ذُنُوبِهِمُ ٱلْمُجْرِمُونَ ﴿٧٨﴾

"Tidakkah dia (Qarun) mengetahui bahawa Allah telah pun membinasakan dari umat-umat sebelumnya orang-orang yang lebih kuat daripadanya dan lebih banyak jumlah harta kekayaannya? Dan tidaklah perlu ditanya orang-orang yang berdosa itu tentang dosa-dosa mereka."(78)

Maksudnya, jika Qarun merasa cukup kuat dan kaya, maka Allah telah pun membinasakan dari umat-umat sebelumnya orang-orang yang lebih kuat dan lebih kaya darinya lagi. Qarun seharusnya mengetahui hakikat ini, kerana itulah ilmu pengetahuan yang boleh memberi keselamatan kepadanya. Dia seharusnya tahu bahawa dia dan mereka yang sepertinya dari orang-orang yang berdosa itu adalah begitu hina dan kecil di sisi Allah hingga tidak perlu baginya untuk menyoal mereka tentang dosa-dosa mereka, kerana mereka bukannya para pengadil dan bukan pula para saksi.

وَلَا يُسْـَٔلُ عَن ذُنُوبِهِمُ ٱلْمُجْرِمُونَ ﴿٧٨﴾

"Dan tidaklah perlu ditanya orang-orang yang berdosa itu tentang dosa-dosa mereka."(78)

******

(Pentafsiran ayat-ayat 79 - 80)

Itulah pemandangan pertama dari pemandangan-pemandangan kisah Qarun. Di dalam pemandangan

ini dapat dilihat dengan jelas sifat-sifat Qarun yang zalim, angkuh, sombong, membelakangi nasihat yang baik, degil dengan perilakunya yang merosakkan, terpesona dengan harta kekayaan, bersikap lupa daratan yang menghalanginya dari bersyukur.

Kemudian tiba pula pemandangan yang kedua, iaitu pemandangan Qarun keluar ke tengah kaumnya dengan pakaian dan perhiasannya yang indah menyebabkan setengah-setengah mereka terpesona dan berangan-angan mendapat kekayaan seperti kekayaannya.

Mereka merasa dia benar-benar seorang yang bernasib baik yang dicita-citakan oleh golongan yang tidak berada, tetapi dalam waktu yang sama juga ada sekumpulan dari mereka yang beriman yang lebih berbangga dengan keimanan mereka dari harta kekayaan, keindahan pakaian dan perhiasan Qarun, lalu mereka mengingatkan saudara-saudara mereka yang terpesona itu dengan penuh keyakinan:

فَخَرَجَ عَلَىٰ قَوْمِهِۦ فِى زِينَتِهِۦ ۖ قَالَ ٱلَّذِينَ يُرِيدُونَ
ٱلْحَيَوٰةَ ٱلدُّنْيَا يَٰلَيْتَ لَنَا مِثْلَ مَآ أُوتِىَ قَٰرُونُ
إِنَّهُۥ لَذُو حَظٍّ عَظِيمٍ ﴿٧٩﴾
وَقَالَ ٱلَّذِينَ أُوتُوا۟ ٱلْعِلْمَ وَيْلَكُمْ ثَوَابُ ٱللَّهِ خَيْرٌ
لِّمَنْ ءَامَنَ وَعَمِلَ صَٰلِحًا وَلَا يُلَقَّىٰهَآ إِلَّا
ٱلصَّٰبِرُونَ ﴿٨٠﴾

"Kemudian Qarun keluar kepada kaumnya dengan perhiasan yang cantik, lalu berkatalah orang-orang yang mahukan (kemewahan) hidup dunia: Moga-moga kita mempunyai harta kekayaan seperti yang diberikan kepada Qarun. Sesungguhnya dia seorang yang amat bernasib baik(79). Dan berkatalah orang-orang yang dikurniakan ilmu: Janganlah kamu berkata begitu! Pahala dari Allah itu adalah lebih baik bagi orang yang beriman dan mengerjakan amalan yang soleh dan tiada siapa yang memperolehinya melainkan orang-orang yang sabar."(80)

Demikianlah sekumpulan dari mereka berdiri di hadapan tarikan kemewahan hidup dunia itu dengan pendirian seorang yang begitu terpesona, kagum, jatuh dan rebah (di hadapannya), sementara sekumpulan lagi berbangga dengan nilai keimanan dan dengan harapan mendapat pahala yang tersimpan di sisi Allah. Di sini bertembunglah nilai harta kekayaan dan nilai keimanan dalam neraca pertimbangan:

قَالَ ٱلَّذِينَ يُرِيدُونَ ٱلْحَيَوٰةَ ٱلدُّنْيَا يَٰلَيْتَ لَنَا
مِثْلَ مَآ أُوتِىَ قَٰرُونُ إِنَّهُۥ لَذُو حَظٍّ عَظِيمٍ ﴿٧٩﴾

"Lalu berkatalah orang-orang yang mahukan (kemewahan) hidup dunia: Moga-moga kita mempunyai harta kekayaan seperti yang diberikan kepada Qarun. Sesungguhnya dia seorang yang amat bernasib baik."(79)

Mereka Yang Terpesona Dengan Harta Kekayaan

Di setiap zaman dan tempat, perhiasan yang indah itu tetap memikat hati sebahagian manusia. Ia mengkagumkan orang-orang yang cintakan kehidupan dunia, yang tidak mengharapkan sesuatu yang lebih tinggi dan mulia darinya. Oleh sebab itu mereka tidak pernah bertanya sebanyak mana harga yang telah dibayar oleh tuan punya perhiasan yang indah itu untuk mendapatkannya? Apakah cara dia berjaya mendapat harta kekayaan, pangkat, darjat dan sebagainya dari keni'matan-keni'matan hidup dunia itu? Oleh sebab itulah jiwa mereka jatuh dan rebah (di hadapan keni'matan-keni'matan itu) bagaikan lalat-lalat yang menggugurkan dirinya di atas kuih-kuih yang manis. Air liur mereka mengalir apabila melihat keni'matan-keni'matan yang dimiliki orang-orang yang bernasib baik tanpa melihat kepada harga yang amat tinggi yang dibayar mereka, tanpa melihat kepada jalan-jalan kotor yang dilalui mereka dan tanpa memandang kepada cara-cara yang hina yang digunakan mereka.

Tetapi bagi orang-orang yang berhubung dengan Allah, mereka mempunyai neraca yang lain dalam menilaikan kehidupan ini. Di dalam jiwa mereka tersemat nilai-nilai yang lain dari nilai-nilai harta kekayaan, perhiasan yang indah dan keni'matan hidup yang mewah. Mereka mempunyai jiwa yang lebih tinggi dan hati yang lebih besar, dan kerana itu mereka tidak rebah dan gugur dengan hina-dina di hadapan seluruh nilai-nilai kehidupan dunia. Hubungan mereka dengan Allah yang menjadi kebanggaan mereka itu merupakan pelindung yang menyelamatkan mereka dari menghinakan diri di hadapan kebesaran manusia. Mereka inilah **"Orang-orang yang dikurniakan ilmu"** iaitu ilmu yang betul yang dapat digunakan mereka untuk menilaikan kehidupan dunia dengan penilaian yang sebenar:

وَقَالَ ٱلَّذِينَ أُوتُوا۟ ٱلْعِلْمَ وَيْلَكُمْ ثَوَابُ ٱللَّهِ خَيْرٌ
لِّمَنْ ءَامَنَ وَعَمِلَ صَٰلِحًا وَلَا يُلَقَّىٰهَآ إِلَّا
ٱلصَّٰبِرُونَ ﴿٨٠﴾

"Dan berkatalah orang-orang yang dikurniakan ilmu: Janganlah kamu berkata begitu! Pahala dari Allah itu adalah lebih baik bagi orang yang beriman dan mengerjakan amalan yang soleh dan tiada siapa yang memperolehinya melainkan orang-orang yang sabar."(80)

Maksudnya, pahala dari Allah itu lebih baik dari perhiasan yang indah, dan balasan yang tersimpan di sisi Allah adalah lebih baik dari harta kekayaan yang ada pada Qarun. Kesedaran seperti ini merupakan satu darjat yang tinggi, yang tidak dapat dicapai

melainkan oleh orang-orang yang sabar, iaitu orang-orang yang sabar menghadapi nilai-nilai dan ukuran-ukuran manusia, orang-orang yang sabar menghadapi godaan kemewahan hidup dan orang-orang yang sabar menghadapi penafian dari ni'mat-ni'mat kemewahan yang dicita-cita oleh kebanyakan orang. Ketika Allah mengetahui kesabaran mereka yang seperti ini, maka dia akan mengangkatkan mereka ke darjat yang tinggi itu, iaitu darjat kebanggaan yang memandang rendah kepada segala ni'mat hidup yang ada di bumi dan mengharapkan pahala dari Allah dengan penuh kepercayaan.

******

(Pentafsiran ayat-ayat 81 - 82)

Apabila pengaruh godaan perhiasan yang indah itu sampai ke kemuncaknya, di mana jiwa manusia rebah dan gugur di hadapannya, maka tibalah masa qudrat Ilahi mencampurtangan untuk meletakkan batas yang meng-halangkan godaan itu, untuk melindungi manusia-manusia yang lemah dari terus dipukau olehnya dan untuk menghancur-leburkan keangkuhan dan kesombongan itu. Di sini tibalah pemandangan yang ketiga sebagai pemandangan penamat dan penentu:

فَخَسَفۡنَا بِهِۦ وَبِدَارِهِ ٱلۡأَرۡضَ فَمَا كَانَ لَهُۥ
مِن فِئَةٖ يَنصُرُونَهُۥ مِن دُونِ ٱللَّهِ وَمَا كَانَ مِنَ
ٱلۡمُنتَصِرِينَ ٨١

"Lalu Kami benamkannya (Qarun) serta rumahnya ke dalam bumi. Dia tidak mendapat mana-mana kumpulan manusia yang boleh menolongnya dari azab Allah dan tidak pula termasuk dalam golongan orang-orang yang dapat mempertahankan dirinya."(81)

Qarun Dan Harta Kekayaan Ditelan Bumi

Demikianlah dengan ungkapan yang pendek dan dalam sekelip mata sahaja **"kami benamkannya (Qarun) serta rumahnya ke dalam bumi".** Dia dan rumahnya habis ditelan bumi dan kini terbenamlah Qarun di dalam bumi, di mana selama ini ia berlagak angkuh dan melakukan kezaliman di atas permukaannva sebagai satu balasan yang setimpal. Dia hilang ditelan bumi dengan keadaan yang amat lemah, tanpa ditolongi sesiapa pun dan tanpa diselamatkan oleh darjat kebesaran dan harta kekayaannya.

Kini terbenamlah bersama Qarun godaan harta kekayaan yang telah mempengaruhi sebahagian manusia, dan pukulan penamat itu telah menginsafkan mereka kembali kepada Allah dan menghapuskan topeng kelalaian dan kesesatan dari hati mereka. Inilah yang menjadi pemandangan yang akhir.

وَأَصۡبَحَ ٱلَّذِينَ تَمَنَّوۡاْ مَكَانَهُۥ بِٱلۡأَمۡسِ يَقُولُونَ
وَيۡكَأَنَّ ٱللَّهَ يَبۡسُطُ ٱلرِّزۡقَ لِمَن يَشَآءُ مِنۡ عِبَادِهِۦ
وَيَقۡدِرُۖ لَوۡلَآ أَن مَّنَّ ٱللَّهُ عَلَيۡنَا لَخَسَفَ بِنَاۖ وَيۡكَأَنَّهُۥ
لَا يُفۡلِحُ ٱلۡكَٰفِرُونَ ٨٢

"Dan jadilah orang-orang yang kelmarin bercita-cita mendapat kedudukan Qarun itu berkata: Aduhai ketahuilah! Allah melapangkan rezeki kepada siapa sahaja yang dikehendaki-Nya dan Dialah juga yang menyempit-kannya. Kalaulah tidak kerana Allah mengurniakan (keimanan) kepada kita tentulah juga Dia benamkan kita di dalam bumi. Aduhai ketahuilah! Orang-orang yang kafir itu tidak akan beruntung."(82)

Kekayaan Bukan Melambangkan Keredhaan Allah

Mereka bersyukur kepada Allah kerana tidak memperkenankan permintaan yang diangan-angan mereka kelmarin dan tidak mengurniakan kepada mereka harta kekayaan seperti yang telah dikurniakan kepada Qarun. Kini sedarlah mereka bahawa kekayaan itu bukannya tanda keredhaan Allah, kerana Allah melapangkan rezeki kepada siapa sahaja yang dikehendaki-Nya dari para hamba-Nya dan menyempitkannya dengan sebab-sebab yang lain dari sebab-sebab keredhaan dan kemurkaan. Andainya kekayaan merupakan alamat dari keredhaan Allah tentulah Qarun tidak dibinasakannya dengan cara yang amat dahsyat dan keras itu. Malah sebenarnya kekayaan itu hanya suatu ujian yang mungkin diiringi oleh malapetaka, dan kini tahulah mereka bahawa orang-orang yang kafir itu tidak akan beruntung. Walaupun Qarun tidak mengeluarkan kata-kata kufur dengan terus terang, tetapi sikap Qarun yang terlalu bangga dengan harta kekayaannya dan perbuatannya yang telah menghubungkan kekayaannya dengan sebab ilmu pengetahuan yang dimilikinya itu telah membuat mereka memasukkan Qarun ke dalam golongan orang-orang kafir dan membuat mereka memandang jenis kebinasaan yang menimpanya sebagai jenis kebinasaan yang ditimpakan ke atas orang-orang kafir.

******

(Pentafsiran ayat-ayat 83 - 84)

Kemudian tirai dilabuhkan menutup pemandangan ini dan kini hati orang-orang yang beriman telah mendapat kemenangan dengan sebab campurtangan qudrat Allah yang terus terang, yang telah mengangkatkan nilai iman di dalam daun neraca pertimbangan yang sebenar, kemudian Al-Qur'an mengemukakan ulasan tepat pada waktunya yang amat sesuai:

تِلۡكَ ٱلدَّارُ ٱلۡأٓخِرَةُ نَجۡعَلُهَا لِلَّذِينَ لَا يُرِيدُونَ عُلُوّٗا
فِي ٱلۡأَرۡضِ وَلَا فَسَادٗاۚ وَٱلۡعَٰقِبَةُ لِلۡمُتَّقِينَ ٨٣

"Itulah negeri Akhirat yang Kami peruntukkannya kepada orang-orang yang tidak mahu menunjukkan kesombongan

di bumi dan tidak melakukan kerosakan, dan kesudahan yang baik itu adalah untuk orang-orang yang bertaqwa."(83)

Maksudnya, itulah negeri Akhirat yang telah diperkatakan oleh orang-orang yang telah dikurniakan ilmu yang sebenar iaitu ilmu yang dapat menilaikan segala sesuatu dengan nilainya yang sebenar, itulah negeri Akhirat yang tinggi darjatnya dan amat jauh ufuk-ufuknya, dan itulah negeri Akhirat yang "**Kami peruntukkannya kepada orang-orang yang tidak mahu menunjukkan kesombongan di bumi dan tidak melakukan kerosakan**". Di dalam hati mereka tidak terlintas fikiran untuk berbangga-bangga dengan diri sendiri dan kebolehan-kebolehannya, malah perasaan itu hilang dari hati mereka kerana dipenuhi kesedaran terhadap Allah dan terhadap sistem hidup yang diatur oleh-Nya. Itulah orang-orang yang tidak memberi apa-apa nilaian kebanggaan kepada kehidupan dunia ini, kepada mata bendanya, kepada nilai-nilai dan ukuran-ukurannya, juga tidak ingin melaku-kan apa-apa kerosakan. Merekalah orang-orang yang di-peruntukkan Allah negeri Akhirat kepada mereka, dan itulah negeri yang amat tinggi dan luhur.

"Dan kesudahan yang baik itu adalah untuk orang-orang yang bertaqwa" yang sentiasa takut kepada Allah, sentiasa bermuraqabah dengan-Nya, juga sentiasa menjauhkan diri dari kemurkaan-Nya dan sentiasa mencari keredhaan-Nya.

Dan di negeri Akhirat itulah dijatuhkan balasan yang telah ditetapkan Allah kepada diri-Nya, iaitu amalan kebajikan dibalas dengan kebajikan yang berganda-ganda dan dengan pahala yang lebih baik darinya, tetapi amalan kejahatan hanya dibalas dengan balasan yang setimpal sahaja kerana kasihan belas terhadap kelemahan-kelemahan manusia dan kerana memberi keringanan kepada mereka:

مَن جَآءَ بِٱلْحَسَنَةِ فَلَهُۥ خَيْرٌ مِّنْهَا ۖ وَمَن جَآءَ بِٱلسَّيِّئَةِ
فَلَا يُجْزَى ٱلَّذِينَ عَمِلُوا۟ ٱلسَّيِّـَٔاتِ إِلَّا مَا كَانُوا۟
يَعْمَلُونَ ﴿٨٤﴾

"Siapa yang datang membawa amalan yang baik (pada hari Qiamat), maka dia akan memperolehi balasan yang lebih baik dari-Nya, dan siapa yang datang membawa amalan yang jahat, maka orang-orang yang melakukan kejahatan-kejahatan itu tidaklah dibalas melainkan hanya mengikut kadar kejahatan yang dilakukannya sahaja."(84)

(Kumpulan ayat-ayat 85 - 88)

إِنَّ ٱلَّذِى فَرَضَ عَلَيْكَ ٱلْقُرْءَانَ لَرَآدُّكَ إِلَىٰ مَعَادٍ ۚ
قُل رَّبِّىٓ أَعْلَمُ مَن جَآءَ بِٱلْهُدَىٰ وَمَنْ هُوَ فِى ضَلَٰلٍ
مُّبِينٍ ﴿٨٥﴾

وَمَا كُنتَ تَرْجُوٓا۟ أَن يُلْقَىٰٓ إِلَيْكَ ٱلْكِتَٰبُ إِلَّا رَحْمَةً
مِّن رَّبِّكَ ۖ فَلَا تَكُونَنَّ ظَهِيرًا لِّلْكَٰفِرِينَ ﴿٨٦﴾
وَلَا يَصُدُّنَّكَ عَنْ ءَايَٰتِ ٱللَّهِ بَعْدَ إِذْ أُنزِلَتْ إِلَيْكَ ۖ
وَٱدْعُ إِلَىٰ رَبِّكَ ۖ وَلَا تَكُونَنَّ مِنَ ٱلْمُشْرِكِينَ ﴿٨٧﴾
وَلَا تَدْعُ مَعَ ٱللَّهِ إِلَٰهًا ءَاخَرَ ۘ لَآ إِلَٰهَ إِلَّا هُوَ ۚ كُلُّ شَىْءٍ
هَالِكٌ إِلَّا وَجْهَهُۥ ۚ لَهُ ٱلْحُكْمُ وَإِلَيْهِ تُرْجَعُونَ ﴿٨٨﴾

"Sesungguhnya Allah yang telah mewajibkan ke atasmu (menyampaikan) Al-Qur'an itu akan mengembalikan engkau semula ke tempat kepulangan (mu). Katakanlah: Tuhanku amat mengetahui siapakah yang membawa hidayat dan siapakah yang berada di dalam kesesatan yang amat nyata?(85). Dan engkau tidak pernah meng-harapkan kitab Al-Qur'an itu diturunkan kepadamu, tetapi (ia diturunkan) semata-mata kerana limpah rahmat dari Tuhanmu. Oleh kerana itu, janganlah sekali-kali engkau menjadi penyokong kepada orang-orang kafir(86). Dan janganlah sekali-kali mereka menghalangkan engkau dari (menyampaikan) ayat-ayat Allah sesudah diturunkan kepadamu, dan serulah mereka kepada Tuhanmu, dan janganlah sekali-kali engkau termasuk dalam golongan orang-orang yang mempersekutukan Allah(87). Dan janganlah engkau sembah di samping Allah mana-mana tuhan yang lain. Tiada tuhan melainkan Dia. Segala sesuatu itu adalah binasa belaka kecuali Allah. Dialah yang memiliki (teraju) keputusan dan kepada-Nyalah kamu kelak dikembalikan."(88).

Kini sesudah berakhirnya kisah-kisah itu dengan ulasan-ulasannya secara langsung, maka Al-Qur'an meng-hadapkan firman-Nya kepada Rasulullah s.a.w. yang telah meninggalkan di belakangnya sebilangan kecil orang-orang Islam yang ada di Makkah pada hari itu. Beliau kini diusir dari negeri (tumpah darahnya) dan diburu dari kaumnya. Beliau kini sedang di dalam perjalanan menuju ke Madinah dan belum lagi tiba di sana. Beliau kini masih berada di Juhfah yang berhampiran dengan Makkah dan berhampiran dengan bahaya. Hatinya dan matanya masih terlekat dengan negeri (tumpah darahnya) yang dicintainya. Beliau merasa sukar untuk berpisah darinya andainya tidak beliau fikirkan bahawa da'wahnya itu lebih dicintai beliau dari negeri (tumpah darahnya) negeri tempat perkembangan masa mudanya, tempat buaian kenang-kenangannya dan tempat tinggal kaum keluarganya. Al-Qur'an tujukan firman berikut kepada Rasulullah s.a.w. yang sedang berada dalam keadaan itu:

إِنَّ ٱلَّذِى فَرَضَ عَلَيْكَ ٱلْقُرْءَانَ لَرَآدُّكَ إِلَىٰ مَعَادٍ ۚ
قُل رَّبِّىٓ أَعْلَمُ مَن جَآءَ بِٱلْهُدَىٰ وَمَنْ هُوَ فِى ضَلَٰلٍ



"Sesungguhnya Allah yang telah mewajibkan ke atasmu (menyampaikan) Al-Qur'an itu akan mengembalikan engkau semula ke tempat kepulangan (mu). Katakanlah: Tuhanku amat mengetahui siapakah yang membawa hidayat dan siapakah yang berada di dalam kesesatan yang amat nyata?"(85)

Rasulullah Dijanjikan Pulang Kembali Ke Makkah

Maksudnya, Allah tidak sekali-kali akan membiarkan engkau begitu sahaja kepada kaum Musyrikin, sedangkan Dia telah mewajibkan engkau menyampaikan Al-Qur'an dan da'wah-Nya. Allah tidak sekali-kali akan membiarkan engkau begitu sahaja kepada kaum Musyrikin yang mengusirmu dari negeri tumpah darahmu yang tercinta, dan bertindak sewenang-wenang terhadapmu dan terhadap da'wahmu serta menindas orang-orang yang beriman yang ada di sekelilingmu, tetapi Allah yang telah mewajibkan engkau menyampaikan Al-Qur'an itu akan tetap menolongmu pada masa yang telah ditentukan-Nya. Pada hari ini engkau diusir keluar dari negerimu dan diburu, tetapi besok engkau akan diberi pertolongan pulang kepada-Nya (membawa kemenangan).

Demikianlah kehendak hikmat kebijaksanaan Allah menurunkan janji yang kuat ini dalam masa yang gawat itu agar Nabi s.a.w. meneruskan perjalanannya dengan aman dan penuh keyakinan, iaitu yakin kepada janji Allah yang diketahuinya amat benar dan tidak pernah diraguinya walaupun sesa'at.

Sesungguhnya janji Allah itu tetap dikotakan kepada setiap mereka yang berjalan dijalan-Nya. Tiada seorang pun yang ditindas kerana perjuangan Sabilullah, kemudian dia bersabar dan terus yakin, melainkan pada akhirnya dia akan tetap ditolongi Allah dalam menghadapi kezaliman itu dan Allah akan mengambil alih teraju perjuangan itu dari tangan-nya apabila dia berjuang dengan mengorbankan segala apa yang ada di dalam lingkungan kemampuan dan keupayaan-nya dan apabila dia melaksanakan tugas-tugas yang terpikul di atas bahunya dan apabila dia menunaikan segala kewajipannya.

"Sesungguhnya Allah yang telah mewajibkan ke atasmu (menyampaikan) Al-Qur'an itu akan mengembalikan engkau semula ke tempat kepulangan (mu)", sebelum ini Allah telah pun mengembalikan Nabi Musa a.s. ke negeri tumpah darahnya, yang telah ditinggalkannya kerana melarikan diri dari buruan Fir'aun. Dia telah mengembalikan Musa ke negerinya dan dengannya dia menyelamatkan kaumnya yang tertindas dan dengannya dia menghancurkan Fir'aun dan kaumnya. Akibat yang baik itu tetap diperolehi oleh orang-orang yang menerima hidayat. Oleh itu teruskanlah perjalananmu dan tinggalkan sahaja urusan penentuan di antaramu dan kaummu itu kepada Allah yang telah mewajibkan ke atasmu (menyampaikan) Al-Qur'an itu.

قُلْ رَّبِّىٓ أَعْلَمُ مَن جَآءَ بِٱلْهُدَىٰ وَمَنْ هُوَ فِى ضَلَٰلٍ



"Katakanlah: Tuhanku amat mengetahui siapakah yang membawa hidayat dan siapakah yang berada di dalam kesesatan yang amat nyata?"(85)

Tinggalkan sahaja urusan ini kepada Allah. Dialah yang akan menentukan balasan kepada orang-orang yang menerima hidayat dan orang-orang yang sesat.

Tugas penyampaian Al-Qur'an yang diwajibkan ke atasmu itu tidak lain melainkan hanya suatu ni'mat dan rahmat yang dikurniakan kepadamu sahaja, kerana sebelum ini tidak pernah terlintas di dalam hatimu bahawa engkaulah orang yang akan dipilih Allah, untuk memikul amanah ini. Ia merupakan satu kedudukan yang amat besar yang tidak pernah diangan-angankan oleh engkau sebelum ia dikurniakan kepadamu:

وَمَا كُنتَ تَرْجُوٓا۟ أَن يُلْقَىٰٓ إِلَيْكَ ٱلْكِتَٰبُ
إِلَّا رَحْمَةً مِّن رَّبِّكَ

"Dan engkau tidak pernah mengharapkan kitab Al-Qur'an itu diturunkan kepadamu, tetapi (ia diturunkan) semata-mata kerana limpah rahmat dari Tuhanmu."(86)

Rasulullah Tidak Pernah Berangan-angan Menjadi Rasul

Ini adalah suatu keterangan yang amat jelas bahawa Rasulullah s.a.w. tidak pernah berangan-angan untuk menjadi Rasul, malah kerasulannya itu adalah dari pilihan Allah semata-mata, kerana Dialah yang mencipta dan memilih apa sahaja yang dikehendaki-Nya, kerana maqam kerasulan ini terlalu tinggi untuk difikirkan seseorang manusia sebelum dia dipilih oleh Allah dan sebelum dia dilengkapkan dengan kelayakan-kelayakan untuk mendaki ke maqam itu. Kerasulan itu merupakan limpah rahmat dari Allah untuk nabi-Nya dan untuk umat manusia. Dialah yang memilih beliau untuk memberi hidayat kepada mereka dengan risalah ini. Maqam kerasulan itu merupakan limpah rahmat yang dikurniakan kepada orang-orang yang dipilih Allah bukan kepada orang-orang yang berangan-angan mendapatkannya.

فَلَا تَكُونَنَّ ظَهِيرًا لِّلْكَٰفِرِينَ ﴿٨٦﴾

"Oleh kerana itu, janganlah sekali-kali engkau menjadi penyokong kepada orang-orang kafir."(86)

وَلَا يَصُدُّنَّكَ عَنْ ءَايَٰتِ ٱللَّهِ بَعْدَ إِذْ أُنزِلَتْ إِلَيْكَ
وَٱدْعُ إِلَىٰ رَبِّكَ وَلَا تَكُونَنَّ مِنَ ٱلْمُشْرِكِينَ ﴿٨٧﴾

وَلَا تَدْعُ مَعَ ٱللَّهِ إِلَٰهًا ءَاخَرَ لَآ إِلَٰهَ إِلَّا هُوَ كُلُّ شَىْءٍ
هَالِكٌ إِلَّا وَجْهَهُۥ لَهُ ٱلْحُكْمُ وَإِلَيْهِ تُرْجَعُونَ ﴿٨٨﴾

"Dan janganlah sekali-kali mereka menghalangkan engkau dari (menyampaikan) ayat-ayat Allah sesudah diturunkan kepadamu, dan serulah mereka kepada Tuhanmu dan janganlah sekali-kali engkau termasuk dalam golongan orang-orang yang mempersekutukan Allah(87). Dan janganlah engkau sembah di samping Allah mana-mana tuhan yang lain. Tiada tuhan melainkan Dia. Segala sesuatu itu adalah binasa belaka kecuali Allah. Dialah yang memiliki (teraju) keputusan dan kepada-Nyalah kamu kelak dikembalikan."(88)

Dasar-dasar Da'wah Yang Teguh

Itulah nada kenyataan yang akhir surah ini, iaitu kenyataan yang memisahkan hubungan di antara Rasul dan jalan da'wahnya dengan jalan kekufuran dan kesyirikan. Dan ia juga menjelaskan kepada para pengikut Rasulullah s.a.w. jalan agama mereka sehingga hari Qiamat. Itulah nada kenyataan yang akhir yang disampaikan kepada Rasulullah s.a.w. semasa beliau berada di dalam perjalanan hijrahnya, yang memisahkan di antara dua zaman yang berlainan dari zaman-zaman yang bersejarah itu.

"Oleh kerana itu janganlah sekali-kali engkau menjadi penyokong kepada orang-orang kafir" kerana tidak seharusnya ada kerjasama atau saling membantu di antara para Mu'minin dengan orang-orang kafir. Jalan dan cara hidup kedua-dua golongan itu adalah berlain-lainan. Golongan Mu'minin merupakan Hizbullah, sedangkan golongan kafir merupakan Hizbusy-syaitan. Oleh itu, bagaimana dan untuk apa kedua-duanya mahu bekerjasama?

"Dan janganlah sekali-kali mereka menghalangkan engkau dari (menyampaikan) ayat-ayat Allah sesudah diturunkan kepadamu". Jalan orang-orang kafir selama-lamanya ialah menghalangkan penda'wah-penda'wah dari menyampaikan da'wah mereka dengan menggunakan bermacam-macam cara dan sarana, sedangkan jalan orang-orang yang beriman ialah meneruskan perjalanan agama mereka tanpa menghiraukan gugatan para penghalang. Mereka tidak seharusnya dihalangkan musuh-musuh mereka dari agama mereka, sedangkan di hadapan mereka terletak ayat-ayat Allah yang diamanahkan kepada mereka.

"Dan serulah mereka kepada Tuhanmu" iaitu da'wah yang bersih dan jelas, tidak ada sebarang kesamaran dan kekeliruan, iaitu da'wah kepada Allah bukan kepada perkauman dan bukan pula kepada 'asabiyah, bukan kerana negeri, bukan kerana bendera, bukan kerana kepentingan diri dan bukan kerana keuntungan dunia dan bukan kerana memenuhi keinginan hawa nafsu. Barang siapa yang ingin mengikut da'wah ini dalam bentuknya yang bersih dari tujuan-tujuan yang lain, maka silalah ikutinya dan barang siapa yang menghendaki sesuatu tujuan yang lain di samping da'wah itu, maka ini bukanlah jalan untuknya.

"Dan janganlah sekali-kali engkau termasuk di dalam golongan orang-orang yang mempersekutukan Allah dan janganlah engkau sembah di samping Allah mana-mana tuhan yang lain," dasar ini ditegaskan sebanyak dua kali. Sekali dengan melarangkan perbuatan syirik dan sekali lagi dengan melarangkan amalan menyembah Tuhan yang lain di samping Allah, kerana di sinilah letaknya persimpangan jalan yang memisahkan di antara jalan yang bersih dan jelas dengan jalan yang keliru dan samar-samar. Di atas dasar inilah ditegakkan seluruh 'aqidah Islam, adab-adab dan aturannya, akhlak-akhlaknya, tugas-tugas dan kewajipan-kewajipan yang diatur olehnya dan seluruh peraturan dan undang-undangnya. Ia merupakan paksi di mana berlegarnya, segala bimbingan dan perundangan. Oleh sebab itulah dasar ini disebut sebelum segala bimbingan dan perundangan.

Kemudian Al-Qur'an meneruskan lagi penegasan dan penjelasannya **"Tiada Tuhan melainkan Dia (Allah)"** segala sesuatu itu adalah binasa belaka kecuali Allah... **"Dialah yang memiliki (teraju) keputusan..." "dan kepada-Nyalah kamu kelak dikembalikan."**

"Tiada tuhan melainkan Dia" Justeru itu tiada penyerahan diri melainkan kepada Allah dan tiada perhambaan diri melainkan kepada Allah, tiada kekuatan yang lain melainkan kekuatan-Nya dan tiada tempat perlindungan yang lain melainkan naungan-Nya.

"Segala sesuatu itu adalah binasa belaka kecuali Allah", oleh kerana itu segala sesuatu itu berakhir musnah dan hilang. Harta kekayaan, pangkat kebesaran, kuasa dan kekuatan, hayat dan keni'matan hidup, bumi dengan segala penghuninya, langit dengan segala isi dan penghuninya, alam buana seluruhnya sama ada yang telah diketahui kita atau yang belum diketahui kita adalah semuanya berakhir dengan musnah dan binasa. Tiada yang tinggal kekal melainkan hanya Allah Yang Maha Kekal dan Maha Esa dengan sifat kekal.

"Dialah yang memiliki (teraju) keputusan" yakni Dialah yang membuat keputusan dan penentuan mengikut apa dan bagaimana yang dikehendaki-Nya. Tiada siapa pun yang berkongsi keputusan dan penentuan dengan-Nya dan tiada siapa pun yang berkuasa menolak keputusan-Nya dan tiada sesuatu pun yang berkuasa mengganggu urusan-Nya. Hanya apa yang dikehendaki Allah sahaja yang wujud dan tiada yang lain dari-Nya.

"Dan kepada-Nyalah kamu kelak dikembalikan", oleh kerana itu tiada jalan yang dapat

melarikan diri dari hukuman dan keputusan-Nya dan tiada tempat perlindungan dan tiada tempat lari dari-Nya.

******

Demikianlah ditamatkan surah ini, di mana dapat dilihat campurtangan qudrat Ilahi yang terbuka mengawasi dan melindungi da'wah Allah, iaitu campurtangan yang menghancur dan menghapuskan kekuatan-kekuatan dan kuasa-kuasa yang zalim dan bermaharajalela. Ia ditamatkan dengan menjelaskan dasar yang menjadi tapak asas da'wah, iaitu dasar tauhid atau keesaan Allah S.W.T., dasar ketungggalan-Nya dengan sifat Uluhiyah dan baqa', dan dasar ketunggalan-Nya memegang teraju penentuan dan keputusan supaya para penda'wah dapat meneruskan perjalanan (dan perjuangan) mereka dengan bersuluhkan hidayat dan dengan penuh keyakinan dan kepercayaan.

******

JUZU' KE-20

SURAH AL- 'ANKABUT

سُورَةُ الْعَنْكَبُوتِ

SURAH AL-'ANKABUT

SURAH KE **29**

JUMLAH AYAT **69**

Surah Labah-Labah

(Makkiyah)

بِسۡمِ ٱللَّهِ ٱلرَّحۡمَٰنِ ٱلرَّحِيمِ

Dengan nama Allah
Yang Maha Penyayang dan Maha Pengasih

(Kumpulan ayat-ayat 1 - 13)

الٓمٓ ١
أَحَسِبَ ٱلنَّاسُ أَن يُتۡرَكُوٓاْ أَن يَقُولُوٓاْ ءَامَنَّا وَهُمۡ
لَا يُفۡتَنُونَ ٢
وَلَقَدۡ فَتَنَّا ٱلَّذِينَ مِن قَبۡلِهِمۡۖ فَلَيَعۡلَمَنَّ ٱللَّهُ ٱلَّذِينَ صَدَقُواْ
وَلَيَعۡلَمَنَّ ٱلۡكَٰذِبِينَ ٣
أَمۡ حَسِبَ ٱلَّذِينَ يَعۡمَلُونَ ٱلسَّيِّـَٔاتِ أَن يَسۡبِقُونَاۚ
سَآءَ مَا يَحۡكُمُونَ ٤
مَن كَانَ يَرۡجُواْ لِقَآءَ ٱللَّهِ فَإِنَّ أَجَلَ ٱللَّهِ لَأٓتٖۚ وَهُوَ
ٱلسَّمِيعُ ٱلۡعَلِيمُ ٥
وَمَن جَٰهَدَ فَإِنَّمَا يُجَٰهِدُ لِنَفۡسِهِۦٓۚ إِنَّ ٱللَّهَ لَغَنِيٌّ عَنِ
ٱلۡعَٰلَمِينَ ٦
وَٱلَّذِينَ ءَامَنُواْ وَعَمِلُواْ ٱلصَّٰلِحَٰتِ لَنُكَفِّرَنَّ عَنۡهُمۡ
سَيِّـَٔاتِهِمۡ وَلَنَجۡزِيَنَّهُمۡ أَحۡسَنَ ٱلَّذِي كَانُواْ يَعۡمَلُونَ ٧
وَوَصَّيۡنَا ٱلۡإِنسَٰنَ بِوَٰلِدَيۡهِ حُسۡنٗاۖ وَإِن جَٰهَدَاكَ
لِتُشۡرِكَ بِي مَا لَيۡسَ لَكَ بِهِۦ عِلۡمٞ فَلَا تُطِعۡهُمَآۚ إِلَيَّ
مَرۡجِعُكُمۡ فَأُنَبِّئُكُم بِمَا كُنتُمۡ تَعۡمَلُونَ ٨
وَٱلَّذِينَ ءَامَنُواْ وَعَمِلُواْ ٱلصَّٰلِحَٰتِ لَنُدۡخِلَنَّهُمۡ فِي
ٱلصَّٰلِحِينَ ٩
وَمِنَ ٱلنَّاسِ مَن يَقُولُ ءَامَنَّا بِٱللَّهِ فَإِذَآ أُوذِيَ فِي ٱللَّهِ
جَعَلَ فِتۡنَةَ ٱلنَّاسِ كَعَذَابِ ٱللَّهِۖ وَلَئِن جَآءَ نَصۡرٞ مِّن
رَّبِّكَ لَيَقُولُنَّ إِنَّا كُنَّا مَعَكُمۡۚ أَوَلَيۡسَ ٱللَّهُ بِأَعۡلَمَ
بِمَا فِي صُدُورِ ٱلۡعَٰلَمِينَ ١٠
وَلَيَعۡلَمَنَّ ٱللَّهُ ٱلَّذِينَ ءَامَنُواْ وَلَيَعۡلَمَنَّ
ٱلۡمُنَٰفِقِينَ ١١
وَقَالَ ٱلَّذِينَ كَفَرُواْ لِلَّذِينَ ءَامَنُواْ ٱتَّبِعُواْ
سَبِيلَنَا وَلۡنَحۡمِلۡ خَطَٰيَٰكُمۡ وَمَا هُم بِحَٰمِلِينَ
مِنۡ خَطَٰيَٰهُم مِّن شَيۡءٍۖ إِنَّهُمۡ لَكَٰذِبُونَ ١٢
وَلَيَحۡمِلُنَّ أَثۡقَالَهُمۡ وَأَثۡقَالٗا مَّعَ أَثۡقَالِهِمۡۖ وَلَيُسۡـَٔلُنَّ
يَوۡمَ ٱلۡقِيَٰمَةِ عَمَّا كَانُواْ يَفۡتَرُونَ ١٣

"Alif. Laam. Miim(1). Apakah manusia mengira bahawa mereka akan dibiarkan dengan hanya berkata: Kami telah beriman, sedangkan mereka belum lagi diuji(2). Dan sesungguhnya Kami telah menguji orang-orang yang terdahulu dari mereka, maka sesungguhnya Allah mengetahui siapakah orang-orang yang benar beriman, dan mengetahui siapakah orang-orang yang berdusta?(3). Atau apakah orang-orang yang mengerjakan kejahatan itu mengira bahawa mereka akan terlepas dari ('azab) Kami? Alangkah buruknya keputusan yang ditetapkan mereka(4). Barang siapa yang mengharapkan pertemuan dengan Allah, maka sesungguhnya masa pertemuan yang dijanjikan itu tetap akan tiba, dan Allah Maha Mendengar dan Maha Mengetahui(5). Dan barang siapa yang berjihad, maka sesungguhnya dia berjihad untuk (kebaikan) dirinya sendiri. Sesungguhnya Allah Maha Kaya dari sekalian makhluk(6). Dan orang-orang yang beriman dan mengerjakan amalan-amalan yang soleh sesungguhnya Kami akan menghapuskan kesalahan-kesalahan mereka dan memberi sebaik-baik balasan yang lebih baik dari amalan yang dilakukan mereka(7). Dan Kami telah memerintah manusia berbuat baik kepada dua ibu bapanya dan jika kedua-duanya mendesak engkau supaya mempersekutukan-Ku dengan

sesuatu yang engkau tidak mengetahuinya, maka janganlah engkau ta'at kepada keduanya. Kepada-Kulah kembalinya kamu dan kelak Aku akan menerangkan kepada kamu segala perbuatan yang dilakukan kamu(8). Dan orang-orang yang beriman dan mengerjakan amalan-amalan yang soleh sesungguhnya Kami akan masukkan mereka ke dalam golongan para Solehin(9). Dan di antara manusia ada yang berkata: Kami beriman kepada Allah, kemudian apabila dia ditindas kerana beriman kepada Allah, dia jadikan dugaan manusia itu sama dengan 'azab Allah, dan jika datang pertolongan kemenangan dari Tuhanmu, mereka akan berkata: Sesungguhnya kami tetap bersama kamu. Bukankah Allah lebih mengetahui apa yang terpendam di dalam hati semesta alam(10). Dan sesungguhnya Allah mengetahui siapakah orang-orang yang beriman dan mengetahui siapakah orang-orang yang munafiq?(11) Dan orang-orang kafir berkata kepada orang-orang yang beriman: Ikutilah jalan kami dan biarlah kami tanggung dosa-dosa kamu, sedangkan sebenarnya mereka tidak akan dapat menanggung sedikit pun dari dosa-dosa mereka. Sesungguhnya mereka adalah pendusta-pendusta(12). Dan sesungguhnya mereka akan menanggung beban-beban (dosa) mereka dan beban (dosa orang lain yang disesatkan mereka) bersama dosa-dosa mereka sendiri, dan sesungguhnya mereka akan ditanya pada hari Qiamat tentang pembohongan-pembohongan yang telah diada-adakan mereka."(13).

(Latar belakang dan pokok pembicaraan)

Surah al-'Ankabut adalah Surah Makkiyah. Setengah-setengah riwayat telah menyebut bahawa sebelas ayat pertama adalah diturunkan di Madinah. Hal yang sedemikian kerana adanya sebutan perkara "jihad" dan perkara "orang-orang Munafiqin", tetapi kami tarjihkan bahawa ayat-ayat surah ini semuanya diturunkan di Makkah, kerana ada riwayat mengenai sebab turunnya ayat yang kelapan mengatakan bahawa ayat ini adalah diturun kerana berkaitan dengan Sa'd ibn Abu Waqqas memeluk agama Islam sebagaimana akan dijelaskan nanti. Peristiwa Sa'd ibn Abu Waqqas memeluk Islam tidak syak lagi berlaku di Makkah, dan ayat yang kelapan ini adalah termasuk di dalam kumpulan sebelas ayat yang dikatakan turun di Madinah. Oleh sebab itulah kami tarjihkan bahawa seluruh ayat surah ini adalah Makkiyah belaka. Adapun tafsiran mengenai jihad di dalam surah ini amat sedikit sekali kerana ia hanya menjelaskan mengenai jihad melawan ujian iaitu jihad di dalam jiwa supaya bersabar dan tidak tergugat dengan tindasan manusia. Ini amat jelas dapat difaham dari penerangan ayat-ayat itu sendiri. Begitu juga sebutan perkara "nifaq" di dalam surah ini hanya bertujuan untuk menggambarkan keadaan contoh sebahagian manusia sahaja.

Seluruh surah ini mempunya ikatan yang padu dalam satu garis dari awal hingga akhir.

Surah ini dimulakan selepas huruf-huruf potongan dengan penjelasan mengenai iman dan ujian, mengenai tugas-tugas keimanan yang sebenar yang mendedahkan mutu kualiti jiwa manusia, kerana iman itu bukannya hanya kata-kata yang dituturkan lidah, malah keimanan ialah kesabaran menanggung kesulitan-kesulitan dan memikul tugas-tugas yang wujud di jalan kalimat iman yang memang penuh dengan kesulitan-kesulitan dan tugas-tugas itu.

Persoalan iman dan ujian hampir-hampir merupakan paksi dan pokok dari pembicaraan surah ini. Seluruh penjelasannya selepas bahagian permulaan itu membentangkan kisah Nabi Nuh, Ibrahim, Lut a.s. dan kisah-kisah 'Ad, Thamud, Qarun, Fir'aun dan Haman. Semuanya dibentangkan secara sepintas lalu dengan menggambarkan aneka halangan dan ujian yang wujud di jalan da'wah kepada keimanan itu di sepanjang sejarah generasi manusia.

Kisah-kisah yang mendedahkan berbagai-bagai kekuatan dan kuasa-kuasa yang menentang kebenaran dan hidayat ini diiringi dengan satu kesimpulan yang memperkecilkan kekuatan dan kuasa-kuasa itu, dan semua kekuatan dan kuasa-kuasa itu telah dibinasakan Allah:

فَكُلًّا أَخَذْنَا بِذَنۢبِهِۦ ۖ فَمِنْهُم مَّنْ أَرْسَلْنَا عَلَيْهِ
حَاصِبًا وَمِنْهُم مَّنْ أَخَذَتْهُ ٱلصَّيْحَةُ وَمِنْهُم
مَّنْ خَسَفْنَا بِهِ ٱلْأَرْضَ وَمِنْهُم مَّنْ أَغْرَقْنَا ۚ

"Setiap mereka telah Kami binasakan dengan sebab dosa masing-masing. Di antara mereka ada yang Kami timpakan hujan batu ke atas mereka, dan di antara mereka pula ada yang dibinasakan oleh bahana yang dahsyat, dan di antara mereka lagi ada yang Kami benamkan ke dalam bumi dan di antara mereka ada yang Kami tenggelamkan."(40)

Al-Qur'an mengemukakan satu perbandingan yang menggambarkan kelemahan dan kekerdilan kekuatan-kekuatan dan kuasa-kuasa itu.

مَثَلُ ٱلَّذِينَ ٱتَّخَذُوا۟ مِن دُونِ ٱللَّهِ أَوْلِيَآءَ
كَمَثَلِ ٱلْعَنكَبُوتِ ٱتَّخَذَتْ بَيْتًا ۖ وَإِنَّ
أَوْهَنَ ٱلْبُيُوتِ لَبَيْتُ ٱلْعَنكَبُوتِ ۚ لَوْ كَانُوا۟
يَعْلَمُونَ ﴿٤١﴾

"Bandingan mereka yang mengambil pelindung-pelindung selain dari Allah adalah seperti labah-labah yang membuat rumah dan sesungguhnya rumah yang paling lemah ialah rumah labah-labah jika mereka mengetahui."(41)

Setelah itu Al-Qur'an hubungkan pula di antara lunas kebenaran yang wujud di dalam da'wah-da'wah (para rasul itu) dengan lunas kebenaran yang wujud di dalam penciptaan langit dan bumi, kemudian ia gabungkan seluruh da'wah (para rasul) itu dengan da'wah Nabi Muhammad s.a.w. yang semuanya datang dari Allah. Seluruhnya hanya merupakan satu da'wah kepada Allah. Kerana itu Al-Qur'an terus memperkatakan tentang kitab suci yang akhir dan bagaimana sambutan kaum Musyrikin terhadapnya. Mereka menuntut mu'jizat-mu'jizat yang lain tanpa

merasa cukup dengan kitab suci ini yang membawa rahmat dan pengajaran kepada kaum yang beriman. Mereka menggesa supaya disegerakan 'azab yang dijanjikan Allah itu, sedangkan Neraka Jahannam tetap akan mengepung orang-orang kafir, dan mereka bercakap dengan logik yang bertentangan:

وَلَئِن سَأَلْتَهُم مَّنْ خَلَقَ السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضَ وَسَخَّرَ
الشَّمْسَ وَالْقَمَرَ لَيَقُولُنَّ اللَّهُ ۖ فَأَنَّىٰ يُؤْفَكُونَ ﴿٦١﴾

"Dan jika engkau tanyakan mereka: Siapakah yang telah menciptakan langit dan bumi dan menundukkan matahari dan bulan, nescaya mereka menjawab: Allah. Oleh itu bagaimana mereka boleh dipesongkan?(61)

وَلَئِن سَأَلْتَهُم مَّن نَّزَّلَ مِنَ السَّمَاءِ مَاءً فَأَحْيَا بِهِ
الْأَرْضَ مِن بَعْدِ مَوْتِهَا لَيَقُولُنَّ اللَّهُ ۚ قُلِ الْحَمْدُ لِلَّهِ ۚ
بَلْ أَكْثَرُهُمْ لَا يَعْقِلُونَ ﴿٦٣﴾

"Dan jika engkau bertanya mereka, siapakah yang menurunkan air hujan dari langit lalu menghidupkan bumi dengannya sesudah ia mati, nescaya mereka menjawab: Katakanlah: Segala kepujian itu terpulang kepada Allah, tetapi kebanyakan mereka tidak berakal."(63)

فَإِذَا رَكِبُوا فِي الْفُلْكِ دَعَوُا اللَّهَ مُخْلِصِينَ لَهُ الدِّينَ

"Dan apabila mereka menaiki kapal mereka berdo'a kepada Allah dengan menumpukan keta'atan kepada-Nya."(65)

Namun demikian mereka tetap mempersekutukan Allah dan menindas orang-orang yang beriman.

Di tengah-tengah soal jawab itu Al-Qur'an menyeru orang-orang Mu'min supaya berhijrah menyelamatkan agama mereka dari penindasan tanpa gentar kepada maut kerana:

كُلُّ نَفْسٍ ذَائِقَةُ الْمَوْتِ ۖ ثُمَّ إِلَيْنَا تُرْجَعُونَ ﴿٥٧﴾

"Tiap-tiap yang bernyawa itu akan merasa kematian kemudian kepada Kami kamu sekalian dikembalikan."(57)

Dan tanpa takut kepada kehilangan punca rezeki kerana:

وَكَأَيِّن مِّن دَابَّةٍ لَّا تَحْمِلُ رِزْقَهَا اللَّهُ يَرْزُقُهَا
وَإِيَّاكُمْ ۚ وَهُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ ﴿٦٠﴾

"Dan berapa banyak binatang yang tidak dapat menanggung rezekinya. Allahlah yang memberi rezeki kepadanya dan kepada kamu. Dan Dia Maha Mendengar dan Maha Mengetahui."(60)

Surah ini diakhiri dengan memuji orang-orang yang bermujahadah kerana jalan Allah dan mengukuhkan pendirian dan keyakinan mereka kepada hidayat:

وَالَّذِينَ جَاهَدُوا فِينَا لَنَهْدِيَنَّهُمْ سُبُلَنَا ۚ وَإِنَّ
اللَّهَ لَمَعَ الْمُحْسِنِينَ ﴿٦٩﴾

"Dan orang-orang yang berjihad untuk mendapat keredhaan Kami, Kami tetap menunjukkan kepada mereka jalan-jalan Kami dan sesungguhnya Allah tetap bersama para Muhsinin."(69)

Dengan ini terjalinlah persesuaian di antara awal surah dengan akhirnya, dan jelaslah hikmat dari seluruh penerangan surah dan hubungan yang padu ayat-ayatnya di antara bahagian awal dengan bahagian akhir yang berkisar di sekitar paksi dan pokok pembicaraannya yang utama itu.

******

Penerangan surah ini berlegar di sekitar paksi yang tunggal itu dalam tiga pusingan:

Pusingan yang pertama membicarakan hakikat iman, undang-undang ujian dan dugaan, kesudahan orang-orang Mu'min, orang-orang Munafiq dan orang-orang kafir, kemudian menjelaskan konsep tanggungjawab individu, iaitu seseorang itu tidak akan dapat menanggung dosa orang lain sedikit pun pada hari Qiamat:

وَلَيَحْمِلُنَّ أَثْقَالَهُمْ وَأَثْقَالًا مَّعَ أَثْقَالِهِمْ ۖ وَلَيُسْأَلُنَّ
يَوْمَ الْقِيَامَةِ عَمَّا كَانُوا يَفْتَرُونَ ﴿١٣﴾

"Dan sesungguhnya mereka akan ditanya pada hari Qiamat tentang pembohongan-pembohongan yang telah diada-adakan mereka."(13)

Pusingan yang kedua membentangkan kisah-kisah yang telah kita sebutkan tadi dan memuatkan gambaran ujian-ujian dan halangan-halangan yang dihadapi oleh da'wah-da'wah dan para penda'wahnya, dan pada akhirnya memperkecilkan kekuatan halangan-halangan itu apabila dibandingkan dengan kekuatan Allah. Pusingan ini juga memperkatakan tentang "lunas kebenaran" yang wujud dalam da'wah para rasul itu iaitu "lunas kebenaran" yang sama dengan "lunas kebenaran" yang wujud di dalam penciptaan langit dan bumi, semuanya datang dari sisi Allah belaka.

Pusingan yang ketiga mengemukakan larangan berbantah dengan Ahlil-Kitab melainkan dengan cara yang baik kecuali dengan orang-orang yang zalim dari mereka, juga memperkatakan tentang kesatuan seluruh agama yang lampau dan persatuan agama-agama itu dengan agama yang akhir yang disangkalkan oleh orang-orang kafir dan dipertikaikan oleh kaum Musyrikin. Kemudian pusingan ini diakhiri dengan mengukuhkan pendirian, menyampaikan berita gembira dan memberi ketenteraman kepada orang-orang yang berjihad kerana Allah dan menerima hidayat ke jalan Allah:

إِنَّ ٱللَّهَ لَمَعَ ٱلْمُحْسِنِينَ ﴿٦٩﴾

"Sesungguhnya Allah adalah bersama para Muhsinin."(69)

Surah ini dari awal hingga akhir diselangi dengan nada-nada kenyataan yang kuat dan mendalam di sekitar konsep keimanan dan hakikatnya. Kenyataan-kenyataan itu menggoncang dan menggerakkan kesedaran manusia dengan sekuat-kuatnya. Ia meletakkan manusia di hadapan tugas-tugas keimanan dengan tegas dan serius iaitu sama ada mereka sanggup memikul tugas-tugas itu atau melepaskan diri darinya. Jika tidak, maka itulah sikap nifaq atau talam dua muka yang dikecamkan Allah.

Itulah nada-nada kenyataan yang tidak dapat digambar dengan kenyataan-kenyataan yang lain dari nas-nas Al-Qur'an yang mengemukakannya. Cukuplah kami sebutkan sekadar ini di sini dan kami akan jelaskannya semula apabila sampai pada tempatnya di dalam penerangan surah ini.

******

(Pentafsiran ayat 1 - 7)

الٓمٓ ﴿١﴾

"Alif. Laam. Miim."(1)

Tafsiran huruf-huruf potongan yang kami pilih ialah huruf-huruf itu bertujuan menyedarkan bahawa bahan kitab suci Al-Qur'an yang telah diturunkan Allah kepada Rasul-Nya Muhammad s.a.w. adalah digubah dari huruf-huruf yang seperti ini, iaitu huruf-huruf yang terkenal di kalangan kaum Arab dan dapat digunakan dengan mudah oleh mereka untuk mengarang dan menyusun kata-kata yang dikehendaki mereka, tetapi mereka tidak mampu menyusun dengan huruf ini sebuah karangan yang setanding dengan kitab suci Al-Qur'an kerana Al-Qur'an adalah dari gubahan Allah bukannya dari ciptaan manusia.

Setiap Surah Yang Dimulakan Dengan Huruf-huruf Potongan Memperkatakan Tentang Al-Qur'an

Sebelum ini kami telah jelaskan bahawa surah-surah yang dimulakan dengan huruf potongan ini adalah mengandungi pembicaraan mengenai Al-Qur'an sama ada secara langsung selepas huruf ini atau di tengah-tengah surah sebagaimana yang berlaku di dalam surah ini iaitu:

ٱتْلُ مَآ أُوحِىَ إِلَيْكَ مِنَ ٱلْكِتَٰبِ

"Bacalah apa yang diwahyukan kepadamu dari kitab Al-Qur'an ini."(45)

وَكَذَٰلِكَ أَنزَلْنَآ إِلَيْكَ ٱلْكِتَٰبَ ۚ

"Dan demikianlah Kami turunkan kitab Al-Qur'an kepadamu."(47)

وَمَا كُنتَ تَتْلُوا۟ مِن قَبْلِهِۦ مِن كِتَٰبٍ وَلَا تَخُطُّهُۥ بِيَمِينِكَ ۖ

"Dan engkau sama sekali tidak pernah membaca sebarang kitab sebelumnya (Al-Qur'an) dan tidak juga pernah menulis (sebarang kitab) dengan tangan kananmu."(48)

أَوَلَمْ يَكْفِهِمْ أَنَّآ أَنزَلْنَا عَلَيْكَ ٱلْكِتَٰبَ يُتْلَىٰ عَلَيْهِمْ ۚ

"Apakah tidak cukup kepada mereka Kami turunkan kepadamu Al-Qur'an yang dibacakan kepada mereka."(51)

Ini adalah sesuai dengan kaedah yang telah kami pilih untuk mentafsirkan huruf-huruf potongan ini di permulaan surah-surah.

Keimanan Dan Ujian

Selepas huruf pembukaan ini Al-Qur'an mula membicarakan persoalan iman dan ujian yang dihadapi oleh orang-orang yang beriman untuk menegakkan keimanan ini dan mendedahkan orang-orang yang benar-benar beriman dan orang-orang yang dusta dengan perantaraan ujian dan dugaan itu:

أَحَسِبَ ٱلنَّاسُ أَن يُتْرَكُوٓا۟ أَن يَقُولُوٓا۟ ءَامَنَّا وَهُمْ لَا يُفْتَنُونَ ﴿٢﴾

وَلَقَدْ فَتَنَّا ٱلَّذِينَ مِن قَبْلِهِمْ ۖ فَلَيَعْلَمَنَّ ٱللَّهُ ٱلَّذِينَ صَدَقُوا۟ وَلَيَعْلَمَنَّ ٱلْكَٰذِبِينَ ﴿٣﴾

"Apakah manusia mengira bahawa mereka akan dibiarkan dengan hanya berkata: Kami telah beriman, sedangkan mereka belum lagi diuji(2). Dan sesungguhnya Kami telah menguji orang-orang yang terdahulu dari mereka, maka sesungguhnya Allah mengetahui siapakah orang-orang yang benar beriman, dan mengetahui siapakah orang-orang yang berdusta"(3)

Itulah nada kenyataan yang pertama di dalam sepotong ayat yang kuat dari surah ini. Kenyataan itu dibuat dalam bentuk pertanyaan mengecam tanggapan manusia terhadap konsep keimanan dan terhadap sangkaan mereka bahawa keimanan itu hanya merupakan sebuah kata-kata yang dituturkan oleh lidah sahaja.

أَحَسِبَ ٱلنَّاسُ أَن يُتْرَكُوٓا۟ أَن يَقُولُوٓا۟ ءَامَنَّا وَهُمْ لَا يُفْتَنُونَ ﴿٢﴾

"Apakah manusia mengira bahawa mereka akan dibiarkan dengan hanya berkata: Kami telah beriman, sedangkan belum lagi diuji?"(2)

Sesungguhnya iman itu bukanlah sebuah kata-kata yang diucap, malah iman adalah suatu hakikat yang mempunyai tugas-tugasnya, suatu amanah yang mempunyai beban-beban tanggungjawabnya, suatu jihad yang memerlukan kesabaran dan suatu perjuangan yang memerlukan ketabahan. Manusia tidak cukup dengan hanya berkata: **"Kami telah beriman"(آمنا).** Mereka tidak dibiarkan membuat dakwaan seperti itu sehingga mereka terdedah kepada ujian dan membuktikan kebenaran dakwaan mereka dan keluar dari ujian itu dengan hati yang bersih sebagaimana api menguji emas untuk memisahkan unsur-unsur logam yang murah yang melekat padanya. Inilah makna asal kata-kata ujian dari segi bahasa. Ia mempunyai tujuannya, bayangannya dan saranannya dan begitulah juga ujian itu bertindak pada hati manusia.

Ujian terhadap keimanan merupakan satu dasar dan peraturan yang tetap berlaku di dalam neraca pertimbangan Allah S.W.T.:

وَلَقَدْ فَتَنَّا ٱلَّذِينَ مِن قَبْلِهِمْ ۖ فَلَيَعْلَمَنَّ ٱللَّهُ ٱلَّذِينَ صَدَقُوا۟ وَلَيَعْلَمَنَّ ٱلْكَٰذِبِينَ ۝٣

"Dan sesungguhnya Kami telah menguji orang-orang yang terdahulu dari mereka, maka sesungguhnya Allah mengetahui siapakah orang-orang yang benar beriman, dan mengetahui siapakah orang-orang yang berdusta."(3)

Allah memang mengetahui hakikat hati manusia sebelum dilakukan ujian lagi, tetapi ujian itulah yang mendedahkan ke alam kenyataan hakikat yang diketahui ilmu Allah dan terlindung daripada pengetahuan manusia. Jadi Allah menghisabkan manusia berdasarkan amalan yang dilakukan mereka bukannya berdasarkan semata-mata kepada ilmu-Nya terhadap hakikat mereka. Ini dari satu segi merupakan suatu limpah kemurahan dari Allah, dan dari satu segi lagi merupakan keadilan dari-Nya, dan dari satu segi yang lain pula merupakan pengajaran kepada manusia supaya mereka jangan mempersalahkan seseorang melainkan dengan tindakan lahir yang dilaksanakannya, kerana mereka bukannya lebih mengetahui dari Allah tentang hakikat hati orang itu.

Marilah kita kembali kepada Sunnatullah yang menguji orang-orang yang beriman dan mendedahkan mereka kepada dugaan untuk mengetahui siapakah orang-orang yang benar beriman dan siapakah orang-orang yang berdusta dari antara mereka?

Keimanan Diuji Dengan Berbagai-bagai Bentuk Ujian

Iman merupakan amanah Allah di muka bumi, iaitu amanah yang tidak dapat dipikul melainkan oleh mereka yang mempunyai kelayakan dan keupayaan memikulnya di samping mempunyai hati yang ikhlas dan tulus kepada-Nya. Ia tidak dapat dipikul melainkan oleh mereka yang sanggup mengutamakannya dari kerehatan, kesenangan, keamanan, keselamatan dan keni'matan diri mereka. Amanah iman merupakan amanah khilafah di muka bumi, amanah memimpin manusia ke jalan Allah dan menegakkan kalimatullah di alam kehidupan. Ia adalah amanah yang amat mulia dan amat berat, ia adalah dari perintah Allah yang dipikul oleh manusia. Oleh sebab itu ia memerlukan kepada golongan manusia yang istimewa yang sabar dan tabah menghadapi ujian.

Di antara ujian itu ialah seseorang yang beriman akan terdedah kepada gangguan dan tindasan dari kebatilan dan pendukung-pendukungnya, ketika itu dia tidak mendapat penolong yang dapat menolong dan mempertahankannya, dia tidak mendapat sokongan dan pembelaan terhadap dirinya dan dia tidak mendapat kekuatan untuk melawan kezaliman. Inilah gambaran ujian yang amat jelas yang biasa tergambar di dalam fikiran apabila disebut ujian, tetapi sebenarnya gambaran ini bukanlah satu gambaran ujian yang paling hebat, malah di sana terdapat berbagai bentuk ujian yang mungkin lebih pahit dan dahsyat dari itu lagi.

Di sana terdapat ujian keluarga dan orang-orang kesayangan yang dikhuatiri menderita dengan sebab keimanannya, sedangkan dia tidak mampu mempertahankan keselamatan mereka. Kadang-kadang mereka menyerunya supaya bertolak ansur dan menyerah kalah atas nama hubungan kasih sayang dan kekeluargaan dan atas tujuan memelihara hubungan rahim agar dia tidak dapat mendedahkannya kepada penindasan dan kebinasaan. Di dalam surah ini disebut ujian seperti ini iaitu ujian dengan ibu bapa, yang merupakan satu ujian yang amat sukar.

Di sana terdapat ujian dalam bentuk kemewahan hidup pendukung-pendukung kebatilan. Mereka dipandang berjaya dan tinggi di mata orang ramai dan mereka disanjung-sanjung oleh dunia dan diberi tepukan gemuruh oleh khalayak ramai. Segala halangan di jalan mereka hancurlebur. Segala kemuliaan dibangun untuk mereka dan kehidupan mereka senang-lenang, sedangkan orang yang beriman hidup terbiar, tidak dikenali dan tidak dirasakan oleh seseorang pun. Tiada siapa yang mempertahankannya. Nilai kebenaran yang ada padanya hanya dirasakan oleh segelintir manusia sahaja yang sama seperti dirinya, iaitu manusia yang tidak mempunyai suatu apa dalam kehidupan dunia ini.

Di sana terdapat ujian tersisih dalam masyarakat dan terpencil dengan 'aqidahnya. Apabila orang yang beriman melihat dia hanya nampak segala sesuatu dan segala mereka yang ada di sekelilingnya tenggelam di dalam arus kesesatan belaka. Hanya dia seorang diri sahaja yang tinggal sepi, asing dan tersisih.

Di sana terdapat satu ujian dari jenis yang lain yang kita dapati begitu menonjol pada masa ini, iaitu ujian di mana orang yang beriman melihat berbagai-bagai bangsa dan negara (di dunia) tenggelam di dalam kejahatan atau akhlak yang keji, namun demikian mereka kelihatan maju dan bertamadun di dalam masyarakat dan kehidupan mereka. Setiap rakyat mereka mendapat perlindungan dan pengawasan yang sesuai dengan nilai manusia. Orang yang beriman melihat bangsa-bangsa dan negara ini begitu kaya dan kuat sedangkan mereka menentang Allah.

Di sana terdapat satu ujian yang paling besar dan hebat dari segala ujian yang lain iaitu ujian nafsu keinginan, ujian daya tarikan hidup dunia, ujian keinginan daging dan darah yang berat, ujian keinginan kepada keni'matan dan kuasa atau keinginan kepada kesenangan dan ketenteraman, ujian kesukaran untuk berjalan lurus di jalan iman dan menaiki ke puncaknya kerana adanya halangan-halangan dan penghambat-penghambat motivasi di dalam jiwa, di dalam suasana-suasana kehidupan, di dalam logik pemikiran masyarakat dan di dalam kefahaman-kefahaman orang-orang di zaman itu.

Apabila masa ujian itu berpanjangan dan pertolongan Allah berlambatan, maka ujian itu menjadi lebih dahsyat dan keras lagi. Tiada siapa yang dapat bertahan melainkan hanya orang-orang yang dilindungi Allah sahaja. Mereka ialah orang-orang yang dapat merealisasikan hakikat iman di dalam jiwa mereka. Merekalah orang-orang yang boleh diserahkah amanah yang agung itu, iaitu amanah langit di muka bumi dan amanah Allah dalam dhamir insan.

Allah S.W.T. sama sekali tidak bertujuan menyeksakan orang yang beriman dengan ujian itu, tetapi ujian itu merupakan satu persediaan yang sebenar untuk memikul amanah, kerana amanah itu memerlukan kepada satu persediaan khas yang tidak akan sempurna melainkan dengan melalui tindakan-tindakan amali menghadapi kesulitan-kesulitan dan kebolehan yang sebenar mengawal nafsu keinginan, juga melalui kesabaran yang haqiqi menanggung penderitaan dan melalui kepercayaan yang sebenar terhadap pertolongan Allah dan terhadap balasan yang disediakan-Nya walaupun ujian itu berlarutan dan semakin bertambah.

Jiwa manusia itu dileburkan dengan ujian-ujian yang keras untuk membuang sifat-sifat yang tidak baik. Ujian-ujian itu memukul dan menukul hati itu dengan kuat supaya ia bertambah kuat dan berkilat. Demikianlah pengaruh ujian-ujian kesusahan itu bertindak pada kelompok-kelompok manusia. Tiada yang dapat bertahan (di dalam ujian itu) melainkan orang yang paling kuat pendirian dan wataknya dan paling kukuh hubungannya dengan Allah dan paling teguh kepercayaannya terhadap dua ganjaran Allah yang paling baik iaitu kemenangan atau pahala. Merekalah golongan yang pada akhirnya akan diserahkan panji-panji iman dan amanah kepada mereka setelah selesai mereka membuat persediaan dan menjalani ujian.

Mereka menerima amanah itu sebagai satu amanah yang paling mahal kepada mereka kerana mereka telah membayarnya dengan harga yang amat tinggi dan menghadapi berbagai-bagai penderitaan kerananya dengan penuh kesabaran dan mengalami berbagai-bagai kesakitan dan pengorbanan. Seseorang yang mengorbankan darah dan sarafnya, mengorbankan kerehatan dan kesenangannya, mengorbankan keinginan-keinginan dan keni'matan-keni'matannya kemudian bersabar pula menempuh penindasan dan penafian tidak syak lagi menyedari betapa mahalnya nilai amanah yang diperjuangkannya itu. Oleh kerana itu dia tidak akan menyerahkannya dengan harga yang murah setelah berkorban sedemikian banyak dan mengalami penderitaan sedemikian besar.

Setiap Mu'min Diuji Mengikut Sekuat Mana Keyakinan Keagamaannya

Kemenangan iman dan kebenaran di akhir perjuangan itu merupakan satu perkara yang telah dijanjikan Allah dan tiada seorang Mu'min pun yang meragui janji Allah itu. Andainya kemenangan itu lambat, maka kelambatan itu berlaku kerana sesuatu hikmat yang tertentu yang memberi kebaikan kepada iman dan para pejuangnya. Tiada siapa yang ghairah terhadap kebenaran dan para pejuang lebih dari Allah. Cukuplah bagi para Mu'minin yang menerima ujian itu menjadi orang-orang pilihan Allah untuk memikul amanah Allah dan orang-orang yang disaksikan Allah sebagai orang-orang yang mempunyai keteguhan di dalam agama mereka kerana Allah telah memilih mereka untuk menjalani ujian itu.

Tersebut di dalam sebuah hadith yang sahih:

أشد الناس بلاءً الأنبياء ، ثم الصالحون ، ثم الأمثل فالأمثل، يبتلى الرجل على حسب دينه ، فإن كان في دينه صلابة زيد له في البلاء.

"Orang-orang yang paling hebat menerima ujian ialah para Anbia', kemudian para Solehin, kemudian orang-orang yang terpilih. Seseorang itu diuji mengikut sekuat mana pegangan keagamaannya, jika ia mempunyai pegangan agama yang kukuh, maka ujian akan ditambahkan terhadapnya."

Adapun orang-orang yang menindas para Mu'minin dan melakukan tindakan-tindakan yang jahat, maka mereka tidak akan terlepas dari 'azab Allah dan tidak akan selamat dari-Nya walau bagaimana hebat kebatilan yang diperjuangkan mereka dan walaupun mereka nampak menang dan berjaya. Demikianlah janji Allah pada akhir perjuangan itu:

أَمْ حَسِبَ ٱلَّذِينَ يَعْمَلُونَ ٱلسَّيِّـَٔاتِ أَن يَسْبِقُونَاۚ سَآءَ مَا يَحْكُمُونَ ﴿٤﴾

"Atau apakah orang-orang yang mengerjakan kejahatan itu mengira bahawa mereka akan terlepas dari ('azab) Kami? Alangkah buruknya keputusan yang ditetapkan mereka."(4)

Oleh itu setiap orang yang melakukan kerosakan dan kejahatan janganlah berfikir bahawa mereka akan terlepas dari balasan Allah. Barang siapa yang berfikir begitu bererti pandangan, penilaian dan pemahamannya itu telah rosak dan meleset, kerana Allah yang telah menjadikan ujian itu sebagai satu peraturan untuk menduga keimanan orang yang beriman dan untuk membezakan di antara orang-orang yang benar beriman dengan orang-orang yang berdusta, maka Dialah juga yang menjadikan hukuman terhadap orang-orang yang melakukan kejahatan itu sebagai satu peraturan yang tetap tidak berubah, tidak mungkir dan tidak menyimpang.

Inilah nada kenyataan yang kedua di permulaan surah yang seimbang dan sama dengan nada kenyataan yang pertama, iaitu jika ujian merupakan satu peraturan yang tetap untuk menguji hati dan barisan pejuang, maka kekecewaan dan hukuman terhadap orang-orang yang melakukan kejahatan dan kerosakan juga merupakan satu peraturan yang tetap akan datang.

Nada kenyataan yang ketiga digambarkan dalam bentuk memberi keyakinan kepada orang-orang yang mengharapkan pertemuan dengan Allah. Kenyataan ini mengikatkan hati mereka dengan pertemuan itu dengan penuh keyakinan dan kepercayaan:

مَن كَانَ يَرْجُوا۟ لِقَآءَ ٱللَّهِ فَإِنَّ أَجَلَ ٱللَّهِ لَءَاتٍ ۚ وَهُوَ ٱلسَّمِيعُ ٱلْعَلِيمُ ﴿٥﴾

"Barang siapa yang mengharapkan pertemuan dengan Allah, maka sesungguhnya masa pertemuan yang dijanjikan itu tetap akan tiba, dan Allah Maha Mendengar dan Maha Mengetahui."(5)

Oleh sebab itu orang-orang yang berharap menemui Allah itu hendaklah bertenang dan hendaklah menunggu janji Allah itu dengan penuh keyakinan dan kepercayaan dan hendaklah menunggu hari pertemuan itu dengan penuh kerinduan tetapi penuh yakin.

Pengungkapan Al-Qur'an itu menggambarkan hati manusia yang rindukan pertemuan dengan Allah itu dengan gambaran yang memberi saranan yang amat menarik, iaitu gambaran orang yang penuh berharap dan rindu serta mempunyai hubungan yang rapat dengan pertemuan itu. Kemudian harapan dan kerinduan itu dijawab dengan jawapan yang tegas dan menenangkan hati kemudian diiringi dengan memberi keyakinan yang diserapkan ke dalam hati itu, iaitu Allah mendengar harapan hati-hati itu dan mengetahui kerinduannya *"Dan Allah Maha Mendengar dan Maha Mengetahui."*

Nada kenyataan yang keempat ditujukan kepada orang-orang yang memikul tugas-tugas keimanan dan kesulitan perjuangan. Ia menjelaskan bahawa faedah perjuangan mereka itu adalah semata-mata untuk kebaikan diri mereka sendiri dan untuk menyempurnakan kelebihan-kelebihannya, juga untuk memperbaiki keadaan kehidupan mereka, kerana Allah tidak berhajat kepada sesiapa pun dan Dia Maha Kaya dari semua manusia:

وَمَن جَٰهَدَ فَإِنَّمَا يُجَٰهِدُ لِنَفْسِهِۦٓ ۚ إِنَّ ٱللَّهَ لَغَنِىٌّ عَنِ ٱلْعَٰلَمِينَ ﴿٦﴾

"Dan barang siapa yang berjihad, maka sesungguhnya dia berjihad untuk (kebaikan) dirinya sendiri. Sesungguhnya Allah Maha Kaya dari sekalian makhluk."(6)

Tugas-tugas Keimanan Dan Jihad Untuk Kesempurnaan Hidup Manusia

Oleh itu apabila Allah menetapkan ujian ke atas para Mu'minin dan mewajibkan mereka melawan diri mereka supaya sabar dan tabah menghadapi kesulitan, maka itu adalah untuk kebaikan dan kesempurnaan diri mereka, juga untuk melahirkan kebaikan untuk mereka di dunia dan Akhirat. Perjuangan itu boleh memperbaiki jiwa dan hati seseorang pejuang, ia boleh meningkatkan daya-daya pemikiran dan meluaskan bidangnya. Ia boleh mengatasi tabiat bakhil untuk mengorbankan jiwa dan harta. Ia boleh merangsangkan bakat-bakat dan kelebihan-kelebihan yang terbaik yang ada pada seseorang. Semuanya ini sebelum ia membawa dirinya ke dalam kelompok, para Mu'minin yang akan mendatangkan kebaikan kepada mereka dan memantapkan kebenaran di antara mereka, juga menjadikan kebaikan di kalangan mereka mengatasi kejahatan dan keruntuhan akhlak.

وَمَن جَٰهَدَ فَإِنَّمَا يُجَٰهِدُ لِنَفْسِهِۦٓ ۚ

"Barang siapa yang berjihad, maka sesungguhnya dia berjihad untuk (kebaikan) dirinya sendiri."(6)

Justeru itu janganlah seseorang itu berhenti di pertengahan jalan sahaja setelah berjihad dalam satu pusingan kerana menuntut upah jihad atau perjuangannya atau membangkit-bangkitkan jasa perjuangan dan da'wahnya atau merasa lambat mendapat balasan kerana Allah tidak mendapat sesuatu apa dari hasil jihad dan perjuangannya. Allah tidak berhajat kepada usaha manusia yang lemah dan kerdil itu. *"Sesungguhnya Allah Maha Kaya dari sekalian makhluk."* Malah itulah limpah kemurahan Allah yang menolong manusia di dalam perjuangannya dan melantikkannya selaku khalifah-Nya di muka bumi ini dan memberi pahala kepadanya di negeri Akhirat.

وَٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ وَعَمِلُوا۟ ٱلصَّٰلِحَٰتِ لَنُكَفِّرَنَّ عَنْهُمْ

سَيِّـَٔاتِهِمْ وَلَنَجْزِيَنَّهُمْ أَحْسَنَ ٱلَّذِى كَانُوا۟ يَعْمَلُونَ ٧

"Dan orang-orang yang beriman dan mengerjakan amalan-amalan yang soleh sesungguhnya Kami akan menghapuskan kesalahan-kesalahan mereka dan memberi balasan yang lebih baik dari amalan yang dilakukan mereka."(7)

Oleh kerana itu hendaklah para Mu'minin yang beramal soleh itu yakin kepada balasan yang disediakan untuk mereka di sisi Allah dan hendaklah mereka teguh dan tabah menghadapi ujian kesusahan. Harapan yang gemilang dan balasan yang baik tetap menunggu mereka di akhir perjuangan mereka. Ini merupakan satu balasan yang cukup kepada orang yang beriman walaupun dia tidak sempat mendapat habuannya dalam hidup di dunia.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 8 - 9)

Ujian Keluarga Dan Orang-orang Kesayangan

Kemudian Al-Qur'an memperkatakan sejenis lagi ujian dari ujian-ujian yang telah kami sebut di permulaan surah iaitu ujian keluarga dan orang-orang kesayangan. Di sini ia menjelaskan kedudukan yang rumit itu dengan kata-kata yang tegas dan sederhana, tidak melampau dan tidak kurang:

وَوَصَّيْنَا ٱلْإِنسَٰنَ بِوَٰلِدَيْهِ حُسْنًا ۖ وَإِن جَٰهَدَاكَ
لِتُشْرِكَ بِى مَا لَيْسَ لَكَ بِهِۦ عِلْمٌ فَلَا تُطِعْهُمَآ ۚ إِلَىَّ
مَرْجِعُكُمْ فَأُنَبِّئُكُم بِمَا كُنتُمْ تَعْمَلُونَ ٨
وَٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ وَعَمِلُوا۟ ٱلصَّٰلِحَٰتِ لَنُدْخِلَنَّهُمْ فِى
ٱلصَّٰلِحِينَ ٩

"Dan Kami telah memerintah manusia berbuat baik kepada kedua ibu bapanya dan jika kedua-duanya mendesak engkau supaya mempersekutukan-Ku dengan sesuatu yang engkau tidak mengetahuinya, maka janganlah engkau ta'at kepada keduanya. Kepada-Kulah kembalinya kamu dan kelak Aku akan menerangkan kepada kamu segala perbuatan yang dilakukan kamu(8). Dan orang-orang yang beriman dan mengerjakan amalan-amalan yang soleh sesungguhnya Kami akan masukkan mereka ke dalam golongan para Solehin."(9)

Kedua ibu bapa merupakan dua orang yang paling dekat kepada seseorang. Mereka mempunyai jasa dan hak hubungan rahim. Mereka mempunyai hak yang wajib (di atas anak-anak mereka) iaitu hak kewajipan kasih sayang, kewajiban memulia dan memberi penghormatan dan pemeliharaan, tetapi mereka tidak wajib dita'ati di dalam perkara yang berhubung dengan hak Allah. Inilah jalan yang saksama: **"Dan Kami telah memerintah manusia berbuat kebaikan terhadap dua ibu bapanya dan jika kedua-duanya mendesak engkau supaya mempersekutukan-Ku dengan sesuatu yang engkau tidak mengetahuinya, maka janganlah engkau ta'at kepada keduanya."**

Hubungan dengan Allah merupakan hubungan yang utama dan pertalian dengan Allah merupakan ikatan yang amat kukuh. Andainya kedua ibu bapa itu dari golongan Musyrikin, maka mereka hanya berhak diberi layanan dan penjagaan yang baik sahaja bukannya keta'atan dan kepatuhan. Hubungan ini hanya hubungan dalam kehidupan dunia kemudian seluruh manusia akan kembali kepada Allah:

إِلَىَّ مَرْجِعُكُمْ فَأُنَبِّئُكُم بِمَا كُنتُمْ تَعْمَلُونَ ٨

"Kepada-Kulah kembalinya kamu dan kelak Aku akan menerangkan kepada kamu segala perbuatan yang dilakukan kamu."(8)

Kemudian Al-Qur'an menjelaskan perbezaan hubungan di antara orang-orang Mu'minin dengan orang-orang Musyrikin, iaitu orang-orang Mu'minin merupakan keluarga dan sahabat teman belaka walaupun mereka tidak mempunyai hubungan keturunan dan persemendaan:

وَٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ وَعَمِلُوا۟ ٱلصَّٰلِحَٰتِ لَنُدْخِلَنَّهُمْ فِى
ٱلصَّٰلِحِينَ ٩

"Dan orang-orang yang beriman dan mengerjakan amalan-amalan yang soleh sesungguhnya Kami akan masukkan mereka ke dalam golongan para Solehin."(9)

Demikianlah seluruh orang-orang yang berhubung dengan Allah itu kembali ke dalam satu kelompok, danitulah hakikat mereka yang sebenar. Segala pertalian darah, kerabat, keturunan dan persemendaan akan berakhir dengan tamatnya kehidupan dunia, kerana pertalian-pertalian itu hanya pertalian sementara bukannya haqiqi kerana ia terputus dari ikatan pertalian dengan Allah yang amat kukuh dan tak kunjung putus itu.

At-Tirmizi telah meriwayatkan, ketika mentafsirkan ayat ini, bahawa ianya diturunkan dalam peristiwa Sa'd ibn Abu Waqqas r.a. dengan ibunya Hamnah binti Abu Sufyan. Dia seorang yang amat berbakti kepada ibunya dan ibunya telah berkata kepadanya: "Apakah agama yang engkau bawa ini? Demi Allah, emak tidak akan makan dan minum sehingga engkau kembali semula kepada agama engka yang asal atau biarlah emak mati. Kematian emak akan memalukan engkau di sepanjang zaman kerana engka akan dipanggil orang: "Wahai si pembunuh ibunya". Kemudian ibunya terus tidak makan dan minum selama sehari semalam, lalu Sa'd datang menemuinya dan berkata kepadanya: "Wahai ibuku! Jika sekalipun ibu mempunyai seratus nyawa dan nyawa itu keluar dari ibu satu dem satu, nescaya hamba tidak akan tinggal agama hamba. Oleh itu, makanlah jika ibu suka dan jangan makan jika ibu tidak suka". Apabila ibunya berputus asa darinya diapun makan dan minum, lalu Allah turunkan ayat ini menyuruh manusia berbuat baik kepada dua ibu bapa dan

melarang menta'ati mereka di dalam kepercayaan syirik.

Demikianlah kemenangan iman mengatasi ujian kerabat dan hubungan rahim di samping mengekalkan kewajipan berbuat baik kepada dua ibu bapa. Orang yang beriman adalah terdedah kepada ujian ini pada setiap masa. Oleh itu jadikanlah penerangan Allah dan contoh teladan Sa'd itu sebagai pedoman keselamatan.

******

(Pentafsiran ayat-ayat 10 - 11)

Kemudian Al-Qur'an melukiskan satu gambaran yang sempurna iaitu gambaran contoh segolongan manusia yang menghadapi ujian penindasan dengan semangat yang lemah kemudian membuat dakwaan-dakwaan yang besar ketika dalam keadaan senang. Gambaran ini dilukiskan dengan kata-kata yang sedikit tetapi jelas segala sifat dan perwatakannya:

وَمِنَ ٱلنَّاسِ مَن يَقُولُ ءَامَنَّا بِٱللَّهِ فَإِذَآ أُوذِيَ فِي ٱللَّهِ
جَعَلَ فِتْنَةَ ٱلنَّاسِ كَعَذَابِ ٱللَّهِ ۖ وَلَئِن جَآءَ نَصْرٌ مِّن
رَّبِّكَ لَيَقُولُنَّ إِنَّا كُنَّا مَعَكُمْ ۚ أَوَلَيْسَ ٱللَّهُ بِأَعْلَمَ
بِمَا فِي صُدُورِ ٱلْعَٰلَمِينَ ﴿١٠﴾
وَلَيَعْلَمَنَّ ٱللَّهُ ٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ وَلَيَعْلَمَنَّ
ٱلْمُنَٰفِقِينَ ﴿١١﴾

"Dan di antara manusia ada yang berkata: Kami beriman kepada Allah, kemudian apabila dia ditindas kerana beriman kepada Allah, maka dia jadikan dugaan manusia itu sama dengan 'azab Allah, dan jika datang pertolongan kemenangan dari Tuhanmu, mereka akan berkata: Sesungguhnya kami tetap bersama kamu. Bukankah Allah lebih mengetahui apa yang terpendam di dalam hati semesta alam(10). Dan sesungguhnya Allah mengetahui siapakah orang-orang yang beriman dan mengetahui siapakah orang-orang yang munafiq."(11)

Golongan Yang Tidak Tahan Ditindas

Itulah contoh orang yang mengisytiharkan kalimat keimanan di dalam masa senang dengan anggapan bahawa kalimat keimanan itu senang dipikul dan mudah tanggungannya. Ia tidak mempunyai apa-apa komitmen selain dari melafazkannya dengan lidah, tetapi **"apabila Dia ditindas kerana beriman kepada Allah"** iaitu dengan sebab kalimat keimanan yang diucapkannya di dalam masa aman, **"Maka dia jadikan dugaan manusia sama dengan 'azab Allah"** iaitu dia menerima dugaan itu dengan penuh ketakutan dan kecemasan hingga nilai-nilai dan 'aqidah bergoyang di dalam jiwa dan dhamirnya. Dia memandang keseksaan yang diterima dari penindasan manusia itu melebihi segala 'azab yang lain walaupun 'azab Allah. Dia berkata di dalam hatinya keseksaan ini amat pedih dan tiada keseksaan yang melebihinya. Oleh itu bagaimana aku hendak sabar mempertahankan iman, sedangkan 'azab Allah tidak melebihi keseksaan ini? Ini hanya satu kekeliruan penilaiannya sendiri dalam membandingkan di antara keseksaan yang mampu ditanggungjawab manusia dengan keseksaan 'azab Allah yang tiada sesiapa pun mengetahui batasnya.

Inilah sikap satu golongan manusia dalam menghadapi ujian di sa'at yang genting.

وَلَئِن جَآءَ نَصْرٌ مِّن رَّبِّكَ لَيَقُولُنَّ إِنَّا كُنَّا مَعَكُمْ ۚ

"Dan jika datang pertolongan kemenangan dari Tuhanmu, mereka akan berkata: Sesungguhnya Kami tetap bersama kamu."(10)

Sikap mereka di dalam sa'at yang genting ialah sikap pengecut, patah semangat, mengalah, membuat pertimbangan dan penilaian yang buruk dan salah, tetapi apabila tiba zaman senang timbullah dakwaan-dakwaan yang mendabik dada. Mereka (yang selama ini) pengecut tiba-tiba melenting menunjukkan kegagahan dan mereka (yang selama ini) kalah dan lemah tiba-tiba menunjukkan singanya dan berkata:

إِنَّا كُنَّا مَعَكُمْ ۚ

"...Sesungguhnya kami tetap bersama kamu....(10)"

أَوَلَيْسَ ٱللَّهُ بِأَعْلَمَ بِمَا فِي صُدُورِ ٱلْعَٰلَمِينَ ﴿١٠﴾

...Bukankah Allah lebih mengetahui apa yang terpendam di dalam hati semesta alam."(10)

Yakni tidakkah Allah itu mengetahui rahsia yang dikandung hati iaitu rahsia sabar dan takut, iman dan berpura-pura iman? Siapakah yang mahu ditipu mereka?

وَلَيَعْلَمَنَّ ٱللَّهُ ٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ وَلَيَعْلَمَنَّ
ٱلْمُنَٰفِقِينَ ﴿١١﴾

"Dan sesungguhnya Allah mengetahui siapakah orang-orang yang beriman dan mengetahui siapakah orang-orang yang munafiq."(11)

Sesungguhnya Allah mahu mendedahkan keadaan mereka yang sebenar supaya mereka dapat dikenali. Tujuan ujian ialah untuk mengetahui orang-orang yang sebenar beriman dan orang-orang yang munafiq.

Marilah kita berhenti sejenak di hadapan ungkapan Al-Qur'an yang amat halus ketika ia mendedah titik kesalahan golongan ini dengan perkataan:

جَعَلَ فِتْنَةَ ٱلنَّاسِ كَعَذَابِ ٱللَّهِ ۖ

"Dia jadikan dugaan manusia sama dengan 'azab Allah."(10)

Kesilapan mereka yang sebenar bukannya kerana kesabaran mereka menjadi lemah untuk menanggung keseksaan penindasan itu, kerana kelemahan ini pernah berlaku kepada setengah-setengah ketika kepada orang-orang yang beriman dengan sebenar, sebab daya tenaga manusia itu memang mempunyai had dan batasnya, tetapi kesalahan mereka ialah mereka masih boleh membezakan dengan jelas di dalam fikiran dan perasaan mereka di antara keseksaan dari penindasan manusia dengan keseksaan dari 'azab Allah yang amat besar. Mereka sama sekali tidak terkeliru di antara alam bumi yang kecil ini dengan alam Akhirat yang besar walaupun pada sa'at penyeksaan dan penindasan manusia terhadap mereka melebihi daya kemampuan yang dapat ditanggung mereka. Pada hemat seseorang Mu'min 'azab Allah itu tidak dapat dibanding dengan mana-mana 'azab sekalipun walaupun 'azab penindasaan itu melebihi daya kemampuannya untuk ditanggung. Inilah persimpangan jalan di antara iman dan nifaq di dalam hati manusia.

******

(Pentafsiran ayat-ayat 12 - 13)

Pada akhirnya Al-Qur'an membentangkan ujian dalam bentuk pujuk rayu yang mengelirukan di samping mendedahkan tanggapan yang salah dari orang-orang kafir terhadap konsep tanggungjawab dan balasan. Di sini Al-Qur'an menjelaskan dasar tanggungjawab individu dan dasar balasan individu. Ia merupakan satu dasar Islam yang amat besar yang merealisasikan keadilan dalam bentuknya yang paling jelas dan baik:

Konsep Tanggungjawab Individu Dan Balasan Individu

وَقَالَ ٱلَّذِينَ كَفَرُوا۟ لِلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ ٱتَّبِعُوا۟
سَبِيلَنَا وَلْنَحْمِلْ خَطَٰيَٰكُمْ وَمَا هُم بِحَٰمِلِينَ
مِنْ خَطَٰيَٰهُم مِّن شَىْءٍ ۖ إِنَّهُمْ لَكَٰذِبُونَ ﴿١٢﴾
وَلَيَحْمِلُنَّ أَثْقَالَهُمْ وَأَثْقَالًا مَّعَ أَثْقَالِهِمْ ۖ وَلَيُسْـَٔلُنَّ
يَوْمَ ٱلْقِيَٰمَةِ عَمَّا كَانُوا۟ يَفْتَرُونَ ﴿١٣﴾

"Dan orang-orang kafir berkata kepada orang-orang yang beriman: Ikutilah jalan kami dan biarlah kami tanggung dosa-dosa kamu, sedangkan sebenarnya mereka tidak akan dapat menanggung sedikit pun dari dosa-dosa mereka. Sesungguhnya mereka adalah pendusta-pendusta(12). Dan sesungguhnya mereka akan menanggung beban-beban (dosa) mereka dan beban (dosa orang lain yang disesatkan mereka) bersama dosa-dosa mereka sendiri dan sesungguhnya mereka akan ditanya pada hari Qiamat tentang pembohongan-pembohongan yang telah diada-adakan mereka."(13)

Orang-orang kafir mengeluarkan perkataan-perkataan ini kerana menyelaraskan dengan tanggapan dan kefahaman kesukuan mereka yang menetapkan bahawa suku itu harus menanggung bayaran-bayaran diat dan tanggungjawab-tanggungjawab bersama anak-anak buahnya. Mereka menyangka bahawa mereka boleh menanggung dosa syirik orang lain terhadap Allah dan boleh menghapuskan dosa itu dari mereka. Itulah yang menyebabkan mereka mempersenda-sendakan balasan di Akhirat:

ٱتَّبِعُوا۟ سَبِيلَنَا وَلْنَحْمِلْ خَطَٰيَٰكُمْ

"Ikutilah jalan kami dan biarlah kami tanggung dosa-dosa kamu." (12)

Oleh kerana itu Al-Qur'an memberi jawapan yang tegas kepada mereka. Ia mengembalikan setiap manusia kepada Tuhannya dengan sifat individu masing-masing. Setiap orang dihisab dengan amalan masing-masing dan tiada seorang pun yang dapat menanggung dosa orang lain:

وَمَا هُم بِحَٰمِلِينَ مِنْ خَطَٰيَٰهُم مِّن شَىْءٍ ۖ

"Sebenarnya mereka tidak akan dapat menanggung sedikit pun dari dosa-dosa mereka."(12)

Al-Qur'an memberi jawapan mendustakan dakwaan mereka:

إِنَّهُمْ لَكَٰذِبُونَ ﴿١٢﴾

"Sesungguhnya mereka adalah pendusta-pendusta."(12)

Al-Qur'an membebankan ke atas mereka dosa kesesatan dan syirik mereka dan dosa perbuatan mereka menyesatkan orang lain. Mereka tidak akan dimaafkan dari tanggungjawab kesesatan:

وَلَيَحْمِلُنَّ أَثْقَالَهُمْ وَأَثْقَالًا مَّعَ أَثْقَالِهِمْ ۖ وَلَيُسْـَٔلُنَّ
يَوْمَ ٱلْقِيَٰمَةِ عَمَّا كَانُوا۟ يَفْتَرُونَ ﴿١٣﴾

"Dan sesungguhnya mereka akan menanggung beban-beban (dosa) mereka dan beban (dosa orang lain yang disesatkan mereka) bersama dosa-dosa mereka sendiri, dan sesungguhnya mereka akan ditanya pada hari Qiamat tentang pembohongan-pembohongan yang telah diada-adakan mereka."(13)

Dengan ini Al-Qur'an menutup pintu pembicaraan mengenai ujian, dan dari sini dapatlah manusia mengetahui bahawa Allah tidak menghisabkan mereka secara berkelompok, malah Dia menghisabkan mereka secara individu, dan setiap individu adalah bertanggungjawab terhadap perbuatan yang dilakukannya.

(Kumpulan ayat-ayat 14 - 45)

وَلَقَدْ أَرْسَلْنَا نُوحًا إِلَىٰ قَوْمِهِۦ فَلَبِثَ فِيهِمْ أَلْفَ
سَنَةٍ إِلَّا خَمْسِينَ عَامًا فَأَخَذَهُمُ ٱلطُّوفَانُ
وَهُمْ ظَٰلِمُونَ ﴿١٤﴾
فَأَنجَيْنَٰهُ وَأَصْحَٰبَ ٱلسَّفِينَةِ وَجَعَلْنَٰهَآ ءَايَةً
لِّلْعَٰلَمِينَ ﴿١٥﴾
وَإِبْرَٰهِيمَ إِذْ قَالَ لِقَوْمِهِ ٱعْبُدُوا۟ ٱللَّهَ وَٱتَّقُوهُ ۖ
ذَٰلِكُمْ خَيْرٌ لَّكُمْ إِن كُنتُمْ تَعْلَمُونَ ﴿١٦﴾
إِنَّمَا تَعْبُدُونَ مِن دُونِ ٱللَّهِ أَوْثَٰنًا وَتَخْلُقُونَ
إِفْكًا ۚ إِنَّ ٱلَّذِينَ تَعْبُدُونَ مِن دُونِ ٱللَّهِ لَا يَمْلِكُونَ
لَكُمْ رِزْقًا فَٱبْتَغُوا۟ عِندَ ٱللَّهِ ٱلرِّزْقَ وَٱعْبُدُوهُ
وَٱشْكُرُوا۟ لَهُۥٓ ۖ إِلَيْهِ تُرْجَعُونَ ﴿١٧﴾
وَإِن تُكَذِّبُوا۟ فَقَدْ كَذَّبَ أُمَمٌ مِّن قَبْلِكُمْ ۖ
وَمَا عَلَى ٱلرَّسُولِ إِلَّا ٱلْبَلَٰغُ ٱلْمُبِينُ ﴿١٨﴾

"Dan sesungguhnya Kami telah mengutuskan Nuh kepada kaumnya lalu dia tinggal di dalam kalangan mereka selama seribu tahun kurang lima puluh. Mereka telah dibinasakan banjir yang besar, sedangkan mereka dalam keadaan zalim (kafir)(14). Kemudian Kami telah menyelamatkannya (Nuh) dan penumpang-penumpang bahtera dan Kami jadikan bahtera itu suatu bukti kekuasaan Kami kepada semesta alam(15). (Kenangilah kisah) Ibrahim ketika dia berkata kepada kaumnya: Sembahlah Allah dan bertaqwalah kepada-Nya. Itu adalah lebih baik bagi kamu jika kamu mengetahui(16). Sesungguhnya kamu menyembah berhala-berhala selain dari Allah dan kamu mengada-adakan sesuatu yang dusta. Sesungguhnya sembahan-sembahan yang kamu sembah selain dari Allah itu tidak berkuasa memberi rezeki kepada kamu. Oleh itu carilah rezeki di sisi Allah dan sembahkan Dia serta bersyukurlah kepada-Nya. Kelak kepada-Nya kamu sekalian dikembalikan(17). Dan jika kamu mendustakan (rasul), maka sesungguhnya umat-umat sebelum kamu juga pernah mendustakan (rasul-rasul mereka), sedangkan tugas rasul itu hanya menyampaikan (perintah)."(18).

أَوَلَمْ يَرَوْا۟ كَيْفَ يُبْدِئُ ٱللَّهُ ٱلْخَلْقَ ثُمَّ يُعِيدُهُۥٓ ۚ
إِنَّ ذَٰلِكَ عَلَى ٱللَّهِ يَسِيرٌ ﴿١٩﴾

قُلْ سِيرُوا۟ فِى ٱلْأَرْضِ فَٱنظُرُوا۟ كَيْفَ بَدَأَ ٱلْخَلْقَ ۚ
ثُمَّ ٱللَّهُ يُنشِئُ ٱلنَّشْأَةَ ٱلْءَاخِرَةَ ۚ إِنَّ ٱللَّهَ عَلَىٰ كُلِّ شَىْءٍ
قَدِيرٌ ﴿٢٠﴾
يُعَذِّبُ مَن يَشَآءُ وَيَرْحَمُ مَن يَشَآءُ ۖ وَإِلَيْهِ تُقْلَبُونَ ﴿٢١﴾
وَمَآ أَنتُم بِمُعْجِزِينَ فِى ٱلْأَرْضِ وَلَا فِى ٱلسَّمَآءِ ۖ
وَمَا لَكُم مِّن دُونِ ٱللَّهِ مِن وَلِىٍّ وَلَا نَصِيرٍ ﴿٢٢﴾
وَٱلَّذِينَ كَفَرُوا۟ بِـَٔايَٰتِ ٱللَّهِ وَلِقَآئِهِۦٓ أُو۟لَٰٓئِكَ يَئِسُوا۟
مِن رَّحْمَتِى وَأُو۟لَٰٓئِكَ لَهُمْ عَذَابٌ أَلِيمٌ ﴿٢٣﴾

"Tidakkah mereka melihat bagaimana Allah memulakan penciptaan makhluk-Nya (dari 'Adam) kemudian Dia mengulanginya semula (di Akhirat), sesungguhnya penciptaan sedemikian amat mudah kepada Allah(19). Katakanlah: Jelajahilah kamu di bumi ini dan lihatlah bagaimana Allah telah memulakan penciptaan makhluk-Nya (dari 'Adam), kemudian Allah mengadakan ciptaan itu sekali lagi (di Akhirat), sesungguhnya Allah Maha Kuasa di atas segala sesuatu(20). Dia menyeksakan siapa yang dikehendaki-Nya dan memberi rahmat kepada siapa yang dikehendaki-Nya, dan kepada-Nya kamu sekalian dikembalikan(21). Dan kamu tidak sekali-kali dapat melemahkan Allah di bumi dan di langit, dan kamu tidak sekali-kali memperolehi sebarang penaung dan penolong selain dari Allah(22). Dan orang-orang yang kafir terhadap ayat-ayat Allah dan pertemuan dengan-Nya mereka adalah orang-orang yang putus harapan dari mendapat rahmat-Ku dan mereka akan memperolehi 'azab yang amat pedih."(23).

فَمَا كَانَ جَوَابَ قَوْمِهِۦٓ إِلَّآ أَن قَالُوا۟ ٱقْتُلُوهُ
أَوْ حَرِّقُوهُ فَأَنجَىٰهُ ٱللَّهُ مِنَ ٱلنَّارِ ۚ إِنَّ فِى ذَٰلِكَ
لَءَايَٰتٍ لِّقَوْمٍ يُؤْمِنُونَ ﴿٢٤﴾
وَقَالَ إِنَّمَا ٱتَّخَذْتُم مِّن دُونِ ٱللَّهِ أَوْثَٰنًا مَّوَدَّةَ
بَيْنِكُمْ فِى ٱلْحَيَوٰةِ ٱلدُّنْيَا ۖ ثُمَّ يَوْمَ ٱلْقِيَٰمَةِ
يَكْفُرُ بَعْضُكُم بِبَعْضٍ وَيَلْعَنُ بَعْضُكُم
بَعْضًا وَمَأْوَىٰكُمُ ٱلنَّارُ وَمَا لَكُم مِّن
نَّٰصِرِينَ ﴿٢٥﴾
فَـَٔامَنَ لَهُۥ لُوطٌ ۘ وَقَالَ إِنِّى مُهَاجِرٌ إِلَىٰ رَبِّىٓ ۖ

إِنَّهُۥ هُوَ ٱلْعَزِيزُ ٱلْحَكِيمُ ٢٦
وَوَهَبْنَا لَهُۥٓ إِسْحَٰقَ وَيَعْقُوبَ وَجَعَلْنَا فِى
ذُرِّيَّتِهِ ٱلنُّبُوَّةَ وَٱلْكِتَٰبَ وَءَاتَيْنَٰهُ أَجْرَهُۥ
فِى ٱلدُّنْيَا ۖ وَإِنَّهُۥ فِى ٱلْءَاخِرَةِ لَمِنَ ٱلصَّٰلِحِينَ ٢٧

"Maka tiada lain jawapan kaumnya (Ibrahim) melainkan mereka berkata: Bunuhlah dia atau bakarlah dia, lalu Allah menyelamatkannya dari (jilatan) api. Sesungguhnya peristiwa itu merupakan bukti-bukti (kekuasaan Allah) kepada golongan orang-orang yang beriman(24). Dan dia (Ibrahim) berkata (kepada kaumnya): Tujuan kamu menyembah berhala-berhala selain dari Allah itu semata-mata kerana memelihara hubungan mesra di antara kamu di dalam kehidupan dunia sahaja, kemudian pada hari Qiamat kelak kamu akan ingkarkan satu sama lain dan mengutuk satu sama lain dan tempat kembali kamu ialah Neraka dan kamu tidak sekali-kali akan memperolehi penolong-penolong(25). Kemudian Lut beriman kepadanya (Ibrahim) dan berkata: Sesungguhnya aku hendak berhijrah kepada Tuhanku. Sesungguhnya Dia Maha Perkasa dan Maha Bijaksana(26). Dan Kami telah mengurniakan kepadanya Ishaq dan Ya'kub dan tetapkan kenabian dan kitab-kitab suci di dalam kalangan zuriatnya dan Kami kurniakan balasan kepadanya di dunia, dan sesungguhnya dia di Akhirat kelak dari golongan para Soleh."(27).

وَلُوطًا إِذْ قَالَ لِقَوْمِهِۦٓ إِنَّكُمْ لَتَأْتُونَ ٱلْفَٰحِشَةَ
مَا سَبَقَكُم بِهَا مِنْ أَحَدٍ مِّنَ ٱلْعَٰلَمِينَ ٢٨
أَئِنَّكُمْ لَتَأْتُونَ ٱلرِّجَالَ وَتَقْطَعُونَ ٱلسَّبِيلَ
وَتَأْتُونَ فِى نَادِيكُمُ ٱلْمُنكَرَ ۖ فَمَا كَانَ جَوَابَ
قَوْمِهِۦٓ إِلَّآ أَن قَالُوا۟ ٱئْتِنَا بِعَذَابِ ٱللَّهِ إِن كُنتَ
مِنَ ٱلصَّٰدِقِينَ ٢٩
قَالَ رَبِّ ٱنصُرْنِى عَلَى ٱلْقَوْمِ ٱلْمُفْسِدِينَ ٣٠
وَلَمَّا جَآءَتْ رُسُلُنَآ إِبْرَٰهِيمَ بِٱلْبُشْرَىٰ قَالُوٓا۟ إِنَّا
مُهْلِكُوٓا۟ أَهْلِ هَٰذِهِ ٱلْقَرْيَةِ ۖ إِنَّ أَهْلَهَا كَانُوا۟
ظَٰلِمِينَ ٣١
قَالَ إِنَّ فِيهَا لُوطًا ۚ قَالُوا۟ نَحْنُ أَعْلَمُ بِمَن فِيهَا ۖ
لَنُنَجِّيَنَّهُۥ وَأَهْلَهُۥٓ إِلَّا ٱمْرَأَتَهُۥ كَانَتْ مِنَ
ٱلْغَٰبِرِينَ ٣٢
وَلَمَّآ أَن جَآءَتْ رُسُلُنَا لُوطًا سِىٓءَ بِهِمْ
وَضَاقَ بِهِمْ ذَرْعًا وَقَالُوا۟ لَا تَخَفْ وَلَا تَحْزَنْ ۖ
إِنَّا مُنَجُّوكَ وَأَهْلَكَ إِلَّا ٱمْرَأَتَكَ كَانَتْ مِنَ
ٱلْغَٰبِرِينَ ٣٣
إِنَّا مُنزِلُونَ عَلَىٰٓ أَهْلِ هَٰذِهِ ٱلْقَرْيَةِ رِجْزًا مِّنَ
ٱلسَّمَآءِ بِمَا كَانُوا۟ يَفْسُقُونَ ٣٤
وَلَقَد تَّرَكْنَا مِنْهَآ ءَايَةًۢ بَيِّنَةً لِّقَوْمٍ يَعْقِلُونَ ٣٥

"Dan (kenangilah kisah) Lut ketika dia berkata kepada kaumnya: Sesungguhnya kamu melakukan kejahatan (liwat) yang keji yang tidak pernah dilakukan oleh seseorang pun dari umat manusia sebelum kamu(28). Adakah patut kamu melakukan persetubuhan dengan lelaki dan menyamun di tengah jalan dan melakukan perbuatan yang mungkar di tempat-tempat perhimpunan kamu? Dan tiada lain jawab kaumnya melainkan mereka berkata: Bawakanlah 'azab Allah kepada kami jika engkau dari orang-orang yang benar(29). Lalu dia (Lut) berdo'a: Wahai Tuhanku! Kurniakanlah pertolongan kepadaku untuk mengatasi kaum yang melakukan kerosakan(30). Dan apabila (malaikat-malaikat) utusan Kami datang kepada Ibrahim membawa berita gembira, mereka berkata: Sesungguhnya kami akan membinasakan penduduk negeri ini kerana penduduknya adalah orang-orang yang zalim(31). Dia (Ibrahim) berkata: Sesungguhnya di dalam negeri itu ada Lut. Jawab mereka: Kami lebih mengetahui tentang orang-orang yang tinggal di dalamnya. Kami akan menyelamatkannya dan keluarganya kecuali isterinya kerana dia adalah termasuk dalam golongan penduduk yang tertinggal (dibinasakan)(32). Dan apabila utusan-utusan Kami datang menemui Lut dia berdukacita dan merasa cemas kerana (kehadiran) mereka. Lalu mereka berkata: Janganlah anda takut dan janganlah anda dukacita. Sesungguhnya kami akan menyelamatkan anda dan keluarga anda kecuali isteri anda kerana dia adalah termasuk di dalam golongan penduduk yang tertinggal (dibinasakan)(33). Sesungguhnya Kami akan menurunkan 'azab dari langit ke atas penduduk negeri ini dengan sebab mereka telah melakukan perbuatan yang fasiq. (34). Dan sesungguhnya Kami telah tinggalkan (kesan-kesan runtuhan) dari negeri itu sebagai satu bukti yang nyata kepada orang-orang yang beraka."(35).

وَإِلَىٰ مَدْيَنَ أَخَاهُمْ شُعَيْبًا فَقَالَ يَٰقَوْمِ ٱعْبُدُوا۟
ٱللَّهَ وَٱرْجُوا۟ ٱلْيَوْمَ ٱلْءَاخِرَ وَلَا تَعْثَوْا۟ فِى ٱلْأَرْضِ
مُفْسِدِينَ ٣٦
فَكَذَّبُوهُ فَأَخَذَتْهُمُ ٱلرَّجْفَةُ فَأَصْبَحُوا۟ فِى دَارِهِمْ

جَٰثِمِينَ ٣٧
وَعَادٗا وَثَمُودَاْ وَقَد تَّبَيَّنَ لَكُم مِّن
مَّسَٰكِنِهِمۡۖ وَزَيَّنَ لَهُمُ ٱلشَّيۡطَٰنُ أَعۡمَٰلَهُمۡ
فَصَدَّهُمۡ عَنِ ٱلسَّبِيلِ وَكَانُواْ مُسۡتَبۡصِرِينَ ٣٨
وَقَٰرُونَ وَفِرۡعَوۡنَ وَهَٰمَٰنَۖ وَلَقَدۡ جَآءَهُم مُّوسَىٰ
بِٱلۡبَيِّنَٰتِ فَٱسۡتَكۡبَرُواْ فِي ٱلۡأَرۡضِ وَمَا كَانُواْ
سَٰبِقِينَ ٣٩
فَكُلًّا أَخَذۡنَا بِذَنۢبِهِۦۖ فَمِنۡهُم مَّنۡ أَرۡسَلۡنَا عَلَيۡهِ
حَاصِبٗا وَمِنۡهُم مَّنۡ أَخَذَتۡهُ ٱلصَّيۡحَةُ وَمِنۡهُم
مَّنۡ خَسَفۡنَا بِهِ ٱلۡأَرۡضَ وَمِنۡهُم مَّنۡ أَغۡرَقۡنَاۚ وَمَا
كَانَ ٱللَّهُ لِيَظۡلِمَهُمۡ وَلَٰكِن كَانُوٓاْ أَنفُسَهُمۡ
يَظۡلِمُونَ ٤٠

"Dan (Kami telah utuskan) kepada (penduduk) Madyan saudara mereka Syu'ayb lalu dia berkata: Wahai kaumku! Sembahlah Allah dan harapkanlah (pahala) hari Akhirat dan janganlah kamu bertindak sewenang-wenang melakukan kerosakan di bumi(36). Kemudian mereka mendustakannya, lalu mereka dibinasakan gempa bumi dan jadilah mereka mayat-mayat yang bergelimpangan di dalam rumah-rumah mereka(37). Dan (Kami juga telah membinasakan) kaum 'Ad dan Thamud dan sesungguhnya telah ternyata kepada kamu (kesan-kesan kebinasaan) dari rumah-rumah kediaman mereka, dan syaitan telah mendandankan perbuatan-perbuatan mereka (yang jahat) lalu dia menghalangi mereka dari jalan Allah, sedangkan mereka orang-orang yang mempunyai pandangan yang bijak(38). Dan (Kami juga telah membinasakan) Qarun, Fir'aun dan Haman, dan sesungguhnya Musa telah datang membawa kepada mereka keterangan-keterangan yang nyata, lalu mereka bertindak angkuh di bumi dan mereka tidak sekali-kali luput (dari kebinasaan)(39). Setiap mereka telah Kami binasakan dengan sebab dosa masing-masing. Di antara mereka ada yang Kami timpakan hujan batu ke atas mereka, dan di antara mereka pula ada yang dibinasakan oleh bahana yang dahsyat, dan di antara mereka lagi ada yang Kami benamkan ke dalam bumi dan di antara mereka ada yang Kami tenggelamkan (dalam lautan). Dan Allah tidak sekali-kali menganiayai mereka tetapi merekalah yang menganiayai diri sendiri."(40).

مَثَلُ ٱلَّذِينَ ٱتَّخَذُواْ مِن دُونِ ٱللَّهِ أَوۡلِيَآءَ
كَمَثَلِ ٱلۡعَنكَبُوتِ ٱتَّخَذَتۡ بَيۡتٗاۖ وَإِنَّ
أَوۡهَنَ ٱلۡبُيُوتِ لَبَيۡتُ ٱلۡعَنكَبُوتِۚ لَوۡ كَانُواْ
يَعۡلَمُونَ ٤١
إِنَّ ٱللَّهَ يَعۡلَمُ مَا يَدۡعُونَ مِن دُونِهِۦ مِن شَيۡءٖۚ
وَهُوَ ٱلۡعَزِيزُ ٱلۡحَكِيمُ ٤٢
وَتِلۡكَ ٱلۡأَمۡثَٰلُ نَضۡرِبُهَا لِلنَّاسِۖ وَمَا يَعۡقِلُهَآ
إِلَّا ٱلۡعَٰلِمُونَ ٤٣
خَلَقَ ٱللَّهُ ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَٱلۡأَرۡضَ بِٱلۡحَقِّۚ إِنَّ فِي
ذَٰلِكَ لَأٓيَةٗ لِّلۡمُؤۡمِنِينَ ٤٤
ٱتۡلُ مَآ أُوحِيَ إِلَيۡكَ مِنَ ٱلۡكِتَٰبِ وَأَقِمِ ٱلصَّلَوٰةَۖ
إِنَّ ٱلصَّلَوٰةَ تَنۡهَىٰ عَنِ ٱلۡفَحۡشَآءِ وَٱلۡمُنكَرِۗ
وَلَذِكۡرُ ٱللَّهِ أَكۡبَرُۗ وَٱللَّهُ يَعۡلَمُ مَا تَصۡنَعُونَ ٤٥

"Bandingan mereka yang mengambil pelindung-pelindung selain dari Allah adalah seperti labah-labah yang membuat rumah, dan sesungguhnya rumah yang paling lemah ialah rumah labah-labah, jika mereka mengetahui(41). Sesungguhnya Allah mengetahui apa sahaja yang disembah mereka selain dari Allah, dan Dia Maha Perkasa dan Maha Bijaksana(42). Dan Kami buatkan perumpamaan itu untuk (renungan) manusia, dan tiada yang dapat memahaminya kecuali orang-orang yang mengetahui(43). Dia (Allah) telah menciptakan langit dan bumi dengan lunas kebenaran: Sesungguhnya pada ciptaan itu menjadi bukti kepada orang-orang yang beriman(44). Bacalah apa yang diwahyukan kepadamu dari kitab Al-Qur'an ini dan dirikanlah solat kerana sesungguhnya solat mencegah dari perbuatan yang keji dan mungkar. Dan sesungguhnya Zikrullah itu adalah lebih besar (dari amalan-amalan yang lain). Dan Allah Mengetahui segala apa yang dilakukan kamu."(45).

(Latar belakang dan pokok pembicaraan)

Pusingan yang pertama tamat dengan pembicaraan mengenai Sunnatullah yang menguji orang-orang yang memilih keimanan untuk mengetahui siapakah yang benar-benar beriman dan siapakah yang berdusta. Ujian-ujian yang telah disebut ialah ujian dengan penindasan dan gangguan, ujian dengan hubungan kerabat dan ujian dengan pujuk rayu yang menggoda.

Di dalam pusingan ini pula Al-Qur'an membentangkan contoh-contoh ujian yang dihadapi oleh da'wah Islam di dalam sejarah umat manusia yang panjang iaitu sejak Nabi Nuh a.s. Contoh-contoh itu dikemukakan dalam bentuk ujian-ujian yang

diterima oleh rasul-rasul selaku pejuang-pejuang da'wah Allah sejak permulaan pertumbuhan umat manusia dengan memperincikan lebih panjang sedikit kisah Nabi Ibrahim dan Lut, sedangkan kisah-kisah selainnya hanya diterangkan secara ringkas sahaja.

Di dalam kisah-kisah ini terdapat berbagai-bagai bentuk ujian, kesulitan dan halangan yang menyekat jalan da'wah.

Di dalam kisah Nuh a.s. dengan kaumnya dapat dilihat dengan jelas betapa besar usaha perjuangan beliau dan betapa kecil hasilnya. Beliau tinggal di dalam kalangan kaumnya sembilan ratus lima puluh tahun, tetapi yang beriman kepada da'wahnya hanya segelintir manusia sahaja:

فَأَخَذَهُمُ ٱلطُّوفَانُ وَهُمْ ظَٰلِمُونَ ﴿١٤﴾

"Mereka telah dibinasakan banjir yang besar, sedangkan mereka didalam keadaan yang zalim (kafir)."(14)

Di dalam kisah Ibrahim dengan kaumnya dapat dilihat dengan jelas tindakan balas yang buruk dan kesesatan yang zalim. Beliau telah berusaha untuk membawa mereka ke jalan hidayat dengan segala keupayaannya dan berbicara dengan mereka berlandaskan hujah dan logik yang jelas:

فَمَا كَانَ جَوَابَ قَوْمِهِۦٓ إِلَّآ أَن قَالُوا۟ ٱقْتُلُوهُ أَوْ حَرِّقُوهُ

"Maka tiada lain jawapan kaumnya melainkan mereka berkata: Bunuhlah dia atau bakarlah dia."(24)

Di dalam kisah Lut pula dapat dilihat dengan jelas betapa angkuhnya manusia melakukan kejahatan homoseksual dengan terus terang tanpa malu dan segan, dan betapa rendahnya manusia jatuh ke tingkatan penyelewengan dan keganjilan yang paling rendah di samping bertindak sewenang-wenang terhadap Rasul, dan tiada lain jawapan kaumnya melainkan mereka berkata:

قَالُوا۟ ٱئْتِنَا بِعَذَابِ ٱللَّهِ إِن كُنتَ مِنَ ٱلصَّٰدِقِينَ ﴿٢٩﴾

"Bawakanlah 'azab Allah kepada kami jika engkau dari orang-orang yang benar."(29)

Di dalam kisah Syu'ayb dengan penduduk Madyan pula dapat dilihat dengan jelas betapa hebatnya kerosakan akhlak dan sikap memberontak kaumnya yang menentang kebenaran dan keadilan dan mendustakan Rasul.

فَكَذَّبُوهُ فَأَخَذَتْهُمُ ٱلرَّجْفَةُ فَأَصْبَحُوا۟ فِى دَارِهِمْ جَٰثِمِينَ ﴿٣٧﴾

"Lalu mereka dibinasakan gempa bumi dan jadilah mereka mayat-mayat yang bergelimpangan di dalam rumah-rumah mereka."(37)

Di dalam kisah 'Ad dan Thamud disebut bagaimana kaum-kaum itu berbangga-bangga dengan kekuatan mereka dan menyalahgunakan ni'mat-ni'mat Allah.

Di dalam kisah Qarun, Fir'aun dan Haman disebut tentang kezaliman dan keangkuhan mereka kerana memiliki kekayaan, dan tentang pemerintahan yang bermaharajalela dan sifat nifaq.

Kisah-kisah ini diiringi dengan satu perumpamaan yang menggambarkan segala kuasa dan kekuatan yang menentang da'wah Allah, iaitu biar bagaimana kuatnya kuasa itu namun ia:

كَمَثَلِ ٱلْعَنكَبُوتِ ٱتَّخَذَتْ بَيْتًا ۖ وَإِنَّ أَوْهَنَ ٱلْبُيُوتِ لَبَيْتُ ٱلْعَنكَبُوتِ ۖ لَوْ كَانُوا۟ يَعْلَمُونَ ﴿٤١﴾

"Adalah seperti labah-labah yang membuat rumah dan sesungguhnya rumah yang paling lemah ialah rumah labah-labah, jika mereka mengetahui."(41)

Pusingan ini berakhir dengan menyeru Rasulullah s.a.w. supaya membaca kitab suci Al-Qur'an, mendirikan solat dan kemudian tinggalkan sahaja perkara itu kepada Allah kerana:

وَٱللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ ﴿٤٥﴾

"Allah mengetahui segala apa yang dilakukan kamu."(45)

******

(Pentafsiran ayat-ayat 14 - 15)

وَلَقَدْ أَرْسَلْنَا نُوحًا إِلَىٰ قَوْمِهِۦ فَلَبِثَ فِيهِمْ أَلْفَ سَنَةٍ إِلَّا خَمْسِينَ عَامًا فَأَخَذَهُمُ ٱلطُّوفَانُ وَهُمْ ظَٰلِمُونَ ﴿١٤﴾

فَأَنجَيْنَٰهُ وَأَصْحَٰبَ ٱلسَّفِينَةِ وَجَعَلْنَٰهَآ ءَايَةً لِّلْعَٰلَمِينَ ﴿١٥﴾

"Dan sesungguhnya Kami telah mengutuskan Nuh kepada kaumnya lalu dia tinggal di dalam kalangan mereka selama seribu tahun kurang lima puluh. Mereka telah dibinasakan banjir yang besar, sedangkan mereka dalam keadaan zalim (kafir)(14). Kemudian Kami telah menyelamatkannya (Nuh) dan penumpang-penumpang bahtera dan Kami jadikan bahtera itu suatu bukti kekuasaan Kami kepada semesta alam."(15)

Usia Nabi Nuh

Pendapat yang kuat mengatakan lama masa Nuh a.s. menjadi Rasul menyeru kaumnya ialah sembilan ratus lima puluh tahun. Sebelum menjadi Rasul beliau telah didahului oleh satu masa kekosongan Rasul

yang tidak diketahui jarak lamanya, dan selepas diselamatkan dari banjir yang besar pula beliau telah diiringi oleh satu masa kekosongan Rasul yang juga tidak diketahui jarak lamanya. Usia beliau yang amat panjang itu pada hemat kita sekarang merupakan satu usia yang luar biasa dan tidak berlaku pada umur individu-individu manusia, tetapi keterangan mengenai usia beliau ini kita terima dari sumber yang paling benar di alam al-wujud ini dan ini sahaja sudah cukup untuk membuktikan kebenarannya. Andainya kita hendak memberi pentafsiran mengenai usia yang amat panjang itu dapatlah kita berkata bahawa bilangan manusia pada masa itu adalah kecil dan terbatas, oleh kerana itu tidaklah jauh jika dikatakan bahawa Allah telah menggantikan bilangan yang banyak itu dengan usia yang panjang untuk mengimarah dan membangunkan bumi dan melanjutkan hayat sehingga apabila bilangan manusia telah ramai dan bumi telah diimarahkan, maka ketika itu tidak ada lagi sebab yang diperlu untuk memanjangkan usia mereka. Gejala yang seperti ini dapat dilihat pada umur banyak binatang-binatang yang hidup. Semakin sedikit bilangan binatang-binatang itu dan zuriat keturunannya semakin panjang umurnya. Sebagaimana yang berlaku pada burung nasar atau helang dan setengah-setengah binatang merangkak atau reptilia sehingga setengah-setengahnya ada yang hidup hingga beratus-ratus tahun, sedangkan lalat yang beranak berjuta-juta itu hanya hidup tidak lebih dari dua minggu sahaja. Seorang penyair telah membayangkan gejala ini dalam sajaknya:

Burung-burung yang lemah paling banyak anaknya.

Tetapi ibu helang sedikit pula zuriatnya.

Kerana itu umur burung helang panjang dan umur burung-burung kecil pendek. Ciptaan Allah mempunyai hikmat yang amat mendalam, kerana segala sesuatu diciptakan dengan pertimbangan yang tepat.

Perjuangan selama sembilan ratus lima puluh tahun tidak memberi hasil kecuali hanya segelintir manusia sahaja yang beriman kepada da'wah Nuh. Banjir yang besar telah menyapu bilangan mereka yang terbesar dengan sebab kekafiran, keingkaran dan penolakan mereka terhadap da'wah yang begitu lama masanya itu. Hanya sebilangan kecil dari orang-orang yang beriman yang menumpang bahtera Nuh sahaja yang terselamat. Kisah banjir besar dan bahtera Nuh telah menjadi **"Suatu bukti kekuasaan kepada semesta alam"** yang mengisahkan kepada mereka tentang akibat kekafiran dan kezaliman di sepanjang zaman.

******

(Pentafsiran ayat-ayat 16 - 18)

Selepas kisah Nuh, Al-Qur'an telah menggulung abad-abad kemudiannya hingga sampai kepada zaman kerasulan yang agung iaitu kerasulan Nabi Ibrahim a.s:

وَإِبْرَٰهِيمَ إِذْ قَالَ لِقَوْمِهِ ٱعْبُدُوا۟ ٱللَّهَ وَٱتَّقُوهُ ۖ
ذَٰلِكُمْ خَيْرٌ لَّكُمْ إِن كُنتُمْ تَعْلَمُونَ ﴿١٦﴾
إِنَّمَا تَعْبُدُونَ مِن دُونِ ٱللَّهِ أَوْثَٰنًا وَتَخْلُقُونَ
إِفْكًا ۚ إِنَّ ٱلَّذِينَ تَعْبُدُونَ مِن دُونِ ٱللَّهِ لَا يَمْلِكُونَ
لَكُمْ رِزْقًا فَٱبْتَغُوا۟ عِندَ ٱللَّهِ ٱلرِّزْقَ وَٱعْبُدُوهُ
وَٱشْكُرُوا۟ لَهُۥٓ ۖ إِلَيْهِ تُرْجَعُونَ ﴿١٧﴾
وَإِن تُكَذِّبُوا۟ فَقَدْ كَذَّبَ أُمَمٌ مِّن قَبْلِكُمْ ۖ
وَمَا عَلَى ٱلرَّسُولِ إِلَّا ٱلْبَلَٰغُ ٱلْمُبِينُ ﴿١٨﴾

"(Kenangilah kisah) Ibrahim ketika dia berkata kepada kaumnya: Sembahlah Allah dan bertaqwalah kepada-Nya. Itu adalah lebih baik bagi kamu jika kamu mengetahui(16). Sesungguhnya kamu menyembah berhala-berhala selain dari Allah dan kamu mengada-adakan sesuatu yang dusta. Sesungguhnya sembahan-sembahan yang kamu sembah selain dari Allah itu tidak berkuasa memberi rezeki kepada kamu. Oleh itu carilah rezeki di sisi Allah dan sembahkan Dia serta bersyukurlah kepada-Nya. Kelak kepada-Nya kamu sekalian dikembalikan(17). Dan jika kamu mendustakan (Rasul), maka sesungguhnya umat-umat sebelum kamu juga pernah mendustakan (rasul-rasul mereka), sedangkan tugas Rasul itu hanya menyampaikan (perintah)."(18)

Langkah-langkah Da'wah Nuh

Beliau telah berda'wah kepada mereka dengan da'wah yang mudah dan jelas. Tidak ada sebarang kerumitan dan kesamaran. Da'wah itu diatur dengan rapi yang elok diperhatikan dengan teliti oleh para penda'wah.

Beliau memulakan da'wahnya dengan menerangkan hakikat da'wah:

ٱعْبُدُوا۟ ٱللَّهَ وَٱتَّقُوهُ ۖ

"Sembahlah Allah dan bertaqwalah kepada-Nya."(16)

Kemudian langkah yang kedua beliau menanamkan rasa kasih terhadap hakikat ini yang mengandungi kebaikan kepada mereka jika mereka tahu di mana letaknya kebaikan itu:

ذَٰلِكُمْ خَيْرٌ لَّكُمْ إِن كُنتُمْ تَعْلَمُونَ ﴿١٦﴾

"Itu adalah lebih baik bagi kamu jika kamu mengetahui."(16)

Ayat ini menggalakkan mereka supaya menolak kejahilan dan memilih kebaikan untuk diri mereka, dan dalam waktu yang sama ayat ini mengandungi

satu hakikat yang amat mendalam bukannya semata-mata merupakan kata-kata yang menaikkan semangat sahaja.

Langkah yang ketiga beliau menerangkan kerosakan 'aqidah mereka dari beberapa aspek. Pertama: Mereka menyembah berhala-berhala bukannya menyembah Allah, sedangkan berhala adalah patung yang dibuat dari kayu. Penyembahan berhala adalah satu ibadat yang karut apatah lagi jika mereka menyembah berhala itu dengan tujuan untuk mengelakkan diri dari menyembah Allah. Kedua: Mereka menyembah berhala-berhala itu tanpa bersandar kepada sesuatu bukti dan dalil, malah mereka mengada-adakan sesuatu yang dusta dan batil tanpa sebarang alasan. Mereka merekakan penyembahan itu dari diri mereka sendiri tanpa sesuatu dasar asas. Ketiga: Berhala-berhala itu tidak memberi sebarang manfa'at kepada mereka dan tidak memberi apa-apa rezeki kepada mereka:

إِنَّمَا تَعْبُدُونَ مِن دُونِ ٱللَّهِ أَوْثَٰنًا وَتَخْلُقُونَ إِفْكًا ۚ إِنَّ ٱلَّذِينَ تَعْبُدُونَ مِن دُونِ ٱللَّهِ لَا يَمْلِكُونَ لَكُمْ رِزْقًا فَٱبْتَغُوا۟ عِندَ ٱللَّهِ ٱلرِّزْقَ

"Sesungguhnya kamu menyembah berhala-berhala selain dari Allah dan kamu mengada-adakan sesuatu yang dusta. Sesungguhnya sembahan-sembahan yang kamu sembah selain dari Allah itu tidak berkuasa memberi rezeki kepada kamu."(17)

Keempat beliau menyeru mereka bertawajjuh kepada Allah supaya mereka memohon rezeki yang diperlukan mereka dari Allah sendiri:

فَٱبْتَغُوا۟ عِندَ ٱللَّهِ ٱلرِّزْقَ

"Oleh itu carilah rezeki di sisi Allah."(17)

Persoalan rezeki merupakan satu persoalan yang merungsingkan hati manusia terutama mereka yang belum dipenuhi iman, tetapi seruan mencari rezeki di sisi Allah Yang Maha Esa itu merupakan satu hakikat bukannya semata-mata untuk membangkitkan keinginan yang terpendam di dalam jiwa manusia.

Pada akhirnya beliau menyeru mereka bertawajjuh kepada Allah selaku Pengurnia rezeki dan ni'mat supaya mereka beribadat dan bersyukur kepada-Nya:

وَٱعْبُدُوهُ وَٱشْكُرُوا۟ لَهُۥٓ ۖ

"Dan sembahkan Dia serta bersyukurlah kepada-Nya."(17)

Akhir sekali beliau menerangkan kepada mereka bahawa mereka tidak dapat melarikan diri dari balasan Allah. Oleh itu lebih baik mereka kembali kepada Allah dengan membuat ibadat dan bersyukur kepada-Nya:

إِلَيْهِ تُرْجَعُونَ ﴿١٧﴾

"Kelak kepada-Nya kamu sekalian dikembalikan."(17)

Andainya mereka masih terus mendustakan engkau selepas diberi penjelasan-penjelasan ini, maka itu adalah perkara kecil sahaja. Ia tidak mendatangkan apa-apa kemudharatan kepada Allah. Ia tidak merugikan Rasul-Nya barang sedikit pun. Sebelum ini pun terdapat ramai manusia yang mendustakan Rasul, sedangkan tugas Rasul hanya menyampaikan perintah Allah sahaja:

وَإِن تُكَذِّبُوا۟ فَقَدْ كَذَّبَ أُمَمٌ مِّن قَبْلِكُمْ ۖ وَمَا عَلَى ٱلرَّسُولِ إِلَّا ٱلْبَلَٰغُ ٱلْمُبِينُ ﴿١٨﴾

"Dan jika kamu mendustakan (Rasul), maka sesungguhnya umat-umat sebelum kamu juga pernah mendustakan (rasul-rasul mereka), sedangkan tugas Rasul itu hanya menyampaikan (perintah)."(18)

Demikianlah Nabi Nuh a.s. berda'wah kepada mereka selangkah demi selangkah. Beliau memasuki hati mereka dari pintu-pintunya yang sebenar. Beliau memalu tali-tali rasa hati mereka dengan teliti dan mendalam. Langkah-langkah ini merupakan satu contoh cara berda'wah yang elok diperhatikan oleh setiap penda'wah supaya mereka mengikut contoh teladan Nuh a.s. dalam cara berda'wah dan berbicara dengan jiwa dan hati manusia.

******

(Pentafsiran ayat-ayat 19 - 23)

Sebelum Al-Qur'an mengakhiri kisah Nuh a.s. ia berhenti sebentar berbicara dengan semua pengingkar da'wah yang menyeru kepada Allah iaitu mereka yang tidak percaya kepada konsep pulang kepada Allah dan tidak percaya kepada kebangkitan selepas mati dan kepada hari Akhirat sebagai tempat kembali:

أَوَلَمْ يَرَوْا۟ كَيْفَ يُبْدِئُ ٱللَّهُ ٱلْخَلْقَ ثُمَّ يُعِيدُهُۥٓ ۚ إِنَّ ذَٰلِكَ عَلَى ٱللَّهِ يَسِيرٌ ﴿١٩﴾

قُلْ سِيرُوا۟ فِى ٱلْأَرْضِ فَٱنظُرُوا۟ كَيْفَ بَدَأَ ٱلْخَلْقَ ۚ ثُمَّ ٱللَّهُ يُنشِئُ ٱلنَّشْأَةَ ٱلْءَاخِرَةَ ۚ إِنَّ ٱللَّهَ عَلَىٰ كُلِّ شَىْءٍ قَدِيرٌ ﴿٢٠﴾

يُعَذِّبُ مَن يَشَآءُ وَيَرْحَمُ مَن يَشَآءُ ۖ وَإِلَيْهِ تُقْلَبُونَ ﴿٢١﴾

وَمَآ أَنتُم بِمُعْجِزِينَ فِى ٱلْأَرْضِ وَلَا فِى ٱلسَّمَآءِ ۖ وَمَا لَكُم مِّن دُونِ ٱللَّهِ مِن وَلِىٍّ وَلَا نَصِيرٍ ﴿٢٢﴾

وَٱلَّذِينَ كَفَرُوا۟ بِـَٔايَٰتِ ٱللَّهِ وَلِقَآئِهِۦٓ أُو۟لَٰٓئِكَ يَئِسُوا۟

مِن رَّحْمَتِي وَأُولَٰٓئِكَ لَهُمْ عَذَابٌ أَلِيمٌ ﴿٢٣﴾

"Tidakkah mereka melihat bagaimana Allah memulakan penciptaan makhluk-Nya (dari 'Adam) kemudian Dia mengulanginya semula (di Akhirat), sesungguhnya penciptaan sedemikian amat mudah kepada Allah(19). Katakanlah: Jelajahilah kamu di bumi ini dan lihatlah bagaimana Allah telah memulakan penciptaan makhluk-Nya (dari 'Adam), kemudian Allah mengadakan ciptaan itu sekali lagi (di Akhirat), sesungguhnya Allah Maha Kuasa di atas segala sesuatu(20). Dia menyeksakan siapa yang dikehendaki-Nya dan memberi rahmat kepada siapa yang dikehendaki-Nya, dan kepada-Nya kamu sekalian dikembalikan(21). Dan kamu tidak sekali-kali dapat melemahkan Allah di bumi dan di langit, dan kamu tidak sekali-kali memperolehi sebarang penaung dan penolong selain dari Allah(22). Dan orang-orang yang kafir terhadap ayat-ayat Allah dan pertemuan dengan-Nya, mereka adalah orang-orang yang putus harapan dari mendapat rahmat-Ku dan mereka akan memperolehi 'azab yang amat pedih."(23)

Penggunaan Ilmu Logik Dalam Perdebatan Merupakan Methodologi Asing Dalam Pemikiran Islam

Ayat ini ditujukan kepada setiap orang yang tidak percaya kepada Allah dan pertemuan dengan-Nya. Ayat ini menggunakan alam buana, langit dan bumi sebagai dalil dan buktinya mengikut cara Al-Qur'an yang selalu menggunakan alam buana seluruhnya sebagai pameran untuk membentangkan bukti-bukti dan dalil-dalil keimanan, juga sebagai lembaran yang terbuka untuk ditatap oleh semua hati yang ingin mencari bukti-bukti kekuasaan Allah dan dalil-dalil kewujudan, keesaan, kebenaran janji dan amaran-Nya. Pemandangan-pemandangan dan gejala-gejala alam buana sentiasa terpampang di hadapan mata dan tidak pernah luput kepada sesiapa pun, tetapi kesegaran dan kebaharuannya hilang pada hati manusia kerana terlalu biasa melihatnya. Kesannya juga lemah pada hati mereka kerana terlalu kerap berulang-ulang. Oleh itu Al-Qur'anul-Karim mengembalikan mereka semula kepada keindahan pemandangan alam buana itu dan kepada bukti-bukti yang gemilang dengan bimbingan-bimbingannya yang menarik dan menghidupkan, pemandangan-pemandangan dan gejala-gejala itu di dalam hati mereka. Al-Qur'an merangsangkan minat dan kesedaran mereka supaya meneliti rahsia-rahsia dan kesan-kesan dari pemandangan-pemandangan dan gejala-gejala alam buana itu. Al-Qur'an menjadikan pemandangan-pemandangan dan gejala-gejala itu sebagai bukti-bukti dan dalil-dalil yang dapat disaksikan oleh mata dan dirasakan oleh hati. Al-Qur'an tidak menggunakan cara-cara perdebatan mental yang dingin atau menggunakan hujah-hujah secara ilmu logik yang tidak bernafas dan bergerak. Cara perdebatan dan cara menggunakan hujah-hujah secara ilmu logik itu adalah suatu cara asing yang baru masuk dari luar ke dalam pemikiran Islam. Oleh itu cara ini tetap asing kepadanya. Al-Qur'an menggunakan perumpamaan-perumpamaan dan methodologi yang tersendiri.

أَوَلَمْ يَرَوْا۟ كَيْفَ يُبْدِئُ ٱللَّهُ ٱلْخَلْقَ ثُمَّ يُعِيدُهُۥٓ ۚ
إِنَّ ذَٰلِكَ عَلَى ٱللَّهِ يَسِيرٌ ﴿١٩﴾

"Tidakkah mereka melihat bagaimana Allah memulakan penciptaan makhluk-Nya (dari 'Adam), kemudian Dia mengulanginya semula (di Akhirat), sesungguhnya penciptaan sedemikian amat mudah kepada Allah."(19)

Mereka memang melihat bagaimana Allah memulakan penciptaan-Nya. Mereka melihatnya pada benih yang tumbuh, pada telur, pada bayi dan pada setiap kejadian yang dahulunya tidak ada kemudian ada, iaitu kejadian-kejadian yang tidak kuasa diciptakan manusia sama ada secara berkelompok atau secara perseorangan. Rahsia hayat sahaja merupakan suatu rahsia yang melemahkan manusia dan ia masih tetap melemahkan manusia untuk mengetahui asal mula hayat itu dan bagaimana ia muncul. Jangan anda hiraukan mana-mana tafsiran yang dicuba dan didakwa oleh mana-mana manusia, kerana rahsia hayat itu tidak dapat ditafsirkan melainkan hanya dengan tafsiran bahawa hayat itu adalah dari ciptaan Allah yang memulakan ciptaan-Nya pada setiap detik di hadapan mata dan kesedaran manusia. Mereka memang melihat bagaimana Allah memulakan penciptaan-Nya dan mereka tidak berupaya mengingkarkannya.

Dan andainya mereka melihat bagaimana Allah berkuasa memulakan ciptaan-Nya dari 'Adam dengan mata kepala mereka, maka Allah yang berkuasa memulakan ciptaan-Nya itu berkuasa pula mengulangi ciptaan-Nya:

إِنَّ ذَٰلِكَ عَلَى ٱللَّهِ يَسِيرٌ ﴿١٩﴾

"Sesungguhnya penciptaan sedemikian amat mudah kepada Allah."(19)

Tiada suatu yang sukar dalam penciptaan Allah Ta'ala, tetapi di dalam ayat ini Al-Qur'an menggunakan ukuran manusia iaitu mengikut pertimbangan manusia, iaitu mengulangi ciptaan lebih mudah dari memulakannya. Jika tidak, maka di sisi qudrat Allah Ta'ala memulakan ciptaan itu sama sahaja dengan mengulangi ciptaan dan mengulangi ciptaan sama sahaja dengan memulakan ciptaan. Semuanya terlaksana dengan semata-mata iradat Allah dan kalimat "kun" sahaja.

Kemudian Al-Qur'an menyeru mereka supaya menjelajah di bumi dan meneliti ciptaan Allah dan bukti-bukti kekuasaan-Nya di dalam segala penciptaan-Nya sama ada pada makhluk-makhuk yang beku atau makhluk-makhluk yang bernyawa supaya mereka dapat memahami bahawa Allah yang berkuasa memulakan ciptaan makhluk-Nya berkuasa pula mengulangi ciptaan itu tanpa sebarang kepayahan:

قُلْ سِيرُوا۟ فِى ٱلْأَرْضِ فَٱنظُرُوا۟ كَيْفَ بَدَأَ ٱلْخَلْقَ ۚ
ثُمَّ ٱللَّهُ يُنشِئُ ٱلنَّشْأَةَ ٱلْـَٔاخِرَةَ ۚ إِنَّ ٱللَّهَ عَلَىٰ كُلِّ شَىْءٍ
قَدِيرٌ ﴿٢٠﴾

"Katakanlah: Jelajahilah kamu di bumi ini dan lihatlah bagaimana Allah telah memulakan penciptaan makhluk-Nya (dari 'Adam), kemudian Allah, mengadakan ciptaan itu sekali lagi (di Akhirat), sesungguhnya Allah Maha Kuasa di atas segala sesuatu."(20)

Penjelajahan di bumi boleh membuka mata dan hati kerana melihat berbagai-bagai pemandangan baru yang belum biasa di pandang mata dan belum dijemu hati. Ayat ini secara mendalam menarik perhatian manusia kepada satu hakikat yang amat halus.

Melancong Dan Menjelajah Menghidupkan Minat Yang Beku

Seseorang yang tinggal menetap di suatu tempat yang dibiasakannya itu tidak tertarik lagi kepada mana-mana pemandangan dan kejadian-kejadian yang menarik di tempat itu, tetapi apabila dia bermusafir, berpindah dan melancong ke tempat-tempat lain, maka hatinya akan tertarik kepada setiap pemandangan dan gejala alam di negeri yang baru itu, iaitu pemandangan dan gejala alam yang sama atau lebih indah lagi darinya yang selama ini dilihat di negerinya sendiri tanpa menarik perhatiannya. Tetapi apabila dia kembali ke tanahairnya dia mungkin mendapat perasaan dan semangat baru untuk menyelidik, meneliti dan mengkagumi pemandangan-pemandangan dan gejala-gejala alam tanahairnya sendiri yang tidak diberi perhatian sebelum ia menjelajah meninggalkan tanahairnya. Pemandangan-pemandangan dan gejala-gejala alam yang menarik di tanahairnya itu akan kembali memberi bisikan-bisikannya yang menarik kepadanya yang selama ini diabaikannya atau selama ini pemandangan-pemandangan itu tidak memberi apa-apa bisikan kepadanya.

Maha Suci Allah yang telah menurunkan Al-Qur'an yang amat arif dengan rahsia-rahsia hati dan jiwa manusia.

قُلْ سِيرُوا۟ فِى ٱلْأَرْضِ فَٱنظُرُوا۟ كَيْفَ بَدَأَ ٱلْخَلْقَ ۚ

"Katakanlah: Jelajahilah kamu di bumi ini dan lihatlah bagaimana Allah telah memulakan penciptaan makhluk-Nya (dari 'Adam)."(20)

Penyelidikan Mengikut Jejak Hayat

Dalam ayat ini Al-Qur'an menggunakan kata-kata kerja yang telah lepas (madhi) iaitu *"Bagaimana Allah telah memulakan penciptaan makhluk-Nya"* setelah Ia memerintah supaya manusia menjelajah di bumi untuk melihat bagaimana Allah memulakan ciptaan-Nya. Pengungkapan ini menyampaikan suatu saranan yang tertentu kepada hati manusia, iaitu di bumi ini memang terdapat berbagai-bagai bukti yang menunjukkan asal mula wujudnya makhluk-makhluk yang hidup dan bagaimana Allah telah memulakan ciptaan-Nya seperti kesan-kesan yang ditemui dalam penggalian-penggalian (ekskavasi) yang dikesan oleh ahli-ahli sains hari ini dengan tujuan untuk mengetahui rahsia hayat. Bagaimana asal mulanya dan bagaimana ia tersebar dan meningkat maju? Walaupun mereka belum lagi mengetahui rahsia hayat itu dan apakah hakikatnya? Dan dari mana hayat itu datang ke bumi? Dan bagaimana wujudnya makhluk hidup yang pertama di bumi ini?

Ayat ini merupakan satu arahan dari Allah supaya manusia menyelidik rahsia penciptaan hayat yang pertama (hidup dunia) itu dan menggunakannya setelah mengetahuinya sebagai dalil dan bukti di atas kekuasaan Allah menciptakan manusia sekali lagi (selepas matinya) di Akhirat.

Di samping itu saranan itu ada lagi satu saranan lain, iaitu orang-orang yang ditujukan ayat ini bagi pertama kalinya kepada mereka adalah tidak mempunyai kelayakan untuk membuat kajian ilmiyah seperti ini kerana kajian ini baru sahaja dilakukan manusia. Mereka tentulah tidak mampu pada masa itu untuk memahami hakikat yang hendak disampaikan itu - andainya hakikat itulah yang hendak disampaikan - oleh itu tentulah ayat ini menuntut dari mereka satu usaha yang lain yang mampu dibuat oleh mereka, iaitu satu usaha yang membolehkan mereka dapat memahami penciptaan semula manusia pada hari Akhirat. Jadi yang dituntut dari mereka ialah supaya mereka memikirkan bagaimanakah hayat itu bermula pada tumbuh-tumbuhan, haiwan dan manusia pada setiap tempat. Tujuan penjelajahan di bumi sebagaimana kami telah terangkan tadi adalah untuk menyedarkan pancaindera dan perasaan manusia melalui aktiviti melihat pemandangan-pemandangan yang baru dan mengajaknya supaya meneliti dan merenungi kesan-kesan qudrat Allah yang menciptakan hayat itu, iaitu, kesan-kesan yang sentiasa muncul setiap sa'at malam dan siang.

Di sana ada satu lagi kemungkinan yang lebih besar yang memang sesuai dengan tabiat Al-Qur'an iaitu Al-Qur'an menyampaikan arahan-arahannya yang sesuai dengan semua perkembangan hidup manusia di seluruh generasinya, sesuai dengan semua tahap, suasana alat-alat dan sarana hidup mereka masing-masing supaya setiap orang dapat memahami arahan-arahan Al-Qur'an itu mengikut keadaan hidup dan kemampuan masing-masing. Jadi arahan-arahan Al-Qur'an itu tetap lunak dan layak untuk memimpin hidup manusia dan perkembangannya buat selama-lamanya. Dengan pentafsiran ini tidak lagi terdapat apa-apa percanggahan di antara dua saranan itu dan ini adalah lebih dekat dan lebih baik.

إِنَّ ٱللَّهَ عَلَىٰ كُلِّ شَىْءٍ قَدِيرٌ ﴿٢٠﴾

"Sesungguhnya Allah Maha Kuasa di atas segala sesuatu."(20)

Yakni Allah memulakan ciptaan hayat dan mengulanginya dengan qudrat kuasa-Nya yang mutlak yang tidak terikat dengan pemahaman-pemahaman manusia yang lemah, juga tidak terikat dengan apa yang dikira oleh manusia sebagai undang-undang untuk mengukur apa yang mungkin dan apa yang tidak mungkin mengikut pengalaman-pengalaman mereka yang terbatas.

Di antara gejala qudrat Allah di atas segala sesuatu ialah Dia mengazabkan siapa yang dikehendaki-Nya dan memberi rahmat kepada siapa yang dikehendaki-Nya, dan seluruh manusia akan pulang kepada-Nya sahaja. Tiada siapa yang boleh melemahkan-Nya dan tiada siapa yang boleh membantah kehendak-Nya:

يُعَذِّبُ مَن يَشَآءُ وَيَرۡحَمُ مَن يَشَآءُۖ وَإِلَيۡهِ تُقۡلَبُونَ ﴿٢١﴾
وَمَآ أَنتُم بِمُعۡجِزِينَ فِي ٱلۡأَرۡضِ وَلَا فِي ٱلسَّمَآءِۖ
وَمَا لَكُم مِّن دُونِ ٱللَّهِ مِن وَلِيّٖ وَلَا نَصِيرٖ ﴿٢٢﴾

"Dia menyeksakan siapa yang dikehendaki-Nya dan memberi rahmat kepada siapa yang dikehendaki-Nya, dan kepada-Nya kamu sekalian dikembalikan(21). Dan kamu tidak sekali-kali dapat melemahkan Allah di bumi dan di langit, dan kamu tidak sekali-kali memperolehi sebarang penaung dan penolong selain dari Allah."(22)

Maksud Azab Dan Rahmat Tertakluk Kepada Kehendak Allah

Azab dan rahmat itu adalah tertakluk kepada kehendak iradat Allah, iaitu Allah telah menyatakan jalan hidayat dan jalan kesesatan dengan jelas, dan Dia telah mengurniakan kesediaan yang cukup bagi manusia yang membolehkan seseorang itu memilih di antara dua jalan itu dengan memberi kemudahan yang sama dan setelah itu dialah yang bertanggungjawab terhadap jalan yang dipilihnya, tetapi usaha seseorang memilih jalan menuju Allah dan menyintai hidayat-Nya akan berakhir dengan memperolehi pertolongan dari Allah sebagaimana yang ditetapkan-Nya, begitu juga keengganan seseorang menerima bukti-bukti hidayat dan bertindak menghalanginya akan berakhir dengan kesesatan dan tersisih dari Allah. Di sinilah letaknya rahmat dan 'azab Allah.

وَإِلَيۡهِ تُقۡلَبُونَ ﴿٢١﴾

"Dan kepada-Nya kamu sekalian dikembalikan."(21)

Ayat ini merupakan satu penjelasan yang keras mengenai perkembalian manusia kepada Allah yang sesuai pula dengan penjelasan ayat yang berikut:

وَمَآ أَنتُم بِمُعۡجِزِينَ فِي ٱلۡأَرۡضِ وَلَا فِي ٱلسَّمَآءِۖ
وَمَا لَكُم مِّن دُونِ ٱللَّهِ مِن وَلِيّٖ وَلَا نَصِيرٖ ﴿٢٢﴾

"Dan kamu tidak sekali-kali dapat melemahkan Allah di bumi dan di langit, dan kamu tidak sekali-kali memperolehi sebarang penaung dan penolong selain dari Allah."(22)

Kamu tidak mempunyai sebarang kekuatan di alam ini untuk mengelakkan diri kamu dari kembali kepada Allah sama ada kekuatan dari diri kamu sendiri atau kekuatan dari sembahan-sembahan yang disembah oleh kamu seperti kekuatan malaikat dan jin yang kamu kira mempunyai kuasa di langit itu.

وَمَا لَكُم مِّن دُونِ ٱللَّهِ مِن وَلِيّٖ وَلَا نَصِيرٖ ﴿٢٢﴾

"Dan kamu tidak sekali-kali memperolehi sebarang penaung dan penolong selain dari Allah."(22)

Di manakah taraf penaung dan penolong selain dari Allah? Di manakah qudrat kuasa penaung dan penolong dari manusia atau malaikat atau jin? Sedangkan mereka semuanya makhluk hamba dari ciptaan Allah yang tidak mempunyai sebarang kuasa untuk memberi manfa'at dan menjauhkan kemudharatan dari mereka sendiri apatah lagi untuk memberi manfa'at dan menjauhkan kemudharatan dari orang lain?

وَٱلَّذِينَ كَفَرُواْ بِـَٔايَٰتِ ٱللَّهِ وَلِقَآئِهِۦٓ أُوْلَٰٓئِكَ يَئِسُواْ
مِن رَّحۡمَتِي وَأُوْلَٰٓئِكَ لَهُمۡ عَذَابٌ أَلِيمٞ ﴿٢٣﴾

"Dan orang-orang yang kafir terhadap ayat-ayat Allah dan pertemuan dengan-Nya mereka adalah orang-orang yang putus harapan dari mendapat rahmat-Ku dan mereka akan memperolehi 'azab yang amat pedih."(23)

Seseorang itu tidak berputus asa dari rahmat Allah kecuali hatinya tidak percaya kepada Allah dan kecuali hubungannya putus dengan Allah. Begitu juga seseorang itu tidak akan kafir terhadap Allah melainkan apabila dia berputus asa dari menghubungkan hatinya dengan Allah dan melainkan apabila kebasahan hatinya menjadi kering hingga tidak lagi mendapat jalan menuju rahmat Allah. Akibatnya ialah **"Mereka akan memperolehi 'azab yang amat pedih."**

******

(Pentafsiran ayat-ayat 24 - 27)

Selepas ayat selingan yang dibawa di tengah-tengah kisah ini, iaitu ayat selingan yang ditujukan kepada setiap orang yang ingkarkan da'wah keimanan dan secara tidak langsung ditujukan juga kepada kaum Ibrahim a.s.... selepas ayat selingan ini Al-Qur'an kembali pula menceritakan jawapan dan sambutan kaum Ibrahim terhadap da'wahnya. Jawapan itu merupakan satu jawapan yang ganjil dan aneh. Ia memperlihatkan sikap kekafiran dan kezaliman mereka yang angkuh kerana mempunyai kekuatan dan kuasa.

Jawapan Kaum Ibrahim Kepada Da'wahnya

فَمَا كَانَ جَوَابَ قَوْمِهِۦٓ إِلَّآ أَن قَالُوا۟ ٱقْتُلُوهُ أَوْ حَرِّقُوهُ فَأَنجَىٰهُ ٱللَّهُ مِنَ ٱلنَّارِ ۚ إِنَّ فِى ذَٰلِكَ لَءَايَٰتٍ لِّقَوْمٍ يُؤْمِنُونَ ﴿٢٤﴾

"Maka tiada lain jawapan kaumnya (Ibrahim) melainkan mereka berkata: Bunuhlah dia atau bakarlah dia, lalu Allah menyelamatkannya dari (jilatan) api. Sesungguhnya peristiwa itu merupakan bukti-bukti (kekuasaan Allah) kepada golongan orang-orang yang beriman."(24)

Bunuhkan dia atau bakarlah dia - itulah sahaja jawapan dan sambutan mereka terhadap da'wah Nabi Ibrahim a.s. iaitu satu da'wah yang jelas, mudah dan tersusun rapi untuk berbicara dengan hati dan akal mereka sebagaimana Kami telah jelaskan nilainya yang baik dalam rangka usaha mengemukakan da'wah-da'wah kepada manusia.

Oleh kerana kezaliman telah menunjukkan wajahnya yang ganas, sedangkan Ibrahim a.s. tidak berupaya mempertahankan dirinya dari keganasan itu, dan oleh kerana beliau berdiri seorang diri, tidak bersenjata dan tidak berupaya, maka di sinilah qudrat Allah tampil campur tangan secara terbuka melaksanakan satu mu'jizat yang mencarikkan adat kebiasaan manusia:

فَأَنجَىٰهُ ٱللَّهُ مِنَ ٱلنَّارِ

"Lalu Allah menyelamatkannya dari (jilatan) api."(24)

Keselamatan beliau dari jilatan api dengan cara mu'jizat, itu adalah menjadi bukti kebenaran kepada mereka yang mempunyai hati yang bersedia untuk beriman, tetapi kaum Ibrahim tetap tidak beriman kepada da'wahnya walaupun ditunjukkan bukti mu'jizat itu kepada mereka. Ini menunjukkan bahawa kejadian-kejadian mu'jizat itu tidak dapat memberi hidayat kepada hati manusia, malah yang memberi hidayat itu ialah wujudnya kesediaan hati untuk menerima hidayat dan iman itu:

إِنَّ فِى ذَٰلِكَ لَءَايَٰتٍ لِّقَوْمٍ يُؤْمِنُونَ ﴿٢٤﴾

"Sesungguhnya peristiwa itu merupakan bukti-bukti (kekuasaan Allah) kepada golongan orang-orang yang beriman."(24)

Bukti yang pertama ialah keselamatan Ibrahim a.s. dari jilatan api. Bukti yang kedua ialah kelemahan pemerintah yang zalim untuk membinasakan seorang manusia yang dikehendaki selamat oleh Allah. Bukti yang ketiga ialah peristiwa mu'jizat itu tidak dapat memberi hidayat kepada hati yang kafir. Itulah pengajaran-pengajaran kepada sesiapa yang ingin mempelajari sejarah da'wah-da'wah, perubahan-perubahan hati manusia dan faktor-faktor hidayat dan kesesatan.

Al-Qur'an meneruskan penceritaannya selepas Ibrahim a.s. terselamat dari api. Beliau berputus asa dari mendapat sambutan kaumnya yang tidak sedikit pun lembut setelah melihat mu'jizat yang terang itu, lalu beliau mendedahkan hakikat mereka kepada diri mereka sendiri sebelum bertindak memencilkan diri dari mereka:

وَقَالَ إِنَّمَا ٱتَّخَذْتُم مِّن دُونِ ٱللَّهِ أَوْثَٰنًا مَّوَدَّةَ بَيْنِكُمْ فِى ٱلْحَيَوٰةِ ٱلدُّنْيَا ۖ ثُمَّ يَوْمَ ٱلْقِيَٰمَةِ يَكْفُرُ بَعْضُكُم بِبَعْضٍ وَيَلْعَنُ بَعْضُكُم بَعْضًا وَمَأْوَىٰكُمُ ٱلنَّارُ وَمَا لَكُم مِّن نَّٰصِرِينَ ﴿٢٥﴾

"Dan dia (Ibrahim) berkata (kepada kaumnya): Tujuan kamu menyembah berhala-berhala selain dari Allah itu semata-mata kerana memelihara hubungan mesra di antara kamu di dalam kehidupan dunia sahaja, kemudian pada hari Qiamat kelak kamu akan ingkarkan satu sama lain dan mengutuk satu sama lain dan tempat kembali kamu ialah Neraka dan kamu tidak sekali-kali akan memperolehi penolong-penolong."(25)

Tujuan Mereka Menyembah Berhala

Ibrahim berkata kepada mereka: Kamu menyembah berhala-berhala selain dari Allah itu bukanlah berdasarkan kepercayaan dan keyakinan kepada kebenaran penyembahan itu, malah kamu menyembahkannya semata-mata kerana mengambil hati di antara kamu dan mencari kata sepakat di antara kamu melalui penyembahan itu. Seorang kawan tidak mahu meninggalkan sembahan kawannya dengan tujuan untuk mengekalkan hubungan mesra walaupun dengan mengorbankan kebenaran dan 'aqidah yang suci. Keadaan yang seperti ini berlaku di dalam kelompok manusia yang tidak berpegang teguh kepada 'aqidah yang benar. Seorang kawan berusaha mengambil hati kawannya dengan mengorbankan 'aqidah yang benar, sedangkan 'aqidah yang benar itu memerlukan pegangan yang amat serius yang tidak menerima sikap tolak ansur, sikap berlembut dan sikap mengambil hati.

Kemudian Al-Qur'an mendedahkan keadaan mereka di Akhirat. Di sana mereka akan dapati bahawa hubungan mesra yang dibimbangi mereka akan terjejas dengan sebab pertelingkahan kerana 'aqidah itu atau hubungan mesra yang dipelihara mereka dengan menyembah berhala-berhala itu akan berubah pada hari Qiamat kelak kepada bermusuhan, pertelagahan, di mana kawan mengutuk kawannya yang telah menyesatkannya:

ثُمَّ يَوْمَ ٱلْقِيَٰمَةِ يَكْفُرُ بَعْضُكُم بِبَعْضٍ وَيَلْعَنُ

بَعۡضُكُم بَعۡضٗا

"Kemudian pada hari Qiamat kelak kamu akan ingkarkan satu sama lain dengan mengutuk satu sama lain."(25)

Pada hari Qiamat kelak pengikut-pengikut akan membantah orang-orang yang diikuti mereka dan sahabat tidak mengakui sahabatnya. Setiap kumpulan menuduh kumpulan yang lain sebagai bertanggungjawab menyesatkan mereka. Setiap yang sesat mengutuk kawan yang telah menyesatkannya. Tetapi kekafiran dan kutuk mengutuk itu tidak memberi apa-apa faedah dan tidak dapat menghalangkan 'azab Allah dari seseorang.

وَمَأۡوَىٰكُمُ ٱلنَّارُ وَمَا لَكُم مِّن نَّٰصِرِينَ ﴿٢٥﴾

"Dan tempat kembali kamu ialah Neraka dan kamu tidak sekali-kali akan memperolehi penolong-penolong."(25)

Nabi Ibrahim a.s. yang hendak dibakar mereka dengan api itu telah diselamatkan Allah, tetapi mereka yang akan dibakar dengan api Neraka pada hari Qiamat itu tidak akan mendapat sebarang pertolongan.

Ibrahim Berhijrah Bersama Lut Ke Seberang Jordan

Da'wah Nabi Ibrahim a.s. dan mu'jizat yang dikurniakan Allah kepada-Nya itu telah berakhir dengan berimannya seorang lelaki iaitu Lut anak saudara beliau sebagaimana disebut oleh setengah-setengah riwayat. Lut telah berpindah bersama beliau dari Ur al-Kaldaniyin di Iraq menuju seberang Jordan. Di sanalah mereka berdua bermastautin:

فَـَٔامَنَ لَهُۥ لُوطٞۘ وَقَالَ إِنِّي مُهَاجِرٌ إِلَىٰ رَبِّيٓۖ
إِنَّهُۥ هُوَ ٱلۡعَزِيزُ ٱلۡحَكِيمُ ﴿٢٦﴾

"Kemudian Lut beriman kepadanya (Ibrahim) dan berkata: Sesungguhnya aku hendak berhijrah kepada Tuhanku. Sesungguhnya Dia Maha Perkasa dan Maha Bijaksana."(26)

Marilah kita berhenti sejenak di hadapan perkataan Lut "*Sesungguhnya aku hendak berhijrah kepada Tuhanku*" supaya dapat kita melihat apakah tujuan beliau berhijrah. Beliau bukan berhijrah untuk menyelamatkan dirinya dan bukan pula untuk menuju ke sebuah negeri yang tertentu atau untuk mencari rezeki atau berniaga, malah beliau berhijrah kepada Allah, iaitu berhijrah untuk mendampingkan diri kepada Allah dan berlindung di bawah naungan-Nya. Beliau telah pun berhijrah kepada Allah dengan hati dan aqidahnya sebelum berhijrah kepada-Nya, dengan tubuh badan. Beliau berhijrah kepada Allah untuk menumpukan ibadat kepada-Nya dan memberi seluruh hati dan jiwa raganya kepada Allah di negeri tempat beliau berpindah, iaitu sebuah negeri yang jauh dari negeri kafir dan sesat. Beliau berpindah ke sana setelah tidak ada harapan lagi bahawa penduduk negeri itu akan pulang kepada hidayat dan iman.

Allah telah mengurniakan gantirugi tanahair, kaum dan keluarga kepada Ibrahim dengan satu zuriat keturunan yang membawa risalah Allah hingga hari Qiamat. Seluruh nabi dan seluruh da'wah selepas beliau adalah lahir di dalam kalangan zuriatnya. Itulah satu pampasan yang amat besar di dunia dan Akhirat.

وَوَهَبۡنَا لَهُۥٓ إِسۡحَٰقَ وَيَعۡقُوبَ وَجَعَلۡنَا فِي
ذُرِّيَّتِهِ ٱلنُّبُوَّةَ وَٱلۡكِتَٰبَ وَءَاتَيۡنَٰهُ أَجۡرَهُۥ
فِي ٱلدُّنۡيَاۖ وَإِنَّهُۥ فِي ٱلۡأٓخِرَةِ لَمِنَ ٱلصَّٰلِحِينَ ﴿٢٧﴾

"Dan Kami telah mengurniakan kepadanya Ishaq dan Ya'kub dan Kami tetapkan kenabian dan kitab-kitab suci di dalam kalangan zuriatnya dan Kami kurniakan balasan kepadanya di dunia, dan sesungguhnya dia di Akhirat kelak dari golongan para Solehin."(27)

Itulah limpah kurnia Allah yang amat besar yang mencerminkan keredhaan-Nya terhadap seorang Rasul yang telah memberi seluruh keikhlasannya kepada Allah, seorang yang telah diputuskan oleh pemerintah yang zalim untuk membakarnya hidup-hidup, tetapi dengan limpah rahmat Allah seluruh api di sekelilingnya menjadi dingin dan selamat. Itulah balasan Allah yang setimpal kepada beliau.

******

(Pentafsiran ayat-ayat 28 - 35)

Fenomena Pertama Homoseksual Di Kalangan Kaum Lut

Kemudian tiba pula kisah Lut selepas kisah Ibrahim, iaitu setelah beliau berhijrah kepada Allah bersama Ibrahim. Kedua-duanya turun di Wadi al-Urdun kemudian Lut tinggal sendirian bersama satu qabilah yang tinggal di pinggir Laut Mati atau Tasik Lut mengikut nama kebelakangan. Qabilah itu tinggal di bandar Sadum (Sodome) dan akhirnya Lut terserap di dalam qabilah itu melalui hubungan persemendaan dan kehidupan.

Kemudian berlaku satu keganjilan nafsu seks di dalam kalangan kaum Lut itu. Al-Qur'an menyebut bahawa keganjilan itu pertama kali berlaku di dalam sejarah umat manusia, iaitu penyelewengan nafsu berahi kepada jenis lelaki bukannya kepada jenis perempuan yang sememangnya dijadikan Allah untuk lelaki supaya terbentuk dari dua jenis itu unit pasangan-pasangan yang tabi'i yang melahirkan zuriat untuk menyambung kehidupan menurut undang-undang yang berlaku di kalangan semua makhluk yang bernyawa, di mana Allah ciptakan jantan dan betina, lelaki dan perempuan. Keganjilan nafsu seks dan penyelewengan kepada jenis yang sama tidak pernah berlaku sebelum kaum Lut:

وَلُوطًا إِذْ قَالَ لِقَوْمِهِۦٓ إِنَّكُمْ لَتَأْتُونَ ٱلْفَٰحِشَةَ
مَا سَبَقَكُم بِهَا مِنْ أَحَدٍ مِّنَ ٱلْعَٰلَمِينَ ﴿٢٨﴾
أَئِنَّكُمْ لَتَأْتُونَ ٱلرِّجَالَ وَتَقْطَعُونَ ٱلسَّبِيلَ
وَتَأْتُونَ فِى نَادِيكُمُ ٱلْمُنكَرَ ۖ فَمَا كَانَ جَوَابَ
قَوْمِهِۦٓ إِلَّآ أَن قَالُوا۟ ٱئْتِنَا بِعَذَابِ ٱللَّهِ إِن كُنتَ
مِنَ ٱلصَّٰدِقِينَ ﴿٢٩﴾
قَالَ رَبِّ ٱنصُرْنِى عَلَى ٱلْقَوْمِ ٱلْمُفْسِدِينَ ﴿٣٠﴾

"Dan (kenangilah kisah) Lut ketika dia berkata kepada kaumnya: Sesungguhnya kamu melakukan kejahatan (liwat) yang keji yang tidak pernah dilakukan oleh seseorang pun dari umat manusia sebelum kamu(28). Adakah patut kamu melakukan persetubuhan dengan lelaki dan menyamun di tengah jalan dan melakukan perbuatan yang mungkar di tempat-tempat perhimpunan kamu? Dan tiada lain jawab kaumnya melainkan mereka berkata: Bawakanlah 'azab Allah kepada kami jika engkau dari orang-orang yang benar(29). Lalu dia (Lut) berdo'a: Wahai Tuhanku! Kurniakanlah pertolongan kepadaku untuk mengatasi kaum yang melakukan kerosakan."(30)

Dari percakapan Lut kepada kaumnya jelaslah bahawa kerosakan akhlak itu telah merebak luas di dalam kalangan kaumnya dengan segala ragamnya. Mereka melakukan kejahatan seks yang ganjil yang belum pernah dilakukan oleh manusia yang lain.

Mereka mengadakan hubungan nafsu dengan sesama lelaki. Ini adalah satu perbuatan yang ganjil dan kotor yang menunjukkan fitrah mereka telah rosak dan menyeleweng sedalam-dalamnya. Fitrah seorang lelaki kadang-kadang rosak apabila nafsunya melampaui batas kesederhanaan dan kesucian dengan perempuan. Tetapi walaupun perbuatan itu merupakan perbuatan jenayah yang keji, namun ia masih berada dalam lingkungan fitrah dan logiknya, tetapi keganjilan nafsu berahi terhadap sesama lelaki merupakan satu perbuatan yang terkeluar dari fitrah semua makhluk yang bernyawa. Ia merupakan kerosakan di dalam struktur jiwa dan anggota. Allah telah menciptakan kelazatan hubungan kelamin di antara suami isteri itu sesuai dengan garis tujuan hidup yang agung iaitu untuk meneruskan kesinambungan hidup manusia dengan anak pinak yang lahir dari hubungan kelamin itu. Allah telah memperlengkapkan suami dan isteri itu dengan kesediaan-kesediaan yang tertentu untuk membolehkan mereka meni'mati kelazatan jiwa dan anggota dengan hubungan kelamin itu. Tetapi hubungan seks sesama lelaki yang ganjil itu tidak mempunyai apa-apa matlamat. Allah tidak memperlengkapkan fitrah manusia untuk mendapatkan keni'matan dari hubungan itu kerana hubungan itu tidak mempunyai apa-apa matlamat. Andainya ada orang yang meni'mati kelazatan dari hubungan seks yang ganjil itu bererti dia telah terkeluar dari garisan tujuan fitrah dan melakukan satu keganjilan yang tidak ada hubungan dengan garis tujuan hidup.

Mereka juga melakukan rompakan-rompakan di tengah jalan dan menakutkan orang-orang yang lalu lalang. Mereka mencabulkan kehormatan lelaki dengan melakukan hubungan seks secara paksa. Mereka melakukan kemung-karan-kemungkaran itu di tempat-tempat perhimpunan mereka secara terus terang dan secara pakatan dalam bentuk beramai-ramai tanpa menaruh silu malu terhadap satu sama lain. Itulah darjat kejahatan yang amat keterlaluan. Itulah kerosakan fitrah dan itulah sikap bangga dengan kejahatan yang meningkat hingga ke darjat yang tidak dapat dibetulkan lagi.

Kisah Lut itu hanya diceritakan secara ringkas sahaja di sini dan jelas bahawa Lut telah menyeru dan melarang mereka dengan cara yang baik, tetapi mereka terus berdegil melakukan kejahatan-kejahatan mereka lalu beliau menakutkan mereka dengan 'azab Allah dan mendedahkan kepada mereka jenayah-jenayah mereka yang besar.

فَمَا كَانَ جَوَابَ قَوْمِهِۦٓ إِلَّآ أَن قَالُوا۟ ٱئْتِنَا بِعَذَابِ
ٱللَّهِ إِن كُنتَ مِنَ ٱلصَّٰدِقِينَ ﴿٢٩﴾

"Dan tiada lain jawab kaumnya melainkan mereka berkata: Bawakanlah 'azab Allah kepada kami jika engkau dari orang-orang yang benar."(29)

Itulah sikap yang angkuh terhadap amaran Allah. Itulah cabaran yang disertakan dengan pendustaan dan itulah penyelewengan dan kesesatan yang tidak dapat diharap pulang ke pangkal jalan. Tiada apa-apa lagi alasan bagi Lut untuk memaafkan mereka. Oleh itu tiada jalan lain bagi beliau melainkan berdo'a kepada Allah memohon pertolongan yang akhir:

قَالَ رَبِّ ٱنصُرْنِى عَلَى ٱلْقَوْمِ ٱلْمُفْسِدِينَ ﴿٣٠﴾

"Lalu dia (Lut) berdo'a: Wahai Tuhanku! Kurniakanlah pertolongan kepadaku untuk mengatasi kaum yang melakukan kerosakan."(30)

Di sini tirai dilabuhkan menutup pemandangan do'a Lut kemudian dibukakan kembali menunjukkan do'a itu telah dikabulkan Allah. Di tengah jalan, para malaikat yang ditugas untuk membinasakan negeri itu telah menemui Ibrahim untuk menyampaikan kepadanya berita gembira bahawa beliau akan mendapat seorang putera yang soleh dari isterinya yang selama ini mandul:

Kedatangan Rombongan Malaikat Untuk Membinasakan Kaum Lut

وَلَمَّا جَآءَتْ رُسُلُنَآ إِبْرَٰهِيمَ بِٱلْبُشْرَىٰ قَالُوٓا۟ إِنَّا

مُهْلِكُوٓا۟ أَهْلِ هَـٰذِهِ ٱلْقَرْيَةِ ۖ إِنَّ أَهْلَهَا كَانُوا۟
ظَـٰلِمِينَ ﴿٣١﴾
قَالَ إِنَّ فِيهَا لُوطًا ۚ قَالُوا۟ نَحْنُ أَعْلَمُ بِمَن فِيهَا ۖ
لَنُنَجِّيَنَّهُۥ وَأَهْلَهُۥٓ إِلَّا ٱمْرَأَتَهُۥ كَانَتْ مِنَ
ٱلْغَـٰبِرِينَ ﴿٣٢﴾

"Dan apabila (malaikat-malaikat) utusan Kami datang kepada Ibrahim membawa berita gembira mereka berkata: Sesungguhnya kami akan membinasakan penduduk negeri ini kerana penduduknya adalah orang-orang yang zalim(31). Dia (Ibrahim) berkata: Sesungguhnya di dalam negeri itu ada Lut. Jawab mereka: Kami lebih mengetahui tentang orang-orang yang tinggal di dalamnya. Kamu akan menyelamatkannya dan keluarganya kecuali isterinya kerana dia adalah termasuk dalam golongan penduduk yang tertinggal (dibinasakan)."(32)

Pemandangan ini iaitu pemandangan para malaikat bersama Ibrahim adalah diceritakan dengan ringkas di sini kerana pemandangan ini bukanlah menjadi maksud cerita, sebab sebelum ini telah pun diterangkan di dalam kisah Ibrahim bahawa Allah telah mengurniakan Ishaq dan Ya'kub kepada beliau, malah tujuan pokok di sini ialah sekadar menyampaikan berita kelahiran Ishaq sahaja. Oleh sebab itulah kisah kelahiran itu tidak diterangkan di sini dengan panjang kerana tujuan ayat ini ialah menyempurnakan kisah Lut. Al-Qur'an hanya menyebut cerita laluan para malaikat menemui Ibrahim untuk menyampaikan berita gembira itu kemudian mereka memberitahu beliau bahawa tugas utama mereka ialah *"Sesungguhnya Kami akan membinasakan penduduk negeri ini kerana penduduknya adalah orang-orang yang zalim."*

Di sini tergeraklah perasaan kasihan belas di dalam hati Ibrahim, lalu beliau pun menyebut kepada malaikat-malaikat itu bahawa Lut tinggal di negeri ini dan dia adalah seorang yang soleh bukannya zalim.

Para utusan itu telah memberi jawapan yang mententeramkan beliau dan menerangkan kepada beliau bahawa mereka amat 'arif dengan tugas-tugas mereka:

نَحْنُ أَعْلَمُ بِمَن فِيهَا ۖ لَنُنَجِّيَنَّهُۥ وَأَهْلَهُۥٓ إِلَّا
ٱمْرَأَتَهُۥ كَانَتْ مِنَ ٱلْغَـٰبِرِينَ ﴿٣٢﴾

"Kami lebih mengetahui tentang orang-orang yang tinggal di dalamnya. Kami akan menyelamatkannya dan keluarganya kecuali isterinya kerana dia adalah termasuk dalam golongan penduduk yang tertinggal (dibinasakan)."(32)

Isteri beliau memihak kepada kaumnya. Dia tidak menyalahkan jenayah-jenayah dan penyelewengan mereka. Ini adalah satu sikap yang aneh.

Kemudian Al-Qur'an berpindah kepada pemandangan yang ketiga iaitu pemandangan Lut dikunjungi para malaikat dalam bentuk rupa belia-belia yang tampan dan manis, sedangkan beliau tahu kelakuan kaumnya yang buruk dan sedar tentang akibat-akibat pencabulan yang jahat yang menunggu tetamu-tetamunya itu, iaitu pencabulan yang tidak mampu dipertahankannya. Oleh sebab itu beliau merasa cemas dan tidak senang dengan kunjungan para malaikat dalam masa yang amat gawat itu.

وَلَمَّآ أَن جَآءَتْ رُسُلُنَا لُوطًا سِىٓءَ بِهِمْ
وَضَاقَ بِهِمْ ذَرْعًا

"Dan apabila utusan-utusan Kami datang menemui Lut dia berdukacita dan merasa cemas kerana (kehadiran) mereka."(33)

Di sini tidak disebut cerita kaum Lut menyerang tetamu-tetamu beliau dan bagaimana beliau bersoaljawab dengan mereka ketika mereka sedang dalam kelaparan nafsu seks yang ganjil dan sakit itu. Al-Qur'an terus menceritakan bahagian akhir dari cerita itu iaitu para utusan malaikat-malaikat itu telah mendedahkan hakikat mereka yang sebenar kepada Lut dan menerangkan tugas kedatangan mereka yang sebenar ketika beliau sedang berada di dalam keadaan yang cemas dan dukacita ini:

وَقَالُوا۟ لَا تَخَفْ وَلَا تَحْزَنْ ۖ إِنَّا مُنَجُّوكَ وَأَهْلَكَ
إِلَّا ٱمْرَأَتَكَ كَانَتْ مِنَ ٱلْغَـٰبِرِينَ ﴿٣٣﴾
إِنَّا مُنزِلُونَ عَلَىٰٓ أَهْلِ هَـٰذِهِ ٱلْقَرْيَةِ رِجْزًا مِّنَ
ٱلسَّمَآءِ بِمَا كَانُوا۟ يَفْسُقُونَ ﴿٣٤﴾

"Lalu mereka berkata: Janganlah anda takut dan janganlah anda dukacita. Sesungguhnya kami akan menyelamatkan anda dan keluarga anda kecuali isteri anda kerana dia adalah termasuk di dalam golongan penduduk yang tertinggal (dibinasakan)."(33). Sesungguhnya Kami akan menurunkan 'azab dari langit ke atas penduduk negeri ini dengan sebab mereka telah melakukan perbuatan yang fasiq."(34)

Ayat ini menggambarkan pemandangan kebinasaan yang menimpa negeri itu dan penduduknya kecuali Lut dan keluarganya yang beriman sahaja. Pembinasaan itu dilakukan dengan hujan-hujan dan batu-batu yang bercampur tanah. Besar kemungkinan peristiwa ini ialah peristiwa ledakan gunung berapi yang telah membalik dan menelan negeri itu dan menurunkan hujan yang biasa turun semasa ledakan gunung-gunung berapi ini.

Kesan-kesan kemusnahan itu masih kekal menjadi bukti-bukti kekuasaan Allah bagi mereka yang memikir dan merenunginya di sepanjang abad:

وَلَقَد تَّرَكۡنَا مِنۡهَآ ءَايَةَۢ بَيِّنَةٗ لِّقَوۡمٖ يَعۡقِلُونَ ٣٥

"Dan sesungguhnya Kami telah tinggalkan (kesan-kesan runtuhan) dari negeri itu sebagai satu bukti yang nyata kepada orang-orang yang berakal."(35)

Inilah untung nasib kesudahan yang tabi'i bagi generasi manusia yang keji dan rosak akhlak. Mereka tidak lagi dianggap layak untuk melahirkan keturunan dan untuk hidup. Mereka hanya layak disapu bersih dan dihancurleburkan.

******

(Pentafsiran ayat-ayat 36 - 37)

Kemudian Al-Qur'an menyebut kisah Syu'ayb dan Madyan:

Harapan Mendapatkan Ganjaran Di Akhirat Membetulkan Kehidupan Seseorang

وَإِلَىٰ مَدۡيَنَ أَخَاهُمۡ شُعَيۡبٗا فَقَالَ يَٰقَوۡمِ ٱعۡبُدُواْ ٱللَّهَ وَٱرۡجُواْ ٱلۡيَوۡمَ ٱلۡأٓخِرَ وَلَا تَعۡثَوۡاْ فِي ٱلۡأَرۡضِ مُفۡسِدِينَ ٣٦

فَكَذَّبُوهُ فَأَخَذَتۡهُمُ ٱلرَّجۡفَةُ فَأَصۡبَحُواْ فِي دَارِهِمۡ جَٰثِمِينَ ٣٧

"Dan (Kami telah utuskan) kepada (penduduk) Madyan saudara mereka Syu'ayb lalu dia berkata: Wahai kaumku! Sembahlah Allah dan harapkanlah (pahala) hari Akhirat dan janganlah kamu bertindak sewenang-wenang melakukan kerosakan di bumi(36). Kemudian mereka mendustakannya, lalu mereka dibinasakan gempa bumi dan jadilah mereka mayat-mayat yang bergelimpangan di dalam rumah-rumah mereka."(37)

Ayat ini membayangkan kesatuan da'wah Allah dan menjelaskan intisari 'aqidah iaitu **"Sembahlah Allah dan harapkanlah (pahala) hari Akhirat."** Ibadat kepada Allah Yang Maha Esa merupakan asas 'aqidah dan harapan kepada balasan di hari Akhirat sudah cukup untuk mengubahkan mereka dari keuntungan yang diharapkan, dari pendapatan yang haram dengan mengurangkan sukatan dan timbangan, menyamun orang-orang yang lalu membawa perdagangan mereka, merampas harta benda orang lain, melakukan kerosakan dalam negeri dan bertindak zalim dan melampau terhadap makhluk.

Dengan ringkas Al-Qur'an menyebut cerita mereka yang berakhir kepada mendustakan rasul lalu mereka di'azabkan dengan kebinasaan dan kemusnahan mengikut Sunnatullah yang menghukum pendusta-pendusta Rasul.

فَأَخَذَتۡهُمُ ٱلرَّجۡفَةُ فَأَصۡبَحُواْ فِي دَارِهِمۡ جَٰثِمِينَ ٣٧

"Lalu mereka dibinasakan gempa bumi dan jadilah mereka mayat-mayat yang bergelimpangan di dalam rumah-rumah mereka."(37)

Sebelum ini telah pun diterangkan peristiwa gempa bumi yang menggoncang negeri, ini setelah berlakunya bahana yang dahsyat yang menyebabkan mereka mati bergelimpangan di rumah-rumah kediaman. Itulah balasan terhadap perbuatan mereka yang suka menakut dan menyerang orang-orang lain dengan tempik sorak itu.

******

(Pentafsiran ayat 38)

Dandanan Syaitan

Al-Qur'an juga menyebut kisah kebinasaan kaum 'Ad dan Thamud:

وَعَادٗا وَثَمُودَاْ وَقَد تَّبَيَّنَ لَكُم مِّن مَّسَٰكِنِهِمۡۖ وَزَيَّنَ لَهُمُ ٱلشَّيۡطَٰنُ أَعۡمَٰلَهُمۡ فَصَدَّهُمۡ عَنِ ٱلسَّبِيلِ وَكَانُواْ مُسۡتَبۡصِرِينَ ٣٨

"Dan (Kami juga telah membinasakan) kaum 'Ad dan Thamud dan sesungguhnya telah ternyata kepada kamu (kesan-kesan kebinasaan) dari rumah-rumah kediaman mereka, dan syaitan telah mendandankan perbuatan-perbuatan mereka (yang jahat) lalu dia menghalangi mereka dari jalan Allah, sedangkan mereka orang-orang yang mempunyai pandangan yang bijak."(38)

Kaum 'Ad tinggal di al-Ahqaf di selatan Semenanjung Tanah Arab berhampiran dengan Hadhramaut. Kaum Thamud pula tinggal di al-Hijr di utara Semenanjung Tanah Arab berhampiran dengan Wadil-Qura. Kaum 'Ad telah dibinasakan dengan angin ribut yang amat kencang dan dahsyat, sedangkan Thamud pula dibinasakan dengan bahana yang dahysat. Kesan-kesan runtuhan tempat-tempat kediaman mereka terkenal di sisi orang-orang Arab yang melaluinya di dalam dua perjalanan perdagangan mereka di musim dingin dan musim panas. Mereka melihat kesan-kesan kemusnahan itu setelah dua kaum itu hidup mulia dan kuat.

Sekelumit keterangan ringkas di bawah ini menjelaskan rahsia kesesatan mereka dan ia juga merupakan rahsia kesesatan orang-orang yang lain dari mereka.

وَزَيَّنَ لَهُمُ ٱلشَّيۡطَٰنُ أَعۡمَٰلَهُمۡ فَصَدَّهُمۡ عَنِ ٱلسَّبِيلِ وَكَانُواْ مُسۡتَبۡصِرِينَ ٣٨

"Syaitan telah mendandankan perbuatan-perbuatan mereka (yang jahat) lalu dia menghalangi mereka dari jalan Allah sedangkan mereka orang-orang yang mempunyai pandangan yang bijak."(38)

Mereka mempunyai akal yang bijak, mereka melihat bukti-bukti hidayat di hadapan mereka, tetapi syaitan mengeliru mereka. Dia membuat mereka memandang elok segala perbuatan-perbuatan mereka yang keji. Syaitan menggoda mereka dari lubang yang terbuka ini, iaitu lubang merasa angkuh dan sombong dengan kedudukan mereka dan merasa kagum dan terpesona dengan perbuatan-perbuatan yang dilakukan mereka. Mereka tertipu dengan kekuatan, kekayaan dan kesenangan hidup mereka *"Lalu dia (syaitan) menghalangi mereka dari jalan Allah"* yakni jalan hidayat yang membawa kepada keimanan kepada Allah dan dia menghilangkan peluang mereka sedangkan mereka *"Orang-orang yang mempunyai pandangan yang bijak"* yakni mempunyai akal fikiran yang baik.

******

(Pentafsiran ayat 39)

Al-Qur'an seterusnya menyebut kisah Qarun, Fir'aun dan Haman:

Tiga Tokoh Yang Melambangkan Ketua Negara Yang Kejam, Perdana Menteri Yang Zalim Dan Jutawan Yang Rakus

وَقَٰرُونَ وَفِرْعَوْنَ وَهَٰمَٰنَ ۖ وَلَقَدْ جَآءَهُم مُّوسَىٰ بِٱلْبَيِّنَٰتِ فَٱسْتَكْبَرُوا۟ فِى ٱلْأَرْضِ وَمَا كَانُوا۟ سَٰبِقِينَ ﴿٣٩﴾

"Dan (Kami juga telah membinasakan) Qârun, Fir'aun dan Haman, dan sesungguhnya Musa telah datang membawa kepada mereka keterangan-keterangan yang nyata, lalu mereka bertindak angkuh di bumi dan mereka tidak sekali-kali luput (dari kebinasaan)."(39)

Qarun adalah dari kaum Musa. Dia telah melakukan penindasan dan kezaliman terhadap mereka dengan kekayaan dan ilmunya. Dia tidak menghiraukan nasihat-nasihat supaya dia membuat kebaikan, bersikap sederhana, tidak melakukan kezaliman dan kerosakan. Sementara Fir'aun pula adalah seorang raja yang zalim, yang melakukan berbagai-bagai jenayah yang amat keji dan berat. Dia memperbudakkan rakyat jelata dan memecahbelahkan mereka kepada berbagai-bagai puak. Dia bertindak zalim membunuh bayi-bayi lelaki kaum Isreal dan hanya bayi-bayi perempuan sahaja yang dibenarkan hidup. Haman pula ialah perdana menterinya yang mentadbir kerajaannya dan mengaturkan tindakan-tindakan jahatnya dan membantunya dalam segala tindak-tanduknya yang zalim.

وَلَقَدْ جَآءَهُم مُّوسَىٰ بِٱلْبَيِّنَٰتِ فَٱسْتَكْبَرُوا۟ فِى ٱلْأَرْضِ وَمَا كَانُوا۟ سَٰبِقِينَ ﴿٣٩﴾

"Sesungguhnya Musa telah datang membawa keterangan-keterangan yang nyata kepada mereka, lalu mereka bertindak angkuh di bumi."(39)

tetapi kekayaan, kekuatan dan kepintaran tidak dapat melindungi dan menyelamatkan mereka dari 'azab Allah, malah 'azab Allah tetap menimpa mereka.

وَمَا كَانُوا۟ سَٰبِقِينَ ﴿٣٩﴾

"Mereka tidak sekali-kali luput (dari kebinasaan)."(39)

******

(Pentafsiran ayat 40)

Penentang-penentang da'wah yang memiliki kekuatan, kekayaan dan segala punca keteguhan dan kemenangan ini telah dibinasakan Allah seluruhnya setelah mereka menindas dan mengganasi manusia:

فَكُلًّا أَخَذْنَا بِذَنۢبِهِۦ ۖ فَمِنْهُم مَّنْ أَرْسَلْنَا عَلَيْهِ حَاصِبًا وَمِنْهُم مَّنْ أَخَذَتْهُ ٱلصَّيْحَةُ وَمِنْهُم مَّنْ خَسَفْنَا بِهِ ٱلْأَرْضَ وَمِنْهُم مَّنْ أَغْرَقْنَا ۚ وَمَا كَانَ ٱللَّهُ لِيَظْلِمَهُمْ وَلَٰكِن كَانُوٓا۟ أَنفُسَهُمْ يَظْلِمُونَ ﴿٤٠﴾

"Setiap mereka telah Kami binasakan dengan sebab dosa masing-masing. Di antara mereka ada yang Kami timpakan hujan batu ke atas mereka, dan di antara mereka pula ada yang dibinasakan bahana yang dahsyat, dan di antara mereka lagi ada yang Kami benamkan ke dalam bumi dan di antara mereka ada yang Kami tenggelamkan (dalam lautan). Dan Allah tidak sekali-kali menganiayai mereka tetapi merekalah yang menganiayai diri sendiri."(40)

Allah telah membinasakan kaum 'Ad dengan angin ribut yang amat dahsyat yang menghujani anak-anak batu yang menimpa dan membunuh mereka. Kaum Thamud pula telah dibinasakan dengan bahana yang amat kuat. Qarun mati ditelan bumi, sedangkan Fir'aun dan Haman mati lemas di dalam lautan. Seluruh mereka binasa dengan sebab-sebab kezaliman mereka:

وَمَا كَانَ ٱللَّهُ لِيَظْلِمَهُمْ وَلَٰكِن كَانُوٓا۟ أَنفُسَهُمْ يَظْلِمُونَ ﴿٤٠﴾

"Allah tidak sekali-kali menganiayakan mereka, tetapi merekalah yang menganiayakan diri sendiri."(40)

******

(Pentafsiran ayat-ayat 41 - 43)

Kini sesudah mengemukakan kisah-kisah kebinasaan orang-orang kafir yang zalim dan fasiq di

sepanjang abad dan sesudah menjelaskan tentang ujian dan dugaan, Al-Qur'an membuat satu perbandingan untuk menggambarkan hakikat kuasa-kuasa dan kekuatan-kekuatan yang bertarung di bidang da'wah ini dan untuk menjelaskan bahawa yang wujud di sana hanya satu kuasa dan satu kekuatan sahaja iaitu kuasa dan kekuatan Allah dan seluruh kuasa dan kekuatan yang lain adalah lemah dan kerdil belaka. Oleh itu sesiapa yang berpegang dan berlindung dengan kuasa dan kekuatan ini, maka dia adalah sama seperti labah-labah yang lemah yang berlindung di sebalik rumah yang diperbuat dari benang-benang yang lemah. Tegasnya, labah-labah dan rumah yang menjadi tempat perlindungannya adalah sama lemah belaka:

مَثَلُ ٱلَّذِينَ ٱتَّخَذُواْ مِن دُونِ ٱللَّهِ أَوۡلِيَآءَ
كَمَثَلِ ٱلۡعَنكَبُوتِ ٱتَّخَذَتۡ بَيۡتٗاۖ وَإِنَّ
أَوۡهَنَ ٱلۡبُيُوتِ لَبَيۡتُ ٱلۡعَنكَبُوتِۚ لَوۡ كَانُواْ
يَعۡلَمُونَ ٤١
إِنَّ ٱللَّهَ يَعۡلَمُ مَا يَدۡعُونَ مِن دُونِهِۦ مِن شَيۡءٖۚ
وَهُوَ ٱلۡعَزِيزُ ٱلۡحَكِيمُ ٤٢
وَتِلۡكَ ٱلۡأَمۡثَٰلُ نَضۡرِبُهَا لِلنَّاسِۖ وَمَا يَعۡقِلُهَآ
إِلَّا ٱلۡعَٰلِمُونَ ٤٣

"Bandingan mereka yang mengambil pelindung-pelindung selain dari Allah adalah seperti labah-labah yang membuat rumah dan sesungguhnya rumah yang paling lemah ialah rumah labah-labah jika mereka mengetahui(41). Sesungguhnya Allah mengetahui apa sahaja yang disembah mereka selain dari Allah dan Dia Maha Perkasa dan Maha Bijaksana(42). Dan Kami buatkan perumpamaan itu untuk (renungan) manusia dan tiada yang dapat memahaminya kecuali orang-orang yang mengetahui."(43)

Hakikat Kuasa-kuasa Yang Lain Dari Kuasa Allah

Inilah satu penggambaran yang menarik dan tepat dengan hakikat kuasa-kuasa dan kekuatan-kekuatan yang wujud di alam ini, iaitu suatu hakikat yang kadang-kadang dilupai manusia dan menyebabkan penilaian dan tanggapan mereka tidak betul dan rosak terhadap semua nilai dan perhubungan. Segala pertimbangan mereka meleset menyebabkan mereka tidak tahu ke mana mereka hendak tuju, apa yang mereka harus pegang dan apa yang mereka harus sembah.

Di waktu inilah mereka tertipu dengan kekuatan dan kuasa pemerintahan. Mereka menganggapkan kuasa ini sebagai satu-satunya kuasa dan kekuatan yang ada dan bertindak di bumi ini, lalu mereka tumpukan kepadanya segala ketakutan dan keinginan mereka iaitu mereka begitu takut dan gentar kepadanya. Mereka berusaha untuk men-dapatkan keredhaannya demi menyelamatkan diri mereka dari penindasannya dan demi memperolehi perlindungannya.

Mereka juga tertipu dengan kekuatan harta kekayaan dan menganggapkannya sebagai satu kekuatan dan kuasa yang menentukan kedudukan-kedudukan manusia dan nasib kehidupan, lalu mereka berusaha untuk mendapatkan kekayaan dengan penuh minat dan cemas supaya mereka mendapat kekuatan untuk menguasai manusia sebagaimana yang disangkakan mereka.

Mereka juga tertipu dengan kekuatan ilmu pengetahuan. Mereka menganggapkan kekuatan ini sebagai pokok pangkal kekuatan dan kekayaan dan sebagai punca segala kekuatan dan kuasa yang dapat memberi kebebasan bertindak kepada setiap mereka yang memilikinya, lalu mereka berlutut kepada kekuatan ini dengan segala rendah diri seolah-olah mereka orang-orang yang menyembah Allah di mihrab-mihrab.

Mereka tertipu dengan kekuatan-kekuatan dan kuasa-kuasa yang lahir ini sama ada yang berada di tangan individu-individu atau di tangan kelompok-kelompok atau di tangan negara-negara. Mereka berlumba-lumba mencari dan mengerumuni kekuatan-kekuatan dan kuasa-kuasa ini seolah-olah kelkatu-kelkatu yang mengelilingi lampu dan berlumba-lumba menjatuhkan dirinya ke dalam api.

Mereka lupa kepada kekuatan dan kuasa Allah Yang Tunggal yang menciptakah seluruh kekuatan dan kuasa-kuasa kecil yang lain. Dialah yang memiliki kekuatan-kekuatan dan kuasa-kuasa ini. Dialah yang mengurnia, mengarah dan menggunakan kekuatan-kekuatan dan kuasa-kuasa ini mengikut kehendak iradat-Nya.

Mereka lupa bahawa perbuatan mencari perlindungan pada kekuatan-kekuatan dan kuasa-kuasa itu sama ada yang berada di tangan individu-individu atau di tangan kelompok-kelompok atau di tangan negara-negara adalah sama dengan perbuatan mencari perlindungan pada rumah-rumah labah-labah, iaitu satu serangga yang lemah yang tidak mempunyai sebarang perlindungan dengan sebab kejadiannya yang lemah dan rumahnya yang lemah.

Di sana tidak ada sebarang perlindungan selain dari perlindungan Allah Yang Maha Kuat dan Maha Teguh.

Inilah hakikat agung yang mahu ditanamkan oleh Al-Qur'an di dalam hati golongan manusia yang beriman dan dengan menyedari hakikat inilah mereka menjadi lebih kuat dari segala kekuatan dan kuasa yang menentang mereka, malah dengan hakikat inilah mereka telah berjaya menumbangkan pemerintah-pemerintah yang zalim dan menghancurkan kubu-kubu pertahanan mereka.

Hakikat yang agung ini telah tertanam dalam setiap jiwa dan hati mereka dan telah menjadi darah daging mereka. Ia bukan lagi sebuah kata-kata yang diucapkan oleh lidah, dan bukan lagi satu persoalan yang perlu dipertikaikan, malah ia merupakan satu hakikat yang dapat difaham secara sepontan yang tertanam di dalam jiwa mereka. Tiada hakikat yang lain darinya yang terlintas di dalam perasaan dan khayal mereka.

Kuasa dan kekuatan Allah itulah kuasa dan kekuatan yang sebenar. Naungan dan perlindungan Allah itulah naungan dan perlindungan yang sebenar. Segala kuasa dan kekuatan yang lain adalah kerdil dan lemah belaka biarpun bagaimana tinggi dan kuatnya, dan biarkan bagaimana dahsyat dia bersewenang-wenang dan bermaharajalela, dan biarpun bagaimana banyak dia memiliki alat-alat penyeksaan, penindasan dan penganiayaan.

Kuasa-kuasa dan kekuatan-kekuatan itu sama dengan labah-labah yang tidak memiliki suatu apa selain dari benang-benang labah-labah:

وَإِنَّ أَوْهَنَ ٱلْبُيُوتِ لَبَيْتُ ٱلْعَنكَبُوتِ لَوْ كَانُوا۟ يَعْلَمُونَ ﴿٤١﴾

"Sesungguhnya rumah yang paling lemah ialah rumah labah-labah jika mereka mengetahui."(41)

Para penda'wah yang menghadapi ujian, penindasan dan godaan amatlah wajar berdiri di hadapan hakikat yang agung ini dan jangan lupakannya walaupun sesa'at ketika mereka berdepan dengan berbagai-bagai kuasa dan kekuatan yang cuba menghentam dan menghancurkan mereka atau cuba memujuk dan membeli mereka. Semua kuasa dan kekuatan itu hanya benang-benang labah-labah belaka dalam perhitungan Allah, juga dalam perhitungan 'aqidah yang sihat, yang mengenal hakikat kuasa-kuasa dan kekuatan-kekuatan dan membuat penilaian dan pertimbangan yang tepat.

إِنَّ ٱللَّهَ يَعْلَمُ مَا يَدْعُونَ مِن دُونِهِۦ مِن شَىْءٍ ۚ وَهُوَ ٱلْعَزِيزُ ٱلْحَكِيمُ ﴿٤٢﴾

"Sesungguhnya Allah mengetahui apa sahaja yang disembah mereka selain dari Allah dan Dia Maha Perkasa dan Maha Bijaksana."(42)

Mereka memohon pertolongan kepada penaung-penaung yang disembah mereka selain dari Allah, sedangkan Allah mengetahui hakikat penaung-penaung itu iaitu hakikat yang telah digambarkan di dalam perbandingan yang telah lepas iaitu perbandingan seekor labah-labah yang berlindung dengan benang labah-labah.

وَهُوَ ٱلْعَزِيزُ ٱلْحَكِيمُ ﴿٤٢﴾

"Dan Dia Maha Perkasa dan Maha Bijaksana."(42)

Allah Yang Maha Esa sahaja Yang Perkasa, Maha Berkuasa, Maha Gagah, Maha Bijaksana dan Pentadbir Agung yang mengurus alam buana ini.

وَتِلْكَ ٱلْأَمْثَٰلُ نَضْرِبُهَا لِلنَّاسِ ۖ وَمَا يَعْقِلُهَآ إِلَّا ٱلْعَٰلِمُونَ ﴿٤٣﴾

"Dan Kami buatkan perumpamaan itu untuk (renungan) manusia, dan tiada yang dapat memahaminya kecuali orang-orang yang mengetahui."(43)

Tetapi sekumpulan kaum Musyrikin yang tertutup mata hati dan akal mereka telah menggunakan perbandingan ini sebagai bahan sendaan dan ejekan. Mereka berkata bahawa Tuhan Muhammad bercakap tentang lalat dan labah-labah. Perbandingan yang menarik itu tidak menyedar dan menggerakkan perasaan mereka kerana mereka tidak faham dan mengerti *"Tiada yang dapat memahaminya kecuali orang-orang yang mengetahui."*

******

(Pentafsiran ayat 44)

Kemudian Al-Qur'an menghubungkan hakikat yang agung yang dikemukakan itu dengan lunas kebenaran yang agung yang wujud dalam penciptaan seluruh alam buana ini mengikut cara Al-Qur'an yang selalu menghubungkan setiap hakikat itu dengan lunas kebenaran yang agung itu:

خَلَقَ ٱللَّهُ ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَٱلْأَرْضَ بِٱلْحَقِّ ۚ إِنَّ فِى ذَٰلِكَ لَءَايَةً لِّلْمُؤْمِنِينَ ﴿٤٤﴾

"Dia (Allah) telah menciptakan langit dan bumi dengan lunas kebenaran. Sesungguhnya pada ciptaan itu menjadi bukti kepada orang-orang yang beriman."(44)

Demikianlah ayat ini datang selepas diterangkan kisah-kisah para Anbia' dan selepas dikemukakan perbandingan yang menggambarkan hakikat kuasa-kuasa dan kekuatan-kekuatan di alam al-wujud ini. Ayat ini menyelaras dan menghubungkan kisah-kisah dan perbandingan itu dengan satu hubungan yang jelas, iaitu hubungan berbagai-bagai hakikat dengan lunas kebenaran yang wujud dalam penciptaan langit dan bumi, iaitu lunas kebenaran yang menjadi tapak tegaknya langit dan bumi, lunas kebenaran yang wujud di dalam peraturan alam yang amat halus yang tidak pernah mungkir dan meleset, tidak pernah bercanggah dan berlanggar satu sama lain kerana peraturan ini merupakan lunas kebenaran yang selaras dan lurus tidak bengkok.

إِنَّ فِى ذَٰلِكَ لَءَايَةً لِّلْمُؤْمِنِينَ ﴿٤٤﴾

"Sesungguhnya pada ciptaan itu menjadi bukti kepada orang-orang yang beriman."(44)

Iaitu orang-orang yang membuka mata hati mereka memerhatikan tanda-tanda kekuasaan Allah yang tersebar di merata pelosok alam dan dapat dilihat dalam segala susunan dan peraturannya yang terbentang di mana sahaja mata menghala. Hanya orang-orang yang beriman sahaja yang dapat memahaminya kerana merekalah orang-orang yang mempunyai mata hati dan perasaan yang terbuka untuk menerima dan mengerti.

******

(Pentafsiran ayat 45)

Pada akhir pusingan ini Allah menghubungkan kitab Al-Qur'an yang diturunkan kepada Muhammad s.a.w. dan menghubungkan solat dan Zikrullah dengan lunas kebenaran yang wujud pada ciptaan langit dan bumi dan dengan rangkaian da'wah kepada Allah yang bermula sejak Nabi Nuh a.s.:

اتْلُ مَا أُوحِيَ إِلَيْكَ مِنَ الْكِتَابِ وَأَقِمِ الصَّلَاةَ ۖ
إِنَّ الصَّلَاةَ تَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنكَرِ ۗ
وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ ۗ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ ﴿٤٥﴾

"Bacalah apa yang diwahyukan kepadamu dari kitab Al-Qur'an ini dan dirikanlah solat kerana sesungguhnya solat mencegah dari perbuatan yang keji dan mungkar. Dan sesungguhnya Zikrullah itu adalah lebih besar (dari amalan-amalan yang lain). Dan Allah Mengetahui segala apa yang dilakukan mereka."(45)

Bacalah ayat-ayat kitab suci Al-Qur'an yang diturunkan kepada engkau, kerana al-Qur'an ini merupakan sarana engkau untuk menyampaikan da'wah dan merupakan bukti Rabbaniyah yang menemani da'wah, juga merupakan kebenaran yang mempunyai pertalian dengan lunas kebenaran yang wujud pada ciptaan langit dan bumi.

وَأَقِمِ الصَّلَاةَ ۖ إِنَّ الصَّلَاةَ تَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ
وَالْمُنكَرِ ۗ

"Dirikanlah solat kerana solat boleh mencegahkan kejahatan dan kemungkaran."(45)

Solat ialah perhubungan dengan Allah dan seseorang itu tentulah merasa malu dan segan untuk menemui Allah dengan membawa dosa-dosa yang besar dan kejahatan-kejahatan. Solat ialah pembersihan dan penumpuan diri yang tulus kepada Allah, dan ini sudah tentu tidak sesuai dengan kekotoran kejahatan dan kemungkaran. Sabda Rasulullah s.a.w.:

من صلى صلاة لم تنهه عن الفحشاء والمنكر لم يزدد بها
من الله إلا بعداً

"Sesiapa yang mengerjakan solat yang tidak dapat mencegahkannya dari kejahatan dan kemungkaran, nescaya dia tidak akan bertambah apa-apa melainkan semakin jauh dari Allah."[1]

Orang ini sebenarnya tidak mendirikan solat, malah hanya menunaikannya sahaja bukan mendirikannya. Di antara mendirikan solat dengan menunaikan solat terdapat satu perbezaan yang besar. Apabila solat itu didirikan bererti seseorang itu mengingati Allah (Zikrullah) "*Dan sesungguhnya Zikrullah itu adalah lebih besar*" dari segala-galanya, yakni ia lebih besar dari segala keinginan dan kecenderungan yang lain dan lebih besar dari segala ibadat dan khusyu' yang lain.

وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ ﴿٤٥﴾

"Dan Allāh mengetahui segala apa yang dilakukan mereka."(45)

Oleh itu tiada suatu pun yang terlindung dari Allah dan tiada suatu pun yang dapat mengelirukan-Nya. Seluruh kamu akan kembali kepada-Nya dan Dialah yang akan membalas segala perbuatan yang dilakukan kamu.

(Tamat Juzu' Yang Kedua Puluh)

---

[1] *Diriwayatkan oleh Ibn Jarir katanya: Kami telah diceritakan oleh Ali, kami telah diceritakan oleh Ismail ibn Muslim dari al- Hasan katanya: Rasulullah s.a.w. telah bersabda lalu dia menyebut hadith ini.*

JUZU' KE-21

SURAH AL- 'ANKABUT

JUZU' YANG KEDUA PULUH SATU

بِسۡمِ ٱللَّهِ ٱلرَّحۡمَٰنِ ٱلرَّحِيمِ

Dengan nama Allah
Yang Maha Penyayang dan Maha Pengasih

(Kumpulan ayat-ayat 46 - 69)

وَلَا تُجَٰدِلُوٓاْ أَهۡلَ ٱلۡكِتَٰبِ إِلَّا بِٱلَّتِي هِيَ أَحۡسَنُ
إِلَّا ٱلَّذِينَ ظَلَمُواْ مِنۡهُمۡۖ وَقُولُوٓاْ ءَامَنَّا بِٱلَّذِيٓ أُنزِلَ
إِلَيۡنَا وَأُنزِلَ إِلَيۡكُمۡ وَإِلَٰهُنَا وَإِلَٰهُكُمۡ وَٰحِدٞ
وَنَحۡنُ لَهُۥ مُسۡلِمُونَ ٤٦
وَكَذَٰلِكَ أَنزَلۡنَآ إِلَيۡكَ ٱلۡكِتَٰبَۚ فَٱلَّذِينَ
ءَاتَيۡنَٰهُمُ ٱلۡكِتَٰبَ يُؤۡمِنُونَ بِهِۦۖ وَمِنۡ هَٰٓؤُلَآءِ
مَن يُؤۡمِنُ بِهِۦۚ وَمَا يَجۡحَدُ بِـَٔايَٰتِنَآ إِلَّا ٱلۡكَٰفِرُونَ ٤٧
وَمَا كُنتَ تَتۡلُواْ مِن قَبۡلِهِۦ مِن كِتَٰبٖ وَلَا
تَخُطُّهُۥ بِيَمِينِكَۖ إِذٗا لَّٱرۡتَابَ ٱلۡمُبۡطِلُونَ ٤٨
بَلۡ هُوَ ءَايَٰتُۢ بَيِّنَٰتٞ فِي صُدُورِ ٱلَّذِينَ أُوتُواْ
ٱلۡعِلۡمَۚ وَمَا يَجۡحَدُ بِـَٔايَٰتِنَآ إِلَّا ٱلظَّٰلِمُونَ ٤٩
وَقَالُواْ لَوۡلَآ أُنزِلَ عَلَيۡهِ ءَايَٰتٞ مِّن رَّبِّهِۦۚ قُلۡ إِنَّمَا
ٱلۡأٓيَٰتُ عِندَ ٱللَّهِ وَإِنَّمَآ أَنَا۠ نَذِيرٞ مُّبِينٌ ٥٠
أَوَلَمۡ يَكۡفِهِمۡ أَنَّآ أَنزَلۡنَا عَلَيۡكَ ٱلۡكِتَٰبَ يُتۡلَىٰ
عَلَيۡهِمۡۚ إِنَّ فِي ذَٰلِكَ لَرَحۡمَةٗ وَذِكۡرَىٰ لِقَوۡمٖ
يُؤۡمِنُونَ ٥١
قُلۡ كَفَىٰ بِٱللَّهِ بَيۡنِي وَبَيۡنَكُمۡ شَهِيدٗاۖ يَعۡلَمُ
مَا فِي ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَٱلۡأَرۡضِۗ وَٱلَّذِينَ ءَامَنُواْ بِٱلۡبَٰطِلِ
وَكَفَرُواْ بِٱللَّهِ أُوْلَٰٓئِكَ هُمُ ٱلۡخَٰسِرُونَ ٥٢

"Dan janganlah kamu berdebat dengan Ahlil-Kitab melainkan dengan cara yang paling baik kecuali orang-orang yang zalim dari mereka, dan katakanlah: Kami telah beriman kepada kitab-kitab yang diturunkan kepada kami dan yang diturunkan kepada kamu. Tuhan kami dan Tuhan kamu adalah satu dan kami berserah kepada-Nya(46). Dan demikianlah Kami turunkan kitab Al-Qur'an kepadamu. Orang-orang yang Kami kurniakan kitab (Taurat dan Injil) ada yang beriman kepada Al-Qur'an, dan di antara mereka (penduduk Makkah) ada juga yang beriman kepadanya, dan tiada orang yang mengingkarkan ayat-ayat Kami melainkan hanya orang-orang yang kafir sahaja(47). Dan engkau tidak pernah membaca sebarang kitab sebelumnya (Al-Qur'an) dan tidak juga pernah menulis (sebarang kitab) dengan tangan kananmu. Andainya (engkau pernah membaca dan menulis) tentulah orang-orang yang ingkar itu menaruh keraguan(48). Bahkan Al-Qur'an itu merupakan ayat-ayat yang jelas di dalam dada orang-orang yang dikurniakan ilmu, dan tiada orang yang mengingkarkan ayat-ayat Kami melainkan orang-orang yang zalim(49). Dan mereka (orang-orang kafir) berkata: Mengapakah tidak diturunkan kepadanya (Muhammad) mu'jizat-mu'jizat dari Tuhannya? Katakanlah: Bahawa sesungguhnya urusan mu'jizat-mu'jizat itu hanya berada di sisi Allah sahaja dan sesungguhnya aku hanya seorang (Rasul) yang memberi peringatan yang jelas(50). Apakah tidak cukup kepada mereka Kami turunkan kepadamu Al-Qur'an yang dibacakan kepada mereka. Sesungguhnya di dalam kitab Al-Qur'an itu terdapat rahmat dan peringatan kepada golongan orang-orang yang beriman(51). Katakanlah: Cukuplah Allah menjadi saksi di antaraku dengan kamu. Dia mengetahui segala isi langit dan bumi, dan orang-orang yang beriman kepada kebatilan dan tidak percaya kepada Allah merekalah orang-orang yang rugi"(52).

وَيَسۡتَعۡجِلُونَكَ بِٱلۡعَذَابِۚ وَلَوۡلَآ أَجَلٞ مُّسَمّٗى لَّجَآءَهُمُ
ٱلۡعَذَابُ وَلَيَأۡتِيَنَّهُم بَغۡتَةٗ وَهُمۡ لَا يَشۡعُرُونَ ٥٣
يَسۡتَعۡجِلُونَكَ بِٱلۡعَذَابِ وَإِنَّ جَهَنَّمَ لَمُحِيطَةُۢ
بِٱلۡكَٰفِرِينَ ٥٤
يَوۡمَ يَغۡشَىٰهُمُ ٱلۡعَذَابُ مِن فَوۡقِهِمۡ وَمِن تَحۡتِ
أَرۡجُلِهِمۡ وَيَقُولُ ذُوقُواْ مَا كُنتُمۡ تَعۡمَلُونَ ٥٥

"Mereka menggesa-Mu supaya mempercepatkan 'azab. Andainya tidak kerana waktu yang telah ditetapkan tentulah 'azab itu akan menimpa mereka dan sesungguhnya 'azab itu akan datang kepada mereka secara mendadak tanpa disedari mereka(53). Mereka menggesa-Mu supaya mempercepatkan 'azab itu dan sesungguhnya Neraka Jahannam itu tetap mengepung orang-orang kafir(54). Pada hari mereka diselubungi 'azab dari atas mereka dan dari bawah kaki mereka dan Allah berfirman: Rasakanlah balasan terhadap perbuatan-perbuatan yang telah kamu lakukannya."(55).

يَٰعِبَادِيَ ٱلَّذِينَ ءَامَنُوٓاْ إِنَّ أَرۡضِي وَٰسِعَةٞ فَإِيَّٰيَ

فَٱعۡبُدُونِ ﴿٥٦﴾

كُلُّ نَفۡسٖ ذَآئِقَةُ ٱلۡمَوۡتِۖ ثُمَّ إِلَيۡنَا تُرۡجَعُونَ ﴿٥٧﴾

وَٱلَّذِينَ ءَامَنُواْ وَعَمِلُواْ ٱلصَّٰلِحَٰتِ لَنُبَوِّئَنَّهُم مِّنَ ٱلۡجَنَّةِ غُرَفٗا تَجۡرِي مِن تَحۡتِهَا ٱلۡأَنۡهَٰرُ خَٰلِدِينَ فِيهَاۚ نِعۡمَ أَجۡرُ ٱلۡعَٰمِلِينَ ﴿٥٨﴾

ٱلَّذِينَ صَبَرُواْ وَعَلَىٰ رَبِّهِمۡ يَتَوَكَّلُونَ ﴿٥٩﴾

وَكَأَيِّن مِّن دَآبَّةٖ لَّا تَحۡمِلُ رِزۡقَهَا ٱللَّهُ يَرۡزُقُهَا وَإِيَّاكُمۡۚ وَهُوَ ٱلسَّمِيعُ ٱلۡعَلِيمُ ﴿٦٠﴾

وَلَئِن سَأَلۡتَهُم مَّنۡ خَلَقَ ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَٱلۡأَرۡضَ وَسَخَّرَ ٱلشَّمۡسَ وَٱلۡقَمَرَ لَيَقُولُنَّ ٱللَّهُۖ فَأَنَّىٰ يُؤۡفَكُونَ ﴿٦١﴾

ٱللَّهُ يَبۡسُطُ ٱلرِّزۡقَ لِمَن يَشَآءُ مِنۡ عِبَادِهِۦ وَيَقۡدِرُ لَهُۥٓۚ إِنَّ ٱللَّهَ بِكُلِّ شَيۡءٍ عَلِيمٞ ﴿٦٢﴾

وَلَئِن سَأَلۡتَهُم مَّن نَّزَّلَ مِنَ ٱلسَّمَآءِ مَآءٗ فَأَحۡيَا بِهِ ٱلۡأَرۡضَ مِنۢ بَعۡدِ مَوۡتِهَا لَيَقُولُنَّ ٱللَّهُۚ قُلِ ٱلۡحَمۡدُ لِلَّهِۚ بَلۡ أَكۡثَرُهُمۡ لَا يَعۡقِلُونَ ﴿٦٣﴾

"Wahai hamba-hamba-Ku yang beriman! Sesungguhnya bumi-Ku amat luas. Oleh kerana itu sembahlah Aku(56). Tiap-tiap yang bernyawa itu akan merasa kematian, kemudian kepada Kami kamu sekalian dikembalikan(57). Dan orang-orang yang beriman dan mengerjakan amalan yang soleh Kami akan tempatkan mereka di tempat-tempat yang tinggi di dalam Syurga yang mengalir di bawahnya sungai-sungai, di mana mereka hidup kekal abadi. Itulah sebaik-baik balasan kepada orang-orang yang beramal(58). Yang bersabar dan bertawakkal kepada Tuhan mereka(59). Dan berapa banyak binatang yang tidak dapat menanggung rezekinya. Allahlah yang memberi rezeki kepadanya dan kepada kamu. Dan Dia Maha Mendengar dan Maha Mengetahui(60). Dan jika engkau tanyakan mereka: Siapakah yang telah menciptakan langit dan bumi dan menundukkan matahari dan bulan nescaya mereka menjawab: Allah. Oleh itu bagaimana mereka boleh dipesongkan (sedemikian rupa)?(61). Allahlah yang melapangkan rezeki kepada siapa yang dikehendaki-Nya dari para hamba-Nya dan Dialah juga yang menyempitkan rezeki itu kepadanya. Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui segala sesuatu(62). Dan jika engkau bertanya mereka siapakah yang menurunkan air hujan dari langit lalu menghidupkan bumi dengannya sesudah ia mati, nescaya mereka menjawab: Allah. Katakanlah segala kepujian itu terpulang kepada Allah, tetapi kebanyakan mereka tidak berakal."(63).

وَمَا هَٰذِهِ ٱلۡحَيَوٰةُ ٱلدُّنۡيَآ إِلَّا لَهۡوٞ وَلَعِبٞۚ وَإِنَّ ٱلدَّارَ ٱلۡأٓخِرَةَ لَهِيَ ٱلۡحَيَوَانُۚ لَوۡ كَانُواْ يَعۡلَمُونَ ﴿٦٤﴾

فَإِذَا رَكِبُواْ فِي ٱلۡفُلۡكِ دَعَوُاْ ٱللَّهَ مُخۡلِصِينَ لَهُ ٱلدِّينَ فَلَمَّا نَجَّىٰهُمۡ إِلَى ٱلۡبَرِّ إِذَا هُمۡ يُشۡرِكُونَ ﴿٦٥﴾

لِيَكۡفُرُواْ بِمَآ ءَاتَيۡنَٰهُمۡ وَلِيَتَمَتَّعُواْۚ فَسَوۡفَ يَعۡلَمُونَ ﴿٦٦﴾

أَوَلَمۡ يَرَوۡاْ أَنَّا جَعَلۡنَا حَرَمًا ءَامِنٗا وَيُتَخَطَّفُ ٱلنَّاسُ مِنۡ حَوۡلِهِمۡۚ أَفَبِٱلۡبَٰطِلِ يُؤۡمِنُونَ وَبِنِعۡمَةِ ٱللَّهِ يَكۡفُرُونَ ﴿٦٧﴾

وَمَنۡ أَظۡلَمُ مِمَّنِ ٱفۡتَرَىٰ عَلَى ٱللَّهِ كَذِبًا أَوۡ كَذَّبَ بِٱلۡحَقِّ لَمَّا جَآءَهُۥٓۚ أَلَيۡسَ فِي جَهَنَّمَ مَثۡوٗى لِّلۡكَٰفِرِينَ ﴿٦٨﴾

وَٱلَّذِينَ جَٰهَدُواْ فِينَا لَنَهۡدِيَنَّهُمۡ سُبُلَنَاۚ وَإِنَّ ٱللَّهَ لَمَعَ ٱلۡمُحۡسِنِينَ ﴿٦٩﴾

"Dan kehidupan dunia ini tidak lain melainkan hanya hiburan dan permainan sahaja dan sesungguhnya negeri Akhirat itulah kehidupan yang sebenar jika mereka mengetahui(64). Dan apabila mereka menaiki kapal mereka berdo'a kepada Allah dengan menumpukan keta'atan kepada-Nya, tetapi apabila Allah menyelamatkan mereka sampai ke darat tiba-tiba mereka kembali mempersekutukan-Nya(65). Biarlah mereka ingkarkan ni'mat-ni'mat yang dikurniakan kepada mereka dan biarlah mereka hidup berfoya-foya di dalam keni'matan, kerana kelak mereka akan mengetahui (akibatnya)(66). Tidakkah mereka melihat bahawa Kami telah menjadikan (negeri mereka) tanah suci yang aman, sedangkan manusia di sekeliling mereka dirompak dan dibunuh. Mengapakah mereka masih percaya kepada yang batil dan mengingkarkan ni'mat Allah?(67). Siapakah yang lebih zalim dari orang yang mengada-adakan pembohongan terhadap Allah atau mendustakan kebenaran ketika datang kepadanya? Bukankah di dalam Neraka Jahannam itu ada tempat kediaman bagi orang-orang yang kafir?(68). Dan orang-orang yang berjihad untuk mendapat keredhaan Kami, Kami tetap menunjukkan kepada mereka jalan-jalan Kami, dan sesungguhnya Allah tetap bersama para Muhsinin."(69).

(Latar belakang dan pokok pembicaraan)

Inilah pusingan akhir Surah al-'Ankabut, dan sebelum ini dua pusingan darinya telah pun berlalu di

dalam juzu' yang kedua puluh. Paksi atau pokok pembicaraan surah ini - sebagaimana Kami telah terangkan - ialah penerangan mengenai ujian dan dugaan yang diterima oleh orang-orang yang berikrar dengan kalimat iman untuk menguji hati mereka dan untuk membezakan di antara orang-orang yang benar beriman dengan orang-orang yang munafiq melalui ukuran sejauh mana mereka sabar menghadapi ujian dan dugaan itu. Di samping itu ia memperkecilkan segala kuasa dan kekuatan yang ada di dunia yang menentang iman dan orang-orang yang beriman, iaitu kuasa-kuasa yang menindas para Mu'minin dan menghalangkan mereka dari jalan Allah. Seterusnya ia memberi penegasan bahawa Allah tetap membalas orang-orang yang berdosa dan menolong para Mu'minin yang sabar menghadapi ujian dan dugaan. Itulah Sunnatullah yang berlaku di dalam da'wah para rasul dari sejak Nuh a.s. Itulah undang-undang yang tidak pernah berubah. Itulah undang-undang yang berhubung rapat dengan lunas kebenaran yang agung yang sebati dengan tabiat alam ini, dan itulah undang-undang yang tergambar dengan jelas di dalam da'wah Allah yang sama yang tidak pernah berubah sifatnya.

Pusingan yang kedua surah ini telah berakhir pada akhir juzu' yang telah lepas, dengan menyeru Rasulullah s.a.w. dan orang-orang yang beriman supaya membaca ayat-ayat kitab suci Al-Qur'an yang diwahyukan kepadanya dan mendirikan solat untuk mengingatkan Allah serta bermuraqabah dengan Allah Yang Maha Mengetahui segala apa yang dilakukan mereka.

Di dalam pusingan yang akhir, Allah memperkatakan tentang kitab suci Al-Qur'an dan hubungannya dengan kitab-kitab suci sebelumnya. Allah menyuruh orang-orang yang beriman supaya jangan berdebat dengan Ahlil-Kitab melainkan dengan cara yang paling baik kecuali orang-orang yang zalim dari mereka, iaitu orang-orang yang mengubahkan kitab suci mereka dan menyimpang kepada kepercayaan syirik, sedangkan syirik merupakan satu kezaliman yang amat besar, juga supaya mereka mengumumkan bahawa mereka beriman kepada semua da'wah para rasul dan kepada semua kitab suci (yang dibawa mereka) kerana semua da'wah dan kitab suci itu adalah benar diturunkan dari sisi Allah dan mengesahkan kitab suci yang ada pada mereka.

Kemudian Allah menerangkan tentang adanya setengah-setengah Ahlil-Kitab yang beriman kepada kitab suci Al-Qur'an yang akhir ini, sedangkan kaum Musyrikin pula tidak beriman kepada Al-Qur'an yang diturunkan kepada nabi mereka itu. Mereka tidak menghargakan ni'mat agung yang besar ini. Mereka tidak berpada dengan ni'mat kitab suci yang diturunkan kepada nabi yang dibangkitkan di dalam kalangan mereka, iaitu nabi yang berbicara dengan mereka dengan Qalamullah, nabi yang tidak pernah membaca sebarang kitab dan tidak pernah menulis sebarang kitab dengan tangannya hingga boleh menimbulkan keraguan bahawa Al-Qur'an itu dari ciptaan dan karangannya.

Allah mengingatkan kaum Musyrikin yang menuntut supaya disegerakan 'azab Allah menimpa mereka dan mengancam mereka bahawa 'azab itu akan menimpa mereka secara tiba-tiba. Allah menggambarkan bahawa 'azab itu sudah hampir dari mereka dan Neraka Jahannam tetap mengepung mereka, juga menggambarkan keadaan mereka pada hari 'azab yang menyelubungi mereka dari atas kepala dan bawah kaki mereka.

Kemudian Allah menoleh kepada orang-orang yang beriman yang sedang menghadapi ujian dan penindasan di Makkah lalu memberangsangkan mereka supaya berhijrah dengan agama mereka kepada Allah dan menumpukan ibadat kepada-Nya sahaja. Allah menoleh kepada mereka dengan uslub yang amat menarik, yang menyentuh setiap perasaan yang terlintas di dalam hati mereka dan setiap halangan yang mengganggu mereka. Dia menggambarkan hati mereka boleh diubah oleh jari-jari kekuasaan Allah Yang Maha Penyayang. Semuanya dilukis dengan coretan-coretan yang membuktikan bahawa yang menurunkan Al-Qur'an ini ialah Allah yang menciptakan hati manusia, kerana tiada siapa yang mengetahui liku-liku dan pintu-pintu hati yang sulit dan menyentuhnya dengan sentuhan-sentuhan itu melainkan pencipta hati itu sendiri Yang Maha Seni dan Maha Pakar.

Dari sini Al-Qur'an berpindah pula kepada kenyataan yang melahirkan kehairanan terhadap keadaan kaum Musyrikin yang begitu celaru di dalam kefahaman-kefahaman dan tanggapan-tanggapan mereka terhadap Allah. Mereka mengaku bahawa Allah S.W.T. menciptakan langit dan bumi, menundukkan matahari dan bulan, menurunkan air hujan dari langit, menghidupkan bumi yang mati dan apabila mereka menaiki kapal mereka berdo'a kepada Allah dengan menumpukan keta'atan kepada-Nya, tetapi selepas itu mereka kembali mempersekutukan Allah, mengingkarkan kitab suci-Nya, menyakiti Rasul-Nya dan menindas orang-orang yang beriman kepadanya. Kemudian Al-Qur'an mengingatkan orang-orang Musyrikin supaya mengenangkan ni'mat Allah yang telah menjadikan negeri mereka tanah suci yang aman. Di sini mereka hidup di dalam keamanan, sedangkan manusia di sekeliling mereka hidup di dalam ketakutan dan kecemasan. Mereka mengadakan pembohongan-pembohongan terhadap Allah dan mempersekutukan-Nya dengan tuhan-tuhan palsu. Justeru itu Allah berjanji akan membalaskan perbuatan mereka dengan Neraka Jahannam di mana terletaknya tempat kediaman orang-orang kafir.

Surah ini diakhiri dengan satu janji yang tegas dari Allah bahawa dia akan memberi hidayat kepada orang-orang yang berjihad untuk mencari keredhaan-

Nya iaitu orang-orang yang menumpukan keta'atan kepada Allah dan menuju kepada-Nya dengan menempuh berbagai-bagai halangan, dugaan, kesukaran, perjalanan yang jauh dan menghadapi penentang-penentang yang ramai.

(Pentafsiran ayat-ayat 46 - 52)

Memilih Cara Perdebatan Yang Paling Baik Dalam Menghadapi Kaum Ahlil-Kitab

وَلَا تُجَٰدِلُوٓاْ أَهۡلَ ٱلۡكِتَٰبِ إِلَّا بِٱلَّتِي هِيَ أَحۡسَنُ
إِلَّا ٱلَّذِينَ ظَلَمُواْ مِنۡهُمۡۖ وَقُولُوٓاْ ءَامَنَّا بِٱلَّذِيٓ أُنزِلَ
إِلَيۡنَا وَأُنزِلَ إِلَيۡكُمۡ وَإِلَٰهُنَا وَإِلَٰهُكُمۡ وَٰحِدٞ
وَنَحۡنُ لَهُۥ مُسۡلِمُونَ ﴿٤٦﴾

"Dan janganlah kamu berdebat dengan Ahlil-Kitab melainkan dengan cara yang paling baik kecuali orang-orang yang zalim dari mereka, dan katakanlah: Kami telah beriman kepada kitab-kitab yang diturunkan kepada kami dan yang diturunkan kepada kamu. Tuhan kami dan Tuhan kamu adalah satu dan kami berserah kepada-Nya."(46)

Da'wah Allah yang dibawa oleh Nuh a.s. dan para rasul selepasnya sehingga sampai kepada Khatamun-Nabiyin Muhammad s.a.w. adalah satu da'wah yang sama, yang datang dari Allah Yang Tunggal, satu da'wah yang mempunyai matlamat yang sama iaitu mengembalikan umat manusia yang sesat kepada Tuhannya, membimbing mereka ke jalan Allah dan mendidik mereka dengan methodologi pendidikan Allah. Orang-orang yang beriman kepada semua risalah yang dibawa oleh para rasul itu adalah dikira saudara kepada semua orang-orang yang beriman kepada semua risalah itu. Seluruh mereka merupakan satu umat yang menyembah Allah Yang Tunggal. Seluruh manusia dari semua generasinya dibahagikan kepada dua golongan: Golongan yang beriman iaitu golongan Hizbullah dan golongan yang menentang Allah iaitu golongan Hizbusy-Syaitan tanpa memandang kepada zaman mana dan tempat mana. Setiap generasi dari generasi-generasi yang beriman hanya merupakan satu mata cincin di dalam satu rangkaian rantai yang panjang yang bersambung di sepanjang abad.

Inilah hakikat agung yang amat mulia dan luhur yang menjadi tapak tegaknya Islam, dan inilah hakikat yang hendak ditegaskan oleh ayat ini. Inilah hakikat yang meningkatkan hubungan-hubungan di antara sesama manusia lebih tinggi dari semata-mata hubungan darah atau keturunan atau hubungan kenegerian atau hubungan pertukaran atau perdagangan. Ia meningkatkan seluruh hubungan ini dan menyambungkannya dengan Allah dalam bentuk satu 'aqidah, di mana hilangnya segala perbezaan bangsa dan warna, kaum dan negeri, zaman dan tempat, dan yang tinggal kekal hanyalah hubungan 'aqidah yang kukuh terhadap Allah Yang Maha Pencipta dan Penentu balasan yang adil.

Oleh kerana itu Al-Qur'an menjelaskan kepada orang-orang Islam supaya jangan berdebat dengan Ahlil-Kitab melainkan dengan cara yang paling baik. Tujuannya ialah untuk menerangkan hikmat kedatangan risalah yang baru (yang dibawa oleh Nabi Muhammad s.a.w.) dan hubungannya dengan risalah-risalah yang dibawa oleh para rasul sebelumnya, juga untuk meyakinkan mereka supaya berpegang dengan risalah akhir (yang dibawa Nabi Muhammad s.a.w.) sebagai bentuk da'wah terakhir selaras dengan da'wah-da'wah sebelumnya dan menyempurnakan da'wah-da'wah sebelumnya menurut hikmat kebijaksanaan dan ilmu Allah Yang Maha Mengetahui dengan keperluan-keperluan manusia. *"Kecuali orang-orang yang zalim dari mereka"*, iaitu mereka yang menyeleweng dari 'aqidah tauhid yang menjadi asas 'aqidah suci yang kekal dan mempersekutukan Allah serta meninggalkan sistem hidup yang diaturkan Allah. Orang-orang yang seperti ini tidak perlu diadakan perdebatan dan hubungan yang baik dengan mereka, kerana golongan inilah yang diperangi Islam setelah ia berjaya menegakkan sebuah kerajaan di Madinah.

Setengah-setengah Ahlil-Kitab membuat tuduhan yang dusta terhadap Rasulullah s.a.w. Mereka berkata beliau membuat hubungan yang baik dengan Ahlil-Kitab semasa beliau ditindas oleh kaum Musyrikin di Makkah, tetapi apabila beliau mempunyai kekuatan di Madinah beliau terus memerangi mereka. Ini adalah bertentangan dengan apa yang dikatakan oleh beliau tentang mereka semasa beliau berada di Makkah. Tuduhan ini adalah satu pembohongan yang sangat terang yang dibuktikan oleh ayat Makkiyah ini sendiri. Sebenarnya arahan perdebatan dengan kaum Ahlil-Kitab dengan cara yang paling baik itu hanya diuntukkan kepada orang-orang yang tidak zalim dari mereka dan tidak menyeleweng dari agama Allah dan dari 'aqidah tauhid yang bersih yang dibawa oleh semua risalah yang terdahulu.

وَقُولُوٓاْ ءَامَنَّا بِٱلَّذِيٓ أُنزِلَ إِلَيۡنَا وَأُنزِلَ إِلَيۡكُمۡ
وَإِلَٰهُنَا وَإِلَٰهُكُمۡ وَٰحِدٞ وَنَحۡنُ لَهُۥ مُسۡلِمُونَ ﴿٤٦﴾

"Dan katakanlah: Kami telah beriman kepada kitab-kitab yang diturunkan kepada kami dan yang diturunkan kepada kamu. Tuhan kami dan Tuhan kamu adalah satu dan Kami berserah kepada-Nya."(46)

Jadi di sini tidak perlu kepada bertelingkah, bergaduh, berdebat dan berbahas kerana mereka semuanya percaya kepada Allah Yang Maha Esa dan orang-orang Islam juga percaya kepada kitab-kitab suci yang diturunkan kepada mereka dan kepada umat-umat sebelum mereka, juga kerana intisari kitab-kitab suci adalah satu sahaja dan rangkaian agama Allah adalah bersambung-sambungan satu sama lain.

وَكَذَٰلِكَ أَنزَلْنَآ إِلَيْكَ ٱلْكِتَٰبَ ۚ فَٱلَّذِينَ
ءَاتَيْنَٰهُمُ ٱلْكِتَٰبَ يُؤْمِنُونَ بِهِۦ ۖ وَمِنْ هَٰٓؤُلَآءِ
مَن يُؤْمِنُ بِهِۦ ۚ وَمَا يَجْحَدُ بِـَٔايَٰتِنَآ إِلَّا ٱلْكَٰفِرُونَ ﴿٤٧﴾

"Dan demikianlah Kami turunkan kitab Al-Qur'an kepadamu. Orang-orang yang Kami kurniakan kitab (Taurat dan Injil) ada yang beriman kepada Al-Qur'an, dan di antara mereka (penduduk Makkah) ada juga yang beriman kepadanya, dan tiada orang yang mengingkarkan ayat-ayat Kami melainkan hanya orang-orang yang kafir sahaja."(47)

"*Dan demikianlah*" yakni dengan cara yang satu dan bersambung-sambung dan dengan peraturan yang sama yang tidak berubah-ubah dan dengan cara penyampaian wahyu yang disampaikan Allah kepada para rasul-Nya yang telah lalu *"Kami turunkan kitab Al-Qur'an kepada-mu"*. Dan di sana ada dua barisan golongan manusia (yang mempunyai sikap yang berlainan) terhadap Al-Qur'an: Satu barisan golongan yang beriman kepadanya. Mereka terdiri dari sebahagian Ahlil-Kitab dan sebahagian orang-orang Quraisy, dan satu barisan golongan lagi mengingkar dan tidak beriman kepadanya walaupun kaum Ahlil-Kitab beriman dan menyaksikan kebenarannya sebagai sebuah kitab suci yang mengesahkan kitab-kitab suci sebelumnya yang diturunkan kepada mereka. **"Dan tiada orang yang mengingkarkan ayat-ayat Kami melainkan hanya orang-orang yang kafir sahaja"** yakni ayat-ayat Allah itu amat terang dan lurus hingga tiada siapa yang sanggup mengingkarkannya melainkan orang-orang yang sengaja menutupkan jiwa mereka darinya sehingga mereka tidak nampak dan melihatnya lagi. Asal makna kufur ialah menutup dan melindung dan makna ini dipakai di dalam ungkapan ini.

Nabi Muhammad S.A.W. Tidak Pernah Membaca Dan Menulis

وَمَا كُنتَ تَتْلُوا۟ مِن قَبْلِهِۦ مِن كِتَٰبٍ وَلَا
تَخُطُّهُۥ بِيَمِينِكَ ۖ إِذًا لَّٱرْتَابَ ٱلْمُبْطِلُونَ ﴿٤٨﴾

"Dan engkau tidak pernah membaca sebarang kitab sebelumnya (Al-Qur'an) dan tidak juga pernah menulis (sebarang kitab) dengan tangan kananmu. Andainya (engkau pernah membaca dan menulis) tentulah, orang-orang yang ingkar itu menaruh keraguan."(48)

Demikianlah Al-Qur'anul-Karim menyebut perkara yang mungkin menimbulkan keraguan mereka hingga kepada perkara-perkara kecil yang bersahaja. Rasulullah s.a.w. telah hidup di kalangan mereka dalam masa yang begitu panjang sebagai seorang yang tidak tahu membaca dan menulis kemudian tiba-tiba beliau membawa kepada mereka kitab suci Al-Qur'an yang amat menarik dan melemahkan orang-orang yang pandai membaca dan menulis. Mungkin mereka menaruh keraguan andainya beliau dahulu pandai membaca dan menulis, tetapi apakah yang hendak diragui mereka kerana mereka tahu sejarah masa silamnya yang hidup di kalangan mereka?

Kita katakan Al-Qur'an menyebut setiap perkara yang mungkin menimbulkan keraguan mereka hingga perkara-perkara kecil yang bersahaja dan sekalipun jika kita andaikan Rasulullah s.a.w. itu pandai membaca dan menulis, maka mereka juga tidak seharusnya menaruh keraguan kerana hakikat Al-Qur'an itu sendiri membuktikan bahawa ia bukan dari ciptaan manusia. Al-Qur'an adalah terlalu besar bagi tenaga manusia, bagi ilmu pengetahuan manusia dan bagi taraf pemikiran manusia. Lunas kebenaran yang terkandung di dalamnya mempunyai sifat yang mutlak sama dengan lunas kebenaran yang wujud di dalam penciptaan alam buana ini. Setiap ayat Al-Qur'an yang kita berdiri di hadapannya menyarankan ke dalam hati kita bahawa di sebalik ayat itu ada sesuatu kekuatan, dan bahawa di dalam ungkapan-ungkapannya terdapat pengaruh dan kesan yang kuat yang tidak mungkin terbit dari pemikiran manusia.

بَلْ هُوَ ءَايَٰتٌۢ بَيِّنَٰتٌ فِى صُدُورِ ٱلَّذِينَ أُوتُوا۟
ٱلْعِلْمَ ۚ وَمَا يَجْحَدُ بِـَٔايَٰتِنَآ إِلَّا ٱلظَّٰلِمُونَ ﴿٤٩﴾

"Bahkan Al-Qur'an itu merupakan ayat-ayat yang jelas di dalam dada orang-orang yang dikurniakan ilmu, dan tiada orang yang mengingkarkan ayat-ayat Kami melainkan orang-orang yang zalim."(49)

Al-Qur'an merupakan bukti-bukti yang amat jelas di dalam hati orang-orang yang dikurniakan Allah ilmu pengetahuan. Bukti-bukti itu terang dan nyata, tiada apa-apa kesamaran dan kekeliruan. Mereka dapati bukti-bukti itu sangat jelas di dalam hati mereka dan mereka amat yakin kepada kebenarannya dan tidak memerlukan kepada bukti-bukti yang lain lagi. Ilmu pengetahuan yang sebenar yang ada di dalam dada mereka itulah yang menemui bukti kebenaran Al-Qur'an. Ilmu inilah yang menunjuk, jalan kepada hati mereka dan menyambungkannya dengan benang yang menyampaikan kepada kebenaran Al-Qur'an. *"Dan tiada orang yang mengingkarkan ayat-ayat Kami melainkan orang-orang yang zalim"* iaitu orang-orang yang tidak berlaku adil di dalam menilaikan hakikat-hakikat dan urusan-urusan. Mereka melewati garisan kebenaran dan jalan yang lurus.

Di Antara Mu'jizat Kebendaan Dan Mu'jizat Ayat-ayat Al-Qur'an

وَقَالُوا۟ لَوْلَآ أُنزِلَ عَلَيْهِ ءَايَٰتٌ مِّن رَّبِّهِۦ ۖ قُلْ إِنَّمَا
ٱلْءَايَٰتُ عِندَ ٱللَّهِ وَإِنَّمَآ أَنَا۠ نَذِيرٌ مُّبِينٌ ﴿٥٠﴾

"Dan mereka (orang-orang kafir) berkata: Mengapakah tidak diturunkan kepadanya (Muhammad) mu'jizat-mu'jizat dari Tuhannya? Katakanlah: Bahawa sesungguhnya urusan mu'jizat-mu'jizat itu hanya berada di sisi Allah sahaja dan

sesungguhnya aku hanya seorang (Rasul) yang memberi peringatan yang jelas."(50)

Mereka maksudkan dengan mu'jizat-mu'jizat itu ialah mu'jizat-mu'jizat kebendaan yang menemani risalah-risalah yang telah silam di zaman-zaman manusia berada di peringkat keanakan. Mu'jizat-mu'jizat kebendaan ini hanya menjadi hujah kepada generasi manusia yang melihatnya sahaja, sedangkan mu'jizat risalah yang akhir ini (yang dibawa oleh Muhammad s.a.w.) adalah mu'jizat yang menjadi hujah kepada siapa sahaja yang sampai da'wahnya kepadanya sehingga bumi dan segala penghuninya diwarisi Allah (Qiamat). Oleh sebab itulah mu'jizat-mu'jizat risalah ini datang dalam bentuk ayat-ayat yang dibacakan dari Al-Qur'anul-Karim yang melemahkan manusia, iaitu ayat-ayat, tidak akan habis keajaiban-keajaibannya dan akan terus membuka perbendaharaan-perbendaharaannya kepada semua generasi. Itulah ayat-ayat yang amat jelas di dalam hati orang-orang yang dikurniakan ilmu pengetahuan yang benar. Merekalah orang-orang yang dapat merasakan ayat-ayat Al-Qur'an itu sebagai mu'jizat-mu'jizat yang melemahkan manusia setiap kali mereka merenungi dan menelitinya, dan merekalah orang yang dapat merasakan di manakah sumber mu'jizat ini yang telah memberi pengaruh dan kekuatan yang mena'jubkan itu.

قُلْ إِنَّمَا ٱلْءَايَٰتُ عِندَ ٱللَّهِ

"Katakanlah: Bahawa sesungguhnya urusan mu'jizat-mu'jizat itu hanya berada di sisi Allah sahaja"(50)

yakni Dialah sahaja yang berkuasa melahirkannya apabila perlu mengikut perencanaan dan pentadbiran-Nya dan aku tidak berkuasa mencadangkan apa-apa kepada Allah, kerana ini bukannya urusanku dan budi bicaraku. *"Aku hanya seorang Rasul yang memberi peringatan yang jelas"* yakni tugas aku hanya sekadar memberi amaran, peringatan, penjelasan dan penerangan sahaja dan setakat ini aku telah menyempurnakan tugas, dan selepas ini terpulanglah kepada Allah segala urusan dan pentadbiran.

Kenyataan ini merupakan pembersihan 'aqidah dari segala tanggapan yang salah dan persepsi yang keliru dan merupakan penjelasan terhadap batas-batas tugas seorang Rasul selaku seorang manusia yang dipilih Allah menjadi Rasul. Oleh itu sifat-sifat Rasul tidak lagi terkeliru dengan sifat-sifat Allah Yang Maha Esa dan Maha Gagah, dan kekeliruan-kekeliruan tidak lagi menyelubungi para rasul apabila peristiwa-peristiwa mu'jizat kebendaan berlaku di dalam risalah mereka hingga menyebabkan mu'jizat-mu'jizat Ini bercampuraduk dengan kepercayaan-kepercayaan yang karut dan khurafat-khurafat yang menimbulkan berbagai-bagai penyelewengan.

Mereka yang berkeras menuntut mu'jizat-mu'jizat kebendaan itu lupa menghargai limpah kurnia Allah yang amat besar yang telah menurunkan Al-Qur'an kepada mereka:

أَوَلَمْ يَكْفِهِمْ أَنَّآ أَنزَلْنَا عَلَيْكَ ٱلْكِتَٰبَ يُتْلَىٰ عَلَيْهِمْ ۚ إِنَّ فِى ذَٰلِكَ لَرَحْمَةً وَذِكْرَىٰ لِقَوْمٍ يُؤْمِنُونَ ﴿٥١﴾

"Apakah tidak cukup kepada mereka Kami turunkan kepadamu Al-Qur'an yang dibacakan kepada mereka. Sesungguhnya di dalam kitab Al-Qur'an itu terdapat rahmat dan peringatan kepada golongan orang-orang yang beriman."(51)

Itulah perbuatan mengingkari ni'mat dan ri'ayah Allah yang tidak tersyukur dan ternilai. Tidakkah cukup bagi mereka hidup berhubung dengan Allah dengan perantaraan Al-Qur'an? Yang diturunkan kepada mereka, yang menceritakan kepada mereka rahsia-rahsia di dalam hati mereka dan mendedahkan kepada mereka hal-hal di sekeliling mereka serta membuat mereka sedar bahawa mereka sentiasa di dalam pengawasan Allah dan bahawa Allah sentiasa mengambil berat terhadap mereka hingga berbicara dengan mereka mengenai urusan-urusan mereka dan menceritakan berbagai-bagai kisah kepada mereka serta mengajar mereka, sedangkan mereka cuma satu makhluk insan yang kecil, kerdil dan tidak kelihatan di dalam kerajaan Allah yang amat besar dan sedangkan mereka, bumi mereka, dan matahari mereka yang menjadi tempat peredaran bumi mereka hanya merupakan debu-debu halus yang sesat di angkasa raya yang amat luas dan terapung-apung dengan kuasa Allah. Kemudian selepas itu Allah memuliakan mereka dengan menurunkan qalam-Nya yang suci yang dibicarakan kepada mereka, tetapi malangnya mereka tidak juga merasa cukup.

إِنَّ فِى ذَٰلِكَ لَرَحْمَةً وَذِكْرَىٰ لِقَوْمٍ يُؤْمِنُونَ ﴿٥١﴾

"Sesungguhnya di dalam kitab Al-Qur'an itu terdapat rahmat dan peringatan kepada golongan orang-orang yang beriman."(51)

Hanya orang-orang yang beriman sahaja yang dapat merasakan sentuhan rahmat itu di dalam hati mereka. Merekalah sahaja yang mengenangkan limpah kurnia Allah yang amat besar ke atas umat manusia dengan menurunkan Al-Qur'an kepada mereka. Merekalah sahaja yang merasakan kemurahan Allah apabila Dia menjemput mereka mengadap-Nya dan menghadiri jamuan-Nya, sedangkan Dia Tuhan Yang Maha Tinggi dan Maha Agung. Merekalah sahaja yang dapat mengambil manfa'at dari Al-Qur'an kerana Al-Qur'an hidup di dalam hati mereka dan membuka rahsia-rahsia perbendaharaannya kepada mereka serta menerangkan jiwa mereka dengan ilmu pengetahuan dan nur hidayat.

Adapun orang-orang yang tidak mencapai perasaan-perasaan ini, dan menuntut bukti-bukti untuk membolehkan mereka percaya kepada Al-Qur'an, maka mereka adalah manusia-manusia buta yang mempunyai hati yang tidak pernah terbuka kepada nur hidayat. Mereka adalah manusia-manusia

yang tidak berguna berkomunikasi dengan mereka dan oleh itu tinggalkan sahaja perkara mereka kepada keputusan Allah.

Kekufuran Mengakibatkan Kerugian Yang Mutlak

قُلْ كَفَىٰ بِاللَّهِ بَيْنِي وَبَيْنَكُمْ شَهِيدًا ۖ يَعْلَمُ
مَا فِي السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضِ ۗ وَالَّذِينَ آمَنُوا بِالْبَاطِلِ
وَكَفَرُوا بِاللَّهِ أُولَٰئِكَ هُمُ الْخَاسِرُونَ ٥٢

"Katakanlah: Cukuplah Allah menjadi saksi di antaraku dengan kamu. Dia mengetahui segala isi langit dan bumi, dan orang-orang yang beriman kepada kebatilan dan tidak percaya kepada Allah merekalah orang-orang yang rugi."(52)

Penyaksian Allah yang mengetahui segala isi langit dan bumi merupakan penyaksian yang maha besar. Allah mengetahui bahawa mereka berdiri di atas kebatilan:

وَالَّذِينَ آمَنُوا بِالْبَاطِلِ وَكَفَرُوا بِاللَّهِ
أُولَٰئِكَ هُمُ الْخَاسِرُونَ ٥٢

"Dan orang-orang yang beriman kepada kebatilan dan tidak percaya kepada Allah merekalah orang-orang yang rugi."(52)

Merekalah orang-orang yang sebenar-benar rugi, orang-orang yang rugi segala-galanya, orang-orang yang rugi dunia dan Akhirat dan orang-orang yang rugi diri sendiri, rugi hidayat, rugi hidup yang lurus, rugi ketenteraman iman, rugi kebenaran dan rugi nur petunjuk.

Sesungguhnya keimanan kepada Allah itu merupakan keuntungan, dan pahala yang didapati dari keimanan itu merupakan limpah kurnia Allah. Keimanan itu ialah ketenteraman dan keyakinan di dalam hati dan kejujuran dalam perjalanan hidup, juga ketabahan dan keteguhan dalam menghadapi peristiwa-peristiwa, di samping kepercayaan kepada pertolongan dan perlindungan Allah, juga kepercayaan menerima akibat yang baik. Semuanya merupakan keuntungan-keuntungan yang tidak dapat dicapai oleh orang-orang kafir.

أُولَٰئِكَ هُمُ الْخَاسِرُونَ ٥٢

"Merekalah orang-orang yang rugi."(52)

(Pentafsiran ayat-ayat 53 – 55)

Hikmat Di Sebalik Penangguhan Azab

Kemudian Al-Qur'an terus memperkatakan tentang orang-orang Musyrikin yang menggesa supaya dipercepatkan 'azab ke atas mereka, sedangkan Neraka Jahannam amat hampir kepada mereka:

وَيَسْتَعْجِلُونَكَ بِالْعَذَابِ ۚ وَلَوْلَا أَجَلٌ مُسَمًّى لَجَاءَهُمُ
الْعَذَابُ وَلَيَأْتِيَنَّهُمْ بَغْتَةً وَهُمْ لَا يَشْعُرُونَ ٥٣
يَسْتَعْجِلُونَكَ بِالْعَذَابِ وَإِنَّ جَهَنَّمَ لَمُحِيطَةٌ
بِالْكَافِرِينَ ٥٤
يَوْمَ يَغْشَاهُمُ الْعَذَابُ مِنْ فَوْقِهِمْ وَمِنْ تَحْتِ
أَرْجُلِهِمْ وَيَقُولُ ذُوقُوا مَا كُنْتُمْ تَعْمَلُونَ ٥٥

"Mereka menggesa-Mu supaya mempercepatkan 'azab. Andainya tidak kerana waktu yang telah ditetapkan tentulah 'azab itu akan menimpa mereka dan sesungguhnya 'azab itu akan datang kepada mereka secara mendadak tanpa disedari mereka(53). Mereka menggesa-Mu supaya mempercepatkan 'azab itu dan sesungguhnya Neraka Jahannam itu tetap mengepung orang-orang kafir(54). Pada hari mereka diselubungi 'azab dari atas mereka dan dari bawah kaki mereka dan Allah berfirman: Rasakanlah balasan terhadap perbuatan-perbuatan yang telah kamu lakukannya."(55)

Kaum Musyrikin telah mendengar amaran Rasulullah, tetapi mereka tidak dapat memahami hikmat mengapa 'azab itu ditangguhkan kepada mereka sehingga ke suatu masa. Oleh sebab itu mereka menggesa Rasulullah s.a.w supaya dipercepatkan 'azab itu sebagai suatu cabaran. Penangguhan Allah itu seringkali dibuat dengan tujuan istidraj supaya mereka bertambah jahat dan rosak atau dengan tujuan menguji orang-orang yang beriman supaya iman mereka bertambah kuat dan kesabaran mereka bertambah teguh, juga supaya orang-orang yang tidak mampu sabar itu meninggalkan barisan mereka, atau dengan tujuan untuk memelihara orang-orang yang diketahui Allah mempunyai kesediaan yang baik dari pengaruh golongan yang sesat itu sehingga mereka dapat membezakan di antara hidayat dengan kesesatan agar mereka dapat kembali semula ke jalan hidayat, atau dengan tujuan melahirkan zuriat keturunan yang baik dari benih mereka, iaitu zuriat keturunan yang menyembah Allah dan menyebelahi Hizbullah walaupun ibu bapa mereka sesat, atau lain-lain tujuan mengikut tadbir Allah yang tersembunyi.

Tetapi kaum Musyrikin tidak memahami sedikit pun hikmat dan tadbir Allah. Mereka menuntut supaya dipercepatkan kedatangan 'azab dengan tujuan mencabar. *"Andainya tidak kerana waktu yang telah ditetapkan tentulah 'azab itu akan menimpa mereka,"* dalam ayat ini Allah berjanji akan membawa 'azab yang digesakan mereka supaya dipercepatkannya itu apabila tiba waktunya yang telah ditetapkan, tetapi mereka sama sekali tidak menduga lalu mereka tiba-tiba ditimpa 'azab itu. **"Sesungguhnya 'azab itu**

akan datang kepada mereka secara mendadak tanpa disedari mereka."

Sesungguhnya mereka telah ditimpa 'azab kekalahan selepas itu di dalam Peperangan Badar dan tepatlah apa yang telah dijanjikan Allah. Di sana mereka dapat melihat dengan mata kepala mereka bagaimana tepatnya janji Allah. Allah tidak menyeksakan mereka dengan kebinasaan yang menyeluruh sebagaimana yang dilakukan ke atas umat-umat yang mendustakan rasul-rasul sebelum mereka. Begitu juga Allah tidak memperkenankan permintaan mereka yang menuntut mu'jizat kebendaan supaya janji Allah yang akan menimpakan 'azab itu tidak berlaku ke atas mereka apabila mereka terus mendustakan rasul selepas menyaksi mu'jizat itu kerana Allah mahu memberi peluang kepada sebilangan besar dari mereka supaya dapat beriman selepas itu dan menjadi wira-wira Islam yang terpilih, juga kerana Allah mahu melahirkan dari benih mereka zuriat keturunan yang memikul panji-panji Islam generasi demi generasi mengikut tadbir Allah yang tiada siapa pun mengetahuinya melainkan Dia.

Selepas menjanjikan 'azab dunia yang akan menimpa mereka secara tiba-tiba dan tanpa disedari mereka itu, Al-Qur'an mengulangi kecaman-Nya terhadap cabaran mereka supaya dipercepatkan 'azab yang dijanjikan itu ke atas mereka sedangkan 'azab Neraka Jahannam telah siap sedia menunggu mereka:

يَسْتَعْجِلُونَكَ بِٱلْعَذَابِ وَإِنَّ جَهَنَّمَ لَمُحِيطَةٌۢ
بِٱلْكَٰفِرِينَ ﴿٥٤﴾

"Mereka menggesa-Mu supaya mempercepatkan 'azab itu dan sesungguhnya Neraka Jahannam itu tetap mengepung orang-orang kafir."(54)

Sesuai dengan ilustrasi Al-Qur'an yang menggambarkan peristiwa-peristiwa masa depan yang tersembunyi itu seolah-olah sedang berlaku di hadapan mata, maka di sini ia menggambarkan Neraka Jahannam kepada mereka sedang mengepung orang-orang kafir. Kepada mereka kepungan Neraka Jahannam merupakan peristiwa masa depan yang tersembunyi, tetapi kepada ilmu Allah ia merupakan suatu peristiwa yang jelas terpampang di hadapan mata. Penggambaran Al-Qur'an tentang hakikat Neraka yang tersembunyi itu menimbulkan perasaan takut di dalam hati mereka dan menjadikan perbuatan mereka yang meminta supaya dipercepatkan 'azab itu bertambah keji lagi. Ke manakah orang-orang yang dikepung Neraka Jahannam itu hendak bergopoh gapah. Mereka akan ditelan Neraka, sedangkan mereka lalai dan tertipu.

Al-Qur'an menggambarkan keadaan mereka terkepung di dalam api Neraka Jahannam sedangkan mereka masih menuntut supaya dipercepatkan 'azab itu menimpa mereka.

يَوْمَ يَغْشَىٰهُمُ ٱلْعَذَابُ مِن فَوْقِهِمْ وَمِن تَحْتِ
أَرْجُلِهِمْ وَيَقُولُ ذُوقُوا۟ مَا كُنتُمْ تَعْمَلُونَ ﴿٥٥﴾

"Pada hari mereka diselubungi 'azab dari atas mereka dan dari bawah kaki mereka dan Allah berfirman: Rasakanlah balasan terhadap perbuatan-perbuatan yang telah kamu lakukannya."(55)

Itulah suatu pemandangan yang ngeri yang diiringi pula dengan kecaman yang amat menghina dan amat pahit *"Rasakanlah balasan terhadap perbuatan-perbuatan yang telah kamu lakukannya"*. Itulah akibat permintaan supaya dipercepatkan 'azab dan akibat mempersenda-sendakan amaran rasul.

******

(Pentafsiran ayat-ayat 56 - 60)

Carilah Bumi Yang Aman Untuk Menyembah Allah

Allah meninggalkan orang-orang kafir pendusta dan sewenang-wenang itu di dalam satu pemandangan 'azab Neraka yang menyelubungi mereka dari atas kepala dan dari bawah kaki mereka untuk menoleh kepada orang-orang yang beriman yang sedang ditindas oleh pendusta-pendusta supaya meninggalkan agama mereka. Mereka menghalangkan orang-orang yang beriman dari menyembah Tuhan mereka. Allah berpaling kepada mereka untuk menyeru mereka supaya keluar berhijrah menyelamatkan agama dan 'aqidah mereka. Allah menyeru mereka dengan seruan yang penuh kasih dan mesra dan dengan uslub yang menyentuh segala tali rasa di dalam hati:

يَٰعِبَادِىَ ٱلَّذِينَ ءَامَنُوٓا۟ إِنَّ أَرْضِى وَٰسِعَةٌ فَإِيَّٰىَ
فَٱعْبُدُونِ ﴿٥٦﴾
كُلُّ نَفْسٍ ذَآئِقَةُ ٱلْمَوْتِ ثُمَّ إِلَيْنَا تُرْجَعُونَ ﴿٥٧﴾
وَٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ وَعَمِلُوا۟ ٱلصَّٰلِحَٰتِ لَنُبَوِّئَنَّهُم مِّنَ
ٱلْجَنَّةِ غُرَفًا تَجْرِى مِن تَحْتِهَا ٱلْأَنْهَٰرُ خَٰلِدِينَ فِيهَا
نِعْمَ أَجْرُ ٱلْعَٰمِلِينَ ﴿٥٨﴾
ٱلَّذِينَ صَبَرُوا۟ وَعَلَىٰ رَبِّهِمْ يَتَوَكَّلُونَ ﴿٥٩﴾
وَكَأَيِّن مِّن دَآبَّةٍ لَّا تَحْمِلُ رِزْقَهَا ٱللَّهُ يَرْزُقُهَا
وَإِيَّاكُمْ وَهُوَ ٱلسَّمِيعُ ٱلْعَلِيمُ ﴿٦٠﴾

"Wahai hamba-hamba-Ku yang beriman! Sesungguhnya bumi-Ku amat luas. Oleh kerana itu sembahlah Aku(56). Tiap-tiap yang bernyawa itu akan merasa kematian, kemudian kepada Kami kamu sekalian dikembalikan (57). Dan orang-orang yang beriman dan mengerjakan amalan yang soleh Kami akan tempatkan mereka di tempat-tempat

yang tinggi di dalam Syurga yang mengalir di bawahnya sungai-sungai, di mana mereka hidup kekal abadi. Itulah sebaik-baik balasan kepada orang-orang yang beramal(58). Yang bersabar dan bertawakkal kepada Tuhan mereka(59). Dan berapa banyak binatang yang tidak dapat menanggung rezekinya. Allahlah yang memberi rezeki kepadanya dan kepada kamu. Dan Dia Maha Mendengar dan Maha Mengetahui(60).

Allah yang menciptakan hati manusia dan mengetahui segala lubuknya yang tersembunyi, segala perasaan yang terlintas dan segala rahsianya yang terpendam itu menyeru hati ini dengan penuh mesra *"Wahai hamba-hamba-Ku yang beriman."* Allah menyeru mereka supaya berhijrah menyelamatkan agama mereka. Allah menyeru mereka dengan begitu mesra supaya mereka menyedari hakikat diri mereka dari detik pertama lagi iaitu mereka adalah hamba-hamba kesayangan-Nya kerana Allah hubungkan mereka kepada-Nya dalam kata-kata *"Wahai hamba-hamba-Ku."*

Inilah sentuhan mesra yang pertama (di dalam seruan itu) dan sentuhan mesra yang kedua pula ialah *"Sesungguhnya bumi-Ku amat luas."*

Kamu adalah hamba-hamba kesayangan-Ku, dan bumi-Ku ini adalah cukup luas untuk kamu, mengapa kamu masih sayang tinggal di negeri yang sempit ini, di mana kamu ditindas supaya meninggalkan agama kamu hingga kamu tidak dapat menyembah Allah Tuhan kamu? Wahai hamba-hamba-Ku! Tinggalkan sahaja negeri yang sempit ini dan berhijrahlah kepada bumi-Ku yang amat luas supaya kamu selamat dengan agama kamu dan bebas di dalam amal ibadat kamu *"Sembahlah Aku."*

Perasaan sedih dan pilu untuk meninggalkan tanahair merupakan perasaan pertama yang tergerak di dalam hati orang-orang yang beriman yang diseru supaya berhijrah meninggalkan tanahair mereka. Oleh sebab itulah Allah menyentuh hati mereka dengan kata-kata yang penuh kasih mesra *"Wahai hamba-hamba-Ku"* dan *"Sesungguhnya bumi-Ku amat luas."* Selama bumi ini semuanya bumi kepunyaan Allah maka sebaik-baik tempat di bumi ini ialah negeri yang memberi keselesaan kepada mereka untuk menyembah Allah Yang Tunggal.

Kebimbangan Dan Ketakutan Berhijrah

Kemudian Al-Qur'an mengesan perasaan-perasaan yang terdetik di dalam hati mereka. Di sana terdapat perasaan bimbang dan takut kepada bahaya-bahaya berhijrah, iaitu bahaya maut dalam langkah-langkah percubaan keluar dari Makkah, kerana kaum Musyrikin menahan orang-orang yang beriman di Makkah dan tidak membenarkan mereka keluar berpindah darinya, kerana mereka menyedari bahaya mereka setelah keluarnya angkatan Muhajirin yang pertama sebelum ini. Begitu juga mereka bimbang dan takut kepada bahaya di tengah jalan jika mereka berjaya keluar dari Makkah. Di sini datanglah pula sentuhan yang kedua:

كُلُّ نَفْسٍ ذَآئِقَةُ ٱلْمَوْتِ ۖ ثُمَّ إِلَيْنَا تُرْجَعُونَ ﴿٥٧﴾

"Tiap-tiap yang bernyawa itu akan merasa kematian, kemudian kepada Kami kamu sekalian dikembalikan."(57)

Maut itu pasti datang pada setiap tempat. Oleh itu mereka tidak perlu memperhitungkan persoalan maut kerana mereka tidak mengetahui segala sebab yang membawa maut itu. Seluruh mereka akan kembali kepada Allah belaka. Mereka berhijrah kepada Allah di bumi-Nya yang luas, dan pada akhir perjalanan hidup mereka akan pulang kepada Allah juga. Mereka adalah hamba-hamba kesayangan Allah yang dilindunginya di dunia dan di Akhirat. Berdasar kenyataan-kenyataan ini, siapakah lagi yang akan merasa takut dan gelisah di dalam hatinya?

Di samping itu Al-Qur'an tidak meninggalkan orang-orang Mu'minin itu dengan hanya memberi kesanggupan melindung mereka sahaja, malah Al-Qur'an menerangkan balasan-balasan yang disediakan untuk mereka di sana. Mereka akan meninggalkan tanahair mereka dan akan digantikan dengan negeri yang luas dan selesa untuk mereka. Mereka akan meninggalkan rumahtangga mereka dan akan digantikan dengan rumah-rumah di dalam Syurga yang lebih agung lagi:

وَٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ وَعَمِلُوا۟ ٱلصَّٰلِحَٰتِ لَنُبَوِّئَنَّهُم مِّنَ
ٱلْجَنَّةِ غُرَفًا تَجْرِى مِن تَحْتِهَا ٱلْأَنْهَٰرُ خَٰلِدِينَ فِيهَا ۚ

"Dan orang-orang yang beriman dan mengerjakan amalan yang soleh Kami akan tempatkan mereka di tempat-tempat yang tinggi di dalam Syurga yang mengalir di bawahnya sungai-sungai. Di mana mereka hidup kekal abadi di dalamnya."(58)

Sampai di sini Al-Qur'an menyeru mereka supaya beramal, bersabar dan bertawakkal kepada Allah:

نِعْمَ أَجْرُ ٱلْعَٰمِلِينَ ﴿٥٨﴾

"Itulah sebaik-baik balasan kepada orang-orang yang beramal."(58)

ٱلَّذِينَ صَبَرُوا۟ وَعَلَىٰ رَبِّهِمْ يَتَوَكَّلُونَ ﴿٥٩﴾

"Yang bersabar dan bertawakkal kepada Tuhan mereka."(59)

Ini merupakan satu sentuhan untuk meneguh dan memberanikan hati orang-orang yang beriman dalam menghadapi keadaan-keadaan cemas dan takut yang amat perlu kepada pemberangsangan seperti ini.

Kemudian timbul pula di dalam hati perasaan bimbang terhadap hasil pendapatan rezeki mereka setelah mereka meninggalkan tanahair, harta benda, bidang-bidang pekerjaan, kegiatan-kegiatan biasa dan punca-punca rezeki hidup mereka. Oleh sebab itu Al-Qur'an tidak meninggalkan perasaan ini begitu sahaja

tanpa memberi sentuhan yang memantapkan hati mereka:

وَكَأَيِّن مِّن دَآبَّةٖ لَّا تَحۡمِلُ رِزۡقَهَا ٱللَّهُ يَرۡزُقُهَا
وَإِيَّاكُمۡۚ وَهُوَ ٱلسَّمِيعُ ٱلۡعَلِيمُ ٦٠

"Dan berapa banyak binatang yang tidak dapat menanggung rezekinya. Allahlah yang memberi rezeki kepadanya dan kepada kamu. Dan Dia Maha Mendengar dan Maha Mengetahui."(60)

Sentuhan ini menyedarkan hati mereka supaya melihat apa yang sebenar berlaku di dalam hidup mereka. Berapa banyak binatang yang tidak pernah berusaha menghasilkan rezeki-rezekinya dan tidak pernah berusaha mengumpul dan menanggungnya, malah tidak pula mempedulikannya, dan tidak tahu bagaimana hendak mencari rezeki untuk dirinya dan bagaimana hendak menjaga rezeki itu, namun demikian, Allah tetap memberi rezeki kepada binatang-binatang itu dan tidak membiarkannya mati lapar. Demikianlah juga Allah memberi rezeki kepada manusia walaupun mereka merasa bahawa merekalah yang mencipta dan mengadakan rezeki mereka. Allah mengurniakan kepada manusia alat-alat dan punca-punca rezeki, dan pengurniaan ini sendiri merupakan pemberian rezeki dari Allah. Mereka tidak mendapat rezeki melainkan dengan taufiq Allah. Oleh itu tidak ada sebab untuk mereka merasa bimbang dan cemas terhadap rezeki mereka apabila mereka berhijrah. Mereka adalah hamba-hamba kesayangan Allah yang berhijrah ke bumi Allah dan Allah akan memberi rezeki kepada mereka di mana sahaja mereka berada sebagaimana Dia memberi rezeki kepada binatang-binatang yang tidak pernah menanggung rezekinya.

Sentuhan-sentuhan yang halus dan mendalam ini diakhiri dengan menghubungkan mereka kepada Allah dan menyedarkan mereka terhadap ri'ayah dan 'inayah Allah kepada diri mereka. Allah mendengar rayuan-rayuan mereka dan mengetahui segala keadaan mereka dan Dia tidak akan meninggalkan mereka sendirian *"Dia Maha Mendengar dan Maha Mengetahui."*

Di sini berakhirlah pusingan yang pendek ini setelah menyentuh setiap lubuk hati dan menyahut setiap panggilan perasaan gelisah di sa'at keluar berhijrah. Ia meninggalkan setiap tempat ketakutan dengan ketenteraman, setiap tempat kecemasan dengan ketenangan dan setiap tempat kepenatan dengan kerehatan. Ia memujuk hati orang-orang yang beriman dan membelaikannya dengan rasa kasih mesra yang rapat dan dengan rasa aman dan terpelihara di dalam naungan Allah Yang Maha Pengasih dan Maha Pemberi ni'mat.

Sesungguhnya tiada siapa yang dapat memahami segala perasaan hati manusia melainkan hanya Allah Pencipta sahaja, dan tiada siapa yang dapat mengubati hati seperti ini melainkan hanya Allah yang mengetahui segala rahsia di dalam hati.

******

(Pentafsiran ayat-ayat 61 - 68)

Setelah berakhirnya pusingan yang berbicara dengan orang-orang yang beriman Al-Qur'an kembali menerangkan keadaan percanggahan yang wujud di dalam pendirian dan kepercayaan-kepercayaan kaum Musyrikin. Mereka mengakui bahawa Allahlah yang menciptakan langit dan bumi, menundukkan matahari dan bulan, menurunkan hujan dari langit, menyuburkan bumi selepas kekeringannya iaitu gejala-gejala yang melibatkan keluasan dan kesempitan rezeki kepada mereka. Mereka juga menumpukan do'a mereka kepada Allah Yang Tunggal ketika dilanda ketakutan, tetapi selepas itu mereka mempersekutukan Allah, menyakiti orang-orang yang menyembah Allah Yang Tunggal dan menindas mereka supaya meninggalkan 'aqidah mereka yang kukuh itu iaitu 'aqidah bersih yang tidak ada sebarang percanggahan dan kegoyahan. Mereka lupakan ni'mat Allah yang telah mengurniakan kepada mereka ni'mat keamanan di Baitil-Haram dan mereka menakutkan para hamba Allah yang beriman di sana:

وَلَئِن سَأَلۡتَهُم مَّنۡ خَلَقَ ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَٱلۡأَرۡضَ وَسَخَّرَ
ٱلشَّمۡسَ وَٱلۡقَمَرَ لَيَقُولُنَّ ٱللَّهُۖ فَأَنَّىٰ يُؤۡفَكُونَ ٦١
ٱللَّهُ يَبۡسُطُ ٱلرِّزۡقَ لِمَن يَشَآءُ مِنۡ عِبَادِهِۦ وَيَقۡدِرُ لَهُۥٓۚ
إِنَّ ٱللَّهَ بِكُلِّ شَيۡءٍ عَلِيمٞ ٦٢
وَلَئِن سَأَلۡتَهُم مَّن نَّزَّلَ مِنَ ٱلسَّمَآءِ مَآءٗ فَأَحۡيَا بِهِ
ٱلۡأَرۡضَ مِنۢ بَعۡدِ مَوۡتِهَا لَيَقُولُنَّ ٱللَّهُۚ قُلِ ٱلۡحَمۡدُ لِلَّهِۚ
بَلۡ أَكۡثَرُهُمۡ لَا يَعۡقِلُونَ ٦٣
وَمَا هَٰذِهِ ٱلۡحَيَوٰةُ ٱلدُّنۡيَآ إِلَّا لَهۡوٞ وَلَعِبٞۚ وَإِنَّ ٱلدَّارَ
ٱلۡأٓخِرَةَ لَهِيَ ٱلۡحَيَوَانُۚ لَوۡ كَانُواْ يَعۡلَمُونَ ٦٤
فَإِذَا رَكِبُواْ فِي ٱلۡفُلۡكِ دَعَوُاْ ٱللَّهَ مُخۡلِصِينَ لَهُ ٱلدِّينَ
فَلَمَّا نَجَّىٰهُمۡ إِلَى ٱلۡبَرِّ إِذَا هُمۡ يُشۡرِكُونَ ٦٥
لِيَكۡفُرُواْ بِمَآ ءَاتَيۡنَٰهُمۡ وَلِيَتَمَتَّعُواْۚ فَسَوۡفَ
يَعۡلَمُونَ ٦٦
أَوَلَمۡ يَرَوۡاْ أَنَّا جَعَلۡنَا حَرَمًا ءَامِنٗا وَيُتَخَطَّفُ
ٱلنَّاسُ مِنۡ حَوۡلِهِمۡۚ أَفَبِٱلۡبَٰطِلِ يُؤۡمِنُونَ وَبِنِعۡمَةِ

ٱللَّهِ يَكْفُرُونَ ﴿٦٧﴾

وَمَنْ أَظْلَمُ مِمَّنِ ٱفْتَرَىٰ عَلَى ٱللَّهِ كَذِبًا أَوْ كَذَّبَ بِٱلْحَقِّ

لَمَّا جَآءَهُۥٓ أَلَيْسَ فِى جَهَنَّمَ مَثْوًى لِّلْكَٰفِرِينَ ﴿٦٨﴾

"Dan jika engkau tanyakan mereka: Siapakah yang telah menciptakan langit dan bumi dan menundukkan matahari dan bulan nescaya mereka menjawab: Allah. Oleh itu bagaimana mereka boleh dipesongkan (sedemikian rupa)?(61). Allahlah yang melapangkan rezeki kepada siapa yang dikehendaki-Nya dari para hamba-Nya dan Dialah juga yang menyempitkan rezeki itu kepadanya. Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui segala sesuatu(62). Dan jika engkau bertanya mereka siapakah yang menurunkan air hujan dari langit lalu menghidupkan bumi dengannya sesudah ia mati, nescaya mereka menjawab: Allah. Katakanlah: Segala kepujian itu terpulang kepada Allah, tetapi kebanyakan mereka tidak berakal(63). Dan kehidupan dunia ini tidak lain melainkan hanya hiburan dan permainan sahaja, dan sesungguhnya negeri Akhirat itulah kehidupan yang sebenar, jika mereka mengetahui(64). Dan apabila mereka menaiki kapal mereka berdo'a kepada Allah dengan menumpukan keta'atan kepada-Nya, tetapi apabila Allah menyelamatkan mereka sampai ke darat tiba-tiba mereka kembali mempersekutukan-Nya(65). Biarlah mereka ingkarkan ni'mat-ni'mat yang dikurniakan kepada mereka dan biarlah mereka hidup berfoya-foya di dalam keni'matan, kerana kelak mereka akan mengetahui (akibatnya)(66). Tidakkah mereka melihat bahawa Kami telah menjadikan (negeri mereka) tanah suci yang aman, sedangkan manusia di sekeliling mereka dirompak dan dibunuh. Mengapakah mereka masih percaya kepada yang batil dan mengingkarkan ni'mat Allah?(67). Siapakah yang lebih zalim dari orang yang mengada-adakan pembohongan terhadap Allah atau mendustakan kebenaran ketika datang kepadanya? Bukankah di dalam Neraka Jahannam itu ada tempat kediaman bagi orang-orang yang kafir?"(68)

Kepercayaan Orang-orang Arab

Ayat-ayat ini menggambarkan kepercayaan orang Arab di zaman itu dan menyarankan bahawa kepercayaan itu pada asalnya berumbikan tauhid kemudian dilanda penyelewengan. Ini tiadalah menghairankan kerana mereka adalah dari żuriat keturunan Nabi Ismail bin Ibrahim a.s., dan mereka juga sebenarnya percaya bahawa mereka berpegang dengan agama Ibrahim dan berdasarkan kepercayaan inilah mereka berbangga dengan 'aqidah mereka. Mereka tidak begitu banyak memberi perhatian mereka kepada agama Musa atau agama Isa, sedangkan kedua-dua agama, ini wujud di kalangan mereka di Semenanjung Tanah Arab. Ini ialah kerana mereka berbangga bahawa mereka berada di atas agama Ibrahim, sedangkan mereka tidak sedar bahawa 'aqidah mereka telah menyeleweng dan bercanggah satu sama lain.

Apabila mereka ditanya tentang siapakah yang menciptakan langit dan bumi, matahari dan bulan, dan siapakah yang menurunkan air hujan dan menyuburkan bumi dengan air itu? Mereka mengaku bahawa yang menciptakan semuanya ini ialah Allah, tetapi mereka tetap menyembah berhala-berhala mereka atau menyembah jin atau menyembah malaikat. Mereka jadikan makhluk-makhluk ini sebagai sekutu-sekutu Allah di dalam ibadat mereka walaupun mereka tidak jadikannya sekutu-sekutu Allah dalam urusan penciptaan alam. Ini adalah satu percanggahan yang mena'jubkan, iaitu satu percanggahan yang dihairankan Allah di dalam ayat-ayat tadi *"Bagaimana mereka boleh dipesongkan (sedemikian rupa)?"* Yakni bagaimana mereka boleh dipesongkan dari 'aqidah yang benar kepada 'aqidah yang campuraduk yang aneh ini? *"Tetapi kebanyakan mereka tidak berakal".* Tentulah tidak boleh disifatkan seseorang itu berakal apabila dia boleh menerima kepercayaan yang bercampuraduk itu.

Di antara pertanyaan tentang siapakah pencipta langit dan bumi, matahari dan bulan dengan pertanyaan tentang siapakah yang menurunkan air hujan dan menyuburkan bumi, Al-Qur'an menjelaskan bahawa Allahlah yang melapang dan menyempitkan rezeki kepada sesiapa yang dikehendaki-Nya. Di sini Al-Qur'an menghubungkan undang-undang dan peraturan rezeki dengan penciptaan langit, bumi dan lain-lain kejadian yang diciptakan oleh qudrat Allah dan menyerahkan semuanya kepada ilmu-Nya yang mengetahui segala sesuatu *"Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui segala sesuatu."*

Pertalian Rezeki Dengan Peredaran Cakerawala

Rezeki mempunyai pertalian yang jelas dengan peredaran bintang-bintang yang ada hubungan dengan hayat, air, tanaman dan tumbuhan. Luas sempit rezeki itu adalah berada di tangan Allah mengikut peraturan dan kejadian yang disebut di dalam ayat-ayat tadi. Bahan-bahan rezeki adalah terjadi dari air yang diturunkan dari langit, juga dari air-air sungai yang mengalir dan dari tanaman-tanaman yang tumbuh dan dari haiwan-haiwan yang membiak subur, dari logam-logam di dalam perut bumi, dari hasil-hasil buruan dan tangkapan di darat dan di laut dan sebagainya dari punca-punca rezeki yang besar. Semuanya secara langsung mengikut undang-undang langit dan bumi dan peraturan peredaran matahari dan bulan. Andainya undang-undang dan peraturan-peraturan yang ada ini berubah walau sedikit pun nescaya kesannya dapat dilihat pada seluruh yang hidup di permukaan bumi ini dan pada sumber-sumber kekayaan alam yang tersembunyi dalam perut bumi, malah sumber-sumber kekayaan alam yang tersembunyi di dalam perut bumi itu juga dari segi strukturnya, simpanannya dan perbezaannya dari satu tempat ke satu tempat adalah ber-langsung mengikut faktor-faktor tabiat bumi dan kesan-kesan yang diterimanya dari peredaran matahari dan bulan.[2]

---

[2] *Lihat tafsir firman Allah Ta'ala* "وخلق كل شيء فقدره تقديرا" *di dalam Surah al-Furqan juzu' yang kesembilan belas*

Al-Qur'an telah menggunakan alam buana yang besar dan pemandangan-pemandangannya yang agung sebagai dalil dan hujahnya. Ia merupakan bidang-bidang untuk manusia berfikir dan meneliti kebenaran yang dibawa oleh Al-Qur'an. Al-Qur'an membawa hati manusia berdiri di hadapan alam buana ini dengan sifat seorang pemikir dan pengkaji, seorang yang sedar terhadap keajaiban-keajaiban alam buana, seorang pemikir yang benar-benar merasa adanya tangan qudrat Allah Pencipta, seorang pemikir yang dapat memahami undang-undang dan peraturan alam buana yang agung. Al-Qur'an menarik perhatian mereka kepada alam buana dengan tenang dan dengan cara yang mudah tanpa memerlukan kepada ilmu pengetahuan yang sukar, malah ia hanya memerlukan hati yang sedar dan insaf. Setiap kali munculnya salah satu bukti dari bukti-bukti kekuasaan Allah di dalam alam buana ini ia berdiri di hadapannya bertasbih memuji Allah dan mengikatkan hati manusia dengan Allah *"Katakanlah: Segala kepujian itu terpulang kepada Allah, tetapi kebanyakan mereka tidak berakal."*

Kehidupan Dunia Hanya Suatu Permainan Dan Hiburan Yang Pendek

Sesuai dengan pembicaraan mengenai kehidupan di bumi dan mengenai luas sempit rezeki, maka Al-Qur'an meletakkan neraca pertimbangan nilai-nilai hidup yang amat halus di hadapan hati manusia, iaitu kehidupan dunia dengan segala rezeki dan keni'matan-keni'matannya hanya suatu hiburan dan permainan sahaja apabila dibandingkan dengan kehidupan di negeri Akhirat:

وَمَا هَٰذِهِ ٱلْحَيَوٰةُ ٱلدُّنْيَآ إِلَّا لَهْوٌ وَلَعِبٌ ۚ وَإِنَّ ٱلدَّارَ ٱلْءَاخِرَةَ لَهِىَ ٱلْحَيَوَانُ ۚ لَوْ كَانُوا۟ يَعْلَمُونَ ﴿٦٤﴾

"Dan kehidupan dunia ini tidak lain melainkan hanya hiburan dan permainan sahaja, dan sesungguhnya negeri Akhirat itulah kehidupan yang sebenar, jika mereka mengetahui."(64)

Kehidupan dunia ini pada keseluruhannya hanya hiburan dan permainan belaka apabila di dalam kehidupan itu tidak dipandang kepada Akhirat. Ia hanya hiburan dan permainan apabila kehidupan dunia itu dijadikan matlamat hidup tertinggi manusia dan apabila keni'matan di dalam kehidupan dunia itu dijadikan tujuan hidup mereka, sedangkan kehidupan Akhirat itulah kehidupan yang sebenar hidup dan kehidupan yang penuh hidup.

Tujuan Al-Qur'an mengemukakan ayat ini bukanlah untuk menggalakkan sikap zahid terhadap keni'matan hidup dunia atau supaya manusia lari dari dunia atau membuang dunia jauh darinya, kerana ini bukannya roh dan tujuan Islam, malah maksud ayat ini ialah supaya manusia memberi perhatiannya yang berat kepada Akhirat di dalam keni'matan hidup di dunia ini dan supaya mereka tidak melampaui batas-batas yang telah ditetapkan Allah dalam keni'matan-keni'matan itu. Persoalan di sini ialah persoalan nilai-nilai yang pasti ditimbangkan oleh seseorang mengikut neracanya yang betul, manakah nilai kehidupan dunia dan manakah nilai kehidupan Akhirat yang seharusnya disedari oleh setiap Mu'min, kemudian berdasarkan nilai-nilai inilah ia meni'mati ni'mat-ni'mat dunia ini dengan kebebasannya yang terpelihara dan dengan pandangannya yang sederhana dan dengan kesedaran bahawa kehidupan dunia ini ialah hiburan dan permainan belaka dan kehidupan Akhirat ialah kehidupan yang benar-benar penuh hidup.

Setelah berhenti sebentar untuk menjelaskan hakikat nilai-nilai, Al-Qur'an terus mengemukakan kepercayaan kaum Musyrikin yang penuh percanggahan-percanggahan itu:

فَإِذَا رَكِبُوا۟ فِى ٱلْفُلْكِ دَعَوُا۟ ٱللَّهَ مُخْلِصِينَ لَهُ ٱلدِّينَ فَلَمَّا نَجَّىٰهُمْ إِلَى ٱلْبَرِّ إِذَا هُمْ يُشْرِكُونَ ﴿٦٥﴾

"Dan apabila mereka menaiki kapal mereka berdo'a kepada Allah dengan menumpukan keta'atan kepada-Nya, tetapi apabila Allah menyelamatkan mereka sampai ke darat tiba-tiba mereka kembali mempersekutukan-Nya."(65)

Ini juga suatu percanggahan dan kegoyahan (dalam 'aqidah mereka) iaitu apabila mereka menaiki kapal dan berada di dalam lautan terumbang-ambing laksana mainan kanak-kanak yang dilontar gelombang ke sana ke mari, maka di waktu itu mereka tidak teringat kepada yang lain melainkan Allah dan mereka tidak merasa kekuatan yang lain melainkan qudrat Allah Yang Tunggal yang menjadi tempat perlindungan mereka. Ketika itu mereka mentauhidkan Allah di dalam seluruh perasaan mereka dan pada lidah mereka. Mereka tunduk kepada fitrah mereka yang mengakui keesaan Allah *"Tetapi apabila Allah menyelamatkan mereka sampai ke darat tiba-tiba mereka kembali mempersetukukan Allah"* dan lupakan kepada pengakuan fitrah mereka yang lurus, lupakan do'a mereka yang ikhlas kepada Allah dan menyimpang ke jalan syirik setelah mengaku beriman dan berserah kepada Allah.

Penyelewengan ini telah membawa mereka kepada kekufuran terhadap ni'mat-ni'mat dan fitrah yang suci yang telah dikurniakan Allah kepada mereka, juga terhadap penjelasan-penjelasan yang terang dari Allah. Mereka hanya hidup meni'mati ni'mat-ni'mat hidup dunia yang terbatas hingga ke suatu masa yang tertentu dan selepas itu mereka akan menerima akibat yang buruk.

لِيَكْفُرُوا۟ بِمَآ ءَاتَيْنَٰهُمْ وَلِيَتَمَتَّعُوا۟ ۖ فَسَوْفَ يَعْلَمُونَ ﴿٦٦﴾

"Biarlah mereka ingkarkan ni'mat-ni'mat yang dikurniakan kepada mereka dan biarlah mereka hidup berfoya-foya di dalam keni'matan, kerana kelak mereka akan mengetahui (akibatnya)."(66)

Ini adalah satu ancaman secara halus terhadap akibat buruk yang kelak akan diketahui mereka.

Ni'mat Baitullah

Kemudian Al-Qur'an mengingatkan mereka terhadap ni'mat Allah yang telah mengurniakan kepada mereka tanah suci yang aman, di mana mereka dapat hidup dengan selamat sejahtera, tetapi malangnya mereka tidak mengenang ni'mat Allah dan tidak bersyukur kepada-Nya dengan mentauhidkan Allah dan beribadat kepada-Nya, malah mereka menakut-nakutkan orang-orang yang beriman yang tinggal di sana:

أَوَلَمْ يَرَوْا أَنَّا جَعَلْنَا حَرَمًا آمِنًا وَيُتَخَطَّفُ
النَّاسُ مِنْ حَوْلِهِمْ ۚ أَفَبِالْبَاطِلِ يُؤْمِنُونَ وَبِنِعْمَةِ
اللَّهِ يَكْفُرُونَ ﴿٦٧﴾

"Tidakkah mereka melihat bahawa Kami telah menjadikan (negeri mereka) tanah suci yang aman, sedangkan manusia di sekeliling mereka dirompak dan dibunuh. Mengapakah mereka masih percaya kepada yang batil dan mengingkarkan ni'mat Allah?"(67)

Penduduk-penduduk tanah suci itu hidup di dalam keamanan. Mereka dihormati oleh semua orang kerana berkat Baitullah, sedangkan suku-suku Arab yang lain yang tinggal di sekeliling mereka hidup dalam pergaduhan dan bersengketa satu sama lain. Mereka tidak merasa aman melainkan di bawah naungan Baitullah yang telah diamankan Allah, tetapi yang anehnya mereka telah menjadikan Baitullah itu sebagai tempat berhala-berhala dan tempat menyembah yang lain dari Allah:

أَفَبِالْبَاطِلِ يُؤْمِنُونَ وَبِنِعْمَةِ اللَّهِ يَكْفُرُونَ ﴿٦٧﴾

"Mengapa mereka masih percaya kepada yang bathil dan mengingkarkan ni'mat Allah?"(67)

وَمَنْ أَظْلَمُ مِمَّنِ افْتَرَىٰ عَلَى اللَّهِ كَذِبًا أَوْ كَذَّبَ بِالْحَقِّ
لَمَّا جَاءَهُ ۚ أَلَيْسَ فِي جَهَنَّمَ مَثْوًى لِلْكَافِرِينَ ﴿٦٨﴾

"Siapakah yang lebih zalim dari orang yang mengada-adakan pembohongan terhadap Allah atau mendustakan kebenaran ketika datang kepadanya? Bukankah di dalam Neraka Jahannam itu ada tempat kediaman bagi orang-orang yang kafir?"(68)

Mereka telah mengada-adakan pembohongan terhadap Allah dengan menghubungkan sekutu-sekutu kepada Allah. Mereka telah mendustakan kebenaran yang datang kepada mereka:

أَلَيْسَ فِي جَهَنَّمَ مَثْوًى لِلْكَافِرِينَ ﴿٦٨﴾

"Bukankah di dalam Neraka Jahannam itu ada tempat kediaman bagi orang-orang yang kafir?"(68)

Ya, memang benar ada dan yakin ada.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat 69)

Surah ini diakhiri dengan cerita satu golongan yang lain, iaitu golongan yang berjihad di jalan Allah untuk sampai dan berhubung dengan Allah. Mereka telah mengalami berbagai-bagai kesukaran dan kesusahan di dalam jihad mereka, tetapi mereka tidak patah semangat dan tidak berputus asa. Mereka sabar menempuh ujian dari keinginan-keinginan diri sendiri dan ujian penindasan manusia. Mereka menanggung beban-beban tugas mereka dengan gigih dan meneruskan perjalanan mereka di jalan perjuangan yang jauh, sulit dan terasing. Merekalah golongan yang tidak akan ditinggalkan Allah sendirian. Keimanan mereka tidak akan sia-sia dan jihad mereka tidak akan dilupakan. Allah akan memberi sepenuh perhatiannya kepada mereka dari maqam-Nya yang maha agung dan kerana itu Dia melimpahkan keredhaan-Nya kepada mereka. Allah memandang tinggi kepada jihad mereka dan kerana itu Dia memberi hidayat kepada mereka. Allah menghargai usaha-usaha mereka untuk sampai kepada-Nya dan kerana itu Allah memberi bimbingan kepada mereka. Allah memandang tinggi kepada kesabaran dan ihsan mereka dan kerana itu Allah membalas mereka dengan sebaik-baik balasan:

وَالَّذِينَ جَاهَدُوا فِينَا لَنَهْدِيَنَّهُمْ سُبُلَنَا ۚ وَإِنَّ
اللَّهَ لَمَعَ الْمُحْسِنِينَ ﴿٦٩﴾

"Dan orang-orang yang berjihad untuk mendapat keredhaan Kami, Kami tetap menunjukkan kepada mereka jalan-jalan Kami, dan sesungguhnya Allah tetap bersama para Muhsinin."(69)

* * * * * *

JUZU' KE-21

SURAH AR-RUUM

SURAH KE

30

سُورَةُ الرُّومِ

SURAH AR-RUUM

Surah Rom

(Makkiyah)

JUMLAH AYAT

60

بِسْمِ ٱللَّهِ ٱلرَّحْمَٰنِ ٱلرَّحِيمِ

Dengan nama Allah
Yang Maha Penyayang dan Maha Pengasih

(Kumpulan ayat-ayat 1 - 32)

الٓمٓ ﴿١﴾
غُلِبَتِ ٱلرُّومُ ﴿٢﴾
فِيٓ أَدْنَى ٱلْأَرْضِ وَهُم مِّنۢ بَعْدِ غَلَبِهِمْ
سَيَغْلِبُونَ ﴿٣﴾
فِي بِضْعِ سِنِينَ ۗ لِلَّهِ ٱلْأَمْرُ مِن قَبْلُ وَمِنۢ بَعْدُ ۚ
وَيَوْمَئِذٍ يَفْرَحُ ٱلْمُؤْمِنُونَ ﴿٤﴾
بِنَصْرِ ٱللَّهِ ۚ يَنصُرُ مَن يَشَآءُ ۖ وَهُوَ ٱلْعَزِيزُ
ٱلرَّحِيمُ ﴿٥﴾
وَعْدَ ٱللَّهِ ۖ لَا يُخْلِفُ ٱللَّهُ وَعْدَهُۥ وَلَٰكِنَّ أَكْثَرَ ٱلنَّاسِ
لَا يَعْلَمُونَ ﴿٦﴾
يَعْلَمُونَ ظَٰهِرًا مِّنَ ٱلْحَيَوٰةِ ٱلدُّنْيَا وَهُمْ عَنِ ٱلْءَاخِرَةِ
هُمْ غَٰفِلُونَ ﴿٧﴾

"Alif. Laam. Miim(1). Orang-orang Rom telah dikalahkan (2). Di negeri yang terdekat (di Syria dan Palestin) dan sesudah mereka dikalahkan akan menang kembali(3). Di dalam beberapa tahun lagi. Allahlah yang memegang teraju segala urusan sebelum dan kemudian, pada hari (kemenangan) itu orang-orang yang beriman akan bergembira(4). Dengan pertolongan yang dikurnia Allah (kepada mereka). Dia memberi kemenangan kepada siapa yang dikehendaki-Nya. Dan Dia Maha Perkasa dan Maha Pengasih(5). Sebagai menepati janji Allah, dan Allah tidak memungkiri janji-Nya, tetapi kebanyakan manusia tidak mengetahui(6). Mereka hanya mengetahui apa yang lahir sahaja dari kehidupan dunia, sedangkan mereka lalai dari (kehidupan) Akhirat."(7).

أَوَلَمْ يَتَفَكَّرُوا۟ فِيٓ أَنفُسِهِم ۗ مَّا خَلَقَ ٱللَّهُ ٱلسَّمَٰوَٰتِ
وَٱلْأَرْضَ وَمَا بَيْنَهُمَآ إِلَّا بِٱلْحَقِّ وَأَجَلٍ مُّسَمًّى ۗ وَإِنَّ
كَثِيرًا مِّنَ ٱلنَّاسِ بِلِقَآيِٕ رَبِّهِمْ لَكَٰفِرُونَ ﴿٨﴾
أَوَلَمْ يَسِيرُوا۟ فِي ٱلْأَرْضِ فَيَنظُرُوا۟ كَيْفَ كَانَ عَٰقِبَةُ
ٱلَّذِينَ مِن قَبْلِهِمْ ۚ كَانُوٓا۟ أَشَدَّ مِنْهُمْ قُوَّةً وَأَثَارُوا۟
ٱلْأَرْضَ وَعَمَرُوهَآ أَكْثَرَ مِمَّا عَمَرُوهَا وَجَآءَتْهُمْ
رُسُلُهُم بِٱلْبَيِّنَٰتِ ۖ فَمَا كَانَ ٱللَّهُ لِيَظْلِمَهُمْ
وَلَٰكِن كَانُوٓا۟ أَنفُسَهُمْ يَظْلِمُونَ ﴿٩﴾
ثُمَّ كَانَ عَٰقِبَةَ ٱلَّذِينَ أَسَٰٓـُٔوا۟ ٱلسُّوٓأَىٰٓ أَن كَذَّبُوا۟
بِـَٔايَٰتِ ٱللَّهِ وَكَانُوا۟ بِهَا يَسْتَهْزِءُونَ ﴿١٠﴾
ٱللَّهُ يَبْدَؤُا۟ ٱلْخَلْقَ ثُمَّ يُعِيدُهُۥ ثُمَّ إِلَيْهِ تُرْجَعُونَ ﴿١١﴾

"Mengapakah mereka tidak memikirkan tentang (kejadian) diri mereka sendiri? Allah tidak menciptakan langit dan bumi dan kejadian-kejadian di antara keduanya melainkan dengan lunas kebenaran dan dengan masa yang ditentukan. Dan sesungguhnya kebanyakan manusia tidak percaya kepada pertemuan dengan Tuhan mereka(8). Mengapakah tidak mereka (kaum Musyrikin Makkah) menjelajah di bumi untuk melihat bagaimana akibat yang telah menimpa umat-umat sebelum mereka. Umat-umat itu lebih kuat dari mereka. Mereka telah memajukan bumi dan memakmurkannya lebih baik dari apa yang telah dimakmurkan mereka (kaum Musyrikin Makkah) dan mereka juga telah didatangi rasul-rasul yang membawa ayat-ayat yang jelas. Sesungguhnya Allah sama sekali tidak menganiayai mereka, tetapi merekalah yang menganiayai diri mereka sendiri(9). Kemudian akibat (yang akan diterima) orang-orang yang melakukan kejahatan itu ialah balasan yang amat buruk (di Akhirat) kerana mereka telah mendustakan ayat-ayat Allah dan kerana mereka mempersenda-sendakannya(10). Allahlah yang memulakan ciptaan kemudian mengulanginya, kemudian seluruh kamu dikembalikan kepada-Nya."(11).

وَيَوْمَ تَقُومُ ٱلسَّاعَةُ يُبْلِسُ ٱلْمُجْرِمُونَ ﴿١٢﴾

وَلَمْ يَكُن لَّهُم مِّن شُرَكَآئِهِمْ شُفَعَٰٓؤُا۟ وَكَانُوا۟
بِشُرَكَآئِهِمْ كَٰفِرِينَ ﴿١٣﴾
وَيَوْمَ تَقُومُ ٱلسَّاعَةُ يَوْمَئِذٍ يَتَفَرَّقُونَ ﴿١٤﴾
فَأَمَّا ٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ وَعَمِلُوا۟ ٱلصَّٰلِحَٰتِ فَهُمْ فِى
رَوْضَةٍ يُحْبَرُونَ ﴿١٥﴾
وَأَمَّا ٱلَّذِينَ كَفَرُوا۟ وَكَذَّبُوا۟ بِـَٔايَٰتِنَا وَلِقَآئِ
ٱلْءَاخِرَةِ فَأُو۟لَٰٓئِكَ فِى ٱلْعَذَابِ مُحْضَرُونَ ﴿١٦﴾
فَسُبْحَٰنَ ٱللَّهِ حِينَ تُمْسُونَ وَحِينَ تُصْبِحُونَ ﴿١٧﴾

"Dan pada hari berlakunya Qiamat orang-orang yang berdosa akan berputus asa(12). Dan tidak ada sekutu-sekutu yang disembah mereka yang akan menjadi pemberi-pemberi syafa'at kepada mereka, dan mereka mengingkarkan sekutu-sekutu mereka(13). Dan pada hari berlakunya Qiamat, maka pada hari itu mereka akan berpecah (kepada golongan Mu'minin dan golongan Kafirin)(14). Adapun orang-orang yang beriman dan mengerjakan amalan-amalan yang soleh, maka mereka akan bergembira di dalam taman(15). Dan adapun orang-orang yang kafir dan mendustakan ayat-ayat Kami dan pertemuan di Akhirat, maka mereka akan dibawa ke dalam 'azab seksa(16). Maka Maha Sucilah Allah ketika kamu berada di waktu petang dan ketika kamu berada di waktu pagi."(17).

وَلَهُ ٱلْحَمْدُ فِى ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَٱلْأَرْضِ وَعَشِيًّا وَحِينَ
تُظْهِرُونَ ﴿١٨﴾
يُخْرِجُ ٱلْحَىَّ مِنَ ٱلْمَيِّتِ وَيُخْرِجُ ٱلْمَيِّتَ مِنَ ٱلْحَىِّ وَيُحْىِ
ٱلْأَرْضَ بَعْدَ مَوْتِهَا ۚ وَكَذَٰلِكَ تُخْرَجُونَ ﴿١٩﴾
وَمِنْ ءَايَٰتِهِۦٓ أَنْ خَلَقَكُم مِّن تُرَابٍ ثُمَّ إِذَآ أَنتُم
بَشَرٌ تَنتَشِرُونَ ﴿٢٠﴾
وَمِنْ ءَايَٰتِهِۦٓ أَنْ خَلَقَ لَكُم مِّنْ أَنفُسِكُمْ أَزْوَٰجًا
لِّتَسْكُنُوٓا۟ إِلَيْهَا وَجَعَلَ بَيْنَكُم مَّوَدَّةً وَرَحْمَةً ۚ
إِنَّ فِى ذَٰلِكَ لَءَايَٰتٍ لِّقَوْمٍ يَتَفَكَّرُونَ ﴿٢١﴾
وَمِنْ ءَايَٰتِهِۦ خَلْقُ ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَٱلْأَرْضِ وَٱخْتِلَٰفُ
أَلْسِنَتِكُمْ وَأَلْوَٰنِكُمْ ۚ إِنَّ فِى ذَٰلِكَ لَءَايَٰتٍ لِّلْعَٰلِمِينَ ﴿٢٢﴾

"Dan segala kepujian terpulang kepada Allah di langit dan di bumi, di waktu petang dan ketika kamu berada di waktu Zuhur(18). Dia mengeluarkan yang hidup dari yang mati dan mengeluarkan yang mati dari yang hidup. Dia juga yang menghidupkan bumi selepas ia mati, dan seperti itulah juga kamu dikeluarkan (dari kubur)(19). Dan di antara bukti-bukti kekuasaan-Nya ialah Dia ciptakan kamu dari tanah kemudian selepas itu kamu menjadi manusia (yang berkembang biak) dan tersebar merata-rata(20). Dan di antara bukti-bukti kekuasaan-Nya ialah Dia ciptakan isteri-isteri untuk kamu dari jenis kamu sendiri supaya kamu tenang tenteram bersamanya dan Dia jadikan di antara kamu rasa kemesraan dan kasih sayang. Sesungguhnya ciptaan-ciptaan itu merupakan bukti-bukti kekuasaan Allah kepada golongan orang-orang yang berfikir(21). Di antara bukti-bukti kekuasaan-Nya ialah penciptaan langit dan bumi, kelainan bahasa-bahasa pertuturan lidah kamu dan kelainan warna-warna kulit kamu. Sesungguhnya ciptaan-ciptaan itu merupakan bukti-bukti kepada semesta alam."(22).

وَمِنْ ءَايَٰتِهِۦ مَنَامُكُم بِٱلَّيْلِ وَٱلنَّهَارِ وَٱبْتِغَآؤُكُم
مِّن فَضْلِهِۦٓ ۚ إِنَّ فِى ذَٰلِكَ لَءَايَٰتٍ لِّقَوْمٍ يَسْمَعُونَ ﴿٢٣﴾
وَمِنْ ءَايَٰتِهِۦ يُرِيكُمُ ٱلْبَرْقَ خَوْفًا وَطَمَعًا وَيُنَزِّلُ
مِنَ ٱلسَّمَآءِ مَآءً فَيُحْىِۦ بِهِ ٱلْأَرْضَ بَعْدَ مَوْتِهَآ ۚ
إِنَّ فِى ذَٰلِكَ لَءَايَٰتٍ لِّقَوْمٍ يَعْقِلُونَ ﴿٢٤﴾
وَمِنْ ءَايَٰتِهِۦٓ أَن تَقُومَ ٱلسَّمَآءُ وَٱلْأَرْضُ بِأَمْرِهِۦ ۚ ثُمَّ إِذَا
دَعَاكُمْ دَعْوَةً مِّنَ ٱلْأَرْضِ إِذَآ أَنتُمْ تَخْرُجُونَ ﴿٢٥﴾
وَلَهُۥ مَن فِى ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَٱلْأَرْضِ ۖ كُلٌّ لَّهُۥ قَٰنِتُونَ ﴿٢٦﴾
وَهُوَ ٱلَّذِى يَبْدَؤُا۟ ٱلْخَلْقَ ثُمَّ يُعِيدُهُۥ وَهُوَ أَهْوَنُ عَلَيْهِ ۚ
وَلَهُ ٱلْمَثَلُ ٱلْأَعْلَىٰ فِى ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَٱلْأَرْضِ ۚ وَهُوَ
ٱلْعَزِيزُ ٱلْحَكِيمُ ﴿٢٧﴾

"Di antara bukti-bukti kekuasaan-Nya ialah tidur kamu di waktu malam dan siang dan usaha kamu mencari limpah kurnia-Nya. Sesungguhnya ciptaan-ciptaan itu merupakan bukti-bukti kepada golongan orang-orang yang mendengar(23). Dan di antara bukti-bukti kekuasaan-Nya Dia memperlihatkan pancaran kilat untuk menimbulkan ketakutan (disambar petir) dan harapan (mendapat hujan) dan Dia menurunkan air dari langit lalu Dia hidupkan bumi dengannya sesudah ia mati. Sesungguhnya kejadian-kejadian itu merupakan bukti-bukti kepada golongan orang-orang yang berakal(24). Dan di antara bukti-bukti kekuasaan-Nya ialah tegaknya langit dan bumi dengan perintah-Nya. Kemudian apabila Dia menyeru kamu dengan

seruan dari bumi maka ketika itu juga kamu keluar (dari kubur)(25). Dan Dialah yang memiliki makhluk yang menghuni langit dan bumi, dan seluruhnya tunduk patuh kepada-Nya(26). Dan Dialah yang memulakan ciptaan kemudian Dia mengulanginya dan pengulangan ciptaan itu lebih mudah kepada-Nya, dan Dia mempunyai sifat yang paling tinggi di langit dan di bumi, dan Dia Maha Perkasa dan Maha Bijaksana."(27).

ضَرَبَ لَكُم مَّثَلًا مِّنْ أَنفُسِكُمْ ۖ هَل لَّكُم مِّن
مَّا مَلَكَتْ أَيْمَانُكُم مِّن شُرَكَاءَ فِي مَا
رَزَقْنَاكُمْ فَأَنتُمْ فِيهِ سَوَاءٌ تَخَافُونَهُمْ
كَخِيفَتِكُمْ أَنفُسَكُمْ ۚ كَذَٰلِكَ نُفَصِّلُ الْآيَاتِ
لِقَوْمٍ يَعْقِلُونَ ﴿٢٨﴾
بَلِ اتَّبَعَ الَّذِينَ ظَلَمُوا أَهْوَاءَهُم بِغَيْرِ عِلْمٍ ۖ فَمَن
يَهْدِي مَنْ أَضَلَّ اللَّهُ ۖ وَمَا لَهُم مِّن نَّاصِرِينَ ﴿٢٩﴾
فَأَقِمْ وَجْهَكَ لِلدِّينِ حَنِيفًا ۚ فِطْرَتَ اللَّهِ الَّتِي فَطَرَ
النَّاسَ عَلَيْهَا ۚ لَا تَبْدِيلَ لِخَلْقِ اللَّهِ ۚ ذَٰلِكَ الدِّينُ
الْقَيِّمُ وَلَٰكِنَّ أَكْثَرَ النَّاسِ لَا يَعْلَمُونَ ﴿٣٠﴾
مُنِيبِينَ إِلَيْهِ وَاتَّقُوهُ وَأَقِيمُوا الصَّلَاةَ وَلَا تَكُونُوا
مِنَ الْمُشْرِكِينَ ﴿٣١﴾
مِنَ الَّذِينَ فَرَّقُوا دِينَهُمْ وَكَانُوا شِيَعًا ۖ كُلُّ حِزْبٍ
بِمَا لَدَيْهِمْ فَرِحُونَ ﴿٣٢﴾

"Dia membuat untuk kamu satu perbandingan dari diri kamu sendiri: Adakah kamu redha hamba-hamba yang dimiliki kamu itu menjadi kongsi-kongsi kamu di dalam harta benda yang Kami kurniakan kepada kamu, maka kerana itu kamu sama dengan mereka memiliki harta itu menyebabkan kamu takut kepada mereka sama seperti kamu takut kepada sesama kamu (dari orang-orang yang merdeka). Demikianlah Kami jelaskan ayat-ayat itu kepada golongan orang-orang yang berakal(28). Malah orang-orang yang zalim itu telah mengikut hawa nafsu mereka tanpa ilmu pengetahuan. Oleh itu siapakah yang dapat memberi hidayat kepada orang yang telah disesatkan Allah. Dan mereka sama sekali tidak mempunyai penolong-penolong(29). Oleh itu hadapkan mukamu kepada agama Allah dengan lurus selaku fitrah ciptaan Allah yang telah menciptakan manusia di atas landasannya. Tiada perubahan bagi ciptaan Allah. Itulah agama yang lurus, tetapi kebanyakan manusia tidak mengetahui(30). Dengan keadaan kamu sekalian kembali kepada Allah dan hendaklah kamu bertaqwa kepada-Nya dan dirikanlah solat dan janganlah kamu jadikan diri kamu dari golongan Musyrikin(31). Iaitu dari mereka yang telah memecahbelahkan agama mereka dan mereka hidup berpuak-puak. Setiap puak bergembira dengan apa yang ada pada mereka."(32).

(Latar belakang dan pokok pembicaraan)

Ayat-ayat pertama surah ini diturunkan kerana satu peristiwa yang tertentu iaitu peristiwa orang-orang Parsi mengalahkan orang-orang Rom di beberapa negeri di Semenanjung Tanah Arab yang terletak di bawah takluk mereka. Peristiwa ini berlaku semasa berlakunya perdebatan hangat di antara angkatan pertama kaum Muslimin di Makkah (sebelum Hijrah) dengan kaum Musyrikin mengenai persoalan 'aqidah. Oleh kerana orang-orang Rom di waktu itu merupakan kaum Ahlil-Kitab yang beragama Kristian, sedangkan orang-orang Parsi merupakan kaum Musyrikin yang beragama Majusi, maka kaum Musyrikin dari penduduk negeri Makkah mendapat peluang dari peristiwa ini untuk meninggi-ninggikan 'aqidah syirik sebagai 'aqidah yang mengatasi 'aqidah tauhid, dan menjadikan peristiwa itu sebagai sempena yang baik iaitu kemenangan umat yang kafir di atas umat yang beriman.

Justeru itu ayat-ayat pertama surah ini diturun untuk menyampaikan berita gembira bahawa kaum Ahlil-Kitab dari negeri Rom akan mendapat kemenangan di dalam beberapa tahun lagi dan kemenangan ini akan mengembirakan sekalian orang yang beriman yang sukakan kemenangan umat yang beriman dari segala agama.

Tetapi Al-Qur'an tidak berbicara dengan kaum Muslimin dan musuh-musuh mereka sekadar menyampaikan janji kemenangan ini sahaja atau sekadar menceritakan peristiwa kalah menang itu sahaja. Malah ia jadikan peristiwa ini sebagai titik tolak untuk membawa mereka kepada ufuk-ufuk yang lebih jauh dan zaman-zaman yang lebih luas dari peristiwa yang tertentu itu, juga untuk menghubungkan mereka dengan seluruh alam buana dan menghubungkan di antara Sunnatullah yang memberi kemenangan kepada 'aqidah samawiyah dengan lunas kebenaran yang agung yang menjadi asas penciptaan langit dan bumi dan kejadian-kejadian di antara keduanya, juga untuk menghubungkan di antara zaman silam dan zaman kini manusia dengan zaman depannya, kemudian dari sini ia terus membawa mereka kepada kehidupan di negeri Akhirat yang akan berlangsung selepas kehidupan dunia ini, iaitu membawa mereka ke alam Akhirat setelah tamatnya alam dunia yang terbatas ini. Kemudian Al-Qur'an membawa mereka menyaksi pemandangan-pemandangan alam buana, menjelajah ke dalam lubuk-lubuk hati manusia dan hal ehwal kehidupan mereka juga keajaiban-keajaiban ciptaan Allah. Di dalam ruang penjelajahan yang amat luas itulah mereka mendapat berbagai-bagai ilmu pengetahuan yang dapat meninggi dan membebaskan hidup mereka, meluaskan bidang-bidang tugas dan matlamat-matlamatnya dan mengeluarkan mereka dari hidup mereka yang

terpencil dan sempit, iaitu dari hidup yang terpencil di dalam batas-batas tempat, zaman dan peristiwa kepada hidup dalam ruang alam buana yang maha luas, iaitu hidup di zaman silam, zaman kini dan zaman depan, dan menjelajah memikirkan undang-undang dan peraturan-peraturan alam buana dan segala hubungannya.

Dari sinilah meningkat kefahaman mereka terhadap hakikat pertalian-pertalian dan perhubungan-perhubungan di alam buana yang besar ini, dan dari sinilah mereka sedar betapa besarnya undang-undang dan peraturan-peraturan yang mengendalikan alam buana dan fitrah manusia, betapa halus dan rapinya undang-undang yang mengawal kehidupan manusia dan peristiwa-peristiwa, undang-undang yang menentukan tempat-tempat yang menang dan tempat-tempat yang kalah, dan betapa adilnya neraca pertimbangan Allah yang menilaikan amalan-amalan dan kegiatan manusia di bumi ini dan berdasarkan pertimbangan yang adil inilah mereka menerima balasan di dunia dan Akhirat.

Di dalam naungan kefahaman yang tinggi, luas dan lengkap inilah ternyatanya sifat kesejagatan (internasional-isme) da'wah Islam dan pertaliannya dengan segala kedudukan dunia di sekelilingnya hingga walaupun di masa da'wah Islam muncul di Makkah dan terkepung di antara lorong-lorong bukit dan bukit-bukaunya. Bidang da'wah Islam menjadi begitu luas dan tidak lagi sekadar mempunyai pertalian dengan bumi ini sahaja malah mempunyai pertalian dengan fitrah alam buana dan undang-undangnya yang agung, mempunyai pertalian dengan fitrah manusia dan segala peringkat perkembangannya dan mempunyai pertalian dengan masa silam manusia dan masa depannya bukan sahaja di dunia ini, malah di negeri Akhirat juga.

Begitu juga hati seorang Muslim itu berhubung rapat dengan ufuk-ufuknya dan jarak-jarak zaman, di mana dia membentuk kesedaran dan kefahamannya terhadap hidup dan nilai-nilainya, meletakkan cita-cita dan harapannya ke langit dan ke Akhirat, menoleh kepada keajaiban-keajaiban dan rahsia-rahsia yang wujud di sekelilingnya, memperhatikan peristiwa-peristiwa dan akibat-akibat yang berlaku di belakang dan di hadapannya, memahami pendiriannya dan pendirian umatnya di alam yang luas itu dan mengenal nilai dirinya dan nilai aqidahnya mengikut pertimbangan manusia dan pertimbangan Allah dan ketika itu dapatlah dia menunaikan peranannya dengan penuh kefahaman dan kesedaran dan melaksanakan tugas-tugasnya dengan penuh kepercayaan, ketenangan dan perhatian.

******

Penerangan ayat-ayat surah ini mengemukakan pertalian-pertalian tersebut dan menjelaskan makna pertalian-pertalian itu di dalam peraturan-peraturan alam buana dan menanamkan pengertiannya di dalam hati. Penerangan surah ini dibuat dalam dua pusingan yang berkait rapat.

Di dalam pusingan yang pertama Al-Qur'an menghubungkan di antara kemenangan orang-orang yang beriman dengan lunas kebenaran yang menjadi asas tegaknya langit dan bumi dan kejadian-kejadian yang wujud di antara keduanya dan menjadi tali hubungan yang mengikatkan urusan dunia dengan urusan Akhirat. Di samping itu ia mengarah hati manusia supaya memikirkan Sunnatullah yang berlaku ke atas umat-umat sebelum mereka, dan ia jadikan Sunnatullah itu sebagai asas perbandingan dalam persoalan kebangkitan selepas mati atau ulangan penciptaan manusia selepas mati. Oleh sebab itu ia menayangkan kepada mereka satu pemandangan dari pemandangan-pemandangan Qiamat yang menggambarkan akibat-akibat yang berlaku kepada orang-orang yang beriman dan kepada orang-orang yang kafir, kemudian dari sini Al-Qur'an kembali menayangkan pemandangan-pemandangan alam buana dan bukti-bukti kekuasaan Allah yang tersebar di merata pelosok alam, iaitu pemandangan-pemandangan yang menyampaikan berbagai-bagai makna dan sarana kepada hati manusia. Kemudian Al-Qur'an membuat perbandingan di antara taraf diri mereka dengan taraf hamba abdi mereka untuk menunjukkan betapa karutnya gagasan syirik yang berlandaskan hawa nafsu yang sama sekali tidak bersandarkan kepada kebenaran dan ilmu pengetahuan. Kemudian Al-Qur'an akhiri pusingan ini dengan mengarahkan Rasulullah s.a.w. supaya mengikut jalan benar yang tunggal, teguh dan jelas, iaitu jalan fitrah yang dijadikan manusia di atas landasannya. Itulah jalan tetap yang tidak berubah dan tidak berputar-putar mengikut hawa nafsu. Itulah jalan yang tidak memecah-belah para pengikutnya kepada berbagai-bagai puak dan golongan sebagaimana perpecahan yang berlaku kepada orang-orang yang mengikut hawa nafsu.

Di dalam pusingan yang kedua Al-Qur'an mendedahkan tabi'at berubah-ubah yang wujud di dalam tabi'at manusia yang tidak layak untuk dijadikan asas kehidupan manusia selagi mereka tidak berpegang dengan suatu neraca yang tetap yang tidak berubah-ubah mengikut hawa nafsu. Kemudian Al-Qur'an menggambarkan keadaan manusia ketika berada di dalam kesenangan dan ketika berada di dalam kesusahan, ketika mereka mendapat rezeki yang luas dan ketika mereka dihimpit kesempitan rezeki. Dalam kesempatan ini Al-Qur'an menyebut tentang cara-cara membelanja dan menambahkan rezeki itu. Kemudian Al-Qur'an kembali pula kepada persoalan syirik dan sekutu-sekutu yang tidak mempunyai kuasa memberi rezeki, memati dan menghidup. Kemudian ia menghubungkan di antara kerosakan yang berlaku di darat dan di laut dengan amalan-amalan dan perbuatan-perbuatan manusia. Ia menyuruh mereka supaya menjelajah di bumi dan memperhatikan akibat-akibat yang menimpa kaum

Musyrikin di masa dahulu. Kemudian dari sini ia mengharapkan Rasulullah s.a.w. supaya tetap mengikut agama fitrah dengan sepenuh kejujuran sebelum tiba hari Qiamat, di mana setiap manusia dibalas mengikut amalan yang dilakukannya. Selepas itu Al-Qur'an kembali sekali lagi memperkatakan tentang bukti-bukti kekuasaan Allah di dalam pemandangan-pemandangan alam buana sebagaimana yang telah ditayangkan dalam pusingan yang pertama tadi. Setelah itu diiringi pula dengan penjelasan bahawa hidayat yang sebenar ialah hidayat Allah dan bahawa Rasulullah s.a.w. tidak memiliki apa-apa kuasa selain dari menyampaikan da'wah. Dia tidak berkuasa memberi hidayat kepada si buta dan si pekak. Kemudian Al-Qur'an membawa mereka menjelajah di dalam kejadian diri mereka sendiri dan mengingatkan perkembangan-perkembangan kejadian mereka dari mula sehingga akhir, kemudian ia akhiri pusingan ini yang menamatkan surah ini dengan mengarahkan Rasulullah s.a.w. supaya bersabar menjalankan da'wah dan menempuh tentangan-tentangan manusia dan percaya bahawa janji pertolongan dari Allah itu adalah benar dan tetap akan tiba. Oleh itu janganlah beliau dilamun gelisah dan dipermain-mainkan orang-orang yang tidak beriman.

******

Suasana surah dan cara penerangannya bekerjasama dalam menggambarkan maudhu' pembicaraan utamanya iaitu menjelaskan pertalian-pertalian yang rapat di antara keadaan-keadaan manusia, peristiwa-peristiwa kehidupan, masa silam manusia, masa kini mereka dan masa depan mereka dengan undang-undang dan peraturan alam buana atau alam al-wujud. Dan di bawah naungan pertalian-pertalian, inilah dapat dilihat bahawa setiap, gerak, setiap bunyi, setiap peristiwa, setiap keadaan, setiap kejadian dan setiap akibat, setiap kemenangan dan setiap kekalahan semuanya mempunyai hubungan yang rapat dan tunduk kepada satu undang-undang yang amat rapi, dan segala-galanya diputuskan oleh Allah. **"Allahlah yang memegang teraju segala urusan sebelum dan kemudian".** Inilah hakikat pertama yang ditegaskan oleh Al-Qur'an selaku hakikat pembimbing di dalam 'aqidah Islamiyah yang melahirkan segala tanggapan, kefahaman, perasaan, nilai-nilai dan pertimbangan-pertimbangan yang lain, dan tanpa hakikat ini segala tanggapan dan penilaian tidak akan menjadi betul.

******

(Pentafsiran ayat-ayat 1 - 7)

Sekarang marilah kita huraikan surah ini dengan terperinci:

الٓمٓ ﴿١﴾
غُلِبَتِ ٱلرُّومُ ﴿٢﴾
فِيٓ أَدۡنَى ٱلۡأَرۡضِ وَهُم مِّنۢ بَعۡدِ غَلَبِهِمۡ
سَيَغۡلِبُونَ ﴿٣﴾
فِي بِضۡعِ سِنِينَۗ لِلَّهِ ٱلۡأَمۡرُ مِن قَبۡلُ وَمِنۢ بَعۡدُۚ
وَيَوۡمَئِذٖ يَفۡرَحُ ٱلۡمُؤۡمِنُونَ ﴿٤﴾
بِنَصۡرِ ٱللَّهِۚ يَنصُرُ مَن يَشَآءُۖ وَهُوَ ٱلۡعَزِيزُ
ٱلرَّحِيمُ ﴿٥﴾
وَعۡدَ ٱللَّهِۖ لَا يُخۡلِفُ ٱللَّهُ وَعۡدَهُۥ وَلَٰكِنَّ أَكۡثَرَ ٱلنَّاسِ
لَا يَعۡلَمُونَ ﴿٦﴾
يَعۡلَمُونَ ظَٰهِرٗا مِّنَ ٱلۡحَيَوٰةِ ٱلدُّنۡيَا وَهُمۡ عَنِ ٱلۡأٓخِرَةِ
هُمۡ غَٰفِلُونَ ﴿٧﴾

"Alif. Laam. Miim(1). Orang-orang Rom telah dikalahkan (2). Di negeri yang terdekat (di Syria dan Palestin) dan sesudah mereka dikalahkan akan menang kembali(3). Di dalam beberapa tahun lagi. Allahlah yang memegang teraju segala urusan sebelum dan kemudian, pada hari (kemenangan) itu orang-orang yang beriman akan bergembira(4). Dengan pertolongan yang dikurnia Allah (kepada mereka). Dia memberi kemenangan kepada siapa yang dikehendaki-Nya. Dan Dia Maha Perkasa dan Maha Pengasih(5). Sebagai menepati janji Allah dan Allah tidak memungkiri janji-Nya, tetapi kebanyakan manusia tidak mengetahui(6). Mereka hanya mengetahui apa yang lahir sahaja dari kehidupan dunia, sedangkan mereka lalai dari (kehidupan) Akhirat."(7)

Surah ini dimulakan dengan huruf potongan "Alif. Laam. Miim." dan tafsiran yang kami pilih ialah huruf-huruf ini bertujuan untuk mengingatkan bahawa Al-Qur'an ini di antaranya ialah surah ini - adalah disusun dan digubah dari huruf-huruf seperti ini yang memang terkenal di sisi orang-orang Arab, namun demikian susunan Al-Qur'an merupakan suatu susunan yang melemahkan mereka. Mereka tidak berupaya untuk membuat gubahan atau karangan seperti Al-Qur'an, sedangkan huruf-huruf itu ada di hadapan mereka dan menjadi bahasa pertuturan mereka.

Kemudian datang pula ramalan berita yang benar, yang khusus mengenai kemenangan orang-orang Rom di dalam beberapa tahun yang akan datang. Ibn Jarir telah meriwayatkan dengan sanadnya daripada Abdullah ibn Mas'ud r.a. katanya: Orang-orang Parsi telah mengalahkan orang-orang Rom, dan kaum Musyrikin (Makkah) memang sukakan orang-orang Parsi mengalahkan orang-orang Rom, sedangkan kaum Muslimin pula sukakan orang-orang Rom mengalahkan orang-orang Parsi kerana mereka Ahlil-Kitab yang lebih hampir dengan agama mereka. Apabila turun ayat:

الٓمٓ ﴿١﴾

غُلِبَتِ ٱلرُّومُ ۝٢ فِىٓ أَدْنَى ٱلْأَرْضِ وَهُم مِّنۢ بَعْدِ غَلَبِهِمْ سَيَغْلِبُونَ ۝٣

"Alif. Laam. Miim(1). Orang-orang Rom telah dikalahkan (2). Di negeri yang terdekat (di Syria dan Palestin) dan sesudah mereka dikalahkan akan menang kembali."(3).

mereka (orang-orang Musyrikin) berkata: "Wahai Abu Bakr! Sahabat awak (Muhammad) berkata: Orang-orang Rom akan mengalahkan orang-orang Parsi di dalam beberapa tahun yang akan datang. Benarkah begitu?" Jawab Abu Bakr: "Ya, memang benar." Kata mereka: "Apa kata kami bertaruh dengan engkau?".[1].Lalu mereka bertaruh dengan Abu Bakr dengan empat ekor unta yang tinggi dan muda dalam tempoh tujuh tahun. Kemudian tujuh tahun telah berlalu sedangkan ramalan itu belum lagi berlaku menyebabkan kaum Musyrikin bergembira dan orang-orang Islam susah hati. Lalu perkara ini disebutkan kepada Nabi Muhammad s.a.w. dan beliau pun bertanya "Apakah erti istilah beberapa tahun di sisi kamu?" Jawab mereka: "Tempoh yang kurang dari sepuluh tahun". Lalu beliau bersabda: "Pergilah kepada mereka (kaum Musyrikin) dan tambahkan lagi masa dua tahun!" Kata (Abdullah ibn Mas'ud): Belum pun habis masa dua tahun itu tiba-tiba penunggang-penunggang (para musafir yang menunggang kuda dan unta) membawa berita bahawa orang-orang Rom telah mengalahkan orang-orang Parsi. Berita itu telah mengembirakan orang-orang yang beriman.

Berbagai-bagai riwayat yang disebut mengenai peristiwa ini, tetapi kami memilih riwayat al-Imam Ibn Jarir tersebut. Sebelum kita langkahi peristiwa ini kepada arahan-arahan selepasnya di dalam surah ini, eloklah kita renungi saranan-saranannya yang kuat.

Saranan-saranan Yang Penting Dari Peristiwa Kekalahan Kerajaan Roman

Saranannya yang pertama ialah wujudnya hubungan yang erat di antara kesyirikan dan kekafiran di setiap tempat dan masa di dalam menghadapi da'wah tauhid dan iman. Walaupun kerajaan-kerajaan dan umat-umat di zaman dahulu tidak mempunyai hubungan yang rapat seperti di zaman kita sekarang, namun kaum Musyrikin di Makkah merasa bahawa kemenangan kaum Musyrikin di mana-mana tempat ke atas Ahlil-Kitab merupakan kemenangan kepada mereka. Begitu juga kaum Muslimin merasa bahawa di sana ada suatu hubungan yang mengikatkan mereka dengan Ahlil-Kitab. Mereka berdukacita jika kaum Musyrikin mendapat kemenangan di mana-mana tempat yang lain. Mereka insaf dan sedar bahawa da'wah dan perjuangan mereka tidak terasing dari peristiwa-peristiwa yang berlaku di sekeliling mereka di merata pelosok alam yang memberi kesan di dalam perjuangan di antara kekafiran dan keimanan.

Hakikat yang jelas ini telah dilupakan oleh kebanyakan manusia di zaman kita sekarang. Mereka tidak menyedari sebagaimana yang telah disedari kaum Muslimin dan kaum Musyrikin di zaman Rasulullah s.a.w. kira-kira empat belas abad yang lampau. Oleh itu mereka hanya terlingkung dalam sempadan-sempadan geografi atau kebangsaan sahaja, dan mereka tidak memahami bahawa hakikat persoalan yang sebenar ialah persoalan pertarungan di antara kekafiran dengan keimanan, dan hakikat perjuangan yang sebenar ialah perjuangan di antara Hizbullah dengan Hizbusy-Syaitan.

Hakikat pertarungan dan hakikat persoalan ini amatlah perlu difahami oleh umat Muslimin, hari ini di seluruh negeri di dunia. Mereka tidak seharusnya dilalaikan oleh cogan-cogan palsu yang digunakan oleh semua golongan syirik dan kafir untuk melindungi diri mereka, sedangkan yang sebenarnya mereka bertujuan memerangi 'aqidah kaum Muslimin biarpun mereka gunakan berbagai-bagai sebab dan alasan yang lain.

Saranan yang kedua ialah wujudnya kepercayaan yang kukuh terhadap janji Allah sebagaimana dapat dilihat di dalam jawapan Abu Bakr r.a. yang tegas dan tidak teragak-agak itu, sedangkan kaum Musyrikin merasa aneh dan hairan dengan kenyataan Rasulullah s.a.w. itu. Dia menjawab tegas "ya, memang benar". Mereka mengajak bertaruh dan dia menyahut ajakan mereka dengan penuh keyakinan, kemudian janji Allah itu terlaksana dengan tepatnya di dalam masa yang telah ditentukan iaitu **"Di dalam beberapa tahun lagi".** Kepercayaan yang mutlak terhadap janji Allah inilah yang menjadikan hati kaum Muslimin begitu teguh, yakin dan kukuh dalam menghadapi segala rintangan, penderitaan dan kesusahan sehingga Kalimatullah menang dengan sempurna dan janji Allah tepat terkota. Kepercayaan ini merupakan senjata kepada setiap yang beriman di dalam perjuangan yang sukar dan panjang masanya.

Saranan yang ketiga terkandung di dalam ayat selingan yang berbunyi **"Allahlah yang memegang teraju segala urusan sebelum dan kemudian".** Ia menyaran supaya segera memulangkan segala teraju urusan kepada Allah Yang Tunggal sahaja sama ada di dalam peristiwa kalah menang ini atau lainnya. Saranan ini menjelaskan hakikat yang agung ini supaya ia menjadi neraca pertimbangan di dalam peristiwa ini dan juga dalam segala peristiwa yang lain. Oleh itu persoalan kalah menang, peristiwa muncul dan hapusnya negara-negara, atau lemah dan kuatnya sama sahaja dengan segala peristiwa dan kejadian-kejadian yang lain yang berlaku di alam

---

[1] *Di dalam satu hadith yang lain disebut bahawa pertaruhan itu berlaku sebelum diharamkan pertaruhan kerana ia termasuk dalam jenis perjudian.*

buana iaitu semuanya dipulangkan kepada Allah. Dialah yang mengendalikannya mengikut kehendak dan masyi'ah-Nya, mengikut pertimbangan hikmat kebijaksanaan-Nya. Seluruh peristiwa dan seluruh keadaan yang berlaku merupakan kesan-kesan dari iradat Allah yang mutlak yang tiada siapa pun mempunyai kuasa menahannya dan tiada siapa pun yang mengetahui hikmat di sebaliknya, malah tiada siapa pun yang mengetahui sumber-sumber dan punca-punca peristiwa-peristiwa itu melainkan Allah. Justeru itu sikap menyerah dan berserah kepada Allah merupakan satu-satunya sikap yang dimiliki manusia dalam menghadapi seluruh keadaan dan peristiwa yang diperlakukan Allah mengikut perencanaan-Nya yang teratur.

******

الٓمٓ ١
غُلِبَتِ ٱلرُّومُ ٢
فِيٓ أَدۡنَى ٱلۡأَرۡضِ وَهُم مِّنۢ بَعۡدِ غَلَبِهِمۡ
سَيَغۡلِبُونَ ٣
فِي بِضۡعِ سِنِينَۗ لِلَّهِ ٱلۡأَمۡرُ مِن قَبۡلُ وَمِنۢ بَعۡدُۚ
وَيَوۡمَئِذٖ يَفۡرَحُ ٱلۡمُؤۡمِنُونَ ٤
بِنَصۡرِ ٱللَّهِۚ يَنصُرُ مَن يَشَآءُۖ وَهُوَ ٱلۡعَزِيزُ
ٱلرَّحِيمُ ٥

"Alif. Laam. Miim(1). Orang-orang Rom telah dikalahkan (2). Di negeri yang terdekat (di Syria dan Palestin) dan sesudah mereka dikalahkan akan menang kembali(3). Di dalam beberapa tahun lagi. Allahlah yang memegang teraju segala urusan sebelum dan kemudian, pada hari (kemenangan) itu orang-orang yang beriman akan bergembira(4). Dengan pertolongan yang dikurnia Allah (kepada mereka). Dia memberi kemenangan kepada siapa yang dikehendaki-Nya. Dan Dia Maha Perkasa dan Maha Pengasih."(5)

Hubungan Masyi'ah Allah Dengan Undang-undang Alam

Teraju segala urusan dimiliki Allah sebelum dan kemudian. Dia memberi pertolongan kemenangan kepada siapa yang dikehendaki-Nya. Tiada suatu yang berkuasa mengikat kehendak masyi'ah-Nya. Dan masyi'ah-Nya yang menghendaki sesuatu natijah itu sendiri yang memudahkan segala jalan atau sebab. Oleh itu tiada percanggahan di antara penggantungan pertolongan dengan masyi'ah Allah dengan kewujudan jalan-jalan atau sebab-sebab. Segala undang-undang dan peraturan yang mengendalikan alam al-wujud ini adalah terbit dari kehendak masyi'ah Allah yang bebas. Masyi'ah Allah telah menghendaki supaya di sana ada undang-undang dan peraturan-peraturan yang tetap tidak berubah. Kemenangan dan kekalahan merupakan keadaan-keadaan yang terjadi dari faktor-faktor yang memberi kesan mengikut undang-undang dan peraturan yang dikehendaki masyi'ah Allah yang bebas.

Aqidah Islamiyah amat jelas dan logikal di dalam perkara ini. Ia memulangkan segala teraju urusan kepada Allah, tetapi ia tidak melepaskan manusia dari menggunakan sebab-sebab dan jalan-jalan biasa yang boleh melahirkan hasil-hasil natijah ke alam kenyataan. Sama ada hasil-hasil itu terlaksana di alam kenyataan atau tidak terlaksana, maka ia tidak termasuk di dalam taklif kerana pokok pangkalnya adalah terpulang kepada tadbir Allah. Seorang Arab Badwi telah meninggalkan untanya di pintu masjid Rasulullah s.a.w. tanpa ditambat dan dia terus masuk hendak mengerjakan solat sambil berkata: "Aku bertawakkal kepada Allah", lalu Rasulullah s.a.w. bersabda kepadanya: "*Tambatlah dahulu unta itu kemudian barulah bertawakkal kepada Allah.*"[2] Secara tegas tawakkal di dalam 'aqidah Islamiyah adalah disyaratkan dengan penggunaan sebab-sebab dan selepas itu barulah dipulangkan kepada Allah:

يَنصُرُ مَن يَشَآءُۖ وَهُوَ ٱلۡعَزِيزُ ٱلرَّحِيمُ ٥

"Dia memberi kemenangan kepada siapa yang dikehendaki-Nya dan Dia Maha Perkasa dan Maha Pengasih."(5)

Kemenangan ini dilingkungi dengan naungan qudrat Allah yang melahirkan kemenangan itu ke alam kenyataan dan dengan naungan rahmat-Nya yang memenuhi kepentingan-kepentingan manusia yakni kemenangan ini menjadi rahmat kepada orang-orang yang menang dan juga kepada orang-orang yang kalah. Firman Allah:

وَلَوۡلَا دَفۡعُ ٱللَّهِ ٱلنَّاسَ بَعۡضَهُم بِبَعۡضٖ لَّفَسَدَتِ
ٱلۡأَرۡضُ

"Dan andainya Allah tidak menolak (keganasan manusia) terhadap satu sama lain nescaya rosaklah bumi ini."

(Surah al-Baqarah: 251)

Kebaikan bumi itu pada akhirnya menjadi rahmat kepada orang-orang yang menang dan kepada orang-orang kalah.

وَعۡدَ ٱللَّهِۖ لَا يُخۡلِفُ ٱللَّهُ وَعۡدَهُۥ وَلَٰكِنَّ أَكۡثَرَ ٱلنَّاسِ
لَا يَعۡلَمُونَ ٦
يَعۡلَمُونَ ظَٰهِرٗا مِّنَ ٱلۡحَيَوٰةِ ٱلدُّنۡيَا وَهُمۡ عَنِ ٱلۡأٓخِرَةِ
هُمۡ غَٰفِلُونَ ٧

---

[2] *Hadith ini dikeluarkan oleh at-Tirmizi dari Hadith Anas ibn Malik.*

"Sebagai menepati janji Allah, dan Allah tidak memungkiri janji-Nya, tetapi kebanyakan manusia tidak mengetahui (6). Mereka hanya mengetahui apa yang lahir sahaja dari kehidupan dunia, sedangkan mereka lalai dari (kehidupan) Akhirat."(7)

Kemenangan itu merupakan janji dari Allah. Oleh sebab itu kemenangan pasti direalisasikan di alam kenyataan. *"Allah tidak memungkiri janji-Nya"*, kerana janji-Nya adalah terbit dari iradat-Nya yang bebas dan dari hikmat kebijaksanaan-Nya yang amat mendalam. Dia berkuasa mewujudkan kemenangan dan tiada siapa pun yang dapat menghalang kehendak iradat-Nya dan mempertikaikan keputusan-Nya. Segala sesuatu tidak wujud dan berlaku di alam ini melainkan mengikut kehendak iradat-Nya.

Kedangkalan Ilmu Pengetahuan Manusia Yang Tidak Didasari Keimanan

Pengotaan janji ini merupakan sebahagian dari undang-undang Allah yang agung yang tidak pernah berubah *"Tetapi kebanyakan manusia tidak mengetahui."* Walaupun pada lahirnya mereka kelihatan seperti orang-orang yang banyak mengetahui. Ini disebabkan kerana ilmu pengetahuan mereka hanya merupakan ilmu penge-tahuan yang dangkal dan mendatar sahaja. Mereka hanya mengetahui kulit-kulit luar kehidupan sahaja dan tidak mendalami hingga kepada undang-undang dan peraturan-peraturannya yang tetap. Mereka tidak memahami undang-undang hidup yang agung dan hubungan-hubungannya yang erat *"Mereka hanya mengetahui apa yang lahir sahaja dari kehidupan dunia"* mereka tidak melangkah lebih jauh dari apa yang lahir itu dan tidak melihat dengan mata hatinya apa yang tersembunyi di sebaliknya.

Bahagian kulit luar kehidupan dunia ini amat sempit dan terbatas walaupun kelihatan begitu luas kepada manusia hingga mereka merasa tidak berupaya menerokai dan mengetahui semuanya dalam hidup mereka yang terbatas itu, kerana seluruh kehidupan hanya merupakan sebahagian kecil dari alam buana yang besar yang dikendalikan oleh undang-undang dan peraturan yang tersembunyi di dalam entiti dan struktur alam al-wujud ini.

Orang yang mempunyai hati yang tidak bersambung dengan hati alam buana, dan perasaan yang tidak berhubung dengan undang-undang dan peraturan yang mengendalikan alam ini, maka orang itu pada lahirnya melihat tetapi sebenarnya ia tidak nampak apa-apa. Dia hanya melihat bentuknya yang lahir dan geraknya yang teratur, tetapi dia tidak memahami hikmatnya dan tidak menghayatinya. Beginilah keadaan kebanyakan manusia. Hanya keimanan yang benar sahaja yang dapat menghubungkan kulit luar kehidupan ini dengan rahsia-rahsia alam al-wujud. Keimanan sahaja yang dapat memberikan roh ilmu yang memahami rahsia-rahsia alam al-wujud. Dan manusia yang mempunyai keimanan yang seperti ini merupakan satu golongan yang kecil sahaja, malah kebanyakan mereka terhijab dari mendapat ma'rifat yang hakiki.

Punca Pengabaian Terhadap Kehidupan Akhirat

"Sedangkan mereka lalai dari (kehidupan) Akhirat". Kehidupan Akhirat merupakan satu mata cincin di dalam rantai penciptaan Ilahi atau merupakan satu lembaran dari berbagai-bagai lembaran kewujudan. Orang yang tidak memahami hikmat penciptaan Ilahi dan tidak memahami undang-undang kewujudan akan mengabaikan kehidupan Akhirat dan tidak akan menghargainya dengan penghargaan yang wajar dan tidak akan membuat perhitungan yang sebaik-baiknya. Mereka tidak mengetahui bahawa kehidupan Akhirat merupakan titik berhenti di dalam garis perjalanan alam al-wujud yang tetap berlaku.

Kelalaian terhadap kehidupan Akhirat akan menjadikan segala neraca pertimbangan orang-orang yang lalai itu tidak betul, akan membuat ukuran nilai-nilai mereka terumbang-ambing. Mereka tidak dapat memahami hidup, peristiwa-peristiwa dan nilai-nilainya dengan kefahaman yang tepat. Ilmu pengetahuan mereka tentang hidup akan terus dangkal tidak lengkap dan berada di tahap kulit luar sahaja, kerana perhitungan terhadap Akhirat yang wujud di dalam hati seseorang itu boleh mengubahkan pandangannya terhadap sesuatu yang ada di dunia ini. Masa hidupnya di dunia merupakan satu perjalanan yang pendek sahaja dari perjalanannya yang panjang di alam buana. Habuan hidupnya di dunia ini merupakan satu habuan yang amat kecil dibandingkan dengan habuan yang amat besar di alam buana ini. Peristiwa-peristiwa dan keadaan-keadaan yang berlaku di dunia ini hanya merupakan satu babak yang kecil dari sebuah cerita yang besar. Oleh sebab itu tidaklah wajar bagi seseorang membuat keputusan dengan hanya berdasarkan satu perjalanan yang pendek dari suatu perjalanan yang panjang atau berdasarkan satu habuan yang amat kecil dari suatu habuan yang besar atau berdasarkan satu babak yang kecil dari sebuah cerita yang besar.

Tiada Titik Pertemuan Di Antara Orang Yang Beriman Kepada Akhirat Dan Orang Yang Tidak Beriman

Justeru itulah seorang yang beriman kepada hari Akhirat dan membuat perhitungan untuknya tidak mempunyai titik pertemuan dengan seorang yang semata-mata hidup, untuk dunia sahaja dan tidak mengharapkan suatu kehidupan yang lain di sebaliknya. Kedua-duanya tidak mempunyai titik pertemuan dalam menilaikan sesuatu urusan hidup dan sesuatu nilai dari nilai-nilai hidup yang banyak. Kedua-duanya tidak dapat membuat keputusan dan penilaian yang sama terhadap sesuatu peristiwa, sesuatu keadaan atau sesuatu urusan. Kedua-duanya masing-masing mempunyai neraca pertimbangan sendiri, sudut pandang sendiri dan lampu suluh sendiri untuk melihat peristiwa-peristiwa, nilai-nilai

dan keadaan-keadaan, di mana seorang hanya melihat kulit luar kehidupan dunia sahaja dan seorang lagi memahami rahsia-rahsia di sebaliknya, iaitu rahsia-rahsia hubungan, undang-undang, peraturan-peraturan yang meliputi lahir dan batin, yang ghaib dan yang nyata, dunia dan Akhirat, mati dan hidup, masa silam, masa kini, dan masa depan, dunia insan dan dunia agung yang merangkumi makhluk-makhluk yang bernyawa dan yang tidak bernyawa. Inilah ufuk dan ruang pandang yang amat jauh, luas dan meliputi segala-galanya, dan ke ufuk inilah Islam mahu membawa umat manusia dan mengangkat mereka ke maqam yang amat tinggi yang layak dengan martabatnya selaku insan yang menjadi khalifah Allah di bumi. Ia diangkat menjadi khalifah kerana di dalam dirinya telah dilengkapkan dengan ruhullah.

******

(Pentafsiran ayat 8)

Lunas Kebenaran Mendasari Penciptaan Dan Peraturan Alam

Oleh kerana pengotaan janji Allah yang memberi kemenangan itu mempunyai hubungan dengan lunas kebenaran yang agung yang menjadi asas penciptaan alam buana, dan oleh kerana kehidupan Akhirat juga mempunyai hubungan dengan lunas kebenaran itu, maka ayat-ayat yang berikut terus membawa mereka menjelajah ke dalam hati alam iaitu menjelajah di langit dan di bumi dan ruang di antara keduanya, juga membawa mereka pulang mengkaji kejadian diri sendiri dengan mendalam supaya mereka dapat memahami lunas kebenaran yang agung itu yang selama ini diabaikan mereka setelah mereka abaikan kehidupan Akhirat di samping tidak menghiraukan da'wah yang membawa mereka ke arah melihat lunas kebenaran itu dan memikirkannya dengan mendalam:

أَوَلَمْ يَتَفَكَّرُوا۟ فِىٓ أَنفُسِهِم ۗ مَّا خَلَقَ ٱللَّهُ ٱلسَّمَـٰوَٰتِ
وَٱلْأَرْضَ وَمَا بَيْنَهُمَآ إِلَّا بِٱلْحَقِّ وَأَجَلٍ مُّسَمًّى ۗ وَإِنَّ
كَثِيرًا مِّنَ ٱلنَّاسِ بِلِقَآئِ رَبِّهِمْ لَكَـٰفِرُونَ ﴿٨﴾

"Mengapakah mereka tidak memikirkan tentang (kejadian) diri mereka sendiri. Allah tidak menciptakan langit dan bumi dan kejadian-kejadian di antara keduanya melainkan dengan lunas kebenaran dan dengan masa yang ditentukan. Dan sesungguhnya kebanyakan manusia tidak percaya kepada pertemuan dengan Tuhan mereka."(8)

Tabi'at struktur diri mereka dan tabi'at struktur alam buana di sekeliling mereka menyarankan bahawa alam buana ini adalah diwujudkan di atas lunas kebenaran dan ditegakkan di atas undang-undang yang tetap tidak bergoncang, tidak kacau-bilau, tidak mungkir peredarannya dan tidak berlanggar satu sama lain, tidak berjalan secara kebetulan yang membuta tuli dan tidak pula mengikut hawa nafsu, malah seluruh alam buana ini berjalan mengikut peraturannya yang tersusun rapi. Di samping itu ia juga menyarankan bahawa di antara kehendak-kehendak keperluan lunas kebenaran yang menjadi asas penciptaan alam buana ini ialah di sana adanya alam Akhirat, di mana setiap amalan mendapat ganjarannya yang sempurna, setiap kebaikan dan kejahatan menerima balasannya yang setimpal dan segala sesuatu itu bergantung kepada masanya yang telah ditentukan untuknya mengikut hikmat yang diatur oleh Allah. Segala sesuatu akan datang tepat pada waktunya, tidak terdahulu dan tidak pula terlewat barang sedetik pun. Andainya manusia tidak tahu bilakah Qiamat akan berlaku, maka ini bukanlah bererti bahawa Qiamat itu tidak ada, tetapi penangguhan waktu Qiamat inilah yang mengelirukan orang-orang yang hanya mengetahui kulit luar kehidupan dunia sahaja.

وَإِنَّ كَثِيرًا مِّنَ ٱلنَّاسِ بِلِقَآئِ رَبِّهِمْ لَكَـٰفِرُونَ ﴿٨﴾

"Sesungguhnya kebanyakan manusia tidak percaya kepada pertemuan Tuhan mereka."(8)

******

(Pentafsiran ayat-ayat 9 - 10)

Dari penjelajahan di langit, bumi dan ruang di antara keduanya, iaitu satu penjelajahan yang amat jauh di alam buana yang meliputi segala isi dan penghuninya yang beraneka jenis di samping merangkumi makhluk-makhluk yang bernyawa hingga kepada benda-benda, bintang-bintang dan planet-planet, jirim-jirim, cakerawala-cakerawala, makhluk-makhluk besar dan kecil, yang tersembunyi dan ketara, yang diketahui dan yang majhul, dan dari penjelasan yang amat jauh di alam buana ini ayat-ayat yang berikut membawa mereka kepada satu penjelajahan yang lain, iaitu penjelajahan dalam lubuk hati zaman dan di dalam lipatan sejarah yang amat jauh supaya mereka dapat melihat sebahagian Sunnatullah yang tetap tidak berubah dan menyimpang walaupun sekali:

أَوَلَمْ يَسِيرُوا۟ فِى ٱلْأَرْضِ فَيَنظُرُوا۟ كَيْفَ كَانَ عَـٰقِبَةُ
ٱلَّذِينَ مِن قَبْلِهِمْ ۚ كَانُوٓا۟ أَشَدَّ مِنْهُمْ قُوَّةً وَأَثَارُوا۟
ٱلْأَرْضَ وَعَمَرُوهَآ أَكْثَرَ مِمَّا عَمَرُوهَا وَجَآءَتْهُمْ
رُسُلُهُم بِٱلْبَيِّنَـٰتِ ۖ فَمَا كَانَ ٱللَّهُ لِيَظْلِمَهُمْ
وَلَـٰكِن كَانُوٓا۟ أَنفُسَهُمْ يَظْلِمُونَ ﴿٩﴾
ثُمَّ كَانَ عَـٰقِبَةَ ٱلَّذِينَ أَسَـٰٓـُٔوا۟ ٱلسُّوٓأَىٰٓ أَن كَذَّبُوا۟
بِـَٔايَـٰتِ ٱللَّهِ وَكَانُوا۟ بِهَا يَسْتَهْزِءُونَ ﴿١٠﴾

"Mengapakah tidak mereka (kaum Musyrikin Makkah) menjelajah di bumi untuk melihat bagaimana akibat yang telah menimpa umat-umat sebelum mereka. Umat-umat itu lebih kuat dari mereka. Mereka telah memajukan bumi dan

memakmurkannya lebih baik dari apa yang telah dimakmurkan mereka (kaum Musyrikin Makkah) dan mereka juga telah didatangi rasul-rasul yang membawa ayat-ayat yang jelas. Sesungguhnya Allah sama sekali tidak menganiayai mereka, tetapi merekalah yang menganiayai diri mereka sendiri(9). Kemudian akibat (yang akan diterima) orang-orang yang melakukan kejahatan itu ialah balasan yang amat buruk (di Akhirat) kerana mereka telah mendustakan ayat-ayat Allah dan kerana mereka mempersenda-sendakannya."(10)

Sunnatullah Berkuatkuasa Di Atas Segala Makhluk-Nya

Ayat-ayat ini menyeru manusia supaya memperhatikan akibat-akibat yang menimpa umat-umat purbakala. Mereka adalah manusia seperti mereka juga. Mereka adalah dari makhluk-makhluk Allah yang sama. Akibat yang telah menimpa umat-umat yang dahulu kala itu mencerminkan akibat yang akan menimpa umat-umat seperti mereka pada masa akan datang, kerana undang-undang Allah tetap berlaku pada semua umat. Undang-undang Allah adalah satu undang-undang yang benar, tetap teguh dan menjadi asas penciptaan alam buana ini. Undang-undang Allah tidak memilih generasi atau umat. Ia tidak mengikut hawa nafsu hingga akibat-akibatnya turut berubah-ubah. Maha Suci Allah Tuhan semesta alam.

Ayat-ayat ini menyeru manusia supaya memahami hakikat kehidupan ini dan segala pertaliannya di sepanjang zaman, juga memahami hakikat manusia yang sama asal-usul dan kesudahannya di sepanjang abad supaya jangan ada satu generasi yang mahu hidup terpencil dari manusia, iaitu terpencil dengan dirinya, dengan cara hidupnya, dengan nilai-nilainya dan dengan kefahaman-kefahaman dan kepercayaan-kepercayaannya dan melupakan hubungannya yang erat dengan seluruh generasi umat manusia yang lain, juga melupakan keesaan dan persamaan Sunnatullah yang menguasai seluruh generasi umat manusia, dan seterusnya melupakan keesaan dan persamaan nilai-nilai yang tetap teguh dalam kehidupan seluruh generasi umat manusia.

Umat-umat yang dibinasakan Allah itu adalah umat-umat yang hidup sebelum generasi kaum Musyrikin di Makkah. *"Umat-umat itu lebih kuat dari mereka. Mereka telah memajukan bumi"* yakni mereka telah membajak tanah dan menggalinya dan mendapat perbendaharaan-perbendaharaannya *"Mereka memakmurkannya lebih banyak dari apa yang telah dimakmurkan mereka"* yakni mereka lebih bertamadun dari umat Arab dan lebih cekap memakmurkan bumi. Kemudian mereka berhenti di tahap kulit luar kehidupan di dunia itu tanpa berusaha melangkahi alam di sebaliknya. **"Mereka juga telah didatangi rasul-rasul yang membawa ayat-ayat yang jelas."** Tetapi mata hati mereka tidak terbuka untuk menerima ayat-ayat yang jelas itu dan mereka tetap tidak beriman supaya hati mereka dapat bersambung dengan nur hidayat yang menerangkan jalan hidup mereka. Oleh sebab itu undang-undang Allah telah menghukum mereka sebagaimana ia menghukum para pendusta. Di waktu itu segala kekuatan mereka tidak berguna kepada mereka, begitu juga ilmu pengetahuan dan tamadun mereka tidak berguna kepada mereka. Akhirnya mereka menerima balasan Allah yang adil.

فَمَا كَانَ ٱللَّهُ لِيَظْلِمَهُمْ وَلَٰكِن كَانُوٓا۟ أَنفُسَهُمْ
يَظْلِمُونَ ٩

"Sesungguhnya Allah sama sekali tidak menganiayai mereka, tetapi merekalah yang menganiayai diri mereka sendiri."(9)

ثُمَّ كَانَ عَٰقِبَةَ ٱلَّذِينَ أَسَٰٓـُٔوا۟ ٱلسُّوٓأَىٰٓ أَن كَذَّبُوا۟
بِـَٔايَٰتِ ٱللَّهِ وَكَانُوا۟ بِهَا يَسْتَهْزِءُونَ ١٠

"Kemudian akibat (yang akan diterima) orang-orang yang melakukan kejahatan itu ialah balasan yang amat buruk (di Akhirat) kerana mereka telah mendustakan ayat-ayat Allah dan kerana mereka mempersenda-sendakannya."(10)

Balasan yang amat buruk itulah yang akan diterima oleh orang-orang yang melakukan kejahatan dan itulah balasan yang setimpal **"Kerana mereka telah mendustakan ayat-ayat Allah dan kerana mereka mempersenda-sendakannya."**

Al-Qur'anul-Karim menyeru para pendusta yang mempersenda-sendakan ayat-ayat Allah itu supaya mereka menjelajah di bumi dan tidak hidup terpencil seperti katak di bawah tempurung dengan tujuan supaya mereka dapat memperhatikan akibat yang telah menimpa para pendusta seperti mereka yang mempersenda-sendakan ayat Allah, supaya mereka menduga bahawa akibat yang seperti itu juga akan menimpa mereka, supaya mereka memahami bahawa Sunnatullah itu hanya satu dan tidak memilih bulu, supaya mereka meluaskan ufuk pemikiran mereka dan memahami hakikat kesatuan umat manusia, kesatuan da'wah dan kesatuan akibat terhadap seluruh generasi umat manusia. Inilah kefahaman yang mahu diterapkan Islam ke dalam hati dan akal orang yang beriman. Al-Qur'an berulang-ulang kali membuat kenyataan di sekitar kefahaman ini.

******

(Pentafsiran ayat-ayat 11 - 16)

Setelah selesai melakukan dua penjelajahan di merata pelosok alam dan di dalam lipatan sejarah, ayat yang berikut membawa mereka pulang kepada hakikat yang diabaikan manusia yang lalai, iaitu hakikat kebangkitan selepas mati dan hakikat kepulangan kepada Allah, kerana hakikat ini merupakan sebahagian dari lunas kebenaran yang agung yang menjadi asas penciptaan alam buana ini:

ٱللَّهُ يَبْدَؤُا۟ ٱلْخَلْقَ ثُمَّ يُعِيدُهُۥ ثُمَّ إِلَيْهِ تُرْجَعُونَ ١١

"Allahlah yang memulakan ciptaan kemudian mengulanginya, kemudian seluruh kamu dikembalikan kepada-Nya."(11)

Hakikat Kepulangan Manusia Kepada Allah

Hakikat ini amat mudah dan jelas. Hubungan dan keselarasan di antara penciptaan dan ulangan yang menjadi dua bahagian hakikat ini juga jelas, kerana qudrat mengulangi ciptaan sama dengan qudrat memulakan ciptaan. Hal ini tidak mengandungi apa-apa keganjilan. Kedua-duanya merupakan dua babak dalam siri penciptaan Allah. Kedua-duanya mempunyai hubungan yang erat dan tidak terpisah. Perkembalian yang akhir ialah perkembalian kepada Allah Tuhan semesta alam yang telah menciptakan kehidupan dunia dan kehidupan Akhirat untuk mendidik para hamba-Nya dan menjaga kepentingan mereka, dan pada akhirnya memberi balasan kepada mereka terhadap amalan-amalan yang dilakukan mereka.

Apabila penerangan Al-Qur'an sampai kepada persoalan kebangkitan selepas mati dan persoalan perkembalian kepada Allah ia menayangkan pula satu pemandangan dari pemandangan-pemandangan Qiamat dan melukiskan nasib kesudahan yang diterima para Mu'minin dan para pendusta apabila mereka kembali kepada Allah. Ia juga mendedahkan betapa sia-sianya perbuatan menyembah sekutu-sekutu dan betapa karutnya kepercayaan kaum Musyrikin:

وَيَوْمَ تَقُومُ ٱلسَّاعَةُ يُبْلِسُ ٱلْمُجْرِمُونَ ﴿١٢﴾
وَلَمْ يَكُن لَّهُم مِّن شُرَكَآئِهِمْ شُفَعَٰٓؤُا۟ وَكَانُوا۟
بِشُرَكَآئِهِمْ كَٰفِرِينَ ﴿١٣﴾
وَيَوْمَ تَقُومُ ٱلسَّاعَةُ يَوْمَئِذٍ يَتَفَرَّقُونَ ﴿١٤﴾
فَأَمَّا ٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ وَعَمِلُوا۟ ٱلصَّٰلِحَٰتِ فَهُمْ فِى
رَوْضَةٍ يُحْبَرُونَ ﴿١٥﴾
وَأَمَّا ٱلَّذِينَ كَفَرُوا۟ وَكَذَّبُوا۟ بِـَٔايَٰتِنَا وَلِقَآئِ
ٱلْءَاخِرَةِ فَأُو۟لَٰٓئِكَ فِى ٱلْعَذَابِ مُحْضَرُونَ ﴿١٦﴾

"Dan pada hari berlakunya Qiamat orang-orang yang berdosa akan berputus asa(12). Dan tidak ada sekutu-sekutu yang disembahkan mereka yang akan menjadi pemberi-pemberi syafa'at kepada mereka, dan mereka mengingkarkan sekutu-sekutu mereka itu(13). Dan pada hari berlakunya Qiamat, maka pada hari itu mereka akan berpecah (kepada golongan Mu'minin dan golongan Kafirin)(14). Adapun orang-orang yang beriman dan mengerjakan amalan-amalan yang soleh, maka mereka akan bergembira di dalam taman(15). Dan adapun orang-orang yang kafir dan mendustakan ayat-ayat dan pertemuan di Akhirat, maka mereka akan dibawa ke dalam 'azab seksa."(16)

Inilah hari Qiamat yang diabaikan orang-orang yang lalai dan dibohongkan para pendusta: Kini Qiamat datang dan sedang berlaku! Sekalian golongan manusia yang berdosa sedang berada di dalam keadaan bingung dan putus asa. Mereka tidak mempunyai harapan untuk mendapat keselamatan dan syafa'at dari sekutu-sekutu yang disembah dan dipuja-pujakan mereka di dalam hidup dunia. Mereka telah tersesat dan tertipu. Mereka dalam kebingungan dan keputusan harapan. Tiada siapa pun yang dapat menyelamat dan memberi pertolongan kepada mereka. Kemudian tiba-tiba mereka mengingkarkan sekutu-sekutu yang disembah mereka di dunia, iaitu sekutu-sekutu yang disekutukan mereka dengan Allah Tuhan semesta alam.

Di sinilah letaknya persimpangan jalan di antara orang-orang yang beriman dan orang-orang yang kafir:

فَأَمَّا ٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ وَعَمِلُوا۟ ٱلصَّٰلِحَٰتِ فَهُمْ فِى
رَوْضَةٍ يُحْبَرُونَ ﴿١٥﴾

"Adapun orang-orang yang beriman dan mengerjakan amalan-amalan yang soleh, maka mereka akan bergembira di dalam taman."(15)

Di sinilah mereka menerima balasan-balasan yang mengembira dan membahagiakan hati mereka.

وَأَمَّا ٱلَّذِينَ كَفَرُوا۟ وَكَذَّبُوا۟ بِـَٔايَٰتِنَا وَلِقَآئِ
ٱلْءَاخِرَةِ فَأُو۟لَٰٓئِكَ فِى ٱلْعَذَابِ مُحْضَرُونَ ﴿١٦﴾

"Dan ada pun orang-orang yang kafir dan mendustakan ayat-ayat Kami dan pertemuan di Akhirat, maka mereka akan dibawa ke dalam 'azab seksa."(16)

Itulah kesudahan perjalanan hidup mereka dan itulah akibat orang-orang yang mengerjakan kebaikan dan kejahatan.

******

(Pentafsiran ayat-ayat 17 - 27)

Setelah selesai menjelajah meninjau pemandangan Qiamat di alam Akhirat, ayat-ayat membawa mereka pulang ke alam dunia untuk meninjau pemandangan-pemandangan di alam buana dan alam kehidupan, untuk memperhatikan keajaiban-keajaiban penciptaan Allah dan rahsia-rahsia kejadian manusia dan seterusnya untuk memikirkan peristiwa-peristiwa luar biasa dan mu'jizat-mu'jizat, yang wujud di dalam ciptaan-ciptaan Allah. Penjelajahan ini dimulakan dengan tasbih memuji Allah ketika berlakunya perubahan malam dan siang dan menyanjungi-Nya pada detik-detik waktu petang dan tengah hari di alam buana yang lebar ini.

فَسُبْحَٰنَ ٱللَّهِ حِينَ تُمْسُونَ وَحِينَ تُصْبِحُونَ ﴿١٧﴾
وَلَهُ ٱلْحَمْدُ فِى ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَٱلْأَرْضِ وَعَشِيًّا وَحِينَ
تُظْهِرُونَ ﴿١٨﴾
يُخْرِجُ ٱلْحَىَّ مِنَ ٱلْمَيِّتِ وَيُخْرِجُ ٱلْمَيِّتَ مِنَ ٱلْحَىِّ وَيُحْىِ
ٱلْأَرْضَ بَعْدَ مَوْتِهَا ۚ وَكَذَٰلِكَ تُخْرَجُونَ ﴿١٩﴾
وَمِنْ ءَايَٰتِهِۦٓ أَنْ خَلَقَكُم مِّن تُرَابٍ ثُمَّ إِذَآ أَنتُم
بَشَرٌ تَنتَشِرُونَ ﴿٢٠﴾
وَمِنْ ءَايَٰتِهِۦٓ أَنْ خَلَقَ لَكُم مِّنْ أَنفُسِكُمْ أَزْوَٰجًا
لِّتَسْكُنُوٓا۟ إِلَيْهَا وَجَعَلَ بَيْنَكُم مَّوَدَّةً وَرَحْمَةً ۚ
إِنَّ فِى ذَٰلِكَ لَءَايَٰتٍ لِّقَوْمٍ يَتَفَكَّرُونَ ﴿٢١﴾
وَمِنْ ءَايَٰتِهِۦ خَلْقُ ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَٱلْأَرْضِ وَٱخْتِلَٰفُ
أَلْسِنَتِكُمْ وَأَلْوَٰنِكُمْ ۚ إِنَّ فِى ذَٰلِكَ لَءَايَٰتٍ لِّلْعَٰلِمِينَ ﴿٢٢﴾
وَمِنْ ءَايَٰتِهِۦ مَنَامُكُم بِٱلَّيْلِ وَٱلنَّهَارِ وَٱبْتِغَآؤُكُم
مِّن فَضْلِهِۦٓ ۚ إِنَّ فِى ذَٰلِكَ لَءَايَٰتٍ لِّقَوْمٍ يَسْمَعُونَ ﴿٢٣﴾
وَمِنْ ءَايَٰتِهِۦ يُرِيكُمُ ٱلْبَرْقَ خَوْفًا وَطَمَعًا وَيُنَزِّلُ
مِنَ ٱلسَّمَآءِ مَآءً فَيُحْىِۦ بِهِ ٱلْأَرْضَ بَعْدَ مَوْتِهَآ ۚ
إِنَّ فِى ذَٰلِكَ لَءَايَٰتٍ لِّقَوْمٍ يَعْقِلُونَ ﴿٢٤﴾
وَمِنْ ءَايَٰتِهِۦٓ أَن تَقُومَ ٱلسَّمَآءُ وَٱلْأَرْضُ بِأَمْرِهِۦ ۚ ثُمَّ إِذَا
دَعَاكُمْ دَعْوَةً مِّنَ ٱلْأَرْضِ إِذَآ أَنتُمْ تَخْرُجُونَ ﴿٢٥﴾
وَلَهُۥ مَن فِى ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَٱلْأَرْضِ ۖ كُلٌّ لَّهُۥ قَٰنِتُونَ ﴿٢٦﴾
وَهُوَ ٱلَّذِى يَبْدَؤُا۟ ٱلْخَلْقَ ثُمَّ يُعِيدُهُۥ وَهُوَ أَهْوَنُ عَلَيْهِ ۚ
وَلَهُ ٱلْمَثَلُ ٱلْأَعْلَىٰ فِى ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَٱلْأَرْضِ ۚ وَهُوَ
ٱلْعَزِيزُ ٱلْحَكِيمُ ﴿٢٧﴾

"Maka Maha Sucilah Allah ketika kamu berada di waktu petang dan ketika kamu berada di waktu pagi(17). Dan segala kepujian terpulang kepada Allah di langit dan di bumi, di waktu petang dan ketika kamu berada di waktu Zuhur(18). Dia mengeluarkan yang hidup dari yang mati dan mengeluarkan yang mati dari yang hidup. Dia juga yang menghidupkan bumi selepas ia mati, dan seperti itulah juga kamu dikeluarkan (dari kubur)(19). Dan di antara bukti-bukti kekuasaan-Nya ialah Dia ciptakan kamu dari tanah kemudian selepas itu kamu menjadi manusia (yang berkembang biak) dan tersebar merata-rata(20). Dan di antara bukti-bukti kekuasaan-Nya ialah Dia ciptakan isteri-isteri untuk kamu dari jenis kamu sendiri supaya kamu tenang tenteram bersamanya dan Dia jadikan di antara kamu rasa kemesraan dan kasih sayang. Sesungguhnya ciptaan-ciptaan itu merupakan bukti-bukti kekuasaan Allah kepada golongan orang-orang yang berfikir(21). Di antara bukti-bukti kekuasaan-Nya ialah penciptaan langit dan bumi, kelainan bahasa-bahasa pertuturan lidah kamu dan kelainan warna-warna kulit kamu. Sesungguhnya ciptaan-ciptaan itu merupakan bukti-bukti kepada semesta alam(22). Di antara bukti-bukti kekuasaan-Nya ialah tidur kamu di waktu malam dan siang dan usaha kamu mencari limpah kurnia-Nya. Sesungguhnya ciptaan-ciptaan itu merupakan bukti-bukti kepada golongan orang-orang yang mendengar(23). Dan di antara bukti-bukti kekuasaan-Nya Dia memperlihatkan pancaran kilat untuk menimbulkan ketakutan (disambar petir) dan harapan (mendapat hujan) dan Dia menurunkan air dari langit lalu Dia hidupkan bumi dengannya sesudah ia mati. Sesungguhnya kejadian-kejadian itu merupakan bukti-bukti kepada golongan orang-orang yang berakal(24). Dan di antara bukti-bukti kekuasaan-Nya ialah tegaknya langit dan bumi dengan perintah-Nya. Kemudian apabila Dia menyeru kamu dengan seruan dari bumi, maka ketika itu juga kamu keluar (dari kubur)(25). Dan Dialah yang memiliki makhluk yang menghuni langit dan bumi dan seluruhnya tunduk patuh kepada-Nya(26). Dan Dialah yang memulakan ciptaan kemudian Dia mengulanginya dan pengulangan ciptaan itu lebih mudah kepada-Nya, dan Dia mempunyai sifat yang paling tinggi di langit dan di bumi, dan Dia Maha Perkasa dan Maha Bijaksana."(27)

Mencari Hikmat Di Sebalik Fenomena-fenomena Perubahan Pada Kejadian-kejadian Alam

Ini adalah satu penjelajahan yang amat luas, halus, mendalam dan jauh liku-likunya. Satu penjelajahan yang membawa hati manusia melancong di hari-hari petang dan hari-hari pagi dan meninjau langit bumi, waktu senja dan waktu tengah hari. Penjelajahan ini membuka pintu hati manusia supaya memikirkan persoalan hidup mati dan proses-proses perkembangan dan kemusnahan yang berterusan secara mendalam. Ia membawa seseorang kembali kepada kisah asal-usul kejadian manusia yang dilengkapkan dengan keinginan-keinginan, kecenderungan-kecenderungan, kekuatan-kekuatan dan daya-daya tenaga, juga membawa mereka kembali kepada hubungan-hubungan dan pertalian-pertalian yang wujud di antara suami isteri sesuai dengan adanya keinginan, kecenderungan dan daya tenaga tersebut. Penjelajahan ini membimbing manusia supaya memikirkan bukti-bukti kekuasaan yang di dalam penciptaan langit bumi, perbezaan bahasa dan warna mengikut perbezaan alam sekitar dan tempat, juga memikirkan perubahan-perubahan

yang dialami manusia seperti tidur, jaga, rehat dan penat dan perubahan-perubahan yang dialami alam buana seperti gejala-gejala kilat, guruh dan hujan dan seterusnya perubahan-perubahan perasaan yang dialami jiwa manusia seperti takut, cemas, harapan dan cita-cita, juga perubahan yang berlaku di bumi seperti hidup subur dan makmur. Pada akhirnya penjelajahan ini membawa hati manusia memikirkan bagaimana dan bumi ini ditegakkan dengan perintah Allah dan bagaimana langit dan bumi ini semuanya bertaqwa" kepada Allah. Penjelajahan ini ditamatkan dengan mengemukakan hakikat yang dapat dilihat dengan jelas dan mudah iaitu Allahlah yang memulakan ciptaan dan Dialah yang berkuasa mengulangkan ciptaan itu, malah kerja mengulangi ciptaan itu lebih mudah kepada-Nya, dan Allahlah yang mempunyai sifat yang paling tinggi di langit dan di bumi dan Dialah Yang Maha Perkasa dan Maha Bijaksana.

******

Tasbih Dan Tahmid Pada Setiap Waktu

فَسُبْحَٰنَ ٱللَّهِ حِينَ تُمْسُونَ وَحِينَ تُصْبِحُونَ ﴿١٧﴾ وَلَهُ ٱلْحَمْدُ فِى ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَٱلْأَرْضِ وَعَشِيًّا وَحِينَ تُظْهِرُونَ ﴿١٨﴾

"Maka Maha Sucilah Allah ketika kamu berada di waktu petang dan ketika kamu berada di waktu pagi(17). Dan segala kepujian terpulang kepada Allah di langit dan di bumi, di waktu petang dan ketika kamu berada di waktu Zuhur."(18)

Tasbih dan tahmid ini datang sebagai kesimpulan bagi pemandangan Qiamat di dalam ceraian yang lalu dan bagi kejayaan orang-orang yang beriman mendapat balasan Syurga yang memberi sepenuh kegembiraan kepada mereka, juga sebagai kesimpulan bagi kesudahan orang-orang kafir pendusta yang menyaksikan 'azab seksa (di Akhirat). Tasbih dan tahmid ini juga datang sebagai pendahuluan bagi penjelajahan meninjau kerajaan langit dan bumi, melihat lubuk-lubuk jiwa manusia dan keajaiban-keajaiban makhluk Allah. Oleh itu tasbih dan tahmid ini amat selaras dan sesuai sekali sebagai kesimpulan bagi pemandangan itu dan sebagai pendahuluan bagi penjelajahan ini.

Ayat ini menghubungkan tasbih dan tahmid dengan waktu-waktu petang dan pagi, waktu-waktu senja dan tengah hari, di samping menghubungkan kedua-duanya dengan ufuk-ufuk langit dan bumi. Ini bererti penjelajahan itu meliputi segala masa dan tempat. Ayat ini juga menghubungkan hati manusia dengan Allah pada setiap tempat dan masa, di mana seseorang itu merasa dengan hubungan dengan Allah Pencipta itu bersama alam buana, peredaran bintang-bintang dan planet-planet, bersama gejala-gejala malam dan siang, senja dan tengah hari. Dan dengan demikian hatinya sentiasa terbuka, sedar dan peka. Segala pemandangan dan gejala alam di sekelilingnya dan segala perubahan masa dan keadaan akan mengingatkannya kepada tasbih dan tahmid Allah S.W.T. dan terus menghubungkannya dengan Allah Tuhan yang menciptakannya dan mencipta pemandangan-pemandangan, gejala-gejala alam, waktu-waktu dan keadaan-keadaan itu.

يُخْرِجُ ٱلْحَىَّ مِنَ ٱلْمَيِّتِ وَيُخْرِجُ ٱلْمَيِّتَ مِنَ ٱلْحَىِّ وَيُحْىِ ٱلْأَرْضَ بَعْدَ مَوْتِهَا ۚ وَكَذَٰلِكَ تُخْرَجُونَ ﴿١٩﴾

"Dia mengeluarkan yang hidup dari yang mati dan mengeluarkan yang mati dari yang hidup. Dia juga yang menghidupkan bumi selepas ia mati dan seperti itulah juga kamu dikeluarkan (dari kubur)."(19)

Proses Kemunculan Yang Hidup Dan Yang Mati Pada Setiap Detik

Proses mengeluarkan yang hidup dari yang mati dan mengeluarkan yang mati dari yang hidup merupakan satu proses yang berterusan yang tidak pernah berhenti sedetik pun sama ada di waktu malam atau siang di mana-mana tempat sahaja sama ada di permukaan bumi, di ruang angkasa raya atau di dasar-dasar lautan. Perubahan dan pertukaran ini berlaku di setiap sa'at, malah ia merupakan satu mu'jizat yang luar biasa yang tidak lagi disedari oleh kita kerana terlalu biasa dan terlalu kerap berulang. Pada setiap sa'at ada yang hidup keluar dari yang mati dan ada yang mati keluar dari yang hidup. Pada setiap detik ada tunas yang bergerak di dalam perut biji atau butir benih dan menyebabkan biji itu merekah dan terbelah (untuk memberi jalan) kepada tunas itu keluar ke permukaan hayat. Pada setiap sa'at juga ada ranting yang kering dan ada pokok yang mati yang menjadi sampah sarap yang hancur dan reput dan di celah-celah hancuran ranting yang kering inilah terdapat biji benih yang baru, yang tidak bergerak yang bersedia untuk hidup dan tumbuh di samping terdapat gas yang terlepas di udara atau bersebati dengan tanah yang bersedia untuk menyuburkan tumbuhan. Pada setiap detik, hayat, mendenyut pada janin sama ada pada manusia atau haiwan atau unggas. Bangkai yang dicampak ke bumi dan hancur bercampuraduk dengan tanah dan berisi dengan gas-gas merupakan satu bahan baru untuk hayat dan makanan baru bagi tumbuh-tumbuhan. Proses yang seperti inilah juga berlaku di dasar-dasar lautan dan di ruang-ruang angkasa lepas.

Itulah proses yang menakjubkan yang berlaku secara berterusan dan dapat dilihat oleh setiap orang yang memerhatikannya dengan hati yang sedar dan insaf atau oleh setiap orang yang menelitinya dengan hidayat dan nur Al-Qur'an yang diambil dari nur Allah.

"Dan seperti itulah juga kamu dikeluarkan (dari kubur)" yakni proses ini adalah satu proses biasa yang berlaku di alam kenyataan, bukannya satu proses yang asing dan baru, malah ia merupakan satu proses yang disaksikan oleh alam pada setiap detik di malam dan di siang di mana-mana tempat sahaja.

وَمِنْ ءَايَٰتِهِۦٓ أَنْ خَلَقَكُم مِّن تُرَابٍ ثُمَّ إِذَآ أَنتُم بَشَرٌ تَنتَشِرُونَ ﴿٢٠﴾

"Dan di antara bukti-bukti kekuasaan-Nya, ialah Dia ciptakan kamu dari tanah kemudian selepas itu kamu menjadi manusia (yang berkembang biak dan) tersebar merata-rata."(20)

Tanah itu merupakan sesuatu yang mati dan diam tidak bergerak, dan dari tanah inilah terjadinya manusia. Pada tempat yang lain di dalam Al-Qur'an diterangkan begini:

وَلَقَدْ خَلَقْنَا ٱلْإِنسَٰنَ مِن سُلَٰلَةٍ مِّن طِينٍ ﴿١٢﴾

"Sesungguhnya Kami telah ciptakan manusia dari intisari dari tanah."

(Surah al-Mu'minun: 12)

Tanah merupakan asal-usul kejadian manusia yang jauh dan di sini Al-Qur'an menyebut asal-usul ini dan secara langsung diiringkan pula dengan gambaran makhluk manusia yang tersebar dan bergerak di merata pelosok bumi dengan tujuan untuk ditandingkan dengan pemandangan dan pengertian di antara tanah yang mati, diam tidak bergerak dengan manusia yang hidup dan bergerak yang diterangkan dalam firman-Nya: **"Dia mengeluarkan yang hidup dari yang mati dan mengeluarkan yang mati dari yang hidup"** supaya pembentangan itu selaras mengikut uslub Al-Qur'an.

Mu'jizat yang luar biasa ini merupakan satu bukti dari bukti-bukti, kekuasaan Allah, juga merupakan saranan yang membayangkan hubungan yang erat di antara manusia dengan bumi tempat mereka hidup, iaitu bumi yang menjadi titik pertemuan mereka dengannya di dalam asal-usul kejadian mereka dan dalam undang-undang yang mengendalikan bumi dan manusia dalam lingkungan alam yang besar.

Perpindahan yang amat jauh dari gambaran tanah yang diam tidak bergerak dan hina kepada gambaran manusia yang bergerak yang mempunyai martabat yang mulia itu merupakan satu perpindahan yang dapat merangsangkan pemerhatian yang teliti terhadap ciptaan Allah dan menggerakkan hati bertahmid dan bertasbih kepada Allah Tuhan Pencipta Yang Maha Pemurah.

Dari bidang penciptaan pertama makhluk manusia, ayat yang berikut beralih pula kepada bidang hidup bersamadi antara dua jenis manusia lelaki dan perempuan:

Hubungan Harmoni Di Antara Lelaki Dan Perempuan

وَإِنَّ لَكُمْ فِى ٱلْأَنْعَٰمِ لَعِبْرَةً ۖ نُّسْقِيكُم مِّمَّا فِى بُطُونِهَا وَلَكُمْ فِيهَا مَنَٰفِعُ كَثِيرَةٌ وَمِنْهَا تَأْكُلُونَ ﴿٢١﴾

"Dan di antara bukti-bukti kekuasaan-Nya Dia ciptakan isteri-isteri untuk kamu dari jenis kamu sendiri supaya kamu tenang tenteram bersamanya dan Dia jadikan di antara kamu rasa kemesraan dan kasih sayang. Sesungguhnya ciptaan-ciptaan itu merupakan bukti-bukti kekuasaan Allah kepada golongan orang-orang yang berfikir."(21)

Manusia lelaki dan perempuan memang tahu perasaan-perasaan mereka terhadap satu sama lain. Mereka tahu bahawa hubungan di antara dua jenis inilah yang memenuhi keperluan saraf dan perasaan mereka. Mereka tahu bahawa langkah-langkah dan kegiatan hidup mereka juga didorong oleh berbagai-bagai bentuk perasaan dan kecenderungan yang wujud di antara lelaki dan perempuan itu, tetapi sedikit sekali mereka terkenang kepada tangan qudrat Allah yang telah menciptakan pasangan suami isteri dari jenis kejadian mereka yang sama itu dan mengisikan perasaan-perasaan dan sentimen-sentimen ini di dalam jiwa mereka, dan menjadikan hubungan suami isteri itu sebagai sumber ketenangan jiwa dan saraf mereka, kerehatan jasmani dan hati mereka, kemantapan hidup dan kehidupan mereka, kemesraan rohani dan hati nurani mereka dan ketenteraman kaum lelaki dan kaum perempuan seluruhnya.

Penjelasan Al-Qur'an yang lemah lembut menggambarkan hubungan lelaki dan perempuan ini dengan gambaran yang amat menarik seolah-olah gambaran itu diambil dari dalam lubuk hati dan perasaan: **"Supaya kamu tenang tenteram bersamanya dan Dia jadikan di antara kamu rasa kemesraan dan kasih sayang."**

"Sesungguhnya ciptaan-ciptaan itu merupakan bukti-bukti kekuasaan Allah kepada golongan orang-orang yang berfikir" yakni mereka memahami hikmat kebijaksanaan Allah yang telah menciptakan dua jenis manusia itu dengan cara yang membolehkan mereka seia sekata dan dapat memenuhi keperluan-keperluan fitrah semulajadi mereka masing-masing sama ada dari segi jiwa, akal dan jasmani. Kedua-dua pasangan itu sama-sama mendapat ketenangan, ketenteraman dan kemantapan di samping temannya, juga sama-sama meni'mati kepuasan dan kasih sayang kerana struktur kejadian mereka dari segi jiwa, saraf dan anggota jasmani adalah dibentuk sebegitu rupa untuk memenuhi keinginan terhadap satu sama lain demi mewujudkan hubungan mesra dan rasa yang padu untuk melahirkan satu hayat yang baru dalam bentuk satu generasi yang baru.

وَمِنْ ءَايَٰتِهِۦ خَلْقُ ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَٱلْأَرْضِ وَٱخْتِلَٰفُ أَلْسِنَتِكُمْ وَأَلْوَٰنِكُمْ ۚ إِنَّ فِى ذَٰلِكَ لَءَايَٰتٍ لِّلْعَٰلِمِينَ ﴿٢٢﴾

"Di antara bukti-bukti kekuasaan-Nya ialah penciptaan langit dan bumi, kelainan bahasa-bahasa pertuturan lidah kamu dan kelainan warna-warna kulit kamu. Sesungguhnya

ciptaan-ciptaan itu merupakan bukti-bukti kepada semesta alam."(22)

Makna Penciptaan Langit Dan Bumi

Ayat-ayat mengenai penciptaan langit dan bumi seringkali disebut di dalam Al-Qur'an dan seringkali pula kita lalui ayat-ayat seperti ini dengan pantas tanpa berhenti memikirkannya lama-lama, sedangkan ayat-ayat itu wajar diperhatikan lama-lama dan difikirkan dengan mendalam.

Penciptaan langit dan bumi bermakna penciptaan makhluk agung yang amat besar, amat halus dan rapi kejadiannya yang belum lagi kita mengetahui kecuali sebahagian yang kecil darinya sahaja. Ia terdiri dari himpunan dan kumpulan jirim-jirim langit, orbit-orbit peredaran bintang-bintang, planet-planet, nebula-nebula, dan galaksi-galaksi yang tidak terhitung banyaknya. Bumi kita yang kecil ini jika dibandingkan dengan makhluk-makhluk ini tidak lebih dari sebiji debu kecil yang sesat, yang hampir-hampir tidak mempunyai timbangan dan bayangan. Di samping jirim-jirimnya yang begitu besar di sana terdapat pula peraturan yang selaras yang menakjubkan di antara jirim-jirim langit, orbit-orbit peredaran, pusingan-pusingan dan gerakan-gerakan bintang yang terletak di dalam jarak-jarak dan dimensi-dimensi tertentu, iaitu keselarasan yang menghindarkannya dari berlanggar satu sama lain, dari perjalanan yang kacau-bilau dan tidak menentu. Segala-galanya bergerak dan beredar dengan peraturan yang rapi.

Semuanya ini hanya dilihat dari segi ukuran besarnya dan dari segi pertuturannya, tetapi rahsia dan tabi'at-tabi'at makhluk-makhluk yang besar ini, juga kandungan lahir batinnya dan undang-undang agung yang mengendalikannya merupakan suatu perkara yang di luar kemampuan manusia untuk mengetahuinya. Apa yang diketahui mengenainya adalah terlalu kecil. Pengkajian yang dibuat mengenai planet bumi yang kecil di mana kita hidup ini juga sampai hari ini pun masih sedikit.

Inilah pandangan sepintas mengenai bukti kekuasaan Allah dalam kejadian langit bumi yang kita lalui dengan pantas ini, tetapi sebaliknya kita bercakap begitu panjang sekali apabila kita memperkatakan tentang sesuatu alat yang direka oleh ahli-ahli sains manusia. Mereka menyusun alat itu dengan peraturan yang rapi pada semua bahagiannya supaya alat itu dapat bergerak dan berjalan dengan teratur tanpa bercanggah satu sama lain dan tanpa kacau-bilau dalam satu jangka masa yang tertentu, kemudian ada setengah orang-orang yang sesat dan menyeleweng sanggup mendakwa bahawa alam buana yang besar dan tersusun rapi ini adalah wujud dan terus wujud tanpa mana-mana pencipta yang mentadbirkan perjalanannya, namun demikian mereka boleh mendarjat para pendengar yang sanggup mendengar omongan kosong dari ahli-ahli sains ini.

Penciptaan Aneka Bahasa Dan Warna Kulit

Di samping bukti kekuasaan Allah dalam kejadian langit bumi ini ialah keanehan wujudnya berbagai-bagai bahasa dan warna kulit di kalangan umat manusia. Tidak syak lagi bahawa kepelbagaian bahasa dan warna kulit itu mempunyai hubungan dengan penciptaan langit dan bumi. Perbezaan udara di permukaan bumi, perbezaan alam sekitar yang terjadi akibat dari perbezaan kedudukan bumi mempunyai hubungan dengan perbezaan bahasa dan warna kulit walaupun asal-usul kejadian umat manusia itu satu dan sama.

Ahli sains di zaman ini memang melihat perbezaan bahasa dan warna kulit, tetapi mereka lewatinya begitu sahaja tanpa melihat tangan kekuasaan Allah dan bukti-bukti qudrat-Nya dalam kejadian bahasa dan warna kulit itu, juga dalam kejadian langit dan bumi. Kadang-kadang mereka mengkaji bahasa dan warna itu secara objektif, tetapi mereka tidak pernah berhenti sejenak untuk mengagung-agungkan Allah Tuhan yang mencipta dan mentadbirkan segala kejadian yang lahir dan yang batin. Ini disebabkan kerana kebanyakan mereka tidak mengerti **"Mereka hanya mengetahui apa yang lahir sahaja dari kehidupan sahaja"**, sedangkan bukti kekuasaan Allah pada kejadian langit dan bumi dan kejadian berbagai-bagai bahasa dan warna kulit itu hanya dapat dilihat oleh orang-orang yang mengetahui sahaja. **"Sesungguhnya ciptaan-ciptaan itu merupakan bukti-bukti kepada semesta alam."**

وَمِنْ ءَايَـٰتِهِۦ مَنَامُكُم بِٱلَّيْلِ وَٱلنَّهَارِ وَٱبْتِغَآؤُكُم مِّن فَضْلِهِۦٓ ۚ إِنَّ فِى ذَٰلِكَ لَـَٔايَـٰتٍ لِّقَوْمٍ يَسْمَعُونَ ﴿٢٣﴾

"Di antara bukti-bukti kekuasaan-Nya ialah tidur kamu di waktu malam dan siang dan usaha kamu mencari limpah kurnia-Nya. Sesungguhnya ciptaan-ciptaan itu merupakan bukti-bukti kepada golongan orang-orang yang mendengar."(23)

Ayat ini mengumpulkan di antara fenomena-fenomena alam dengan keadaan-keadaan manusia yang berhubung kait dengannya. Ia mengikat dan menyelaraskan di antara keduanya di dalam perjalanan alam buana yang besar ini, iaitu ia mengumpul di antara gejala hari malam dan hari siang dengan tidur manusia dan kegiatan mereka mencari rezeki Allah yang dilimpahkan ke atas para hamba-Nya setelah mereka berusaha mencarinya. Allah telah menciptakan manusia selaras dengan alam yang menjadi gelanggang hidup mereka Allah jadikan keperluan mereka untuk bergiat dan bekerja dipenuhi oleh kemunculan cahaya matahari dan hari siang, begitu juga keperluan mereka untuk tidur dan berehat dipenuhi oleh kemunculan hari malam dan kegelapan. Keadaan mereka sama sahaja dengan makhluk-makhluk hidup yang lain yang menghuni permukaan bumi ini cuma yang berbeza ialah dari segi nisbah dan darjat sahaja. Seluruh makhluk yang hidup memperolehi dari peraturan am alam buana ini

segala apa yang dapat memenuhi kehendak tabi'atnya dan membolehkannya untuk hidup.

"Sesungguhnya ciptaan-ciptaan itu merupakan bukti-bukti kepada golongan orang-orang yang mendengar". Tidur dan bekerja melambangkan diam dan bergerak yang boleh ditanggap dengan daya pendengaran. Oleh itu kesimpulan dalam ayat Al-Qur'an ini selaras dengan ayat alam buana yang diperkatakannya mengikut cara Qur'anul-Karim.

وَمِنْ ءَايَٰتِهِۦ يُرِيكُمُ ٱلْبَرْقَ خَوْفًا وَطَمَعًا وَيُنَزِّلُ
مِنَ ٱلسَّمَآءِ مَآءً فَيُحْىِۦ بِهِ ٱلْأَرْضَ بَعْدَ مَوْتِهَآ ۚ
إِنَّ فِى ذَٰلِكَ لَءَايَٰتٍ لِّقَوْمٍ يَعْقِلُونَ ﴿٢٤﴾

"Dan di antara bukti-bukti kekuasaan-Nya Dia memperlihatkan pancaran kilat untuk menimbulkan ketakutan (disambar petir) dan harapan (mendapat hujan) dan Dia menurunkan air dari langit lalu Dia hidupkan bumi dengannya sesudah ia mati. Sesungguhnya kejadian-kejadian itu merupakan bukti-bukti kepada golongan orang-orang yang berakal."(24)

Kilat Tercetus Dari Peraturan Alam

Kilat merupakan suatu gejala yang terjadi dari peraturan alam. Setengah-setengah ahli sains mentafsirkan kilat sebagai gejala yang terjadi dari cetusan elektrik di antara dua awan yang mengandung elektrik atau di antara awan dengan jisim bumi seperti kemuncak bukit atau sebagainya. Cetusan itu melahirkan satu ledakan di udara dalam bentuk guruh yang mengiringi kilat, biasanya cetusan itu disertai dengan gugurnya air hujan sebagai hasil dari perlanggaran itu. Biar apapun punca dan sebabnya namun kilat tetap merupakan satu gejala yang terjadi dari peraturan alam buana ini sebagaimana dicipta dan diaturkan oleh Allah dengan rapinya.

Al-Qur'anul-Karim - mengikut tabi'atnya - tidak banyak memperincikan hakikat gejala-gejala alam dan punca-puncanya, malah ia menggunakan gejala-gejala alam itu sebagai alat untuk menghubungkan hati manusia dengan alam al-wujud dan Penciptanya. Oleh sebab itu Al-Qur'an menjelaskan di sini bahawa gejala kilat itu merupakan satu bukti dari bukti-bukti kekuasaan Allah. **"Dia memperlihatkan pancaran kilat untuk menimbulkan ketakutan (disambar petir) dan harapan (mendapat hujan)."** Itulah dua perasaan semulajadi yang dialami jiwa manusia ketika berdepan dengan kilat, iaitu perasaan takut disambar petir yang menghanguskan manusia dan membakarkan benda-benda ketika kilat memancar. Atau itulah perasaan takut yang sulit ketika melihat kilat. Ia menimbulkan kesedaran terhadap kuasa dan kekuatan Allah yang mengendalikan alam buana yang amat luas ini, juga menimbulkan keinginan mendapat kebaikan di sebalik air hujan yang biasanya turun serentak bersama pancaran kilat, iaitu air hujan yang disebut di dalam ayat selepas disebut kilat **"Dan Dia menurunkan air dari langit lalu Dia hidupkan bumi dengannya sesudah ia mati."**

Pengungkapan dengan sifat-sifat hidup dan mati kepada bumi merupakan satu pengungkapan yang membayangkan bahawa bumi adalah satu makhluk yang hidup dan mati dan memang begitulah hakikat bumi yang digambarkan oleh Al-Qur'anul-Karim. Alam buana merupakan makhluk hidup yang sentiasa bermesra, menyahut, ta'at, patuh, tunduk dan khusyu' kepada Allah. Ia menjunjung perintah-Nya, ia bertasbih dan beribadat kepada-Nya. Manusia yang hidup di atas planet bumi ini merupakan salah satu dari makhluk-makhluk Allah yang berjalan bersama alam buana dalam satu angkatan menuju kepada Allah Tuhan semesta alam.

Di samping semuanya ini ditambahkan pula dengan hakikat bahawa air hujan yang menimpa bumi itu akan membangkitkan kesuburan yang menumbuhkan tanaman-tanaman yang subur. Ini membuat permukaan bumi segar bugar dengan hayat yang dicetuskan di dalam tumbuh-tumbuhan itu dan justeru itu ia dapat mencetuskan hayat pada binatang-binatang dan manusia. Tegasnya air adalah utusan hayat, di mana ia berada di sana tercetusnya hayat.

"Sesungguhnya kejadian-kejadian itu merupakan bukti-bukti kepada golongan orang-orang yang berakal." Yakni di sinilah bidang untuk akal berfikir dengan mendalam.

وَمِنْ ءَايَٰتِهِۦٓ أَن تَقُومَ ٱلسَّمَآءُ وَٱلْأَرْضُ بِأَمْرِهِۦ ۚ ثُمَّ إِذَا
دَعَاكُمْ دَعْوَةً مِّنَ ٱلْأَرْضِ إِذَآ أَنتُمْ تَخْرُجُونَ ﴿٢٥﴾
وَلَهُۥ مَن فِى ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَٱلْأَرْضِ ۖ كُلٌّ لَّهُۥ قَٰنِتُونَ ﴿٢٦﴾

"Dan di antara bukti-bukti kekuasaan-Nya ialah tegaknya langit dan bumi dengan perintah-Nya. Kemudian apabila Dia menyeru kamu dengan seruan dari bumi, maka ketika itu juga kamu keluar (dari kubur)(25). Dan Dialah yang memiliki makhluk yang menghuni langit dan bumi, dan seluruhnya tunduk patuh kepada-Nya."(26)

Tegaknya langit dan bumi dengan teratur rapi dan dengan harakat-harakat yang tersusun kemas itu adalah berlaku dengan qudrat dan tadbir Allah. Tiada satu makhluk pun yang dapat mendakwa bahawa ia atau lainnya yang mengendalikan urusan langit dan bumi ini. Tiada siapa yang berakal yang sanggup berkata bahawa perjalanan langit dan bumi yang teratur rapi itu adalah berlaku tanpa mana-mana tadbir. Dari itu jelaslah bahawa salah satu bukti kekuasaan Allah ialah langit dan bumi yang ditegak dan dikendali dengan perintah-Nya dan mematuhi perintah-Nya dengan sepenuh kepatuhan, tanpa menyeleweng dan teragak-agak.

ثُمَّ إِذَا دَعَاكُمْ دَعْوَةً مِّنَ ٱلْأَرْضِ إِذَآ أَنتُمْ تَخْرُجُونَ ﴿٢٥﴾

"Kemudian apabila Dia menyeru kamu dengan seruan dari bumi, ketika itu juga kamu keluar (dari kubur)"(25)

Orang yang melihat peraturan alam buana yang tersusun rapi dan kuasa pentadbiran Allah yang kemas itu tidak akan meragui bahawa manusia yang lemah itu akan menyambut seruan yang dikeluarkan kepada mereka dari Allah Yang Maha Kuasa dan Maha Besar supaya mereka keluar dari kubur masing-masing.

Kemudian datang pula satu kenyataan akhir menamatkan penjelasan ini, iaitu seluruh makhluk di langit dan di bumi adalah patuh kepada Allah belaka:

وَلَهُۥ مَن فِى ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَٱلْأَرْضِ كُلٌّ لَّهُۥ قَٰنِتُونَ ﴿٢٦﴾

"Dan Dialah yang memiliki makhluk yang menghuni langit dan bumi dan seluruhnya tunduk patuh kepada-Nya."(26)

Bagaimana? Sedangkan kita melihat ramai manusia tidak patuh dan tidak menyembah Allah. Sebenarnya kenyataan ini bertujuan menerangkan bahawa seluruh mereka yang ada di langit dan bumi adalah tunduk kepada iradat dan masyi'ah Allah yang mengendalikan mereka menurut undang-undang yang tetap tidak berganjak. Mereka semuanya diperintah dengan undang-undang ini walaupun mereka menderhaka dan kafir. Sesungguhnya yang menderhaka dan kafir itu ialah akal dan hati mereka, sedangkan mereka tetap diperintah dan dikendalikan dengan undang-undang itu. Allah mengendalikan mereka mengikut kehendak-Nya terhadap para hamba-Nya dan mereka tidak mampu berbuat apa-apa selain dari tunduk dan patuh sahaja.

Kemudian penjelajahan yang luas, halus dan mendalam ini diakhiri dengan menjelaskan persoalan kebangkitan selepas mati dan Qiamat yang diabaikan oleh orang-orang yang lalai:

وَهُوَ ٱلَّذِى يَبْدَؤُا۟ ٱلْخَلْقَ ثُمَّ يُعِيدُهُۥ وَهُوَ أَهْوَنُ عَلَيْهِ
وَلَهُ ٱلْمَثَلُ ٱلْأَعْلَىٰ فِى ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَٱلْأَرْضِ وَهُوَ
ٱلْعَزِيزُ ٱلْحَكِيمُ ﴿٢٧﴾

"Dan Dialah yang memulakan ciptaan kemudian Dia mengulanginya dan pengulangan ciptaan itu lebih mudah kepada-Nya, dan Dia mempunyai sifat yang paling tinggi di langit dan di bumi, dan Dia Maha Perkasa dan Maha Bijaksana."(27)

Persoalan ciptaan pada permulaan kali dan pengulangan ciptaan itu telah pun diterangkan sebelum ini di dalam surah ini. Persoalan ini diulangkan di sini selepas selesainya penjelajahan yang luas itu dengan menambahkan satu kenyataan yang baru iaitu **"Dan pengulangan ciptaan itu lebih mudah kepada-Nya".** Sebenarnya tiada suatu (yang dapat dikatakan) lebih mudah atau lebih payah kepada Allah kerana urusan penciptaan Allah apabila Dia hendak menciptakan sesuatu Dia hanya berfirman: **"Jadilah!"** lalu sesuatu itu pun muncul ke alam al-wujud, tetapi di dalam ayat ini Allah berbicara dengan manusia mengikut kefahaman dan tanggapan manusia sahaja, kerana pada hemat manusia kerja memulakan ciptaan itu lebih sukar dari kerja mengulanginya, jadi mengapakah mereka memandang kerja mengulangi ciptaan amat sukar kepada Allah sedangkan kerja-kerja itu biasanya lebih mudah dan lebih senang?

وَلَهُ ٱلْمَثَلُ ٱلْأَعْلَىٰ فِى ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَٱلْأَرْضِ

"Dia mempunyai sifat yang paling tinggi di langit dan di bumi"(27).

Yakni Allah S.W.T. bersifat dengan sifat-sifat yang unik yang tidak berkongsi dengan sesiapa pun kerana tiada sesuatu pun yang setanding dengan-Nya. Dia adalah Maha Tunggal dan menjadi tuanpunya seluruh makhluk-Nya.

وَهُوَ ٱلْعَزِيزُ ٱلْحَكِيمُ ﴿٢٧﴾

"Dan Dia Maha Perkasa dan Maha Bijaksana"(27)

Yakni Allah Maha Kuasa melakukan segala apa yang dikehendaki-Nya dan Maha Bijaksana mentadbirkan makhluk-Nya dengan peraturan yang kukuh dan rapi.

******

(Pentafsiran ayat-ayat 28 - 29)

Pada penghabisan penjelajahan yang membawa hati manusia mengembara ke merata pelosok alam dan lubuk-lubuk, jiwa, gejala-gejala alam dan keadaan-keadaan Al-Qur'an kembali berbicara dengan hati manusia dengan membuat satu kenyataan yang baru:

ضَرَبَ لَكُم مَّثَلًا مِّنْ أَنفُسِكُمْ ۖ هَل لَّكُم مِّن
مَّا مَلَكَتْ أَيْمَٰنُكُم مِّن شُرَكَآءَ فِى مَا
رَزَقْنَٰكُمْ فَأَنتُمْ فِيهِ سَوَآءٌ تَخَافُونَهُمْ
كَخِيفَتِكُمْ أَنفُسَكُمْ ۚ كَذَٰلِكَ نُفَصِّلُ ٱلْءَايَٰتِ
لِقَوْمٍ يَعْقِلُونَ ﴿٢٨﴾

"Dia membuat untuk kamu satu perbandingan dari diri kamu sendiri. Adakah kamu redha hamba-hamba yang dimiliki kamu itu menjadi kongsi-kongsi kamu di dalam harta benda yang Kami kurniakan kepada kamu, maka kerana itu kamu sama dengan mereka memiliki harta itu menyebabkan kamu takut kepada mereka sama seperti kamu takut kepada sesama kamu (dari orang-orang yang merdeka). Demikianlah Kami jelaskan ayat-ayat itu kepada golongan orang-orang yang berakal."(28)

Konsep Syirik Melupakan Prinsip Tuan Dan Hamba Tidak Sama

Al-Qur'an membuat perbandingan ini untuk orang-orang yang mempersekutui-Nya dengan sembahan-sembahan yang lain dari makhluk-Nya sama ada makhluk jin atau malaikat atau berhala-berhala atau pokok-pokok, sedangkan mereka sendiri tidak suka harta benda mereka disyarikati sama oleh hamba abdi mereka. Mereka tidak pernah menyamakan taraf kedudukan mereka dengan hamba abdi mereka. Oleh sebab itu keadaan mereka tentulah kelihatan aneh jika mereka mempersekutukan Allah dengan makhluk-makhluk-Nya, sedangkan Allah Tuhan Yang Maha Esa yang mencipta dan memberi rezeki kepada mereka, dan sedangkan, mereka sendiri tidak sanggup menjadikan hamba abdi mereka sebagai rakan kongsi di dalam harta benda mereka. Ini adalah satu percanggahan yang aneh dalam cara berfikir dan menilai.

Al-Qur'an menghuraikan perbandingan itu selangkah demi selangkah, **"Dia membuat untuk kamu satu perbandingan dari diri kamu sendiri"** yakni perbandingan ini bukanlah satu perbandingan yang jauh dari kamu. Ia tidak memerlukan kepada persafiran atau perpindahan untuk memperhati dan memikirkannya dengan mendalam. **"Adakah kamu redha hamba-hamba yang dimiliki kamu itu menjadi kongsi-kongsi kamu di dalam harta benda yang Kami kurniakan kepada kamu, maka kerana itu kamu sama dengan mereka memiliki harta itu".** Mereka tentulah tidak redha berkongsi dengan hamba-hamba abdi di dalam mana-mana harta benda dari rezeki mereka apatah lagi untuk menyamakan kedudukan hamba-hamba itu dengan mereka, **"Menyebabkan kamu takut kepada mereka sama seperti kamu takut kepada sesama kamu (dari orang-orang yang merdeka)"** yakni kamu menghitungkan kira-kira mereka sebagaimana kamu menghitungkan kira-kira rakan-rakan kongsi yang merdeka, kamu menaruh kebimbangan bahawa mereka mungkin melakukan pengkhianatan terhadap kamu kerana mereka rakan-rakan yang sama taraf dengan kamu. Adakah perkongsian seperti ini pernah berlaku di kalangan kamu atau pernah berlaku di dalam urusan peribadi kamu sendiri? Andainya perkara ini tidak pernah berlaku bagaimana pula engkau boleh redhakannya berlaku pada Allah Ta'ala yang mempunyai sifat yang paling tinggi itu?

Itulah satu perbandingan yang amat jelas, mudah dan muktamad yang tidak mempunyai ruang untuk dipertikaikannya. Perbandingan ini berpegang kepada logik yang mudah dan akal yang lurus:

كَذَٰلِكَ نُفَصِّلُ ٱلْءَايَٰتِ لِقَوْمٍ يَعْقِلُونَ ﴿٢٨﴾

"Demikianlah Kami jelaskan ayat-ayat ini kepada golongan orang-orang yang berakal."(28)

Setelah sampai ke tahap ini dalam membentangkan percanggahan di dalam 'aqidah syirik mereka yang reput itu, maka ayat yang berikut mendedahkan sebab pokok yang melahirkan percanggahan ini iaitu hawa nafsu yang tidak berlandaskan akal fikiran:

بَلِ ٱتَّبَعَ ٱلَّذِينَ ظَلَمُوٓا۟ أَهْوَآءَهُم بِغَيْرِ عِلْمٍ ۖ فَمَن
يَهْدِى مَنْ أَضَلَّ ٱللَّهُ ۖ وَمَا لَهُم مِّن نَّٰصِرِينَ ﴿٢٩﴾

"Malah orang-orang yang zalim itu telah mengikut hawa nafsu mereka tanpa ilmu pengetahuan. Oleh itu siapakah yang dapat memberi hidayat kepada orang yang telah disesatkan Allah. Dan mereka sama sekali tidak mempunyai penolong-penolong."(29)

Hawa nafsu itu tidak mempunyai peraturan dan ukuran yang tertentu, ia merupakan keinginan yang berubah-ubah, kecenderungan-kecenderungannya yang tidak keruan. Ia adalah kegemaran-kegemaran dan kebimbangan-kebimbangan nafsu, cita-cita dan kehendak-kehendaknya yang tidak berasaskan kebenaran, tidak berhenti di garis batasan dan tidak ditimbangkan dengan neraca. Ia merupakan kesesatan yang tidak ada harapan untuk diberi hidayat. Ia merupakan pelarian yang tidak ada harapan pulang, **"Siapakah yang dapat memberi hidayat kepada orang yang telah disesatkan Allah"**, dengan sebab dia mengikut hawa nafsunya, **"dan mereka sama sekali tidak mempunyai penolong-penolong"** yang dapat menahankan mereka dari akibat yang buruk.

****

(Pentafsiran ayat-ayat 30 - 32)

Sampai di sini Al-Qur'an menamatkan pembicaraannya mengenai orang-orang yang mengikut hawa nafsu mereka yang berubah-ubah dan tidak keruan itu dan ia beralih pula kepada Rasulullah s.a.w. untuk menyampaikan perintah kepada beliau supaya tetap teguh, lurus dan jujur berpegang dengan agama Allah yang kukuh, yang berlandaskan fitrah ciptaan Allah yang telah menciptakan manusia di atas landasannya. Agama Allah adalah satu 'aqidah yang kukuh dan tetap. Ia tidak memecahbelahkan jalan hidup manusia sebagaimana kaum Musyrikin berpecahbelah kepada berbagai-bagai puak dan kumpulan kerana mengikut keinginan-keinginan dan kehendak-kehendak hawa nafsu.

فَأَقِمْ وَجْهَكَ لِلدِّينِ حَنِيفًا ۚ فِطْرَتَ ٱللَّهِ ٱلَّتِى فَطَرَ
ٱلنَّاسَ عَلَيْهَا ۚ لَا تَبْدِيلَ لِخَلْقِ ٱللَّهِ ۚ ذَٰلِكَ ٱلدِّينُ
ٱلْقَيِّمُ وَلَٰكِنَّ أَكْثَرَ ٱلنَّاسِ لَا يَعْلَمُونَ ﴿٣٠﴾
مُنِيبِينَ إِلَيْهِ وَٱتَّقُوهُ وَأَقِيمُوا۟ ٱلصَّلَوٰةَ وَلَا تَكُونُوا۟
مِنَ ٱلْمُشْرِكِينَ ﴿٣١﴾

مِنَ ٱلَّذِينَ فَرَّقُواْ دِينَهُمْ وَكَانُواْ شِيَعًا كُلُّ حِزْبِۭ
بِمَا لَدَيْهِمْ فَرِحُونَ ٣٢

"Oleh itu hadapkan mukamu kepada agama Allah dengan lurus selaku fitrah ciptaan Allah yang telah menciptakan manusia di atas landasannya. Tiada perubahan bagi ciptaan Allah. Itulah agama yang lurus, tetapi kebanyakan manusia tidak mengetahui(30). Dengan keadaan kamu sekalian kembali kepada Allah dan hendaklah kamu bertaqwa kepada-Nya dan dirikanlah solat dan janganlah kamu jadikan diri kamu dari golongan Musyrikin(31). Iaitu dari mereka yang telah memecahbelahkan agama mereka dan mereka hidup berpuak-puak dan setiap puak bergembira dengan apa yang ada pada mereka."(32)

Berdiri Teguh Di Atas Landasan Agama Allah

Arahan supaya berpegang teguh dengan agama Allah yang lurus itu adalah dibuat tepat dengan masanya dan sesuai dengan tempatnya setelah melakukan penjelajahan meninjau isi alam buana dan pemandangan-pemandangannya dan setelah meneroka di dalam lubuk jiwa manusia. Arahan itu datang tepat dengan masanya iaitu ketika hati yang jujur itu cukup bersedia untuk menerimanya dan ketika hati yang menyeleweng telah kehilangan segala hujah dan alasan dan berdiri dengan tangan yang kosong dari sebarang kelengkapan dan senjata. Inilah pengaruh penerangan Al-Qur'an yang kuat yang tidak dapat ditentang dan dijawab oleh hati.

"Hadapkan mukamu kepada agama Allah dengap lurus" yakni hadapilah agama itu dengan sikap yang lurus dan jujur, kerana agama itulah yang dapat melindungkan manusia dari hawa nafsu yang beraneka ragam, yang tidak bersandarkan kepada kebenaran dan tidak bersumberkan ilmu pengetahuan, malah hanya mengikut kehendak-kehendak hawa nafsu sahaja tanpa peraturan dan tanpa alasan. Hadapkan mukamu kepada agama Allah dengan pegangan tauhid dan menolak agama-agama yang lain darinya, juga dengan sikap jujur dan lurus mematuhi segala larangan-Nya:

فِطْرَتَ ٱللَّهِ ٱلَّتِي فَطَرَ ٱلنَّاسَ عَلَيْهَا لَا تَبْدِيلَ لِخَلْقِ
ٱللَّهِ

"Iaitu fitrah ciptaan Allah yang telah menciptakan manusia di atas landasannya. Tiada perubahan bagi ciptaan Allah."(30)

Demikianlah Allah mengikatkan di antara fitrah manusia dengan fitrah agama Islam ini. Kedua-duanya dari ciptaan Allah. Kedua-duanya sesuai dengan undang-undang alam al-wujud. Kedua-duanya bersesuaian di antara satu sama lain, sama ada dari segi tabi'at atau tujuannya. Allah yang telah menciptakan hati manusia itu Dialah juga yang telah menurunkan agama ini untuk mengaturkan tindak-tanduknya, mengubati penyakitnya dan membetulkannya dari penyelewengan. Allah Maha Mengetahui kehendak-kehendak makhluk yang diciptakan-Nya, Dialah Maha Halus dan Maha Mengetahui. Fitrah itu bersifat teguh dan kukuh dan agama juga bersifat teguh dan kukuh **"Tidak ada perubahan bagi ciptaan Allah"** oleh itu apabila manusia menyeleweng dari fitrah, maka tiada yang dapat membetulkannya melainkan agama Islam yang sesuai dengan fitrah manusia dan fitrah alam al-wujud.

"Itulah agama yang lurus, tetapi kebanyakan manusia tidak mengetahui" mereka hanya mengikut hawa nafsu mereka tanpa berpandukan ilmu pengetahuan, dan mereka sesat dari jalan yang lurus yang menyampaikan kepada Allah.

Arahan membulatkan hati kepada agama Allah walaupun ditujukan kepada Rasulullah s.a.w. namun pada hakikatnya ia ditujukan kepada seluruh orang-orang yang beriman. Oleh sebab itulah Al-Qur'an terus memberi arahan kepada orang-orang yang beriman dengan menghuraikan erti dan maksud dari arahan membulatkan hati kepada agama itu iaitu:

مُنِيبِينَ إِلَيْهِ وَٱتَّقُوهُ وَأَقِيمُواْ ٱلصَّلَوٰةَ وَلَا تَكُونُواْ
مِنَ ٱلْمُشْرِكِينَ ٣١
مِنَ ٱلَّذِينَ فَرَّقُواْ دِينَهُمْ وَكَانُواْ شِيَعًا كُلُّ حِزْبِۭ
بِمَا لَدَيْهِمْ فَرِحُونَ ٣٢

"Dengan keadaan kamu sekalian kembali kepada Allah dan hendaklah kamu bertaqwa kepada-Nya dan dirikanlah solat dan janganlah kamu jadikan diri kamu dari golongan Musyrikin(31). Iaitu dari mereka yang telah memecahbelahkan agama mereka dan mereka hidup berpuak-puak. Setiap puak bergembira dengan apa yang ada pada mereka."(32)

Pembulatan hati kepada agama ialah kepulangan kepada Allah dan kembali kepada-Nya di dalam segala perkara. Pembulatan hati ialah taqwa dan kepekaan hati terhadap Allah, juga bermuraqabah dengan Allah lahir dan batin dan merasakan kewujudan-Nya pada setiap gerak dan diam. Pembulatan hati ialah mendirikan solat yang ikhlas kepada Allah. Pembulatan hati ialah 'aqidah tauhid yang bersih dan tulen yang membezakan di antara orang-orang yang beriman dengan orang-orang yang munafiq.

Berbagai-bagai Ragam Syirik

Al-Qur'an menyifatkan kaum Musyrikin sebagai **"Orang-orang yang telah memecahbelahkan agama mereka dan mereka hidup berpuak-puak"**. 'aqidah syirik mempunyai berbagai-bagai bentuk rupa. Di antara mereka ada yang syirik dengan memuja jin, ada yang syirik dengan memuja malaikat, ada yang syirik dengan memuja datuk nenek dan ibu bapa, ada yang syirik dengan memuja raja-raja dan sultan, ada yang syirik dengan memuja pawang-pawang dan paderi-paderi atau pendeta-pendeta

agama, ada yang syirik dengan memuja pokok-pokok dan batu-batu, ada yang syirik dengan memuja planet-planet dan bintang-bintang, ada yang syirik dengan memuja api, ada yang syirik dengan memuja hari malam dan hari siang dan ada yang syirik dengan memuja nilai-nilai yang palsu dan keinginan-keinginan hawa nafsu. Rupa bentuk kepercayaan syirik itu tidak habis-habis. **"Setiap puak bergembira dengan apa yang ada pada mereka"** sedangkan agama yang lurus hanya satu sahaja tidak pernah berubah dan bertukar. Ia hanya membawa penganut-penganutnya kepada Allah Yang Maha Esa, yang mana langit dan bumi tegak dengan perintah-Nya kerana Dialah memiliki langit dan bumi dan seluruh makhluk patuh kepada-Nya.

(Kumpulan ayat-ayat 33 - 60)

وَإِذَا مَسَّ ٱلنَّاسَ ضُرٌّ دَعَوْا۟ رَبَّهُم مُّنِيبِينَ إِلَيْهِ ثُمَّ إِذَآ
أَذَاقَهُم مِّنْهُ رَحْمَةً إِذَا فَرِيقٌ مِّنْهُم بِرَبِّهِمْ يُشْرِكُونَ ٣٣
لِيَكْفُرُوا۟ بِمَآ ءَاتَيْنَـٰهُمْ فَتَمَتَّعُوا۟ فَسَوْفَ تَعْلَمُونَ ٣٤
أَمْ أَنزَلْنَا عَلَيْهِمْ سُلْطَـٰنًا فَهُوَ يَتَكَلَّمُ بِمَا كَانُوا۟ بِهِۦ
يُشْرِكُونَ ٣٥
وَإِذَآ أَذَقْنَا ٱلنَّاسَ رَحْمَةً فَرِحُوا۟ بِهَا وَإِن تُصِبْهُمْ
سَيِّئَةٌۢ بِمَا قَدَّمَتْ أَيْدِيهِمْ إِذَا هُمْ يَقْنَطُونَ ٣٦
أَوَلَمْ يَرَوْا۟ أَنَّ ٱللَّهَ يَبْسُطُ ٱلرِّزْقَ لِمَن يَشَآءُ وَيَقْدِرُ إِنَّ
فِى ذَٰلِكَ لَـَٔايَـٰتٍ لِّقَوْمٍ يُؤْمِنُونَ ٣٧

"Dan apabila manusia disentuh sesuatu bahaya mereka terus berdo'a kepada Tuhan mereka dan kembali bertaubat kepada-Nya, kemudian apabila Allah rasakan mereka dengan suatu rahmat dari-Nya tiba-tiba segolongan dari mereka mempersekutukan Tuhan mereka(33). Biarkanlah mereka ingkarkan ni'mat yang telah Kami kurniakan kepada mereka, dan biarkanlah mereka berfoya-foya di dalam keni'matan kerana kelak mereka akan mengetahui (akibatnya)(34). Apakah Kami pernah turunkan kepada mereka suatu hujah lalu hujah itu bercakap membenarkan perbuatan mereka yang mempersekutukan Allah?(35) Dan apabila Kami rasakan manusia dengan sesuatu rahmat mereka terus bergembira, dan apabila mereka ditimpa kesusahan dengan sebab kesalahan yang dilakukan tangan mereka, tiba-tiba mereka berputus asa(36). Tidakkah mereka melihat bahawa Allahlah yang meluas dan menyempitkan rezeki kepada siapa yang dikehendaki-Nya? Sesungguhnya hal sedemikian merupakan bukti-bukti kekuasaan Allah kepada golongan orang-orang yang beriman."(37).

فَـَٔاتِ ذَا ٱلْقُرْبَىٰ حَقَّهُۥ وَٱلْمِسْكِينَ وَٱبْنَ ٱلسَّبِيلِ
ذَٰلِكَ خَيْرٌ لِّلَّذِينَ يُرِيدُونَ وَجْهَ ٱللَّهِ وَأُو۟لَـٰٓئِكَ هُمُ
ٱلْمُفْلِحُونَ ٣٨
وَمَآ ءَاتَيْتُم مِّن رِّبًا لِّيَرْبُوَا۟ فِىٓ أَمْوَٰلِ ٱلنَّاسِ فَلَا يَرْبُوا۟
عِندَ ٱللَّهِ وَمَآ ءَاتَيْتُم مِّن زَكَوٰةٍ تُرِيدُونَ وَجْهَ
ٱللَّهِ فَأُو۟لَـٰٓئِكَ هُمُ ٱلْمُضْعِفُونَ ٣٩
ٱللَّهُ ٱلَّذِى خَلَقَكُمْ ثُمَّ رَزَقَكُمْ ثُمَّ يُمِيتُكُمْ ثُمَّ يُحْيِيكُمْ
هَلْ مِن شُرَكَآئِكُم مَّن يَفْعَلُ مِن ذَٰلِكُم مِّن شَىْءٍ
سُبْحَـٰنَهُۥ وَتَعَـٰلَىٰ عَمَّا يُشْرِكُونَ ٤٠
ظَهَرَ ٱلْفَسَادُ فِى ٱلْبَرِّ وَٱلْبَحْرِ بِمَا كَسَبَتْ أَيْدِى
ٱلنَّاسِ لِيُذِيقَهُم بَعْضَ ٱلَّذِى عَمِلُوا۟ لَعَلَّهُمْ يَرْجِعُونَ ٤١

"Berikanlah kepada kerabat yang terdekat, fakir miskin dan orang yang terlantar dalam perjalanan haknya masing-masing. Pemberian sedemikian lebih baik kepada orang-orang yang mencari keredhaan Allah. Merekalah orang-orang yang beruntung(38). Mana-mana pemberian yang bertujuan supaya ia bertambah pulangannya pada harta manusia, maka ia tidak bertambah di sisi Allah, dan mana-mana pemberian zakat yang bertujuan mendapatkan keredhaan Allah semata-mata, maka merekalah yang akan mendapat pahala yang berlipat ganda(39). Allah yang menciptakan kamu kemudian mengurniakan rezeki kepada kamu. Kemudian Dialah yang mematikan kamu kemudian Dialah yang menghidupkan kamu (kembali). Apakah di antara sekutu-sekutu yang disembah kamu ada yang berkuasa membuat sesuatu dari urusan itu? Maha Suci dan Maha Tinggilah Allah dari segala sekutu yang dipersekutukan mereka(40). Kerosakan telah berlaku di darat dan di laut disebabkan perbuatan yang dilakukan tangan manusia, kerana Allah mahu mereka merasakan setengah-setengah akibat dari perbuatan yang dilakukan mereka supaya mereka kembali (ke jalan yang benar)."(41).

قُلْ سِيرُوا۟ فِى ٱلْأَرْضِ فَٱنظُرُوا۟ كَيْفَ كَانَ عَـٰقِبَةُ ٱلَّذِينَ
مِن قَبْلُ كَانَ أَكْثَرُهُم مُّشْرِكِينَ ٤٢
فَأَقِمْ وَجْهَكَ لِلدِّينِ ٱلْقَيِّمِ مِن قَبْلِ أَن يَأْتِىَ يَوْمٌ
لَّا مَرَدَّ لَهُۥ مِنَ ٱللَّهِ يَوْمَئِذٍ يَصَّدَّعُونَ ٤٣
مَن كَفَرَ فَعَلَيْهِ كُفْرُهُۥ وَمَنْ عَمِلَ صَـٰلِحًا فَلِأَنفُسِهِمْ

يَمْهَدُونَ ﴿٤٤﴾
لِيَجْزِيَ ٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ وَعَمِلُوا۟ ٱلصَّٰلِحَٰتِ مِن فَضْلِهِۦٓ ۚ
إِنَّهُۥ لَا يُحِبُّ ٱلْكَٰفِرِينَ ﴿٤٥﴾
وَمِنْ ءَايَٰتِهِۦٓ أَن يُرْسِلَ ٱلرِّيَاحَ مُبَشِّرَٰتٍ وَلِيُذِيقَكُم مِّن
رَّحْمَتِهِۦ وَلِتَجْرِيَ ٱلْفُلْكُ بِأَمْرِهِۦ وَلِتَبْتَغُوا۟ مِن فَضْلِهِۦ
وَلَعَلَّكُمْ تَشْكُرُونَ ﴿٤٦﴾

"Katakanlah: Jelajahilah di bumi dan lihatlah bagaimana akibat yang telah menimpa orang-orang yang dahulu. Kebanyakan dari mereka adalah golongan Musyrikin(42). Oleh kerana itu hadapkan mukamu kepada agama yang lurus sebelum datangnya dari Allah suatu hari yang tiada siapa pun dapat menolak kedatangannya, dan pada hari itu mereka akan berpecah-belah(43). Barang siapa yang kafir, maka dialah yang menanggung akibat kekafirannya dan barang siapa yang mengerjakan amalan yang soleh bererti mereka menyediakan (tempat kediaman yang baik) untuk diri mereka(44). Kerana Allah mahu memberikan balasan dari limpah kurnia-Nya kepada orang-orang yang beriman dan mengerjakan amalan yang soleh. Sesungguhnya Dia tidak sukakan orang-orang yang kafir(45). Dan di antara bukti-bukti kekuasaan-Nya Dia melepaskan angin sebagai pembawa berita gembira dan kerana Dia hendak merasakan kamu sebahagian dari rahmat-Nya dan supaya kapal-kapal dapat belayar dengan perintah-Nya dan supaya kamu dapat mencari rezeki dari limpah kurnia-Nya dan supaya kamu bersyukur."(46).

وَلَقَدْ أَرْسَلْنَا مِن قَبْلِكَ رُسُلًا إِلَىٰ قَوْمِهِمْ فَجَآءُوهُم
بِٱلْبَيِّنَٰتِ فَٱنتَقَمْنَا مِنَ ٱلَّذِينَ أَجْرَمُوا۟ ۖ وَكَانَ حَقًّا
عَلَيْنَا نَصْرُ ٱلْمُؤْمِنِينَ ﴿٤٧﴾
ٱللَّهُ ٱلَّذِى يُرْسِلُ ٱلرِّيَٰحَ فَتُثِيرُ سَحَابًا فَيَبْسُطُهُۥ فِى
ٱلسَّمَآءِ كَيْفَ يَشَآءُ وَيَجْعَلُهُۥ كِسَفًا فَتَرَى ٱلْوَدْقَ يَخْرُجُ
مِنْ خِلَٰلِهِۦ ۖ فَإِذَآ أَصَابَ بِهِۦ مَن يَشَآءُ مِنْ عِبَادِهِۦٓ
إِذَا هُمْ يَسْتَبْشِرُونَ ﴿٤٨﴾
وَإِن كَانُوا۟ مِن قَبْلِ أَن يُنَزَّلَ عَلَيْهِم مِّن قَبْلِهِۦ
لَمُبْلِسِينَ ﴿٤٩﴾
فَٱنظُرْ إِلَىٰٓ ءَاثَٰرِ رَحْمَتِ ٱللَّهِ كَيْفَ يُحْىِ ٱلْأَرْضَ بَعْدَ
مَوْتِهَآ ۚ إِنَّ ذَٰلِكَ لَمُحْىِ ٱلْمَوْتَىٰ ۖ وَهُوَ عَلَىٰ كُلِّ
شَىْءٍ قَدِيرٌ ﴿٥٠﴾

"Dan sesungguhnya Kami telah utuskan sebelum kamu rasul-rasul kepada kaum mereka masing-masing. Mereka datang kepada mereka membawa keterangan-keterangan yang jelas iatu Kami timpakan balasan Kami ke atas orang-orang yang berdosa dari mereka, dan adalah menjadi kewajipan Kami menolong orang-orang yang beriman(47). Allah yang melepaskan angin lalu ia menggerakkan awan dan menyebarkannya di langit mengikut bagaimana yang dikehendaki-Nya dan Dia jadikan awan itu bertompok-tompok lalu engkau dapat melihat air keluar dari celah-celahnya. Oleh itu apabila hujan itu turun mengenai hamba-hamba-Nya yang dikehendaki-Nya, maka tiba-tiba mereka bergembira(48). Walaupun mereka sebelum diturunkan hujan ke atas mereka benar-benar berputus asa(49). Oleh itu lihatlah kesan-kesan rahmat Allah bagaimana Dia menghidupkan bumi selepas matinya. Sesungguhnya yang berkuasa berbuat sedemikian adalah berkuasa pula menghidupkan orang-orang yang telah mati dan dia Maha Kuasa di atas segala sesuatu."(50).

وَلَئِنْ أَرْسَلْنَا رِيحًا فَرَأَوْهُ مُصْفَرًّا لَّظَلُّوا۟ مِنۢ بَعْدِهِۦ
يَكْفُرُونَ ﴿٥١﴾
فَإِنَّكَ لَا تُسْمِعُ ٱلْمَوْتَىٰ وَلَا تُسْمِعُ ٱلصُّمَّ ٱلدُّعَآءَ إِذَا
وَلَّوْا۟ مُدْبِرِينَ ﴿٥٢﴾
وَمَآ أَنتَ بِهَٰدِ ٱلْعُمْىِ عَن ضَلَٰلَتِهِمْ ۖ إِن تُسْمِعُ إِلَّا مَن
يُؤْمِنُ بِـَٔايَٰتِنَا فَهُم مُّسْلِمُونَ ﴿٥٣﴾
ٱللَّهُ ٱلَّذِى خَلَقَكُم مِّن ضَعْفٍ ثُمَّ جَعَلَ مِنۢ بَعْدِ
ضَعْفٍ قُوَّةً ثُمَّ جَعَلَ مِنۢ بَعْدِ قُوَّةٍ ضَعْفًا وَشَيْبَةً ۚ
يَخْلُقُ مَا يَشَآءُ ۖ وَهُوَ ٱلْعَلِيمُ ٱلْقَدِيرُ ﴿٥٤﴾

"Dan sesungguhnya jika Kami melepaskan angin lalu mereka melihatnya berwarna kuning nescaya mereka tetap kufur selepas itu(51). Sesungguhnya engkau tidak dapat menjadikan orang yang mati itu mendengar (seruanmu) dan tidak dapat menjadikan si pekak itu mendengar (seruanmu) apabila mereka berpaling membelakangkan (engkau) (52). Dan engkau tidak akan dapat memberi hidayat kepada orang yang buta dari kesesatan mereka. Engkau tidak dapat memperdengarkan (seruanmu) melainkan kepada orang yang beriman kepada ayat-ayat Kami. Merekalah orang-orang yang menyerah patuh (kepada Allah)(53). Allah yang telah menciptakan kamu dari kelemahan kemudian selepas lemah Dia jadikan kamu kuat dan selepas kuat Dia jadikan kamu lemah kembali dan beruban. Dia menciptakan apa yang dikehendaki-Nya, dan Dia Maha Mengetahui dan Maha Kuasa."(54).

وَيَوْمَ تَقُومُ ٱلسَّاعَةُ يُقْسِمُ ٱلْمُجْرِمُونَ مَا لَبِثُوا۟
غَيْرَ سَاعَةٍ ۚ كَذَٰلِكَ كَانُوا۟ يُؤْفَكُونَ ﴿٥٥﴾
وَقَالَ ٱلَّذِينَ أُوتُوا۟ ٱلْعِلْمَ وَٱلْإِيمَٰنَ لَقَدْ لَبِثْتُمْ
فِى كِتَٰبِ ٱللَّهِ إِلَىٰ يَوْمِ ٱلْبَعْثِ ۖ فَهَٰذَا يَوْمُ ٱلْبَعْثِ
وَلَٰكِنَّكُمْ كُنتُمْ لَا تَعْلَمُونَ ﴿٥٦﴾
فَيَوْمَئِذٍ لَّا يَنفَعُ ٱلَّذِينَ ظَلَمُوا۟ مَعْذِرَتُهُمْ وَلَا هُمْ
يُسْتَعْتَبُونَ ﴿٥٧﴾
وَلَقَدْ ضَرَبْنَا لِلنَّاسِ فِى هَٰذَا ٱلْقُرْءَانِ مِن كُلِّ
مَثَلٍ ۚ وَلَئِن جِئْتَهُم بِـَٔايَةٍ لَّيَقُولَنَّ ٱلَّذِينَ كَفَرُوٓا۟
إِنْ أَنتُمْ إِلَّا مُبْطِلُونَ ﴿٥٨﴾
كَذَٰلِكَ يَطْبَعُ ٱللَّهُ عَلَىٰ قُلُوبِ ٱلَّذِينَ لَا يَعْلَمُونَ ﴿٥٩﴾
فَٱصْبِرْ إِنَّ وَعْدَ ٱللَّهِ حَقٌّ ۖ وَلَا يَسْتَخِفَّنَّكَ ٱلَّذِينَ لَا
يُوقِنُونَ ﴿٦٠﴾

"Dan pada hari berlakunya Qiamat orang-orang yang berdosa bersumpah bahawa mereka tidak tinggal di sana melainkan hanya satu sa'at sahaja. Demikianlah mereka dipesongkan (dari kebenaran)(55). Dan berkata orang-orang yang dikurniakan ilmu dan iman, demi sesungguhnya kamu telah tinggal (di sana) mengikut masa yang dicatat di dalam kitab Allah hingga sampai kepada hari kebangkitan, maka inilah dia hari kebangkitan itu akan tetapi kamu dahulu tidak mengetahui(56). Pada hari itu sebarang alasan tidak berguna lagi kepada orang-orang yang zalim dan mereka tidak juga perlu dicela(57). Dan sesungguhnya Kami telah membuat segala perbandingan di dalam Al-Qur'an ini kepada manusia, dan sesungguhnya jika kamu membawa kepada mereka sesuatu keterangan nescaya berkatalah orang-orang kafir: Kamu ini tiada lain melainkan hanya membuat dakwaan yang palsu(58). Demikianlah Allah menutup hati orang-orang yang tidak mengetahui(59). Oleh itu bersabarlah sesungguhnya janji Allah itu tetap benar dan janganlah engkau digugatkan orang-orang yang tidak yakin."(60).

(Latar belakang dan pokok pembicaraan)

Pusingan ini meneruskan pembicaraannya dalam bidangnya yang pokok iaitu bidang kejadian alam buana yang umum, yang mempunyai pertalian dengan kedudukan-kedudukan manusia dan peristiwa-peristiwa. Ia merupakan bidang di mana undang-undang kehidupan, undang-undang alam dan undang-undang agama yang lurus berlangsung dengan penuh keselarasan tanpa sebarang percanggahan dan perlanggaran.

Di dalam pusingan ini Al-Qur'an melukiskan gambaran perubahan hawa nafsu di hadapan undang-undang yang tetap teguh dan kelemahan 'aqidah syirik di hadapan kekuatan agama yang lurus. Ia menggambarkan jiwa manusia di sa'at-sa'at kesenangan dan kesusahan dan ketika kesempitan rezeki dan keluasannya. Jiwa manusia itu akan terus bergoncang dan terumbang-ambing di dalam penilaian dan tanggapan-tanggapannya selama ia tidak bersandar kepada neraca pertimbangan Allah yang selama-lamanya tidak pernah goyah dan bergoyang dan selama ia tidak kembali kepada perencanaan Allah yang melapang dan menyempitkan rezeki kepada siapa yang dikehendaki-Nya. Sesuai dengan pembicaraan rezeki, Al-Qur'an mengarahkan mereka ke jalan yang betul dan menonjolkan cara melaburkan harta dan menyuburkannya iaitu cara yang sesuai dengan agama yang lurus dan jalan yang menyampaikan kepada Allah. Dengan cara ini Al-Qur'an membawa mereka kepada mengenal Allah Tuhan yang mencipta, memberi rezeki, mematikan dan menghidupkan, sedangkan tuhan-tuhan sekutu yang disembah mereka selain dari Allah itu tidak berbuat suatu apa. Al-Qur'an juga mengingatkan mereka kepada kerosakan yang ditimbulkan oleh 'aqidah syirik di setiap tempat dan seterusnya mengarahkan Rasulullah s.a.w. dan kaum Muslimin supaya tetap teguh dan jujur di atas agama mereka yang lurus sebelum tibanya hari Qiamat, ketika itu tiada lagi berguna sebarang amalan dan usaha, kerana yang akan dihadapi mereka pada hari itu hanya hisab dan balasan terhadap amalan yang dilakukan mereka. Ketika memperkatakan tentang persoalan rezeki dari Allah, Al-Qur'an menarik pandangan mereka kepada berbagai-bagai bentuk rezeki, di antaranya ialah rezeki yang bergantung dengan kehidupan kebendaan mereka seperti air hujan yang turun dari langit yang menghidupkan bumi yang mati dan membuat kapal-kapal dapat belayar di atasnya. Di antaranya lagi ialah rezeki dalam bentuk keterangan ayat-ayat Al-Qur'an yang jelas yang diturunkan kepada Rasul untuk menghidupkan hati yang mati dan jiwa yang pupus, tetapi mereka tidak juga menerima hidayat dan tidak pula sudi mendengar. Al-Qur'an membawa mereka berkeliling dalam satu penjelajahan memerhatikan peringkat-peringkat perkembangan kejadian dan kehidupan mereka hingga pada akhirnya pulang kepada Allah yang mencipta mereka, dan pada hari itu segala alasan orang-orang yang zalim tidak lagi berguna kepadanya dan mereka tidak juga diberi kesempatan bertaubat.

Bahagian ini diakhiri dengan mendesak dan mengarah Rasulullah s.a.w supaya bersabar sehingga terlaksananya janji Allah yang benar dan pasti.

*****

(Pentafsiran ayat-ayat 33 - 37)

وَإِذَا مَسَّ ٱلنَّاسَ ضُرٌّ دَعَوْا۟ رَبَّهُم مُّنِيبِينَ إِلَيْهِ ثُمَّ إِذَآ
أَذَاقَهُم مِّنْهُ رَحْمَةً إِذَا فَرِيقٌ مِّنْهُم بِرَبِّهِمْ يُشْرِكُونَ ﴿٣٣﴾
لِيَكْفُرُوا۟ بِمَآ ءَاتَيْنَٰهُمْ ۚ فَتَمَتَّعُوا۟ فَسَوْفَ تَعْلَمُونَ ﴿٣٤﴾
أَمْ أَنزَلْنَا عَلَيْهِمْ سُلْطَٰنًا فَهُوَ يَتَكَلَّمُ بِمَا كَانُوا۟ بِهِۦ
يُشْرِكُونَ ﴿٣٥﴾
وَإِذَآ أَذَقْنَا ٱلنَّاسَ رَحْمَةً فَرِحُوا۟ بِهَا ۖ وَإِن تُصِبْهُمْ
سَيِّئَةٌۢ بِمَا قَدَّمَتْ أَيْدِيهِمْ إِذَا هُمْ يَقْنَطُونَ ﴿٣٦﴾
أَوَلَمْ يَرَوْا۟ أَنَّ ٱللَّهَ يَبْسُطُ ٱلرِّزْقَ لِمَن يَشَآءُ وَيَقْدِرُ ۚ إِنَّ
فِى ذَٰلِكَ لَءَايَٰتٍ لِّقَوْمٍ يُؤْمِنُونَ ﴿٣٧﴾

"Dan apabila manusia disentuh sesuatu bahaya mereka terus berdo'a kepada Tuhan mereka dan kembali bertaubat kepada-Nya, kemudian apabila Allah rasakan mereka dengan suatu rahmat dari-Nya tiba-tiba segolongan dari mereka mempersekutukan Tuhan mereka(33). Biarkanlah mereka ingkarkan ni'mat yang telah Kami kurniakan kepada mereka, dan biarkanlah mereka berfoya-foya di dalam keni'matan kerana kelak mereka akan mengetahui (akibatnya)(34). Apakah Kami pernah turunkan kepada mereka suatu hujah lalu hujah itu bercakap membenarkan perbuatan mereka yang mempersekutukan Allah?(35). Dan apabila Kami rasakan manusia dengan sesuatu rahmat mereka terus bergembira dan apabila mereka ditimpa kesusahan dengan sebab kesalahan yang dilakukan tangan mereka, tiba-tiba mereka berputus asa(36). Tidakkah mereka melihat bahawa Allahlah yang meluas dan menyempitkan rezeki kepada siapa yang dikehendaki-Nya. Sesungguhnya hal sedemikian merupakan bukti-bukti kekuasaan Allah kepada golongan orang-orang yang beriman."(37).

Jiwa Yang Tidak Berpijak Pada Nilai-nilai Dan Agama Yang Kukuh

Itulah gambaran jiwa manusia yang tidak berpegang dengan nilai-nilai yang kukuh dan tidak berjalan di atas jalan agama yang terang. Ia digambarkan terumbang-ambing di antara berbagai-bagai emosi yang mendadak, tanggapan-tanggapan yang mendadak dan sikap terburu-buru dan hanyut bersama peristiwa-peristiwa dan larian arus-arus. Ketika ditimpa kesusahan mereka terkenang kepada Tuhan mereka dan berlindung pada kuatkuasa-Nya kerana tiada siapa yang dapat melindunginya melainkan Allah dan mereka tidak akan selamat melainkan dengan kembali kepada-Nya. Tetapi apabila keadaan yang mendung dan kesusahan itu hilang dan mereka telah merasakan rahmat dari Allah **"Tiba-tiba segolongan dari mereka mempersekutui Tuhan mereka"**, itulah golongan manusia yang tidak berpegang dengan 'aqidah yang betul yang membimbing mereka ke jalan yang lurus. Kesenangan telah menghilangkan dari mereka perasaan susah yang memaksa mereka berlindung pada Allah dan telah membuat mereka lupa kepada penderitaan yang mengembalikan mereka kepada Allah. Kesenangan telah membawa mereka kepada mengingkari hidayat dan rahmat yang dikurniakan Allah kepada mereka bukannya membawa mereka kepada bersyukur dan bersikap jujur dan tetap teguh pulang kepada Allah.

Di sini Al-Qur'an mengancam golongan kaum Musyrikin yang menentang kerasulan Muhammad. Kepada merekalah ditujukan ayat berikut dan merekalah orang-orangnya yang dimaksudkan Al-Qur'an dengan golongan ini:

فَتَمَتَّعُوا۟ فَسَوْفَ تَعْلَمُونَ ﴿٣٤﴾

"Biarkanlah mereka berfoya-foya di dalam keni'matan, kerana kelak mereka akan mengetahui (akibatnya)."(34)

Ini adalah satu amaran yang halus yang amat menakutkan. Amaran dari seorang pemerintah atau seorang ketua boleh membuat seseorang itu takut dan gentar bagaimana pula jika amaran itu datang dari Allah yang menciptakan alam buana yang amat besar ini yang dijadikannya dengan hanya mengucapkan sepatah kata "Kun! (Jadilah!)".

فَتَمَتَّعُوا۟ فَسَوْفَ تَعْلَمُونَ ﴿٣٤﴾

"Biarlah mereka berfoya-foya di dalam keni'matan, kerana kelak mereka akan mengetahui (akibatnya)(34).

Selepas memberi amaran yang menakutkan ini ayat yang berikut kembali bertanya dengan tujuan menyangkalkan adanya sesuatu hujah yang dipegang mereka dalam 'aqidah syirik yang mereka jadikannya sebagai balasan terhadap ni'mat dan rahmat Allah, juga mengecam kekufuran mereka:

أَمْ أَنزَلْنَا عَلَيْهِمْ سُلْطَٰنًا فَهُوَ يَتَكَلَّمُ بِمَا كَانُوا۟ بِهِۦ
يُشْرِكُونَ ﴿٣٥﴾

"Apakah Kami pernah turunkan kepada mereka suatu hujah lalu hujah itu bercakap membenarkan perbuatan mereka yang mempersekutukan Allah?"(35)

Kepercayaan Syirik Tidak Berlandaskan Hujah Dan Dalil

Memang tidak seharusnya bagi seseorang menerima sesuatu mengenai 'aqidahnya melainkan dari Allah. Oleh itu apakah Allah pernah menurunkan kepada mereka sesuatu hujah yang mempunyai kuatkuasa yang menyaksikan kebenaran 'aqidah syirik yang dipegang mereka? Pertanyaan ini merupakan satu pertanyaan mengejek yang mendedahkan betapa goyahnya kepercayaan syirik yang tidak bersandarkan kepada suatu hujah dan dalil. Di samping itu dari segi

yang lain ia juga merupakan satu pertanyaan untuk menegakkan hakikat, iaitu tidak dinamakan 'aqidah yang benar melainkan 'aqidah yang diturunkan dari sisi Allah dan melainkan 'aqidah yang mempunyai hujah dan dalil dari Allah. Jika tidak, maka 'aqidah itu adalah satu 'aqidah yang karut dan lemah.

Kemudian ayat yang berikut membentangkan satu gambaran lagi dari gambaran-gambaran jiwa manusia yang terlalu gembira dan bangga apabila mendapat rahmat Allah dan berputus asa apabila terlalu susah dan putus harapan dari mendapat rahmat Allah:

وَإِذَآ أَذَقۡنَا ٱلنَّاسَ رَحۡمَةٗ فَرِحُواْ بِهَاۖ وَإِن تُصِبۡهُمۡ
سَيِّئَةُۢ بِمَا قَدَّمَتۡ أَيۡدِيهِمۡ إِذَا هُمۡ يَقۡنَطُونَ ٣٦

"Dan apabila Kami rasakan manusia dengan sesuatu rahmat mereka terus bergembira dan apabila mereka ditimpa kesusahan dengan sebab kesalahan yang dilakukan tangan mereka, tiba-tiba mereka berputus asa."(36)

Kesenangan Dan Kesusahan Berfungsi Sebagai Batu Uji Ilahi

Ini juga satu gambaran jiwa yang tidak terikat dengan satu garis pedoman yang tetap untuk dirujukkan segala urusannya di dalam segala keadaan dan tidak mempunyai neraca yang halus, yang tidak terumbang-ambing dilanda perubahan-perubahan. Manusia yang dimaksudkan di sini ialah orang-orang yang tidak terikat dengan garis pedoman itu dan tidak menggunakan neraca itu. Mereka terlalu gembira bila mendapat rahmat hingga mereka lupakan sumbernya dan hikmatnya. Mereka lupa daratan berfoya-foya dalam keni'matan. Mereka tidak bersyukur kepada Allah yang mengurniakan ni'mat itu dan mereka tidak sedar bahawa di sebalik ni'mat itu ada ujian dan dugaan. Sehingga apabila tiba kehendak Allah membalaskan perbuatan mereka dengan sesuatu kesusahan yang dirasakan mereka, mereka juga tidak dapat melihat hikmat Allah yang menguji mereka dengan kesusahan itu. Mereka hilang segala harapan untuk mendapat rahmat Allah yang menghapuskan kesusahan itu. Mereka berputus asa dari mendapat pertolongan Allah menyelamatkan mereka dari kesusahan itu. Itulah sifat hati manusia yang terputus dari Allah, yang tidak memahami undang-undang-Nya dan tidak mengenali hikmat-Nya. Merekalah manusia yang tidak tahu. Mereka hanya tahu kulit luar dari kehidupan dunia sahaja.

Kemudian Al-Qur'an iringi pula dengan satu pertanyaan mengecam dan menyatakan kehairanan terhadap sikap mereka yang aneh, pandangan mereka yang pendek dan mata hati mereka yang buta. Keadaan yang wujud di dalam kesenangan dan kesusahan adalah mengikut undang-undang Allah yang tetap dan terpulang kepada kehendak masyi'ah Allah S.W.T. Dialah yang mengurniakan rahmat. Dialah yang menguji manusia dengan kesusahan dan Dialah yang melapang dan menyempitkan rezeki mengikut undang-undang-Nya dan hikmat kebijaksanaan-Nya. Inilah yang berlaku di setiap waktu, tetapi mereka tidak nampak:

أَوَلَمۡ يَرَوۡاْ أَنَّ ٱللَّهَ يَبۡسُطُ ٱلرِّزۡقَ لِمَن يَشَآءُ وَيَقۡدِرُۚ

"Tidakkah mereka melihat bahawa Allahlah yang meluas dan menyempitkan rezeki kepada siapa yang dikehendaki-Nya."(37)

Oleh itu tidak ada sebab untuk bergembira hingga ke darjat angkuh dan lupa daratan ketika mendapat rezek yang luas dan tidak ada sebab untuk bersusah hati hingga ke darjat putus asa ketika rezeki dihimpit kesempitan. Senang dan susah merupakan keadaan-keadaan hidup yang bertukar ganti dialami manusia mengikut hikmat pentadbiran Allah. Ia juga memberi makna kepada hati orang yang beriman bahawa teraju segala urusan itu adalah dipegang oleh Allah dan bahawa undang-undang dan peraturan Allah tetap berlangsung dengan teratur tanpa berubah walaupun keadaan-keadaan berubah:

إِنَّ فِي ذَٰلِكَ لَأٓيَٰتٖ لِّقَوۡمٖ يُؤۡمِنُونَ ٣٧

"Sesungguhnya hal sedemikian merupakan bukti-bukti kekuasaan Allah kepada golongan orang-orang yang beriman."(37)

******

(Pentafsiran ayat-ayat 38 - 39)

Jika Allah yang melapang dan menyempitkan rezeki, maka Dialah juga yang memberi dan menahankan rezeki itu mengikut sebagaimana kehendak-Nya dan Dialah juga yang menerangkan kepada manusia jalan dan cara untuk menambah dan mendapat keuntungan dari harta-harta mereka bukan mengikut jalan dan cara yang difikirkan mereka, malah mengikut jalan yang ditunjukkan Allah:

ٱللَّهُ ٱلَّذِي يُرۡسِلُ ٱلرِّيَٰحَ فَتُثِيرُ سَحَابٗا فَيَبۡسُطُهُۥ فِي
ٱلسَّمَآءِ كَيۡفَ يَشَآءُ وَيَجۡعَلُهُۥ كِسَفٗا فَتَرَى ٱلۡوَدۡقَ يَخۡرُجُ
مِنۡ خِلَٰلِهِۦۖ فَإِذَآ أَصَابَ بِهِۦ مَن يَشَآءُ مِنۡ عِبَادِهِۦٓ
إِذَا هُمۡ يَسۡتَبۡشِرُونَ ٤٨
وَإِن كَانُواْ مِن قَبۡلِ أَن يُنَزَّلَ عَلَيۡهِم مِّن قَبۡلِهِۦ
لَمُبۡلِسِينَ ٤٩

"Berikanlah kepada kerabat yang terdekat, fakir miskin dan orang yang terlantar dalam perjalanan haknya masing-masing. Pemberian sedemikian lebih baik kepada orang-orang yang mencari keredhaan Allah. Merekalah orang-orang yang beruntung(38). Mana-mana pemberian yang bertujuan supaya ia bertambah pulangannya pada harta manusia, maka ia tidak bertambah di sisi Allah dan mana-mana pemberian zakat yang bertujuan mendapatkan

keredhaan Allah semata-mata, maka merekalah yang akan mendapat pahala yang berlipat ganda."(39)

Dasar Harta Kekayaan Adalah Harta Allah

Selama harta kekayaan itu harta Allah yang dikurniakan sebagai rezeki kepada setengah-setengah hamba-Nya, maka Allah yang menjadi tuanpunya perdana harta kekayaan itu telah menetapkan agar sebahagian dari harta kekayaan itu diberikan kepada beberapa kumpulan hamba-Nya oleh orang yang memiliki harta kekayaan itu. Oleh sebab itulah bahagian ini dinamakan sebagai hak mereka. Di antara mereka yang disebut di dalam ayat ini ialah **"Kerabat yang terdekat, fakir miskin dan orang yang terlantar di dalam perjalanan."** Pada masa ini fardhu zakat dan kumpulan orang-orang yang berhak menerima zakat itu belum lagi ditentukan, tetapi dasarnya telah ditetapkan iaitu harta kekayaan itu ialah harta Allah kerana Dialah yang mengurniakannya sebagai rezeki, dan golongan-golongan yang memerlukan bantuan berhak menerima bahagiannya mengikut sebagaimana yang ditetapkan Allah sebagai tuanpunya haqiqi harta itu yang disampaikan kepada mereka melalui pemilik harta itu. Itulah asas pandangan Islam mengenai harta kekayaan dan kepada dasar inilah dikembalikan segala perincian-perincian masalah harta di dalam teori ekonomi Islam. Selama harta kekayaan itu harta Allah, maka harta kekayaan itu pastilah tunduk kepada peraturan-peraturan yang telah ditetapkan Allah dengan sifat-Nya sebagai tuanpunya perdana harta itu sama ada peraturan mengenai cara memilik harta itu atau cara melaburnya atau cara membelanjakannya. Si pemilik harta itu tidak mempunyai kebebasan untuk bertindak sesuka hatinya.

Di dalam ayat ini Al-Qur'an mengarah pemilik-pemilik harta kekayaan yang telah dipilih Allah sebagai pemegang amanah Allah itu kepada sebaik-baik cara untuk menyuburkan harta kekayaan dan mendapat keuntungan iaitu dengan memberikan sebahagian dari harta kekayaan itu kepada kerabat-kerabat yang terdekat, fakir miskin dan orang yang terlantar di dalam perjalanan dan infaq ke jalan Allah secara umumnya:

ذَٰلِكَ خَيۡرٞ لِّلَّذِينَ يُرِيدُونَ وَجۡهَ ٱللَّهِۖ وَأُوْلَٰٓئِكَ هُمُ
ٱلۡمُفۡلِحُونَ ٣٨

"Pemberian sedemikian lebih baik kepada orang-orang yang mencari keredhaan Allah. Merekalah orang-orang yang beruntung."(38)

Setengah dari mereka juga menambahkan harta mereka dengan jalan memberi hadiah-hadiah kepada orang-orang yang kaya dengan tujuan mendapat balasan hadiah yang berlipat ganda dari mereka, lalu ayat yang berikut menjelaskan kepada mereka bahawa cara yang seperti itu bukanlah cara pelaburan harta yang haqiqi:

وَمَآ ءَاتَيۡتُم مِّن رِّبٗا لِّيَرۡبُوَاْ فِيٓ أَمۡوَٰلِ ٱلنَّاسِ فَلَا يَرۡبُواْ
عِندَ ٱللَّهِۖ

"Mana-mana pemberian yang bertujuan supaya ia bertambah pulangannya pada harta manusia, maka ia tidak bertambah di sisi Allah."(39)

Inilah keterangan yang disebut oleh riwayat-riwayat mengenai maksud ayat ini walaupun nas ayat ini umum iaitu mencakupi segala cara yang digunakan oleh mereka untuk menambah harta mereka melalui cara-cara riba walaupun dalam apa bentuk sekalipun[3] dan serentak dengan itu juga Al-Qur'an menerangkan cara pelaburan atau penyuburan harta yang haqiqi:

Pelaburan Harta Yang Sebenar

وَمَآ ءَاتَيۡتُم مِّن زَكَوٰةٖ تُرِيدُونَ وَجۡهَ ٱللَّهِ فَأُوْلَٰٓئِكَ
هُمُ ٱلۡمُضۡعِفُونَ ٣٩

"Dan mana-mana pemberian zakat yang bertujuan mendapatkan keredhaan Allah semata-mata, maka merekalah yang akan mendapat pahala yang berlipat ganda."(39)

Inilah cara yang terjamin untuk melipatgandakan harta, iaitu memberi tanpa tukaran dan tanpa menunggu balasan dari manusia, malah memberi dengan tujuan mendapat keredhaan Allah semata-mata kerana bukankah Allah yang meluas dan menyempitkan rezeki? Bukankah Dia yang memberi dan menahan rezeki itu? Jika demikian, maka Dialah juga yang memberi balasan yang berlipatganda kepada orang-orang yang membelanjakan harta mereka kerana mencari keredhaan-Nya, dan Dialah yang mengurangkan harta orang-orang yang menyuburkan harta mereka dengan cara mendapat balasan yang lebih dari orang lain dengan tujuan mendapat keredhaan manusia. Itulah balasan di dunia, sedangkan balasan di Akhirat pula lebih berganda-ganda lagi. Itulah perniagaan yang menguntungkan di dunia dan Akhirat.

******

(Pentafsiran ayat-ayat 40 - 42)

Dari sudut rezeki dan usaha mencari makan, ayat-ayat yang berikut memperkatakan pula persoalan syirik dan kesan-kesannya di dalam kehidupan mereka dan manusia-manusia sebelum mereka dan menayangkan nasib kesudahan kaum Musyrikin sebelum mereka dan akibat-akibat kebinasaan yang menimpa mereka sebagaimana disaksikan oleh kesan-kesan peninggalan mereka:

ٱللَّهُ ٱلَّذِي خَلَقَكُمۡ ثُمَّ رَزَقَكُمۡ ثُمَّ يُمِيتُكُمۡ ثُمَّ يُحۡيِيكُمۡۖ

---

3 *Tetapi cara ini tidak haram seperti haramnya cara riba yang terkenal itu, namun demikian ia bukanlah cara pelaburan harta yang bersih dan mulia.*

هَلْ مِن شُرَكَآئِكُم مَّن يَفْعَلُ مِن ذَٰلِكُم مِّن شَىْءٍ ۚ
سُبْحَٰنَهُۥ وَتَعَٰلَىٰ عَمَّا يُشْرِكُونَ ﴿٤٠﴾
ظَهَرَ ٱلْفَسَادُ فِى ٱلْبَرِّ وَٱلْبَحْرِ بِمَا كَسَبَتْ أَيْدِى
ٱلنَّاسِ لِيُذِيقَهُم بَعْضَ ٱلَّذِى عَمِلُوا۟ لَعَلَّهُمْ يَرْجِعُونَ ﴿٤١﴾
قُلْ سِيرُوا۟ فِى ٱلْأَرْضِ فَٱنظُرُوا۟ كَيْفَ كَانَ عَٰقِبَةُ ٱلَّذِينَ
مِن قَبْلُ ۚ كَانَ أَكْثَرُهُم مُّشْرِكِينَ ﴿٤٢﴾

"Allah yang menciptakan kamu kemudian mengurniakan rezeki kepada kamu. Kemudian Dialah yang mematikan kamu kemudian Dialah yang menghidupkan kamu (kembali). Apakah di antara sekutu-sekutu yang disembah kamu ada yang berkuasa membuat sesuatu dari urusan itu? Maha Suci dan Maha Tinggilah Allah, dari segala sekutu yang dipersekutukan mereka(40). Kerosakan telah berlaku di darat dan di laut disebabkan perbuatan yang dilakukan tangan manusia kerana Allah mahu mereka merasakan setengah-setengah akibat dari perbuatan yang dilakukan mereka supaya mereka kembali (ke jalan yang benar)(41). Katakanlah: Jelajahilah di bumi dan lihatlah bagaimana akibat yang telah menimpa orang-orang yang dahulu. Kebanyakan dari mereka adalah golongan Musyrikin."(42)

Isu Kuasa Mencipta, Memberi Rezeki, Menghidup Dan Mematí

Al-Qur'an menghadapi mereka dengan kenyataan-kenyataan hidup mereka sendiri yang tidak dapat disangkal mereka, iaitu Allah Yang Maha Esa sahaja yang menciptakan mereka dan mereka tidak berupaya mendakwa bahawa tuhan-tuhan yang disembah mereka juga turut serta dalam penciptaan itu. Ia mencabar mereka bahawa Allah yang menciptakan mereka dan Dialah yang memberi rezeki kepada mereka. Dialah yang mematí dan menghidupkan mereka. Mereka memang mengakui tentang kuasa penciptaan Allah, dan tentang rezeki pula mereka tidak berupaya mendakwa bahawa tuhan-tuhan sembahan mereka juga memberi sesuatu rezeki kepada mereka. Tentang urusan pematian mereka tidak mempunyai hujah yang lain dari apa yang diterangkan oleh Al-Qur'an. Cuma yang tinggal dan meragui mereka ialah persoalan menghidupkan mereka semula selepas mati, tetapi di dalam ayat ini Al-Qur'an memasukkan persoalan ini ke dalam perkara-perkara yang diterima mereka dengan tujuan untuk menanamkan hakikat itu ke dalam hati mereka dengan cara yang unik ini, iaitu cara berbicara dengan fitrah mereka di sebalik penyelewengan yang menimpa mereka kerana fitrah mereka tidak berupaya mengingkarkan hakikat kebangkitan selepas mati.

Kemudian Al-Qur'an menyoal mereka:

هَلْ مِن شُرَكَآئِكُم مَّن يَفْعَلُ مِن ذَٰلِكُم مِّن شَىْءٍ ۚ

"Apakah di antara sekutu-sekutu yang disembah kamu ada yang berkuasa membuat sesuatu dari urusan?"(40)

Al-Qur'an tidak menunggu jawapan dari mereka kerana pertanyaan ini merupakan pertanyaan sangkalan dalam bentuk kecaman yang tidak memerlukan jawapan, malah Al-Qur'an hanya iringi dengan kenyataan mentanzihkan Allah, **"Maha Suci dan Maha Tinggilah Allah dari segala sekutu yang dipersekutukan mereka."**

Kemudian ayat yang berikut mendedahkan hubungan keadaan-keadaan hidup dan peraturan-peraturannya dengan tindak-tanduk manusia dan usaha-usaha mereka. Begitu juga kerosakan hati, 'aqidah dan amalan-amalan mereka menimbulkan kerosakan di bumi, di mana daratan dan lautan dipenuhi kerosakan yang menguasai keadaan dan kedudukannya:

ظَهَرَ ٱلْفَسَادُ فِى ٱلْبَرِّ وَٱلْبَحْرِ بِمَا كَسَبَتْ أَيْدِى ٱلنَّاسِ

"Kerosakan telah berlaku di darat dan di laut disebabkan perbuatan yang dilakukan tangan manusia."(41)

Kerosakan-kerosakan yang berlaku di darat itu bukannya berlaku begitu sahaja atau berlaku secara kebetulan, malah ia berlaku mengikut pentadbiran dan undang-undang Allah iaitu:

لِيُذِيقَهُم بَعْضَ ٱلَّذِى عَمِلُوا۟ لَعَلَّهُمْ يَرْجِعُونَ ﴿٤١﴾

"Kerana Allah mahu mereka merasakan setengah-setengah akibat dari perbuatan yang dilakukan mereka."(41)

Iaitu perbuatan-perbuatan mereka yang jahat dan merosakkan itu, di mana mereka merasa terseksa dan pedih menerima akibatnya **"Supaya mereka kembali (ke jalan yang benar)."** Yakni supaya mereka berazam menentang kerosakan itu dan kembali kepada Allah, kepada amalan yang soleh dan ke jalan yang lurus.

Pada akhir pusingan ini ayat yang berikut mengingatkan mereka supaya jangan terkena akibat yang telah menimpa kaum Musyrikin sebelum mereka. Sebilangan besar dari mereka telah melihat kesan-kesan kebinasaan mereka ketika mereka berjalan ke negeri-negeri itu dan melalui di tempat-tempat kesan peninggalan mereka di tengah jalan:

قُلْ سِيرُوا۟ فِى ٱلْأَرْضِ فَٱنظُرُوا۟ كَيْفَ كَانَ عَٰقِبَةُ ٱلَّذِينَ
مِن قَبْلُ ۚ كَانَ أَكْثَرُهُم مُّشْرِكِينَ ﴿٤٢﴾

"Katakanlah: Jelajahilah di bumi dan lihatlah bagaimana akibat yang telah menimpa orang-orang yang dahulu. Kebanyakan dari mereka adalah golongan Musyrikin."(42)

Akibat yang telah menimpa mereka ialah akibat yang telah disaksikan mereka semasa menjelajah di bumi iaitu akibat yang sama sekali tidak menggalakkan seseorang untuk mengikut jejak mereka.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 43 - 45)

Penentuan Jalan Hidup Yang Lurus Dan akibatnya

Setelah sampai di bahagian ini, ayat-ayat berikut menunjukkan ke jalan yang lain yang tidak akan menyesatkan orang-orang yang mengikutinya dan menunjukkan ke satu ufuk yang baru yang tidak akan mengecewakan orang-orang yang menuju kepadanya:

فَأَقِمۡ وَجۡهَكَ لِلدِّينِ ٱلۡقَيِّمِ مِن قَبۡلِ أَن يَأۡتِيَ يَوۡمٞ لَّا مَرَدَّ لَهُۥ مِنَ ٱللَّهِۖ يَوۡمَئِذٖ يَصَّدَّعُونَ ٤٣
مَن كَفَرَ فَعَلَيۡهِ كُفۡرُهُۥۖ وَمَنۡ عَمِلَ صَٰلِحٗا فَلِأَنفُسِهِمۡ يَمۡهَدُونَ ٤٤
لِيَجۡزِيَ ٱلَّذِينَ ءَامَنُواْ وَعَمِلُواْ ٱلصَّٰلِحَٰتِ مِن فَضۡلِهِۦٓۚ إِنَّهُۥ لَا يُحِبُّ ٱلۡكَٰفِرِينَ ٤٥

"Oleh kerana itu hadapkan mukamu kepada agama yang lurus sebelum datangnya dari Allah suatu hari yang tiada siapa pun dapat menolak kedatangannya, dan pada hari itu mereka akan berpecah-belah(43). Barang siapa yang kafir, maka dialah yang menanggung akibat kekafirannya, dan barang siapa yang mengerjakan amalan yang soleh bererti mereka menyediakan (tempat kediaman yang baik) untuk diri mereka(44). Kerana Allah mahu memberikan balasan dari limpah kurnia-Nya kepada orang-orang yang beriman dan mengerjakan amalan yang soleh. Sesungguhnya Dia tidak sukakan orang-orang yang kafir."(45)

Gambaran yang mengungkapkan penghalaan menuju kepada agama yang lurus adalah satu gambaran yang amat menarik yang membayangkan kesungguhan dan kejujuran sikap menuju kepada agama itu:

فَأَقِمۡ وَجۡهَكَ لِلدِّينِ ٱلۡقَيِّمِ

"Oleh kerana itu hadapkan mukamu kepada agama yang lurus."(43)

Dalam ungkapan ini tergambar sikap keperihatinan yang berat, minat yang penuh, kerinduan dan keinginan mencari jalan yang luhur, ufuk yang tinggi dan arah tuju yang betul.

Arahan ini telah disebut bagi pertama kalinya di dalam surah ini ketika membiacarakan tentang berbagai-bagai ragam keinginan nafsu dan berbagai-bagai kumpulan manusia. Kemudian arahan ini disebutkan sekali lagi di sini ketika membicarakan tentang tuhan-tuhan sekutu, tentang rezeki dan cara melaburkannya, tentang kerosakan yang timbul dari kepercayaan syirik dan akibatnya yang dialami manusia di dunia ini, juga tentang akibat kemusnahan yang telah menimpa kaum Musyrikin di muka bumi.

Sesuai dengan menyebut arahan ini di tempat ini, Al-Qur'an menerangkan pula balasan Akhirat dan habuan yang akan diterima oleh orang-orang yang beriman dan orang-orang yang kafir sambil mengingatkan mereka tentang kedatangan hari Qiamat yang tiada kuasa dapat menolakkannya melainkan Allah. Pada hari itu manusia akan berpecah kepada dua golongan:

مَن كَفَرَ فَعَلَيۡهِ كُفۡرُهُۥۖ وَمَنۡ عَمِلَ صَٰلِحٗا فَلِأَنفُسِهِمۡ يَمۡهَدُونَ ٤٤

"Barang siapa yang kafir, maka Dialah yang menanggung akibat kekafirannya dan barang siapa yang mengerjakan amalan yang soleh bererti mereka menyediakan (tempat kediaman yang baik) untuk diri mereka."(44)

Kata-kata "menyediakan" bererti menyediakan tempat tinggal untuk berehat dan menetapkan jalan yang baik atau tempat tidur yang rehat. Semuanya itu merupakan bayangan-bayangan yang terkumpul dan selaras untuk menggambarkan tabi'at amalan yang soleh dan tugas-tugasnya, kerana orang yang mengerjakan amalan yang soleh bererti dia menyediakan untuk dirinya punca-punca kerehatan semasa berada di dunia ini lagi iaitu ketika amalan yang soleh masih dapat dikerjakan olehnya bukannya selepas meninggal hidup dunia. Inilah bayangan yang dapat difahamkan dari ungkapan ini. Ini ialah **"kerana Allah mahu memberikan balasan dari limpah kurnia-Nya kepada orang-orang yang beriman dan mengerjakan amalan yang soleh".** Maksud dari memberi balasan dari limpah kurnia-Nya ialah seseorang manusia itu tidak berhak memasuki Syurga dengan amalannya sahaja (malah dia masuk dengan limpah kurnia Allah), kerana seseorang manusia tidak terdaya untuk mensyukuri sebahagian ni'mat Allah walaupun sebanyak mana dia mengerjakan amalan yang soleh. Oleh itu pemberian Syurga itu merupakan limpah kurnia dan kasih sayang Allah kepada orang-orang yang beriman dan kebencian Allah terhadap orang-orang yang kafir **"sesungguhnya Dia tidak sukakan orang-orang yang kafir."**

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 46 - 51)

Selepas itu ayat-ayat yang berikut membawa mereka meninjau sebahagian dari bukti-bukti kekuasaan Allah, iaitu bukti-bukti yang mengandungi limpah kurnia Allah dan rahmat-Nya yang terdapat di dalam rezeki dan hidayat yang diturunkan kepada mereka. Tetapi mereka akui setengahnya sahaja dan mengingkari setengah yang lain, kemudian mereka tidak bersyukur dan tidak pula menerima hidayat.

Limpah Kurnia Allah Yang Global

وَمِنۡ ءَايَٰتِهِۦٓ أَن يُرۡسِلَ ٱلرِّيَاحَ مُبَشِّرَٰتٖ وَلِيُذِيقَكُم مِّن

رَحْمَتِهِۦ وَلِتَجْرِيَ ٱلْفُلْكُ بِأَمْرِهِۦ وَلِتَبْتَغُوا۟ مِن فَضْلِهِۦ
وَلَعَلَّكُمْ تَشْكُرُونَ ﴿٤٦﴾
وَلَقَدْ أَرْسَلْنَا مِن قَبْلِكَ رُسُلًا إِلَىٰ قَوْمِهِمْ فَجَآءُوهُم
بِٱلْبَيِّنَٰتِ فَٱنتَقَمْنَا مِنَ ٱلَّذِينَ أَجْرَمُوا۟ ۖ وَكَانَ حَقًّا
عَلَيْنَا نَصْرُ ٱلْمُؤْمِنِينَ ﴿٤٧﴾
ٱللَّهُ ٱلَّذِى يُرْسِلُ ٱلرِّيَٰحَ فَتُثِيرُ سَحَابًا فَيَبْسُطُهُۥ فِى
ٱلسَّمَآءِ كَيْفَ يَشَآءُ وَيَجْعَلُهُۥ كِسَفًا فَتَرَى ٱلْوَدْقَ يَخْرُجُ
مِنْ خِلَٰلِهِۦ ۖ فَإِذَآ أَصَابَ بِهِۦ مَن يَشَآءُ مِنْ عِبَادِهِۦٓ
إِذَا هُمْ يَسْتَبْشِرُونَ ﴿٤٨﴾
وَإِن كَانُوا۟ مِن قَبْلِ أَن يُنَزَّلَ عَلَيْهِم مِّن قَبْلِهِۦ
لَمُبْلِسِينَ ﴿٤٩﴾
فَٱنظُرْ إِلَىٰٓ ءَاثَٰرِ رَحْمَتِ ٱللَّهِ كَيْفَ يُحْىِ ٱلْأَرْضَ بَعْدَ
مَوْتِهَآ ۚ إِنَّ ذَٰلِكَ لَمُحْىِ ٱلْمَوْتَىٰ ۖ وَهُوَ عَلَىٰ كُلِّ
شَىْءٍ قَدِيرٌ ﴿٥٠﴾
وَلَئِنْ أَرْسَلْنَا رِيحًا فَرَأَوْهُ مُصْفَرًّا لَّظَلُّوا۟ مِنۢ بَعْدِهِۦ
يَكْفُرُونَ ﴿٥١﴾

"Dan di antara bukti-bukti kekuasaan-Nya Dia melepaskan angin sebagai pembawa berita gembira dan kerana Dia hendak merasakan kamu sebahagian dari rahmat-Nya dan supaya kapal-kapal dapat belayar dengan perintah-Nya dan supaya kamu dapat mencari rezeki dari limpah kurnia-Nya dan supaya kamu bersyukur(46). Dan sesungguhnya Kami telah utuskan sebelum kamu rasul-rasul kepada kaum mereka masing-masing. Mereka datang kepada mereka membawa keterangan-keterangan yang jelas lalu Kami timpakan balasan Kami ke atas orang-orang yang berdosa dari mereka, dan adalah menjadi kewajipan Kami menolong orang-orang yang beriman(47). Allah yang melepaskan angin lalu ia menggerakkan awan dan menyebarkannya di langit mengikut bagaimana yang dikehendakinya dan Dia jadikan awan itu bertompok-tompok lalu engkau dapat melihat air keluar dari celah-celahnya. Oleh itu apabila hujan itu turun mengenai hamba-hamba-Nya yang dikehendaki-Nya, maka tiba-tiba mereka bergembira(48). Walaupun mereka sebelum diturunkan hujan ke atas mereka benar-benar berputus asa(49). Oleh itu lihatlah kesan-kesan rahmat Allah bagaimana Dia menghidupkan bumi selepas matinya. Sesungguhnya yang berkuasa berbuat sedemikian adalah berkuasa pula menghidupkan orang-orang yang telah mati, dan dia Maha Kuasa di atas segala sesuatu(50). Dan sesungguhnya jika Kami lepaskan angin lalu mereka melihatnya berwarna kuning nescaya mereka tetap kufur selepas itu."(51)

Ayat-ayat ini mengumpulkan bukti-bukti kekuasaan Allah yang melepaskan angin sebagai pembawa berita gembira, menghantarkan rasul-rasul sebagai pembawa keterangan-keterangan yang jelas dan membantu orang-orang yang beriman dengan para rasul, menurunkan hujan yang menghidupkan bumi yang mati dan menghidupkan kembali manusia yang telah mati. Pengumpulan ini mempunyai tujuannya, iaitu seluruhnya adalah dari rahmat Allah, seluruhnya adalah mengikut Sunnatullah. Di antara peraturan alam buana dengan pengiriman para rasul membawa hidayat dan membantu orang-orang yang beriman mempunyai pertalian yang erat. Semuanya merupakan bukti-bukti kekuasaan Allah dan semuanya merupakan ni'mat dan rahmat Allah yang mempunyai hubungan dengan hidup mereka dan semuanya mempunyai pertalian dengan peraturan alam yang semulajadi.

"Di antara bukti-bukti kekuasaan-Nya Dia melepaskan angin sebagai pembawa berita gembira" iaitu menyampaikan berita kedatangan hujan yang menyenangkan hati. Mereka mengetahui angin yang membawa hujan dari pengalaman mereka dan mereka bergembira dengannya. Ini ialah **"Kerana Dia hendak merasakan kamu sebahagian dari rahmat-Nya"** iaitu kesuburan bumi dan tumbuh-tumbuhan sebagai kesan dari air hujan yang menjadi berita gembira itu, **"Dan supaya kapal-kapal dapat belayar dengan perintah-Nya"** iaitu sama ada dengan tolakan angin atau dengan pengwujudan sungai-sungai dari air hujan yang membolehkan kapal-kapal belayar. Walaupun demikian kapal-kapal itu adalah belayar dengan perintah Allah dan mengikut undang-undang-Nya yang menciptakan alam di atas landasannya di samping mengikut perencanaan Allah yang telah menentukan segala sesuatu dengan ciri-ciri dan fungsi-fungsinya masing-masing, dan perencanaan inilah yang membuat kapal-kapal itu menjadi ringan di permukaan air dan dapat belayar, di samping membuat kapal-kapal ditolak angin hingga dapat belayar menurut arus atau melawan arus. Segala-galanya ditentukan Allah dengan perencanaan yang rapi. **"Supaya kamu dapat mencari rezeki dari limpah kurnia-Nya"** iaitu melalui pelayaran, perniagaan, tanaman dan penuaian, kegiatan mengambil dan memberi. Semuanya itu adalah dari limpah kurnia Allah yang telah menciptakan segala sesuatu dengan penentuan-penentuan yang amat rapi, dan **"Supaya kamu bersyukur"** terhadap segala ni'mat Allah itu. Ayat ini merupakan arahan supaya manusia membalas dengan kesyukuran terhadap ni'mat Allah Yang Maha Pemurah.

Sama dengan penghantaran angin yang membawa berita gembira ialah penghantaran para rasul yang membawa keterangan-keterangan yang jelas:

وَلَقَدْ أَرْسَلْنَا مِن قَبْلِكَ رُسُلًا إِلَىٰ قَوْمِهِمْ فَجَاءُوهُم بِالْبَيِّنَاتِ

"Dan sesunggahnya Kami telah utuskan sebelum kamu rasul-rasul kepada kaum mereka masing-masing. Mereka datang kepada mereka membawa keterangan-keterangan yang jelas."(47)

Sambutan Manusia Terhadap Para Rasul

Tetapi manusia tidak menyambut rahmat Allah yang paling besar ini sama seperti mereka menyambut angin-angin yang membawa hujan. Mereka tidak mengambil manfa'at dari rahmat yang paling berguna dan paling kekal ini sama seperti mereka mengambil manfa'at dari air hujan. Mereka menghadapi para rasul dengan dua kumpulan: Satu kumpulan pendosa yang tidak beriman dan tidak berfikir dengan mendalam. Mereka tidak berhenti-henti menyakiti para rasul dan menghalangkan manusia dari jalan Allah. Satu kumpulan lagi ialah kumpulan para Mu'minin yang memahami ayat-ayat Allah dan bersyukur di atas limpah rahmat-Nya, mereka percaya kepada janji-Nya dan sabar menerima penindasan-penindasan dari kumpulan manusia yang berdosa. Kemudian Allah menentukan akibat dan balasan yang sesuai dengan keadilan-Nya dan dengan janji-Nya yang teguh:

فَانتَقَمْنَا مِنَ الَّذِينَ أَجْرَمُوا ۖ وَكَانَ حَقًّا عَلَيْنَا نَصْرُ الْمُؤْمِنِينَ ﴿٤٧﴾

"Lalu Kami timpakan balasan Kami ke atas orang-orang yang berdosa dari mereka dan adalah menjadi kewajipan Kami menolong orang-orang yang beriman."(47)

Allah Mewajibkan Diri-Nya Menolong Para Mu'minin

Maha Sucilah Allah yang telah mewajibkan ke atas diri-Nya membantu orang-orang yang beriman dan menjadikan bantuan itu sebagai kewajipan-Nya di samping merupakan limpah kurnia dan kemurahan dari-Nya. Allah telah memberi penegasan ini kepada mereka dengan kata-kata yang tegas, yang tidak mengandungi sebarang keraguan lagi, iaitu penegasan yang sesuai dengan Allah Yang Maha Kuat, Maha Perkasa, Maha Gagah, Maha Agung yang menguasai seluruh hamba-Nya dan Dialah Yang Maha Bijaksana dan Maha Pakar. Firman-Nya itu mengungkapkan iradat-Nya yang tidak tertolak, undang-undang-Nya yang tetap dan peraturan-Nya yang mengendalikan alam al-wujud.

Kadang-kadang bantuan dan pertolongan Allah itu dianggap lambat mengikut perhitungan manusia, kerana mereka memperhitungkan segala perkara bukan mengikut perhitungan Allah dan mereka menilaikan segala keadaan bukan dengan penilaian yang dibuat oleh Allah, sedangkan Allah Maha Bijaksana dan Maha Mengetahui. Janji-Nya tetap direalisasikan-Nya pada waktu yang dikehendaki dan diketahui-Nya mengikut iradat dan undang-undang-Nya. Kadang-kadang hikmat penentuan waktu dan perencanaan-Nya dibukakan kepada manusia dan kadang-kadang tidak terbuka kepada mereka, tetapi iradat-Nyalah yang merupakan kebaikan yang sebenar dan waktu yang ditentukan-Nya merupakan waktu yang betul dan janji-Nya yang teguh akan berlaku dan ditunggu oleh orang-orang yang sabar dengan penuh kepercayaan.

Selepas itu ayat-ayat yang berikut menjelaskan bahawa Allahlah yang melepaskan angin-angin, menurunkan hujan, menghidupkan bumi yang mati dan menghidupkan orang-orang yang mati untuk dibangkitkan kembali. Semuanya berlaku menurut satu undang-undang yang sama, satu cara yang sama dan mengikut babak-babak dalam siri undang-undang Allah yang agung:

Fungsi Angin

اللَّهُ الَّذِي يُرْسِلُ الرِّيَاحَ فَتُثِيرُ سَحَابًا فَيَبْسُطُهُ فِي السَّمَاءِ كَيْفَ يَشَاءُ وَيَجْعَلُهُ كِسَفًا فَتَرَى الْوَدْقَ يَخْرُجُ مِنْ خِلَالِهِ ۖ فَإِذَا أَصَابَ بِهِ مَن يَشَاءُ مِنْ عِبَادِهِ إِذَا هُمْ يَسْتَبْشِرُونَ ﴿٤٨﴾

"Allah yang melepaskan angin lalu ia menggerakkan awan dan menyebarkannya di langit mengikut bagaimana yang dikehendakinya dan Dia jadikan awan itu bertompok-tompok lalu engkau dapat melihat air keluar dari celah-celahnya. Oleh itu apabila hujan itu turun mengenai hamba-hamba-Nya yang dikehendaki-Nya, maka tiba-tiba mereka bergembira."(48)

"Allahlah yang menghantarkan angin" yakni mengikut undang-undang-Nya di dalam penciptaan, penyusunan dan penyelenggaraan alam buana ini, **"Lalu ia menggerakkan awan"** yakni awan yang membawa wap-wap air yang naik dari zon air yang ada di bumi **"Dan menyebarkannya di langit"**. Yakni menghamparkan awan-awan itu di ruang-ruang langit **"Dan Dia jadikan awan itu bertompok-tompok"** yakni mengumpulkan awan-awan itu menjadi tompokan-tompokan yang tebal, bertindih-tindan satu sama lain atau berlanggar satu sama lain atau mencetuskan gelombang elektrik di antara satu lapisan dengan satu lapisan atau di antara satu tompokan dengan satu tompokan **"Lalu engkau dapat melihat air keluar dari celah-celahnya"** iaitu air hujan yang gugur dari celah-celah awan. **"Oleh itu apabila hujan itu turun mengenai hamba-hamba-Nya yang dikehendaki-Nya, mereka tiba-tiba bergembira"**. Hakikat kegembiraan ini tidak dapat dirasakan dengan sebenarnya sebagaimana yang dirasakan oleh orang-orang yang hidup bergantung secara langsung kepada air hujan. Orang-

orang Arab lebih arif dengan hakikat ini kerana seluruh kehidupan mereka bergantung kepada air dari langit. Oleh sebab itulah mereka menyebut air hujan di dalam sajak-sajak dan cerita-cerita mereka dengan penuh kerinduan dan kasih sayang.

وَإِن كَانُوا۟ مِن قَبْلِ أَن يُنَزَّلَ عَلَيْهِم مِّن قَبْلِهِۦ
لَمُبْلِسِينَ ﴿٤٩﴾

"Walaupun mereka sebelum diturunkan hujan ke atas mereka benar-benar berputus asa."(49)

Ayat ini menjelaskan keadaan mereka sebelum diturunkan hujan iaitu mereka berada di dalam keadaan putus asa dan tandus kering, kemudian apabila turun hujan mereka tiba-tiba bergembira.

فَٱنظُرْ إِلَىٰٓ ءَاثَٰرِ رَحْمَتِ ٱللَّهِ

"Oleh itu lihatlah kesan-kesan rahmat Allah."(50)

Lihatlah kesan rahmat Allah di dalam jiwa orang-orang yang bergembira itu setelah mereka dilamun perasaan putus harapan, dan lihatlah kesan rahmat Allah itu pada bumi yang bergembira setelah tandus dan kering. Seterusnya lihatlah kesan rahmat Allah itu dalam hayat yang bergerak di dalam tanah dan berdenyut di dalam hati.

فَٱنظُرْ إِلَىٰٓ ءَاثَٰرِ رَحْمَتِ ٱللَّهِ كَيْفَ يُحْىِ ٱلْأَرْضَ بَعْدَ
مَوْتِهَآ

"Oleh itu lihatlah kesan-kesan rahmat Allah bagaimana Dia menghidupkan bumi selepas matinya."(50)

Ini adalah satu hakikat yang dapat dilihat di alam kenyataan. Ia tidak memerlukan, kepada berfikir dengan teliti. Oleh sebab itulah Al-Qur'an menggunakan hakikat ini sebagai dalil dalam persoalan kebangkitan dan hidup semula di Akhirat mengikut cara perdebatan Al-Qur'an yang menggunakan pemandangan-pemandangan alam yang dapat dilihat dan hakikat-hakikat yang dapat disaksi di alam kenyataan sebagai bahan-bahan dan dalil-dalil hujahnya. Al-Qur'an menjadikan ruang alam buana yang lebar ini sebagai bidang dan gelanggang dalil-dalilnya:

إِنَّ ذَٰلِكَ لَمُحْىِ ٱلْمَوْتَىٰ ۖ وَهُوَ عَلَىٰ كُلِّ شَىْءٍ
قَدِيرٌ ﴿٥٠﴾

"Sesungguhnya yang berkuasa berbuat sedemikian adalah berkuasa pula menghidupkan orang-orang yang telah mati, dan dia Maha Kuasa di atas segala sesuatu."(50)

Inilah kesan-kesan rahmat Allah di muka bumi yang membayangkan kebenaran janji Allah dan kepastian kesudahan ini.

Selepas menjelaskan hakikat ini dan menggambarkan keadaan kaum yang bergembira kerana melihat angin yang membawa air dan merasa lega kerana melihat kesan-kesan rahmat Allah apabila air turun dari langit, ayat yang berikut menggambarkan pula keadaan mereka andainya angin yang dilihat mereka itu berwarna kuning kerana membawa pasir-pasir dan tanah, bukannya membawa air dan awan. Itulah angin yang memusnahkan tanaman dan binatang ternakan atau itulah angin yang menguningkan tanaman dan menjadikannya kering reput:

وَلَئِنْ أَرْسَلْنَا رِيحًا فَرَأَوْهُ مُصْفَرًّا لَّظَلُّوا۟ مِنۢ بَعْدِهِۦ
يَكْفُرُونَ ﴿٥١﴾

"Dan sesungguhnya jika Kami lepaskan angin lalu mereka melihatnya berwarna kuning nescaya mereka tetap kufur selepas itu."(51)

Angin Kuning

Mereka menjadi kafir kerana marah dan putus asa, sedangkan yang sewajarnya mereka menyerah kepada qadha' Allah dan berdo'a kepada-Nya supaya mengangkatkan bala itu. Itulah keadaan orang-orang yang tidak beriman kepada taqdir Allah dan tidak memahami ni'mat tadbir Allah dengan mata hati mereka. Mereka tidak dapat melihat bahawa di sebalik peristiwa-peristiwa itu adanya tangan qudrat Allah yang mengaturkan seluruh alam buana ini dan menentukan setiap urusan dan kejadian mengikut peraturan penyelarasan yang meliputi seluruh alam al-wujud yang mempunyai bahagian-bahagian yang berkaitan satu sama lain.

******

(Pentafsiran ayat-ayat 52 - 53)

Setelah menggambarkan perubahan-perubahan manusia yang mengikut nafsu mereka dan sikap mereka yang tidak mengambil pengajaran dan contoh teladan dari bukti-bukti kekuasaan Allah yang tersergam di alam buana di sekeliling mereka, juga sikap mereka yang tidak dapat memahami hikmat kebijaksanaan Allah di sebalik kejadian-kejadian dan peristiwa-peristiwa yang dilihat mereka, maka di sini ayat yang berikut menujukan pula pembicaraannya kepada Rasulullah s.a.w. untuk menghiburkan hatinya kerana kegagalan usahanya untuk memberi hidayat kepada sebilangan ramai (kaum Musyrikin). Al-Qur'an memulangkan punca-punca kegagalan itu kepada tabi'at mereka sendiri yang tidak dapat diatasi beliau, juga kepada kebutaan mata hati mereka:

فَإِنَّكَ لَا تُسْمِعُ ٱلْمَوْتَىٰ وَلَا تُسْمِعُ ٱلصُّمَّ ٱلدُّعَآءَ إِذَا
وَلَّوْا۟ مُدْبِرِينَ ﴿٥٢﴾

وَمَا أَنتَ بِهَٰدِ ٱلْعُمْيِ عَن ضَلَٰلَتِهِمْ ۖ إِن تُسْمِعُ إِلَّا مَن
يُؤْمِنُ بِـَٔايَٰتِنَا فَهُم مُّسْلِمُونَ ٥٣

"Sesungguhnya engkau tidak dapat menjadikan orang yang mati itu mendengar (seruanmu) dan tidak dapat menjadikan si pekak itu mendengar (seruanmu) apabila mereka berpaling membelakangkan (engkau)(52). Dan engkau tidak akan dapat memberi hidayat kepada orang yang buta dari kesesatan mereka. Engkau tidak dapat memperdengarkan (seruamnu) melainkan kepada orang yang beriman kepada ayat-ayat Kami. Mereka adalah orang-orang yang menyerah patuh (kepada Allah)."(53)

Al-Qur'an menggambarkan mereka sebagai orang-orang mati yang tidak mempunyai hayat yang sebenar, pekak dan buta, tidak dapat menuju ke mana-mana jalan. Seorang yang mempunyai hati yang terpisah dari alam buana hingga tidak dapat memahami undang-undang dan peraturannya adalah seorang yang mati, yang tidak mempunyai hayat yang sebenar. Dia hidup seperti hidupnya haiwan malah lebih sesat dan lebih rendah lagi, kerana binatang diberi petunjuk dengan fitrahnya yang jarang mengkhianatinya. Orang yang tidak menyambut apabila mendengar ayat-ayat Allah yang mempunyai pengaruh yang kuat dan menembusi hati manusia itu adalah sebenarnya seorang yang pekak walaupun dia mempunyai dua telinga yang dapat mendengar getaran-getaran bunyi. Orang yang tidak melihat bukti-bukti kekuasaan Allah yang tersebar di merata pelosok alam buana ini adalah sebenarnya seorang yang buta walaupun dia mempunyai dua mata seperti haiwan.

إِن تُسْمِعُ إِلَّا مَن يُؤْمِنُ بِـَٔايَٰتِنَا فَهُم مُّسْلِمُونَ ٥٣

"Engkau tidak dapat memperdengarkan (seruanmu) melainkan kepada orang yang beriman kepada ayat-ayat Kami. Mereka adalah orang-orang yang menyerah patuh (kepada Allah)."(53)

Hanya orang-orang inilah sahaja yang dapat mendengar da'wah, kerana hati mereka hidup, mata hati mereka terbuka, daya pemikiran dan kefahaman mereka sihat. Oleh itu mereka sentiasa mendengar da'wah dan menyerahkan diri mereka kepada Allah, malah da'wah lebih menyedarkan fitrah mereka dan membuat mereka sentiasa menyahutinya.

******

(Pentafsiran ayat-ayat 54 - 57)

Selepas itu ayat yang berikut kembali membawa mereka ke dalam satu penjelajahan yang baru yang bukan penjelajahan di dalam pemandangan-pemandangan alam di sekeliling mereka, malah di dalam diri mereka sendiri dan di peringkat-peringkat perkembangan kelahiran mereka di muka bumi ini. Penjelajahan ini berakhir di alam Akhirat dan kedua-dua alam hidup itu mempunyai pertalian yang amat rapat:

ٱللَّهُ ٱلَّذِي خَلَقَكُم مِّن ضَعْفٍ ثُمَّ جَعَلَ مِنۢ بَعْدِ
ضَعْفٍ قُوَّةً ثُمَّ جَعَلَ مِنۢ بَعْدِ قُوَّةٍ ضَعْفًا وَشَيْبَةً ۚ
يَخْلُقُ مَا يَشَآءُ ۖ وَهُوَ ٱلْعَلِيمُ ٱلْقَدِيرُ ٥٤
وَيَوْمَ تَقُومُ ٱلسَّاعَةُ يُقْسِمُ ٱلْمُجْرِمُونَ مَا لَبِثُوا۟
غَيْرَ سَاعَةٍ ۚ كَذَٰلِكَ كَانُوا۟ يُؤْفَكُونَ ٥٥
وَقَالَ ٱلَّذِينَ أُوتُوا۟ ٱلْعِلْمَ وَٱلْإِيمَٰنَ لَقَدْ لَبِثْتُمْ
فِي كِتَٰبِ ٱللَّهِ إِلَىٰ يَوْمِ ٱلْبَعْثِ ۖ فَهَٰذَا يَوْمُ ٱلْبَعْثِ
وَلَٰكِنَّكُمْ كُنتُمْ لَا تَعْلَمُونَ ٥٦
فَيَوْمَئِذٍ لَّا يَنفَعُ ٱلَّذِينَ ظَلَمُوا۟ مَعْذِرَتُهُمْ وَلَا هُمْ
يُسْتَعْتَبُونَ ٥٧

"Allah Yang telah mencipta kamu dari kelemahan kemudian selepas lemah Dia jadikan kamu kuat dan selepas kuat Dia jadikan kamu lemah kembali dan beruban. Dia menciptakan apa yang dikehendaki-Nya, dan Dia Maha Mengetahui dan Maha Kuasa(54). Dan pada hari berlakunya Qiamat orang-orang yang berdosa bersumpah bahawa mereka tidak tinggal di sana melainkan hanya satu sa'at sahaja. Demikianlah mereka dipesongkan (dari kebenaran)(55). Dan berkata orang-orang yang dikurniakan ilmu dan iman, demi sesungguhnya kamu telah tinggal (di sana) mengikut masa yang dicatat di dalam kitab Allah hingga sampai kepada hari kebangkitan, maka inilah dia hari kebangkitan itu, akan tetapi kamu dahulu tidak mengetahui(56). Pada hari itu sebarang alasan tidak berguna lagi kepada orang-orang yang zalim dan mereka tidak juga perlu dicela."(57)

Penjelajahan Dalam Diri Sendiri

Itulah satu penjelajahan yang jauh. Mereka dapat melihat bahagian-bahagian awal dari penjelajahan itu di dalam peringkat-peringkat hidup yang disaksikan mereka sendiri dan mereka dapat melihat bahagian-bahagian akhirnya digambarkan dengan gambaran yang menarik seolah-olah ternampak jelas di hadapan mata mereka. Ini adalah satu penjelajahan yang memberi kesedaran kepada mereka yang mempunyai hati yang hidup atau mendengarnya dengan teliti serta menyaksi.

"Allahlah yang telah menciptakan kamu dari kelemahan", Al-Qur'an tidak mengatakan Dia menciptakan kamu lemah-lemah belaka atau di dalam keadaan yang lemah, malah ia mengatakan **"Dia telah menciptakan kamu dari kelemahan"** seolah-olah itulah bahan pertama yang membentuk diri mereka. Kelemahan yang disebut di dalam ayat ini mempunyai berbagai-bagai pengertian dan fenomena di dalam kejadian manusia ini iaitu:

Kelemahan bangunan tubuh badan yang dapat dilihat pada sel yang amat seni yang membentuk janin kemudian dapat dilihat pada janin itu sendiri dengan peringkat-peringkat perkembangannya. Semuanya menunjukkan bahawa kejadian manusia itu amat lemah. Seterusnya ciri kelemahan itu dapat dilihat semasa manusia dalam usia kanak-kanak dan budak-budak hingga sampai ke peringkat usia muda belia yang kuat tubuh badannya.

Kelemahan bahan yang membentuk manusia iaitu bahan tanah. Andainya tidak kerana wujudnya tiupan roh ciptaan Allah sudah tentu manusia tetap dalam bentuk kebendaan dan kebinatangannya, iaitu satu bentuk kejadian yang amat lemah jika dibandingkan dengan kejadian manusia.

Kemudian kelemahan entiti jiwa manusia dalam menghadapi berbagai-bagai kecenderungan dan dorongan, keinginan-keinginan dan kehendak-kehendak hawa nafsu. Andainya tidak kerana wujudnya tiupan roh ciptaan Allah Yang Maha Tinggi yang telah mewujudkan di dalam jiwanya keazaman-keazaman dan kesediaan-kesediaan yang kukuh tentulah manusia akan jadi lebih lemah dari haiwan yang diperintah dengan perantaraan ilham itu.

"Allah yang telah menciptakan kamu dari kelemahan dan kemudian selepas lemah Dia jadikan kamu kuat" iaitu kekuatan dengan ertinya yang penuh, iaitu kuat dalam entiti jasmani, kuat dalam binaan insani dan kuat dalam struktur jiwa dan akal.

"Dan selepas kuat Dia jadikan kamu lemah kembali dan beruban" yakni lemah di dalam seluruh entiti insani, kerana umur yang tua itu merupakan proses kemerosotan kepada peringkat kebudak-budakan dengan segala gejala-gejalanya, dan kemerosotan itu kadang-kadang ditemani dengan kemerosotan jiwa yang terjadi akibat dari kelemahan kemahuan sehingga, kadang-kadang seorang yang tua berkelakuan seperti seorang kanak-kanak tanpa dapat ditahan oleh kemahuannya. Umur yang tua itu disertai pula dengan pertumbuhan uban. Gejala uban itu disebut dengan maksud untuk membesar dan menjelaskan keadaan dan imej umur yang tua.

Peringkat-peringkat perkembangan umur tua ini tidak dapat dielakkan oleh sesiapa pun dari makhluk-makhluk yang fana. Ia tidak pernah mungkir sekalipun pada orang-orang yang dipanjangkan umurnya, dan tidak pernah lambat walau sekalipun dari masanya yang telah ditetapkan. Peringkat-peringkat perkembangan umur tua yang dialami oleh makhluk manusia itu adalah menyaksikan bahawa mereka adalah berada di dalam genggaman Allah yang mentadbir, yang mencipta mengikut kehendak iradat-Nya dan membuat penentuan mengikut masyi'ah-Nya, menetapkan ajal, keadaan-keadaan dan perkembangan-perkembangan kepada setiap makhluk-Nya mengikut ilmu dan pertimbangan-Nya yang halus:

يَخْلُقُ مَا يَشَآءُ ۖ وَهُوَ ٱلْعَلِيمُ ٱلْقَدِيرُ ﴿٥٤﴾

"Dia menciptakan apa yang dikehendaki-Nya dan Dia Maha Mengetahui dan Maha Kuasa."(54)

Makhluk yang diciptakan dengan peraturan yang rapi ini pastilah mempunyai masa penghabisannya yang ditentukan dengan rapi juga. Masa penghabisan ini dilukiskan di dalam satu pemandangan dari pemandangan-pemandangan Qiamat yang penuh dengan pergerakan dan dialog mengikut cara Al-Qur'an:

Jangka Hayat Yang Ditentukan Allah

وَيَوْمَ تَقُومُ ٱلسَّاعَةُ يُقْسِمُ ٱلْمُجْرِمُونَ مَا لَبِثُوا۟
غَيْرَ سَاعَةٍ ۚ

"Dan pada hari berlakunya Qiamat orang-orang yang berdosa bersumpah bahawa mereka tidak tinggal di sana melainkan hanya satu sa'at sahaja."(55)

Demikianlah masa yang telah dilalui mereka sebelum hari Qiamat dirasa begitu pendek di dalam tanggapan mereka. Mereka bersumpah **"Bahawa mereka tidak tinggal (di sana) melainkan hanya satu sa'at sahaja",** sumpah itu mungkin dimaksudkan dengan lama masa mereka berada di dalam kubur dan mungkin juga dimaksudkan dengan lama masa mereka hidup dan mati di muka bumi, **"Demikianlah mereka dipesongkan"** dari kebenaran dan pertimbangan yang betul sehingga mereka dikembalikan semula kepada pertimbangan yang betul oleh orang-orang yang mempunyai ilmu yang betul:

وَقَالَ ٱلَّذِينَ أُوتُوا۟ ٱلْعِلْمَ وَٱلْإِيمَٰنَ لَقَدْ لَبِثْتُمْ
فِى كِتَٰبِ ٱللَّهِ إِلَىٰ يَوْمِ ٱلْبَعْثِ ۖ فَهَٰذَا يَوْمُ ٱلْبَعْثِ
وَلَٰكِنَّكُمْ كُنتُمْ لَا تَعْلَمُونَ ﴿٥٦﴾

"Dan berkata orang-orang yang dikurniakan ilmu dan iman, demi sesungguhnya kamu telah tinggal (di sana) mengikut masa yang dicatat di dalam kitab Allah hingga sampai kepada hari kebangkitan, maka inilah dia hari kebangkitan itu, akan tetapi kamu dahulu tidak mengetahui."(56)

Orang-orang yang mempunyai ilmu yang betul itu pada kebiasaannya ialah orang-orang yang beriman, iaitu orang-orang yang percaya kepada hari Qiamat dan memahami hakikat-hakikat di sebalik kulit luar kehidupan dunia. Merekalah ahli ilmu yang sebenar dan ahli keimanan yang benar-benar mengerti. Mereka telah memulangkan perkara itu di sini kepada perencanaan Allah dan ilmu-Nya, **"Demi sesungguhnya kamu telah tinggal (di sana) mengikut masa yang tercatat di dalam kitab**

Allah hingga sampai kepada hari kebangkitan" inilah masa yang telah ditentukan Allah. Sama ada masa itu panjang atau pendek adalah tidak penting, kerana yang penting masa yang dijanjikan itu telah direalisasikan:

فَهَٰذَا يَوْمُ ٱلْبَعْثِ وَلَٰكِنَّكُمْ كُنتُمْ لَا تَعْلَمُونَ ٥٦

"Inilah dia hari kebangkitan itu, akan tetapi kamu dahulu tidak mengetahui."(56)

Kemudian pemandangan ini ditamatkan dengan satu kesimpulan umum yang ringkas, yang menggambarkan akibat yang menimpa orang-orang yang zalim yang telah mendustakan hari Qiamat:

فَيَوْمَئِذٍ لَّا يَنفَعُ ٱلَّذِينَ ظَلَمُوا۟ مَعْذِرَتُهُمْ وَلَا هُمْ
يُسْتَعْتَبُونَ ٥٧

"Pada hari itu sebarang alasan tidak berguna lagi kepada orang-orang yang zalim dan mereka tidak juga perlu dicela."(57)

Oleh itu sebarang alasan tidak lagi diterima dari mereka dan tiada seorang pun yang dapat mencela apa yang telah dilakukan mereka atau menyuruh mereka meminta ma'af, kerana hari ini ialah hari menerima hukuman bukannya hari cela mencela.

******

(Pentafsiran ayat-ayat 58 - 59)

Al-Qur'an Ditolak Walaupun Ia Mengemukakan Segala Perbandingan Dan Penjelasan

Dari pemandangan yang malang dan tiada harapan ini ayat-ayat yang berikut memulangkan mereka kepada keadaan mereka yang degil dan mendustakan Al-Qur'an. Apa yang digambarkan di dalam pemandangan tadi merupakan akibat dari kedegilan dan pendustaan mereka:

وَلَقَدْ ضَرَبْنَا لِلنَّاسِ فِى هَٰذَا ٱلْقُرْءَانِ مِن كُلِّ
مَثَلٍ ۚ وَلَئِن جِئْتَهُم بِـَٔايَةٍ لَّيَقُولَنَّ ٱلَّذِينَ كَفَرُوٓا۟
إِنْ أَنتُمْ إِلَّا مُبْطِلُونَ ٥٨
كَذَٰلِكَ يَطْبَعُ ٱللَّهُ عَلَىٰ قُلُوبِ ٱلَّذِينَ لَا يَعْلَمُونَ ٥٩

"Dan sesungguhnya Kami telah membuat segala perbandingan di dalam Al-Qur'an ini kepada manusia, dan sesungguhnya jika kamu membawa kepada mereka sesuatu keterangan nescaya berkatalah orang-orang kafir: Kamu ini tiada lain melainkan hanya membuat dakwaan yang palsu(58). Demikianlah Allah menutup hati orang-orang yang tidak mengetahui."(59)

Ini adalah satu perpindahan yang amat jauh dari segi masa dan tempat, tetapi ia disebut di dalam ayat-ayat ini seolah-olah satu perpindahan yang dekat sahaja, di mana masa dan tempat yang jauh itu dilipatkan menjadi dekat. Dengan ini mereka sekali lagi tiba-tiba berada di hadapan Al-Qur'an yang mengandungi berbagai-bagai perbandingan, berbagai-bagai bentuk dan uslub pembicaraan, mengandungi segala macam sarana untuk menyedarkan hati dan akal manusia dan pelbagai sentuhan yang memberi saranan-saranan yang mempunyai kesan-kesan yang amat mendalam. Ia berbicara dengan seluruh hati dan akal dari seluruh masyarakat dan tempat. Ia berbicara dengan jiwa manusia di dalam setiap keadaan dan situasinya dan dalam setiap perkembangan yang ditempuhinya, tetapi walaupun demikian mereka tetap mendustakan setiap ayat Allah dan bukan sahaja sekadar mendustakan ayat, malah mereka mengeluarkan kata-kata yang kesat kepada ahli ilmu yang benar dan menuduh mereka sebagai orang-orang yang membuat dakwaan yang palsu. **"Dan sesungguhnya jika kamu membawa kepada mereka sesuatu keterangan nescaya berkatalah orang-orang kafir: Kamu ini tiada lain melainkan hanya membuat dakwaan yang palsu."**

Kemudian Al-Qur'an membuat kesimpulan terhadap kekafiran dan kata-kata mereka yang takbur itu:

كَذَٰلِكَ يَطْبَعُ ٱللَّهُ عَلَىٰ قُلُوبِ ٱلَّذِينَ لَا يَعْلَمُونَ ٥٩

"Demikianlah Allah menutup hati orang-orang yang tidak mengetahui."(59)

Dengan cara dan sebab ini Allah menutup hati mereka. Justeru itu mereka yang tidak mengetahui dan buta mata hati itu tidak terbuka mata hati mereka untuk memahami ayat-ayat Allah dan bersikap takbur terhadap ahli ilmu dan hidayat, maka wajarlah Allah menutup hati mereka kerana Allah mengetahui hakikat mata hati dan hati mereka.

******

(Pentafsiran ayat 60)

Kemudian datanglah pula kenyataan yang akhir surah ini setelah membawa kaum Musyrikin di dalam berbagai-bagai penjelajahan meninjau alam buana, di dalam lipatan sejarah, di dalam kejadian diri mereka sendiri dan di dalam peringkat-peringkat perkembangan hidup mereka, tetapi selepas itu mereka tetap kafir dan bersikap takbur. Kenyataan yang akhir itu dibuat dalam bentuk arahan kepada Rasulullah s.a.w. dan kaum Muslimin yang ada bersamanya:

Kesabaran Senjata Para Mu'minin

فَٱصْبِرْ إِنَّ وَعْدَ ٱللَّهِ حَقٌّ ۖ وَلَا يَسْتَخِفَّنَّكَ ٱلَّذِينَ لَا
يُوقِنُونَ ٦٠

"Oleh itu bersabarlah sesungguhnya janji Allah itu tetap benar, dan janganlah engkau digugatkan oleh orang-orang yang tidak yakin."(60)

Sabar adalah senjata para Mu'minin di jalan perjuangan mereka yang amat panjang dan penuh berduri yang kadang-kadang kelihatan tidak mempunyai batas penghabisannya. Senjata perjuangan mereka ialah keyakinan terhadap janji Allah yang benar dan ketabahan tanpa gelisah, goyah, bingung dan ragu-ragu. Mereka sabar, yakin dan tabah walaupun orang-orang lain goyang dan mendustakan kebenaran dan meragui janji Allah. Mereka bersikap demikian kerana mereka terhijab dari ilmu yang benar dan terhalang dari punca-punca keyakinan, sedangkan orang-orang yang beriman yang sampai kepada Allah dan berpegang dengan agama Allah, maka jalan yang dilalui mereka ialah jalan kesabaran, kepercayaan dan keyakinan walaupun sejauh mana jalan ini dan walaupun batas penghabisannya terlindung di sebalik kabus dan awan mendung.

******

Demikianlah tamatnya surah ini yang telah dimulakan dengan janji Allah yang akan menolong memberi kemenangan kepada orang-orang Rom di dalam beberapa tahun yang tidak lama lagi, juga menolong orang-orang yang beriman. Ia ditamatkan dengan arahan bersabar sehingga tibanya janji Allah, juga bersabar menghadapi percubaan dari orang-orang yang tidak yakin yang mahu menimbulkan kegelisahan dan kegoyangan kepada mereka.

Dengan ini tercapailah keselarasan di antara awal dengan akhir surah. Dan dengan tamatnya surah ini tersematlah di dalam hati keyakinan terhadap janji Allah yang benar, yang tidak pernah bohong, iaitu keyakinan yang teguh yang tidak pernah goyang.

******

JUZU' KE-21

SURAH LUQMAN

SURAH KE 31

سُورَةُ لُقۡمَان

SURAH LUQMAN

Surah Luqman

(Makkiyah)

JUMLAH AYAT 34

بِسۡمِ ٱللَّهِ ٱلرَّحۡمَٰنِ ٱلرَّحِيمِ

Dengan nama Allah
Yang Maha Penyayang dan Maha Pengasih

(Kumpulan ayat-ayat 1 - 19)

الٓمٓ ١
تِلۡكَ ءَايَٰتُ ٱلۡكِتَٰبِ ٱلۡحَكِيمِ ٢
هُدٗى وَرَحۡمَةٗ لِّلۡمُحۡسِنِينَ ٣
ٱلَّذِينَ يُقِيمُونَ ٱلصَّلَوٰةَ وَيُؤۡتُونَ ٱلزَّكَوٰةَ وَهُم بِٱلۡأٓخِرَةِ
هُمۡ يُوقِنُونَ ٤
أُوْلَٰٓئِكَ عَلَىٰ هُدٗى مِّن رَّبِّهِمۡۖ وَأُوْلَٰٓئِكَ هُمُ
ٱلۡمُفۡلِحُونَ ٥
وَمِنَ ٱلنَّاسِ مَن يَشۡتَرِي لَهۡوَ ٱلۡحَدِيثِ لِيُضِلَّ عَن
سَبِيلِ ٱللَّهِ بِغَيۡرِ عِلۡمٖ وَيَتَّخِذَهَا هُزُوًاۚ أُوْلَٰٓئِكَ لَهُمۡ
عَذَابٞ مُّهِينٞ ٦
وَإِذَا تُتۡلَىٰ عَلَيۡهِ ءَايَٰتُنَا وَلَّىٰ مُسۡتَكۡبِرٗا كَأَن لَّمۡ
يَسۡمَعۡهَا كَأَنَّ فِيٓ أُذُنَيۡهِ وَقۡرٗاۖ فَبَشِّرۡهُ بِعَذَابٍ أَلِيمٍ ٧
إِنَّ ٱلَّذِينَ ءَامَنُواْ وَعَمِلُواْ ٱلصَّٰلِحَٰتِ لَهُمۡ جَنَّٰتُ
ٱلنَّعِيمِ ٨
خَٰلِدِينَ فِيهَاۖ وَعۡدَ ٱللَّهِ حَقّٗاۚ وَهُوَ ٱلۡعَزِيزُ ٱلۡحَكِيمُ ٩

"Alif. Laam. Miim(1). Itulah ayat-ayat kitab (Al-Qur'an) yang bijaksana(2). Menjadi hidayat dan rahmat kepada para Muhsinin(3). Iaitu orang-orang yang mendirikan solat, memberi zakat dan yakin terhadap hari Akhirat(4). Merekalah yang mendapat hidayat dari Tuhan mereka, dan merekalah orang-orang yang beruntung(5). Dan di antara manusia ada orang-orang yang membeli cerita-cerita yang melalaikan untuk menyesatkan (dirinya dan orang lain) dari agama Allah tanpa sebarang pengetahuan dan mempersenda-sendakannya. Mereka akan mendapat azab yang amat menghinakan(6). Dan apabila dibacakan kepadanya ayat-ayat Kami, dia terus berpaling dengan angkuh seolah-olah dia tidak mendengar-nya, seolah-olah ada penyumbat di dalam telinganya. Oleh kerana itu gembirakannya dengan balasan azab yang amat pedih(7). Sesungguhnya orang-orang yang beriman dan mengerjakan amalan-amalan yang soleh akan memperolehi Syurga-syurga yang penuh ni'mat(8). Mereka hidup kekal di dalamnya. Itulah janji Allah yang benar dan Dia Maha Perkasa dan Maha Bijaksana(9)".

خَلَقَ ٱلسَّمَٰوَٰتِ بِغَيۡرِ عَمَدٖ تَرَوۡنَهَاۖ وَأَلۡقَىٰ فِي ٱلۡأَرۡضِ
رَوَٰسِيَ أَن تَمِيدَ بِكُمۡ وَبَثَّ فِيهَا مِن كُلِّ دَآبَّةٖۚ وَأَنزَلۡنَا
مِنَ ٱلسَّمَآءِ مَآءٗ فَأَنۢبَتۡنَا فِيهَا مِن كُلِّ زَوۡجٖ كَرِيمٍ ١٠
هَٰذَا خَلۡقُ ٱللَّهِ فَأَرُونِي مَاذَا خَلَقَ ٱلَّذِينَ مِن دُونِهِۦۚ
بَلِ ٱلظَّٰلِمُونَ فِي ضَلَٰلٖ مُّبِينٖ ١١
وَلَقَدۡ ءَاتَيۡنَا لُقۡمَٰنَ ٱلۡحِكۡمَةَ أَنِ ٱشۡكُرۡ لِلَّهِۚ وَمَن يَشۡكُرۡ
فَإِنَّمَا يَشۡكُرُ لِنَفۡسِهِۦۖ وَمَن كَفَرَ فَإِنَّ ٱللَّهَ غَنِيٌّ
حَمِيدٞ ١٢
وَإِذۡ قَالَ لُقۡمَٰنُ لِٱبۡنِهِۦ وَهُوَ يَعِظُهُۥ يَٰبُنَيَّ لَا تُشۡرِكۡ
بِٱللَّهِۖ إِنَّ ٱلشِّرۡكَ لَظُلۡمٌ عَظِيمٞ ١٣

"Dia (Allah) telah menciptakan langit tanpa sebarang tiang yang dapat dilihat oleh kamu, dan Dia pacakkan di bumi gunung-ganang yang memantapkannya supaya ia tidak menghoyong-hayangkan kamu, dan Dia sebarkan di bumi segala jenis binatang, dan Kami turunkan air dari langit lalu Kami tumbuhkan di bumi segala jenis tanaman yang berpasangan yang cantik(10). Inilah ciptaan-ciptaan Allah. Oleh itu tunjukkan pula kepada-Ku apakah makhluk-makhluk yang telah diciptakan oleh tuhan-tuhan yang lain dari-Nya. Malah sebenarnya orang-orang yang zalim (kafir) itu berada di dalam kesesatan yang amat nyata(11). Dan sesungguhnya Kami telah mengurniakan hikmat kepada Luqman (dia berkata): Bersyukurlah kepada Allah, dan barang siapa yang bersyukur, maka sesungguhnya dia

bersyukur untuk (kebaikan) dirinya, dan barang siapa yang kufur, maka sesungguhnya Allah Maha Kaya dan Maha Terpuji(12). Dan (kenangilah) ketika Luqman berkata kepada anaknya semasa memberi nasihat kepadanya: Wahai anakku! Janganlah engkau sekutukan Allah, sesungguhnya syirik itu adalah satu kezaliman yang amat besar." (13).

وَوَصَّيْنَا ٱلْإِنسَٰنَ بِوَٰلِدَيْهِ حَمَلَتْهُ أُمُّهُۥ وَهْنًا عَلَىٰ
وَهْنٍ وَفِصَٰلُهُۥ فِى عَامَيْنِ أَنِ ٱشْكُرْ لِى وَلِوَٰلِدَيْكَ
إِلَىَّ ٱلْمَصِيرُ ١٤

وَإِن جَٰهَدَاكَ عَلَىٰٓ أَن تُشْرِكَ بِى مَا لَيْسَ لَكَ بِهِۦ
عِلْمٌ فَلَا تُطِعْهُمَا ۖ وَصَاحِبْهُمَا فِى ٱلدُّنْيَا مَعْرُوفًا ۖ
وَٱتَّبِعْ سَبِيلَ مَنْ أَنَابَ إِلَىَّ ۚ ثُمَّ إِلَىَّ مَرْجِعُكُمْ
فَأُنَبِّئُكُم بِمَا كُنتُمْ تَعْمَلُونَ ١٥

يَٰبُنَىَّ إِنَّهَآ إِن تَكُ مِثْقَالَ حَبَّةٍ مِّنْ خَرْدَلٍ فَتَكُن فِى
صَخْرَةٍ أَوْ فِى ٱلسَّمَٰوَٰتِ أَوْ فِى ٱلْأَرْضِ يَأْتِ بِهَا ٱللَّهُ ۚ
إِنَّ ٱللَّهَ لَطِيفٌ خَبِيرٌ ١٦

يَٰبُنَىَّ أَقِمِ ٱلصَّلَوٰةَ وَأْمُرْ بِٱلْمَعْرُوفِ وَٱنْهَ عَنِ
ٱلْمُنكَرِ وَٱصْبِرْ عَلَىٰ مَآ أَصَابَكَ ۖ إِنَّ ذَٰلِكَ مِنْ عَزْمِ
ٱلْأُمُورِ ١٧

وَلَا تُصَعِّرْ خَدَّكَ لِلنَّاسِ وَلَا تَمْشِ فِى ٱلْأَرْضِ مَرَحًا ۖ إِنَّ ٱللَّهَ
لَا يُحِبُّ كُلَّ مُخْتَالٍ فَخُورٍ ١٨

وَٱقْصِدْ فِى مَشْيِكَ وَٱغْضُضْ مِن صَوْتِكَ ۚ إِنَّ أَنكَرَ
ٱلْأَصْوَٰتِ لَصَوْتُ ٱلْحَمِيرِ ١٩

"Dan Kami telah menyuruh manusia supaya berbakti kepada dua orang tuanya. Dia telah dikandung ibunya yang mengalami kelemahan demi kelemahan dan masa lepas susunya dalam dua tahun. Bersyukurlah kepada-Ku dan kepada dua ibubapa engkau dan kepada-Ku tempat kembali(14). Dan jika mereka berdua mendesak engkau supaya mempersekutukan-Ku dengan sesuatu yang engkau tidak mengetahui, maka janganlah engkau ta'atkan kedua-duanya, dan sahabatilah kedua mereka dengan baik di dunia ini, dan ikutilah jalan orang-orang yang kembali kepada-Ku, kemudian kepada-Kulah tempat kembali kamu dan Aku akan memberitahu kepada kamu segala perbuatan yang telah dilakukan kamu(15). Wahai anakku! Sesungguhnya jika sesuatu amalan itu hanya seberat biji sawi dan sekalipun ia tersembunyi dalam batu atau berada di langit atau di bumi nescaya ia akan dibawakan Allah. Sesungguhnya Allah Maha Halus dan Maha Pakar(16). Wahai anakku! Dirikanlah solat dan suruhlah (manusia) berbuat kebaikan dan larangkan mereka berbuat kemungkaran dan sabarlah di atas kesusahan yang menimpa engkau. Sesungguhnya urusan sedemikian adalah dari urusan-urusan yang dilakukan dengan penuh keazaman(17). Dan janganlah engkau palingkan pipi engkau dari manusia (kerana takbur) dan janganlah engkau berjalan di bumi dengan lagak yang angkuh. Sesungguhnya Allah tidak sukakan sekalian orang yang sombong dan membangga-banggakan diri(18). Dan sederhanakanlah dalam gaya perjalananmu dan rendahkan suaramu. Sesungguhnya suara yang paling buruk ialah suara keldai."(19).

(Latar belakang dan pokok pembicaraan)

Al-Qur'an dalam berbicara dengan fitrah manusia mengikut logiknya. Ia diturunkan Allah yang menciptakan fitrah itu. Oleh kerana ini Allah tahu segala sesuatu yang layak dan mendatangkan kebaikan kepada fitrah manusia. Allah tahu bagaimana hendak berbicara dengannya. Allah tahu segala pintu dan jalan-jalannya. Allah mengemukakan kepada fitrah manusia hakikat yang memang telah sedia tersimpan di dalamnya sebelum ini, iaitu hakikat yang memang telah diketahui oleh fitrah manusia sebelum dikemukakannya oleh Al-Qur'an, kerana fitrah manusia dari semulajadi lagi telah ditegakkan di atas hakikat ini, iaitu hakikat mengakui kewujudan Allah Pencipta Yang Maha Esa dan bertawajjuh kepada Allah Yang Maha Esa dengan ibadat dan taubat bersama angkatan alam buana yang sentiasa bertawajjuh kepada penciptanya dengan tahmid dan tasbih. Oleh kerana fitrah itu diselubungi kepulan-kepulan asap dari bumi dan dikongkongi dorongan daging dan darah yang berkobar-kobar dan diselewengkan dari jalan yang benar oleh desakan-desakan hawa nafsu, maka di sini Al-Qur'an datang berbicara dengan fitrah manusia dengan menggunakan logik yang diketahuinya dan mengemukakan hakikat yang dilupainya dengan menggunakan cara dan uslub yang dibiasainya. Dan di atas asas hakikat inilah Al-Qur'an menegakkan seluruh peraturan hidup yang sesuai dengan 'aqidah dan fitrah dan sesuai dengan jalan menuju kepada Allah Pencipta Yang Maha Esa, Maha Pentadbir dan Maha Pakar.

Surah Makkiyah ini merupakan satu contoh dari contoh-contoh cara Al-Qur'an berbicara dengan hati manusia. Ia memperkatakan persoalan 'aqidah yang tersemat di dalam hati kaum Musyrikin yang menyimpang dari hakikat ini. Itulah persoalan yang dibicarakan oleh Surah-surah Makkiyah dengan bermacam-macam uslub, dan menanganinya dari berbagai-bagai aspek dan mencuit hati manusia dari berbagai-bagai segi, dan menggunakan berbagai-

bagai. penerangan yang berkesan untuk berbicara dengan fitrah manusia dan menyedarkannya.

Persoalan 'aqidah yang tunggal ini adalah berpusat pada kepercayaan mentauhidkan Allah, menumpukan ibadat kepada Allah Yang Esa dan mensyukuri segala ni'mat pemberian-Nya, juga berpusat pada keyakinan terhadap hari Akhirat yang merangkumi hisab yang halus dan balasan yang adil, dan seterusnya berpusat pada kepatuhan mengikut segala ajaran yang diturunkan Allah dan meninggalkan adat-adat kebiasaan dan kepercayaan-kepercayaan yang lain darinya.

Surah ini membentangkan persoalan ini dengan cara yang membuat seseorang berfikir dengan mendalam untuk memahami uslub Al-Qur'an yang menarik di dalam cara-cara berbicara dengan fitrah dan hati manusia. Setiap penda'wah kepada agama Allah perlu memikirkan uslub ini dengan teliti.

Ia membentangkan persoalan ini di dalam dewan pameran Al-Qur'an iaitu pameran alam buana yang besar yang mengandungi langit, bumi, matahari, bulan, siang, malam, udara, laut, ombak, hujan, tumbuh-tumbuhan dan pokok-pokok. Pameran alam buana ini disebut berulang-ulang kali di dalam Al-Qur'anul-Karim. Ia menjadikan alam buana ini sebagai hujah-hujah yang berkesan dan jelas dan sebagai bukti-bukti kekuasaan Allah yang tersebar di kanan dan di kiri, iaitu hujah-hujah dan bukti-bukti yang berbicara dengan hati manusia, mempengaruhi dan menghidupkannya serta mengepungnya dari segenap jalan dan lorong.

Walaupun persoalan ini hanya satu dan dewan pameran yang membentangkannya juga satu, namun ia dibentangkan dalam surah ini sebanyak empat kali dalam empat pusingan yang membawa hati manusia menjelajah dewan pameran yang amat luas. Setiap penjelajahan disertakan dengan hujah-hujah baru yang berkesan dan menggunakan satu uslub penerangan yang baru pula. Pusingan-pusingan itu bermula dan berakhir dengan cara yang amat menarik, yang memberi keni'matan kepada hati dan akal di samping mengandungi faktor-faktor yang membuat manusia terpengaruh dan bersedia untuk menerima dan menyambut.

******

Pusingan pertama dimulakan selepas surah ini dibuka dengan huruf-huruf potongan. Ini untuk menjelaskan bahawa surah ini adalah disusun dari jenis huruf yang serupa dengan huruf-huruf potongan itu. Ia merupakan ayat-ayat kitab suci Al-Qur'an yang penuh hikmat. Ia merupakan petunjuk dan rahmat kepada para Muhsinin iaitu:

ٱلَّذِينَ يُقِيمُونَ ٱلصَّلَوٰةَ وَيُؤْتُونَ ٱلزَّكَوٰةَ وَهُم بِٱلْـَٔاخِرَةِ هُمْ يُوقِنُونَ ﴿٤﴾

"Iaitu orang-orang yang mendirikan solat, memberi zakat dan yakin terhadap hari Akhirat."(4)

Ayat ini menjelaskan persoalan keyakinan terhadap hari Akhirat dan persoalan ibadat kepada Allah dengan satu penerangan yang meninggalkan kesan yang nyata di dalam hati iaitu:

أُو۟لَـٰٓئِكَ عَلَىٰ هُدًى مِّن رَّبِّهِمْ ۖ وَأُو۟لَـٰٓئِكَ هُمُ ٱلْمُفْلِحُونَ ﴿٥﴾

"Merekalah yang mendapat hidayat dari Tuhan mereka dan merekalah orang-orang yang beruntung."(5)

Siapakah yang tidak mahu digolongkan dalam golongan orang-orang yang beruntung? Di sebelah yang lain pula terdapat segolongan manusia yang membeli cerita-cerita yang menghibur untuk menyesatkan (diri sendiri dan orang lain) dari jalan Allah tanpa sebarang pengetahuan dan mempersenda-sendakan ayat-ayat Al-Qur'an. Mereka dihadapkan dengan satu penerangan yang meninggalkan kesan yang menakutkan di dalam hati sesuai dengan perbuatan mereka yang mempermain-mainkan ayat-ayat Al-Qur'an:

أُو۟لَـٰٓئِكَ لَهُمْ عَذَابٌ مُّهِينٌ ﴿٦﴾

"Mereka akan mendapatkan azab yang amat menghinakan."(6)

Kemudian Al-Qur'an terus menceritakan gerak-geri golongan ini:

وَإِذَا تُتْلَىٰ عَلَيْهِ ءَايَـٰتُنَا وَلَّىٰ مُسْتَكْبِرًا كَأَن لَّمْ يَسْمَعْهَا

"Dan apabila dibacakan kepadanya ayat-ayat Kami, dia terus berpaling dengan angkuh seolah-olah dia tidak mendengarnya..."(7)

Kemudian diiringi dengan satu penerangan yang berkesan yang menghinakan golongan ini:

كَأَنَّ فِىٓ أُذُنَيْهِ وَقْرًا ۖ

"..Seolah-olah ada penyumbat di dalam telinganya..."(7)

dan satu lagi penerangan yang menakutkan yang disertakan dengan ejekan yang terang:

فَبَشِّرْهُ بِعَذَابٍ أَلِيمٍ ﴿٧﴾

"...Oleh kerana itu gembirakannya dengan balasan azab yang amat pedih."(7)

Penyampaian berita gembira di sini mengandungi ejekan yang amat nyata. Kemudian Al-Qur'an kembali kepada golongan orang-orang yang beriman dengan memberi sedikit huraian mengenai keberuntungan mereka yang diterangkan secara ringkas di permulaan surah. Ia menghuraikan tentang balasan yang akan diterima mereka di Akhirat di samping menjelaskan balasan yang akan diterima

mereka yang mempermain-mainkan ayat-ayat Al-Qur'an dan bersikap takbur:

إِنَّ ٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ وَعَمِلُوا۟ ٱلصَّٰلِحَٰتِ لَهُمْ جَنَّٰتُ
ٱلنَّعِيمِ ﴿٨﴾
خَٰلِدِينَ فِيهَا ۖ وَعْدَ ٱللَّهِ حَقًّا ۚ وَهُوَ ٱلْعَزِيزُ ٱلْحَكِيمُ ﴿٩﴾

"Sesungguhnya orang-orang yang beriman dan mengerjakan amalan-amalan yang soleh akan memperolehi Syurga-syurga yang penuh ni'mat(8). Mereka hidup kekal di dalamnya. Itulah janji Allah yang benar dan Dia Maha Perkasa dan Maha Bijaksana."(9)

Di sini Al-Qur'an menayangkan lembaran alam buana yang besar sebagai bidang bukti dan dalil yang memperlihatkan kepada fitrah manusia dari segenap sudut dan berbicara dengannya dengan seribu bahasa. Ia mengemukakan kepada fitrah manusia lunas kebenaran yang agung yang dilalui manusia tanpa disedari mereka:

خَلَقَ ٱلسَّمَٰوَٰتِ بِغَيْرِ عَمَدٍ تَرَوْنَهَا ۖ وَأَلْقَىٰ فِى ٱلْأَرْضِ
رَوَٰسِىَ أَن تَمِيدَ بِكُمْ وَبَثَّ فِيهَا مِن كُلِّ دَآبَّةٍ ۚ وَأَنزَلْنَا
مِنَ ٱلسَّمَآءِ مَآءً فَأَنۢبَتْنَا فِيهَا مِن كُلِّ زَوْجٍ كَرِيمٍ ﴿١٠﴾

"Dia (Allah) telah menciptakan langit tanpa sebarang tiang yang dapat dilihat oleh kamu, dan Dia pacakkan di bumi gunung-ganang yang memantapkannya supaya ia tidak menghoyong-hayangkan kamu, dan Dia sebarkan di bumi segala jenis binatang, dan Kami turunkan air dari langit lalu Kami tumbuhkan di bumi segala jenis tanaman yang berpasangan yang cantik."(10)

Dan di hadapan dalil-dalil alam buana yang mengkagumkan hati dan perasaan manusia ini, Al-Qur'an memegang hati-hati yang liar yang mempersekutukan Allah, sedangkan mereka melihat ciptaan-ciptaan AllahYang Agung:

هَٰذَا خَلْقُ ٱللَّهِ فَأَرُونِى مَاذَا خَلَقَ ٱلَّذِينَ مِن دُونِهِۦ ۚ
بَلِ ٱلظَّٰلِمُونَ فِى ضَلَٰلٍ مُّبِينٍ ﴿١١﴾

"Inilah ciptaan-ciptaan Allah. Oleh itu tunjukkan pula kepada-Ku apakah makhluk-makhluk yang telah diciptakan oleh tuhan-tuhan yang lain dari-Nya. Malah sebenarnya orang-orang yang zalim (kafir) itu berada di dalam kesesatan yang amat nyata."(11)

Dengan ayat yang menggambarkan kejadian-kejadian alam buana yang besar dan mendalam ini berakhirlah pusingan pertama dengan persoalan-persoalan dan penerangan-penerangannya yang berkesan yang dibentangkan di perkarangan alam buana yang amat luas.

Pusingan yang kedua pula dimulakan dari dalam jiwa manusia. Ia memperkatakan persoalan yang sama dalam bidang yang sama dengan uslub yang baru dan penerangan-penerangan menarik yang baru.

وَلَقَدْ ءَاتَيْنَا لُقْمَٰنَ ٱلْحِكْمَةَ

"Dan sesungguhnya Kami telah mengurniakan hikmat kebijaksanaan, kepada Luqman."(12)

Apakah bentuk hikmat kebijaksanaan itu? Apakah fenomenanya yang tunggal? Ia boleh diintisarikan dengan amalan menjuruskan kesyukuran kepada Allah:

أَنِ ٱشْكُرْ لِلَّهِ ۚ

"Bersyukurlah kepada Allah."(12)

Inilah hikmat kebijaksanaan dan inilah arah tujuan yang bijak. Langkah yang kedua ialah tindakan Luqman memberi nasihat kepada anaknya, iaitu satu nasihat yang bijak, yang bersih dari cacat cela kerana Luqman telah dikurniakan hikmat kebijaksanaan. Ia merupakan satu nasihat yang jujur, kerana nasihat seorang bapa kepada si anak tidak mungkin tidak jujur. Nasihat ini menjelaskan persoalan tauhid yang telah dijelaskan dalam pusingan yang pertama dan persoalan hari Akhirat yang disertai dengan penerangan-penerangan yang meninggalkan kesan di dalam jiwa bersama-sama penerangan-penerangan yang baru:

وَإِذْ قَالَ لُقْمَٰنُ لِٱبْنِهِۦ وَهُوَ يَعِظُهُۥ يَٰبُنَىَّ لَا تُشْرِكْ
بِٱللَّهِ ۖ إِنَّ ٱلشِّرْكَ لَظُلْمٌ عَظِيمٌ ﴿١٣﴾

"Dan (kenangilah) ketika Luqman berkata kepada anaknya semasa memberi nasihat kepadanya: Wahai anakku! Janganlah engkau sekutukan Allah, sesungguhnya syirik itu adalah satu kezaliman yang amat besar."(13)

Al-Qur'an menekankan persoalan ini dengan satu penerangan menarik yang lain, iaitu ia mengemukakan hubungan keibubapaan dengan uslub yang penuh kasih mesra:

وَوَصَّيْنَا ٱلْإِنسَٰنَ بِوَٰلِدَيْهِ حَمَلَتْهُ أُمُّهُۥ وَهْنًا عَلَىٰ
وَهْنٍ وَفِصَٰلُهُۥ فِى عَامَيْنِ

"Dan Kami telah menyuruh manusia supaya berbakti kepada dua orang tuanya. Dia telah dikandung ibunya yang mengalami kelemahan demi kelemahan dan masa lepas susunya dalam dua tahun."(14)

Kemudian Al-Qur'an gandingkan persoalan syukur kepada Allah dengan syukur kepada dua ibu bapa:

أَنِ ٱشْكُرْ لِى وَلِوَٰلِدَيْكَ إِلَىَّ ٱلْمَصِيرُ ﴿١٤﴾

"Bersyukurlah kepada-Ku dan kepada dua ibu bapa engkau."(14)

Kemudian Al-Qur'an menjelaskan asas pertama di dalam persoalan 'aqidah iaitu hubungan 'aqidah pastilah dijadikan hubungan yang utama, iaitu hubungan yang pasti didahulukan di atas hubungan keturunan dan hubungan darah. Walaupun hubungan keturunan dan darah merupakan satu hubungan yang mesra dan kuat namun ia hanya merupakan hubungan yang kedua dari hubungan yang utama itu:

وَإِن جَٰهَدَاكَ عَلَىٰٓ أَن تُشۡرِكَ بِي مَا لَيۡسَ لَكَ بِهِۦ
عِلۡمٞ فَلَا تُطِعۡهُمَاۖ وَصَاحِبۡهُمَا فِي ٱلدُّنۡيَا مَعۡرُوفٗاۖ
وَٱتَّبِعۡ سَبِيلَ مَنۡ أَنَابَ إِلَيَّۚ

"Dan jika mereka mendesak engkau supaya mempersekutukan-Ku dengan sesuatu yang engkau tidak mengetahui, maka janganlah engkau ta'atkan kedua-duanya, dan sahabatilah kedua mereka dengan baik di dunia ini, dan ikutilah jalan orang-orang yang kembah kepada-Ku."(15)

Di samping itu ia menjelaskan persoalan Akhirat:

ثُمَّ إِلَيَّ مَرۡجِعُكُمۡ فَأُنَبِّئُكُم بِمَا كُنتُمۡ تَعۡمَلُونَ ١٥

"Kemudian kepada-Kulah tempat kembali kamu dan Aku akan memberitahu kepada kamu segala perbuatan yang telah dilakukan kamu."(15)

Kemudian persoalan ini diiringi dengan satu penerangan yang amat berkesan ketika menggambarkan kebesaran ilmu Allah yang amat halus dan syumul yang membuat hati manusia gementar ketika ia mengikutnya di alam buana yang lebar:

يَٰبُنَيَّ إِنَّهَآ إِن تَكُ مِثۡقَالَ حَبَّةٖ مِّنۡ خَرۡدَلٖ فَتَكُن فِي
صَخۡرَةٍ أَوۡ فِي ٱلسَّمَٰوَٰتِ أَوۡ فِي ٱلۡأَرۡضِ يَأۡتِ بِهَا ٱللَّهُۚ
إِنَّ ٱللَّهَ لَطِيفٌ خَبِيرٞ ١٦

"Wahai anakku! Sesungguhnya jika sesuatu itu hanya seberat biji sawi dan sekalipun ia tersembunyi dalam batu atau berada di langit atau di bumi nescaya ia akan dibawakan Allah. Sesungguhnya Allah Maha Halus dan Maha Pakar."(16)

Kemudian Luqman menyambung nasihatnya kepada anaknya. Beliau menerangkan kepadanya tugas-tugas 'aqidah, iaitu (mendirikan solat), menyuruh berbuat ma'ruf dan melarang berbuat mungkar dan sabar menghadapi akibat-akibat yang timbul dari pelaksanaan tugas-tugas ini, iaitu akibat-akibat kesusahan dan kesulitan yang pasti dihadapi oleh penganut 'aqidah ini. Beliau mengemukakan nasihat itu mengikut peringkat-peringkatnya yang tabi'i, selangkah demi selangkah mulai dari diri sendiri kemudian menjangkau kepada yang lain:

وَٱصۡبِرۡ عَلَىٰ مَآ أَصَابَكَۖ إِنَّ ذَٰلِكَ مِنۡ عَزۡمِ ٱلۡأُمُورِ ١٧

"Dan sabarlah di atas kesusahan yang menimpa engkau. Sesungguhnya urusan sedemikian adalah dari urusan-urusan yang dilakukan dengan penuh keazaman."(17)

Di samping menyuruh berbuat ma'ruf dan melarang berbuat mungkar dan sabar menanggung kesusahan, beliau mengajar adab sopan yang wajib bagi penda'wah kepada Allah, iaitu jangan bersikap takbur terhadap orang lain kerana ia merosakkan dengan contoh teladan apa yang dibetulkan dengan percakapan:

وَلَا تُصَعِّرۡ خَدَّكَ لِلنَّاسِ وَلَا تَمۡشِ فِي ٱلۡأَرۡضِ مَرَحًاۖ إِنَّ ٱللَّهَ
لَا يُحِبُّ كُلَّ مُخۡتَالٖ فَخُورٖ ١٨
وَٱقۡصِدۡ فِي مَشۡيِكَ وَٱغۡضُضۡ مِن صَوۡتِكَۚ إِنَّ أَنكَرَ
ٱلۡأَصۡوَٰتِ لَصَوۡتُ ٱلۡحَمِيرِ ١٩

"Dan janganlah engkau palingkan pipi engkau dari manusia (kerana takbur) dan janganlah engkau berjalan di bumi dengan lagak yang angkuh. Sesungguhnya Allah tidak sukakan sekalian orang yang sombong dan membangga-banggakan diri(18). Dan sederhanakanlah dalam gaya perjalananmu dan rendahkan suaramu. Sesungguhnya suara yang paling buruk ialah suara keldai."(19)

Penerangan berkesan kepada jiwa yang menghinakan sikap sombong dan takbur itu dapat dilihat dengan jelas di dalam ungkapan ayat ini. Sampai di sini berakhirlah pusingan yang kedua yang telah memperkatakan persoalan yang sama dengan penerangan-penerangan dan uslub yang baru.

Pusingan yang ketiga dimulakan dengan pembentangan persoalan kejadian-kejadian di langit dan di bumi yang biasa disertai dengan satu penerangan berkesan yang diambil dari hubungan manusia dengan langit, bumi dan ni'mat-ni'mat yang dikurniakan kepada mereka, sedangkan mereka tidak bersyukur:

أَلَمۡ تَرَوۡاْ أَنَّ ٱللَّهَ سَخَّرَ لَكُم مَّا فِي ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَمَا فِي ٱلۡأَرۡضِ
وَأَسۡبَغَ عَلَيۡكُمۡ نِعَمَهُۥ ظَٰهِرَةٗ وَبَاطِنَةٗۗ وَمِنَ ٱلنَّاسِ مَن
يُجَٰدِلُ فِي ٱللَّهِ بِغَيۡرِ عِلۡمٖ وَلَا هُدٗى وَلَا كِتَٰبٖ مُّنِيرٖ ٢٠

"Tidakkah kamu lihat bahawa Allah telah menundukkan untuk kamu segala kejadian yang ada di langit dan di bumi dan melimpahkan ke atas kamu ni'mat-ni'mat yang zahir dan yang batin? Di antara manusia ada orang yang mempertikaikan tentang Allah tanpa sebarang ilmu, tanpa sebarang petunjuk dan tanpa sebarang kitab suci yang terang."(20)

Berpandukan penerangan ini jelaslah bahawa perbuatan mempertikaikan Allah adalah suatu

perbuatan yang dikecam oleh fitrah dan dijijikkan oleh hati yang lurus, kemudian Al-Qur'an menyambung lagi kecamannya terhadap sikap kekafiran dan kejumudan mereka:

وَإِذَا قِيلَ لَهُمُ ٱتَّبِعُوا۟ مَآ أَنزَلَ ٱللَّهُ قَالُوا۟ بَلْ نَتَّبِعُ مَا
وَجَدْنَا عَلَيْهِ ءَابَآءَنَآ ۚ

"Dan apabila dikatakan kepada mereka: Ikutilah ajaran-ajaran yang telah diturunkan Allah. Jawab mereka: Sebenarnya kami hanya mengikut ajaran yang dipegang datuk nenek kami."(21)

Ini adalah satu pendirian yang karut dan buta. Kemudian diiringi dengan satu kenyataan yang menakutkan:

أَوَلَوْ كَانَ ٱلشَّيْطَٰنُ يَدْعُوهُمْ إِلَىٰ عَذَابِ ٱلسَّعِيرِ ﴿٢١﴾

"Sekalipun syaitan mengajak mereka kepada azab Neraka."(21)

Kemudian dibentangkan pula persoalan balasan di Akhirat yang mempunyai pertalian dengan persoalan keimanan dan kekafiran:

وَمَن يُسْلِمْ وَجْهَهُۥٓ إِلَى ٱللَّهِ وَهُوَ مُحْسِنٌ فَقَدِ
ٱسْتَمْسَكَ بِٱلْعُرْوَةِ ٱلْوُثْقَىٰ ۗ وَإِلَى ٱللَّهِ عَٰقِبَةُ ٱلْأُمُورِ ﴿٢٢﴾
وَمَن كَفَرَ فَلَا يَحْزُنكَ كُفْرُهُۥٓ ۚ إِلَيْنَا مَرْجِعُهُمْ
فَنُنَبِّئُهُم بِمَا عَمِلُوٓا۟ ۚ إِنَّ ٱللَّهَ عَلِيمٌۢ بِذَاتِ ٱلصُّدُورِ ﴿٢٣﴾

"Dan barang siapa yang menyerahkan wajahnya kepada Allah, sedangkan dia mengerjakan amalan yang baik, maka sesungguhnya dia telah berpegang dengan tali yang amat kukuh. Dan kepada Allah kembalinya kesudahan segala urusan(22). Dan sesiapa yang kafir, maka janganlah kekafirannya itu merungsingkan engkau. Kepada Kami kembalinya sekalian mereka dan Kami akan memberitahu mereka segala amalan yang telah dilakukan mereka. Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui segala isi dada."(23)

Pada akhirnya Al-Qur'an menyebut tentang ilmuAllah yang amat luas dan halus: **"Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui segala isi dada"**, kemudian diiringi pula dengan satu amaran yang menakutkan:

نُمَتِّعُهُمْ قَلِيلًا ثُمَّ نَضْطَرُّهُمْ إِلَىٰ عَذَابٍ غَلِيظٍ ﴿٢٤﴾

"Kami hanya memberi keni'matan yang sebentar kepada mereka, kemudian Kami akan menyeretkan mereka ke dalam azab yang amat tebal."(24)

Sebelum menamatkan pusingan ini, Al-Qur'an membawa mereka bersemuka dengan logik fitrah mereka yang menghadapi alam buana ini. Mereka tidak berdaya melainkan mengakui Allah sebagai Pencipta Yang Maha Esa dan Maha Agung:

وَلَئِن سَأَلْتَهُم مَّنْ خَلَقَ ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَٱلْأَرْضَ لَيَقُولُنَّ
ٱللَّهُ ۚ قُلِ ٱلْحَمْدُ لِلَّهِ ۚ بَلْ أَكْثَرُهُمْ لَا يَعْلَمُونَ ﴿٢٥﴾

"Dan jika engkau bertanya mereka: Siapakah yang telah menciptakan langit dan bumi? Nescaya mereka menjawab: Allah. Katakanlah: Alhamdulillah, sebenarnya kebanyakan mereka tidak mengetahui."(25)

Pusingan ini ditamatkan dengan satu pemandangan alam buana yang menggambarkan jangkauan ilmu Allah yang tiada batas dan kebebasan iradat Allah yang tidak terhadap, dan hakikat ini dijadikan dalil atas kekuasaan Allah membangkitkan manusia selepas mati dan mengulangi ciptaan mereka dan bukti atas kekuasaan Allah menciptakan apa sahaja yang dikehendaki-Nya:

وَلَوْ أَنَّمَا فِى ٱلْأَرْضِ مِن شَجَرَةٍ أَقْلَٰمٌ وَٱلْبَحْرُ يَمُدُّهُۥ
مِنۢ بَعْدِهِۦ سَبْعَةُ أَبْحُرٍ مَّا نَفِدَتْ كَلِمَٰتُ ٱللَّهِ ۗ
إِنَّ ٱللَّهَ عَزِيزٌ حَكِيمٌ ﴿٢٧﴾
مَّا خَلْقُكُمْ وَلَا بَعْثُكُمْ إِلَّا كَنَفْسٍ وَٰحِدَةٍ ۗ إِنَّ ٱللَّهَ
سَمِيعٌۢ بَصِيرٌ ﴿٢٨﴾

"Andainya segala pokok yang ada di bumi ini dijadikan pena-pena dan lautan yang kemudiannya ditambahkan dengan tujuh lautan yang lain (dijadikan dakwat) nescaya tidak akan habis kalimat-kalimat Allah. Sesungguhnya Allah Maha Perkasa dan Maha Bijaksana (27). Penciptaan kamu dan kebangkitan kamu selepas mati hanya sama seperti mencipta dan membangkitkan seorang sahaja. Sesungguhnya Allah Maha Mendengar dan Maha Melihat."(28)

Pusingan yang keempat dimulakan dengan satu pemandangan alam buana yang memberi kesan yang khusus di dalam hati manusia iaitu pemandangan malam hari yang memanjang sehingga masuk ke dalam hari siang dan pemandangan siang hari yang memanjang sehingga masuk ke dalam hari malam, juga pemandangan matahari dan bulan yang diletakkan orbitnya masing-masing, keduanya beredar di dalam batas-batas yang telah ditetapkan Allah sehingga sampai kepada suatu masa yang tiada siapa mengetahuinya melainkan Allah yang menciptakan kedua-duanya dan mengetahui hakikat kedua-duanya, juga hakikat manusia dan amalan-amalan yang dilakukan mereka:

أَلَمْ تَرَ أَنَّ ٱللَّهَ يُولِجُ ٱلَّيْلَ فِى ٱلنَّهَارِ وَيُولِجُ ٱلنَّهَارَ
فِى ٱلَّيْلِ وَسَخَّرَ ٱلشَّمْسَ وَٱلْقَمَرَ كُلٌّ يَجْرِىٓ إِلَىٰٓ أَجَلٍ
مُّسَمًّى وَأَنَّ ٱللَّهَ بِمَا تَعْمَلُونَ خَبِيرٌ ﴿٢٩﴾

"Tidakkah engkau lihat bagaimana Allah memasukkan malam hari ke dalam siang hari dan memasukkan siang hari ke dalam malam hari dan menundukkan matahari dan bulan semuanya masing-masing beredar menuju ke satu masa yang tertentu dan sesungguhnya Allah amat mengetahui segala apa yang dilakukan kamu."(29)

Al-Qur'an menggunakan pemandangan alam buana ini sebagai dalil yang menggerakkan fitrah manusia mengenai persoalan yang terkenal ini:

ذَٰلِكَ بِأَنَّ ٱللَّهَ هُوَ ٱلْحَقُّ وَأَنَّ مَا يَدْعُونَ مِن دُونِهِ
ٱلْبَٰطِلُ وَأَنَّ ٱللَّهَ هُوَ ٱلْعَلِيُّ ٱلْكَبِيرُ ٣٠

"Peraturan itu menyaksikan bahawa Allah sahaja yang benar dari tuhan-tuhan yang didakwakan mereka selain dari Allah itu adalah palsu belaka dan sesungguhnya Allah Maha Tinggi dan Maha Besar."(30)

Kemudian Al-Qur'an menyentuh hati mereka dengan satu penerangan yang lain mengenai ni'mat Allah yang dikurniakan kepada manusia dalam bentuk kapal-kapal yang belayar di dalam lautan:

أَلَمْ تَرَ أَنَّ ٱلْفُلْكَ تَجْرِى فِى ٱلْبَحْرِ بِنِعْمَتِ ٱللَّهِ لِيُرِيَكُم
مِّنْ ءَايَٰتِهِۦٓ

"Tidakkah engkau lihat bahawa kapal-kapal itu belayar di dalam lautan dengan ni'mat Allah untuk memperlihatkan kepada kamu bukti-bukti kekuasaan-Nya."(31)

Kemudian diiringi dengan meletakkan mereka di hadapan logik fitrah ketika menghadapi malapetaka laut dengan sikap yang bersih dari perasaan takbur kerana mempunyai qudrat kuasa dan ilmu pengetahuan yang menjauhkannya dari Allah Penciptanya. Al-Qur'an menggunakan logik ini sebagai dalil dalam persoalan tauhid:

وَإِذَا غَشِيَهُم مَّوْجٌ كَٱلظُّلَلِ دَعَوُا۟ ٱللَّهَ مُخْلِصِينَ لَهُ
ٱلدِّينَ فَلَمَّا نَجَّىٰهُمْ إِلَى ٱلْبَرِّ فَمِنْهُم مُّقْتَصِدٌ وَمَا
يَجْحَدُ بِـَٔايَٰتِنَآ إِلَّا كُلُّ خَتَّارٍ كَفُورٍ ٣٢

"Dan apabila mereka dilanda gelombang lautan laksana bukit, mereka terus berdo'a kepada Allah dengan menumpukan keta'atan kepada-Nya, kemudian apabila Allah selamatkan mereka sampai ke daratan, maka hanya sebahagian dari mereka sahaja yang bersikap sederhana. Dan tiada yang mengingkarkan ayat-ayat Kami melainkan hanya pemungkir-pemungkir janji yang amat kufur."(32)

Sesuai dengan pemandangan gelombang lautan dan malapetakanya, Al-Qur'an mengingatkan mereka dengan malapetaka yang paling besar ketika menjelaskan persoalan hari Akhirat, iaitu malapetaka yang memutuskan hubungan darah yang tidak dapat diputuskan oleh mana-mana malapetaka dunia:

يَٰٓأَيُّهَا ٱلنَّاسُ ٱتَّقُوا۟ رَبَّكُمْ وَٱخْشَوْا۟ يَوْمًا لَّا يَجْزِى
وَالِدٌ عَن وَلَدِهِۦ وَلَا مَوْلُودٌ هُوَ جَازٍ عَن وَالِدِهِۦ شَيْـًٔا ۚ
إِنَّ وَعْدَ ٱللَّهِ حَقٌّ ۖ فَلَا تَغُرَّنَّكُمُ ٱلْحَيَوٰةُ ٱلدُّنْيَا
وَلَا يَغُرَّنَّكُم بِٱللَّهِ ٱلْغَرُورُ ٣٣

"Wahai manusia! Bertaqwalah kepada Allah dan takutilah hari Akhirat, di mana si bapa tidak dapat sedikit pun menyelamatkan anaknya dan si anak tidak dapat menyelamatkan bapanya. Sesungguhnya janji Allah itu benar. Oleh itu janganlah kamu diperdayakan oleh kehidupan dunia dan janganlah kamu ditipu syaitan dalam menta'ati Allah."(33)

Dengan penerangan yang menggoncangkan hati ini, maka surah ini ditamatkan dengan satu ayat yang menjelaskan semua persoalan yang telah dibicarakan tadi. Ia menjelaskan dalam satu nada kenyataan yang kuat, mendalam dan menakutkan:

إِنَّ ٱللَّهَ عِندَهُۥ عِلْمُ ٱلسَّاعَةِ وَيُنَزِّلُ ٱلْغَيْثَ
وَيَعْلَمُ مَا فِى ٱلْأَرْحَامِ ۖ وَمَا تَدْرِى نَفْسٌ مَّاذَا تَكْسِبُ
غَدًا ۖ وَمَا تَدْرِى نَفْسٌۢ بِأَىِّ أَرْضٍ تَمُوتُ ۚ إِنَّ ٱللَّهَ عَلِيمٌ
خَبِيرٌۢ ٣٤

"Sesungguhnya pengetahuan mengenai masa Qiamat itu tersimpan di sisi Allah. Dialah yang menurunkan hujan dan mengetahui kandungan di dalam rahim, dan tiada seorang pun yang mengetahui apakah yang akan diperolehinya pada esok hari, dan tiada seorang pun yang mengetahui di bumi manakah dia akan mati? Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui dan Maha Mendalam ilmu pengetahuan-Nya."(34)

Keempat-empat pusingan ini dengan segala cara dan uslub, penerangan-penerangan dan dalil-dalilnya serta susunan-susunan ayat-ayatnya merupakan satu contoh uslub Al-Qur'anul-Karim di dalam mengubati hati manusia. Uslub yang dipilih ini adalah datang dari Allah yang menciptakan hati manusia dan mengetahui segala pintu-pintunya dan segala jalan yang layak dengannya dan mendatangkan kebaikannya. Sekarang marilah kita huraikan penerangan secara umum ini dengan terperinci. Kami akan kemukakan empat pusingan ini di dalam dua pelajaran sahaja kerana adanya keselarasan dan pertalian yang erat di antara keduanya.

******

(Pentafsiran ayat-ayat 1 - 5)

الٓمٓ ١

تِلْكَ ءَايَٰتُ ٱلْكِتَٰبِ ٱلْحَكِيمِ ٢

هُدًى وَرَحْمَةً لِّلْمُحْسِنِينَ ٣

ٱلَّذِينَ يُقِيمُونَ ٱلصَّلَوٰةَ وَيُؤۡتُونَ ٱلزَّكَوٰةَ وَهُم بِٱلۡأٓخِرَةِ هُمۡ يُوقِنُونَ ④

أُوْلَٰٓئِكَ عَلَىٰ هُدٗى مِّن رَّبِّهِمۡۖ وَأُوْلَٰٓئِكَ هُمُ ٱلۡمُفۡلِحُونَ ⑤

"Alif. Laam. Miim(1). Itulah ayat-ayat kitab (Al-Qur'an) yang bijaksana(2). Menjadi hidayat dan rahmat kepada para Muhsinin(3). Iaitu orang-orang yang mendirikan solat, memberi zakat dan yakin terhadap hari Akhirat(4). Merekalah yang mendapat hidayat dari Tuhan mereka dan merekalah orang-orang yang beruntung."(5)

Al-Qur'an Bercirikan Bijaksana, Hidayat Dan Rahmat

Pembukaan surah dengan huruf-huruf potongan "Alif. Laam. Miim." dan menyatakan: **"Itulah ayat-ayat kitab Al-Qur'an yang bijaksana"** untuk mengingatkan manusia bahawa ayat-ayat kitab suci Al-Qur'an ini adalah digubah dari huruf-huruf yang sejenis dengan huruf-huruf potongan tadi sebagaimana telah dijelaskan di dalam surah-surah yang dimulakan dengan huruf-huruf potongan. Pemilihan sifat kitab suci Al-Qur'an yang telah disifatkan dengan ciri **"bijaksana"** ialah kerana maudhu' hikmat kebijaksanaan telah disebut berulang-ulang kali di dalam surah ini. Oleh sebab itulah ia dipilih sebagai satu sifat dari sifat-sifat kitab suci Al-Qur'an dalam suasananya yang sesuai mengikut cara Al-Qur'anul-Karim. Penyifatan kitab suci Al-Qur'an dengan sifat **"bijaksana"** memberikan bayangan-bayangan sifat hidup dan iradat seolah-olah Al-Qur'an itu satu makhluk hidup yang bersifat bijaksana di dalam segala kata-kata dan arahannya, juga mempunyai tujuan mengenai apa yang dikatakannya dan mempunyai matlamat yang tertentu yang dituju olehnya. Dan memang begitulah sifat Al-Qur'anul-karim. Ia mempunyai roh, mempunyai hayat, mempunyai harakat dan mempunyai keperibadian yang tersendiri. Ia menberi kemesraan dan persahabatan yang dapat dirasakan oleh mereka yang hidup bersamanya dan bernaung di bawah bayangannya. Mereka merasa rindu dan saling mesra dengannya sama seperti perasaan saling mesra yang wujud di antara orang-orang yang hidup dan di antara para sahabat.

Kitab suci Al-Qur'anul-Karim atau ayat-ayatnya adalah:

هُدٗى وَرَحۡمَةٗ لِّلۡمُحۡسِنِينَ ③

"Menjadi hidayat dan rahmat kepada para Muhsinin."(3)

Itulah sifat semulajadi Al-Qur'an yang tetap. Ia menjadi hidayat dan rahmat kepada para Muhsinin. Yakni ia memberi hidayat kepada mereka ke jalan yang menyampaikan kepada Allah, yang tidak akan menyesatkan sesiapa yang menjalaninya. Ia memberi rahmat kepada mereka, kerana ia mencurahkan ketenangan, ketenteraman dan kemantapan ke dalam hati manusia, juga kerana ia memimpin manusia ke arah pendapatan, kebajikan dan keuntungan dan kerana ia mengikatkan hubungan-hubungan yang baik di antara hati para Mu'minin yang mendapat hidayat, juga mengikatkan hubungan-hubungan yang baik di antara hati para Mu'minin dengan undang-undang alam buana yang menjadi tempat hidup mereka dengan nilai-nilai, keadaan-keadaan dan peristiwa-peristiwa yang dikenali hati yang mendapat hidayat dan fitrah yang tidak sesat dan menyeleweng.

Kesan-kesan Solat, Zakat Dan Kepercayaan Kepada Akhirat

Para Muhsinin ialah:

ٱلَّذِينَ يُقِيمُونَ ٱلصَّلَوٰةَ وَيُؤۡتُونَ ٱلزَّكَوٰةَ وَهُم بِٱلۡأٓخِرَةِ هُمۡ يُوقِنُونَ ④

"Iaitu orang-orang yang mendirikan solat, memberi zakat dan yakin terhadap hari Akhirat."(4)

Mendirikan solat dan menunaikannya dengan sempurna mengikut peraturan-peraturannya yang dilakukan dalam waktunya yang wajar, dapat merealisasikan hikmat dan kesannya dalam perasaan dan tingkahlaku seseorang, di samping mengeratkan hubungan di antara hatinya dengan Allah dan mewujudkan kemesraan dengan-Nya dan menghayati kemanisannya yang membuat hatinya sentiasa cintakan solat. Memberi zakat membolehkan seseorang itu mengatasi tabi'at bakhil semulajadinya dan menegakkan peraturan kehidupan bermasyarakat yang berlandaskan tolong-menolong dan gotong-royong. Orang-orang yang berada dan orang-orang yang tidak berada sama-sama mendapat faedah dari pemberian zakat itu iaitu mendapat perasaan percaya, tenteram dan kasih sayang yang tidak dapat dirosakkan oleh kemewahan dan kesulitan hidup. Keyakinan terhadap hari Akhirat pula merupakan jaminan kepada kesedaran hati manusia, jaminan kepada harapannya terhadap balasan-balasan dari sisi Allah, jaminan kepada usahanya untuk melepaskan diri dari belenggu-belenggu bumi, dan memandang rendah kepada keni'matan-keni'matan hidup dan sentiasa bermuraqabah dengan Allah sama ada dalam keadaan sulit atau terang, sama ada dalam urusan yang kecil atau besar, dan jaminan sampainya kepada maqam ihsan yang ditanya kepada Rasulullah s.a.w. dan dijawab oleh beliau:

الإحسان أن تعبد الله كأنك تراه فإن لم تكن تراه فإنه يراك

"Ihsan itu ialah engkau menyembah Allah seolah-olah engkau nampak-Nya dan jika engkau tidak nampak-Nya, maka Dia nampak engkau."[1]

Hubungan al-Qur'an Dengan Para Muhsinin

Untuk para Muhsinin inilah kitab suci Al-Qur'an menjadi hidayat dan rahmat kepada mereka. Oleh kerana hati mereka terbuka dan jernih, maka mereka mendapat ketenangan dan ketenteraman dalam persahabatan dengan kitab suci ini. Mereka dapat berhubung dengan hidayat dan nur yang terdapat di dalam kitab itu. Mereka memahami tujuan-tujuan dan matlamat-matlamatnya yang bijaksana. Jiwa mereka mendapat kedamaian dengannya dan merasa secocok, harmoni sehaluan dan jelas jalan yang ditujuinya. Sesungguhnya Al-Qur'an ini memberi kesannya kepada setiap hati mengikut sejauh mana hati itu peka, terbuka dan terang, juga mengikut sejauh mana kasihnya, kerinduannya dan kebanggaannya terhadap Al-Qur'an. Sesungguhnya Al-Qur'an bersifat hidup dan mesra terhadap hati yang ingin bersahabat. Ia tetap membalas perasaan-perasaan rindu dan kasih sayang yang diharapkan kepadanya.

Mereka yang mendirikan solat, memberi zakat dan yakin terhadap hari Akhirat, maka:

أُوْلَٰٓئِكَ عَلَىٰ هُدٗى مِّن رَّبِّهِمۡۖ وَأُوْلَٰٓئِكَ هُمُ ٱلۡمُفۡلِحُونَ ٥

"Merekalah yang mendapat hidayat dari Tuhan mereka dan merekalah orang-orang yang beruntung."(5)

Sesiapa yang mendapat hidayat bererti dia telah beruntung, dia telah berjalan di atas nur, ia telah sampai ke matlamat, dia telah terselamat dari kesesatan di dunia dan terselamat dari akibat-akibat kesesatan di Akhirat. Dia dapat menjalani hidupnya dengan tenang di bumi, dengan langkah-langkahnya yang selaras dengan peredaran bintang-bintang dan planet-planet, selaras dengan undang-undang alam buana. Dia merasa mesra, tenang dan saling kasih terhadap setiap makhluk di alam buana ini.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 6 - 7)

Golongan Manusia Yang Mengumpulkan Cerita-cerita Yang Melalaikan

Orang-orang yang mendapat hidayat dengan Al-Qur'an dan ayat-ayatnya, orang-orang yang Muhsinin, orang-orang yang mendirikan solat, orang-orang yang mengeluarkan zakat, orang-orang yang yakin kepada hari akhirat, orang-orang yang beruntung di dunia dan di Akhirat; mereka merupakan satu golongan manusia, dan sebagai lawan mereka terdapat pula satu golongan manusia yang lain iaitu:

وَمِنَ ٱلنَّاسِ مَن يَشۡتَرِي لَهۡوَ ٱلۡحَدِيثِ لِيُضِلَّ عَن سَبِيلِ ٱللَّهِ بِغَيۡرِ عِلۡمٖ وَيَتَّخِذَهَا هُزُوًاۚ أُوْلَٰٓئِكَ لَهُمۡ عَذَابٞ مُّهِينٞ ٦ وَإِذَا تُتۡلَىٰ عَلَيۡهِ ءَايَٰتُنَا وَلَّىٰ مُسۡتَكۡبِرٗا كَأَن لَّمۡ يَسۡمَعۡهَا كَأَنَّ فِيٓ أُذُنَيۡهِ وَقۡرٗاۖ فَبَشِّرۡهُ بِعَذَابٍ أَلِيمٍ ٧

"Dan di antara manusia ada orang-orang yang membeli cerita-cerita yang melalaikan untuk menyesatkan (dirinya dan orang lain) dari agama Allah tanpa sebarang pengetahuan dan mempersenda-sendakannya. Mereka akan mendapat azab yang amat menghinakan (6). Dan apabila dibacakan kepadanya ayat-ayat Kami, dia terus berpaling dengan angkuh seolah-olah dia tidak mendengarnya, seolah-olah ada penyumbat di dalam telinganya. Oleh kerana itu gembirakannya dengan balasan azab yang amat pedih."(7)

Yang dimaksudkan dengan cerita-cerita yang melalaikan ialah setiap percakapan yang melalaikan hati dan membuang waktu dan tidak mendatangkan sebarang kebaikan dan hasil yang layak dengan tugas manusia yang dilantik sebagai khalifah di bumi dengan tujuan supaya ia mengimarahkannya dengan kebajikan, keadilan dan kebaikan. Islam telah pun menjelaskan garis-garis tugas ini, menerangkan tabi'atnya, batas-batasnya dan sarana-sarananya dan menggariskan jalan-jalan pelaksanaannya. Ayat ini adalah satu ayat yang umum untuk menggambarkan satu contoh manusia yang wujud di setiap zaman dan tempat. Setengah-setengah riwayat menyebut bahawa ayat ini adalah untuk menggambarkan satu peristiwa yang tertentu yang berlaku di dalam angkatan Jamaah Islam yang pertama, di mana an-Nadhr ibn al-Harith telah membeli kitab-kitab yang mengandungi dongeng-dongeng bangsa Parsi dan cerita-cerita pahlawan-pahlawan dan peperangan mereka, kemudian dia duduk di tengah jalan yang dilalui orang-orang Islam yang pergi untuk mendengar Al-Qur'an dari Rasulullah s.a.w. dengan tujuan untuk menarik hati mereka mendengar cerita-cerita dongeng itu supaya mereka meminggirkan kisah-kisah Al-Qur'an. Tetapi sebenarnya tujuan ayat ini adalah lebih umum dari peristiwa khusus ini lagi andainya riwayat ini sahih. Ayat ini menggambarkan satu golongan manusia yang mempunyai ciri-ciri yang jelas. Mereka wujud di setiap masa dan pernah wujud di zaman da'wah pertama dalam masyarakat Makkah di mana turunnya ayat ini.

وَمِنَ ٱلنَّاسِ مَن يَشۡتَرِي لَهۡوَ ٱلۡحَدِيثِ

"Dan di antara manusia ada orang-orang yang membeli cerita-cerita yang melalaikan."(6)

Mereka membelinya dengan hartanya, dengan waktunya dan dengan hidupnya. Mereka membayar dengan harga-harga yang mahal untuk mendapat hiburan yang murah dan membuang umur yang

---

[1] *Hadith ini dikeluarkan oleh al-Bukhari dan Muslim dalam Kitab al-Iman.*

terbatas yang tidak dapat dikembalikan semula. Dia membeli cerita-cerita yang melalaikan ini **"Untuk menyesatkan (dirinya dan orang lain) dari agama Allah tanpa sebarang pengetahuan dan mempersenda-sendakannya"** yakni dia seorang yang jahil dan terhijab (dari nur hidayat), dia tidak bertindak dengan ilmu pengetahuan, tidak mempunyai tujuan yang bijak, malah dia mempunyai niat dan tujuan yang jahat. Dia mahu menyesatkan orang ramai dari jalan Allah, iaitu menyesatkan dirinya sendiri dan orang lain dengan cerita-cerita yang melalaikan ini, iaitu cerita-cerita yang membuang umurnya. Dia seorang yang biadab yang memperolok-olokkan agama Allah dan mempermain-mainkan peraturan hidup yang telah diaturkan Allah untuk kehidupan manusia. Justeru itulah Al-Qur'an melayani golongan ini dengan penghinaan dan ancaman sebelum ia menyempurnakan gambaran mereka **"mereka akan mendapat azab yang amat menghinakan".** Ia sifatkan azab itu sebagai **"azab yang amat menghinakan"** dengan tujuan membalas perbuatan mereka yang biadab yang memperolok-olokkan agama Allah yang lurus.

Kemudian Al-Qur'an kembali menyempurnakan gambaran golongan ini:

وَإِذَا تُتْلَىٰ عَلَيْهِ ءَايَٰتُنَا وَلَّىٰ مُسْتَكْبِرًا كَأَن لَّمْ
يَسْمَعْهَا

"Dan apabila dibacakan kepadanya ayat-ayat Kami, dia terus berpaling dengan angkuh seolah-olah dia tidak mendengarnya."(7)

Pemandangan ini menggambarkan keadaan gerak-geri manusia yang angkuh, enggan menerima dan bersikap menghina. Oleh itu Al-Qur'an memberi tikaman yang menghinakan keadaan gerak-gerinya:

كَأَنَّ فِىٓ أُذُنَيْهِ وَقْرًا ۖ

"Seolah-olah ada penyumbat di dalam telinganya."(7)

Seolah-olah keberatan pendengarannya itulah yang menghalanginya dari mendengar ayat-ayat Al-Qur'an yang mulia. Tentulah tidak ada orang yang mempunyai telinga yang dapat mendengar ayat-ayat Al-Qur'an ini kemudian ia menolaknya dalam bentuk yang amat keji ini. Kemudian kenyataan yang menghinakan itu diakhiri dengan ejekan yang amat jelas:

فَبَشِّرْهُ بِعَذَابٍ أَلِيمٍ ﴿٧﴾

"Oleh kerana itu gembirakannya dengan balasan azab yang amat pedih."(7)

Berita gembira yang dimaksudkan di sini tidak lain me-lainkan sejenis penghinaan yang, sesuai dengan orang-orang yang takbur dan suka memperolok-olokkan agama Allah.

******

(Pentafsiran ayat-ayat 8 - 9)

Hubungan Iman Dan Amalan Yang Soleh

Sesuai dengan penerangan mengenai balasan terhadap orang-orang kafir yang angkuh dan menolak da'wah itu, maka Al-Qur'an menerangkan pula dengan lebih terperinci balasan keuntungan kepada orang-orang Mu'min yang mengerjakan amalan yang soleh yang telah pun diterangkan di permulaan surah ini dengan ringkas:

إِنَّ ٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ وَعَمِلُوا۟ ٱلصَّٰلِحَٰتِ لَهُمْ جَنَّٰتُ
ٱلنَّعِيمِ ﴿٨﴾
خَٰلِدِينَ فِيهَا ۖ وَعْدَ ٱللَّهِ حَقًّا ۚ وَهُوَ ٱلْعَزِيزُ ٱلْحَكِيمُ ﴿٩﴾

"Sesungguhnya orang-orang yang beriman dan mengerjakan amalan-amalan yang soleh akan memperolehi Syurga-syurga yang penuh ni'mat(8). Mereka hidup kekal di dalamnya. Itulah janji Allah yang benar dan Dia Maha Perkasa dan Maha Bijaksana."(9)

Apabila Al-Qur'anul-Karim menyebut balasan, maka sebelum itu ia selalu menyebut amalan yang soleh bersama iman, kerana tabi'at 'aqidah Islam menghendaki bahawa iman itu tidak hanya sekadar berada di dalam hati manusia sebagai hakikat yang mujarrad, pasif, beku dan tersembunyi di dalam hati sahaja, malah iman merupakan satu hakikat yang hidup, dinamis dan bergerak. Sebaik sahaja iman bertapak di dalam hati dan berkembang dengan sempurna ia akan terus bertindak untuk menonjolkan dirinya di dalam bentuk amalan, pergerakan dan tingkahlaku, juga untuk menterjemahkan tabi'atnya dengan kesan-kesan yang nyata di alam kenyataan, iaitu kesan-kesan yang mencerminkan apa yang tersembunyi di dalam alam dhamir.

Orang-orang yang beriman dan membuktikan keimanan mereka dengan amalan-amalan yang soleh, mereka **"Akan memperolehi Syurga-syurga yang penuh ni'mat".** Mereka akan memperolehi Syurga-syurga dan hidup yang kekal sebagai menepati janji Allah, **"Itulah janji Allah yang benar".** Limpah kemurahan Allah terhadap para hamba-Nya sampai kepada tahap komitmen yang mewajibkan dirinya mengurniakan ihsan kepada mereka sebagai balasan terhadap amalan mereka yang baik terhadap diri mereka sendiri bukannya terhadap Allah, kerana Allah Maha Kaya dan tidak berhajat kepada sekalian makhluk. **"Dan Dia Maha Perkasa dan Maha Bijaksana"** yakni Maha Kuasa untuk melaksanakan janji-Nya dan Maha Bijaksana menciptakan makhluk-Nya, menetapkan janji-Nya dan melaksanakannya.

******

(Pentafsiran ayat-ayat 10 - 11)

Bukti kekuasaan dan kebijaksanaan Allah dan dalil-dalil persoalan-persoalan yang lepas yang dibicarakan di dalam surah ini ialah alam buana yang amat luas ini. Tiada siapa dan tiada seorang manusia pun yang boleh mendakwa bahawa dialah yang menciptakan alam ini selain dari Allah. Alam buana yang luas ini mempunyai peraturan yang rapi. Ia diciptakan dengan susunan-susunan yang amat seimbang yang mengkagumkan hati. Alam buana menghadapi fitrah manusia dengan terus terang hingga fitrah itu tidak berdaya melepaskan diri darinya atau berpaling darinya, ia tidak berupaya selain dari mengakui Wahdaniyah Allah Pencipta Yang Maha Agung dan mengakui kesesatan orang-orang yang mempersekutukan Allah dengan tuhan-tuhan palsu yang lain sebagai suatu perbuatan yang menzalimi kebenaran yang amat terang dan nyata:

خَلَقَ ٱلسَّمَٰوَٰتِ بِغَيۡرِ عَمَدٖ تَرَوۡنَهَاۖ وَأَلۡقَىٰ فِي ٱلۡأَرۡضِ
رَوَٰسِيَ أَن تَمِيدَ بِكُمۡ وَبَثَّ فِيهَا مِن كُلِّ دَآبَّةٖۚ وَأَنزَلۡنَا
مِنَ ٱلسَّمَآءِ مَآءٗ فَأَنۢبَتۡنَا فِيهَا مِن كُلِّ زَوۡجٖ كَرِيمٍ ١٠
هَٰذَا خَلۡقُ ٱللَّهِ فَأَرُونِي مَاذَا خَلَقَ ٱلَّذِينَ مِن دُونِهِۦۚ
بَلِ ٱلظَّٰلِمُونَ فِي ضَلَٰلٖ مُّبِينٖ ١١

"Dia (Allah) telah menciptakan langit tanpa sebarang tiang yang dapat dilihat oleh kamu, dan Dia pacakkan di bumi gunung-ganang yang memantapkannya supaya ia tidak menghoyong-hayangkan kamu, dan Dia sebarkan di bumi segala jenis binatang, dan Kami turunkan air dari langit lalu Kami tumbuhkan di bumi segala jenis tanaman yang berpasangan yang cantik(10). Inilah ciptaan-ciptaan Allah. Oleh itu tunjukkan pula kepada-Ku apakah makhluk-makhluk yang telah diciptakan oleh tuhan-tuhan yang lain dari-Nya. Malah sebenarnya orang-orang yang zalim (kafir) itu berada di dalain kesesatan yang amat nyata."(11)

Pengertian Langit Dan Keagungannya

Langit dengan pengertiannya yang zahir - pengertian tanpa kajian yang mendalam di dalam mana-mana penyelidikan ilmiyah yang canggih - yang mencabar penglihatan dan hati manusia adalah satu makhluk yang amat besar, amat luas dan amat tinggi. Sama ada yang dikatakan langit itu ialah planet-planet, bintang-bintang, galaksi-galaksi, nebula-nebula yang terapung-apung di angkasa lepas yang tiada siapa mengetahui rahsianya dan batas sempadannya selain Allah, atau yang dikatakan langit itu ialah kubah atau bumbung alam yang dilihat dengan mata dan tiada siapa yang mengetahui hakikatnya... sama ada itu atau ini yang dikatakan langit, namun yang tetap wujud di sana ialah makhluk-makhluk yang amat besar yang tergantung-gantung tanpa tiang-tiang yang memegangnya. Ia boleh dilihat oleh manusia di mana sahaja mata mereka memandang sama ada di waktu malam atau siang walaupun sejauh mana mereka belayar di atas planet bumi mereka. Dengan hanya melihat dengan mata kasar sahaja tanpa memahami hakikat besarnya yang memeningkan kepala itu sudah cukup untuk menimbulkan perasaan gementar di dalam hati manusia terhadap kebesaran langit yang tiada kelihatan batas dan penghabisannya itu, terhadap peraturan yang amat mengkagumkan, yang memegang makhluk-makhluk yang besar itu dengan begitu rapi, terhadap keindahan langit yang tidak jemu dipandang mata dan tidak puas diteliti hati. Keindahannya menawan seluruh hati dan membuat hati tidak mahu pulang walaupun sepanjang mana ia merenunginya. Bagaimana pula nanti andainya seseorang itu tahu bahawa setiap noktah dari noktah-noktah yang kecil yang terapung-apung dan bersinar di angkasa raya itu adalah mungkin berjuta-juta kali lebih besar dari bumi yang menanggungnya.

Bumi Dengan Kejadian-kejadiannya Yang Mena'jubkan

Dari penjelajahan yang jauh di angkasa lepas berdasarkan penerangan sepintas lalu ayat **"Dia (Allah) telah menciptakan langit tanpa sebarang tiang yang dapat dilihat oleh kamu"**, Al-Qur'an membawa hati manusia kembali ke bumi yang amat kecil seperti debu yang tidak sampai sebesar sebiji abus dalam blok alam buana yang amat besar ini. Ia membawa hati manusia pulang ke bumi yang dilihatnya amat luas saujana, yang tidak sempat dijelajahi oleh seseorang manusia di merata pelosoknya di dalam usianya yang pendek walaupun seluruh umumya dihabiskan di dalam penjelajahan dan pengembaraan yang tidak berhenti-henti, ia membawa hati manusia pulang ke bumi supaya ia melihat bumi itu semula dengan hatinya yang terbuka dan penuh sedar dan supaya ia menghapuskan rasa jemu kerana terlalu kerap dan terlalu biasa melihat pemandangan-pemandangan bumi yang mena'jubkan itu.

وَأَلۡقَىٰ فِي ٱلۡأَرۡضِ رَوَٰسِيَ أَن تَمِيدَ بِكُمۡ

"Dan Dia pacakkan di bumi gunung-ganang yang memantapkannya supaya ia tidak menghoyong-hayangkan kamu."(10)

Menurut ahli kaji bumi gunung-ganang itu ialah lengkungan-lengkungan yang mengalun di kulit bumi akibat kesejukan perut bumi dan kebekuan gas-gas di dalamnya, serta kesusutan saiz gas yang menyebabkan kulit bumi itu mengecut dan berkelok-kelok melahirkan kawasan-kawasan tanah tinggi dan tanah rendah mengikut kekecutan perut bumi dan saiz gas-gas ketika ia sejuk dan merosot di sana sini. Sama ada teori ini betul atau tidak, namun Al-Qur'an menjelaskan bahawa kewujudan gunung-ganang itu dapat memeliharakan imbangan bumi, memantapkan kedudukannya, tidak terhoyong-hayang, terumbang-ambing dan bergoyang-goyang. Mungkin teori ahli kajibumi ini betul dan penonjolan gunung-ganang dalam bentuknya yang ada sekarang dapat

memelihara imbangan kedudukan bumi ketika berlakunya kekecutan gas-gas dan kesusutan kulit bumi di sana sini. Oleh itu penonjolan gunung-ganang itu dapat mengimbangkan kerendahan kawasan tanah yang wujud dikulit bumi. Tetapi di dalam segala hal, keterangan Allah itulah yang merupakan keterangan yang paling unggul, kerana Allah merupakan pemberi keterangan yang paling benar.

وَبَثَّ فِيهَا مِن كُلِّ دَآبَّةٍ

"Dan Dia sebarkan di bumi segala jenis binatang."(10)

Inilah salah satu keajaiban alam buana yang besar, kerana kewujudan hayat dimuka bumi ini merupakan satu rahsia yang tiada siapa pun boleh mendakwa bahawa dia mengetahuinya dan boleh memberi pentafsirannya, iaitu rahsia hayat pada bentuk pertamanya iaitu bentuk sel yang tunggal yang bersahaja dan amat kecil. Bagaimana pula dengan rahsia hayat yang besar di dalam berbagai-bagai jenis, spesies dan bentuk rupa yang tidak dapat diketahui dan dikira manusia? Walaupun demikian, kebanyakan manusia melalui di hadapan keajaiban-keajaiban ini dengan mata yang tertutup dan dengan hati yang membuta seolah-olah mereka melalui di hadapan sesuatu yang biasa yang tidak menarik perhatian, sedangkan mereka berdiri kagum di hadapan alat rekaan manusia yang bersahaja, kecil dan mudah pula susunannya apabila dibandingkan dengan salah satu sel yang hidup dengan pergerakannya yang tersusun begitu halus dan mena'jubkan. Apatah lagi dengan hidup-hidupan lain yang lebih canggih, dan lebih-lebih lagi kejadian manusia yang mempunyai tubuh badan yang mengandungi ratusan makmal kimia yang aneh, ratusan stor simpanan dan pembahagian, ratusan stesyen radio untuk mengirim dan menerima perutusan dan ratusan fungsi yang canggih yang tiada siapa mengetahui rahsianya selain Allah Yang Maha Mengetahui dan Maha Pakar.

Di Sebalik Turunnya Air Hujan Dan Tumbuhnya Tumbuhan

وَأَنزَلْنَا مِنَ ٱلسَّمَآءِ مَآءً فَأَنۢبَتْنَا فِيهَا مِن كُلِّ زَوْجٍ كَرِيمٍ ﴿١٠﴾

"Dan Kami turunkan air dari langit lalu kami tumbuhkan di bumi segala jenis tanaman yang berpasangan yang cantik."(10)

Turunnya air dari langit merupakan salah satu dari keajaiban-keajaiban alam buana yang kita laluinya dengan hati yang lalai. Air yang memenuhi sungai-sungai, tasik-tasik dan memancurkan matair-matair adalah turun dari langit mengikut satu peraturan yang amat rapi yang ada hubungan dengan peraturan langit dan bumi dengan nisbah-nisbah dan dimensi-dimensi jarak yang tertentu di antara keduanya, juga dengan tabi'at dan susunan kejadiannya.

Tumbuhnya tumbuh-tumbuhan dari bumi setelah turunnya air merupakan satu lagi keajaiban yang tidak putus-putus, iaitu keajaiban hayat, keajaiban timbulnya berbagai-bagai jenis makhluk yang hidup dan keajaiban warisan sifat-sifat yang tersembunyi di dalam benih yang kecil untuk menonjolkan dirinya pada tumbuh-tumbuhan dan pokok yang besar. Kajian mengenai pengagihan warna-warni pada sekuntum bunga pada satu tumbuhan akan membawa hati yang terbuka kepada lubuk rahsia hayat dan kepada lubuk iman kepada Allah yang telah menciptakan hayat itu.

Al-Qur'an menjelaskan bahawa Allah menumbuhkan tanaman itu dengan berpasang-pasangan yang cantik. Ini adalah satu hakikat besar yang baru diketahui oleh sains melalui penyelidikan. Setiap tumbuhan mempunyai sel-sel jantan dan sel-sel betina sama ada terkumpul pada sekuntum bunga atau pada dua kuntum bunga di ranting yang sama atau terpisah pada dua ranting atau pada dua pokok. Buah tidak akan wujud melainkan selepas berlakunya proses pertemuan atau perkahwinan di antara pasangan tumbuh-tumbuhan sebagaimana yang berlaku pada haiwan dan insan.

Pasangan itu disifatkan dengan **"Karim"** (cantik) ini memberi satu pengertian khusus yang dikehendaki di tempat ini supaya pasangan-pasangan itu layak menjadi **"Ciptaan Allah"** dan supaya ia dapat ditunjukkan kepada semua mata **"Inilah ciptaan Allah"** dan dengan ini Allah mencabar mereka dan dakwaan mereka yang karut:

هَٰذَا خَلْقُ ٱللَّهِ فَأَرُونِى مَاذَا خَلَقَ ٱلَّذِينَ مِن دُونِهِۦ

"Inilah ciptaan-ciptaan Allah. Oleh itu tunjukkan pula kepada-Ku apakah makhluk-makhluk yang telah diciptakan oleh tuhan-tuhan yang lain dari-Nya."(11)

Dengan ini dapatlah pula dia membuat kesimpulan yang amat tepat dengan waktunya:

بَلِ ٱلظَّٰلِمُونَ فِى ضَلَٰلٍ مُّبِينٍ ﴿١١﴾

"Malah sebenarnya orang-orang yang zalim (kafir) itu berada di dalam kesesatan yang amat nyata."(11)

Manakah kesesatan dan kezaliman yang lebih dari perbuatan syirik di tengah-tengah pameran alam buana yang amat gemilang dan besar ini?

* * * * * *

(Pentafsiran ayat 12)

Kemudian pusingan yang kedua dimulakan dalam satu cara penerangan yang baru iaitu penerangan melalui cerita dan bimbingan secara tidak langsung. Ia memperkatakan persoalan syukur kepada Allah Yang Maha Esa sahaja dan membersihkan-Nya dari segala

jenis syirik, juga persoalan Akhirat, amalan dan balasan di tengah-tengah cerita itu:

Luqman Dan Nasihatnya Yang Bijaksana

وَلَقَدْ ءَاتَيْنَا لُقْمَٰنَ ٱلْحِكْمَةَ أَنِ ٱشْكُرْ لِلَّهِ ۚ وَمَن يَشْكُرْ
فَإِنَّمَا يَشْكُرُ لِنَفْسِهِۦ ۖ وَمَن كَفَرَ فَإِنَّ ٱللَّهَ غَنِىٌّ
حَمِيدٌ ﴿١٢﴾

"Dan sesungguhnya Kami telah mengurniakan hikmat kepada Luqman (dia berkata): Bersyukurlah kepada Allah dan barang siapa yang bersyukur, maka sesungguhnya dia bersyukur untuk (kebaikan) dirinya dan barang siapa yang kufur, maka sesungguhnya Allah Maha Kaya dan Maha Terpuji."(12)

Hakikat siapakah Luqman yang dipilih oleh Al-Qur'an sebagai jurucakap yang menerangkan persoalan-persoalan tauhid dan Akhirat telah diterangkan oleh berbagai-bagai riwayat-riwayat, ada riwayat yang mengatakan beliau itu seorang nabi dan ada riwayat yang mengatakan beliau hanya seorang hamba yang soleh bukannya nabi. Kebanyakan Mufassirin berpegang dengan riwayat yang kedua ini. Kemudian dicerita pula bahawa beliau adalah seorang hamba bangsa Habsyah, dan ada pula cerita mengatakan beliau seorang yang berasal dari Nubah (di Timur Laut Afrika). Begitu juga ada cerita yang mengatakan beliau hidup dalam kalangan Bani Israel sebagai salah seorang dari hakim-hakim mereka. Walau bagaimanapun hakikat beliau, namun Al-Qur'an telah menjelaskan bahawa beliau telah dikurniakan Allah hikmat yang isi kandungan dan tujuannya ialah bersyukur kepada Allah, **"Dan sesungguhnya Kami telah mengurniakan hikmat kepada Luqman (dia berkata) Bersyukurlah kepada Allah"**, ini adalah bimbingan Al-Qur'an secara tidak langsung supaya bersyukur kepada Allah sebagai mencontohi Luqmanul-Hakim yang telah dipilih untuk mengemukakan kisahnya dan perkataannya. Di samping bimbingan secara tidak langsung ini terdapat pula satu bimbingan yang lain, iaitu kesyukuran kepada Allah merupakan satu bekalan yang berguna kepada orang yang bersyukur, sedangkan Allah terkaya darinya. Allah itu terpuji dengan zat-Nya walaupun tidak dipuji oleh sesiapa pun dari makhluk-Nya:

وَمَن يَشْكُرْ فَإِنَّمَا يَشْكُرُ لِنَفْسِهِۦ ۖ وَمَن كَفَرَ فَإِنَّ
ٱللَّهَ غَنِىٌّ حَمِيدٌ ﴿١٢﴾

"Dan barang siapa yang bersyukur, maka sesungguhnya dia bersyukur untuk (kebaikan) dirinya dan barang siapa yang kufur, maka sesungguhnya Allah adalah Maha Kaya dan Maha Terpuji."(12)

Oleh itu orang yang paling tolol ialah orang yang tidak mengikut hikmat ini dan tidak mengumpul modal bekalan yang seperti ini untuk faedah dirinya.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat 13)

Perbuatan Syirik Merupakan Kezaliman Terhadap Allah

Kemudian datang pula persoalan tauhid di dalam bentuk nasihat Luqmanul-Hakim kepada anaknya:

وَإِذْ قَالَ لُقْمَٰنُ لِٱبْنِهِۦ وَهُوَ يَعِظُهُۥ يَٰبُنَىَّ لَا تُشْرِكْ
بِٱللَّهِ ۖ إِنَّ ٱلشِّرْكَ لَظُلْمٌ عَظِيمٌ ﴿١٣﴾

"Dan (kenangilah) ketika Luqman berkata kepada anaknya semasa memberi nasihat kepadanya: Wahai anakku! Janganlah engkau sekutukan Allah, sesungguhnya syirik itu adalah satu kezaliman yang amat besar."(13)

Ini adalah satu nasihat yang jujur kerana tiada lain tujuan seorang bapa melainkan supaya anaknya mendapat kebaikan dan tiada sikap yang wajar bagi seorang bapa terhadap anaknya melainkan memberi nasihat. Di sini Luqmanul-Hakim melarang anaknya dari mempersekutukan, Allah dengan alasan bahawa perbuatan syirik adalah suatu kezaliman yang amat besar. Beliau menekankan hakikat ini dua kali. Sekali dengan mengemukakan larangan dan menjelaskan alasannya dan sekali lagi dengan menggunakan kata-kata penguat iaitu **"inna"** dan **"lam"** pada **"lazulmun"**. Inilah hakikat yang dikemukakan Nabi Muhammad s.a.w. kepada kaumnya lalu mereka mempertikaikannya dan mengatakan penceritaan ini sebagai ada udang di sebalik batu. Mereka takut penceritaan ini bertujuan untuk mencabut kekuasaan mereka dan menunjukkan kelebihan ke atas mereka. Apakah yang ada pada nasihat Luqmanul-Hakim yang dikemukakan kepada anaknya? Tidakkah nasihat seorang bapa kepada anaknya itu bersih dari segala keraguan dan jauh dari segala sangkaan yang buruk? Sebenarnya itulah hakikat yang amat tua yang disebut oleh setiap orang yang dikurniakan Allah pengetahuan hikmat yang bertujuan semata-mata untuk kebaikan bukannya tujuan yang lain darinya. Inilah penerangan psikologi yang dimaksudkan di sini.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 14 - 15)

Di bawah bayangan nasihat bapa kepada anak, Al-Qur'an menjelaskan hubungan di antara dua ibu bapa dan anak-anak dengan uslub yang amat halus. Ia menggambarkan hubungan itu dengan satu gambaran yang menarik, penuh mesra dan lemah lembut, namun demikian hubungan 'aqidah adalah tetap diutamakan dari hubungan darah yang erat itu:

وَوَصَّيْنَا ٱلْإِنسَٰنَ بِوَٰلِدَيْهِ حَمَلَتْهُ أُمُّهُۥ وَهْنًا عَلَىٰ
وَهْنٍ وَفِصَٰلُهُۥ فِى عَامَيْنِ أَنِ ٱشْكُرْ لِى وَلِوَٰلِدَيْكَ
إِلَىَّ ٱلْمَصِيرُ ﴿١٤﴾

وَإِن جَٰهَدَاكَ عَلَىٰٓ أَن تُشۡرِكَ بِي مَا لَيۡسَ لَكَ بِهِۦ
عِلۡمٞ فَلَا تُطِعۡهُمَاۖ وَصَاحِبۡهُمَا فِي ٱلدُّنۡيَا مَعۡرُوفٗاۖ
وَٱتَّبِعۡ سَبِيلَ مَنۡ أَنَابَ إِلَيَّۚ ثُمَّ إِلَيَّ مَرۡجِعُكُمۡ
فَأُنَبِّئُكُم بِمَا كُنتُمۡ تَعۡمَلُونَ ١٥

"Dan Kami telah menyuruh manusia supaya berbakti kepada dua orang tuanya. Dia telah dikandung ibunya yang mengalami kelemahan demi kelemahan dan masa lepas susunya dalam dua tahun. Bersyukurlah kepada-Ku dan kepada dua ibu bapa engkau dan kepada-Ku tempat kembali(14). Dan jika mereka berdua, mendesak engkau supaya mempersekutukan-Ku dengan sesuatu yang engkau tidak mengetahui, maka janganlah engkau ta'atkan kedua-duanya dan sahabatilah kedua mereka dengan baik di dunia ini, dan ikutilah jalan orang-orang yang kembali kepada-Ku, kemudian kepada-Kulah tempat kembali kamu dan Aku akan memberitahu kepada kamu segala perbuatan yang telah dilakukan kamu."(15)

Berbakti Kepada Ibu Bapa

Perintah kepada anak-anak supaya berbuat baik kepada ibu bapa berulang-ulang kali disebut di dalam Al-Qur'anul-Karim dan di dalam suruhan-suruhan Rasulullah s.a.w., tetapi perintah kepada ibu bapa supaya berbuat baik kepada anak-anak hanya disebut sedikit sahaja dan kebanyakannya mengenai peristiwa menanam anak hidup-hidup, iaitu satu peristiwa tertentu yang berlaku di dalam suasana-suasana tertentu. Ini disebabkan kerana fitrah semulajadi sahaja sudah cukup untuk mendorong ibu bapa mengambil berat terhadap keselamatan anak-anaknya. Fitrah semulajadi memang didorong ke arah melindungi generasi baru untuk menjamin kesinambungan hayat sebagaimana yang dikehendaki Allah. Ibu bapa akan mengorbankan tubuh badan mereka, saraf mereka, umur mereka dan segala sesuatu yang mahal yang dimiliki mereka demi kepentingan anak-anak mereka. Mereka membuat pengorbanan-pengorbanan itu tanpa bersungut atau mengadu, malah tanpa kesedaran mereka, malah mereka berkorban dengan cergas dan senang hati seolah-olah merekalah yang menerima. Pendeknya fitrah semulajadi sudah cukup untuk mendorong ibu bapa menjaga anak-anaknya tanpa perintah, tetapi kepada si anak pula ia perlu diperintah berulang-ulang kali supaya memberi perhatian kepada generasi ibu bapa yang berkorban dan yang berundur ke belakang hayat setelah mencurahkan usia dan jiwa mereka kepada generasi baru yang menghadapi masa depan hayat. Si anak tidak dapat menggantikan separuh pengorbanan yang telah dilakukan orang tuanya walaupun dia memberi seluruh umurnya untuk mereka. Gambaran menarik di dalam ayat **"Dia telah dikandung ibunya yang mengalami kelemahan demi kelemahan dan masa lepas susunya dalam dua tahun"** adalah menggambarkan bayangan dari pengorbanan mereka yang luhur itu. Si ibu sudah tentu menanggung habuan pengorbanan yang lebih besar dan dia melakukan pengorbanan itu dengan perasaan kasih mesra yang lebih hebat, lebih mendalam, lebih lembut dan halus. Al-Hafiz Abu Bakr al-Bazzar telah meriwayatkan dalam musnadnya dengan sanadnya dari Burayd dari bapanya bahawa seorang lelaki mengerjakan tawaf dengan mendukung ibunya lalu dia bertanya Nabi s.a.w.: "Adakah saya telah membayar haknya (ibunya)?" Jawab beliau: "Tidak, tidak, walau senafas pun". Demikianlah dia tidak dapat membalas budi ibunya walau senafas pun dari masa ia mengandung atau masa dia bersalin. Dia mengandungnya dengan mengalami kelemaham demi kelemahan.

Di bawah bayangan gambaran yang penuh mesra itu, Al-Qur'an menyuruh manusia supaya bersyukur kepada Allah selaku Pengurnia ni'mat yang pertama dan berterima kasih kepada ibu bapa selaku pembuat budi atau pemberi ni'mat yang kedua. Al-Qur'an mengatur kewajipan, mula-mula bersyukur kepada Allah kemudian berterima kasih kepada dua ibu bapa:

أَنِ ٱشۡكُرۡ لِي وَلِوَٰلِدَيۡكَ

"Bersyukurlah kepada-Ku dan kepada dua ibu bapa engkau"(14)

kemudian ia kaitkan hakikat ini dengan hakikat hari Akhirat **"Dan kepada-Ku tempat, kembali"**, di mana bergunanya modal bekalan amalan bersyukur itu.

Tetapi hubungan dua ibu bapa dengan anak itu walaupun begitu erat, mesra dan mulia, namun dalam susunan tertib ia hanya menduduki tempat yang kedua selepas hubungan 'aqidah. Baki perintah kepada manusia dalam hubungan mereka dengan ibu bapa ialah:

وَإِن جَٰهَدَاكَ عَلَىٰٓ أَن تُشۡرِكَ بِي مَا لَيۡسَ لَكَ بِهِۦ
عِلۡمٞ فَلَا تُطِعۡهُمَاۖ

"Dan jika mereka berdua mendesak engkau supaya mempersekutukan-Ku dengan sesuatu yang engkau tidak mengetahui, maka janganlah engkau ta'atkan kedua-duanya."(15)

Sampai di sini gugurlah kewajipan ta'at kepada dua ibu bapa, dan di sinilah meningkatnya hubungan 'aqidah meng-atasi segala hubungan yang lain. Walau bagaimana hebat usaha, perjuangan, desakan dan penerangan yang dikemukakan oleh ibu bapa dengan tujuan memujuk sianak supaya mempersekutukan Allah dengan sesuatu yang tidak diketahui ketuhanannya, maka dia diperintah supaya jangan ta'at kepada kehendak dua ibu bapa itu. Itulah perintah dari Allah selaku tuan punya hati yang pertama yang pasti dita'ati.

Tetapi perbezaan 'aqidah di antara anak dan ibu bapa, juga perintah supaya jangan menta'ati ibu bapa dalam perkara-perkara yang bertentangan dengan 'aqidah, tidaklah menggugurkan hak ibu bapa dari mendapat layanan yang baik dan persahabatan yang mesra dari anak-anaknya:

وَصَاحِبْهُمَا فِي ٱلدُّنْيَا مَعْرُوفًا

"Dan sahabatilah kedua mereka dengan baik di dunia ini."(15)

Hidup dunia ini hanya merupakan satu perjalanan yang pendek yang tidak menjejaskan hakikat yang pokok:

وَٱتَّبِعْ سَبِيلَ مَنْ أَنَابَ إِلَيَّ

"Dan ikutilah jalan orang-orang yang kembali kepada-Ku."(15)

Itulah jalan orang-orang yang beriman.

ثُمَّ إِلَيَّ مَرْجِعُكُمْ

"Kemudian kepada-Kulah tempat kembali kamu."(15)

Iaitu selepas selesai perjalanan hidup dunia yang terbatas.

فَأُنَبِّئُكُم بِمَا كُنتُمْ تَعْمَلُونَ ﴿١٥﴾

"Dan Aku akan memberitahu kepada kamu segala perbuatan yang telah dilakukan kamu."(15)

Setiap orang akan menerima balasan dari amalannya iaitu amalan kufur atau bersyukur, syirik atau tauhid.

Menurut riwayat, ayat ini juga ayat Surah al-'Ankabut yang sama dan ayat al-Ahqaf adalah diturun kerana peristiwa Sa'd ibn Abu Waqqas dengan ibunya (sebagaimana saya telah jelaskannya di dalam juzu' yang kedua puluh dalam Surah al-'Ankabut). Menurut riwayat yang lain, ayat ini diturun kerana peristiwa Sa'd ibn Malik. Ini diriwayatkan oleh at-Tabrani dalam kitab al-'Isyrah dengan sanadnya dari Daud bin Abu Hind. Kisah yang disebut dalam Sahih Muslim adalah dari hadith Sa'd ibn Abu Waqqas dan inilah riwayat yang lebih rajih. Maksud ayat ini adalah umum mencakupi segala keadaan yang sama. Ia mengatur hubungan-hubungan di samping mengatur kewajipan-kewajipan, iaitu hubungan dengan Allah merupakan hubungan yang pertama dan menjunjung perintah Allah merupakan kewajipan yang pertama. Al-Qur'anul-Karim menjelaskan dasar ini dan menekankannya pada setiap kesempatan dengan menggunakan berbagai-bagai cara supaya dasar ini tertanam di dalam hati orang-orang yang beriman dengan jelas tanpa sebarang keraguan dan kekaburan.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat 16)

Setelah selesai penerangan selingan di dalam nasihat Luqman kepada anaknya itu, Al-Qur'an menyambung pula nasihat Luqman yang berikut untuk menjelaskan persoalan hari Akhirat dengan hisabnya yang amat halus dan balasannya yang amat adil. Tetapi hakikat hisab dan balasan ini tidak dijelaskan secara bersendirian sahaja, malah dikemukakan di dalam ruangan alam buana yang luas dan dengan gambaran yang berkesan, yang membuat hati menggigil apabila ia menyedari ilmu Allah yang meliputi segala-galanya, iaitu ilmu Allah yang amat halus dan seni:

Kesyumulan Ilmu Allah

يَٰبُنَيَّ إِنَّهَآ إِن تَكُ مِثْقَالَ حَبَّةٍ مِّنْ خَرْدَلٍ فَتَكُن فِي صَخْرَةٍ أَوْ فِي ٱلسَّمَٰوَٰتِ أَوْ فِي ٱلْأَرْضِ يَأْتِ بِهَا ٱللَّهُ إِنَّ ٱللَّهَ لَطِيفٌ خَبِيرٌ ﴿١٦﴾

"Wahai anakku! Sesungguhnya jika sesuatu amalan itu hanya seberat biji sawi dan sekalipun ia tersembunyi dalam batu atau berada di langit atau di bumi nescaya ia akan dibawakan Allah. Sesungguhnya Allah Maha Halus dan Maha Pakar."(16)

Tiada satu pengungkapan mengenai kehalusan dan kesyumulan ilmu Allah dan qudrat-Nya, juga mengenai kehalusan hisab dan keadilan pertimbangan Allah yang dapat mendampingi pengungkapan Al-Qur'an ini. Itulah kelebihan Al-Qur'an yang penuh mu'jizat, indah dan mendalam penerangannya [2]. Sebiji sawi yang kecil, terbuang dan tiada nilai tersembunyi dalam sebiji batu yang pejal, ia tidak kelihatan dan tidak dapat dihubungi **"Atau berada di langit"** iaitu di angkasa raya yang maha luas, di mana bintang yang besar kelihatan seperti sebiji noktah yang terapung-apung atau sebiji debu yang sesat **"Atau di bumi"** ia hilang tidak kelihatan di dalam debu-debu tanah dan batu-batunya **"Nescaya akan dibawakannya oleh Allah"** yakni ilmu Allah tetap mengikutinya dan qudrat Allah tetap menangkapnya **"Sesungguhnya Allah Maha Halus dan Maha Pakar"**. Ini adalah satu kesimpulan yang amat sesuai dengan pemandangan sesuatu yang tersembunyi dan seni.

Daya khayal kita terus mengikuti biji sawi di tempat persembunyiannya yang amat dalam dan luas itu, dan menyedari bahawa ilmu Allah tetap mengikuti biji sawi itu hingga hati kita menjadi khusyu' dan kembali kepada Allah Yang Maha Halus dan mengetahui segala sesuatu yang tersembunyi. Dan di sebalik itu tertanamlah hakikat persoalan hari Akhirat yang mahu ditanamkan oleh Al-Qur'anul-Karim ke dalam

---

[2] *Lihat bab* طريقة القرآن *dalam buku* التصوير الفني في القرآن

hati manusia dengan cara penerangan yang amat menarik ini.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat 17)

Susunan Program 'Aqidah

Kemudian Al-Qur'an terus menceritakan nasihat Luqman kepada anaknya. Beliau membawa anaknya mengikuti langkah-langkah 'aqidah setelah ia tertanam di dalam hatinya, iaitu selepas beriman kepada Allah yang tanpa sebarang sekutu bagi-Nya dan selepas yakin kepada hari Akhirat yang tidak diraguinya sedikit pun itu dan selepas percaya kepada keadilan balasan Allah yang tidak terlepas dari-Nya walaupun sebesar sebiji sawi. Ia membawa anaknya kepada langkah yang kedua iaitu bertawajjuh kepada Allah dengan ibadat solat dan menghadapi manusia dengan berda'wah kepada Allah dan sabar memikul tugas-tugas da'wah dan kesulitannya yang pasti dihadapi:

يَٰبُنَيَّ أَقِمِ ٱلصَّلَوٰةَ وَأۡمُرۡ بِٱلۡمَعۡرُوفِ وَٱنۡهَ عَنِ
ٱلۡمُنكَرِ وَٱصۡبِرۡ عَلَىٰ مَآ أَصَابَكَۖ إِنَّ ذَٰلِكَ مِنۡ عَزۡمِ
ٱلۡأُمُورِ ١٧

"Wahai anakku! Dirikanlah solat dan suruhlah (manusia) berbuat kebaikan dan larangkan mereka berbuat kemungkaran dan bersabarlah di atas kesusahan yang menimpa engkau. Sesungguhnya urusan sedemikian adalah dari urusan-urusan yang dilakukan dengan penuh keazaman."(17)

Inilah jalan 'aqidah yang tersusun iaitu mentauhidkan Allah, menyedari wujudnya pengawasan Allah, meletakkan harapan pada balasan yang disediakan di sisi Allah, percaya kepada keadilan Allah dan takut kepada balasan Allah, kemudian berpindah pula kepada kegiatan berda'wah, iaitu menyeru manusia memperbaiki keadaan diri mereka, menyuruh mereka berbuat kebaikan dan melarang mereka berbuat kemungkaran. Dan sebelum menghadapi perjuangan menentang kejahatan itu, seseorang harus berbekal dengan bekalan utama iaitu bekalan ibadat kepada Allah, bertawajjuh kepada Allah dengan solat dan sabar menanggung kesulitan yang dialami oleh setiap penda'wah kepada agama Allah, iaitu kesulitan akibat dari kedegilan dan penyelewengan hati manusia, kesulitan akibat dari kelancangan lidah dan dari kejahatan tindak-tanduk manusia, juga kesulitan akibat dari kesukaran kewangan dan pengorbanan jiwa ketika diperlukan keadaan **"Sesungguhnya urasan sedemikian adalah dari urusan-urusan yang dilakukan dengan penuh keazaman"** Maksud dari "عزم الأمور" ialah memotong jalan ragu-ragu (atau menghapuskan sikap teragak-agak) setelah ditetapkan azam dan dikuatkan tekad.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 18 - 19)

Menjauhi Sikap Angkuh Semasa Berda'wah

Kemudian Luqman menyentuh dalam nasihatnya adab cara berda'wah kepada Allah bagaimana yang diceritakan oleh Al-Qur'an di sini, kerana berda'wah kepada Allah tidak mengharuskan seseorang bersifat takbur terhadap manusia atau bersikap angkuh atas nama memimpin manusia ke arah kebaikan dan lebih-lebih lagi sikap angkuh tanpa berda'wah kepada kebaikan. Ini adalah lebih buruk dan lebih keji lagi:

وَلَا تُصَعِّرۡ خَدَّكَ لِلنَّاسِ وَلَا تَمۡشِ فِي ٱلۡأَرۡضِ مَرَحًاۖ إِنَّ ٱللَّهَ
لَا يُحِبُّ كُلَّ مُخۡتَالٖ فَخُورٖ ١٨

"Dan janganlah engkau palingkan pipi engkau dari manusia (kerana takbur) dan janganlah engkau berjalan di bumi dengan lagak yang angkuh. Sesungguhnya Allah tidak sukakan sekalian orang yang sombong dan membangga-banggakan diri."(18)

Kata-kata "as-Sa'r"(الصعر) bererti sejenis penyakit unta yang membuat lehernya menjadi teleng. Uslub Al-Qur'an telah memilih kata-kata ini untuk meliarkan manusia dari teleng angkuh yang serupa dengan teleng penyakit unta, iaitu gerak-geri sombong dan tidak menghiraukan manusia, lagak memaling muka menunjukkan kesombongan.

Berjalan di bumi dengan lagak yang sombong ialah berjalan dengan gaya takbur dan tidak mempedulikan manusia, iaitu satu lagak yang dibencikan Allah dan dimarahkan manusia. Gerak-geri dan lagak yang seperti ini adalah membayangkan seseorang itu ditimpa penyakit takbur **"Sesungguhnya Allah tidak sukakan sekalian orang yang sombong dan membangga-banggakan diri."**

Disamping melarang berjalan dengan lagak yang sombong Al-Qur'an menerangkan cara berjalan yang sederhana dan mempunyai tujuan:

وَٱقۡصِدۡ فِي مَشۡيِكَ وَٱغۡضُضۡ مِن صَوۡتِكَۚ إِنَّ أَنكَرَ
ٱلۡأَصۡوَٰتِ لَصَوۡتُ ٱلۡحَمِيرِ ١٩

"Dan sederhanakanlah dalam gaya perjalananmu dan rendahkan suaramu. Sesungguhnya suara yang paling buruk ialah suara keldai."(19)

Maksud sederhana di sini ialah gaya berjalan yang hemat, jimat dan tidak melampau, tidak membuang tenaga menunjuk-nunjukkan lagak dan lenggang-lenggoknya yang sombong, juga gaya berjalan yang mempunyai matlamat kerana perjalanan yang mempunyai tujuan dan matlamat itu tidak teragak-agak dan tidak berlenggang-lenggok malah terus menuju kepada tempat tujuannya dengan mudah dan lancar.

Merendahkan suara ketika bercakap membayangkan adab sopan dan kepercayaan kepada diri sendiri dan keyakinan kepada kebenaran dan kekuatan apa yang diucapkannya. Hanya orang-orang yang biadab sahaja yang bercakap dengan suara yang keras dan bahasa yang kesat atau orang-orang yang ragu-ragu terhadap nilai perkataannya atau terhadap nilai dirinya sendiri lalu dia berusaha melindungi keraguan-nya itu di sebalik kata-katanya yang tajam, kasar dan keras.

Uslub Al-Qur'an membidas perbuatan-perbuatan seperti itu dan menggambarkannya dengan gambaran yang hina dan buruk apabila ia mengulas: **"Sesungguhnya suara yang paling buruk ialah suara keldai"** dengan ini terlukislah satu pemandangan yang lucu dan menjijikkan serta menimbulkan perasaan benci dan memandang keji. Tidak mungkin bagi seseorang yang mempunyai hati yang memahami gambaran yang lucu di sebalik pengungkapan yang indah ini kemudian ia cuba meniru suara keldai itu.

Demikianlah berakhirnya pusingan yang kedua setelah selesai memperkatakan persoalan yang pertama dengan penerangan dan uslub yang baru.

(Kumpulan ayat-ayat 20 - 34)

أَلَمْ تَرَوْا۟ أَنَّ ٱللَّهَ سَخَّرَ لَكُم مَّا فِى ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَمَا فِى ٱلْأَرْضِ
وَأَسْبَغَ عَلَيْكُمْ نِعَمَهُۥ ظَٰهِرَةً وَبَاطِنَةً ۗ وَمِنَ ٱلنَّاسِ مَن
يُجَٰدِلُ فِى ٱللَّهِ بِغَيْرِ عِلْمٍ وَلَا هُدًى وَلَا كِتَٰبٍ مُّنِيرٍ ٢٠
وَإِذَا قِيلَ لَهُمُ ٱتَّبِعُوا۟ مَآ أَنزَلَ ٱللَّهُ قَالُوا۟ بَلْ نَتَّبِعُ مَا
وَجَدْنَا عَلَيْهِ ءَابَآءَنَآ ۚ أَوَلَوْ كَانَ ٱلشَّيْطَٰنُ يَدْعُوهُمْ
إِلَىٰ عَذَابِ ٱلسَّعِيرِ ٢١
وَمَن يُسْلِمْ وَجْهَهُۥٓ إِلَى ٱللَّهِ وَهُوَ مُحْسِنٌ فَقَدِ
ٱسْتَمْسَكَ بِٱلْعُرْوَةِ ٱلْوُثْقَىٰ ۗ وَإِلَى ٱللَّهِ عَٰقِبَةُ ٱلْأُمُورِ ٢٢
وَمَن كَفَرَ فَلَا يَحْزُنكَ كُفْرُهُۥٓ ۚ إِلَيْنَا مَرْجِعُهُمْ
فَنُنَبِّئُهُم بِمَا عَمِلُوٓا۟ ۚ إِنَّ ٱللَّهَ عَلِيمٌۢ بِذَاتِ ٱلصُّدُورِ ٢٣
نُمَتِّعُهُمْ قَلِيلًا ثُمَّ نَضْطَرُّهُمْ إِلَىٰ عَذَابٍ غَلِيظٍ ٢٤
وَلَئِن سَأَلْتَهُم مَّنْ خَلَقَ ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَٱلْأَرْضَ لَيَقُولُنَّ
ٱللَّهُ ۚ قُلِ ٱلْحَمْدُ لِلَّهِ ۚ بَلْ أَكْثَرُهُمْ لَا يَعْلَمُونَ ٢٥

لِلَّهِ مَا فِى ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَٱلْأَرْضِ ۚ إِنَّ ٱللَّهَ هُوَ ٱلْغَنِىُّ
ٱلْحَمِيدُ ٢٦
وَلَوْ أَنَّمَا فِى ٱلْأَرْضِ مِن شَجَرَةٍ أَقْلَٰمٌ وَٱلْبَحْرُ يَمُدُّهُۥ
مِنۢ بَعْدِهِۦ سَبْعَةُ أَبْحُرٍ مَّا نَفِدَتْ كَلِمَٰتُ ٱللَّهِ ۗ
إِنَّ ٱللَّهَ عَزِيزٌ حَكِيمٌ ٢٧
مَّا خَلْقُكُمْ وَلَا بَعْثُكُمْ إِلَّا كَنَفْسٍ وَٰحِدَةٍ ۗ إِنَّ ٱللَّهَ
سَمِيعٌۢ بَصِيرٌ ٢٨

"Tidakkah kamu lihat bahawa Allah telah menundukkan untuk kamu segala kejadian yang ada di langit dan di bumi dan melimpahkan ke atas kamu ni'mat-ni'mat yang zahir dan yang batin? Di antara manusia ada orang yang mempertikaikan tentang Allah tanpa sebarang ilmu, tanpa sebarang petunjuk dan tanpa sebarang kitab suci yang terang(20). Dan apabila dikatakan kepada mereka: Ikutilah ajaran-ajaran yang telah diturunkan Allah. Jawab mereka: Sebenarnya kami hanya mengikut ajaran yang dipegang datuk nenek kami, sekalipun syaitan mengajak mereka kepada azab Neraka(21). Dan barang siapa yang menyerahkan wajahnya kepada Allah, sedangkan dia mengerjakan amalan yang baik, maka sesungguhnya dia telah berpegang dengan tali yang amat kukuh. Dan kepada Allah kembalinya kesudahan segala urusan(22). Dan sesiapa yang kafir, maka janganlah kekafirannya itu merungsingkan engkau. Kepada Kami kembalinya sekalian mereka dan Kami akan memberitahu mereka segala amalan yang telah dilakukan mereka. Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui segala isi dada(23). Kami hanya memberi keni'matan yang sebentar kepada mereka, kemudian Kami akan menyeretkan mereka ke dalam azab yang amat tebal(24). Dan jika engkau bertanya mereka: Siapakah yang telah menciptakan langit dan bumi? Nescaya mereka menjawab: Allah. Katakanlah: Alhamdulillah. Sebenarnya kebanyakan mereka tidak mengetahui(25). Allah jua yang memiliki langit dan bumi. Sesungguhnya Allah Maha Kaya dan Maha Terpuji(26). Andainya segala pokok yang ada di bumi ini dijadikan pena-pena dan lautan yang ditambahkan kemudiannya dengan tujuh lautan yang lain (dijadikan dakwat) nescaya tidak akan habis kalimat-kalimat Allah. Sesungguhnya Allah Maha Perkasa dan Maha Bijaksana (27). Penciptaan kamu dan kebangkitan kamu selepas mati hanya sama seperti mencipta dan membangkitkan seorang sahaja. Sesungguhnya Allah Maha Mendengar dan Maha Melihat."(28).

أَلَمْ تَرَ أَنَّ ٱللَّهَ يُولِجُ ٱلَّيْلَ فِى ٱلنَّهَارِ وَيُولِجُ ٱلنَّهَارَ
فِى ٱلَّيْلِ وَسَخَّرَ ٱلشَّمْسَ وَٱلْقَمَرَ كُلٌّ يَجْرِىٓ إِلَىٰٓ أَجَلٍ
مُّسَمًّى وَأَنَّ ٱللَّهَ بِمَا تَعْمَلُونَ خَبِيرٌ ٢٩
ذَٰلِكَ بِأَنَّ ٱللَّهَ هُوَ ٱلْحَقُّ وَأَنَّ مَا يَدْعُونَ مِن دُونِهِ

ٱلْبَٰطِلُ وَأَنَّ ٱللَّهَ هُوَ ٱلْعَلِىُّ ٱلْكَبِيرُ ﴿٣٠﴾
أَلَمْ تَرَ أَنَّ ٱلْفُلْكَ تَجْرِى فِى ٱلْبَحْرِ بِنِعْمَتِ ٱللَّهِ لِيُرِيَكُم
مِّنْ ءَايَٰتِهِۦٓ إِنَّ فِى ذَٰلِكَ لَءَايَٰتٍ لِّكُلِّ صَبَّارٍ
شَكُورٍ ﴿٣١﴾
وَإِذَا غَشِيَهُم مَّوْجٌ كَٱلظُّلَلِ دَعَوُا۟ ٱللَّهَ مُخْلِصِينَ لَهُ
ٱلدِّينَ فَلَمَّا نَجَّىٰهُمْ إِلَى ٱلْبَرِّ فَمِنْهُم مُّقْتَصِدٌ وَمَا
يَجْحَدُ بِـَٔايَٰتِنَآ إِلَّا كُلُّ خَتَّارٍ كَفُورٍ ﴿٣٢﴾
يَٰٓأَيُّهَا ٱلنَّاسُ ٱتَّقُوا۟ رَبَّكُمْ وَٱخْشَوْا۟ يَوْمًا لَّا يَجْزِى
وَالِدٌ عَن وَلَدِهِۦ وَلَا مَوْلُودٌ هُوَ جَازٍ عَن وَالِدِهِۦ شَيْـًٔا
إِنَّ وَعْدَ ٱللَّهِ حَقٌّ فَلَا تَغُرَّنَّكُمُ ٱلْحَيَوٰةُ ٱلدُّنْيَا
وَلَا يَغُرَّنَّكُم بِٱللَّهِ ٱلْغَرُورُ ﴿٣٣﴾
إِنَّ ٱللَّهَ عِندَهُۥ عِلْمُ ٱلسَّاعَةِ وَيُنَزِّلُ ٱلْغَيْثَ
وَيَعْلَمُ مَا فِى ٱلْأَرْحَامِ وَمَا تَدْرِى نَفْسٌ مَّاذَا تَكْسِبُ
غَدًا وَمَا تَدْرِى نَفْسٌۢ بِأَىِّ أَرْضٍ تَمُوتُ إِنَّ ٱللَّهَ عَلِيمٌ
خَبِيرٌۢ ﴿٣٤﴾

"Tidakkah engkau lihat bagaimana Allah memasukkan malam hari ke dalam siang hari dan memasukkan siang hari ke dalam malam hari dan menundukkan matahari dan bulan, semuanya masing-masing beredar menuju ke satu masa yang tertentu dan sesungguhnya Allah amat mengetahui segala apa yang dilakukan kamu(29). Peraturan itu menyaksikan bahawa Allah sahaja yang benar dan tuhan. Tuhan yang didakwakan mereka selain dari Allah adalah palsu belaka dan sesungguhnya Allah Maha Tinggi dan Maha Besar(30). Tidakkah engkau lihat bahawa kapal-kapal itu belayar di dalam lautan dengan ni'mat Allah untuk memperlihatkan kepada kamu bukti-bukti kekuasaan-Nya. Sesungguhnya pada kejadian-kejadian itu terdapat bukti-bukti bagi setiap orang yang banyak bersabar dan bersyukur(31). Dan apabila mereka dilanda gelombang lautan laksana bukit, mereka terus berdo'a kepada Allah dengan menumpukan keta'atan kepada-Nya, kemudian apabila Allah selamatkan mereka sampai ke daratan, maka hanya sebahagian dari mereka sahaja yang bersikap sederhana. Dan tiada yang mengingkarkan ayat-ayat Kami melainkan hanya pemungkir-pemungkir janji yang amat kufur(32). Wahai manusia! Bertaqwalah kepada Allah dan takutilah hari Akhirat, di mana si bapa tidak dapat sedikit pun menyelamatkan anaknya dan si anak tidak dapat menyelamatkan bapanya. Sesungguhnya janji Allah itu benar. Oleh itu janganlah kamu diperdayakan oleh kehidupan dunia dan janganlah kamu ditipu syaitan dalam menta'ati Allah(33). Sesungguhnya pengetahuan mengenai masa Qiamat itu tersimpan di sisi Allah. Dialah yang menurunkan hujan dan mengetahui kandungan di dalam rahim dan tiada seorang pun yang mengetahui apakah yang akan diperolehinya pada esok hari, dan tiada seorang pun yang mengetahui di bumi manakah dia akan mati. Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui dan Maha Mendalam ilmu pengetahuan-Nya."(34).

(Pentafsiran ayat-ayat 20 - 21)

Pusingan yang ketiga dimulakan dengan satu tertib yang baru. Ia bermula dengan mengemukakan dalil-dalil alam buana yang berkaitan dengan manusia, iaitu berkaitan dengan kepentingan-kepentingan mereka, hidup mereka dan kehidupan mereka, juga berkaitan dengan ni'mat-ni'mat Allah yang dikurniakan kepada mereka, iaitu ni'mat-ni'mat yang zahir dan ni'mat-ni'mat yang batin yang dini'mati mereka, namun demikian mereka tidak merasa malu mempertikaikan tentang Allah yang mengurniakan ni'mat-ni'mat itu. Dengan tertib inilah pusingan yang ketiga itu menjelaskan persoalan yang pertama yang telah dibicarakan di dalam pusingan yang pertama dan yang kedua.

أَلَمْ تَرَوْا۟ أَنَّ ٱللَّهَ سَخَّرَ لَكُم مَّا فِى ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَمَا فِى ٱلْأَرْضِ
وَأَسْبَغَ عَلَيْكُمْ نِعَمَهُۥ ظَٰهِرَةً وَبَاطِنَةً وَمِنَ ٱلنَّاسِ مَن
يُجَٰدِلُ فِى ٱللَّهِ بِغَيْرِ عِلْمٍ وَلَا هُدًى وَلَا كِتَٰبٍ مُّنِيرٍ ﴿٢٠﴾
وَإِذَا قِيلَ لَهُمُ ٱتَّبِعُوا۟ مَآ أَنزَلَ ٱللَّهُ قَالُوا۟ بَلْ نَتَّبِعُ مَا
وَجَدْنَا عَلَيْهِ ءَابَآءَنَآ أَوَلَوْ كَانَ ٱلشَّيْطَٰنُ يَدْعُوهُمْ
إِلَىٰ عَذَابِ ٱلسَّعِيرِ ﴿٢١﴾

"Tidakkah kamu lihat bahawa Allah telah menundukkan untuk kamu segala kejadian yang ada di langit dan di bumi dan melimpahkan ke atas kamu ni'mat-ni'mat yang zahir dan yang batin? Di antara manusia ada orang yang mempertikaikan tentang Allah tanpa sebarang ilmu, tanpa sebarang petunjuk dan tanpa sebarang kitab suci yang terang(20). Dan apabila dikatakan kepada mereka: Ikutilah ajaran-ajaran yang telah diturunkan Allah. Jawab mereka: Sebenarnya kami hanya mengikut ajaran yang dipegang datuk nenek kami, sekalipun syaitan mengajak mereka kepada azab Neraka."(21)

Walaupun tarikan perhatian seperti ini berulang-ulang kali disebut di dalam Al-Qur'an dengan berbagai-bagai uslub, namun ia tetap kelihatan baru setiap kali ia dibentangkan, kerana alam buana ini sentiasa membaharu di dalam hati manusia setiap kali ia merenunginya dan memikirkan rahsia-rahsia dan keajaiban-keajaibannya yang tidak pernah habis itu.

Manusia tidak dapat meneliti seluruh rahsia dan keajaiban alam buana ini dalam usianya yang terbatas. Ia kelihatan muncul dengan warna yang baru dan kesan yang baru setiap kali ia direnungi dan diteliti.

Di sini Al-Qur'an mengemukakan rahsia-rahsia dan keajaiban-keajaiban alam buana itu dari segi keselarasan di antara keperluan-keperluan manusia yang hidup di permukaan bumi dengan struktur kejadian alam buana itu sendiri hingga meyakinkan kita bahawa keselarasan itu tidak mungkin wujud secara kebetulan begitu sahaja, malah pastilah diakui bahawa di sana adanya iradat Allah Yang Tunggal yang menyusun dan menyelaras di antara struktur kejadian alam buana yang besar ini dengan keperluan-keperluan manusia yang hidup di planet bumi yang kecil ini.

Seluruh bumi ini hanya merupakan sebiji debu di dalam bangunan alam buana ini dan manusia yang hidup di bumi ini adalah satu makhluk yang amat kecil jika dibandingkan dengan saiz bumi ini, juga jika dibandingkan dengan kekuatan-kekuatan dan dengan makhluk-makhluk yang lain sama ada yang bernyawa atau tidak bernyawa. Makhluk manusia tidak dapat dimasukkan ke dalam kiraan apa-apa dari segi saiz, timbangan dan kekuatan jasmaniah jika dibandingkan dengan bumi, tetapi limpah kurnia Allah yang telah meniupkan roh ke dalam diri manusia dan penghormatan Allah yang meletakkan darjat manusia mengatasi banyak makhluk-makhluk-Nya yang lain telah menjadikan makhluk manusia ini mempunyai kedudukan istimewa di dalam sistem alam buana ini. Allah telah melengkapkan manusia dengan daya qudrat untuk membolehkannya menggunakan berbagai-bagai tenaga alam ini, juga menggunakan berbagai-bagai isi perbendaharaan dan kebajikan-kebajikannya. Inilah maksud penundukan yang disebut di dalam ayat ini ketika memperkatakan tentang ni'mat-ni'mat Allah yang zahir dan yang batin. Ungkapan ni'mat-ni'mat yang zahir dan yang batin itu lebih umum dari maksud ungkapan penundukan segala apa yang ada di langit dan di bumi kerana kewujudan manusia dari tiada kepada ada merupakan ni'mat dan limpah kurnia Allah. Pelengkapan manusia dengan tenaga-tenaga, potensi-potensi dan bakat-bakat merupakan ni'mat dari limpah kurnia Allah. Pengiriman para Rasul dan penurunan kitab-kitab suci merupakan limpah kurnia yang lebih besar dan ni'mat yang lebih agung. Penyambungan makhluk insan dengan roh dari ciptaan Allah sebelum ini merupakan ni'mat dari limpah kurnia Allah. Setiap nafas yang disedut dan setiap denyut jantung, setiap pemandangan yang dipungut mata, setiap bunyi yang ditangkap telinga, setiap fikiran yang terlintas di hati, setiap gagasan yang difikirkan akal adalah ni'mat-ni'mat dari limpah kurnia Allah belaka.

Allah telah menundukkan segala apa yang ada di langit untuk faedah makhluk manusia. Allah membolehkan manusia mengambil manfa'at dari cahaya matahari, cahaya bulan, bintang-bintang selaku pedoman, hujan, udara dan burung-burung yang terbang di sana sini, Allah juga telah menundukkan segala apa yang ada di bumi untuk kepentingan manusia. Ini dapat diperhatikan dan difikirkan dengan lebih terang dan mudah lagi, kerana Allah telah melantikkan makhluk insan selaku khalifah yang memerintah kerajaan bumi yang luas ini. Allah telah membolehkan manusia menggunakan segala isi perbendaharaan bumi sama ada yang zahir dan yang tersembunyi. Di antaranya ada yang diketahui manusia dan ada pula yang tidak diketahuinya melainkan setakat kesan-kesannya sahaja. Di antaranya ada yang tidak diketahui langsung oleh manusia iaitu rahsia-rahsia tenaga yang dimanfa'atkan mereka tanpa mengetahui hakikatnya. Pendeknya manusia di setiap sa'at malam dan siang sentiasa diselubungi ni'mat-ni'mat Allah yang amat luas yang tidak diketahui batasnya dan tidak terhitung jenis-jenisnya, tetapi di samping seluruh ni'mat ini, masih terdapat segolongan manusia yang tidak bersyukur, tidak mengenang limpah kurnia Allah, tidak melihat dan merenungi ni'mat-ni'mat Allah di sekeliling mereka dan tidak yakin terhadap Allah yang mengurniakan ni'mat-ni'mat yang melimpah-ruah itu.

وَمِنَ ٱلنَّاسِ مَن يُجَٰدِلُ فِي ٱللَّهِ بِغَيۡرِ عِلۡمٖ وَلَا هُدٗى وَلَا كِتَٰبٖ مُّنِيرٖ ٢٠

"Di antara manusia ada orang yang mempertikaikan tentang Allah tanpa sebarang ilmu, tanpa sebarang petunjuk dan tanpa sebarang kitab suci yang terang."(20)

Pertikaian itu kelihatan begitu aneh dan keji di bawah bayangan dalil-dalil alam buana dan di samping ni'mat Allah yang melimpah-ruah itu. Keingkaran itu kelihatan begitu buruk dan menjijikkan fitrah dan hati nurani. Kumpulan manusia yang mempertikaikan hakikat Allah dan hubungan manusia dengan hakikat ini nampak jelas mempunyai fitrah yang sesat, mereka tidak menyambut seruan alam buana di sekeliling mereka. Mereka mengingkarkan ni'mat Allah. Mereka tidak malu mempertikaikan Allah yang mengurniakan ni'mat-ni'mat yang melimpah-ruah ini. Kedudukan mereka bertambah buruk dan keji lagi apabila perdebatan itu dilakukan mereka tanpa bersandarkan kepada sebarang ilmu pengetahuan, tanpa berpandu kepada sebarang petunjuk Ilahi dan tanpa berpegang dengan mana-mana kitab suci yang menerangkan persoalan itu dan mengemukakan dalil-dalilnya.

نَتَّبِعُ مَا وَجَدۡنَا عَلَيۡهِ ءَابَآءَنَآ

"Kami hanya mengikut ajaran yang dipegang datuk nenek kami."(21)

Itulah satu-satunya sandaran mereka. Itulah alasan mereka yang aneh, iaitu taqlid yang beku membatu tanpa bersandarkan kepada sebarang ilmu pengetahuan dan pemikiran. Itulah taqlid yang Islam mahu membebaskan mereka dari belenggunya. Islam

mahu membebaskan akal mereka supaya berfikir dengan teliti dan supaya akal mereka dipenuhi kesedaran, kegiatan dan nur hidayat, tetapi malangnya mereka enggan membebaskan diri mereka sendiri dari belenggu zaman lama yang sesat itu dan terus berpegang teguh dengan belenggu-belenggu itu.

Islam ialah kebebasan dhamir, kecergasan perasaan, kerinduan kepada nur hidayat dan sistem hidup yang baru yang bebas dari belenggu-belenggu taqlid. Namun demikian, masih ada golongan yang enggan menerimanya, menolak hidayat dari jiwa mereka dan mempertikaikan Allah tanpa sebarang ilmu pengetahuan, tanpa sebarang hidayat dan tanpa sebarang kitab suci yang jelas. Oleh sebab itu Al-Qur'an mengejek mereka dan secara halus menunjukkan kepada mereka akibat buruk yang akan menimpa mereka kerana sikap mereka yang meragukan itu:

أَوَلَوْ كَانَ ٱلشَّيْطَٰنُ يَدْعُوهُمْ إِلَىٰ عَذَابِ ٱلسَّعِيرِ ﴿٢١﴾

"Sekalipun syaitan mengajak mereka kepada azab Neraka."(21)

Sikap yang ditunjukkan mereka itulah da'wah syaitan kepada mereka dengan tujuan untuk menyeretkan mereka ke dalam azab Neraka. Apakah mereka masih berazam untuk mengikutinya walaupun ia membawa mereka kepada kesudahan yang dahsyat? Ini adalah satu cubitan yang menyedar dan menakutkan selepas dikemukakan dalil-dalil alam buana yang amat besar dan seni itu.

(Pentafsiran ayat-ayat 22 - 24)

Konsep Penyerahan Diri Kepada Allah

Sesuai dengan perdebatan yang degil yang tidak berasaskan ilmu, tidak berpandukan hidayat dan tidak berpedomankan kitab suci, Al-Qur'an menunjukkan kepada satu sikap yang sepatutnya diikuti oleh seseorang terhadap dalil-dalil alam buana dan ni'mat-ni'mat Allah yang melimpah-ruah itu.

وَمَن يُسْلِمْ وَجْهَهُۥٓ إِلَى ٱللَّهِ وَهُوَ مُحْسِنٌ فَقَدِ
ٱسْتَمْسَكَ بِٱلْعُرْوَةِ ٱلْوُثْقَىٰ ۗ وَإِلَى ٱللَّهِ عَٰقِبَةُ ٱلْأُمُورِ ﴿٢٢﴾

"Dan barang siapa yang menyerahkan wajahnya kepada Allah, sedangkan dia mengerjakan amalan yang baik, maka sesungguhnya dia telah berpegang dengan tali yang amat kukuh. Dan kepada Allah kembalinya kesudahan segala urusan."(22)

Penyerahan diri yang mutlak kepada Allah yang disertakan dengan amalan dan tingkahlaku yang baik, penyerahan diri dalam erti katanya yang sempurna, kepercayaan kepada taqdir Allah, kepatuhan menjunjung perintah-perintah Allah, tugas-tugas dan arahan-arahan-Nya yang disertakan dengan perasaan yang yakin dan tenteram terhadap rahmat dan ri'ayah Allah, kepuasan dan keredhaan jiwa yang tenang dan riang adalah semuanya dilambangkan dengan ungkapan penyerahan **"wajahnya kepada Allah"** kerana wajah merupakan bahagian yang paling mulia dan tinggi pada manusia.

وَمَن يُسْلِمْ وَجْهَهُۥٓ إِلَى ٱللَّهِ وَهُوَ مُحْسِنٌ فَقَدِ
ٱسْتَمْسَكَ بِٱلْعُرْوَةِ ٱلْوُثْقَىٰ ۗ

"Dan barang siapa yang menyerahkan wajahnya kepada Allah, sedangkan dia mengerjakan amalan yang baik, maka sesungguhnya dia telah berpegang dengan tali yang amat kukuh"(22)

iaitu tali yang tidak pernah putus, tidak pernah lemah dan tidak pernah mengecewakan sesiapa yang berpegang dengannya sama ada di masa senang atau susah, dan tidak pernah menyesatkan sesiapa yang berpaut padanya di jalan yang sukar dan di malam yang gelap-gelita, yang gegak dengan ribut dan angin badai.

Tali yang amat kukuh ialah tali hubungan yang teguh dan penuh yakin yang wujud di antara hati yang beriman dan berserah dengan Tuhannya. Itulah keyakinan dan ketenteraman menerima apa sahaja taqdir Allah, iaitu menerima dengan penuh kerelaan, ketenteraman dan keberanian dalam menghadapi peristiwa-peristiwa, meng-atasi rasa takbur ketika berada dalam kesenangan, meng-atasi masa kecil diri ketika berada di dalam kesusahan, mengatasi rasa kaget dan bingung ketika menghadapi kejutan-kejutan, mengatasi penindasan-penindasan di jalan iman dan mengatasi segala macam halangan yang berselerak di sana-sini.

Perjalanan hidup amat panjang, sukar dan penuh bahaya. Bahaya keni'matan dan kesenangan tidak kurang dari bahaya kesusahan. Ia memerlukan sandaran yang kuat dan tali yang teguh tidak putus. Simpulan tali yang amat kukuh ialah tali menyerah diri kepada Allah, patuh dan melakukan amalan-amalan yang baik **"Dan kepada Allah kembalinya kesudahan segala urusan"** yakni kepada-Nya tempat kepulangan. Oleh sebab itu adalah lebih baik bagi seseorang menyerahkan dirinya kepada Allah dari awal-awal lagi dan berjalan menuju kepada-Nya dengan penuh yakin dengan berpedomankan hidayat dan nur iman.

وَمَن كَفَرَ فَلَا يَحْزُنكَ كُفْرُهُۥٓ ۚ إِلَيْنَا مَرْجِعُهُمْ
فَنُنَبِّئُهُم بِمَا عَمِلُوٓا۟ ۚ إِنَّ ٱللَّهَ عَلِيمٌۢ بِذَاتِ ٱلصُّدُورِ ﴿٢٣﴾
نُمَتِّعُهُمْ قَلِيلًا ثُمَّ نَضْطَرُّهُمْ إِلَىٰ عَذَابٍ غَلِيظٍ ﴿٢٤﴾

"Dan sesiapa yang kafir, maka janganlah kekafirannya itu merungsingkan engkau. Kepada Kami kembalinya sekalian mereka dan Kami akan memberitahu mereka segala amalan yang telah dilakukan mereka. Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui segala isi dada(23). Kami hanya memberi

keni'matan yang sebentar kepada mereka, kemudian Kami akan menyeretkan mereka ke dalam azab yang amat tebal."(24)

Itulah kesudahan orang yang menyerahkan dirinya kepada Allah dengan membuat amalan yang baik, dan inilah kesudahan orang yang kafir yang ditipu oleh keni'matankeni'matan hidup. Kesudahannya diperkecilkan kedudukan-nya kepada Rasulullah s.a.w. dan kepada orang-orang yang beriman: **"Dan sesiapa yang kafir, maka janganlah kekafirannya itu merungsingkan engkau"** kerana kedudukannya terlalu kecil untuk merungsingkan engkau dan kedudukannya diakhirat juga terlalu kecil. Dia tidak akan terlepas dari genggaman kekuasaan Allah dan dia tetap dipertanggungjawabkan terhadap segala amalannya. Allah amat mengetahui segala perbuatan yang telah dilakukannya dan segala niat yang disembunyikan di dalam hatinya. **"Kepada Kami kembalinya sekalian mereka dan Kami akan memberitahu mereka segala amalan yang telah dilakukan mereka, sesungguhnya Allah Maha Mengetahui segala isi dada"**, keni'matan hidup yang mempesonakan mereka adalah amat kecil, pendek pula masanya dan sedikit nilainya **"Kami hanya memberi keni'matan yang sebentar kepada mereka"** dan selepas itu mereka akan menerima akibat yang dahsyat. Mereka akan diseretkan kepada-Nya sedangkan mereka tidak berdaya menolaknya. **"Kemudian Kami akan menyeretkan mereka ke dalam azab yang amat tebal"**. Al-Qur'an menyifatkan azab itu sebagai **"Amat tebal"** untuk menyatakan kedahsyatan azab itu. Ungkapan **"Menyeretkan mereka"** menggambarkan kedahsyatan keadaan, di mana mereka cuba mengelakkan diri darinya sedangkan mereka lemah untuk menolakkannya, dan mereka teragak-agak menghadapinya. Keadaan mereka tentulah tidak dapat dibandingkan dengan keadaan orang yang menyerahkan dirinya kepada Allah dan berpegang teguh dengan tali yang amat kukuh kerana orang ini akan kembali kepada Tuhannya dengan hati yang tenang tenteram.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 25 - 26)

Kemudian Al-Qur'an melelakkan mereka berdiri di hadapan logik fitrah mereka sendiri ketika menghadapi alam buana dan mereka tidak dapat melarikan diri dari mengakui hakikat yang tersemat di dalam fitrah mereka dan fitrah di alam buana, tetapi mereka menyeleweng darinya dan melupakan logik fitrahnya yang lurus itu.

وَلَئِن سَأَلْتَهُم مَّنْ خَلَقَ ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَٱلْأَرْضَ لَيَقُولُنَّ
ٱللَّهُ ۚ قُلِ ٱلْحَمْدُ لِلَّهِ ۚ بَلْ أَكْثَرُهُمْ لَا يَعْلَمُونَ ﴿٢٥﴾
لِلَّهِ مَا فِى ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَٱلْأَرْضِ ۚ إِنَّ ٱللَّهَ هُوَ ٱلْغَنِىُّ
ٱلْحَمِيدُ ﴿٢٦﴾

"Dan jika engkau bertanya mereka: Siapakah yang telah menciptakan langit dan bumi? Nescaya mereka menjawab: Allah. Katakanlah: Alhamdulillah, sebenarnya kebanyakan mereka tidak mengetahui(25). Allah jua yang memiliki langit dan bumi. Sesungguhnya Allah Maha Kaya dan Maha Terpuji."(26)

Pengakuan Fitrah Manusia Dan Fitrah Alam Buana Terhadap Uluhiyah Allah

Manusia tidak berdaya mengingkari hakikat yang amat jelas ini apabila ia menanyakan fitrahnya dan pulang kepada hati nuraninya. Lihatlah langit dan bumi yang terbentang ini. Kedudukan,ukuran, jirimnya, gerak-geri peredaran, jarak-jarak jauh dekatnya, tabi'at dan ciri-cirinya telah diatur begitu rapi dan susunan yang rapi itu menampakkan adanya iradat yang menghendaki begitu dan menampakkan keselarasan susunannya. Selain dari itu langit dan bumi merupakan makhluk-makhluk yang tiada siapa pun yang boleh mendakwa bahawa Dialah yang menciptakannya dan tiada siapa pun yang boleh mendakwa bahawa di sana ada pencipta yang lain dari Allah yang turut bekerjasama menciptakannya. Begitu juga langit dan bumi ini tidak mungkin terjadi dengan sendirinya, dan tidak mungkin teratur, tersusun, tegak dan selaras tanpa sesuatu tadbir dan tanpa pentadbir. Pendapat yang mengatakan bahawa langit dan bumi terjadi dengan sendiri atau terjadi secara kebetulan tidak wajar mendapat penghormatan untuk diajak berdebat apatah lagi pendapat itu disangkal dan ditolak oleh fitrah mereka yang semulajadi.

Orang-orang yang menentang 'aqidah tauhid dengan kepercayaan syirik dan menentang da'wah Rasulullah s.a.w. dengan perdebatan yang keras tidak berdaya menipu fitrah mereka apabila dikemukakan dalil alam buana dalam bentuk kewujudan langit dan bumi yang tersergam di hadapan mata, yang tidak memerlukan lebih dari melihat.

Oleh sebab itulah mereka tidak teragak-agak menjawab jika mereka ditanya: **"Siapakah yang menciptakan langit dan bumi?"** Jawab mereka ialah **"Allah"** Justeru itu Allah menyuruh Rasulullah s.a.w. supaya menyambut jawapan mereka dengan ucapan **"Alhamdulillah"** iaitu Alhamdulillah di atas jelasnya kebenaran itu di dalam fitrah mereka. Alhamdulillah di atas pengakuan yang terpaksa diberi di hadapan dalil alam buana itu. Alhamdulillah di atas segala keadaan. Kemudian diiringi pula dengan satu kenyataan yang baru **"Sebenarnya kebanyakan mereka tidak mengetahui"**. Oleh itu mereka suka berdebat dan jahil terhadap logik fitrah mereka dan tidak mengerti bahawa kewujudan alam buana ini membuktikan kewujudan Allah Penciptanya Yang Maha Agung.

Sesuai dengan pengakuan fitrah bahawa langit dan bumi ini adalah diciptakan Allah, maka Al-Qur'an menjelaskan pula bahawa Allah memiliki secara

mutlak segala kejadian yang ada di langit dan di bumi ini sama ada yang ditundukkan kepada penggunaan manusia atau tidak ditundukkan kepada penggunaan mereka. Di samping itu Allah Maha Kaya dari segala sesuatu yang wujud di langit dan di bumi dan Dia Maha Terpuji walaupun tidak dipuji oleh manusia:

لِلَّهِ مَا فِي ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَٱلْأَرْضِ ۚ إِنَّ ٱللَّهَ هُوَ ٱلْغَنِيُّ ٱلْحَمِيدُ ﴿٢٦﴾

"Allah jua yang memiliki langit dan bumi. Sesungguhnya Allah Maha Kaya dan Maha Terpuji."(26)

******

(Pentafsiran ayat-ayat 27 - 28)

Sekarang pusingan ini diakhiri dengan satu pemandangan alam buana yang melambangkan kekayaan Allah yang tidak akan habis, ilmu-Nya yang tidak terbatas, qudrat kuasa-Nya yang sentiasa membaharu dan tiada sut dalam kegiatan mencipta dan membentuk makhluk-Nya, juga melambangkan kehendak iradat-Nya yang mutlak yang tiada titik penghabisannya:

وَلَوْ أَنَّمَا فِي ٱلْأَرْضِ مِن شَجَرَةٍ أَقْلَٰمٌ وَٱلْبَحْرُ يَمُدُّهُۥ مِنۢ بَعْدِهِۦ سَبْعَةُ أَبْحُرٍ مَّا نَفِدَتْ كَلِمَٰتُ ٱللَّهِ ۗ إِنَّ ٱللَّهَ عَزِيزٌ حَكِيمٌ ﴿٢٧﴾

مَّا خَلْقُكُمْ وَلَا بَعْثُكُمْ إِلَّا كَنَفْسٍ وَٰحِدَةٍ ۗ إِنَّ ٱللَّهَ سَمِيعٌۢ بَصِيرٌ ﴿٢٨﴾

"Andainya segala pokok yang ada di bumi ini dijadikan pena-pena dan lautan yang ditambahkan kemudiannya dengan tujuh lautan yang lain (dijadikan dakwat) nescaya tidak akan habis kalimat-kalimat Allah. Sesungguhnya Allah Maha Perkasa dan Maha Bijaksana(27). Penciptaan kamu dan kebangkitan kamu selepas mati hanya sama seperti mencipta dan membangkitkan seorang sahaja. Sesungguhnya Allah Maha Mendengar dan Maha Melihat."(28)

Ilmu, Qudrat Dan Iradat Allah Yang Mutlak

Pemandangan ini diambil dari maklumat-maklumat dari pandangan-pandangan manusia yang terbatas untuk mendekatkan kepada kefahaman mereka tentang pengertian masyi'ah Allah yang tidak terbatas, iaitu satu pengertian yang hampir-hampir tidak dapat difahami manusia tanpa dijelaskan dengan perbandingan yang nyata ini.

Manusia merakamkan ilmu-ilmu, perkataan-perkataan dan perintah-perintah mereka dengan jalan menuliskan semuanya dengan qalam-qalam yang diperbuat dari kayu dan buluh dan dibantukan dengan dakwat yang diisi tidak lebih dari sepenuh bekas atau botol yang mengisinya, tetapi di dalam ayat ini Al-Qur'an menggambarkan kepada mereka bahawa seluruh pokok kayu yang ada di muka bumi ini dijadikan qalam-qalam, dan seluruh lautan yang ada dijadikan dakwat dan seluruh kerani merakamkan kalimat-kalimat Allah yang sentiasa membaharu, yang menunjukkan ilmu-Nya dan mengungkapkan iradat-Nya, maka apakah yang berlaku? Semua qalam kehabisan dan semua dakwat juga kehabisan, semua pokok dan lautan kehabisan, sedangkan kalimat-kalimat Allah masih belum kehabisan. Itulah keadaan sesuatu yang terbatas menghadapi yang tidak terbatas. Walaupun sebanyak mana sesuatu yang terbatas itu, namun ia tetap akan kehabisan juga, sedangkan yang tidak terbatas tidak akan berkurangan sedikit pun. Sesungguhnya kalimat-kalimat Allah itu tidak akan habis kerana ilmu Allah itu tidak terbatas, kerana iradat-Nya tidak terhenti, dan kerana kehendak masyi'ah-Nya berjalan terus tanpa batas dan ikatan.

Lenyaplah pokok-pokok dan lautan-lautan, hilanglah sekalian yang hidup dan segala bebenda, lenyaplah segala rupa bentuk dan keadaan dan hati manusia berdiri dengan penuh khusyu' di hadapan keagungan Allah Pencipta Yang Maha Kekal, yang tidak akan berubah dan hilang dan di hadapan qudrat Allah Pencipta Yang Maha Kuat dan Pentadbir Yang Maha Bijaksana. **"Sesungguhnya Allah Maha Perkasa dan Maha Bijaksana."**

Di hadapan pemandangan yang penuh khusyu' ini, Al-Qur'an menyampaikan kenyataannya yang akhir di dalam pusingan ini dengan menggunakan pemandangan itu sebagai dalil alam buana yang membuktikan betapa mudahnya urusan penciptaan dan kebangkitan selepas mati di sisi Allah:

مَّا خَلْقُكُمْ وَلَا بَعْثُكُمْ إِلَّا كَنَفْسٍ وَٰحِدَةٍ ۗ إِنَّ ٱللَّهَ سَمِيعٌۢ بَصِيرٌ ﴿٢٨﴾

"Penciptaan kamu dan kebangkitan kamu selepas mati hanya sama seperti mencipta dan membangkitkan seorang sahaja. Sesungguhnya Allah Maha Mendengar dan Maha Melihat."(28)

Iradat Allah yang berkuasa mencipta dengan semata-mata wujud kehendak-Nya untuk mencipta adalah sama sahaja kepada-Nya mencipta satu individu atau mencipta banyak individu kerana iradat-Nya tidak menggunakan usaha yang terbatas apabila menciptakan tiap-tiap satu individu dan tidak pula mengulangi usaha dengan tiap-tiap satu individu. Bagi-Nya sama sahaja menciptakan satu individu atau menciptakan berjuta-juta individu, menghidupkan semula seorang manusia atau menghidupkan semula berjuta-juta manusia, kerana Allah mencipta dengan sepatah kata "Kun" dan dengan semata-mata wujud iradat-Nya untuk mencipta:

إِنَّمَآ أَمۡرُهُۥٓ إِذَآ أَرَادَ شَيۡـًٔا أَن يَقُولَ لَهُۥ كُن
فَيَكُونُ ٨٢

"Sesungguhnya urusan penciptaan-Nya ialah apabila Dia hendak menjadikan sesuatu Dia hanya berfirman kepadanya: Jadilah! Maka sesuatu itu terus wujud."

(Surah Yaasin: 82)

Di samping qudrat -Nya ialah ilmu dan kepakaran-Nya yang menyertai urusan penciptaan dan kebangkitan manusia selepas mati dan urusan-urusan selepasnya iaitu urusan hisab dan balasan yang amat halus:

إِنَّ ٱللَّهَ سَمِيعُۢ بَصِيرٌ ٢٨

"Sesungguhnya Allah Maha Mendengar dan Maha Melihat."(28)

******

(Pentafsiran ayat-ayat 29 - 30)

Kemudian tibalah pula pusingan yang akhir memperkatakan persoalan yang telah diperkatakan oleh tiga pusingan sebelum ini. Ia menjelaskan bahawa hanya Allah sahaja yang benar dan yang lain darinya adalah palsu belaka. Ia juga menjelaskan tentang penumpuan ibadat kepada Allah Yang Tunggal dan seterusnya menjelaskan persoalan hari Qiamat, di mana si ayah tidak dapat menyelamatkan anaknya dan si anak tidak dapat menyelamatkan ayahnya. Persoalan-persoalan ini disertakan dengan berbagai-bagai pandangan yang menarik dan baru dan dibentangkan di dalam ruang alam buana yang amat luas.

أَلَمۡ تَرَ أَنَّ ٱللَّهَ يُولِجُ ٱلَّيۡلَ فِي ٱلنَّهَارِ وَيُولِجُ ٱلنَّهَارَ
فِي ٱلَّيۡلِ وَسَخَّرَ ٱلشَّمۡسَ وَٱلۡقَمَرَۖ كُلّٞ يَجۡرِيٓ إِلَىٰٓ أَجَلٖ
مُّسَمّٗى وَأَنَّ ٱللَّهَ بِمَا تَعۡمَلُونَ خَبِيرٞ ٢٩
ذَٰلِكَ بِأَنَّ ٱللَّهَ هُوَ ٱلۡحَقُّ وَأَنَّ مَا يَدۡعُونَ مِن دُونِهِ
ٱلۡبَٰطِلُ وَأَنَّ ٱللَّهَ هُوَ ٱلۡعَلِيُّ ٱلۡكَبِيرُ ٣٠

"Tidakkah engkau lihat bagaimana Allah memasukkan malam hari ke dalam siang hari dan memasukkan siang hari ke dalam malam hari dan menundukkan matahari dan bulan, semuanya masing-masing beredar menuju ke satu masa yang tertentu dan sesungguhnya Allah amat mengetahui segala apa yang dilakukan kamu(29). Peraturan itu menyaksikan bahawa Allah sahaja yang benar dan tuhan-tuhan yang didakwakan mereka selain dari Allah adalah palsu belaka dan sesungguhnya Allah Maha Tinggi dan Maha Besar."(30)

Saksi-saksi Uluhiyah Allah

Pemandangan masuknya hari malam ke dalam hari siang dan masuknya hari siang ke dalam hari malam, panjang dan pendeknya hari malam dan hari siang ketika berlakunya perubahan musim, merupakan satu pemandangan yang benar-benar menakjubkan, tetapi oleh kerana pemandangan itu terlalu biasa dan terlalu kerap berlaku, maka kebanyakan manusia tidak merasa apa-apa terhadapnya. Mereka tidak lagi memperhatikan keajaiban ini yang berulang-ulang dengan teratur rapi, tidak pernah mungkir dan kacau-bilau walau sekalipun, peredarannya yang berterusan itu tidak pernah lewat dan menyimpang. Hanya Allah sahaja yang berkuasa mencipta dan memelihara peraturan ini. Apa yang diperlukan untuk memahami hakikat ini tidak lebih dari memperhatikan peredaran siang dan malam yang berterusan yang tidak pernah lewat dan menyimpang itu.

Hubungan peredaran siang dan malam dengan matahari dan bulan juga dengan peredaran kedua-duanya yang teratur rapi itu merupakan satu hubungan yang amat jelas. Perjalanan matahari dan bulan merupakan satu keajaiban yang lebih besar dari keajaiban malam dan siang dan panjang pendeknya. Dan tiada siapa yang berkuasa mengendalikannya melainkan Allah Yang Maha Berkuasa dan Maha Mengetahui. Dialah sahaja yang berkuasa dan mengetahui lama masa peredarannya sehingga sampai kepada masa yang ditentukan. Di samping menjelaskan hakikat kemasukan hari malam ke dalam siang dan kemasukan hari siang ke dalam malam dan hakikat perjalanan matahari dan bulan yang merupakan dua hakikat alam yang amat nyata itu, Al-Qur'an menjelaskan pula satu hakikat yang lain bersama keduanya dalam satu ayat iaitu hakikat **"Sesungguhnya Allah amat mengetahui segala apa yang dilakukan mereka."** Demikianlah hakikat ilmu Allah yang mengetahui segala yang ghaib itu dikemukakan di samping hakikat-hakikat alam yang lain yang mempunyai pertalian yang erat dengannya.

Kemudian ketiga-tiga hakikat ini diiringi dengan satu hakikat agung yang menjadi asas segala hakikat yang lain. Itulah hakikat utama yang melahirkan segala hakikat yang lain, iaitu hakikat yang diperkatakan oleh pusingan ini dengan mengemukakan dalil berikut:

ذَٰلِكَ بِأَنَّ ٱللَّهَ هُوَ ٱلۡحَقُّ وَأَنَّ مَا يَدۡعُونَ مِن دُونِهِ
ٱلۡبَٰطِلُ وَأَنَّ ٱللَّهَ هُوَ ٱلۡعَلِيُّ ٱلۡكَبِيرُ ٣٠

"Peraturan itu menyaksikan bahawa Allah sahaja yang benar dan tuhan-tuhan yang didakwakan mereka selain dari Allah adalah palsu belaka dan sesungguhnya Allah Maha Tinggi dan Maha Besar."(30)

Peraturan alam yang tetap dan teratur rapi itu menyaksikan bahawa hanya Allah sahaja yang benar dan segala sembahan yang disembah mereka selain dari Allah adalah palsu belaka, juga menyaksikan hakikat yang agung ini yang menjadi asas segala

hakikat yang lain dan asas alam al-wujud ini. Oleh kerana Allah itulah Tuhan yang benar, maka Dialah yang mencipta, menegak, memelihara dan mentadbirkan alam buana ini. Dialah yang memelihara kemantapan, keteguhan, perpaduan dan keselarasan perjalanan alam mengikut bagaimana yang dikehendaki-Nya.

"Peraturan itu menyaksikan bahawa Allahlah sahaja yang benar" segala sesuatu yang lain dari Allah adalah berubah, dan bertukar ganti belaka. Segala sesuatu yang lain dari Allah mengalami lebih dan kurang, kuat dan lemah, kembang dan layu, datang dan pergi. Segala sesuatu yang lain dari Allah ada selepas tiada dan hilang selepas ada. Hanya Allah sahaja yang kekal abadi tidak berubah tidak bertukar dan tidak hilang.

Kemudian masih ada lagi baki pengertian yang tertinggal di dalam hatiku dari maksud firman Allah Ta'ala **"Peraturan itu menyaksikan bahawa Allahlah sahaja yang benar"** iaitu baki pengertian yang tidak dapat disalin oleh kata-kata dan tidak dapat ditafsirkan oleh pengungkapan manusia yang ada padaku. Begitulah juga dengan firman Allah **"Sesungguhnya Allah Maha Tinggi dan Maha besar"** tiada yang lain dari Allah yang bersifat **"Maha Tinggi dan Maha Besar"**. Dapatkah saya mengeluarkan pengungkapan yang dapat mencerminkan perasaan yang berkecamuk dalam seluruh jiwaku di hadapan pengungkapan Al-Qur'an yang amat menarik ini? Saya rasa segala pengungkapan manusia untuk menjelaskan hakikat-hakikat yang tinggi itu tidak tercapai. Hanya pengungkapan Al-Qur'an sahaja merupakan satu-satunya pengungkapan yang tepat dan menarik.

******

(Pentafsiran ayat-ayat 31 - 32)

Pemandangan alam buana dan sentuhan jiwa itu diiringi pula dengan satu pemandangan yang lumrah di dalam kehidupan manusia, iaitu pemandangan kapal yang belayar di dalam lautan dengan limpah kurnia Allah. Al-Qur'an meletak mereka di dalam pemandangan ini di hadapan logik fitrah ketika ia menghadapi malapetaka dan bahaya lautan tanpa kekuatan dan keangkuhan:

أَلَمْ تَرَ أَنَّ ٱلْفُلْكَ تَجْرِى فِى ٱلْبَحْرِ بِنِعْمَتِ ٱللَّهِ لِيُرِيَكُم مِّنْ ءَايَـٰتِهِۦٓ ۚ إِنَّ فِى ذَٰلِكَ لَـَٔايَـٰتٍ لِّكُلِّ صَبَّارٍ شَكُورٍ ٣١

وَإِذَا غَشِيَهُم مَّوْجٌ كَٱلظُّلَلِ دَعَوُا۟ ٱللَّهَ مُخْلِصِينَ لَهُ ٱلدِّينَ فَلَمَّا نَجَّىٰهُمْ إِلَى ٱلْبَرِّ فَمِنْهُم مُّقْتَصِدٌ ۚ وَمَا يَجْحَدُ بِـَٔايَـٰتِنَآ إِلَّا كُلُّ خَتَّارٍ كَفُورٍ ٣٢

"Tidakkah engkau lihat bahawa kapal-kapal itu belayar di dalam lautan dengan ni'mat Allah untuk memper-lihatkan kepada kamu bukti-bukti kekuasaan-Nya. Sesungguhnya pada kejadian-kejadian itu terdapat bukti-bukti bagi setiap orang yang banyak bersabar dan bersyukur(31). Dan apabila mereka dilanda gelombang lautan laksana bukit, mereka terus berdo'a kepada Allah dengan menumpukan keta'atan kepada-Nya, kemudian apabila Allah selamatkan mereka sampai ke daratan, maka hanya sebahagian dari mereka sahaja yang bersikap sederhana. Dan tiada yang mengingkarkan ayat-ayat Kami melainkan hanya pemungkir-pemungkir janji yang amat kufur."(32)

Manusia Ketika Dilanda Gelombang Besar Dan Ketika Diselamatkan Ke Dataran

Kapal-kapal itu dapat belayar di dalam lautan mengikut undang-undang yang telah diaturkan Allah pada laut, kapal, angin, bumi dan langit. Penciptaan makhluk-makhluk ini dengan sifat-sifatnya yang tertentu telah membolehkan kapal-kapal itu belayar di dalam lautan tanpa tenggelam dan terhenti. Andainya sifat-sifat itu tidak seimbang walaupun sedikit, nescaya kapal itu tidak dapat belayar di dalam lautan. Andainya kepadatan air atau kepadatan bahan kapal itu tidak seimbang, andainya nisbah tekanan udara di permukaan laut tidak seimbang, andainya gelombang-gelombang air dan udara tidak seimbang, andainya darjah kepanasan melebihi had yang boleh mengekalkan air sebagai air dan mengekalkan gelombang-gelombang air dan udara pada had-had yang seimbang, andainya satu nisbah sahaja yang tidak seimbang nescaya kapal tidak mungkin meluncur di atas air. Dan selepas syarat-syarat itu semua, tinggi lagi satu hakikat iaitu Allahlah yang menjaga dan melindungi kapal-kapal itu menempuh gelombang di tengah-tengah ribut taufan. Di sana tiada yang dapat melindunginya melainkan Allah. Jadi kapal-kapal itu dapat belayar dengan ni'mat Allah dan limpah kurnia-Nya dalam segala keadaan. Kapal-kapal itu juga belayar membawa ni'mat Allah dan limpah kurnia-Nya. Kedua-dua pengertian ini tercakup dalam ungkapan ayat tersebut. **"Untuk memperlihatkan kepada kamu bukti-bukti kekuasaan-Nya"** yakni bukti-bukti kekuasaan Allah adalah terpampang di hadapan mata. Ia boleh dilihat oleh siapa sahaja yang ingin melihatnya. Bukti-bukti itu begitu jelas, tiada sebarang kesamaran. **"Sesungguhnya pada kejadian-kejadian itu terdapat bukti-bukti bagi setiap orang yang banyak bersabar dan bersyukur"**. Yakni bersabar di dalam kesusahan dan bersyukur dalam kesenangan iaitu dua keadaan yang sering dialami manusia.

Tetapi manusia tidak sabar dan tidak bersyukur. Apabila mereka ditimpa kesusahan mereka berdo'a kepada Allah dan apabila Allah menyelamatkan mereka dari kesusahan itu, maka yang bersyukur hanya segelintir sahaja dari mereka:

وَإِذَا غَشِيَهُم مَّوْجٌ كَالظُّلَلِ دَعَوُا اللَّهَ مُخْلِصِينَ لَهُ الدِّينَ

"Dan apabila mereka dilanda gelombang lautan laksana bukit, mereka terus berdo'a kepada Allah dengan menumpukan keta'atan kepada-Nya.(32)

Di hadapan bahaya seperti ini, di mana gelombang lautan sebesar bukit melanda mereka dan kapal laksana bulu ayam yang terumbang-ambing di dalam ombak-ombak yang amat dahysat itu, maka ketika inilah jiwa manusia menjadi kosong dari segala kekuatan dan daya qudrat yang memperdayakan mereka, iaitu kekuatan daya qudrat yang selama ini melindungkan mereka dari hakikat fitrah mereka di sa'at-sa'at kesenangan dan memutuskan hubungan di antara fitrah mereka dengan Allah Penciptanya sehingga apabila semua halangan ini gugur dan fitrah manusia menjadi kosong dari segala tabir, barulah fitrah itu kembali kepada Tuhannya dan barulah ia menumpukan keta'atan kepada-Nya, barulah ia menolak segala sekutu dan segala yang asing dari Allah dan berdo'a kepada Allah dengan menumpukan sepenuh keta'atan kepada-Nya.

فَلَمَّا نَجَّاهُمْ إِلَى الْبَرِّ فَمِنْهُم مُّقْتَصِدٌ

"Kemudian apabila Allah selamatkan mereka sampai ke daratan, maka hanya sebahagian dari mereka sahaja yang bersikap sederhana."(32)

Keamanan dari bahaya dan kesenangan tidak menghanyutkan mereka kepada melupakan Allah dan bertindak sewenang-wenang, malah mereka masih ingatkan Allah dan bersyukur kepada-Nya walaupun mereka tidak menunaikan kewajipan mengingati Allah dan bersyukur kepada-Nya dengan sewajarnya. Mereka hanya menunaikan kewajipan itu secara sederhana sahaja. Itulah kemuncak yang dapat dicapai mereka dalam mengingati dan bersyukur kepada Allah.

Diantara mereka ada yang terus mengingkari bukti-bukti kekuasaan Allah sebaik sahaja bahaya itu hilang dan keamanan itu pulih seperti biasa:

وَمَا يَجْحَدُ بِآيَاتِنَا إِلَّا كُلُّ خَتَّارٍ كَفُورٍ ﴿٣٢﴾

"Dan tiada yang mengingkarkan ayat-ayat Kami melainkan hanya pemungkir-pemungkir janji yang amat kufur."(32)

Sifat pemungkir janji dan sifat yang amat kufur itu dibesar-besarkan disini sesuai dengan perbuatan mereka yang tergamak mengingkarkan bukti-bukti kekuasaan Allah yang telah melihat bukti-bukti dari pemandangan-pemandangan alam buana, di samping menerima logik fitrah yang bersih, jelas dan terang itu.

******

(Pentafsiran ayat 33)

Sesuai dengan suasana malapetaka dan bahaya lautan yang mengosongkan jiwa manusia dari segala perasaan terpedaya dengan kekuatan, ilmu pengetahuan dan daya qudrat yang ada pada mereka, sesuai dengan suasana malapetaka lautan yang menghapuskan segala tabir-tabir palsu dari jiwa mereka dan meletakkan mereka di hadapan logik fitrah, Al-Qur'an mengingatkan mereka pula dengan malapetaka yang lebih besar, iaitu malapetaka yang membuat malapetaka lautan itu kelihatan begitu kecil dibandingkan dengannya, iaitu malapetaka hari Qiamat yang akan memutuskan segala hubungan rahim dan keturunan, malapetaka yang akan membuat si ayah tidak mempedulikan anak-anaknya dan si anak tidak dapat menolong ayahnya. Setiap orang pada hari itu berdiri sendirian sahaja, tidak mempunyai sebarang penolong dan tempat bergantung dan sepi dari kaum kerabat dan putus segala hubungan:

يَا أَيُّهَا النَّاسُ اتَّقُوا رَبَّكُمْ وَاخْشَوْا يَوْمًا لَّا يَجْزِي وَالِدٌ عَن وَلَدِهِ وَلَا مَوْلُودٌ هُوَ جَازٍ عَن وَالِدِهِ شَيْئًا ۚ إِنَّ وَعْدَ اللَّهِ حَقٌّ ۖ فَلَا تَغُرَّنَّكُمُ الْحَيَاةُ الدُّنْيَا وَلَا يَغُرَّنَّكُم بِاللَّهِ الْغَرُورُ ﴿٣٣﴾

"Wahai manusia! Bertaqwalah kepada Allah dan takutilah hari Akhirat, di mana si bapa tidak dapat sedikit pun menyelamatkan anaknya dan si anak tidak dapat menyelamatkan bapanya. Sesungguhnya janji Allah itu benar. Oleh itu janganlah kamu diperdayakan oleh kehidupan dunia dan janganlah kamu ditipu syaitan dalam menta'ati Allah."(33)

Manusia Ketika Dilanda Malapetaka Qiamat

Malapetaka pada hari itu ialah malapetaka kejiwaan yang kedahsyatannya diukur di dalam perasaan dan hati manusia,[3] di mana putusnya segala hubungan kerabat dan darah, hubungan rahim dan keturunan di antara bapa dengan anak dan di antara anak dengan bapa. Setiap orang sibuk dengan urusan dirinya. Tiada siapa pun yang boleh menyelamatkan orang lain dan tiada sesuatu pun yang berguna kepada seseorang selain amalannya sahaja. Semuanya ini tidak berlaku kecuali di dalam malapetaka Qiamat yang tidak ada tandingannya dengan mana-mana malapetaka yang biasa dialami manusia. Da'wah kepada taqwa di sini adalah sesuai dengan tempatnya yang akan disambut dengan baik, kerana persoalan Akhirat yang dibentangkan di bawah bayangan malapetaka Qiamat yang dahsyat ini, membuat hati manusia bersedia untuk mendengarnya.

---

[3] *Lihat bab* العالم الآخر في القرآن *dalam buku* مشاهد القيامة في القرآن *m.s. 42-44.*

"Sesungguhnya janji Allah itu benar". Allah tidak sekali-kali mungkir. Tiada siapa yang dapat melarikan dirinya dari menghadapi malapetaka Qiamat yang amat dahsyat ini dan dari menghadapi hisab Allah yang halus dan balasan-Nya yang adil, di mana si bapa tidak dapat menolong anaknya dan si anak tidak dapat menolong bapanya.

"Oleh itu janganlah kamu diperdayakan oleh kehidupan dunia". Yakni terpedaya dengan keni'matan, hiburan dan kesibukan dunia. Hidup dunia merupakan satu tempoh yang pendek. Ia merupakan ujian untuk mewajarkan seseorang menerima balasan.

Syaitan-syaitan Yang Memperdayakan Manusia

"Dan janganlah kamu ditipu syaitan dalam menta'ati Allah". Yakni ditipu oleh keni'matan yang melalaikan, kesibukan yang melupakan dan ditipu syaitan yang membisik kejahatan di dalam hati, sedangkan syaitan-syaitan itu ramai. Iaitu syaitan yang memperdayakan manusia dengan harta, syaitan yang memperdayakan manusia dengan ilmu, syaitan yang memperdayakan manusia dengan umur, syaitan yang memperdayakan manusia dengan kekuatan, syaitan yang memperdayakan manusia dengan kuasa, syaitan yang membangkitkan hawa nafsu dan syaitan yang menimbulkan keinginan syahwat. Hanya rasa taqwa terhadap Allah dan kenangan terhadap hari Akhirat sahaja yang dapat melindungkan seseorang dari segala perdayaan syaitan.

******

(Pentafsiran ayat 34).

Pada akhir pusingan yang keempat dan penghabisan surah ini dan di bawah bayangan pemandangan yang amat menakutkan itu, Al-Qur'an menyampaikan satu kenyataannya yang amat kuat, mendalam dan mengerikan. Kenyataan itu menggambarkan ilmu Allah yang mencakupi segala-galanya dan kelemahan ilmu manusia yang terhijab dari perkara-perkara yang ghaib. Kenyataan itu juga menjelaskan segala bahagian persoalan yang dibicarakan surah ini dan semuanya dikeluarkan dalam bentuk pemandangan dari pemandangan-pemandangan yang menarik yang dilukiskan Al-Qur'an.

Masa Qiamat Tersimpan Dalam Ilmu Allah

إِنَّ ٱللَّهَ عِندَهُۥ عِلْمُ ٱلسَّاعَةِ وَيُنَزِّلُ ٱلْغَيْثَ
وَيَعْلَمُ مَا فِى ٱلْأَرْحَامِ ۖ وَمَا تَدْرِى نَفْسٌ مَّاذَا تَكْسِبُ
غَدًا ۖ وَمَا تَدْرِى نَفْسٌۢ بِأَىِّ أَرْضٍ تَمُوتُ ۚ إِنَّ ٱللَّهَ عَلِيمٌ
خَبِيرٌۢ ﴿٣٤﴾

"Sesungguhnya pengetahuan mengenai masa Qiamat itu tersimpan di sisi Allah. Dialah yang menurunkan hujan dan mengetahui kandungan di dalam rahim, dan tiada seorang pun yang mengetahui apakah yang akan diperolehinya pada esok hari, dan tiada seorang pun yang mengetahui di bumi manakah dia akan mati. Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui dan Maha Mendalam ilmu pengetahuan-Nya."(34)

Allah S.W.T. telah menjadikan hari Qiamat itu suatu hari ghaib yang tiada siapa mengetahuinya kecuali Dia supaya manusia sentiasa beringat dan berwaspada, sentiasa menduga dan mengharap dan sentiasa berusaha menyiapkan bekalan untuknya. Mereka tidak mengetahui bilakah masa Qiamat itu. Ia mungkin datang dengan mendadak pada bila-bila masa sahaja. Oleh itu tidak ada sebab bagi seseorang untuk menangguhkan usaha menyiapkan bekalan dan amalan simpanan.

Hakikat Di Sebalik Turunnya Hujan

Allah menurunkan hujan mengikut hikmat kebijaksanaan-Nya dan sekadar yang dikehendaki-Nya. Kadang-kadang manusia dapat mengetahui masa kehampiran turunnya hujan berdasarkan pengalaman-pengalaman dan perkiraan-perkiraan mereka, tetapi mereka tidak berkuasa menciptakan sebab-sebab yang menciptakan hujan. Di dalam ayat ini diterangkan bahawa Allahlah yang menurunkan hujan kerana Dialah yang menciptakan sebab-sebab alam yang membentuk dan mengaturkan air hujan. Bidang ikhtisas Allah mengenai hujan ialah bidang qudrat sebagaimana yang dapat difaham dari nas yang zahir ini. Ada orang yang silap faham mengatakan turunnya air hujan itu termasuk di dalam perkara-perkara ghaib yang hanya diketahui Allah sahaja. Dan jika ilmu Allah merupakan satu-satunya ilmu yang mengetahui hakikat segala urusan, maka ilmu-Nya merupakan satu-satunya ilmu yang tepat, sempurna dan merangkumi segala-galanya, tidak lebih dan tidak kurang.

Hakikat Di Sebalik Kandungan Rahim

"Dan mengetahui kandungan di dalam rahim". Bidang ikhtisas Allah mengenai isi kandungan rahim pula ialah bidang ikhtisas ilmu seperti bidang ikhtisas ilmu-Nya mengenai masa hari Qiamat. Hanya Allah S.W.T. sahaja yang mengetahui dengan tepat apa yang dikandung rahim pada setiap sa'at dan pada setiap peringkat perkembangan kandungan itu sama ada kandungan lebih atau susut, juga mengetahui peringkat perkembangan kandungan yang belum lagi bersifat dan bertubuh, di samping mengetahui jenis kandungan itu sama ada lelaki atau perempuan ketika tiada siapa pun yang mengetahui sesuatu apa mengenai jenis kandungan semasa berlakunya percantuman benih lelaki dengan telur perempuan, seterusnya Dialah sahaja yang mengetahui perawakan dan rupa paras janin itu, juga sifat-sifat, keadaan-keadaan dan bakat-bakatnya. Semuanya dari bidang ikhtisas ilmu Allah Ta'ala sahaja.

وَمَا تَدۡرِي نَفۡسٞ مَّاذَا تَكۡسِبُ غَدٗاۖ

"Dan tiada seorang pun yang mengetahui apakah yang akan diperolehinya esok hari."(34)

Manusia Tidak Mengetahui Apa Yang Akan Berlaku Kepadanya Dan Di Mana Ia Mati

Yakni apa yang akan diperolehinya sama ada kebaikan atau keburukan atau kemanfa'atan atau kemudharatan, kemudahan atau kepayahan, kesihatan atau kesakitan, keta'atan atau maksiat. Pengertian perolehan itu lebih umum dari keuntungan harta atau sebagainya, kerana ia mencakupi segala sesuatu yang akan menimpa seseorang pada hari esok. Ia merupakan urusan ghaib yang tertutup dan dilindungi tabir-tabir. Manusia berdiri bingung di depan alam ghaib yang gelap. Dia tidak berupaya melihat sesuatu di belakang tabir itu.

Begitu juga **"Tiada seorang pun yang mengetahui di bumi manakah dia akan mati"** kerana urusan ini adalah urusan di sebalik tabir yang amat tebal yang tidak dapat ditembusi telinga dan mata manusia.

Manusia berdiri lemah dan khyusuk di hadapan tabir-tabir yang tebal ini, dia tahu hakikat ilmunya yang terbatas dan hakikat kelemahannya yang jelas. Segala perasaan terpedaya dengan ilmu pengetahuannya adalah gugur dari hatinya. Dia insaf bahawa di hadapan tabir ghaib itu manusia hanya dikurniakan ilmu yang sedikit sahaja, sedangkan di sebalik tabir itu terdapat berbagai-bagai ilmu pengetahuan yang tidak diketahui mereka. Dan andainya mereka mengetahui segala sesuatu yang lain, maka mereka masih berdiri bingung di hadapan tabir itu. Mereka tidak tahu apakah yang akan berlaku besok dan apakah yang akan berlaku pada detik yang berikut. Di waktu inilah perasaan angkuh manusia merendah turun dan terus khyusuk. dan tunduk kepada Allah.

Al-Qur'an mengemukakan kenyataan-kenyataan yang memberi kesan yang mendalam kepada hati manusia itu di ruang yang amat luas, iaitu di ruang zaman dan tempat yang mencakupi masa kini, masa depan, alam ghaib yang jauh, alam fikiran manusia dan khayalannya, hari Qiamat yang jauh, hujan yang turun dari sumber yang jauh, kandungan rahim ibu yang tersembunyi dari mata, perolehan pada hari esok, walaupun besok itu dekat tetapi apa yang akan berlaku padanya masih ghaib dan majhul, begitu juga tempat mati dan tempat dikebumikan kedua-duanya masih jauh dalam andaian-andaian.

Itulah ruang zaman dan tempat yang amat luas, tetapi sentuhan-sentuhan penggambaran yang luas itu berakhir dengan hujung-hujungnya yang halus, kemudian semua hujung-hujung yang halus itu berkumpul pada titik yang majhul, dan dengan hujung-hujung yang halus inilah kita semua berdiri di hadapan sebuah lubang kecil yang tertutup, andainya lubang itu terbuka seluas lubang jarum nescaya yang dekat dan yang jauh di belakangnya kelihatan sama sahaja, iaitu kita tidak dapat membezakan mana yang jauh dan mana yang dekat, tetapi lubang ghaib itu tetap tertutup di hadapan manusia kerana ia di luar kemampuan dan ilmu manusia. Lubang itu hanya khusus untuk Allah, tiada yang lain dari Allah yang mengetahuinya. Dan tiada siapa yang mengetahuinya melainkan dengan izin Allah dan melainkan sekadar yang tertentu sahaja. **"Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui dan Maha Pakar"** dan tiada yang lain dari Allah yang bersifat Maha Mengetahui dan Maha Pakar.

******

Demikianlah berakhirnya surah ini setelah menjelajah begitu jauh di ruang zaman, di merata ufuk, di segala pedalaman dan di merata-merata tempat yang jauh. Dan kembalilah hati dari perjalanan yang jauh dan luasnya itu dengan langkah-langkah yang perlahan-lahan kerana terlalu banyak berjalan, kerana terlalu berat membawa dan kerana terlalu lama berfikir dalam berbagai-bagai alam, berbagai-bagai pemandangan dan kehidupan.

Selain dari itu, surah ini adalah sebuah surah yang mempunyai ayat-ayat yang tidak melebihi dari tiga puluh empat ayat sahaja. Maha Sucilah Allah Tuhan yang menciptakan hati dan menurunkan Al-Qur'an sebagai penawar yang menyembuhkan penyakit-penyakitnya dan sebagai suluh hidayat dan rahmat kepada sekalian orang yang beriman.

******

JUZU' KE-21

SURAH AS-SAJADAH

SURAH KE **32**

سُورَةُ السَّجۡدَةِ

SURAH AS-SAJADAH

Surah Sujud

(Makkiyah)

JUMLAH AYAT **30**

بِسۡمِ ٱللَّهِ ٱلرَّحۡمَٰنِ ٱلرَّحِيمِ

Dengan nama Allah
Yang Maha Penyayang dan Maha Pengasih

(Kumpulan ayat-ayat 1 - 30)

الٓمٓ ١
تَنزِيلُ ٱلۡكِتَٰبِ لَا رَيۡبَ فِيهِ مِن رَّبِّ ٱلۡعَٰلَمِينَ ٢
أَمۡ يَقُولُونَ ٱفۡتَرَىٰهُۚ بَلۡ هُوَ ٱلۡحَقُّ مِن رَّبِّكَ لِتُنذِرَ
قَوۡمٗا مَّآ أَتَىٰهُم مِّن نَّذِيرٖ مِّن قَبۡلِكَ لَعَلَّهُمۡ
يَهۡتَدُونَ ٣
ٱللَّهُ ٱلَّذِي خَلَقَ ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَٱلۡأَرۡضَ وَمَا بَيۡنَهُمَا
فِي سِتَّةِ أَيَّامٖ ثُمَّ ٱسۡتَوَىٰ عَلَى ٱلۡعَرۡشِۖ مَا لَكُم مِّن
دُونِهِۦ مِن وَلِيّٖ وَلَا شَفِيعٍۚ أَفَلَا تَتَذَكَّرُونَ ٤
يُدَبِّرُ ٱلۡأَمۡرَ مِنَ ٱلسَّمَآءِ إِلَى ٱلۡأَرۡضِ ثُمَّ يَعۡرُجُ إِلَيۡهِ فِي
يَوۡمٖ كَانَ مِقۡدَارُهُۥٓ أَلۡفَ سَنَةٖ مِّمَّا تَعُدُّونَ ٥
ذَٰلِكَ عَٰلِمُ ٱلۡغَيۡبِ وَٱلشَّهَٰدَةِ ٱلۡعَزِيزُ ٱلرَّحِيمُ ٦
ٱلَّذِيٓ أَحۡسَنَ كُلَّ شَيۡءٍ خَلَقَهُۥۖ وَبَدَأَ خَلۡقَ ٱلۡإِنسَٰنِ
مِن طِينٖ ٧
ثُمَّ جَعَلَ نَسۡلَهُۥ مِن سُلَٰلَةٖ مِّن مَّآءٖ مَّهِينٖ ٨
ثُمَّ سَوَّىٰهُ وَنَفَخَ فِيهِ مِن رُّوحِهِۦۖ وَجَعَلَ لَكُمُ ٱلسَّمۡعَ
وَٱلۡأَبۡصَٰرَ وَٱلۡأَفۡـِٔدَةَۚ قَلِيلٗا مَّا تَشۡكُرُونَ ٩
وَقَالُوٓاْ أَءِذَا ضَلَلۡنَا فِي ٱلۡأَرۡضِ أَءِنَّا لَفِي خَلۡقٖ جَدِيدِۭۚ
بَلۡ هُم بِلِقَآءِ رَبِّهِمۡ كَٰفِرُونَ ١٠

"Alif. Laam. Miim(1). Penurunan kitab suci Al-Qur'an tidak syak lagi dari Tuhan semesta alam(2). Apakah mereka (orang-orang kafir) berkata: Dialah (Muhammad) yang mereka-rekakannya? Malah sebenarnya Al-Qur'an itu adalah kitab yang benar dari Tuhanmu supaya engkau memberi peringatan kepada kaum yang tidak pernah didatangi Rasul yang memberi peringatan (kepada mereka) sebelummu agar mereka mendapat hidayat(3). Allah yang setelah menciptakan langit dan bumi dan kejadian-kejadian di antara keduanya dalam masa enam hari kemudian Dia bersemayam di atas 'Arasy. Tiada pelindung dan penolong bagi kamu selain dari Allah. Tidakkah kamu mengambil peringatan?(4). Dia mentadbirkan urusan kerajaan-Nya dari langit ke bumi kemudian urusan itu akan diangkat naik kepada-Nya dalam masa satu hari yang kadarnya sama dengan seribu tahun menurut masa perhitungan kamu(5). Itulah Pentadbiran Allah yang mengetahui segala yang ghaib dan segala yang nyata, Yang Maha Perkasa dan Maha Pengasih(6). Tuhan yang menciptakan segala sesuatu dengan rupa bentuk yang cantik, dan memulakan kejadian manusia dari tanah(7). Kemudian Dia jadikan keturunan manusia itu dari pati air mani yang hina(8). Kemudian Dia menyempurnakan kejadiannya dan meniupkan padanya, roh ciptaan-Nya. Dan Dia ciptakan untuk kamu pendengaran, penglihatan dan hati, (tetapi) sedikit sekali kamu bersyukur(9). Dan mereka (orang-orang kafir) berkata: Apakah sesudah kita hilang lenyap di dalam bumi kita akan diciptakan semula? Malah sebenarnya mereka mengingkari pertemuan dengan Tuhan mereka."(10)

قُلۡ يَتَوَفَّىٰكُم مَّلَكُ ٱلۡمَوۡتِ ٱلَّذِي وُكِّلَ بِكُمۡ ثُمَّ إِلَىٰ
رَبِّكُمۡ تُرۡجَعُونَ ١١
وَلَوۡ تَرَىٰٓ إِذِ ٱلۡمُجۡرِمُونَ نَاكِسُواْ رُءُوسِهِمۡ
عِندَ رَبِّهِمۡ رَبَّنَآ أَبۡصَرۡنَا وَسَمِعۡنَا فَٱرۡجِعۡنَا نَعۡمَلۡ
صَٰلِحًا إِنَّا مُوقِنُونَ ١٢
وَلَوۡ شِئۡنَا لَأٓتَيۡنَا كُلَّ نَفۡسٍ هُدَىٰهَا وَلَٰكِنۡ
حَقَّ ٱلۡقَوۡلُ مِنِّي لَأَمۡلَأَنَّ جَهَنَّمَ مِنَ ٱلۡجِنَّةِ وَٱلنَّاسِ

أَجْمَعِينَ ﴿١٣﴾
فَذُوقُوا۟ بِمَا نَسِيتُمْ لِقَآءَ يَوْمِكُمْ هَٰذَآ إِنَّا نَسِينَٰكُمْ ۖ
وَذُوقُوا۟ عَذَابَ ٱلْخُلْدِ بِمَا كُنتُمْ تَعْمَلُونَ ﴿١٤﴾
إِنَّمَا يُؤْمِنُ بِـَٔايَٰتِنَا ٱلَّذِينَ إِذَا ذُكِّرُوا۟ بِهَا خَرُّوا۟ سُجَّدًا
وَسَبَّحُوا۟ بِحَمْدِ رَبِّهِمْ وَهُمْ لَا يَسْتَكْبِرُونَ ۩ ﴿١٥﴾
تَتَجَافَىٰ جُنُوبُهُمْ عَنِ ٱلْمَضَاجِعِ يَدْعُونَ رَبَّهُمْ
خَوْفًا وَطَمَعًا وَمِمَّا رَزَقْنَٰهُمْ يُنفِقُونَ ﴿١٦﴾
فَلَا تَعْلَمُ نَفْسٌ مَّآ أُخْفِىَ لَهُم مِّن قُرَّةِ أَعْيُنٍ جَزَآءًۢ
بِمَا كَانُوا۟ يَعْمَلُونَ ﴿١٧﴾
أَفَمَن كَانَ مُؤْمِنًا كَمَن كَانَ فَاسِقًا ۚ لَّا يَسْتَوُۥنَ ﴿١٨﴾
أَمَّا ٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ وَعَمِلُوا۟ ٱلصَّٰلِحَٰتِ فَلَهُمْ جَنَّٰتُ
ٱلْمَأْوَىٰ نُزُلًۢا بِمَا كَانُوا۟ يَعْمَلُونَ ﴿١٩﴾
وَأَمَّا ٱلَّذِينَ فَسَقُوا۟ فَمَأْوَىٰهُمُ ٱلنَّارُ ۖ كُلَّمَآ أَرَادُوٓا۟
أَن يَخْرُجُوا۟ مِنْهَآ أُعِيدُوا۟ فِيهَا وَقِيلَ لَهُمْ ذُوقُوا۟ عَذَابَ
ٱلنَّارِ ٱلَّذِى كُنتُم بِهِۦ تُكَذِّبُونَ ﴿٢٠﴾

"Katakanlah: Kamu sekalian dimatikan oleh Malakul-Maut yang ditugas (mengambil nyawa kamu) kemudian kamu akan dikembalikan kepada Tuhan kamu(11). Dan jika engkau melihat orang-orang yang berdosa itu menundukkan kepala mereka di sisi Tuhan mereka (sambil berkata): Wahai Tuhan kami! Kami telah melihat dan kami telah mendengar. Oleh itu kembalikan kami (ke dunia) supaya kami mengerjakan amalan yang soleh. Sesungguhnya kami (kini) amat yakin(12). Dan andainya Kami kehendaki nescaya Kami kurniakan hidayat kepada setiap orang tetapi keputusan-Ku telah ditetapkan bahawa sesungguhnya Aku akan penuhkan Neraka dengan sekalian jin dan manusia (yang kafir)(13). Oleh itu rasakanlah ('azab seksa) dengan sebab kamu telah melupakan pertemuan dengan hari kamu ini. Sesungguhnya Kami telah lupakan kamu dan rasakanlah 'azab yang kekal dengan sebab perbuatan-perbuatan yang dilakukan kamu(14). Sesungguhnya orang-orang yang beriman kepada ayat-ayat Kami hanyalah orang-orang yang apabila diperingatkan dengan ayat-ayat itu mereka terus merebahkan diri sujud dan mereka bertasbih memuji Tuhan mereka. Dan mereka tidak bersikap angkuh(15). Lambung-lambung mereka berpisah dari tempat-tempat tidur (berjaga di malam hari) untuk berdo'a kepada Tuhan mereka kerana merasa takut dan menaruh harapan (mendapat rahmat-Nya) dan mereka mendermakan sebahagian dari rezeki yang Kami kurniakan kepada mereka(16). Tiada seorang pun yang mengetahui balasan yang menyenangkan mata yang disediakan untuk mereka sebagai ganjaran terhadap amalan-amalan yang dilakukan mereka(17). Apakah orang yang beriman itu sama dengan orang yang fasiq? Mereka sekali-kali tidak sama(18). Adapun orang-orang yang beriman dan mengerjakan amalan yang soleh mereka akan memperolehi Syurga-syurga kediaman sebagai penghormatan kerana amalan-amalan yang dilakukan mereka(19). Dan adapun orang-orang yang fasiq, maka tempat kediaman mereka ialah api Neraka. Setiap kali mereka mahu keluar darinya, mereka dikembalikan semula ke dalamnya dan dikatakan kepada mereka: Rasakanlah 'azab api Neraka yang telah didustakan kamu itu."(20)

وَلَنُذِيقَنَّهُم مِّنَ ٱلْعَذَابِ ٱلْأَدْنَىٰ دُونَ ٱلْعَذَابِ
ٱلْأَكْبَرِ لَعَلَّهُمْ يَرْجِعُونَ ﴿٢١﴾
وَمَنْ أَظْلَمُ مِمَّن ذُكِّرَ بِـَٔايَٰتِ رَبِّهِۦ ثُمَّ أَعْرَضَ عَنْهَآ ۚ
إِنَّا مِنَ ٱلْمُجْرِمِينَ مُنتَقِمُونَ ﴿٢٢﴾
وَلَقَدْ ءَاتَيْنَا مُوسَى ٱلْكِتَٰبَ فَلَا تَكُن فِى مِرْيَةٍ
مِّن لِّقَآئِهِۦ ۖ وَجَعَلْنَٰهُ هُدًى لِّبَنِىٓ إِسْرَٰٓءِيلَ ﴿٢٣﴾
وَجَعَلْنَا مِنْهُمْ أَئِمَّةً يَهْدُونَ بِأَمْرِنَا لَمَّا صَبَرُوا۟ ۖ
وَكَانُوا۟ بِـَٔايَٰتِنَا يُوقِنُونَ ﴿٢٤﴾
إِنَّ رَبَّكَ هُوَ يَفْصِلُ بَيْنَهُمْ يَوْمَ ٱلْقِيَٰمَةِ فِيمَا
كَانُوا۟ فِيهِ يَخْتَلِفُونَ ﴿٢٥﴾
أَوَلَمْ يَهْدِ لَهُمْ كَمْ أَهْلَكْنَا مِن قَبْلِهِم مِّنَ
ٱلْقُرُونِ يَمْشُونَ فِى مَسَٰكِنِهِمْ ۚ إِنَّ فِى ذَٰلِكَ
لَءَايَٰتٍ ۚ أَفَلَا يَسْمَعُونَ ﴿٢٦﴾
أَوَلَمْ يَرَوْا۟ أَنَّا نَسُوقُ ٱلْمَآءَ إِلَى ٱلْأَرْضِ ٱلْجُرُزِ
فَنُخْرِجُ بِهِۦ زَرْعًا تَأْكُلُ مِنْهُ أَنْعَٰمُهُمْ
وَأَنفُسُهُمْ ۚ أَفَلَا يُبْصِرُونَ ﴿٢٧﴾
وَيَقُولُونَ مَتَىٰ هَٰذَا ٱلْفَتْحُ إِن كُنتُمْ صَٰدِقِينَ ﴿٢٨﴾
قُلْ يَوْمَ ٱلْفَتْحِ لَا يَنفَعُ ٱلَّذِينَ كَفَرُوٓا۟ إِيمَٰنُهُمْ
وَلَا هُمْ يُنظَرُونَ ﴿٢٩﴾

فَأَعْرِضْ عَنْهُمْ وَٱنتَظِرْ إِنَّهُم مُّنتَظِرُونَ ﴿٣٠﴾

"Dan sesungguhnya Kami rasakan mereka 'azab dunia sebelum 'azab Akhirat yang amat besar supaya mereka kembali (ke jalan hidayat)(21). Dan tiada yang lebih zalim dari orang yang diberi peringatan dengan ayat-ayat Tuhannya, kemudian dia berpaling darinya. Sesungguhnya Kami tetap memberi balasan kepada orang-orang yang berdosa(22). Dan sesungguhnya Kami telah mengurniakan kitab Taurat kepada Musa. Oleh itu janganlah engkau berada di dalam sebarang keraguan bertemu dengannya (Musa), dan Kami jadikannya (Taurat) petunjuk kepada Bani Israel(23). Dan Kami jadikan dari kalangan mereka pemimpin-pemimpin yang memberi hidayat dengan perintah Kami apabila mereka bersabar dan yakin kepada ayat-ayat Kami(24). Sesungguhnya Tuhanmu akan mengadili di antara mereka di dalam perkara-perkara yang dipertikaikan mereka(25). Tidakkah menjadi contoh yang memberi hidayat kepada mereka, iaitu berapa banyak umat yang Kami telah binasakan sebelum mereka, sedangkan mereka pernah berjalan di tempat-tempat kediaman mereka? Sesungguhnya peristiwa itu merupakan bukti-bukti kekuasaan Allah. Tidakkah mereka mendengar?(26). Tidakkah mereka lihat bagaimana Kami membawa air hujan ke bumi yang gersang lalu Kami keluarkan dengannya tanaman-tanaman yang dapat dimakan ternakan-ternakan mereka dan diri mereka sendiri. Mengapakah mereka tidak melihat?(27). Dan mereka berkata: Bilakah datangnya hari pembukaan pengadilan ini jika kamu orang-orang yang benar(28). Katakanlah: Pada hari pembukaan pengadilan itu tidak lagi berguna kepada orang-orang yang kafir keimanan mereka dan tidak pula mereka diberi tempoh(29). Oleh itu berpalinglah dari mereka dan tunggulah sesungguhnya mereka juga menunggu."(30)

(Latar belakang dan pokok pembicaraan)

Surah Makkiyah ini merupakan satu lagi contoh dari contoh-contoh cara Al-Qur'an berbicara dengan hati manusia mengenai persoalan 'aqidah yang agung untuk menyedarkan fitrah mereka dan menanamkan di dalam hati mereka 'aqidah kepatuhan kepada Allah Yang Maha Esa yang menjadi tumpuan seluruh makhluk, iaitu Allah yang menciptakan alam buana dan manusia, Allah yang mentadbirkan langit dan bumi dan ruang di antara keduanya serta segala makhluk yang ada pada keduanya, iaitu makhluk-makhluk yang tiada siapa pun mengetahuinya melainkan Allah, juga untuk mengajak mereka supaya membenarkan kerasulan Muhammad s.a.w. yang diwahyukan Al-Qur'an ini kepadanya agar beliau memberi hidayat kepada manusia ke jalan Allah dan seterusnya supaya mereka percaya kepada hari kebangkitan selepas mati, kepada hari Qiamat, Hisab dan Balasan.

Itulah persoalan yang dibicarakan oleh surah ini, iaitu persoalan yang dibicarakan oleh semua Surah-surah Makkiyah yang lain. Setiap surah membicarakan dengan uslub yang tersendiri, penerangan-penerangan yang tersendiri, tetapi semuanya bertemu pada titik yang sama, iaitu berbicara dengan hati manusia dengan Kalamullah Yang Maha Mengetahui lagi Maha Pakar (العليم الخبير), iaitu Allah yang mengetahui segala rahsia dan lubuk-lubuk sulit hati manusia, mengetahui segala liku-liku dan lorong-lorongnya, Allah Yang Maha Mengetahui segala tabi'at hati dan strukturnya, Allah Yang Maha Mengetahui segala perasaan, segala reaksi dan sambutan-sambutannya di dalam segala keadaan dan situasi.

Surah as-Sajadah ini membicarakan persoalan itu dengan uslub dan gaya yang berlainan dari uslub dan gaya Surah Luqman yang telah lepas. Ia mengemukakan persoalan itu di dalam ayat-ayatnya yang pertama, kemudian ayat-ayat bakinya terus mengemukakan penerangan-penerangan yang menyedarkan hati, menerangkan roh, merangsangkan menungan dan fikiran di samping mengemukakan dalil-dalil dan hujah-hujah yang menyokong persoalan itu, iaitu dalil-dalil yang dibentangkan di permukaan alam buana dan pemandangan-pemandangannya juga dibentangkan di dalam kejadian manusia dan peringkat-peringkat perkembangannya, di dalam pemandangan-pemandangan, Qiamat yang hidup dan penuh harakat, di dalam peristiwa-peristiwa kebinasaan umat-umat yang dahulu kala dan kesan-kesan peninggalan mereka yang memberi contoh teladan kepada mereka yang ingin mendengar dan memikirkan logiknya.

Surah ini juga melukiskan gambaran-gambaran jiwa manusia yang beriman, khusyu' mengharap dengan penuh minat kepada Allah dan gambaran-gambaran jiwa manusia yang kafir dan degil terhadap-Nya di samping menayangkan gambaran-gambaran balasan yang diterima oleh dua golongan itu seolah-olah gambaran-gambaran itu tersergam di hadapan mata yang dapat dilihat oleh setiap pembaca Al-Qur'an.

Dalam semua penayangan dan pemandangan itu, surah ini berbicara dengan hati manusia dengan pembicaraan yang sekali menyedar, menggerak dan memimpin mereka ke arah meneliti dan berfikir, dan sekali pula membawa mereka ke arah takut kepada Allah, mengharap dengan penuh minat kepada-Nya. Kadang-kadang ia mengemukakan peringatan dan ancaman, kadang-kadang dengan merangsangkan minat dan memberi keyakinan kepada mereka, kadang-kadang dengan mengemukakan dalil-dalil yang mengingatkan mereka dan pada akhirnya ia meninggalkan mereka dihadapan penerangan-penerangan dan dalil-dalil itu untuk memberi peluang kepada mereka memilih sendiri jalan yang disukainya dan menunggu nasib kesudahan mereka dengan penuh ilmu pengetahuan dan dengan berpandukan hidayat dan nur petunjuk.

Surah ini meneruskan penayangan persoalan itu di dalam empat atau lima bahagian yang bersambung-sambung. Ia mulakan dengan huruf-huruf potongan **"Alif. Laam. Miim"** untuk mengingatkan manusia bahawa Al-Qur'an adalah diturun dengan jenis huruf-huruf itu. Ia menolak sebarang keraguan turunnya Al-Qur'an ini dari wahyu Allah iaitu dari Allah **"Tuhan semesta alam".** Ia mengemukakan pertanyaan

mengecam tuduhan mereka yang mengatakan bahawa Muhammad telah mereka-rekakan Al-Qur'an itu dan menegaskan bahawa Al-Qur'an itu adalah wahyu yang sebenar dari Tuhannya untuk memberi peringatan kepada kaumnya **"Agar mereka mendapat hidayat."**

Inilah persoalan pertama dari persoalan-persoalan 'aqidah iaitu persoalan wahyu dan kebenaran Rasulullah s.a.w. menyampaikan wahyu dari Allah Tuhan semesta alam.

Kemudian Al-Qur'an membentangkan persoalan ketuhanan dan sifat-sifatnya dalam lembaran alam buana iaitu dalam penciptaan langit, bumi dan kejadian-kejadian di antara keduanya, dalam penguasaan terhadap alam buana, dalam pentadbiran segala urusan di langit dan di bumi dan dalam pengangkatan segala urusan itu kepada Allah pada hari Akhirat, kemudian ia bentangkan persoalan itu dalam kejadian manusia dan peringkat-peringkat perkembangannya, juga dalam ni'mat-ni'mat pendengaran, penglihatan dan daya-daya berfikir yang dikurniakan Allah kepada manusia, sedangkan amat sedikit bilangan manusia yang bersyukur.

Inilah persoalan 'aqidah yang kedua iaitu persoalan Uluhiyah dan sifat-sifat-Nya, sifat mencipta, sifat mentadbir, sifat menjadikan segala sesuatu dengan sebaik-baik dan seelok-eloknya, sifat Allah yang mengurniakan ni'mat, sifat mengetahui, dan sifat memberi rahmat. Semuanya disebut di dalam ayat-ayat mengenai penciptaan.

Kemudian ia membentangkan persoalan kebangkitan selepas mati dan keraguan mereka terhadap kemungkinan kebangkitan itu selepas tubuh badan mereka hancur dan reput di dalam tanah:

وَقَالُوٓا۟ أَءِذَا ضَلَلْنَا فِى ٱلْأَرْضِ أَءِنَّا لَفِى خَلْقٍ جَدِيدٍۭ ۚ
بَلْ هُم بِلِقَآءِ رَبِّهِمْ كَـٰفِرُونَ ﴿١٠﴾

"Dan mereka (orang-orang kafir) berkata: Apakah sesudah kita hilang lenyap di dalam bumi kita akan diciptakan semula? Malah sebenarnya mereka mengingkari pertemuan dengan Tuhan mereka."(10)

Kemudian ia menolak keraguan mereka dengan kenyataan yang tegas dan yakin.

Inilah persoalan yang ketiga iaitu persoalan kebangkitan selepas mati dan kesudahan hidup manusia. Kerana itu ia menayangkan satu pemandangan dari pemandangan-pemandangan Qiamat:

وَلَوْ تَرَىٰٓ إِذِ ٱلْمُجْرِمُونَ نَاكِسُوا۟ رُءُوسِهِمْ
عِندَ رَبِّهِمْ

"Dan jika engkau melihat orang-orang yang berdosa itu menundukkan kepala mereka di sisi Tuhan mereka."(12)

Mereka mengisytiharkan keyakinan mereka terhadap hari Akhirat dan terhadap kebenaran yang dibawa oleh da'wah. Mereka membuat pengakuan yang jika pengakuan ini dibuat di dunia tentulah pintu-pintu Syurga akan terbuka kepada mereka, tetapi oleh kerana pengakuan itu dibuat pada masa ini, maka ia tidak berguna kepada mereka suatu apa pun. Semoga pemandangan ini dapat menyedarkan mereka sebelum terluput waktunya agar pengakuan ini dibuat sekarang ini juga, iaitu dalam masa-masa yang dituntut bukannya di buat semasa menghadapi hari hisab yang amat genting itu.

Di samping pemandangan yang penuh derita dan sengsara ini, Al-Qur'an menayangkan pemandangan orang-orang yang beriman di dunia ini ketika mereka diperingatkandengan ayat-ayat Tuhan mereka:

إِنَّمَا يُؤْمِنُ بِـَٔايَـٰتِنَا ٱلَّذِينَ إِذَا ذُكِّرُوا۟ بِهَا خَرُّوا۟ سُجَّدًا
وَسَبَّحُوا۟ بِحَمْدِ رَبِّهِمْ وَهُمْ لَا يَسْتَكْبِرُونَ ۩ ﴿١٥﴾
تَتَجَافَىٰ جُنُوبُهُمْ عَنِ ٱلْمَضَاجِعِ يَدْعُونَ رَبَّهُمْ
خَوْفًا وَطَمَعًا وَمِمَّا رَزَقْنَـٰهُمْ يُنفِقُونَ ﴿١٦﴾

"Sesungguhnya orang-orang yang beriman kepada ayat-ayat Kami hanyalah orang-orang yang apabila diperingatkan dengan ayat-ayat itu mereka terus merebahkan diri sujud dan mereka bertasbih memuji Tuhan mereka. Dan mereka tidak bersikap angkuh(15). Lambung-lambung mereka berpisah dari tempat-tempat tidur (berjaga di malam hari) untuk berdo'a kepada Tuhan mereka kerana merasa takut dan menaruh harapan (mendapat rahmat-Nya) dan mereka mendermakan sebahagian dari rezeki yang Kami kurniakan kepada mereka."(16)

Ini adalah satu gambaran halus yang amat menarik hati dan di sampingnya dibentangkan pula balasan-balasan yang disediakan Allah kepada orang-orang yang khusyu' dan takut kepada-Nya, iaitu balasan ni'mat yang mengatasi kefahaman manusia yang fana:

فَلَا تَعْلَمُ نَفْسٌ مَّآ أُخْفِىَ لَهُم مِّن قُرَّةِ أَعْيُنٍ جَزَآءًۢ
بِمَا كَانُوا۟ يَعْمَلُونَ ﴿١٧﴾

"Tiada seorang pun yang mengetahui balasan yang menyenangkan mata yang disediakan untuk mereka sebagai ganjaran terhadap amalan-amalan yang dilakukan mereka."(17)

Kemudian diiringi pula dengan satu pemandangan sepintas lalu yang menggambarkan kesudahan orang-orang yang beriman dan kesudahan orang-orang yang kafir, yang masing-masing ditempatkan di dalam Syurga dan di dalam Neraka Jahim, dan diikuti pula dengan satu ancaman bahawa mereka akan diseksakan di dunia ini lagi sebelum mereka menemui kesudahan hidup mereka yang amat dahsyat di Akhirat.

Kemudian Al-Qur'an menyebut kisah Musa a.s. dan persamaan risalahnya dengan risalah Muhammad s.a.w., juga menceritakan golongan kaumnya yang menerima hidayat dan sabar memikul tugas da'wah di samping balasan yang diterima mereka kerana kesabaran itu, iaitu balasan yang mengangkatkan mereka menjadi pemimpin-pemimpin kaum mereka. Sebutan kisah ini mengandungi saranan supaya bersabar di dalam menghadapi tipu daya dan pendustaan yang dihadapi penda'wah-penda'wah Islam.

Sebutan kisah ini diiringi pula dengan satu penjelajahan meninjau peristiwa-peristiwa kebinasan yang telah menimpa umat-umat yang dahulu kala, sedangkan mereka sering melalui tempat-tempat yang dibinasakan itu dengan hati yang lalai, kemudian beralih pula kepada satu penjelajahan melihat bumi yang kering tandus kemudian hidup subur setelah diturunkan air hujan menyiraminya. Di sini pemandangan kemusnahan dan kehancuran bertemu dengan pemandangan hidup yang subur di dalam beberapa barisan perkataan sahaja.

Kemudian surah ini diakhiri dengan mengisahkan pertanyaan mereka:

وَيَقُولُونَ مَتَىٰ هَٰذَا ٱلْفَتْحُ إِن كُنتُمْ صَٰدِقِينَ ﴿٢٨﴾

"Dan mereka berkata: Bilakah datangnya hari pembukaan pengadilan ini jika kamu orang-orang yang benar."(28)

Mereka bertanya satu sama lain dengan penuh keraguan tentang hari pembukaan pengadilan Ilahi, di mana janji 'azab Allah akan dikotakan, kemudian pertanyaan itu dijawab dengan menakutkan mereka terhadap hari ini dan memerintah Rasulullah s.a.w. supaya jangan mempedulikan mereka dan serahkan sahaja mereka kepada nasib kesudahan yang telah ditentukan untuk mereka.

Sekarang marilah kita bentangkan surah ini dengan terperinci.

******

(Pentafsiran ayat-ayat 1 - 3)

الٓمٓ ﴿١﴾

تَنزِيلُ ٱلْكِتَٰبِ لَا رَيْبَ فِيهِ مِن رَّبِّ ٱلْعَٰلَمِينَ ﴿٢﴾

أَمْ يَقُولُونَ ٱفْتَرَىٰهُ ۚ بَلْ هُوَ ٱلْحَقُّ مِن رَّبِّكَ لِتُنذِرَ

قَوْمًا مَّآ أَتَىٰهُم مِّن نَّذِيرٍ مِّن قَبْلِكَ لَعَلَّهُمْ

يَهْتَدُونَ ﴿٣﴾

"Alif. Laam. Miim(1). Penurunan kitab suci Al-Qur'an tidak syak lagi dari Tuhan semesta alam(2). Apakah mereka (orang-orang kafir) berkata: Dialah (Muhammad) yang mereka-rekakannya? Malah sebenarnya Al-Qur'an itu adalah kitab yang benar dari Tuhanmu supaya engkau memberi peringatan kepada kaum yang tidak pernah didatangi rasul yang memberi peringatan (kepada mereka) sebelummu agar mereka mendapat hidayat."(3)

Di Antara Gubahan Al-Qur'an Dan Gubahan Kalam Manusia

"Alif. Laam. Miim". Huruf-huruf ini ialah huruf-huruf yang diketahui oleh orang-orang Arab yang ditujukan kitab suci Al-Qur'an ini kepada mereka. Mereka juga tahu bahawa mereka dapat menyusun dari huruf-huruf ini menjadi kalam-kalam atau percakapan-percakapan yang tertentu. Seterusnya mereka juga mengetahui adanya perbezaan yang amat besar di antara kalam yang digubahkan mereka dari huruf-huruf ini dengan gubahan Kalamullah di dalam Al-Qur'an. Perbezaan ini dapat difahami oleh setiap pakar percakapan dan oleh setiap pengarang yang kerjanya ialah mengungkapkan konsep-konsep dan fikiran-fikiran dengan perantaraan kata-kata. Orang-orang ini juga menginsafi bahawa di dalam ayat-ayat Al-Qur'an itu terdapat satu kekuatan yang tersembunyi atau satu unsur yang dapat mempengaruhi hati manusia yang tidak ada pada seluruh kalam yang lain yang tersusun dengan huruf-huruf bahasa, iaitu kalam-kalam yang diucapkan oleh manusia di seluruh zaman. Ini adalah satu fenomena yang dapat dilihat dengan amat jelas dan tidak dapat dipertikaikan lagi, kerana para pendengar akan terus dapat menangkap dan membezakannya dengan kalam yang lain dan terpengaruh kepadanya di antara kalam-kalam yang lain walaupun dari mula lagi dia tidak mengetahui bahawa apa yang didengarnya itu ialah kalam dari Al-Qur'an. Berbagai-bagai pengalaman telah mengesah dan membenarkan fenomena ini di dalam berbagai-bagai kalangan manusia.

Perbezaan di antara gubahan kalam Al-Qur'an dengan kalam yang digubahkan manusia dari huruf-huruf ini samalah dengan perbezaan di antara ciptaan Allah dengan ciptaan manusia dalam segala perkara yang lain. Ciptaan Allah itu amat jelas perbezaannya, kerana keistimewaan ciptaan Allah tidak dapat dicapai oleh ciptaan manusia walaupun pada sekecil-kecil benda. Mithalnya pengagihan warna-warni dalam sekuntum bunga sahaja merupakan satu perkara yang melemahkan pelukis-pelukis yang paling mahir di dalam semua zaman. Begitulah juga gubahan Kalamullah di dalam Al-Qur'an dibandingkan dengan gubahan kalam manusia yang digubahkan mereka dari huruf-huruf ini.

الٓمٓ ﴿١﴾

تَنزِيلُ ٱلْكِتَٰبِ لَا رَيْبَ فِيهِ مِن رَّبِّ ٱلْعَٰلَمِينَ ﴿٢﴾

"Alif. Laam. Miim(1). Penurunan kitab suci Al-Qur'an tidak syak lagi dari Tuhan semesta alam."(2)

Ini adalah satu persoalan yang amat diyakini dan tidak mempunyai sebarang keraguan, iaitu persoalan bahawa Al-Qur'an ini adalah diturunkan dari Tuhan semesta alam. Ayat ini dengan segera menafikan keraguan itu di tengah- tengah ayat iaitu di antara mubtada' dan khabar (atau subjek dan predikat), kerana penafian keraguan itu merupakan pokok pangkal persoalan dan titik maksud di dalam ayat ini. Kata pendahuluan yang menyebut huruf-huruf potongan itu meletakkan orang-orang yang meragui kebenaran Al-Qur'an itu di hadapan kenyataan yang tidak dapat dipertikaikan mereka, iaitu kitab suci Al-Qur'an ini adalah digubah dari huruf yang diketahui mereka dan uslubnya ialah uslub yang melemahkan semua manusia. Mereka tidak dapat mengingkari daya mu'jizat Al-Qur'an ini di hadapan pengalaman di alam kenyataan dan di hadapan neraca-neraca kalam yang diakui semua manusia.

Setiap ayat dan setiap surah di dalam Al-Qur'an hidup berdenyut dengan unsur yang tersembunyi yang amat menarik dan berdaya mu'jizat yang melemahkan manusia. Ia memperlihatkan kekuatan yang tersembunyi di dalam Kalamullah itu. Hati manusia gementar, menggigil, terhuyung hayang dan tidak dapat berdiri tegak di hadapan Al-Qur'an apabila hatinya terbuka dan mendengar Al-Qur'an (dengan penuh minat) dan apabila kefahamannya (terhadap pengertian Al-Qur'an itu) dan daya kepekaan menerima dan menyambut Al-Qur'an itu meningkat tinggi. Gejala ini semakin jelas lagi apabila ilmu pengetahuan manusia semakin tinggi mengenai rahsia alam buana dengan segala isi dan penghuninya. Gejala ini bukannya semata-mata cetusan perasaan tertarik yang kabur sifatnya, malah ia merupakan cetusan perasaan yang benar-benar wujud apabila Al-Qur'an berbicara secara langsung dengan fitrah manusia. Ia merupakan cetusan perasaan yang benar-benar wujud apabila Al-Qur'an berbicara dengan hati manusia yang berpengalaman, dengan akal mereka yang terpelajar dan dengan minda mereka yang penuh dengan ilmu pengetahuan dan maklumat-maklumat. Pengertian-pengertian, maksud-maksud, dan kesan-kesan dari ayat-ayat Al-Qur'an itu semakin bertambah luas apabila darjat ilmu pengetahuan dan pendidikan manusia itu semakin bertambah tinggi selama fitrah manusia tetap lurus, tidak menyeleweng dan tidak dibutakan hawa nafsunya ini meyakinkan bahawa Al-Qur'an ini adalah ciptaan Allah bukannya ciptaan manusia dan bahawa Al-Qur'an adalah tidak syak lagi diturunkan dari Tuhan semesta alam.

أَمْ يَقُولُونَ ٱفْتَرَىٰهُ

"Apakah mereka (orang-orang kafir) berkata: Dialah (Muhammad) yang mereka-rekakannya?"(3)

Ciri-ciri Kebenaran Al-Qur'an

Mereka berkata begitu dengan tujuan mengelirukan orang ramai. Al-Qur'an menggubahkan kenyataan ini dalam bentuk kata-kata mengecam bahawa perkataan yang sedemikian tidak sepatutunya diucapkan. *"Apakah mereka berkata: Dialah yang merekakannya?"* Kata-kata ini tidak sepatutnya dikatakan begitu. Kerana sejarah Muhammad s.a.w. yang hidup di dalam kalangan mereka adalah dengan sendirinya menolak kata-kata yang zalim itu. Begitu juga tabi'at Al-Qur'an itu sendiri menolak tuduhan itu dan tidak memberi sebarang ruang untuk meragui kebenarannya:

بَلْ هُوَ ٱلْحَقُّ مِن رَّبِّكَ

"Malah sebenarnya Al-Qur'an itu adalah kitab yang benar dari Tuhanmu."(3)

Ia adalah kitab yang benar kerana di dalam tabi'atnya terdapat kebenaran yang selaras dengan kebenaran azali yang tersemat di dalam fitrah manusia dan selaras dengan kebenaran yang wujud pada seluruh kejadian alam buana yang dapat diperhatikan di dalam perjalanannya yang seimbang dan di dalam undang-undang dan peraturannya yang tetap, yang meliputi segala bahagiannya, di mana tidak ada bahagian-bahagian yang bercanggah satu sama lain dan terhurai bertaburan. Semua bahagian-bahagiannya mempunyai hubungan yang mesra dan bertaut satu sama lain.

Ia adalah kitab yang benar yang menterjemahkan undang-undang alam buana yang amat besar ini dengan terjemahan yang lurus dan jujur seolah-olah salinan kata-kata dan makna yang tepat bagi undang-undang alam fizikal yang realistik dan berfungsi di alam buana ini.

Ia adalah kitab yang benar kerana ia merealisasikan perhubungan di antara manusia yang menerima sistem hidup yang dibawa olehnya dengan alam buana tempat hidup mereka dan undang-undangnya yang umum, juga kerana ia merealisasikan perhubungan di antara hubungan saling damai, kerjasama dan persefahaman di antara mereka dengan kuasa-kuasa dan kekuatan-kekuatan yang wujud di alam buana, di mana mereka dapati diri mereka bersahabat baik dengan seluruh makhluk yang ada di sekeliling mereka di alam yang amat besar ini.

Ia adalah kitab yang benar yang disambut oleh fitrah manusia dengan senang dan mudah dan tanpa sebarang kesukaran sebaik, sahaja ayatnya menyentuh fitrah itu, kerana Al-Qur'an mempunyai titik pertemuan dengan kebenaran azali yang qadim yang tersemat di dalam fitrah itu.

Ia adalah kitab yang benar yang tidak bercelaru dan bercanggah apabila ia mengatur sistem hidup manusia yang sempurna, di mana ia mengambil kira segala kekuatan dan daya tenaga manusia, segala keinginan dan keperluan mereka, segala kesakitan, kelemahan, kekurangan dan penyakit-penyakit yang menimpa jiwa mereka dan merosakkan hati mereka.

Ia adalah kitab yang benar yang tidak menganiayai sesiapa pun di dunia dan di Akhirat, tidak

menganiayai mana-mana kekuatan dari daya tenaga di dalam jiwa, tidak menganiayai mana-mana gagasan di dalam hati dan mana-mana harakat di dalam hidup, yakni Al-Qur'an tidak menyekat daya tenaga, gagasan dan harakat itu dari lahir ke alam al-wujud dan dari berfungsi selama ia sesuai dan sejajar dengan kebenaran yang agung yang menjadi teras alam buana ini.

بَلْ هُوَ ٱلْحَقُّ مِن رَّبِّكَ

"Malah sebenarnya Al-Qur'an itu adalah kitab yang benar dari Tuhanmu"(3)

Yakni Al-Qur'an bukannya dari engkau, malah ia sebenarnya dari Tuhanmu iaitu Tuhan semesta alam sebagaimana diterangkan di dalam ayat yang telah lalu. Ungkapan *"Dari Tuhanmu"* di sini ialah untuk memuliakan Rasulullah s.a.w. yang telah dituduh mereka sebagai pereka Al-Qur'an yang dusta itu, juga untuk memberi bayangan adanya hubungan yang rapat di antara beliau dengan Tuhan sekalian alam. Ini merupakan jawapan terhadap tuduhan yang penuh dosa itu dan merupakan penjelasan wujudnya hubungan yang rapat yang mengandungi makna penghormatan kepada beliau di samping makna bahawa penerimaan Al-Qur'an itu adalah dari sumber yang dipercayai benar dan ia dipindah dan disampaikan kepada manusia dengan penuh amanah.

لِتُنذِرَ قَوْمًا مَّآ أَتَىٰهُم مِّن نَّذِيرٍ مِّن قَبْلِكَ لَعَلَّهُمْ
يَهْتَدُونَ ③

"Supaya engkau memberi peringatan kepada kaum yang tidak pernah didatangi rasul yang memberi peringatan (kepada mereka) sebelummu agar mereka mendapat hidayat."(3)

Orang-orang Arab yang diutuskan Nabi Muhammad s.a.w. kepada mereka tidak pernah diutus seorang rasul yang lain sebelum beliau. Sejarah tidak pernah mengenal adanya mana-mana Rasul di antara Nabi Ismail a.s. moyang pertama orang-orang Arab dengan Nabi Muhammad s.a.w. Kitab suci Al-Qur'an ini adalah diturun kepada beliau dengan tujuan supaya beliau memperingati kaumnya dengan ajarannya *"Agar mereka mendapat hidayat."* Mereka diharap mendapat hidayat dengan Al-Qur'an ini kerana di dalamnya terdapat ajaran-ajaran yang benar yang berbicara dengan fitrah dan hati mereka.

******

(Pentafsiran ayat-ayat 4 - 9)

Kaum Arab yang telah diturunkan Allah kepada mereka kitab suci-Nya itu supaya Rasul-Nya memperingati mereka dengan ajaran yang benar itu adalah satu kaum yang memper- sekutukan Allah dengan tuhan-tuhan palsu yang lain. Oleh itu Al-Qur'an memulakan penerangannya di sini dengan menjelaskan sifat-sifat Allah supaya mereka mengenal hak-hak Uluhiyah-Nya yang sebenar dan dapat membezakan di antara Allah yang layak disifatkan dengan sifat-sifat yang agung ini dengan tuhan-tuhan palsu yang tidak layak menyandangkan sifat-sifat itu dan tidak harus digandingkan dengan maqam Allah Tuhan semesta alam:

ٱللَّهُ ٱلَّذِى خَلَقَ ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَٱلْأَرْضَ وَمَا بَيْنَهُمَا
فِى سِتَّةِ أَيَّامٍ ثُمَّ ٱسْتَوَىٰ عَلَى ٱلْعَرْشِ مَا لَكُم مِّن
دُونِهِۦ مِن وَلِىٍّ وَلَا شَفِيعٍ أَفَلَا تَتَذَكَّرُونَ ④
يُدَبِّرُ ٱلْأَمْرَ مِنَ ٱلسَّمَآءِ إِلَى ٱلْأَرْضِ ثُمَّ يَعْرُجُ إِلَيْهِ فِى
يَوْمٍ كَانَ مِقْدَارُهُۥٓ أَلْفَ سَنَةٍ مِّمَّا تَعُدُّونَ ⑤
ذَٰلِكَ عَٰلِمُ ٱلْغَيْبِ وَٱلشَّهَٰدَةِ ٱلْعَزِيزُ ٱلرَّحِيمُ ⑥
ٱلَّذِىٓ أَحْسَنَ كُلَّ شَىْءٍ خَلَقَهُۥ وَبَدَأَ خَلْقَ ٱلْإِنسَٰنِ
مِن طِينٍ ⑦
ثُمَّ جَعَلَ نَسْلَهُۥ مِن سُلَٰلَةٍ مِّن مَّآءٍ مَّهِينٍ ⑧
ثُمَّ سَوَّىٰهُ وَنَفَخَ فِيهِ مِن رُّوحِهِۦ وَجَعَلَ لَكُمُ ٱلسَّمْعَ
وَٱلْأَبْصَٰرَ وَٱلْأَفْـِٔدَةَ قَلِيلًا مَّا تَشْكُرُونَ ⑨

"Allah Yang setelah menciptakan langit dan bumi dan kejadian-kejadian di antara keduanya dalam masa enam hari kemudian Dia bersemayam di atas 'Arasy. Tiada pelindung dan penolong bagi kamu selain dari Allah. Tidakkah kamu mengambil peringatan?(4). Dia mentadbirkan urusan kerajaan-Nya dari langit ke bumi kemudian urusan itu akan diangkat naik kepada-Nya dalam masa satu hari yang kadarnya sama dengan seribu tahun menurut masa perhitungan kamu(5). Itulah Pentadbiran Allah yang mengetahui segala yang ghaib dan segala yang nyata, Yang Maha Perkasa dan Maha Pengasih(6). Tuhan yang menciptakan segala sesuatu dengan rupa bentuk yang cantik, dan memulakan kejadian manusia dari tanah(7). Kemudian Dia jadikan keturunan manusia itu dari pati air mani yang hina(8). Kemudian dia menyempurnakan kejadiannya dan meniupkan padanya roh ciptaan-Nya. Dan Dia ciptakan untuk kamu pendengaran, penglihatan dan hati, (tetapi) sedikit sekali kamu bersyukur."(9)

Penciptaan Langit Dan Bumi

Itulah sifat Allah dan inilah kesan-kesan dan bukti-bukti Uluhiyah-Nya yang terbentang di dalam lembaran alam buana yang dapat dilihat dan yang tersembunyi di alam ghaib yang amat luas yang berada di luar kefahaman manusia yang terbatas, juga terdapat dalam penciptaan manusia dan peringkat-peringkat perkembangan yang diketahui mereka, dan

yang dipaparkan Allah kepada mereka dalam kitab-Nya yang benar dan jelas.

Ada pun hakikat enam hari yang disebut di dalam Al-Qur'an itu, maka hanya Allah sahaja yang mengetahuinya. Tidak ada jalan yang membolehkan kita menentukan kadar masanya. Ia merupakan hari-hari Allah yang disifatkan seperti berikut:

ٱللَّهُ ٱلَّذِى خَلَقَ ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَٱلْأَرْضَ وَمَا بَيْنَهُمَا فِى سِتَّةِ أَيَّامٍ

"Allah yang telah menciptakan langit dan bumi dan kejadian-kejadian di antara keduanya dalam masa enam hari."(4)

Langit, bumi dan kejadian yang wujud di antara keduanya ialah makhluk-makhluk yang amat besar. Kita hanya mengetahui sebahagian yang kecil darinya sahaja dan masih amat banyak lagi yang belum kita ketahui. Langit merupakan kerajaan-kerajaan alam yang amat luas, besar dan jauh saujana. Semua manusia berdiri kaget dan kagum di hadapan langit yang diciptakan dengan begitu indah dan teratur rapi. Ia merupakan makhluk yang terkumpul padanya kebesaran yang gilang-gemilang, keindahan yang amat menarik dan kecantikan haqiqi yang sempurna, yang tiada tempat cacat yang dapat dilihat mata dan dirasakan perasaan dan hati, keindahan yang tidak menjemukan setiap orang yang memandangnya walaupun selama mana ia berdiri di hadapannya, dan keindahan yang tidak pudar daya tarikannya yang sentiasa membaru dan mena'jubkan itu walaupun begitu kerap berulang-ulang dan begitu lumrah melihatnya. Ia merangkumi berbagai-bagai makhluk yang beraneka jenis, beraneka saiz, beraneka sifat dan rupa bentuk, beraneka ciri dan fenomena dan beraneka potensi dan fungsi. Semuanya tunduk kepada satu undang-undang yang selaras dalam satu kegiatan yang sama, yang menjurus kepada satu sumber sahaja, di mana ia menerima arahan dan pentadbiran dan menumpukan keta'atan dan penyerahan dirinya.

Allah yang telah menciptakan langit dan bumi dan kejadian-kejadian di antara keduanya dan Dialah sahaja yang layak menyandang sifat Pencipta Yang Maha Agung ini.

ٱللَّهُ ٱلَّذِى خَلَقَ ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَٱلْأَرْضَ وَمَا بَيْنَهُمَا فِى سِتَّةِ أَيَّامٍ

"Allah telah menciptakan langit dan bumi dan kejadiankejadian di antara keduanya dalam masa enam hari."(4)

Maksud Penciptaan Dalam Masa Enam Hari

Sudah tentulah enam hari yang dimaksudkan dalam ayat ini bukannya hari-hari di bumi yang kita ketahui, kerana hari-hari di bumi ini merupakan suatu ukuran masa yang terbit dari satu pusingan bumi di sekeliling dirinya di hadapan matahari. Pusingan inilah yang membentuk malam dan siang di atas planet bumi yang amat kecil ini. Saiz bumi tidak lebih dari sebesar biji debu di angkasa raya yang amat luas. Ukuran masa seperti ini hanya wujud selepas wujudnya bumi dan matahari. Ukuran masa ini hanya sesuai untuk kita manusia yang menjadi penghuni bumi yang amat kecil ini.

Ada pun hakikat enam hari yang disebut di dalam Al-Qur'an itu, maka hanya Allah sahaja yang mengetahuinya. Tidak ada jalan yang membolehkan kita menentukan kadar masanya. Ia merupakan hari-hari Allah yang disifatkan seperti berikut:

وَإِنَّ يَوْمًا عِندَ رَبِّكَ كَأَلْفِ سَنَةٍ مِّمَّا تَعُدُّونَ ﴿٤٧﴾

"Sesungguhnya sehari di sisi Tuhanmu laksana seribu tahun dari masa yang dihitungkan kamu."

(Surah al-Hajj: 47)

Enam hari yang disebutkan itu mungkin dimaksudkan sebagai enam fasa perkembangan yang dilalui langit dan bumi dan kejadian di antara keduanya sehingga sampai kepada keadaannya yang ada sekarang ini, atau mungkin dimaksudkan sebagai enam peringkat penciptaan dan pembentukan atau enam zaman dan masa senggang di antara satu zaman dengan satu zaman dan hanya Allah sahaja yang mengetahuinya. Walau bagaimanapun, enam hari itu ialah hari-hari yang lain bukannya hari-hari di bumi yang dimaklumi para penghuninya yang fana. Oleh sebab itu kita hendaklah menerima hari-hari itu sebagai salah satu dari perkara-perkara ghaib yang hanya diketahui oleh Allah sahaja. Kita tidak mempunyai suatu jalan pun yang membolehkan kita mengetahuinya secara pasti. Tujuan pokok menyebutkan perkara hari di sini ialah untuk menjelaskan cara tadbir dan cara Allah dalam penciptaan makhluk-Nya mengikut hikmat kebijaksanaan-Nya, ilmu-Nya dan perencanaan penciptaan-Nya yang sempurna bagi segala sesuatu yang diciptakannya mengikut masa, peringkat-peringkat perkembangan dan keadaan yang diatur untuk makhluk-makhluk yang amat besar ini.

ثُمَّ ٱسْتَوَىٰ عَلَى ٱلْعَرْشِ

"Kemudian Dia bersemayam di atas 'Arasy."(4).

Makna Persemayaman Di Atas 'Arasy

Persemayaman di atas 'Arasy merupakan lambang keutamaan atau penguasaan dan kebesaran Ilahi yang unggul di atas sekalian makhluk-Nya. Adapun hakikat 'Arasy itu sendiri, maka di sana tiada jalan yang membolehkan kita mengatakan sesuatu mengenainya, kita terpaksa berhenti setakat kata-katanya sahaja, dan persemayaman juga tidak begitu, kerana yang jelasnya persemayaman itu adalah lambang dari yang paling tinggi kebesaran dan keagungan Allah (الاستعلاء), maksud kata-kata *"Kemudian"* (ثم) itu tidak dimaksudkan untuk menggambarkan tertib masa kerana Allah tidak

dilalui, perubahan-perubahan keadaan. Allah S.W.T. bukannya berada dalam satu keadaan atau kedudukan kemudian berubah pula kepada satu keadaan dan kedudukan yang lain. Tertib di sini bukannya tertib masa, tetapi tertib niskala sahaja. Oleh itu superioriti (الاستعلاء) di sini merupakan suatu darjat ketinggian yang mengatasi sekalian makhluk yang diungkapkan dengan *"persemayaman"*.

Di bawah bayangan keutamaan yang mutlak itu, Al-Qur'an menyentuh hati manusia dengan hakikat yang bersangkutan dengan mereka.

مَا لَكُم مِّن دُونِهِۦ مِن وَلِيٍّ وَلَا شَفِيعٍ

"Tiada pelindung dan penolong bagi kamu selain dari Allah."(4)

Mana dia? Dan siapa? Bukankah Allah S.W.T. sahaja satu-satunya yang berkuasa di atas 'Arasy, langit, bumi dan kejadian di antara keduanya? Bukankah Dialah sahaja Pencipta langit, bumi dan kejadian-kejadian di antara keduanya? Di manakah pelindung yang lain dari Allah? Di manakah penolong yang berkuasa menentang kekuasaan-Nya?

أَفَلَا تَتَذَكَّرُونَ ﴿٤﴾

"Tidakkah kamu mengambil peringatan."(4)

Sebenarnya mengingatkan hakikat ini dapat mengembalikan hati kepada pengakuan terhadap kekuasaan Allah dan bertawajjuh kepada-Nya sahaja bukan kepada yang lain dari-Nya.

Di samping penciptaan dan superioriti ialah pentadbiran dan perencanaan Allah di dunia dan Akhirat. Setiap urusan yang ditadbirkan di langit, di bumi dan di ruang di antara keduanya itu akan diangkatkan kepada Allah pada hari Qiamat kelak. Ia akan dikembalikan kepada-Nya pada hari yang amat panjang itu:

Segala Urusan Diangkat Kepada Allah

يُدَبِّرُ ٱلْأَمْرَ مِنَ ٱلسَّمَآءِ إِلَى ٱلْأَرْضِ ثُمَّ يَعْرُجُ إِلَيْهِ فِى
يَوْمٍ كَانَ مِقْدَارُهُۥٓ أَلْفَ سَنَةٍ مِّمَّا تَعُدُّونَ ﴿٥﴾

"Dia mentadbirkan urusan kerajaan-Nya dari langit ke bumi kemudian urusan itu akan diangkat naik kepada-Nya dalam masa satu hari yang kadarnya sama dengan seribu tahun menurut masa perhitungan kamu."(5)

Ungkapan ayat ini menggambarkan bidang pentadbiran Ilahi itu dapat dilihat begitu luas dan merangkumi segala-galanya iaitu *"dari langit ke bumi."* Ia digambarkan begitu untuk membolehkan hati manusia memahami bayangan maknanya yang mampu ditanggapkannya dan membuatnya menjadi khusyu'. Jika tidak, bidang pentadbiran Ilahi itu adalah lebih luas dari langit dan bumi ini lagi, tetapi cukuplah bagi manusia berdiri di hadapan ruang langit bumi yang amat luas ini dan memperhatikan pentadbiran Ilahi yang merangkumi daerah yang begitu luas yang tidak diketahui hinggakan angka-angka yang menentukan sejauh mana luasnya.

Kemudian seluruh urusan pentadbiran dan perencanaan dengan segala hasil dan akibatnya akan diangkatkan ke hadrat Allah S.W.T. Yang Maha Tinggi pada hari yang telah ditetapkan untuk membentangkan segala hasil amalan-amalan, perkataan-perkataan, benda-bendaan dan segala yang bernyawa iaitu *"pada suatu hari yang kadarnya sama dengan seribu tahun menurut masa perhitungan kamu"*. Tiada suatu dari semua perkara ini akan ditinggalkan percuma begitu sahaja dan tiada makhluk yang akan ditinggalkan sia-sia sahaja. Semuanya ditadbirkan dengan perintah Allah sehingga ke suatu masa yang telah ditetapkan-Nya. *"Diangkat naik"* yakni segala sesuatu, segala urusan, segala pentadbiran dan segala hasil dan akibat adalah berada di maqam yang rendah dari maqam kebesaran dan keagungan Allah, akan naik kepada Allah atau diangkatkan naik dengan perintah Allah apabila dikehendaki-Nya.

ذَٰلِكَ عَٰلِمُ ٱلْغَيْبِ وَٱلشَّهَٰدَةِ ٱلْعَزِيزُ ٱلرَّحِيمُ ﴿٦﴾

"Itulah Pentadbiran Allah yang mengetahui segala yang ghaib dan segala yang nyata, Yang Maha Perkasa dan Maha Pengasih."(6)

Itulah sifat Allah yang telah menciptakan langit dan bumi, yang bersemayam di atas 'Arasy dan yang mentadbirkan segala urusan dari langit ke bumi. *"Itulah Pentadbiran Allah yang mengetahui segala yang ghaib dan segala yang nyata."* Dia melihat yang ghaib dan yang hadir, Dialah PenciptaYang Maha Berkuasa dan Maha Pentadbiran dan Dia *"Maha Perkasa dan Maha Pengasih"* yakni Maha Gagah Kuasa melaksanakan segala apa yang dikehendaki-Nya (القوي القدير) dan Maha Pengasih dalam melaksanakan iradat dan tadbir-Nya terhadap seluruh makhluk.

ٱلَّذِىٓ أَحْسَنَ كُلَّ شَىْءٍ خَلَقَهُۥ

"Tuhan yang menciptakan segala sesuatu dengan bentuk rupa yang cantik."(7)

Segala Sesuatu Diciptakan Dengan Indah Dan Rapi

Ya Allah, inilah gambaran yang benar yang dapat dilihat oleh fitrah, oleh mata, oleh hati dan oleh akal. Kebenaran ini dapat dilihat pada rupa bentuk segala sesuatu, pada fungsi-fungsinya, pada tabi'at-tabi'atnya yang selaras sama ada secara individu atau secara kelompok, juga (dapat dilihat pada segala keadaan, kegiatan dan harakatnya dan pada segala sesuatu yang ada hubungan dengan ciri-ciri keelokan dan kecantikan dari dekat atau dari jauh.

Maha Sucilah Allah! Inilah cara ciptaan-Nya pada segala sesuatu. Inilah kesan-kesan qudrat-Nya yang dapat dilihat dengan jelas pada segala makhluk. Segala sesuatu yang telah diciptakannya adalah

kelihatan begitu cantik dan begitu rapi, tidak lebih, tidak kurang, tidak melampau batas kecantikan dan tidak pula kurang darinya, tidak terlalu lebih dan tidak pula terlalu kurang dalam menetapkan saiz atau rupa bentuk atau seni ketukangan atau fungsi, Segala-galanya diatur rapi tidak melebihi had keseimbangan yang indah, halus dan tidak kurang, tidak terdahulu dari masanya dan tidak pula terkemudian, tidak melampaui batas waktunya dan tidak pula terkurang. Segala-galanya mulai dari atom yang kecil kepada jirim-jirim yang paling besar, dari sel tunggal yang bersahaja kepada jisim-jisim yang paling canggih, semuanya kelihatan indah dan rapi belaka. Begitu juga segala tindakan, segala peringkat perkembangan, segala harakat dan peristiwa adalah dari ciptaan Allah belaka yang diatur dengan perencanaan Ilahi yang halus, tepat pada waktunya, tepat dengan bidangnya dan sesuai dengan kesudahannya mengikut satu garis perancangan yang merangkumi seluruh perjalanan alam buana dari azali kepada abadi di bawah pentadbiran Allah.

Segala sesuatu dan segala makhluk adalah diciptakan untuk memainkan peranan yang telah ditentukan kepadanya di dalam cerita alam buana ini. la disediakan untuk menunaikan peranan ini dengan persediaan yang amat rapi. la dilengkapkan dengan bakat-bakat kebolehan dan ciri-ciri yang memberi sepenuh kelayakan kepadanya untuk memainkan peranan itu. Sel tunggal yang dilengkapkan dengan berbagai-bagai fungsi, ulat yang berenang yang dilengkapkan dengan kaki-kaki dan rerambut-rerambut, dengan kelicinan dan kelembutan dan dengan daya qudrat yang dapat meredahkan jalan hidupnya dengan sebaik-baik, ikan, burung, reptilia, binatang, manusia, planet yang beredar dan bintang yang tetap, segala jirim di langit, segala alam, segala peredaran yang teratur rapi, yang tersusun indah dan terkawal waktu dan harakatnya, segala sesuatu di mana sahaja mata memandang adalah diciptakan dengan cantik, rapi dan indah. Segala-galanya memperlihatkan qudrat penciptaan Allah yang amat sempurna.

Mata yang terbuka dan perasaan yang sedar dan hati yang meneliti dapat melihat ciri-ciri kecantikan dan penciptaan yang amat cantik di dalam alam buana ini dengan keseluruhannya, juga dapat dilihat pada tiap-tiap bahagian dan individunya. Usaha memerhati dan memikirkan ciptaan-ciptaan Allah di mana sahaja mata, hati atau akal menjurus dapat memberikan kepada seseorang dana dan modal yang besar, bekalan-bekalan kecantikan dan keindahan alam, keselarasan dan kesempurnaannya yang mengumpulkan kebahagiaan dengan rasa buahnya yang paling manis dan mencurahkannya ke dalam hati manusia ketika mereka menghayati temasya Ilahi yang indah, cantik, permai dan rapi dan meni'mati ciri-ciri keindahan dan kerapian dalam setiap kejadian yang dilihat, didengar dan ditanggapi mereka di dalam penjelajahan-penjelajahan mereka di atas planet bumi ini. Di sebalik aneka rupa dan bentuk alam yang fana ini, mereka dapat berhubung dengan keindahan yang kekal abadi yang tercetus dari keindahan ciptaan Allah.

Manusia tidak dapat memahami suatu apapun dari ni'mat-ni'mat ini dalam penjelajahannya di bumi itu melainkan apabila hatinya sedar dari kehambaran dan kejemuan kebiasaan dan kelumrahan kerana terlalu biasa melihat, melainkan apabila ia berminat mendengar lagu-lagu alam buana di sekelilingnya dan menunggu-nunggu bisikan saranan-saranannya, melainkan apabila ia melihat dengan nur Allah yang mendedahkan kepadanya hakikat-hakikat kejadian alam yang lahir tercipta dari tangan qudrat Allah Yang Maha Seni itu dan melainkan apabila ia teringat kepada Allah setiap kali mata dan hatinya melihat sesuatu kejadian yang indah. Di waktu inilah ia akan merasa di sana wujudnya hubungan di antara Allah Pencipta dengan makhluk yang diciptakan-Nya dan di sini perasaannya semakin melonjak-lonjak meni'mati keindahan alam yang dilihat dan dirasakannya, kerana di waktu ini ia dapat melihat di sebalik keindahan kejadian alam ini keindahan dan keagungan Allah.

Alam buana ini amat indah dan keindahannya tak kunjung habis. Kefahaman manusia semakin meningkat tinggi di dalam memahami keindahan itu dan meni'matinya tanpa batas sejauh yang dikehendaki hatinya mengikut sebagaimana yang dikehendaki Allah yang menciptakan alam buana ini.

Unsur keindahan yang terdapat pada alam buana ini memanglah merupakan unsur yang dimaksud dan dirancangkan dalam kejadian alam. Penciptaan Allah yang begitu rapi itu menjadikan kesempurnaan fungsi sesuatu kejadian itu sampai kepada had keindahan. Kesempurnaan penciptaan dapat dilihat pada rupa bentuk yang cantik anggota dan makhluk. Lihatlah lebah ini, bunga ini, bintang ini, hari malam ini, waktu pagi ini, bayang-bayang ini, awan ini, lagu-lagu yang berkemundang di seluruh alam buana ini, keselarasan dan keserasiannya pada alam buana ini tidak terdapat sebarang bengkok dan retak.

Itulah satu penjelajahan yang memberi sepenuh keni'matan di alam buana yang amat indah ciptaannya. Al-Qur'an menarik perhatian kita kepadanya supaya kita ni'matinya. Allah berfirman: **"Tuhan yang menciptakan segala sesuatu dengan rupa bentuk yang cantik"** untuk menyedarkan hati kita supaya kita mengikuti ciri-ciri keindahan dan kecantikan di alam buana yang amat besar ini.

ٱلَّذِيٓ أَحۡسَنَ كُلَّ شَيۡءٍ خَلَقَهُۥۖ وَبَدَأَ خَلۡقَ ٱلۡإِنسَٰنِ مِن طِينٖ ٧

"Tuhan yang menciptakan segala sesuatu dengan rupa bentuk yang cantik dan memulakan kejadian manusia dari tanah."(7)

Penciptaan Manusia Dari Tanah

Di antara cara penciptaan-Nya yang amat indah ialah Dia mulakan penciptaan manusia ini dari tanah. Ungkapan ini dapat difaham bahawa tanahlah yang menjadi permulaan kejadian manusia. Ia merupakan peringkat, pertama penciptaan manusia. Al-Qur'an tidak menentukan peringkat-peringkat perkembangan selepas peringkat tanah itu dan selama mana masanya. Pintu masih terbuka kepada mana-mana usaha pentahqiqan yang betul terutama apabila ayat ini dicantumkan dengan ayat yang lain yang disebut di dalam Surah "Al-Mu'minun":

وَلَقَدْ خَلَقْنَا ٱلْإِنسَـٰنَ مِن سُلَـٰلَةٍ مِّن طِينٍ ﴿١٢﴾

"Sesungguhnya Kami telah ciptakan manusia dari sejenis pati tanah."

(Surah al-Mu'minun: 12)

Dari ayat ini dapat difahamkan bahawa ia memberi isyarat kepada satu rangkaian perkembangan di dalam tahap-tahap penciptaan manusia yang bermula dari tahap tanah.

Boleh jadi juga ia memberi isyarat kepada permulaan kejadian sel hidup yang pertama di bumi yang terjadi dari tanah, sedangkan tanah itu pula merupakan satu tahap kejadian manusia yang mendahului masa ditiupkan hayat padanya dengan perintah Allah. Tiada siapa yang mengetahui rahsia ini. Apakah hakikatnya dan bagaimana caranya? Dan dari sel yang hidup itulah terjadinya manusia. Al-Qur'an tidak menyebut bagaimana hal ini berlaku, lama mana ia mengambil masa dan berapa banyak tahap yang dilaluinya. Kerja mentahqiqkan rangkaian perkembangan itu adalah diserahkan kepada mana-mana usaha penyelidikan yang betul dengan syarat penyelidikan ini tidak bercanggah dengan nas Al-Qur'an yang telah menjelaskan dengan tegas bahawa kejadian manusia yang pertama adalah dari tanah. Inilah batas yang selamat di antara berpegang dengan pernyataan Al-Qur'an yang muktamad dan menerima mana- mana hasil pentahqiqan yang betul .yang dikeluarkan dari nas itu.

Teori Evolusi Darwin Tidak Benar

Sehubungan dengan ini eloklah dijelaskan di sini bahawa Teori Evolusi Darwin yang berpendapat bahawa semua jenis kejadian adalah berasal dan berangkai-rangkai dari sel tunggal sehingga kepada kejadian manusia melalui berbagai-bagai tahap perkembangan yang berturutan terdapat berbagai-bagai fasa evolusi yang bersambung-sambung dan menjadikan asal-usul manusia secara langsung dari sejenis binatang yang lebih tinggi dari monyet peringkat tinggi (seperti gorila dan cimpanzi - penterjemah) dan lebih rendah dari jenis manusia.... eloklah dijelaskan di sini bahawa teori ini adalah tidak benar di dalam noktah ini. Penemuan gen (Genes) atau pembawa-pembawa sifat-sifat keturunan[1] yang tidak sempat diketahui oleh Darwin telah menjadikan teori perkembangan dan evolusi dari satu jenis kejadian kepada satu jenis kejadian yang lain sebagai satu perkara yang mustahil. Di sana terdapat pembawa-pembawa sifat-sifat keturunan yang tersembunyi di dalam sel tiap-tiap jenis haiwan. Dialah yang memelihara ciri-ciri jenis haiwan itu dan mempastikannya tetap kekal di dalam lingkungan jenis dari mana ia dilahirkan. Ia tidak sekali-kali keluar dari jenisnya dan tidak pula berubah kepada satu jenis haiwan yang baru. Kucing berasal dari kucing dan akan terus-kekal sebagai kucing di sepanjang zaman. Anjing, lembu, kuda, monyet dan manusia juga begitu. Apa yang mungkin berlaku mengikut teori kajibaka ialah peningkatan ke tahap lebih tinggi di dalam lingkungan jenis haiwan itu sendiri sahaja tanpa berpindah atau berubah kepada satu jenis haiwan yang lain. Hujah ini sahaja membatalkan bahagian utama di dalam teori Darwin, iaitu satu teori yang difaham oleh segolongan ahli ilmu yang tertipu dengan nama sains sebagai satu teori yang benar, yang tidak dapat dibatalkan pada bila- bila masa sekalipun.[2]

Kemudian marilah kita kembali kepada nas Al-Qur'an.

ثُمَّ جَعَلَ نَسْلَهُۥ مِن سُلَـٰلَةٍ مِّن مَّآءٍ مَّهِينٍ ﴿٨﴾

"Kemudian Dia jadikan keturunan manusia itu dari pati air mani yang hina."(8)

Keturunan Manusia Dijadikan Dari Nutfah

Yakni dari air nutfah yang merupakan tahap pertama dalam perkembangan janin, kemudian dari nutfah berkembang kepada seketul darah, kemudian berkembang kepada seketul daging, kemudian berkembang kepada tulang-temalang dan akhirnya kepada janin yang sempurna kejadiannya di dalam rangkaian yang bermula dengan air nutfah yang hina ini. Ia adalah satu perjalanan yang amat jauh apabila dilihat kepada sifat perkembangan-perkembangan yang dilalui oleh benih yang amat seni di dalam air nutfah yang hina itu sehingga berkembang menjadi seorang manusia yang amat canggih dan amat indah ciptaannya. Ia adalah satu jarak perjalanan yang amat jauh di antara tahap perkembangan pertama dengan tahap perkembangan yang akhir.

Itulah perjalanan jauh yang telah digambarkan oleh Al-Qur'an di dalam sepotong ayat sahaja:

ثُمَّ سَوَّىٰهُ وَنَفَخَ فِيهِ مِن رُّوحِهِۦ ۖ وَجَعَلَ لَكُمُ ٱلسَّمْعَ وَٱلْأَبْصَـٰرَ وَٱلْأَفْـِٔدَةَ ۚ قَلِيلًا مَّا تَشْكُرُونَ ﴿٩﴾

---

[1] *Dalam ilmu kajibaka (Genetics) – Penterjemah.*

2 Lihat buku "العلم يدعو إلى الإيمان" dan juzu'ke-19 Tafsir ini.

"Kemudian dia menyempurnakan kejadiannya dan meniupkan padanya roh ciptaan-Nya. Dan Dia ciptakan untuk kamu pendengaran, penglihatan dan hati, (tetapi) sedikit sekali kamu bersyukur."(9)

Ya Allah! Alangkah besarnya perjalanan ini dan alangkah jauhnya! Alangkah besarnya mu'jizat ciptaan Allah yang dilalui manusia dengan hati yang lalai.

Di manakah benih manusia yang amat kecil itu dibandingkan dengan kesudahannya menjadi seorang manusia yang sempurna. Apakah yang akan berlaku kepadanya andainya mu'jizat ini tidak diciptakan oleh qudrat Allah yang amat seni? Qudrat Ilahi inilah yang telah memimpin benih yang amat kecil dan lemah itu berkembang subur dan berubah dari keadaannya yang bersahaja kepada kejadian insan yang canggih dan mengkagumkan?

Perubahan atau mutasi yang berlaku di dalam sel yang tunggal, juga pembiakannya kemudian pembahagiannya kepada bermacam-macam jenis sel yang mempunyai tabi'at dan fungsi yang berlain-lainan, kemudian sel-sel ini sendiri pula turut membiak untuk membentuk satu anggota yang tertentu yang menjalankan fungsi yang tertentu. Anggota yang dibentuk oleh sel-sel yang tertentu dari jenis yang tertentu itu sendiri pula mengandungi bahagian-bahagian yang mempunyai fungsi-fungsi dan tabi'at-tabi'at yang tertentu, yang dibentukkan oleh sel-sel yang lebih ikhtisas di dalam sesuatu anggota itu. Bagaimanakah perubahan atau mutasi, pembiakan dan pembahagiannya kepada bermacam-macam jenis sel itu berlaku dalam sel pertama itu, sedangkan ia hanya satu sel yang tunggal sahaja? Di manakah tersembunyinya semua ciri-ciri ini, iaitu ciri-ciri yang kemudian muncul pada setiap kumpulan sel yang mempunyai ikhtisas yang tertentu yang terjadi dari sel yang pertama? Di manakah tersembunyinya ciri-ciri yang membezakan janin manusia dari segala janin haiwan yang lain? Kemudian di manakah ciri-ciri yang membezakan setiap janin manusia dari janin-janin manusia yang lain? Kemudian di manakah pembawa-pembawa warisan (gen) yang memelihara bakat-bakat kebolehan dan fungsi-fungsi yang tertentu, rupa paras dan tanda-tanda yang kekal di sepanjang hidup seseorang yang lahir selepas itu?

Siapakah yang boleh memikirkan kemungkinan berlakunya mu'jizat yang mena'jubkan ini jika tidak ia benar-benar telah berlaku dan berulang-ulang berlaku?

Itulah qudrat Allah yang telah menciptakan manusia ini. Itulah tiupan dari roh ciptaan Allah pada manusia ini. Inilah satu-satunya pentafsiran yang boleh mentafsirkan mu'jizat yang berlaku pada setiap sa'at itu, yang diabaikan manusia. Kemudian itulah tiupan roh ciptaan Allah yang telah membuat makhluk yang beranggota ini menjadi seorang manusia yang mempunyai pendengaran, penglihatan, dan daya pemahaman yang membezakannya dari segala makhluk haiwan beranggota yang lain. **"Dia ciptakan untuk kamu pendengaran, penglihatan dan hati."** Segala pentafsiran yang lain tidak dapat mentafsirkan mu'jizat yang mena'jubkan dan membingungkan akal fikiran manusia, dan mereka tidak dapat melepaskan diri mereka dari kebingungan ini dengan pentafsiran-pentafsiran yang lain dari pentafsiran ini.

Di samping limpah kurnia Ilahi yang melimpah-ruah yang menjadikan dari air mani yang hina itu manusia yang mulia, dan meletakkan pada sel yang amat kecil dan lemah itu segala daya qudrat membiak subur, berkembang, berubah, berkumpul dan berikhtisas, juga meletakkan segala ciri-ciri, bakat-bakat kebolehan dan fungsi-fungsi tertinggi yang menjadikan manusia itu manusia.... di samping limpah kurnia yang melimpah-ruah itu, manusia masih juga tidak bersyukur kecuali segolongan yang kecil sahaja **"Sedikit sekali kamu bersyukur."**

******

(Pentafsiran ayat-ayat 10 - 11)

Penciptaan Manusia Kali Yang Kedua Selepas Mati

Di bawah bayangan pemandangan kejadian manusia kali pertama dan perkembangan-perkembangannya yang menakjub dan luar biasa ini, walaupun ia berulang-ulang berlaku pada setiap sa'at di hadapan mata dan telinga mereka, Al-Qur'an mengemukakan bangkangan mereka terhadap penciptaan semula manusia dan keraguan mereka terhadap kebangkitan selepas mati. Oleh itu sangkalan dan keraguan itu kelihatan begitu aneh dan pelik:

وَقَالُوٓاْ أَءِذَا ضَلَلۡنَا فِي ٱلۡأَرۡضِ أَءِنَّا لَفِي خَلۡقٖ جَدِيدِۭۚ بَلۡ هُم بِلِقَآءِ رَبِّهِمۡ كَٰفِرُونَ ۝١٠

"Dan mereka (orang-orang kafir) berkata: Adakah sesudah kita hilang lenyap di dalam tanah kita akan diciptakan semula? Malah sebenarnya mereka mengingkari pertemuan dengan Tuhan mereka."(10)

Mereka tidak menerima atau menganggap mustahil bahawa Allah akan menciptakan mereka sekali lagi selepas mereka mati dan ditanam dan selepas tubuh badan mereka reput dan hancur ditelan bumi dan bercampuraduk dengan debu-debu dan pasir-pasirnya, kemudian hilang entah ke mana. Apakah peliknya perkara ini jika dibandingkan dengan kepelikan penciptaan kali pertama manusia? Allah telah memulakan penciptaan manusia dari tanah, iaitu dari bumi yang menurut mereka bahawa tubuh badan mereka yang hancur lebur itu akan hilang di dalamnya dan bercampuraduk dengannya. Penciptaan semula manusia itu sama sahaja dengan penciptaannya pada kali yang pertama. Tidak ada sesuatu yang aneh dan baru. **"Malah sebenarnya mereka mengingkari pertemuan dengan Tuhan mereka"** kerana itu mereka sanggup mengatakan apa yang mereka katakan. Sikap tidak percaya kepada pertemuan

dengan Allah itulah yang menyebabkan mereka ditimpa bayang keraguan dan menolak hakikat yang amat terang yang telah pun berlaku sekali dan sedang berlaku pada setiap sa'at.

Oleh sebab itu Al-Qur'an menjawab sangkalan mereka dengan menjelaskan hakikat kematian dan perkembalian mereka kepada Allah. Ia hanya berpada dengan mengemukakan dalil yang hidup yang dapat dilihat pada kejadian mereka yang pertama ini sahaja dan tidak lebih dari itu:

قُلْ يَتَوَفَّىٰكُم مَّلَكُ ٱلْمَوْتِ ٱلَّذِى وُكِّلَ بِكُمْ ثُمَّ إِلَىٰ
رَبِّكُمْ تُرْجَعُونَ ﴿١١﴾

"Katakanlah: Kamu sekalian dimatikan oleh Malakul-Maut yang ditugas (mengambil nyawa kamu) kemudian kamu akan dikembalikan kepada Tuhan kamu."(11)

Demikianlah Al-Qur'an menjelaskan hakikat itu dalam bentuk berita yang diyakini kebenarannya. Siapakah Malakul-Maut? Dan bagaimana caranya ia mengambil nyawa-nyawa manusia? Ini adalah urusan ghaib yang hanya diketahui Allah sahaja. Kita menerima berita ini dari sumber Al-Qur'an yang penuh dipercayai dan kita tidak perlu tokok tambah, yang lain kepada penjelasan yang kita terima dari Al-Qur'an selaku satu-satunya sumber Ilahi.

******

(Pentafsiran ayat-ayat 12 - 14)

Sesuai dengan persoalan kebangkitan selepas mati yang disangkalkan mereka dan persoalan kepulangan kepada Allah yang diragui mereka, Al-Qur'an meletakkan mereka di hadapan sebuah pemandangan dari pemandangan-pemandangan Qiamat yang hidup tersergam di hadapan mata yang penuh dengan perasaan, emosi, harakat dan soal jawab, seolah-olah ia benar-benar berlaku di hadapan mata:

Pohon Kembali Semula Ke Dunia

وَلَوْ تَرَىٰٓ إِذِ ٱلْمُجْرِمُونَ نَاكِسُوا۟ رُءُوسِهِمْ
عِندَ رَبِّهِمْ رَبَّنَآ أَبْصَرْنَا وَسَمِعْنَا فَٱرْجِعْنَا نَعْمَلْ
صَٰلِحًا إِنَّا مُوقِنُونَ ﴿١٢﴾
وَلَوْ شِئْنَا لَءَاتَيْنَا كُلَّ نَفْسٍ هُدَىٰهَا وَلَٰكِنْ
حَقَّ ٱلْقَوْلُ مِنِّى لَأَمْلَأَنَّ جَهَنَّمَ مِنَ ٱلْجِنَّةِ وَٱلنَّاسِ
أَجْمَعِينَ ﴿١٣﴾
فَذُوقُوا۟ بِمَا نَسِيتُمْ لِقَآءَ يَوْمِكُمْ هَٰذَآ إِنَّا نَسِينَٰكُمْ ۖ
وَذُوقُوا۟ عَذَابَ ٱلْخُلْدِ بِمَا كُنتُمْ تَعْمَلُونَ ﴿١٤﴾

"Dan jika engkau melihat orang-orang yang berdosa itu menundukkan kepala mereka di sisi Tuhan mereka (sambil berkata): Wahai Tuhan kami! Kami telah melihat dan kami telah mendengar. Oleh itu kembalikan kami (ke dunia) supaya kami mengerjakan amalan yang soleh. Sesungguhnya kami kini amat yakin(12). Dan andainya Kami kehendaki nescaya Kami kurniakan hidayat kepada setiap orang tetapi keputusan-Ku telah ditetapkan bahawa sesungguhnya Aku akan penuhkan Neraka dengan sekalian jin dan manusia (yang kafir)(13). Oleh itu rasakanlah ('azab seksa) dengan sebab kamu telah melupakan pertemuan dengan hari kamu ini. Sesungguhnya Kami telah lupakan kamu dan rasakanlah 'azab yang kekal dengan sebab perbuatan-perbuatan yang dilakukan kamu."(14)

Itulah pemandangan yang menggambarkan keadaan mereka yang hina dan mengaku salah, mengesahkan kebenaran yang telah ditolak mereka, mengumumkan keyakinan mereka terhadap hakikat Akhirat yang telah di-ragui mereka dan mengemukakan permohonan untuk pulang semula ke dunia dengan tujuan membetulkan apa yang telah terluput dalam kehidupan dunia mereka yang pertama itu. Mereka menundukkan kepala mereka kerana malu dan terhina **"Di sisi Tuhan mereka"** yang mereka tidak percaya di dunia bahawa mereka kelak akan bertemu dengan-Nya. Tetapi semuanya ini berlaku setelah luput waktunya, di mana tidak lagi berguna sebarang pengakuan dan pengumuman.

Sebelum Al-Qur'an mengumumkan jawapan terhadap permohonan mereka yang hina-dina itu, ia menjelaskan hakikat yang menguasai seluruh keadaan dan menguasai seluruh kehidupan manusia dan nasib kesudahan mereka sebelum itu:

وَلَوْ شِئْنَا لَءَاتَيْنَا كُلَّ نَفْسٍ هُدَىٰهَا وَلَٰكِنْ
حَقَّ ٱلْقَوْلُ مِنِّى لَأَمْلَأَنَّ جَهَنَّمَ مِنَ ٱلْجِنَّةِ وَٱلنَّاسِ
أَجْمَعِينَ ﴿١٣﴾

"Dan andainya Kami kehendaki nescaya Kami kurniakan hidayat kepada setiap orang tetapi keputusan-Ku telah ditetapkan bahawa sesungguhnya Aku akan penuhkan Neraka dengan sekalian jin dan manusia (yang kafir)."(13)

Jika Allah kehendaki tentulah Dia jadikan untuk semua manusia itu satu jalan sahaja iaitu jalan hidayat sebagaimana Dia jadikan satu jalan sahaja untuk makhluk-makhluk yang lain yang berpedomankan ilham yang ada pada fitrahnya dan menjalani satu jalan sahaja di dalam kehidupannya seperti makhluk-makhluk serangga, burung, binatang atau makhluk-makhluk yang hanya mengenal ta'at dan patuh semata-mata seperti malaikat. Tetapi iradat Allah telah memutuskan bahawa makhluk yang bernama manusia ini diciptakan dengan satu tabi'at yang khusus iaitu tabi'at yang boleh menerima hidayat dan kesesatan, boleh memilih hidayat atau menyimpang

darinya agar dengan tabi'at yang khusus ini mereka memainkan peranan mereka di alam buana ini. Allah ciptakan manusia dengan tabi'at ini untuk sesuatu tujuan dan hikmat dalam perancangan alam buana ini, dan oleh sebab itulah Allah telah menentukan dalam perencanaannya bahawa Dia akan memenuhkan Neraka Jahannam dengan golongan jin dan manusia yang memilih kesesatan dan mengikuti jalan yang membawa kepada Neraka Jahannam.

Orang-orang yang berdosa yang dihadapkan kepada Tuhan mereka dengan kepala yang tunduk hina itu adalah orang-orang yang telah menerima keputusan Allah itu dan oleh kerana itu dikatakan kepada mereka:

فَذُوقُوا۟ بِمَا نَسِيتُمْ لِقَآءَ يَوْمِكُمْ هَٰذَآ إِنَّا نَسِينَٰكُمْ ۖ

"Oleh itu rasakanlah ('azab seksa) dengan sebab kamu telah melupakan pertemuan dengan hari kamu ini. Sesungguhnya Kami telah lupakan kamu."(14)

Kamu telah lupakan hari kamu sekarang ini. Kita kini berada di dalam pemandangan pada hari Akhirat. Maksudnya, rasakanlah 'azab ini dengan sebab kamu telah lupakan pertemuan dengan hari ini dan cuai membuat persediaan untuk menghadapinya, sedangkan kamu mempunyai masa yang luas. Rasakanlah 'azab ini **"Sesungguhnya Kami telah lupakan kamu"**. Allah sebenarnya tidak pernah lupakan seseorang pun, tetapi orang-orang yang berdosa itu telah dilayan dengan layanan orang-orang yang terbiar, tidak dipeduli dan dilupakan, iaitu satu layanan yang mengandungi penghinaan dan pengabaian:

وَذُوقُوا۟ عَذَابَ ٱلْخُلْدِ بِمَا كُنتُمْ تَعْمَلُونَ ﴿١٤﴾

"Dan rasakanlah 'azab yang kekal dengan sebab perbuatan-perbuatan yang dilakukan kamu."(14)

Kemudian tirai dilabuhkan menutup pemandangan itu sesudah disampaikan keputusan yang muktamad kepada mereka. Dan orang-orang yang berdosa itu ditinggalkan begitu sahaja kepada nasib kesudahan mereka yang hina itu. Di sini pembaca Al-Qur'an akan merasa ketika membaca ayat ini seolah-olah dia benar-benar telah meninggalkan mereka di sana dan seolah-olah mereka melihat dengan mata yang tidak berkelip semasa dia meninggalkan mereka. Inilah salah satu ciri istimewa penggambaran Al-Qur'an yang menggambarkan pemandangan-pemandangan yang hidup dan menarik hati manusia.

******

(Pentafsiran ayat-ayat 15 - 17)

Ciri-ciri Para Mu'minin

Tirai telah dilabuh menutup pemandangan itu kemudian diangkat kembali untuk menayangkan satu pemandangan yang lain, dengan bayangan dan suasana yang lain yang melepaskan bau harum yang menyenangkan jiwa dan menggembirakan hati. Itulah pemandangan golongan manusia yang beriman, yang khusyu' dan patuh beribadat kepada Allah. Mereka berdo'a kepadanya dengan hati yang gementar kerana takutkannya dan penuh keinginan dan harapan untuk mendapat limpah kurnia-Nya dan Allah telah menyediakan untuk mereka balasan-balasan yang tidak dapat dikhayalkan mereka:

إِنَّمَا يُؤْمِنُ بِـَٔايَٰتِنَا ٱلَّذِينَ إِذَا ذُكِّرُوا۟ بِهَا خَرُّوا۟ سُجَّدًا
وَسَبَّحُوا۟ بِحَمْدِ رَبِّهِمْ وَهُمْ لَا يَسْتَكْبِرُونَ ۩ ﴿١٥﴾
تَتَجَافَىٰ جُنُوبُهُمْ عَنِ ٱلْمَضَاجِعِ يَدْعُونَ رَبَّهُمْ
خَوْفًا وَطَمَعًا وَمِمَّا رَزَقْنَٰهُمْ يُنفِقُونَ ﴿١٦﴾
فَلَا تَعْلَمُ نَفْسٌ مَّآ أُخْفِىَ لَهُم مِّن قُرَّةِ أَعْيُنٍ جَزَآءًۢ
بِمَا كَانُوا۟ يَعْمَلُونَ ﴿١٧﴾

"Sesungguhnya orang-orang yang beriman kepada ayat-ayat Kami hanyalah orang-orang yang apabila diperingatkan dengan ayat-ayat itu mereka terus merebahkan diri sujud dan mereka bertasbih memuji Tuhan mereka. Dan mereka tidak bersikap angkuh(15). Lambung-lambung mereka berpisah dari tempat-tempat tidur (berjaga di malam hari) untuk berdo'a kepada Tuhan mereka kerana merasa takut dan menaruh harapan (mendapat rahmat-Nya) dan mereka menderma sebahagian dari rezeki yang Kami kurniakan kepada mereka(16). Tiada seorang pun yang mengetahui balasan yang menyenangkan mata yang disediakan untuk mereka sebagai ganjaran terhadap amalan-amalan yang dilakukan mereka."(17)

Inilah satu gambaran yang gemilang menggambarkan jiwa orang-orang yang beriman yang halus, jernih, peka dan sentiasa gementar kerana takutkan Allah, sentiasa bertawajjuh kepada Allah dengan penuh ta'at dan penuh menaruh harapan kepada-Nya tanpa menunjukkan sebarang perasaan sombong dan takbur. Inilah jiwa orang-orang yang beriman kepada ayat-ayat Allah dan menerimanya dengan hati yang sedar dan dhamir yang terang.

Mereka ini **"Apabila diperingatkan dengan ayat-ayat itu mereka terus merebahkan diri sujud"** kerana tertarik kepada ayat-ayat yang disampaikan kepada mereka dan kerana menghormati Allah apabila ayat-ayat-Nya diperingatkan kepada mereka, juga kerana menyedari keagungan-Nya yang hanya dapat dibalaskan dengan sujud sebagai menyatakan perasaan takzim yang tidak dapat diungkap melainkan dengan bertindak menyembamkan dahi mereka ke tanah **"Dan mereka bertasbih memuji Tuhan mereka"** bersama harakat jasad yang melakukan sujud **"Dan mereka tidak bersikap angkuh."** Itulah sahutan dan sambutan orang yang ta'at, khusyu' bertaubat dan menghayati kebesaran Allah Yang Maha Agung dan Maha Tinggi.

Kemudian Al-Qur'an menayangkan pemandangan yang menggambarkan harakat tubuh badan dan perasaan hati mereka sekilas pandang dalam satu ungkapan yang amat menarik yang menonjolkan gambaran harakat tubuh badan dan hati itu:

تَتَجَافَىٰ جُنُوبُهُمْ عَنِ ٱلْمَضَاجِعِ يَدْعُونَ رَبَّهُمْ خَوْفًا وَطَمَعًا وَمِمَّا رَزَقْنَٰهُمْ يُنفِقُونَ ﴿١٦﴾

"Lambung-lambung mereka berpisah dari tempat-tempat tidur (berjaga di malam hari) untuk berdo'a kepada Tuhan mereka kerana merasa takut dan menaruh harapan (mendapat rahmat-Nya) dan mereka menderma sebahagian dari rezeki yang Kami kurniakan kepada mereka."(16)

Mereka bangun mendirikan sembahyang malam, sembahyang 'Isya', sembahyang Witir, mereka sembahyang Tahajjud dan berdo'a kepada Allah, tetapi Al-Qur'an mengungkapkan kegiatan mendirikan solat ini dengan uslub yang lain iaitu **"Lambung-lambung mereka berpisah dari tempat tidur mereka."** Ungkapan ini menggambarkan tempat-tempat tidur di waktu malam itu seolah-olah memanggil lambung-lambung mereka supaya berbaring, berehat dan meni'mati tidur yang nyaman, tetapi lambung-lambung itu tidak menyahut panggilan itu, malah berusaha menentang panggilan tempat-tempat tidur yang enak itu kerana mereka sibuk dengan kerja yang lain. Inilah yang membuat mereka tidak menghiraukan tempat tidur yang empuk dan tidur yang nyaman itu. Mereka sibuk beribadat dan mengadap Tuhan. Mereka sibuk bertawajjuh kepada-Nya dengan perasaan penuh takut dan penuh harapan. Mereka terlambung di antara merasa takut dan menaruh harapan iaitu takut kepada 'azab Allah dan berharap mendapatkan rahmat-Nya, takut kepada kemurkaan-Nya dan berharap mendapat keredhaan-Nya, takut melakukan maksiat terhadap-Nya dan berharap mendapat taufik-Nya. Pengungkapan ayat ini menggambarkan perasaan-perasaan yang berkecamuk di dalam hati mereka itu dengan satu coretan yang membuat gambaran itu terbentang begitu jelas seolah-olah lembaga yang dapat disentuh. **"Untuk berdo'a kepada Tuhan mereka kerana merasa takut dan menaruh harapan"** di samping perasaan peka yang berkobar ini dan sembahyang yang khusyu' serta do'a yang hangat ini, mereka menunaikan pula kewaiipan mereka terhadap jama'ah Muslimin kerana menjunjung perintah Allah dan membersihkan diri mereka iaitu **"Mereka menderma sebahagian dari rezeki yang Kami kurniakan kepada mereka."**

Gambaran cemerlang yang penuh dengan perasaan peka yang halus ini ditemani pula dengan gambaran yang menggambarkan balasan istimewa yang amat tinggi dan unik, iaitu balasan yang memperlihatkan naungan ri'ayah Ilahi yang istimewa, penghormatan zati dan keraian Rabbani terhadap orang-orang yang beriman:

فَلَا تَعْلَمُ نَفْسٌ مَّآ أُخْفِىَ لَهُم مِّن قُرَّةِ أَعْيُنٍ جَزَآءًۢ بِمَا كَانُوا۟ يَعْمَلُونَ ﴿١٧﴾

"Tiada seorang pun yang mengetahui balasan yang menyenangkan mata yang disediakan untuk mereka sebagai ganjaran terhadap amalan-amalan yang dilakukan mereka."(17)

Ungkapan yang menarik ini menggambarkan penghormatan dan keraian Allah S.W.T. terhadap orang-orang yang beriman itu, menggambarkan bagaimana Allah sendiri mengendalikan persediaan balasan yang disimpan di sisi-Nya, iaitu balasan penghormatan yang menyenangkan hati. Tiada siapa pun yang melihat balasan itu selain dari Dia dan balasan itu akan terus berada di sisi-Nya dan terlindung dari mana-mana pengetahuan makhluk sehingga Dia sendiri yang mengemukakan balasan itu pada hari mereka bertemu dengan-Nya kelak. Ini adalah satu gambaran yang sungguh gemilang yang menggambarkan pertemuan penuh mesra dan mulia di hadapan Allah.

Ya Allah! Alangkah murahnya Dia melimpahkan ni'mat-Nya ke atas para hamba-Nya yang beriman. Alangkah banyaknya Dia mencurahkan limpah kurnia-Nya ke atas mereka. Siapakah gerangannya mereka biarpun sebanyak amalan dan ibadat mereka, biar pun sebanyak mana keta'atan dan harapan mereka - siapakah gerangannya mereka hingga Allah Jalla' Jalaluhu sendiri mengendalikan persediaan balasan yang disampaikan untuk mereka? Ia disimpan dengan penuh 'inayah dan ri'ayah, penuh mesra dan penuh keraian... siapakah gerangannya mereka jika tidak kerana limpah kurnia Allah Yang Maha Pemurah dan Pengurnia?

******

(Pentafsiran ayat-ayat 18 - 22)

Dasar Balasan Yang Adil

Di hadapan pemandangan orang-orang yang berdosa yang putus asa dan hina-dina itu dan pemandangan oang-orang beriman yang lemah lembut dan mulia itu disusuli puladengan penjelasan tentang dasar balasan yang adil yang membezakan di antara orang-orang yang melakukan kejahatan dengan orang-orang yang melakukan kebaikan di dunia dan di Akhirat, juga dasar yang meletakkan balasan pada amalan dengan berlandaskan asas yang adil dan halus:

أَفَمَن كَانَ مُؤْمِنًا كَمَن كَانَ فَاسِقًا ۚ لَّا يَسْتَوُۥنَ ﴿١٨﴾ أَمَّا ٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ وَعَمِلُوا۟ ٱلصَّٰلِحَٰتِ فَلَهُمْ جَنَّٰتُ ٱلْمَأْوَىٰ نُزُلًۢا بِمَا كَانُوا۟ يَعْمَلُونَ ﴿١٩﴾

وَأَمَّا ٱلَّذِينَ فَسَقُوا۟ فَمَأْوَىٰهُمُ ٱلنَّارُ ۖ كُلَّمَآ أَرَادُوٓا۟
أَن يَخْرُجُوا۟ مِنْهَآ أُعِيدُوا۟ فِيهَا وَقِيلَ لَهُمْ ذُوقُوا۟ عَذَابَ
ٱلنَّارِ ٱلَّذِى كُنتُم بِهِۦ تُكَذِّبُونَ ﴿٢٠﴾
وَلَنُذِيقَنَّهُم مِّنَ ٱلْعَذَابِ ٱلْأَدْنَىٰ دُونَ ٱلْعَذَابِ
ٱلْأَكْبَرِ لَعَلَّهُمْ يَرْجِعُونَ ﴿٢١﴾
وَمَنْ أَظْلَمُ مِمَّن ذُكِّرَ بِـَٔايَٰتِ رَبِّهِۦ ثُمَّ أَعْرَضَ عَنْهَآ ۚ
إِنَّا مِنَ ٱلْمُجْرِمِينَ مُنتَقِمُونَ ﴿٢٢﴾

"Apakah orang yang beriman itu sama dengan orang yang fasiq? Mereka sekali-kali tidak sama(18). Adapun orang-orang yang beriman dan mengerjakan amalan yang soleh mereka akan memperolehi Syurga-syurga kediaman sebagai penghormatan kerana amalan-amalan yang dilakukan mereka(19). Dan adapun orang-orang yang fasiq, maka tempat kediaman mereka ialah api Neraka. Setiap kali mereka mahu keluar darinya, mereka dikembalikan semula ke dalamnya dan dikatakan kepada mereka: Rasakanlah 'azab api Neraka yang telah didustakan kamu itu(20). Dan sesungguhnya Kami rasakan mereka 'azab dunia sebelum 'azab Akhirat yang amat besar supaya mereka kembali (ke jalan hidayat)(21). Dan tiada yang lebih zalim dari orang yang diberi peringatan dengan ayat-ayat Tuhannya, kemudian dia berpaling darinya. Sesungguhnya Kami tetap memberi balasan kepada orang-orang yang berdosa."(22)

Orang-orang yang beriman dan orang-orang yang munafiq tentulah tidak sama dari segi tabi'at, perasaan dan tingkahlaku dan kerana itu mereka tidak sama pula menerima balasan di dunia dan Akhirat. Orang-orang yang beriman mempunyai fitrah yang lurus. Mereka bertawajjuh kepada Allah dan mengamalkan sistem hidup Ilahi yang betul, sedangkan orang-orang yang fasiq pula sesat dan melakukan kerosakan di bumi dan tidak mengikuti jalan hidup yang menyampaikan kepada Allah yang sesuai dengan sistem hidup yang diaturkan Allah dan undang-undang-Nya yang sebenar. Oleh itu tidaklah hairan mengapa jalan orang-orang yang beriman itu berlainan dari jalan orang-orang yang fasiq di Akhirat, dan mengapa kedua-dua golongan itu masing-masing menerima balasan yang setimpal dengan bekalan amalan yang dilakukan mereka.

"Adapun orang-orang yang beriman dan mengerjakan amalan yang soleh mereka akan memperolehi Syurga-syurga Ma'wa" yang akan menempatkan mereka **"Sebagai rumah-rumah tamu"** untuk didiami mereka. Itulah ganjaran untuk mereka **"Kerana amalan-amalan yang dilakukan mereka."**

"Dan adapun orang-orang yang fasiq, maka tempat kediaman mereka ialah api Neraka" yang akan dimasuki mereka. Alangkah buruknya tempat kediaman itu. Lebih baik hidup terbuang sahaja dari tinggal di tempat kediaman seperti itu! **"Setiap kali mereka mahu keluar darinya mereka dikembalikan semula ke dalamnya"** ini adalah satu pemandangan yang menunjukkan adanya percubaan-percubaan melarikan diri dari Neraka kemudian mereka ditolak semula ke dalamnya. **"Dan dikatakan kepada mereka: Rasakanlah 'azab api Neraka yang telah didustakan kamu itu."** Itulah 'azab kecaman sebagai tambahan kepada 'azab ditolak ke dalam Neraka dan 'azab penyeksaan.

Itulah nasib kesudahan orang-orang yang fasiq di negeri Akhirat. Mereka tidak juga diabaikan begitu sahaja sehingga sampai kepada waktu itu, malah Allah mengancam mereka dengan penyeksaan di dunia ini sebelum 'azab di Akhirat:

وَلَنُذِيقَنَّهُم مِّنَ ٱلْعَذَابِ ٱلْأَدْنَىٰ دُونَ ٱلْعَذَابِ
ٱلْأَكْبَرِ لَعَلَّهُمْ يَرْجِعُونَ ﴿٢١﴾

"Dan sesungguhnya Kami rasakan mereka 'azab dunia sebelum 'azab Akhirat yang amat besar supaya mereka kembali (ke jalan hidayat)."(21)

Tetapi bayangan rahmat masih kelihatan di sebalik 'azab dunia ini, kerana Allah S.W.T. tidak suka mengazabkan hamba-Nya jika mereka tidak wajar menerima 'azab itu kerana perbuatan mereka dan jika mereka tidak berterusan melakukan perbuatan-perbuatan yang mewajibkan 'azab. Oleh kerana itu Allah memberi amaran kepada mereka bahawa Dia akan mengazabkan mereka di dunia ini **"supaya mereka kembali (ke jalan hidayat)"** agar fitrah mereka sedar kembali dan agar keseksaan 'azab itu dapat mengembalikan mereka ke jalan yang betul. Andainya mereka berbuat begitu sudah tentu mereka tidak akan menerima nasib kesudahan orang-orang fasiq yang kita lihat di dalam pemandangan mereka yang terseksa itu, tetapi andainya mereka diperingatkan dengan ayat-ayat Tuhan mereka dan mereka tidak menghiraukannya dan andainya mereka ditimpa keseksaan dunia, tetapi mereka tidak pulang ke pangkal jalan dan tidak juga mengambil pengajaran, maka mereka adalah golongan manusia yang zalim:

وَمَنْ أَظْلَمُ مِمَّن ذُكِّرَ بِـَٔايَٰتِ رَبِّهِۦ ثُمَّ أَعْرَضَ عَنْهَآ ۚ
إِنَّا مِنَ ٱلْمُجْرِمِينَ مُنتَقِمُونَ ﴿٢٢﴾

"Dan tiada yang lebih zalim dari orang yang diberi peringatan dengan ayat-ayat Tuhannya, kemudian dia berpaling darinya. Sesungguhnya Kami tetap memberi balasan kepada orang-orang yang berdosa."(22)

Maksudnya, tidak ada yang lebih zalim dari orang yang diberi peringatan dengan ayat-ayat Tuhannya. Merekalah orang-orang yang wajar menerima balasan 'azab di dunia dan Akhirat. **"Sesungguhnya Kami tetap memberi balasan kepada orang-orang**

yang berdosa." Alangkah ngerinya ancaman dari Allah Yang Maha Gagah dan Maha Agung terhadap manusia-manusia yang berdosa, sedangkan mereka lemah dan miskin.

******

(Pentafsiran ayat-ayat 23 - 25)

Penjelajahan itu berakhir dengan melihat nasib kesudahan orang-orang yang berdosa dan orang-orang yang soleh, hasil yang diterima oleh orang-orang yang beriman dan akibat yang menimpa orang-orang yang fasiq, juga pemandangan kedua-dua golongan manusia itu pada hari Qiamat yang diragui mereka, kemudian Al-Qur'an memulakan penjelajahan baru bernama Nabi Musa a.s. dan kaumnya serta risalahnya, iaitu satu penjelajahan pendek yang tidak lebih dari menyebut kitab suci yang diturunkan kepada Musa a.s., sebuah kitab yang telah dijadikan Allah sebagai pelita hidayat kepada Bani Israel sebagaimana Allah jadikan kitab suci Al-Qur'an yang diturunkan kepada Muhammad s.a.w. sebagai pelita hidayat kepada kaum Mu'minin. Penjelajahan itu juga menyebut titik pertemuan Rasul yang membawa Al-Qur'an dengan Rasul yang membawa Taurat. Mereka bertemu di atas agama yang satu dan di atas satu 'aqidah yang tetap. Seterusnya ia menyebut tentang, pemilihan orang-orang yang sabar dan yakin dari kaum Musa selaku pemimpin-pemimpin kaum mereka dengan tujuan menyarankan kepada orang-orang Islam di waktu itu supaya bersabar dan yakin, juga dengan tujuan untuk menerangkan sifat-sifat yang melayakkan mereka untuk menjadi pemimpin di bumi dan untuk mendapat kedudukan yang kuat dan teguh:

وَلَقَدْ ءَاتَيْنَا مُوسَى ٱلْكِتَٰبَ فَلَا تَكُن فِى مِرْيَةٍ
مِّن لِّقَآئِهِۦ ۖ وَجَعَلْنَٰهُ هُدًى لِّبَنِىٓ إِسْرَٰٓءِيلَ ﴿٢٣﴾
وَجَعَلْنَا مِنْهُمْ أَئِمَّةً يَهْدُونَ بِأَمْرِنَا لَمَّا صَبَرُوا۟ ۖ
وَكَانُوا۟ بِـَٔايَٰتِنَا يُوقِنُونَ ﴿٢٤﴾
إِنَّ رَبَّكَ هُوَ يَفْصِلُ بَيْنَهُمْ يَوْمَ ٱلْقِيَٰمَةِ فِيمَا
كَانُوا۟ فِيهِ يَخْتَلِفُونَ ﴿٢٥﴾

"Dan sesungguhnya Kami telah mengurniakan kitab Taurat kepada Musa. Oleh itu janganlah engkau berada di dalam sebarang keraguan bertemu dengannya (Musa) dan Kami jadikannya (Taurat) petunjuk kepada Bani Israel(23). Dan Kami jadikan dari kalangan mereka pemimpin-pemimpin yang memberi hidayat dengan perintah Kami apabila mereka bersabar dan yakin kepada ayat-ayat Kami(24). Sesungguhnya Tuhanmu akan mengadili di antara mereka di dalam perkara-perkara yang dipertikaikan mereka."(25)

Titik Pertemuan Di Antara Nabi Muhammad S.A.W. Dan Nabi Musa a.s.

Ungkapan selingan **"Oleh itu janganlah engkau berada di dalam sebarang keraguan tentang bertemu dengannya"** adalah ditafsir dengan satu pengertian yang dituju untuk meneguhkan pendirian Rasulullah s.a.w. supaya tetap memperjuangkan agama yang benar yang dibawa olehnya serta menerangkan bahawa agama itulah juga agama yang benar, yang sama dan tetap tidak berubah yang dibawa oleh Musa di dalam kitab Tauratnya. Itulah agama yang benar yang menjadi titik pertemuan dua Rasul dan dua kitab suci. Pentafsiran ini lebih rajih di sisi saya dari pentafsiran yang dibawa oleh setengah-setengah Mufassirin bahawa ayat ini membayangkan pertemuan Nabi s.a.w. dengan Nabi Musa a.s. pada malam Isra' dan Mi'raj, kerana pertemuan di atas agama yang benar dan tetap dan di atas 'aqidah yang sama itulah yang wajar disebut-sebutkan dan sesuai dengan maksud ayat yang bertujuan mengukuhkan pendirian Rasulullah s.a.w. dalam menghadapi pendustaan dan tentangan kaumnya yang diterima beliau, juga dalam menghadapi kesusahan dan kesulitan yang diterima orang-orang Islam. Ia juga sesuai dan selaras dengan ayat yang datang kemudiannya:

وَجَعَلْنَا مِنْهُمْ أَئِمَّةً يَهْدُونَ بِأَمْرِنَا لَمَّا صَبَرُوا۟ ۖ
وَكَانُوا۟ بِـَٔايَٰتِنَا يُوقِنُونَ ﴿٢٤﴾

"Dan Kami jadikan dari kalangan mereka pemimpin-pemimpin yang memberi hidayat dengan perintah Kami apabila mereka bersabar dan yakin kepada ayat-ayat Kami."(24)

Ayat ini bertujuan menyarankan kepada sekumpulan kecil orang-orang Islam di Makkah pada masa itu supaya bersabar seperti orang-orang yang dipilih Allah dari Bani Israel dan supaya mempunyai keyakinan seperti mereka agar mereka dapat menjadi pemimpin-pemimpin kaum Muslimin sebagaimana orang-orang yang terpilih dari Bani Israel itu menjadi pemimpin-pemimpin Bani Israel. Ayat ini juga bertujuan menerangkan jalan ke arah kepimpinan iaitu sabar dan yakin.

Adapun masalah pertelingkahan Bani Israel yang berlaku selepas itu, maka urusan mereka adalah terpulang kepada Allah:

إِنَّ رَبَّكَ هُوَ يَفْصِلُ بَيْنَهُمْ يَوْمَ ٱلْقِيَٰمَةِ فِيمَا
كَانُوا۟ فِيهِ يَخْتَلِفُونَ ﴿٢٥﴾

"Sesungguhnya Tuhanmu akan mengadili di antara mereka di dalam perkara-perkara yang dipertikaikan mereka."(25)

******

(Pentafsiran ayat 26)

Selepas itu Al-Qur'an membicarakan pula cerita para pendusta di dalam satu penjelajahan meninjau kebinasaan umat-umat yang terdahulu:

أَوَلَمْ يَهْدِ لَهُمْ كَمْ أَهْلَكْنَا مِن قَبْلِهِم مِّنَ
الْقُرُونِ يَمْشُونَ فِي مَسَاكِنِهِمْ ۚ إِنَّ فِي ذَٰلِكَ
لَآيَاتٍ ۖ أَفَلَا يَسْمَعُونَ ﴿٢٦﴾

"Tidakkah menjadi contoh yang memberi hidayat kepada mereka, iaitu berapa banyak umat yang Kami telah binasakan sebelum mereka, sedangkan mereka pernah berjalan di tempat-tempat kediaman mereka? Sesungguhnya peristiwa itu merupakan bukti-bukti kekuasaan Alah: Tidakkah mereka mendengar?"(26)

Kebinasaan Umat-Umat Yang Silam Seharusnya Dijadikan Contoh

Kebinasaan umat-umat yang telah lalu membuktikan tindakan Sunnatullah terhadap para pendusta. Sunnatullah tetap berjalan tanpa mungkir dan tanpa memilih bulu. Umat manusia adalah tunduk kepada undang-undang Allah yang tetap sama ada di dalam kemunculan dan kemusnahan mereka, sama ada di dalam kekuatan dan kelemahan mereka. Al-Qur'anul-Karim mengingatkan bahawa undang-undang itu adalah undang-undang yang tetap tidak berubah dan ia mengemukakan peristiwa-peristiwa kebinasaan umat-umat, yang silam, kesan-kesan umat yang lampau, runtuhan negeri-negeri yang terhapus atau negeri-negeri yang binasa dan sunyi sepi dari penduduk sebagai pameran-pameran untuk diambil pengajaran, untuk menyedarkan hati yang lalai, untuk merangsangkan perasaan yang peka dan menimbulkan rasa takut terhadap balasan Allah yang menyeksakan orang-orang yang zalim dan bermaharajalela, juga sebagai pameran untuk menunjukkan bahawa undang-undang Ilahi itu adalah undang-undang yang tetap tidak berubah. Dengan penjelasan seperti ini Al-Qur'an mempertingkatkan tahap pemikiran manusia dan neraca pertimbangan mereka supaya tidak ada umat atau tidak ada satu generasi pun yang terpencil di dalam batas-batas zaman dan tempat serta lupa kepada undang-undang Allah yang tetap itu di dalam kehidupan mereka, iaitu undang-undang yang terus berkuatkuasa di sepanjang zaman walaupun ramai manusia yang lupa mengambil i'tibar (dari peristiwa umat yang lampau) sehingga mereka ditimpa nasib kebinasaan yang sama.

Kesan-kesan kebinasaan umat-umat yang silam menyampaikan cerita-cerita yang ngeri dan mendalam kepada hati yang merasa dan deria yang melihat. Ia menyebabkan urat geramat mereka menggigil dan dhamir mereka gementar. Orang-orang Arab yang mula-mula ditujukan ayat ini kepada mereka memang berulang-alik di negeri-negeri tempat kediaman kaum 'Ad dan Thamud. Mereka juga melihat kesan-kesan kemusnahan kampung kaum-kaum Lut. Sikap yang dikecamkan Al-Qur'an ialah apabila cerita-cerita kebinasaan umat-umat yang silam itu dibentangkan kepada mereka dan kesan-kesan kemusnahan negeri-negeri yang dibinasakan Allah itu terpampang di hadapan mereka dan dilalui mereka, tetapi peristiwa-peristiwa ini tidak merangsangkan hati mereka, tidak menggerakkan kepekaan mereka, agar takut terhadap Allah dan mengelakkan diri mereka dari ditimpa nasib kesudahan seperti ini. Peristiwa-peristiwa itu tidak memberi hidayat kepada mereka dan tidak membuka mata mereka untuk mengambil tindakan-tindakan yang dapat menyelamatkan mereka dari ditimpa keputusan Allah yang akan menyeksa dan membinasakan mereka:

إِنَّ فِي ذَٰلِكَ لَآيَاتٍ ۖ أَفَلَا يَسْمَعُونَ ﴿٢٦﴾

"Sesungguhnya peristiwa itu merupakan bukti-bukti kekuasaan Allah. Tidakkah mereka mendengar?"(26)

Yakni tidakkah mereka mendengar kisah umat-umat yang telah lalu, yang mereka sendiri pernah berjalan melihat kesan-kesan kebinasaan di negeri-negeri tempat tinggal umat-umat itu atau tidakkah mereka mendengar amaran ini sebelum ia dikotakan dan sebelum mereka ditimpakan 'azab seksa?

******

(Pentafsiran ayat 27)

Selepas menyentuh hati mereka dengan peristiwa-peristiwa kebinasaan dan kemusnahan dengan kesan-kesannya yang menimbulkan perasaan takut dan gerun, gementar dan menggigil di dalam hati, Al-Qur'an menyentuh pula hati mereka dengan lukisan hayat yang berdenyut di bumi gersang dan membawa mereka menjelajah di bumi yang mati kemudian tumbuh subur sebagaimana ia telah membawa mereka menjelajah di negeri-negeri yang subur kemudian musnah dan binasa:

أَوَلَمْ يَرَوْا أَنَّا نَسُوقُ الْمَاءَ إِلَى الْأَرْضِ الْجُرُزِ
فَنُخْرِجُ بِهِ زَرْعًا تَأْكُلُ مِنْهُ أَنْعَامُهُمْ
وَأَنفُسُهُمْ ۖ أَفَلَا يُبْصِرُونَ ﴿٢٧﴾

"Tidakkah mereka lihat bagaimana Kami membawa air hujan ke bumi yang gersang lalu Kami keluarkan dengannya tanaman-tanaman yang dapat dimakan ternakan-ternakan mereka dan diri mereka sendiri. Mengapakah mereka tidak melihat?"(27)

Di bumi yang mati dan gersang, mereka melihat qudrat Allah membawa air yang menyuburkannya, tiba-tiba bumi itu berubah subur menghijau dengan tumbuhan-tumbuhan yang segar yang dapat dimakan ternakan-ternakan mereka dan diri mereka sendiri. Pemandangan bumi gersang yang berubah subur menghijau itu dapat membuka pintu hati yang tertutup untuk memahami rahsia hayat yang subur ini dan menyambutnya dan untuk merasakan kemanisan

dan kelembutannya dan seterusnya untuk merasakan kewujudan Allah yang mengurniakan hayat yang indah dan subur ini, iaitu merasakan perasaan kasih mesra dan hubungan yang rapat dengan Allah di samping merasakan kewujudan qudrat Allah Yang Maha Seni dan Maha Pencipta yang membuat hayat dan keindahan itu tersebar merata-rata di alam buana.

Demikianlah Al-Qur'an membawa hati manusia menjelajah di padang tanaman yang hidup subur setelah membawa mereka menjelajah di negeri-negeri yang ditimpa kebinasaan dan kemusnahan untuk merangsangkan perasaan mereka di sana sini dan menyedarkan mereka dari ketumpulan dan kehambaran minda dan kerana terlalu biasa dan lumrah melihat, dan untuk menghapuskan tabir-tabir yang menghalangi mereka dari pemandangan-pemandangan alam buana, dari rahsia-rahsia hayat dan dari contoh teladan peristiwa dan bukti-bukti sejarah.

******

(Pentafsiran ayat-ayat 28 - 30)

Hari Keputusan Pengadilan

Akhirnya tibalah bahagian penghabisan surah ini setelah menjelajah begitu jauh. Dalam bahagian ini Al-Qur'an mengesahkan tindak-tanduk mereka yang menuntut supaya dipercepatkan kedatangan 'azab yang dijanjikan kepada mereka dan sikap mereka yang meragui kebenaran amaran dan ancaman 'azab itu. Al-Qur'an memberi jawapan dan mengancam mereka dengan pelaksanaan keputusan 'azab yang dipinta mereka supaya disegerakan itu pada hari Qiamat kelak, di mana iman mereka tidak lagi berguna dan mereka tidak akan diberi tempoh untuk membetulkan kesalahan-kesalahan yang telah lepas. Surah ini diakhiri dengan sebuah perintah kepada Rasulullah s.a.w. supaya jangan menghiraukan mereka dan tinggalkan sahaja mereka kepada nasib kesudahan yang telah ditentukan kepada mereka:

وَيَقُولُونَ مَتَىٰ هَٰذَا ٱلْفَتْحُ إِن كُنتُمْ صَٰدِقِينَ ﴿٢٨﴾
قُلْ يَوْمَ ٱلْفَتْحِ لَا يَنفَعُ ٱلَّذِينَ كَفَرُوٓا۟ إِيمَٰنُهُمْ
وَلَا هُمْ يُنظَرُونَ ﴿٢٩﴾
فَأَعْرِضْ عَنْهُمْ وَٱنتَظِرْ إِنَّهُم مُّنتَظِرُونَ ﴿٣٠﴾

"Dan mereka berkata: Bilakah datangnya hari keputusan pengadilan ini jika kamu orang-orang yang benar(28). Katakanlah: Pada hari keputusan pengadilan itu tidak lagi berguna kepada orang-orang yang kafir keimanan mereka dan tidak pula mereka diberi tempoh(29). Oleh itu berpalinglah dari mereka dan tunggulah sesungguhnya mereka juga menunggu."(30)

Hari keputusan pengadilan ialah hari keputusan muktamad terhadap pertikaian di antara dua golongan manusia dan hari terlaksananya janji 'azab yang selama ini mereka telah tertipu kerana mempercayai bahawa hari itu tidak akan datang dalam waktu yang dekat. Mereka lupakan hikmat Allah yang telah menangguhkan kedatangan hari itu kepada masanya yang telah ditentukan. Kedatangan hari itu tidak akan dipercepat dan tidak akan diperlewatkan mengikut permintaan mereka dan mereka tidak berupaya menolak kedatangannya dan menyelamatkan diri darinya.

قُلْ يَوْمَ ٱلْفَتْحِ لَا يَنفَعُ ٱلَّذِينَ كَفَرُوٓا۟ إِيمَٰنُهُمْ
وَلَا هُمْ يُنظَرُونَ ﴿٢٩﴾

"Katakanlah: Pada hari pembukaan pengadilan itu tidak lagi berguna kepada orang-orang yang kafir keimanan mereka dan tidak pula mereka diberi tempoh."(29)

Sama ada hari keputusan muktamad itu dilakukan di dunia ini, iaitu mereka dibinasakan Allah di dunia dalam keadaan kafir, di mana mereka tidak diberi kesempatan dan tangguhan selepas itu dan keimanan mereka juga tidak berguna pada hari itu atau hari keputusan muktamad itu dilakukan di Akhirat, di mana mereka memohon diberi kesempatan dan tangguhan yang baru tetapi permohonan mereka ditolak.

Jawapan ini benar-benar melemahkan sendi-sendi tulang mereka dan menggoncangkan hati mereka kemudian diiringi pula dengan sebuah kenyataan akhir surah ini:

فَأَعْرِضْ عَنْهُمْ وَٱنتَظِرْ إِنَّهُم مُّنتَظِرُونَ ﴿٣٠﴾

"Oleh itu berpalinglah dari mereka dan tunggulah sesungguhnya mereka, juga menunggu."(30)

Di celah-celah ungkapan ini terdapat satu ancaman yang halus, iaitu ancaman terhadap akibat dari penungguan itu setelah Rasulullah s.a.w. berlepas tangan dari mereka dan membiarkan mereka kepada nasib kesudahan yang telah ditentukan kepada mereka.

******

Surah ini diakhiri dengan kenyataan yang amat mendalam ini setelah melakukan berbagai-bagai penjelajahan, mengemukakan berbagai-bagai saranan, mempamerkan berbagai-bagai pemandangan dan membentangkan berbagai-bagai penerangan yang menarik dan setelah berbicara dengan hati manusia dengan berbagai-bagai nada yang mengepung mereka dari segenap penjuru dan menutup kepada mereka segala jalan mengelakkan diri.

(Diiringi Jilid Yang Kelapan)